LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA

MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2006

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2006

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

Muka Surat

KATA PENDAHULUAN vii
INTISARI LAPORAN xi

BAHAGIAN I
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN 3

JABATAN PERDANA MENTERI
Jabatan Perkhidmatan Awam / Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
2. Pengurusan Pewujudan Dan Pengisian Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam 3

KEMENTERIAN KEWANGAN
Perbendaharaan Malaysia
3. Pengurusan Tunggakan Hasil Kerajaan Persekutuan 33
4. Keberkesanan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun 53

Lembaga Hasil Dalam Negeri
5. Aktiviti Audit Luar Terhadap Cukai Pendapatan Syarikat 72

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
6. Pengurusan Perakaunan Hasil Melalui Sistem Maklumat Kastam 89

KEMENTERIAN LUAR NEGERI
7. Pengurusan Hartanah Pejabat Perwakilan Luar Negara 118
8. Projek Ubahsuai Dan Naik Taraf Bangunan Kompleks Pejabat Perwakilan Malaysia Di Singapura 138

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
9. Pengurusan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan 146
10. Pengurusan Skim Subsidi Harga Padi 166

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
Jabatan Pembangunan Koperasi
11. Pengurusan Tabung Modal Pusingan 178

KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI
12. Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat 191

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
13. Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal 216

Perbadanan Putrajaya
14. Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal 239

KEMENTERIAN PELAJARAN
15. Program Peluasan Pendidikan Prasekolah 251

KEMENTERIAN KESIHATAN
16. Pengurusan Perkhidmatan Ambulans 275

Muka Surat

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
Institut Kemahiran Belia Negara
17. Pengurusan Peralatan 296

KEMENTERIAN PENERANGAN
18. Pembinaan Bangunan Radio Televisyen Malaysia Seremban 336

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASYARAKAT
19. Pengurusan Bantuan Kewangan Kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) 348

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
20. Pengurusan Aktiviti Kolej Komuniti 369

KEMENTERIAN PERTAHANAN
21. Pengurusan Pakaian Kombat Dan Peralatan Tempur Individu Tentera Darat 388
22. Perolehan Kapal Peronda Tentera Laut DiRaja Malaysia 402

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
Jabatan Imigresen
23. Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Kerja 435

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
Polis Diraja Malaysia
24. Pengurusan Perolehan Helikopter Mi-171 456
25. Aktiviti Penguatkuasaan Trafik 477
26. Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang 502

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

27. PENDAHULUAN 515
28. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SECARA KESELURUHAN 515
29. PENGAWASAN TERHADAP SYARIKAT KERAJAAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN 528
30. PENGURUSAN AKTIVITI SYARIKAT 530
31. PENGURUSAN INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD. 531
32. PENGURUSAN INDAH WATER KONSORTIUM SDN. BHD. 555
33. PENGURUSAN MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD. 583
34. RUMUSAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN SECARA MENYELURUH 611

BAHAGIAN III
KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

35. PENDAHULUAN 615
36. PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN 615
37. PELAKSANAAN AKTIVITI SYARIKAT KERAJAAN 660

PENUTUP 677

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut :-

1.1. Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Mulai tahun ini, Laporan saya hasil daripada pengauditan prestasi terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaporkan berasingan daripada Laporan saya berhubung dengan pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Tahun 2006 dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan. Pengasingan ini dibuat bagi memudahkan rujukan dan memberi lebih impak kepada perkara-perkara yang dibangkitkan. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan Tahun 2006 ini mengandungi 3 bahagian seperti berikut :-

Bahagian I	**:**	**Laporan Mengenai Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan**
Bahagian II	**:**	**Laporan Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan**
Bahagian III	**:**	**Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005**

3. Seksyen 6(d) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menentukan sama ada aktiviti-aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cara yang cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Bagi memenuhi kehendak Akta ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 29 pengauditan prestasi sepanjang tahun 2006. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai dan program peningkatan sosio ekonomi. Hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti-aktiviti itu mendapati pada umumnya

Kementerian/Jabatan telah membuat perancangan bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaan aktiviti, terdapat beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan, penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan yang berkesan.

4. Pada 19 November 2003, Ketua Audit Negara telah menerima perintah daripada Yang di-Pertuan Agong supaya menjalankan pengauditan terhadap syarikat di mana Kerajaan memegang lebih daripada 50% ekuitinya dan syarikat-syarikat yang mendapat pinjaman/geran daripada Kerajaan. Selaras dengan perintah tersebut, pada tahun 2006, Jabatan Audit Negara telah menjalankan penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat-syarikat Kerajaan bagi tahun 2005 dan juga menjalankan pengauditan terhadap pengurusan aktiviti 3 syarikat Kerajaan. Hasil daripada pengauditan itu mendapati 36 syarikat Kerajaan memperolehi pendapatan berjumlah RM195.71 bilion pada tahun 2005 berbanding RM153.60 bilion pada tahun 2004. Sebanyak 19 daripada 36 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM70.90 bilion. Manakala 26 syarikat telah membayar cukai berjumlah RM22.31 bilion. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti syarikat pula mendapati secara umumnya syarikat-syarikat berkenaan juga telah merancang aktivitinya dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki khususnya berhubung dengan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan.

5. Semua Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif syarikat yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan melalui Laporan saya bagi tahun 2005 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan. Pada umumnya, Kementerian/Jabatan yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
28 Jun 2007

INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/ SYARIKAT KERAJAAN

JABATAN PERDANA MENTERI
Jabatan Perkhidmatan Awam/Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- Pengurusan Pewujudan Dan Pengisian Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam

Pada umumnya, urusan pewujudan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut :-

a. Peringkat Jabatan Perkhidmatan Awam - Pewujudan Jawatan

- Terdapat kes di mana Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak dapat memproses permohonan pewujudan jawatan dengan awal kerana ketidaksempurnaan kertas cadangan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi. Ada kalanya permohonan juga tidak terus diproses untuk memberikan laluan kepada permohonan *ad-hoc* yang memerlukan tindakan segera. Bagi mengatasi kelewatan memproses pewujudan jawatan, JPA patut mengedarkan Panduan Tatacara Permohonan Perjawatan yang telah disediakannya kepada semua jabatan/agensi. Setiap pegawai yang menerima permohonan juga dikehendaki menggunakan Senarai Semak Kepada Proses Kerja Kajian Perjawatan yang sedia ada bagi memastikan setiap permohonan itu lengkap.

- Tiada polisi yang menetapkan kekerapan kajian semula terhadap perjawatan perlu dibuat. Ini menyebabkan kekerapan jabatan/agensi mengemukakan permohonan ke JPA berbeza-beza. Polisi ini perlu ditetapkan supaya JPA dapat merancang penggunaan sumber-sumbernya.

- Ketua Perkhidmatan berkenaan tidak dimaklumkan semasa proses pewujudan dan kelulusan jawatan kader sama ada oleh jabatan/agensi atau JPA. Ini bukan sahaja menyebabkan kelewatan pengisian jawatan berkenaan malahan Ketua Perkhidmatan juga tidak dapat merancang kedudukan guna tenaganya. Ketua Perkhidmatan perlu dimaklumkan jika ada jawatan kader yang diluluskan supaya keperluan ini dapat diambil kira semasa Ketua Perkhidmatan berkenaan merancang permohonan pengambilan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan seterusnya memastikan jawatan kader dapat diisi dengan segera.

- Bahagian Pembangunan yang khusus untuk menguruskan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan perlu diwujudkan di Kementerian yang telah diberikan peruntukan kewangan yang besar untuk melaksanakan projek pembangunan. Sehubungan ini, Kementerian berkenaan perlu mengkaji semula

kedudukan perjawatan masing-masing bagi menyesuaikannya dengan keperluan dan beban tugas semasa.

- JPA perlu melaksanakan naziran secara tetap bagi memastikan jabatan/agensi mengambil tindakan segera mengisi kekosongan jawatan yang diluluskan serta memohon pemansuhan bagi jawatan yang tidak diperlukan. Naziran juga perlu untuk mengesan sama ada wujudnya kelemahan sistem penyampaian di jabatan/agensi yang berpunca daripada kekurangan kakitangan.

b. Peringkat Pengisian Jawatan - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tidak dapat membekalkan calon yang berjaya dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 8 minggu bagi yang tidak memerlukan ujian khas dan 16 minggu bagi yang memerlukannya. Ini adalah kerana proses tapisan calon untuk ditemu duga secara puratanya mengambil masa 36 hari dan proses temu duga pula secara puratanya mengambil masa 57 hari. Sehubungan ini, SPA patut mengenal pasti langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mempercepatkan proses tapisan dengan mempertingkatkan tahap keupayaan sistem komputer yang sedia ada dan di mana bersesuaian, temu duga secara berkumpulan dilaksanakan.

KEMENTERIAN KEWANGAN
Perbendaharaan Malaysia
- Pengurusan Tunggakan Hasil Kerajaan Persekutuan

Jumlah tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan telah meningkat daripada setahun ke setahun. Setakat 31 Disember 2006, jumlah tunggakan hasil Persekutuan ialah RM14.62 bilion berbanding RM12.06 bilion pada akhir tahun 2005 dan RM9.43 bilion pada akhir tahun 2004. Sejumlah RM9.23 bilion daripada tunggakan hasil pada akhir tahun 2006 telah tertunggak melebihi 3 tahun. Secara keseluruhannya, tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan tidak diuruskan dengan teratur. Terdapat beberapa kelemahan berhubung dengan pengurusan tunggakan hasil di peringkat Kementerian/Jabatan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Perbendaharaan Malaysia seperti berikut :-

a. Kementerian/Jabatan sering kali tersilap melaporkan tunggakan hasil pada akhir tahun yang berpunca daripada rekod mengenainya tidak disediakan dengan lengkap dan tidak kemas kini. Adalah disyorkan Pegawai Pengawal memastikan semua rekod berkaitan dengan hasil disediakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan pemantauan terhadap urusan tunggakan hasil. Pegawai Pengawal juga perlu menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada tunggakan hasil berlaku akibat daripada kecuaian pegawainya sebelum mengemukakan permohonan untuk dihapus kira.

b. Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) juga didapati tidak tepat kerana JANM hanya menyatukan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang diterimanya daripada Kementerian/Jabatan tanpa menyemak terlebih dahulu ketepatannya. Ini menyebabkan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang disediakan oleh JANM tidak menunjukkan gambaran yang sebenar. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya

tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan ditunjukkan sebagai Nota kepada Akaun Awam Kerajaan Persekutuan atau dalam Memorandum Akaun Awam Kerajaan Persekutuan. Dengan ini, tunggakan hasil akan dilaporkan dengan lebih teliti dan berhati-hati oleh semua pihak yang terlibat demi meningkatkan akauntabiliti dalam urusan tunggakan hasil.

c. Kelemahan juga didapati di peringkat Perbendaharaan Malaysia khususnya berhubung dengan hapus kira tunggakan hasil. Didapati Perbendaharaan Malaysia mengambil masa yang lama untuk mempertimbangkan permohonan hapus kira tunggakan hasil yang diterima daripada Kementerian/Jabatan di mana ada antaranya mengambil masa selama 6 tahun. Rekod berhubung dengan permohonan hapus kira dan keputusan mengenainya juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 berhubung dengan tatacara menyelenggara dan melapor tunggakan hasil, masih belum dikaji semula untuk disesuaikan dengan keperluan semasa. Didapati pekeliling ini mempunyai kelemahan yang berikut :-

   - Hanya menghendaki 5 Kementerian/Jabatan melaporkan kedudukan tunggakan hasil sebanyak 2 kali setahun iaitu pada 30 Jun dan 31 Disember manakala Kementerian/Jabatan lain hanya sekali setahun iaitu pada 31 Disember. Ini menyebabkan kedudukan tunggakan hasil setakat bulan Jun hanya dapat dilaporkan oleh JANM untuk 5 Kementerian/Jabatan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Penerangan, Kementerian Kemajuan Tanah Dan Kemajuan Wilayah serta Kementerian Pengangkutan.

   - Pekeliling tersebut hanya menghendaki Kementerian/Jabatan melaporkan usia tunggakan hasil yang melebihi 1 tahun; lebih dari 1 tahun hingga 2 tahun; lebih dari 2 tahun hingga 3 tahun dan lebih dari 3 tahun. Tanpa menyatakan usia tunggakan hasil yang melebihi 3 tahun, JANM tidak dapat menentukan sama ada terdapat hasil yang tertunggak melebihi 6 tahun yang tidak lagi dapat dipungut seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Had Masa 1953.

d. Memandangkan jumlah tunggakan hasil adalah besar dan sentiasa meningkat setiap tahun, Perbendaharaan Malaysia patut mewujudkan satu unit khusus untuk memudahkan pemantauan terhadap urusan tunggakan hasil bagi memastikan Kementerian/Jabatan mengemukakan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang tepat dan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, Kementerian/Jabatan patut diminta mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil mereka setiap 6 bulan dengan menyatakan juga usia hasil yang tertunggak melebih 6 tahun.

e. Ketidakcekapan mengutip tunggakan hasil telah merugi dan mencemarkan imej Kerajaan terutamanya apabila tunggakan hasil yang tidak dapat kutip terpaksa dihapus kira. Tindakan surcaj hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang cuai dalam melaksanakan kutipan hasil Kerajaan. Jika ia melibatkan jenayah pecah amanah dalam mengurus kutipan hasil, tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat.

KEMENTERIAN KEWANGAN
Perbendaharaan Malaysia
- *Keberkesanan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun* (JPKA)

Pada amnya, JPKA Kementerian masih belum berfungsi dengan berkesan untuk menangani masalah pengurusan kewangan memandangkan kelemahan pengurusan kewangan yang sama masih terus berlaku. Bagi mempertingkatkan keberkesanan JPKA di Kementerian adalah disyorkan perkara-perkara berikut diberi pertimbangan oleh pihak-pihak yang terlibat :-

a. Bagi memudahkan Perbendaharaan Malaysia memantau pelaksanaan JPKA di Kementerian dan meningkatkan lagi komitmen Kementerian, setiap JPKA di peringkat Kementerian perlu mengemukakan perancangan tahunannya kepada Perbendaharaan Malaysia. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal perlu merancang dengan teliti dan terperinci dari segi agenda, menetapkan prioriti isu, menentukan kaedah penyelesaian dan jadual mesyuarat.

b. Perbendaharaan Malaysia disyorkan mengkaji supaya Laporan JPKA dari Kementerian hanya dikemukakan dua kali saja dalam setahun. Laporan ini tidak lagi hanya mengemukakan statistik kewangan tetapi perlu menyatakan prestasi JPKA tersebut seperti berikut :-

    - Pencapaian JPKA Kementerian dalam mengesan dan menyelesaikan masalah pengurusan kewangan dengan menyatakan keputusan, pelan tindakan dan impak daripada tindakan yang diambil.
    - Butiran tentang bilangan mesyuarat JPKA, mesyuarat jawatankuasa kecil, serta inisiatif yang telah diambil oleh Jawatankuasa untuk memperbaikinya.
    - Pencapaian JPKA diperingkat PTJ

c. Setiap JPKA di Kementerian perlu memberi tumpuan untuk menyelesaikan masalah pengurusan kewangan secara *preventive* selain penyelesaian *corrective.* Keberkesanan sistem dan prosedur yang diujudkan perlu diberi penekanan. Unit Audit Dalam sepatutnya digunakan untuk mengkaji *root cause* sesuatu masalah pengurusan kewangan dan mencadangkan kaedah penyelesaiannya.

d. Setiap Kementerian perlu memastikan ketepatan maklumat dalam Laporan Suku Tahun JPKA sebelum ianya dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia.

KEMENTERIAN KEWANGAN
Lembaga Hasil Dalam Negeri
- *Aktiviti Audit Luar Terhadap Cukai Pendapatan Syarikat*

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menjalankan pengauditan di premis pembayar cukai untuk mengesahkan ketepatan butiran borang cukai pendapatan, akaun yang telah diaudit dan penyata pengiraan cukai yang dikemukakan oleh pembayar cukai dengan dokumen sokongan dan rekod yang disimpan. Pengauditan ini dikenali sebagai Audit Luar. Bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Jun 2006, LHDN melalui

27 cawangannya telah menyelesaikan pengauditan terhadap 7,215 syarikat yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM1.21 bilion. Bagi mempertingkatkan aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat adalah disyorkan supaya LHDN memberikan perhatian kepada perkara berikut :-

a. LHDN patut menambah anggotanya untuk menjalankan Audit Luar supaya bilangan syarikat yang diaudit dapat ditambah. Sekiranya kadar 2% daripada syarikat yang ada untuk diaudit dikekalkan, LHDN akan mengambil masa selama 50 tahun untuk memeriksa kesemua syarikat tersebut.

b. Bagi menggalakkan syarikat menyelesaikan kes dalam tempoh yang ditetapkan, kadar penalti patut dikaitkan dengan tempoh kes diselesaikan, tahap kerjasama syarikat dan bilangan bayaran ansuran yang dipohon oleh syarikat.

c. Pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes perlu dipertingkatkan untuk memastikan ianya diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

d. Pendapatan bercukai yang kurang dilaporkan patut ditaksirkan sepenuhnya kerana Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan LHDN mengurangkan taksiran cukai. Manakala kes penipuan cukai yang melibatkan belian palsu perlu didakwa mengikut kuasa yang diberikan di bawah seksyen 114 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi mengenakan penalti khas sebanyak 300%.

e. Syarikat-syarikat yang telah dipilih melalui kaedah analisis risiko untuk diperiksa patut diminta terlebih dahulu mengkaji semula dan membetulkan pengiraan cukai pendapatan mereka secara sukarela. Maklum balas yang diterima akan membolehkan LHDN mengurangkan beban kerja Pegawai Audit Luar dan menambah bilangan kes yang dapat diselesaikan.

f. Kelulusan terhadap bayaran ansuran cukai pendapatan perlu mengikut syarat yang ditetapkan. Manakala kelulusan penyelesaian kes perlu mengikut peringkat pegawai yang ditetapkan dan diperolehi terlebih dahulu daripada pegawai yang bertanggungjawab sebelum tindakan yang sewajarnya diambil terhadap syarikat berkenaan.

g. Bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDN perlu mendapatkan cek tertangguh atau *standing order* terhadap semua syarikat yang dibenarkan membayar cukai pendapatan secara ansuran, kaveat hartanah syarikat atau penguatkuasaan pemungutan tunggakan cukai melalui tindakan guaman sivil terhadap syarikat dan pengarah yang memiliki saham syarikat melebihi 50% mengikut peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

h. Arahan perlu dikeluarkan bagi mengarahkan Pegawai Audit Luar menginput data ke modul audit dalam Sistem Taksir Sendiri sebaik sahaja sesuatu proses kerja disiapkan. Selain itu, Ibu Pejabat LHDN juga hendaklah menentukan semua cawangannya mengemukakan laporan kemajuan kerja bulanan bagi setiap kes yang diperiksa. Lawatan mengejut perlu dilakukan terhadap pasukan Pegawai Audit Luar yang bertugas di premis syarikat untuk memastikan mereka melaksanakan tugas mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
- Pengurusan Perakaunan Hasil Melalui Sistem Maklumat Kastam

a. Sistem Maklumat Kastam (SMK) telah dibangunkan dalam 3 fasa dan telah disiapkan antara tempoh tahun 1998 hingga 2004 dengan kos berjumlah RM290.12 juta. Secara umumnya, projek SMK tidak dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

- Kelemahan perancangan menyebabkan 10 kontrak tambahan bernilai RM30.18 juta terpaksa dibuat. Kelemahan perancangan tersebut menyebabkan kos projek SMK meningkat daripada RM259.94 juta kepada RM290.12 juta dan projek ini juga lewat disiapkan antara 12 bulan hingga 52 bulan bagi setiap fasa.
- Sungguhpun 10 modul dalam Aplikasi Perakaunan Hasil telah dibangunkan, namun semua modul tersebut tidak digunakan sepenuhnya. Antara faktor yang menyebabkan modul-modul berkenaan tidak digunakan sepenuhnya di sebahagian stesen kastam adalah kerana SMK telah dibangunkan dalam persekitaran *Disk Operating System* (DOS) yang tidak mesra pengguna di mana pengguna hanya dapat melihat satu tetingkap berbanding dengan *windows based* yang membolehkan pengguna melihat beberapa tetingkap pada sesuatu masa. Ini bermakna pengguna hanya dapat mengakses satu bentuk maklumat pada sesuatu masa. Selain itu, ada anggota yang tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk menggunakan aplikasi yang dibangunkan. Aplikasi Perakaunan Hasil juga tidak digunakan sepenuhnya kerana tiada arahan dari pihak atasan.
- Pegawai komputer dari Cawangan Teknologi Maklumat tidak terlibat secara langsung dalam reka bentuk dan pembangunan sistem aplikasi. Oleh itu, vendor tidak berjaya melaksanakan peralihan teknologi dan *know-how* kepada pegawai Jabatan Kastam khususnya bidang pengurusan projek, reka bentuk sistem, sistem pengurusan pangkalan data, sistem *tuning* dan penyenggaraan sistem. Dengan tiadanya peralihan teknologi, Jabatan Kastam bergantung sepenuhnya kepada vendor untuk mengendali dan menyenggarakan projek SMK. Didapati Jawatankuasa Pemandu ICT juga tidak pernah bermesyuarat pada tahun 2005 dan 2006 dan Jawatankuasa tersebut yang dilantik semula juga hanya bermesyuarat satu kali pada tahun 2006.

b. Bagi memastikan perbelanjaan yang telah dibuat untuk membangunkan SMK tidak menjadi perbelanjaan yang sia-sia, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara yang berikut :-

- Jabatan Kastam patutlah menggunakan semua modul yang telah dibekalkan khususnya yang melibatkan perakaunan hasil supaya urusan berhubung dengan pungutan, pengeluaran resit, pengesahan terhadap ketepatan cukai yang dipungut dan pemantauan terhadap pihak-pihak yang mempunyai tunggakan cukai dapat dibuat dengan cekap dan berkesan.

- Modul *Multiple Electronic Fund Transfer* adalah baik bagi memudahkan ejen/pembayar cukai membayar cukai kastam di samping keselamatan wang terjamin. Bagi meluaskan penggunaannya ke lain-lain stesen pemungut, Jabatan Kastam dan penyedia kemudahan (Dagang*Net) perlu meningkatkan tahap jangka masa respons terutama mengenai status 'bayaran telah dibuat' bagi membolehkan barangan dagangan dapat dilepaskan dari kawalan kastam dengan segera.
- Memandangkan tunggakan hasil Jabatan Kastam adalah berjumlah RM340.27 juta bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006, Jabatan Kastam sepatutnya memastikan modul *Bill Of Demand* dan *Bayaran Ansuran* digunakan sepenuhnya bagi memudahkannya mengesan pembayar cukai yang lewat membayar cukai di samping memantau kedudukan tunggakan mereka.
- Bagi mengelakkan perkhidmatan kepada pelanggan tidak terjejas akibat daripada gangguan sistem atau talian, penggunaan modul PC POS *Offline* adalah penting untuk membolehkan urusan pungutan cukai dibuat walaupun semasa gangguan talian.
- Jawatankuasa Pemandu ICT perlu meningkatkan pemantauannya dengan mengadakan mesyuarat secara *regular* bagi memastikan sistem yang dibangunkan dapat membantu Jabatan Kastam melaksanakan fungsinya dengan lebih cekap dan berkualiti.

c. Bagi meningkatkan kawalan terhadap pelaksanaan SMK, Jabatan Kastam perlu mewujudkan prosedur berkaitan dengan pengurusan kata pengenalan (ID) pengguna di samping memastikan semua perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan Keselamatan ICT Perkhidmatan Awam dipatuhi. Bagi memastikan Meja Bantuan berfungsi dengan berkesan, panduan yang lengkap hendaklah disediakan dan perisian khusus untuk mengendalikan Meja Bantuan juga patut diperolehi bagi menggantikan penggunaan daftar secara manual. Bagi menjamin kesinambungan operasi Sistem Maklumat Kastam dan Aplikasi Perakaunan Hasil secara khususnya, pihak Kastam perlu mempunyai satu pelan pemulihan bencana. Keadaan ini akan dapat mengelakkan gangguan terhadap operasi sistem sekiranya berlaku sebarang masalah yang tidak dijangka.

d. Jabatan Audit Negara telah dimaklumkan bahawa ketika ini Jabatan Kastam sedang dalam proses membangunkan sistem yang baru iaitu Pelan Strategik Teknologi Maklumat untuk menggantikan SMK. Bagi tujuan ini, Jabatan Kastam telah melantik Syarikat Deloitte Consulting Malaysia Sdn. Bhd. sebagai pakar perunding bagi membangunkan sistem itu dengan anggaran kos RM451.30 juta bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011. Sehubungan ini, pihak Audit berpendapat Jabatan Kastam tidak sepatutnya membangunkan sistem baru. Sebaliknya, Jabatan perlu terlebih dahulu mengkaji dan memastikan penggunaan aplikasi SMK yang sedia ada dioptimumkan. Ini bagi mengelakkan tanggapan negatif daripada orang awam bahawa perbelanjaan yang telah dibuat dalam pembangunan aplikasi tersebut adalah sia-sia dan membazirkan wang Kerajaan.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

- *Pengurusan Hartanah Pejabat Perwakilan Luar Negara*

a. Pada umumnya, pengurusan hartanah pejabat-pejabat perwakilan di luar negara adalah kurang memuaskan sama ada di peringkat perancangan, pelaksanaan mahupun pemantauan. Antara perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut :-

- Prestasi pelaksanaan projek bagi RMK-8 adalah tidak memuaskan di mana hanya 6 daripada 27 projek sahaja yang dapat dilaksanakan dalam tempoh berkenaan.
- Hanya 76 daripada 90 hartanah Kerajaan Malaysia di luar negara telah mempunyai dokumen pemilikan hartanah yang rasmi.
- Pada keseluruhannya, keadaan fizikal bangunan dan persekitaran pejabat perwakilan yang dilawati adalah kurang memuaskan akibat daripada kurang penyenggaraan, khususnya penyenggaraan *preventive*.
- Tahap keselamatan di 7 pejabat perwakilan luar negara adalah kurang memuaskan yang boleh membawa risiko keselamatan kepada pejabat. Sebagai contoh, c*losed circuit television* (CCTV) dipasang tidak mencukupi/tidak berfungsi, keadaan pagar yang tidak selamat dan alat penggera yang tidak berfungsi.

b. Bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan hartanah di luar negara, adalah disyorkan Kementerian memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Kementerian perlu menyediakan jadual pelaksanaan projek, peruntukan kewangan yang mencukupi dan pemantauan yang rapi supaya semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, Kementerian hendaklah mendapatkan hak milik atas nama Kerajaan Malaysia bagi setiap hartanah yang dibeli. Selain itu, daftar hartanah yang kemas kini hendaklah diselenggarakan di Kementerian Luar Negeri, pejabat perwakilan dan Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan.
- Menentukan keperluan penyenggaraan hartanah di semua pejabat perwakilan di luar negara dengan melakukan pemeriksaan sekurang-kurangnya setahun sekali di semua pejabat perwakilan bagi mengetahui kedudukan sebenar bangunan serta kemudahan yang perlu disenggarakan sama ada dari segi *structural,* elektrik dan *mechanical.* Bagi memastikan penyenggaraan hartanah di luar negara dapat dilaksanakan dengan baik, ia juga perlu dirancang dan diselia oleh pegawai yang mempunyai kepakaran teknikal.
- Kementerian sepatutnya mengambil tindakan untuk melupuskan barang-barang yang tidak diperlukan lagi bagi mengoptimumkan penggunaan ruang yang sedia ada agar dapat digunakan untuk tujuan yang lebih bermakna.
- Kementerian perlu memastikan semua pejabat perwakilan luar negara mempunyai tahap keselamatan bangunan yang baik bagi mengelakkan berlakunya sebarang pencerobohan di kawasan kompleks pejabat perwakilan. Sehubungan ini, Kementerian hendaklah memastikan CCTV adalah mencukupi

dan sentiasa berfungsi dengan baik. Selain itu, suatu bentuk "Pelan Tindakan Kecemasan/Bencana" hendaklah disediakan di mana 3 aspek utama keselamatan hendaklah digariskan iaitu dari segi *natural disaster* (kebakaran, banjir, ribut dsb), *humanistic factors* (pencerobohan, kecurian, ancaman keganasan) dan *ICT threats* (hackers, dan *viruses*).

- Membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 4 jawatan kader teknikal di Kementerian khususnya dalam bidang ukur bahan; seni bina; elektrik dan mekanikal. Pasukan teknikal baru ini dapat membantu Kementerian mempercepatkan proses membuat keputusan berkaitan hal-hal teknikal terutamanya di dalam pengurusan hartanah di luar negara.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

- *Projek Ubahsuai Dan Naik Taraf Bangunan Kompleks Pejabat Perwakilan Malaysia Di Singapura*

a. Pada umumnya, terdapat kelemahan di peringkat perancangan dan pelaksanaan projek ini. Akibat daripada perancangan yang kurang teliti, sebanyak 21 Arahan Perubahan Kerja (APK) melibatkan kos berjumlah S$1.86 juta (RM4.28 juta) terpaksa diluluskan. Ini telah menyebabkan projek ini lewat disiapkan selama 10 bulan dan setakat ini kos projek telah meningkat sejumlah S$0.52 juta bersamaan RM1.20 juta (akaun muktamad belum disediakan). Kelewatan menyiapkan projek ini juga berpunca daripada kelewatan menerima maklum balas yang diperlukan oleh kontraktor daripada pihak JKR/Kementerian Luar Negeri/Pejabat Perwakilan Malaysia di Singapura. Ketiadaan pegawai JKR ditempatkan sepenuh masa di Singapura juga menyebabkan beberapa bayaran kemajuan lewat dibuat.

b. Memandangkan Kementerian Luar Negeri mempunyai beberapa projek pembangunan hartanah di bawah RMK-9, Kementerian ini perlu mengambil iktibar daripada kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan projek ubah suai dan naik taraf bangunan kompleks Pejabat Perwakilan di Singapura. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pegawai JKR ditempatkan sepenuh masa di tapak projek bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di luar negara bagi memastikan kerja-kerja dipantau dengan baik.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- *Pengurusan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan*

a. Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (Skim) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1979. Objektif utama Skim ini diperkenalkan adalah untuk memberi galakan dan menarik minat petani supaya kekal di sektor penanaman padi dan sebagai insentif kepada petani yang mengusahakan tanaman padi di samping mengurangkan pengimportan beras. Sehingga akhir tahun 2006, pelaksanaan Skim ini telah dapat memberi faedah kepada 292,425 pesawah/pengusaha yang mengusahakan 909,306 ekar sawah padi setiap musim. Sebanyak 236,699 tan metrik baja bernilai RM285.09 juta telah dibekalkan kepada pesawah/pengusaha melalui 193 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Pengauditan mendapati

beberapa kelemahan dalam pengurusan Skim ini yang perlu diperbaiki seperti berikut :-

- Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak tidak dimasukkan sebagai syarat kontrak.
- Pengiraan denda lewat bekalan baja tidak mengikut hari yang ditetapkan dalam kontrak (selepas 21 hari) sebaliknya ia dikira berdasarkan Manual Pelaksanaan Skim iaitu 30 hari.
- Perjanjian antara NAFAS dan PPK yang dilantik sebagai stokis di Sabah hanya ditandatangani pada bulan Disember 2006 dan di Sarawak pada bulan Mac 2007 walaupun pengedaran baja telah dilakukan sejak tahun 2001.
- Borang permohonan pendaftaran pesawah (sebagai peserta Skim) yang dikemukakan tidak disertakan dengan salinan dokumen yang ditetapkan bagi PPK di Sarawak.
- Pengesahan permohonan pendaftaran pesawah di PPK KADA tidak dilakukan oleh mereka yang ditetapkan pada borang tersebut.
- Pengambilan sampel baja tidak dilakukan secara konsisten iaitu pada setiap penghantaran atau sekurang-kurangnya sekali pada setiap musim.
- Beberapa stor penyimpanan baja berada dalam keadaan usang dan tidak selamat untuk menyimpan baja serta kaedah penyusunan yang ditetapkan tidak dipatuhi.
- Stok baja disimpan melebihi 2% daripada jumlah keperluan atau 500 beg bagi PPK Perak, MADA dan KADA.

b. Adalah disyorkan Kementerian perlu mengambil tindakan bagi memastikan syarat-syarat kontrak dipatuhi. Pengambilan sampel secara konsisten oleh Jabatan Pertanian perlu dilakukan bagi memastikan baja yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Di samping itu, agensi pelaksana perlu membuat pemantauan dengan lebih kerap bagi memastikan pelaksanaan Skim ini berjalan lancar dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani juga disarankan membuat kajian impak terhadap pelaksanaan Skim ini untuk menentukan sejauh mana ia mencapai objektif yang ditetapkan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- *Pengurusan Skim Subsidi Harga Padi*

a. Skim Subsidi Harga Padi (Skim) bertujuan untuk menggalakkan pesawah menambahkan hasil pengeluaran padi; dan pesawah menikmati harga padi yang terbaik, memastikan harga beras terkawal serta menjaga kepentingan pengguna dan pesawah di negara ini. Skim ini diwujudkan pada tahun 1980 dan pada masa itu ia dikendalikan oleh Lembaga Padi Dan Beras Negara (LPN). Apabila LPN diswastakan pada tahun 1994, ia dikenali sebagai Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). Tanggungjawab mengurus dan melaksanakan Skim ini diserahkan kepada BERNAS. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM1.37 bilion

telah dibelanjakan untuk membayar subsidi harga padi kepada pesawah yang berdaftar dengan BERNAS. Sehingga akhir tahun 2006, sejumlah 145,631 pesawah telah berdaftar dengan BERNAS. Semenjak Skim ini diperkenalkan pada tahun 1980 sehingga tahun 2006, kadar subsidi harga padi telah dinaikkan sebanyak 3 kali. Pada tahun 1980, kadar subsidi harga padi bagi setiap satu tan metrik padi bersih ialah RM33.20. Bagaimanapun, kadar itu dinaikkan menjadi RM167.00 pada tahun 1982 dan RM248.10 pada tahun 1990. Kadar subsidi pada tahun 1990 ini dikekalkan sehingga kini. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

- Penyata kewangan setiap suku tahun tidak menunjukkan maklumat berhubung dengan pelaburan yang dibuat oleh BERNAS menggunakan wang subsidi harga padi. BERNAS juga tidak mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Kementerian.
- Borang permohonan pendaftaran pesawah di Kelantan perlu disahkan oleh Penyelia Pembangunan Mukim atau Ketua Pembangunan Mukim.
- Tiada bukti maklumat anggaran hasil padi dikemukakan kepada Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra oleh Pangkalan Skim Subsidi di semua negeri yang dilawati.
- Terdapat 2,214 kes hasil padi sebenar melebihi daripada anggaran hasil padi masih dalam siasatan yang melibatkan bayaran subsidi harga padi bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005.
- BERNAS telah memohon kelulusan daripada Kementerian untuk melupuskan bayaran subsidi harga padi bagi tempoh tahun 2001 hingga 2004 yang tidak dituntut oleh pesawah berjumlah RM0.89 juta melibatkan 1,279 Bil Belian Padi.
- Bayaran subsidi harga padi berjumlah RM1.36 juta telah dibuat kepada 158 pesawah yang mengusahakan sawah melebihi 6 ekar pada musim 1/2006.
- Pelbagai peralatan yang tidak seragam digunakan semasa melakukan proses pemutuan padi.

b. Adalah disyorkan Kementerian perlu memastikan BERNAS mematuhi syarat perjanjian yang ditetapkan dan juga arahan Kerajaan berhubung dengan kelayakan penerima subsidi harga padi. Kementerian juga perlu memastikan BERNAS menetapkan tempoh masa bagi menyelesaikan kes di mana keluaran hasil padi sebenar melebihi anggarannya bagi membolehkan pesawah mendapat bayaran subsidi harga padi mereka. Kementerian perlu meningkatkan pemantauannya terhadap pengurusan Skim Subsidi Harga Padi bagi memastikan objektif pewujudan Skim ini dapat dicapai sepenuhnya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
Jabatan Pembangunan Koperasi
- Pengurusan Tabung Modal Pusingan

a. Tabung Modal Pusingan (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Koperasi) telah diwujudkan pada tahun 1978 untuk memberi pinjaman/pembiayaan kewangan kepada koperasi bagi melaksanakan projek-projek yang berdaya maju, menggalakkan koperasi melibatkan diri di dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan sosial yang memberi manfaat kepada anggota serta membantu koperasi memulihkan projek yang bermasalah. Sejak Tabung Modal Pusingan diwujudkan

sehingga bulan Disember 2006, sebanyak 1,231 pinjaman berjumlah RM348.78 juta telah diluluskan.

b. Pada umumnya, Jabatan Pembangunan Koperasi telah membuat perancangan yang baik dalam menguruskan Tabung Modal Pusingannya. Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi telah mengeluarkan peraturan serta garis panduan bagi melulus dan mengeluarkan pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Jabatan juga telah mewujudkan mekanisme pemantauan yang memuaskan terhadap penggunaan wang dan prestasi projek serta memastikan bayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual. Bagaimanapun, Jabatan masih boleh mempertingkatkan kaedah pemantauan dengan memastikan koperasi yang membuat pinjaman mengemukakan laporan-laporan yang telah ditetapkan kerana ia mengandungi maklumat yang amat berguna untuk menilai prestasi projek dan tahap kemampuan koperasi dalam membayar balik ansuran pinjaman. Dengan ini, Jabatan boleh menggunakan laporan tersebut sebagai panduan bagi membantu koperasi yang bermasalah. Di samping itu, Jabatan disyor mewujudkan unit khas di peringkat Cawangan Wilayah dan seterusnya menempatkan pegawai khusus di Ibu Pejabat untuk memantau tugas pengurusan Tabung yang dilaksanakan oleh Cawangan-cawangan Wilayah.

KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI

- *Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat*

a. Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Services Provision - USP*) pada bulan Mei 2001 dengan peruntukan berjumlah RM1.0 bilion untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan infrastruktur komunikasi kepada masyarakat di luar bandar dan kawasan pedalaman bagi merapatkan jurang digital antara golongan daripada kawasan bandar dan luar bandar selaras dengan matlamat Dasar Kebangsaan Bagi Industri Komunikasi dan Multimedia.

b. Pada umumnya, Kementerian telah merancang pengurusan pemberian perkhidmatan sejagat dengan baik. Program ini telah berjaya menembusi kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi menyediakan infrastruktur komunikasi dengan tujuan meningkatkan pencapaian perkhidmatan telefon asas dan internet. Bagaimanapun, Kementerian dan agensi yang terlibat dalam program ini perlu berusaha secara berterusan untuk menggalakkan penerimaan dan penggunaan kemudahan secara menyeluruh di samping memastikan perkhidmatan dan peralatan yang disediakan berfungsi dan digunakan secara optimum bagi faedah semua rakyat. Sehubungan itu, pihak Kementerian diminta memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Kempen/publisiti dan promosi secara lebih intensif kepada masyarakat setempat mengenai perkhidmatan pemberian perkhidmatan sejagat supaya dapat meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan dan era maklumat yang mampu diberikan oleh internet. Kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan

Kemajuan Kampung, pentadbir surau/masjid/kuil/gereja serta persatuan lain perlu didapatkan bagi merealisasikan matlamat program.

- Kekerapan berlakunya kerosakan dapat dielakkan melalui penyenggaraan berjadual yang konsisten di samping memastikan tempoh masa pembaikan kerosakan dipercepatkan.
- Memanjangkan tempoh masa penggunaan kemudahan di perpustakaan dan klinik desa terutamanya di pedalaman Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan ini, bekalan kuasa elektrik perlu ditingkatkan.
- Ketiadaan petugas yang berjawatan tetap telah menjejaskan operasi perpustakaan desa dalam tempoh yang panjang. Pertimbangan perlu diberikan supaya pelantikan petugas dibuat secara kontrak atau tetap dengan ganjaran yang lebih menarik. Pemilihan calon perlu dibuat berdasarkan kelayakan sekurang-kurangnya sijil atau diploma dalam bidang pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi. Selain daripada latihan asas berhubung dengan komputer, petugas juga perlu didedahkan dengan latihan yang boleh membantu mereka mengatasi masalah kerosakan teknikal.
- Kemudahan dan peralatan komunikasi yang tidak mencukupi hendaklah ditambah kuantitinya serta kemudahan akses internet dipertingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.
- Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap status kemudahan yang disediakan dan tahap penggunaannya bagi memastikan objektif Kerajaan melaksanakan program ini tercapai.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal

Pada bulan September 1995, Kerajaan telah memutuskan supaya pengurusan sisa pepejal (sampah) di seluruh negara diswastakan kepada 4 konsortium mengikut kawasan/wilayah. Bagi menguruskan sisa pepejal di Kawasan Tengah dan Timur yang antaranya meliputi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, konsortium berkenaan telah menubuhkan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora). Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

- Pada umumnya, pengurusan sisa pepejal oleh Alam Flora di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai beberapa kelemahan dari segi pengurusan sisa pukal, sampah kebun, *illegal dumping* dan pembersihan jalan serta longkang.
- Bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan meletakkan pengurusan sisa pepejal di bawah tanggungjawabnya dan juga untuk tujuan memuktamadkan perjanjian konsesi seluruh negara (*National Privatisation Concession Agreement*), Kerajaan perlu mempercepatkan usaha agar Rang Undang-undang berkaitan disedia dan dibentangkan di Parlimen.

- Penukaran hak milik terhadap 28 kenderaan bernilai RM9.53 juta yang telah diserahkan kepada Alam Flora perlu disegerakan bagi mengelakkan DBKL dari menanggung sebarang risiko sekiranya berlaku kecurian kenderaan dan kemalangan.
- DBKL perlu mendapatkan semula baki kos kerja pembaikan aset dan alat ganti berjumlah RM3.92 juta daripada Alam Flora dengan membuat potongan secara ansuran daripada bayaran yuran pengurusan bulanan.
- DBKL perlu memastikan tindakan terhadap aduan diselesaikan dalam tempoh satu hari. Bagi tujuan ini, rekod yang lengkap dengan tarikh aduan diterima, tarikh siasatan dan tarikh susulan sehingga selesai perlu diselenggarakan.
- Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama pihak DBKL patut menjalankan kajian impak terhadap penswastaan pengurusan sisa pepejal sebelum program ini diperluaskan ke negeri-negeri lain.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Perbadanan Putrajaya
- Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal

Pada umumnya, Alam Flora telah dapat melaksanakan tugas pengurusan sisa pepejal di kawasan Putrajaya dengan baik. Bagaimanapun, bagi mempercepatkan bayaran kepada Alam Flora, Perbadanan perlu memastikan norma masa yang ditetapkan bagi setiap peringkat pemprosesan bayaran dipatuhi. Bagi memastikan tiada pembaziran/penyelewengan dalam perolehan *bio degradable recycling bag,* Perbadanan perlu mewujudkan mekanisme untuk memantau ketepatan jumlah *recycling bag* yang diuruskan pembekalan dan pengagihannya oleh Alam Flora kepada penghuni rumah.

KEMENTERIAN PELAJARAN
- Program Peluasan Pendidikan Prasekolah

a. Program ini dilaksanakan untuk memberi kemahiran asas kepada kanak-kanak dan memupuk sikap positif mereka sebagai persediaan bagi memasuki sekolah rendah. Sehingga bulan Disember 2006, terdapat sebanyak 4,583 kelas prasekolah di seluruh negara.

b. Secara keseluruhannya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik bagi pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah. Kementerian telah mewujudkan struktur pengurusan yang jelas dan mengenal pasti kemudahan serta keperluan peralatan prasekolah. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masih ada kelemahan bagi sesetengah projek yang perlu diatasi seperti status pelaksanaan fizikal program tidak seperti yang dirancang, kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah dan bekalan peralatan yang tidak sempurna, tidak mengikut spesifikasi dan tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta peralatan prasekolah yang tidak mencukupi akibat dari kekurangan peruntukan kewangan. Bagi mempertingkatkan pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah, adalah disyorkan Kementerian memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Bahagian Pembangunan Dan Perolehan, Kementerian menurunkan kuasa dan waran peruntukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri selewat-lewatnya pada bulan Mac bagi mengatasi masalah kelewatan dalam menyiapkan kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah oleh Jabatan Pelajaran Negeri.
- Memandangkan peralatan yang disediakan di prasekolah adalah penting untuk membantu perkembangan murid dari segi minda, kreativiti, psikomotor dan penguasaan terhadap teknologi maklumat dan komunikasi, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan permohonan peruntukan kewangan yang diperlukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi perolehan peralatan tersebut.
- Tahap penyeliaan terhadap prestasi kontraktor/pembekal perlulah dipertingkatkan bagi memastikan bekalan/perkhidmatan yang diberi adalah sempurna, mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah disyorkan penyeliaan terhadap kerja pengubahsuaian/pembinaan bilik darjah dan pengesahan terhadap peralatan yang dibekalkan ke prasekolah dipertanggungjawabkan kepada Guru Besar.
- Kementerian hendaklah memastikan penyenggaraan/pembaikan terhadap semua kemudahan dan peralatan di prasekolah dilaksanakan dengan segera supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas serta keselamatan murid dan guru prasekolah terjamin. Sehubungan ini, jawatan pegawai teknikal perlu diwujudkan di peringkat negeri dan daerah bagi tujuan memantau penyenggaraan/pembinaan prasekolah. Selain itu, peruntukan kewangan yang mencukupi bagi penyenggaraan/pembaikan prasekolah perlu disediakan dan rekod aset juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

KEMENTERIAN KESIHATAN

- *Pengurusan Perkhidmatan Ambulans*

a. Sehingga bulan Disember 2006, terdapat 626 kenderaan ambulans di 128 hospital dan 746 kenderaan ambulans di 809 klinik kesihatan di seluruh negara. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 389,153 panggilan ambulans bagi kes kecemasan dan rujukan telah dikendalikan oleh 41 hospital dan 15 Jabatan Kesihatan Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

b. Secara keseluruhannya, pengurusan perkhidmatan ambulans telah dirancang dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian. Antaranya adalah kekurangan kenderaan ambulans dan pemandu, kes kemalangan kenderaan ambulans yang tinggi, kelewatan pembaikan kenderaan, rekod panggilan ambulans yang tidak teratur, pusat kawalan perkhidmatan ambulans yang tidak beroperasi sepenuhnya dan pemantauan yang perlu dipertingkatkan. Bagi memperbaiki lagi prestasi aktiviti ini, disyorkan beberapa langkah seperti berikut diambil :-

- Kementerian perlu mewujudkan satu garis panduan pengurusan perkhidmatan ambulans yang lengkap dan seragam untuk kegunaan kesemua hospital dan klinik kesihatan supaya dapat dijadikan rujukan bagi mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan yang sedia ada.

- Kajian terperinci terhadap perkhidmatan ambulans di hospital dan klinik-klinik kesihatan perlu dilakukan dengan mengambil kira bilangan kenderaan ambulans yang ada, tahap boleh guna, usianya serta kelengkapan kenderaan tersebut.
- Kementerian perlu mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan bagi membolehkan perkhidmatan ambulans diberi dengan berkesan serta memastikan semua anggota diberi latihan yang bersesuaian dengan tugas mereka supaya dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perkhidmatan perubatan kecemasan termasuk rawatan pra-hospital. Antara kursus yang patut diberi ialah berkaitan pengurusan kemalangan dan kecemasan, penyenggaraan kenderaan serta penggunaan peralatan perubatan.
- Kementerian perlu memastikan semua rekod berhubung dengan perkhidmatan ambulans diseragamkan dan juga diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di semua hospital dan klinik kesihatan demi memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti kepada mangsa/pesakit.
- Kementerian perlu memberikan perhatian yang serius terhadap kes-kes kemalangan melibatkan kenderaan ambulans bagi mengelakkan tanggapan negatif masyarakat terhadap perkhidmatan ini.
- Bagi meningkatkan pemantauan, selain dari mengadakan mesyuarat di setiap peringkat, Bahagian Perkembangan Perubatan harus memastikan semua hospital/Jabatan Kesihatan Negeri mengemukakan laporan yang mengandungi maklumat seperti bilangan orang yang meninggal dalam perjalanan ke hospital, panggilan kes kecemasan, kes kemalangan, masa respons terhadap panggilan ambulans dan kerosakan ambulans. Pemantauan boleh juga dimantapkan dengan meningkatkan koordinasi antara polis, bomba dan pertahanan awam.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Institut Kemahiran Belia Negara
- Pengurusan Peralatan

Pada umumnya, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan peralatan IKBN di peringkat perancangan dan pelaksanaan yang boleh menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut :-

a. Di peringkat perancangan, sungguhpun Kementerian telah melantik perunding untuk membantunya menentukan peralatan yang dibeli adalah bersesuaian dengan keperluan latihan dan dengan kos yang berpatutan, namun cadangan yang diberi oleh perunding tidak diterima. Kementerian tidak menjalankan kajian pasaran untuk dijadikan rujukan semasa mengadakan rundingan harga dengan pembekal. Ini menyebabkan harga yang dipersetujui jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Selain itu, harga yang ditawarkan antara pembekal juga tidak disemak dengan teliti. Sekiranya kesemua tindakan tersebut diambil, Kerajaan bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan tidak kurang daripada RM10.80 juta untuk membekalkan peralatan ke IKBN bahkan juga dapat mengelakkan permohonan penambahan perolehan peralatan sehingga kosnya berjumlah RM267.90 juta. Di samping itu, pembinaan kompleks IKBN yang lain juga tidak akan terjejas akibat daripada

peruntukan yang lebih telah digunakan untuk tujuan perolehan peralatan. Memandangkan sejumlah RM6.54 juta telah dibayar kepada perunding, Kementerian sepatutnya mengoptimumkan perkhidmatannya.

b. Perolehan peralatan oleh Kementerian yang tidak dirancang dengan teliti serta tidak berasaskan kepada keperluan sebenar telah menyebabkan Kerajaan membiayai perbelanjaan tidak kurang daripada RM88.45 juta kerana peralatan ini masih tidak digunakan atau tidak digunakan secara optimum disebabkan oleh beberapa faktor seperti tiada keperluan, tenaga pengajar yang tiada kepakaran dan pembelian yang terlalu awal. Tanpa perancangan perolehan peralatan yang teliti telah juga menjejaskan kelicinan pembelajaran dan latihan kerana beberapa peralatan yang diperlukan untuk tujuan tersebut tidak dapat dibeli.

c. Kementerian tidak mengambil tindakan terhadap pembekal yang gagal membekalkan peralatan mengikut spesifikasi dan juga dalam tempoh yang telah ditetapkan.

d. Peralatan yang dibeli tidak disimpan di tempat yang sesuai menyebabkan ia terdedah kepada kerosakan dan kehilangan serta membahayakan keselamatan.

e. Bagi memastikan pengurusan peralatan IKBN di masa akan datang dilaksanakan dengan cara yang cekap, berhemat dan memenuhi keperluan latihan, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

- Kementerian sepatutnya menjalankan kajian pasaran untuk dijadikan panduan semasa menentukan harga kontrak. Bagi membolehkan peralatan yang dibeli memenuhi keperluan dari segi kesesuaian dan kuantitinya, perancangan yang teliti dalam perolehan peralatan perlu diadakan dan pandangan-pandangan daripada tenaga pengajar patutlah diperolehi.
- Kementerian hendaklah mengambil tindakan seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak terhadap pembekal yang gagal membekalkan peralatan mengikut tempoh dan juga spesifikasi yang telah ditetapkan.
- Rekod berhubung dengan setiap peralatan di IKBN perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan setiap peralatan diguna dan disenggarakan dengan sewajarnya serta peralatan yang tidak ekonomi dibaiki dilupuskan. Rekod ini hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa dan digunakan untuk tujuan pemeriksaan fizikal peralatan.
- Kementerian hendaklah memastikan IKBN mempunyai ruang yang mencukupi/sesuai untuk menyimpan/menempatkan peralatan terutamanya peralatan yang memerlukan stor/ruang yang khusus bagi memastikan tahap boleh gunanya tidak terjejas serta mengelakkan daripada berlaku sebarang kemalangan.
- Kementerian patut mengenal pasti pihak yang terlibat dalam perolehan yang tidak teratur yang mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian dan seterusnya mengambil tindakan surcaj seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Acara Kewangan 1957.

KEMENTERIAN PENERANGAN

- ***Pembinaan Bangunan Radio Televisyen Malaysia Seremban***

Pada keseluruhannya, projek ini tidak dirancang dan dilaksanakan dengan teratur. Keputusan Kementerian untuk menyegerakan pelaksanaannya menyebabkan perunding tidak dapat menyediakan reka bentuk dan pelan terperinci. Kekurangan ini memberi banyak ruang untuk perubahan kerja, kerja tambahan dan pengukuran semula sehingga meningkatnya kos projek daripada RM23.47 juta menjadi RM38.51 juta. Sungguhpun mengikut kontrak projek ini perlu disiapkan pada bulan April 2004 namun ia hanya dapat disiapkan pada bulan Januari 2007 iaitu lewat selama 33 bulan. Perakuan kerja tidak siap dan lanjutan masa bukan sahaja tidak dikeluarkan dalam tempoh sepatutnya malahan tidak diluluskan oleh pihak yang diberikan kuasa. Kementerian adalah disyorkan supaya mengambil iktibar daripada pelaksanaan projek ini dan memastikan perkara yang sama tidak berlaku lagi bagi projek-projek lain di masa akan datang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

- ***Pengurusan Bantuan Kewangan Kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO)***

a. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Kementerian memohon peruntukan berjumlah RM142.70 juta di mana hanya RM106.54 juta telah diluluskan. Setakat bulan Disember 2006, sejumlah RM112.50 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan program ini iaitu RM5.96 juta melebihi peruntukan yang diluluskan.

b. Secara keseluruhannya, kumpulan sasar berkenaan telah dapat menikmati faedah menerusi pelbagai perkhidmatan dan aktiviti yang disediakan oleh NGO dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan program ini. Antaranya ialah pengeluaran bantuan kewangan kepada NGO tidak dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan seperti bantuan diberi kepada NGO yang tidak layak, surat perjanjian lewat/tidak ditandatangani sungguhpun bayaran telah dibuat kepada NGO dan NGO menggunakan wang bantuan untuk tujuan yang tidak dibenarkan. Bagi mengatasi kelemahan ini, disyorkan pemantauan terhadap aktiviti NGO yang melibatkan bantuan kewangan dipertingkatkan.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- ***Pengurusan Aktiviti Kolej Komuniti***

a. Sehingga bulan Disember 2006, terdapat 35 Kolej Komuniti di seluruh negara. Kolej Komuniti menawarkan Kursus Sijil Sepenuh Masa untuk memberi peluang pendidikan kepada pelajar lepasan menengah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Ia juga mengendalikan Kursus Jangka Pendek yang menyediakan peluang kepada semua lapisan masyarakat setempat untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi.

b. Secara keseluruhannya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik bagi pengurusan Kolej Komuniti. Kementerian telah mewujudkan struktur pengurusan yang sesuai, mengenal pasti sumber yang diperlukan seperti tenaga pengajar, peruntukan kewangan serta lain-lain kemudahan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti pengambilan pelajar Kolej Komuniti tidak sebagaimana yang dirancang, kursus yang tidak dilaksanakan sepenuhnya disebabkan oleh peralatan belum dibekalkan atau ketiadaan premis tetap dan kekurangan/kelebihan tenaga pengajar bagi sesuatu kursus. Bagi mengatasi kelemahan tersebut dan seterusnya mempertingkatkan lagi mutu pengurusan aktiviti Kolej Komuniti, adalah disyorkan agar Kementerian dan pihak pengurusan Kolej Komuniti memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Semua kursus yang dirancang perlu dilaksanakan tanpa kelewatan. Proses perolehan peralatan kursus hendaklah dipercepatkan supaya tidak menjejaskan pelaksanaan sesuatu kursus. Juga, masalah Kolej Komuniti yang tidak mempunyai premis tetap harus diselesaikan dengan segera.
- Kementerian perlu mengambil tindakan untuk mengisi jawatan tenaga pengajar yang telah diluluskan dengan segera bagi kolej-kolej yang telah melaksanakan kursus yang berkaitan. Tenaga pengajar harus ditempatkan selaras dengan pengkhususan masing-masing.
- Pihak Kementerian dan pengurusan Kolej Komuniti patut memastikan semua kemudahan yang disediakan adalah sesuai dan mengikut spesifikasi supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

- *Pengurusan Pakaian Kombat Dan Peralatan Tempur Individu Tentera Darat*

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM124.20 juta telah diperuntukkan untuk perolehan pakaian kombat dan peralatan tempur individu di mana sejumlah RM102.68 juta (82.7%) daripadanya telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik terhadap pengurusan pakaian kombat dan peralatan tempur individu Tentera Darat. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian menimbangkan perkara berikut :-

- Tindakan mengenakan denda terhadap kelewatan penghantaran perbekalan dan bekalan tidak mengikut spesifikasi perlu dibuat dengan segera bagi memastikan pembekal menghantar bekalan mengikut jadual dan spesifikasi kontrak supaya perancangan pihak pengguna tidak terjejas.
- Satu mekanisme perlu disediakan bagi mendapatkan maklum balas daripada pengguna bertujuan untuk mendapatkan pandangan mereka supaya tindakan penambahbaikan boleh dilakukan terhadap kualiti pakaian kombat dan peralatan tempur individu.

- Pentadbiran 91 DPO dan depot medan yang terlibat perlu memastikan rekod berkaitan pengeluaran dan penerimaan stok di peringkat masing-masing diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan stok pakaian kombat dan peralatan tempur dapat dikawal dengan teratur dan mencukupi untuk diagihkan kepada anggota yang memerlukannya.
- Depot medan disyorkan mengemukakan laporan bulanan mengenai penerimaan dan pengagihan pakaian kombat dan peralatan tempur individu kepada 91 DPO untuk tujuan kawalan dalaman.
- Bangunan stor perlu dilengkapkan dengan sistem pengedaran udara bagi keselesaan pengguna di samping mengekalkan mutu peralatan dan pakaian yang disimpan.
- Penyeliaan dan verifikasi stok di peringkat depot medan perlu dilakukan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan rekod stor diselenggarakan dengan teratur supaya dapat menghindar daripada berlakunya penyelewengan, kehilangan dan risiko kecurian barangan di stor.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

- *Perolehan Kapal Peronda Tentera Laut DiRaja Malaysia*

a. Secara keseluruhannya pengurusan perolehan 6 buah PV tidak dibuat dengan baik dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Ini telah mengakibatkan bukan sahaja PV lewat disiapkan bahkan melibatkan pertambahan kos berjumlah RM1.4 bilion. Antara kelemahan tersebut ialah :-

- Pemilihan kontraktor yang hanya mempunyai limbungan yang kecil dan pengalaman membina bot tunda dan bot polis jenis kecil sahaja, masalah kewangan serta lain-lain masalah yang dihadapi oleh kontraktor merupakan punca utama yang menyebabkan projek ini gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Terdapat beberapa kelemahan dalam syarat kontrak perolehan PV yang telah menyebabkan Kerajaan terdedah kepada risiko kerugian. Antara lainnya, kontrak yang ditandatangani hanya menetapkan jumlah pendahuluan dikurangkan daripada nilai kontrak dan baki nilai kontrak berjumlah RM4.28 bilion dibayar melalui 32 bayaran kemajuan menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada jumlah pendahuluan diselaraskan melalui setiap bayaran kemajuan atau sebaliknya. Kontrak juga membenarkan bayaran perolehan peralatan dan sistem utama dibuat hanya berdasarkan pengesahan pesanan (*Confirmation of Order*) sahaja, pengesahan terhadap Penyata Kemajuan Kerja oleh Pasukan Projek PV boleh digantikan oleh Pertubuhan Klasifikasi Kapal dan tempoh penyerahan PV dilanjutkan bagi mengelakkan syarikat daripada dikenakan denda lewat. Kontrak juga tidak mensyaratkan pandangan pengguna (TLDM) diperolehi berhubung dengan Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan keupayaan alat dan penambahan kos.

- Jaminan Bank Rakan Usaha Sama bernilai RM108.52 juta yang diserah hak kepada Kerajaan telah luput tempohnya sejak 2 tahun yang lalu.
- Sehingga 31 Disember 2006, Kementerian Pertahanan telah membayar sejumlah RM4.26 bilion termasuk bayaran pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion kepada kontraktor manakala kemajuan fizikal pembinaan 6 PV adalah bernilai RM2.87 bilion. Berdasarkan nilai kontrak bagi 6 PV berjumlah RM5.09 bilion dan nilai kemajuan fizikalnya tersebut, jumlah yang diperlukan untuk menyiapkan 4 PV lagi ialah RM2.2 bilion berbanding dengan baki nilai kontrak berjumlah RM832.92 juta. Didapati sebahagian besar daripada bayaran berjumlah RM4.26 bilion itu adalah untuk perolehan peralatan dan sistem secara *Confirmation of Order* di mana sebahagian daripadanya tidak dapat disahkan sama ada telah diterima atau sebaliknya. Sekiranya peralatan dan sistem yang telah dibayar itu tidak dapat dikesan, Kementerian akan menanggung kos tambahan untuk membeli semula peralatan dan sistem yang diperlukan untuk menyiapkan baki 4 PV tersebut.
- Justifikasi untuk menaikkan nilai kontrak dengan sejumlah RM1.4 bilion melalui kontrak tambahan kedua yang ditandatangani pada bulan Januari 2007 juga tidak dinyatakan dengan jelas. Bayaran berjumlah RM943.46 juta tidak dapat disahkan oleh pihak Audit kerana baucar hilang/atau tidak dapat dikesan.
- Dua buah PV yang telah diserahkan tidak dapat digunakan secara optimum kerana terdapat item/kerja yang tertunggak dan peralatan tidak dipasang di tempat yang sewajarnya. Kontraktor juga belum menjelaskan tuntutan berjumlah RM1.09 juta yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi tujuan penyerahan PV berkenaan.

b. Memandangkan 4 buah PV masih lagi dalam proses pembinaan yang melibatkan peruntukan tidak kurang daripada RM2 bilion, adalah disyorkan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan memberikan perhatian yang serius terhadap pelaksanaan projek ini dan memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pertimbangan diberi kepada perkara berikut :-

- Segala rayuan atau cadangan kontraktor untuk mendapat kelonggaran terhadap syarat kontrak yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan perlu diteliti sewajarnya. Sehubungan ini, pandangan-pandangan daripada Pasukan Projek PV patut diambil kira.
- Menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan. Jawatankuasa tersebut perlu mengadakan mesyuarat berkala dan membuat lawatan ke tapak pembinaan bagi mengesahkan kemajuan kerja.
- Mematuhi peraturan dan pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian.
- Membuat keputusan yang tepat dan cepat supaya peralatan yang dibekalkan dapat dioptimumkan penggunaannya.

- Sebarang perselisihan mengenai tafsiran klausa kontrak perlu dirujuk dengan segera kepada Penasihat Undang-undang atau Jabatan Peguam Negara.
- Menyelesaikan kelemahan dalam *Management Information System dan Ship Management Information System* dengan segera supaya ia dapat digunakan secara optimum.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
Jabatan Imigresen Malaysia
- *Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing Dan Pengeluaran Pas Kerja*

a. Pas Lawatan Kerja Sementara (Pas Kerja) dikeluarkan untuk membolehkan Jabatan Imigresen mengawal selia dan memantau keperluan serta pergerakan pekerja asing di negara ini. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 2.92 juta Pas Kerja telah dikeluarkan di seluruh negara untuk sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembantu rumah asing.

b. Secara keseluruhannya, Jabatan Imigresen telah mewujudkan perancangan yang baik bagi melaksanakan tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Kerja. Bagaimanapun, pelaksanaannya boleh dipertingkatkan untuk menambahkan kecekapan dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatannya. Sehubungan itu, bagi memperkemaskan pengurusan aktiviti dan mencapai objektif yang telah ditetapkan, adalah disyorkan perkara-perkara berikut :-

   - Jabatan Imigresen perlu mengkaji semula penempatan guna tenaga di Bahagian Pekerja Asing di semua Pejabat Imigresen berikutan pegawai sedia ada adalah dipinjam dari bahagian lain bagi menjalankan aktiviti pengurusan pekerja asing. Jumlah jawatan dan pegawai yang mencukupi adalah penting bagi menentukan kelancaran pengurusan aktiviti.
   - Kementerian dan Jabatan Imigresen perlulah membuat kajian semula terhadap had siling pengambilan pekerja asing berjumlah 1.8 juta orang yang ditetapkan pada tahun 2004 bagi menentukan sama ada bilangan tersebut masih boleh dikekalkan atau sebaliknya dengan mengambil kira keperluan dan pertumbuhan ekonomi semasa negara.
   - Sungguhpun Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah diberi kuasa di bawah peruntukan khas Bahagian 7, Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) untuk menyesuaikan dasar atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing, namun dasar atau peraturan tersebut hendaklah dinyatakan secara bertulis.
   - Pejabat Imigresen Negeri Sarawak wajar mengkaji semula tempoh masa untuk memproses permohonan pengambilan pekerja asing di negeri itu supaya ia dapat dikurangkan sekurang-kurangnya menyamai tempoh masa yang ditetapkan oleh Pejabat Imigresen Negeri Sabah.
   - Jabatan Imigresen hendaklah mempercepatkan pembangunan Sistem Imigresen bagi membolehkan pengurusan dan pemantauan terhadap pengambilan pekerja

asing dapat dilaksanakan dengan berkesan. Maklumat yang lengkap, kemas kini dan tepat akan membantu Kerajaan membuat keputusan terhadap dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing dari semasa ke semasa.

- Memandangkan Kad Pengenalan penting untuk memantau pergerakan pekerja asing di negara ini, Jabatan Imigresen perlu mengambil langkah-langkah yang membolehkannya mengeluarkan Kad Pengenalan bagi setiap pekerja asing pada hari yang sama Pas Kerja mereka dikeluarkan.
- Jabatan Imigresen perlu mewujudkan Unit Khas Naziran supaya aktiviti naziran dapat dipertingkatkan. Adalah disyorkan suatu prosedur yang seragam disediakan untuk melaksanakan aktiviti naziran di semua Pejabat Imigresen seluruh negara.
- Menyelesaikan semua aduan yang diterima daripada orang awam dan Biro Pengaduan Awam dengan segera untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan Imigresen.

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
Unit Udara Polis Diraja Malaysia
- *Pengurusan Perolehan Helikopter Mi-171*

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa kelemahan dalam perolehan helikopter Mi-171 ini. Kedua-dua helikopter Mi-171 yang dibeli dengan harga RM117.75 juta tidak dapat digunakan oleh Unit Udara PDRM kerana ia tidak dapat didaftarkan sebagai pesawat awam oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia memandangkan helikopter tersebut tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan. Kedua-dua helikopter berkenaan kemudiannya telah diserahkan untuk kegunaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Penyerahan helikopter kepada Jabatan ini telah memberikan implikasi yang berikut :-

a. PDRM tidak dapat menjalankan tugas mencari dan menyelamat kerana helikopter yang sedia ada tidak mempunyai keupayaan untuk menjalankan fungsi ini dengan berkesan. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM272 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membeli 8 helikopter pelbagai saiz.

b. Kerajaan telah membelanjakan RM4.37 juta untuk melatih anggota Unit Udara Bomba Dan Penyelamat bagi mengendalikan helikopter Mi-171 sedangkan sebelum itu telah membelanjakan RM15.37 juta untuk melatih anggota Unit Udara PDRM bagi tujuan yang sama. Sejumlah RM4.37 juta tersebut dapat dijimatkan sekiranya anggota Unit Udara Bomba Dan Penyelamat diberi latihan oleh anggota Unit Udara PDRM.

c. Peralatan sokongan helikopter Mi-171 bernilai RM13.72 juta tidak diserahkan kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Lanjutan daripada ini, Jabatan terpaksa membelanjakan RM28,500 bagi setiap satu *flight helmet* untuk kegunaan juruterbang dan krew pesawat daripada Syarikat Makmur Semenanjung Sdn. Bhd. sungguhpun helmet berkenaan telah dibekalkan semasa perolehan helikopter

Mi-171 dengan harga RM19,000 bagi setiap satu. Ini menunjukkan Kerajaan perlu menanggung lebihan perbelanjaan berjumlah RM0.29 juta untuk membeli 30 *flight helmet.* Manakala ketiadaan *LeoII-A3 Forward Looking Infra Red* telah menghadkan keupayaan Unit Udara Bomba Dan Penyelamat untuk beroperasi pada paras optimum. Unit ini terpaksa melaksanakan operasi/latihan biasa tanpa menggunakan teknologi terkini yang canggih.

Memandangkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan membeli pesawat-pesawat baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi kegunaan Unit Udara PDRM, adalah disyorkan supaya Kementerian memastikan helikopter yang bakal dibeli sesuai dengan keperluan PDRM dan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia sebelum pembelian dibuat bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang.

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
Polis Diraja Malaysia
- *Aktiviti Penguatkuasaan Trafik*

Secara keseluruhannya aktiviti penguatkuasaan trafik yang dijalankan oleh Cawangan Trafik telah dirancang dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan aktiviti penguatkuasaan trafik berkenaan. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah seperti berikut :-

a. Masalah guna tenaga seperti kekurangan anggota untuk menjalankan tugas rondaan, operasi pencegahan kesalahan lalu lintas dan kawalan pergerakan lalu lintas di bandar-bandar. Seterusnya, latihan bagi melengkapkan anggota dengan pengetahuan dan kemahiran bekerja tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang kerana jadual latihan telah bertembung dengan tugas-tugas *ad-hoc* yang lebih penting.

b. Pengagihan peralatan-peralatan seperti alat perangkap had laju, alat pengukur alkohol dalam pernafasan dan alat pengukur cermin gelap tidak mengikut norma yang ditetapkan. Sistem perangkap lampu merah di beberapa lokasi juga gagal berfungsi. Selain itu, sebanyak 8,367 daripada 19,466 rakaman melalui sistem ini yang dibuat pada tahun 2006 tidak dapat dikeluarkan saman kerana gambar yang dirakam tidak jelas atau rosak.

c. Pada umumnya, Cawangan Trafik tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi untuk membolehkannya berfungsi dengan cekap dan berkesan. Sebanyak 81 daripada 274 kenderaan yang ada telah berusia melebihi 10 tahun.

d. Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang berlaku, adalah disyorkan supaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan PDRM memberikan perhatian terhadap perkara-perkara berikut :-

   - Kementerian patut mengkaji semula keperluan jawatan bagi Cawangan Trafik untuk disesuaikan dengan beban kerjanya. Mereka juga perlu diberi peluang untuk mengikuti kursus/latihan bagi meningkatkan kemahiran bekerja.

- Cawangan Trafik perlu memastikan semua peralatannya dihantar ke SIRIM untuk tentukur dalam tempoh yang sepatutnya. Bagi tujuan ini, jadual penghantarannya hendaklah disediakan dan perlu diikuti sepenuhnya.
- Bilangan kenderaan hendaklah dibekalkan ke semua cawangan mengikut norma yang ditetapkan bagi mengelak daripada kenderaan yang sedia ada digunakan berlebihan yang boleh mengakibatkan kenderaan berkenaan mengalami kerosakan yang teruk.
- Pihak PDRM perlu memastikan sistem perangkap lampu merah sentiasa berfungsi dengan baik. Bagi tujuan ini, PDRM hendaklah memastikan sistem ini disenggarakan secara berjadual dan sebarang kerosakan diperbaiki dengan segera.

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
Polis DiRaja Malaysia
- *Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang*

a. Pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang yang bernilai RM67.51 juta bertujuan untuk menyediakan kemudahan kawalan keselamatan perairan di kawasan utara perairan Selat Melaka.

b. Pada umumnya, projek pembinaan Pangkalan Polis Marin Batu Uban, Pulau Pinang tidak dilaksanakan dengan teratur. Sungguhpun mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan pada bulan November 2004, namun ia hanya dapat disiapkan pada bulan Mac 2006 iaitu lewat selama 15 bulan. Faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan ialah PDRM/JKR mengambil masa lebih dari 2 tahun untuk memutuskan jenis *pontoon* bagi menggantikan jenis yang ditetapkan dalam kontrak yang mana didapati tidak sesuai. Pelantikan kontraktor yang tiada pengalaman dalam bidang maritim telah menyebabkan kerja pembinaan kurang berkualiti. Selain itu, terdapat juga Arahan Perubahan Kerja yang dikeluarkan dengan alasan yang tidak munasabah seperti menanggung kekurangan bayaran levi dan membayar balik kos insurans tambahan kepada kontraktor. Bagi menangani kelemahan ini, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan JKR adalah disyorkan memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan JKR perlu memastikan projek-projek pembinaan ditawarkan kepada kontraktor yang ada kepakaran dan pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan.
- JKR perlu memastikan kontraktor memperbaiki kerja yang tidak mengikut spesifikasi/kecacatan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat.
- Memandangkan bayaran kepada kontraktor berjumlah RM48,466 yang dibuat melalui Arahan Perubahan Kerja adalah tidak teratur, JKR patut menuntut balik bayaran tersebut.
- Memandangkan pangkalan ini telah pun mula beroperasi, Kementerian hendaklah menyediakan program penyenggaraan tahunan dengan segera.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Mengikut rekod Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD) Kementerian Kewangan, Kerajaan Persekutuan memiliki lebih daripada 50% ekuiti dalam 53 syarikat dengan pelaburan berjumlah RM23.37 bilion di mana 6 daripadanya adalah *dormant*. Semakan Audit terhadap prestasi kewangan 36 daripada syarikat tersebut bagi tahun 2005 mendapati perkara berikut :-

a. Jumlah pendapatan bagi kesemua 36 syarikat bagi tahun 2005 adalah RM195.71 bilion berbanding RM153.60 bilion pada tahun 2004.

b. Pada tahun 2005, sebanyak 19 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM70.90 bilion manakala 17 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM1.28 bilion.

c. Secara keseluruhannya, aset syarikat telah meningkat daripada RM370.66 bilion pada tahun 2004 menjadi RM424.22 bilion pada tahun 2005.

d. Pada tahun 2005, sebanyak 26 daripada 36 syarikat Kerajaan telah membayar cukai berjumlah RM22.31 bilion.

e. Pada tahun 2005, sebanyak 10 syarikat telah membayar dividen bersih berjumlah RM13.14 bilion berbanding dengan 9 syarikat yang membayar sejumlah RM9.17 bilion dalam tahun 2004.

- *PENGURUSAN INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.*

a. Apabila Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) dikorporatkan pada tahun 2000, Kerajaan telah memindah milik asetnya bernilai RM52.72 juta kepada IJNSB menjadikan modal berbayar IJNSB berjumlah RM71.62 juta. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan dan aktiviti IJNSB adalah baik. Bagaimanapun, keuntungan selepas cukai telah menurun daripada RM30.08 juta pada tahun 2004 kepada RM18.77 juta pada tahun 2006.

b. Dari segi pelaksanaan aktivitinya pula, hampir 90% daripada 34 petunjuk prestasi yang telah diwujudkan telah mencapai sasaran. Bagaimanapun, peranan Jawatankuasa Kajian Etika Penyelidikan bagi memastikan ujian-ujian berkaitan ubat-ubatan yang dijalankan di IJNSB mematuhi Standard Saintifik dan Etika Antarabangsa serta Garis Panduan Amalan Perubatan Yang Baik di Malaysia perlu dipertingkatkan.

- *PENGURUSAN INDAH WATER KONSORTIUM SDN. BHD.*

a. Perjanjian Penswastaan telah ditandatangani oleh Kerajaan dengan IWK pada bulan Disember 1993 untuk memberikan perkhidmatan pembetungan bagi tempoh 1 April 1994 hingga 31 Disember 2024. Setakat 30 Julai 2006, IWK menyenggarakan sejumlah 8,927 kemudahan pembetungan yang meliputi 3,485 loji olahan kumbahan mekanikal, 3,618 loji jenis tangki septik komunal, 769 loji jenis imhoff, 471 kolam pengoksidaan, 3,666 loji jenis tangki septik komunal, 583 stesen pam rangkaian di PBT yang terlibat dan 1 loji jenis saliran Marin di Pulau Pinang.

b. Pada keseluruhannya, IWK perlu mempertingkatkan tahap kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang penyelewengan terutamanya berhubung dengan kutipan hasil. IWK telah merancang perkhidmatan pembetungan dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Sehubungan ini adalah disyorkan tindakan sewajarnya diambil terhadap perkara-perkara berikut :-

- Bagi mengatasi keengganan pelanggan bekerjasama mengosongkan tangki, kempen kesedaran tentang pentingnya penyenggaraan loji dan tangki septik individu perlu diperluaskan di kalangan orang awam.
- IWK perlu mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan efluen di semua loji diuji mengikut kekerapan yang ditetapkan. IWK perlu menambah kakitangan bagi mengambil sampel dan menjalankan ujian. IWK perlu berusaha mengesan punca efluen keluar (outlet) bagi membolehkan sampel diambil untuk diuji dan seterusnya merekodkan lokasinya bagi memudahkan pengambilan sampel pada masa yang lain.
- Memandangkan Kerajaan telah mengambil alih IWK mulai tahun 2000 dan melanjutkan tempoh konsesi serta mengambil alih pelaksanaan pembinaan loji, Kerajaan patut menandatangani perjanjian konsesi yang baru. Perjanjian ini perlu juga memasukkan fungsi dan tanggungjawab IWK dalam menguruskan projek pembinaan loji. Antara lainnya, IWK perlu memastikan kontraktor yang dipilih mempunyai kepakaran yang diperlukan, harga yang ditawarkan adalah munasabah, pembinaan yang dibuat mengikut spesifikasi dan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Syarat perjanjian juga perlu menyatakan kadar bayaran pengurusan yang boleh dituntut oleh IWK dan tindakan yang boleh diambil sekiranya IWK gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

- PENGURUSAN MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

a. Pada umumnya, Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) telah melaksanakan fungsinya dengan memuaskan. Syarikat ini telah terlibat dengan pembangunan Aplikasi Perdana seperti Kerajaan Elektronik, Telekesihatan, Kad Pintar Pelbagaiguna, E-Perniagaan, Sekolah Bestari, penggubalan undang-undang siber, pemberian Geran Penyelidikan Dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MGS) serta Geran *Strategic Thrust Area* (STAR*).* Kemudahan infrastruktur yang baik dan insentif yang telah disediakan juga dapat menarik beberapa syarikat penting seperti Shell, DHL, Eriksson (M) Sdn. Bhd., HSBC, BMW, Dell Computer dan Hewlett Packard beroperasi di Cyberjaya.

b. Sejak tahun 1997 hingga tahun 2006, sejumlah 1,728 syarikat telah diluluskan status MSC. Daripada jumlah tersebut, 1,373 (79%) syarikat masih aktif dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan industri teknologi maklumat dan multimedia. Bagi tahun 2005, sebanyak 490 syarikat telah memperolehi keuntungan berjumlah RM1.70 bilion dan 220 syarikat mengalami kerugian berjumlah RM227 juta. Bagi

tempoh tahun 1998 hingga 2006, geran MGS berjumlah RM140.89 juta telah diluluskan kepada 62 syarikat berstatus MSC untuk melaksanakan 65 projek. Sebanyak 17 daripada syarikat tersebut telah menerima anugerah di dalam dan luar negara. Sehingga tahun 2006, 2 syarikat telah diluluskan geran STAR berjumlah RM19.99 juta.

c. Sehingga tahun 2006, MDeC telah menerima geran untuk perbelanjaan operasi dan pembangunan serta pinjaman berjumlah RM944 juta daripada Kerajaan. Bagaimanapun prestasi kewangan MDeC adalah pada tahap defisit sejak tahun 1997 sehingga kini. Ini disebabkan jumlah perbelanjaan MDeC meningkat setiap tahun terutamanya perbelanjaan kos tenaga manusia dan sumber hasil MDeC tidak dapat menampung kos operasinya. Sehubungan ini, MDeC perlu mempertingkatkan pengurusan kewangannya terutamanya berhubung dengan kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset bagi memastikan perbelanjaan dibuat selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Sebagai sebuah Syarikat Kerajaan, MDeC hendaklah juga mematuhi sepenuhnya Pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan untuk syarikat Kerajaan.

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6 Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/ Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 29 aktiviti di 19 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk diaudit sepanjang tahun 2006. Hasil dari pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Perkara yang diperhatikan daripada pengauditan 25 aktiviti dilaporkan secara terperinci manakala bagi 4 aktiviti lain dimaklumkan kepada pihak pengurusan Kementerian berkenaan secara Pemerhatian Audit.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. JABATAN PERKHIDMATAN AWAM / SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

- **PENGURUSAN PEWUJUDAN DAN PENGISIAN JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan Agensi Pusat yang bertanggungjawab terhadap pengurusan sumber manusia sektor awam termasuk proses pewujudan jawatan di jabatan/agensi Kerajaan. Objektif utama yang ditetapkan oleh JPA adalah untuk memastikan jabatan/agensi sektor awam mempunyai struktur organisasi yang cekap dan berkesan serta skim perkhidmatan yang sesuai bagi membolehkannya melaksanakan fungsi yang ditetapkan. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pula adalah bertanggungjawab terhadap pengambilan calon untuk pengisian jawatan. Memandangkan pewujudan jawatan di jabatan/agensi Kerajaan melibatkan implikasi kewangan secara langsung dari segi perbelanjaan gaji, elaun, caruman berkanun, ganjaran dan pencen, Perbendaharaan Malaysia diberikan kuasa untuk mengeluarkan waran perjawatan seperti mana yang diperuntukkan di bawah perkara 112 Perlembagaan Persekutuan, perkara 15 Akta Acara Kewangan 1957 serta Arahan Perbendaharaan 36 dan 48. Sehingga bulan Disember 2006, terdapat 720 jabatan/agensi sektor awam di negara ini seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.1
BILANGAN JABATAN/AGENSI
SEKTOR AWAM SETAKAT 31 DISEMBER 2006

JABATAN/AGENSI	BILANGAN
Persekutuan	139
Negeri	251
Badan Berkanun Persekutuan	78
Badan Berkanun Negeri	108
Pihak Berkuasa Tempatan	144
JUMLAH	**720**

2.1.2. Berdasarkan Buku Maklumat Perjawatan dan Pengisian Sektor Awam yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA setakat 30 Jun 2006 terdapat 1,366,079 jawatan telah diluluskan di mana 1,142,783 daripadanya (83.6%) telah diisi. Ini bermakna kekosongan jawatan adalah sebanyak 223,296. Jumlah kekosongan jawatan ini telah mengambil kira bilangan jawatan baru yang akan diwujudkan dan kekosongan akibat daripada kenaikan pangkat, persaraan, peletakan jawatan atau anggota yang meninggal dunia. Kedudukan pengisian dan kekosongan jawatan sektor awam setakat 30 Jun 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.2
KEDUDUKAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN
JAWATAN SEKTOR AWAM SETAKAT BULAN JUN 2006

AGENSI	PERJAWATAN				PENGISIAN				KEKOSONGAN			
	PT	P&P	SOKONGAN	JUMLAH	P&T	P&P	SOKONGAN	JUMLAH	P&T	P&P	SOKONGAN	JUMLAH
Persekutuan	893	247,671	825,512	1,074,076	748	215,515	691,154	907,417	145	32,156	134,358	166,659
Negeri	99	5,783	102,282	108,164	81	4,767	79,732	84,580	18	1,016	22,550	23,584
Badan Berkanun Persekutuan	988	37,396	74,737	113,121	855	30,687	63,081	94,623	133	6,709	11,656	18,498
Badan Berkanun Negeri	31	2,391	16,161	18,583	28	1,851	12,316	14,195	3	540	3,845	4,388
Pihak Berkuasa Tempatan	19	1,547	50,569	52,135	17	1,224	40,727	41,968	2	323	9,842	10,167
JUMLAH	**2,030**	**294,788**	**1,069,261**	**1,366,079**	**1,729**	**254,044**	**887,010**	**1,142,783**	**301**	**40,744**	**182,251**	**223,296**

Sumber: Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA
Nota : ***PT - Pengurusan Tertinggi*** ***P&P - Pengurusan & Profesional***

2.1.3. Berdasarkan kepada tahun 2000, pertumbuhan saiz sektor awam adalah pada kadar 1.9% hingga 5.1% di mana setakat bulan Jun 2006, jumlah jawatan yang diluluskan bagi sektor awam keseluruhannya ialah 1,366,079 berbanding hanya 1,189,950 jawatan pada tahun 2001. Manakala jumlah pengisian keseluruhan pula ialah sebanyak 1,142,783 jawatan pada tahun 2006 berbanding 994,548 jawatan pada tahun 2001. Trend pewujudan jawatan dan pengisian sektor awam bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.3
TREND PEWUJUDAN DAN PENGISIAN JAWATAN SEKTOR AWAM
BAGI TEMPOH TAHUN 2001 HINGGA 2006

TAHUN	PEWUJUDAN JAWATAN			PENGISIAN JAWATAN		
	BILANGAN	PERTAMBAHAN	%	BILANGAN	PERTAMBAHAN	%
2001	1,189,950	36,162	3.1	994,548	15,084	1.5
2002	1,231,981	42,031	3.5	1,026,143	31,595	3.2
2003	1,295,199	63,218	5.1	1,080,886	54,743	5.3
2004	1,320,337	25,138	1.9	1,098,638	17,752	1.6
2005	1,360,207	39,870	3.0	1,118,392	19,754	1.8
2006	*1,366,079	5,892	0.4	1,142,783	24,391	2.2

Nota : * Setakat Bulan Jun 2006

2.1.4. Mengikut rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penduduk negara ini setakat bulan Jun 2006 ialah seramai 26,722,245 orang. Ini bermakna, jumlah jawatan sektor awam adalah 5.1% daripada bilangan penduduk yang direkodkan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada aktiviti pewujudan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam dirancang dan dilaksanakan dengan cekap untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap proses pewujudan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Bagi proses pewujudan jawatan, sebanyak 80 kertas permohonan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri telah disemak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 33 permohonan melibatkan 28 jabatan/agensi telah dibuat semakan lanjut. Pengauditan bagi proses pengisian jawatan pula ditumpukan kepada pengambilan yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sahaja. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen telah dibuat serta pengedaran borang soal selidik dan temu bual dengan pegawai di Bahagian Perkhidmatan JPA, SPA serta jabatan/agensi yang terlibat juga diadakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2006 hingga Februari 2007 mendapati perkara berikut :-

2.4.1. Pengurusan Aktiviti

2.4.1.1. Urusan **pewujudan jawatan** dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA yang diketuai oleh Pengarah Gred JUSA B.

Bahagian ini mempunyai 2 cawangan iaitu Cawangan Perjawatan dan Cawangan Skim Perkhidmatan. Setiap cawangan diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian Kanan Gred JUSA C. Pengurusan jawatan dilakukan mengikut kelompok jabatan/agensi yang disenaraikan di bawah setiap sektor mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan/agensi. Kedudukan struktur organisasi Bahagian Pembangunan Organisasi adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 2.1
STRUKTUR ORGANISASI DAN FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI - KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



2.4.1.2. Setakat 31 Disember 2006, sebanyak 165 jawatan telah diluluskan untuk Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA di mana 139 daripadanya telah diisi. Sepanjang tempoh tahun 2005 hingga 2006, JPA telah menganjurkan 12 kursus/bengkel untuk memantapkan pelaksanaan tugas kakitangannya. Antara bidang yang diliputi adalah pembangunan organisasi, teknologi maklumat dan

komunikasi, pemantapan kompetensi dan penerapan nilai-nilai murni. Kedudukan perjawatan di Bahagian Pembangunan Organisasi adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.4
KEDUDUKAN PERJAWATAN DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI SETAKAT 31 DISEMBER 2006

KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN		ISI (%)
	JAWATAN	ISI	
Pengurusan Tertinggi	3	3	100.0
Pengurusan Dan Profesional	86	70	81.4
Sokongan	76	66	86.8
JUMLAH	**165**	**139**	**84.2**

2.4.1.3. Beberapa jawatankuasa telah diwujudkan bagi membantu Bahagian Pembangunan Organisasi mengendalikan perkara berkaitan pewujudan dan pemansuhan jawatan dalam perkhidmatan awam seperti berikut :-

a. **Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan Dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA)** yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri bertanggungjawab meluluskan penetapan, penyemakan, pewujudan atau pembatalan prinsip-prinsip gaji, syarat-syarat perkhidmatan dan elaun serta kemudahan bagi anggota sektor awam dari semasa ke semasa. Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripada Menteri Kewangan, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Ketua Setiausaha Negara.

b. **Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam (JPSPA)** yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bertanggungjawab untuk menggubal, merancang dan menyelaras dasar serta program perkhidmatan awam. Keahliannya adalah terdiri daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia.

c. **Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT)** yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pula bertanggungjawab mengkaji gred jawatan bagi semua Pengurusan Tertinggi Gred JUSA C dan ke atas. Keahlian jawatankuasa ini adalah terdiri daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

d. **Jawatankuasa Kerja Skim Perkhidmatan (JKKSP)** yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertanggungjawab membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang melibatkan skim perkhidmatan.

e. **Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO)** yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan penyusunan semula struktur organisasi dan permohonan jawatan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional serta Kumpulan Sokongan.

2.4.1.4. Bagi **pengisian jawatan,** Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menguruskan pengambilan untuk jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk berdasarkan Sijil Pelajaran Malaysia, diploma dan ijazah. Manakala pengambilan jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk berdasarkan Sijil Penilaian Menengah Rendah dan ke bawah, SPA telah mewakilkan kuasa pengambilannya kepada kementerian/jabatan berkenaan. SPA hanya dapat menjalankan urusan pengambilan dan pelantikan jawatan dalam perkhidmatan awam sekiranya menerima permohonan daripada jabatan/agensi melalui borang PG.SPA. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dianggotai oleh seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 30 ahli yang kesemuanya dilantik oleh Yang DiPertuan Agong atas nasihat Y.A.B. Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Keahlian SPA tersebut terdiri daripada bekas pegawai kanan Kerajaan daripada pelbagai latar belakang/kepakaran seperti pentadbiran, perubatan, penyelidikan, sains, kewangan, keselamatan dan sebagainya. Pelantikan mereka adalah untuk tempoh 5 tahun. Urusan pentadbiran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dikendalikan oleh seramai 416 kakitangan yang diketuai oleh Setiausaha Gred JUSA B. Bahagian Pengambilan adalah terlibat secara langsung terhadap urusan pengisian jawatan. Struktur organisasi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 2.2
STRUKTUR ORGANISASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



Pada pandangan Audit, secara umumnya, Kerajaan telah mewujudkan struktur pengurusan yang jelas untuk membolehkan urusan pewujudan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam dibuat dengan teratur.

2.4.2. Pewujudan Jawatan

2.4.2.1. Pada umumnya, jawatan-jawatan yang diwujudkan dalam perkhidmatan awam adalah berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi bagi tujuan menyusun semula struktur dan fungsi organisasi serta mewujud/memansuh dan menggredkan semula jawatan. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan kajian perjawatan dari semasa ke semasa sama ada dibuat berdasarkan permohonan jabatan/agensi tersebut atau atas inisiatif JPA sendiri dengan berpandukan kepada Manual Prosedur JPA. Bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Ogos 2006, sebanyak 1,257 permohonan telah diterima daripada 376 jabatan/agensi dan sebanyak 1,009 atau 80% daripadanya telah diselesaikan.

2.4.2.2. Mengikut Piagam Pelanggan Bahagian Pembangunan Organisasi, permohonan kajian perjawatan yang diterima dari jabatan/agensi hendaklah diproses dalam tempoh 5 bulan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima. Semakan Audit terhadap 80 permohonan yang diterima oleh JPA antara bulan Januari 2004 hingga Ogos 2006 mendapati 43 daripadanya telah diproses melebihi 5 bulan iaitu antara 8 hingga 36 bulan. Tempoh ini dikira daripada tarikh surat balasan JPA kepada jabatan/agensi yang memaklumkan permohonan sedang diproses sehingga tarikh surat perakuan kepada Perbendaharaan Malaysia dikeluarkan. Antara sebab permohonan diproses melebihi tempoh 5 bulan adalah seperti berikut:-

a. JPA Memerlukan Maklumat Tambahan

Semakan Audit mendapati 22 daripada 43 permohonan yang lewat diproses disebabkan JPA memerlukan maklumat tambahan dari jabatan/agensi untuk menyokong justifikasi permohonan perjawatan sebelum membentangkan Kertas Pertimbangan dalam mesyuarat Jawatankuasa yang meluluskannya.

Pada pandangan Audit, masalah kelewatan yang berpunca daripada kekurangan maklumat ini boleh dielakkan sekiranya JPA mengambil tindakan yang berikut :-

i. **JPA hendaklah mengedarkan Panduan Tatacara Permohonan Perjawatan yang telah disediakannya kepada semua jabatan/agensi bagi menjelaskan syarat atau keperluan-keperluan yang wajar dipatuhi apabila mengemukakan permohonan kepadanya.** Pihak Audit telah mengedarkan Borang Soal Selidik kepada pegawai sumber

manusia di 20 jabatan/agensi. Hasil daripada maklum balas yang diterima daripada soal selidik tersebut mendapati hanya 11 jabatan/agensi telah menerima panduan tersebut. Selain itu, sungguhpun JPA telah mewujudkan sistem *i - MAPSA* (Maklumat Perjawatan Sektor Awam) yang menjelaskan tentang perkara-perkara yang perlu dipatuhi semasa mengemukakan permohonan perjawatan, namun 4 daripada 11 Jabatan/agensi memaklumkan sistem ini sukar diakses.

ii. **JPA perlu menetapkan setiap pegawainya yang menerima permohonan perjawatan menggunakan Senarai Semak Kepada Proses Kerja Kajian Perjawatan yang sedia ada bagi memastikan setiap permohonan itu lengkap. Jika sebaliknya, permohonan itu hendaklah dikembalikan kepada jabatan/agensi berkenaan untuk pembetulan.**

b. Permohonan Yang Diterima Secara *Ad-hoc*

Setiap tahun, JPA menetapkan bilangan kertas permohonan yang akan dikaji untuk dijadikan Sasaran Kerja Tahunan (SKT). Bagaimanapun, JPA juga ada menerima permohonan pewujudan dan penstrukturan perjawatan secara *ad-hoc* seperti penubuhan agensi baru yang dipersetujui oleh Kabinet yang lebih penting dan perlu diselesaikan segera menyebabkan permohonan yang ditetapkan dalam SKT lewat atau terpaksa ditangguhkan. Jumlah permohonan *ad-hoc* berbanding permohonan yang disenaraikan dalam SKT bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 ditunjukkan di jadual berikut :-

JADUAL 2.5
PERMOHONAN YANG DITERIMA SECARA *AD-HOC*

JENIS PERMOHONAN	TAHUN 2004			TAHUN 2005			TAHUN 2006		
	SKT		*AD-HOC*	SKT		*AD-HOC*	SKT		*AD-HOC*
	R	CAPAI		R	CAPAI		R	CAPAI	
Kajian Struktur	119	68	13	212	180	19	118	38	2
Pengukuhan Perjawatan	157	139	156	168	156	119	138	66	20
JUMLAH	**276**	**207**	**169**	**380**	**336**	**138**	**256**	**104**	**22**

Nota : ***SKT - Sasaran Kerja Tahunan*** ***R - Rancang***

c. Jabatan/Agensi Mohon Penangguhan

Semakan Audit mendapati 7 jabatan/agensi memohon penangguhan pemprosesan terhadap cadangan asal yang dikemukakan kepada JPA kerana jabatan/agensi berkenaan berhasrat untuk mengemukakan cadangan baru atau meminda cadangan sedia ada. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.6
JABATAN/AGENSI MEMOHON PENANGGUHAN

KERTAS CADANGAN	TEMPOH PROSES	SEBAB
Penyusunan Semula Struktur Organisasi Kementerian Pelancongan Malaysia	18 bulan	Jabatan/agensi menukar perancangan.
Permohonan Pewujudan Jawatan Di 5 Pejabat Perwakilan Pertanian Di Luar Negara	Belum selesai	Jabatan/agensi batalkan kertas permohonan asal dan akan kemukakan permohonan baru.
Cadangan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIAIMP)	31 bulan	MAIAIMP hantar permohonan tambahan untuk dikaji bersekali dengan permohonan asal.
Penggredan Semula Jawatan Di Perbendaharaan Malaysia	12 bulan	Pembentangan di Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi ditangguhkan kerana perlu dibuat bersekali dengan Bahagian Belanjawan yang pada peringkat awal tidak dimasukkan.
Penyusunan Semula Jawatan Bahagian Istiadat Dan Urusetia, Persidangan Antarabangsa	8 bulan	Jabatan/agensi hantar permohonan tambahan untuk dikaji bersekali dengan permohonan asal.
Permohonan Pewujudan Jawatan Tetap Dan Berpencen Di Jabatan Perlindungan Alam Sekitar	Belum selesai	Jabatan/agensi batalkan kertas permohonan asal dan akan kemukakan permohonan baru.
Permohonan Pewujudan Jawatan Tetap Bagi Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Iman	Belum selesai	Jabatan/agensi batalkan kertas permohonan asal dan akan kemukakan permohonan baru.

2.4.3. Permohonan Kajian Perjawatan

2.4.3.1. Jabatan/agensi boleh mengemukakan permohonan kepada JPA untuk menjalankan kajian perjawatan bagi tujuan yang berikut :-

a. Penyusunan semula - perubahan besar kepada struktur, fungsi serta perjawatan sesebuah organisasi kerana perubahan hala tuju, objektif, peranan, visi, misi dan tanggungjawab sesebuah organisasi.

b. Pengukuhan perjawatan - pewujudan/pemansuhan/pengagihan perjawatan di unit/bahagian sedia ada yang tidak melibatkan perubahan besar kepada struktur organisasi.

c. Penubuhan unit baru - pewujudan sesebuah jabatan/agensi berikutan keputusan Kerajaan.

2.4.3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap kekerapan permohonan kajian perjawatan di 13 jabatan/agensi dan 97 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006. Hasil daripada semakan tersebut mendapati kekerapan permohonan jabatan/agensi tidak seimbang kerana ada jabatan/agensi yang terlalu kerap memohon kajian perjawatan dan ada pula yang tidak pernah memohon. Lapan daripada 13 jabatan/agensi yang diaudit

telah mengemukakan permohonan kajian perjawatan antara 10 hingga 47 kali dalam tempoh tahun 2002 hingga 2006. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.7
KEKERAPAN PERMOHONAN KAJIAN PERJAWATAN YANG DIKEMUKAKAN KEPADA JPA BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2006

KEMENTERIAN / JABATAN	KRITERIA		
	BILANGAN PERMOHONAN	TAHUN MEMOHON	JENIS KAJIAN PERJAWATAN YANG DIPOHON
Pengajian Tinggi	6	2004, 2005	Penyusunan Semula
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	11	2002, 2003, 2004, 2005, 2006	6 - Penyusunan Semula 5 - Pengukuhan Perjawatan
Kesihatan	31	2002, 2003, 2004, 2005, 2006	9 - Penyusunan Semula 22 - Pengukuhan Perjawatan
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	26	2002, 2003, 2004, 2005, 2006	6 - Penyusunan Semula 20 - Pengukuhan Perjawatan
Belia Dan Sukan	19	2002, 2003, 2004, 2005, 2006	5 - Penyusunan Semula 14 - Pengukuhan Perjawatan
Sumber Manusia	22	2002, 2003, 2004, 2005, 2006	7 - Penyusunan Semula 15 - Pengukuhan Perjawatan
Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	10	2004, 2005, 2006	3 - Penyusunan Semula 7 - Pengukuhan Perjawatan
Penerangan	18	2002, 2003, 2004, 2005, 2006	4 - Penyusunan Semula 14 - Pengukuhan Perjawatan
Institusi Pengajian Tinggi Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Dan Lembaga Akreditasi Negara	8	2004, 2005, 2006	Penyusunan Semula
Pelajaran	47	2002, 2003, 2004, 2005, 2006	17 - Penyusunan Semula 30 - Pengukuhan Perjawatan
Perpustakaan Negara	1	2002	Penyusunan Semula
Majlis Peperiksaan Malaysia	1	2004	Penyusunan Semula
Dewan Bahasa Dan Pustaka	1	2005	Pengukuhan Perjawatan

2.4.3.3. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, pihak Audit mendapati hanya 41 daripada 97 PBT di Semenanjung Malaysia yang mengemukakan permohonan kajian perjawatan bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006 sungguhpun terdapat PBT yang mengalami kekurangan kakitangan untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya seperti penguatkuasaan dan pengurusan kewangan sebagaimana yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang terdahulu. Berikut diberikan kekerapan permohonan kajian perjawatan oleh PBT :-

JADUAL 2.8
KEKERAPAN PERMOHONAN KAJIAN PERJAWATAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN KEPADA JPA BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2006

NEGERI	JUMLAH PBT	PBT YANG MOHON	KEKERAPAN PERMOHONAN	TAHUN MOHON	JENIS KAJIAN
Johor	15	1	1	2002	Penyusunan semula
Perak	15	9	12	2002, 2003, 2004, 2006	9 - penyusunan semula 3 - pengukuhan perjawatan
Selangor	12	7	9	2002, 2003, 2004, 2005	8 - penyusunan semula 1 - pengukuhan perjawatan
Kelantan	12	3	3	2002, 2005, 2006	1 - penyusunan semula 2 - pengukuhan perjawatan
Pahang	11	5	5	2002, 2004, 2005, 2006	4 - penyusunan semula 1 - pengukuhan perjawatan
Kedah	11	3	3	2003,2005	Penyusunan semula
Negeri Sembilan	8	8	9	2002, 2004, 2005	7 - penyusunan semula 2 - pengukuhan perjawatan
Terengganu	7	2	2	2002, 2005	1 - penyusunan semula 1 - pengukuhan perjawatan
Melaka	3	2	2	2003, 2006	Penyusunan semula
Pulau Pinang	2	1	1	2003	Penyusunan semula
Perlis	1	-	-	-	-
JUMLAH	**97**	**41**	**47**		

Pada pandangan Audit, JPA perlu menetapkan polisi berhubung dengan kekerapan permohonan kajian perjawatan oleh jabatan/agensi supaya setiap jabatan/agensi dapat menyesuaikan kedudukan perjawatannya dengan beban tugas dan keperluan semasa. Dengan adanya polisi ini juga boleh membantu JPA untuk merancang penggunaan sumber-sumbernya, khususnya dari segi masa dan guna tenaga supaya kajian perjawatan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

2.4.3.4. Permohonan kajian perjawatan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi ada kalanya melibatkan pertambahan atau pewujudan jawatan-jawatan kader. Jawatan kader adalah jawatan yang dipunyai oleh sesebuah Kementerian/Jabatan yang diwujudkan di pelbagai agensi berdasarkan keperluan tetapi pengisiannya diuruskan dan dikawal oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Semakan Audit mendapati **JPA telah memperakukan permohonan bagi jawatan kader tanpa terlebih dahulu merujuk kepada Ketua Perkhidmatan yang berkenaan. Jabatan/agensi juga tidak mendapatkan sebarang ulasan daripada Ketua Perkhidmatan berhubung perjawatan kader yang dipohon semasa peringkat penyediaan kertas cadangannya.** Akibatnya, Ketua Perkhidmatan tidak dapat memenuhi permohonan pengisian jabatan/agensi dengan segera mengikut jumlah jawatan yang dikehendaki.

2.4.3.5. Bagi permohonan kajian perjawatan yang melibatkan jabatan/agensi negeri, Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan :-

> *"Tertakluk kepada Fasal (2), tiada sesuatu negeri boleh dengan tidak diluluskan oleh Persekutuan, membuat apa-apa tambahan kepada perjawatannya atau perjawatan bagi mana-mana jabatannya atau mengubah kadar-kadar gaji dan pendapatan yang ditetapkan jika dengan berbuat demikian itu tanggungan Persekutuan mengenai pencen, ganjaran atau elaun-elaun lain yang seumpamanya akan bertambah".*

2.4.3.6. Selaras dengan peruntukan undang-undang ini, semua permohonan pertambahan atau pemansuhan jawatan tetap dari jabatan/agensi negeri perlu dirujuk kepada JPA bagi mendapatkan kelulusan. Sebaik sahaja perakuan permohonan diberikan oleh Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA, Perbendaharaan Malaysia akan mengeluarkan surat kelulusan bagi pelantikan/ pemansuhan jawatan tersebut kepada jabatan/agensi negeri yang berkenaan. Bagaimanapun, surat kelulusan perjawatan tersebut perlu dibentang dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan seterusnya waran perjawatan akan dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan Negeri. Dengan waran tersebut, jabatan/agensi negeri boleh mengemukakan permohonan pengisian kepada SPA. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun permohonan pertambahan jawatan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi negeri diperakui dan diluluskan oleh JPA tetapi pengisian jawatan adalah tertakluk kepada bajet tahunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk jabatan/agensi negeri berkenaan.

2.4.3.7. Semakan Audit terhadap 11 permohonan yang melibatkan jabatan/agensi negeri di Selangor, Sarawak, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka mendapati proses pengeluaran waran perjawatan oleh Pejabat Kewangan Negeri daripada tarikh surat kelulusan perjawatan diterima daripada Perbendaharaan Malaysia mengambil masa antara 8 hingga 160 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.9
TEMPOH MASA PENGELUARAN WARAN PERJAWATAN

KERTAS CADANGAN	TARIKH KELULUSAN PERJAWATAN	TARIKH WARAN DIKELUARKAN OLEH PEJABAT KEWANGAN NEGERI	TEMPOH DIAMBIL UNTUK MENGELUARKAN WARAN (Hari)
Jabatan Bekalan Air Pahang	30.01.2003	09.07.2003	160
Permohonan Penambahan Jawatan Bahagian Pentadbiran Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Sembilan	03.12.2004	20.01.2005	48
Kajian Struktur Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor	14.03.2005	14.06.2005	92

KERTAS CADANGAN	TARIKH KELULUSAN PERJAWATAN	TARIKH WARAN DIKELUARKAN OLEH PEJABAT KEWANGAN NEGERI	TEMPOH DIAMBIL UNTUK MENGELUARKAN WARAN (Hari)
Cadangan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Lembaga Muzium Negeri Sembilan	25.05.2005	19.08.2005	86
Cadangan Penstrukturan Semula Jabatan Agama Islam Sarawak	10.08.2005	23.01.2006	166
Penyusunan Semula Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	25.04.2006	03.05.2006	8
Penyusunan Semula Struktur Organisasi Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor	25.04.2006	03.05.2006	8
Cadangan Pewujudan Jawatan Untuk Perbadanan Muzium Negeri Melaka	09.05.2006	22.06.2006	44

Pada pandangan Audit, setiap Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi penyusunan semula dan pengukuhan jawatan jabatan/agensi negeri berkenaan perlu mengambil tindakan mempercepatkan pengeluaran waran perjawatan supaya jawatan yang diluluskan dapat diisi dengan segera.

2.4.4. Pengisian Jawatan

2.4.4.1. Semakan Audit mendapati SPA hanya mempunyai maklumat mengenai jumlah kekosongan yang dipohon pengisiannya oleh jabatan/agensi dan tiada maklumat mengenai kekosongan yang belum dipohon pengisiannya. Ini adalah kerana SPA tidak mewajibkan jabatan/agensi untuk melaporkan kedudukan kekosongan tahunan bagi semua jawatan yang kuasa pengambilannya di bawah SPA. Pihak Audit difahamkan hanya Kementerian Kesihatan mengemukakan kepada SPA maklumat jawatan yang telah diluluskan, pengisian yang telah dibuat dan kekosongan yang masih belum diisi mengikut tahun. Dengan maklumat tersebut, SPA dapat memantau dan merancang proses pengambilan sesuatu jawatan dengan lebih baik.

2.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap 28 jabatan/agensi mendapati beberapa jabatan/agensi tidak mengemukakan permohonan pengisian jawatan kepada SPA sebaik sahaja waran diterima dan berkuat kuasa. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak

Semakan terhadap Kertas Cadangan Penstrukturan Semula Jabatan Agama Islam Sarawak mendapati permohonan telah dikemukakan untuk menambah sebanyak 256 jawatan baru dan menaik taraf jawatan Pengarah daripada Gred N54 kepada Gred JUSA C. JPA telah meluluskan sebanyak 138 jawatan baru pada 10 Ogos 2005. Walaupun waran perjawatan telah dikeluarkan oleh Pejabat

Kewangan Negeri Sarawak pada 23 Januari 2006 untuk semua jawatan yang telah diluluskan oleh JPA, namun pengisian jawatan hanya dibuat secara berperingkat. Pada tahun 2006, pengisian hanya dibuat untuk jawatan kritikal iaitu melibatkan 8 jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan). Manakala untuk tahun 2007, sebanyak 26 jawatan dirancang untuk diisi berdasarkan peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri dan baki 104 jawatan akan diisi secara berperingkat sehingga tahun 2013. Pihak Audit difahamkan pengisian dibuat secara berperingkat bagi meringankan beban kewangan Kerajaan Negeri.

b. Agensi Nuklear Malaysia

JPA telah meluluskan penyusunan semula struktur organisasi Agensi Nuklear Malaysia bagi mewujudkan 184 jawatan pelbagai gred pada tahun 2006. Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan waran perjawatan yang berkuat kuasa mulai bulan Jun 2006. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2006, Agensi Nuklear Malaysia masih belum mengemukakan permohonan pengisian jawatan lantikan kepada SPA. Mengikut penjelasan Agensi Nuklear Malaysia, sebaik sahaja waran perjawatan diterima pada bulan Jun 2006, urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat telah dilaksanakan terlebih dahulu bagi memastikan bilangan sebenar kekosongan jawatan yang perlu diisi. Didapati urusan tersebut telah selesai dilaksanakan pada bulan Disember 2006 dan Agensi Nuklear Malaysia telah memulakan proses pengisian jawatan lantikan pada bulan Januari 2007.

c. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diluluskan 2 waran perjawatan pada tahun 2005 dan 2006 untuk mengukuhkan organisasi JAKIM. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan permohonan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut yang berpunca daripada ketiadaan ruang pejabat untuk menempatkan pegawai-pegawai baru. Selain itu, JAKIM juga memerlukan masa untuk menetapkan kelayakan mereka yang akan dilantik bagi menyesuaikannya dengan tugas yang akan dijalankan. Berikut diberikan tarikh waran dikeluarkan dan tarikh permohonan pengisian jawatan dibuat :-

JADUAL 2.10
TARIKH WARAN DIKELUARKAN DAN PERMOHONAN PENGISIAN JAWATAN DIBUAT

JAWATAN	TARIKH WARAN DIKELUARKAN	BILANGAN JAWATAN YANG DILULUSKAN	TARIKH PERMOHONAN PENGISIAN JAWATAN	TEMPOH DIAMBIL MENGEMUKAKAN PERMOHONAN PENGISIAN (Bulan)
Pegawai Hal-Ehwal Islam Gred S41	1 November 2005	50	1 April 2006	5
	1 Januari 2006	46		3

d. Jabatan Kastam

Permohonan pengisian jawatan dan penempatan anggota Kastam adalah diuruskan di peringkat Ibu Pejabat Kastam. Pejabat Cawangan Kastam hanya menerima calon yang dihantar oleh Ibu Pejabat. Semakan Audit mendapati Jabatan Kastam tidak mengemukakan permohonan pengisian jawatan mengikut jumlah kekosongan yang ada. Sehingga akhir tahun 2005, jumlah kekosongan jawatan Penguasa Kastam Gred W41 di seluruh negara adalah 243 jawatan. Daripada jumlah kekosongan tersebut, Jabatan Kastam telah mengemukakan permohonan pengisian kepada SPA sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Januari 2006 bagi mengisi 12 kekosongan dan pada bulan Ogos 2006 bagi mengisi 92 kekosongan. Setakat 31 Disember 2006, Jabatan Kastam mempunyai 258 kekosongan Penguasa Kastam di mana 116 jawatan telah diisi. Manakala selebihnya 142 jawatan telah diluluskan oleh JPA pada akhir tahun 2004 untuk dinaik taraf kepada jawatan Gred W48 (Khas Untuk Penyandang - KUP) dan kesemuanya telah diisi oleh Penguasa Kastam Gred W41.

Pada pandangan Audit, jabatan/agensi perlu menjalankan proses pengisian dengan secepat mungkin sebaik sahaja waran diterima bagi membolehkan jabatan/agensi menjadi cekap dan berkesan dalam melaksanakan fungsinya. Ini selaras dengan justifikasi yang diberikan semasa mengemukakan permohonan kepada JPA bagi mewujudkan jawatan berkenaan.

2.4.4.3. Semakan Audit terhadap 6 jabatan/agensi yang ada memohon jawatan kader mendapati sebanyak 151 daripada 406 jawatan kader pelbagai perkhidmatan masih tidak dapat diisi sehingga akhir tahun 2006 walaupun waran diterima sejak tahun 2003. Sebahagian besar jawatan kader yang dipohon melibatkan Jabatan Kerja Raya (JKR). Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.11**. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada JKR, antara sebab jawatan kader JKR lewat diisi adalah kerana pewujudan dan penambahan jawatan kader tidak dimaklumkan terlebih dahulu kepadanya. Ini menyebabkan JKR tidak dapat membuat persediaan yang sewajarnya untuk membekalkan calon dengan segera kepada jabatan/agensi yang memohon. Sekiranya anggota sedia ada dibekalkan, projek-projek kendalian JKR pula akan menghadapi masalah.

JADUAL 2.11
KEDUDUKAN PERJAWATAN KADER

JABATAN/AGENSI	TARIKH KELULUSAN JPA	JENIS SKIM PERKHIDMATAN	BILANGAN		
			JAWATAN	ISI	KOSONG
Jabatan Bekalan Air Pahang	25.02.2003	J, C, W	320	233	87
Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	28.01.2005	W, L	4	3	1
Taman Sri Puteri Kuching Sarawak, Jabatan Kebajikan Masyarakat	20.04.2005	DGA, U	3	1	2

JABATAN/AGENSI	TARIKH KELULUSAN JPA	JENIS SKIM PERKHIDMATAN	BILANGAN		
			JAWATAN	ISI	KOSONG
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	21.11.2005	W, S	5	3	2
Agensi Nuklear Malaysia	30.05.2006	U, S, W	22	-	22
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	10.07.2006	L, W, J, S, B	52	15	37
JUMLAH			406	255	151

Nota : ***B - Bakat Dan Seni*** ***C - Sains*** ***DGA - Pendidikan***
J - Kejuruteraan ***W - Kewangan*** ***S - Sosial***
U - Perubatan dan Kesihatan ***L - Perundangan Dan Kehakiman***

2.4.4.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati JKR melalui Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan permohonan pengisian sebanyak 484 jawatan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi jawatan tetap Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan bagi tempoh bulan Oktober 2006 hingga Januari 2007 di mana 72 daripadanya adalah untuk mengisi jawatan kader di pelbagai Kementerian/Jabatan. Bagaimanapun setakat 1 April 2007, hanya 12 jawatan kader di pelbagai Kementerian/Jabatan telah diisi.

Pada pandangan Audit, Ketua Perkhidmatan perlu dimaklumkan jika ada jawatan kader yang diluluskan supaya keperluan ini dapat diambil kira semasa Ketua Perkhidmatan berkenaan merancang permohonan pengambilan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan seterusnya memastikan jawatan kader dapat diisi dengan segera. Sehubungan ini, JPA juga hendaklah menguatkuasakan Pindaan Panduan Tatacara Permohonan Perjawatan mengenai permohonan yang melibatkan jawatan kader yang telah disediakannya bagi memastikan jabatan/agensi mendapatkan ulasan daripada Ketua Perkhidmatan terlebih dahulu sekiranya permohonan melibatkan jawatan kader.

2.4.4.5. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hanya menguruskan pengambilan untuk jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk berdasarkan Sijil Pelajaran Malaysia, diploma dan ijazah bagi Persekutuan serta 4 negeri sahaja iaitu Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis. Bagi negeri-negeri lain, urusan pengambilan jawatan diuruskan oleh SPA negeri masing-masing. Manakala pengambilan jawatan yang mensyaratkan kelayakan berdasarkan masuk Sijil Penilaian Menengah Rendah dan ke bawah, SPA telah mewakilkan kuasa pengambilan kepada Kementerian/Jabatan. Pada setiap hujung tahun, SPA akan mengemukakan surat ingatan atau *call letter* kepada semua Ketua Jabatan Persekutuan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berkenaan bagi memaklumkan tanggungjawab jabatan/agensi supaya melaporkan kekosongan jawatan kepada SPA. Ini adalah selaras dengan Peruntukan 14(3), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 yang menyatakan Ketua Jabatan bertanggungjawab

mengemukakan permohonan pengisian jawatan kepada SPA melalui borang PG.SPA. SPA hanya dapat menjalankan urusan pengambilan dan pelantikan jawatan ke dalam perkhidmatan awam sekiranya menerima permohonan daripada jabatan/agensi. **Semakan Audit mendapati kes di mana SPA telah menguruskan pengisian jawatan sungguhpun terdapat Kementerian tidak menggunakan borang PG.SPA semasa mengemukakan permohonan pengisian jawatan.** Contohnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) tidak menggunakan borang tersebut semasa mengemukakan permohonan kepada SPA pada bulan Oktober 2006 untuk mengisi 8 jawatan Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41 dan juga 3 kekosongan disebabkan persaraan bagi Jabatan Hal-ehwal Kesatuan Sekerja. Namun demikian, SPA telah mengemukakan 9 nama calon dari senarai simpanan pada bulan November 2006 dan seterusnya pada bulan Disember 2006, meminta KSM mengemukakan borang PG.SPA untuk permohonan pengisian baki 2 kekosongan yang perlu dibuat melalui proses pengambilan biasa. Didapati KSM hanya mengemukakan borang tersebut pada bulan Mac 2007.

2.4.4.6. Bagi menguruskan pengambilan calon untuk pengisian jawatan, JPA akan mengadakan proses tapisan tertentu berdasarkan bilangan permohonan yang diterima supaya dapat menyenarai pendek senarai calon yang perlu dipanggil menghadiri temu duga. Proses tapisan mengambil masa yang lama jika bilangan calon yang memohon terlalu ramai berbanding kekosongan yang ada. Semakan Audit mendapati jumlah permohonan yang berdaftar dengan bank data SPA bertambah dari 403,721 pada tahun 2004 menjadi 672,576 pada tahun 2006 iaitu pertambahan sebanyak 268,855 permohonan. Daripada permohonan tersebut, bilangan calon yang dipanggil menghadiri temu duga selepas melakukan proses tapisan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah antara 16% hingga 29%. Ini bermakna, kira-kira 70% hingga 80% permohonan yang diterima perlu ditapis keluar. Bilangan permohonan dan calon yang dipanggil untuk menghadiri temu duga sehingga dilantik bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.12
PERBANDINGAN JUMLAH PERMOHONAN, TAPISAN DAN JUMLAH TAWARAN

PERKARA	BILANGAN CALON		
	2004	2005	2006
Jumlah Permohonan	403,721	409,711	672,576
Jumlah Yang Tidak Memenuhi Kriteria	321,820	288,032	564,758
Jumlah Yang Dipanggil Untuk Temu Duga	81,901	121,679	107,818
% Calon Dipanggil Temu Duga	20.3%	29.7%	16%
Jumlah Tawaran Lantikan Dan Latihan	16,388	17,031	18,634
% Calon Yang Ditawarkan Jawatan Dan Latihan	20.0%	14.0%	17.3%

2.4.4.7. Piagam Pelanggan SPA ialah mengemukakan calon berjaya kepada jabatan/agensi dalam tempoh 8 minggu bagi jawatan yang tidak mensyaratkan ujian khas dan 16 minggu sebaliknya. Semakan Audit telah dilakukan terhadap 10 permohonan pengisian yang dikemukakan kepada SPA dan mendapati SPA mengambil masa melebihi tempoh 8 minggu untuk membekalkan calon bagi mengisi 9 jenis jawatan yang tidak mensyaratkan ujian khas. Masa yang diambil adalah antara 11 hingga 34 minggu. Bagi jawatan yang mensyaratkan ujian khas, semakan Audit mendapati tempoh masa yang diambil oleh SPA untuk membekalkan calon bagi jawatan Pegawai Kebajikan Masyarakat juga melebihi tempoh yang ditetapkan. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 2.13
TEMPOH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MEMBEKALKAN CALON DARI TARIKH PERMOHONAN JABATAN/AGENSI

JAWATAN	TARIKH		TEMPOH (MINGGU)
	JABATAN/AGENSI MEMOHON	SPA MEMBEKALKAN CALON BERJAYA	
JAWATAN YANG TIDAK MENSYARATKAN UJIAN KHAS			
Jurutera Mekanikal Gred J41 Kementerian Kerja Raya	13.04.2004	09.12.2004	34
Pegawai Penyelidik (Elektrik/ Elektronik) Gred Q41 Agensi Nuklear Malaysia	19.05.2004	26.08.2004	14
Pegawai Penyelidik (Fizik) Gred Q41 Agensi Nuklear Malaysia	19.05.2004	20.08.2004	13
Pegawai Sains (Forensik) Gred C41 Kementerian Kesihatan	28.01.2005	16.05.2005	15
Pegawai Sains (Kaji Serangga) Gred C41 Kementerian Kesihatan	21.02.2005	05.06.2005	15
Pembantu Tadbir Gred N17 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	28.12.2005	28.04.2006	17
Pegawai Hal-ehwal Islam Gred S41 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	17.01.2006	06.04.2006	11
Jurutera Awam Gred J41 Jabatan Pengairan dan Saliran	04.07.2006	03.11.2006	17
Laskar Maritim Gred X1 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	25.09.2006	10.01.2007	15
JAWATAN YANG MENSYARATKAN UJIAN KHAS			
Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41 Jabatan Kebajikan Masyarakat	25.04.2006	24.08.2006	17

2.4.4.8. Semakan Audit mendapati SPA tidak dapat membekal calon yang berjaya dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan oleh beberapa faktor antara lainnya adalah seperti berikut :-

a. Proses Tapisan

Mengikut standard SPA, nisbah jawatan pegawai berbanding calon yang dipanggil untuk temu duga ialah 1:7 hingga 1:10. Bagi mendapatkan jumlah calon selaras dengan nisbah tersebut, beberapa asas tapisan digunakan termasuklah peperiksaan, bidang pengkhususan pengajian serta umur dan kelayakan yang lebih tinggi. Semakan Audit mendapati SPA mengambil masa

antara 3 hingga 109 hari untuk menjalankan tapisan calon. Bagi jawatan Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41, tempoh tapisan adalah selama 10 minggu termasuk ujian khas yang dijalankan.

JADUAL 2.14
TEMPOH TAPISAN UNTUK MENGHADIRI TEMU DUGA

JAWATAN	TARIKH SPA MULA PROSES TAPISAN	TARIKH SENARAI TERAKHIR CALON DIKELUARKAN	TEMPOH (HARI)
Jurutera Mekanikal Gred J41 Kementerian Kerja Raya	17.4.2004	20.4.2004	3
Pegawai Penyelidik (Elektrik/ Elektronik) Gred Q41, Agensi Nuklear Malaysia	21.5.2004	18.6.2004	28
Pegawai Penyelidik (Fizik) Gred Q41 Agensi Nuklear Malaysia	31.5.2004	23.6.2004	23
Pegawai Sains (Kaji Serangga) Gred C41 Kementerian Kesihatan	24.2.2005	1.3.2005	5
Pegawai Sains (Forensik) Gred C41 Kementerian Kesihatan	4.2.2005	15.2.2005	11
Pembantu Tadbir Gred N17 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	5.1.2006	20.2.2006	46
Pegawai Hal-ehwal Islam Gred S41 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	20.1.2006	9.5.2006	109
Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41 Jabatan Kebajikan Masyarakat	25.4.2006	7.7.2006	73
Jurutera Awam Gred J41 Jabatan Pengairan dan Saliran	6.7.2006	16.8.2006	41
Laskar Maritim Gred X1 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	2.10.2006	20.10.2006	18

b. Proses Temu Duga

i. Calon yang memenuhi syarat skim perkhidmatan dan melepasi tapisan akan dipanggil untuk temu duga. Proses temu duga bermula apabila senarai terakhir calon untuk ditemu duga dikeluarkan. Ahli SPA akan bertindak sebagai Pengerusi Lembaga Temu Duga dan dibantu oleh sekurang-kurangnya seorang wakil dari jabatan/agensi yang terlibat dengan jawatan yang ditemu duga. Ini diikuti dengan penubuhan Lembaga Temu Duga (Lembaga) dan penyusunan jadual temu duga mengikut bilangan Lembaga yang ditubuhkan. Seterusnya, sesi temu duga dimulakan dan bilangan hari temu duga ditentukan mengikut bilangan calon yang dipanggil menghadiri temu duga.

ii. Semakan Audit mendapati SPA mengambil masa antara 15 hingga 147 hari untuk melengkapkan proses temu duga dari tarikh senarai terakhir calon dikeluarkan sehingga berakhirnya tempoh temu duga. Tempoh yang diambil untuk menubuhkan Lembaga ini dan menyusun jadual temu duga adalah antara seminggu sehingga 19 minggu. Manakala tempoh temu duga sahaja mengambil masa antara 1 hingga 10 hari bergantung kepada bilangan calon yang dipanggil ke sesi temu duga. Tempoh temu duga boleh disingkatkan sekiranya lebih banyak Lembaga ditubuhkan. Bagaimanapun, dengan jumlah ahli SPA tidak boleh melebihi 30 orang

dalam sesuatu masa dan bilangan sesi yang banyak, maka bilangan Lembaga yang ditubuhkan untuk sesuatu sesi temu duga adalah antara 1 hingga 4 sahaja bagi urusan pengambilan sesuatu jawatan. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.15
TEMPOH PROSES TEMU DUGA

JAWATAN/AGENSI	TARIKH SIAP SENARAI TERAKHIR CALON UNTUK TEMU DUGA	TARIKH LEMBAGA DITUBUHKAN/ JADUAL DISEDIAKAN	SURAT PANGGILAN TEMU DUGA	TEMPOH TEMU DUGA	TEMPOH KESELURUHAN PROSES (HARI)
Jurutera Mekanikal Gred J41 Kementerian Kerja Raya	20.4.2004	1.9.2004	20.8.2004	1.9.2004 hingga 14.9.2004	147
Pegawai Penyelidik Gred Q41 Agensi Nuklear Malaysia	18.6.2004	12.7.2004	13.7.2004	6.8.2004 hingga 18.8.2004	61
Pegawai Penyelidik (Fizik) Gred Q41 Agensi Nuklear Malaysia	23.6.2004	12.7.2004	13.7.2004	5.8.2004 hingga 13.8.2004	51
Pegawai Sains (Forensik) Gred C41 Kementerian Kesihatan	15.2.2005	16.2.2005	2.3.2005	2.3.2005	15
Pegawai Sains (Kaji Serangga) Gred C41 Kementerian Kesihatan	1.3.2005	7.3.2005	16.3.2005	25.4.2005 hingga 28.4.2005	58
Pembantu Tadbir Gred N17 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	20.2.2006	27.2.2006	8.3.2006	12.4.2006 hingga 14.4.2006	53
Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41 Jabatan Kebajikan Masyarakat	7.7.2006	Jun 2006	10.7.2006	25.7.2006 hingga 4.8.2006	28
Jurutera Awam Gred J41 Jabatan Pengairan Dan Saliran	16.8.2006	12.9.2006	20.9.2006	3.10.2006 hingga 13.10.2006	58
Laskar Maritim Gred X1 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	20.10.2006	20.11.2006	16.11.2006	26.11.2006 hingga 30.11.2006	41

2.4.4.9. SPA melaksanakan urusan pengambilan menggunakan Sistem Mengambil Sepanjang Masa yang diperkenalkan mulai bulan Januari 1997. Melalui Sistem ini, permohonan jawatan kosong di sektor awam boleh dibuat sepanjang masa sama ada dengan menggunakan borang SPA 8 atau SPA 8i *(on-line).* SPA tidak lagi mengeluarkan iklan setiap kali berlakunya kekosongan jawatan. Pemohon tidak perlu menunggu iklan disiarkan di akhbar, sebaliknya boleh membuat permohonan pada bila-bila masa. Kesemua permohonan yang lengkap akan didaftarkan dalam Bank Data Berkomputer. Apabila wujud kekosongan, SPA akan mendapatkan senarai calon melalui Bank Data Berkomputer tersebut. Walaupun Sistem Mengambil Sepanjang Masa telah digunakan, SPA masih menghadapi masalah bagi mengisi beberapa jawatan

disebabkan ketiadaan calon seperti jawatan Pegawai Laut dan Jurutera Laut atau kekurangan calon memohon terutamanya bagi jawatan Pegawai Perubatan, Pengajar, Pegawai Farmasi, Pegawai Pemulihan Perubatan dan Pegawai Pergigian. Menurut maklum balas daripada Kementerian Kesihatan, kekosongan jawatan ini menyebabkan berlakunya kekurangan doktor di hospital seluruh negara dan ini telah menjejaskan perkhidmatan kesihatan kepada orang awam. Maklumat lanjut seperti berikut :-

JADUAL 2.16
KEKOSONGAN TIDAK DAPAT DIISI KERANA KETIADAAN/KEKURANGAN CALON

JAWATAN	JUMLAH JAWATAN		
	KEKOSONGAN DIPOHON JABATAN/ AGENSI	TELAH DIBEKALKAN KEPADA JABATAN/ AGENSI	BELUM DIBEKALKAN KEPADA JABATAN/ AGENSI
Pegawai Perubatan Gred U41	3,300	1,405	1,895
Pengajar Gred U41	409	87	322
Pegawai Farmasi Gred U41	743	515	228
Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41	112	24	88
Pegawai Pergigian Gred U41	232	195	37
Pegawai Laut Gred A41	19	-	19
Jurutera Laut Gred A41	2	-	2

Pada pandangan Audit, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam patut mengenal pasti langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mempercepatkan proses tapisan dan temu duga bagi membolehkan calon-calon yang berjaya mengisi sesuatu jawatan dibekalkan dalam tempoh yang telah ditetapkannya. Antara langkah tersebut ialah mempertingkatkan tahap keupayaan sistem komputer sedia ada dan di mana bersesuaian, temu duga secara berkumpulan boleh dijalankan.

2.4.4.10. Berdasarkan statistik pengambilan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, pihak Audit mendapati kehadiran calon ke sesi temu duga adalah antara 44% hingga 100% daripada jumlah calon yang dipanggil untuk temu duga. Analisis telah dijalankan terhadap 11 jawatan lantikan meliputi bidang perubatan, teknikal, pentadbiran, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta perkhidmatan sosial. Berdasarkan analisis tersebut, didapati kehadiran calon bagi jawatan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik serta perkhidmatan kesihatan mencatatkan bilangan kehadiran yang tinggi iaitu melebihi 90%. Bagi jawatan teknikal, peratus kehadiran calon adalah antara 44% hingga 80% sahaja. Manakala bagi jawatan sosial seperti Pegawai Hal-ehwal Islam dan Pegawai Kebajikan Masyarakat, peratus kehadiran calon adalah antara 55% hingga 84%. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.17
KEHADIRAN CALON KE SESI TEMU DUGA BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

JAWATAN	2004				2005				2006			
	BILANGAN			% HADIR	BILANGAN			% HADIR	BILANGAN			% HADIR
	TEMU DUGA	CALON DIPANGGIL	CALON HADIR		TEMU DUGA	CALON DIPANGGIL	CALON HADIR		TEMU DUGA	CALON DIPANGGIL	CALON HADIR	
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	2	1,989	1,867	93.9	1	1,307	1,193	91.3	3	2,833	2,650	93.5
Jurutera Awam Gred J41	2	1,666	1,236	74.2	2	481	348	72.4	1	1,112	744	66.9
Jurutera Mekanikal Gred J41	2	567	348	61.4	-	-	-	-	1	275	122	44.4
Juruukur Bahan Gred J41	2	493	395	80.1	-	-	-	-	-	-	-	-
Arkitek Gred J41	2	244	177	72.5	-	-	-	-	-	-	-	-
Pegawai Sistem Maklumat Gred F41	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1,320	898	68.0
Pegawai Hal-ehwal Islam Gred S41	-	-	-	-	-	-	-	-	2	1,718	955	55.6
Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41	1	152	118	77.6	1	397	299	75.3	3	1,185	1,002	84.6
Pegawai Perubatan Gred U41	25	1,324	1,192	90.0	17	805	761	94.5	36	1,483	1,414	95.4
Pegawai Farmasi Gred U41	6	154	116	75.3	13	487	441	90.6	11	237	230	97.1
Pegawai Pergigian Gred U41	6	140	133	95.0	6	156	156	100	6	189	184	97.4

Pada pandangan Audit, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlu menjalankan kajian bagi mengenal pasti punca kehadiran calon ke sesi temu duga yang kurang memuaskan terutamanya bagi jawatan Pegawai Hal-ehwal Islam, Pegawai Kebajikan Masyarakat dan jawatan-jawatan teknikal.

2.4.5. Kajian Terhadap Struktur Organisasi Bahagian Pembangunan Di 5 Kementerian

Setiap tahun, Kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Bagi membolehkan projek-projek tersebut dirancang, dilaksana dan dipantau dengan baik, selain daripada peruntukan kewangan, Kementerian-kementerian yang terlibat juga memerlukan anggota yang mencukupi. Semakan Audit telah dijalankan terhadap struktur organisasi di 5 kementerian utama yang menerima peruntukan pembangunan tertinggi untuk melaksanakan projek/aktiviti di bawah RMK-9 iaitu Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi serta Kementerian Kesihatan. Peruntukan keseluruhan untuk tempoh 5 tahun pelaksanaan RMK-9 bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010 dianggarkan berjumlah RM200 bilion. Daripada jumlah ini, sejumlah RM74.04 bilion (37.0%) telah diperuntukkan kepada 5 kementerian tersebut untuk melaksanakan 19,955 projek. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati perkara-perkara berikut :-

2.4.5.1. Struktur Organisasi

Bagi melaksanakan projek pembangunan di bawah RMK-9, kelima-lima Kementerian tersebut telah mewujudkan Bahagian Pembangunan untuk melaksanakan tanggungjawab merancang, mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek. Bagaimanapun, didapati kecuali Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kerja Raya, 3 kementerian lain iaitu Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran masing-masingnya mempunyai Bahagian Pembangunan yang bergabung fungsinya dengan bahagian lain terutamanya Bahagian Kewangan, Bahagian Perancangan dan Bahagian Perolehan. Fungsi umum Bahagian Pembangunan di setiap kementerian tersebut ialah seperti berikut :-

a. Merancang pelaksanaan projek Rancangan Malaysia Lima Tahun secara komprehensif.
b. Melaksanakan projek yang dirancang serta memastikan kelancaran pelaksanaan projek yang dilaksanakan oleh agensi lain.
c. Memantau pelaksanaan projek secara menyeluruh melalui jentera-jentera Penyelarasan Pelaksanaan di bawah Arahan No. 1/2004 Majlis Tindakan Negara dan penggunaan Sistem Pemantauan Projek II.
d. Menjalankan penilaian keberkesanan program dan projek di bawah Kementerian.

2.4.5.2. Perjawatan

a. Didapati 5 kementerian tersebut telah diluluskan 510 jawatan pelbagai gred untuk Bahagian Pembangunan yang melaksanakan projek pembangunan dan juga fungsi lain. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 425 jawatan telah diisi meninggalkan kekosongan sebanyak 85 jawatan. Kedudukan perjawatan Bahagian Pembangunan mengikut kementerian setakat 31 Januari 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.18
KEDUDUKAN PERJAWATAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN SETAKAT 31 JANUARI 2007

KEMENTERIAN	JAWATAN				PENGISIAN				KEKOSONGAN			
	PT	PP	SO	JUMLAH	PT	PP	SO	JUMLAH	PT	PP	SO	JUMLAH
Kerja Raya	1	27	23	51	1	19	22	42	-	8	1	9
Pelajaran	1	73	171	245	1	61	158	220	-	12	13	25
Pengajian Tinggi	-	25	25	50	-	20	24	44	-	5	1	6
Tenaga, Air Dan Komunikasi	-	8	14	22	-	8	11	19	-	-	3	3
Kesihatan	3	49	90	142	3	33	64	100	-	16	26	42
JUMLAH	**5**	**182**	**323**	**510**	**5**	**141**	**279**	**425**	**-**	**41**	**44**	**85**

Nota : ***PT - Pengurusan Tertinggi*** ***PP - Pengurusan Dan Profesional***
SO - Sokongan

b. Semakan Audit mendapati sejumlah RM74.04 bilion (37.0%) telah diperuntukkan kepada 5 kementerian tersebut untuk melaksanakan 19,955 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Perbandingan telah dibuat antara jumlah peruntukan di bawah RMK-9, bilangan projek yang perlu dilaksanakan dan kedudukan jawatan yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan projek pembangunan di 5 kementerian itu mendapati pada puratanya, setiap pegawai di Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kesihatan mengendalikan antara 13 hingga 16 projek yang melibatkan peruntukan antara RM101.76 juta hingga RM637.31 juta. Manakala setiap pegawai di Kementerian Pelajaran pada puratanya mengendalikan 76 projek dengan peruntukan RM77.10 juta. Bagi anggota di Bahagian Pembangunan yang bergabung dengan bahagian lain, beban tugas mereka telah bertambah kerana di samping bertanggungjawab terhadap projek pembangunan mereka juga perlu terlibat dengan fungsi lain. Kedudukan beban tugas anggota berbanding dengan bilangan projek adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.19
BILANGAN PROJEK BERBANDING
JUMLAH PENGISIAN JAWATAN SETAKAT 31 JANUARI 2007

KEMENTERIAN	PERANCANGAN PROJEK RMK-9 (TAHUN 2006 - 2010)		BILANGAN JAWATAN			NISBAH JAWATAN YANG DIISI BERBANDING BILANGAN PROJEK
	BILANGAN PROJEK	AMAUN (RM Juta)	LULUS	ISI	KOSONG	
Kerja Raya	540	18,722	51	42	9	1:13
Pelajaran	16,755	16,963	245	220	25	1:76
Pengajian Tinggi	707	16,069	50	44	6	1:16
Tenaga, Air Dan Komunikasi	309	12,109	22	19	3	1:16
Kesihatan	1,644	10,176	142	100	42	1:16
JUMLAH	**19,955**	**74,039**	**510**	**425**	**85**	

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 510 jawatan yang diluluskan, sebanyak 65 bagi jawatan teknikal yang mana 44 daripadanya telah diisi. Kekosongan 21 jawatan melibatkan 3 jawatan di JKR dan baki 18 jawatan kader JKR perlu diisi dengan segera bagi mempertingkatkan keupayaan Bahagian Pembangunan di kesemua 5 kementerian. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.20
KEDUDUKAN JAWATAN TEKNIKAL SETAKAT 31 JANUARI 2007

KEMENTERIAN	BIL. JAWATAN KESELURUHAN		JAWATAN TEKNIKAL		
	LULUS	ISI	LULUS	ISI	KEKOSONGAN
Kerja Raya	51	42	3	-	3
Pelajaran	245	220	50	38	12
Pengajian Tinggi	50	44	7	6	1
Tenaga, Air Dan Komunikasi	22	19	-	-	-
Kesihatan	142	100	5	-	5
JUMLAH	**510**	**425**	**65**	**44**	**21**

Pada pandangan Audit, kesan daripada kekosongan jawatan di Bahagian Pembangunan menyebabkan beban tugas pegawai yang sedia ada bertambah berat kerana terpaksa menanggung kerja-kerja jawatan yang tidak diisi. Ia juga menyebabkan banyak kerja penyeliaan dan pemantauan projek tertangguh terutama pengemaskinian data ke dalam Sistem Pemantauan Projek.

d. Bagi melicinkan pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMK-9, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi terpaksa mengambil Pegawai Khidmat Singkat (PKS) bagi menampung kekosongan jawatan untuk melaksanakan projek berkenaan. Namun demikian, pengambilan PKS membuatkan kementerian tersebut menanggung risiko kerana PKS bukanlah pekerja tetap dan terlatih. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kerja Raya telah juga mengambil tindakan seperti berikut :-

i. Pada tahun 2006, Kementerian Pelajaran telah mengemukakan 3 permohonan kajian perjawatan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA. Bagaimanapun setakat 31 Januari 2007, hanya satu daripada 3 permohonan tersebut telah diluluskan oleh JPA. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 2.21
MAKLUMAT PENSTRUKTURAN SEMULA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KEMENTERIAN PELAJARAN

NAMA KERTAS PERMOHONAN	TARIKH PERMOHONAN	TARIKH DILULUSKAN	JUSTIFIKASI
Permohonan Untuk Mewujudkan Jawatan Pegawai Unit Pelaksanaan Projek Di Bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta Bagi Melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan.	28 Jun 2006	Januari 2007	Pewujudan 2 jawatan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik bagi memantau pelaksanaan projek pembangunan di bawah RMK-9 melalui dana Inisiatif Pembiayaan Swasta.
Permohonan Anggota Secara Kontrak dan Sambilan di Bahagian Pembangunan dan Perolehan.	19 Disember 2006	-	Permohonan adalah bagi menampung keperluan yang mendesak di Bahagian Pembangunan dan Perolehan.
Kertas Cadangan Penstrukturan Semula Bahagian Pembangunan dan Perolehan.	18 Disember 2006	-	Bagi mengasingkan dan menstrukturkan semula Bahagian Pembangunan dan Bahagian Perolehan.

ii. Kementerian Pengajian Tinggi juga telah mengemukakan permohonan penyusunan semula Bahagian Pembangunan pada bulan November 2006 untuk menaik taraf jawatan Setiausaha Bahagian daripada Gred M54 kepada Gred JUSA C serta memohon pertambahan sebanyak 55 jawatan. Bagaimanapun, permohonan tersebut masih dalam pertimbangan JPA.

iii. Didapati Jabatan Kerja Raya telah diberikan kebenaran pada bulan Oktober 2006 untuk mengambil khidmat staf kontrak bagi tempoh 1

Januari 2007 sehingga 31 Disember 2010. Lanjutan itu pada bulan November 2006, JKR telah mengemukakan cadangan pengambilan sebanyak 1,383 jawatan staf kontrak kepada JPA. Bagaimanapun, hanya 660 jawatan telah diluluskan. Jabatan Kerja Raya telah mengadakan sesi temu duga pada bulan Februari 2007 bagi jawatan Jurutera Awam, Jurutera Mekanikal, Jurutera Elektrik, Arkitek, Juruukur Bahan, Juruteknik, Pekerja Rendah Awam dan Pemandu. Semakan Audit mendapati bilangan calon berjaya yang melaporkan diri adalah 77.4% sahaja. Menurut pegawai Kementerian Kerja Raya, calon kurang berminat untuk menerima tawaran pelantikan kerana dibuat secara kontrak. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.22
MAKLUMAT CALON MELAPORKAN DIRI BERBANDING CALON BERJAYA

JAWATAN	SURAT TAWARAN HADIR TEMU DUGA	CALON BERJAYA	CALON LAPOR DIRI	PERATUS CALON YANG MELAPORKAN DIRI
Jurutera Awam	217	63	57	90.5
Jurutera Mekanikal	100	12	10	83.3
Jurutera Elektrik	100	17	7	41.2
Arkitek	144	18	17	94.4
Juruukur Bahan	100	14	10	71.4
Juruteknik	29	29	16	55.2
Pekerja Rendah Awam	5	5	5	100.0
Pemandu	1	1	1	100.0
JUMLAH	**696**	**159**	**123**	**77.4**

2.4.5.3. Selain menyemak kedudukan perjawatan di Bahagian Pembangunan Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi, pihak Audit juga menyemak kedudukan jawatan bagi melaksana dan memantau Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor dan mendapati perkara berikut :-

a. Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor telah diwujudkan untuk mengatasi krisis bekalan air mentah di Selangor dan Lembah Kelang. Projek yang dianggarkan bernilai RM3.90 bilion dan dijangka siap pada tahun 2013 ini telah dikategorikan sebagai *high impact project* di bawah RMK-9.

b. Bagi melaksanakan projek ini, satu pasukan pelaksana telah diwujudkan pada bulan Disember 2005. Sebanyak 38 jawatan telah diluluskan dan 27 daripadanya merupakan jawatan kader Jabatan Kerja Raya yang melibatkan jawatan kenaikan pangkat. Jawatan bagi pasukan pelaksana ini telah diluluskan oleh JPA dengan status jawatan sementara. Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi telah bersetuju supaya pengisian jawatan kader bagi pasukan ini dibuat secara berperingkat dengan pengisian 13 jawatan pada tahun 2006 manakala baki sebanyak 14 jawatan diisi pada tahun 2007.

c. Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi telah mengemukakan permohonan pengisian sebanyak 3 kali kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) daripada bulan Februari hingga September 2006 serta mengadakan 3 perbincangan dengan KKR dan JPA berhubung perkara ini. KKR memaklumkan bahawa pengisian tidak dapat dibuat kerana jawatan kader tersebut berstatus sementara dan KKR akan menghadapi masalah untuk menempatkan semula pegawai berkenaan setelah projek tamat. Sehubungan itu, Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi pada bulan Oktober 2006 telah memohon kepada JPA supaya jawatan sementara yang diluluskan sebelum ini ditukar status kepada jawatan tetap. Bagaimanapun, JPA menolak permohonan tersebut dan berpegang kepada amalan bahawa perjawatan projek diwujudkan secara sementara mengikut tempoh sesuatu projek. Sehingga 31 Januari 2007, hanya 4 jawatan kader JKR telah dibekalkan iaitu Ketua Pasukan Gred JUSA C, 2 Jurutera Awam Gred J52 dan Jurutera Elektrikal Gred J48.

Pada pandangan Audit, bagi meningkatkan kapasiti Bahagian Pembangunan di 5 kementerian berkenaan yang menguruskan projek-projek pembangunan, adalah disyorkan perkara berikut dipertimbangkan :-

i. Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi perlu mewujudkan Bahagian Pembangunan yang khusus untuk menguruskan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti di Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kesihatan.

ii. Kementerian berkenaan perlu mengkaji semula kedudukan perjawatan masing-masing bagi menyesuaikannya dengan keperluan dan beban tugas semasa.

iii. Seperti mana yang disyorkan di perenggan 2.4., Kementerian berkenaan yang telah diluluskan jawatan kader JKR perlu memaklumkan dengan sewajarnya tentang keperluan pengisian jawatan tersebut. Kementerian Kerja Raya pula perlu memastikan jawatan kader di Kementerian tersebut diisi dengan segera supaya projek RMK-9 dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

iv. Jabatan Perkhidmatan Awam perlu mempertimbangkan permohonan penstrukturan semula Bahagian Pembangunan daripada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi serta mengkaji semula pewujudan jawatan kader JKR yang berstatus sementara di Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi bagi menangani kesukaran untuk mengisi jawatan tersebut.

2.4.6. Sistem Maklumat Perjawatan Sektor Awam

2.4.6.1. Setiap jabatan/agensi bertanggungjawab terhadap maklumat perjawatan masing-masing. Maklumat perjawatan tersebut sentiasa berubah dari semasa ke semasa disebabkan adanya pewujudan dan pemansuhan jawatan, pengisian jawatan kosong, persaraan atau pertukaran. Bagaimanapun buat masa kini, tidak ada satu sistem yang dapat mengintegrasikan maklumat perjawatan antara jabatan/agensi, Jabatan Perkhidmatan Awam yang bertanggungjawab terhadap pewujudan dan pemansuhan jawatan, Suruhanjaya Perkhidmatan serta Ketua-ketua Perkhidmatan yang berkenaan yang menguruskan pengambilan dan pengisian jawatan dan Perbendaharaan Malaysia yang mengeluarkan waran perjawatan. Sehubungan ini, maklumat perjawatan yang menyeluruh bagi keseluruhan sektor awam di negara ini hanya dapat dikeluarkan melalui pengumpulan data daripada jabatan/agensi.

2.4.6.2. Didapati sungguhpun JPA bertanggungjawab mengumpulkan data daripada 720 jabatan/agensi bagi mendapatkan kedudukan perjawatan di sektor awam bagi setiap 6 bulan, namun JPA tidak dapat memberikan maklumat berhubung dengan kekosongan jawatan berdasarkan kategori. Ini adalah kerana format berhubung perjawatan yang perlu diisi oleh jabatan/agensi hanya menunjukkan ringkasan kedudukan jawatan yang diluluskan, pengisian dan kekosongan mengikut kategori pengurusan tertinggi, pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan. Tiada pecahan terperinci mengikut gred jawatan. Maklumat pengisian jawatan lantikan yang diselenggarakan di SPA juga terhad kepada jumlah permohonan pengisian yang dibuat oleh jabatan/agensi.

2.4.6.3. Pihak Audit difahamkan bahawa *Human Resource Management Information System* (HRMIS) dijangka dapat menangani masalah ini kerana urusan sumber manusia sektor awam akan dilakukan secara *online.* Bank data maklumat sumber manusia akan diintegrasikan antara JPA, SPA, jabatan/agensi dan Perbendaharaan Malaysia bagi memudahkan penggunaan maklumat sumber manusia oleh pihak yang berkenaan. Bagaimanapun **sehingga akhir tahun 2006, HRMIS masih belum dilaksanakan secara menyeluruh sungguhpun telah dilancarkan sejak tahun 2001.**

2.4.7. Pemantauan

Unit Naziran JPA bertanggungjawab menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pemantauan terhadap penggunaan guna tenaga di jabatan/agensi sektor awam, pemakaian skim perkhidmatan dan tahap pematuhan terhadap struktur organisasi yang telah diluluskan. Semakan Audit mendapati JPA hanya mengadakan naziran di sebuah agensi sahaja sepanjang tahun 2006 iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Bagaimanapun pada tahun 2007, JPA telah

mempertingkatkan pelaksanaan aktiviti nazirannya dengan merancang lawatan ke 12 agensi bagi menyokong teras strategik kelima dalam RMK-9 iaitu untuk memperkukuhkan keupayaan institusi pelaksanaan negara. **Pada pandangan Audit, naziran perlu diadakan dengan lebih kerap bagi memastikan sama ada wujudnya kelemahan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berpunca daripada kekurangan kakitangan. Naziran juga perlu memastikan jabatan/agensi mengambil tindakan segera mengisi kekosongan jawatan yang diluluskan serta memohon pemansuhan bagi jawatan yang tidak diperlukan.**

2.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, urusan pewujudan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut :-

2.5.1. Peringkat JPA - Pewujudan Jawatan

a. Terdapat kes di mana JPA tidak dapat memproses permohonan pewujudan jawatan dengan awal kerana ketidaksempurnaan kertas cadangan yang dikemukakan oleh jabatan/agensi. Ada kalanya permohonan juga tidak terus diproses untuk memberikan laluan kepada permohonan *ad-hoc* yang memerlukan tindakan segera. Bagi mengatasi kelewatan memproses pewujudan jawatan, JPA patut mengedarkan Panduan Tatacara Permohonan Perjawatan yang telah disediakannya kepada semua jabatan/agensi. Setiap pegawai yang menerima permohonan juga dikehendaki menggunakan Senarai Semak Kepada Proses Kerja Kajian Perjawatan yang sedia ada bagi memastikan setiap permohonan itu lengkap.

b. Tiada polisi yang menetapkan kekerapan kajian semula terhadap perjawatan perlu dibuat. Ini menyebabkan kekerapan jabatan/agensi mengemukakan permohonan ke JPA berbeza-beza. Polisi ini perlu ditetapkan supaya JPA dapat merancang penggunaan sumber-sumbernya.

c. Ketua Perkhidmatan yang berkenaan tidak dimaklumkan semasa proses pewujudan dan kelulusan jawatan kader sama ada oleh jabatan/agensi atau JPA. Ini bukan sahaja menyebabkan kelewatan pengisian jawatan berkenaan malahan Ketua Perkhidmatan juga tidak dapat merancang kedudukan guna tenaganya. Ketua Perkhidmatan perlu dimaklumkan jika ada jawatan kader yang diluluskan supaya keperluan ini dapat diambil kira semasa Ketua Perkhidmatan berkenaan merancang permohonan pengambilan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan seterusnya memastikan jawatan kader dapat diisi dengan segera.

d. Bahagian Pembangunan yang khusus untuk menguruskan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan perlu diwujudkan di Kementerian yang telah diberikan peruntukan kewangan yang besar untuk melaksanakan projek pembangunan. Sehubungan ini, Kementerian berkenaan perlu mengkaji semula kedudukan perjawatan masing-masing bagi menyesuaikannya dengan keperluan dan beban tugas semasa.

e. JPA perlu melaksanakan naziran secara tetap bagi memastikan jabatan/agensi mengambil tindakan segera mengisi kekosongan jawatan yang diluluskan serta memohon pemansuhan bagi jawatan yang tidak diperlukan. Naziran juga perlu untuk mengesan sama ada wujudnya kelemahan sistem penyampaian di Jabatan/agensi yang berpunca daripada kekurangan kakitangan.

2.5.2. Peringkat Pengisian Jawatan - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)

SPA tidak dapat membekalkan calon yang berjaya dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 8 minggu bagi yang tidak memerlukan ujian khas dan 16 minggu bagi yang memerlukannya. Ini adalah kerana proses tapisan calon untuk ditemu duga secara puratanya mengambil masa 36 hari dan proses temu duga pula secara puratanya mengambil masa 57 hari. Sehubungan ini, SPA patut mengenal pasti langkah-langkah yang boleh digunakan untuk mempercepatkan proses tapisan dengan mempertingkatkan tahap keupayaan sistem komputer yang sedia ada dan di mana bersesuaian, temu duga secara berkumpulan dilaksanakan.

3. PENGURUSAN TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Tunggakan hasil adalah jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada sesuatu ketika tetapi belum diterima. Hasil tersebut adalah terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil seperti berikut :-

a. **Hasil Cukai** - dikelaskan kepada hasil cukai langsung dan hasil cukai tidak langsung. Hasil cukai langsung ialah cukai pendapatan, duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan cukai aktiviti perniagaan luar pesisir Labuan. Hasil cukai tidak langsung ialah duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi.

b. **Hasil Bukan Cukai** - terdiri daripada bayaran pendaftaran, lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, penerimaan daripada jualan barang, sewaan, faedah dan pulangan daripada pelaburan, denda dan penalti, sumbangan dan pampasan dari Kerajaan asing dan agensi antarabangsa.

c. **Terimaan Bukan Hasil** - merupakan semua pulangan balik perbelanjaan, kredit antara jabatan, pulangan balik bagi bayaran berlebihan atau kesilapan dalam tahun kewangan yang lalu, bayaran balik dan sumbangan dari jabatan Kerajaan yang lain, badan berkanun atau syarikat Kerajaan.

3.1.2. Jumlah tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan telah meningkat dari setahun ke setahun. **Setakat 31 Disember 2006, jumlah tunggakan hasil Persekutuan ialah RM14.62 bilion berbanding dengan RM9.43 bilion dan RM12.06 bilion masing-masingnya pada akhir tahun 2004 dan 2005. Sejumlah RM9.23 bilion daripada tunggakan hasil pada akhir tahun 2006 telah tertunggak melebihi 3 tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-**

JADUAL 3.1
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL PADA AKHIR TAHUN

AKHIR TAHUN	TUNGGAKAN HASIL	
	(RM Bilion)	MELEBIHI 3 TAHUN (RM Bilion)
2004	9.43	4.53
2005	12.06	6.11
2006	14.62	9.23

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan telah dikendalikan dengan teratur, berhemat dan mengikut undang-undang serta peraturan kewangan yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Dokumen, rekod dan fail berkaitan tunggakan hasil bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Disember 2006 yang melibatkan 62 pejabat di Kementerian/Jabatan Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor, Selangor dan Sabah telah disemak. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2006 mendapati perkara berikut :-

3.4.1. Panduan Menguruskan Tunggakan Hasil

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 menerangkan tatacara berhubung dengan menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima termasuk tunggakan hasil manakala Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1990 menetapkan tatacara melapor kehilangan dan menyelenggarakan urusan hapus kira wang. Selain itu, terdapat juga pekeliling/prosedur dalaman yang dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan untuk menguruskan tunggakan hasil. Antaranya adalah Panduan Bagi Kutipan Dan Pengakaunan Hasil Hospital Bilangan 1 Tahun 1997 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan Panduan Untuk Menyelesaikan Masalah Lebihan Bayaran Gaji/Elaun Kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Dan Anggota Kakitangan Sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian tersebut pada bulan Julai 1999. Semakan Audit terhadap pekeliling dan garis panduan tersebut mendapati perkara berikut :-

3.4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 yang tidak pernah dikaji semula dan dikemaskinikan sejak ia dikeluarkan pada tahun 1986 mempunyai beberapa kekurangan seperti berikut :-

a. Hanya 5 Kementerian/Jabatan dikehendaki melapor kedudukan tunggakan hasil 2 kali setahun iaitu pada 30 Jun dan 31 Disember manakala Kementerian/Jabatan lain hanya perlu melaporkan tunggakan hasil sekali setahun iaitu pada 31 Disember. Kementerian/Jabatan yang terlibat ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Penerangan, Kementerian Kemajuan Tanah Dan Kemajuan Wilayah serta Kementerian Pengangkutan.

b. Pekeliling tersebut hanya menghendaki Kementerian/Jabatan melaporkan usia tunggakan hasil yang melebihi 1 tahun; lebih dari 1 tahun hingga 2 tahun; lebih dari 2 tahun hingga 3 tahun dan lebih dari 3 tahun. **Pada**

pandangan Audit, Kementerian/Jabatan perlu menyatakan usia tunggakan hasil yang melebihi 3 tahun. Ini adalah kerana kemungkinan sebahagian daripada jumlah tunggakan hasil yang ditunjukkan dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil tidak dapat dipungut jika ia melebihi 6 tahun seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Had Masa 1953.

3.4.1.2. Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan tidak selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Contohnya, Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Kementerian Kesihatan Bilangan 1 Tahun 1998 menetapkan tunggakan bil hospital boleh dipohon untuk dihapus kira selepas 134 hari dari tarikh bil dikeluarkan. Peraturan ini adalah tidak selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1990 yang menyatakan tunggakan hasil lebih dari 6 tahun sahaja boleh dipohon untuk dihapus kira.

Pada pandangan Audit, pekeliling yang terlalu lama hendaklah dikaji semula supaya selaras dengan perkembangan semasa dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan hendaklah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia.

3.4.2. Tunggakan Hasil

3.4.2.1. Kementerian/Jabatan dikehendaki mengemukakan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sama ada sekali atau dua kali setahun selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986. Penyata Tunggakan Hasil bagi tahun berakhir pada 31 Disember perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada akhir bulan Februari tahun berikutnya. Mengikut Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang diterima oleh JANM, tunggakan hasil pada 31 Disember 2006 adalah berjumlah RM14.62 bilion di mana sejumlah RM13.82 bilion daripadanya adalah tunggakan hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kedudukan tunggakan hasil mengikut Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2006 berbanding dengan akhir tahun 2005 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.2
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL PADA AKHIR TAHUN 2005 DAN 2006

KEMENTERIAN/JABATAN	TUNGGAKAN HASIL		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Meningkat/(Menurun) (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri	78.05	70.74	(7.31)
Kementerian Kewangan :			
a. Lembaga Hasil Dalam Negeri	11,119.84	13,815.59	2,695.75
b. Jabatan Kastam Diraja Malaysia	368.81	340.27	(28.54)
c. Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta	1.58	2.37	0.79
d. Perbendaharaan Malaysia	0.00	0.00	-
Kementerian Luar Negeri	1.41	0.46	(0.95)
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	0.00	0.00	-
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2.80	2.74	(0.06)

KEMENTERIAN/JABATAN	TUNGGAKAN HASIL		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	Meningkat/(Menurun) (RM Juta)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	4.20	4.07	(0.13)
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	14.21	53.09	38.88
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	0.48	0.48	-
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	0.0006	0.26	0.26
Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	0.00	0.00	-
Kementerian Kerja Raya	0.02	0.02	-
Kementerian Pengangkutan	23.97	22.85	(1.12)
Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi	0.00	2.22	2.22
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	6.78	9.22	2.44
Kementerian Pelancongan	0.04	0.07	0.03
Kementerian Wilayah Persekutuan	0.00	0.00	-
Kementerian Pelajaran	29.40	28.37	(1.03)
Kementerian Kesihatan	101.69	113.67	11.98
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	3.38	4.44	1.06
Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	0.26	0.14	(0.12)
Kementerian Belia Dan Sukan	17.21	0.12	(17.09)
Kementerian Sumber Manusia	1.62	1.68	0.06
Kementerian Penerangan	109.56	103.04	(6.52)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	0.00	0.00	-
Kementerian Pengajian Tinggi	134.28	1.22	(133.06)
Kementerian Pertahanan	35.86	34.32	(1.54)
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	3.33	3.65	0.32
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	1.20	0.80	(0.40)
JUMLAH KESELURUHAN	**12,059.98**	**14,615.90**	**2,555.92**

3.4.2.2. Semakan Audit di Kementerian/Jabatan mendapati jumlah tunggakan hasil yang dilaporkan pada akhir tahun 2004, 2005 dan 2006 adalah tidak tepat disebabkan oleh butiran-butiran yang tidak/tersilap diambil kira. Berikut diberikan contohnya :-

a. Semakan Audit terhadap Penyata Tahunan Tunggakan Hasil mendapati Jabatan Akauntan Negara Malaysia tersilap mengambil kira tunggakan hasil yang dilaporkan oleh Kementerian/Jabatan seperti berikut :-

   i. Kementerian Penerangan melaporkan tunggakan hasilnya berjumlah RM109.56 juta dan USD0.15 juta (RM0.54 juta) yang merupakan tunggakan bayaran sewa perkhidmatan audio video. Bagaimanapun, Jabatan Akauntan Negara Malaysia hanya mengambil kira tunggakan hasil berjumlah RM109.56 juta dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil pada akhir tahun 2005.

   ii. Jabatan Kastam Diraja Malaysia melaporkan tunggakan hasilnya berjumlah RM314.96 juta pada akhir tahun 2004 manakala tunggakan

hasil yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia pada akhir tahun 2005 ialah RM0.46 juta. Bagaimanapun, Jabatan Akauntan Negara Malaysia hanya mengambil kira sejumlah RM265.47 juta sebagai tunggakan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada akhir tahun 2004 dan RM0.31 juta bagi Polis Diraja Malaysia pada akhir tahun 2005.

iii. Jabatan Akauntan Negara Malaysia tidak mengambil kira tunggakan hasil yang telah diluluskan hapus kira berjumlah RM0.25 juta dan RM0.01 juta masing-masingnya yang telah dilaporkan oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Belia Dan Sukan pada akhir tahun 2005.

b. Selain daripada tunggakan hasil tersilap diambil kira oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia, terdapat Kementerian/Jabatan juga tersilap melaporkan tunggakan hasil seperti berikut :-

i. Kementerian Belia Dan Sukan melaporkan tunggakan hasil berjumlah RM17.37 juta pada akhir tahun 2005. Semakan Audit terhadap rekod tunggakan hasil Kementerian mendapati jumlah tersebut termasuk tunggakan bayaran balik pinjaman Tabung Amanah Ekonomi Belia berjumlah RM17.21 juta yang tidak sepatutnya diambil kira sebagai tunggakan hasil. Didapati Jabatan Akauntan Negara Malaysia pula mengambil kira tunggakan bayaran balik pinjaman Tabung Amanah Ekonomi Belia berjumlah RM17.21 juta tersebut dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil pada akhir tahun 2005. Jumlah tunggakan hasil yang sepatutnya diambil kira ialah RM0.16 juta.

ii. Kementerian Pelajaran melaporkan tunggakan hasil pada akhir tahun 2004 dan 2005 berjumlah RM20.32 juta dan RM29.40 juta masing-masingnya. Bagaimanapun, jumlah ini tidak menggambarkan kedudukan sebenar kerana Bahagian Biasiswa terkurang melaporkan tunggakan hasil berjumlah RM35.31 juta dan RM27.32 juta masing-masingnya pada akhir tahun 2004 dan 2005. Manakala tunggakan hasil bagi Bahagian Pendidikan Guru pula terkurang dilaporkan sejumlah RM1.99 juta pada akhir tahun 2004 dan RM2.00 juta pada akhir tahun 2005. Ini adalah disebabkan tunggakan hasil yang dilaporkan oleh kedua-dua bahagian tersebut adalah bagi tahun semasa dan tidak mengambil kira tunggakan hasil terkumpul.

iii. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sebanyak 7 Kementerian/Jabatan tidak melaporkan tunggakan sewaan premis, bayaran balik bil utiliti/gaji dan cek tidak laku. Jumlah tunggakan hasil yang terkurang dinyatakan ialah antara RM0.94 juta hingga RM9.79 juta. Bagi tahun 2006, pihak Audit hanya dapat mengesahkan sejumlah RM0.29 juta yang tidak dilaporkan oleh Kementerian Penerangan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.3
TUNGGAKAN HASIL TIDAK DILAPORKAN PADA AKHIR TAHUN

KEMENTERIAN/JABATAN	TUNGGAKAN HASIL			
	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (sehingga Jun) (RM)
Kementerian Penerangan	729,978	508,698	438,952	290,036
Jabatan Perdana Menteri	23,149	117,881	364,131	TM
Kementerian Kesihatan	57,970	8,412,263	8,449,070	TM
Kementerian Pelajaran	TB	0.00	79,766	TM
Polis Diraja Malaysia	119,269	200,352	297,846	TM
Kementerian Belia Dan Sukan	0.00	5,256	124,085	TM
Perbendaharaan Malaysia	5,722	225,694	31,802	TM
JUMLAH	**936,088**	**9,470,144**	**9,785,652**	**290,036**

Nota :- ***TB - Tidak Berkenaan*** ***TM - Tiada Maklumat***

iv. Adalah didapati 13,678,744 saman yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia antara tempoh tahun 2000 hingga 2006 masih belum dijelaskan. Jumlah kompaun maksima yang boleh dikenakan ialah RM4.42 bilion atau kompaun tawaran berjumlah RM1.77 bilion. Namun demikian, nilai saman tersebut sama ada nilai kompaun tawaran atau nilai kompaun maksima tidak dilaporkan sebagai tunggakan hasil. Pihak Polis Diraja Malaysia berpendapat saman yang belum dijelaskan ini tidak dilaporkan kerana ia bukan amaun yang muktamad memandangkan terdapat kes di mana nilai saman akan dikurangkan setelah rayuan diterima daripada pihak yang dikenakan saman. **Pada pandangan Audit, adalah wajar Polis Diraja Malaysia melaporkan salah satu nilai kompaun tersebut sebagai tunggakan hasil dan sebarang bayaran saman yang diterima nanti boleh dikurangkan daripada nilai yang telah diambil kira.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

JADUAL 3.4
TUNGGAKAN SAMAN YANG BELUM DIJELASKAN MENGIKUT NILAI KOMPAUN TAWARAN/KOMPAUN MAKSIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2000 HINGGA 2006

TAHUN	KOMPAUN TAWARAN (RM Juta)	KOMPAUN MAKSIMA (RM Juta)
2000	86.33	250.96
2001	125.23	361.76
2002	157.11	448.62
2003	282.34	810.38
2004	303.08	707.21
2005	353.20	815.19
2006	462.42	1,023.67
JUMLAH	**1,769.71**	**4,417.79**

v. Pada akhir tahun 2006, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah melaporkan tunggakan hasil berjumlah RM53.09 juta. Jumlah ini bertambah sejumlah RM38.88 juta berbanding dengan tahun 2005 yang

berjumlah RM14.21 juta. Jumlah tunggakan hasil tersebut adalah meliputi sejumlah RM41.17 juta (77.5%) yang sebelum ini tidak pernah dilaporkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan. Tunggakan hasil jabatan tersebut adalah terdiri daripada sewa tanah, pajakan tanah (penswastaan) dan royalti pasir laut. Butirannya adalah seperti di **Jadual 3.5**. Semakan Audit selanjutnya mendapati tunggakan bayaran pajakan tanah milik Kerajaan Persekutuan di KLIA yang melibatkan Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. bagi tempoh tahun 2001 hingga 2006 berjumlah RM289.16 juta juga tidak pernah dilaporkan. Adalah didapati Kementerian Kewangan pada tahun 2004 telah memberi pelepasan (moratorium) kepada Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. daripada membayar sewa pajakan tersebut bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2001 hingga 2010.

JADUAL 3.5
TUNGGAKAN HASIL JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN PADA 31 DISEMBER 2006

JENIS HASIL	JUMLAH (RM Juta)
Sewa Tanah	0.32
Royalti Pasir Laut	5.02
Pajakan Tanah (Penswastaan)	35.83
JUMLAH	**41.17**

vi. Adalah didapati pada akhir tahun 2006, tunggakan hasil Kementerian Pengajian Tinggi adalah berjumlah RM1.22 juta iaitu berkurangan sejumlah RM133.06 juta berbanding dengan tahun 2005. Ini adalah kerana tunggakan hasil pada akhir tahun 2005 berjumlah RM134.28 juta termasuk tunggakan hasil Institut Pengajian Tinggi Awam.

vii. Tunggakan hasil yang telah dipohon untuk dihapus kira tetapi masih belum mendapat kelulusan Perbendaharaan Malaysia perlu dilaporkan sehingga kelulusan diberi. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 4 Kementerian/ Jabatan tidak melaporkan tunggakan hasil pada tahun berkenaan sungguhpun permohonan hapus kira belum diluluskan seperti berikut :-

- Kementerian Kerja Raya telah memohon hapus kira tunggakan tuntutan perbezaan harga kontrak berjumlah RM47.25 juta akibat dari penamatan perkhidmatan kontraktor asal yang melibatkan 86 kontrak bagi tempoh tahun 1980 hingga 2004. Kontrak tersebut melibatkan projek Kementerian Kerja Raya dan juga projek Kementerian lain yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya. Permohonan menghapus kira 41 kes berjumlah RM24.68 juta hanya diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada bulan Jun 2006 dan 45 kes lagi berjumlah RM22.57 juta pada bulan Mac 2007. **Didapati tunggakan tuntutan perbezaan harga kontrak berjumlah RM24.68 juta**

tersebut tidak pernah dilaporkan dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil pada tahun 2005 dan sebelumnya. Manakala sejumlah RM22.57 juta juga tidak pernah dilaporkan sebagai tunggakan hasil pada tahun 2006 dan sebelumnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.6
TUNGGAKAN TUNTUTAN PERBEZAAN HARGA KONTRAK AKIBAT PENAMATAN PERKHIDMATAN KONTRAKTOR ASAL TIDAK DILAPORKAN

KEMENTERIAN/ JABATAN	KONTRAK DIMANSUHKAN	JUMLAH	TARIKH KELULUSAN HAPUS KIRA			
			JUN 2006		MAC 2007	
	(Tempoh)	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)	Bil.	(RM Juta)
Kementerian Pelajaran	1980-1998	16.73	21	7.06	35	9.67
Kementerian Kesihatan	1981-1992	0.77	6	0.74	2	0.03
Kementerian Kerja Raya	1988-1991	0.98	3	0.98	-	-
Jabatan Perdana Menteri	1987-1993	2.62	3	2.50	2	0.12
Kementerian Pertahanan	1991-1995	7.89	2	1.73	1	6.16
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	1988-2004	16.68	2	10.09	5	6.59
Kementerian Lain	1981-1992	1.58	4	1.58	-	-
JUMLAH		**47.25**	**41**	**24.68**	**45**	**22.57**

- Kementerian Penerangan tidak melaporkan tunggakan hasil berjumlah RM90.05 juta melibatkan 13 syarikat dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil pada akhir tahun 2006. Tunggakan hasil ini berpunca daripada bayaran pokok dan caj bayaran lewat atas bil siaran yang mana di antaranya ada yang masih dalam tindakan mahkamah atau menunggu keputusan Perbendaharaan Malaysia untuk dihapus kira. Bagaimanapun, jumlah ini telah pun dilaporkan selepas teguran Audit.

- Kementerian Pelajaran tidak melaporkan tunggakan hasil pada akhir tahun 2004 berjumlah RM0.20 juta. Permohonan hapus kira jumlah tersebut hanya diluluskan pada tahun 2005.

- Jabatan Perdana Menteri tidak melaporkan tunggakan hasil berjumlah RM0.11 juta, RM0.09 juta dan RM0.07 juta masing-masingnya pada akhir tahun 2003, 2004 dan 2005. Jumlah ini adalah merupakan sebahagian daripada tunggakan hasil yang mana kelulusan permohonan hapus kira belum diperolehi.

viii. Semakan Audit terhadap rekod tunggakan hasil di Kementerian/Jabatan dan Perbendaharaan Malaysia mendapati sebahagian tunggakan hasil yang telah diluluskan untuk dihapus kira tidak dilaporkan dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil pada akhir sesuatu tahun. Ini menyebabkan tunggakan hasil bagi tahun berkenaan terlebih dinyatakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.7
TUNGGAKAN HASIL YANG TELAH DIHAPUS KIRA TIDAK DILAPORKAN PADA AKHIR TAHUN

KEMENTERIAN/ JABATAN	TUNGGAKAN HASIL		
	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)
Jabatan Perdana Menteri	36,432	12,923	22,153
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	TB	TB	349,435
Kementerian Penerangan	TB	40,255	TB
JUMLAH	**36,432**	**53,178**	**371,588**

Nota :- TB - Tidak Berkenaan

ix. Semakan Audit terhadap daftar hapus kira tunggakan hasil Kementerian Pelajaran dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia mendapati jumlah yang dilaporkan berbeza dengan jumlah yang dicatatkan dalam daftar tersebut. Butirannya adalah seperti jadual berikut :-

JADUAL 3.8
PERBEZAAN TUNGGAKAN HASIL YANG DIHAPUS KIRA ANTARA PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL DAN DAFTAR HAPUS KIRA

KEMENTERIAN/JABATAN	PADA AKHIR TAHUN	TUNGGAKAN HASIL	
		MENGIKUT PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL (RM)	MENGIKUT DAFTAR HAPUS KIRA (RM)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	2006	4,130,557	756,564
Kementerian Pelajaran	2004	57,901	91,664
	2005	246,781	404,773

Pada pandangan Audit, memandangkan pemeriksaan Audit dibuat berdasarkan sampel sahaja, Kementerian/Jabatan perlu membuat pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada wujudnya tunggakan hasil yang masih belum dilapor terutamanya bagi kes-kes yang melibatkan permohonan hapus kira yang belum diluluskan.

3.4.3. Usia Tunggakan Hasil

3.4.3.1. Setakat 31 Disember 2006, tunggakan hasil Kementerian/Jabatan melebihi 3 tahun adalah berjumlah RM9.23 bilion. Sungguhpun Kementerian/Jabatan berusaha mengutip balik tunggakan hasil dengan pelbagai strategi seperti mengeluarkan surat peringatan; mengadakan perbincangan dengan individu atau syarikat mengenai cara dan tempoh bayaran balik; mengambil tindakan mahkamah; melantik pemungut hutang serta memotong gaji, pencen dan bekalan air; namun tunggakan hasil melebihi 3 tahun semakin meningkat seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.9
TUNGGAKAN HASIL MELEBIHI 3 TAHUN
PADA AKHIR TAHUN 2004 HINGGA 2006

PADA AKHIR TAHUN	BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN TERLIBAT	TUNGGAKAN HASIL MELEBIHI 3 TAHUN (RM Bilion)
2004	33	4.53
2005	28	6.11
2006	32	9.23

3.4.3.2. Pada amnya, apa-apa hutang yang tidak diambil tindakan sivil dalam masa 6 tahun dari tarikh hutang yang perlu dijelaskan berkemungkinan tidak dapat dikutip balik disebabkan oleh sekatan masa di bawah Akta Had Masa 1953. Oleh itu, pengusiaan tunggakan hasil perlu ditentukan dengan tepat bagi membolehkan tindakan yang berkesan diambil untuk mendapatkan balik tunggakan hasil terutamanya bagi usia yang kurang daripada 6 tahun. Bagaimanapun, Kementerian/Jabatan tidak **menyatakan usia tunggakan hasil yang melebihi 3 tahun kerana** Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 hanya menghendaki Kementerian/Jabatan melaporkan usia tunggakan hasil yang melebihi 1 tahun; lebih dari 1 tahun hingga 2 tahun; lebih dari 2 tahun hingga 3 tahun dan lebih dari 3 tahun. Pihak Audit hanya dapat menentukan usia tunggakan hasil yang melebihi 3 tahun bagi beberapa Kementerian/Jabatan yang dilawati berdasarkan kepada rekod dan dokumen yang diperolehi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.10
USIA TUNGGAKAN HASIL

KEMENTERIAN/JABATAN	USIA TUNGGAKAN HASIL			USIA YANG PALING LAMA
	SEHINGGA 3 TAHUN (RM Juta)	LEBIH DARI 3 HINGGA 6 TAHUN (RM Juta)	LEBIH DARI 6 TAHUN (RM Juta)	
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	65.07	17.30	13.57	25 tahun - RM55,377
Kementerian Penerangan	7.48	0.76	1.62	33 tahun - RM13,590
Jabatan Perdana Menteri	0.97	0.05	0.21	23 tahun - RM4,395
Kementerian Kesihatan - Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru	3.56	0.74	0.11	9 tahun - RM45,209
Kementerian Pelajaran	5.25	11.20	33.74	27 tahun - RM17,402
JUMLAH	**82.33**	**30.05**	**49.25**	

3.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru mendapati tunggakan bil pesakit mengikut kategori dan tahun adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.11
TUNGGAKAN BIL PESAKIT BAGI TEMPOH TAHUN 1997 HINGGA 2006

TUNGGAKAN BIL PESAKIT			
TAHUN	KERAJAAN (RM)	SWASTA (RM)	AWAM (RM)
1997	6,291	13,574	25,344
1998	10,237	15,607	17,511
1999	2,867	5,454	10,152
2000	2,663	27,961	5,513
2001	2,931	10,600	10,963
2002	4,202	9,043	663,283
2003	4,504	13,310	827,131
2004	3,593	15,845	947,204
2005	3,762	14,089	1,030,815
2006 (Sehingga Julai)	5,108	48,310	647,380
JUMLAH	**46,158**	**173,793**	**4,185,296**

a. Seperti mana yang ditunjukkan di **Jadual 3.11**, tunggakan bil hospital kakitangan Kerajaan adalah RM46,158 bagi tempoh tahun 1997 hingga bulan Julai 2006. **Pada pandangan Audit, tunggakan bil hospital ini tidak patut berlaku kerana maklumat kakitangan Kerajaan boleh diperolehi daripada majikan dan bayaran bil boleh dibuat melalui potongan gaji.** Bagaimanapun, didapati majikan tidak memotong gaji pegawai yang mempunyai tunggakan bil kerana hospital berkenaan menghantar surat peringatan bayaran bil terus kepada pesakit dan bukan kepada majikan berkenaan.

b. Bagi kakitangan swasta, tunggakan bil hospital berjumlah RM173,793 juga tidak sepatutnya berlaku kerana surat jaminan bank dari syarikat swasta perlu dikemukakan sebelum kakitangan swasta mendapatkan kemudahan rawatan perubatan di hospital Kerajaan. Menurut pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada bulan November 2005 berhubung dengan jaminan bank syarikat swasta, pihak hospital perlu memaklumkan dengan segera ke Kementerian Kesihatan bil-bil yang tidak dijelaskan dalam tempoh 30 hari supaya jaminan bank dari syarikat berkenaan dirampas. Semakan Audit mendapati walaupun pihak Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru ada mengemukakan senarai bil hospital kategori swasta bagi tahun 2002 dan 2003 yang tertunggak berjumlah RM18,212 kepada pihak Kementerian Kesihatan, namun senarai bil hospital tersebut hanya dikemukakan pada tahun 2005 dan 2006 masing-masingnya. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian Kesihatan tidak pernah merampas jaminan bank bagi bil-bil yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. **Pada pandangan Audit, pihak Kementerian Kesihatan harus memantau dan memastikan tunggakan bil kakitangan swasta diselaraskan dengan jaminan bank sebelum tempohnya luput.**

c. Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Kementerian Kesihatan Bilangan 1 Tahun 1998 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan menetapkan tindakan pengendalian bil hospital yang tertunggak bagi orang awam melalui cara berikut :-

JADUAL 3.12
TATACARA PENGENDALIAN BIL HOSPITAL TERTUNGGAK

KATEGORI PESAKIT	SURAT PERINGATAN 1 (SP 1)	SURAT PERINGATAN 2 (SP 2)	SURAT PERINGATAN 3 (SP 3)	TINDAKAN SUSULAN
Orang Awam	14 Hari Daripada Tarikh Bil	30 Hari Daripada Tarikh SP1	60 Hari Daripada Tarikh SP2	Cadangkan Untuk Hapus kira Selepas 30 Hari Daripada SP3

Pekeliling tersebut juga menetapkan tunggakan bil pesakit boleh dicadangkan untuk dihapus kira selepas 134 hari dari tarikh bil dikeluarkan. Bagaimanapun, bagi menggalakkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) mencuba dengan bersungguh-sungguh mengutip tunggakan bil dan tidak dengan mudah memohon untuk hapus kira tunggakan bil yang tidak dapat dikutip selepas tempoh 134 hari, Kementerian Kesihatan telah memaklumkan kepada PTJ-PTJ pada bulan Mei 2006 bahawa Kementerian hanya akan memproses permohonan hapus kira bil hospital bagi tahun 2002 dan sebelumnya. Namun demikian, semakan Audit terhadap senarai tunggakan bil berkenaan mendapati tunggakan bil dari tahun 1997 hingga 2002 berjumlah RM0.73 juta masih belum dapat dikutip balik.

3.4.3.4. Pada umumnya, antara faktor yang menyebabkan tunggakan hasil tidak dapat dikutip oleh Kementerian/Jabatan adalah :-

a. Penghutang tidak dapat dikesan; tidak mampu membayar; telah bankrap; meninggalkan negara atau meninggal dunia.

b. Syarikat tidak beroperasi; telah dibubarkan; tidak dapat dikesan atau tidak mampu membayar.

c. Penghutang enggan membayar hutang atau majikan enggan bekerjasama.

d. Agensi tidak mengambil berat untuk membayar hutang dengan harapan hutang dapat dihapus kira.

e. Tiada rekod yang sahih untuk menuntut hasil tertunggak.

f. Tuntutan sivil tidak berhasil/keputusan mahkamah tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan maklumat.

3.4.3.5. Semakan Audit selanjutnya mendapati masalah kekurangan kakitangan yang dihadapi oleh Kementerian/Jabatan juga menyumbang kepada peningkatan tunggakan hasil. Tiada unit/bahagian khas ditubuhkan di Kementerian/Jabatan untuk menguruskan tunggakan hasil kecuali Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pegawai dan kakitangan terlibat dengan urusan

tunggakan hasil perlu juga menjalankan tugas utama. Kekerapan pertukaran pegawai/kakitangan yang terlibat dengan urusan tunggakan hasil juga menyebabkan kelewatan dalam tindakan susulan mengutip balik tunggakan hasil kerana ketidaksinambungan dan kemahiran dalam tugas tersebut. Sebahagian besar kursus yang dihadiri oleh pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak berkaitan dengan pengurusan tunggakan hasil.

3.4.4. Hapus Kira Tunggakan Hasil

3.4.4.1. Arahan Perbendaharaan 328 menetapkan supaya laporan mengenai tunggakan hasil yang tidak boleh dikutip perlu dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia untuk pertimbangan hapus kira. Melalui Akta Perwakilan Kuasa, Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk menghapus kira tunggakan hasil tidak lebih daripada RM5,000. Berdasarkan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang dikumpul (compile) oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia, kedudukan tunggakan hasil yang dihapus kira adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.13
TUNGGAKAN HASIL YANG DIHAPUS KIRA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004 HINGGA 2006

KEMENTERIAN/JABATAN	TUNGGAKAN HASIL		
	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)
Jabatan Perangkaan	TH	TH	4,053
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	180,892	TH	TH
Kementerian Penerangan	TH	698	TH
Kementerian Belia Dan Sukan	TH	TH	1,866
Kementerian Kesihatan	5,006,655	4,865,730	4,684,506
Kementerian Pelajaran	57,901	TH	70,599
Kementerian Pengajian Tinggi	TH	TH	1,815
Kementerian Pertahanan	85,813	86,771	1,343,716
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	638	267	TH
Kementerian Sumber Manusia	7,280	TH	TH
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	484	TH	TH
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	TH	TH	9,370
JUMLAH	**5,339,663**	**4,953,466**	**6,115,925**
JUMLAH BESAR	**RM16,409,054**		

Nota :- TH - Tiada Hapus Kira

3.4.4.2. Bagi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), tunggakan cukai yang diluluskan untuk dihapus kira bagi tahun 2004 dan 2005 tidak dinyatakan dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil. Namun, semakan Audit terhadap rekod Perbendaharaan Malaysia dan laporan yang dikemukakan oleh LHDN mendapati ada permohonan hapus kira tunggakan cukai yang telah diluluskan bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun, terdapat perbezaan tunggakan cukai yang dihapus kira antara laporan LHDN dan Perbendaharaan Malaysia berjumlah RM2.04 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.14
TUNGGAKAN CUKAI YANG DIHAPUS KIRA
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	TUNGGAKAN HASIL MENGIKUT PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL (ABT2) (RM Juta)	JUMLAH TUNGGAKAN HASIL YANG DILULUSKAN HAPUS KIRA MENGIKUT PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL (ABT 2) (RM Juta)	JUMLAH TUNGGAKAN HASIL YANG DILULUSKAN HAPUS KIRA MENGIKUT LAPORAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH LHDN (RM Juta)	JUMLAH TUNGGAKAN HASIL YANG DILULUSKAN HAPUS KIRA MENGIKUT REKOD PERBENDAHARAAN MALAYSIA (RM Juta)
2004	8,727.96	0.00	37.83	30.56
2005	11,119.84	0.00	19.44	19.20
2006	14,118.35	302.77	58.39	63.86
JUMLAH	**33,966.15**	**302.77**	**115.66**	**113.62**

Seperti mana yang ditunjukkan di **Jadual 3.13 dan 3.14,** bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, tunggakan hasil bagi 12 Kementerian/Jabatan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri berjumlah RM319.18 juta telah dihapus kira. **Memandangkan jumlah ini adalah besar, Kementerian/Jabatan perlu menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada tunggakan hasil itu berlaku akibat dari kecuaian pegawai sebelum mengemukakan permohonan untuk dihapus kira. Seperti mana yang diputuskan oleh Ketua Setiausaha Negara dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian Dan Ketua Perkhidmatan yang diadakan pada 22 Januari 2007, tindakan surcaj hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang cuai dalam melaksanakan kutipan hasil Kerajaan. Jika ia melibatkan jenayah pecah amanah dalam mengurus kutipan hasil, tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat.**

3.4.4.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi menguruskan sesuatu tunggakan hasil yang dipohon untuk dihapus kira. Adalah didapati Perbendaharaan Malaysia dan sebilangan Pegawai Pengawal mengambil masa panjang untuk menguruskan hapus kira tunggakan hasil. Berikut diberikan contohnya :-

a. Semakan Audit terhadap daftar hapus kira tunggakan hasil di Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perdana Menteri serta fail berkaitan di Kementerian Penerangan mendapati Pegawai Pengawal berkenaan mengambil masa antara 9 hingga 33 bulan untuk meluluskan permohonan hapus kira tunggakan hasil dari tarikh permohonan dibuat/diterima antara bulan Januari 2004 hingga Jun 2005.

b. Jabatan Perdana Menteri mengambil masa antara 9 hingga 120 bulan untuk menyedia dan mengemukakan surat permohonan hapus kira tunggakan hasil yang berjumlah antara RM1,788 hingga RM3,458 kepada Pegawai Pengawal berkenaan. Tempoh ini diambil kira dari tarikh surat Jabatan Peguam Negara mencadangkan tunggakan hasil dihapus kira kerana pegawai yang terlibat telah meninggal dunia, meletak jawatan atau bersara.

c. Semakan Audit terhadap daftar permohonan hapus kira tunggakan hasil di Perbendaharaan Malaysia mendapati permohonan hapus kira bagi 159 (50.8%) daripada 313 kes tunggakan hasil berjumlah RM39.48 juta yang dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan antara tahun 2000 hingga bulan Jun 2006 masih belum diluluskan. Butirannya adalah seperti jadual berikut :-

JADUAL 3.15
PERMOHONAN HAPUS KIRA TUNGGAKAN HASIL DARIPADA KEMENTERIAN/JABATAN YANG BELUM DILULUSKAN OLEH PERBENDAHARAAN MALAYSIA

TAHUN PERMOHONAN DITERIMA	JUMLAH KES DITERIMA MENGIKUT DAFTAR PERMOHONAN HAPUS KIRA (a)	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES DALAM TINDAKAN (b)	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES DILULUSKAN (a) – (b)	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PERMOHONAN BELUM SELESAI DIPROSES (%)
2000	50	79.72	28	17.54	22	62.18	56.0
2001	55	107.28	23	1.49	32	105.79	41.8
2002	22	0.77	7	0.43	15	0.34	31.8
2003	64	15.09	36	13.77	28	1.32	56.2
2004	39	0.89	24	0.45	15	0.44	61.5
2005	50	20.80	23	2.51	27	18.29	46.0
2006	33	39.83	18	3.29	15	36.54	54.5
JUMLAH	**313**	**264.38**	**159**	**39.48**	**154**	**224.90**	**50.8**

3.4.4.4. Semakan terhadap laporan kes yang diperakukan oleh Jawatankuasa Membiarkan Tunggakan Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri mendapati sehingga akhir tahun 2006, sebanyak 6,929 (30.1%) daripada 22,998 permohonan menghapus kira tunggakan hasil berjumlah RM67.47 juta yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia bagi tempoh tahun 1998 hingga bulan September 2006 masih belum diluluskan walaupun peringatan telah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.16
KEDUDUKAN PERMOHONAN MENGHAPUS KIRA TUNGGAKAN CUKAI BAGI TEMPOH TAHUN 1998 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2006

TAHUN PERMOHONAN DIKEMUKAKAN	JUMLAH KES DIPERAKUKAN		JUMLAH KES DILULUSKAN		BAKI KES BELUM LULUS	
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)
1998	307	12.87	306	12.82	1	0.06
1999	43	0.62	43	0.62	0	0.00
2000	863	7.07	863	7.07	0	0.00
2001	1,503	3.80	1,501	3.49	2	0.31
2002	2,399	59.08	2,389	58.39	10	0.69
2003	2,484	34.82	2,455	28.95	29	5.87
2004	4,150	30.26	4,150	30.26	0	0.00
2005	4,406	48.87	2,553	18.12	1,853	30.75
2006 (Sehingga September)	6,843	34.21	1,809	4.42	5,034	29.79
JUMLAH	**22,998**	**231.60**	**16,069**	**164.14**	**6,929**	**67.47**

3.4.4.5. Semakan Audit mendapati bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia, remisi terhadap cukai perkhidmatan, cukai jualan dan penalti perlu diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia. Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, terdapat 271 permohonan remisi terhadap penalti, cukai perkhidmatan dan cukai jualan berjumlah RM23.50 juta bagi tempoh tahun 1996 hingga 2005 masih belum diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.17
PERMOHONAN REMISI CUKAI PERKHIDMATAN, CUKAI JUALAN DAN PENALTI BAGI TEMPOH TAHUN 1996 HINGGA 2005 YANG BELUM DILULUSKAN

TAHUN	BIL. KES	REMISI YANG BELUM DILULUSKAN				
		CUKAI PERKHIDMATAN	PENALTI	BIL. KES	CUKAI JUALAN	PENALTI
		JUMLAH (RM)			JUMLAH (RM)	
1996	1	0.00	10,042	0	0.00	0.00
1997	1	0.00	150,746	0	0.00	0.00
1998	2	0.00	22,260	2	47,632	257,018
1999	24	384,547	418,704	0	0.00	0.00
2000	18	53,064	1,078,203	1	25,205	0.00
2001	17	183,833	545,840	5	0.00	176,354
2002	12	62,637	154,817	15	5,936,229	3,634,722
2003	38	1,538,103	1,617,419	16	636,585	384,535
2004	23	46,773	357,121	25	1,030,911	1,399,543
2005	22	26,924	304,328	49	972,612	2,043,825
JUMLAH	**158**	**2,295,881**	**4,659,480**	**113**	**8,649,174**	**7,895,997**

3.4.4.6. Adalah didapati Perbendaharaan Malaysia sedang mempertimbangkan untuk memberi kelulusan hapus kira secara serentak (sekali gus) mengikut Kementerian memandangkan banyak permohonan tersebut adalah untuk tunggakan hasil melebihi 6 tahun.

Pada pandangan Audit, pihak Perbendaharaan Malaysia dan Pegawai Pengawal perlu menetapkan suatu tempoh yang munasabah untuk urusan hapus kira tunggakan hasil bagi membolehkan jumlah tunggakan hasil yang tidak dapat dikutip balik dikeluarkan daripada Penyata Tahunan Tunggakan Hasil demi menunjukkan satu kedudukan yang benar dan munasabah.

3.4.4.7. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan memberi kelulusan adalah :-

a. Perbendaharaan Malaysia sebagai agensi pusat yang meluluskan hapus kira tunggakan hasil melebihi RM5,000 menyelenggarakan 2 daftar iaitu daftar permohonan hapus kira tunggakan hasil yang diterima dan daftar permohonan hapus kira tunggakan hasil yang diluluskan bagi semua Kementerian/Jabatan kecuali Lembaga Hasil Dalam Negeri, daftar yang berasingan disediakan. Daftar permohonan hapus kira diselenggarakan

mengikut tahun permohonan diterima. Semakan Audit mendapati ada permohonan yang diterima pada sesuatu tahun direkodkan dalam daftar tahun yang berlainan. Contohnya, permohonan yang diterima pada tahun 2005 direkodkan dalam daftar permohonan hapus kira tahun 2000. Ada juga permohonan yang sama didaftar 2 kali. Daftar tersebut juga tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Di mana ada permohonan yang telah diluluskan masih ditunjukkan dalam daftar sebagai dalam tindakan dan amaun yang diluluskan hapus kira tidak direkodkan dengan betul. Daftar hapus kira juga tidak diselenggarakan dengan lengkap di mana ada ruangan tidak diisi dengan tarikh permohonan diterima, rujukan fail dan jumlah tunggakan hasil dipohon untuk dihapus kira. Terdapat juga permohonan dari Kementerian/Jabatan tidak direkodkan dalam daftar permohonan hapus kira. Contohnya, 11 permohonan dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan 2 permohonan dari Kementerian Pelajaran tidak direkodkan.

b. Semakan Audit terhadap fail permohonan hapus kira tunggakan hasil di Perbendaharaan Malaysia mendapati ia tidak diselenggarakan secara sistematik. Satu sampul kecil dibuka bagi memfailkan salinan kelulusan hapus kira mulai tahun 2000 hingga terkini. Namun didapati di dalam fail yang dibuka bagi setiap permohonan, salinan kelulusan permohonan tidak disimpan di dalam fail berkenaan. **Adalah dicadangkan salinan kelulusan permohonan disimpan dalam fail individu/syarikat untuk tujuan pengesahan pemantauan terhadap kedudukan permohonan berkenaan**. Selain itu, fail individu/syarikat tidak diurus dengan teratur kerana fail tersebut hanya diletakkan di bawah meja Pembantu Tadbir dan tidak disimpan di rak fail atau kabinet khas.

c. Daftar permohonan remisi terhadap penalti, cukai perkhidmatan dan cukai jualan yang disediakan oleh Perbendaharaan Malaysia juga adalah tidak teratur dan lengkap. Contohnya, terdapat 87 permohonan remisi daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia tidak direkodkan dalam daftar tersebut.

3.4.4.8. Semakan Audit mendapati Kementerian Penerangan, Kementerian Belia Dan Sukan, Polis Diraja Malaysia serta Jabatan Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak menyelenggarakan daftar hapus kira tunggakan hasil. Bagi Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan pula, walaupun daftar tersebut diselenggarakan, namun maklumat yang dicatat adalah tidak lengkap. Contohnya daftar yang diselenggarakan oleh Kementerian Kesihatan tidak mencatat tarikh permohonan hapus kira diterima kecuali bagi tahun 2005 dan 2006 sahaja. Daftar yang diselenggarakan di Kementerian Pelajaran pula tidak mencatatkan tarikh permohonan hapus kira tunggakan hasil dikemukakan ke Perbendaharaan Malaysia. Adalah didapati daftar tersebut tidak pernah disemak oleh pegawai penyelia bagi mengawal kedudukan permohonan hapus kira tunggakan hasil dan memastikan ia diselenggarakan dengan tepat dan kemas kini. **Pada pandangan Audit, sungguhpun tiada peraturan yang**

khusus mengenai penyelenggaraan Daftar Hapus Kira Tunggakan Hasil, namun bagi memudahkan pemantauan terhadap tunggakan hasil yang dipohon untuk dihapus kira, adalah wajar satu daftar yang mengandungi maklumat seperti nama siberhutang, jumlah hasil tertunggak, tarikh bil, tarikh permohonan hapus kira dikemukakan, tarikh kelulusan hapus kira diberikan dan sebab hapus kira diselenggarakan.

3.4.5. Pemantauan

3.4.5.1. Pemantauan terhadap urusan tunggakan hasil sepatutnya dibuat melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) di peringkat Kementerian/Jabatan. Jawatankuasa perlu bermesyuarat setiap 3 bulan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun kepada Pegawai Pengawal. Pegawai Pengawal seterusnya mengemukakan Laporan Suku Tahun yang disatukan kepada Perbendaharaan Malaysia. Bagaimanapun, semakan Audit di 8 Kementerian/ Jabatan mendapati Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Belia Dan Sukan dan Polis Diraja Malaysia tidak mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.

3.4.5.2. Bagi tempoh bulan Mei 2004 hingga Jun 2006, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengadakan lawatan dan pemeriksaan terhadap tunggakan hasil di 15 Kementerian/Jabatan. Laporan hasil pemeriksaan telah pun dikeluarkan kepada Kementerian/Jabatan berkenaan. Bagaimanapun, **tiada bukti menunjukkan tindakan susulan dan pemantauan dibuat terhadap pemerhatian yang dibangkitkan.**

3.4.5.3. Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1990, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan laporan hapus kira hutang lapuk dan tunggakan hasil kurang daripada RM5,000 kepada Perbendaharaan Malaysia dan salinannya kepada Ketua Audit Negara. Laporan hapus kira bagi tempoh bulan Januari hingga 30 Jun sesuatu tahun hendaklah dikemukakan sebelum 31 Ogos dalam tahun semasa manakala laporan hapus kira bagi tempoh bulan Julai hingga 31 Disember hendaklah dikemukakan sebelum akhir bulan Februari tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati **tiada Pegawai Pengawal yang pernah mengemukakan laporan tersebut kepada Perbendaharaan Malaysia mahupun Ketua Audit Negara. Tiada bukti menunjukkan Perbendaharaan Malaysia pernah meminta laporan tersebut daripada Kementerian/Jabatan.**

3.4.5.4. Bagi Kementerian Pelajaran, sungguhpun *task force* telah ditubuhkan untuk memantau tunggakan hasil, namun ia lebih tertumpu kepada lebihan bayaran gaji dan elaun sahaja.

Pada pandangan Audit, memandangkan jumlah tunggakan hasil adalah besar dan sentiasa meningkat setiap tahun, Perbendaharaan Malaysia patut mewujudkan satu unit yang khusus untuk memudahkan pemantauan terhadap

urusan tunggakan hasil bagi memastikan Kementerian/Jabatan mengemukakan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang tepat dan dalam tempoh yang ditetapkan.

3.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan tidak diuruskan dengan teratur. Terdapat beberapa kelemahan berhubung dengan pengurusan tunggakan hasil di peringkat Kementerian/Jabatan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Perbendaharaan Malaysia seperti berikut :-

3.5.1. Kementerian/Jabatan sering kali tersilap melaporkan tunggakan hasil pada akhir tahun yang berpunca daripada rekod mengenainya tidak disediakan dengan lengkap dan tidak kemas kini. **Adalah disyorkan Pegawai Pengawal memastikan semua rekod berkaitan dengan hasil disediakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan pemantauan terhadap urusan tunggakan hasil. Pegawai Pengawal juga perlu menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada tunggakan hasil berlaku akibat dari kecuaian pegawainya sebelum mengemukakan permohonan untuk dihapus kira.**

3.5.2. Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) juga didapati tidak tepat kerana JANM hanya mengumpul (compile) Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang diterimanya dari Kementerian/Jabatan tanpa menyemak terdahulu ketepatannya. Ini menyebabkan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang disediakan oleh JANM tidak menunjukkan gambaran yang sebenar. Sehubungan ini, **adalah disyorkan supaya tunggakan hasil Kerajaan Persekutuan ditunjukkan sebagai Nota kepada Akaun Awam Kerajaan Persekutuan/dalam Memorandum Akaun Awam Kerajaan Persekutuan. Dengan ini, tunggakan hasil akan dilaporkan dengan lebih teliti dan berhati-hati oleh semua pihak yang terlibat demi meningkatkan akauntabiliti dalam urusan tunggakan hasil.**

3.5.3. Kelemahan juga didapati di peringkat Perbendaharaan Malaysia khususnya berhubung dengan hapus kira tunggakan hasil. Didapati Perbendaharaan Malaysia mengambil masa yang lama untuk menimbangkan sesuatu permohonan hapus kira tunggakan hasil yang diterima daripada Kementerian/Jabatan di mana ada di antaranya sehingga 6 tahun. Rekod berhubung dengan permohonan hapus kira dan keputusan mengenainya juga tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 berhubung dengan tatacara menyelenggara dan melapor tunggakan hasil masih belum dikaji semula untuk disesuaikan dengan keperluan semasa. Didapati pekeliling ini mempunyai kelemahan yang berikut :-

a. Hanya menghendaki 5 Kementerian/Jabatan melapor kedudukan tunggakan hasil 2 kali setahun iaitu pada 30 Jun dan 31 Disember manakala Kementerian/Jabatan lain hanya sekali setahun iaitu pada 31 Disember. Ini

menyebabkan kedudukan tunggakan hasil setakat bulan Jun hanya dapat dilaporkan oleh JANM untuk 5 Kementerian/Jabatan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Penerangan, Kementerian Kemajuan Tanah Dan Kemajuan Wilayah serta Kementerian Pengangkutan.

b. Pekeliling tersebut hanya menghendaki Kementerian/Jabatan melaporkan usia tunggakan hasil yang melebihi 1 tahun; lebih dari 1 tahun hingga 2 tahun; lebih dari 2 tahun hingga 3 tahun dan lebih dari 3 tahun. **Tanpa menyatakan usia tunggakan hasil yang melebihi 3 tahun, JANM tidak dapat menentukan sama ada terdapat hasil yang tertunggak melebihi 6 tahun yang tidak lagi dapat dipungut seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Had Masa 1953.**

3.5.4. Adalah disyorkan pekeliling yang terlalu lama hendaklah dikaji semula supaya selaras dengan perkembangan semasa. Memandangkan jumlah tunggakan hasil adalah besar dan sentiasa meningkat setiap tahun, Perbendaharaan Malaysia patut mewujudkan satu unit yang khusus untuk memudahkan pemantauan terhadap urusan tunggakan hasil bagi memastikan Kementerian/Jabatan mengemukakan Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang tepat dan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, Kementerian/Jabatan patut diminta mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil mereka setiap 6 bulan dengan menyatakan juga usia hasil yang tertunggak melebih 6 tahun.

3.5.5. Ketidakcekapan mengutip tunggakan hasil telah merugi dan mencemarkan imej Kerajaan terutamanya apabila tunggakan hasil yang tidak dapat kutip terpaksa dihapus kira. **Tindakan surcaj hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang cuai dalam melaksanakan kutipan hasil Kerajaan. Jika ia melibatkan jenayah pecah amanah dalam mengurus kutipan hasil, tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat.**

KEMENTERIAN KEWANGAN

4. KEBERKESANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

4.1. LATAR BELAKANG

Setiap tahun, Laporan Ketua Audit Negara membangkitkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan yang sama khususnya berhubung dengan pengurusan bajet; penyelenggaraan rekod-rekod perakaunan; kawalan pungutan dan tunggakan hasil; kawalan perbelanjaan dan kelewatan menjelaskan bil; pengurusan aset dan stor serta kelewatan mengemukakan penyata kewangan untuk pengauditan dan pembentangannya di Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Menyedari tentang kelemahan-kelemahan yang telah menjadi kebiasaan ini, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan melalui mesyuarat Bilangan 1 Tahun 1995 telah mengarahkan supaya Kementerian/Jabatan/agensi Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Sehubungan ini, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 mengenai penubuhan jawatankuasa ini dengan tujuan untuk membantu Kementerian/Jabatan/agensi mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan supaya ia berjalan lancar dan menepati peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2004, Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah dikeluarkan untuk menggantikan pekeliling yang terdahulu dengan memasukkan beberapa elemen kawalan dalaman tambahan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menentukan sejauh mana JPKA yang telah diwujudkan di Kementerian melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap, berkesan dan selaras dengan kehendak pekeliling yang berkenaan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini telah dijalankan terhadap aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di 28 Kementerian. Semakan telah dibuat terhadap minit mesyuarat JPKA dan Laporan Suku Tahun JPKA yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia bagi tahun 2005 dan 2006. Soal selidik juga dikemukakan kepada semua Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian yang bertindak sebagai Setiausaha JPKA, Ketua Unit Audit Dalam sebagai ahli JPKA serta Bahagian Kawalan Dan Pemantauan Perbendaharaan Malaysia. Keberkesanan JPKA juga dinilai berdasarkan kepada pemerhatian Audit terhadap pengurusan kewangan Kementerian yang dilaksanakan pada tahun 2006.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2006 mendapati perkara-perkara berikut :-

4.4.1. Penubuhan Jawatankuasa

4.4.1.1. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, satu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan semua PTJ di bawahnya. Ahli-ahli Jawatankuasa di peringkat Kementerian hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.1
KEAHLIAN JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN DI PERINGKAT KEMENTERIAN

KEAHLIAN JAWATANKUASA		NAMA JAWATAN
Pengerusi	:	Ketua Setiausaha
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Ketua Setiausaha
Setiausaha	:	Setiausaha Bahagian Kewangan
Ahli	:	a. Semua Ketua Bahagian
		b. Ketua Unit Audit Dalam
		c. Akauntan/Pegawai Perakaunan
		d. Pegawai-pegawai lain yang sesuai

4.4.1.2. Mengikut rekod Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) setakat bulan Disember 2006, terdapat 3,978 Pusat Tanggungjawab (PTJ) diwujudkan di 28 Kementerian. Bagaimanapun, semakan Audit yang dijalankan terhadap Laporan Suku Tahun JPKA Keempat tahun 2006 yang dikemukakan oleh Kementerian kepada Perbendaharaan Malaysia mendapati hanya terdapat 1,509 PTJ. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.2**. **Ini bermakna bilangan PTJ yang dilaporkan oleh Kementerian dalam Laporan Suku Tahun JPKA masing-masing adalah kurang tepat.**

4.4.1.3. Semakan Audit yang dijalankan terhadap Laporan Suku Tahun JPKA Keempat tahun 2006 mendapati 18 Kementerian telah melaporkan bahawa mereka telah mewujudkan JPKA di semua PTJ di bawahnya. **Bagaimanapun berdasarkan kepada 3,978 PTJ yang ditunjukkan dalam rekod JANM, didapati hanya Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi serta Kementerian Wilayah Persekutuan yang mewujudkan JPKA di semua PTJ di bawahnya.** Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian yang lain, mereka tidak mewujudkan JPKA di beberapa PTJ kerana Ketua PTJ berkenaan adalah juga ahli JPKA peringkat Kementerian. Selain itu, bilangan anggota di peringkat PTJ tidak ramai (kurang daripada 10 orang). Bagi PTJ yang berada di luar negeri pula, hanya pejabat yang memegang panjar sendiri dan tidak di bawah pejabat perwakilan diarah menubuhkan JPKA. Kedudukan penubuhan JPKA di peringkat PTJ mengikut Laporan Suku Tahun JPKA Keempat tahun

2006 yang dikemukakan oleh Kementerian kepada Perbendaharaan Malaysia adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.2
KEDUDUKAN PENUBUHAN JPKA
DI PERINGKAT KEMENTERIAN DAN PUSAT TANGGUNGJAWABNYA

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PTJ MENGIKUT JABATAN AKAUNTAN NEGARA	BERDASARKAN LAPORAN SUKU TAHUN JPKA KEMENTERIAN		
			BILANGAN PTJ DI BAWAH KEMENTERIAN (a)	BILANGAN PTJ MENUBUHKAN JPKA (b)	PERATUS PENUBUHAN (%) (b/a)
1.	Jabatan Perdana Menteri	173	22	22	100
2.	Belia Dan Sukan	45	36	26	72.2
3.	Hal Ehwal Dalam Negeri	77	62	58	93.5
4.	Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	29	30	30	100
5.	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	30	28	28	100
6.	Kerja Raya	82	24	24	100
7.	Keselamatan Dalam Negeri	212	143	143	100
8.	Kesihatan	457	23	23	100
9.	Kewangan	141	7	7	100
10.	Luar Negeri	108	105	105	100
11.	Pelajaran	1,701	42	42	100
12.	Pelancongan	9	9	1	11
13.	Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	31	25	16	64
14.	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	46	33	33	100
15.	Penerangan	71	66	57	86
16.	Pengajian Tinggi	51	5	5	100
17.	Pengangkutan	59	10	10	100
18.	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	8	33	7	21
19.	Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	26	22	22	100
20.	Pertahanan	104	98	98	100
21.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	231	399	184	46.1
22.	Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	34	19	19	100
23.	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	3	1	1	100
24.	Sains, Teknologi Dan Inovasi	20	20	20	100
25.	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	123	140	112	80
26.	Sumber Manusia	103	103	101	98
27.	Tenaga, Air Dan Komunikasi	3	3	2	66
28.	Wilayah Persekutuan	1	1	1	100
	JUMLAH BESAR	**3,978**	**1,509**	**1,197**	

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memandang serius kegagalan PTJ menubuhkan JPKA kerana ia boleh menyebabkan Pegawai Pengawal sukar untuk menentukan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan yang berlaku di PTJ berkenaan serta langkah-langkah yang telah diambil untuk menanganinya. Pegawai Pengawal juga patut menentukan sebab berlakunya

perbezaan antara bilangan PTJ yang dilaporkan dalam Laporan Suku Tahun kementeriannya dengan rekod JANM.

4.4.2. Kepimpinan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa

Komitmen pengurusan tertinggi adalah amat penting bagi memastikan semua keputusan yang dicapai dalam setiap mesyuarat dipatuhi dan diambil tindakan sewajarnya. Oleh yang demikian, kehadiran Ketua Setiausaha (KSU) sebagai pengerusi JPKA amatlah penting. Berasaskan kepada minit mesyuarat bagi tahun 2005 dan 2006, semakan Audit mendapati hanya **8** Kementerian yang mana kesemua mesyuarat JPKA dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha selaku Pegawai Pengawal. Bagi **20** Kementerian yang lain, sebahagian mesyuarat JPKA dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan sebahagian lagi dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha. Bagi beberapa Kementerian, mesyuarat JPKA tidak dipengerusikan oleh KSU kerana kesibukan tugas serta kelonggaran yang diberikan melalui Pekeliling JPKA yang membolehkan mesyuarat dipengerusikan oleh seorang pengerusi ganti. Butiran kekerapan KSU mempengerusikan mesyuarat JPKA di setiap Kementerian adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.3
BILANGAN MESYUARAT JPKA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA ATAU TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

KEMENTERIAN	BILANGAN MESYUARAT DIPENGERUSIKAN	
	KSU	TKSU
Jabatan Perdana Menteri	-	8
Belia Dan Sukan	6	2
Hal Ehwal Dalam Negeri	-	8
Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	7	1
Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	6	2
Kerja Raya	4	4
Keselamatan Dalam Negeri	8	-
Kesihatan	8	-
Kewangan	*4	2
Luar Negeri	8	-
Pelajaran	7	1
Pelancongan	7	1
Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	6	2
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	8	-
Penerangan	7	1
Pengajian Tinggi	4	4
Pengangkutan	7	1
Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	**6	1
Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	8	-
Pertahanan	8	-

KEMENTERIAN	BILANGAN MESYUARAT DIPENGERUSIKAN	
	KSU	TKSU
Pertanian Dan Industri Asas Tani	-	8
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	8	-
Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	8	-
Sains, Teknologi Dan Inovasi	-	7***
Sumber Asli Dan Alam Sekitar	-	8
Sumber Manusia	6	2
Tenaga, Air Dan Komunikasi	7	1
Wilayah Persekutuan	6	2

Sumber : ***Minit Mesyuarat Bil. 1 - 4 Tahun 2005 Dan Bil. 1 - 4 Tahun 2006***
Nota : ***KSU - Ketua Setiausaha***
TKSU - Timbalan Ketua Setiausaha
**** Mesyuarat Bil. 2 dan 3/2005 tidak diadakan***
***** Mesyuarat Bil. 1/2005 tidak diadakan***
****** Mesyuarat Bil. 4/2006 tidak diadakan***

Pada pandangan Audit, memandangkan Ketua Setiausaha Kementerian adalah Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan Kementerian dikendalikan dengan teratur, adalah penting mesyuarat JPKA dipengerusikan oleh beliau sendiri. Memandangkan mesyuarat JPKA diadakan setiap 3 bulan sekali, adalah wajar beliau merancang masanya supaya dapat mempengerusikan mesyuarat ini.

4.4.3. Peranan Urus Setia Kepada Jawatankuasa

4.4.3.1. Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991 (Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan), setiap jawatankuasa yang diwujudkan perlu melantik urus setia untuk membantu jawatankuasa menjalankan tanggungjawabnya. Urus setia ini akan menjalankan tugas-tugas seperti mengatur mesyuarat, menghantar surat jemputan mesyuarat dan menyediakan minit mesyuarat. Di samping itu, urus setia juga bertanggungjawab membuat susulan terhadap keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh jawatankuasa. Pekeliling tersebut juga menetapkan minit mesyuarat yang telah diluluskan oleh Pengerusi, perlu dikeluarkan dalam tempoh satu minggu selepas mesyuarat diadakan. Sehubungan ini, urus setia JPKA adalah juga dipertanggungjawab untuk mendapatkan laporan JPKA daripada semua PTJ di bawah Kementerian untuk disatukan bagi tujuan penyediaan Laporan Suku Tahun JPKA Kementerian.

4.4.3.2. Semakan Audit mendapati semua Kementerian telah melantik urus setia tetap yang terdiri daripada Ketua Penolong Setiausaha/Penolong Setiausaha/Penolong Pegawai Tadbir di Bahagian Kewangan/Belanjawan/ Pengurusan. Surat jemputan mesyuarat telah diedarkan kepada jawatankuasa dalam tempoh 3 hingga 30 hari sebelum mesyuarat diadakan. Bagaimanapun,

minit mesyuarat JPKA lewat dikeluarkan sehingga 90 hari selepas mesyuarat. Kelewatan ini boleh menjejaskan keberkesanan tindakan susulan yang sepatutnya diambil. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada urus setia yang terlibat, didapati antara faktor yang menyebabkan kelewatan pengeluaran minit mesyuarat adalah kerana selain daripada menjalankan tugas urus setia, pegawai berkenaan juga perlu menjalankan tugas hakiki yang lain. Tambahan pula, urus setia juga perlu menyediakan Laporan Suku Tahun JPKA berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada PTJ yang berkenaan.

Pada pandangan Audit, Pengerusi perlu memastikan semua minit mesyuarat JPKA disediakan dan diedar dalam tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan tindakan-tindakan susulan/pembetulan diambil segera terhadap setiap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

4.4.4. Kekerapan Mengadakan Mesyuarat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan JPKA hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Ini bagi membolehkan pengurusan kewangan Kementerian dipantau secara tetap dan berterusan. Semakan Audit mendapati JPKA bagi 8 Kementerian telah mengadakan mesyuarat dalam tempoh ditetapkan. Manakala JPKA bagi 20 Kementerian yang lain telah mengadakan sebahagian mesyuaratnya melebihi tempoh ditetapkan. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian, mesyuarat JPKA jarang diadakan kerana terlalu banyak mesyuarat lain diadakan dalam tempoh satu tahun dan kebanyakan ahli JPKA juga terlibat secara langsung dalam kesemua mesyuarat berkenaan. Selain itu, pada masa tertentu, mesyuarat yang diadakan terpaksa mengikut keutamaan misalnya berkaitan isu semasa dan memerlukan tindakan segera. Kedudukan mesyuarat mengikut Kementerian adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.4
KEKERAPAN KEMENTERIAN MENGADAKAN MESYUARAT JPKA
BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

BIL.	KEMENTERIAN	TEMPOH MESYUARAT SELEPAS MESYUARAT SEBELUMNYA (Bulan)								LINGKUNGAN TEMPOH MESYUARAT DIADAKAN (Bulan)
		2005				2006				
	SUKU TAHUN	1	2	3	4	1	2	3	4	
1	Jabatan Perdana Menteri	9.6.05	3	1	3	1	2	7	3	1-7
2	Belia Dan Sukan	20.4.05	3	2	3	2	5	2	3	2-5
3	Hal Ehwal Dalam Negeri	7.3.05	3	2	3	3	2	2	3	2-3
4	Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	19.4.05	4	2	3	2	2	4	2	2-4
5	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	21.3.05	4	3	3	2	2	4	4	2-4
6	Kerja Raya	13.5.05	2	2	3	9	1	2	3	1-9
7	Keselamatan Dalam Negeri	28.4.05	2	3	2	1	1	7	4	1-7
8	Kesihatan	11.5.05	3	2	3	3	2	2	4	2-4

BIL.	KEMENTERIAN	TEMPOH MESYUARAT SELEPAS MESYUARAT SEBELUMNYA (Bulan)								LINGKUNGAN TEMPOH MESYUARAT DIADAKAN (Bulan)
		2005				2006				
	SUKU TAHUN	1	2	3	4	1	2	3	4	
9	Kewangan	9.5.05	3	-*	-*	TDT	2	2	4	2-4
10	Luar Negeri	12.4.05	2	2	2	1	3	3	3	1-3
11	Pelajaran	18.4.05	3	2	4	1	2	2	4	1-4
12	Pelancongan	3.5.05	3	3	3	2	2	2	3	2-3
13	Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	13.4.05	4	3	3	1	2	3	3	1-4
14	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	19.4.05	2	2	3	3	2	2	3	2-3
15	Penerangan	21.2.05	3	2	2	5	3	3	2	2-5
16	Pengajian Tinggi	18.2.05	3	3	3	2	1	3	2	1-3
17	Pengangkutan	27.5.05	3	3	2	2	3	3	3	2-3
18	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	-*	TDT	3	2	2	3	3	3	2-3
19	Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	27.4.05	3	3	3	2	2	2	3	2-3
20	Pertahanan	25.5.05	2	4	4	1	3	4	4	1-4
21	Pertanian Dan Industri Asas Tani	28.4.05	3	5	1	2	3	3	4	1-5
22	Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	3.3.05	3	3	2	3	3	2	4	2-4
23	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	21.3.05	4	1	5	1	3	1	5	1-5
24	Sains, Teknologi Dan Inovasi	28.5.05	2	2	2	1	5	5	-*	1-5
25	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	24.3.05	2	3	1	5	3	1	1	1-5
26	Sumber Manusia	24.5.05	2	1	3	3	2	4	2	1-4
27	Tenaga, Air Dan Komunikasi	20.4.05	3	2	3	3	2	2	5	2-5
28	Wilayah Persekutuan	14.3.05	4	2	2	2	2	2	3	2-4

Nota: ***(*) - Mesyuarat Tidak Diadakan***
TDT -Tidak Dapat Ditentukan (Mesyuarat Sebelumnya Tidak Diadakan)
Tempoh Mesyuarat - Dikira Dari Tarikh Terakhir Mesyuarat Diadakan Pada Suku Tahun Sebelumnya (Ikut Ketetapan - JPKA Perlu Bermesyuarat Sekurang-Kurangnya 3 Bulan Sekali)

4.4.5. Perkara Dibincang

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 menetapkan JPKA perlu memberi perhatian terhadap 49 perkara berhubung dengan pengurusan kewangan yang mana sekiranya ada isu-isu yang ketara, ia perlu dibincangkan dan disusuli sehingga selesai. Mengikut Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 1991 (Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan) pula, urus setia hendaklah berunding dengan Pengerusi jawatankuasa untuk menentukan agenda, tarikh, masa dan tempat mesyuarat. Pengerusi dan urus setia dikehendaki juga merancang peruntukan masa untuk setiap perkara dalam agenda. Semakan Audit terhadap agenda mesyuarat JPKA mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Pada umumnya, agenda mesyuarat kesemua Kementerian adalah menyeluruh iaitu meliputi pelbagai aspek pengurusan kewangan. **Namun,**

sesuatu perkara tersebut tidak dibincangkan dengan terperinci iaitu hanya sekadar melaporkan kedudukan terkini dalam mesyuarat sebagai makluman. Adalah difahamkan keadaan ini berlaku kerana Kementerian berpendapat agenda yang perlu dibincangkan adalah terlalu banyak dan Kementerian hendak memastikan bahawa semua aspek telah disentuh dalam mesyuarat JPKA untuk mematuhi keperluan Pekeliling Perbendaharaan tersebut. **Pada pandangan Audit, Pengerusi perlu merancang agenda dan perkara yang hendak dibincangkan dalam mesyuarat secara teliti bagi memastikan sesuatu masalah pengurusan kewangan diselesaikan berdasarkan prioriti atau memberi tumpuan kepada isu paling kritikal.**

b. Semakan Audit mendapati penetapan perkara yang dibincangkan adalah tidak selaras dengan masalah pengurusan kewangan yang dihadapi oleh Kementerian. Semakan terhadap Laporan Suku Tahun yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia mendapati sungguhpun terdapat isu-isu yang ketara dan perlu dibincangkan untuk penyelesaiannya, namun tiada bukti yang menunjukkan bahawa ia telah dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat JPKA suku tahun berkenaan. Hanya data dan statistik kewangan seperti jumlah perbelanjaan yang telah dibuat, jumlah hasil yang telah diterima dan belum dipungut, bil-bil yang belum dibayar serta baki akaun-akaun Amanah dan deposit yang terkini dibentangkan. Berikut diberikan beberapa contoh isu signifikan daripada Laporan Suku Tahun JPKA yang tidak dibincangkan dalam mesyuarat JPKA suku tahun berkenaan :-

JADUAL 4.5
ISU SIGNIFIKAN PENGURUSAN KEWANGAN YANG TIDAK DIBINCANG DALAM MESYUARAT JPKA SUKU TAHUN BERKENAAN

KEMENTERIAN	MESYUARAT SUKU TAHUN JPKA	ISU DALAM LAPORAN SUKU TAHUN JPKA
Hal Ehwal Dalam Negeri	• 1/2005 • 2/2005	• Bil-bil Tertunggak RM1.31 juta • Tunggakan hasil RM2.77 juta
Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	• 2/2005	• Bil-bil Tertunggak RM1.02 juta • Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kumpulan Wang Amanah RM161.94 juta
Kerja Raya	• 1/2005	• Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kumpulan Wang Amanah RM2.09 juta
Keselamatan Dalam Negeri	• 2/2005	• Tunggakan Hasil RM457,162
Luar Negeri	• 4/2005	• Pendahuluan Belum Selesai RM39.20 juta
Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	• 1/2005	• Bil-bil Tertunggak RM287,153
Pengajian Tinggi	• 4/2005	• Bil-bil Tertunggak RM15,000

KEMENTERIAN	MESYUARAT SUKU TAHUN JPKA	ISU DALAM LAPORAN SUKU TAHUN JPKA
Pertahanan	• 2/2005 • 3/2005	• Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kumpulan Wang Amanah RM5.74 juta • Pendahuluan Belum Selesai RM2.15 juta • Tunggakan Hasil RM24.86 juta
Pertanian Dan Industri Asas Tani	• 3/2005	• Bil-bil Tertunggak RM1.40 juta
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	• 2/2005	• Bil-bil Tertunggak RM1.39 juta • Pendahuluan Belum Selesai RM159,649.40
Sains, Teknologi Dan Inovasi	• 1/2005 • 2/2005	• Bil-bil Tertunggak RM403,166 • Bil-bil Tertunggak RM1.51 juta
Wilayah Persekutuan	• 2/2005	• Bil-bil Tertunggak RM14,973

Pada pandangan Audit, urus setia dan Pengerusi perlu memainkan peranan penting menentukan hala tuju JPKA. Urus setia perlu mengadakan perbincangan dengan Pengerusi untuk meneliti setiap maklum balas yang diterima daripada PTJ dan mengenal pasti masalah yang berbangkit serta tindakan-tindakan yang perlu diputuskan oleh JPKA untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Tanpa analisis yang mendalam, penyelesaian yang dicapai hanyalah berbentuk *corrective* iaitu hanya mengambil tindakan pembetulan tetapi bukannya mencari jalan untuk mengelakkan *(preventive)* daripada masalah tersebut berulang. Bagi menyelesaikan sesuatu masalah pengurusan kewangan, JPKA boleh melantik jawatankuasa kecil atau meminta Unit Audit Dalam untuk mengkaji dan membuat analisis mendalam terhadap sesuatu isu yang berbangkit dan mencadangkan langkah penyelesaiannya.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada keseluruhannya masalah yang dibincangkan di dalam mesyuarat JPKA telah mencapai keputusan dan juga menetapkan pihak yang perlu mengambil tindakan. Namun demikian, ianya tidak menyatakan tempoh tindakan perlu diambil dan sasaran yang perlu dicapai. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memberi penekanan terhadap keputusan yang dicapai dalam mesyuarat JPKA untuk memastikan bahawa ia adalah spesifik dan jelas serta menetapkan tempoh/sasaran yang realistik untuk dicapai. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan tindakan diambil dan pemantauan tindakan susulannya.**

4.4.6. Laporan Suku Tahun Kepada Perbendaharaan Malaysia

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan Laporan JPKA kepada Perbendaharaan Malaysia pada awal bulan Mei (suku tahun pertama), Ogos (suku tahun kedua), November (suku tahun ketiga) dan Februari (suku tahun keempat). Laporan tersebut hendaklah

menyeluruh dan disatukan meliputi semua laporan PTJ di bawah kawalannya serta memberikan maklumat yang tepat dan sahih. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

4.4.6.1. Penyerahan Laporan Suku Tahun

a. Semakan Audit mendapati tiada Kementerian yang dapat mengemukakan semua Laporan JPKA kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh ditetapkan. Kelewatan mengemukakan Laporan JPKA adalah antara 1 hingga 7 bulan. Ini adalah kerana kebanyakan Kementerian tidak mengadakan mesyuarat dalam tempoh sepatutnya iaitu 3 bulan sekali, sebaliknya sebahagian Kementerian mengadakan mesyuarat antara 4 hingga 9 bulan sekali. Kelemahan tersebut turut menyebabkan Laporan Suku Tahun JPKA Kementerian lewat disediakan. Selain itu, Kementerian juga perlu mengumpul dan mendapatkan data daripada semua PTJ. Manakala bagi Kementerian yang telah mengadakan mesyuarat dalam tempoh yang ditetapkan, Laporan Suku Tahun JPKA Kementerian juga lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia kerana perlu mengambil masa untuk mendapatkan ulasan dan pengesahan daripada Pengerusi JPKA terhadap kandungan laporan berkenaan. Mengikut maklum balas yang diterima daripada pihak berkenaan, pengesahan lewat diperolehi daripada Pegawai Pengawal kerana beliau terlalu sibuk dengan pelbagai urusan rasmi yang lain. Tempoh kelewatan Kementerian mengemukakan laporan adalah seperti ditunjukkan di jadual berikut :-

JADUAL 4.6
TEMPOH KELEWATAN KEMENTERIAN MENGEMUKAKAN LAPORAN SUKU TAHUN KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

BIL.	KEMENTERIAN	TEMPOH KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN SUKU TAHUN (Bulan)								LINGKUNGAN TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
		2005				2006				
	SUKU TAHUN	1	2	3	4	1	2	3	4	
1	Jabatan Perdana Menteri	2	-	1	2	-	-	-	-	1-2
2	Belia Dan Sukan	-	1	-	3	-	-	3	4	1-4
3	Hal Ehwal Dalam Negeri	3	1	1	2	1	-	1	-	1-3
4	Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	-	-	1	2	-	-	-	3	1-3
5	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	-	-	-	2	-	-	-	3	2-3
6	Kerja Raya	-	1	-	2	-	-	-	-	1-2
7	Keselamatan Dalam Negeri	1	2	1	3	3	3	6	5	1-6
8	Kesihatan	1	1	-	2	2	-	1	4	1-4
9	Kewangan	5	1	5	3	5	2	-	5	1-5
10	Luar Negeri	1	3	2	3	1	4	1	4	1-4
11	Pelajaran	3	1	1	3	-	-	-	-	1-3
12	Pelancongan	-	1	2	3	2	3	1	3	1-3
13	Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	5	2	3	3	-	-	-	-	2-5

BIL.	KEMENTERIAN	TEMPOH KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN SUKU TAHUN (Bulan)								LINGKUNGAN TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
		2005				2006				
	SUKU TAHUN	1	2	3	4	1	2	3	4	
14	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	-	-	-	-	-	1	-	3	1-3
15	Penerangan	1	-	1	3	1	-	-	-	1-3
16	Pengajian Tinggi	2	-	3	3	1	-	-	3	1-3
17	Pengangkutan	1	3	3	3	1	-	-	-	1-3
18	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	1	1	3	3	1	-	-	3	1-3
19	Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	-	-	-	3	-	4	-	2	2-4
20	Pertahanan	2	2	5	4	2	2	1	4	1-5
21	Pertanian Dan Industri Asas Tani	-	1	3	3	-	-	-	-	1-3
22	Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	-	-	-	3	-	1	-	4	1-4
23	Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	2	6	3	4	-	3	2	3	2-6
24	Sains, Teknologi Dan Inovasi	1	1	2	3	1	7	5	4	1-7
25	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	2	7	4	3	1	-	-	2	1-7
26	Sumber Manusia	5	2	1	3	-	2	2	4	1-5
27	Tenaga, Air Dan Komunikasi	2	1	1	3	-	1	-	-	1-3
28	Wilayah Persekutuan	-	2	1	3	-	1	-	-	1-3

Nota : ***(-) Laporan Dikemukakan Dalam Tempoh Ditetapkan***

b. Bagi beberapa Kementerian, kelewatan tersebut juga berpunca daripada kekurangan urus setia untuk menguruskan mesyuarat kerana mereka juga perlu terlibat dengan beberapa mesyuarat lain. Perbandingan antara bilangan ahli urus setia dengan bilangan PTJ di bawah Kementerian adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.7
PERBANDINGAN BILANGAN URUS SETIA
DENGAN BILANGAN PTJ DI BAWAH KEMENTERIAN

KEMENTERIAN	BILANGAN URUS SETIA	BILANGAN PTJ
Jabatan Perdana Menteri	1	22
Belia Dan Sukan	1	36
Hal Ehwal Dalam Negeri	7	62
Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	2	30
Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	5	28
Kerja Raya	2	24
Keselamatan Dalam Negeri	5	143
Kesihatan	4	23
Kewangan	2	7
Luar Negeri	4	105
Pelajaran	1	42
Pelancongan	4	9
Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	4	25
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2	33

KEMENTERIAN	BILANGAN URUS SETIA	BILANGAN PTJ
Penerangan	5	66
Pengajian Tinggi	2	5
Pengangkutan	3	10
Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	4	33
Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	4	22
Pertahanan	2	98
Pertanian Dan Industri Asas Tani	6	399
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	2	19
Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	2	1
Sains, Teknologi Dan Inovasi	5	20
Sumber Asli Dan Alam Sekitar	3	140
Sumber Manusia	3	103
Tenaga, Air Dan Komunikasi	2	3
Wilayah Persekutuan	4	1
JUMLAH	**91**	**1,509**

4.4.6.2. Ketepatan Laporan

a. Mengikut Penyata Tahunan Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh Kementerian kepada JANM, jumlah tunggakan hasil bagi 28 Kementerian pada akhir tahun 2006 ialah RM14.62 bilion. Bagaimanapun, berdasarkan kepada Laporan Suku Tahun JPKA Keempat tahun 2006, jumlah tunggakan hasil bagi 28 Kementerian hanyalah RM13.18 bilion. Ini berlaku kerana **ada Kementerian yang melaporkan tunggakan hasil jauh berkurangan daripada yang dilaporkan dalam Penyata Tahunan Tunggakan Hasil mereka malahan ada yang melaporkan tiada tunggakan hasil.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.8
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL KEMENTERIAN
TAHUN 2006

BIL.	KEMENTERIAN	TUNGGAKAN HASIL	
		BERDASARKAN LAPORAN SUKU TAHUN KEEMPAT JPKA KEMENTERIAN (RM Juta)	PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL YANG DIKEMUKAKAN KEPADA JANM (RM Juta)
1	Jabatan Perdana Menteri	2.58	70.74
2	Belia Dan Sukan	0.00	0.12
3	Hal Ehwal Dalam Negeri	2.77	3.65
4	Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	1.30	0.14
5	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	34.31	4.07
6	Kerja Raya	0.02	0.02
7	Keselamatan Dalam Negeri	51.22	0.80
8	Kesihatan	116.49	113.67
9	Kewangan	12,880.58	14,158.23
10	Luar Negeri	0.00	0.46
11	Pelajaran	28.44	28.37

BIL.	KEMENTERIAN	TUNGGAKAN HASIL	
		BERDASARKAN LAPORAN SUKU TAHUN KEEMPAT JPKA KEMENTERIAN (RM Juta)	PENYATA TAHUNAN TUNGGAKAN HASIL YANG DIKEMUKAKAN KEPADA JANM (RM Juta)
12	Pelancongan	0.15	0.07
13	Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	0.00	0.00
14	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	0.06	0.00
15	Penerangan	11.80	103.04
16	Pengajian Tinggi	0.00	1.22
17	Pengangkutan	0.00	22.85
18	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	0.48	0.48
19	Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	0.26	0.26
20	Pertahanan	22.32	34.32
21	Pertanian Dan Industri Asas Tani	0.00	2.74
22	Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	0.00	4.44
23	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	0.00	0.00
24	Sains, Teknologi Dan Inovasi	5.73	9.22
25	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	15.60	53.09
26	Sumber Manusia	1.68	1.68
27	Tenaga, Air Dan Komunikasi	2.22	2.22
28	Wilayah Persekutuan	0.00	0.00
	JUMLAH	**13,178.01**	**14,615.90**

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati **sebanyak 20 daripada 28 Kementerian telah melaporkan maklumat yang berbeza antara yang dinyatakan dalam minit mesyuarat JPKA dengan yang ada dalam Laporan Suku Tahun JPKA bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006.** Maklumat tersebut adalah mengenai baki perbelanjaan mengurus, pembangunan, tunggakan hasil, pendahuluan diri dan baki akaun amanah. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

JADUAL 4.9
PERBEZAAN MAKLUMAT DALAM MINIT MESYUARAT JPKA DENGAN YANG ADA DALAM LAPORAN SUKU TAHUN JPKA BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2006

BILANGAN KEMENTERIAN TERLIBAT	PERKARA	SUMBER DATA	
		MINIT MESYUARAT	LAPORAN JPKA
		(RM)	(RM)
17	Perbelanjaan Mengurus	39,266,469,513	30,013,149,073
8	Perbelanjaan Pembangunan	15,041,134,550	11,433,397,749
8	Bil-bil Tertunggak	21,378,676	408,502,611
8	Kumpulan Wang Amanah	77,943,800	77,767,393
2	Pendahuluan Diri	790,363	750,628
2	Tunggakan Hasil	9,655,147	9,595,267

c. Di dalam Laporan Suku Tahun JPKAnya, Kementerian dikehendaki mengesahkan sama ada perkara-perkara berikut telah dilaksanakan. Contohnya :-

i. Menyemak dan mengesahkan penyata penyesuaian buku tunai dengan penyata hasil terperinci Jabatan Akauntan Negara.

ii. Menyemak dan mengesahkan Penyata Akaun Belum Terima disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara.

iii. Bil dibayar dalam tempoh ditetapkan.

iv. Laporan kelewatan bayaran bil dikemukakan ke Perbendaharaan Malaysia setiap bulan.

v. Pemeriksaan mengejut dilaksanakan mengikut Arahan Perbendaharaan 309.

vi. Daftar pendahuluan diri/pelbagai lengkap dan kemas kini.

vii. Pemeriksaan mengejut terhadap harta modal dibuat.

viii. Tindakan pelupusan/hapus kira terhadap barang-barang usang dibuat.

d. Hasil semakan Audit pada akhir tahun 2006 mendapati beberapa butiran dalam laporan tersebut telah disahkan oleh Kementerian sebagai teratur. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati adalah sebaliknya. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

JADUAL 4.10
PENGESAHAN DALAM LAPORAN SUKU TAHUN YANG TIDAK TEPAT

PERKARA YANG DISAHKAN DALAM LAPORAN SUKU TAHUN JPKA 2005 - 2006	HASIL SEMAKAN AUDIT PADA AKHIR TAHUN 2006	KEMENTERIAN TERLIBAT
Pengurusan Hasil	Hasil yang belum diterima bagi tahun 2005 tidak diisytiharkan dalam Penyata Akaun Belum Terima (ABT) untuk tahun berkenaan.	Tenaga, Air Dan Komunikasi
	Penyata ABT yang disediakan tidak meliputi terimaan bayaran balik pinjaman.	Kerja Raya
	Pengesahan terhadap flimsi hasil bulanan JANM tidak dilakukan.	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
	Laporan pungutan hasil disatukan bagi semua pemungut di bawah kementerian, tidak disediakan.	Pelajaran Malaysia. Keselamatan Dalam Negeri
	Pemeriksaan stok resit yang dikeluarkan dan disimpan tidak dilakukan.	Wilayah Persekutuan
	Penyata ABT lewat dikemukakan kepada JANM.	Luar Negeri
	Penyata penyesuaian bulanan hasil tidak disediakan.	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi

PERKARA YANG DISAHKAN DALAM LAPORAN SUKU TAHUN JPKA 2005 - 2006	HASIL SEMAKAN AUDIT PADA AKHIR TAHUN 2006	KEMENTERIAN TERLIBAT
Pengurusan Perbelanjaan	Bil dibayar melebihi tempoh 30 hari dari tarikh bil diterima.	Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Kesihatan Malaysia.
	Laporan kelewatan bayaran bil tidak dihantar kepada Perbendaharaan.	Pelancongan. Hal Ehwal Dalam Negeri
Pengurusan Perakaunan	Penyata Terimaan Dan Bayaran untuk pegawai yang mengambil pendahuluan tidak disediakan pada setiap akhir tahun.	Sumber Manusia
	Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Tidak dikemukakan kepada pihak Audit untuk pengesahan.	Penerangan Malaysia
	Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah lewat dikemukakan kepada pihak Audit.	Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar
	Pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai dan rekod kewangan tidak dilaksanakan mengikut AP 309	Pertahanan
	Daftar pendahuluan diri/pelbagai tidak dikemas kini dan lengkap.	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
	Surat ikatan/Arahan Amanah Kumpulan Wang/Akaun Amanah masih belum dikemas kini mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil 18 Tahun 2001.	Pertanian Dan Industri Asas Tani
	Tunggakan bayaran balik pendahuluan diri tahun 2004 masih belum dijelaskan.	Belia Dan Sukan
	Lejar individu bagi setiap pendeposit tidak diselenggarakan.	Pembangunan Usahawan Dan Koperasi
Pengurusan Stor Dan Aset	Daftar induk harta modal dan inventori tidak lengkap kerana tidak termasuk di bahagian-bahagian lain di peringkat Kementerian.	Sumber Manusia. Kesihatan Malaysia.
	Aset yang perlu dilupuskan tidak diambil tindakan.	Penerangan Malaysia
	Pemeriksaan secara mengejut ke atas aset dan rekod terhadap harta modal dan inventori tidak dijalankan.	Kewangan Malaysia

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memandang serius perkara ini dengan mewujudkan satu mekanisme yang teratur untuk memastikan integriti dan kesahihan data/maklumat Laporan yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Laporan tersebut perlu telus dan menggambarkan kedudukan sebenar pengurusan kewangan Kementerian.

4.4.7. Pemantauan Terhadap Pelaksanaan JPKA Di Kementerian Oleh Perbendaharaan Malaysia

4.4.7.1. Pemantauan terhadap pelaksanaan JPKA adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Kawalan Dan Pemantauan, Perbendaharaan Malaysia. Unit Akaun Awam di bawah Seksyen Pengurusan Kewangan Bahagian berkenaan melaksanakan tugas pemantauan ini. Unit ini dianggotai oleh 2 orang pegawai Gred M48 dan M41 masing-masingnya. Kedua-dua pegawai tersebut bertanggungjawab untuk memantau dan menganalisis

Laporan-Laporan Suku Tahun JPKA yang diterima daripada Kementerian dan menyediakan Laporan mengenainya pada setiap suku tahun kepada Setiausaha Bahagian Kawalan Dan Pemantauan berserta dengan pendapat dan cadangan. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab menyediakan Laporan Tahunan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Kementerian untuk dibentangkan dalam 2 mesyuarat berikut iaitu :-

a. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan; dan
b. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan.

4.4.7.2. Semakan Audit mendapati Bahagian Kawalan Dan Pemantauan tidak membuat analisis pada setiap suku tahun dan menyediakan laporan mengenainya. Analisis dan laporan hanya dibuat setahun sekali iaitu pada setiap akhir tahun untuk tujuan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan. Semakan Audit juga mendapati sistem pengumpulan maklumat dan fail di unit yang terlibat adalah kurang teratur dan tidak sistematik. Susulan terhadap kelewatan menyerahkan Laporan Suku Tahun JPKA hanya dibuat melalui telefon. Bahagian Kawalan Dan Pemantauan juga tidak pernah mengadakan mesyuarat/perbincangan dengan Kementerian terhadap Laporan Suku Tahun JPKA yang dikemukakan atau mengadakan sebarang naziran ke Kementerian bagi tujuan pemantauan. Mengikut maklum balas bahagian ini, penekanan hanya diberi kepada penyerahan Laporan Suku Tahun JPKA mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan perlu membuat analisis terhadap maklumat yang ada dalam Laporan Suku Tahun JPKA Kementerian secara berkala untuk menentukan prestasi kewangan Kementerian dan menentukan tindakan susulan diambil oleh Kementerian di mana berkaitan.

4.4.8. Keberkesanan Jawatankuasa

4.4.8.1. Kelemahan-kelemahan yang telah dilaporkan berhubung dengan pengurusan JPKA menggambarkan bahawa fungsi jawatankuasa ini masih perlu dipertingkatkan. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan di 28 Kementerian pada tahun 2006 mendapati kelemahan-kelemahan berhubung dengan kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan, pengurusan hasil, pengurusan akaun amanah dan pengurusan aset masih berterusan berlaku. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

JADUAL 4.11
KELEMAHAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BERDASARKAN PENGAUDITAN TAHUN 2006

BIL.	KEMENTERIAN	BILANGAN PERATURAN YANG TIDAK DIPATUHI					JUMLAH
		KAWALAN PENGURUSAN	KAWALAN BAJET MENGURUS DAN PEMBANGUNAN	KAWALAN TERIMAAN	KAWALAN PERBELANJAAN/ AMANAH	PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI	
	BILANGAN PERATURAN DISEMAK	9	11	9	12	7	
1.	Jabatan Perdana Menteri	SDP	8	1	SDP	4	13
2.	Belia Dan Sukan	2	2	4	5	6	19
3.	Hal Ehwal Dalam Negeri	4	4	4	3	7	22
4.	Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan	1	8	6	1	2	18
5.	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	2	6	4	6	1	19
6.	Kerja Raya	2	6	1	1	SDP	10
7.	Keselamatan Dalam Negeri	2	6	1	6	6	21
8.	Kesihatan	1	7	1	3	1	13
9.	Kewangan	3	5	4	2	1	15
10.	Luar Negeri	2	5	1	2	7	17
11.	Pelajaran	1	5	2	5	2	15
12.	Pelancongan	1	7	3	1	2	14
13.	Pembangunan Usahawan Dan Koperasi	1	7	7	6	SDP	21
14.	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1	5	1	6	1	14
15.	Penerangan	1	7	2	4	4	18
16.	Pengajian Tinggi	2	6	3	4	6	21
17.	Pengangkutan	SDP	9	1	5	5	20
18.	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	2	4	1	2	1	10
19.	Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna	3	4	2	2	6	17
20.	Pertahanan	4	5	3	5	2	19
21.	Pertanian Dan Industri Asas Tani	2	7	4	5	6	24
22.	Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	3	6	1	1	2	13
23.	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	1	6	1	7	1	16
24.	Sains, Teknologi Dan Inovasi	1	6	4	9	1	21
25.	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	2	8	7	5	1	23
26.	Sumber Manusia	1	7	1	2	1	12
27.	Tenaga, Air Dan Komunikasi	2	3	SDP	2	2	9
28.	Wilayah Persekutuan	2	4	2	1	SDP	9

Nota :- SDP - Semua Dipatuhi

4.4.8.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Suku Tahun JPKA bagi tahun 2005 dan 2006 juga mendapati kelemahan pengurusan kewangan yang sama masih berbangkit seperti bil-bil yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang sepatutnya, tunggakan bayaran balik pinjaman dan pendahuluan serta tunggakan hasil meningkat. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 4.12
KELEMAHAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN YANG DIKENAL PASTI DARIPADA LAPORAN SUKU TAHUN JPKA BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

KELEMAHAN PENGURUSAN KEWANGAN	BILANGAN KEMENTERIAN TERLIBAT	TEMPOH DILIPUTI
Bil-bil Tertunggak	27	1/2005 - 4/2006
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman (Kumpulan Wang Amanah)	6	1/2005 - 4/2006
Baki Pendahuluan Belum Selesai	23	1/2005 - 4/2006
Tunggakan Hasil	25	1/2005 - 4/2006

Pada pandangan Audit, JPKA Kementerian perlu berfungsi dengan lebih aktif dan bertindak sebagaimana prosedur yang ditetapkan dalam pekeliling berkenaan bagi menangani masalah pengurusan kewangan masing-masing.

4.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada amnya, JPKA Kementerian masih belum berfungsi dengan berkesan untuk menangani masalah pengurusan kewangan memandangkan kelemahan pengurusan kewangan yang sama masih berterusan berlaku. Bagi mempertingkatkan keberkesanan JPKA di Kementerian, adalah disyorkan perkara-perkara berikut diberi pertimbangan oleh pihak-pihak yang terlibat :-

4.5.1. Bagi memudahkan Perbendaharaan Malaysia memantau pelaksanaan JPKA di Kementerian dan meningkatkan lagi komitmen Kementerian, setiap JPKA di peringkat Kementerian perlu mengemukakan perancangan tahunannya kepada Perbendaharaan Malaysia. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal perlu merancang dengan teliti dan terperinci dari segi agenda, menetapkan prioriti isu, menentukan kaedah penyelesaian dan jadual mesyuarat.

4.5.2. Perbendaharaan Malaysia disyorkan mengkaji supaya Laporan JPKA dari Kementerian hanya dikemukakan dua kali sahaja dalam setahun. Laporan ini tidak lagi hanya mengemukakan statistik kewangan tetapi perlu menyatakan prestasi JPKA berkenaan seperti :-

a. Pencapaian JPKA Kementerian dalam mengesan dan menyelesaikan masalah pengurusan kewangan dengan menyatakan keputusan, pelan tindakan dan impak daripada tindakan yang diambil.

b. Butiran tentang bilangan mesyuarat JPKA, mesyuarat jawatankuasa kecil, serta inisiatif yang telah diambil oleh JPKA untuk memperbaikinya.

c. Pencapaian JPKA di peringkat PTJ.

4.5.3. Setiap JPKA di Kementerian perlu memberi tumpuan untuk menyelesaikan masalah pengurusan kewangan secara *preventive* selain penyelesaian *corrective.* Keberkesanan sistem dan prosedur yang diwujudkan perlu diberi penekanan. Unit Audit Dalam sepatutnya ditugaskan untuk mengkaji *root cause* sesuatu masalah pengurusan kewangan dan mencadangkan kaedah penyelesaiannya.

4.5.4. Setiap Kementerian perlu memastikan JPKA disokong oleh urus setia yang tetap dengan sumber yang mencukupi.

4.5.5. Pegawai Pengawal perlu memastikan integriti dan kesahihan data/maklumat Laporan yang dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia. Laporan tersebut perlu telus dan menggambarkan kedudukan sebenar pengurusan kewangan Kementerian.

5. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

- AKTIVITI AUDIT LUAR TERHADAP CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaksanakan Sistem Taksir Sendiri bagi syarikat mulai tahun 2001 dan bagi pembayar cukai yang lain mulai tahun 2004. Pelaksanaan sistem ini bertujuan menggalakkan pembayar cukai melapor dan membayar cukai pendapatan secara sukarela. Bagi mengesahkan ketepatan cukai pendapatan yang diisytiharkan oleh pembayar cukai melalui sistem ini, LHDN menjalankan 3 jenis pengauditan iaitu :-

a. Audit luar - pengauditan yang dijalankan di premis pembayar cukai untuk mengesahkan kesahihan dan ketepatan borang cukai pendapatan, akaun beraudit dan penyata pengiraan cukai yang dikemukakan oleh pembayar cukai dengan dokumen sokongan dan rekod yang disimpan.

b. Audit meja - pengauditan yang dijalankan di pejabat LHDN dengan tujuan menentukan ketepatan borang cukai pendapatan, akaun beraudit, penyata pengiraan cukai dan penyata sokongan yang dikemukakan oleh pembayar cukai.

c. Audit majikan - pengauditan yang dijalankan di premis majikan untuk mengesahkan ketepatan potongan cukai berjadual yang dibuat oleh majikan terhadap pendapatan pekerjanya.

5.1.2. Sebelum Pegawai Audit Luar LHDN menjalankan pengauditan di premis syarikat, LHDN akan mengeluarkan surat pemberitahuan kepada syarikat tersebut. Bagi tempoh tahun 2001 hingga bulan Jun 2006, LHDN melalui 27 cawangannya telah menyelesaikan pengauditan terhadap 7,215 syarikat yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM1.21 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.1
BILANGAN SYARIKAT YANG SELESAI DIPERIKSA, CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI DIKENAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2001 HINGGA BULAN JUN 2006

TAHUN	BILANGAN SYARIKAT	CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
2001	568	33.43
2002	729	50.86
2003	878	137.12
2004	1,635	315.30
2005	2,303	442.19
Setakat Bulan Jun 2006	1,102	232.40
JUMLAH	**7,215**	**1,211.30**

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat telah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat yang dijalankan bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Jun 2006. Sebanyak 687 kes atau 16% daripada 4,266 kes yang diperiksa oleh Pegawai Audit Luar di 14 Cawangan LHDN telah dipilih untuk pengauditan. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai LHDN yang berkenaan juga telah diadakan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2006 hingga Januari 2007 mendapati perkara berikut :-

5.4.1. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat melibatkan beberapa pihak di peringkat Ibu Pejabat dan Cawangan Negeri seperti berikut :-

5.4.1.1. Ibu Pejabat

a. Bahagian Audit Cukai, Jabatan Pematuhan yang diketuai oleh Pengarah, Encik Abdul Manap Bin Dim (Gred 5) antara lainnya adalah bertanggungjawab memilih syarikat untuk diaudit berasaskan analisis risiko dan meluluskan syarikat-syarikat lain yang dicadangkan oleh Cawangan LHDN. Senarai syarikat yang telah dipilih akan diagihkan ke cawangan untuk diaudit. Selain itu, Bahagian ini juga membuat lawatan ke cawangan bagi memastikan audit luar dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

b. Bahagian Pengurusan dan Operasi Pungutan Hasil, Jabatan Pungutan diketuai oleh Puan Teoh Ai Suan, Ketua Penolong Pengarah (Gred 6) sehingga 14 November 2006. Bahagian ini bertanggungjawab memantau aktiviti pungutan cukai pendapatan di peringkat negeri. Bagaimanapun, tanggungjawab pemantauan ini diambil alih oleh Bahagian Pungutan, Jabatan Pengurusan Hasil yang diketuai oleh Encik Azhar Bin Husin, Pengarah (Gred 5) mulai 15 November 2006.

5.4.1.2. Peringkat Negeri

a. Cawangan LHDN di peringkat negeri diketuai oleh Pengarah (Gred 4/5/6). Pengarah Negeri/Cawangan bertanggungjawab memantau aktiviti audit luar serta memberi kelulusan penyelesaian kes.

b. Pihak yang bertanggungjawab terhadap pungutan cukai pendapatan tertunggak di Semenanjung ialah Cawangan Pungutan di Kuala Lumpur. Manakala bagi Sarawak ialah Cawangan Pungutan di Kuching dan Cawangan Pungutan di Kota Kinabalu bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pada pandangan Audit, LHDN telah menetapkan dengan jelas pembahagian tugas dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam pengurusan aktiviti audit luar.

5.4.1.3. Guna Tenaga Dan Latihan

a. Semakan Audit mendapati LHDN tidak menentukan bilangan Pegawai Audit Luar yang diperlukan secara khusus untuk mengaudit cukai pendapatan syarikat. Bagaimanapun, terdapat jawatan bagi aktiviti audit cukai secara am yang meliputi audit luar, audit meja dan audit majikan. Manakala pengagihan bilangan jawatan untuk menjalankan pengauditan tersebut dilakukan oleh Pengarah Cawangan LHDN mengikut keperluan semasa dan berdasarkan kebolehan serta pengalaman pegawai. Bagi membolehkan pihak Audit menilai beban kerja Pegawai Audit Luar, perbandingan telah dibuat antara bilangan jawatan Pegawai Audit Luar yang diisi dengan bilangan kes taksiran cukai pendapatan syarikat yang telah diselesaikan dan mendapati perkara seperti berikut :-

i. Secara purata, nisbah bilangan jawatan Pegawai Audit Luar yang telah diisi berbanding dengan bilangan kes taksiran cukai pendapatan syarikat yang diselesaikan adalah antara 1:5 hingga 1:10 seperti ditunjukkan di jadual berikut :-

JADUAL 5.2
NISBAH ANTARA BILANGAN PEGAWAI AUDIT LUAR YANG DIISI DENGAN BILANGAN KES TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT YANG DISELESAIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA BULAN JUN 2006

NEGERI	TAHUN 2004			TAHUN 2005			SETAKAT BULAN JUN 2006		
	A	B	NISBAH A : B	A	B	NISBAH A : B	A	B	NISBAH A : B
Johor (Johor Bahru)	13	131	1 : 10	19	230	1 : 12	19	59	1 : 3
Kedah (Sungai Petani)	3	36	1 : 12	3	37	1 : 12	3	13	1 : 4
Kelantan (Kota Bharu)	2	19	1 : 10	4	26	1 : 7	4	17	1 : 4
Melaka	5	35	1 : 7	4	73	1 : 18	7	47	1 : 7
Negeri Sembilan (Seremban)	6	72	1 : 12	6	49	1 : 8	6	15	1 :3
Pahang (Kuantan)	6	38	1 : 6	5	39	1 : 8	7	21	1 : 3
Perak (Taiping)	3	32	1 : 11	3	48	1 : 16	3	7	1 : 2
Perlis (Kangar)	1	9	1 : 9	3	19	1 : 6	3	18	1 : 6
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	13	92	1 : 7	17	130	1 : 8	17	72	1 : 4

NEGERI	TAHUN 2004			TAHUN 2005			SETAKAT BULAN JUN 2006		
	A	B	NISBAH A : B	A	B	NISBAH A : B	A	B	NISBAH A : B
Sabah (Kota Kinabalu)	5	90	1 : 18	9	103	1 : 11	9	37	1 : 4
Sarawak (Kuching)	17	72	1 : 4	17	78	1 : 5	17	25	1 : 2
Terengganu (Kuala Terengganu)	2	20	1 : 10	3	35	1 : 12	2	6	1 : 3
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	81	623	1 : 8	89	884	1 : 10	90	533	1 : 6
Wilayah Persekutuan (Labuan)	3	6	1 : 2	3	33	1 : 11	3	6	1 : 2
JUMLAH	**160**	**1,275**	**1 : 8**	**185**	**1,784**	**1 : 10**	**190**	**876**	**1 : 5**

Nota : ***A- Bilangan Jawatan Diisi*** ***B-Bilangan Kes Selesai Audit Luar***

ii. Sekiranya dibandingkan dengan sasaran kes untuk diaudit, beban kerja setiap Pegawai Audit Luar bertambah berat di mana nisbah purata antara bilangan Pegawai Audit Luar yang diisi dengan sasaran kes untuk diaudit adalah antara 1:8 hingga 1:18. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.3
NISBAH ANTARA BILANGAN PEGAWAI AUDIT LUAR
YANG DIISI DENGAN SASARAN KES TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT
UNTUK DIAUDIT BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA BULAN JUN 2006

NEGERI	TAHUN 2004			TAHUN 2005			SETAKAT BULAN JUN 2006		
	A	B	NISBAH A : B	A	B	NISBAH A : B	A	B	NISBAH A : B
Johor (Johor Bahru)	13	244	1 : 19	19	253	1 : 13	19	131	1 : 7
Kedah (Sungai Petani)	3	24	1 : 8	3	27	1 : 9	3	14	1 : 5
Kelantan (Kota Bharu)	2	21	1 : 11	4	23	1 : 6	4	12	1 : 3
Melaka	5	96	1 : 19	4	100	1 : 25	7	53	1 : 8
Negeri Sembilan (Seremban)	6	60	1 : 10	6	62	1 : 10	6	32	1 : 5
Pahang (Kuantan)	6	41	1 : 7	5	42	1 : 8	7	22	1 : 3
Perak (Taiping)	3	27	1 : 9	3	29	1 : 10	3	14	1 : 5
Perlis (Kangar)	1	3	1 : 3	3	4	1 : 1	3	2	1 : 1
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	13	235	1 : 18	17	239	1 : 14	17	123	1 : 7
Sabah (Kota Kinabalu)	5	205	1 : 41	9	206	1 : 23	9	108	1 : 12
Sarawak (Kuching)	17	142	1 : 8	17	146	1 : 9	17	76	1 : 4
Terengganu (Kuala Terengganu)	2	27	1 : 14	3	30	1 : 10	2	16	1 : 8
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	81	1,673	1 : 21	89	1,786	1 : 20	90	948	1 : 10
Wilayah Persekutuan (Labuan)	3	6	1 : 2	3	7	1 : 2	3	3	1 : 1
JUMLAH	**160**	**2,804**	**1 : 18**	**185**	**2,954**	**1 : 16**	**190**	**1,554**	**1 : 8**

Nota : ***A-Bilangan Jawatan Diisi*** ***B-Sasaran Kes Untuk Diaudit***

Pada pandangan Audit, LHDN patut menentukan bilangan Pegawai Audit Luar yang diperlukan berdasarkan kepada sasaran kes yang perlu diaudit memandangkan kekurangan pegawai boleh menjejaskan bilangan kes yang dapat diselesaikan.

b. Semakan Audit mendapati latihan yang telah diikuti oleh Pegawai Audit Luar pada keseluruhannya adalah memuaskan. Daripada 190 Pegawai Audit Luar di 14 Pejabat Cawangan LHDN, hanya 9 Pegawai Audit Luar di Cawangan Syarikat Kuala Lumpur dan 1 Pegawai Audit Luar masing-masingnya di Cawangan Kuantan dan Cawangan Seremban yang belum pernah mengikuti latihan kemahiran khas berhubung audit luar kes syarikat. **Pada pandangan Audit, latihan kemahiran khas berhubung dengan audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat perlu diberi kepada semua Pegawai Audit Luar terutamanya pegawai baru. Manakala latihan berterusan perlu diberi kepada Pegawai Audit Luar sedia ada bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan audit luar selaras dengan perkembangan dan kompleksiti perniagaan serta perubahan teknologi semasa.**

5.4.2. Undang-undang Dan Peraturan

5.4.2.1. LHDN menjalankan audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan LHDN dari semasa ke semasa. Antara arahan yang dikeluarkan oleh LHDN ialah :-

a. Arahan Audit Cukai Bilangan 1 Tahun 2004

Arahan Audit Cukai Bilangan 1 Tahun 2004 yang dikeluarkan pada 27 Oktober 2004 menetapkan antara lainnya mengenai bilangan tahun taksiran perlu diaudit, norma kerja, pegawai bertanggungjawab memberi kelulusan penyelesaian kes dan syarat bayaran ansuran. Semakan Audit terhadap Arahan Audit Cukai tersebut mendapati ia ada menyatakan jika pembayar cukai didapati memanipulasi laporan akaun atau transaksi, Pegawai Audit Luar perlu menyemak cukai pendapatan bagi tahun-tahun taksiran yang berkenaan tetapi seboleh-bolehnya tidak melebihi 2 tahun.

b. Arahan Operasi Bilangan 9 Tahun 2000

Arahan Operasi Bilangan 9 Tahun 2000 yang dikeluarkan pada 18 Oktober 2000 menetapkan kadar penalti yang boleh dikenakan terhadap cukai pendapatan yang kurang dilaporkan. Mengikut arahan ini, penalti pada kadar 60% boleh dikenakan terhadap cukai pendapatan yang kurang dilaporkan bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, kadar penalti adalah antara 70% hingga 100%. Selain itu, LHDN boleh mengenakan penalti 50% bagi syarikat yang membuat pengakuan secara sukarela terhadap cukai

pendapatannya yang kurang dilaporkan. **Pada pandangan Audit, kadar penalti yang dikenakan sepatutnya dikaitkan dengan tempoh penyelesaian kes, tahap kerjasama syarikat dan bilangan bayaran ansuran yang dipohon oleh syarikat bagi menggalakkan syarikat menyelesaikan kes dalam tempoh yang ditetapkan.**

5.4.2.2. Manual Prosedur Kerja Audit Cukai ada menyatakan bahawa Pegawai Audit Luar digalakkan menggunakan senarai semakan audit cukai yang disediakan. Oleh kerana tidak diwajibkan menggunakannya, didapati senarai semakan audit cukai tidak difailkan bagi kesemua kes. **Tanpa dokumen ini, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada semua tatacara audit cukai yang berkaitan telah dilaksanakan oleh Pegawai Audit Luar.**

5.4.3. Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Audit Luar

5.4.3.1. Setiap tahun, Ibu Pejabat LHDN akan memilih syarikat yang akan diperiksa oleh Pegawai Audit Luar berasaskan kaedah analisis risiko dan meluluskan syarikat-syarikat lain yang dicadangkan oleh Cawangan LHDN untuk diperiksa. Bagaimanapun, kriteria untuk memilih syarikat-syarikat lain yang dibuat oleh Cawangan LHDN tidak ditetapkan oleh Ibu Pejabat LHDN. Sebaliknya pemilihan syarikat dibuat berdasarkan budi bicara cawangan sahaja.

5.4.3.2. Pemeriksaan dijalankan secara berpasukan yang terdiri daripada 2 atau 3 orang pegawai. Antara rekod yang disemak ialah Borang Cukai Pendapatan Syarikat (Borang C), akaun beraudit, penyata pengiraan cukai, dokumen sokongan dan rekod perniagaan yang disimpan oleh syarikat. Sekiranya penemuan audit dipersetujui oleh syarikat, surat akuan persetujuan ditandatangani oleh syarikat. Seterusnya, bilangan bayaran ansuran dirundingkan dan notis taksiran tambahan dikeluarkan kepada syarikat berkenaan. Bagi penemuan audit yang tidak dipersetujui oleh syarikat, rundingan dengan syarikat akan dibuat dengan dihadiri oleh Pengarah/Pengurus Audit/Ketua Kumpulan dan pasukan Pegawai Audit Luar. Jika bantahan syarikat dipersetujui oleh LHDN, pindaan cukai dibuat dan syarikat diminta menandatangani surat akuan persetujuan dan seterusnya notis taksiran tambahan dikeluarkan. Bagi kes taksiran tambahan tidak dipersetujui oleh syarikat, rayuan akan dibuat oleh syarikat berkenaan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan untuk perbicaraan. Proses kerja yang terlibat ditunjukkan dalam carta berikut :-

CARTA 5.1
CARTA ALIRAN AKTIVITI AUDIT LUAR TERHADAP CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT



5.4.4. Prestasi Pemeriksaan Terhadap Syarikat

5.4.4.1. Setakat 31 Disember 2006, terdapat 561,943 fail taksiran syarikat di semua Cawangan LHDN di seluruh negara. Mengikut Arahan Operasi, bilangan syarikat yang perlu diaudit setiap tahun adalah 2% daripada jumlah Borang Cukai Pendapatan Syarikat (Borang C) yang diterima oleh cawangan berkenaan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Jun 2006, LHDN sepatutnya menjalankan pemeriksaan terhadap 7,312 syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 3,935 (53.8%) daripada 7,312 syarikat yang selesai diperiksa. Daripada 14 Cawangan LHDN, prestasi bagi 9 cawangan adalah kurang daripada sasaran iaitu antara 6.7% hingga 55.7%. Kedudukan prestasi pencapaian kes oleh 14 cawangan LHDN adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.4
KEDUDUKAN KES SELESAI BERBANDING SASARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA BULAN JUN 2006

NEGERI	TAHUN 2004		TAHUN 2005		SETAKAT BULAN JUN 2006		JUMLAH KES			
	BILANGAN KES		BILANGAN KES		BILANGAN KES					
	SASAR	SELESAI	SASAR	SELESAI	SASAR	SELESAI	SASAR	SELESAI	LEBIH/ (KURANG)	
									KES	%
Johor (Johor Bahru)	244	131	253	230	131	59	628	420	(208)	33.1
Kedah (Sungai Petani)	24	36	27	37	14	13	65	86	21	32.3
Kelantan (Kota Bharu)	21	19	23	26	12	17	56	62	6	10.7
Melaka	96	35	100	73	53	47	249	155	(94)	37.8
Negeri Sembilan (Seremban)	60	72	62	49	32	15	154	136	(18)	11.7
Pahang (Kuantan)	41	38	42	39	22	21	105	98	(7)	6.7
Perak (Taiping)	27	32	29	48	14	7	70	87	17	24.3
Perlis (Kangar)	3	9	4	19	2	18	9	46	37	411.1
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	235	92	239	130	123	72	597	294	(303)	50.8
Sabah (Kota Kinabalu)	205	90	206	103	108	37	519	230	(289)	55.7
Sarawak (Kuching)	142	72	146	78	76	25	364	175	(189)	51.9
Terengganu (Kuala Terengganu)	27	20	30	35	16	6	73	61	(12)	16.4
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	1,673	623	1,786	884	948	533	4,407	2,040	(2,367)	53.7
Wilayah Persekutuan (Labuan)	6	6	7	33	3	6	16	45	29	181.3
JUMLAH	**2,804**	**1,275**	**2,954**	**1,784**	**1,554**	**876**	**7,312**	**3,935**	**(3,377)**	**46.2**

5.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati LHDN hanya memilih 5,439 (74.4%) daripada 7,312 syarikat yang disasarkan untuk pemeriksaan. Bagaimanapun hanya 171 (3.1%) daripada 5,439 syarikat yang belum diagihkan kepada Pegawai Audit Luar untuk diaudit sungguhpun cawangan perlu mengagihkan kes yang diterima daripada Ibu Pejabat kepada Pegawai Audit

Luar berasaskan kepada kes diterima dahulu diagihkan terlebih dahulu. Antara sebab ianya tidak agihkan adalah kekurangan Pegawai Audit Luar. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.5
SYARIKAT YANG BELUM DIAGIHKAN
KEPADA PEGAWAI AUDIT LUAR SETAKAT 31 DISEMBER 2006

NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	TEMPOH KES DITERIMA DARIPADA IBU PEJABAT (Tahun)
Johor (Johor Bahru)	19	½ – 2½
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	45	½ – 2½
Sarawak (Kuching)	6	½ – 2½
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	101	½ – 2½
JUMLAH	**171**	**½ – 2½**

Antara sebab kegagalan mencapai sasaran tersebut adalah kerana masa yang lama diambil untuk menjalankan sesuatu pemeriksaan akibat daripada kekurangan Pegawai Audit Luar, pegawai kurang pengalaman serta rekod-rekod dan dokumen syarikat tidak lengkap. **Pada pandangan Audit, LHDN patut menambah bilangan kakitangan untuk menjalankan pengauditan dan memastikan mereka diberi latihan yang mencukupi memandangkan jika kadar 2% daripada syarikat yang ada untuk diaudit dikekalkan, LHDN akan mengambil masa selama 50 tahun untuk memeriksa kesemua syarikat tersebut.**

5.4.4.3. Bagi menilai sejauh mana aktiviti audit luar memberi pulangan kepada LHDN, pihak Audit telah membuat perbandingan nisbah antara jumlah emolumen Pegawai Audit Luar dengan jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikenakan terhadap syarikat. Daripada 14 Cawangan LHDN, 11 cawangan mempunyai maklumat emolumen yang khusus untuk aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah purata antara jumlah emolumen Pegawai Audit Luar dengan jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikenakan bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Jun 2006 adalah **antara 1:21 hingga 1:28, iaitu setiap RM1 yang dibelanjakan mendapat pulangan balik antara RM21 hingga RM28. Ini menunjukkan aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat mampu menjana hasil kepada negara dan aktiviti ini perlu diperkasakan dengan segera demi kepentingan negara.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.6
NISBAH JUMLAH EMOLUMEN BERBANDING JUMLAH CUKAI TAMBAHAN
DAN PENALTI DIKENAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA BULAN JUN 2006

NEGERI	2004			2005			SETAKAT BULAN JUN 2006		
	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B
Johor (Johor Bahru)	2.93	7.72	1 : 3	2.66	14.00	1 : 5	1.45	3.26	1 : 2
Negeri Sembilan (Seremban)	0.42	6.27	1 : 15	0.45	4.42	1 : 10	0.29	1.15	1 : 4

NEGERI	2004			2005			SETAKAT BULAN JUN 2006		
	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B
Pahang (Kuantan)	0.41	3.72	1 : 9	0.34	8.58	1 : 25	0.22	0.55	1 : 3
Perak (Taiping)	0.17	0.69	1 : 4	0.17	1.04	1 : 6	0.09	0.24	1 : 3
Perlis (Kangar)	0.03	0.06	1 : 2	0.12	1.18	1 : 10	0.06	0.41	1 : 7
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	1.16	10.63	1 : 9	1.58	13.28	1 : 8	0.81	4.57	1 : 6
Sabah (Kota Kinabalu)	0.69	3.64	1 : 5	0.81	4.40	1 : 5	0.43	1.05	1 : 2
Sarawak (Kuching)	0.57	3.54	1 : 6	0.57	3.87	1 : 7	0.23	4.25	1 : 18
Terengganu (Kuala Terengganu)	0.15	0.99	1 : 7	0.23	0.78	1 : 3	0.06	0.09	1 : 2
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	2.68	219.36	1 : 82	6.66	277.38	1 : 42	5.98	186.13	1 : 31
Wilayah Persekutuan (Labuan)	0.07	0.86	1 : 12	0.07	0.68	1 : 10	0.03	0.27	1 : 9
JUMLAH	**9.28**	**257.48**	**1 : 28**	**13.66**	**329.61**	**1 : 24**	**9.65**	**201.97**	**1 : 21**

Nota : ***A - Jumlah Emolumen*** ***B - Jumlah Cukai Tambahan Dan Penalti***

5.4.4.4. Sebelum bulan September 2002, tiada peraturan yang menetapkan tempoh menyelesaikan pemeriksaan terhadap setiap syarikat. Bagaimanapun, melalui Arahan Audit Cukai Bilangan 2 Tahun 2002 yang berkuat kuasa mulai bulan September 2002, LHDN telah menetapkan pemeriksaan terhadap syarikat perlu disiapkan dalam tempoh 4 bulan. Manakala Arahan Audit Cukai Bilangan 1 Tahun 2004 yang berkuat kuasa mulai bulan November 2004 menetapkan setiap pemeriksaan perlu diselesaikan dalam tempoh 2 bulan. Bagaimanapun mulai 1 Januari 2007 pula, LHDN telah menetapkan setiap kes untuk audit luar perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permulaan pengauditan. **Semakan Audit terhadap 687 kes syarikat yang diperiksa oleh Pegawai Audit Luar mendapati 585 kes telah diselesaikan dan 102 kes belum diselesaikan.** Daripada 585 kes yang telah diselesaikan, didapati 33 kes yang diperiksa sebelum 11 September 2002 mengambil masa antara 4 bulan hingga 6 tahun untuk diselesaikan; 68 kes tidak mempunyai maklumat mengenai tarikh pemeriksaan dan tarikh penyelesaiannya; 247 kes atau 51.0% telah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dan 237 kes atau 49.0% lewat diselesaikan antara 2 hari hingga 1 tahun 10 bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.7
TEMPOH PENYELESAIAN KES

NEGERI	TIADA KELEWATAN (Bilangan Syarikat)	KELEWATAN	
		BILANGAN SYARIKAT	TEMPOH (Tahun/Bulan/Hari)
Johor (Johor Bahru)	26	32	6 hari – 11 bulan
Kedah (Sungai Petani)	12	19	10 hari – 9 bulan
Kelantan (Kota Bharu)	8	7	15 hari – 9 bulan

NEGERI	TIADA KELEWATAN (Bilangan Syarikat)	KELEWATAN	
		BILANGAN SYARIKAT	TEMPOH (Tahun/Bulan/Hari)
Melaka	6	4	4 bulan – 1 tahun 10 bulan
Negeri Sembilan (Seremban)	23	4	2 bulan – 9 bulan
Pahang (Kuantan)	10	5	3 hari – 2 bulan
Perak (Taiping)	10	8	22 hari – 10 bulan
Perlis (Kangar)	5	16	6 hari – 8 bulan
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	24	44	3 hari – 1 tahun 3 bulan
Sabah (Kota Kinabalu)	22	34	9 hari – 1 tahun 6 bulan
Sarawak (Kuching)	47	12	2 hari – 7 bulan
Terengganu (Kuala Terengganu)	16	11	7 hari – 9 bulan
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	35	30	5 hari – 9 bulan
Wilayah Persekutuan (Labuan)	3	11	5 hari – 1 tahun 7 bulan
JUMLAH	**247**	**237**	**2 hari – 1 tahun 10 bulan**

Antara sebab kelewatan penyelesaian kes tersebut ialah syarikat kurang memberi kerjasama atau lewat mengemukakan maklumat tambahan, kes rumit, pegawai baru serta kurang pengalaman, pertukaran pegawai dan beban kerja yang banyak. Kesan daripada kelewatan penyelesaian kes tersebut menyebabkan LHDN lewat mengeluarkan notis taksiran tambahan dan berlaku kelewatan mengutip cukai yang sepatutnya diterima lebih awal.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes syarikat perlu dipertingkatkan untuk memastikan ianya diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

5.4.5. Pendapatan Bercukai Kurang Lapor

Semakan Audit terhadap kertas kerja yang disediakan oleh Pegawai Audit Luar mendapati satu kes di Cawangan Syarikat Kuala Lumpur melibatkan pendapatan bercukai kurang dilaporkan oleh syarikat. Pendapatan bercukai kurang dilaporkan itu adalah berkaitan dengan belian palsu bagi 4 tahun berjumlah RM27.66 juta. Bagaimanapun, LHDN hanya mengenakan taksiran cukai terhadap pendapatan bercukai kurang lapor bagi 2 tahun berjumlah RM14.73 juta. Manakala bakinya berjumlah RM12.93 juta bagi 2 tahun yang lain tidak dikenakan taksiran cukai. Alasan yang diberi oleh LHDN adalah bagi tujuan menyelesaikan kes tersebut. Sekiranya belian palsu berjumlah RM12.93 juta ini diambil kira, cukai tambahan dan penalti yang boleh dikenakan kepada syarikat berkenaan adalah berjumlah RM5.78 juta. **Pada pandangan Audit, pendapatan bercukai kurang lapor itu patut**

ditaksirkan sepenuhnya kerana Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan LHDN mengurangkan taksiran cukai.

5.4.6. Kelulusan Bayaran Ansuran Cukai

Arahan Audit Cukai Bilangan 1 Tahun 2004 telah menetapkan bahawa bayaran ansuran cukai hanya boleh dibenarkan jika syarikat membuat rayuan dengan mengemukakan bukti menghadapi masalah kewangan. Antara dokumen yang boleh dijadikan bukti ialah penyata bank dan penyata aliran tunai syarikat. Semakan Audit mendapati kelulusan bayaran ansuran terhadap cukai tambahan dan penalti berjumlah **RM16.46 juta telah diberikan kepada 103 syarikat tanpa surat rayuan dan tanpa bukti yang menunjukkan syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.8
KELULUSAN BAYARAN ANSURAN CUKAI TANPA SURAT RAYUAN DAN BUKTI SYARIKAT MENGHADAPI MASALAH KEWANGAN

NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Johor (Johor Bahru)	2	0.67
Melaka	12	1.20
Negeri Sembilan (Seremban)	24	4.92
Pahang (Kuantan)	23	2.84
Perak (Taiping)	3	0.13
Perlis (Kangar)	6	0.27
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	1	0.13
Sabah (Kota Kinabalu)	5	0.61
Sarawak (Kuching)	2	0.06
Terengganu (Kuala Terengganu)	16	0.97
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	9	4.66
JUMLAH	**103**	**16.46**

Pada pandangan Audit, LHDN perlu memastikan hanya syarikat yang benar-benar menghadapi masalah kewangan diberikan kelulusan untuk membayar cukai secara ansuran.

5.4.7. Kelulusan Penyelesaian Kes

5.4.7.1. Arahan Audit Cukai Bilangan 2 Tahun 2002 dan Bilangan 1 Tahun 2004 telah menetapkan bahawa kelulusan bagi menyelesaikan sesuatu kes yang melibatkan cukai tambahan dan penalti hendaklah diluluskan oleh pegawai yang telah ditetapkan seperti berikut :-

JADUAL 5.9
PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK MELULUSKAN PENYELESAIAN KES YANG MELIBATKAN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI

ARAHAN AUDIT CUKAI BIL. 1/2004 BERKUAT KUASA MULAI 27 OKTOBER 2004		ARAHAN AUDIT CUKAI BIL. 2/2002 BERKUAT KUASA MULAI 11 SEPTEMBER 2002 HINGGA 26 OKTOBER 2004	
PEGAWAI MELULUSKAN PENYELESAIAN KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI	PEGAWAI MELULUSKAN PENYELESAIAN KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI
Pengurus Audit	Sehingga RM100,000	Pengarah Cawangan (Gred 6)	Sehingga RM100,000
Pengarah Negeri/Cawangan (Gred 6)	Sehingga RM150,000	Pengarah Cawangan (Gred 5)	Sehingga RM150,000
Pengarah Negeri/Cawangan (Gred 5)	Sehingga RM500,000	Jabatan Pematuhan (Ibu Pejabat)	Melebihi had kelulusan Pengarah Cawangan
Pengarah Negeri (Gred 4)	Sehingga RM1,000,000		
Jabatan Pematuhan (Ibu Pejabat)	Melebihi had kelulusan Pengarah Negeri		

5.4.7.2. Semakan Audit mendapati kelulusan **penyelesaian kes bagi 52 syarikat yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM109.35 juta tidak dibuat oleh pegawai yang ditetapkan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.10
BILANGAN KELULUSAN PENYELESAIAN KES TIDAK MENGIKUT PERINGKAT PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Kedah (Sungai Petani)	1	0.16
Melaka	9	1.36
Pahang (Kuantan)	3	3.60
Sarawak (Kuching)	8	1.70
Terengganu (Kuala Terengganu)	9	0.60
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	20	101.28
Wilayah Persekutuan (Labuan)	2	0.65
JUMLAH	**52**	**109.35**

Pada pandangan Audit, kelulusan penyelesaian kes perlu mengikut peringkat pegawai yang ditetapkan.

5.4.7.3. Manual Prosedur Kerja Audit Cukai menetapkan bahawa setelah kerja audit diselesaikan, Pegawai Audit Luar perlu mengemukakan laporan mengenainya kepada pegawai atasan yang akan memutuskan sama ada kes tersebut boleh diselesaikan dan ditutup atau memerlukan tindakan lanjut. Sekiranya tiada isu yang dibangkitkan, surat penyelesaian audit akan dikemukakan kepada syarikat berkenaan. Sebaliknya, syarikat akan dimaklumkan tentang cukai tambahan dan penalti yang akan dikenakan melalui surat penemuan audit. **Semakan Audit mendapati surat penemuan audit muktamad telah dikeluarkan kepada 315 syarikat yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM169.79 juta sebelum mendapat**

kelulusan daripada pegawai atasan yang bertanggungjawab. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.11
SURAT PENEMUAN AUDIT MUKTAMAD DIKELUARKAN KEPADA SYARIKAT SEBELUM KELULUSAN PENYELESAIAN KES OLEH PEGAWAI ATASAN

NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Johor (Johor Bahru)	66	13.14
Kedah (Sungai Petani)	25	2.30
Kelantan (Kota Bharu)	16	1.99
Negeri Sembilan (Seremban)	8	1.22
Pahang (Kuantan)	15	7.51
Perak (Taiping)	9	0.76
Pulau Pinang (Pulau Pinang)	35	10.63
Sabah (Kota Kinabalu)	39	2.76
Sarawak (Kuching)	43	7.49
Terengganu (Kuala Terengganu)	25	1.42
Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur)	34	120.57
JUMLAH	**315**	**169.79**

Pada pandangan Audit, kelulusan penyelesaian kes perlu diperolehi dari pegawai atasan terlebih dahulu sebelum tindakan yang sewajarnya diambil terhadap syarikat berkenaan.

5.4.8. Tunggakan Cukai Pendapatan

Cawangan Pungutan adalah dikehendaki menguatkuasakan Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai. Semakan Audit yang dijalankan terhadap 71 fail syarikat di Cawangan Syarikat Kuala Lumpur mendapati 60 daripadanya mempunyai pendapatan yang kurang dilaporkan dan telah dikenakan cukai tambahan dan penalti oleh LHDN. Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat 31 Disember 2006, sebanyak 46 daripada 60 syarikat tersebut telah membayar cukai tambahan dan penalti yang dikenakan berjumlah RM70.41 juta. Didapati 14 syarikat lagi gagal menjelaskan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM76.67 juta. LHDN mengenakan kenaikan cukai berjumlah RM7.07 juta hanya terhadap 9 syarikat yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM36.62 juta. Manakala 5 syarikat lain yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM40.05 juta hanya dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM6.21 juta pada bulan Januari hingga Mac 2007. Bagaimanapun, salah satu daripada 5 syarikat tersebut yang mempunyai tunggakan cukai sejumlah RM0.14 juta bagi tahun taksiran 2001 belum dikenakan kenaikan cukai sejumlah RM0.02 juta kerana terlepas pandang. Setakat 31

Disember 2006, kesemua 14 syarikat tersebut belum menjelaskan cukai berjumlah RM83.74 juta. Setakat ini, LHDN telah mengambil tindakan guaman sivil terhadap 9 syarikat. Kedudukan tunggakan cukai adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.12
TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN
SEHINGGA 31 DISEMBER 2006

TEMPOH TERTUNGGAK	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)
6 bulan atau kurang	45.72
Melebihi 6 bulan – 1 tahun	12.86
Melebihi 1 – 2 tahun	22.75
Melebihi 2 tahun	2.41
JUMLAH	**83.74**

Pada pandangan Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDN perlu mendapatkan cek tertangguh atau *standing order* daripada semua syarikat yang dibenarkan membayar cukai pendapatan secara ansuran, kaveat hartanah syarikat atau penguatkuasaan pemungutan tunggakan cukai melalui tindakan guaman sivil terhadap syarikat dan pengarah yang memiliki saham syarikat melebihi 50% mengikut peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

5.4.9. Latihan Untuk Pembayar Cukai

Pelbagai program telah diadakan oleh LHDN untuk memberi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan percukaian kepada pembayar cukai, ejen cukai dan bakal pembayar cukai. Antaranya adalah Minggu/Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai, Taklimat Sistem Taksir Sendiri, taklimat asas audit terhadap cukai pendapatan syarikat, Program Skim Latihan Khas Lanjutan bagi ejen cukai, seminar percukaian, wawancara radio dan televisyen, kemudahan laman web dan pusat panggilan. Pertandingan Esei Hasil mengenai percukaian negara antara sekolah-sekolah dan Pertandingan Pidato Perdana Piala Hasil bagi pelajar sekolah juga diadakan.

5.4.10. Pemantauan

5.4.10.1. Manual Prosedur Kerja Audit Cukai menghendaki supaya lawatan mengejut terhadap pasukan Pegawai Audit Luar yang berada di premis syarikat dibuat oleh Pengurus Audit dan Ketua Kumpulan sebagai salah satu kaedah pemantauan terhadap kerja audit. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh 11 Cawangan LHDN iaitu di Kangar, Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Kuantan, Labuan, Melaka, Pulau Pinang, Seremban dan Taiping. Hanya 3 Cawangan LHDN iaitu di Johor Bahru, Kuching dan Sungai Petani ada menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap pasukan Pegawai Audit Luar di premis syarikat.

5.4.10.2. Semakan Audit mendapati 7 Cawangan LHDN iaitu Johor Bahru, Kota Bharu, Kota Kinabalu, Kuala Terengganu, Kuching, Pulau Pinang dan Seremban ada menyediakan laporan kemajuan kerja bulanan. Manakala 7 Cawangan LHDN iaitu Kangar, Kuala Lumpur, Kuantan, Labuan, Melaka, Sungai Petani dan Taiping tidak menyediakan laporan kemajuan kerja bulanan. Selain itu, modul audit dalam Sistem Taksir Sendiri memerlukan Pegawai Audit Luar menginput data bagi setiap proses kerja yang disiapkan bagi tujuan pemantauan oleh pegawai atasan LHDN di negeri dan Ibu Pejabat. Bagaimanapun, didapati Pegawai Audit Luar lewat menginput data bagi setiap proses kerja yang disiapkan menyebabkan pemantauan melalui modul audit dalam Sistem Taksir Sendiri kurang berkesan. **Pada pandangan Audit, arahan perlu dikeluarkan bagi mengarahkan Pegawai Audit Luar menginput data ke modul audit dalam Sistem Taksir Sendiri sebaik sahaja sesuatu proses kerja disiapkan. Selain itu, Ibu Pejabat LHDN juga hendaklah menentukan semua cawangannya mengemukakan laporan kemajuan kerja bulanan.**

5.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, LHDN mempunyai strategi yang baik untuk memastikan tiada syarikat yang terlepas daripada melapor dan membayar cukai pendapatan yang sepatutnya. Bagaimanapun, aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan syarikat boleh dipertingkatkan sekiranya kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dapat diatasi. Bagi tujuan ini, adalah disyorkan supaya LHDN memberikan perhatian kepada perkara berikut :-

5.5.1. LHDN patut menambah anggotanya untuk menjalankan audit luar supaya bilangan syarikat yang diaudit dapat ditambah. Sekiranya kadar 2% daripada syarikat yang ada untuk diaudit dikekalkan, LHDN akan mengambil masa selama 50 tahun untuk memeriksa kesemua syarikat tersebut.

5.5.2. Bagi menggalakkan syarikat menyelesaikan kes dalam tempoh yang ditetapkan, kadar penalti patut dikaitkan dengan tempoh penyelesaian kes, tahap kerjasama syarikat dan bilangan bayaran ansuran yang dipohon oleh syarikat.

5.5.3. Pemantauan terhadap kemajuan kerja bagi setiap kes perlu dipertingkatkan untuk memastikan ianya diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

5.5.4. Pendapatan bercukai yang kurang dilaporkan patut ditaksirkan sepenuhnya kerana Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan LHDN mengurangkan taksiran cukai. Manakala kes penipuan cukai yang melibatkan belian palsu perlu didakwa mengikut kuasa yang diberikan di bawah seksyen 114 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi mengenakan penalti khas sebanyak 300%.

5.5.5. Syarikat-syarikat yang telah dipilih melalui kaedah analisis risiko untuk diperiksa patut diminta terlebih dahulu mengkaji semula dan membetulkan pengiraan cukai pendapatan mereka secara sukarela. Maklum balas yang diterima

akan membolehkan LHDN mengurangkan beban kerja Pegawai Audit Luar dan menambah bilangan kes yang dapat diselesaikan.

5.5.6. Kelulusan terhadap bayaran ansuran cukai pendapatan perlu mengikut syarat yang ditetapkan. Manakala kelulusan penyelesaian kes perlu mengikut peringkat pegawai yang ditetapkan dan diperolehi terlebih dahulu daripada pegawai yang bertanggungjawab sebelum tindakan yang sewajarnya diambil terhadap syarikat berkenaan.

5.5.7. Bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDN perlu mendapatkan cek tertangguh atau *standing order* daripada semua syarikat yang dibenarkan membayar cukai pendapatan secara ansuran, kaveat hartanah syarikat atau penguatkuasaan pemungutan tunggakan cukai melalui tindakan guaman sivil terhadap syarikat dan pengarah yang memiliki saham syarikat melebihi 50% mengikut peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

5.5.8. Arahan perlu dikeluarkan bagi mengarahkan Pegawai Audit Luar menginput data ke modul audit dalam Sistem Taksir Sendiri sebaik sahaja sesuatu proses kerja disiapkan. Selain itu, Ibu Pejabat LHDN juga hendaklah menentukan semua cawangannya mengemukakan laporan kemajuan kerja bulanan bagi setiap kes yang diperiksa. Lawatan mengejut perlu dilakukan terhadap pasukan Pegawai Audit Luar yang bertugas di premis syarikat untuk memastikan mereka melaksanakan tugas mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

6. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN PERAKAUNAN HASIL MELALUI SISTEM MAKLUMAT KASTAM

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) merupakan antara jabatan pemungut hasil utama negara melalui pungutan cukai tidak langsung. Cukai yang dipungut adalah duti import, duti eksport, duti eksais, cukai perkhidmatan, cukai jualan dan levi. Jumlah cukai yang dipungut bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006 berjumlah RM111.26 bilion iaitu antara RM20.33 bilion hingga RM25.31 bilion setahun seperti ditunjukkan di carta berikut :-

CARTA 6.1
PUNGUTAN CUKAI TIDAK LANGSUNG BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2006



	2002	2003	2004	2005	2006
Duti Eksport	821.59	1,156.54	1,599.80	2,084.97	2,361.51
Duti Import	3,659.76	3,919.38	3,874.43	3,385.09	2,678.65
Duti Eksais	4,743.10	5,031.08	6,426.84	8,641.43	7,800.55
Cukai Jualan Import (Levi Kenderaan / Barang-barang)	2,919.00	2,587.29	2,120.77	2,306.17	2,204.08
Cukai Jualan Tempatan	6,308.42	5,377.82	4,695.28	5,402.98	4,328.00
Cukai Perkhidmatan	2,210.31	2,037.75	2,349.43	2,581.94	2,684.30
Levi Minyak Sawit	137.35	134.87	138.73	137.23	137.14
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	-	-	400.71	680.38	775.83
Hasil Bukan Cukai / Hasil Wilayah	85.46	84.72	91.30	89.17	68.73
Jumlah	20,884.99	20,329.45	21,697.29	25,309.36	23,038.79

6.1.2. Sebagai jabatan pemungut hasil yang kedua terbesar, Jabatan Kastam telah melaksanakan kaedah pungutan hasil dengan menggunakan sistem berkomputer iaitu Sistem Maklumat Kastam (SMK). Sistem ini yang telah mula beroperasi semenjak awal tahun 1995 dilaksanakan secara *electronic data interchange* di mana pengikraran import dan eksport dihantar secara elektronik ke SMK melalui rangkaian

Dagang*Net. SMK dibangunkan dalam 3 fasa dan telah disiapkan antara tempoh tahun 1998 hingga 2004 dengan kos berjumlah RM290.12 juta.

6.1.3. Semua pengimport/pengeksport yang berurusan dengan Jabatan Kastam boleh memasukkan maklumat borang ikrar terus ke dalam SMK untuk diproses secara interaktif. Sistem ini terdiri daripada 4 aplikasi utama iaitu Aplikasi Kastam, Aplikasi Cukai Dalaman, Aplikasi Perakaunan Hasil dan Aplikasi Pencegahan seperti berikut :-

a. **Aplikasi Kastam** memberi kemudahan kepada semua pihak yang berurusan dengan Jabatan Kastam sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pihak-pihak yang terlibat termasuklah ejen perkapalan/penerbangan, ejen penghantaran dan agensi Kerajaan yang terlibat dalam urusan import/eksport di pelabuhan/lapangan terbang. Antara kemudahan yang disediakan ialah :-

   - Penyaluran maklumat manifes dan jadual pelayaran/penerbangan secara automatik kepada ejen perkapalan/penerbangan.
   - Imbangan manifes dan pengiraan cukai dilakukan secara automatik.
   - Kemasukan data borang ikrar kastam secara elektronik oleh ejen penghantar.
   - Pemberian kelulusan oleh agensi-agensi Kerajaan di pelabuhan/lapangan terbang secara elektronik.

b. **Aplikasi Cukai Dalaman** dibangunkan bagi memudahkan pungutan duti eksais, petroleum, cukai jualan dan cukai perkhidmatan dengan mengisi dokumen berkenaan secara elektronik. Bagaimanapun, sistem ini hanya berfungsi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pelabuhan Klang.

c. **Aplikasi Perakaunan Hasil** terdiri daripada 10 modul iaitu *Personel Computer Point of Sales* (PC POS) dan Kutipan Hasil/ PC POS Levi; *Bill of Demand* dan Bayaran Ansuran; Jaminan Bank dan Bon Am; Pemeriksaan Akaun; Rayuan, Remisi dan Hapus kira; Perintah Tetap Kewangan 3 dan Tindakan Sivil; Skrutini; Tuntutan Pulang Balik/Tarik Balik; PC POS *Offline* dan *Multiple Electronic Fund Transfer*.

d. **Aplikasi Pencegahan** mengandungi 8 modul terdiri daripada Laporan Maklumat, Laporan Penyiasatan, Ekshibit, Hadiah, Rayuan, *Intelligence* dan Analisis, Kompaun dan E-mel Pencegahan.

   Hubung kait antara 4 aplikasi tersebut adalah seperti di rajah berikut :-

RAJAH 6.1
HUBUNGAN ANTARA APLIKASI-APLIKASI SISTEM MAKLUMAT KASTAM



Nota :- ***PC Pos - Personel Computer Point Of Sales*** ***SMK - Sistem Maklumat Kastam***

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan perakaunan hasil melalui Sistem Maklumat Kastam telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pelaksanaan dan operasi Aplikasi Perakaunan Hasil yang dibangunkan di bawah Sistem Maklumat Kastam (SMK). Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan 6 Cawangan Kastam Negeri iaitu Johor, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang dan Sabah dengan menyemak fail, rekod dan dokumen bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang berkenaan juga telah dibuat. Lawatan ke 38 stesen kastam telah dijalankan untuk melihat pelaksanaan dan penggunaan modul-modul Aplikasi Perakaunan Hasil.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2006 hingga Januari 2007 mendapati perkara seperti berikut :-

6.4.1. Pengurusan Projek

6.4.1.1. Di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kastam, Cawangan Teknologi Maklumat bertanggungjawab memastikan pelaksanaan SMK berjalan lancar dan memenuhi keperluan Jabatan. Cawangan ini yang diletakkan di bawah Bahagian Perancangan Korporat dan mempunyai 59 jawatan diketuai oleh Haji Mhd Subree bin Ishak, Timbalan Pengarah Gred W54. Cawangan ini dibahagikan kepada 6 unit iaitu Unit Urusetia, Unit Operasi, Unit Aplikasi Kastam, Unit Aplikasi Cukai Dalaman, Unit Aplikasi Pencegahan dan Unit Aplikasi Perakaunan Hasil. Setiap unit diketuai oleh seorang pegawai Gred W48 kecuali Unit Operasi diketuai oleh pegawai Gred F48. Struktur organisasi Cawangan Teknologi Maklumat adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 6.2
STRUKTUR ORGANISASI CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI PERINGKAT IBU PEJABAT DAN NEGERI
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



6.4.1.2. Di peringkat negeri/stesen kastam, hanya seorang pegawai dari Unit Teknologi Maklumat ditugaskan untuk menyelia SMK. Antara tanggungjawab pegawai tersebut adalah menguji, mengagih, memasang dan mengesahkan penerimaan perkakasan komputer, mengawasi urusan pembaikan dan penyenggaraan komputer SMK oleh pihak vendor dan mengatur latihan kepada pengguna melalui kerjasama Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat.

6.4.1.3. Jawatankuasa Pemandu ICT ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kastam pada tahun 2000 dengan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kastam dan dianggotai oleh semua Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian dan Pengarah Kastam Negeri. Bidang tugas utama Jawatankuasa ini adalah merancang, menyelaras pelaksanaan projek pengkomputeran, memantau perkembangan projek dan mengemukakan laporan kemajuan. Di samping itu, Jawatankuasa tersebut juga mewujudkan pasukan kerja mengikut keperluan seperti Pasukan Projek SMK dan Pasukan Projek Membangunkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat.

6.4.2. Pelan Induk Pelaksanaan SMK

6.4.2.1. Pelan induk pelaksanaan SMK telah disediakan pada bulan Mac 1989 dengan matlamat membangunkan sistem komputer yang dirangkaikan antara satu sama lain di seluruh negara merangkumi keseluruhan fungsi Jabatan Kastam. Pelan ini telah diluluskan pada bulan Disember 1989 dan sejumlah RM43.62 juta diperlukan bagi melaksanakan projek tersebut. Antara kandungan yang terdapat dalam pelan induk berkenaan adalah sistem komputer yang dicadangkan dan justifikasi projek. Pelan tersebut juga menyatakan projek akan dilaksanakan dalam 4 fasa seperti berikut :-

JADUAL 6.1
PELAN PELAKSANAAN SMK

FASA	TEMPOH	PEJABAT KASTAM YANG DILIPUTI
1	April 1990 - September 1991	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Selangor.
2	Oktober 1991 - Mac 1992	Pulau Pinang, Pahang, Perak, Kedah Dan Perlis.
3	April 1992 - September 1992	Ibu Pejabat, Sabah, Sarawak Dan Lapangan Terbang Subang.
4	Oktober 1992 - Mac 1993	Johor, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan Dan Melaka.

6.4.2.2. Jabatan Kastam juga telah memutuskan pembangunan aplikasi sistem komputer dibuat secara *turnkey* tanpa melibatkan pertambahan kakitangan teknikal.

6.4.3. Pelantikan Vendor

6.4.3.1. Pelantikan vendor bagi membangunkan projek SMK fasa 1 dibuat secara tawaran tender terbuka pada tahun 1992 di mana 21 tawaran telah diterima. Syarikat Edaran Komputer Sdn. Bhd. (Syarikat Edaran) telah dilantik oleh Lembaga Tender Kementerian Kewangan. Syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM25 juta dan dipengerusikan oleh Tan Sri Tajudin bin

Ramli. Kontrak bagi fasa 1 bernilai RM15.96 juta telah ditandatangani oleh Syarikat Edaran dengan Ketua Pengarah Kastam bagi pihak Kerajaan Malaysia pada bulan Julai 1992. Tempoh kontrak adalah dari bulan Julai 1992 hingga November 1993. Mengikut kontrak, kontraktor berkenaan perlu menyediakan tapak projek, membangun sistem, membekalkan perkakasan, pemasangan perisian, menguji dan melatih kakitangan Kastam di sekitar Lembah Klang.

6.4.3.2. Bagi meneruskan pelaksanaan projek SMK fasa 2, Jabatan Kastam telah mencadangkan kepada Perbendaharaan Malaysia untuk mengadakan rundingan terus dengan syarikat yang sama (Syarikat Edaran) dengan alasan berikut :-

a. Sistem ini diperlukan segera memandangkan Stesen KLIA Kargo mula beroperasi pada bulan Jun 1998.
b. Syarikat Edaran telah menunjukkan prestasi yang baik bagi pembangunan sistem terdahulu iaitu Sistem Cukai Dan Urusan Kutipan Serta Analisa Ikrar.
c. Memandangkan SMK merupakan satu sistem yang berintegrasi, Jabatan Kastam berkeyakinan syarikat yang sama berkemampuan untuk membuat pengubahsuaian dan peningkatan yang diperlukan kepada sistem aplikasi yang sedia ada.
d. Pelaksanaan SMK-Dagang*Net *Interface* yang menghubungkan SMK dengan pelanggan-pelanggan Kastam seperti Jabatan-jabatan Kerajaan lain, ejen penghantaran dan ejen perkapalan perlu disegerakan kerana Projek *Port Klang Community System* (PKCS) telah dilancarkan oleh EDI (Malaysia) Sdn. Bhd. pada bulan April 1994 tetapi Jabatan Kastam belum dapat menyokong projek PKCS kerana ketiadaan *interface.*

6.4.3.3. Perbendaharaan Malaysia telah bersetuju dengan cadangan Jabatan Kastam bagi mengadakan rundingan terus dengan Syarikat Edaran. Kontrak SMK fasa 2 bernilai RM87.30 juta telah ditandatangani antara vendor tersebut dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada bulan Jun 1998. Projek fasa 2 perlu dilaksanakan mulai bulan Jun 1998. Bagaimanapun, kontrak tersebut tidak menetapkan tarikh projek ini perlu disiapkan dan hanya menyatakan projek ini tamat dalam tempoh 24 bulan atau sehingga tarikh Sijil Penerimaan Akhir dikeluarkan oleh Jabatan Kastam. Mengikut kontrak, syarikat berkenaan perlu membangunkan pusat kerangka utama di Ibu Pejabat Putrajaya, Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Tanjung Kupang, Johor.

6.4.3.4. Setelah fasa 1 dan 2 selesai, Kementerian Kewangan bersetuju meluluskan permohonan Jabatan Kastam untuk memperluaskan SMK ke semua stesen kastam melalui pelaksanaan fasa 3 dengan melantik Syarikat Edaran secara rundingan terus. Bagaimanapun, modul-modul aplikasi SMK yang akan dipasang di stesen kastam berkenaan adalah mengikut keperluan berdasarkan kepada fungsi masing-masing. Kontrak bagi melaksanakan fasa 3 bernilai

RM156.68 juta ditandatangani pada 30 Oktober 2001 antara Syarikat Edaran dengan Ketua Pengarah Kastam. Mengikut kontrak, projek fasa 3 perlu dilaksanakan dalam tempoh bulan Oktober 2001 hingga Oktober 2003.

6.4.3.5. Selain daripada menetapkan syarat-syarat di atas, kontrak tersebut juga menetapkan perkara-perkara berikut :-

a. Bon Pelaksanaan

Bon Pelaksanaan diperlukan sebagai jaminan terhadap prestasi dan keupayaan vendor memenuhi semua tanggungjawabnya seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak. Didapati Syarikat Edaran telah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank bernilai 5% daripada jumlah kontrak dalam tempoh 14 hari dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan bagi kontrak fasa 1, 2 dan 3.

b. Latihan

i. Kontrak SMK fasa 2 menghendaki vendor memberi latihan dalam kerja kepada kakitangan Jabatan Kastam semasa sistem dibangunkan sebagai proses peralihan teknologi dan untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang operasi dan penyenggaraan sistem komputer yang dibekalkan dan dipasang. **Daripada sejumlah RM719,781 yang telah dibayar kepada vendor untuk tujuan latihan, pihak Audit hanya dapat mengesahkan 70 latihan yang diberikan kepada 679 kakitangan Jabatan Kastam melibatkan kos berjumlah RM710,772.**

ii. Kontrak SMK fasa 1 dan 2 juga menetapkan pembangunan sistem adalah bercorak pembangunan bersama iaitu vendor perlu melaksanakan peralihan teknologi dan *know-how* kepada semua peringkat pegawai Jabatan Kastam dalam bidang khusus. Mengikut laporan Pasukan Petugas SMK, didapati **pegawai komputer dari Cawangan Teknologi Maklumat tidak terlibat secara langsung dalam reka bentuk dan pembangunan sistem aplikasi. Vendor tidak berjaya melaksanakan peralihan teknologi dan *know-how* kepada semua peringkat pegawai Jabatan Kastam khususnya dalam bidang pengurusan projek, reka bentuk sistem, sistem pengurusan pangkalan data, sistem *tuning* dan penyenggaraan sistem.** Dengan tiadanya peralihan teknologi, Jabatan Kastam bergantung sepenuhnya kepada vendor untuk mengendali dan menyenggarakan projek SMK.

c. Ganti Rugi

Vendor boleh dikenakan denda minimum sebanyak 5% ke atas nilai sistem komputer yang belum diserahkan sebagai pampasan. Selain itu, Jabatan Kastam berhak mengganti kekurangan pembekalan peralatan komputer dari sumber lain dan menuntut perbezaan kos daripada vendor.

6.4.4. Prestasi Projek Secara Keseluruhan

6.4.4.1. Pelaksanaan projek SMK bagi ketiga-tiga fasa lewat disiapkan antara 12 hingga 52 bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.2
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK SMK

FASA	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	TARIKH SEPATUT SIAP MENGIKUT KONTRAK	TARIKH SEBENAR SIAP	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
1	15.96	November 1993	Mac 1998	52
2	87.30	Jun 2000	Oktober 2001	16
3	156.68	Oktober 2003	November 2004	12
JUMLAH	259.94			

6.4.4.2. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan kelewatan tersebut adalah kerana kerja-kerja tambahan diperlukan bagi fasa 1 dan 2 seperti berikut :-

a. Mengikut kontrak SMK fasa 1, vendor berkenaan perlu menyediakan tapak projek, membangun sistem, membekalkan perkakasan, pemasangan perisian, menguji dan melatih kakitangan Kastam di sekitar Lembah Klang iaitu Ibu Pejabat Jalan Duta, Pusat Bandar Damansara, Lapangan Terbang Subang dan Wisma Kastam Pelabuhan Klang. Bagaimanapun, Jabatan Kastam menandatangani 8 kontrak tambahan bernilai RM27.04 juta dengan Syarikat Edaran untuk melaksanakan kerja-kerja yang tidak termasuk dalam kontrak asal. Nilai kontrak tambahan tersebut adalah melebihi 15% daripada kos asal. Kerja-kerja tambahan tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.3
KONTRAK TAMBAHAN SMK FASA 1

TARIKH KONTRAK TAMBAHAN DITANDATANGANI	KOS (RM Juta)	SKOP KERJA
25.11.1992	1.64	Tambahan infrastruktur bagi LAN dan WAN.
02.03.1993	0.52	Tambahan pakej perisian (Wordstar/Lotus 123/Pagemaker).
02.11.1994	7.33	Tambahan bilangan komputer untuk perluasan Aplikasi Pencegahan ke seluruh negara.
28.02.1995	4.56	Projek SMK-Dagang*Net *Interface* bagi pelaksanaan *electronic data interchange* (EDI) melibatkan kajian impak, perolehan perkakasan EDI *communication server* dan pengubahsuaian program.
09.05.1996	2.29	Peningkatan sistem aplikasi.
31.12.1996	2.35	Peningkatan sistem komputer.
31.12.1997	7.05	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dihubungkan ke kerangka utama di Lapangan Terbang Subang.
03.03.1998	1.30	Tambahan peralatan di KLIA.
JUMLAH	27.04	

b. Selain daripada membangunkan pusat kerangka utama di Ibu Pejabat Putrajaya, Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Tanjung Kupang, Johor di bawah kontrak SMK fasa 2, terdapat 2 kontrak tambahan bernilai RM3.14 juta masing-masingnya telah

ditandatangani pada bulan April 2000 dan Mac 2001 untuk membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah, mendokumen dan melaksanakan kerja-kerja sokongan sistem komputer dan rangkaian bagi Akademi Kastam Malaysia di Melaka dan Stesen Kastam Tanjung Pelepas, Johor.

Pada pandangan Audit, projek SMK tidak dirancang dengan baik menyebabkan 10 kontrak tambahan perlu ditandatangani untuk menyediakan kemudahan tambahan yang tidak diambil kira semasa perancangan projek asal. Kelemahan perancangan tersebut bukan saja menyebabkan projek lewat disiapkan malahan kos projek turut meningkat daripada RM259.94 juta kepada RM290.12 juta.

6.4.4.3. Bagi projek SMK fasa 3, sungguhpun projek lewat disiapkan selama 12 bulan, namun tiada bukti yang menunjukkan denda dikenakan terhadap kontraktor seperti mana yang ditetapkan dalam syarat kontrak.

6.4.5. Prestasi Pelaksanaan Sistem Maklumat Kastam

6.4.5.1. Mengikut kontrak, aplikasi SMK perlu diperluaskan kepada semua 298 stesen kastam di seluruh negara di bawah fasa 3. Berdasarkan kepada laporan yang disediakan oleh Cawangan Teknologi Maklumat, adalah didapati prestasi pelaksanaan SMK adalah seperti berikut :-

a. Aplikasi Kastam sungguhpun telah dilaksanakan di semua 298 stesen kastam, namun di 46 stesen aplikasinya tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Didapati ada di antara perkakasan komputer bagi sistem tersebut yang dibekalkan telah pun *obsolete.*

b. Aplikasi Cukai Dalaman telah dibangunkan di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di bawah fasa 1 dan telah diguna pakai sepenuhnya. Manakala aplikasi ini hanya diperluaskan ke Johor pada tahun 2004 atas permintaan Pejabat Pengarah Kastam Negeri Johor.

c. Aplikasi Pencegahan telah diguna pakai di seluruh negara.

d. Bagi Aplikasi Perakaunan Hasil, didapati ia hanya siap dibangunkan pada tahun 2000 di bawah kontrak SMK fasa 2 dan Sijil Penerimaan Akhir telah dikeluarkan secara berperingkat bagi setiap modul seperti di **Jadual 6.4** dan aplikasi tersebut telah diperluaskan ke 212 stesen kastam di bawah SMK fasa 3. Bagaimanapun, lawatan Audit ke 6 negeri mendapati beberapa stesen kastam **tidak dipasang dengan modul-modul perakaunan hasil yang diperlukan seperti modul Tuntutan Pulang Balik/Tarik Balik Cukai; modul *Bill Of Demand* Dan Bayaran Ansuran; modul Jaminan Bank Dan Bon Am, modul *Multiple* EFT dan PC POS *Offline*.** Ini menyebabkan stesen kastam berkenaan perlu melaksanakan fungsinya secara manual. Kedudukan stesen yang tidak dipasang dengan modul tersebut adalah seperti di **Jadual 6.5**.

JADUAL 6.4
PENGELUARAN SIJIL PENERIMAAN AKHIR APLIKASI PERAKAUNAN HASIL

MODUL	TARIKH SIJIL DIKELUARKAN
Skrutini	23.03.2000
Jaminan Bank Dan Bon Am	05.05.2000
Tuntutan Pulang Balik/Tarik Balik	30.08.2000
Multiple Electronic Fund Transfer	05.09.2000
Bill of Demand Dan Bayaran Ansuran	09.09.2000
PC POS Dan Kutipan Hasil/PC POS Levi	23.09.2000
PC POS *Offline*	23.09.2000
Pemeriksaan Akaun	25.09.2000
Perintah Tetap Kewangan 3 Dan Tindakan Sivil	27.10.2000
Rayuan, Remisi Dan Hapus Kira	25.11.2000

6.4.5.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap tahap penggunaan Aplikasi Perakaunan Hasil mendapati perkara berikut :-

a. Mengikut laporan yang disediakan oleh Cawangan Teknologi Maklumat, adalah didapati hanya 114 daripada 212 stesen kastam telah menggunakan Aplikasi Perakaunan Hasil sepenuhnya. Ini adalah kerana sebahagian besar pihak yang terlibat seperti lain-lain agensi Kerajaan, ejen penghantaran/ perkapalan, pengimport dan pengeksport serta pengurus gudang berlesen/ persendirian/awam masih belum bersedia untuk melaksanakan modul-modul tertentu di dalam Aplikasi Perakaunan Hasil.

b. Pengauditan yang dijalankan di 38 stesen di 6 negeri mendapati tahap penggunaan modul-modul Aplikasi Perakaunan Hasil adalah kurang memuaskan. **Modul-modul berkenaan tidak digunakan sepenuhnya di beberapa stesen kastam kerana SMK telah dibangunkan dalam persekitaran *Disk Operating System* (DOS) yang tidak mesra pengguna di mana pengguna hanya dapat melihat satu tetingkap berbanding dengan *windows based* yang membolehkan pengguna melihat beberapa tetingkap pada sesuatu masa. Selain itu, ada anggota yang tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk menggunakan aplikasi yang dibangunkan**. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada anggota stesen yang dilawati, Aplikasi Perakaunan Hasil tidak digunakan sepenuhnya juga kerana tiada arahan dari pihak atasan. Status penggunaan Aplikasi Perakaunan Hasil di 38 stesen kastam di 6 negeri yang dilawati adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.5
RINGKASAN KEDUDUKAN PENGGUNAAN APLIKASI PERAKAUNAN HASIL

NEGERI	STESEN KASTAM	TUNTUTAN PULANG BALIK/ TARIK BALIK	*BILL OF DEMAND DAN BAYARAN ANSURAN*	JAMINAN BANK DAN BON AM	RAYUAN, REMISI DAN HAPUS KIRA	PC POS DAN KUTIPAN HASIL	*MULTIPLE EFT*	PEMERIKSAAN AKAUN	PTK 3 & TINDAKAN SIVIL	PC POS *OFFLINE*	PC POS LEVI
Pulau Pinang	Cawangan Perakaunan Hasil	X	X	√	X	TB	TB	TB	X	TB	TB
	Cawangan Cukai Dalaman	X	X	TP	X	√	TB	TB	X	TP	TB
	Cawangan Import/Eksport North Butterworth Container Terminal	X	X	√	TB	√	TP	TB	X	TP	TB
	Cawangan Import/Eksport Bagan Dalam	X	X	√	TB	√	TP	TB	X	TP	TB
	Bahagian Pemeriksaan Akaun	X	X	TB	TB	TB	TB	SA	TB	TB	TB
	Kompleks Kargo Udara Kedua	X	X	√	TB	√	TP	TB	X	TP	TB
	Zon Bebas Malaysia Airport Berhad	X	X	√	TB	√	TP	TB	X	TP	TB
Pahang	Cawangan Perakaunan Hasil	X	TP	X	X	TB	TB	TB	X	TB	TB
	Cawangan Cukai Dalaman	X	TP	X	X	X	TB	TB	X	TP	TB
	Cawangan Import/Eksport	X	TP	X	TB	X	TP	TB	X	TP	TB
	Bahagian Pemeriksaan Akaun	X	TP	X	TB	TB	TB	SA	TB	TB	TB
	Pencegah	X	TP	X	TB	TB	TB	TB	X	TB	TB
	Pelabuhan Kuantan	X	TP	X	TB	X	TP	TB	X	TP	TB
Johor	Cawangan Perakaunan Hasil	X	X	√	X	TB	TB	TB	X	TB	TB
	Bahagian Pemeriksaan Akaun	X	X	√	TB	TB	TB	SA	TB	TB	TB
	Cawangan Cukai Dalaman	X	√	√	X	√	TB	TB	X	√	TB
	Kompleks Kastam Tanjung Kupang	X	X	√	TB	√	TP	TB	X	√	√
	Pelabuhan Tanjung Pelepas	X	X	√	TB	√	TP	TB	X	√	TB
	Pelabuhan Pasir Gudang	X	X	√	TB	√	P	TB	X	√	TB
	Wisma Kastam Tanjung Puteri	X	X	√	TB	√	TP	TB	X	√	√
Sabah	Pelabuhan Kota Kinabalu	X	TP	√	TB	√	TP	TB	X	TP	TB
	Cawangan Perakaunan Hasil	X	TP	√	X	TB	TB	TB	X	TB	TB
	Bahagian Pemeriksaan Akaun	X	TP	√	TB	TB	TB	SA	TB	TB	TB
	Cawangan Cukai Dalaman	X	TP	TP	X	√	TB	TB	X	TP	TB
	MAS Kargo Kota Kinabalu	X	TP	√	TB	√	TP	TB	X	TP	TB
	Pusat Mel Dan Kurier Kota Kinabalu	X	TP	TB	TB	√	TB	TB	X	TP	TB
	Stesen Menumbok	TB	TP	√	TB	X	TB	TB	TB	TP	TB
	Stesen Sipitang	TB	TP	√	TB	√	TB	TB	TB	TB	TB
Selangor	Cawangan Perakaunan Hasil Pelabuhan Barat	X	√	√	X	TB	TB	TB	X	TB	TB
	Bahagian Pemeriksaan Akaun Pelabuhan Barat	X	X	TB	TB	TB	TB	SA	TB	TB	TB
	Cawangan Cukai Dalaman Pelabuhan Barat	X	√	√	X	√	TB	TB	X	TP	TB
	Cawangan Import / Eksport Pelabuhan Barat	X	X	√	TB	√	√	TB	X	TP	TB
	Cawangan Import / Eksport Pelabuhan Utara	X	X	√	TB	√	√	TB	X	TP	TB
Kuala Lumpur	Cawangan Import/Eksport KLIA Kargo	X	X	√	TB	√	√	TB	X	TP	TB
	Cawangan Cukai Dalaman KLIA	X	X	√	X	√	TB	TB	X	TP	TB
	Cawangan Cukai Dalaman Wilayah Persekutuan	X	√	√	X	√	TB	TB	X	TP	TB
	Cawangan Perakaunan Hasil Wilayah Persekutuan	X	√	√	X	TB	TB	TB	X	TB	TB
	Bahagian Pemeriksaan Akaun Wilayah Persekutuan	X	X	TB	TB	TB	TB	SA	TB	TB	TB

Nota :- ***√ : Digunakan*** ***X : Tidak Digunakan*** ***TB : Tidak Berkenaan*** ***SA : Stand Alone***
P: Pilot ***TP : Tidak Pasang*** ***PKT 3 : Perintah Tetap Kewangan***
EFT : Electronic Fund Transfer ***PC Pos : Personel Computer Point Of Sales***

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap penggunaan setiap modul Aplikasi Perakaunan Hasil di 6 negeri yang dilawati mendapati perkara berikut :-

i. Modul Tuntutan Pulang Balik/Tarik Balik (Refund/Drawback)

- Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Eksais 1976 memberi kebenaran kepada Jabatan Kastam membuat tuntutan cukai yang terkurang dibayar. Akta berkenaan juga membenarkan pembayar cukai menuntut balik cukai yang telah dibayar. Antara sebab pembayaran balik dan tuntutan cukai berlaku adalah seperti salah taksiran, salah menggunakan kadar pertukaran mata wang asing, salah kiraan, kesilapan dalam membayar sewa gudang dan pulang balik cukai ke atas dagangan yang dimusnahkan. Fungsi modul Tuntutan Pulang Balik/Tarik Balik dibangunkan ialah bagi memudahkan maklumat tuntutan pulang balik/tarik balik cukai diperjeniskan mengikut jenis tuntutan seperti tuntutan am, duti import, subsidi dan duti petroleum.

- Pemeriksaan Audit mendapati **pendaftaran tuntutan pulang balik/tarik balik cukai kastam di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibuat melalui sistem dan juga secara manual manakala di negeri lain masih dibuat secara manual sepenuhnya.** Bagaimanapun, laporan mengenai maklumat yang didaftarkan ke dalam modul ini yang diperlukan oleh stesen kastam Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak dapat dijanakan dan proses pembayaran tidak dapat dibuat. Sehubungan ini, pembayaran masih perlu dibuat oleh Bahagian Kewangan di peringkat negeri melalui sistem e-SPKB, Jabatan Akauntan Negara.

- Mengikut Piagam Pelanggan Bahagian Perkhidmatan Teknik Jabatan Kastam Negeri Selangor, tempoh memproses permohonan tuntutan pulang balik dan tarik balik cukai adalah selama 21 hari bekerja dengan syarat dokumen yang dikemukakan adalah lengkap. Semakan Audit terhadap 25 baucar bayaran mendapati 8 tuntutan cukai lewat dijelaskan antara 62 hingga 152 hari seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.6
KELEWATAN PEMBAYARAN TUNTUTAN PULANG BALIK/TARIK BALIK CUKAI KASTAM

SYARIKAT	TARIKH MOHON TUNTUTAN	TARIKH TUNTUTAN DIBAYAR	JUMLAH (RM)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Hunter Douglas (M) Sdn. Bhd.	07.07.2005	21.03.2006	21.831	152
P.I.E. Control Sdn. Bhd.	25.10.2005	23.03.2006	11,489	77
Hudson Foods (M) Sdn. Bhd.	27.10.2005	14.03.2006	1,484	68
C.B. Industrial Product Sdn. Bhd.	28.10.2005	21.03.2006	459,132	73
Klang Hock Plastic Industries Sdn. Bhd.	08.11.2005	23.03.2006	125,138	72
Klang Hock Plastic Industries Sdn. Bhd.	22.11.2005	23.03.2006	173,845	62
UMW Toyota Motor Sdn. Bhd.	25.11.2005	24.03.2006	85,278	64
Nestle Manufacturing (M) Sdn. Bhd.	07.12.2005	23.03.2006	13,518	72
JUMLAH			**891,715**	

ii. Modul *Bill Of Demand* Dan Bayaran Ansuran

Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Eksais 1976 dan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 membenarkan Pengarah Kastam mengeluarkan bil tuntutan terhadap syarikat/pengilang yang gagal membayar cukai, penalti, surcaj dan levi barangan dan perkhidmatan bercukai dalam tempoh yang ditetapkan. Bayaran perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil tuntutan dikeluarkan. Dalam Aplikasi Perakaunan Hasil, modul *Bill Of Demand* yang dibangunkan adalah bagi mendaftarkan syarikat/pengilang yang gagal menjelaskan cukai dalam tempoh yang ditetapkan supaya tuntutan cukai dibuat oleh Bahagian Kastam/Bahagian Cukai Dalaman/Bahagian Pencegahan secara automatik. Di samping itu, modul ini boleh mencetak bil tuntutan untuk dihantar kepada syarikat/pengilang dan menjana laporan yang berkaitan. Ia juga dapat menyelenggarakan maklumat syarikat/pengilang yang diluluskan oleh Pengarah Kastam Negeri untuk membayar tunggakan cukai secara ansuran atas rayuan yang dikemukakan. Maklumat yang terkandung dalam modul Bayaran Ansuran pula antaranya ialah senarai syarikat/pengilang yang diluluskan pembayaran secara ansuran, tarikh pembayaran ansuran dilakukan dan status pembayaran. Maklumat ini adalah diperlukan bagi tujuan memantau bayaran cukai secara ansuran. Semakan Audit di 38 stesen kastam di 6 negeri mendapati perkara berikut :-

- **Bahagian Kastam dan Bahagian Pencegahan di semua negeri yang dilawati tidak menggunakan modul *Bill Of Demand* untuk mengeluarkan bil tuntutan.** Sebaliknya, bil tersebut dikeluarkan secara manual. Keadaan yang sama juga berlaku di Bahagian Cukai Dalaman di Pulau Pinang, Pahang dan Sabah. Didapati modul tersebut hanya dilaksanakan di Bahagian Cukai Dalaman Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. **Demikian juga bagi modul Bayaran Ansuran, ia belum digunakan secara menyeluruh dan hanya digunakan di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor.** Bagi 3 negeri lain pula, ia masih menggunakan daftar yang diselenggarakan secara manual.

- Modul *Bill of Demand* dan Bayaran Ansuran selain berupaya mengeluarkan notis tuntutan cukai secara *auto-generated* dan untuk tujuan pemantauan terhadap bayaran cukai secara ansuran, ia juga boleh digunakan untuk mengumpul maklumat tunggakan hasil dari setiap cawangan/bahagian di peringkat negeri bagi penyediaan Laporan Akaun Belum Terima. **Bagaimanapun, kemudahan ini juga tidak digunakan. Sebaliknya semua cawangan/bahagian di peringkat negeri mengemukakan laporan tunggakan hasil secara manual** untuk disatukan oleh Cawangan Perakaunan Hasil Negeri yang kemudiannya mengemukakannya ke Ibu Pejabat Jabatan Kastam.

Pada pandangan Audit, memandangkan tunggakan hasil Jabatan Kastam adalah berjumlah RM340.27 juta bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006, Jabatan Kastam sepatutnya memastikan modul *Bill Of Demand Dan* Bayaran Ansuran digunakan sepenuhnya bagi memudahkannya mengesan pembayar cukai yang lewat membayar cukai di samping memantau kedudukan tunggakan mereka.

iii. Modul Jaminan Bank Dan Bon Am

Modul Jaminan Bank Dan Bon Am dibangunkan untuk mendaftarkan semua jaminan bank yang diterima dari syarikat/pengilang bagi menjamin pembayaran cukai kastam dibuat terhadap barangan bercukai yang dipindahkan dari satu zon bebas cukai/gudang berlesen ke zon bebas cukai/gudang berlesen yang lain. Sekiranya sesuatu nilai jaminan bank kurang daripada nilai cukai yang perlu dijelaskan, transaksi di dalam sistem berkenaan tidak boleh diteruskan. Jika keadaan tersebut berlaku, Pegawai Kastam akan memaklumkan syarikat/pengilang berkenaan supaya menambah nilai jaminan bank. **Pihak Audit mendapati semua stesen kastam yang dilawati mendaftarkan jaminan bank dengan menggunakan sistem yang dibangunkan kecuali Cawangan Cukai Dalaman Pulau Pinang dan kesemua 6 stesen kastam di Pahang.**

iv. Modul *Multiple Electronic Fund Transfer*

- Modul *Multiple Electronic Fund Transfer* (EFT) dibangunkan bagi membolehkan pembayaran cukai dilakukan secara elektronik. Bagi melaksanakan urusan transaksi ini, proses yang terlibat adalah seperti berikut :-
  - Ejen/pembayar cukai perlu mengisytiharkan barangan yang diimport/eksport secara elektronik di mana maklumat akan disalurkan melalui penyediaan kemudahan iaitu Dagang*Net.
  - Melalui Dagang*Net juga, maklumat tersebut akan disalurkan kepada stesen kastam berkenaan untuk kelulusan mengimport/mengeksport barangan dan mendapatkan nilai cukainya.
  - Stesen kastam akan memaklumkan kelulusan dan nilai cukai dagangan yang perlu dibayar melalui sistem yang sama. Ejen/pembayar cukai akan memaklumkan bank masing-masing supaya mengkreditkan sejumlah wang ke dalam akaun Jabatan Kastam di Bank Negara Malaysia.
  - Seterusnya bank ejen/pembayar cukai akan memaklumkan mengenai bayaran yang telah dibuat kepada stesen kastam berkenaan melalui sistem yang sama. Stesen kastam berkenaan akan mengeluarkan resit kepada ejen/pembayar cukai bagi pembayaran tersebut.

- Secara umumnya, penggunaan modul *Multiple* EFT boleh menjimatkan masa dan mengurangkan risiko kehilangan wang kerana ejen/pembayar cukai tidak perlu membuat pembayaran di kaunter secara tunai atau cek. Bagaimanapun, **didapati hanya 3 stesen kastam yang menggunakan modul ini iaitu Stesen KLIA Kargo, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Stesen Pelabuhan Barat dan Stesen Pelabuhan Utara di Pelabuhan Klang, Selangor. Manakala di negeri lain, ejen/pembayar cukai tidak begitu berminat untuk menggunakan perkhidmatan ini kerana respons talian Dagang*Net yang lambat dan terpaksa membayar caj perkhidmatan berjumlah RM1.20 bagi setiap kilobait data yang dihantar.**

- Pungutan cukai yang dibuat melalui EFT dinyatakan melalui penyata pemungut Jabatan Kastam yang disediakan oleh Cawangan Akaun Persendirian Kastam. Manakala penyata harian daripada Bank Negara Malaysia diberikan kepada Jabatan Kastam bagi membuktikan jumlah sebenar yang telah diterima dari pembayar. Bagaimanapun, terdapat perbezaan berjumlah RM16.21 juta antara kedua-dua penyata tersebut di mana mengikut penyata harian Bank Negara, jumlah pungutan cukai tahun 2006 melalui EFT ialah RM2,290.12 juta manakala jumlah pungutan mengikut penyata pemungut Jabatan hanyalah RM2,273.91 juta. Cawangan Perakaunan Persendirian, Jabatan Kastam sedang dalam proses perbincangan dengan Bank Negara untuk menyesuaikan perbezaan berkenaan. Berikut diberikan perbezaan jumlah pungutan antara kedua-dua penyata tersebut :-

JADUAL 6.7
PUNGUTAN CUKAI KASTAM MELALUI
***ELECTRONIC FUND TRANSFER* SEHINGGA 31 DISEMBER 2006**

BULAN	PENYATA HARIAN BANK NEGARA (RM Juta)	PENYATA PEMUNGUT KASTAM (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)
Januari	176.36	172.08	(4.27)
Februari	175.26	176.29	1.03
Mac	240.90	247.52	6.62
April	161.90	157.19	(4.71)
Mei	202.43	193.32	(9.11)
Jun	175.21	172.18	(3.04)
Julai	217.03	212.20	(4.83)
Ogos	207.85	212.60	4.74
September	209.46	208.62	(0.84)
Oktober	174.58	174.32	(0.26)
November	205.18	205.39	0.22
Disember	143.96	142.20	(1.76)
JUMLAH	**2,290.12**	**2,273.91**	**(16.21)**

Pada pandangan Audit, modul *Multiple Electronic Fund Transfer* adalah baik bagi memudahkan ejen/pembayar cukai membayar cukai/duti di samping keselamatan wang lebih terjamin. Bagi meluaskan penggunaannya ke lain-lain stesen pemungut, Jabatan Kastam perlu meningkatkan tahap jangka masa respons talian Dagang*Net terutamanya mengenai status 'bayaran telah dibuat' bagi membolehkan barangan dagangan dapat dilepaskan dari kawalan Kastam dengan segera.

v. Modul *Personel Computer Point Of Sales* (PC POS) Dan Kutipan Hasil/PC POS Levi

- Modul PC POS Dan Kutipan Hasil menyediakan kemudahan meresit bagi semua pungutan yang diterima oleh Bahagian Kastam/Bahagian Cukai Dalaman/Bahagian Pencegahan. Modul ini juga boleh menjana laporan kutipan hasil mengikut harian dan bulanan serta mengeluarkan laporan hasil mengikut kod hasil Persekutuan. Dengan demikian, kutipan hasil harian kastam seluruh negara dapat diketahui selewat-lewatnya pada awal hari berikutnya. Manakala Modul PC POS Levi hanya digunakan di stesen kastam di Johor bagi tujuan bayaran levi kenderaan yang masuk dari Singapura ke Johor.

- Semakan Audit mendapati semua stesen kastam telah dilengkapkan kemudahan meresit dengan menggunakan modul PC POS. Bagaimanapun, **masih terdapat stesen kastam yang meresit borang Kastam dengan menggunakan mesin lama iaitu 'mesin meresit RM20' dan maklumat kutipan harian dimasukkan ke mesin PC POS pada penghujung hari untuk tujuan penyatuan *(consolidate)* jumlah kutipan.** Semakan Audit seterusnya mendapati bagi stesen kastam yang menggunakan kemudahan modul PC POS**, ia hanya digunakan untuk meresit hasil bukan cukai iaitu bayaran kompaun dan bayaran untuk mendapatkan salinan borang kastam.** Ini adalah kerana Jabatan Kastam tidak memasukkan kod-kod hasil cukai ke dalam modul berkenaan.

Pada pandangan Audit, memandangkan modul PC POS mempunyai keupayaan untuk menjana laporan pungutan hasil secara harian, mingguan dan bulanan mengikut jenis hasil, Jabatan Kastam perlu mengambil langkah-langkah yang membolehkan modul ini digunakan untuk meresit hasil cukai. Antaranya ialah memasukkan kod-kod hasil cukai ke dalam modul berkenaan.

vi. Modul PC POS *Offline*

Modul PC POS *Offline* boleh beroperasi semasa berlaku gangguan talian atau sistem. Ia akan mengambil alih fungsi modul PC POS semasa berlaku gangguan tersebut bagi membolehkan tugas harian berjalan lancar. Apabila

talian atau sistem berfungsi semula seperti sediakala, maklumat yang telah dikunci masuk semasa *offline* dapat dimuatkan *(up-load)* ke dalam sistem dengan menggunakan kekunci tertentu. Lawatan Audit mendapati **stesen kastam di Johor iaitu Stesen Tanjung Kupang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Tanjung Puteri (Tambak Johor) serta Pasir Gudang telah dibekalkan dengan modul PC POS dan juga PC POS *Offline* dan telah menggunakan kedua-dua modul ini di mana perlu.** Manakala **stesen-stesen kastam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor hanya dibekalkan dengan modul PC POS atas keputusan pihak pengurusan.** Oleh itu, apabila berlaku gangguan talian, urusan pungutan terpaksa ditangguhkan kerana resit berkomputer tidak dapat dikeluarkan.

Pada pandangan Audit, memandangkan penggunaan modul PC POS *Offline* penting untuk membolehkan urusan pungutan cukai dibuat semasa berlaku gangguan sistem atau talian, Jabatan Kastam perlu memastikan modul ini dibekalkan ke semua stesen kastam yang lain. Tambahan pula, Jabatan Kastam telah pun membayar vendor bagi membekalkan modul tersebut ke semua stesen kastam yang menggunakan Aplikasi Perakaunan Hasil.

d. Semakan Audit selanjutnya mendapati **beberapa stesen kastam di 6 negeri yang dilawati** yang **tidak menggunakan modul tertentu dalam Aplikasi Perakaunan Hasil yang telah disediakan adalah kerana tidak ada arahan daripada pihak pengurusan mewajibkan penggunaannya.** Modul-modul tersebut adalah seperti berikut :-

i. Modul Skrutini

- Modul ini dibangunkan untuk membolehkan borang ikrar kastam yang sudah diluluskan oleh Pegawai Penaksir Kastam disemak semula oleh pegawai di Unit Skrutini. Antara kelemahan yang sering kali dibangkitkan adalah kesilapan ikrar cukai barangan dagangan yang berpunca daripada kesilapan penjenisan barangan, perkiraan penilaian barangan dan kadar pertukaran wang asing yang digunakan. Sekiranya semakan tersebut mendapati kekurangan cukai, pegawai berkenaan akan memaklumkan kepada stesen terlibat supaya cukai yang terkurang dapat dipungut.

- Semakan Audit mendapati **modul ini tidak digunakan kerana fungsi Unit Skrutini telah dimansuhkan dan diambil alih oleh Unit Verifikasi Import Dan Eksport yang menjalankan semakan sebaik sahaja Pegawai Penaksir selesai membuat taksiran.** Sekiranya terdapat kesilapan seperti terkurang pungut cukai, pindaan akan dibuat serta merta di dalam borang ikrar dan jumlah sebenar akan dituntut.

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam patut menggunakan Modul Skrutini di stesen-stesen yang mengendalikan transaksi dagangan yang tinggi seperti Stesen Kastam Pelabuhan Utara dan Barat di Pelabuhan Klang, Stesen Kastam KLIA Kargo dan Stesen Kastam Pasir Gudang. Ini adalah kerana pegawai di Unit Verifikasi Import Dan Eksport tidak mempunyai keupayaan menjalankan semakan terhadap borang ikrar dalam tempoh yang singkat.

ii. Modul Rayuan, Remisi Dan Hapus kira

Modul ini dibangunkan bagi membolehkan proses rayuan, pengurangan dan hapus kira dilaksanakan terhadap notis tuntutan cukai. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **semua permohonan rayuan, pengurangan dan hapus kira cukai masih menggunakan borang manual. Pada pandangan Audit, modul ini patut digunakan bagi memudahkan Jabatan Kastam memantau kes-kes rayuan agar tidak berlaku kelewatan pembayaran balik cukai atau terlepas pandang.**

iii. Modul Perintah Tetap Kewangan 3 (PTK 3) Dan Tindakan Sivil

Modul ini digunakan untuk mengeluarkan notis kepada syarikat yang tidak menjelaskan cukai tertunggak dengan cara menahan/merampas barang dagangan. Sekiranya tindakan ini gagal, kes berkenaan akan dibawa ke mahkamah. Oleh sebab modul ini tidak digunakan, semua tindakan terhadap syarikat yang ingkar dilakukan secara manual.

iv. Modul Pemeriksaan Akaun

Melalui modul ini, pihak atasan Kastam dapat merancang bilangan pemeriksaan tahunan yang perlu dilakukan terhadap akaun syarikat-syarikat yang berurusan dengan Jabatan Kastam. **Didapati Bahagian Pemeriksaan Akaun di 6 negeri yang dilawati tidak menggunakan modul ini untuk tujuan tersebut. Sebaliknya, komputer *stand alone* digunakan untuk menjalankan pemeriksaan akaun.**

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam sepatutnya menggunakan semua modul yang dibangunkan dalam Aplikasi Perakaunan Hasil supaya urusan berhubung dengan pungutan, pengeluaran resit, pengesahan terhadap ketepatan cukai yang dipungut dan pemantauan terhadap pihak-pihak yang mempunyai tunggakan cukai dapat dibuat dengan cekap dan berkesan di samping bagi mengelakkan perbelanjaan yang telah dibuat untuk pembangunannya menjadi sia-sia.

6.4.6. Perkakasan Dan Perisian Aplikasi SMK

6.4.6.1. Cawangan Teknologi Maklumat bertanggungjawab menguruskan infrastruktur dan bekalan peralatan komputer SMK yang telah diperolehi di bawah projek SMK. Sejumlah RM30.80 juta telah dibelanjakan untuk perolehan

server, perkakasan komputer, PC POS, pencetak dan pengimbas di bawah fasa 3. Lawatan Audit ke beberapa stesen kastam dan gudang mendapati perkara berikut :-

a. Perkakasan komputer tidak digunakan untuk tujuan SMK tetapi digunakan untuk kerja harian yang lain. Contoh stesen yang terlibat ialah Stesen Kastam MAS Kargo; Bahagian Cukai Dalaman; Cawangan Perakaunan Hasil; Stesen Kastam Menumbok dan Sipitang di Kota Kinabalu, Sabah.

b. Perkakasan komputer tidak dirangkaikan dengan talian SMK seperti di Bahagian Cukai Dalaman, Pulau Pinang dan sebahagian besar stesen kastam di Pahang, Sabah dan Cawangan Penggudangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

c. Rak Perkakasan Komunikasi ditempatkan di lokasi yang tidak sesuai seperti surau dan bilik tanpa alat penghawa dingin serta tidak dikunci. Contoh, Stesen Kastam Menumbok dan Sipitang, Sabah serta Cawangan Penggudangan Kuantan.

d. Perkakasan komunikasi seperti *switch, router, modem* dan *hub* dibekalkan dan talian diaktifkan tetapi komputer tidak dapat digunakan untuk mencapai aplikasi SMK. Contoh, Gudang Kastam Sankyu dan Sri Bayanemas di Petaling Jaya dan Arumax Batu Caves, Selangor.

e. **Gambar 6.1 hingga 6.10** menunjukkan contoh perkakasan yang tidak digunakan dan diletakkan di tempat yang tidak sepatutnya.

GAMBAR 6.1

Stesen Kastam Sipitang, Sabah

GAMBAR 6.2

Stesen Kastam Menumbo, Sabah

Komputer Tidak Digunakan Untuk Tujuan SMK

GAMBAR 6.3

Stesen Kastam Cukai Dalaman Kota Kinabalu

GAMBAR 6.4

Stesen Kastam MAS Kargo Kota Kinabalu

Komputer Tidak Digunakan Untuk Tujuan SMK

GAMBAR 6.5

Stesen Kastam Menumbok, Sabah

GAMBAR 6.6



Stesen Kastam Sipitang, Sabah

Rak Perkakasan Komunikasi Diletakkan Di Tempat Yang Tidak Sesuai

GAMBAR 6.7

GAMBAR 6.8

Gudang Kastam Sri Bayanemas Petaling Jaya

Komputer Tidak Dapat Digunakan Untuk Mencapai Aplikasi SMK

GAMBAR 6.9

GAMBAR 6.10

Gudang Kastam Arumax Batu Caves

Komputer Tidak Dapat Digunakan Untuk Mencapai Aplikasi SMK

6.4.6.2. Pemeriksaan terhadap bekalan peralatan komputer, PC-POS, pencetak dan pengimbas di Ibu Pejabat Jabatan Kastam Putrajaya dan 6 negeri yang dilawati berbanding dengan senarai pengagihan peralatan yang terkandung dalam kontrak SMK fasa 3 mendapati **bilangan peralatan yang dibekalkan tidak seperti yang ditetapkan dalam kontrak** di mana ada yang terlebih/terkurang dibekalkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.8
BEKALAN DAN PENGAGIHAN PERALATAN

NEGERI	KOMPUTER		PC-POS		PENCETAK BORANG		PENCETAK TANPA KOD BAR		PENGIMBAS	
	KONTRAK	BEKALAN	KONTRAK	BEKALAN	KONTRAK	BEKALAN	KONTRAK	BEKALAN	KONTRAK	BEKALAN
Selangor	332	330	18	2	109	23	67	42	11	1
Pulau Pinang	397	397	26	26	175	216	72	65	4	3
Kuala Lumpur	404	240	24	20	173	172	94	79	6	6
Pahang	57	34	4	5	22	11	18	14	2	3
Johor	269	188	20	18	97	88	90	45	8	8
Putrajaya	267	168	0	0	99	26	127	88	10	14
Sabah	209	240	16	20	104	124	52	56	4	4

Nota : ***Pencetak Borang : Lexmark 2491 Plus Form***
Pencetak Berwarna : Lexmark Colour C720M
Pencetak Tanpa Kod Bar : Lexmark T522n

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu menyemak dengan teliti sama ada berlakunya kekurangan bekalan peralatan secara keseluruhannya supaya tindakan mendapatkannya daripada syarikat dibuat atau menuntut bayaran balik terhadap peralatan yang tidak dibekalkan.

6.4.7. Kawalan Terhadap Sistem Maklumat Kastam

Bagi menilai kawalan terhadap Sistem Maklumat Kastam (SMK), semakan telah dijalankan terhadap kawalan am yang terdiri daripada :-

6.4.7.1. Kawalan Pengurusan

Kawalan ini perlu diwujudkan bagi memastikan pembangunan, pelaksanaan dan arah tuju pengurusan teknologi maklumat adalah selaras dengan matlamat dan objektif Kementerian/Jabatan. Semakan Audit mendapati beberapa perkara seperti berikut :-

a. Pelan Strategik Teknologi Maklumat

Adalah didapati pengurusan atasan Jabatan Kastam telah terlibat secara langsung dalam perancangan dan pembangunan Sistem Maklumat Kastam. Jabatan Kastam telah menentukan arah dan hala tuju teknologi maklumat jabatan dengan menyediakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat. Pelan ini sedang dikemaskinikan dengan bantuan pihak perunding luar yang dilantik.

b. Dasar Keselamatan ICT

Adalah didapati Jabatan Kastam telah mengeluarkan Dasar Keselamatan ICT Jabatan pada bulan Disember 2006 selaras dengan kehendak Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 - Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Dasar ini bertujuan melindungi sistem teknologi maklumat dan perkakasan komputer daripada penyelewengan, kecurian, sabotaj dan

pengintipan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **dasar berkenaan hanya menetapkan polisi dan standard tetapi tiada prosedur berkaitan dengannya dikeluarkan.** Antara prosedur yang perlu disediakan ialah prosedur pengurusan dan capaian ID pengguna, prosedur *back up* dan prosedur Meja Bantuan.

6.4.7.2. Kawalan Operasi

Kawalan operasi perlu diwujudkan bagi memastikan kawalan yang mencukupi terhadap pengendalian sistem dan operasi terutamanya dari segi pengagihan tugas, kemudahan rangkaian dan operasi *Regional Computer Centre* (RCC) yang diwujudkan di Ibu Pejabat Jabatan Kastam, Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Tanjung Kupang, Johor. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut :-

a. Pengagihan tugas

Jabatan Kastam telah menetapkan capaian ke atas sistem atau program berdasarkan bidang tugas yang ditetapkan dalam projek SMK. Cawangan Teknologi Maklumat dibahagikan kepada Unit Aplikasi, Unit Operasi dan Unit Urusetia. Unit Operasi bertanggungjawab mengawal 4 RCC dalam mengendalikan fungsi-fungsi operasi dan teknikal. Antaranya adalah mengurus infrastruktur dari segi rangkaian, peralatan, penyenggaraan peralatan dan perkhidmatan teknologi maklumat khususnya mengenai bantuan pengguna, keselamatan pusat data dan pentadbiran pangkalan data. Manakala Unit Aplikasi iaitu Unit Aplikasi Kastam, Unit Aplikasi Perakaunan Hasil, Unit Aplikasi Cukai Dalaman dan Unit Aplikasi Pencegahan pula bertanggungjawab khusus terhadap aplikasi berkenaan.

b. Kemudahan Rangkaian

i. Jabatan Kastam telah menggunakan perkhidmatan rangkaian *Corporate Information Superhighway* (COINS) yang mempunyai kelajuan 1 megabait sesaat untuk menghubungkan keseluruhan rangkaian SMK. COINS berkelajuan antara 256 hingga 512 kilobait sesaat diperuntukkan bagi menghubung RCC Ibu Pejabat Jabatan Kastam dengan 3 RCC lain di Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Tanjung Kupang, Johor. Bagi menghubungkan RCC ke *server* negeri pula, COINS berkelajuan antara 64 hingga 256 kilobait sesaat telah digunakan. Manakala talian suwa berkelajuan 64 kilobait sesaat digunakan bagi menghubungkan *server* negeri ke stesen/lokasi kastam. Pihak Audit dimaklumkan oleh pengguna bahawa **tempoh respons adalah perlahan kerana *bandwidth* 64 kilobait sesaat tidak dapat menampung keperluan proses kerja kastam.**

ii. Semakan Audit mendapati perjanjian bagi perkhidmatan COINS hanya ditandatangani untuk fasa 1 sahaja. Manakala **perjanjian perkhidmatan COINS untuk fasa 2 dan 3 masih belum ditandatangani sehingga kini**

kerana perjanjian asal menggunakan Bahasa Inggeris tidak dipersetujui oleh Penasihat Undang-undang Jabatan Kastam dan meminta ia disediakan dalam Bahasa Melayu. Namun begitu, perjanjian tersebut belum dimuktamadkan. Sehingga kini, sejumlah RM4.96 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran perkhidmatan COINS dan RM3.71 juta untuk perkhidmatan litar suwa. Pihak Audit juga mendapati **syarikat berkenaan tidak menyediakan talian alternatif sekiranya perkhidmatan COINS tergendala.**

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu menandatangani perjanjian rasmi dengan penyedia perkhidmatan COINS supaya dapat mengambil tindakan sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

c. Operasi *Regional Computer Centre* (RCC)

i. Lawatan Audit telah dijalankan di RCC Ibu Pejabat Jabatan Kastam, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Tanjung Kupang, Johor. Didapati pemantauan terhadap keupayaan dan ruang kerangka utama di RCC berkenaan ada dibuat melalui laporan berkala yang disediakan oleh vendor yang dilantik untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Laporan ini membolehkan keupayaan dan ruang storan dipantau oleh Pegawai Konsol. Selain itu, **pemantauan terhadap rangkaian juga dilaksanakan setiap 15 minit di RCC Tanjung Kupang, Johor dan 2 jam di RCC Ibu Pejabat Jabatan Kastam sungguhpun tiada arahan daripada pihak pengurusan.**

ii. RCC juga bertindak sebagai Meja Bantuan kepada pengguna dalaman. Semua masalah berkaitan dengan perkakasan, perisian dan rangkaian yang diterima sama ada melalui surat atau telefon akan direkodkan secara manual dalam satu daftar. Masalah berkaitan dengan setiap aplikasi akan dimaklumkan ke Unit Aplikasi yang berkenaan untuk tindakan penyelesaian. Setiap RCC akan menghantar laporan Meja Bantuan kepada Ibu Pejabat Jabatan Kastam untuk disatukan dan dibawa ke mesyuarat operasi. Bagaimanapun, **laporan yang disediakan tidak menyatakan tarikh masalah telah diselesaikan. Format laporan yang disediakan juga berbeza antara RCC.** Ini adalah kerana tiada prosedur khusus dikeluarkan bagi menguruskan Meja Bantuan dan ini menyukarkan Ibu Pejabat Jabatan Kastam menyediakan laporan yang disatukan.

Pada pandangan Audit, bagi membolehkan Meja Bantuan berfungsi dengan berkesan, panduan yang lengkap hendaklah disediakan dan perisian khusus untuk mengendalikan Meja Bantuan juga patut diperolehi bagi menggantikan penggunaan daftar secara manual.

6.4.7.3. Kawalan Fizikal Dan Persekitaran

Kawalan fizikal dan persekitaran amat penting bagi memastikan aset pengkomputeran sentiasa berkeadaan baik bagi mengelak sebarang risiko sekiranya berlaku kebakaran, bencana alam dan sebagainya. Pihak Audit telah membuat pemeriksaan terhadap bilik kerangka utama di RCC Ibu Pejabat Jabatan Kastam, KLIA dan Tanjung Kupang, Johor. Hasil pemeriksaan Audit mendapati secara umumnya, bilik kerangka utama bagi kesemua RCC tersebut telah disediakan mengikut standard yang ditetapkan oleh MAMPU. Pintu masuk ke bilik kerangka utama ini dilengkapi dengan kunci elektronik yang hanya boleh diakses oleh pegawai tertentu sahaja. Lantai bilik kerangka utama telah ditinggikan dan dilengkapi dengan sistem pengesanan kebakaran, alat penghawa dingin, alat pemadam api mudah alih dan unit *uninterrupted power supply*. Buku pelawat juga diselenggarakan bagi merekodkan tarikh, masa, nama dan tujuan sebagai ciri keselamatan. **Bagaimanapun, pintu masuk ke bilik konsul RCC di Ibu Pejabat Kastam Putrajaya yang beroperasi selama 24 jam didapati tidak berkunci manakala kata kunci yang digunakan pada kunci elektronik RCC Tanjung Kupang, Johor pula tidak dapat ditukar kerana masalah konfigurasi sistem akses pintu.**

6.4.7.4. Kawalan Capaian Logikal

Kawalan capaian logikal perlu diwujudkan bagi memastikan capaian pengguna ke atas aplikasi dan data yang sensitif adalah dihadkan. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam proses mewujudkan kata pengenalan (ID) dan kata laluan bagi pengguna Aplikasi Perakaunan Hasil. Antara kelemahan tersebut adalah seperti berikut :-

a. Permohonan ID pengguna boleh dibuat dan dicipta sama ada permohonan diterima secara bersurat, melalui faks atau telefon. Pihak Audit mendapati keadaan ini berlaku kerana **tiada prosedur khusus dikeluarkan oleh Jabatan Kastam mengenai proses mewujudkan ID pengguna meliputi kaedah permohonan, borang yang digunakan dan pengesahan pegawai atasan.**

b. Mengikut Garis Panduan Keselamatan ICT Perkhidmatan Awam (MyMIS), saiz kata laluan hendaklah ditetapkan sekurang-kurangnya 8 aksara dan *encrypted* bagi mengurangkan risiko berlakunya capaian yang tidak dibenarkan terhadap sistem. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati **bagi modul PC POS, kata laluan yang ditetapkan hanya sekurang-kurangnya 4 aksara.**

c. Bagi memperkukuhkan kawalan keselamatan capaian logikal, tempoh sah penggunaan sesuatu ID pengguna hendaklah ditetapkan. Semakan Audit mendapati ID pengguna bagi modul PC POS telah ditetapkan tempoh sah penggunaannya selama 2 tahun. Ini dapat mengelak penggunaan ID pengguna bagi pegawai yang telah bersara atau tamat tempoh khidmatnya.

d. Garis Panduan Keselamatan ICT Perkhidmatan Awam (MyMIS) juga menetapkan supaya penggunaan semula 4 kata laluan terakhir dihalang apabila pengguna menukar kata laluan. Semakan Audit mendapati **pengguna perlu menukar kata laluan setiap 2 minggu untuk semua modul dalam Aplikasi Perakaunan Hasil kecuali modul PC POS. Namun begitu, adalah didapati mereka boleh menukar kata laluan dengan menggunakan kata laluan yang sama.**

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu mewujudkan prosedur berkaitan dengan pengurusan ID pengguna di samping memastikan semua perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan Keselamatan ICT Perkhidmatan Awam dipatuhi.

6.4.7.5. Kawalan *Business Continuity Plan*

Kawalan *business continuity plan* perlu bagi memastikan kesinambungan proses ICT termasuklah *offsite back-up* bagi data dan perisian komputer serta prosedur pemulihan bencana. Semakan Audit di RCC Ibu Pejabat Jabatan Kastam, KLIA dan Tanjung Kupang, Johor mendapati *back-up* secara harian, mingguan dan bulanan melibatkan sistem operasi, data *Electronic Data Interchange Communication Server (ECS)* dan data aplikasi kastam ada dilaksanakan oleh Pegawai Konsol yang bertugas di RCC berkenaan. Bagaimanapun didapati di RCC KLIA, satu salinan sahaja data telah di *back-up* ke dalam kartrij dan dilabelkan mengikut hari, minggu dan bulan. Di samping itu, diperhatikan kartrij *back-up* berkenaan disimpan di bilik kerangka utama dan tiada daftar *back-up* disediakan. Pihak Audit mendapati keadaan ini berlaku kerana tiada prosedur mengenai pengurusan *back-up* dikeluarkan. Pihak Jabatan Kastam masih belum menyediakan pelan pemulihan bencana untuk tujuan tersebut.

Pada pandangan Audit, bagi menjamin kesinambungan operasi Sistem Maklumat Kastam dan Aplikasi Perakaunan Hasil secara khususnya, pihak Jabatan Kastam perlu menyediakan satu pelan pemulihan bencana supaya operasi sistem masih boleh berjalan lancar sekiranya berlaku sebarang masalah yang tidak dijangka.

6.4.7.6. Kawalan Output

Kawalan output adalah penting bagi memastikan hasil atau keputusan pemprosesan adalah tepat, lengkap dan mempunyai kawalan yang mencukupi. SMK dirancang dan direka bentuk untuk mengeluarkan 700 laporan operasi dan pengurusan yang tepat dari segi masa dan fakta untuk tujuan analisis, bantuan, keputusan, kawalan dan lain-lain aktiviti. Kajian Audit mendapati **Aplikasi Perakaunan Hasil dalam SMK tidak digunakan untuk menjana sebarang laporan berhubung dengan maklumat pungutan** kerana laporan yang dijana tidak dapat dipaparkan dalam bentuk visual yang menarik bagi tujuan pelaporan

semasa bermesyuarat. Ini disebabkan paparan yang dihasilkan masih dalam persekitaran *Disk Operating System* (hanya satu laporan boleh dipaparkan dalam satu masa). Oleh demikian, Jabatan Kastam telah membangunkan satu sistem maklumat pengurusan pungutan hasil iaitu *Revenue Monitoring Solution* (RMS) pada bulan Mac 2006. Pihak Audit tidak dapat menentukan kos sistem ini kerana tiada maklumat mengenainya. Sistem ini adalah merupakan satu sistem paparan hasil Jabatan Kastam yang tertumpu kepada kehendak dan keperluan pengurusan atasan di mana analisis pungutan hasil boleh dicapai oleh pegawai atasan di Ibu Pejabat dan negeri. RMS menyediakan beberapa format paparan untuk kemudahan pengguna iaitu paparan melalui komputer, televisyen, *personal digital assistant* (PDA), *smartphone* dan *web browser*.

Pada pandangan Audit, aplikasi SMK tidak digunakan untuk menjana sebarang laporan akibat dari fungsinya yang terhad telah menyebabkan Jabatan Kastam perlu membiayai kos tambahan bagi membangunkan *Revenue Monitoring System.*

6.4.8. Penyenggaraan Terhadap Sistem Dan Kelengkapan

Jabatan Kastam telah menandatangani 10 kontrak bernilai RM92.35 juta untuk menyenggarakan Sistem Maklumat Kastam dan kelengkapannya dengan Syarikat Edaran bagi tempoh 20 tahun dengan setiap kontrak meliputi tempoh 2 tahun. Kontrak penyenggaraan yang terakhir akan tamat pada bulan Februari 2008. Syarikat Edaran mempunyai 6 pusat sokongan mengikut zon untuk tujuan kerja-kerja penyenggaraan di stesen-stesen kastam seluruh negara. Dua kaedah penyenggaraan dijalankan iaitu penyenggaraan pencegahan dan penyenggaraan pembaikan. Semakan Audit mendapati kerja-kerja penyenggaraan pencegahan telah dijalankan di stesen kastam yang disediakan SMK terutamanya Aplikasi Perakaunan Hasil. **Bagaimanapun, masih terdapat stesen yang tidak menggunakan Aplikasi Perakaunan Hasil sepenuhnya menyebabkan perbelanjaan yang dibayar untuk penyenggaraan menjadi perbelanjaan yang sia-sia dan membazirkan wang Kerajaan**. Contohnya, MAS Kargo, Kota Kinabalu dan Ibu Pejabat Kastam Kuantan, Pahang. Bagi tujuan pengesahan pembayaran, diperhatikan Syarikat Edaran telah menghantar laporan penyenggaraan dan pembaikan setiap bulan ke Unit Operasi Cawangan Teknologi Maklumat.

6.4.9. Pemantauan

Semakan Audit terhadap pemantauan projek SMK fasa 3 mendapati perkara berikut :-

6.4.9.1. Kontrak SMK fasa 3 menetapkan Kerajaan dan Syarikat Edaran perlu mengadakan mesyuarat bagi memantau kemajuan projek dan menyelesaikan isu-isu semasa sekurang-kurangnya sebulan sekali. Syarikat Edaran dikehendaki menyediakan laporan kemajuan projek untuk perbincangan dalam mesyuarat tersebut. Pada masa yang sama, lawatan tapak perlu dilakukan bagi

memantau kemajuan projek secara fizikal sebagaimana yang dilaporkan secara bertulis oleh Syarikat Edaran.

6.4.9.2. Semakan Audit mendapati Pasukan Projek SMK fasa 3 berperanan memantau pelaksanaan projek SMK fasa 3. Mesyuarat telah diadakan setiap bulan di Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat serta dianggotai oleh Ketua Aplikasi Pencegahan, Ketua Aplikasi Cukai Dalaman, Ketua Aplikasi Perakaunan Hasil, Ketua Aplikasi Kastam, wakil dari Syarikat Edaran, Telekom, Dagang*Net dan pegawai dari pejabat kastam negeri yang menyelia SMK. Antara perkara yang dibincangkan adalah laporan kemajuan dan perkara-perkara berkaitan projek SMK. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan lawatan ke tapak projek ada dijalankan oleh Pasukan Projek SMK fasa 3 bagi memastikan ketepatan laporan yang disediakan oleh Syarikat Edaran kerana ia tidak dinyatakan dalam minit mesyuarat pasukan berkenaan.

6.4.9.3. **Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemandu ICT yang ditubuhkan pada tahun 2000 tidak pernah bermesyuarat bagi tempoh tahun 2005 hingga bulan November 2006**. Jawatankuasa ini juga tidak memantau SMK atau projek-projek pengkomputeran yang dibangunkan secara *stand alone* oleh cawangan/stesen kastam. Bagaimanapun, selepas menerima teguran daripada Inspektorat ICT MAMPU, pelantikan semula keahlian Jawatankuasa Pemandu ICT telah dibuat dan mesyuarat jawatankuasa tersebut yang pertama kali telah diadakan pada bulan Disember 2006.

Pada pandangan Audit, pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Kastam ke atas Projek SMK fasa 3 kurang menyeluruh kerana tidak merangkumi aspek pemeriksaan fizikal walaupun isu-isu yang dibangkit dapat diselesaikan. Pemantauan berdasarkan laporan boleh dipertikaikan kerana disediakan oleh satu pihak tanpa disahkan oleh pihak yang lain. Jawatankuasa Pemandu ICT perlu meningkatkan pemantauannya dengan mengadakan mesyuarat secara *regular* bagi memastikan sistem yang dibangunkan dapat membantu Jabatan Kastam melaksanakan fungsinya dengan lebih cekap dan berkualiti.

6.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.5.1. Secara umumnya, projek SMK tidak dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

6.5.1.1. Kelemahan perancangan menyebabkan 10 kontrak tambahan bernilai RM30.18 juta terpaksa dibuat. Kelemahan perancangan tersebut menyebabkan kos projek SMK meningkat daripada RM259.94 juta kepada RM290.12 juta dan projek ini juga lewat disiapkan antara 12 bulan hingga 52 bulan bagi setiap fasa.

6.5.1.2. Sungguhpun 10 modul dalam Aplikasi Perakaunan Hasil telah dibangunkan, namun semua modul tersebut tidak digunakan sepenuhnya. Antara faktor yang menyebabkan modul-modul berkenaan tidak digunakan

sepenuhnya di sebahagian stesen kastam kerana SMK telah dibangunkan dalam persekitaran *Disk Operating System* (DOS) yang tidak mesra pengguna di mana pengguna hanya dapat melihat satu tetingkap berbanding dengan *windows based* yang membolehkan pengguna melihat beberapa tetingkap pada sesuatu masa. Ini bermakna pengguna hanya dapat mengakses satu bentuk maklumat pada sesuatu masa. Selain itu, ada anggota yang tidak mendapat latihan yang secukupnya untuk menggunakan aplikasi yang dibangunkan. Aplikasi Perakaunan Hasil juga tidak digunakan sepenuhnya kerana tiada arahan dari pihak atasan.

6.5.1.3. Pegawai komputer dari Cawangan Teknologi Maklumat tidak terlibat secara langsung dalam reka bentuk dan pembangunan sistem aplikasi. Oleh itu, vendor tidak berjaya melaksanakan peralihan teknologi dan *know-how* kepada pegawai Jabatan Kastam khususnya bidang pengurusan projek, reka bentuk sistem, sistem pengurusan pangkalan data, sistem *tuning* dan penyenggaraan sistem. Dengan tiadanya peralihan teknologi, Jabatan Kastam bergantung sepenuhnya kepada vendor untuk mengendali dan menyenggarakan projek SMK. Didapati Jawatankuasa Pemandu ICT juga tidak pernah bermesyuarat pada tahun 2005 dan 2006 dan Jawatankuasa tersebut yang dilantik semula juga hanya bermesyuarat satu kali pada tahun 2006.

6.5.2. Bagi memastikan perbelanjaan yang telah dibuat untuk membangunkan SMK tidak menjadi perbelanjaan yang sia-sia, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara yang berikut :-

6.5.2.1. Jabatan Kastam patutlah menggunakan semua modul yang telah dibekalkan khususnya yang melibatkan perakaunan hasil supaya urusan berhubung dengan pungutan, pengeluaran resit, pengesahan terhadap ketepatan cukai yang dipungut dan pemantauan terhadap pihak-pihak yang mempunyai tunggakan cukai dapat dibuat dengan cekap dan berkesan.

6.5.2.2. Modul *Multiple Electronic Fund Transfer* adalah baik bagi memudahkan ejen/pembayar cukai membayar cukai kastam di samping keselamatan wang terjamin. Bagi meluaskan penggunaannya ke lain-lain stesen pemungut, Jabatan Kastam dan penyedia kemudahan (Dagang*Net) perlu meningkatkan tahap jangka masa respons terutama mengenai status 'bayaran telah dibuat' bagi membolehkan barangan dagangan dapat dilepaskan dari kawalan kastam dengan segera.

6.5.2.3. Memandangkan tunggakan hasil Jabatan Kastam adalah berjumlah RM340.27 juta bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006, Jabatan Kastam sepatutnya memastikan modul *Bill Of Demand* Dan *Bayaran Ansuran* digunakan sepenuhnya bagi memudahkannya mengesan pembayar cukai yang lewat membayar cukai di samping memantau kedudukan tunggakan mereka.

6.5.2.4. Bagi mengelakkan perkhidmatan kepada pelanggan tidak terjejas akibat daripada gangguan sistem atau talian, penggunaan modul PC POS

Offline adalah penting untuk membolehkan urusan pungutan cukai dibuat walaupun semasa gangguan talian.

6.5.2.5. Jawatankuasa Pemandu ICT perlu meningkatkan pemantauannya dengan mengadakan mesyuarat secara *regular* bagi memastikan sistem yang dibangunkan dapat membantu Jabatan Kastam melaksanakan fungsinya dengan lebih cekap dan berkualiti.

6.5.3. Bagi meningkatkan kawalan terhadap pelaksanaan Sistem Maklumat Kastam, Jabatan Kastam perlu mewujudkan prosedur berkaitan dengan pengurusan kata pengenalan (ID) pengguna di samping memastikan semua perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan Keselamatan ICT Perkhidmatan Awam dipatuhi. Bagi memastikan Meja Bantuan berfungsi dengan berkesan, panduan yang lengkap hendaklah disediakan dan perisian khusus untuk mengendalikan Meja Bantuan juga patut diperolehi bagi menggantikan penggunaan daftar secara manual. Bagi menjamin kesinambungan operasi Sistem Maklumat Kastam dan Aplikasi Perakaunan Hasil secara khususnya, pihak Kastam perlu mempunyai satu pelan pemulihan bencana. Keadaan ini akan dapat mengelakkan gangguan terhadap operasi sistem sekiranya berlaku sebarang masalah yang tidak dijangka.

6.5.4. Jabatan Audit Negara telah dimaklumkan bahawa ketika ini Jabatan Kastam sedang dalam proses membangunkan sistem yang baru iaitu Pelan Strategik Teknologi Maklumat untuk menggantikan SMK. Bagi tujuan ini, Jabatan Kastam telah melantik Syarikat Deloitte Consulting Malaysia Sdn. Bhd. sebagai pakar perunding bagi membangunkan sistem itu dengan anggaran kos RM451.30 juta bagi tempoh tahun 2007 hingga 2011. Sehubungan ini, **pihak Audit berpendapat Jabatan Kastam tidak sepatutnya membangunkan sistem tersebut. Sebaliknya, Jabatan perlu terlebih dahulu mengkaji dan memastikan penggunaan aplikasi SMK yang sedia ada dioptimumkan. Ini bagi mengelakkan tanggapan negatif daripada orang awam bahawa perbelanjaan yang telah dibuat dalam pembangunan aplikasi tersebut adalah sia-sia dan membazirkan wang Kerajaan.**

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

7. PENGURUSAN HARTANAH PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Kementerian Luar Negeri (Kementerian) diberi mandat dan tanggungjawab untuk memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang iaitu politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; pelancongan; pendidikan serta sains dan teknologi. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan 102 pejabat perwakilan luar negara di 84 negara seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.1
KEDUDUKAN PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA
MENGIKUT KATEGORI PEJABAT PERWAKILAN

KATEGORI PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA	BILANGAN	KETERANGAN
Kedutaan Besar Malaysia	62	Negara selain daripada negara Komanwel.
Suruhanjaya Tinggi Malaysia	17	Negara Komanwel.
Konsulat Jeneral Malaysia	14	Negara yang mempunyai keluasan yang besar seperti China, Amerika Syarikat dan Indonesia.
Lain-lain (Perutusan Tetap, Pejabat Penolong Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Konsulat Malaysia dan Pejabat Perhubungan Malaysia)	9	-
JUMLAH	**102**	

7.1.2. Setakat bulan Disember 2006, Kementerian memiliki 90 hartanah bernilai RM2.56 bilion di luar negara yang terdiri daripada 31 bangunan canseri, 29 bangunan kediaman rasmi, 15 bangunan kuarters (197 unit) *home based staff* dan 15 pelbagai hartanah lain seperti lot-lot tanah dan bangunan-bangunan (annex, canseri lama dan kediaman rasmi lama) yang tidak digunakan lagi. Didapati 41 daripada 102 pejabat perwakilan luar negara mempunyai sekurang-kurangnya satu lot hartanah. Kos perolehan dan nilai semasa hartanah terlibat adalah seperti di **Jadual 7.2**. Bagi pejabat perwakilan yang lain, Kerajaan perlu menyewa bangunan dengan anggaran kos sewaan tahunan berjumlah RM89.13 juta.

JADUAL 7.2
KOS PEROLEHAN DAN NILAI SEMASA HARTANAH DI LUAR NEGARA

BIL	LOKASI	JENIS KEGUNAAN				JUMLAH	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	NILAI SEMASA (RM Juta)
		CANSERI	KEDIAMAN RASMI	KUARTERS HBS (Unit)	LAIN-LAIN			
1	Bangkok, Thailand	Hak Milik Bebas				3	3.68	45.00
2	Beijing, China	Pajakan				3	34.20	34.20
3	Belgrade, Serbia Montenegro		Hak Milik Bebas			1	1.09	TM
4	Berlin, Jerman	Hak Milik Bebas		Hak Milik Bebas		2	48.28	60.10
5	Brasilia, Brazil	Hak Milik Bebas				2	10.53	20.90
6	Bandar Seri Begawan, Brunei	Hak Milik Bebas				2	2.32	10.54
7	Brussels, Belgium	Hak Milik Bebas				2	5.59	11.30
8	Canberra, Australia	Hak Milik Bebas				3	4.97	9.00
9	Colombo, Sri Lanka		Hak Milik Bebas			1	1.57	5.00
10	Geneva, Switzerland		Hak Milik Bebas			1	5.05	20.53
11	Harare, Zimbabwe	Hak Milik Bebas				2	4.82	5.80
12	Hong Kong, China	Pajakan				2	96.78	301.10
13	Islamabad, Pakistan				Hak Milik Bebas (1 Lot Tanah)	1	0.24	10.99
14	Jakarta, Indonesia	Hak Pakai (Milik Bebas)		Hak Pakai (Milik Bebas)	Hak Pakai (Milik Bebas) (3)	5	8.51	36.34
15	Jeddah, Arab Saudi	Hak Milik Bebas			Hak Milik Bebas	2	7.47	9.72
16	Kaherah, Mesir				Hak Milik Bebas	1	0.38	19.56
17	Kuwait, Kuwait	Hak Milik Bebas				2	*Land swap*	39.22
18	London, England	Pajakan	Hak Milik Bebas	Pajakan(2)		4	10.25	TM
19	Manila, Filipina	Hak Milik Bebas				2	10.63	20.35
20	Medan, Indonesia	Hak Milik Bebas				1	TM	1.30
21	Moscow, Rusia	Pajakan				1	27.74	TM
22	New Delhi, India	Pajakan				3	0.30	235.01
23	New York (UN), USA	Hak Milik Bebas				2	32.38	71.35
24	Ottawa, Kanada	Hak Milik Bebas				3	2.67	7.85
25	Paris, Perancis	Hak Milik Bebas				3	5.29	30.79
26	Phnom Penh, Kemboja				Hak Milik Bebas (2 Lot Tanah)	2	11.41	11.41
27	Port Moresby, Papua New Guinea				Pajakan (3 Lot Tanah)	3	(Diberi Hak Milik Oleh Papua New Guinea)	TM
28	Pretoria, Afrika Selatan	Hak Milik Bebas				2	11.20	9.02
29	Riyadh, Arab Saudi	Hak Milik Bebas				2	9.51	TM
30	Rome, Itali	Hak Milik Bebas				1	2.27	23.90
31	Seoul, Korea Selatan	Hak Milik Bebas				3	TM	16.37
32	Singapura, Singapura	Hak Milik Bebas				3	3.20	1,077.65
33	Songkla, Thailand	Hak Milik Bebas				3	4.00	4.14
34	Stockholm, Sweden	Hak Milik Bebas				1	23.45	23.66
35	Suva, Fiji		Hak Milik Bebas			1	1.90	3.30
36	The Hague, Netherland	Hak Milik Bebas				2	4.28	19.38
37	Tokyo, Jepun	Hak Milik Bebas				3	102.39	245.45
38	Vienna, Austria		Hak Milik Bebas			1	10.60	10.60
39	Warsaw, Poland				Pajakan (1 Lot Tanah)	1	23.21	23.21
40	Washington DC, USA	Pajakan (2 Bangunan Dalam Proses Jualan)			Pajakan (3)	5	TM	76.76
41	Wellington, New Zealand	Hak Milik Bebas				3	1.23	10.00
JUMLAH		**31**	**29**	**15 (197 unit)**	**15**	**90**	**533.38**	**2,560.80**

Nota : ***HBS - Home Based Staff*** ***TM - Tiada Maklumat***

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan hartanah Kerajaan Malaysia di luar negara telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi proses perolehan hartanah di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), pendaftaran hak milik hartanah, penyenggaraan, penggunaan serta kawalan keselamatan hartanah. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 di Cawangan Pembangunan Dan Hartanah, Kementerian Luar Negeri dan 9 pejabat perwakilan luar negara iaitu di London, England; Paris, Perancis; Brussels, Belgium; The Hague, Netherland; Beijing dan Hong Kong, China; Jakarta, Indonesia; Singapura dan Stockholm, Sweden. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga telah dijalankan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

7.4.1. Struktur Pengurusan

7.4.1.1. Di peringkat Ibu Pejabat, Cawangan Pembangunan Dan Hartanah yang diketuai oleh Ketua Cawangan Gred M48 bertanggungjawab terhadap urusan pembangunan hartanah meliputi perolehan, pendaftaran/ pendokumentasian, penyenggaraan dan keselamatan hartanah di luar negara. Cawangan ini bertanggungjawab terus kepada Setiausaha Bahagian Kewangan Dan Pembangunan Gred M54.

7.4.1.2. Di peringkat pejabat perwakilan luar negara, aktiviti pengurusan hartanah dipertanggungjawabkan di bawah Ketua Pejabat Perwakilan sama ada Duta Besar Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia atau lain-lainnya.

Struktur organisasi Bahagian Kewangan Dan Pembangunan di peringkat Ibu Pejabat pada akhir tahun 2006 adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 7.1
STRUKTUR ORGANISASI
BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN DI PERINGKAT IBU PEJABAT
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



Pada pandangan Audit, Kementerian telah mewujudkan pembahagian tugas yang jelas bagi pengurusan hartanah luar negara.

7.4.2. Pelantikan Kontraktor

7.4.2.1. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor bagi membangunkan 7 projek di bawah RMK-8 di mana 2 projek daripadanya disambung ke RMK-9 telah dibuat secara tender terhad/rundingan terus. Kesemua kontraktor tersebut adalah merupakan kontraktor kelas A yang berdaftar di Malaysia. Butiran lanjut mengenai kontrak pembinaan hartanah tersebut adalah seperti di jadual berikut:-

JADUAL 7.3
PERIHAL KONTRAK BAGI PROJEK DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN

PROJEK	KONTRAKTOR	KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK	PERIHAL KONTRAKTOR		KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PROJEK
			MODAL BERBAYAR (RM Juta)	PEMEGANG SAHAM UTAMA		
Pembinaan Kompleks Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Brunei Darussalam	Eastbourne Corporation Bhd.	Tender Terhad	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	19.66	Telah Siap

PROJEK	KONTRAKTOR	KAEDAH PELAKSANAAN PROJEK	PERIHAL KONTRAKTOR		KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PROJEK
			MODAL BERBAYAR (RM Juta)	PEMEGANG SAHAM UTAMA		
Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Washington	Percon Corporation Sdn. Bhd.	Tender Terhad	136.4	Permodalan Nasional Berhad	79.56	Telah Siap
Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait	The Kuwait Company For Process Plant Construction And Contracting (KCPC) dan Syarikat Pembinaan Anggerik Sdn. Bhd.	Tender Terhad	2.0	1. Kamaludin bin Mohd Nor 2. Marina bt. Kamaludin 3. Aini bt. Kamaludin	26.62	Telah Siap
Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar dan Kediaman Rasmi Malaysia di Beijing	Konsortium Bina Puri	Tender Terhad	1.0	1. Ahmad Suffian Bin Abdul Majid 2. We Her Ching	93.00	Telah Siap
Projek ubahsuai dan naik taraf bangunan Kompleks Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura	Landmarks Engineering And Development Sdn. Bhd.	Rundingan Terus	6.0	1. Azmi Bin Hamid 2. Abd. Rahman Bin Adam 3. Tan Ching Pding	83.38	Telah Siap
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Moscow	Konsortium Bina Puri-Beringin Waja	Rundingan Terus	1.0	1. Ahmad Suffian Bin Abdul Majid 2. We Her Ching	27.74*	Disambung Ke RMK-9
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh	Pembinaan Daya Tekad Sdn. Bhd.	Rundingan Terus	1.0	1. Cheah Lim Chong 2. Mohd Nadzir Bin Mansor	50.00*	Disambung Ke RMK-9

Nota : * Anggaran Kos Projek

7.4.2.2. Semakan Audit mendapati perjanjian kontrak bagi tujuan pembinaan mengandungi syarat-syarat yang memadai untuk menjamin kepentingan Kerajaan seperti kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan yang bersamaan dengan 5% daripada harga kontrak dalam bentuk jaminan bank atau wang jaminan pelaksanaan dan mengambil insurans untuk melindungi tuntutan pampasan daripada mana-mana pihak. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan juga akan dikenakan terhadap kontraktor sekiranya gagal melaksanakan kerja mengikut jadual. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada umumnya semua kontraktor terlibat telah mematuhi syarat tersebut.

7.4.3. Prestasi Projek

7.4.3.1. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 1992 mengenai Garis Panduan Perancangan Penyediaan Projek Pembangunan menetapkan prosedur yang perlu diikuti dalam mengenal pasti dan merancang projek yang akan dilaksanakan bagi memastikan projek berkenaan dapat dilaksanakan dengan lancar dan memberikan pulangan yang terbaik kepada Kerajaan. Projek perolehan hartanah di luar negara sama ada dibeli atau dibina adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri. Ia dirancang di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun berdasarkan kepada cadangan yang diterima daripada pejabat perwakilan luar negara. Manakala urusan pembinaan

bangunan pula diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana. **Pada umumnya, perolehan hartanah telah dilaksanakan selaras dengan kehendak pekeliling berkenaan.**

7.4.3.2. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), terdapat 33 projek pembangunan yang telah diluluskan untuk dilaksanakan di mana 27 daripadanya merupakan projek khusus untuk perolehan hartanah dengan peruntukan berjumlah RM673.59 juta. Setakat 31 Disember 2006, didapati hanya 6 daripada 27 projek tersebut telah disiapkan iaitu 5 projek telah dibina manakala 1 projek (Kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Vienna) telah dibeli. Baki 21 projek lagi yang tidak dapat dilaksanakan di bawah RMK-8 telah dilanjutkan pelaksanaannya di bawah RMK-9. **Jadual 7.4** menunjukkan jumlah projek dan peruntukan kewangan yang dipohon dan diluluskan di bawah RMK-8 dan RMK-9 manakala **Jadual 7.5** menunjukkan prestasi perolehan hartanah di bawah RMK-8.

JADUAL 7.4
BILANGAN PROJEK PEMBANGUNAN YANG DIMOHON DAN DILULUSKAN MENGIKUT AKTIVITI BERKAITAN HARTANAH KEMENTERIAN LUAR NEGERI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN DAN KESEMBILAN

AKTIVITI PEMBANGUNAN HARTANAH		BILANGAN PROJEK			
		RMK-8		RMK-9	
		MOHON	LULUS	MOHON	LULUS
Perolehan	Pembinaan	18	20	38	20
	Pembelian	6	7	4	6
JUMLAH PROJEK		**24**	**27**	**42**	**26**
PERUNTUKAN KEWANGAN (RM Juta)		**637.99**	**673.59**	**854.81**	**667.86**

JADUAL 7.5
PRESTASI PEROLEHAN HARTANAH BAGI PEJABAT PERWAKILAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN - KEDUDUKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2006

PROJEK	PERUNTUKAN		STATUS PROJEK	
	LULUS (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	SIAP	SAMBUNG KE RMK-9
Pembinaan Kompleks Suruhanjaya Tinggi Malaysia Di Brunei Darussalam	17.52	19.66	/	
Pembinaan Kediaman Rasmi Dan Ubahsuai Canseri Dan Kuarters *Home Based Staff* Di Singapura	117.12	140.56	/	
Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar Dan Kediaman Rasmi Malaysia Di Beijing	93.17	93.00	/	
Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar Malaysia Di Kuwait	22.80	26.62	/	
Pembinaan Kompleks Kedutaan Besar Malaysia Di Washington	77.32	79.56	/	
Pembelian Bangunan Kediaman Rasmi Duta Besar Di Vienna	12.00	10.99	/	
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Kompleks Canseri Di Phnom Penh	67.50	11.45		/ *
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Bangunan Canseri Di Warsaw, Poland	39.00	24.14		/ *
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Bangunan Canseri Di Moscow	16.00	27.86		/ *
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Kompleks Kedutaan Di Port Moresby	2.60	0		/
Pembelian Canseri Dan Kediaman Rasmi Di Buenos Aires	10.26	0		/

PROJEK	PERUNTUKAN		STATUS PROJEK	
	LULUS (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	SIAP	SAMBUNG KE RMK-9
Pembinaan Canseri, Kediaman Rasmi Dan Apartmen Pegawai Dan Kakitangan Di Islamabad	17.50	0		/
Pembinaan Rumah Pegawai Dan Kakitangan Di New Delhi	6.50	0		/
Pembelian Canseri Di Suva, Fiji	1.50	0		/
Pembinaan Kompleks Perumahan Dan Pusat Pelajar Di Jakarta	34.50	0		/
Pembinaan Kompleks Kedutaan Di Yangon	5.50	0		/
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Bangunan Canseri Di Geneva	10.00	0		/
Pembinaan Semula Kediaman Rasmi Dan Kompleks HBS di Jeddah	10.00	0		/
Pembelian Tanah, Pembinaan Canseri Dan Kediaman Rasmi Di Pontianak	2.00	0		/
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Canseri di Sarajevo	10.00	0		/
Pembelian Bangunan Kediaman Rasmi Di Mexico City	10.00	0		/
Pembelian Canseri Dan Kediaman Rasmi Di Ottawa	4.00	0		/
Pembelian Kediaman Rasmi Di Berlin	38.00	0		/
Pembelian Tanah Dan Pembinaan Canseri Kedutaan Malaysia Di Vientiane	4.40	0		/
Pembelian Tanah Tapak Canseri Dan Kediaman Rasmi Di Oran, Turki	30.00	0		/
Pembelian Bangunan Canseri Di Santiago, Chile	17.00	0		/
Pembinaan Semula Canseri Dan Rumah HBS Di Brasilia	7.40	0		/
JUMLAH	**673.59**	**433.84**	**6**	**21**

Nota : ***(*) - Membeli Tapak Tanah***

7.4.3.3. Kelewatan menyiapkan projek ini pada umumnya adalah berpunca daripada faktor-faktor berikut :-

a. Ketua Pengarah Kerja Raya juga adalah merupakan Pengarah Projek bagi projek-projek yang dilaksanakan di luar negeri. Bagi beberapa projek yang disemak, didapati pihak JKR tidak menempatkan pegawainya di negara berkenaan sepanjang tempoh dilaksanakan. Ini menyebabkan khidmat nasihat berhubung dengan kerja kontrak tidak dapat diberikan dengan segera. Pengesahan terhadap kerja binaan/bahan binaan hanya dapat dibuat oleh pasukan teknikal daripada JKR semasa mesyuarat tapak yang diadakan sebulan sekali.

b. Syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan (negara berkenaan) yang perlu dipatuhi sebelum membangunkan kediaman rasmi, bangunan canseri dan kuarters *home based staff* juga menjadi faktor melambatkan pelaksanaan kerja. Setiap perjanjian yang akan ditandatangani juga perlu disesuaikan dengan peraturan Kerajaan Malaysia dan juga peraturan negara tuan rumah. Tanpa persetujuan negara tuan rumah, projek berkenaan tidak boleh dimulakan.

c. Perubahan skop kerja pada peringkat akhir pelaksanaan projek juga melambatkan jadual siap kerja asal.

d. Faktor musim juga menjadi punca kelewatan pelaksanaan projek di negara yang mempunyai 4 musim terutamanya bagi negara-negara yang mempunyai cuaca yang ekstrem dan bersalji tebal.

e. Peruntukan kewangan hanya diterima pada akhir Rancangan Malaysia Kelapan.

7.4.3.4. **Semakan Audit mendapati sungguhpun Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM433.84 juta (64.4%) daripada RM673.59 juta yang diluluskan di bawah RMK-8 (Jadual 7.5), namun hanya 6 projek siap dibina manakala 3 projek lagi hanya setakat perolehan tapak. Bakinya berjumlah RM229.75 juta pula tidak mencukupi untuk menampung pelaksanaan 21 projek lagi.**

7.4.3.5. Mengikut rekod Kementerian, didapati sejumlah RM47.34 juta telah dimasukkan ke akaun pejabat perwakilan di Geneva, Switzerland untuk tujuan pembelian tanah bagi pembinaan bangunan canseri. Bagaimanapun, jumlah tersebut yang diterima pada akhir RMK-8 tidak digunakan kerana bangunan yang dirancang untuk dibeli telah dimiliki oleh pihak lain. Selain itu, terdapat juga sejumlah RM1.55 juta telah dimasukkan ke akaun pejabat perwakilan di Berlin, Jerman bagi tujuan pembayaran akhir pembelian canseri dan kuarters.

7.4.3.6. Di bawah RMK-9 pula, didapati kontraktor telah dilantik untuk melaksanakan 2 projek yang mana tanah bagi tapak projek telah diperolehi di bawah RMK-8. Projek tersebut ialah pembinaan kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Vietnam dan kompleks Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia. Bagi pembinaan pejabat canseri di Warsaw, Poland, kontraktor masih belum dilantik sungguhpun tapak tanah telah diperolehi. Selain itu, Kementerian sedang dalam proses untuk membuat panggilan tender terhad bagi membangunkan projek pembinaan canseri, kediaman rasmi dan apartmen pegawai dan kakitangan di Islamabad dan pembinaan rumah pegawai dan kakitangan di New Delhi, India.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menyediakan jadual pelaksanaan projek, memastikan peruntukan kewangan yang mencukupi diperolehi daripada Kementerian Kewangan dan membuat pemantauan yang rapi terhadap prestasi projek bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang kelewatan. Memandangkan di bawah RMK-9, Kementerian perlu melaksanakan 26 projek perolehan, Kementerian patut mewujudkan jawatan kader dalam perkhidmatan juruukur, arkitek dan jurutera bagi membantunya dalam hal-hal teknikal.

7.4.4. Pendaftaran Hak Milik Hartanah

7.4.4.1. Pendaftaran hak milik merupakan pengesahan pemilikan hartanah sama ada dalam bentuk geran tanah, perjanjian pemilikan hartanah atau surat pajakan hartanah. **Daripada 90 hartanah Kerajaan Malaysia di luar negara, hanya 76 hartanah yang mempunyai dokumen pemilikan rasmi yang berkenaan.** Semenjak tahun 1957, geran/perjanjian pemilikan asal bagi semua hartanah milik Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Luar Negeri disimpan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Namun pada tahun 2001, Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan telah memutuskan supaya semua dokumen pemilikan hartanah di luar negara disimpan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian. Bagaimanapun, urusan bayaran pelbagai cukai hartanah luar negara masih dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri. Salinan dokumen pemilikan hartanah dan dokumen sokongan berkaitan perlu disimpan di Kementerian dan pejabat perwakilan luar negara untuk rujukan.

7.4.4.2. Semakan Audit di Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan mendapati dokumen asal pemilikan hartanah disimpan di sebuah bilik kebal. Bagaimanapun, tiada daftar diselenggarakan untuk merekodkan maklumat mengenai hartanah di luar negara. Pemeriksaan Audit terhadap dokumen asal pemilikan hartanah tersebut dengan rekod di Kementerian Luar Negeri mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Hanya 22 daripada 41 pejabat perwakilan luar negara yang mengemukakan kesemua dokumen pemilikan hartanah mereka yang asal ke Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian. Antara pejabat perwakilan yang tidak mengemukakan dokumen tersebut ialah pejabat perwakilan di London, England; Brussels, Belgium; Jakarta, Indonesia; The Hague, Netherland dan Hong Kong, China. Dokumen pemilikan hartanah yang tidak dihantar melibatkan 11 bangunan canseri, 8 kediaman rasmi dan 4 (17 unit) kuarters *home based staff*, 6 tapak bangunan lain dan 2 lot tapak tanah. Semakan Audit selanjutnya mendapat salinan dokumen pemilikan hartanah berkenaan juga tidak disimpan di 5 pejabat perwakilan tersebut.

b. Terdapat perbezaan maklumat berkaitan seperti alamat, tarikh, kos pembelian dan jenis pemilikan antara dokumen pemilikan hartanah dan rekod Kementerian.

7.4.4.3. Lawatan Audit ke 9 pejabat perwakilan luar negara mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Kesemua 9 pejabat perwakilan luar negara yang dilawati tidak menyelenggarakan daftar untuk merekodkan maklumat hartanah seperti rujukan geran/dokumen jual beli/surat pajakan hartanah, tarikh pemilikan hartanah, keluasan dan jenis kegunaan tanah serta kos perolehan.

b. Semakan Audit terhadap salinan geran bagi hartanah di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia, The Hague, Netherland mendapati **hak milik geran tanah**

bagi bangunan kediaman rasmi Duta Besar Malaysia di negara berkenaan masih di atas nama pemilik asal iaitu Maria Dympha Agnes Andrea Driesen dan Augustinis Geertruida Johannes Okhuizen (rakyat tempatan). Hartanah tersebut telah dibeli oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1968 daripada keluarga Kuok (rakyat Malaysia) dengan harga RM493,617. Adalah dianggarkan nilai hartanah berkenaan pada ketika ini ialah RM6.33 juta. Semasa pengauditan dijalankan pada akhir tahun 2006, pejabat perwakilan berkenaan masih dalam proses untuk mendapatkan hak milik hartanah berkaitan.

c. Pejabat Perwakilan Malaysia di Jakarta mempunyai 5 hartanah yang terdiri daripada bangunan canseri, bangunan kuarters *home based staff* di Jalan H.R. Rasuna Said, bangunan lama canseri di Jalan Imam Bonjol, 2 lot tanah di Jalan Kemang Raya dan satu lot tanah di Jalan Cokroaminoto. Bagaimanapun, **hanya 2 salinan geran tanah dikemukakan kepada pihak Audit** iaitu bagi bangunan canseri dan kuarters *home based staff* di Jalan H.R. Rasuna Said serta bangunan lama canseri di Jalan Imam Bonjol. Tanah di Jalan Kemang Raya hanya mempunyai salinan surat perjanjian jual beli. Bagi tanah di Jalan Cokroaminoto, pihak Audit **tidak dapat mengesahkan sama ada tanah tersebut milik Kerajaan Malaysia kerana tiada sebarang dokumen pemilikan yang dikemukakan**. Selain itu, semua geran tanah dan perjanjian jual beli bagi hartanah tersebut tidak diterjemahkan ke Bahasa Melayu untuk memudahkan rujukan kerana sesetengah perkataan/istilah yang digunakan sukar difahami.

d. Berdasarkan rekod Kementerian, terdapat 7 hartanah Kerajaan Malaysia di London, England. Semakan Audit mendapati rekod Kementerian adalah tidak kemaskini kerana hanya 4 hartanah yang sebenarnya di bawah pengurusan pejabat perwakilan di London manakala 2 lagi adalah di bawah pengendalian Jabatan Perdana Menteri. Satu lagi hartanah Kementerian iaitu rumah tetamu Enissmore Garden telah pun dijual. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.6
MAKLUMAT HARTANAH DALAM REKOD KEMENTERIAN

HARTANAH	TAHUN HARTANAH DIBELI	HARGA BELIAN (RM Juta)	CATATAN
Templewood Gardens, London N.W.3 (Kediaman)	13 Mei 1961	0.43	-
Templewood Gardens, London N.W.3 (Kuarters)	13 Mei 1963	0.02	-
45 Belgrave Square, London (Canseri)	13 Disember 1963	2.10	-
46 Belgrave Square, London (Bangunan Annex)	21 Januari 1980	0.46	-
37/38 Enissmore Garden, London S.W.7 (Rumah Tetamu VVIP)	15 Mei 1980	2.86	Telah dijual

HARTANAH	TAHUN HARTANAH DIBELI	HARGA BELIAN (RM Juta)	CATATAN
9, Whykehem Close, London (*Transit House*-VIP)	15 April 1981	0.22	Di bawah kendalian Jabatan Perdana Menteri
15 York House, Kensington Church Street, London W8 (Rumah Tetamu)	1983	0.82	Di bawah kendalian Jabatan Perdana Menteri

Pada pandangan Audit, bagi menjamin kepentingan Kerajaan, Kementerian hendaklah memastikan bahawa hak milik bagi setiap hartanah yang dibeli adalah atas nama Kerajaan Malaysia. Selain itu, daftar hartanah yang kemas kini hendaklah diselenggarakan di Kementerian Luar Negeri, pejabat perwakilan dan Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan.

7.4.5. Penyenggaraan Hartanah

7.4.5.1. Setiap pejabat perwakilan luar negara bertanggungjawab menyenggarakan hartanah secara terancang berdasarkan peraturan Kerajaan seperti mana yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995 berhubung Pengurusan Penyelenggaraan - Pewujudan Sistem Penyelenggaraan Terancang. Penyenggaraan terancang ini melibatkan 2 peringkat seperti berikut :-

a. *Corrective Maintenance* iaitu tindakan membaiki atau mengganti komponen atau sumber fizikal supaya dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan.

b. *Preventive Maintenance* iaitu kerja-kerja memeriksa, servis, membaiki, atau mengganti komponen atau sumber fizikal secara berkala supaya ia dapat beroperasi dengan cekap secara berterusan.

7.4.5.2. Bagi melaksanakan Sistem Penyenggaraan Terancang, Kementerian perlu mengambil tindakan utama seperti berikut :-

a. Melantik pegawai kanan bagi mengawasi pelaksanaan Sistem Penyenggaraan Terancang.

b. Menyediakan Daftar Aset Penyenggaraan Bangunan yang melibatkan 4 aspek utama merangkumi struktur, elektrik, mekanikal dan persekitaran luar.

c. Mewujudkan jadual penyenggaraan bagi setiap item dalam Daftar Aset Penyenggaraan dengan memperincikan jenis, kekerapan, keutamaan serta proses pelaksanaan aktiviti penyenggaraan berkaitan.

d. Merancang Pelan Operasi Penyenggaraan bagi pengurusan hartanah dalam jangka masa yang telah dijadualkan. Kerja-kerja penyenggaraan dipantau menggunakan pelbagai kaedah antaranya Carta Gantt.

e. Menilai program penyenggaraan hartanah untuk menentukan sama ada matlamat program tercapai serta dapat mengenal pasti usaha-usaha yang harus dilakukan bagi memperbaiki kelemahan yang wujud.

7.4.5.3. Semakan Audit di Kementerian Luar Negeri mendapati tiada bukti yang menunjukkan Kementerian telah melaksanakan sistem penyenggaraan yang terancang. Kementerian tidak mempunyai perancangan yang strategik dalam mengurus serta memantau penyenggaraan hartanah di pejabat perwakilan luar negara kerana maklumat mengenai kedudukan atau tahap fizikal kesemua hartanah di luar negara tidak dikumpulkan. Cawangan Pembangunan Dan Hartanah Kementerian hanya menyemak permohonan peruntukan penyenggaraan yang diterima daripada pejabat perwakilan dari semasa ke semasa sebelum kelulusan diberi. Selain itu, pihak Audit mendapati Kementerian juga tidak melantik seorang pegawai kanan untuk mengawasi urusan penyenggaraan, tidak menyediakan Daftar Aset Penyenggaraan Bangunan dan tidak menyediakan Pelan Operasi Penyenggaraan.

7.4.5.4. Sembilan pejabat perwakilan luar negara yang dilawati tidak melaksanakan *preventive maintenance,* sebaliknya hanya melaksanakan *corrective maintenance*. Mengikut maklum balas yang diterima daripada beberapa pejabat perwakilan, *preventive maintenance* tidak dijalankan antaranya disebabkan oleh kos penyenggaraan yang tinggi; peralatan dan alat ganti terutamanya bagi bangunan yang lama adalah sukar diperolehi di pasaran dan rekod/daftar penyenggaraan tidak disediakan.

7.4.5.5. Semakan Audit mendapati 4 daripada 9 pejabat perwakilan yang dilawati telah menyenggarakan daftar tersebut iaitu pejabat perwakilan di Paris, Perancis; Brussels, Belgium; The Hague, Netherland dan Beijing, China. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati daftar yang diselenggarakan tidak mengandungi maklumat terperinci sebagaimana kehendak Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995.

7.4.5.6. Pada keseluruhannya, keadaan fizikal bangunan dan persekitarannya adalah kurang memuaskan akibat ketiadaan penyenggaraan secara *preventive.* Contohnya adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 7.1

Pejabat Perwakilan Di London
- 'Balcony' Canseri Kelihatan Berlumut

GAMBAR 7.2

Pejabat Perwakilan Di London
- Lif Canseri Rosak Sejak Tahun 2003

GAMBAR 7.3

Pejabat Perwakilan Di London
- Paip Bocor Di Garaj Kediaman Rasmi

GAMBAR 7.4

Pejabat Perwakilan Di London
- Bumbung Rumah Kediaman Rasmi Yang Perlu Diganti

GAMBAR 7.5



Pejabat Perwakilan Di Paris
- Dinding Fabrik Di Kediaman Ketua Canseri Lusuh Dan Lembap

GAMBAR 7.6

Pejabat Perwakilan Di Paris
- Paip Gas Di Kediaman Rasmi Berkarat Dan Membahayakan

GAMBAR 7.7

Pejabat Canseri Di Brussels
- Dinding Merekah Dan Kelihatan Kotor

GAMBAR 7.8

Pejabat Canseri Di Brussels
- 'Wall Paper' Tertanggal Akibat Kebocoran

GAMBAR 7.9

Pejabat Perwakilan Di The Hague
- Lantai Parque Di Kediaman Rasmi Lembap Akibat Kebocoran Paip

GAMBAR 7.10

Pejabat Perwakilan Di The Hague
- Dinding Merekah Di Kediaman Rasmi

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memberi penekanan yang lebih terhadap penyenggaraan hartanah di luar negara bagi memastikan bangunan perwakilan sentiasa dalam keadaan baik, lengkap, selamat dan selesa diduduki. Bagi tujuan mewujudkan suatu sistem penyenggaraan yang komprehensif, Kementerian disyorkan mengambil tindakan berikut :-

- **Menentukan keperluan penyenggaraan hartanah di semua pejabat perwakilan di luar negara dengan melakukan pemeriksaan sekurang-kurangnya setahun sekali di semua pejabat perwakilan bagi mengetahui kedudukan sebenar bangunan serta kemudahan yang perlu disenggarakan sama ada dari segi struktur, elektrik dan mekanikal. Tindakan selanjutnya ialah menyediakan Pelan Operasi Penyenggaraan untuk setiap komponen utama iaitu dari aspek mekanikal (seperti lif), elektrik (seperti pendawaian), struktur (seperti dinding bangunan) dan persekitaran luar (seperti parit dan landskap).**
- **Menyediakan prosedur/manual penyenggaraan hartanah yang lengkap untuk panduan/rujukan pegawai di setiap peringkat. Manual ini perlu mengandungi antara lainnya kaedah penyenggaraan, pemeriksaan tahunan dan penyediaan laporan berhubung dengan penyenggaraan yang dilaksanakan.**
- **Bagi memastikan penyenggaraan hartanah di luar negara dapat dilaksanakan dengan baik, ia juga perlu dirancang dan diselia oleh pegawai berkelayakan yang mempunyai kepakaran teknikal terutamanya dalam bidang elektrik dan mekanikal, struktur atau persekitaran luar.**

7.4.6. Penggunaan Hartanah

7.4.6.1. Sesebuah hartanah yang dibangunkan sungguhpun untuk tujuan kegunaan Kementerian, namun mana-mana agensi Kerajaan yang lain juga dibenarkan mendiami ruang pejabat di dalam bangunan yang sama. Contohnya Atase Pertanian ditempatkan di Brussels, Belgium manakala Atase Pertahanan di Paris, Perancis. Pihak Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada semua pejabat perwakilan luar negara untuk melaksanakan konsep “cost sharing” bagi ruang yang didiami oleh mana-mana agensi Kerajaan. Konsep ini berasaskan peratus penggunaan ruang lantai yang didiami oleh semua pihak dan kos operasi seperti kos utiliti, telefon serta belanja lain dibahagikan mengikut peratusan yang dipersetujui. Perbelanjaan tersebut akan di caj ke peruntukan agensi berkenaan. Ini secara tidak langsung dapat mengoptimumkan kapasiti penggunaan hartanah Kementerian serta menjimatkan kos.

7.4.6.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap penggunaan hartanah di Jakarta dan Hong Kong mendapati perkara berikut :-

JADUAL 7.7
RINGKASAN PENGGUNAAN HARTANAH PEJABAT PERWAKILAN JAKARTA DAN HONG KONG YANG DILAWATI PADA TAHUN 2006

PEJABAT PERWAKILAN	PENGGUNAAN HARTANAH
Jakarta, Indonesia	• 3 bidang hartanah tidak digunakan iaitu bekas kediaman rasmi Duta Besar (Jalan Kemang Raya) dan kediaman Ketua Canseri (Jalan Cokroaminoto) serta bekas bangunan canseri (Jalan Imam Bonjol). • Hartanah di Jalan Kemang Raya - Tanah ini terbiar dan sering dicerobohi serta bermasalah dan dicadangkan untuk dijual **(Gambar 7.11 dan 7.12)**. • Hartanah di Jalan Imam Bonjol - Terbiar dan dicadangkan untuk membina kediaman rasmi yang baru untuk Duta Besar.
Hong Kong, China	• Daripada 26 tingkat bangunan yang dimiliki Kementerian, hanya 3 tingkat didiami dan bakinya disewakan. • Urusan penyewaan dikendalikan oleh syarikat swasta (Fuji Property Management Limited). Hasil sewaan diperolehi setelah ditolak kos penyenggaraan hartanah.

GAMBAR 7.11

GAMBAR 7.12

Hartanah Di Jalan Kemang Raya, Jakarta
- Tanah Ini Diletakkan Di Bawah Pengawasan Mahkamah Agong Indonesia Kerana Sering Dicerobohi Oleh Penduduk Ambon

7.4.6.3. Pemeriksaan fizikal terhadap ruang-ruang bangunan di pejabat perwakilan yang dilawati iaitu di sekitar canseri, kediaman rasmi dan kuarters *home based staff* mendapati penggunaan ruang pada umumnya adalah pada tahap optimum kecuali dari aspek tempat penyimpanan/stor barang. Adalah didapati ruang di beberapa bangunan perwakilan terutamanya ruang penyimpanan barang-barang telah digunakan untuk memuatkan barang-barang lama yang mana antaranya ada yang telah diluluskan untuk pelupusan seperti mana yang ditunjukkan di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 7.13

Pejabat Perwakilan Di Brussels
- Perabot Dan Peralatan Lama Diletakkan Di Garaj Kediaman Rasmi

GAMBAR 7.14

Pejabat Perwakilan Di Brussels
- Perabot Dan Peralatan Lama Diletakkan Di Stor Canseri

GAMBAR 7.15

GAMBAR 7.16

Pejabat Perwakilan Di The Hague
- Perabot Dan Peralatan Lama Diletakkan Di Stor Canseri Dan Tiada Permohonan Dibuat Untuk Melupuskannya

GAMBAR 7.17

Pejabat Perwakilan Di Jakarta
- Perabot Dan Peralatan Telah Diluluskan Pelupusan Tetapi Masih Disimpan Di Kuarters

GAMBAR 7.18

Pejabat Perwakilan Di Singapura
- Perabot Yang Perlu Dilupuskan Masih Terletak Di Sebahagian Ruang Bangunan 'Club House'

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya mengambil tindakan untuk melupuskan barang-barang yang tidak diperlukan lagi bagi mengoptimumkan penggunaan ruang yang sedia ada agar dapat digunakan untuk tujuan yang lebih bermakna.

7.4.7. Keselamatan Hartanah

7.4.7.1. Arahan Keselamatan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jemaah Menteri antara lainnya telah menetapkan Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan langkah-langkah tertentu diambil bagi memastikan keselamatan bangunan. Antaranya ialah mengehadkan jalan keluar masuk dan mengadakan kaunter-kaunter; memperkukuhkan tingkap, siling, dinding dan pintu dengan dilengkapi kunci keselamatan; memasang alat pengalisan bunyi dan penggera keselamatan; menyediakan tempat atau bilik khas untuk pelawat-pelawat dan mewujudkan perkhidmatan pengawal keselamatan. Arahan Keselamatan juga menghendaki Jawatankuasa Keselamatan Jabatan diwujudkan untuk memantau tahap keselamatan pejabat.

7.4.7.2. Semakan Audit mendapati selain daripada berpandukan kepada Arahan Keselamatan tersebut di atas, Kementerian tidak mengeluarkan garis panduan khusus mengenai tindakan yang harus diambil apabila sesuatu bencana/kecemasan berlaku. Jawatankuasa Keselamatan Khas juga tidak

diwujudkan untuk memantau tahap keselamatan pejabat perwakilan luar negara. Isu-isu keselamatan pejabat-pejabat perwakilan luar negara hanya dibincangkan di dalam Mesyuarat Koordinasi Jabatan Pengurusan dan Perkara-Perkara Am Kementerian Luar Negeri yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha III. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 50 mesyuarat telah diadakan.

7.4.7.3. Adalah didapati tahap keselamatan di pejabat perwakilan di Singapura dan Paris, Perancis adalah baik. Manakala tahap keselamatan di 7 pejabat perwakilan luar negara yang lain adalah kurang memuaskan seperti berikut :-

a. 6 pejabat perwakilan yang dilawati menghadapi masalah berkaitan dengan *Closed Circuit Television* (CCTV). Jadual berikut menunjukkan ringkasan permasalahan yang diperhatikan di pejabat perwakilan :-

JADUAL 7.8
KEADAAN *CLOSED CIRCUIT TELEVISION* (CCTV)
DI PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA PADA TAHUN 2006

PEJABAT PEWAKILAN LUAR NEGARA	PEMERHATIAN ISU-ISU CCTV			CATATAN
	ROSAK	TIDAK CUKUP	TEMPAT TIDAK SESUAI	
London	√			-
The Hague	√			-
Hong Kong		√		Dipasang di tingkat bawah bangunan canseri sahaja.
Beijing			√	Kedudukan 3 CCTV di bangunan canseri tidak sesuai.
Jakarta	√			3 daripada 13 CCTV rosak
Stockholm		√		Bahagian yang melibatkan ramai orang awam.

b. Terdapat 3 pejabat perwakilan yang mempunyai isu keselamatan hartanah di luar negara yang kurang memuaskan dan seharusnya diberi perhatian yang serius seperti diringkaskan di jadual berikut :-

JADUAL 7.9
RINGKASAN ISU KESELAMATAN PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA YANG DILAWATI PADA TAHUN 2006

PEJABAT PERWAKILAN LUAR NEGARA	ISU BERBANGKIT
London	• Keadaan luaran Kediaman Rasmi Pesuruhjaya tidak memuaskan di mana pagar hampir tumbang dan terdedah kepada risiko pencerobohan **(Gambar 7.19)**. • Sistem penggera keselamatan di canseri telah rosak lebih dari setahun. • Tiada *partition* di kaunter penyambut tetamu yang memisahkan pegawai bertugas daripada pelawat **(Gambar 7.20)**.
Brussels	Kawasan lapang di kediaman Duta Besar berisiko tinggi kerana pernah dicerobohi pada tahun 2001 **(Gambar 7.21)**.
Jakarta	• Pokok yang tinggi dan jejantas pejalan kaki di luar pejabat canseri terlalu hampir dengan pagar berjeriji terdedah kepada risiko keselamatan **(Gambar 7.22 dan 7.23)**. • Kontraktor luar menggunakan *basement* di dalam bangunan canseri sebagai tempat menjalankan kerja-kerja penyenggaraan sangat berisiko tinggi dan perlu dikawal.

GAMBAR 7.19

Pagar Kayu Kediaman Rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Di London Telah Usang Dan Hampir Roboh (Gambar Sebelah Kanan) Berbanding Tembok Batu Berjeriji Di Kediaman Rasmi Duta Besar Indonesia Di London (Gambar Sebelah Kiri)

GAMBAR 7.20

Tiada 'Partition' Diletakkan Bagi Memisahkan Ruang Pelawat Dan Pegawai Bertugas Di Pintu Masuk Utama Canseri Di London

GAMBAR 7.21

Kawasan Lapang Di Laman Kediaman Rasmi Di Brussels Berisiko Tinggi Kerana Pernah Diceroboh Pada Tahun 2001

GAMBAR 7.22

GAMBAR 7.23

Pokok Yang Tinggi (Gambar 7.22) Dan Jejantas Pejalan Kaki Terlalu Hampir Dengan Pagar Di Luar Pejabat Canseri Jakarta (Gambar 7.23)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan semua pejabat perwakilan luar negara mempunyai tahap keselamatan bangunan yang baik bagi mengelakkan berlakunya sebarang pencerobohan di kawasan kompleks pejabat perwakilan. Sehubungan ini, Kementerian hendaklah memastikan CCTV adalah mencukupi dan sentiasa berfungsi dengan baik. Selain itu, suatu bentuk Pelan Tindakan Kecemasan/Bencana hendaklah disediakan merangkumi 3 aspek utama keselamatan iaitu dari segi *natural disaster* (kebakaran, banjir, ribut), *humanistic factors* (pencerobohan, kecurian, ancaman keganasan) dan ICT *threats* (*hackers* dan *viruses*). Dari segi pelaksanaannya, pihak pejabat perwakilan hendaklah mengadakan beberapa siri latihan kecemasan bagi memastikan tahap kesedaran keselamatan di tempat kerja tercapai.

7.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

7.5.1. Pada umumnya, pengurusan hartanah pejabat-pejabat perwakilan di luar negara adalah kurang memuaskan sama ada di peringkat perancangan, pelaksanaan mahupun pemantauan. Antara perkara yang diperhatikan adalah seperti berikut :-

7.5.1.1. Prestasi pelaksanaan projek bagi RMK-8 adalah tidak memuaskan di mana hanya 6 daripada 27 projek sahaja yang dapat dilaksanakan dalam tempoh berkenaan. Sehubungan ini adalah disyorkan Kementerian menyediakan jadual pelaksanaan projek, memastikan peruntukan kewangan yang mencukupi diperolehi daripada Kementerian Kewangan dan membuat pemantauan yang rapi terhadap prestasi projek bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang kelewatan. Memandangkan di bawah RMK-9, Kementerian perlu melaksanakan sekurang-kurangnya 20 projek pembinaan, Kementerian patut mewujudkan jawatan kader dalam perkhidmatan juruukur, arkitek dan jurutera bagi membantunya dalam hal-hal teknikal.

7.5.1.2. Hanya 76 daripada 90 hartanah Kerajaan Malaysia di luar negara telah mempunyai dokumen pemilikan hartanah yang rasmi. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, Kementerian hendaklah mendapatkan hak milik atas nama Kerajaan Malaysia bagi setiap hartanah yang dibeli. Selain itu, daftar hartanah yang kemas kini hendaklah diselenggarakan di Kementerian Luar Negeri, pejabat perwakilan dan Pejabat Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan.

7.5.1.3. Pada keseluruhannya, keadaan fizikal bangunan dan persekitaran pejabat perwakilan yang dilawati adalah kurang memuaskan akibat daripada kurang penyenggaraan, khususnya penyenggaraan *preventive*. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan yang berikut :-

a. Melakukan pemeriksaan sekurang-kurangnya setahun sekali di semua pejabat perwakilan bagi mengetahui kedudukan sebenar bangunan serta kemudahan yang perlu disenggarakan sama ada dari segi struktur, elektrik dan mekanikal.

b. Menyediakan prosedur/manual penyenggaraan hartanah yang lengkap untuk panduan/rujukan pegawai di setiap peringkat. Manual ini perlu mengandungi antara lainnya kaedah penyenggaraan, pemeriksaan tahunan dan penyediaan laporan berhubung dengan penyenggaraan yang dilaksanakan.

c. Bagi memastikan penyenggaraan hartanah di luar negara dapat dilaksanakan dengan baik, ia juga perlu dirancang dan diselia oleh pegawai berkelayakan yang mempunyai kepakaran teknikal terutamanya dalam bidang mekanikal, elektrikal, struktur atau persekitaran luar.

7.5.1.4. Tahap keselamatan di 7 pejabat perwakilan luar negara adalah kurang memuaskan dan boleh mengancam keselamatan pejabat. Sebagai contoh,

CCTV yang dipasang tidak mencukupi/tidak berfungsi, keadaan pagar yang tidak selamat dan alat penggera yang tidak berfungsi. Sehubungan ini, Kementerian hendaklah mengadakan “Pelan Tindakan Kecemasan/Bencana” yang merangkumi 3 aspek utama iaitu aspek bencana alam (kebakaran, banjir dan ribut), *humanistic factors* (pencerobohan, kecurian, ancaman keganasan) dan *ICT threats* (*hackers*, dan *viruses*). Dari segi pelaksanaannya, pihak pejabat perwakilan hendaklah mengadakan beberapa siri latihan kecemasan bagi memastikan tahap kesedaran keselamatan di tempat kerja tercapai.

7.5.1.5. Membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan kader dalam perkhidmatan juruukur, arkitek dan jurutera bagi membantu Kementerian dalam hal-hal teknikal.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

8. PROJEK UBAHSUAI DAN NAIK TARAF BANGUNAN KOMPLEKS PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI SINGAPURA

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Bangunan kompleks Pejabat Perwakilan Malaysia di Jervois Road, Singapura telah dibeli pada bulan November 1973. Bagi meningkatkan lagi imej Malaysia di negara luar dan memberi keselesaan kepada pegawai, kakitangan pejabat perwakilan serta orang ramai yang berurusan dengan pejabat berkenaan, Kementerian Luar Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM82.18 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) untuk mengubahsuai dan menaik taraf bangunan kompleks Pejabat Perwakilan Malaysia di Singapura. Projek ini melibatkan kerja pengubahsuaian bangunan canseri untuk menempatkan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan 70 anggotanya (10 pegawai *Home Based Staff* (HBS) dan 60 kakitangan ambilan tempatan), naik taraf kuarters HBS, rumah kelab, kemudahan rekreasi serta kediaman Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura.

8.1.2. Projek ini dilaksanakan secara *turnkey* oleh Syarikat Landmarks Engineering And Development Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus. Sungguhpun projek ini sepatutnya disiapkan pada bulan Mac 2005, namun ia hanya disiapkan pada bulan Januari 2006 dan kosnya telah meningkat daripada S$35.73 juta (RM82.18 juta) kepada S$36.25 juta (RM83.38 juta).

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada projek pengubahsuaian dan naik taraf bangunan kompleks Pejabat Perwakilan Malaysia di Singapura telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berhemah.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Cawangan Pembangunan Dan Hartanah, Kementerian Luar Negeri. Di samping itu, lawatan ke tapak turut dijalankan untuk meninjau pelaksanaan projek secara fizikal dan menemu bual pegawai dan kakitangan pejabat perwakilan di Singapura.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

8.4.1. Pengurusan Projek

Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek ini melibatkan beberapa cawangan berikut :-

8.4.1.1. Cawangan Pembangunan Dan Hartanah, Kementerian Luar Negeri adalah bertanggungjawab untuk menyedia, mengagih dan mengawal peruntukan pembangunan bagi projek yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi termasuk juga projek ini. Selain itu, cawangan ini juga bertanggungjawab menguruskan pembayaran projek berdasarkan kepada perakuan kemajuan pelaksanaan projek yang diterima daripada Jabatan Kerja Raya.

8.4.1.2. Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia merupakan Pengarah Projek ini. Cawangan Kerja Bangunan Awam, Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan projek termasuk meluluskan Arahan Perubahan Kerja dan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa.

8.4.1.3. Pejabat Perwakilan Malaysia di Singapura adalah juga terlibat dengan urusan pemantauan dan penyeliaan projek ini.

Pada pandangan Audit, peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dengan pengurusan projek ini telah ditunjukkan dengan jelas.

8.4.2. Kaedah Pelaksanaan

8.4.2.1. Projek ini dilaksanakan secara *turnkey* oleh syarikat Landmarks Engineering And Development Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Kementerian Kewangan secara rundingan terus. Syarikat ini adalah merupakan kontraktor kelas A yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM6 juta dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Hasil daripada rundingan harga antara Kementerian Luar Negeri dengan syarikat tersebut, kos projek dapat dikurangkan daripada S$38.17 juta (RM83.97 juta) kepada S$35.73 juta (RM78.61 juta) iaitu pengurangan sebanyak 6.4%.

8.4.2.2. JKR telah bersetuju dengan cadangan kontraktor untuk melantik 4 perunding bebas bagi menguruskan projek ini iaitu Aqidea Architect sebagai perunding arkitek yang bertanggungjawab untuk menyediakan lukisan dan memantau kerja-kerja pembinaan berdasarkan lukisan kontrak; KTA Tenaga Sdn. Bhd. dan Ranhill Consulting Sdn. Bhd. sebagai perunding-perunding jurutera yang bertanggungjawab dalam bidang sivil dan struktur serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik. Manakala Yong dan Mohamad Faiz Sdn. Bhd. sebagai perunding juruukur bahan.

Pada pandangan Audit, proses rundingan terus bagi memilih kontraktor untuk melaksanakan projek ini adalah mengikut peraturan Kerajaan yang berkaitan.

8.4.3. Perjanjian Kontrak

8.4.3.1. Perjanjian kontrak bernilai S$35.73 juta (RM82.18 juta) yang ditandatangani pada 9 Januari 2004 telah menetapkan beberapa syarat yang antara lainnya adalah seperti berikut :-

a. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai S$1.71 juta (RM3.93 juta) iaitu 5% daripada harga kontrak dalam bentuk Jaminan Bank atau Wang Jaminan Pelaksanaan di mana potongan sejumlah 10% akan dibuat daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga kontrak.

b. Kontraktor dikehendaki menyiapkan projek pada 14 Mac 2005.

c. Bayaran pendahuluan yang boleh diberikan kepada kontraktor ialah berjumlah S$4.53 juta (RM10.42 juta).

d. Tempoh Tanggungan Kecacatan ditetapkan selama 24 bulan dari tarikh penyiapan projek. Penyenggaraan adalah meliputi bangunan dan kemudahan yang disediakan/dipasang.

e. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan bagi kontrak ini iaitu S$8,218 (RM18,901) sehari akan dikenakan terhadap kontraktor sekiranya gagal melaksanakan projek mengikut jadual dan lanjutan masa tidak diluluskan.

f. Kontraktor dikehendaki mengambil insurans untuk melindungi tuntutan pampasan daripada mana-mana pihak.

8.4.3.2. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan telah diperolehi melalui Wang Jaminan Pelaksanaan iaitu membuat potongan daripada bayaran kemajuan kerja. Kontraktor juga telah mengambil insurans seperti mana yang ditetapkan di dalam kontrak.

8.4.4. Prestasi Kerja

8.4.4.1. Mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan pada bulan Mac 2005. Bagaimanapun, ia hanya dapat disiapkan pada bulan Januari 2006 iaitu selepas 3 lanjutan masa selama 312 hari yang diluluskan oleh Pengarah Projek (JKR). Semakan Audit mendapati Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa yang kedua dan ketiga telah lewat dikeluarkan iaitu selepas tarikh permulaan lanjutan masa masing-masing. Semakan Audit seterusnya mendapati lanjutan masa telah diluluskan atas beberapa faktor seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.1
LANJUTAN MASA UNTUK PROJEK UBAH SUAI DAN MENAIK TARAF BANGUNAN KOMPLEKS PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI SINGAPURA

PERKARA	TARIKH PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA	TEMPOH DILIPUTI	SEBAB
Lanjutan Masa Pertama	17 Februari 2005	15 Mac Hingga 1 Ogos 2005 (140 hari)	Mengikut Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 1 yang ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Ir. Haji Zaini Bin Omar, Ketua Pengarah Kerja Raya, lanjutan masa ini diberi kerana :- i. Kelewatan mengemukakan pelan struktur dan permit pekerja kepada Pihak Berkuasa Tempatan, *Singapura* iaitu *Urban Redevelopment Authority* untuk kelulusan. Kelewatan ini disebabkan tidak mendapat tandatangan awal daripada Datuk Parameswaran Nagalingam, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Singapura. Pengemukaan pelan hanya dibuat pada awal Januari 2004 dan kelulusan permit pekerja pula diperolehi pada 5 Februari 2004. (Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan 60 hari). ii. Terdapat 16 Arahan Perubahan Kerja (Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan 80 hari).
Lanjutan Masa Kedua	18 Ogos 2005	2 Ogos Hingga 30 November 2005 (121 hari)	Mengikut Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 2 yang ditandatangani oleh Dato' Prof. Ir. Dr. Wahid bin Omar, Ketua Pengarah Kerja Raya, lanjutan masa ini diberi kerana:- i. Masa tambahan diperlukan untuk melaksanakan arahan Pengarah Projek yang melibatkan 4 Arahan Perubahan Kerja dan penangguhan kerja akibat dari cuaca tidak menentu (Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan 105 hari). ii. Pengarah Projek (JKR) lewat memberi maklum balas atau keputusan kepada kontraktor atas sesuatu perkara terutamanya berhubung dengan pemilihan jenis kemasan dan konsep reka bentuk landskap. Perkara ini juga melibatkan pihak atasan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura (Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan 16 hari).
Lanjutan Masa Ketiga	18 Januari 2006	1 Disember 2005 Hingga 20 Januari 2006 (51 hari)	Mengikut Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa No. 3 yang ditandatangani oleh Dato' Prof. Ir. Dr. Wahid bin Omar, Ketua Pengarah Kerja Raya, lanjutan masa ini diberi kerana kelewatan memberi maklum balas dan keputusan oleh Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Singapura kepada kontraktor mengenai pemilihan lampu-lampu hiasan, kerja-kerja hasil seni untuk hiasan dalaman dan reka bentuk papan tanda arah (signage). Ini melibatkan 1 Arahan Perubahan Kerja (Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan 51 hari).

8.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati selain daripada faktor yang tersebut di **Jadual 8.1**, pelaksanaan projek ini juga menghadapi masalah seperti berikut :-

a. Tiada wakil tetap yang mentadbir kontrak sepenuh masa ditempatkan di Singapura mengakibatkan khidmat nasihat dari sudut kontrak tidak dapat diberikan segera. Begitu juga, pengesahan terhadap kerja binaan/bahan binaan hanya dapat dibuat oleh pasukan teknikal dari JKR semasa mesyuarat tapak yang diadakan sebulan sekali.

b. Kementerian Luar Negeri yang kadang kala mengambil masa untuk membuat keputusan terhadap perubahan kerja kerana ketiadaan Unit Teknikal yang khusus di Cawangan Pembangunan Dan Hartanah.

c. Struktur organisasi kontraktor yang merangkumi banyak pihak iaitu kontraktor utama Landmarks Engineering And Development Sdn. Bhd. (LED); perunding-perunding Malaysia yang melaksanakan reka bentuk; sub

kontraktor LED di Singapura iaitu Hong Kiat Construction dan perunding-perunding Singapura yang menjalankan kerja *supervision* di tapak serta urusan dengan Pihak Berkuasa Tempatan Singapura. Ini telah menimbulkan masalah koordinasi antara kesemua pihak tersebut yang turut menyebabkan kelewatan menyiapkan projek. Contohnya, perancangan lukisan reka bentuk dan pembinaan di tapak bina yang memerlukan koordinasi yang padu antara perunding Malaysia sebagai pereka bentuk dan perunding Singapura sebagai pasukan *supervision*.

8.4.4.3. Analisis Audit telah dijalankan terhadap kesemua 21 Arahan Perubahan Kerja yang diluluskan oleh Pengarah Projek yang melibatkan kos berjumlah S$1.86 juta (RM4.28 juta) dan mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Sebanyak 12 Arahan Perubahan Kerja melibatkan kos berjumlah S$1.40 juta (RM3.23 juta) telah diluluskan untuk memenuhi keperluan teknikal bagi menyesuaikan keadaan tapak dengan reka bentuk bangunan. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 8.2
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI MEMENUHI KEPERLUAN TEKNIKAL

TARIKH APK	PERIHAL ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)	KOS
29.03.04	Membekal dan memasang tambahan papan tanda projek.	S$6,136.00 **(RM14,112.80)**
29.03.04	*(a) Substrate works for Chancery and roofing to Pergola Area at GL 13-14.* (b) Kerja-kerja sistem *metal roofing*. (c) Membuat bumbung kawasan *Pergola.*	S$579,495.31 **(RM1,332,839.20)**
30.06.04	*Water proofing* pada kuarters dan lapisan tanah longkang.	S$175,830.78 **(RM404,410.79)**
17.02.05	(a) Membina dinding penahan sempadan. (b) Membina kaki pagar baru. (c) Meruntuhkan *beams and columns* yang sedia ada di Rumah Kelab.	S$105,246.75 **(RM242,067.52)**
01.03.05	Tambahan *copings* untuk melindungi tingkap dan pintu daripada faktor cuaca.	S$47,481.70 **(RM109,207.91)**
01.03.05	Kerja-kerja pembetulan pada permukaan konkrit yang rosak di bangunan canseri.	S$65,306.85 **(RM150,205.75)**
03.06.05	Menukar *panel and louvred doors* di tingkat bawah kuarters.	S$18,431.00 **(RM42,391.30)**
28.06.05	Memasang bumbung aluminium di pondok pengawal utama.	S$29,319.56 **(RM67,434.98)**
25.07.05	Menukar reka bentuk pagar berjeriji di bangunan canseri.	S$174,500.00 **(RM401,350.00)**
01.09.05	*SCV underground leads in pipes and cables between CDR/SCV rooms.*	S$128,885.90 **(RM296,437.57)**
26.09.05	Kerja-kerja tambahan di bangunan canseri seperti menukar pintu gelas tanpa bingkai di pintu masuk VIP, menukar *handle* aluminium di pintu tersebut dan membuat *Acoustic Treatment* pada siling.	S$34,512.00 **(RM79,377.60)**
26.09.05	Kerja-kerja mekanikal dan elektrikal.	S$37,199.01 **(RM85,557.72)**
JUMLAH		**S$1,402,344.86 (RM3,225,393.14)**

b. Sebanyak 7 Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan kos berjumlah S$0.32 juta (RM0.74 juta) telah diluluskan atas permintaan daripada pelanggan (pihak Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Singapura). Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 8.3
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN

TARIKH APK	PERIHAL ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)	KOS
01.03.05	Menukar *handle* tingkap tanpa kunci kepada *handle* tingkap yang berkunci.	S$6,988.04 **(RM16,072.49)**
02.06.05	Perubahan kepada *layout bunglo* Timbalan Pesuruhjaya Tinggi.	S$13,913.00 **(RM32,000.00)**
28.06.05	Meninggikan cerun keselamatan di kolam renang.	S$5,610.00 **(RM12,903.00)**
28.06.05	Menukar *premix driveway* di rumah kelab kepada hutan mini.	S$152,079.50 **(RM349,782.85)**
28.06.05	Membuat perubahan dalam bilik mandi kanak-kanak di kuarters.	S$79,250.00 **(RM182,275.00)**
23.09.05	Kerja-kerja ubah suai di banglo Timbalan Pesuruhjaya Tinggi yang melibatkan ruang tamu, dapur, bilik mandi, bilik tidur dan tingkap.	S$19,441.70 **(RM44,715.91)**
26.09.05	Kerja-kerja luaran yang melibatkan pengubahan permukaan jalan yang sedia ada bagi membolehkan pintu pagar utama di bangunan canseri dan kuarters dibuka dan ditutup dengan sempurna.	S$42,411.00 **(RM97,545.30)**
JUMLAH		**S$319,693.24 (RM735,294.55)**

c. 2 Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan kos berjumlah S$0.14 juta (RM0.31 juta) telah diluluskan bagi memenuhi kehendak Pihak Berkuasa Tempatan, Singapura. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI MEMENUHI KEHENDAK PIHAK BERKUASA TEMPATAN, SINGAPURA

TARIKH APK	PERIHAL ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)	KOS
01.03.05	Menukarkan kadar ketebalan *tinted glass* di bangunan canseri mengikut spesifikasi pihak berkuasa tempatan.	S$112,268.30 **(RM258,217.09)**
15.07.05	Membesarkan *substation* dan menjalankan kerja-kerja berkaitan.	S$24,206.10 **(RM55,674.03)**
JUMLAH		**S$136,474.40 (RM313,891.12)**

Pada pandangan Audit, perubahan-perubahan kerja yang telah dibuat itu dapat dielakkan jika projek ini dirancang dengan teliti dengan mengambil kira semua keperluan teknikal, pelanggan dan Pihak Berkuasa Tempatan, Singapura.

8.4.4.4. Projek ubahsuai dan naik taraf bangunan kompleks Pejabat Perwakilan Malaysia di Singapura telah diberi Sijil Perakuan Siap pada 20 Januari 2006 dan sehingga tarikh pengauditan, projek ini masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang akan tamat pada bulan Januari 2008. Berikut diberikan gambar-gambar yang menunjukkan beberapa contoh bangunan yang terlibat :-

GAMBAR 8.1

Kuarters Home Based Staff

GAMBAR 8.2

Rumah Kelab Yang Baru Dinaiktaraf

GAMBAR 8.3

Pondok Pengawal Di Pintu Masuk Kompleks

GAMBAR 8.4

Bangunan Canseri

8.4.4.5. Semakan Audit mendapati beberapa kerosakan dan kecacatan telah dibangkitkan oleh JKR dengan kontraktor berkenaan pada bulan September 2006 seperti kebocoran pada *skylight,* keretakan tiang pada tangga dan beberapa pintu tidak berfungsi di canseri; kebocoran di bahagian dapur dan keretakan dinding pada rumah teres; permukaan tanah di sekeliling kuarters tidak rata akibat dari kerja pemampatan tanah tidak dibuat dan suhu yang tinggi dalam bilik *Uninterrupted Power Supply* (UPS). Didapati sebahagian besar daripada kerosakan tersebut telah diperbaiki oleh kontraktor.

Pada pandangan Audit, Kementerian dan JKR perlu memantau kedudukan projek bagi memastikan semua kerosakan diambil tindakan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

8.4.5. Bayaran Kepada Kontraktor

Sehingga bulan Disember 2006, Kementerian Luar Negeri telah membelanjakan S$31.20 juta (RM71.77 juta) daripada kos projek berjumlah S$36.25 juta (RM83.38 juta). Daripada jumlah ini, sejumlah S$30.57 juta (RM70.33 juta) adalah bayaran kepada kontraktor dan S$0.63 juta (RM1.44 juta) untuk perkhidmatan perunding. Semakan Audit mendapati beberapa bayaran kemajuan kerja lewat dibuat. Sebagai contoh, 5 bayaran kemajuan kerja berjumlah S$4.79 juta (RM11.01 juta) hanya dibayar antara 63 hari hingga 111 hari dari tarikh tuntutan diterima daripada kontraktor berkenaan. Punca utama kelewatan bayaran tersebut adalah kerana tiada pegawai JKR yang tetap berada di Singapura untuk mengawasi dan memperakui kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Semakan Audit juga mendapati sepanjang tempoh pelaksanaan projek berkenaan, lawatan pegawai JKR hanya dilakukan sebulan sekali atau mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Berikut diberikan butiran mengenai kelewatan pembayaran :-

JADUAL 8.5
KELEWATAN PEMBAYARAN KEPADA KONTRAKTOR

TARIKH TUNTUTAN KONTRAKTOR	TARIKH PERAKUAN JKR	AMAUN DIPERAKUKAN	TARIKH BAYARAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
06.01.04	01.03.04	S$154,535 **(RM355,431)**	12.03.04	85
10.05.04	12.08.04	S$683,468 **(RM1,571,976)**	19.08.04	101
19.10.04	15.12.04	S$369,100 **(RM848,930)**	21.12.04	63

TARIKH TUNTUTAN KONTRAKTOR	TARIKH PERAKUAN JKR	AMAUN DIPERAKUKAN	TARIKH BAYARAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
10.11.04	08.02.05	S$2,511,100 **(RM5,775,530)**	01.03.05	111
04.01.05	08.02.05	S$1,070,490 **(RM2,462,127)**	08.04.05	94
JUMLAH		S$4,788,693 **(RM11,013,994)**		

Pada pandangan Audit, JKR sepatutnya memastikan bayaran dijelaskan dalam tempoh seperti mana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan. Sehubungan ini, JKR sepatutnya menempatkan pegawai di Singapura secara sepenuh masa sepanjang pelaksanaan projek bagi mengawasi dan memperakui kerja-kerja yang telah dilaksanakan.

8.4.6. Pemantauan

8.4.6.1. Kemajuan projek ini dipantau melalui Sistem Pemantauan Projek II yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

8.4.6.2. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Luar Negeri telah diadakan sebanyak 11 kali bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Semakan Audit mendapati kesemua mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian kecuali 3 mesyuarat pada tahun 2004 yang dipengerusikan oleh Menteri Luar Negeri. Perbincangan mesyuarat meliputi semua aspek pembangunan hartanah di luar negara.

8.4.6.3. Seperti mana yang dibangkitkan di **perenggan 8.4.5.**, pemantauan dari JKR perlu dipertingkatkan dengan menempatkan pegawai JKR di Singapura secara sepenuh masa sepanjang pelaksanaan projek.

8.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

8.5.1. Pada umumnya, terdapat kelemahan di peringkat perancangan dan pelaksanaan projek ini. Akibat daripada perancangan yang kurang teliti, sebanyak 21 Arahan Perubahan Kerja (APK) melibatkan kos berjumlah S$1.86 juta (RM4.28 juta) terpaksa diluluskan. Ini telah menyebabkan projek ini lewat disiapkan selama 10 bulan dan setakat ini kos projek telah meningkat sejumlah S$0.52 juta bersamaan RM1.20 juta (akaun muktamad belum disediakan). Kelewatan menyiapkan projek ini juga berpunca daripada kelewatan menerima maklum balas yang diperlukan oleh kontraktor daripada pihak JKR/Kementerian Luar Negeri/Pejabat Perwakilan Malaysia di Singapura. Ketiadaan pegawai JKR ditempatkan sepenuh masa di Singapura juga menyebabkan beberapa bayaran kemajuan lewat dibuat.

8.5.2. Memandangkan Kementerian Luar Negeri mempunyai beberapa projek pembangunan hartanah di bawah RMK-9, Kementerian ini perlu mengambil iktibar daripada kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan projek ubah suai dan naik taraf bangunan kompleks Pejabat Perwakilan di Singapura. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pegawai JKR ditempatkan sepenuh masa di tapak projek bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di luar negara bagi memastikan kerja-kerja dipantau dengan baik.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

9. PENGURUSAN SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (Skim) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1979. Objektif utama Skim ini adalah untuk:-

a. Mengurangkan kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh pesawah akibat daripada kenaikan kos input buruh serta alat/mesin;

b. Memodenkan aktiviti tanaman padi dengan penggunaan baja berkualiti yang ekonomi, sistematik dan berkesan;

c. Meningkatkan pengeluaran hasil padi dan dapat menambahkan pendapatan penanam padi; dan

d. Sebagai insentif kepada petani mengusahakan tanaman sawah bagi meningkatkan pengeluaran padi negara di samping mengurangkan pengimportan beras.

9.1.2. Tumpuan utama pelaksanaan Skim ini adalah di kawasan penanaman padi dua musim setahun. Bagaimanapun, Skim ini juga dilaksanakan di kawasan penanaman padi satu musim. Pada tahun 2001, Skim ini telah diperluaskan kepada pengusaha, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan jabatan/agensi Kerajaan yang mengusahakan dan menyelaras tanaman padi secara kelompok, mini estet dan estet di kawasan sedia ada ke Sabah dan Sarawak.

9.1.3. Sehingga akhir tahun 2006, pelaksanaan Skim ini telah dapat memberi faedah kepada 292,425 pesawah/pengusaha yang mengusahakan 909,306 ekar sawah padi setiap musim. Sebanyak 236,699 tan metrik baja bernilai RM285.09 juta telah dibekalkan kepada pesawah/pengusaha melalui 193 PPK.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 (musim 1/2006). Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Industri Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan

Industri Asas Tani; Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); Pejabat LPP Negeri Perak; Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah; Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kelantan; Jabatan Pertanian Sarawak dan Ibu Pejabat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Selain itu, lawatan fizikal, temu bual dan soal selidik juga telah dilaksanakan.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga November 2006 mendapati perkara berikut :-

9.4.1. Pengurusan Skim

a. Di peringkat Kementerian, pengurusan Skim ini diletakkan di Bahagian Industri Padi Dan Beras yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Gred JUSA C. Bahagian ini mempunyai 2 unit iaitu Unit Kawal Selia Padi Dan Beras; dan Unit Industri Padi Dan Beras yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Bahagian Gred M54. Sehingga bulan Disember 2006, sejumlah 15 daripada 17 jawatan yang diluluskan di Bahagian ini telah diisi. Struktur organisasi Bahagian tersebut adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 9.1
STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



b. Pengendalian Skim ini melibatkan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani sebagai yang menetapkan dasar dan beberapa jabatan/agensi di bawahnya. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak adalah penyelia kepada Skim ini. Manakala Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berperanan sebagai pembekal baja dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai stokis yang membuat pesanan dan pengedaran baja kepada pesawah/pengusaha. Semua Jabatan Pertanian di negeri pula dipertanggungjawabkan untuk menganalisis sampel

kandungan baja bagi memastikan kualiti baja menepati spesifikasi. Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pula berperanan menentukan formulasi baja yang akan digunakan. Proses pengendalian Skim ini ditunjukkan di carta berikut :-

CARTA 9.2
HUBUNGKAIT PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PENGENDALIAN SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN



c. Bagi memantapkan penyeliaan Skim ini, Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan ditubuhkan di Ibu Pejabat LPP yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah LPP dan dianggotai oleh wakil Kementerian, NAFAS, Jabatan Pertanian, KADA, MADA dan pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat 3 kali setahun dan perkara yang dibincangkan adalah seperti peruntukan dan bayaran perkhidmatan; pesanan, penerimaan dan penghantaran baja; stok, pelupusan dan kualiti baja.

d. Bagi memperkemaskan lagi pengurusan Skim ini, 5 jawatankuasa di peringkat zon telah ditubuhkan. Zon Utara, Tengah, Timur dan Sabah masing-masingnya dipengerusikan oleh Pengarah LPP Kedah, Perak, Kelantan dan Sabah. Manakala Zon Sarawak dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Institusi Peladang, Jabatan Pertanian Sarawak. Jawatankuasa ini dikehendaki bermesyuarat sebanyak 3 kali setahun dan diadakan sebelum mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan. Keanggotaan jawatankuasa tersebut melibatkan Pengarah LPP Negeri, Jabatan Pertanian Sarawak serta wakil jabatan dan agensi di bawah Kementerian ini di zon berkenaan. Struktur Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 9.3
JAWATANKUASA PENYELIAAN PERINGKAT ZON



Nota: (P) - Pengerusi

e. Di peringkat agensi pelaksana, pengurusan Skim ini dipertanggungjawabkan kepada Pengarah Bahagian atau Ketua Unit dan dibantu oleh beberapa pegawai lain. Kedudukan bilangan pegawai mengikut agensi adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.1
PENGURUSAN SKIM MENGIKUT AGENSI PELAKSANA

AGENSI PELAKSANA	BAHAGIAN/UNIT BERTANGGUNGJAWAB	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB		PEGAWAI PEMBANTU		JUMLAH PEGAWAI TERLIBAT
		JAWATAN	GRED	GRED	BIL.	
Ibu Pejabat LPP	Bahagian Perniagaantani	Pengarah Bahagian	E52	E41 E32	1 1	3
LPP Perak	Unit Perniagaantani	Ketua Unit	E41	E27 N17	1 1	3
LPP Selangor	Unit Perniagaantani	Ketua Unit	E27	E17	1	2
MADA	Bahagian Pertanian	Pengarah Bahagian	G54	G52 G32 G17 N17	1 1 1 5	9
KADA	Bahagian Pertanian	Pengarah Bahagian	G52	G41 N17	1 1	3
Jabatan Pertanian Sarawak	Bahagian Institusi Peladang	Ketua Penolong Pengarah	G54	G48 G27	1 1	3

Pada pandangan Audit, Kementerian, Jabatan dan agensi pelaksana telah mewujudkan struktur yang sesuai untuk membolehkannya menguruskan pelaksanaan Skim baja padi ini.

9.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan Skim

Pengurusan Skim ini dibiayai daripada peruntukan mengurus. Kementerian mengenal pasti jumlah yang diperlukan setelah mengambil kira pelbagai faktor seperti keluasan tanaman padi, keperluan baja dan kos pengedaran baja. Peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Skim ini bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah sejumlah RM763.39 juta. Manakala sejumlah RM761.21 juta telah dibelanjakan bagi

melaksanakan Skim ini yang meliputi bayaran bekalan baja kepada NAFAS dan bayaran komisen pengedaran baja kepada PPK. **Semakan Audit mendapati bayaran ini telah dibuat mengikut syarat kontrak. Semakan lanjut mendapati perbelanjaan bagi tahun 2006 telah meningkat sebanyak 122.6% berbanding tahun 2005 kerana Kementerian telah membayar RM103.78 juta kepada NAFAS untuk pelarasan kenaikan harga baja.** Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	% PERBELANJAAN
2004	188.00	186.75	99.3
2005	179.00	178.07	99.5
2006	396.39	396.39	100.0
JUMLAH	**763.39**	**761.21**	**99.7**

9.4.3. Syarat Kontrak

9.4.3.1. Kontrak yang ditandatangani antara Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan NAFAS bagi pembekalan baja padi di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan telah menetapkan beberapa syarat, antara lainnya adalah seperti berikut :-

a. NAFAS dipertanggungjawabkan membekalkan baja berkualiti mengikut berat dan spesifikasi serta menghantar baja dalam tempoh 3 minggu dari tarikh baja diperlukan oleh PPK.

b. Denda akan dikenakan atas kelewatan bekalan baja pada kadar RM10.00/tan/hari.

c. Ujian persampelan akan dijalankan oleh Kementerian atau wakilnya bagi memastikan kualiti baja menepati spesifikasi.

d. NAFAS dikehendaki melantik dan membuat perjanjian dengan semua stokis (PPK).

e. NAFAS perlu memastikan semua rekod serta dokumen yang berkaitan dengan urusan Skim diselenggara untuk memudahkan rujukan. Rekod yang hendak dimusnahkan perlu mendapat kelulusan Kementerian.

9.4.3.2. Arahan Perbendaharaan 176.2 menetapkan sebelum kontrak bekalan atau perkhidmatan disempurnakan, kontraktor yang berjaya hendaklah menyediakan Bon Pelaksanaan. Di samping itu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995 juga menetapkan kontrak bekalan/perkhidmatan untuk tempoh 2 tahun atau lebih yang bernilai melebihi RM500,000, peratus Bon Pelaksanaannya hendaklah dikira mengikut anggaran kontrak bagi satu tahun sahaja. Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah dikemukakan dalam bentuk jaminan bank dari bank yang berdaftar di Malaysia serta tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh kontrak dimulakan

sehingga tarikh tamat kontrak. Semakan Audit terhadap kontrak yang ditandatangani antara Kementerian dan NAFAS mendapati Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak tidak dimasukkan sebagai syarat kontrak.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan segera bagi mendapatkan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai kontrak setahun dan memastikan ia dimasukkan sebagai syarat kontrak pada masa akan datang bagi melindungi kepentingan Kerajaan.

9.4.4. Pematuhan Kepada Syarat Kontrak

a. Mengikut syarat kontrak, NAFAS hendaklah membekalkan baja dalam tempoh 3 minggu dari tarikh baja diperlukan oleh PPK. Bagaimanapun jika bekalan tidak dapat dibuat dalam tempoh tersebut, NAFAS perlu memohon lanjutan masa daripada PPK secara bertulis. Denda akan dikenakan sekiranya baja tidak dibekalkan dalam tempoh 21 hari. Namun demikian, Manual Pelaksanaan Skim pula menetapkan denda kelewatan pembekalan baja perlu dikenakan selepas 30 hari dari tarikh ianya diperlukan. **Semakan Audit terhadap Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim mendapati kelewatan pembekalan baja hanya berlaku di Zon Tengah sahaja**. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, denda lewat membekalkan baja berjumlah RM864,029 bagi zon berkenaan perlu dikenakan kepada NAFAS. **Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pengiraan denda lewat bekalan baja tersebut tidak mengikut bilangan hari yang ditetapkan dalam kontrak (selepas 21 hari) sebaliknya ia dikira berdasarkan bilangan hari yang ditetapkan dalam Manual Pelaksanaan Skim iaitu 30 hari selepas baja berkenaan diperlukan**. Mengikut perkiraan Audit, denda lewat membekalkan baja yang sepatutnya dikenakan adalah RM1.69 juta iaitu kurang RM0.83 juta daripada jumlah yang telah dikenakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.3
DENDA LEWAT MEMBEKALKAN BAJA
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

ZON	TAHUN	JUMLAH BAJA	BIL. HARI LEWAT	DENDA DIKENAKAN	DENDA KELEWATAN TIDAK DIAMBIL KIRA (RM10/HARI X TM)		JUMLAH DENDA YANG SEPATUTNYA DIKENAKAN
		(TM)	(HARI)	(RM)	HARI	(RM)	(RM)
Tengah	2004	2,387	10 - 135	32,419	9	214,852	247,271
	2005	3,646	1 - 55	531,501	9	328,134	859,635
	2006	3,172	1 - 51	300,109	9	285,543	585,652
JUMLAH		9,205		864,029		828,529	1,692,558

Nota : TM - Tan Metrik

Pada pandangan Audit, pengiraan denda lewat membekalkan baja perlu dibuat berdasarkan syarat kontrak dan bukan Manual Pelaksanaan Skim. Kementerian perlu mengambil tindakan bagi mendapatkan jumlah denda yang sepatutnya daripada NAFAS dengan segera.

b. Mengikut syarat kontrak, NAFAS dikehendaki melantik dan membuat perjanjian dengan semua stokis bagi melaksanakan pengurusan Skim ini. Semakan Audit mendapati NAFAS telah melantik PPK bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia sebagai stokis dan perjanjian mengenainya telah ditandatangani. Bagaimanapun, pelantikan sebagai stokis dan perjanjian antara NAFAS dengan PPK di Sabah hanya ditandatangani pada bulan Disember 2006 dan di Sarawak pada bulan Mac 2007 walaupun pengedaran baja di kedua-dua negeri tersebut telah dilakukan sejak tahun 2001.

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya memastikan perjanjian rasmi ditandatangani antara PPK dan NAFAS sebelum pengedaran baja dilakukan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

9.4.5. Kriteria Pemberian Baja

a. Mengikut Manual Pelaksanaan Skim, semua pesawah/pengusaha yang mengusahakan sawah; badan/agensi Kerajaan yang mengusaha dan menyelaraskan penanaman padi secara berkelompok, estet dan mini estet dengan keluasan maksimum 25 ekar (10 hektar) adalah layak untuk menerima subsidi baja. Bagaimanapun, projek usaha sama antara jabatan/agensi Kerajaan dengan pihak swasta adalah tidak layak menerimanya. Baja yang dibekalkan adalah sebanyak 5 beg baja Sebatian dan 2 beg baja Urea yang berat setiap satunya 20 kg bagi setiap ekar yang diluluskan.

b. Pesawah/pengusaha individu perlu mendaftar sebagai peserta Skim ini bagi melayakkan mereka menerima bantuan baja dan pendaftaran tersebut tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut :-

   i. Warganegara Malaysia;

   ii. Berumur 18 tahun ke atas;

   iii. Memiliki tanah bergeran atau surat pengesahan Pentadbir Tanah yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah/Pemungut Hasil Tanah;

   iv. Pesawah/pengusaha yang menyewa tanah bergeran atau tanah yang mempunyai surat arahan pengukuran (termasuk tanah adat bagi Negeri Sembilan dan Sarawak);

   v. Tidak mendapat bantuan subsidi baja padi dari pihak lain seperti Kerajaan Negeri; dan

   vi. Syarat lain yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pada pandangan Audit, kriteria yang ditetapkan bagi pemberian baja adalah memadai untuk memastikan pihak yang layak mendapat bantuan ini.

9.4.6. Pendaftaran Pesawah/Pengusaha

a. Surat hebahan mengenai aktiviti pendaftaran pesawah/pengusaha dikeluarkan oleh PPK melalui Ketua Unit Peladang, Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) dan Imam Masjid yang memaklumkan tempoh dan tempat pendaftaran. Surat tersebut juga menyatakan borang permohonan pendaftaran mesti disertakan dengan salinan dokumen seperti kad pengenalan, geran tanah/bil hasil tanah/surat sewa/pajakan tanah atau dokumen lain bagi menyokong permohonan. **Semakan Audit mendapati kesemua 15 PPK yang dilawati telah mengeluarkan surat hebahan tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit di 3 PPK di Sarawak mendapati borang permohonan pendaftaran yang dikemukakan tidak disertakan dengan salinan dokumen yang ditetapkan.** Pihak Audit dimaklumkan kebanyakan tanah yang diusahakan untuk tanaman padi adalah merupakan tanah adat yang tiada hakmilik. Ketiadaan hakmilik ini menyebabkan keluasan tanah tidak dapat dipastikan dan pemberian baja yang diluluskan hanya berdasarkan anggaran yang dibuat oleh pesawah yang mana tidak mengikut keluasan tanah yang diusahakan sebenar.

b. Setiap permohonan hendaklah disahkan oleh 2 pihak yang terdiri daripada Penghulu/Penggawa, Ketua Kampung, Pengerusi/Setiausaha JKKK, Ketua Unit Peladang atau Imam/Amil Zakat. Pengesahan ini adalah untuk memastikan kesahihan maklumat pendaftaran peserta. **Semakan Audit terhadap borang permohonan pendaftaran di 3 PPK KADA mendapati pihak yang mengesahkan permohonan adalah merupakan Penyelia Pembangunan Mukim (PPM) dan bukannya mereka yang ditetapkan pada borang tersebut. Pihak Audit dimaklumkan semua permohonan pendaftaran mesti disahkan oleh PPM.**

c. Permohonan yang telah disahkan akan diproses oleh Urusetia Pendaftaran sebelum diluluskan oleh Jawatankuasa Penapis. Jawatankuasa ini diwujudkan di peringkat PPK dengan dipengerusikan oleh Pengarah LPP Negeri/Jabatan Pertanian Sarawak/Pengurus Besar KADA/MADA serta keahliannya terdiri dari Pegawai Daerah, Pengerusi PPK/Ahli Jemaah Pengarah, Pegawai Pertanian Daerah dan Pengurus Besar PPK. Jawatankuasa ini bertanggungjawab membuat tapisan terhadap semua permohonan dan memperakukan pesawah yang layak menerima bantuan serta menentukan jumlah baja yang akan diberikan. Pengesahan semakan pendaftaran akan dilakukan setiap 2 musim penanaman atau sekali setahun. **Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini telah menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan baik.**

d. Mengikut Manual Pelaksanaan Skim, Jawatankuasa Penapis hendaklah melantik Pegawai Pemeriksa di kalangan Pengurus Bahagian PPK dan Pembantu Pertanian untuk melakukan pemeriksaan fizikal ke atas lot tanah bagi pendaftaran baru dan semakan semula pendaftaran. Hasil siasatan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Penapis bagi membolehkan keputusan tentang permohonan pendaftaran dibuat. **Semakan Audit mendapati Pegawai Pemeriksa telah dilantik oleh Jawatankuasa Penapis di semua PPK yang dilawati dan pemeriksaan fizikal telah dijalankan.**

e. Setiap PPK dikehendaki menyelenggara satu Daftar Pesawah mengikut kawasan pengendalian dan daerah bagi merekodkan semua maklumat pesawah yang telah diluluskan dan daftar tersebut perlu sentiasa dikemas kini. Ringkasan Maklumat Peladang hendaklah disediakan mengikut mukim dan Kad Bantuan juga perlu dikeluarkan kepada setiap pesawah yang diluluskan. **Semakan Audit mendapati Daftar Pesawah telah diselenggarakan dengan kemas kini oleh semua PPK.**

f. Proses pendaftaran pesawah/pengusaha di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan dapat diringkaskan seperti di carta berikut :-

CARTA 9.4
PROSES PENDAFTARAN PESAWAH/PENGUSAHA



9.4.7. Keperluan Baja

Mengikut Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi, anggaran keperluan baja mengikut musim perlu disediakan oleh setiap PPK dan dikemukakan ke LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak bersama Daftar Pesawah dan Ringkasan Maklumat Pesawah sebelum 15 November setiap tahun. Agensi berkenaan seterusnya membuat rumusan anggaran keperluan bagi semua PPK di

bawahnya dan mengemukakan anggaran tersebut kepada Kementerian sebelum 15 Disember setiap tahun. **Lawatan Audit mendapati peraturan ini telah dipatuhi di semua PPK yang dilawati. Anggaran keperluan baja tersebut telah disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan.**

9.4.8. Pesanan Baja

Pesanan baja dibuat oleh PPK mengikut musim penanaman dan jumlah keperluan adalah berdasarkan Daftar Pesawah yang diluluskan serta baki stok simpanan baja. Tarikh penghantaran akan dimaklumkan oleh NAFAS kepada setiap PPK. Penangguhan atau penjadualan semula penghantaran baja boleh dilakukan jika stor tidak dapat menampung bekalan disebabkan pengedaran masih belum selesai sepenuhnya atau terdapat penangguhan musim penanaman. PPK akan mengemukakan notis secara bertulis kepada pembekal mengenai penjadualan semula ini. Notis bertulis pembatalan pesanan juga boleh dibuat atas sebab yang tidak dapat dielakkan seperti banjir dan bencana. **Pihak Audit mendapati kaedah pesanan baja yang ditetapkan telah dipatuhi oleh NAFAS dan 15 PPK yang dilawati. Bagaimanapun, 6 PPK di bawah seliaan MADA dan KADA tidak mengambil kira baki baja di stor masing-masing sebelum membuat pesanan baja musim seterusnya. Ini akan menyukarkannya menetapkan kuantiti stok baja yang boleh disimpan seperti mana yang ditetapkan dalam Manual Pelaksanaan Skim.**

9.4.9. Terimaan Baja

Mengikut syarat kontrak, timbangan berat baja dibuat secara rambang oleh PPK bagi memastikan setiap beg beratnya tidak kurang 20 kilogram. Bilangan sampel baja yang perlu ditimbang bagi setiap penghantaran ialah 3% dan sebarang kekurangan berat hendaklah dimaklumkan kepada NAFAS dan LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak. **Semakan Audit di PPK yang dilawati mendapati semua stor mempunyai alat penimbang. Pihak Audit dimaklumkan timbangan berat beberapa sampel beg baja telah dibuat sebelum penerimaan baja disahkan bagi setiap penghantaran baja. Bagaimanapun, rekod mengenai timbangan berat baja hanya diselenggarakan di 3 PPK MADA. Sebaliknya di PPK KADA, LPP Perak, LPP Selangor dan Jabatan Pertanian Sarawak, daftar berkenaan tidak diselenggarakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada terdapat kes berat baja kurang daripada 20 kilogram bagi setiap beg.**

9.4.10. Kawalan Kualiti Baja

a. Mengikut syarat kontrak dan Manual Pelaksanaan Skim, Kementerian atau wakilnya hendaklah menjalankan analisis kualiti baja bagi menentukan ianya mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan. Kaedah analisis yang

dijalankan adalah berdasarkan persampelan dan keputusan analisis berkenaan perlu diserahkan kepada PPK. **Semakan Audit terhadap 15 PPK yang dilawati mendapati tiada rekod diselenggara berhubung pengambilan sampel baja untuk dianalisis oleh Jabatan Pertanian.** Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas daripada pegawai PPK berkenaan didapati pengambilan sampel tidak dilakukan secara konsisten iaitu pada setiap penghantaran atau sekurang-kurangnya sekali pada setiap musim seperti mana yang dikehendaki oleh syarat kontrak. **Keadaan ini menyebabkan baja yang diterima tidak dapat dipastikan kualitinya dan seterusnya menyukarkan Kementerian menguatkuasakan syarat pengenaan denda sekiranya kualiti baja yang dibekalkan tidak memenuhi syarat kontrak.**

b. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, jumlah baja yang dibekalkan adalah 487,087 tan metrik baja Sebatian dan 194,045 tan metrik baja Urea bernilai RM608.19 juta. Berdasarkan kepada 17,287 tan metrik sampel baja Sebatian bernilai RM16.89 juta yang dianalisis bagi tempoh yang sama (3.6% daripada bekalan baja yang diterima), Kementerian telah mengenakan penalti berjumlah RM294,309 terhadap NAFAS kerana kegagalannya membekalkan baja mengikut spesifikasi. Manakala hasil analisis sampel baja Urea pula mendapati baja yang dibekalkan telah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. **Sekiranya pengambilan sampel dan analisis dilakukan secara konsisten bagi setiap penghantaran atau sekali pada setiap musim, jumlah denda yang boleh dikenakan terhadap NAFAS adalah lebih besar.**

c. Semakan selanjutnya mendapati RM279,290 daripada RM294,309 bayaran penalti yang dikenakan oleh Kementerian bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 masih belum dijelaskan oleh NAFAS. **Pada pandangan Audit, jumlah ini hendaklah didapatkan daripada bayaran pembekalan baja.**

9.4.11. Penyimpanan Baja

a. Syarat kontrak menetapkan NAFAS hendaklah memastikan setiap stokis yang dilantik mempunyai stor yang baik untuk menyimpan baja. **Lawatan Audit mendapati stor PPK Sungai Manik, Perak dan Arau, Perlis serta Tanjung Karang, Selangor berada dalam keadaan usang dan tidak selamat untuk menyimpan baja.** Keadaan ini boleh menyebabkan baja yang disimpan menjadi rosak akibat hujan dan boleh menyebabkan kehilangan baja kerana besi jeriji, pintu serta dinding stor ada yang telah rosak dan uzur. Bagaimanapun, lawatan Audit di PPK Arau mendapati pembinaan stor baru sedang dijalankan. Gambar berikut menunjukkan keadaan stor PPK yang usang :-

GAMBAR 9.1

PPK Sungai Manik, Perak (Stor Chenderung Balai)
- Besi Jeriji Rosak

GAMBAR 9.2

PPK Sungai Manik, Perak (Stor Chikus)
- Dinding Usang

GAMBAR 9.3

PPK Arau, Perlis
- Dinding Zink Yang Usang

GAMBAR 9.4

PPK Tanjung Karang, Selangor
- Keadaan Stor Uzur Dan Tidak Selamat

Pada pandangan Audit, NAFAS dan agensi yang bertanggungjawab perlu memastikan PPK di bawah seliaan masing-masing mempunyai stor yang baik dan selamat bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian akibat kerosakan atau kehilangan baja.

b. Menurut syarat kontrak, baja yang diterima hendaklah disimpan di stor PPK dengan mengasingkan antara baja Sebatian dan Urea secara teratur. PPK juga hendaklah mengamalkan sistem pengurusan stor secara masuk dahulu keluar dahulu (FIFO). Bagi tujuan ini, baja hendaklah diletakkan mengikut susunan yang telah ditetapkan. Lawatan Audit di 15 PPK mendapati kaedah penyusunan yang ditetapkan itu hanya dapat dilaksanakan di 3 PPK di Selangor kerana urusan penyimpanan dan pengeluaran baja dibuat menggunakan *forklif.* Bagi PPK yang lain, kaedah penyusunan yang ditetapkan tidak dapat dilaksanakan kerana urusan penyimpanan dan pengeluaran baja dilaksanakan secara manual. **Kegagalan melaksanakan sistem FIFO menyebabkan ada di antara baja berkenaan disimpan dalam tempoh yang lama dan mengalami kerosakan.**

c. Selain itu, didapati beberapa kelemahan lain dalam penyimpanan baja. Sebagai contoh, PPK Sungai Besar, Selangor menyimpan baja di luar stor. Manakala PPK Arau, Perlis pula menyimpan baja bersama bahan lain yang mudah

terbakar. Keadaan ini bukan sahaja boleh menyebabkan baja berkenaan rosak malahan dicuri dan ini akan menjejaskan pengedarannya kepada pesawah. Gambar berikut menunjukkan penyimpanan baja di stor PPK yang tidak dibuat dengan teratur :-

GAMBAR 9.5

PPK Arau, Perlis
- Bahan Mudah Terbakar Disimpan Di Dalam Stor Baja

GAMBAR 9.6

PPK Sungai Manik, Perak
- Baja Tidak Disusun Dengan Teratur

GAMBAR 9.7

PPK Sungai Besar, Selangor
- Baja Diletakkan Di Luar Stor

d. Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan menetapkan stok baja yang boleh disimpan di stor PPK pada sesuatu masa selepas selesai musim penanaman adalah sebanyak 2% daripada jumlah keperluan atau 500 beg yang mana terendah. **Semakan Audit mendapati di 9 PPK yang dilawati iaitu di Perak, MADA dan KADA tidak mematuhi syarat tersebut iaitu stok yang disimpan adalah melebihi 500 beg.** Lebihan ini berlaku disebabkan pesanan yang dibuat tidak mengambil kira jumlah stok sedia ada dan terdapat pesawah yang tidak mengambil baja pada musim tersebut. Penyimpanan stok yang berlebihan boleh menyebabkan baja rosak dan mutunya akan terjejas. Kedudukan stok penyimpanan baja bagi 15 PPK yang dilawati adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.4
KEDUDUKAN PENYIMPANAN STOK BAJA DI STOR PPK

NEGERI/PPK	TARIKH LAWATAN	STOK FIZIKAL		CATATAN
		SEBATIAN (BEG)	UREA (BEG)	
PERAK				
PPK Sungai Manik PPK Seberang Perak PPK Tanjung Piandang	13.06.2006 14.06.2006 15.06.2006	1,425 0 0	13 0 0	Musim penanaman di PPK Sungai Manik ditangguhkan.

NEGERI/PPK	TARIKH LAWATAN	STOK FIZIKAL		CATATAN
		SEBATIAN (BEG)	UREA (BEG)	
KEDAH (MADA)				
PPK Sri Pantai PPK Permatang Buluh PPK Arau	10.07.2006 11.07.2006 12.07.2006	1,713 856 1,066	660 1,069 418	
KELANTAN (KADA)				
PPK Bukit Jawa, Pasir Puteh PPK Alor Mas, Pasir Mas PPK Bakat Baru, Tumpat	04.09.2006 05.09.2006 06.09.2006	2,438 154 4,052	649 102 1,385	

Agensi pelaksana hendaklah sentiasa membuat pemantauan terhadap stor PPK di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan penyimpanan baja dibuat dengan teratur dan selamat. Manakala bagi stor PPK yang mempunyai baki baja selepas akhir musim disarankan menggunakan sistem pengurusan stok FIFO bagi mengelakkan kerosakan baja yang akan digunakan untuk musim seterusnya.

9.4.12. Pengedaran Baja

a. Semakan Audit terhadap Laporan Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah 681,133 tan metrik baja telah dibekalkan kepada pesawah/pengusaha berdaftar. Prestasi pengedaran baja melalui Skim ini telah meningkat sebanyak 9,925 tan metrik pada tahun 2005 dan 9,520 tan metrik bagi tahun 2006. Sehingga akhir tahun 2006, pesawah/pengusaha yang berdaftar dalam Skim ini berjumlah 292,425 orang. Kedudukan pengedaran mengikut zon adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.5
PRESTASI PENGEDARAN BAJA
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	ZON	BIL. PESAWAH/ PENGUSAHA	KELUASAN TANAH (EKAR)	PENGEDARAN BAJA			JUMLAH KOS BAJA (RM)
				SEBATIAN (TAN METRIK)	UREA (TAN METRIK)	JUMLAH (TAN METRIK)	
2004	Utara	101,634	395,910	78,178	31,410	109,588	74,420,384
	Tengah	44,160	166,535	32,832	12,991	45,823	31,281,233
	Timur	64,192	194,284	34,259	13,803	48,062	40,070,976
	Sabah	22,173	72,453	7,166	2,956	10,122	7,525,148
	Sarawak	73,994	251,034	1,688	1,971	3,659	3,009,735
Jumlah		**306,153**	**1,080,216**	**154,123**	**63,131**	**217,254**	**156,307,476**
2005	Utara	100,056	398,495	78,608	31,418	110,027	75,147,223
	Tengah	46,681	172,366	33,018	13,181	46,198	31,905,007
	Timur	37,937	133,283	32,548	13,262	45,810	38,334,697
	Sabah	5,022	17,852	7,057	2,934	9,991	7,838,529
	Sarawak	64,119	52,987	10,047	5,106	15,153	13,573,464
Jumlah		**253,815**	**774,983**	**161,279**	**65,901**	**227,179**	**166,798,920**
2006	Utara	97,288	394,378	87,057	31,584	118,641	137,756,246
	Tengah	45,688	174,356	32,437	12,915	45,352	52,653,495
	Timur	51,250	189,076	33,202	13,002	46,204	56,547,216
	Sabah	34,080	98,509	7,357	2,729	10,086	14,538,910
	Sarawak	64,119	52,987	11,632	4,783	16,416	23,592,119
Jumlah		**292,425**	**909,306**	**171,686**	**65,013**	**236,699**	**285,087,986**
JUMLAH BESAR				**487,087**	**194,045**	**681,132**	**608,194,382**

b. Mengikut Manual Pelaksanaan Skim, PPK perlu menyemak senarai pesawah berdaftar mengikut Kad Bantuan yang dikemukakan oleh pesawah sebelum pengedaran baja dilakukan. Semasa penerimaan baja, pesawah akan membuat akuan penerimaan pada resit penerimaan baja dan pengesahan dibuat oleh PPK atau Ketua Unit Peladang sebagai saksi. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

   i. Mengikut amalan, pesawah telah diminta menandatangani resit terimaan dan pengesahan dibuat oleh PPK atau Ketua Unit Peladang terlebih dahulu sungguhpun baja belum diterima oleh pesawah berkenaan.

   ii. **Lawatan Audit ke PPK Bukit Jawa, Alor Mas dan Bakat Baru, Kelantan mendapati semua resit penerimaan baja hanya boleh disahkan oleh Penyelia Pembangunan Mukim (PPM) iaitu Penghulu/wakil Kerajaan Persekutuan.** Pengesahan oleh PPM sebelum pengedaran baja dilakukan menyebabkan ada pesawah/pengusaha tidak dapat mengambil baja kerana resit penerimaan mereka enggan ditandatangani oleh PPM atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu, ada baja yang tidak diedarkan kepada pesawah/pengusaha dan terpaksa disimpan di dalam stor PPK.

   iii. Semakan seterusnya mendapati PPM mengenakan bayaran antara RM0.10 hingga RM0.25 bagi setiap beg terhadap pesawah/pengusaha untuk mengesahkan resit penerimaan baja. Bayaran tersebut dikutip oleh PPK yang kemudiannya mengagihkan bayaran tersebut kepada PPM berkenaan. Mengikut perkiraan Audit, bagi tempoh tahun 2004 hingga musim 1/2006 adalah dianggarkan sejumlah RM106,238 telah dibayar kepada PPM oleh pesawah/pengusaha di PPK Bakat Baru, Bukit Jawa dan Alor Mas, Kelantan. **Amalan ini perlu diberhentikan segera kerana ia bertentangan dengan peraturan Kerajaan dan boleh menjejaskan pencapaian objektif Skim ini serta imej Kerajaan.**

   iv. PPK juga telah mengatur keperluan pengangkutan untuk pengedaran baja kepada pesawah dan pemantauan kerja pengedaran ini dilakukan oleh Ketua Unit Peladang. Pengambilan baja secara individu oleh pesawah juga dibenarkan. Jadual pengedaran baja telah dimaklumkan kepada pesawah. Semua pengesahan penerimaan baja telah direkodkan di dalam Ringkasan Penerimaan Baja dan buku stok juga telah dikemas kini oleh PPK.

Pada pandangan Audit, agensi pelaksana perlu memastikan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi supaya pengurusan Skim ini berjalan lancar dan semua pesawah/pengusaha mendapat hak mereka.

9.4.13. Bayaran Komisen

a. Mengikut syarat kontrak antara Kementerian dengan NAFAS, Kementerian akan membuat pembayaran komisen kepada stokis dengan kadar RM0.64 bagi Semenanjung Malaysia dan RM1.80 untuk Sabah dan Sarawak bagi setiap beg yang diedarkan kepada pesawah/pengusaha. Semua PPK akan menghantar

tuntutan bayaran komisen kepada Ibu Pejabat LPP/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak yang kemudiannya akan mengemukakan tuntutan tersebut kepada Kementerian untuk bayaran.

b. Semakan Audit di Jabatan Pertanian Sarawak mendapati bayaran komisen pada kadar RM1.80 bagi setiap beg adalah tidak mencukupi untuk menampung kos pengedaran baja bagi PPK kawasan pedalaman. Kos pengangkutan dari stor utama ke substor/substokis yang terpaksa ditanggung oleh PPK adalah antara RM2.50 hingga RM25.00 bagi setiap beg baja. Perkara ini berlaku disebabkan kawasan tanaman padi adalah jauh dari stor PPK, kenderaan berat tidak boleh sampai di sebahagian kawasan dan terdapat kawasan yang memerlukan pengangkutan air. PPK yang terlibat terpaksa menanggung kos pengangkutan yang tinggi dan bagi beberapa kes ia tidak dapat mengagihkan baja ke kawasan yang jauh di pedalaman. Sebagai contoh pada tahun 2005, PPK Lawas tidak dapat mengagihkan 1,351 beg baja untuk 169 pesawah di Bakalalan. Kos pengangkutan yang terlibat bagi sebahagian kawasan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.6
KOS PENGANGKUTAN BAJA BAGI PPK DI SARAWAK

PPK	STOR UTAMA	SUBSTOR/ SUBSTOKIS	KOS PENGANGKUTAN DARI STOR UTAMA KE SUBSTOR/SUBSTOKIS BAGI SETIAP BEG (RM)
Lawas	Lawas	Long Sukang/Long Semadoh Ba'kelalan	4.00 7.50
Batang Lupar	Sri Aman	Meludam	2.50
Subis	Miri	Suai	2.50
Baram	Merudi	Benawa Long Lama Long Teru Long Loyang Batu Bungan Long Akah Lio Mato Long Banga Bario	3.50 4.50 4.50 7.00 8.00 15.00 20.00 25.00 4.00
Kanowit	Kanowit	Ngemah	4.00
Dalat	Dalat	Ng. Baoh Kuala Oya	5.00 2.00
Daro	Daro	Tanjung Sirik Matu Igan Belawi Paloh Semah	3.00 2.00 2.50 4.00 4.50 3.00
Bintulu	Bintulu	Tubau Sangan	12.00 7.50
Kapit	Kapit	Sg. Tunoh Ng. Melinau Ng. Merit	10.50 6.50 10.00

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengkaji semula kadar komisen kepada PPK kawasan pedalaman di Sarawak untuk tujuan pengedaran baja bagi membolehkan baja dibekalkan kepada pesawah dan seterusnya objektif Skim ini dapat dicapai.

9.4.14. Pelupusan Baja

a. Pengiraan stok baja dibuat dua kali setahun iaitu selepas selesai musim penanaman. Laporannya perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon. Sekiranya terdapat baja rosak dan tidak boleh digunakan lagi, PPK akan mengemukakan cadangan pelupusan kepada LPP Negeri/KADA/ MADA/Jabatan Pertanian Sarawak dan pelupusan akan dibuat dua kali setahun. **Semakan Audit mendapati sejumlah 775.82 tan metrik baja dengan anggaran kos RM617,865 telah dilupuskan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005. Antara faktor yang menyebabkan baja berkenaan terpaksa dilupuskan adalah kerana ia rosak akibat daripada penyimpanan yang tidak teratur. Manakala di Zon Timur, baja berkenaan rosak kerana disimpan terlalu lama disebabkan tidak diagihkan kepada pesawah/pengusaha.** Pelupusan baja bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.7
PELUPUSAN BAJA BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2005

TAHUN	ZON	BAJA SEBATIAN		BAJA UREA	
		(TAN METRIK)	(RM)	(TAN METRIK)	(RM)
2004	Utara	20.96	13,691	16.88	12,824
	Tengah	29.78	19,560	9.68	7,449
	Timur	129.66	114,216	99.60	79,546
	Sabah	17.52	13,160	6.02	5,123
2005	Utara	66.36	43,126	25.48	19,356
	Tengah	44.42	29,184	13.90	10,698
	Timur	164.42	145,279	128.36	102,539
	Sabah	2.52	1,893	0.26	221
JUMLAH		475.64	380,109	300.18	237,756

b. Lawatan Audit di stor PPK Bakat Baru, Tumpat, Kelantan dan PPK Tanjung Karang, Selangor mendapati baja yang rosak masih disimpan di dalam stor melebihi dua musim dan belum dilupuskan. Walaupun kuantiti baja tersebut adalah kecil, ia menyebabkan ruang stor sempit. Baja rosak yang belum dilupus di stor PPK berkenaan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 9.8

PPK Bakat Baru, Tumpat, Kelantan

GAMBAR 9.9

PPK Tanjung Karang, Selangor

Pada pandangan Audit, tindakan perlu dilakukan oleh agensi pelaksana iaitu LPP dan KADA bagi memastikan PPK berkenaan membuat pelupusan secepat mungkin supaya stor tersebut dapat digunakan untuk menyimpan baja pada musim hadapan.

9.4.15. Penambahbaikan Terhadap Pengurusan Skim

a. LPP sebagai penyelia kepada Skim ini telah membangunkan Sistem Aplikasi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan untuk digunakan di PPK di bawah seliaannya. Pembangunan sistem aplikasi ini adalah bertujuan untuk mendokumentasikan maklumat berhubung pelaksanaan Skim ini seperti penyediaan anggaran peruntukan, senarai pendaftaran pesawah/pengusaha, keluasan lot tanah, aktiviti pembekalan, pengedaran dan kawalan stok baja serta rekod bayaran perkhidmatan. Sehingga kini, 119 PPK di bawah penyeliaan LPP telah dibekalkan sistem aplikasi tersebut. Pihak Audit dimaklumkan semua PPK yang terlibat dikehendaki menggunakan sistem aplikasi ini mulai musim 1/2007. Pembekalan dan pemasangan sistem telah dilaksanakan mengikut fasa seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.8
KEMAJUAN PEMASANGAN SISTEM DI PPK YANG DI BAWAH PENYELIAAN LPP

NEGERI	BIL. PPK	FASA 1	FASA 2	JUMLAH
Perlis	6	4	2	6
Kedah	20	20	0	20
Pulau Pinang	7	7	0	7
Perak	20	6	9	15
Selangor	4	3	0	3
Negeri Sembilan	5	3	2	5
Melaka	4	4	0	4
Johor	7	4	2	6
Pahang	10	2	2	4
Terengganu	14	6	8	14
Kelantan	17	6	11	17
Sabah	18	4	14	18
JUMLAH	**132**	**69**	**50**	**119**

b. Lawatan Audit ke Pejabat MADA, Kedah dan KADA, Kelantan mendapati kesemua 27 PPK di bawah seliaan MADA dan 13 PPK di bawah seliaan KADA telah menggunakan Sistem Aplikasi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan untuk menguruskan Skim ini. **Pihak Audit mendapati sistem aplikasi yang dibangunkan oleh MADA dan KADA telah dapat mempercepatkan pengurusan Skim dan mengurangkan beban kerja kakitangan serta membantu pengurusan MADA mengeluarkan laporan terkini**.

Pada pandangan Audit, LPP negeri perlu meningkatkan pemantauan terhadap PPK masing-masing bagi memastikan sistem ini dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti yang dirancang. Agensi pelaksana yang lain juga disaran untuk melaksanakan sistem aplikasi yang sama bagi memantapkan pengurusan Skim dan pemantauannya.

9.4.16. Maklum Balas Daripada Pesawah/Pengusaha

Soal selidik terhadap pelaksanaan Skim ini telah dijalankan terhadap 141 pesawah/pengusaha di 15 PPK yang dilawati melibatkan 176.5 tan metrik baja bernilai RM212,019. Maklum balas yang diterima mendapati 96.4% responden berpuas hati terhadap pelaksanaan Skim ini secara keseluruhannya dan 97.3% menyatakan tiada berlaku kelewatan dalam pengedaran baja. 93% menyatakan baja yang diedarkan mempunyai kualiti yang baik. Bagaimanapun, sejumlah 67% responden memohon tambahan subsidi baja yang diberikan memandangkan jumlah baja yang dibekalkan oleh Kerajaan hanya 50% daripada keperluan dan mereka juga tidak mampu membeli baja bagi menampung kekurangan tersebut. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada PPK, sekiranya tidak ada baja tambahan digunakan, pengeluaran hasil padi bagi setiap hektar adalah hanya antara 4 hingga 5 tan metrik. Sebaliknya jika baja tambahan digunakan pesawah/pengusaha boleh memperolehi antara 8 hingga 10 tan metrik bagi setiap hektar.

Memandangkan objektif Skim ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi dan mengurangkan pengimportan beras, pihak Audit berpendapat adalah wajar Kementerian mengkaji semula kadar pemberian baja kerana kebanyakan pesawah/pengusaha adalah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

9.4.17. Pemantauan

a. Jabatan dan agensi pelaksana memantau pelaksanaan Skim ini melalui Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon. Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan penyeliaan aktiviti Skim ini supaya berjalan lancar di zon masing-masing. Jawatankuasa ini membuat pemantauan dengan mengadakan mesyuarat 3 kali setahun bagi membincangkan perkara berkaitan aktiviti Skim ini antaranya laporan bekalan, pengedaran, pelupusan baja dan bayaran perkhidmatan. Di samping itu, isu semasa seperti laporan analisis baja, pembaikan stor PPK, kelewatan pembekalan baja oleh NAFAS dan kajian semula kadar bayaran perkhidmatan telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Laporan dan isu yang dibincangkan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon telah mengadakan 9 mesyuarat.

b. Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab membantu Kementerian dari segi penyelarasan Skim dan mengadakan pemantauan bagi memastikan pelaksanaannya adalah lancar serta membuat perakuan terhadap perkara dasar. Jawatankuasa ini bermesyuarat 3 kali setahun setelah mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon diadakan. Antara perkara yang dibincangkan ialah laporan dan isu yang

dibangkit dalam mesyuarat di peringkat zon, peruntukan dan perbelanjaan Skim, pesanan dan pembekalan baja oleh NAFAS, laporan analisis baja oleh Jabatan Pertanian dan status komputerisasi Skim ini. Kesemua laporan dan maklumat yang dibincang dalam mesyuarat telah dijilidkan dan diedarkan kepada semua agensi pelaksana yang terlibat. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 8 mesyuarat telah diadakan.

Pada keseluruhannya, pemantauan yang dibuat oleh Jawatankuasa Induk Penyeliaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan Jawatankuasa Penyeliaan Peringkat Zon terhadap pelaksanaan Skim ini adalah memuaskan.

9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, pengurusan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan adalah baik. Kementerian melalui agensi pelaksananya telah menyediakan perancangan yang teratur bagi melaksanakan Skim ini. Manual Pelaksanaan Skim telah disediakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan Kementerian telah menandatangani kontrak pembekalan baja dengan NAFAS. Bagaimanapun dari aspek pelaksanaan, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Sehubungan ini, adalah disyorkan pertimbangan diberi kepada beberapa perkara berikut :-

a. Kementerian perlu mengambil tindakan segera bagi mendapatkan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada nilai kontrak setahun daripada NAFAS sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan.

b. Tindakan segera perlu diambil bagi mendapatkan jumlah denda atas kelewatan pembekalan baja daripada NAFAS.

c. Agensi pelaksana perlu memastikan PPK di bawah seliaannya membuat timbangan berat baja bagi setiap penghantaran dan menyelenggarakan rekod mengenainya.

d. Kementerian perlu memastikan Jabatan Pertanian mengambil sampel baja secara konsisten dan salinan keputusan analisis tersebut dikemukakan kepada PPK yang terlibat.

e. Agensi pelaksana perlu membuat pemantauan dengan lebih kerap ke stor PPK di bawah seliaannya bagi memastikan baja disimpan mengikut susunan yang telah ditetapkan dan stok baja yang rosak dibuat pelupusan dengan segera.

f. Kementerian perlu mengkaji semula kadar bayaran komisen bagi PPK kawasan pedalaman di Sarawak supaya pelaksanaan Skim ini dapat dijalankan dengan teratur dan pesawah/pengusaha dapat menikmati bantuan yang disediakan.

g. Kementerian perlu membuat kajian impak terhadap pelaksanaan Skim ini untuk menentukan sejauh mana ia mencapai objektif yang telah ditetapkan.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

10. PENGURUSAN SKIM SUBSIDI HARGA PADI

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Kerajaan telah melaksanakan Skim Subsidi Harga Padi (Skim) bertujuan untuk menggalakkan pesawah menambahkan hasil pengeluaran padi dan pesawah menikmati harga padi yang terbaik, memastikan harga beras terkawal serta menjaga kepentingan pengguna dan pesawah di negara ini. Skim ini diwujudkan pada tahun 1980 dan pada masa itu ia dikendalikan oleh Lembaga Padi Dan Beras Negara (LPN). Apabila LPN diswastakan pada tahun 1994, ia dikenali sebagai Padiberas Nasional Berhad (BERNAS). Tanggungjawab mengurus dan melaksanakan Skim ini diserahkan kepada BERNAS. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM1.37 bilion telah dibelanjakan untuk membayar subsidi harga padi kepada pesawah yang berdaftar dengan BERNAS. Sehingga akhir tahun 2006, sejumlah 145,631 pesawah telah berdaftar dengan BERNAS.

10.1.2. Semenjak Skim ini diperkenalkan pada tahun 1980 sehingga 2006, kadar subsidi harga padi telah dinaikkan sebanyak 3 kali. Pada tahun 1980, kadar subsidi harga padi bagi setiap satu tan metrik padi bersih ialah RM33.20. Bagaimanapun, kadar itu dinaikkan menjadi RM167.00 pada tahun 1982 dan RM248.10 pada tahun 1990. Kadar subsidi pada tahun 1990 ini dikekalkan sehingga kini.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan Skim Subsidi Harga Padi oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Skim Subsidi Harga Padi bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 (musim 1/2006). Pengauditan ini dijalankan di Bahagian Industri Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan agensi pelaksana iaitu BERNAS di peringkat negeri dan daerah yang terlibat iaitu Kedah, Perak, Sabah, Kelantan dan Selangor. Selain itu, lawatan ke kilang padi yang terlibat dengan pembayaran subsidi harga padi di negeri tersebut dan temu bual dengan pesawah telah dijalankan.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga November 2006 mendapati perkara berikut :-

10.4.1. Pengurusan Skim

a. Bahagian Industri Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bertanggungjawab menentukan dasar dan polisi subsidi; memohon peruntukan daripada Perbendaharaan Malaysia; mengagihkan peruntukan kepada BERNAS dan memutuskan kes rayuan pesawah sekiranya ia tidak dapat diselesaikan oleh BERNAS. Bahagian ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian Padi Dan Beras Gred JUSA C dengan dibantu oleh 2 orang Timbalan Setiausaha Bahagian Gred M54 yang mengetuai 2 unit iaitu Unit Kawal Selia Padi Dan Beras dan Unit Industri Padi Dan Beras. Sehingga akhir tahun 2006, sejumlah 15 daripada 17 jawatan yang diluluskan di Bahagian ini telah diisi. Pengurusan Skim Subsidi Harga Padi dipertanggungjawabkan kepada Unit Industri Padi Dan Beras. Struktur organisasi Bahagian Industri Padi Dan Beras adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 10.1
STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



b. BERNAS telah disenaraikan di Bursa Malaysia di bawah Papan Kedua pada tahun 1997. BERNAS mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM1 bilion dan modal berbayar berjumlah RM470.40 juta di mana Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan mempunyai pegangan RM1.00 syer keutamaan. Sebagai sebuah syarikat berhad, BERNAS perlu melantik Lembaga Pengarah untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan syarikat selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965. Lembaga Pengarah BERNAS terdiri daripada 9 Pengarah Bukan Eksekutif (4 Pengarah Bebas dan 5 Pengarah Bukan Bebas) yang diketuai oleh Dato' Wira Syed Abdul Jabbar bin Syed Hassan sebagai

Pengerusi. Dua Pengarah Bukan Bebas adalah wakil daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Manakala 4 Pengarah Bebas adalah terdiri daripada ahli-ahli perniagaan. BERNAS diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Encik Ahmad Fuad Bin Abdul Wahab.

c. Bahagian Kewangan Ibu Pejabat BERNAS menerima peruntukan daripada Kementerian dan menyalurkannya kepada Ibu Pejabat Skim Subsidi di Jitra yang mengendalikan bayaran subsidi harga padi kepada pesawah. Pangkalan Skim Subsidi di peringkat negeri pula mengendalikan pendaftaran pesawah, membuat anggaran hasil padi setiap musim, mengesah dan mengemukakan tuntutan subsidi harga padi serta merekodkan pembelian padi di peringkat kilang. Struktur organisasi pengurusan skim tersebut di peringkat BERNAS adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 10.2
STRUKTUR ORGANISASI IBU PEJABAT SKIM SUBSIDI HARGA PADI PADIBERAS NASIONAL BERHAD
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



10.4.2. Perjanjian Dengan BERNAS

10.4.2.1. Sungguhpun Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menyerahkan urusan pengendalian Skim Subsidi Harga Padi kepada BERNAS pada tahun 1994, namun perjanjian penswastaan dengan BERNAS hanya ditandatangani pada bulan Januari 1996. Antara lain perjanjian tersebut menetapkan tanggungjawab BERNAS berhubung dengan pengurusan Skim Subsidi Harga Padi seperti berikut :-

a. Mewujudkan akaun subsidi di bank yang diluluskan oleh Kerajaan bagi memperakaunkan wang subsidi harga padi yang diterima daripada Kementerian dan pembayaran subsidi harga padi kepada pesawah yang berdaftar.

b. Baki wang yang tidak digunakan perlu dimasukkan ke dalam akaun simpanan tetap di bank yang diluluskan oleh Kerajaan dan segala faedah yang diterima dikreditkan ke dalam akaun subsidi.

c. Menyediakan penyata kewangan suku tahun dan tahunan yang antara lainnya menunjukkan jumlah wang subsidi harga padi yang diterima dan dibayar kepada pesawah.

10.4.2.2. Semakan Audit mendapati BERNAS telah mewujudkan akaun subsidi di Bank Muamalat Malaysia bagi memperakaunkan wang subsidi harga padi yang diterima daripada Kementerian. Manakala perkhidmatan 3 bank telah digunakan oleh Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra bagi membuat pembayaran subsidi harga padi kepada pesawah iaitu Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia dan Bank Islam Malaysia Berhad. Semakan Audit selanjutnya mendapati BERNAS mempunyai 2 akaun di Bank Simpanan Nasional di mana satu akaun yang mempunyai baki berjumlah RM69,609 telah tidak aktif sejak bulan Februari 2006. Bagaimanapun, selepas ditegur oleh pihak Audit pada bulan November 2006, Bahagian Kewangan BERNAS telah meminta Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra memindahkan wang tersebut ke Bank Muamalat Malaysia.

10.4.2.3. Semakan Audit mendapati wang subsidi harga padi yang diterima oleh BERNAS pada tahun 2006 dan baki wang subsidi harga padi tahun-tahun sebelumnya telah dilaburkan dalam simpanan tetap jangka pendek di Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Nasional dan Bank Muamalat Malaysia. Pada 31 Disember 2006, jumlah simpanan tetap di 3 bank berkenaan adalah berjumlah RM53.40 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah faedah yang diterima daripada pelaburan tersebut bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah berjumlah RM4.73 juta. Kesemua faedah ini telah dilaburkan semula ke dalam bank-bank berkenaan.

10.4.2.4. Semakan Audit mendapati BERNAS telah menyedia dan mengemukakan penyata kewangan setiap suku tahun kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Penyata tersebut mengandungi jumlah wang subsidi harga padi yang diterima dan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat. Bagaimanapun, penyata berkenaan tidak menunjukkan maklumat berhubung dengan pelaburan yang dibuat oleh BERNAS menggunakan wang subsidi harga padi tersebut. Semakan Audit juga mendapati tiada penyata kewangan tahunan dikemukakan kepada Kementerian.

Pada pandangan Audit, syarat perjanjian tersebut adalah memadai. Bagaimanapun, Kementerian perlu memastikan BERNAS mengemukakan penyata kewangan tahunan seperti yang dikehendaki oleh syarat perjanjian. Kementerian patut menggunakan penyata tersebut untuk memantau kedudukan wang subsidi harga padi yang dikendalikan oleh BERNAS.

10.4.3. Pendaftaran Pesawah

a. Bagi melayakkan pesawah mendapat bayaran subsidi harga padi, mereka perlu berdaftar dengan BERNAS. Padi mereka juga hendaklah dijual kepada kilang padi yang berdaftar dengan BERNAS. Pada setiap awal musim, BERNAS akan memaklumkan kepada semua pesawah supaya mendaftar atau mengemaskinikan rekod pendaftaran mereka dengan menggunakan Borang Daftar Pesawah yang disokong dengan dokumen seperti geran tanah, surat sewa tanah dan keluasan tanah yang diusahakan. Pengemaskinian daftar pesawah adalah perlu bagi membolehkan BERNAS menyelaraskan bayaran subsidi harga padi bagi sesuatu musim dengan keluasan tanah yang diusahakan oleh pesawah. Borang Daftar Pesawah hendaklah disahkan oleh Ketua Unit/Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan/Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)/Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) atau Pegawai Pertanian Daerah. Pada akhir tahun 2006, sejumlah 145,631 pesawah berdaftar di seluruh negara. Bilangan pesawah yang berdaftar serta keluasan tanah diusahakan di negeri yang dilawati adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.1
BILANGAN PESAWAH YANG BERDAFTAR DAN KELUASAN TANAH DIUSAHAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA MUSIM 1/2006

TAHUN / NEGERI	2004		2005		2006	
	BILANGAN PESAWAH	LUAS (HEKTAR)	BILANGAN PESAWAH	LUAS (HEKTAR)	BILANGAN PESAWAH	LUAS (HEKTAR)
Selangor	10,378	19,589	10,304	19,549	10,474	19,561
Perak	15,046	43,783	15,441	38,268	15,175	41,611
Sabah	8,060	16,905	8,263	16,999	10,051	19,357
Kedah	56,392	106,416	56,313	106,558	56,109	112,116
Kelantan	16,851	35,523	17,012	36,299	12,464	25,327
JUMLAH	**106,727**	**222,215**	**107,333**	**217,673**	**104,273**	**217,971**

b. Semakan Audit terhadap 322 Borang Daftar Pesawah di Selangor, Perak, Sabah dan Kedah **mendapati proses pendaftaran pesawah adalah seragam mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun di Kelantan, borang permohonan pendaftaran perlu disahkan oleh Penyelia Pembangunan Mukim atau Ketua Pembangunan Mukim.**

10.4.4. Kaedah Pembayaran Subsidi

a. Pesawah dikehendaki membuka akaun di salah sebuah bank tempatan sama ada Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Nasional atau Bank Islam Malaysia. Nombor akaun bank pesawah perlu dicatat pada Borang Daftar Pesawah semasa pendaftaran atau penyemakan pesawah yang dijalankan pada setiap awal musim. Subsidi harga padi akan dibayar kepada pesawah yang

menjual padinya kepada kilang padi berdaftar. Sebanyak 32 kilang padi BERNAS, 144 kilang padi swasta dan 41 kilang padi bumiputera yang terlibat dengan pelaksanaan Skim ini. Semakan Audit mendapati **semua pesawah yang menerima subsidi harga padi bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah pesawah yang berdaftar dengan BERNAS dan telah menjual padi kepada kilang padi yang berdaftar.**

b. BERNAS menempatkan Kerani Subsidinya di kilang yang membeli padi untuk merekodkan urusan pembelian padi. Maklumat seperti nama pesawah, nombor pendaftaran pesawah, berat bersih padi dan nilai subsidi harga padi yang sepatutnya dibayar dicatatkan ke dalam Bil Belian Padi dan satu salinan bil tersebut diserahkan kepada pesawah berkenaan. Kerani Subsidi menyerahkan Bil Belian Padi yang asal ke Pangkalan Skim Subsidi setiap hari. Pangkalan Skim Subsidi akan mengesahkan Bil Belian Padi dan maklumat pesawah sebelum dikemukakan kepada Ibu Pejabat Skim Subsidi di Jitra untuk dibuat pembayaran. Pembayaran subsidi harga padi dimasukkan ke dalam akaun pesawah berdasarkan nombor akaun yang dicatat dalam Borang Daftar Pesawah. **Lawatan Audit ke 23 kilang membeli padi mendapati Kerani Subsidi telah ditempatkan di kilang padi dan segala urusan pembelian padi dan pembayaran subsidi harga padi telah dibuat dengan teratur. Semakan Audit selanjutnya mendapati sekiranya tidak ada masalah berhubung dengan maklumat pesawah, bayaran subsidi harga padi akan dimasukkan ke akaun pesawah dalam tempoh 3 hari bekerja.**

c. Mulai 1 Disember 2005, BERNAS menggunakan sistem *Domestic Operation Application* (DOA) untuk menghubungkan secara *online* antara Pangkalan Skim Subsidi dengan Ibu Pejabat Skim Subsidi di Jitra. Melalui sistem ini, BERNAS boleh menyelaraskan pembayaran subsidi harga padi yang dibuat oleh Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra dengan maklumat pesawah yang dikemas kini dan disahkan oleh Pangkalan Skim Subsidi. Peringkat yang terlibat terhadap pembayaran subsidi harga padi kepada pesawah adalah seperti di carta berikut:-

CARTA 10.3
PERINGKAT PEMBAYARAN SUBSIDI HARGA PADI



10.4.5. Peruntukan Yang Dipohon Berbanding Dengan Pembayaran Subsidi Harga Padi

a. Mengikut peraturan, maklumat sebenar hasil padi daripada MADA, KADA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian bagi musim penuaian yang lepas perlu dikumpulkan oleh Pangkalan Skim Subsidi bagi membolehkan BERNAS menentukan anggaran hasil padi dan wang subsidi harga padi yang diperlukan bagi sesuatu musim. Maklumat ini perlu dibentangkan di mesyuarat peringkat wilayah untuk dijadikan asas cadangan anggaran hasil padi bagi musim berikutnya. Cadangan tersebut kemudiannya perlu dihantar ke Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra untuk dijadikan asas memohon wang subsidi harga padi daripada Kementerian.

b. Semakan Audit mendapati maklumat anggaran hasil padi ada dikumpulkan di semua Pangkalan Skim Subsidi. Bagaimanapun, tiada bukti maklumat anggaran hasil padi tersebut dikemukakan kepada Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra oleh Pangkalan Skim Subsidi di semua negeri yang dilawati pada setiap awal musim. Ini menyebabkan peruntukan wang subsidi harga padi yang dipohon oleh Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra tidak berdasarkan maklumat terkini. Pihak Audit juga mendapati penentuan anggaran hasil padi bagi Perak dan Sabah tidak berubah sejak tahun 2000 manakala Kelantan, Selangor dan Kedah sejak tahun 2004. **Penentuan anggaran hasil padi yang tidak disemak semula pada setiap musim menyebabkan anggaran hasil padi yang dibuat oleh Ibu Pejabat Skim Subsidi, Jitra tidak tepat**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.2
ANGGARAN HASIL PADI BERBANDING HASIL PADI SEBENAR BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

NEGERI	ANGGARAN HASIL PADI BERAT BERSIH (TAN METRIK)			HASIL SEBENAR PADI BERAT BERSIH (TAN METRIK)			PERBEZAAN (TAN METRIK)		
	2004	2005	2006	2004	2005	2006	2004	2005	2006
Selangor	100,766	100,766	80,613	68,218	91,036	205,579	(32,548)	(9,730)	124,966
Perak	270,052	270,052	266,022	260,024	217,434	206,102	(10,028)	(52,618)	(59,920)
Sabah	36,276	36,276	56,429	48,370	53,848	53,673	12,094	17,572	(2,756)
Kedah	927,046	927,046	1,047,965	1,015,667	939,032	835,652	88,621	11,986	(212,313)
Kelantan	112,858	112,858	124,950	122,475	140,730	164,679	9,617	27,872	39,729

c. Berdasarkan kepada anggaran hasil padi tersebut, BERNAS telah memohon peruntukan kewangan untuk membayar subsidi harga padi berjumlah RM1.38 bilion bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Bagaimanapun, Kementerian hanya meluluskan RM1.34 billion dan daripada jumlah ini, RM1.37 bilion telah dibelanjakan. Kementerian telah meluluskan antara 92% hingga 100% daripada peruntukan yang dipohon oleh BERNAS. Bagi tahun di mana peruntukan yang diluluskan kurang daripada yang diperlukan, BERNAS telah menggunakan baki peruntukan yang diterimanya pada tahun-tahun yang lalu untuk menampung kekurangan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI SKIM SUBSIDI HARGA PADI BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	PERUNTUKAN DIPOHON OLEH BERNAS (RM Juta)	PERUNTUKAN DILULUS OLEH KEMENTERIAN (RM Juta)	PERBELANJAAN OLEH BERNAS (RM Juta)	LEBIHAN/ KURANGAN (RM Juta)
2004	448	448	476	(28)
2005	448	448	443	5
2006	484	445	446	(1)
JUMLAH	**1,380**	**1,341**	**1,365**	**(24)**

Pada pandangan Audit, penentuan anggaran hasil padi perlu disemak dan dikemas kini mengikut kawasan pada setiap musim. Maklumat daripada Pangkalan Skim Subsidi dan agensi yang berkaitan perlu diambil kira bagi menentukan penyediaan anggaran hasil padi yang lebih tepat supaya jumlah peruntukan yang dipohon adalah selaras dengan keperluan.

10.4.6. Bayaran Subsidi Harga Padi

Mengikut Manual Prosedur Kerja Subsidi Harga Padi, sekiranya jumlah keluaran hasil padi sebenar melebihi 10% daripada anggaran, bayaran subsidi harga padi kepada pesawah akan ditangguhkan sementara siasatan terhadapnya dijalankan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, terdapat 21,444 kes di mana hasil padi sebenar melebihi daripada hasil padi yang dianggarkan berlaku di semua negeri. Sekiranya subsidi harga padi dibayar untuk lebihan hasil padi itu, jumlah yang terlibat ialah RM13.85 juta. Kesemua bayaran subsidi harga padi bagi kes tersebut telah ditangguhkan bagi membolehkan BERNAS menjalankan siasatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati 4,806 kes melibatkan bayaran subsidi harga padi berjumlah RM3.21 juta masih dalam siasatan walaupun 2,214 daripadanya melibatkan bayaran subsidi harga padi bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan siasatan tersebut masih tidak dapat diselesaikan kerana penambahan lot sawah yang tidak didaftarkan dan kesilapan catatan pada kad daftar pesawah.

Pada pandangan Audit, BERNAS perlu menetapkan tempoh masa bagi menyelesaikan kes di mana keluaran hasil padi sebenar melebihi anggarannya bagi membolehkan pesawah mendapat bayaran subsidi harga padi mereka. BERNAS juga perlu memastikan rekod pendaftaran pesawah adalah lengkap dan kemas kini.

10.4.7. Pelupusan Bayaran Subsidi

Pada 3 Disember 2006, BERNAS telah memohon kelulusan daripada Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk melupuskan bayaran subsidi harga padi bagi tempoh tahun 2001 hingga 2004 yang tidak dituntut oleh pesawah berjumlah RM887,172 melibatkan 1,279 Bil Belian Padi. Mengikut BERNAS, pesawah tidak menuntut bayaran tersebut walaupun telah dihubungi melalui telefon atau surat.

Pada pandangan Audit, BERNAS patut memperbaiki sistem susulannya bagi mengesan pesawah yang masih belum menuntut bayaran subsidi harga padi mereka. BERNAS sepatutnya menyelesaikan kes-kes tersebut semasa urusan penyemakan pendaftaran pesawah yang dilakukan pada setiap awal musim. Kementerian pula hendaklah memastikan segala usaha telah diambil oleh BERNAS untuk menyelesaikan kes-kes tersebut sebelum meluluskan permohonan daripada BERNAS.

10.4.8. Subsidi Harga Padi Bagi Pesawah/Pengusaha Di Luar Jelapang

a. Pada tahun 2004, Kerajaan telah menetapkan pesawah atau syarikat swasta yang mengendalikan tanaman padi secara komersial dan berskala besar di kawasan luar jelapang di Semenanjung dan kawasan sedia ada di Sabah dan Sarawak selepas tahun 1997 adalah tidak layak menerima subsidi harga padi. Bagaimanapun, pesawah dan pengusaha miskin (mereka yang menanam atau mengusahakan sawah dengan keluasan maksimum 6 ekar atau 2.43 hektar) adalah layak mendapat subsidi harga padi.

b. Semakan Audit mendapati sejumlah 100,760 hektar daripada 299,605 hektar kawasan penanaman padi negara pada tahun 2006 adalah terletak di kawasan luar jelapang padi yang melibatkan sejumlah 51,822 pesawah. **Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod bayaran subsidi harga padi di 10 Pangkalan Skim Subsidi di negeri yang dilawati mendapati bayaran berjumlah RM1.36 juta telah dibuat kepada 158 pesawah yang mengusahakan sawah melebihi 6 ekar pada musim 1/2006.** Pesawah tersebut telah menambah luas tanah sawah yang diusahakan melebihi 6 ekar selepas tahun 1997 menyebabkan mereka sepatutnya tidak layak untuk menerima subsidi harga padi tersebut. Butiran lanjut jumlah pesawah dan nilai subsidi harga padi yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.4
BILANGAN PESAWAH DAN NILAI SUBSIDI HARGA PADI
BAGI MUSIM 1/2006 YANG LUAS TANAH DIUSAHAKAN MELEBIHI 6 EKAR

NEGERI	BILANGAN PESAWAH	NILAI SUBSIDI (RM)
Perak	52	929,853
Sabah	29	114,934
Kedah	33	120,804
Kelantan	44	193,151
JUMLAH	**158**	**1,358,742**

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan BERNAS mematuhi arahan Kerajaan berhubung dengan kelayakan penerima subsidi harga padi.

10.4.9. Kawalan Mutu Padi

a. Pemutuan padi perlu dibuat bagi menentukan berat bersih padi iaitu berat padi kasar yang ditimbang dikurangkan dengan berat kelembapan padi, padi muda,

kotoran atau benda asing daripada padi dan hampa. Arahan Ketua Pengarah Bahagian Kawalselia Padi Dan Beras yang dikeluarkan pada bulan Disember 1997 menyatakan kadar potongan mutu padi ditentukan melalui perundingan antara pengilang dan pesawah. Lawatan Audit ke 16 kilang padi swasta, 6 kilang padi BERNAS dan satu pusat belian BERNAS mendapati tiada keseragaman cara dan kaedah yang digunakan untuk menentukan mutu padi. Pusat belian BERNAS dan kilang padi BERNAS di 5 negeri yang dilawati serta kilang padi swasta di Perak, Kedah dan Kelantan didapati menggunakan pelbagai peralatan yang tidak seragam seperti *moisture meter*, penimbang dan pengayak semasa melakukan proses pemutuan. **Gambar 10.1 hingga 10.4** menunjukkan peralatan pemutuan seperti *moisture meter*, penimbang dan pengayak yang digunakan.

GAMBAR 10.1

GAMBAR 10.2

Kilang Padi Felcra Seberang Perak, Perak
- Proses Pengasingan Kotoran Padi Dilakukan Dengan Mengambil Sampel Padi Sebanyak 10 Gram Dan Diasingkan Secara Manual.

GAMBAR 10.3

GAMBAR 10.4

Kilang Padi Ong Chuan Lee, Kedah
- Sampel Padi Diambil Dari Lori Dengan Menggunakan Alat Seperti Gambar 10.3 Dan Berat Kelembapan Padi Disukat Menggunakan Digital Grain Moisture Meter Seperti Di Gambar 10.4.

b. Kilang padi swasta di Sabah iaitu Kilang Tiga Bintang Tempasuk Sdn. Bhd. melakukan pemutuan berdasarkan pengalaman pekerja kilang tersebut iaitu dengan melihat padi yang direndam di dalam satu bekas berisi air. Pemutuan padi dibuat dengan cara melihat padi yang timbul berbanding dengan padi yang tenggelam seperti di **Gambar 10.5 dan 10.6**. Sementara Kilang Golkhan Hasbullah melakukan pemutuan padi dengan cara melihat keadaan padi secara fizikal seperti di **Gambar 10.7 dan 10.8**.

GAMBAR 10.5

GAMBAR 10.6

Kilang Padi Tiga Bintang Tempasuk, Kota Belut, Sabah
- Pengiraan Berat Basah Dibuat Secara Melihat Padi Yang Direndam.
Pemotongan Berdasarkan Padi Yang Timbul Berbanding Dengan Yang Tenggelam.

GAMBAR 10.7

GAMBAR 10.8

Kilang Padi Golkhan Hasbulllah, Sabah
- Pengiraan Berat Basah Dibuat Berdasarkan Pemerhatian Oleh Pengilang.

c. Semakan Audit mendapati oleh sebab ketidakseragaman kaedah untuk menentukan mutu padi menyebabkan potongan mutu padi yang dibuat oleh pengilang swasta dan BERNAS adalah berbeza. Bagi kilang swasta, potongan yang telah dibuat ialah antara 12% hingga 20% manakala bagi kilang BERNAS ialah antara 17% hingga 40%. Semakan Audit selanjutnya mendapati oleh sebab wujudnya persaingan antara kilang untuk membeli padi, potongan mutu padi sebenar yang dibuat adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.5
PERBEZAAN KADAR POTONGAN MUTU PADI
YANG DITAWAR BERBANDING YANG SEBENAR

NEGERI	POTONGAN SEPATUTNYA (%)		POTONGAN SEBENAR (%)	
	KILANG SWASTA	KILANG BERNAS	KILANG SWASTA	KILANG BERNAS
Selangor	24 - 34	18 - 25	17 - 18	17 - 20
Perak	20 - 24	19 - 28	18 - 19	19 - 23
Sabah	Tidak Ditentukan	TB	12 - 20	TB
Kedah	18 - 26	23 - 46	17 - 20	17 - 40
Kelantan	20 - 27	22 - 24	18 - 20	18 - 20

Nota : TB - Tidak Berkenaan

Pada pandangan Audit, Kementerian patut memastikan kaedah yang seragam untuk menentukan mutu padi dipatuhi oleh semua kilang yang membeli padi.

10.4.10. Pemantauan

a. Peringkat Kementerian

Kementerian memantau pelaksanaan Skim ini melalui Laporan Bulanan dan Laporan Suku Tahun yang diterima daripada BERNAS. Bagaimanapun, Kementerian tidak mengadakan mesyuarat khusus bagi membincangkan prestasi Skim Subsidi Harga Padi kecuali satu mesyuarat pada tahun 2005 iaitu Mesyuarat Pengeluaran Peruntukan Skim Subsidi Harga Padi.

b. Peringkat BERNAS

Pengurus Pangkalan Skim Subsidi dan pegawai BERNAS telah membuat lawatan ke sawah semasa musim penuaian. BERNAS juga mengadakan soal selidik bagi mengetahui pendapat pesawah berkaitan aktiviti penanaman padi mereka. Selain itu, perkara berkaitan pengurusan subsidi harga padi juga dibincangkan semasa mesyuarat Pengurusan Bahagian Subsidi dan Penolong Pengurus peringkat wilayah. BERNAS juga menempatkan seorang Kerani Subsidi di kilang padi bagi mengesahkan ketepatan timbangan padi yang dijual.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu meningkatkan pemantauannya terhadap pengurusan Skim Subsidi Harga Padi bagi memastikan objektif pewujudan Skim ini dapat dicapai sepenuhnya. Bagi tujuan ini, laporan berkaitan Skim Subsidi Harga Padi dan penyata kewangan skim yang dikemukakan oleh BERNAS perlu dianalisis untuk tindakan susulan yang sewajarnya.

10.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, Skim Subsidi Harga Padi telah dirancang dengan baik. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki segera untuk memastikan objektif Kerajaan melaksanakan Skim ini dapat dicapai. Bagi tujuan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan yang berikut :-

a. Memastikan Daftar Pesawah (keluasan tanah dan anggaran hasil padi setiap pesawah) perlu sentiasa dikemas kini supaya tiada kelewatan untuk membayar subsidi harga padi kepada pesawah.

b. Memastikan BERNAS memohon peruntukan yang selaras dengan keperluan sebenar untuk membayar subsidi harga padi pada setiap musim.

c. Memastikan BERNAS mengemukakan penyata kewangan tahunan seperti yang dikehendaki oleh syarat perjanjian.

d. Memastikan BERNAS memperbaiki sistem susulannya bagi mengesan pesawah yang masih belum menuntut bayaran subsidi harga padi mereka.

e. Memastikan kaedah yang seragam untuk menentukan mutu padi dipatuhi oleh semua kilang yang membeli padi dan terlibat dengan Skim Subsidi Harga Padi.

f. Meningkatkan mekanisme pemantauan terhadap pengurusan Skim Subsidi Harga Padi bagi memastikan objektif pewujudan Skim ini dapat dicapai sepenuhnya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

11. JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI
- PENGURUSAN TABUNG MODAL PUSINGAN

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Tabung Modal Pusingan (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Wang Amanah Koperasi) telah diwujudkan pada tahun 1978, di bawah seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Tujuan tabung ini diwujudkan adalah untuk memberi pinjaman/pembiayaan kewangan kepada koperasi bagi melaksanakan projek-projek yang berdaya maju, menggalakkan koperasi melibatkan diri di dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan sosial yang memberi manfaat kepada anggota serta membantu koperasi memulihkan projek yang bermasalah.

11.1.2. Sejak Tabung Modal Pusingan diwujudkan sehingga bulan Disember 2006 sebanyak 1,231 pinjaman berjumlah RM348.78 juta telah diluluskan.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi (Tabung) telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

11.3.1. Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Tabung. Semakan terhadap dokumen, fail dan rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006 telah dibuat di Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi dan Pejabat Cawangan Negeri/Wilayah di Negeri Perak, Johor, Terengganu, Pahang dan Sabah.

11.3.2. Selain itu, perbincangan dan temubual juga diadakan dengan pegawai di Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi, Pejabat Cawangan Negeri/Wilayah dan Ahli Lembaga Koperasi bagi koperasi yang mempunyai tunggakan yang tinggi di 5 negeri yang dipilih serta lawatan ke tapak projek.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

11.4.1. Pengurusan Tabung Modal Pusingan

11.4.1.1. Peringkat Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi

a. Selaras dengan kehendak Surat Ikatan Amanah Tabung Modal Pusingan, Jawatankuasa Induk Tabung Modal Pusingan telah ditubuhkan. Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada :-

i. Pengerusi - Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi.

ii. Timbalan Pengerusi - Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi.

iii. Setiausaha - Pengarah Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan, Jabatan Pembangunan Koperasi.

iv. Ahli Jawatankuasa terdiri daripada:-

- Timbalan Ketua Pengarah (Kawal Selia).
- Wakil Perbendaharaan (Bahagian Pengurusan Pinjaman Dan Dasar Kewangan).
- Pengarah Bahagian Audit Dan Akaun, Jabatan Pembangunan Koperasi.
- Ketua Sektor Perbankan Korporat dan Sindikasi, Bank Rakyat Malaysia Berhad.

b. Fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :-

i. Menentukan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang Tabung.

ii. Memutuskan anggaran perbelanjaan tahunan dan anggaran perbelanjaan tambahan Tabung.

iii. Menimbang dan meluluskan atau menolak sebarang permohonan pinjaman.

iv. Mengkaji kedudukan koperasi-koperasi yang menerima pinjaman dari semasa ke semasa bagi menjamin pembayaran balik pinjaman.

v. Melanjutkan tempoh bayaran balik, penjadualan semula tanpa melanjut tempoh, mengurangkan kadar faedah, memberi ibra' atau diskaun kepada pembiayaan secara Islam.

vi. Menetapkan had maksimum pinjaman.

vii. Menetapkan syarat-syarat pinjaman dan menentukan cagaran bagi semua pinjaman.

viii. Menarik balik atau menahan atau membatalkan pinjaman yang disalah guna.

ix. Mengenakan denda di atas jumlah ansuran pinjaman yang lewat dibayar.

x. Memantau tindakan undang-undang terhadap koperasi-koperasi yang gagal mematuhi perjanjian.

c. Pengurusan Tabung diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan, Jabatan Pembangunan Koperasi. Bahagian ini bertanggungjawab memproses permohonan pinjaman yang diterima

daripada Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah dan menyediakan kertas perakuan bagi setiap permohonan pinjaman untuk penelitian dan pertimbangan Jawatankuasa, menyelenggara rekod pinjaman dan perakaunan pinjaman serta memantau pelaksanaan projek dan bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2006, sejumlah 13 perjawatan telah diluluskan dan kesemua jawatan ini telah diisi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.1
KEDUDUKAN PERJAWATAN BAHAGIAN PINJAMAN DAN PELABURAN

JAWATAN	GRED	BILANGAN DILULUS	BILANGAN DIISI	KOSONG
Pengarah, Pegawai Ehwal Ekonomi	E54	1	1	0
Timbalan Pengarah, Pegawai Ehwal Ekonomi	E48	1	1	0
Pegawai Ehwal Ekonomi	E44	1	1	0
Pegawai Ehwal Ekonomi	E41	4	4	0
Akauntan	W41	1	1	0
Penolong Akauntan	W27	1	1	0
Pembantu Ehwal Ekonomi	E17	1	1	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	2	2	0
Pembantu Khas, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	1	1	0
JUMLAH		13	13	0

d. Struktur organisasi Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 11.1
STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN PINJAMAN DAN PELABURAN
JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI
PADA 31 DISEMBER 2006



11.4.1.2. Di Peringkat Negeri

a. Semakan Audit mendapati tidak ada unit khusus diwujudkan di Pejabat Cawangan Negeri dan di Pejabat Cawangan Wilayah untuk menguruskan Tabung. Arahan berkaitan pengurusan/pemantauan Tabung daripada Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan Ibu Pejabat dihantar ke Pejabat Pengarah Negeri untuk dipanjangkan ke semua Pejabat Pembangunan Koperasi Wilayah.

b. Di samping tugas-tugas lain Jabatan Pembangunan Koperasi, pegawai yang bertugas di Pejabat Cawangan Wilayah/Negeri bertanggungjawab menguruskan Tabung seperti berikut :-

   i. Menyemak dokumen permohonan pinjaman daripada koperasi bagi memastikan ianya lengkap;

   ii. Menyediakan kertas ulasan yang memberi maklumat dari segi pengurusan koperasi, status pematuhan Akta Koperasi 1993, pengurusan akaun koperasi, aktiviti koperasi, kedudukan pengurusan kewangan koperasi serta pengalaman dan kemahiran anggota koperasi dan memberi komen ke atas projek yang akan dijalankan; dan

   iii. Membantu Ibu Pejabat melaksanakan tugas pemantauan terhadap pelaksanaan projek dan bayaran balik pinjaman.

Pada pandangan Audit, Ibu Pejabat Jabatan telah mewujudkan struktur organisasi yang sesuai untuk menguruskan Tabung. Bagaimanapun tidak ada unit khas diwujudkan bagi tujuan ini di peringkat Cawangan Negeri/Wilayah. Di samping itu tidak ada pegawai khusus di Ibu Pejabat yang dipertanggungjawabkan untuk memantau tugas pengurusan Tabung yang dilaksanakan oleh Pegawai Jabatan di peringkat Cawangan Negeri/Wilayah.

11.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Tabung Modal Pusingan menerima peruntukan kewangan daripada Perbendaharaan dari semasa ke semasa berdasarkan permohonan daripada Jabatan Pembangunan Koperasi. Jumlah yang dipohon adalah berdasarkan prestasi kutipan bayaran balik pinjaman, terimaan faedah daripada pelaburan dalam Simpanan Tetap, baki akaun tabung dan permohonan pinjaman yang diterima. Bagi tempoh tahun 2002 hingga bulan Disember 2006, Jabatan telah memohon peruntukan berjumlah RM209.93 juta (amaun bagi tahun 2002 tidak dapat dikemukakan oleh Jabatan) dan hanya RM70 juta telah diluluskan. Perbendaharaan menghadkan jumlah yang diberi kepada Tabung kerana baki Tabung masih mencukupi untuk menampung keperluannya. Ringkasan Penyata Terimaan Dan Bayaran Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006 adalah seperti berikut :-

JADUAL 11.2
RINGKASAN PENYATA TERIMAAN DAN BAYARAN TABUNG MODAL PUSINGAN JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2006

TAHUN	TERIMAAN					BAYARAN		
	BAKI PADA AWAL TAHUN	TERIMAAN PERUNTUKAN	TERIMAAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (TERMASUK BAYARAN PROSES)	FAEDAH ATAS SIMPANAN TETAP	LAIN-LAIN *	PENGELUARAN PINJAMAN	LAIN-LAIN **	BAKI PADA AKHIR TAHUN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM)	(RM Juta)	(RM)	(RM Juta)
2002	40.50	5.50	8.82	0.49	-	6.24	250.00	49.06
2003	49.06	50.00	9.60	0.48	-	10.72	-	98.42
2004	98.43	0.00	15.50	0.69	-	12.06	9,900.00	102.55
2005	102.55	0.00	17.77	1.38	10,000.00	24.10	437,098.61	97.17
2006	97.17	20.00	19.46	0.79	-	47.86	-	89.56

Nota : ****** ***Pelarasan Terimaan - (cek dikembalikan kepada JANM)***
******* ***Pelarasan, bayaran terjemahan perjanjian, pulangan lebihan dan cek dikembalikan kepada koperasi***

11.4.3. Undang-undang Dan Peraturan

Pengurusan tabung ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Ikatan Amanah Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi, Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995, Undang-undang Kecil Koperasi dan peraturan kewangan yang berkaitan. Pengurusan Tabung juga telah dibuat berdasarkan Manual Prosedur Kerja Jabatan Pembangunan Koperasi.

11.4.4. Kelayakan Permohonan

11.4.4.1. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan hanya permohonan daripada koperasi yang memenuhi kriteria berikut layak dipertimbangkan.

a. Koperasi hendaklah berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 dan dikawal selia oleh Jabatan Pembangunan Koperasi.

b. Koperasi telah didaftarkan tidak kurang daripada 18 bulan dan akaunnya telah diaudit.

c. Pentadbiran dan pengurusan koperasi adalah mematuhi Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-undang Kecil Koperasi.

d. Pengurusan perakaunan koperasi adalah teratur, kemas kini dan penyata kewangan semasa telah diaudit.

e. Projek yang hendak dilaksana adalah berdaya maju, memberi manfaat kepada anggota-anggota dan koperasi serta dari jenis yang dibenarkan iaitu modal pusingan untuk perniagaan; kerja-kerja kontrak; perladangan/ pertanian/ternakan; perusahaan/perindustrian; pembangunan hartanah; pemilikan harta; dan membeli kenderaan/jentera.

11.4.4.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 23 pinjaman yang telah diluluskan untuk memastikan sama ada kesemua pinjaman yang telah diluluskan

itu memenuhi syarat-syarat kelayakan pinjaman. **Pada umumnya pihak Audit mendapati permohonan yang telah diluluskan adalah menepati syarat kelayakan yang ditetapkan.**

11.4.5. Permohonan Dan Pengeluaran Pinjaman

11.4.5.1. Mengikut prosedur, setiap permohonan pinjaman koperasi yang dikemukakan kepada Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah perlu disokong dengan kertas kerja projek, penyata kewangan yang telah diaudit bagi 3 tahun terakhir, cabutan Minit Mesyuarat Agung yang meluluskan had maksimum hutang, cabutan Minit Mesyuarat Lembaga yang meluluskan pinjaman serta Penyata Terimaan Dan Bayaran bagi 3 bulan terakhir. Setelah semakan dijalankan terhadap kesempurnaan permohonan tersebut ia akan dikemukakan kepada Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi.

11.4.5.2. Lawatan ke koperasi dan tapak projek akan dibuat oleh pegawai daripada Ibu Pejabat bagi membuat penilaian dari segi daya maju projek, manfaat kepada anggota dan kemampuan koperasi membuat bayaran balik. Kertas Kajian Akhir akan disediakan untuk penelitian dan kelulusan Jawatankuasa Induk.

11.4.5.3. Mengikut Piagam Pelanggan permohonan hendaklah diluluskan dalam tempoh 45 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan.

Secara keseluruhannya proses kerja aktiviti memproses permohonan pinjaman tabung adalah seperti di carta aliran berikut :-

CARTA 11.2
PROSES PERMOHONAN PINJAMAN



11.4.5.4. Setiap koperasi yang diluluskan pinjaman perlu menandatangani surat perjanjian dan menyerahkan borang gadaian bagi pinjaman yang bercagar dan Arahan Tetap Bank bagi ansuran bayaran balik pinjaman kepada Jabatan sebelum cek dikeluarkan.

11.4.5.5. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006, Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan telah meluluskan sebanyak 348 permohonan pinjaman yang berjumlah RM164.78 juta seperti butiran berikut :-

JADUAL 11.3
BILANGAN DAN NILAI PINJAMAN YANG DILULUSKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2006

TAHUN/ PERKARA	2002		2003		2004		2005		2006	
	BIL.	RM Juta	BIL.	RM Juta	BIL.	RM Juta	BIL.	RM Juta	BIL.	RM Juta
Modal Pusingan	28	6.10	23	6.31	39	9.94	35	9.19	51	22.83
Perumahan	1	0.40	3	2.60	1	2	-	-	1	0.38
Tanah/Bangunan	8	5.14	10	3.86	22	11.08	23	15.46	41	28.77
Perladangan	-	-	3	4.09	3	3.79	5	4.76	15	8.53
Kenderaan	4	1.36	2	0.13	5	1.14	8	5	13	11.12
Pendidikan	-	-	1	0.40	-	-	-	-	-	-
Jentera/mesin	-	-	-	-	-	-	-	-	3	0.40
Asas Tani	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**41**	**13**	**42**	**17.39**	**70**	**27.95**	**71**	**34.41**	**124**	**72.03**

11.4.5.6. Bagi mengesahkan sama ada pengeluaran wang pinjaman daripada Tabung telah mematuhi proses dan garis panduan yang ditetapkan, semakan Audit telah dibuat terhadap dokumen bagi 23 pengeluaran pinjaman kepada 23 koperasi yang diluluskan pada tahun 2004 hingga bulan Jun 2005 berjumlah RM6.64 juta. Pihak Audit mendapati secara keseluruhannya kesemua pengeluaran pinjaman tersebut telah mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk. Bagaimanapun, didapati permohonan pinjaman daripada 3 koperasi lewat diluluskan antara 62 hari hingga 112 hari berbanding tempoh yang ditetapkan dalam piagam pelanggan selama 45 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.4
KES PERMOHONAN PINJAMAN YANG LEWAT DILULUSKAN OLEH BAHAGIAN PINJAMAN DAN PELABURAN

KOPERASI	JUMLAH PINJAMAN (RM)	TUJUAN PINJAMAN	TARIKH PERMOHONAN LENGKAP DITERIMA	TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA	TEMPOH MASA KELULUSAN DIBERI
Koperasi Perumahan Negeri Johor Berhad	324,000	Membiayai projek pembelian rumah kedai 2 tingkat di Lot PTD 17685 NO. HSD 109087 di Taman Kempas Johor Bahru, Johor.	5/2/04	27/5/04	112 hari
Koperasi Felda Palong Timur Tiga Berhad	100,000	Modal Pusingan bagi melaksanakan kerja kontrak yang ditawarkan oleh Kerajaan dan agensinya.	26/3/04	27/5/04	62 hari
Koperasi Felda Kahang Barat Berhad	800,000	Modal Pusingan bagi melaksanakan kerja kontrak yang ditawarkan oleh Kerajaan dan agensinya.	23/3/04	29/6/04	98 hari

11.4.6. Pematuhan Terhadap Syarat-syarat Pinjaman

11.4.6.1. Setiap peminjam perlu menandatangani perjanjian dengan Jabatan Pembangunan Koperasi. Semakan Audit terhadap 79 pinjaman mendapati kesemuanya telah menandatangani perjanjian dengan Jabatan Pembangunan Koperasi. Antara syarat-syarat pinjaman yang dinyatakan dalam perjanjian adalah :-

a. Wang pinjaman hendaklah digunakan untuk tujuan asal ianya dipohon. Sebarang perubahan tujuan penggunaan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Induk.

b. Melaksanakan projek mengikut nasihat dan panduan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi.

c. Mengemukakan kepada Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan, setiap 3 bulan sekali segala maklumat berkaitan dengan kedudukan kewangan dan kemajuan projek.

d. Tidak menjual, memindah milik, menggadai janji dan mencagar harta projek.

e. Bagi pinjaman membeli kenderaan, geran kenderaan hendaklah dicop ‘Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan’.

f. Koperasi dikehendaki membayar balik semua wang asal dan faedah kepada JPK dalam tempoh yang ditetapkan.

g. Koperasi akan dikenakan faedah tambahan atas kadar 2% setahun atas baki pinjaman jika sebarang faedah dan wang asal tidak dijelaskan mengikut jadual dikira bagi tempoh dari tarikh bayaran sepatutnya dijelaskan hingga tarikh bayaran sebenarnya dijelaskan.

h. Jika koperasi melanggar mana-mana syarat perjanjian seperti di atas dan terus melanggarnya selepas 30 hari notis bertulis diberi oleh JPK kepada koperasi, maka JPK akan mengisytiharkan semua wang asal beserta faedah yang masih terhutang sebagai sudah sampai tempoh masa pembayaran balik dan koperasi dikehendaki membayar balik secara sekali gus.

11.4.6.2. Pihak Audit telah menyemak surat menyurat/laporan pengesahan penggunaan wang bagi semua 79 pengeluaran pinjaman berjumlah RM15.52 juta untuk 5 negeri yang dipilih bagi tujuan mengesahkan penggunaan wang pinjaman. Pemeriksaan tersebut mendapati :-

a. Satu kes pinjaman yang dibuat oleh sebuah koperasi pada tahun 1990 berjumlah RM165,000 untuk membeli 2 buah lori. Semasa lawatan Audit ke pejabat koperasi berkenaan pada bulan November 2006, mendapati kad pendaftaran bagi kedua-dua lori tidak dicop “Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan”. Ini perlu dibuat memandangkan koperasi berkenaan masih belum menjelaskan pinjamannya kepada Jabatan berjumlah RM73,351.

b. Sebanyak 15 pinjaman berjumlah RM2.07 juta tidak dapat disahkan penggunaannya kerana tiada surat menyurat atau laporan pemantauan mengenainya.

c. Sebanyak 5 kes wang pinjaman berjumlah RM1.64 juta telah dibayar kepada pembekal bagi pembelian kenderaan tetapi kenderaan berkenaan tidak dibekalkan kepada koperasi dan sekarang masih dalam kes mahkamah.

d. Sebanyak 6 pinjaman berjumlah RM0.39 juta tidak digunakan bagi tujuan asal ia dipohon.

Butiran bagi wang pinjaman yang tidak digunakan seperti tujuan asal dan tidak dapat ditentukan penggunaannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.5
WANG PINJAMAN TIDAK DIGUNAKAN SEPERTI TUJUAN ASAL DAN TIDAK DAPAT DISAHKAN PENGGUNAANNYA

NEGERI	BIL. SAMPEL	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	BIL. PINJAMAN YANG TIDAK DIGUNAKAN BAGI TUJUAN ASAL	JUMLAH (RM Juta)	BIL. PINJAMAN YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN PENGGUNAANNYA	JUMLAH (RM Juta)	LAIN-LAIN (KES MAHKAMAH)	AMAUN (RM Juta)
Terengganu	21	3.9 1	-	0.00	3	0.55	4	1.53
Pahang	23	4.45	3	0.09	6	0.18	1	0.11
Perak	10	2.50	1	0.13	1	0.09	-	0.00
Johor	15	4.02	1	0.14	5	1.25	-	0.00
Sabah	10	0.64	1	0.03	-	0.00	-	0.00
JUMLAH	**79**	**15.52**	**6**	**0.39**	**15**	**2.07**	**5**	**1.64**

11.4.6.3. Mengikut Prosedur Susulan Penggunaan Wang yang berkuatkuasa mulai 30 Ogos 2003, sekiranya wang pinjaman tidak digunakan seperti tujuan asal ia dipohon dan tanpa kebenaran Jawatankuasa Induk, pihak JPK bertanggungjawab mengambil tindakan mengikut turutan seperti berikut :-

a. Menghantar surat tunjuk sebab kepada koperasi;

b. Menyediakan laporan dan perakuan kepada pegawai atasan jika koperasi gagal memberi jawapan yang memuaskan;

c. Membuat perakuan dan membawanya ke mesyuarat Jawatankuasa Induk;

d. Membuat perakuan kepada Penasihat Undang-undang Jabatan mengikut keputusan Jawatankuasa Induk; dan

e. Penasihat Undang-undang dikehendaki mengkaji perakuan dan mengambil tindakan terhadap koperasi.

Semakan Audit mendapati 6 kes wang pinjaman berjumlah RM0.39 juta tidak digunakan seperti tujuan asal dan tindakan seperti mana yang dinyatakan di atas telah tidak diambil.

11.4.6.4. Adalah didapati kesemua 79 koperasi yang menerima pinjaman tidak mengemukakan Laporan Kemajuan Projek setiap 3 bulan sekali ke Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan sepertimana yang ditetapkan dalam perjanjian.

11.4.6.5. Jabatan tidak mengenakan faedah tambahan sebanyak 2% setahun atas baki pinjaman yang tertunggak.

Pada pandangan Audit, Jabatan Pembangunan Koperasi dan koperasi perlu mematuhi syarat perjanjian supaya wang tabung diuruskan dengan teratur.

11.4.7. Bayaran Balik Pinjaman

Pada Disember 2006, sebanyak 459 akaun pinjaman masih berbaki RM131.08 juta termasuk faedah. Sebanyak 164 akaun daripadanya telah dikategorikan sebagai *Non Performance Loan (NPL),* melibatkan jumlah tunggakan ansuran bayaran balik berjumlah RM28.35 juta termasuk faedah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.6
KEDUDUKAN TABUNG MODAL PUSINGAN
MENGIKUT NEGERI PADA 31 DISEMBER 2006

NEGERI	BIL. PINJAMAN YANG MASIH BELUM SELESAI	JUMLAH PINJAMAN ASAL YANG TELAH DIKELUARKAN (TANPA FAEDAH) (RM Juta)	JUMLAH BAKI PINJAMAN TERMASUK FAEDAH (RM Juta)	BIL. AKAUN PINJAMAN BERSTATUS *NPL*	JUMLAH TUNGGAKAN PINJAMAN BERSTATUS *NPL* TERMASUK FAEDAH (RM Juta)
Johor	69	17.49	15.47	6	1.31
Kedah	23	6.75	4.72	17	2.80
Kelantan	53	14.00	12.32	25	3.62
Melaka	17	3.53	3.15	9	2.29
N. Sembilan	28	7.56	6.62	15	1.93
Pahang	75	16.08	13.61	24	1.93
Perlis	7	2.59	1.50	1	0.85
P.Pinang	9	7.30	3.85	8	3.60
Perak	39	11.25	8.89	10	1.76
Sabah	25	11.87	10.64	17	3.30
Selangor	19	10.17	6.98	5	0.73
Sarawak	15	5.84	4.72	1	0.45
Terengganu	51	15.47	10.62	24	2.82
W. Persekutuan	29	31.34	27.99	2	0.96
JUMLAH	**459**	**161.24**	**131.08**	**164**	**28.35**

11.4.7.1. Semakan Audit terhadap laporan pemantauan yang disediakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi dan hasil daripada maklum balas yang diterima daripada Lembaga Koperasi mendapati antara faktor yang menyebabkan koperasi gagal menjelaskan hutang mereka ialah :-

a. Beberapa aktiviti yang dikendalikan oleh koperasi seperti mengangkut buah kelapa sawit telah diberhentikan kerana aktiviti menanam semula kelapa sawit.

b. Koperasi yang terlibat dengan aktiviti pengangkutan menghadapi masalah kewangan kerana pendapatan yang diperolehi tidak dapat menampung kos penyenggaraan kenderaan yang semakin meningkat.

c. Pendapatan dari aktiviti yang dibiayai dengan wang pinjaman tabung digunakan untuk perbelanjaan aktiviti lain.

d. Wang pinjaman tidak diguna seperti tujuan ia dipohon.

e. Perniagaan tidak maju/kurang sambutan.

11.4.7.2. Pihak pengurusan tabung telah mengambil usaha yang berterusan untuk mengatasi masalah tunggakan yang tinggi. Bagi tujuan ini, pihak pengurusan tabung telah menetapkan matlamat untuk mengurangkan bilangan Pinjaman Tidak Berbayar kepada kurang daripada 25% daripada keseluruhan baki pinjaman pada tahun 2006 dan kurang daripada 20% pada tahun 2007. Antara langkah yang diambil ialah :-

a. Memantapkan lagi mekanisme pemantauan dengan menambah baik prosedur susulan dan pemantauan pinjaman dalam sistem kualiti Jabatan di mana Prosedur Susulan Penggunaan Wang dan Prosedur Susulan Bayaran Balik Pinjaman telah disediakan dan diluluskan penggunaannya pada Ogos 2003 dan Mei 2004.

b. Mengeluarkan surat peringatan dan amaran kepada koperasi supaya membuat bayaran dan melibatkan pegawai penyelia koperasi di negeri dan wilayah dalam pemantauan pinjaman.

c. Membuat lawatan susulan ke koperasi untuk memantau projek, mengadakan perbincangan dengan Lembaga untuk mengetahui masalah yang dihadapi dan cuba mencari jalan penyelesaian terbaik seperti membuat penjadualan semula pinjaman mengikut kemampuan dan kedudukan kewangan koperasi di samping mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman.

11.4.7.3. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Jabatan telah membuat lawatan terhadap 268 koperasi dan berjaya mengutip ansuran tunggakan pinjaman berjumlah RM1.17 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.7
BILANGAN KOPERASI YANG DILAWATI DAN
JUMLAH KUTIPAN YANG DIBUAT BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

NEGERI/TAHUN	2004		2005		2006	
	BIL. KOPERASI YANG DILAWATI	JUMLAH KUTIPAN (RM)	BIL. KOPERASI YANG DILAWATI	JUMLAH KUTIPAN (RM)	BIL. KOPERASI YANG DILAWATI	JUMLAH KUTIPAN (RM)
Johor	6	205,131	11	44,875	22	101,566
Pahang	40	58,415	38	86,700	43	220,777
Sabah	22	30,113	8	400	13	35,200
Terengganu	11	176,017	6	47,826	22	41,281
Perak	3	4,000	3	35,197	20	79,918
JUMLAH	**82**	**473,676**	**66**	**214,998**	**120**	**478,742**

11.4.7.4. Hasil daripada tindakan menangani tunggakan seperti mana yang dinyatakan di perenggan 11.4.7.2. didapati pada tahun 2006 pihak JPK telah dapat mengurangkan jumlah NPL. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan NPL bagi tempoh tahun 2004 hingga September 2006.

JADUAL 11.8
KEDUDUKAN *NON PERFORMANCE LOAN*
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA DISEMBER 2006

TAHUN/BUTIRAN	2004	2005	2006
Baki Semua Pinjaman (RM Juta)	91.78	100.98	131.08
Pinjaman Bertunggakan - NPL (RM Juta)	36.83	31.70	28.35
***Non Performance Loan* (%)**	40	31	22

11.4.8. Pemantauan

11.4.8.1. Mengikut prosedur yang ditetapkan, pemantauan terhadap aktiviti koperasi dibuat oleh pegawai di Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Jabatan. Antara perkara yang perlu dipantau ialah penggunaan wang, kemajuan projek dan bayaran balik pinjaman. Pegawai JPK Wilayah dikehendaki mengemukakan laporan hasil daripada pemantauan yang telah dibuat ke Ibu Pejabat. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Laporan yang dikemukakan ke Ibu Pejabat tidak difailkan dengan teratur. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan bahawa semua pegawai wilayah telah mengemukakan laporan pemantauan mereka. Semakan Audit terhadap 23 pinjaman yang dikeluarkan pada tahun 2004 dan 2005 mendapati 8 daripadanya tidak mempunyai laporan pemantauan.

b. Syarat perjanjian pinjaman menghendaki peminjam mengemukakan laporan kemajuan projek setiap 3 bulan sekali ke Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan. Pemeriksaan Audit mendapati pada umumnya koperasi yang menerima pinjaman tidak mematuhi syarat ini. **Pada pandangan Audit, pihak Jabatan sepatutnya memandang serius terhadap kepentingan laporan ini kerana ia mengandungi maklumat yang amat berguna untuk menilai prestasi projek dan tahap kemampuan koperasi untuk membayar balik ansuran pinjaman bagi membolehkan Jabatan mengambil langkah awal untuk membantu koperasi yang bermasalah.**

c. Mengikut prosedur, Jawatankuasa Induk perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun untuk membincangkan antara lainnya status permohonan pinjaman yang telah diluluskan, status permohonan yang tidak dapat diperakukan dan ditangguhkan, status kes-kes rayuan dan penjadualan semula serta kedudukan kewangan tabung. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2002 hingga Julai 2006, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 44 kali. Berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa didapati antara perkara yang dibincangkan adalah sepertimana yang ditetapkan oleh prosedur berkenaan.

d. Selain itu sebulan sekali mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan dan ahli yang lain terdiri daripada pegawai Zon dan Akauntan telah juga membincangkan hal-hal berkaitan kedudukan Pinjaman Tidak Berbayar, laporan tunggakan, surat peringatan dan lawatan susulan oleh pegawai zon, laporan pengeluaran cek, dan cadangan tindakan perundangan.

e. Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan telah membangunkan sistem pengkomputeran bagi memudahkan proses pengurusan dan pemantauan tabung pada tahun 2001. Sistem ini meliputi proses penerimaan, penilaian dan kelulusan permohonan. Ia juga sepatutnya boleh menjana laporan-laporan berhubung dengan wang Tabung dan statistik mengenai pinjaman. Mengikut spesifikasi terdapat 14 proses kerja yang perlu dikomputerkan bagi memenuhi keperluan pengurusan Tabung agar dapat berfungsi dengan berkesan. Bagaimanapun Modul bagi Tabung ini gagal disiapkan.

11.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya Jabatan Pembangunan Koperasi telah membuat perancangan yang baik dalam menguruskan Tabung Modal Pusingannya. Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Koperasi telah mengeluarkan peraturan serta garis panduan bagi melulus dan mengeluarkan pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Jabatan juga telah mewujudkan mekanisme pemantauan yang memuaskan terhadap penggunaan wang dan prestasi projek serta memastikan bayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual. Bagaimanapun, Jabatan masih boleh mempertingkatkan kaedah pemantauan dengan memastikan koperasi yang membuat pinjaman mengemukakan laporan-laporan yang telah ditetapkan kerana ia mengandungi maklumat yang amat berguna untuk menilai prestasi projek dan tahap kemampuan koperasi dalam membayar balik ansuran pinjaman. Dengan ini Jabatan boleh menggunakan laporan tersebut sebagai panduan bagi membantu koperasi yang bermasalah. Di samping itu, Jabatan disyor mewujudkan unit khas di peringkat Cawangan Wilayah dan seterusnya menempatkan pegawai khusus di Ibu Pejabat untuk memantau tugas pengurusan Tabung yang dilaksanakan oleh Cawangan-cawangan Wilayah.

KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI

12. PROGRAM PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Services Provision - USP*) pada bulan Mei 2001 dengan peruntukan berjumlah RM1.00 bilion yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia 5 tahun. Bagi Rancangan Malaysia Kelapan, Kerajaan telah meluluskan siling berjumlah RM290.29 juta dan RM150 juta bagi Rancangan Malaysia Kesembilan. Objektif program ialah untuk menyediakan kemudahan perkhidmatan infrastruktur komunikasi kepada masyarakat di luar bandar dan kawasan pedalaman bagi merapatkan jurang digital antara golongan dari kawasan bandar dan luar bandar selaras dengan matlamat Dasar Kebangsaan Bagi Industri Komunikasi dan Multimedia. Antara matlamat dasar ini adalah menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan komunikasi dan multimedia; menggalakkan pewujudan masyarakat yang mengamalkan perkhidmatan teknologi maklumat sebagai asas pembangunan kualiti hidup yang berterusan dan memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata yang mampu dibayar melalui infrastruktur kebangsaan yang sedia ada.

12.1.2. Program ini memberikan tumpuan kepada sekolah, perpustakaan dan klinik yang akan dilengkapkan dengan akses kepada talian tetap, telefon awam berbayar, komputer, pencetak, pengimbas, *local area network* dan internet. Ia dilaksanakan dalam 4 fasa seperti berikut :-

Fasa 1 - Membekalkan 220 sekolah dengan peralatan komputer, pencetak dan talian telefon pejabat, bekalan tenaga elektrik/generator dan lain-lain peralatan yang berkaitan. Kemudahan akses menggunakan teknologi *Very Small Aperture Satellite* (VSAT).

Fasa 2 - Membekalkan 50 klinik desa dan 176 perpustakaan desa dengan peralatan komputer, pencetak, pengimbas/kamera digital, talian telefon pejabat dan telefon awam, bekalan tenaga elektrik/generator serta lain-lain peralatan yang berkaitan. Kemudahan akses menggunakan teknologi VSAT/*Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL). Latihan asas berhubung dengan pengenalan kepada komputer dan penjagaannya, aplikasi *Microsoft Office* serta internet juga akan diberikan kepada petugas dan wakil masyarakat.

Fasa 3 - Membekalkan 309 klinik desa dan 187 perpustakaan desa dengan peralatan komputer, pencetak, pengimbas/kamera digital, talian telefon pejabat dan telefon awam, bekalan tenaga elektrik/generator dan lain-lain

peralatan yang berkaitan. Kemudahan akses menggunakan teknologi VSAT/ADSL. Latihan asas berhubung dengan pengenalan kepada komputer dan penjagaannya, aplikasi *Microsoft Office* serta internet juga akan diberikan kepada petugas dan wakil masyarakat.

Fasa 4 - Membekalkan 147 perpustakaan daerah/cawangan/desa dengan peralatan komputer, pencetak, pengimbas, talian telefon pejabat dan telefon awam serta lain-lain peralatan yang berkaitan. Kemudahan akses menggunakan teknologi VSAT/ADSL. Latihan asas dan pertengahan berhubung dengan sistem komunikasi e-mel dan langkah pencegahan antivirus juga akan diberikan kepada petugas dan wakil masyarakat.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menentukan sama ada Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (Kementerian) melalui 5 kontrak bagi tempoh 2002 hingga 2006. Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan di Kementerian dan Jabatan Kerja Raya selaku juru perunding projek. Perbincangan dengan pegawai dan lawatan ke 74 lokasi yang dipilih antaranya sekolah, perpustakaan desa/awam dan klinik desa di 6 negeri iaitu Perak, Selangor, Johor, Terengganu, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Soal selidik telah disediakan untuk mendapatkan maklum balas pengguna tentang pelaksanaan program ini.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2006 meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Pelaksanaan Pemberian Perkhidmatan Sejagat mendapati perkara berikut :-

12.4.1. Pengurusan Program

a. Perancangan dan pelaksanaan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Infrastruktur dan Aplikasi Kementerian yang diketuai oleh Puan Rubaiah Hashim, Setiausaha Bahagian Gred M54. Bahagian ini bertanggungjawab merancang, menyelaras, menggubal dasar dan sasaran pembangunan infrastruktur, industri komunikasi dan multimedia terhadap program dan projek yang telah dikenali pasti untuk dilaksanakan. Setiap program atau projek mempunyai pasukan petugas yang diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha sama ada Gred M52/F52/M48/F48. Struktur organisasi Bahagian adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 12.1
STRUKTUR ORGANISASI
KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI
- KEDUDUKAN PADA BULAN OGOS 2006



b. Pada bulan Ogos 2006, sebanyak 11 jawatan telah diluluskan untuk Bahagian Infrastruktur dan Aplikasi bagi melaksanakan keseluruhan program dan projek yang dirancang. Bagaimanapun bagi menguruskan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat, 3 pegawai telah dipertanggungjawab secara langsung mengendalikan program ini. Kedudukan perjawatan Bahagian mengikut kategori menunjukkan terdapat kekosongan bagi 3 perjawatan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.1
BILANGAN JAWATAN DILULUSKAN DAN DIISI BAGI
BAHAGIAN INFRASTRUKTUR DAN APLIKASI

JAWATAN	GRED	PERJAWATAN		
		LULUS	ISI	PERATUSAN DIISI
Setiausaha Bahagian	M54	1	1	100.0
Ketua Penolong Setiausaha	M52/M48	3	2	66.7
Pegawai Sistem Maklumat	F52/48	2	1	50.0
Penolong Setiausaha	M41/N41*	5	4*	80.0
JUMLAH		**11**	**8**	**72.7**

Nota : **** Jawatan - diisi secara kontrak***

c. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berfungsi mengurus pembangunan dan perancangan tenaga manusia melalui program latihan/kursus yang bersesuaian. Bahagian ini ada menyediakan program latihan/kursus di dalam negeri yang dilaksanakan oleh Kementerian, institusi latihan Kerajaan dan swasta. Pegawai

yang terlibat dalam Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat ada diberikan latihan berkaitan pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi anjuran Bahagian ini dan pihak telekomunikasi antara bangsa.

Pada pandangan Audit, Kementerian telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas untuk melaksanakan keseluruhan program dan projek yang dirancang.

12.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

12.4.2.1. Sejumlah RM290.29 juta (siling) diluluskan untuk Rancangan Malaysia Kelapan dan RM150 juta bagi Rancangan Malaysia Kesembilan. Manakala peruntukan bagi program mengikut fasa adalah RM230.16 juta. Peruntukan dan perbelanjaan mengikut fasa dan tahun liputan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN UNTUK PROGRAM BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2006

FASA	TEMPOH FASA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	%
1	2002 – 2007	72.81	73.34	100.7
2	2003 – 2008	41.00	41.18	100.4
3	2004 – 2009	84.00	83.80	99.8
4	2005 – 2010	31.00	31.88*	102.8
Jumlah		**228.81**	**230.20**	**100.6**
Kos Juru Perunding		1.35	1.35	100.0
JUMLAH		**230.16**	**231.55**	**100.6**

Nota : * Sejumlah RM6.21 juta dibayar melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan

12.4.2.2. Kementerian telah membelanjakan peruntukan pembangunan tahunan antara 99.8% hingga 102.8.% bagi fasa 1 hingga 4 yang meliputi tempoh tahun 2002 hingga 2006. Ini termasuk sejumlah RM7.81 juta telah dibelanjakan dari tahun 2003 hingga 2005 bagi sewaan komputer daripada syarikat MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd.

12.4.3. Kaedah Pelaksanaan Program

12.4.3.1. Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi telah mengenal pasti 4 projek Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Program ini merangkumi penyediaan perkhidmatan komunikasi asas (talian telefon) dan talian sambungan untuk akses internet. Ini dijangka dapat memberi manfaat kepada pengguna di 220 sekolah, 530 perpustakaan desa/awam dan 351 klinik di seluruh negara.

12.4.3.2. Pemilihan sekolah, perpustakaan desa/awam dan klinik desa dibuat berdasarkan maklum balas daripada agensi yang dikenal pasti mewakili kumpulan sasaran seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan dan

Perpustakaan Awam Negeri. Tumpuan sasaran program ini adalah penduduk kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya pelajar sekolah dan pengajian tinggi, kakitangan perkhidmatan awam dan swasta, suri rumah, pesara, petani, nelayan, usahawan dan lain-lain.

12.4.3.3. Kajian lokasi dan lawatan dibuat bagi menentukan sama ada terdapat kesesuaian dan keperluan sebenar lokasi sebelum penentuan muktamad dibuat oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Antara kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

a. Lokasi di kawasan luar bandar dan pedalaman serta masih belum ada sambungan talian telefon dan telekomunikasi;

b. Mempunyai talian telefon tetapi belum mencukupi dari segi kapasiti untuk akses internet;

c. Tidak ada projek yang sama (komunikasi dan akses internet) dilaksanakan dalam lingkungan 15 km oleh agensi atau pihak lain di lokasi/tempat tersebut dan belum ada perancangan untuk pelaksanaan projek sehingga tahun 2005;

d. Tiada bekalan tenaga elektrik 24 jam sehari atau kurang 24 jam;

e. Bangunan bagi menempatkan projek adalah hak milik Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pelajaran bagi kes klinik desa dan sekolah. Jika bangunan kepunyaan agensi/jabatan Kerajaan yang lain, perlu mendapat kebenaran bertulis daripada pemiliknya. Bangunan perlu kekal, berpagar dan berjeriji serta mempunyai kawasan untuk meletakkan *Very Small Aperture Satellite* (VSAT) yang berukuran 10 x 10 kaki. Kawasan bagi menempatkan peralatan ini perlu bebas daripada banjir dan bencana lain.

12.4.3.4. Pemilihan kemudahan teknologi akses bergantung pada kesesuaiannya dari segi lokasi dan kos terlibat. Teknologi berikut diutamakan :-

a. Menggunakan VSAT yang boleh menerima dan menghantar bahan rangkaian komunikasi melalui satelit. Teknologi ini sesuai digunakan bagi lokasi yang terletak di pedalaman yang tiada kemudahan infrastruktur tetap dan kedudukan lokasi jauh daripada ibu sawat. Ia mudah dan cepat untuk dipasang **(Gambar 12.1)**.

b. Teknologi akses menggunakan *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) yang berkeupayaan menerima dan menghantar maklumat dengan berkelajuan tinggi menggunakan talian telefon tembaga dan modem ADSL. Teknologi ini sesuai bagi tapak yang mempunyai kemudahan infrastruktur komunikasi serta kedudukan lokasi dalam lingkungan 5 km dari ibu sawat **(Gambar 12.2)**.

GAMBAR 12.1

Very Small Aperture Satellite (VSAT) line

GAMBAR 12.2

Modem Asymmetric Digital Subscriber Line (ADSL)

12.4.4. Pelantikan Perunding Dan Kontraktor

12.4.4.1. Bagi melaksanakan program ini, kecuali fasa 1 Kementerian telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku juru perunding projek yang bertanggungjawab untuk menyelia, memantau dan membuat verifikasi ke atas kemudahan dan peralatan bagi pelaksanaan projek dari fasa 2 hingga 4. Tanggungjawab ini diserahkan kepada Unit Perunding ICT, Cawangan Kejuruteraan Elektrik, JKR Ibu Pejabat dan Cawangan JKR Negeri.

12.4.4.2. Pelantikan kontraktor bagi melaksanakan program ini boleh dibuat secara tender terbuka/tender terhad/rundingan terus dengan berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1999. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan melibatkan rundingan terus bagi 3 kontrak manakala 2 kontrak lain telah diurus secara tender terhad. Kelulusan Kementerian Kewangan juga telah diperolehi. Sebanyak 5 kontrak perolehan dan penyenggaraan peralatan bernilai RM222.39 juta telah ditandatangani oleh Kementerian. Butiran lengkap mengenainya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.3
SENARAI KONTRAK PEROLEHAN DAN PENYENGGARAAN PERALATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2005

FASA	KONTRAKTOR/SYARIKAT	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH (5 TAHUN)
1	Telekom Malaysia Bhd.	21.6.2002	49.09	2002 - 2007
1	Telekom Malaysia Bhd.	2.12.2005	16.44	2004 - 2007
2	Maxis Broadband Sdn.Bhd.	28.5.2004	41.18	2003 - 2008
3	Telekom Malaysia Bhd.	10.12.2004	83.80	2004 - 2009
4	Telekom Malaysia Bhd.	20.12.2005	31.88	2005 - 2010
JUMLAH			222.39	

12.4.4.3. Bagi projek fasa 1, Kementerian telah menandatangani 2 kontrak berasingan dengan Telekom Malaysia Sdn. Bhd. seperti berikut :-

a. Kontrak pertama berjumlah RM49.09 juta adalah meliputi pakej penuh di 20 sekolah dan projek jenis *connectivity* di 200 sekolah di Sabah dan Sarawak. Pakej penuh melibatkan komponen perbelanjaan modal antaranya

perkhidmatan kejuruteraan, perkakasan komputer, alat cetak, perabot, kipas, peralatan VSAT, pemasangan *uninterrrupted power supply* serta perbelanjaan berulang iaitu harga *transponder* satelit, bayaran penyambungan langsung *TMnet* dan penyenggaraan untuk tahun pertama (1 Januari 2003 hingga 31 Disember 2003) sahaja. Bagi projek *connectivity* yang melibatkan 200 buah sekolah, komponen seperti perkakasan komputer, pencetak dan kipas tidak akan dibekalkan.

b. Kontrak kedua bernilai RM16.44 juta hanya menyentuh aspek penyenggaraan berjadual dan pembaikan terhadap kontrak pertama bagi meliputi tempoh 1 Januari 2004 hingga 31 Disember 2007.

c. Projek *connectivity* yang melibatkan 200 buah sekolah tidak dibekalkan dengan komponen seperti perkakasan komputer, pencetak dan perkhidmatan penyenggaraan terhadapnya. Oleh itu, Kementerian telah menyewa komponen peralatan termasuk lesen *Microsoft Office Pro* daripada syarikat MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat milik penuh MIMOS Berhad. Syarikat ini dilantik melalui kontrak pusat. Sejumlah RM7.81 juta telah dibelanjakan oleh Kementerian bagi menyewa 200 komputer dan pencetak termasuk perkhidmatan penyenggaraan untuk tempoh tahun 2003 hingga 2005.

12.4.4.4. Secara umumnya kesemua kontrak tersebut mengandungi syarat antara lainnya adalah seperti berikut :-

a. Kontraktor perlu menyiapkan kerja pembekalan, penghantaran, pemasangan, pengujian dan pentauliahan kemudahan infrastruktur komunikasi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh mula kerja atau pada tempoh lanjutan masa yang dibenarkan bagi setiap fasa. Kontrak dengan syarikat Mimos Smart Computing Sdn. Bhd. yang berkonsepkan sewaan tidak tertakluk kepada syarat kontrak ini.

b. Menyediakan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan terhadap peralatan dan kemudahan komunikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan dan apabila kerosakan berlaku.

c. Memberi latihan kepada petugas/penyelia dan guru sekolah, perpustakaan desa/awam dan klinik desa yang bertanggungjawab mengendalikan lokasi projek serta wakil masyarakat yang dipilih.

d. Kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan pada kadar 5% daripada harga kontrak dan berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan sama ada tidak melebihi 4 hingga 6 bulan dari tarikh tamat tempoh jaminan.

e. Penggantian *toner catridge* bagi pencetak hendaklah dibuat pada kadar 3 unit setahun bagi setiap lokasi.

f. Kontraktor dikehendaki mengambil insurans untuk melindungi tuntutan pampasan daripada mana-mana pihak.

12.4.4.5. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan pada syarat kontrak yang telah ditandatangani seperti berikut :-

a. Penyenggaraan berjadual perlu dilakukan 4 kali setahun atau sekali dalam tempoh 3 bulan bagi kontrak yang ditandatangani dengan syarikat Maxis Broadband Sdn. Bhd. dan syarikat Telekom Malaysia Berhad. Bagi penyenggaraan pembaikan, kontraktor dikehendaki melakukan pembaikan dalam tempoh 3 hari di Semenanjung Malaysia atau 5 hari di Sabah dan Sarawak setelah menerima aduan kerosakan daripada petugas atau pihak JKR. Semakan Audit mendapati kedua-dua **kontrak ini tidak menetapkan pengenaan syarat penalti/denda sekiranya kontraktor gagal membuat penyenggaraan seperti dijadualkan atau melebihi had hari ditetapkan untuk pembaikan bagi kes aduan kerosakan.**

b. Kontrak yang ditandatangani dengan syarikat Maxis Broadband Sdn. Bhd. ada memperuntukkan syarat supaya jadual lawatan disediakan pada setiap awal tahun untuk diserahkan kepada Kementerian dan petugas di lokasi projek. Bagaimanapun, tiada syarat berhubung dengan penyediaan jadual lawatan dimasukkan dalam kontrak dengan syarikat Telekom Malaysia Bhd. dan syarikat MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd. Ketiadaan jadual lawatan menyukarkan pihak Kementerian, JKR dan petugas memantau keberkesanan pelaksanaan penyenggaraan dan tindakan susulan yang perlu dibuat sekiranya berlaku kelewatan dalam menyenggarakannya.

c. Syarat kontrak bagi projek fasa 1 hingga 4, menghendaki kos penyenggaraan dibayar secara *lump sum* walaupun perkhidmatan berkenaan belum dilaksanakan meliputi sepanjang tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati bayaran penyenggaraan bagi projek fasa 1 hingga 4 telah dibuat sepenuhnya dan pecahan perbelanjaan penyenggaraan mengikut kontrak adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.4
KEDUDUKAN KOS PENYENGGARAAN YANG DIBAYAR

SYARIKAT	FASA	KOS PENYENGGARAAN (RM Juta)	TARIKH DIBAYAR SEPENUHNYA
TELEKOM MALAYSIA BHD.	1	16.44	30.12.2005
MAXIS BROADBAND SDN. BHD.	2	6.46	16.12.2004
TELEKOM MALAYSIA BHD.	3	13.14	12.1.2006
TELEKOM MALAYSIA BHD.	4	1.77	25.9.2006

d. Syarat kontrak menghendaki supaya kontraktor melantik subkontraktor atau *authorised service and support provider* yang bertauliah dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang tertentu perlu dinyatakan pada kontrak. Nama subkontraktor yang telah dilantik disenaraikan bagi memudahkan rujukan dibuat oleh Kementerian, JKR, penyelaras negeri dan petugas. Jika terdapat perubahan pada senarai, Kementerian perlu

dimaklumkan segera. Semakan Audit mendapati hanya kontrak yang ditandatangani dengan syarikat MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd. telah memasukkan syarat ini dalam kontraknya.

Pada pandangan Audit, syarat kontrak penyenggaraan perlu memasukkan peruntukan yang membolehkan penalti/denda dikenakan terhadap kontraktor sekiranya gagal melaksanakan perkhidmatan penyenggaraan dalam masa ditetapkan. Kementerian juga perlu mengkaji semula syarat yang menghendaki pembayaran kos penyenggaraan dijelaskan sepenuhnya walaupun perkhidmatan masih belum dilaksanakan.

12.4.4.6. Semakan Audit telah dijalankan untuk menentukan sejauh mana syarat kontrak dipatuhi mendapati perkara berikut :-

a. Syarat kontrak ada memasukkan elemen *preliminaries* iaitu *transfer of technology to government officers involved in the project including factory testing and visit.* Semakan Audit mendapati sejumlah RM637,500 telah dibayar kepada 3 kontraktor bagi kontrak fasa 2, 3 dan 4 untuk tujuan ini. Bagaimanapun, **proses pemindahan teknologi ini tidak dibuat kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan seperti mana yang disyaratkan dalam kontrak.**

b. Syarikat Maxis Broadband Sdn. Bhd. tidak menyediakan jadual lawatan ke lokasi projek seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak bagi membolehkan Kementerian memantau kerja penyenggaraan yang dilaksanakannya.

c. Mengikut syarat kontrak, syarikat Maxis Broadband Sdn. Bhd perlu memberikan *on site training – system overview operation and workflow system* kepada petugas di 224 lokasi projek dengan kadar RM1,050 bagi 3 petugas di setiap lokasi. Semakan Audit mendapati sebanyak RM235,200 telah dibayar kepada syarikat tersebut. Bagaimanapun, didapati bilangan petugas yang dilatih adalah kurang daripada yang ditetapkan kerana tidak semua lokasi mempunyai 3 orang petugas dan sebagai contoh lawatan Audit di 16 perpustakaan desa mendapati hanya ada seorang petugas ditempatkan di lokasi-lokasi berkenaan.

d. Semasa lawatan dibuat ke 36 lokasi projek, pihak Audit mendapati *toner catridge* bagi pencetak tidak diganti walaupun mengikut kontrak ianya perlu diganti pada kadar 3 unit setahun bagi setiap lokasi.

12.4.5. Prestasi Program

12.4.5.1. Prestasi Program Keseluruhan

Sehingga akhir Ogos 2006, Kementerian telah dapat menyediakan kemudahan perkhidmatan infrastruktur komunikasi di 1,089 sekolah, perpustakaan desa/awam dan klinik desa daripada 1,101 yang dirancang. Semakan Audit

mendapati bilangan lokasi projek di peringkat negeri terpaksa dikurangkan daripada yang telah dirancang kerana beberapa faktor seperti kawasan berbukit, banjir dan terlalu jauh di pedalaman; bangunan yang usang, ruang dalaman dan luaran bangunan yang tidak sesuai dan selesa; lokasi bangunan yang berdekatan dengan bandar dan tiada kemudahan ADSL untuk perpustakaan desa. Sebaliknya, ada juga negeri yang mendapat perkhidmatan lebih daripada yang dirancang kerana permintaan penduduk setempat. Bilangan lokasi projek di 8 negeri iaitu Kelantan, Kedah, Sabah, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Melaka telah bertambah manakala di 6 negeri lain iaitu Terengganu, Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Pahang dan Sarawak menunjukkan pengurangan lokasi projek yang dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.5
KEDUDUKAN LOKASI PROJEK
YANG TELAH DILAKSANAKAN BERBANDING YANG DIRANCANG

NEGERI	BILANGAN LOKASI						JUMLAH LOKASI		TAMBAH/ (KURANG)
	RANCANG			LAKSANA					
	SEK	PD/A	KD	SEK	PD/A	KD	R	L	
PERTAMBAHAN									
Kelantan	-	1	22	-	9	35	23	44	21
Kedah	-	23	-	-	39	4	23	43	20
Sabah	110	30	136	110	47	138	276	295	19
Johor	-	43	21	-	47	20	64	67	3
Negeri Sembilan	-	20	-	-	23	-	20	23	3
Perak	-	46	8	-	52	4	54	56	2
Wilayah Persekutuan Labuan	-	-	-	-	2	-		2	2
Melaka	-	25	-	-	26	-	25	26	1
PENGURANGAN									
Terengganu	-	58	12	-	38	31	70	69	(1)
Selangor	-	45	-	-	41	-	45	41	(4)
Pulau Pinang	-	25	-	-	21	-	25	21	(4)
Perlis	-	21	-	-	17	-	21	17	(4)
Pahang	-	45	35	-	39	34	80	73	(7)
Sarawak	110	143	117	110	104	93	370	307	(63)
Kuala Lumpur	-	5	-	-	5	-	5	5	-
JUMLAH	**220**	**530**	**351**	**220**	**510**	**359**	**1,101**	**1,089**	**(12)**

Nota: ***R - Rancang*** ***L - Laksana*** ***KD - Klinik Desa*** ***SEK - Sekolah***
PD/A - Perpustakaan Desa/Awam

12.4.5.2. Penerimaan, Penempatan Dan Pentauliahan Peralatan Komunikasi

a. Semakan Audit telah dijalankan terhadap proses penerimaan dan penempatan peralatan komunikasi bagi 74 lokasi projek dan mendapati pada keseluruhannya urusan tersebut telah dibuat dengan teratur kecuali perkara berikut :-

i. Pemeriksaan Audit mendapati penempatan peralatan telah dibuat dengan teratur seperti mana ditetapkan pada lakaran dalam kontrak kecuali beberapa lokasi projek di mana terdapat keadaan penempatan yang tidak memuaskan dari segi kesesuaian dan kebersihan persekitarannya seperti berikut :-

- Perpustakaan Desa Cawangan Desa Tun Razak, Kuala Lumpur terletak di bawah saluran paip air yang boleh terdedah kepada kemasukan air sekiranya berlaku kebocoran paip. Lawatan Audit pada bulan Jun 2006 mendapati sebuah komputer telah mengalami kerosakan serius akibat kebocoran saluran air penghawa dingin. Gambar berikut menunjukkan ruang penempatan komputer yang terlibat :-

GAMBAR 12.3

Perpustakaan Desa Cawangan Desa Tun Razak, Kuala Lumpur - Komputer Mengalami Kerosakan Terkena Air Penghawa Dingin

- Kebanyakan perpustakaan desa/awam dan klinik desa menempatkan komputer berhampiran tingkap yang tidak dipasang langsir atau penghadang tertentu untuk menghalangnya daripada sinaran cahaya matahari seperti di **Gambar 12.4 dan Gambar 12.5**. Keadaan ini boleh menjejaskan kemampuan dan ketahanannya dalam jangka masa panjang memandangkan komputer akan mengalami kerosakan apabila terdedah kepada cuaca panas.

GAMBAR 12.4

Perpustakaan Masyarakat Rancangan Perumahan Tersusun Chepor, Chemor, Perak

GAMBAR 12.5

Perpustakaan Desa Pasir Panjang,Selangor

- Ruang menempatkan komputer di Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Dengkil, Selangor sentiasa berhabuk dan berkeadaan kotor disebabkan bangunan tersebut telah menjadi tempat tinggal burung dan kelawar. Perpustakaan Desa Parit 14, Sungai Panjang, Sabak

Bernam juga mengalami keadaan yang sama di mana ia telah dikotori oleh najis burung. Lawatan Audit pada bulan April 2006 mendapati perpustakaan berkenaan tidak beroperasi disebabkan ketiadaan petugas.

- Di Sekolah Kebangsaan Beradek, Padawan, Kuching, Sarawak terdapat satu unit komputer, pencetak, modem ADSL, telefon pejabat dan *Dial Away Internet Protocol* telah diletakkan dalam Bilik Guru Besar walaupun ia sepatutnya ditempatkan di Makmal Komputer. Ini menyebabkan murid dan guru lain tidak dapat menggunakan kemudahan perkhidmatan yang disediakan. Selain itu, talian internet tidak dibekalkan bagi 2 komputer yang ditempatkan di Makmal Komputer. Bangunan Makmal ini diperbuat daripada kayu dan lawatan Audit mendapati tangganya berkeadaan uzur dan berbahaya untuk digunakan **(Gambar 12.6 hingga 12.8).**

GAMBAR 12.6

Komputer di Bilik Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Beradek, Padawan, Kuching

GAMBAR 12.7

Makmal Komputer
Sekolah Kebangsaan Beradek, Padawan, Kuching

GAMBAR 12.8

Bangunan Makmal Komputer
Sekolah Kebangsaan Beradek,
Padawan, Kuching
Keadaan Tangga Terlalu Buruk Dan Uzur

b. Mengikut perjanjian kontrak, subkontraktor yang dilantik oleh kontraktor perlu menjalankan pemasangan dan memberi taklimat *on site training* kepada petugas. Proses pemasangan yang melibatkan antaranya pendawaian elektrik, talian telefon pejabat dan awam, *local area network, uninterrupted power supply, peralatan Very Small Aperture Satellite (VSAT) dan Asymmetric Digital Subscriber Line (ADSL)* hendaklah dibuat sebelum peralatan dapat berfungsi. Pihak JKR akan membuat pemeriksaan, ujian verifikasi dan mengesahkan semua peralatan telah dipasang dengan baik

serta mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Surat pengesahan akan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya bagi mengesahkan kesempurnaan proses pemasangan dan pemeriksaan terhadap peralatan berkenaan. Penerangan ringkas berkaitan penggunaan dan penjagaan kemudahan seperti komputer, pencetak, talian internet, VSAT *dan uninterrupted power supply* perlu diberikan oleh subkontraktor kepada petugas. Pemeriksaan Audit di 44 lokasi mendapati sungguhpun proses pemasangan dan ujian verifikasi serta taklimat ringkas telah dibuat, namun surat pengesahan sebagai bukti proses tersebut telah disempurnakan tidak diberikan kepada petugas berkenaan sebagaimana dikehendaki dalam prosedur kerja Jabatan Kerja Raya. Mengikut Kementerian, surat pengesahan ini boleh diperolehi melalui sistem. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tarikh sebenar surat pengesahan tidak dapat ditentukan kerana sistem hanya menunjukkan tarikh surat itu dicetak.

c. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menyiapkan pembekalan, pemasangan, pengujian dan pentauliahan kemudahan infrastruktur mengikut tempoh yang ditetapkan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.6
TEMPOH PROJEK DISIAPKAN

FASA	KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH PROJEK SEPATUT SIAP	TARIKH SIJIL PENYIAPAN PROJEK DIKELUARKAN
1	Telekom Malaysia Bhd.	31.12.2002	Tiada Maklumat
2	Maxis Broadband Sdn.Bhd.	30.4.2004	1.6.2004
3	Telekom Malaysia Bhd.	31.12.2004	31.12.2005
4	Telekom Malaysia Bhd.	28.2.2006	Belum Dikeluarkan

Semakan Audit terhadap Sijil Penyiapan Projek mendapati projek telah lewat disiapkan di mana kelewatannya ialah 1 bulan bagi fasa 2 dan 1 tahun bagi fasa 3. Mengikut maklum balas Kementerian, kelewatan yang dialami adalah disebabkan oleh musim hujan, banjir, laluan ke lokasi rosak akibat tanah runtuh, ketiadaan petugas, masalah kebenaran memulakan kerja dan pengubahsuaian bangunan.

Pada pandangan Audit, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi perlu memastikan kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh ditetapkan.

d. Semakan Audit mendapati subkontraktor di Sarawak telah mengambil semula pada bulan Disember 2005 peralatan yang dibekalkannya antaranya dari Perpustakaan Desa (PD) Sebako, PD Kampung Stenggang, PD Kampung Krokong, PD Mundai, PD Paon Gaha, PD Kampung Tanjong Apong, PD Moyan Laut, PD Kampung Bunan dan PD Kampung Bengoh disebabkan mereka tidak mendapat bayaran daripada kontraktor utama bagi kerja yang telah dilaksanakan. Pihak kontraktor dan petugas perpustakaan telah membuat laporan polis berhubung dengan perkara ini. Lawatan Audit

pada akhir bulan Jun 2006 di Perpustakaan Desa (PD) Kampung Tanjong Apong, PD Moyan Laut, PD Kampung Bunan dan PD Kampung Bengoh mendapati ia masih belum dikembalikan. Mengikut maklum balas Kementerian, peralatan tersebut telah diserahkan semula oleh kontraktor kepada perpustakaan terlibat pada bulan Oktober 2006.

e. Ciri keselamatan dan kebersihan bagi beberapa lokasi bangunan perpustakaan desa dan klinik desa adalah tidak memuaskan. Tidak ada alat pemadam api; pintu serta tingkap tidak berjeriji; kawasan tidak berpagar dan persekitaran kurang bersih. Senarai lengkap bilangan lokasi projek yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.7
KELEMAHAN KAWALAN KESELAMATAN

KELEMAHAN KAWALAN KESELAMATAN	BILANGAN LOKASI PROJEK
Alat pemadam api tidak diselenggarakan atau tidak berfungsi dengan baik	33
Pintu dan tingkap bangunan tidak berjeriji	30
Kawasan luar tidak berpagar	18
Kawasan dalaman dan persekitaran tidak bersih	17

12.4.5.3. Penggunaan Kemudahan dan Peralatan Komunikasi

a. Sistem Pemantauan Berpusat telah dibangunkan oleh syarikat MSD Technology Sdn. Bhd. di Ibu Pejabat Kementerian untuk memantau antaranya kedudukan rangkaian projek, tahap penggunaan dan status lokasi projek yang aktif/tidak aktif. Bilangan pengguna berdaftar melalui sistem ini setakat bulan Ogos 2006 adalah seramai 88,254. Sehingga bulan Ogos 2006, sebanyak 799 daripada 1,089 lokasi telah dirangkaikan dengan sistem ini. Manakala 70 lokasi projek lagi akan dirangkaikan pada pertengahan tahun 2007 di bawah pelaksanaan projek Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat Fasa 5. Sebanyak 220 lokasi lain telah diintegrasikan dengan Program Rangkaian *Schoolnet* kelolaan Kementerian Pelajaran. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, kemudahan dan peralatan komunikasi yang ditempatkan di sekolah akan diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang akan bertanggungjawab terhadap semua urusan penyenggaraan peralatan komunikasi berkenaan. Sebagai permulaan Kementerian pada 26 Jun 2006 telah menyerahkan kemudahan komunikasi yang ada di 200 sekolah projek fasa 1. Bagaimanapun semakan Audit di Kementerian Pelajaran mendapati Kementerian ini masih belum menyediakan peruntukan penyenggaraan memandangkan maklumat lengkap berhubung dengan peralatan yang diambil alihnya belum dikemukakan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

b. Analisis Audit telah dibuat terhadap statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Pemantauan Berpusat sehingga bulan Ogos 2006, mendapati kedudukan penggunaan kemudahan dan peralatan komunikasi seperti berikut :-

i. Semenjak kemudahan ini dipasang sehingga bulan Ogos 2006 didapati Kuala Lumpur mempunyai purata penggunaan tertinggi iaitu 3,084 manakala Kelantan adalah yang terendah di mana purata penggunaannya hanya 819. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.8
KEDUDUKAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN MENGIKUT NEGERI SETAKAT BULAN OGOS 2006

NEGERI	BILANGAN		PURATA PENGGUNAAN KEMUDAHAN BERBANDING LOKASI PROJEK (a/b)
	PENGGUNAAN (a)	LOKASI PROJEK (b)	
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	15,420	5	3,084
Melaka	38,897	25	1,556
Wilayah Persekutuan Labuan	2,888	2	1,444
Selangor	51,340	38	1,351
Sabah	229,272	176	1,303
Terengganu	77,841	62	1,256
Negeri Sembilan	24,076	20	1,204
Perak	61,689	54	1,142
Kedah	48,574	43	1,130
Perlis	17,400	17	1,024
Pahang	71,469	71	1,007
Johor	59,453	62	959
Pulau Pinang	16,069	18	893
Sarawak	134,562	164	821
Kelantan	34,412	42	819
JUMLAH	**883,362**	**799**	**1,106**

ii. Bangsa Melayu mendahului keseluruhan penggunaan kemudahan bagi kategori ini, dengan peratusan terbesar iaitu 67.8%, disusuli iaitu oleh lain-lain bangsa, Dusun, Iban, Kadazan, Cina dan Bidayuh. Usaha hendaklah diambil untuk menggalakkan penggunaan kemudahan komunikasi yang ada di perpustakaan desa/awam atau klinik desa bagi membolehkan objektif merapatkan jurang digital tercapai antara penduduk bandar dan luar bandar/pedalaman dan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak. Kedudukan penggunaan kemudahan mengikut bangsa/kaum adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.9
KEDUDUKAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN MENGIKUT BANGSA/KAUM SETAKAT BULAN OGOS 2006

BANGSA/KAUM	PENGGUNAAN	
	BILANGAN	PERATUSAN
Melayu	598,997	67.8
Lain-lain	58,337	6.6

BANGSA/KAUM	PENGGUNAAN	
	BILANGAN	PERATUSAN
Dusun	57,491	6.5
Iban	29,519	3.3
Kadazan	26,281	3.0
Cina	24,562	2.8
Bidayuh	20,570	2.3
Bajau	19,546	2.2
Melanau	14,733	1.7
India	12,014	1.3
Murut	11,088	1.3
Suluk	5,330	0.6
Dayak	2,635	0.3
Penan	2,259	0.3
JUMLAH	**883,362**	**100.0**

iii. Bagi kategori pengguna, didapati 39.6% terdiri daripada kakitangan Kerajaan, diikuti oleh golongan pelajar sebanyak 36.1% dan pihak swasta sebanyak 5.2%. Peratusan penggunaan bagi petani, ahli perniagaan, usahawan, guru, suri rumah dan lain-lain pengguna serta mereka yang tidak bekerja tidak pun mencapai 5%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.10
KEDUDUKAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN MENGIKUT KATEGORI PENGGUNA SETAKAT BULAN OGOS 2006

KATEGORI PENGGUNA	PENGGUNAAN	
	BILANGAN	PERATUSAN
Kerajaan	349,655	39.6
Pelajar	318,738	36.1
Swasta	45,788	5.2
Lain-lain	37,289	4.2
Petani	36,435	4.1
Tidak Bekerja	32,089	3.6
Ahli Perniagaan	19,178	2.2
Usahawan	19,139	2.2
Guru	11,084	1.3
Suri Rumah	8,055	0.9
Polis/Tentera/Bomba	4,754	0.5
Pesara	1,158	0.1
JUMLAH	**883,362**	**100.0**

iv. Analisis mendapati bilangan penggunaan tertinggi bagi kategori umur ialah antara 18 hingga 25 tahun manakala yang terendah adalah pengguna yang berumur melebihi 45 tahun seperti yang ditunjukkan di carta berikut :-

CARTA 12.2
KESELURUHAN PENGGUNAAN MENGIKUT UMUR
SETAKAT BULAN OGOS 2006



v. Mengikut data yang diperolehi, statistik bilangan pengguna lelaki yang berdaftar adalah 44,382 berbanding dengan wanita seramai 43,872 orang. Namun, penggunaan bagi golongan wanita mengatasi lelaki dengan sebanyak 77,178 (16.1%) iaitu 480,270 berbanding lelaki sebanyak 403,092. Kedudukan penggunaan mengikut jantina adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 12.3
KESELURUHAN PENGGUNAAN MENGIKUT JANTINA
SETAKAT BULAN OGOS 2006



c. Laporan *List of Not Transferred USP Sites* (*More Than 3 Months)* dijanakan oleh Sistem Pemantauan Berpusat menunjukkan status sama ada kemudahan di sesuatu berfungsi dengan aktif atau sebaliknya. Semakan Audit terhadap laporan tersebut sehingga bulan Ogos 2006 mendapati 56 lokasi projek **tidak aktif melebihi 3 bulan sehingga menyebabkan maklumat penggunaan kemudahan tidak dapat di hantar ke Ibu Pejabat Kementerian. Keadaan ini berlaku disebabkan kemudahan atau peralatan di lokasi tidak digunakan/rosak; sistem pemantauan berpusat tidak diaktifkan atau peralatan terminal bukaan amat kecil terlindung**

daripada gelombang satelit. Tindakan perlu diambil bagi mengenal pasti punca masalah yang berlaku dan langkah pembetulan dibuat dengan segera bagi memastikan perkhidmatannya dipulihkan.

Pada pandangan Audit, Kementerian telah berjaya menembusi kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak untuk menyediakan infrastruktur komunikasi bagi meningkatkan pencapaian perkhidmatan telefon asas dan internet. Bagaimanapun, bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan secara menyeluruh, Kementerian perlu mengenal pasti punca kurang minat golongan pesara, petani, suri rumah dan mereka yang berumur melebihi 45 tahun menggunakan kemudahan dan perkhidmatan disediakan.

d. Lawatan Audit di 74 lokasi projek antara bulan April hingga Jun 2006 mendapati beberapa perkara berikut :-

   i. Kemudahan peralatan dan komunikasi tidak dapat digunakan yang berpunca antara lainnya kerana ketiadaan petugas untuk memberi bantuan dan peralatan mengalami kerosakan seperti berikut :-

   - Ketiadaan petugas semasa pihak Audit membuat lawatan di Perpustakaan Desa Parit 14, Sg. Panjang, Sabak Bernam, Perpustakaan Desa (PD) Sg. Gulang-gulang, Tanjung Karang dan PD Sri Tiram Jaya kesemuanya di Selangor; PD Parit Senah, Parit Yani, Batu Pahat, Johor dan Sekolah Mata Parang, Kota Samarahan, Sarawak. Bagi kes yang lain, sungguhpun ada petugas ditempatkan, namun keupayaan mereka untuk memberikan khidmat bantuan terutamanya mengatasi sebarang masalah teknikal masih terhad walaupun telah diberikan latihan oleh kontraktor seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak.

   - *Turnover* petugas yang tinggi - Ini berlaku kerana petugas dilantik secara sambilan dan dibayar elaun yang rendah iaitu antara RM250 hingga RM600 sebulan sahaja.

   - **Kerosakan berlaku pada peralatan seperti komputer, pencetak, pengimbas, talian internet, telefon awam, dan *uninterrupted power supply* yang antara lainnya berpunca dari penyenggaraan pencegahan/pembaikan terhadap peralatan tersebut tidak dijalankan seperti mana yang dinyatakan dalam kontrak.** Mengikut syarat kontrak dengan syarikat Telekom Malaysia Bhd. dan syarikat Maxis Broadband Sdn. Bhd., penyenggaraan pencegahan perlu dilakukan 4 kali setahun atau 20 kali dalam tempoh 5 tahun. Antara penyenggaraan yang dilakukan ialah memeriksa komputer, pencetak, pengimbas dan *uninterrupted power supply*, kabel dan VSAT untuk memastikan ia berfungsi dengan baik. Kontrak yang

ditandatangani dengan syarikat MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd. pula mensyaratkan penyenggaraan secara berkala dibuat sebanyak 2 kali setahun bagi setiap peralatan komputer yang disewa melebihi tempoh 6 bulan. Penyenggaraan pembaikan peralatan dan kemudahan lain perlu dilakukan oleh kontraktor dalam tempoh 3 hari di Semenanjung Malaysia atau 5 hari di Sabah dan Sarawak daripada tarikh menerima aduan kerosakan. Pemeriksaan Audit mendapati kes di mana penyenggaraan pencegahan dan pembaikan tidak dibuat secara berjadual dan dalam tempoh yang ditetapkan. Kekerapan penyenggaraan pencegahan yang dijalankan hanya antara 1 hingga 8 kali manakala kelewatan pembaikan adalah antara 3 hingga 134 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.11
CONTOH PERALATAN YANG MENGALAMI KEROSAKAN

JENIS PERALATAN	BILANGAN LOKASI PROJEK	BILANGAN PERALATAN YANG ROSAK	KEKERAPAN PENYENGGARAAN PENCEGAHAN	TEMPOH KELEWATAN PENYENGGARAAN PEMBAIKAN (Hari)
Komputer	7	21	Kekerapan senggaraan adalah antara 1 hingga 8 kali walaupun sepatutnya telah disenggarakan antara 6 hingga 9 kali. Ada lokasi hanya disenggarakan satu kali walaupun sepatutnya perlu disenggarakan sebanyak 6 kali.	4 hingga 102
Uninterrupted Power Supply Dan Very Small Aperture Satellite (VSAT)	5	10	Sama seperti di atas	5 hingga 30
Internet dan *Local Area Network (LAN)*	6	11	Sama seperti di atas	4 hingga 74
Telefon pejabat dan telefon awam **(Gambar 12.9)**	13	21	Sama seperti di atas	5 hingga 114
Pengimbas dan pencetak **(Gambar 12.10)**	9	24	Sama seperti di atas	5 hingga 102
Peralatan lain seperti kipas, *generator*, tetikus, papan suis dan kelengkapan elektrik.	5	20	Sama seperti di atas	3 hingga 134

Nota :- Kekerapan Penyenggaraan Bergantung kepada Lokasi Projek

GAMBAR 12.9

Perpustakaan Desa Sungai Gulang-Gulang, Tanjung Karang, Selangor - Telefon Awam Rosak

GAMBAR 12.10

Sekolah Kebangsaan Tanjong Apong, Kota Samarahan, Sarawak - Pencetak Rosak

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan tindakan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan dibuat mengikut tempoh yang sepatutnya untuk membolehkan kemudahan ini sentiasa sedia digunakan oleh masyarakat setempat.

ii. Lokasi projek perkhidmatan tidak strategik seperti di Perpustakaan Desa Parit 14, Sungai Panjang, Sabak Bernam, Selangor yang terletak dalam kawasan sawah padi serta terlindung kedudukannya sehingga penduduk persekitaran tidak menyedari perkhidmatan perpustakaan ini dan begitu juga Perpustakaan Desa Pasir Panjang, Sabak Bernam terletak jauh daripada penempatan penduduk iaitu lebih kurang 3 km daripada jalan kampung yang terdekat. Keadaan perpustakaan seperti **Gambar 12.11**. Manakala Klinik Desa Pasir Tinggi, Bukit Payong, Terengganu kerap dilanda banjir dan lokasinya berdekatan dengan Sekolah Rendah Pasir Tinggi yang telah juga mempunyai perkhidmatan komputer. Lawatan Audit juga mendapati lokasi Sekolah Kebangsaan Kampung Tanjong Apong, Samarahan, Sarawak terletak hanya sekitar 500 meter daripada Perpustakaan Desa Kampung Tanjong Apong.

GAMBAR 12.11

Pasir Panjang, Sabak Bernam -Perpustakaan Desa Yang Terletak Jauh Dari Penempatan Penduduk

12.4.6. Pemantauan

Bagi memastikan pelaksanaan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat berjalan lancar dan memuaskan, Kementerian telah memantau program ini melalui pendekatan berikut :-

a. Mesyuarat Unit Pengurusan Projek yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian diadakan bagi membincang dan memantau kemajuan semua projek yang dilaksanakan di bawah Bahagian Infrastruktur dan Aplikasi termasuk program ini. Bagaimanapun, **hanya 2 mesyuarat sahaja diadakan iaitu sekali pada tahun 2005 dan sekali pada tahun 2006 walaupun sepatutnya diadakan pada setiap bulan.**

b. Mesyuarat tapak diadakan untuk mengetahui kemajuan pelaksanaan projek dari peringkat kajian lokasi sehingga pentauliahan peralatan. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Cawangan Kerja Elektrik atau wakil pegawai kanan daripada Unit Perunding ICT, Ibu Pejabat JKR. Keahlian mesyuarat terdiri daripada kontraktor, wakil Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Cawangan Elektrik di setiap JKR Negeri dan agensi terlibat dalam projek. Sepanjang

tempoh tahun 2004 hingga bulan Jun 2006, sebanyak 22 mesyuarat tapak telah diadakan. Bagaimanapun, wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan, Sarawak selaku penyelaras bagi perpustakaan awam dan desa tidak hadir untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas mereka.

c. Mesyuarat teknikal antara pegawai Unit Perunding ICT, JKR Ibu Pejabat dengan pihak kontraktor dan subkontraktor serta wakil Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah diadakan untuk membincang dan menyelesaikan masalah teknikal yang timbul daripada kerja pemasangan infrastruktur dan peralatan lokasi.

d. *USP Online* dan e-Komuniti Desa merupakan mekanisme yang telah diwujudkan oleh Kementerian dengan bantuan Unit Perunding ICT, Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR untuk memantau pengurusan keseluruhan program termasuk kedudukan terkini kemajuan projek; maklumat mesyuarat, aduan kerosakan, penyenggaraan dan berita terkini perihal masyarakat setempat. Ia dapat diakses oleh kontraktor, subkontraktor, petugas perpustakaan desa/awam dan klinik desa.

e. Sistem Pemantauan Berpusat yang beroperasi di Ibu Pejabat Kementerian berperanan memantau antaranya kedudukan rangkaian projek, tahap penggunaan dan status lokasi projek yang aktif/tidak aktif. Bagaimanapun, **pemantauan yang berkesan tidak dapat dibuat terhadap 799 lokasi yang sedia ada kerana selain memantau projek ini, sistem ini juga terlibat memantau sebanyak 42 Pusat Internet Desa di seluruh negara.**

f. Pejabat Pelajaran Gabungan Kuching, Serian dan Kota Samarahan telah memastikan sekolah rendah di bawahnya mengemukakan laporan bulanan mengenai aktiviti penggunaan komputer dan status perkakasan dan peralatan. Pejabat Perpustakaan Awam Terengganu memantau dengan baik perjalanan setiap lokasi projek melalui mesyuarat dan laporan statistik penggunaan komputer. Lawatan telah dibuat ke beberapa lokasi projek oleh pegawai dari Kementerian dan syarikat yang dilantik. **Bagaimanapun, ia tidak dibuat secara menyeluruh sekurang-kurangnya sekali setiap 2 tahun sebagaimana mengikut peraturan pengurusan harta Kerajaan.**

g. Arahan atau peraturan berhubung penyelenggaraan rekod dan penyimpanan dokumen berkaitan program tidak diberikan secara khusus oleh Kementerian. Perkara asas berkaitan pengurusan simpanan dokumen seperti surat pengesahan lokasi dan dokumen berhubung penyenggaraan tidak dimaklumkan kepada petugas menyebabkan mereka tidak mengetahui keperluan untuk menyelenggarakan fail terhadapnya. Bagaimanapun, ada beberapa petugas perpustakaan desa/awam, klinik desa dan penyelia sekolah atas inisiatif mereka telah menyelenggarakan dengan teratur fail berhubung dokumen yang berkaitan, rekod penggunaan komputer dan buku pelawat.

Pada pandangan Audit, secara amnya kaedah pemantauan yang diwujudkan adalah memadai tetapi tahap pelaksanaannya perlu dipertingkatkan untuk memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa berkeadaan baik untuk digunakan.

12.4.7. Maklum Balas Petugas/Pengguna

Maklum balas yang diterima daripada 668 pengguna melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada mereka mendapati perkara berikut :-

a. Pada puratanya 81.7% daripada pengguna tinggal berdekatan dengan lokasi perkhidmatan iaitu kurang 5 km daripada rumah mereka. Perkhidmatan ini diketahui oleh 57.0% pengguna melalui rakan, saudara mara atau penduduk kampung. Berdasarkan maklum balas yang diterima, didapati had masa penggunaan komputer adalah antara 30 minit hingga 1 jam tetapi 46.9% memerlukan melebihi 1 jam untuk sesuatu masa penggunaan. Pengguna juga berpandangan masa menunggu giliran untuk menggunakan komputer dapat dipendekkan dan mencadangkan bilangan komputer ditambah.

b. Pada puratanya 79.3% daripada pengguna menyatakan petugas ada membantu dan memberi tunjuk ajar cara menggunakan komputer dan melayari internet semasa diperlukan.

c. Pada puratanya 65.7% daripada pengguna telah menyatakan bahawa perkhidmatan dan kemudahan serta keadaan persekitaran adalah memuaskan. Bagaimanapun, ada pengguna memberi komen bahawa ruang komputer di perpustakaan ada kalanya sempit, sesak dan panas, yang mana perlu diperluaskan serta dipasang dengan penghawa dingin.

d. Komputer digunakan oleh 54.0% daripada pengguna untuk melayari internet dan 37.8% pula untuk membuat kerja sekolah dan tugasan universiti. Bagaimanapun, ada pengguna memaklumkan kadang kala talian internet lambat dan sukar untuk mengaksesnya. Seramai 47.9% daripada pengguna pula tidak pernah menggunakan peralatan seperti alat pengimbas dan kamera digital.

12.4.8. Perbandingan Dengan Program Pusat Internet Desa Di Bawah Kelolaan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi

Lawatan telah dibuat di 4 Pusat Internet Desa iaitu di Tanjung Sepat, Sungai Pelek, Beranang dan Hulu Langat, Selangor bagi mendapatkan perbandingan terhadap pengurusannya. Kedua program ini mempunyai matlamat untuk menyediakan infrastruktur komunikasi dan merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar. Bagaimanapun, pengurusan Program Pusat Internet Desa didapati lebih kemas, teratur dan telah diuruskan dengan baik. Suasana dalaman pusat ceria dan menarik, lokasi terletak di tengah bandar kecil/sederhana serta had waktu penggunaan kemudahan yang panjang dapat menarik ramai pengguna. Mereka ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan kategori bidang kerja.

Perbandingan ini menunjukkan kekurangan wujud pada Program Perkhidmatan Pemberian Sejagat yang perlu dikenal pasti dan langkah penambahbaikan perlu dibuat segera bagi memastikan ia masih relevan dan dapat menyumbang ke arah merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar di samping kemudahannya digunakan secara optimum. Berikut diberikan faktor yang membezakan peranan pengurusan kedua program tersebut.

JADUAL 12.12
PERBANDINGAN PROGRAM PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT DAN PROGRAM PUSAT INTERNET DESA

PERKARA	PROGRAM PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT	PROGRAM PUSAT INTERNET DESA (PID)
Petugas	- Seorang petugas di setiap perpustakaan desa dan di klinik desa iaitu seorang Jururawat - Kelayakan hanya Sijil Pelajaran Malaysia/ sijil atau diploma kejururawatan	- Seorang penyelia dibantu oleh seorang penolong penyelia - Kelayakan petugas adalah diploma dan lepasan ijazah
Lantikan	- Dilantik secara sementara bagi perpustakaan desa. Gaji dibayar antara RM250 hingga RM600 sebulan.	- Dilantik secara kontrak. Gaji antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan mengikut kelayakan
Jawatankuasa	- Tiada	- Jawatankuasa Penyelaras Pusat Internet Desa ditubuhkan yang mewakili setiap golongan masyarakat bagi tujuan promosi
Kemudahan	- 2-3 unit komputer, tambahan 2 unit bagi lokasi yang dibangunkan menjadi Pusat Ilmu Komuniti - 1 unit pencetak, 1 unit pengimbas, telefon pejabat dan telefon awam, 2 kipas berdiri dan perabot - 1 unit kamera digital untuk klinik desa	- 5-6 unit komputer, 2 unit pencetak, 1 unit pencetak berwarna, 1 unit pengimbas, 1 unit kamera digital
Waktu Penggunaan	- Perpustakaan di Sarawak dibuka dari 2 hingga 6 petang pada hari Isnin hingga Jumaat dan dari 8 hingga 12 tengah hari pada hari Sabtu - Klinik desa di Terengganu dibuka dari 2 hingga 4.30 petang pada Ahad hingga Khamis, tetapi ada masa tertentu lawatan pesakit dibuat pada sebelah petang.	- Dibuka dari 8.30 pagi hingga 5.00 petang
Aktiviti	- Memberi tunjuk ajar dan bantuan kepada pengguna berkaitan perkara asas penggunaan komputer	- Menganjurkan bengkel berkaitan penggunaan internet/komputer, program promosi pusat, peluang perniagaan dan gotong-royong bersama masyarakat setempat yang antaranya warga emas, usahawan, belia, wanita, petani dan lain-lain lagi.
Internet	- 1 talian internet secara percuma	- 2 talian internet secara percuma
Penggunaan kertas dan pencetak	- Kadar bayaran dikenakan antara RM0.10 hingga RM1.00 - Yuran keahlian dimasukkan dalam Akaun Perpustakaan	- Kadar bayaran antara RM0.40 sehingga RM6.00 dan ditentukan mengikut jenis cetakan sama ada biasa atau berwarna atau cetakan gambar. - Mengutip yuran keahlian bagi tujuan aktiviti Pusat Internet Desa
Lokasi dan Premis	- Terletak di luar bandar dan pedalaman - Bangunan klinik desa dimiliki oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. - Bagi perpustakaan desa antaranya bangunan kepunyaan sendiri, disewa, balai raya dimiliki oleh Kerajaan Negeri, surau/masjid.	- Lokasi di tengah bandar kecil dan sederhana - Bangunan kepunyaan Pos Malaysia, dibina secara konkrit, selesa dan ada yang berhawa dingin.
Penyenggaraan	- Melakukan penyenggaraan berjadual dan pembaikan. Kekerapan penyenggaraan berjadual tidak konsisten mengikut kontrak	- Penyenggaraan pembaikan sahaja dilakukan oleh kontraktor MSD Sdn. Bhd. yang telah dilantik oleh Kementerian.

12.4.9. Kajian Terhadap Keberkesanan Projek

Pada mesyuarat Unit Pengurusan Projek Bilangan 1 Tahun 2005 bertarikh 13 Jun 2005, perbincangan telah diadakan bagi menjalankan kajian impak terhadap keberkesanan projek yang dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Kementerian memaklumkan bahawa kajian ini akan dijalankan mulai tahun 2007. Didapati Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, badan yang ditubuhkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia telah menjalankan *Consumer Satisfaction Survey* dari tahun 2001 hingga 2004 bagi mengetahui tahap kualiti perkhidmatan dan infrastruktur komunikasi dan multimedia yang disediakan olehnya antaranya telefon berbayar awam, telefon bimbit, akses kepada internet dan televisyen berbayar di seluruh negara. Walaupun kajian ini tidak menjurus kepada pemberian perkhidmatan sejagat tetapi strateginya dapat mengenal pasti *customer priority areas* dan melakukan penambahbaikan terhadap perkara yang kurang memuaskan hati pelanggan seperti kelewatan menyelesaikan aduan; meningkatkan kelajuan internet; mempercepatkan tindakan pembaikan perkhidmatan dan membudayakan amalan mesra pelanggan. Suruhanjaya juga ada menetapkan sasaran penandarasan industri iaitu mewujudkan *Consumer Satisfaction Index* sebagai perbandingan terhadap perkhidmatan yang diberikan.

12.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, Kementerian telah merancang pengurusan pemberian perkhidmatan sejagat dengan baik. Program ini telah berjaya menembusi kawasan pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi menyediakan infrastruktur komunikasi dengan tujuan meningkatkan pencapaian perkhidmatan telefon asas dan internet. Bagaimanapun, Kementerian dan agensi yang terlibat dalam program ini perlu berusaha secara berterusan untuk menggalakkan penerimaan dan penggunaan kemudahan secara menyeluruh di samping memastikan perkhidmatan dan peralatan yang disediakan berfungsi dan digunakan secara optimum bagi faedah semua rakyat. Sehubungan itu, pihak Kementerian diminta memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

a. Kempen/publisiti dan promosi secara lebih intensif kepada masyarakat setempat mengenai perkhidmatan pemberian perkhidmatan sejagat supaya dapat meningkatkan kesedaran mengenai perkembangan dan era maklumat yang mampu diberikan oleh internet. Kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, pentadbir surau/masjid/kuil/gereja serta persatuan lain perlu didapatkan bagi merealisasikan matlamat program.

b. Kekerapan berlakunya kerosakan dapat dielakkan melalui penyenggaraan berjadual yang konsisten di samping memastikan tempoh masa pembaikan kerosakan dipercepatkan.

c. Memanjangkan tempoh masa penggunaan kemudahan di perpustakaan dan klinik desa terutamanya di pedalaman Sabah dan Sarawak. Bagi tujuan ini bekalan kuasa elektrik perlu ditingkatkan.

d. Ketiadaan petugas yang berjawatan tetap telah menjejaskan operasi perpustakaan desa dalam tempoh yang panjang. Pertimbangan perlu diberikan supaya pelantikan petugas dibuat secara kontrak atau tetap dengan ganjaran yang lebih menarik. Pemilihan calon perlu dibuat berdasarkan kelayakan sekurang-kurangnya sijil atau diploma dalam bidang pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi. Selain daripada latihan asas berhubung dengan komputer, petugas juga perlu didedahkan dengan latihan yang boleh membantu mereka mengatasi masalah kerosakan teknikal.

e. Kemudahan dan peralatan komunikasi yang tidak mencukupi hendaklah ditambah kuantitinya serta kemudahan akses internet dipertingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.

f. Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap status kemudahan yang disediakan dan tahap penggunaannya bagi memastikan objektif Kerajaan melaksanakan program ini tercapai.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

13. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
- PENSWASTAAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur telah dianugerahkan taraf Bandaraya dan pentadbirannya diketuai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang keluasannya berjumlah 24,222 hektar telah dibahagikan kepada 6 zon iaitu Sentul-Menjalara, Wangsa Maju-Maluri, Damansara-Penchala, Pusat Bandaraya, Bandar Tun Razak-Sungai Besi dan Bukit Jalil-Seputih. Setakat 31 Disember 2006, bandaraya Kuala Lumpur mempunyai penduduk seramai 2,198,400 orang.

13.1.2. Pada bulan September 1995, Kerajaan telah memutuskan supaya pengurusan sisa pepejal (sampah) di seluruh negara diswastakan kepada 4 konsortium mengikut kawasan/wilayah iaitu kawasan utara; selatan; Wilayah Sabah, Sarawak dan Labuan; Wilayah Tengah dan Timur (meliputi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Terengganu dan Kelantan). Selaras dengan keputusan ini, pada bulan Disember 1995, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menawarkan penswastaan pengurusan sisa pepejal Kawasan Tengah dan Timur kepada sebuah konsortium. HICOM Bhd. yang mengetuai konsortium ini memegang 40% ekuiti manakala yang lain ialah Pembinaan Jayabumi, Sarawak (20%), Kumpulan Jetson Bhd. (20%) dan Kerajaan Negeri Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan (setiap negeri 5%). Bagi menguruskan sisa pepejal tersebut, konsortium berkenaan telah menubuhkan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora).

13.1.3. Penswastaan ini melibatkan aktiviti pemungutan, penyimpanan, pengangkutan, pemprosesan, perawatan dan kitar semula sisa-sisa pepejal iaitu sisa domestik, komersial dan industri; pembersihan jalan, sungai, longkang dan pemotongan rumput.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan sisa pepejal telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan selaras dengan objektif penswastaan.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 di pejabat DBKL dan pejabat Alam Flora. Lawatan fizikal ke beberapa lokasi meliputi kawasan perumahan, pasar dan premis perniagaan, tapak haram (*illegal dumping*), stesen pemindahan sisa pepejal domestik di Taman

Beringin, Jinjang Utara dan pusat pelupusan sisa pepejal domestik di Bukit Tagar, Hulu Selangor, Selangor serta tapak pelupusan sisa pukal dan sampah kebun di Dengkil, Sepang telah dijalankan. Temu bual dengan penghuni kediaman telah juga diadakan.

13.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga November 2006 meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan sisa pepejal secara penswastaan mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

13.4.1. Pengurusan Aktiviti

13.4.1.1. DBKL adalah bertanggungjawab mengawal selia perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Bagi tujuan ini, DBKL telah meletakkan tugas penyeliaan di bawah tanggungjawab 2 jabatan seperti berikut :-

a. Jabatan Seni Taman Dan Kawalan Pembersihan Bandar telah mewujudkan Unit Kawal Selia/Penguatkuasaan Dan Pengurusan Zon untuk mengawal selia urusan pungutan dan pembersihan sisa pepejal oleh Alam Flora. Unit ini mempunyai 21 orang kakitangan terdiri daripada seorang Penguasa Pembersihan Bandar, 6 Merinyu Kanan, 11 Merinyu Tingkatan Biasa dan 3 Pengawal. Struktur organisasi Unit Kawal Selia/Penguatkuasaan Dan Pengurusan Zon adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 13.1
STRUKTUR ORGANISASI UNIT KAWAL SELIA/ PENGUATKUASAAN DAN PENGURUSAN ZON - KEDUDUKAN PADA 31 OKTOBER 2006



Nota :- MB - Merinyu Bahagian

b. Bahagian Teknologi Sisa Pepejal di bawah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bertanggungjawab memantau kerja pengurusan stesen pemindahan sisa pepejal domestik, Taman Beringin, Jinjang Utara dan pusat pelupusan sisa pepejal domestik, Bukit Tagar, Hulu Selangor. Bahagian ini diketuai oleh Tuan Hj. Ismail bin Mohamed, Jurutera (Gred J41) dan beliau bertanggungjawab kepada Tuan Hj. M. Ashaari bin Othman, Timbalan Pengarah (Gred J52) yang juga memangku jawatan Pengarah (Gred J54). Carta berikut menunjukkan struktur organisasi Jabatan Kejuruteraan Mekanikal :-

CARTA 13.2
STRUKTUR ORGANISASI
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL
- KEDUDUKAN PADA 31 OKTOBER 2006



13.4.1.2. Kakitangan dari Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah mengikuti kursus yang dikendalikan oleh Institut Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Mengikut rekod Jabatan Sumber Manusia bagi tahun 2005 dan 2006, 3 orang pegawai dari Jabatan Seni Taman dan Kawalan Pembersihan Bandar iaitu Timbalan Pengarah, Penguasa Pembersihan Bandar dan Pegawai Tadbir serta seorang Pembantu Teknik dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah dihantar untuk menghadiri seminar/*conference* anjuran pihak swasta seperti Seminar *Solid Waste Management And Recycling* dan *Waste Management Conference And Exhibition 2006.*

Pada pandangan Audit, DBKL telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas untuk mengawal selia prestasi kerja kontraktor yang terlibat dengan pengurusan sisa pepejal. Didapati seminar/*conference* yang dihadiri oleh anggota DBKL adalah bersesuaian dengan tugas mereka.

13.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, DBKL telah memperuntukkan sejumlah RM460.50 juta untuk kerja pembersihan bandar, pengurusan stesen pemindahan sisa pepejal dan pelupusan sampah. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM398.89 juta telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	BAYARAN KONTRAK PEMBERSIHAN BANDAR (RM Juta)		PENGURUSAN STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL (RM Juta)		BAYARAN PELUPUSAN SAMPAH (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
2004	110.00	108.60	20.50	19.44	19.00	17.60	149.50	145.64
2005	110.00	109.93	25.00	13.18	18.00	13.45	153.00	136.56
2006 (Bulan Oktober)	110.00	93.85	30.00	11.38	18.00	11.46	158.00	116.69
JUMLAH	**330.00**	**312.38**	**75.50**	**44.00**	**55.00**	**42.51**	**460.50**	**398.89**

13.4.3. Kaedah Pelaksanaan

13.4.3.1. Pengambilalihan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal, Taman Beringin, Jinjang Utara daripada DBKL mula dilaksanakan pada bulan Januari 1997. Tujuan penyerahan tugas dan tanggungjawab lebih awal kepada Alam Flora ialah supaya DBKL dapat dijadikan *role model* dalam pelaksanaan penswastaan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara. Pada bulan Ogos 1997 pula, perkhidmatan pembersihan jalan, longkang, pasar dan pusat penjaja juga diswastakan kepada Alam Flora.

13.4.3.2. DBKL menguruskan sisa pepejal mengikut zon dan kawasan Parlimen seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.2
PEMBAHAGIAN KAWASAN KERJA

ZON	KAWASAN PARLIMEN
1	Bukit Bintang
2	Lembah Pantai, Segambut
3	Kepong, Batu
4	Wangsa Maju, Setiawangsa
5	Cheras, Titiwangsa
6	Bandar Tun Razak, Seputih

13.4.3.3. Pengurusan sisa pepejal meliputi beberapa aktiviti seperti berikut :-

a. **Pemungutan Sisa Pepejal -** memungut sisa pepejal daripada rumah, kedai, pejabat, sekolah, pasar dan gerai makan serta tong sampah.

b. **Pelupusan Sisa Pepejal -** Semua jenis sisa pepejal akan dihantar ke tapak pelupusan, Taman Beringin, Jinjang Utara untuk dilupuskan. Bagaimanapun

mulai bulan Mac 2002, tapak pelupusan di Taman Beringin, Jinjang Utara tidak lagi digunakan untuk melupuskan sisa pepejal domestik kecuali sisa pukal dan sampah kebun. Ekoran daripada itu, semua sisa pepejal domestik yang dipungut oleh Alam Flora akan dihantar ke stesen pemindahan yang dibina oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berdekatan dengan tapak tersebut. Sisa pepejal domestik tersebut akan dimampatkan di stesen pemindahan ini sebelum dihantar ke pusat pelupusan di Bukit Tagar, Hulu Selangor untuk dilupuskan. Setelah tapak pelupusan di Taman Beringin, Jinjang Utara ditutup pada bulan Mac 2006, sisa pukal/sampah kebun dihantar ke tapak pelupusan, Dengkil, Sepang yang dikendalikan oleh Syarikat Worldwide Sdn. Bhd. yang lantik oleh Kerajaan Negeri Selangor.

c. **Pembersihan Longkang -** Meliputi semua jenis longkang iaitu longkang terbuka, tertutup serta longkang monsun (*monsoon drains*).

d. **Pembersihan Jalan -** Meliputi semua jenis jalan iaitu jalan protokol, jalan utama, lorong dan laluan siar kaki.

e. **Pembersihan Pasar Awam -** Membersihkan pasar awam dan pusat penjaja sehingga semua bahagian pasar dan pusat penjaja bebas dari sisa pepejal setiap masa.

f. **Pembersihan *Illegal Dumping* -** Membersihkan sisa pepejal yang dibuang secara haram di semua jalan dan tempat awam.

13.4.4. Pelantikan Kontraktor

Selain daripada Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2 lagi kontraktor telah dilantik oleh DBKL iaitu Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad dan Tetuan KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. Kaedah pelantikan kontraktor, nilai kontrak dan tanggungjawabnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.3
KONTRAKTOR-KONTRAKTOR YANG TERLIBAT DENGAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

KONTRAKTOR	KAEDAH PEMILIHAN	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK	TANGGUNGJAWAB
Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.	Dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi secara pelantikan terus	1996 sehingga *National Privatisation Concession Agreement* ditandatangani.	RM9.25 juta sebulan	• Memungut sisa pepejal serta membersihkan longkang dan jalan. • Mengurus tapak pelupusan, Taman Beringin, Jinjang Utara.
		Mac 2002 – Jun 2006	RM39.56 juta	• Mengurus dan menyenggara stesen pemindahan sisa pepejal domestik, Taman Beringin, Jinjang Utara. • Menghantar sisa pepejal domestik ke pusat pelupusan di Bukit Tagar, Hulu Selangor.
Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad	Tawaran terbuka	Julai 2006 – Jun 2009	RM64.40 juta	• Mengurus dan menyenggara stesen pemindahan sisa pepejal domestik, Taman Beringin, Jinjang Utara. • Menghantar sisa pepejal domestik ke pusat pelupusan di Bukit Tagar, Hulu Selangor.
Tetuan KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd.	Pelantikan terus	Ogos 2005 – Disember 2006	RM23.34 juta	Mengurus pusat pelupusan sisa pepejal domestik, Bukit Tagar, Hulu Selangor

13.4.4.1. Pelantikan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.

a. Berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2006 yang telah diaudit, Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. mempunyai modal berbayar berjumlah RM38.00 juta dan memperolehi keuntungan selepas cukai berjumlah RM2.31 juta berbanding dengan RM4.15 juta pada 31 Mac 2005. Syarikat ini dipengerusikan oleh Dato' Ir. Dr. A. Bakar bin Jaafar.

b. Semasa Kerajaan membuat keputusan untuk menswastakan pengurusan sisa pepejal seluruh negara, pengurusan sisa pepejal adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan di mana setiap agensi tersebut mempunyai peraturan dan akta masing-masing untuk menguruskan sisa pepejal. Bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan meletakkan pengurusan sisa pepejal di bawah tanggungjawabnya dan juga untuk tujuan memuktamadkan perjanjian konsesi seluruh negara (*National Privatisation Concession Agreement*), Rang Undang-undang berkaitan perlu disediakan dan dibentangkan di Parlimen. Memandangkan proses untuk mendapatkan kelulusan Rang Undang-undang dan penyediaan perjanjian konsesi seluruh negara memakan masa, Kerajaan memutuskan perjanjian interim ditandatangani terlebih dahulu. Sehubungan ini, DBKL telah menandatangani perjanjian interim yang dikenali sebagai Perjanjian Pengurusan dengan Alam Flora pada 31 Disember 1996. Seterusnya, perjanjian tambahan ditandatangani pada 31 Julai 1997 bagi tempoh satu tahun untuk tujuan memperluas aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh Alam Flora. **Sungguhpun Alam Flora telah beroperasi selama 10 tahun, namun perjanjian konsesi seluruh negara masih belum ditandatangani. DBKL telah memperbaharui Perjanjian Pengurusan sebanyak 10 kali dan perjanjian terkini ditandatangani pada bulan Julai 2006. Setakat bulan Januari 2007, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan masih dalam proses penyediaan Rang Undang-undang Sisa Pepejal untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan bagi mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada Pihak Berkuasa Tempatan.**

c. Melalui perjanjian interim pertama yang ditandatangani pada bulan Disember 1996, DBKL perlu membayar yuran pengurusan kepada Alam Flora sebanyak RM8.91 juta setiap bulan dan ia telah dinaikkan kepada RM9.25 juta setiap bulan mengikut perjanjian yang ditandatangani pada bulan Julai 2006. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh tambahan kos bagi perkhidmatan di kawasan baru. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.4
BAYARAN PENGURUSAN BAGI TAHUN 1996 DAN 2006

BUTIRAN	1996 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Pemungutan Dan Pelupusan	4.26	4.26
Pembersihan Jalan Dan Longkang	3.18	3.18
Pembersihan Pasar, Pusat Penjaja Dan Pasar Kampung Pandan	0.33	0.33

BUTIRAN	1996 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Pembersihan Sisa Pepejal Yang Dibuang Secara Haram	0.22	0.22
Memberikan Perkhidmatan Di Kawasan Baru	0.89	1.26
Memberikan Perkhidmatan Di Penjara Pudu, Kuala Lumpur	0.03	-
JUMLAH	**8.91**	**9.25**

d. Semakan Audit mendapati syarat perjanjian mempunyai kekurangan seperti berikut :-

i. Perjanjian tidak mempunyai peruntukan yang menghendaki Alam Flora mengemukakan Bon Pelaksanaan. Bon ini adalah diperlukan untuk menjamin kepentingan DBKL sekiranya Alam Flora tidak melaksanakan tanggungjawabnya seperti mana yang telah dipersetujui.

ii. Mengikut syarat perjanjian, DBKL akan menyerahkan 287 kenderaan/loji seperti *compactor*, *open lorry*, *RORO* (tong sampah yang besar), *bulldozer* dan *showel* kepada Alam Flora. Alam Flora perlu membayar sejumlah RM50,000 terlebih dahulu pada tarikh kuat kuasa Perjanjian Pengurusan bagi segala aset yang diserahkan kepadanya. Nilai aset sebenar yang perlu dibayar oleh Alam Flora adalah berdasarkan kepada penilaian yang dibuat. Pada tahun 1997, DBKL telah menyerahkan 287 kenderaan/loji bernilai RM28.55 juta kepada Alam Flora. **Bagaimanapun, pihak DBKL tidak dapat menuntut baki nilai aset tersebut yang berjumlah RM11.79 juta kerana syarat Perjanjian Pengurusan yang telah ditandatanganinya dengan Alam Flora hanya menghendaki syarikat itu menjelaskan bayaran terhadap nilai aset berkenaan setelah perjanjian konsesi pengurusan sisa pepejal seluruh negara ditandatangani oleh Kerajaan.**

iii. Mengikut syarat perjanjian, *Notice To Correct (*NTC*)* akan dikeluarkan kepada Alam Flora supaya ia mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh masa 24 jam atau lebih. Sekiranya Alam Flora gagal mematuhi 3 kali NTC yang dikeluarkan terhadap kes dan lokasi yang sama dan DBKL perlu melantik pihak lain untuk menguruskan sisa pepejal, DBKL berhak menamatkan kontraknya. Bagaimanapun, didapati DBKL hanya mengeluarkan NTC sekali sahaja terhadap kegagalan Alam Flora menguruskan sisa pepejal di sesuatu lokasi. Denda telah dikenakan terhadap setiap NTC yang dikeluarkan sungguhpun tiada peruntukan dalam perjanjian yang membolehkan DBKL berbuat sedemikian. Denda yang dikenakan ditolak daripada bayaran pengurusan bulanan. **Pada pandangan Audit, syarat pengenaan denda perlu dinyatakan dalam perjanjian supaya tindakan yang diambil oleh DBKL adalah sah dari segi undang-undang.**

e. DBKL telah juga menyerahkan kepada Alam Flora 28 kenderaan lagi bernilai RM9.53 juta pada tahun 2003 yang mana ia masih belum dipindah milik kepada Alam Flora. **Pada pandangan Audit, DBKL perlu menukar hak**

milik kenderaan itu kepada Alam Flora memandangkan kenderaan itu telah diserahkan kepada Alam Flora dan bagi mengelakkan DBKL dari menanggung liabiliti sekiranya berlaku sebarang kemalangan dan kecurian kenderaan.

f. Berdasarkan kepada surat dari Unit Perancang Ekonomi kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur pada bulan Oktober 2001, Alam Flora telah dibenarkan mengendali dan menyenggara stesen pemindahan sisa pepejal domestik di Taman Beringin, Jinjang Utara selama 3 tahun atau sehingga keputusan Kerajaan mengenai pendekatan penswastaan pengurusan sisa pepejal dan kadar tarif yang mana lebih awal. Sungguhpun stesen pemindahan tersebut telah diserah secara rasmi oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan kepada DBKL dan Alam Flora pada bulan Mac 2002, namun DBKL hanya menandatangani kontrak bernilai RM39.56 juta dengan Alam Flora pada bulan Jun 2004 untuk menguruskan stesen pemindahan sehingga bulan Mac 2005. Antara syarat kontrak yang ditetapkan ialah Alam Flora perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM0.78 juta. Alam Flora perlu menghantar sekurang-kurangnya 90% daripada jumlah (tan) sisa pepejal di stesen pemindahan setiap hari ke pusat pelupusan di Bukit Tagar, Hulu Selangor, Selangor. Denda (LAD) atas kadar RM17.06/tan (semasa tempoh waranti) atau RM23.35/tan (selepas tempoh waranti) akan dikenakan sekiranya terdapat lebih daripada 10% dari jumlah sisa pepejal pada sesuatu hari yang tidak dihantar ke pusat pelupusan tersebut. Selain itu, LAD atas kadar RM5,000 setiap hari juga akan dikenakan sekiranya terdapat longgokan sisa pepejal di *receiving bay* di stesen pemindahan. Semakan Audit mendapati **Alam Flora telah mengemukakan Bon Pelaksanaan tersebut yang mana tempoh kuat kuasanya adalah sehingga 31 Mac 2007.**

13.4.4.2. Pelantikan Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad

a. Kontrak Alam Flora untuk operasi dan penyenggaraan stesen pemindahan sisa pepejal di Taman Beringin, Jinjang Utara telah tamat pada bulan Mac 2005. DBKL seterusnya mengadakan tawaran terbuka untuk melantik kontraktor yang baru. Daripada 8 tawaran yang diterima, Lembaga Mesyuarat Perolehan, DBKL telah bersetuju menerima tawaran daripada penender yang menawarkan harga berjumlah RM69.90 juta berdasarkan pengalaman dan kedudukan kewangannya.

b. Memandangkan nilai perolehan melebihi RM30 juta, DBKL telah mengemukakan perakuan Lembaga Perolehan tersebut untuk kelulusan Kementerian Kewangan pada bulan Januari 2006. Kementerian Kewangan seterusnya meluluskan supaya kerja operasi dan penyenggaraan komprehensif stesen pemindahan ditawarkan kepada penender ketiga rendah iaitu Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad dengan harga

tawaran berjumlah RM64.40 juta. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat Bumiputera yang telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan ditubuhkan pada bulan Ogos 1991. Berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 yang telah diaudit, modal berbayar syarikat ini berjumlah RM200,000 dan memperolehi keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.52 juta berbanding dengan RM0.07 juta pada 31 Disember 2004. Syarikat ini dipengerusikan oleh Encik Zamlan bin Zainal.

c. Sementara menunggu kontrak dengan Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad ditandatangani pada bulan Julai 2006, kontrak Alam Flora yang tamat pada bulan Mac 2005 telah diperbaharui sehingga bulan Jun 2006 dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Kontrak antara DBKL dan Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad adalah berkuat kuasa untuk tempoh bulan Julai 2006 hingga Jun 2009 dan syarat kontrak yang ditetapkan antara lainnya adalah seperti berikut :-

   i. Kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM1.07 juta iaitu 5% dari nilai kontrak tahunan secara purata. Bon ini akan berkuat kuasa sepanjang tempoh kontrak sehingga satu tahun dari tarikh tamat kontrak.

   ii. Stesen pemindahan perlu beroperasi 24 jam untuk penerimaan sisa pepejal domestik dan perlu menolak bahan bahaya, cecair, bahan binaan dan sisa industri.

   iii. Kontraktor boleh dikenakan denda (*LAD*) atas kadar RM5,000 setiap hari sekiranya terdapat longgokan sisa pepejal di *receiving bay* dan sekitar kawasan stesen pemindahan. LAD atas kadar RM20.00/tan juga dikenakan sekiranya terdapat lebih daripada 20% dari jumlah (tan) sisa pepejal domestik pada sesuatu hari tidak dihantar ke pusat pelupusan di Bukit Tagar, Hulu Selangor, Selangor.

   iv. Kontraktor perlu menyediakan laporan harian, mingguan dan bulanan yang mengandungi maklumat seperti butiran kenderaan yang masuk/keluar stesen pemindahan, berat (tan) sisa pepejal yang dibawa masuk/keluar serta laporan penyenggaraan *trailer, tractor* dan *prime mover.*

Pada pandangan Audit, syarat kontrak tersebut di atas adalah memadai untuk menjamin kepentingan DBKL. Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad telah mengemukakan jaminan bank untuk Bon Pelaksanaan bernilai RM1.07 juta. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan tersebut adalah sehingga 30 Jun 2010. Syarikat Solid Waste Sdn. Berhad telah juga mengemukakan polisi perlindungan insurans bagi pampasan pekerja dan liabiliti awam yang berkuat kuasa dari 1 Julai 2006 hingga 30 Jun 2007.

13.4.4.3. Pelantikan Tetuan KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd.

a. DBKL menandatangani kontrak dengan Tetuan KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd. yang telah dilantik oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk mereka-bina, mengurus dan menyenggara pusat pelupusan sisa pepejal domestik (pusat pelupusan) di Bukit Tagar, Hulu Selangor. Berdasarkan kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir pada 30 April 2006 yang telah diaudit, syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM25.00 juta dan memperoleh keuntungan selepas cukai berjumlah RM5.91 juta berbanding dengan kerugian berjumlah RM1.43 juta pada 30 April 2005. Syarikat ini dipengerusikan oleh Dato' Kamilia Bt. Ibrahim.

b. Kontrak ini yang ditandatangani oleh DBKL pada bulan Ogos 2005 adalah bagi membolehkan sisa pepejal domestik dari stesen pemindahan, Taman Beringin, Jinjang Utara dihantar ke pusat pelupusan tersebut. Nilai kontrak dianggarkan berjumlah RM16.14 juta bagi tempoh 1 tahun iaitu dari bulan April 2005 hingga Mac 2006. Kontrak tersebut kemudiannya dilanjutkan sehingga bulan Disember 2006 dan nilai kontrak telah dinaikkan kepada RM23.34 juta.

c. Antara syarat kontrak yang ditetapkan ialah syarikat berkenaan perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM0.81 juta iaitu 5% dari anggaran nilai kontrak. Syarikat tersebut juga perlu menyelenggarakan rekod yang lengkap berhubung dengan butiran kenderaan, tarikh, masa dan kuantiti sisa pepejal yang diterima serta jumlah pembayaran yang perlu dibuat oleh DBKL. Selain itu, laporan bulanan mengenai maklumat itu perlu dikemukakan kepada DBKL setiap bulan.

d. Semakan Audit mendapati Tetuan KUB-Berjaya Enviro Sdn. Bhd. telah mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM0.81 juta yang berkuat kuasa sehingga 31 Mac 2007. Syarikat tersebut juga telah mengemukakan polisi perlindungan insurans bagi pampasan pekerja dan liabiliti awam yang berkuat kuasa sehingga 30 April 2007.

13.4.5. Pungutan Dan Pembersihan Sisa Pepejal

13.4.5.1. Jumlah sisa pepejal yang diuruskan untuk sesuatu bulan sahaja adalah dalam lingkungan 49,567 tan. Mengikut syarat perjanjian, Alam Flora perlu menjalankan kerja pungutan dan pembersihan sisa pepejal mengikut tempoh yang ditetapkan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.5
TEMPOH MASA KERJA PUNGUTAN DAN PEMBERSIHAN SISA PEPEJAL

LOKASI	KEKERAPAN
Rumah Kediaman	3 Kali Seminggu
• Rumah Bertingkat Seperti Rumah Pangsa Dan Kondominium • Kedai	6 Kali Seminggu

LOKASI	KEKERAPAN
• Institusi Seperti Sekolah Dan Institusi Pengajian Tinggi • Pejabat Kerajaan • Pasar Dan Pusat Penjaja • Tong Sampah Dan Pusat Tong	7 Kali Seminggu
Kerja-Kerja Pembersihan Jalan : Jalan Protokol Jalan Utama Laluan Siar Kaki Dalam Pusat Bandar Dan Tempat Awam	 24 jam (basis) Dari Semasa Ke Semasa Setiap Hari
Kerja Pembersihan Longkang	Atas Keperluan
Sisa Pukal/Sampah Kebun	1 Kali Seminggu

13.4.5.2. Bagi menilai prestasi kerja Alam Flora dalam urusan pungutan dan pembersihan sisa pepejal, semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa perkara seperti berikut :-

a. Mengikut Laporan Unit Kawal Selia Dan Penguatkuasaan, bilangan *Notice To Correct* (NTC) yang telah dikeluarkan kepada Alam Flora hasil dari rondaan yang dijalankan pada tahun 2004 adalah sebanyak 8,327 dan ia telah meningkat kepada 9,077 pada tahun 2005. Pengeluaran NTC yang tertinggi ialah melibatkan pembersihan sampah kebun iaitu sebanyak 3,336 diikuti dengan pembersihan pusat tong sebanyak 2,637 dan *illegal dumping* sebanyak 2,422. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.6
NOTIS PEMBETULAN YANG DIKELUARKAN TERHADAP SYARIKAT ALAM FLORA BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA BULAN JUN 2006

JENIS NOTIS PEMBETULAN	TAHUN 2004	TAHUN 2005	SETAKAT BULAN JUN 2006
Sampah Premis	117	81	50
Pusat Tong	735	2,637	1,332
Sampah Kebun	48	3,336	1,219
Illegal Dumping	2,148	2,422	1,416
Longgokan Tanah/Pelbagai	-	98	206
Pembersihan Jalan	2,508	438	279
Pembersihan Longkang	2,771	65	37
JUMLAH	**8,327**	**9,077**	**4,539**

Sumber : Laporan Notice To Correct Dan Aduan Awam, Unit Kawal Selia Dan Penguatkuasaan

b. Adalah didapati Alam Flora telah mengambil masa antara 5 hingga 13 hari untuk mengambil tindakan terhadap 104 NTC yang dikeluarkan oleh DBKL dari bulan Oktober hingga Disember 2005 dan dari bulan Mac hingga Mei 2006. Kebanyakan NTC yang dikeluarkan adalah melibatkan pengurusan *illegal dumping.*

c. Mengikut Laporan Unit Kawal Selia Dan Penguatkuasaan, jumlah aduan yang melibatkan semua skop kerja Alam Flora adalah 1,715 kes pada tahun 2004 dan 1,684 kes pada tahun 2005. Aduan ini diterima sama ada melalui telefon, surat, akhbar, e-mail, bersemuka, radio dan melalui pejabat

cawangan. Didapati kebanyakan aduan adalah mengenai pembersihan longkang, *illegal dumping* dan sampah premis. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.7
JENIS ADUAN YANG DITERIMA
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA BULAN JUN 2006

JENIS ADUAN	TAHUN 2004	TAHUN 2005	SETAKAT BULAN JUN 2006
Sampah Premis	112	357	257
Pusat Tong	134	149	66
Sampah Kebun/Pokok	136	81	48
Illegal Dumping	591	373	215
Longgokan Tanah/Pelbagai	-	58	8
Pembersihan Jalan	245	265	74
Pembersihan Longkang	497	401	221
JUMLAH	**1,715**	**1,684**	**889**

d. Semakan Audit mendapati bagi tempoh bulan Januari 2005 hingga Mei 2006, pihak DBKL telah mengurangkan bayaran yuran pengurusan bulanan kepada Alam Flora kerana prestasi kerja syarikat ini yang tidak memuaskan. Bagi tempoh tersebut, sejumlah RM0.47 juta telah dikurangkan daripada tuntutan bayaran pengurusan berjumlah RM152.59 juta disebabkan oleh sampah yang tidak diangkut mengikut jadual.

e. Pihak Audit telah membuat lawatan ke beberapa kawasan pada bulan Oktober 2006 untuk menilai tahap kerja pungutan dan pembersihan sisa pepejal oleh Alam Flora. Tempat-tempat yang dilawati ialah Taman Sri Rampai, Setapak; Wangsa Maju; Setapak Indah; Sri Kota, Cheras; Bukit Damansara; kawasan komersial Bukit Bintang; Jinjang Utara dan Bandar Manjalara, Kepong. Temu bual dengan penghuni rumah telah juga diadakan. Didapati pungutan sisa pepejal domestik di kawasan perumahan/kawasan komersial/pasar adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dari segi pengurusan sisa pukal, sampah kebun, *illegal dumping* dan pembersihan jalan serta longkang seperti berikut :-

i. Sisa pukal seperti meja, kerusi dan almari dan sampah kebun belum dikutip dan dibersihkan **(Gambar 13.1 hingga 13.6)**.

GAMBAR 13.1

Longgokan Sisa Pukal Di Pusat Pungutan Sampah Perumahan Awam Sri Kota, Cheras - 13 Oktober 2006

GAMBAR 13.2

Longgokan Sisa Pukal Di Hadapan Rumah Di Jalan Beka, Bukit Damansara - 13 Oktober 2006

GAMBAR 13.3

Rumah Sampah Di Flat Wangsa Maju, Seksyen I Blok A8 Dikunci Dan Penghuni Memaklumkan Longgokan Sisa Pukal Wujud Sejak Sebulan Yang Lalu - 10 Oktober 2006

GAMBAR 13.4

Sampah Kebun Di Hadapan Rumah, Jalan Batai Utara, Bukit Damansara - 13 Oktober 2006

GAMBAR 13.5

Sampah Kebun Dan Meja Di Jalan Balau, Bukit Damansara - 13 Oktober 2006

GAMBAR 13.6

Sampah Kebun Yang Telah Kering Di Kawasan Perumahan Desa Rejang, Setapak - 10 Oktober 2006

ii. Kerja pembersihan *illegal dumping* tidak dibuat dengan sempurna sungguhpun DBKL membayar RM0.22 juta setiap bulan kepada Alam Flora untuk kerja ini **(Gambar 13.7 hingga 13.11)**.

GAMBAR 13.7

Illegal Dumping Di Kawasan Komersial Bandar Manjalara, Kepong - 16 Oktober 2006

GAMBAR 13.8

Illegal Dumping Di Jalan Batai Utara, Bukit Damansara - 13 Oktober 2006

GAMBAR 13.9

Illegal Dumping Di Kawasan Perumahan, Jinjang Utara - 16 Oktober 2006

GAMBAR 13.10

Illegal Dumping di Jalan Rejang, Taman Sri Rampai Sejak 3 Minggu Yang Lalu - 22 Oktober 2006

GAMBAR 13.11

Illegal Dumping Di Kawasan Komersial, Taman Sri Manjalara, Kepong - 16 Oktober 2006

iii. Sisa pepejal jenis domestik dan pukal tidak dipindahkan ke stesen pemindahan/pusat pelupusan untuk tempoh yang melebihi 3 bulan menyebabkan kawasan berkenaan menakung air lecet yang mengeluarkan bau busuk **(Gambar 13.12)**.

GAMBAR 13.12

Longgokan Sampah Di 1-1A Kampung Loke Yew, Jalan Semarak Tidak Diangkat Sejak 3 Bulan Yang Lalu - 10 Oktober 2006

iv. Tong yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung sampah **(Gambar 13.13)**.

GAMBAR 13.13

Tong Yang Disediakan Di Rumah Pangsa Sri Labuan Tidak Mencukupi Untuk Menampung Sampah - 13 Oktober2006

v. Longkang tidak dibersihkan menyebabkan ia telah dipenuhi dengan sampah sarap dan tumbuhan serta menjadi tempat takungan air busuk **(Gambar 13.14 hingga 13.19)**.

GAMBAR 13.14

Longkang Di Kawasan Rumah Pangsa Sri Labuan Tidak Disenggarakan Di Mana Terdapat Sampah Daun Dan Kayu Di Dalamnya - 13 Oktober 2006

GAMBAR 13.15

Longkang Di Kawasan Pasar Bukit Bintang Tidak Disenggarakan Dan Tersumbat - 16 Oktober 2006

GAMBAR 13.16

Longkang Kotor Dan Tersumbat Di Kawasan Komersial Bandar Manjalara, Kepong Mengakibatkan Bau Busuk - 16 Oktober 2006

GAMBAR 13.17

Longkang Di Luar Sekolah Menengah Kebangsaan Setapak Indah Tidak Dibersihkan - 10 Oktober 2006

GAMBAR 13.18

GAMBAR 13.19

Longkang Di Taman Sri Rampai, Setapak Jaya Tidak Dibersihkan - 10 Oktober 2006

vi. Terdapat sampah sarap dan daun bertaburan di bahu jalan yang mencacatkan pemandangan dan mencemarkan udara **(Gambar 13.20 hingga 13.22)**.

GAMBAR 13.20

Jalan Di Kawasan Komersial Bandar Manjalara, Kepong Tidak Disapu - 16 Oktober 2006

GAMBAR 13.21

Jalan Di Kawasan Perumahan Awam Sri Kota, Cheras Tidak Disapu - 13 Oktober 2006

GAMBAR 13.22

Jalan Di Tapak Pasar Malam Danau Kota Tidak Disapu - 10 Oktober 2006

vii. Lori terbuka bukan jenis c*ompactor* digunakan untuk mengangkut sampah menyebabkan air lecet tumpah ke jalan serta berbau busuk **(Gambar 13.23)**.

GAMBAR 13.23

Lori Terbuka Dan Bukan Jenis Compactor Digunakan Untuk Memungut Sisa Pepejal Domestik Di Jalan 75/26, Taman Sri Rampai Menyebabkan Air Lecet Tumpah Ke Jalan - 10 Oktober 2006

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya, Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. tidak menguruskan sisa pepejal seperti mana yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengurusan.

13.4.6. Mengurus Dan Menyenggara Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Domestik, Taman Beringin, Jinjang Utara

13.4.6.1. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, DBKL telah membuat penilaian terhadap prestasi Alam Flora bagi tempoh bulan April hingga Jun 2006. Penilaian tersebut mendapati prestasi perkhidmatan syarikat tersebut adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat

antara Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dengan Alam Flora pada bulan Jun 2006 serta surat-surat teguran yang dikeluarkan oleh JKM kepada Alam Flora bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006 mendapati Alam Flora tidak mengurus dan menyenggara stesen pemindahan sisa pepejal domestik mengikut syarat yang ditetapkan dalam kontrak. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. Peralatan dan logistik tidak disenggarakan dengan baik dan tiada sistem pengasingan sampah mengakibatkan kerosakan c*ompactor hopper* yang menjejaskan kerja pengurusan sisa pepejal. Keengganan Alam Flora menjalankan pembaikan *hopper* menyebabkan DBKL terpaksa membuat pembaikan sendiri dan kos pembaikan dicaj kepada syarikat berkenaan. Jumlah kos kerja pembaikan aset dan penggantian alat ganti yang terpaksa dibiayai dahulu oleh DBKL ialah RM7.39 juta. DBKL telah mengambil tindakan untuk menahan bayaran kemajuan berjumlah RM2.69 juta dan juga merampas Bon Pelaksanaan bernilai RM0.78 juta. Manakala bakinya berjumlah RM3.92 juta perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari oleh Alam Flora. Bagaimanapun sehingga pengauditan dijalankan, syarikat tersebut masih belum menjelaskan baki tersebut. **Pada pandangan Audit, DBKL patut mendapatkan kembali hutang tersebut melalui potongan secara ansuran daripada bayaran yuran pengurusan bulanan berhubung dengan pengurusan sisa pepejal.**

b. Lori kontena tidak disenggara dengan baik. Tayar-tayar lori tidak ditukar dan boleh menyebabkan kemalangan. *Safety stripe* rosak tetapi tindakan tidak diambil. Kontena *semi trailer* yang rosak terlalu lama juga masih belum dibaiki.

c. Alam Flora tidak membersihkan kawasan persekitaran di mana kenderaan *semi trailer* ditempatkan.

d. Jumlah sampah yang dimuatkan ke dalam kenderaan *semi trailer* untuk dibawa ke pusat pelupusan melebihi had yang ditetapkan menyebabkan kenderaan-kenderaan berkenaan sering kali mengalami kerosakan. Perkara ini kerap berlaku pada bulan Disember 2005.

e. Berlaku keadaan di mana air lecet memasuki ke bilik persalinan dan tandas di stesen pemindahan berkenaan.

13.4.6.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap baucar bayaran bagi bulan Januari 2005 hingga bulan April 2006 mendapati sejumlah RM0.64 juta telah dikurangkan daripada tuntutan bayaran pengurusan berjumlah RM20.74 juta yang dikemukakan oleh Alam Flora. Ini adalah kerana syarikat tersebut gagal menghantar sekurang-kurangnya 90% daripada jumlah (tan) sisa pepejal domestik dari stesen pemindahan setiap hari ke pusat pelupusan, Bukit Tagar, Hulu Selangor seperti mana yang ditetapkan dalam syarat perjanjian. Jumlah yang dikurangkan tersebut juga termasuk tuntutan semula kos kerja penyenggaraan aset berjumlah RM0.57 juta yang telah dibiayai dahulu oleh DBKL.

13.4.6.3. Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad telah dilantik menggantikan Alam Flora untuk mengurus dan menyenggara stesen pemindahan sisa pepejal domestik, Taman Beringin, Jinjang Utara (stesen pemindahan) mulai bulan Julai 2006. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal telah membuat penilaian terhadap prestasi Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad bagi tempoh bulan Julai hingga September 2006. Penilaian tersebut mendapati prestasi kerja perkhidmatan syarikat berkenaan adalah pada tahap cemerlang. Semakan Audit terhadap baucar bayaran bagi bulan Julai hingga November 2006 juga mendapati DBKL telah menjelaskan sepenuhnya setiap tuntutan yang dikemukakan oleh Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad kerana ia berupaya menghantar sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah (tan) sisa pepejal domestik dari stesen pemindahan setiap hari ke pusat pelupusan, Bukit Tagar seperti mana yang ditetapkan dalam perjanjian. Lawatan Audit ke stesen pemindahan pada bulan September 2006 mendapati perkara berikut :-

a. Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad telah menyelenggara rekod yang lengkap berhubung dengan operasi logistik dan laporan penggunaan loji/kenderaan. Syarikat juga mengawal kenderaan yang keluar-masuk ke stesen berkenaan. Kenderaan berkenaan dikehendaki melalui *weighing bridge* untuk menentukan berat sisa pepejal yang dibawanya bagi tujuan pengesahan pembayaran.

b. Sisa pepejal domestik dari lori telah dibuang dalam *hopper* yang mana ia dimampatkan oleh *compactor* untuk ditolak masuk ke dalam kontena *semi trailer*. Bagi mengelakkan bau busuk dari sisa pepejal, s*ystem odor and dust control* digunakan di mana ia dapat menyembur *deodorizer spray* ke arah sisa pepejal yang dikeluarkan dari lori. Di stesen ini juga ditempatkan pekerja untuk memantau dan mengawasi jenis sampah yang diturunkan dari lori pengangkutan. Jika terdapat sisa pepejal jenis pukal seperti tayar, batu dan sebagainya, pemandu berkenaan tidak dibenarkan menurunkan muatannya. Ini bagi mengelakkan *compactor* dari mengalami kerosakan. Gambar berikut menunjukkan aktiviti di stesen pemindahan, Taman Beringin, Jinjang Utara :-

GAMBAR 13.24
AKTIVITI DI STESEN PEMINDAHAN, TAMAN BERINGIN, JINJANG UTARA

Lokasi Compactor Di Mana Sisa Pepejal Domestik Akan Dimampatkan Sebelum Ditolak Masuk Ke Dalam Kontena Semi Trailer

Pekerja Akan Memastikan Hanya Sisa Domestik Dibuang Ke Dalam Hopper

13.4.7. Pengurusan Pusat Pelupusan Sisa Pepejal Domestik Di Bukit Tagar, Hulu Selangor

Pusat pelupusan sisa pepejal domestik di Bukit Tagar, Hulu Selangor (pusat pelupusan) yang diuruskan oleh Syarikat KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. beroperasi mulai bulan April 2005. *Advance cell* yang dibina telah dilengkapi dengan saluran paip gas dan paip air untuk mengalirkan air lecet ke kolam takungan lecet. Di kolam ini, air lecet dirawat melalui 3 kaedah iaitu menggunakan bakteria, bahan kimia dan pokok. Lawatan Audit ke pusat pelupusan pada bulan September 2006 mendapati syarikat ini telah menyelenggara rekod pendaftaran kenderaan untuk memastikan hanya kenderaan yang berdaftar dibenarkan masuk ke tapak ini. Bagi merekodkan maklumat seperti butiran kenderaan, tarikh, masa dan berat sisa pepejal diterima, setiap kenderaan *semi trailer* yang mengangkut sisa pepejal domestik dari stesen pemindahan perlu melalui *weighing bridge* di *advance cell.* Maklumat tersebut adalah diperlukan untuk menyokong bayaran yang akan dibuat oleh DBKL kepada syarikat berkenaan. Gambar berikut menunjukkan pusat pelupusan di Bukit Tagar, Hulu Selangor, Selangor :-

GAMBAR 13.25
TAPAK PELUPUSAN DI BUKIT TAGAR, HULU SELANGOR, SELANGOR

Advance Cell Yang Dilengkapi Dengan Saluran Paip Gas Dan Paip Air Lecet

Lokasi Rawatan Air Lecet

13.4.8. Bayaran Kepada Kontraktor

13.4.8.1. Mulai bulan Mac 2002, tapak pelupusan di Taman Beringin, Jinjang Utara tidak lagi digunakan untuk melupuskan sisa pepejal domestik dan diikuti oleh sisa pukal/sampah kebun mulai bulan Mac 2006. Ekoran daripada itu, semua sisa pepejal domestik yang dipungut oleh Alam Flora telah dihantar ke stesen pemindahan sisa pepejal domestik, Taman Beringin, Jinjang Utara dan kemudiannya dilupuskan di pusat pelupusan, Bukit Tagar, Hulu Selangor. Sisa pukal/sampah kebun pula dihantar ke tapak pelupusan, Dengkil, Sepang. Sungguhpun Alam Flora tidak lagi menguruskan tapak pelupusan di Taman Beringin, Jinjang Utara, namun **bayaran kepada syarikat ini masih mengikut kadar yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengurusan iaitu RM9.25 juta sebulan yang meliputi kerja pungutan, pembersihan dan juga pelupusan sisa pepejal di Taman Beringin, Jinjang Utara.** Bagaimanapun selepas teguran Audit, DBKL telah mengambil tindakan untuk mengurangkan bayaran yuran pengurusan kepada Alam Flora iaitu daripada RM9.25 juta setiap bulan kepada RM8.85 juta setiap bulan mulai tahun 2007.

13.4.8.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran yang dibuat kepada Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad dan Tetuan KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. adalah teratur. Pembayaran yang dibuat telah disokong dengan maklumat yang lengkap.

13.4.9. Pemantauan

13.4.9.1. Pemantauan Terhadap Urusan Pungutan Dan Pembersihan Sisa Pepejal

a. Unit Kawal Selia/Penguatkuasaan Dan Pengurusan Zon telah mengadakan rondaan, mengambil tindakan terhadap aduan, mengeluarkan *Notice To Correct* (NTC) kepada Alam Flora serta mengenakan denda. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Mengikut prosedur kerja DBKL, sekiranya Alam Flora mengambil tindakan terhadap NTC dalam masa 24 jam, DBKL akan mengenakan denda sebanyak 15% dari kos kerja yang tidak diuruskan dengan baik. Sebaliknya, denda yang dikenakan ialah mengikut formula (bilangan hari tindakan tidak diambil x 115% dari kos kerja yang terlibat). Bagi memudahkan Merinyu membuat pengiraan denda, DBKL telah menyediakan satu Jadual Pemotongan Denda untuk rujukan. Pihak Audit telah menyemak 863 sampel NTC yang melibatkan 6 zon bagi bulan tertentu untuk menentukan ketepatan denda yang dikenakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.8
SAMPEL *NOTICE TO CORRECT* (NTC) YANG DISEMAK

ZON	KAWASAN PARLIMEN	SAMPEL NTC (BULAN)	BILANGAN NTC YANG DISEMAK
1	Bukit Bintang	Mac 2006	181
2	Lembah Pantai Dan Segambut	April 2006	172
3	Kepong Dan Batu	Disember 2005	99
4	Wangsa Maju Dan Setiawangsa	Mei 2006	170
5	Cheras Dan Titiwangsa	November 2005	136
6	Bandar Tun Razak Dan Seputih	Oktober 2005	105
JUMLAH			863

ii. Semakan Audit mendapati jumlah denda yang dikenakan tidak mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Pemotongan Denda. Denda yang dikenakan adalah atas kadar 15% sahaja atau kurang daripadanya sungguhpun Alam Flora hanya mengambil tindakan terhadap NTC yang diterimanya selepas 24 jam. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh surat arahan tidak dikeluarkan kepada Merinyu supaya mematuhi Jadual Pemotongan Denda. Mengikut maklum balas daripada Merinyu, pengiraan denda bagi setiap NTC adalah dibuat mengikut budi bicara.

Selain itu, laporan yang dijanakan melalui sistem DBKL hanya menunjukkan tarikh NTC dikeluarkan tetapi tarikh Alam Flora mengambil tindakan terhadap NTC tidak dinyatakan. **Pada pandangan Audit, bagi tujuan keseragaman dalam pengenaan denda dan mengelakkan berlakunya penyelewengan, adalah disyorkan DBKL memastikan Merinyu menggunakan Jadual Pemotongan Denda. Laporan yang dijanakan melalui sistem perlu menunjukkan tarikh tindakan diambil oleh Alam Flora terhadap sesuatu NTC yang dikeluarkan oleh DBKL.**

iii. Mengikut Piagam Pelanggan, setiap aduan yang diterima daripada orang awam perlu diambil tindakan dalam tempoh satu hari dari tarikh aduan diterima. Semakan Audit terhadap 504 borang siasatan untuk kes aduan yang diterima bagi tempoh bulan Oktober hingga Disember 2005 serta bulan Mei dan Jun 2006 mendapati kecuali aduan yang diterima melalui akhbar, **kelewatan siasatan oleh Unit Kawal Selia/Penguatkuasaan Dan Pengurusan Zon, DBKL terhadap 328 kes aduan yang diterima ialah antara 3 hingga 149 hari.** Mengikut maklum balas daripada pihak DBKL, kelewatan tersebut berlaku disebabkan oleh kekurangan kakitangan di unit tersebut dan kakitangan yang sama turut terlibat dengan tugas rondaan harian. Kedudukan penyiasatan kes aduan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.9
KELEWATAN SIASATAN KES ADUAN BAGI TEMPOH BULAN OKTOBER HINGGA DISEMBER 2005 SERTA BULAN MEI DAN JUN 2006

SUMBER ADUAN	BORANG YANG DISEMAK	KELEWATAN SIASATAN	
		HARI	BILANGAN ADUAN
Telefon/Pusat Aduan Kuala Lumpur	309	3 hingga 27 hari	159
Surat/Pejabat Cawangan	151	3 hingga 79 hari	144
E-mail/E-Aduan	18	4 hingga 149 hari	16
Bersemuka	10	4 hingga 27 hari	9
JUMLAH	**488**		**328**

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati tarikh aduan diterima, tarikh siasatan dan tarikh tindakan susulan sehingga selesai telah direkodkan oleh Merinyu dalam Borang “Laporan Siasatan Aduan Awam”. Borang ini disimpan dalam fail yang berasingan mengikut sumber aduan diterima oleh pegawai yang bertanggungjawab di Pusat Pengumpulan Aduan. Bagaimanapun, **satu rekod yang dilengkapkan dengan maklumat tersebut tidak diselenggara sungguhpun rekod ini adalah penting bagi memudahkan Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar memantau dan memastikan semua aduan diselesaikan oleh Unit Kawal Selia/Penguatkuasaan Dan Pengurusan Zon dalam tempoh masa 24 jam.**

b. Jabatan Seni Taman Dan Kawalan Pembersihan Bandar telah mengadakan Mesyuarat Penilaian Prestasi Perkhidmatan oleh Alam Flora secara bulanan untuk membincangkan prestasi perkhidmatan Alam Flora. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah/Timbalan Pengarah, Jabatan Seni Taman dan Kawalan Pembersihan Bandar dan ahli-ahlinya terdiri dari pegawai dan Merinyu, Jabatan Seni Taman Dan Kawalan Pembersihan Bandar; wakil dari Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Peniaga Kecil; Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan; Jabatan Pengurusan Perumahan; Pejabat Cawangan DBKL dan Alam Flora.

c. Bahagian Kawalan Pembersihan Bandar telah menyediakan Laporan Tahunan Prestasi Perkhidmatan Alam Flora bagi tujuan pertimbangan lanjutan tempoh perjanjian.

13.4.9.2. Pemantauan Terhadap Pengurusan Stesen Pemindahan, Taman Beringin Dan Pusat Pelupusan, Bukit Tagar

Bahagian Teknologi Sisa Pepejal telah memantau dengan baik kerja Syarikat Solid Waste Disposal Sdn. Berhad yang menguruskan stesen pemindahan dan Tetuan KUB Berjaya Enviro Sdn. Bhd. yang mengendalikan pusat pelupusan. Kedua-dua syarikat berkenaan telah mengemukakan laporan bulanan mengenai aktiviti masing-masing bagi membolehkan DBKL menentukan bayaran yang sepatutnya dibuat kepada syarikat-syarikat tersebut.

13.4.10. Penilaian Impak Daripada Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal

Tidak ada sebarang penilaian dijalankan oleh mana-mana pihak untuk menentukan sejauh mana pencapaian dari segi kewangan dan tahap kebersihan di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum dan selepas penswastaan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan. Tanpa penilaian tersebut, **pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada usaha Kerajaan menswastakan aktiviti pengurusan sisa pepejal dengan tujuan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan pentadbiran Kerajaan serta meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal telah tercapai.**

13.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

13.5.1. Bagi memastikan Kuala Lumpur mencapai status sebuah bandar raya yang bertaraf dunia, salah satu aspek yang perlu dititikberatkan ialah kebersihan persekitarannya. Sehubungan ini, pengurusan sisa pepejal di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur oleh Alam Flora perlu dipertingkatkan.

13.5.2. Bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan meletakkan pengurusan sisa pepejal di bawah tanggungjawabnya dan juga untuk tujuan memuktamadkan perjanjian konsesi seluruh negara (*National Privatisation Concession Agreement*), Kerajaan perlu mempercepatkan usaha agar Rang Undang-undang berkaitan disedia dan dibentangkan di Parlimen.

13.5.3. Penukaran hak milik terhadap 28 kenderaan bernilai RM9.53 juta yang telah diserahkan kepada Alam Flora perlu disegerakan bagi mengelakkan DBKL dari menanggung sebarang risiko sekiranya berlaku kecurian kenderaan dan kemalangan.

13.5.4. DBKL perlu mendapatkan semula baki kos kerja pembaikan aset dan alat ganti berjumlah RM3.92 juta daripada Alam Flora dengan membuat potongan secara ansuran daripada bayaran yuran pengurusan bulanan.

13.5.5. DBKL perlu memastikan tindakan terhadap aduan diselesaikan dalam tempoh satu hari. Bagi tujuan ini, rekod yang lengkap dengan tarikh aduan diterima, tarikh siasatan dan tarikh susulan sehingga selesai perlu diselenggarakan.

13.5.6. Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama pihak DBKL patut menjalankan kajian impak terhadap penswastaan pengurusan sisa pepejal sebelum program ini diperluaskan ke negeri-negeri lain.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

14. PERBADANAN PUTRAJAYA
- PENSWASTAAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Putrajaya didiami pada awal tahun 1999 sama ada oleh penduduk bagi rumah kediaman, ruang pejabat atau kawasan perniagaan. Kawasan pentadbiran Perbadanan Putrajaya meliputi keluasan 5,000 hektar dan jumlah penduduk pada tahun 2006 adalah seramai 49,540 orang. Berdasarkan Akta Perbadanan Putrajaya 1995, Perbadanan Putrajaya (Perbadanan) merupakan sebuah Badan Berkanun yang telah digazet sebagai *Local Planning Authority And The Land Administrator For The Area* – Putrajaya.

14.1.2. Pada bulan September 1995, Kerajaan telah memutuskan supaya pengurusan sisa pepejal seluruh negara diswastakan kepada 4 konsortium mengikut wilayah/kawasan. Penswastaan pengurusan sisa pepejal di Kawasan Tengah dan Timur telah ditawarkan kepada sebuah konsortium. HICOM Bhd. yang mengetuai konsortium ini memegang 40% ekuiti manakala yang lain ialah Pembinaan Jayabumi, Sarawak (20%), Kumpulan Jetson Bhd. (20%) dan Kerajaan Negeri Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan (setiap negeri 5%). Konsortium ini kemudiannya mewujudkan syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. untuk menguruskan sisa pepejal. Selaras dengan keputusan Kerajaan tersebut, pengurusan sisa pepejal di kawasan Putrajaya yang terletak di Kawasan Tengah telah diserahkan kepada syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora).

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan sisa pepejal telah dilaksanakan dengan cekap, teratur, berkesan serta mencapai matlamat penswastaan.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 di pejabat Perbadanan. Lawatan fizikal ke beberapa lokasi meliputi kawasan perumahan, pejabat Kerajaan, pasar, tapak haram (*illegal dumping*) dan rumah sampah telah dibuat. Temu bual dengan penghuni telah diadakan. Soal selidik telah juga dihantar kepada penghuni-penghuni rumah di 9 lokasi.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2006 meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap penswastaan pengurusan sisa pepejal mendapati perkara berikut :-

14.4.1. Pengurusan Aktiviti

14.4.1.1. Perbadanan Putrajaya telah mewujudkan Bahagian Kawalan Kebersihan Bandaraya di bawah Jabatan Perkhidmatan Bandar untuk mengawal selia kerja pengurusan sisa pepejal oleh Alam Flora. Bahagian ini diketuai oleh Encik Jamal Nasir Bin Ali, Timbalan Pengarah Gred J52 dan dibantu oleh 2 Timbalan Pengarah Gred J48/U48 masing-masingnya mengetuai Unit Kebersihan dan Unit Kesihatan. Salah satu unit kecil di bawah Unit Kebersihan yang dikenali sebagai Unit Kebersihan Dan Perkhidmatan Khas adalah bertanggungjawab secara langsung dalam memantau kerja pengurusan sisa pepejal.

14.4.1.2. Unit Kebersihan Dan Perkhidmatan Khas diketuai oleh Encik Wan Sabaruddin bin Wan Ahmad, Pegawai Tadbir Gred N41 dan dibantu oleh seramai 12 orang kakitangan sokongan yang lain. Carta berikut menunjukkan struktur organisasi Unit Kebersihan, Bahagian Kawalan Kebersihan Bandaraya, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya :-

CARTA 14.1
STRUKTUR ORGANISASI UNIT KEBERSIHAN, BAHAGIAN KAWALAN KEBERSIHAN BANDARAYA, PERBADANAN PUTRAJAYA - KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



14.4.1.3. Fungsi utama Unit Kebersihan Dan Perkhidmatan Khas adalah seperti berikut :-

a. Mengurus, mentadbir dan menyelia kontrak pengurusan sisa pepejal, kerja-kerja pembersihan dan pencucian jalan-jalan awam dan sistem perparitan

seperti *gully/lateral drains, sump* dan *gross pollutant trap* (GPT) di kawasan Putrajaya yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik.

b. Menyelia dan memantau prestasi kontraktor dengan memastikan kerja pengurusan sisa pepejal, pembersihan jalan dan sistem perparitan dilaksanakan selaras dengan skop kerja dan syarat-syarat kontrak serta menyemak dan mengkaji semula kontrak pengurusan sisa pepejal dari segi kandungan klausa kontrak, skop kerja dan kadar harga.

c. Membuat pemantauan dan pengesahan terhadap setiap kerja yang dijalankan oleh kontraktor dan membuat pembayaran selaras dengan spesifikasi dan syarat kontrak serta undang-undang kecil Perbadanan.

d. Menjalankan tanggungjawab sebagai Urusetia Jawatankuasa Kebersihan Putrajaya dan mengambil tindakan susulan hasil dari keputusan Mesyuarat Jawatankuasa berkenaan.

14.4.1.4. Pada tahun 2004 dan 2005, didapati 3 pegawai dari Bahagian Kawalan Kebersihan Bandaraya telah menghadiri kursus. Seorang pegawai telah mengadakan lawatan sambil belajar mengenai *solid waste management* di Bangkok, Thailand pada tahun 2004. Bagi tahun 2005, seorang pegawai mengadakan lawatan sambil belajar mengenai *waste minimisation* di Australia dan seorang pegawai lagi menghadiri kursus mengenai *solid waste management* anjuran *Japan International Corporation Agency*. Pada tahun 2006, 27 kursus/seminar telah diadakan. Ia termasuk juga taklimat *erosion and sediment control plan* serta kesejahteraan persekitaran dan perancangan bandar.

Pada pandangan Audit, Perbadanan telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas untuk mengawal selia prestasi kerja Alam Flora. Lawatan sambil belajar dan kursus yang dihadiri oleh pegawai berkenaan adalah bersesuaian dengan tugas mereka.

14.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Perbadanan tidak menyediakan peruntukan khusus untuk aktiviti pengurusan sisa pepejal. Perbelanjaan mengenainya dikenakan kepada peruntukan penyelenggaraan bandar Putrajaya. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM56.50 juta daripada peruntukan berjumlah RM76.93 juta yang diluluskan telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2004	20.67	20.50
2005	20.17	17.59
2006	36.09	18.41
JUMLAH	**76.93**	**56.50**

14.4.3. Kaedah Pelaksanaan
- Pelantikan Alam Flora

a. Perjanjian Pengurusan antara Perbadanan Putrajaya dan Alam Flora telah ditandatangani pada bulan Mei 1999. Perjanjian ini akan ditamatkan pada hari perjanjian konsesi seluruh negara (National Privatisation Concession Agreement) berkuat kuasa atau setelah notis penamatan perjanjian dalam tempoh 30 hari dikeluarkan oleh Perbadanan mengikut mana yang terdahulu.

b. Didapati Perbadanan telah membuat tinjauan terhadap kadar bayaran pengurusan dan pembersihan sisa pepejal di beberapa Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Shah Alam, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Kajang sebagai panduan untuk menetapkan kadar bayaran kepada Alam Flora. Bayaran pungutan dan pembersihan sisa pepejal kepada Alam Flora adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi setiap jenis aktiviti yang telah dilaksanakan olehnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.2
BAYARAN UNTUK PENGURUSAN SISA PEPEJAL

JENIS AKTIVITI	JENIS/SAIZ BIN	KADAR	
		OPSYEN 1*	OPSYEN 1A *
Premis Kediaman	120Litre *Mobile Garage* Bin (MGB)	RM1.02/bin/*pickup*	RM1.00/bin/*pickup*
Kedai (kurang dari 3 tingkat)	240Litre MGB	RM2.04/bin/*pickup*	RM2.00/bin/*pickup*
Bangunan Komersial Dan Pejabat, Institusi, Apartmen Dan Kondominium	• 660/770/1100 Litre MGB • 8m3/10m3/15m3/ *Stationary Compactor*	• RM5.91/RM6.83/ RM9.69/bin/*pickup* • RM264.02/RM280.02/ RM296.03/bin/*pickup*	• RM5.80/RM6.70/ RM9.50/bin/*pickup* • RM260/RM276/ RM292/bin/*pickup*
Illegal Dumping	Tidak Berkenaan	RM65.00/*pickup*	
Sampah Pukal	Tidak Berkenaan	RM50.00/*collection*	
Sampah Kebun	Tidak Berkenaan	RM50.00/*collection*	
Pembersihan Jalan	Tidak Berkenaan	RM43.66/*kerb* km/ *service*	RM43.50/*kerb* km/*service*
Pembersihan *Sump* (Longkang Bertutup)	Tidak Berkenaan	RM79.77/*sump/service*	RM79.50/*sump/service*
Pembersihan *Gully*(Longkang Kecil Antara *Kerb*)/*Lateral Drains*	Tidak Berkenaan	RM1.50/*gully/service*	RM1.50/*gully/service*
Pembersihan *Gross Pollutant Trap* (GPT) - Pelbagai Jenis & *Incoming Drains*	Tidak Berkenaan	RM642.47/RM428/ RM321.74/RM256.39/ GPT/*service*	RM629/RM419/ RM315/RM251/GPT/ *service*

Nota :- Opsyen 1 - Kadar Ini Dikenakan Apabila Alam Flora Tidak Diberi Pengecualian Cukai Atas Pembelian Kenderaan Dan Peralatan. Sekiranya Pengecualian Cukai Diberi, Kadar Yang Dikenakan Perlu Mengikut Opsyen 1A

c. Bagi membiayai kos pelupusan sisa pepejal, Alam Flora akan membuat bayaran (tipping fee) terlebih dahulu kepada operator tapak pelupusan sisa pepejal dan kemudiannya menuntut balik jumlah terlibat daripada Perbadanan.

14.4.4. Syarat Perjanjian

Perjanjian yang ditandatangani antara lainnya menetapkan beberapa perkara seperti berikut :-

14.4.4.1. Alam Flora perlu menyediakan tong sampah bagi premis kediaman dan komersial dan tong ini akan diganti setiap 5 tahun.

14.4.4.2. Pengurusan sisa pepejal yang perlu dilaksanakan oleh Alam Flora adalah meliputi aktiviti utama dan aktiviti sokongan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.3
AKTIVITI ALAM FLORA

AKTIVITI	JENIS TUGAS
Aktiviti Utama	Pemungutan dan pelupusan sisa pepejal.
	Penyelenggaraan tong sampah bagi kegunaan awam, pusat tong sampah dan lokasi kutipan sampah.
	Menjalankan aktiviti kitar semula terhadap bahan-bahan yang boleh di kitar semula di sekolah, Jabatan Kerajaan dan Pusat Pengajian Tinggi.
Aktiviti Sokongan	Pembersihan jalan (Menyapu jalan termasuk mengutip sampah sarap di sebelah *kerb* dan pungutan sisa pepejal dari tong sampah yang diletakkan antara *kerb* dan pokok renek)
	Pembersihan *sump*/perangkap sampah.
	Pembersihan *gully/lateral drains.*

14.4.4.3. Jenis sisa pepejal adalah meliputi sisa pepejal domestik, sisa pukal dan sampah kebun. Sisa pepejal dipungut daripada rumah, kedai, pejabat, sekolah, pasar, gerai makan, rumah sampah dan tapak *illegal dumping*. Sisa pepejal domestik yang dipungut akan dihantar ke tapak pelupusan di Air Itam, Puchong, Selangor atau Sungai Sedu, Kuala Langat. Manakala sisa pukal dan sampah kebun dihantar ke tapak pelupusan di Dengkil, Sepang.

14.4.4.4. Alam Flora perlu melaksanakan aktiviti pengurusan sisa pepejal mengikut jadual yang ditetapkan seperti berikut :-

JADUAL 14.4
JADUAL PELAKSANAAN

JENIS DAN SKOP AKTIVITI	KEKERAPAN
A. Pungutan Sisa Pepejal	
i. Premis Kediaman	3 kali seminggu (tidak termasuk Hari Ahad)
ii. Flat Dan Kondominium (*Mobile Garbage* Bin Di Pusat Pungutan)	6 kali seminggu (tidak termasuk Hari Ahad)
iii. Premis Komersial	6 kali seminggu (tidak termasuk Hari Ahad)
iv. Sekolah, Institusi Dan Pejabat Kerajaan	6 kali seminggu (tidak termasuk Hari Ahad)
v. Pasar Dan Pusat Penjaja	7 kali seminggu
vi. *Stationary Compactor*	Sekurang-kurangnya 2 kali seminggu

JENIS DAN SKOP AKTIVITI	KEKERAPAN
B. Menyapu Jalan Menyapu Jalan Termasuk Mengutip Sampah Sarap Di Sebelah *Kerb* Dan Pungutan Sisa Pepejal Dari Tong Sampah Yang Diletakkan Antara *Kerb* Dan Pokok Renek	6 kali seminggu (tidak termasuk Hari Ahad)
C. Pembersihan i. Pembersihan *Sump* ii. Pembersihan *Gully/Lateral Drains* iii. Pembersihan *Gross Pollutant Trap* Dan *Incomming Drains*	Dibuat atas permintaan Perbadanan

14.4.4.5. Perbadanan akan mengeluarkan *Notis To Correct (*NTC) kepada Alam Flora untuk memperbaiki kerja yang tidak memuaskan. Sekiranya Alam Flora gagal melaksanakan tugasnya, Perbadanan boleh melantik pihak lain untuk menyelesaikan tugas itu dan kos terlibat akan ditolak daripada bayaran pengurusannya. Selain itu, kontrak boleh ditamatkan sekiranya Alam Flora gagal mengambil tindakan pembaikan terhadap 3 NTC dikeluarkan dalam tempoh satu tahun.

14.4.4.6. Semua pembayaran perlu dibuat kepada Alam Flora dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan invois yang lengkap dan tepat.

Pada pandangan Audit, bagi menjamin kepentingan Perbadanan, perjanjian tersebut juga perlu mempunyai peruntukan yang menghendaki Alam Flora mengemukakan Bon Pelaksanaan.

14.4.5. Pungutan Dan Pembersihan Sisa Pepejal

14.4.5.1. Mengikut Laporan Tahunan yang disediakan oleh Perbadanan, jumlah kutipan sisa pepejal mengikut berat dari bulan Mei 1999 hingga Jun 2006 adalah 55,364 tan. Bagi menilai prestasi kerja Alam Flora dalam urusan pungutan dan pembersihan sisa pepejal, semakan Audit telah dijalankan terhadap beberapa perkara seperti berikut :-

a. Berdasarkan Laporan Tahunan bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 yang disediakan oleh Perbadanan, didapati 33 aduan telah diterima pada tahun 2004 dan berkurangan kepada 24 aduan pada tahun 2005 serta 18 aduan pada tahun 2006. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.5
JENIS ADUAN YANG DITERIMA

JENIS ADUAN	BILANGAN ADUAN		
	TAHUN 2004	TAHUN 2005	TAHUN 2006
Pungutan Sampah Berjadual	13	15	12
Sampah Berselerak Di Tempat Awam	7	1	-
Longkang Tersumbat	4	1	1

JENIS ADUAN	BILANGAN ADUAN		
	TAHUN 2004	TAHUN 2005	TAHUN 2006
Kebersihan Jalan Raya/Kawasan Persendirian	4	3	4
Tong Sampah Rosak/Hilang	-	-	1
Lain-lain Perkhidmatan Syarikat Alam Flora	5	4	-
JUMLAH	**33**	**24**	**18**

b. Mengikut maklum balas daripada pihak Perbadanan, tiada *Notice To Correct* dikeluarkan kepada Alam Flora sejak pelantikannya untuk menguruskan sisa pepejal. Semakan Audit selanjutnya mendapati Perbadanan telah membuat perakuan pada 4 Ogos 2005 bahawa Alam Flora yang menjalankan operasi sisa pepejal sejak bulan Mei 1999 telah menunjukkan mutu perkhidmatan yang baik.

14.4.5.2. Pihak Audit telah mengedarkan soal selidik untuk mendapat maklum balas daripada penghuni rumah bagi menilai prestasi Alam Flora dari beberapa aspek seperti pungutan sampah mengikut jadual; tong sampah disediakan; lori *compactor* digunakan untuk mengangkut sisa pepejal domestik dan keadaan yang bersih di persekitaran kediaman. Berdasarkan soal selidik yang diterima daripada beberapa penduduk di 9 lokasi, didapati prestasi Alam Flora adalah memuaskan.

14.4.5.3. Pihak Audit telah membuat lawatan ke beberapa kawasan dalam bulan Oktober dan November 2006 untuk menilai tahap kerja pungutan dan pembersihan sisa pepejal oleh Alam Flora. Lokasi yang dilawati ialah kawasan kediaman di Presint 8, 9 serta 11, pasar, rumah sampah dan pejabat Kerajaan di Presint 1. Temu bual dengan penghuni rumah telah juga diadakan. Adalah didapati prestasi kerja Alam Flora adalah memuaskan. Contohnya adalah seperti berikut :-

a. Sisa pepejal domestik telah dikutip dan tong-tong sampah diletakkan semula dengan teratur **(Gambar 14.1 dan 14.2).**

GAMBAR 14.1

Tong-Tong Sampah Diletakkan Semula Dengan Teratur Selepas Sisa Pepejal Dipungut - Jalan P9D/3, Presint 9 (23 November 2006)

GAMBAR 14.2

Rumah Sampah Yang Bersih - Parcel D, Presint 1, Pejabat Kerajaan (9 Oktober 2006)

b. Longkang yang tidak dipenuhi sampah atau tersumbat **(Gambar 14.3).**

GAMBAR 14.3

Longkang Yang Bersih
- Berdekatan Lebuh Raya Ke Kuala Lumpur
(23 November 2006)

c. Keadaan jalan yang telah disapu bersih menunjukkan pemandangan yang ceria **(Gambar 14.4 dan 14.5).**

GAMBAR 14.4

Keadaan Jalan Yang Bersih
- Jalan P8A/5, Presint 8 (9 Oktober 2006)

GAMBAR 14.5

Keadaan Jalan Yang Bersih
- Jalan P8D, Presint 8 (9 Oktober 2006)

d. Lori c*ompactor* digunakan untuk mengangkut sampah **(Gambar 14.6 dan 14.7).**

GAMBAR 14.6

GAMBAR 14.7

Jalan P8D, Presint 8
- Lori Compactor Digunakan Untuk Memungut Sampah (9 Oktober 2006)

e. Pada pandangan Audit, prestasi kerja Alam Flora di Putrajaya secara keseluruhannya adalah memuaskan. Beberapa faktor seperti berikut telah menyumbang kepada pencapaian prestasinya :-

i. Putrajaya masih dalam proses pembangunan. Keluasan kawasan dan bilangan penduduk yang masih kecil memudahkan kerja pungutan dan pembersihan sisa pepejal.

ii. Kebanyakan bangunan di Putrajaya adalah rumah kediaman dan pejabat Kerajaan. Sehubungan ini, tugas pungutan dan pembersihan sisa pepejal di Putrajaya lebih mudah diuruskan berbanding dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pesat membangun dengan restoran, pasar dan pusat penjaja di mana pembuangan sampah berselerak dan pembuangan sisa pepejal domestik ke dalam longkang sudah menjadi satu kebiasaan.

iii. Kebanyakan penghuni di Putrajaya adalah kakitangan Kerajaan yang pada umumnya lebih peka terhadap kepentingan menjaga kebersihan persekitaran. Terdapat penghuni meletak sisa pepejal dalam beg plastik yang berlainan bagi mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula. Ini dapat memudahkan kerja pungutan dan pelupusan sisa pepejal. Contohnya seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 14.8

Jalan P8B/5, Presint 8 - Sampah Dibuang Dalam Beg Plastik Berasingan Mengikut Jenis (9 Oktober 2006)

iv. Bagi menggalakkan penghuni mengambil bahagian dalam program kitar semula yang mana dapat memudahkan tugas pengurusan sisa pepejal, Perbadanan telah menyediakan kemudahan seperti berikut bagi membolehkan mereka mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula seperti kaca, kertas, plastik dan logam :-

- Membekalkan setiap rumah 2 jenis *bio degradable recycling bag* di mana salah satu beg adalah khas untuk kaca.
- Menyediakan sangkar di kawasan pangsapuri untuk membuang bahan kitar semula **(Gambar 14.9)**.
- Menyediakan tong untuk bahan kitar semula di kawasan Pejabat Kerajaan **(Gambar 14.10)**.

GAMBAR 14.9

Fasa 4C, Presint 8, Blok D - Sangkar Di Pangsapuri (12 Januari 2007)

GAMBAR 14.10

Tong Di Kawasan Pejabat Kerajaan (12 Januari 2007)

14.4.6. Bayaran Kepada Alam Flora

14.4.6.1. Perbadanan membuat bayaran kepada Alam Flora atas kerja pungutan dan pembersihan sisa pepejal. Selain itu, Alam Flora juga menuntut bayaran *tipping fee* yang didahulukan olehnya kepada operator tapak pelupusan sisa pepejal. Semakan Audit mendapati pembayaran yang telah dibuat oleh Perbadanan disokong dengan inbois, resit/*Monthly Sales Details Report By Customer* dan penyata ringkasan tuntutan yang disediakan oleh Pembantu Tadbir, disahkan oleh Penolong Pengarah dan diluluskan bayaran oleh Pengarah, Bahagian Kawalan Kebersihan Bandaraya, Jabatan Perkhidmatan Bandar.

14.4.6.2. Mengikut syarat perjanjian, semua bayaran perlu dibuat kepada Alam Flora dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan inbois yang lengkap dan tepat. Namun demikian, semakan Audit terhadap bayaran yang dibuat antara bulan Januari 2005 hingga Jun 2006 mendapati kelewatan pembayaran antara 6 hingga 86 hari telah berlaku. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan ini berpunca daripada masa yang terlalu panjang diambil di peringkat penyediaan Sijil Pembayaran iaitu antara 19 hingga 94 hari. Selepas teguran Audit, Perbadanan telah menetapkan norma masa bagi setiap peringkat pemprosesan bayaran iaitu Sijil Pembayaran disediakan dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh inbois diterima, 4 hari untuk semakan dan kelulusan oleh Timbalan Pengarah (Kawalan Kebersihan Bandaraya) dan Pengarah Perkhidmatan Bandar serta 12 hari diperuntukkan bagi pemprosesan bayaran di Bahagian Kewangan.

14.4.6.3. Bagi memperolehi *bio degradable recycling bag* untuk tujuan Program Kitar Semula, Perbadanan telah membenarkan Alam Flora membekalkan item tersebut. Syarikat tersebut mendapatkan bekalan *recycling bag* daripada pembekal tempatan dan akan menuntut amaun terlibat daripada Perbadanan. Semakan Audit mendapati Perbadanan membuat bayaran kepada Alam Flora hanya berdasarkan inbois yang dikemukakan olehnya dan *delivery order* daripada pembekal berkenaan. **Pengesahan penerimaan *recycling bag* tersebut secara fizikal tidak dijalankan kerana ia dibekalkan terus kepada Alam Flora untuk diagihkan kepada penghuni rumah dan bakinya disimpan di syarikat tersebut.** Jumlah *recycling bag* yang diperolehi bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 dan kos terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.6
JUMLAH *RECYCLING BAG* YANG DIPEROLEHI
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

2004		2005		2006	
UNIT	JUMLAH (RM)	UNIT	JUMLAH (RM)	UNIT	JUMLAH (RM)
50,000	2,700	155,700	12,794	62,900	9,238

Pada pandangan Audit, Perbadanan perlu mewujudkan mekanisme untuk memantau ketepatan jumlah *recycling bag* yang diuruskan pembekalan dan pengagihannya oleh Alam Flora kepada penghuni rumah sebelum bayaran dilakukan.

14.4.7. Pemantauan

14.4.7.1. Sistem *Customer Relationship Management* (CRM) yang dibangunkan oleh Perbadanan dan beroperasi mulai akhir tahun 2006 adalah untuk mendaftar segala aduan yang diterima termasuk aduan sampah. Laporan aduan yang dijanakan dari sistem akan diedarkan oleh Bahagian Perhubungan Awam kepada bahagian-bahagian yang berkenaan termasuk Bahagian Kawalan Kebersihan Bandaraya untuk tindakan siasatan dalam tempoh yang ditetapkan. Bahagian yang berkenaan akan memasukkan (*key in*) hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil ke dalam sistem supaya Bahagian Perhubungan Awam dapat memberi jawapan kepada pengadu berkenaan. Sekiranya maklum balas masih belum di*key in* ke dalam sistem oleh bahagian berkenaan selepas tempoh yang ditetapkan, mesej peringatan akan dikeluarkan kepada pegawai berkenaan dan juga pihak pengurusan. Bagi kes aduan sampah, didapati hanya ada 5 kes aduan yang diterima pada tahun 2006 melalui sistem CRM dan kesemuanya telah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

14.4.7.2. Jabatan Pembersihan Bandar tidak menyediakan jadual rondaan. Pihak Perbadanan hanya mengadakan lawatan untuk meninjau pengurusan sisa pepejal oleh Alam Flora mengikut tarikh yang dipilih secara rambang dalam sesuatu bulan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Laporan Pemantauan seperti yang ditetapkan dalam prosedur kerja disediakan kerana ia tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Bagaimanapun, laporan kerja bulanan telah disediakan oleh Alam Flora dan disahkan oleh pihak Perbadanan.

14.4.7.3. Perbadanan telah menyediakan Laporan Tahunan Sisa Pepejal untuk rujukan pihak atasan. Antara perkara yang dinyatakan dalam laporan tersebut ialah jumlah kutipan sisa pepejal mengikut berat dan jenis kerja pembersihan, lokasi terlibat, Program Kitar Semula, jumlah aduan dan perbelanjaan keseluruhan bagi tahun berkenaan.

14.4.7.4. Alam Flora telah menyediakan Jadual Kutipan Sisa Pepejal mengikut kawasan dan ia dipaparkan di papan notis yang diletakkan di semua lokasi yang dilawati. Jadual tersebut memudahkan penghuni mengetahui jadual tugas Alam Flora dan membolehkan mereka mengemukakan aduan (sekiranya ada) kepada Perbadanan demi meningkatkan prestasi Alam Flora. Contoh Jadual Kutipan Sisa Pepejal adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 14.11

Jadual Kutipan Di Jalan P8A
(9 Oktober 2006)

Jadual Kutipan Di Jalan P8D Berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan
(9 Oktober 2006)

14.4.7.5. Selain daripada Jabatan Perkhidmatan Bandar, tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan Putrajaya juga melibatkan beberapa pihak lain seperti Jabatan Perancang (Bahagian Landskap); Bahagian Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya; Jabatan Perancang (Bahagian Tanah); JKR Putrajaya dan Putrajaya Holdings. Oleh itu, bagi mewujudkan kerjasama dan persefahaman semua pihak agar segala masalah berkaitan dengan kebersihan dalam kawasan Putrajaya dapat ditangani dengan segera, Perbadanan telah menubuhkan Jawatankuasa Kebersihan Putrajaya pada tahun 2005. Jawatankuasa tersebut akan bermesyuarat berdasarkan keperluan atau sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun. Didapati Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sekali pada tahun 2005 dan juga pada tahun 2006.

14.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, Alam Flora telah dapat melaksanakan tugas pengurusan sisa pepejal di kawasan Putrajaya dengan baik. Bagaimanapun, bagi mempercepatkan bayaran kepada Alam Flora, Perbadanan perlu memastikan norma masa yang ditetapkan bagi setiap peringkat pemprosesan bayaran dipatuhi. Bagi memastikan tiada pembaziran/penyelewengan dalam perolehan *bio degradable recycling bag,* Perbadanan perlu mewujudkan mekanisme untuk memantau ketepatan jumlah *recycling bag* yang diuruskan pembekalan dan pengagihannya oleh Alam Flora kepada penghuni rumah.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

15. PROGRAM PELUASAN PENDIDIKAN PRASEKOLAH

15.1. LATAR BELAKANG

Pada bulan Jun 2001, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Program Peluasan Pendidikan Prasekolah (Program) dilaksanakan. Antara lainnya, Program ini bertujuan untuk memberi kemahiran asas kepada kanak-kanak dan memupuk sikap positif mereka sebagai persediaan bagi memasuki sekolah rendah. Kerajaan juga berharap Program ini dapat memberi manfaat kepada kanak-kanak di kawasan luar bandar dan kawasan miskin di bandar. Sehingga bulan Disember 2006, terdapat sebanyak 4,583 kelas di 3,702 prasekolah Kementerian di seluruh negara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.1
BILANGAN KELAS/PRASEKOLAH KEMENTERIAN PADA TAHUN 2006

BUTIRAN	BILANGAN KELAS	BILANGAN PRASEKOLAH
Sekolah Kebangsaan	4,315*	3,441*
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	136	133
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	79	75
Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas	28	28
Maktab Perguruan	25	25
JUMLAH	**4,583**	**3,702**

Nota :- **** Termasuk 44 Kelas/Sekolah Integrasi***

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada Program Peluasan Pendidikan Prasekolah telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Peluasan Pendidikan Prasekolah di Sekolah Kebangsaan sahaja. Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 di peringkat Kementerian, 6 Jabatan Pelajaran Negeri, 3 Pejabat Pelajaran Gabungan, 4 Pejabat Pelajaran Daerah, 1 Pejabat Pelajaran Daerah Kecil dan 80 prasekolah yang terdiri daripada 62 prasekolah biasa dan 18 prasekolah pendidikan khas/integrasi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.2
BILANGAN PEJABAT PELAJARAN GABUNGAN/DAERAH/DAERAH KECIL DAN PRASEKOLAH YANG DILAWATI

NEGERI	PEJABAT PELAJARAN GABUNGAN/ DAERAH/DAERAH KECIL	BILANGAN PRASEKOLAH YANG DILAWATI		
		PENDIDIKAN BIASA	PENDIDIKAN KHAS/INTEGRASI	JUMLAH
Selangor	1	15	3	18
Kelantan	1	9	-	9
Johor	1	8	4	12
Kedah	1	8	4	12
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	8	4	12
Sarawak	4	14	3	17
JUMLAH	**8**	**62**	**18**	**80**

15.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

15.4.1. Pengurusan Program

15.4.1.1. Peringkat Kementerian

Pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah (Program) melibatkan kerja ubah suai bilik darjah sedia ada atau pembinaan bilik darjah baru dan pembekalan peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. Oleh itu, Unit Pengurusan Prasekolah di Bahagian Sekolah dan Bahagian Pembangunan Dan Perolehan yang berikut adalah terlibat dalam pelaksanaan Program ini :-

a. Unit Pengurusan Prasekolah yang bertanggungjawab untuk menguruskan Program diketuai oleh seorang Ketua Unit Gred DG44. Antara fungsi unit ini ialah :-

- Menyelaras dan memantau perancangan serta pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah bagi pendidikan biasa dan pendidikan khas.
- Menyelaras dan memantau pelaksanaan kemudahan prasarana dan fizikal kelas prasekolah.
- Merancang, mengurus dan menyelaras penempatan dan pertukaran guru.
- Mengurus dan menyelaras keperluan Pembantu Pengurusan Murid.

b. Kedudukan Unit Pengurusan Prasekolah di bawah struktur organisasi Bahagian Sekolah adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 15.1
STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN SEKOLAH
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



c. Pada tahun 2004, Unit Pengurusan Prasekolah telah memohon 4 jawatan baru yang terdiri daripada satu jawatan Gred DG48 dan 3 jawatan Gred DG41 sebagai tambahan kepada satu jawatan Gred DG41 yang sedia ada bagi mengendalikan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah. Bagaimanapun, hanya satu jawatan bagi Gred DG44 dan Gred DG41 yang telah diluluskan. Setakat 31 Disember 2006, kesemua jawatan yang diluluskan telah diisi.

d. Bahagian Pembangunan Dan Perolehan yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian, Gred JUSA C adalah bertanggungjawab terhadap pembangunan fizikal prasekolah. Antara fungsi bahagian ini adalah :-

- Merancang dan mengurus pelaksanaan projek pembangunan fizikal secara berkesan dan sistematik bagi projek-projek Rancangan Malaysia/kajian separuh penggal.
- Memperakukan keperluan peruntukan kepada unit yang berkenaan dan membuat susulan dalam memastikan aliran tunai projek berjalan lancar serta siling peruntukan disediakan untuk peralatan dan perabot bagi projek-projek yang mencapai kemajuan fizikal 70%.
- Melaksanakan tindakan pemantauan dan pengesahan terhadap kemajuan fizikal projek, prestasi kewangan dan isu-isu serta masalah dalam pelaksanaan projek.

Struktur organisasi Bahagian Pembangunan Dan Perolehan adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 15.2
STRUKTUR ORGANISASI
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



Nota :- ***SMT - Sekolah Menengah Teknik***
SBPI - Sekolah Berasrama Penuh Integrasi

15.4.1.2. Peringkat Negeri

a. Di peringkat negeri, Program Peluasan Pendidikan Prasekolah diuruskan oleh pegawai Gred DG41/DGA34/ DGA32 (bergantung kepada saiz unit) di Unit Rendah, Sektor Pengurusan Sekolah. Pegawai tersebut bertanggungjawab terhadap beberapa perkara seperti berikut :-

- Mengurus dan memantau pelaksanaan pendidikan prasekolah dari segi pengurusan dan kurikulum.
- Mengenal pasti, menyedia serta memberi latihan kepada tenaga pengajar di semua sekolah yang terlibat dengan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah.
- Merancang dan mengurus keilmuan, pemantapan dan pengurusan prasekolah kepada Guru Besar, Guru Penolong Kanan, guru prasekolah dan Pembantu Pengurusan Murid pendidikan prasekolah.
- Memastikan pelaksanaan program prasekolah berjalan lancar mengikut jadual dan peruntukan yang telah ditetapkan.

b. Kedudukan Unit Rendah di bawah struktur organisasi Jabatan Pelajaran Negeri adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 15.3
STRUKTUR ORGANISASI
JABATAN PELAJARAN NEGERI
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



c. Di peringkat Pejabat Pelajaran Gabungan/Daerah/Daerah Kecil, pengurusan prasekolah adalah di bawah Unit Pengurusan Sekolah. Seorang penyelia Gred DG41/DGA34/DGA32 adalah bertanggungjawab untuk mengurus, mengawal dan menyelaraskan program prasekolah.

d. Di peringkat sekolah, secara umumnya sekolah diketuai oleh seorang Guru Besar Gred DG41/DGA34. Pengurusan prasekolah adalah di bawah tanggungjawab seorang Guru Penolong Kanan Gred DGA32/DGA29.

e. Program latihan bagi Guru Besar, guru prasekolah dan Pembantu Pengurusan Murid dikendalikan oleh Sektor Pengurusan Sekolah dengan kerjasama Sektor Pengurusan Akademik. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 40 (56.3%) daripada 71 kursus yang dirancang di 6 negeri yang dilawati telah dilaksanakan. Antara kursus yang dilaksanakan ialah Pengurusan Prasekolah Untuk Pentadbir Sekolah, Orientasi Guru Prasekolah, Pengurusan Prasekolah untuk Pembantu Pengurusan Murid, Pemantapan Kurikulum Pendidikan, Peningkatan Pengajaran dan Pembelajaran Prasekolah serta Peningkatan Profesionalisme Pembantu Pengurusan Murid Prasekolah. Kementerian memaklumkan bahawa kursus tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan peruntukan dan masa. Selain itu, hasil daripada temu bual dengan Guru Besar, guru prasekolah,

Pembantu Pengurusan Murid di 80 prasekolah yang dilawati mendapati seramai 57 Guru Besar dan 3 guru prasekolah belum menghadiri kursus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 manakala 29 Pembantu Pengurusan Murid pula belum menghadiri kursus bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006.

15.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Kementerian telah memohon sejumlah RM341.10 juta peruntukan pembangunan bagi pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah dan RM2.23 bilion untuk Program Pendidikan Sekolah Rendah. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah yang diluluskan khusus untuk Program Peluasan Pendidikan Prasekolah kerana jumlah yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan tidak diasingkan daripada Program Pendidikan Sekolah Rendah. Bagi peruntukan mengurus, sejumlah RM507.13 juta telah diluluskan untuk melaksanakan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM471.20 juta (92.9%) telah dibelanjakan.

15.4.3. Kriteria Pemilihan Sekolah Dan Murid

15.4.3.1. Antara kriteria bagi pemilihan sekolah untuk dijadikan prasekolah ialah :-

a. Lokasi pendalaman/luar bandar/pinggir bandar/bandar.
b. Peratusan murid Tahun Satu yang tidak berprasekolah tinggi.
c. Tiada operator tadika lain.
d. Mengambil kira pendaftaran murid Tahun Satu bagi tahun berikutnya.
e. Kemudahan ubah suai bilik darjah.
f. Permintaan masyarakat setempat.

15.4.3.2. Pemilihan murid yang layak memasuki prasekolah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Prasekolah di peringkat sekolah. Keanggotaan jawatankuasa ini terdiri daripada Guru Besar, Guru Penolong Kanan, guru prasekolah dan wakil Persatuan Ibu Bapa Dan Guru. Kriteria pemilihan murid prasekolah adalah seperti berikut :-

a. Warganegara Malaysia.
b. Berumur antara 5 hingga 5+ tahun.
c. Bagi pendidikan biasa, keutamaan pemilihan 25 murid yang layak perlu dibuat berdasarkan kepada pendapatan dan tanggungan ibu bapa/penjaga yang ditetapkan.
d. Bagi pendidikan khas, pemilihan murid dibuat dari golongan bermasalah pembelajaran tetapi terhad kepada yang mempunyai tahap kecacatan yang sederhana/minima, boleh mengurus diri dan menguasai latihan ke tandas.

15.4.3.3. Kementerian telah menetapkan bilangan murid bagi setiap kelas prasekolah pendidikan biasa hendaklah tidak melebihi 25 murid manakala prasekolah pendidikan khas/integrasi tidak melebihi 10 murid. Semakan Audit di 18 prasekolah pendidikan khas/integrasi mendapati bilangan murid pada umumnya adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya terhadap 62 prasekolah pendidikan biasa mendapati kecuali Sekolah Kebangsaan Petaling 2, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mempunyai murid seramai 7 orang, bilangan murid di sekolah-sekolah lain adalah antara 16 hingga 25 orang. Antara faktor yang menyebabkan bilangan murid yang agak rendah di Sekolah Kebangsaan Petaling 2 ialah terdapat prasekolah lain yang berhampiran dengannya.

15.4.3.4. Pada tahun 2002, Kementerian telah menetapkan pemilihan murid prasekolah pendidikan biasa hendaklah diberi keutamaan kepada murid yang mana pendapatan ibu bapa/penjaganya adalah di bawah RM175 sebulan dan sehingga RM350 sebulan. Bagaimanapun sekiranya masih ada tempat, murid yang ibu bapa/penjaganya berpendapatan bulanan RM351 ke atas boleh juga diterima mengikut lokasi. Bagi prasekolah pendidikan khas/integrasi, kadar pendapatan ibu bapa/penjaga tidak merupakan antara kriteria pemilihan murid yang layak. Berdasarkan kepada 62 prasekolah pendidikan biasa yang diaudit, didapati pendapatan ibu bapa/penjaga bagi murid yang dipilih adalah berbeza-beza antara 6 negeri yang berkaitan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.3
BILANGAN MURID YANG DIPILIH BERDASARKAN PENDAPATAN IBU BAPA/PENJAGA

NEGERI	PENDAPATAN IBU BAPA/PENJAGA (RM)										BIL. BORANG DISEMAK
	100-350	351-1,000	1,001-2,000	2,001-3,000	3,001-4,000	4,001-5,000	5,001-6,000	6,001-7,000	>7,000	TM	
	BILANGAN MURID										
Selangor	1	63	30	8	4	2	0	1	1	1	111
Kelantan	1	77	10	5	3	1	0	1	0	1	99
Johor	0	38	25	9	2	1	0	0	0	0	75
Kedah	6	70	12	0	2	0	0	0	0	2	92
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	0	6	7	6	3	2	2	0	0	4	30
Sarawak	42	59	6	2	3	0	0	0	0	2	114
JUMLAH	**50**	**313**	**90**	**30**	**17**	**6**	**2**	**2**	**1**	**10**	**521**

Nota : TM - Tiada Maklumat

15.4.4. Prestasi Pelaksanaan Program

15.4.4.1. Di peringkat Kementerian, Bahagian Pembangunan Dan Perolehan akan memaklumkan kepada Unit Pengurusan Prasekolah mengenai jumlah peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah (Program). Unit Pengurusan Prasekolah seterusnya akan menetapkan bilangan sekolah untuk pelaksanaan Program termasuk bilangan

kelas yang terlibat. Maklumat tersebut akan dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Dan Perolehan untuk menurunkan surat kuasa kepada Jabatan Pelajaran Negeri bagi tindakan selanjutnya. Jabatan Pelajaran Negeri adalah bertanggungjawab untuk melantik kontraktor kelas F untuk menjalankan kerja ubah suai bilik darjah sedia ada atau bina baru. Kerja ini melibatkan penyediaan kemudahan seperti ruang dapur, ruang dalam bilik darjah, ruang luar kelas, ruang bilik air dan pembekalan peralatan kepada sekolah yang terlibat berdasarkan kepada Brif Projek Peluasan Prasekolah yang disediakan oleh Jawatankuasa Penentuan Brif Projek Dan Spesifikasi Peralatan Prasekolah, Kementerian. **Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor tersebut telah dibuat secara sebut harga dan pada umumnya mematuhi peraturan yang ditetapkan.**

15.4.4.2. Semasa Program Peluasan Pendidikan Prasekolah mula dilaksanakan pada tahun 2002, sebanyak 100 kelas prasekolah yang dirancang telah disediakan. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan sebanyak 6,000 kelas prasekolah. Daripada jumlah tersebut, sehingga 31 Disember 2006, sebanyak 3,452 kelas atau 57.5% telah dilaksanakan. Antara sebab pelaksanaan tidak seperti yang dirancang ialah peruntukan yang dipohon tidak diluluskan sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan dan kekurangan bilik darjah untuk diubah suai/dibina. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.4
STATUS PELAKSANAAN FIZIKAL PROGRAM PRASEKOLAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2002 HINGGA 2006

TAHUN	RANCANG		LAKSANA		PERBEZAAN	
	BIL. KELAS	BIL. PRASEKOLAH	BIL. KELAS	BIL. PRASEKOLAH	BIL. KELAS	BIL. PRASEKOLAH
2002	100	100	100	100	-	-
2003	1500	1,273	1,500	1,273	-	-
2004	1500	1,275	500	468	1,000	807
2005	1500	1,268	700	608	800	660
2006	1500	1,312	652	558	848	754
JUMLAH	**6,100**	**5,228**	**3,452**	**3,007**	**2,648**	**2,221**

15.4.4.3. Mengikut brif projek, setiap prasekolah perlu dibekalkan dengan lebih kurang 144 item dalam bilik darjah, ruang dapur, ruang bilik air dan ruang luar kelas. Peruntukan yang ditetapkan bagi pengubahsuaian/bina sebuah bilik darjah dan pembekalan perabot/peralatan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.5
PERUNTUKAN UBAH SUAI/BINA BILIK DARJAH DAN PEMBEKALAN PERABOT/PERALATAN BAGI SEMENANJUNG MALAYSIA

TAHUN	BIL. BILIK DARJAH	PERUNTUKAN UBAH SUAI/BINA (RM)	PERUNTUKAN PERABOT/PERALATAN (RM)	JUMLAH (RM)
2004	1	47,000	38,000	85,000
2005	1	45,000	35,000	80,000
	2	60,000	48,000	108,000
2006	1	45,000	35,000	80,000
	2	60,000	48,000	108,000

Nota:- Peruntukan Bagi Setiap Bilik Darjah Di Sabah, Sarawak Dan Wilayah Persekutuan Labuan Ditambah 30%

15.4.4.4. Adalah didapati selain daripada peruntukan perabot/peralatan yang ditunjukkan di **Jadual 15.5**, anggaran kos terperinci bagi pembekalan setiap unit perabot/peralatan juga ditetapkan dalam brif projek sebagai panduan. **Semakan yang dijalankan terhadap Sijil Akuan Penerimaan (SAP) bagi alat permainan luar kelas yang dibekalkan ke 35 prasekolah mendapati harga mengikut SAP adalah melebihi anggaran kos dalam brif projek bagi peralatan seperti gelongsor, buaian, rangka bergayut, papan imbangan, tiang bola keranjang dan jongkang jongket.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.6
KOS PERALATAN MENGIKUT SIJIL AKUAN PENERIMAAN MELEBIHI ANGGARAN KOS YANG DITETAPKAN DALAM BRIF PROJEK

PERALATAN	HARGA MENGIKUT BRIF PROJEK BAGI SETIAP UNIT (RM)	HARGA MENGIKUT SIJIL AKUAN PENERIMAAN BAGI SETIAP UNIT (RM)	KELEBIHAN (%)	BILANGAN PRASEKOLAH
Gelongsor	3,000	7,220 - 10,200	140.7 - 240.0	6
Buaian	1,500	1,525 - 2,380	1.7 - 58.7	21
Rangka Bergayut	1,400	1,500 - 2,385	7.1 - 70.4	12
Papan Imbangan	800	830 - 1,843	3.8 - 130.4	31
Tiang Bola Keranjang	900	920 - 1,607	2.2 - 78.4	16
Jongkang Jongket	1,500	1,600 - 3,014	6.7 - 100.9	15

Sehubungan dengan perkara di atas, Jabatan Pelajaran Negeri tidak dapat memberikan justifikasi tentang harga peralatan permainan luar kelas yang dibayar melebihi anggaran kos dalam brif projek antara 1.7% hingga 240%.

15.4.5. Kerja Pengubahsuaian/Bina Bilik Darjah

15.4.5.1. Setiap tahun, antara bulan Jun hingga Oktober, Bahagian Pembangunan Dan Perolehan mengeluarkan surat yang memberi kuasa kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) untuk melaksana dan menyiapkan kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah pada tarikh yang ditetapkan. Waran peruntukan pula diturunkan secara berperingkat selepas surat kuasa tersebut dikeluarkan. JPN dipertanggungjawabkan untuk mengesahkan borang siap kerja bagi tujuan pembayaran.

15.4.5.2. Pihak Audit telah meminta 79 baucar bayaran berkaitan kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah di 6 negeri bagi menentukan sama ada kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah telah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebanyak 12 baucar bayaran bagi Kedah dan Selangor tidak dapat dikemukakan kerana dokumen berkenaan tidak dapat dikesan. Hasil semakan Audit terhadap baki 67 baucar bayaran mendapati perkara berikut :-

a. Hanya 39 (58.2%) baucar bayaran disokong dengan borang siap kerja yang telah diisi lengkap. Semakan Audit mendapati kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah di 39 prasekolah tidak disiapkan pada tarikh yang ditetapkan oleh Kementerian. Antara lainnya adalah disebabkan oleh kelewatan menerima surat kuasa dan waran peruntukan daripada Kementerian. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.7
KERJA YANG TIDAK DISIAPKAN
DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN

TAHUN PELUASAN	TARIKH SIAP KERJA MENGIKUT KEMENTERIAN	TARIKH SIAP SEBENAR MENGIKUT BORANG SIAP KERJA	BILANGAN PRASEKOLAH
2004	November 2003	11 Disember 2003 hingga 20 Februari 2004	12
2005	31 Oktober 2004	2 November 2004 hingga 1 November 2005	13
2006	1 Disember 2005	28 Disember 2005 hingga 3 April 2006	14
JUMLAH			39

Pada pandangan Audit, bagi mengatasi masalah kelewatan dalam menyiapkan kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah oleh Jabatan Pelajaran Negeri, adalah disyorkan Bahagian Pembangunan Dan Perolehan, Kementerian menurunkan kuasa dan waran peruntukan ke Jabatan Pelajaran Negeri selewat-lewatnya pada bulan Mac.

b. Bagi 28 prasekolah lain, tarikh siap kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah tidak dapat ditentukan kerana borang siap kerja bagi 13 prasekolah tidak dicatatkan tarikh siap kerja manakala borang siap kerja bagi 15 prasekolah tidak dapat dikemukakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.8
BORANG SIAP KERJA TIDAK LENGKAP/TIDAK KEMUKAKAN

NEGERI	BORANG SIAP KERJA TIDAK CATAT TARIKH SIAP KERJA (BIL. PRASEKOLAH)			BORANG SIAP KERJA TIDAK DIKEMUKAKAN (BIL. PRASEKOLAH)		
	2004	2005	2006	2004	2005	2006
Kelantan	-	1	-	-	1	-
Johor	-	-	3	2	-	-
Kedah	2	2	2	-	1	2
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	-	-	-	-	1
Sarawak	-	-	-	1	-	3
Selangor	-	-	3	-	2	2
JUMLAH	2	3	8	3	4	8

15.4.6. Perolehan Peralatan

15.4.6.1. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan di luar kelas prasekolah, pelbagai jenis peralatan perlu disediakan. Peralatan ini menggalakkan perkembangan bahasa dan komunikasi, perkembangan otot halus dan otot kasar, perkembangan kognitif (membolehkan murid meningkatkan kemahiran berfikir secara logikal matematik dan memperkembangkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian), perkembangan kerohanian dan moral, perkembangan sosio-emosi serta kreativiti dan estetika (membolehkan murid menikmati keindahan alam melalui persembahan kreatif dan menghargai warisan budaya). Perolehan peralatan dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri secara sebut harga berdasarkan kepada spesifikasi peralatan mengikut brif projek yang disediakan oleh Kementerian. **Semakan Audit mendapati akibat daripada peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi, beberapa peralatan tidak dapat disediakan di prasekolah tertentu dan juga peralatan terpaksa dikongsi oleh beberapa prasekolah**. Berikut diberikan contohnya :-

a. **Sebanyak 17 prasekolah tidak disediakan dengan beberapa peralatan yang disenaraikan dalam brif projek i**aitu pondok, tempat main pasir/air serta komputer dan pencetak yang melibatkan anggaran kos antara RM550 hingga RM4,000. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.9
PERALATAN YANG TIDAK DISEDIAKAN DI PRASEKOLAH

PRASEKOLAH	TARIKH PRASEKOLAH DIBUKA	JENIS PERALATAN
SK Seksyen 20, Selangor	3.1.2005	Pondok
		Tempat Main Pasir
		Tempat Main Air
SK Kiaramas, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3.1.2005	Pondok
		Komputer Dan Pencetak
SK Seri Saujana, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3.1.2005	Pondok
SK Kebun Pinang, Kedah	2.1.2006	Tempat Main Pasir
		Tempat Main Air
		Komputer Dan Pencetak
SK Perumahan Tampoi (2), Johor	3.1.2006	Tempat Main Pasir
		Tempat Main Air
SK Pengkalan Rinting,Johor	3.1.2006	Tempat Main Pasir
		Tempat Main Air
SK Semenyih, Selangor	5.1.2004	Tempat Main Pasir
		Tempat Main Air
		Komputer Dan Pencetak
SK Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor	3.1.2006	Tempat Main Pasir
		Tempat Main Air
SK Seri Sekamat, Kajang, Selangor	3.1.2006	Tempat Main Pasir
		Tempat Main Air

PRASEKOLAH	TARIKH PRASEKOLAH DIBUKA	JENIS PERALATAN
SK Batu Kitang, Sarawak	3.1.2006	Tempat Main Air
SK Seribong, Kelantan	2.1.2006	Tempat Main Air
SK Bakar Arang, Kedah	2.1.2005	Komputer Dan Pencetak
SK Bukit Ceraka, Selangor	3.1.2006	Komputer Dan Pencetak
SK Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3.1.2006	Komputer Dan Pencetak
SK Wangsa Melawati, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3.1.2006	Komputer Dan Pencetak
SK Petaling 2, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3.1.2006	Komputer Dan Pencetak
SK Sg. Merab Luar, Selangor	5.1.2004	Komputer Dan Pencetak

b. Di 5 prasekolah di Kedah, terdapat peralatan yang dikongsi antara kelas-kelas di prasekolah berkenaan. Contohnya, peralatan elektrik, alat permainan luar, peralatan dapur dan komputer dikongsi antara 2 kelas prasekolah di SK Haji Hassan Itam, Alor Setar. Ini telah menjejaskan aktiviti prasekolah tersebut.

15.4.6.2. Semakan Audit mendapati **peralatan lewat dibekalkan antara 5 hingga 251 hari di 30 prasekolah**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.10
PERALATAN LEWAT DIBEKALKAN

NEGERI	BILANGAN PRASEKOLAH	BILANGAN KES		
		KURANG 30 HARI	30 HINGGA 100 HARI	LEBIH 100 HARI
Kelantan	7	15	3	-
Kedah	3	5	-	-
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	10	23	30	1
Sarawak	10	13	16	-
JUMLAH	**30**	**56**	**49**	**1**

Pada pandangan Audit, memandangkan peralatan yang disediakan di prasekolah adalah penting untuk membantu perkembangan murid dari segi minda, kreativiti, psikomotor dan penguasaan terhadap teknologi maklumat dan komunikasi, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan permohonan peruntukan kewangan yang diperlukan bagi perolehan peralatan tersebut.

15.4.7. Kualiti Kerja Dan Peralatan

Kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah perlu mematuhi brif projek yang disediakan oleh Kementerian. Semakan Audit mendapati kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah/peralatan yang dibekalkan di 31 prasekolah tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan/tidak berkualiti/tidak sesuai. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada tindakan seperti mengenakan denda terhadap kontraktor/pembekal yang gagal**

mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Ini adalah kerana syarat tersebut tidak dinyatakan dalam sebut harga. Contohnya adalah seperti berikut :-

15.4.7.1. Ruang Bilik Air

Ruang bilik air diwujudkan khas untuk kegunaan murid prasekolah. Ini bertujuan untuk melatih murid prasekolah menggunakan bilik air dengan cara yang betul. Mengikut brif projek, antara kemudahan yang perlu disediakan di ruang bilik air ialah sinki dan cermin yang sesuai. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Sinki basuh tangan tidak dibekalkan kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Santubong, Sarawak. Sebaliknya, tandas berdiri untuk orang dewasa dibekalkan. Sehubungan itu, amalan kesihatan seperti mencuci tangan selepas ke tandas yang perlu diajar kepada murid tidak dapat dibuat. Sehingga laporan ini disediakan, tiada tindakan diambil untuk menggantikan tandas tersebut **(Gambar 15.1)**.

GAMBAR 15.1

Sekolah Kebangsaan Santubong, Sarawak - Tandas Dewasa Dibekalkan

b. Sinki yang disediakan hendaklah bersaiz kecil dan bersesuaian untuk kegunaan murid. Bagaimanapun, di Sekolah Kebangsaan (SK) Semenyih dan SK Leftenan Adnan, Selangor, sinki basuh tangan yang disediakan adalah terlalu tinggi untuk kegunaan murid-murid **(Gambar 15.2)**.

GAMBAR 15.2

Sekolah Kebangsaan Semenyih, Selangor - Sinki Terlalu Tinggi Untuk Kegunaan Murid-Murid

c. Lawatan Audit ke SK Kodiang, Kedah mendapati 2 tandas yang telah dibina berkongsi satu pintu. Bagaimanapun, keadaan ini telah diperbaiki selepas lawatan Audit **(Gambar 15.3 dan 15.4)**.

GAMBAR 15.3

Sekolah Kebangsaan Kodiang, Kedah - Dua Tandas Berkongsi Satu Pintu

GAMBAR 15.4

Sekolah Kebangsaan Kodiang, Kedah - Pintu Tandas Telah Dipasang Selepas Lawatan Audit

15.4.7.2. Ruang Dapur

a. Ruang dapur merupakan tempat penyediaan makanan oleh guru dan Pembantu Pengurusan Murid. Selain itu, ruang dapur juga boleh dijadikan sebagai pusat pembelajaran di mana murid boleh menguasai kemahiran menyediakan makanan, mengenal bahan dan alatan yang digunakan untuk memasak. Ruang ini perlu dilengkapi dengan peralatan antaranya ialah sinki dan kabinet dapur. Semakan Audit mendapati kabinet dapur yang disediakan sepatutnya mempunyai pintu yang diperbuat daripada *formica* seperti yang ditunjukkan di **Gambar 15.5**. Bagaimanapun, didapati pintu kabinet tidak disediakan di 6 prasekolah. Ini menyebabkan peralatan dapur seperti tong gas terdedah kepada murid-murid **(Gambar 15.6)** dan prasekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Anggerik; SK Petaling 2; SK Bukit Jalil dan SK Sultan Hishamuddin Alam Shah; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, SK Taman Tun Aminah 2, Johor dan SK Sungai Mador, Sarikei, Sarawak.

GAMBAR 15.5

Sekolah Kebangsaan Sekudai Batu 10, Johor - Kabinet Dapur Yang Berpintu

GAMBAR 15.6

Sekolah Kebangsaan Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Kabinet Dapur Tidak Berpintu

b. Di 4 prasekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Kubor Panjang dan SK Kebun Pinang, Kedah serta SK Melansai, Serian dan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Kuching, Sarawak, terdapat peralatan yang

dibekalkan tidak berkualiti seperti cawan yang mudah pecah dan pisau yang berkarat **(Gambar 15.7 dan 15.8)**.

GAMBAR 15.7

Sekolah Kebangsaan Kebun Pinang, Kedah

GAMBAR 15.8

Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kuching, Sarawak

- Peralatan Tidak Berkualiti Seperti Mudah Pecah Dan Berkarat Dibekalkan

15.4.7.3. Ruang Luar Kelas

Proses pengajaran dan pembelajaran prasekolah juga dijalankan di luar kelas. Alat permainan luar yang disediakan adalah seperti pondok, jongkang jongket, buaian dan gelongsor. Untuk keselamatan murid prasekolah, ruang di luar kelas harus dipagar seperti contoh di **Gambar 15.9** dan semua permukaan longkang yang terbuka harus ditutup. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Didapati padang permainan di 4 prasekolah tidak dipagar. Contohnya adalah seperti di **Gambar 15.10** dan prasekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Petaling 2, SK Bukit Jalil dan SK Seri Anggerik, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta SK Perumahan Tampoi (2), Johor.

GAMBAR 15.9

Sekolah Kebangsaan Kodiang , Kedah
- Padang Permainan Yang Berpagar

GAMBAR 15.10

Sekolah Kebangsaan Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Padang Permainan Tidak Berpagar

b. Di Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Sunway dan SK Sg. Merab Luar, Selangor, SK Melansai dan SK Niup, Sarawak, didapati permukaan longkang tidak ditutup. Contohnya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 15.11

Sekolah Kebangsaan
Bandar Sunway, Selangor
- Longkang Tidak Ditutup

c. Pondok dibina bertujuan membolehkan murid-murid membuat aktiviti luar di samping membina perkembangan minda. Reka bentuk pondok hendaklah menarik, selamat dan mampu menampung murid dalam lingkungan 4 - 5 orang. Juga, tempat duduk perlu disediakan dengan meja dan tiada terdapat elemen yang boleh menyebabkan kecederaan kepada murid. Contoh reka bentuk pondok yang dimaksudkan adalah seperti di **Gambar 15.12**. Semakan Audit mendapati reka bentuk pondok di 6 negeri yang diaudit tidak seragam dan ada yang membahayakan. Contoh reka bentuk pondok yang berbeza adalah seperti di **Gambar 15.13 dan 15.14**. Di SK Kodiang, Kedah, pondok mainan adalah tidak sesuai di mana reka bentuknya yang mengandungi rak dan pagar adalah bahaya kepada murid kerana terdapat murid yang memanjat rak dan pagar tersebut. Di samping itu, kerusi dan meja tidak disediakan. Di SK Pengkalan Rinting, Johor pula, reka bentuk pondok seperti perhentian bas juga tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti luar.

GAMBAR 15.12

Sekolah Kebangsaan Wangsa Melawati,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Reka Bentuk Pondok Yang Sesuai

GAMBAR 15.13

Sekolah Kebangsaan Kodiang, Kedah
- Pondok Mainan Tidak Sesuai Kerana
Berpagar dan Mempunyai Rak

GAMBAR 15.14

Sekolah Kebangsaan
Pengkalan Rinting, Johor
- Reka Bentuk Pondok Seperti Perhentian Bas

d. Tempat mainan pasir yang dibekalkan kepada Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kuching, Sarawak tidak sesuai bagi murid yang bermasalah penglihatan. Tempat mainan pasir tersebut tidak dapat digunakan dan telah dijadikan sebagai kolam **(Gambar 15.15)**.

GAMBAR 15.15

Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kuching, Sarawak
- Tempat Mainan Pasir Dijadikan Kolam

15.4.7.4. Ruang Dalam Bilik Darjah

a. Ruang dalam bilik darjah sepatutnya mengandungi pusat pembelajaran bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Antara pusat pembelajaran yang perlu ada dalam bilik darjah adalah Pusat Bahasa, Pusat Teknologi, Pusat Manipulatif (membolehkan murid menumpukan perhatian dan meningkatkan ketekunan serta melahirkan imaginasi dan kreativiti), Pusat Kognitif, Pusat Kreativiti dan Estetika serta Pusat Pendidikan Islam dan Moral. Semakan Audit mendapati di 4 prasekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Sungai Petani, Kedah, SKPK Kg. Baharu dan SK Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta SK Bukit Ceraka, Selangor, 6 pusat pembelajaran tidak disediakan. Bagi 6 prasekolah yang lain, antara 1 hingga 2 pusat pembelajaran tidak disediakan. Antara alasan yang diberikan oleh pihak prasekolah ialah bilik darjah yang sempit. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.11
PUSAT PEMBELAJARAN YANG TIDAK DISEDIAKAN

NEGERI	PRASEKOLAH	PUSAT			
		MANIPULATIF	TEKNOLOGI	BAHASA	PENDIDIKAN ISLAM DAN MORAL
Selangor	SK Sg. Merab Luar	/			
	SK Dr. Abdul Latiff		/		
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	SKPK Jalan Batu				/
	SK Taman Kepong				/
Sarawak	SK Batu Kitang		/	/	
	SK Selampit		/		/

b. Antara peralatan yang disediakan dalam bilik darjah ialah congkak dan *play dough*. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

- Mengikut spesifikasi, buah congkak yang dibekalkan hendaklah daripada jenis yang selamat digunakan. Semakan Audit mendapati buah congkak yang dibekalkan ke prasekolah berwarna-warni dan menyerupai gula-

gula. Pembekalan sedemikian boleh menimbulkan bahaya kepada pelajar kerana tersalah anggap buah congkak tersebut adalah gula-gula. Insiden ini berlaku di prasekolah pendidikan khas di SK Seri Sekamat, Kajang, Selangor **(Gambar 15.16)**.

GAMBAR 15.16

Sekolah Kebangsaan Seri Sekamat, Kajang, Selangor - Buah Congkak Menyerupai Gula-Gula "Smarties" Tidak Sesuai Kepada Murid Dengan Keperluan Khas

- *Play dough* yang dibekalkan sepatutnya pelbagai warna dan tidak mengandungi bahan toksik. Bagaimanapun, *play dough* yang dibekalkan di 6 prasekolah didapati berbau busuk dan peroi. Contohnya adalah seperti di **Gambar 15.17** dan sekolah terlibat adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Semenyih; SK Jalan 3, Bandar Baru Bangi; SK Taman Sri Andalas dan SK Sungai Haji Dorani; Selangor, SK Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta SK Niup, Sarawak.

GAMBAR 15.17

Sekolah Kebangsaan Niup, Sarawak - Play Dough Berbau Busuk Dan Peroi

Pada pandangan Audit, tahap penyeliaan terhadap prestasi kontraktor/ pembekal perlulah dipertingkatkan bagi memastikan bekalan/perkhidmatan yang diberi adalah sempurna, mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah disyorkan penyeliaan terhadap kerja pengubahsuaian/pembinaan bilik darjah dan pengesahan terhadap peralatan yang dibekalkan ke prasekolah dipertanggungjawabkan kepada Guru Besar.

15.4.8. Penyenggaraan Peralatan Dan Bilik Darjah

Semakan Audit mendapati rekod aset tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini di 19 (23.8%) prasekolah. Didapati juga Kementerian tidak mengadakan program penyenggaraan pembaikan (corrective maintenance) terhadap peralatan permainan luar kelas. Ini menyebabkan **beberapa peralatan tersebut telah rosak.** Selain itu, **terdapat bilik darjah mengalami keretakan dinding dan siling melengkung sejak beberapa bulan yang lalu**. Keadaan ini boleh menjejaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid-murid prasekolah. Contoh kerosakan yang berlaku di 26 prasekolah adalah seperti berikut :-

15.4.8.1. Gelongsor merupakan alat permainan luar bagi membina keyakinan diri pada murid-murid. Di Sekolah Kebangsaan (SK) Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor dan SK Sri Suria (2), Kelantan, didapati gelongsor telah rosak **(Gambar 15.18 dan 15.19)**.

GAMBAR 15.18

Sekolah Kebangsaan Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor

GAMBAR 15.19

Sekolah Kebangsaan Sri Suria (2), Kelantan

- Gelongsor Yang Dibekalkan Telah Rosak

15.4.8.2. Buaian adalah untuk murid-murid membuat latihan tangan dan kaki di samping membina keyakinan diri. Di SK Petaling 2, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan SK Sri Suria (2), Kelantan, didapati buaian berkenaan telah rosak **(Gambar 15.20)**.

GAMBAR 15.20

Sekolah Kebangsaan Sri Suria (2), Kelantan
- Buaian Yang Dibekalkan Telah Rosak

15.4.8.3. Alat permainan jambatan imbangan digunakan untuk memberi latihan menguatkan tangan, mengimbangkan badan dan membina keyakinan diri murid. Tiang bola keranjang pula adalah untuk digunakan bagi mengembangkan kreativiti murid. Di SK Seri Sekamat, Kajang, Selangor dan SK Sri Suria (2), Kelantan, didapati alat permainan berkenaan telah rosak. Contoh kerosakan adalah seperti di **Gambar 15.21 dan 15.22**.

GAMBAR 15.21

Sekolah Kebangsaan
Seri Sekamat, Kajang, Selangor
- Jambatan Imbangan Telah Rosak

GAMBAR 15.22

Sekolah Kebangsaan
Seri Sekamat, Kajang, Selangor
- Tiang Bola Keranjang Telah Rosak

15.4.8.4. Di SK Intan Baiduri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, papan lantai pondok mainan sudah rosak (**Gambar 15.23**) manakala di SK Bukit Gading, Kelantan, papan pondok mainan telah tertanggal.

GAMBAR 15.23

Sekolah Kebangsaan Intan Baiduri,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Papan Lantai Pondok Mainan Telah Rosak

15.4.8.5. Di 2 prasekolah iaitu SK Sg. Merab Luar, Selangor dan SK Seri Anggerik, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pintu bilik darjah telah dimakan anai-anai (**Gambar 15.24)**.

GAMBAR 15.24

Sekolah Kebangsaan
Sg. Merab Luar, Selangor
- Pintu Bilik Darjah Telah Dimakan Anai-Anai

15.4.8.6. Di 9 prasekolah iaitu 5 di Selangor, 2 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 2 di Kedah, berlakunya keretakan dinding. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah SK Kg. Endah; SK Jalan Kebun; SK Parit 13, Sekinchan; SK Seri Sekamat, Kajang dan SK Taman Sri Andalas; Selangor, SK Intan Baiduri dan SK Wangsa Melawati, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta SK Seri Banai dan SK Bukit Tinggi, Kedah. Contoh keretakan dinding adalah seperti di **Gambar 15.25 dan 15.26**.

GAMBAR 15.25

Sekolah Kebangsaan Bukit Tinggi, Kedah

GAMBAR 15.26

Sekolah Kebangsaan
Seri Sekamat, Kajang, Selangor

- Prasekolah Menghadapi Masalah Dinding Retak

15.4.8.7. Di SK Jawa, Sarawak, hakisan tanah berlaku di lereng bukit berhampiran prasekolah **(Gambar 15.27)**.

GAMBAR 15.27

Sekolah Kebangsaan Jawa, Sarawak
- Hakisan Tanah Di Lereng Bukit

15.4.8.8. Tiga prasekolah iaitu SK Seri Banai dan SK Bukit Tinggi, Kedah serta SK Larkin (Dua), Johor mengalami kebocoran bumbung. Manakala di 4 prasekolah yang lain iaitu SKPK Kg. Baharu dan SK Petaling 2, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, SK Sg. Merab Luar, Selangor dan SK Bukit Gading, Kelantan, berlakunya siling melengkung dan rosak. Contoh kerosakan adalah seperti di **Gambar 15.28 dan 15.29**.

GAMBAR 15.28

Sekolah Kebangsaan Bukit Gading, Kelantan

GAMBAR 15.29

Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
Kg. Baharu, Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

- Siling Melengkung Dan Rosak

15.4.8.9. Di 2 prasekolah iaitu SK Taman Kepong dan SK Petaling 2, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, cat yang digunakan tidak bermutu mengakibatkan permukaan dinding berbelang. Manakala bagi 4 prasekolah yang lain iaitu SK Larkin (Dua) dan SK Taman Tun Aminah 2, Johor; SK Batu Kitang, Sarawak; serta SK Seri Anggerik, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati sinkinya rosak, bocor dan pecah. Contohnya adalah seperti di **Gambar 15.30**.

GAMBAR 15.30

Sekolah Kebangsaan
Taman Tun Aminah 2, Johor
- Sinki Pecah

15.4.8.10. Bagi 7 prasekolah, perabot seperti kerusi murid dan rak buku telah rosak. Contohnya adalah seperti di **Gambar 15.31**. Prasekolah yang terlibat adalah SKPK Alor Setar dan SK Kubor Panjang, Kedah; SKPK Kg. Baharu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; SK Semenyih dan SK Sg. Merab Luar, Selangor; SK Temenggong, Sarawak serta SK Kg. Berangan, Kelantan.

GAMBAR 15.31

Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alor Setar, Kedah - Kerusi Murid Telah Rosak

Pada pandangan Audit, Jabatan Pelajaran Negeri perlu menjalankan penyenggaraan/pembaikan dengan segera bagi memastikan semua kemudahan dan peralatan di prasekolah sentiasa berkeadaan baik supaya tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta menjamin keselamatan murid dan guru prasekolah. Sehubungan ini, adalah disyorkan jawatan pegawai teknikal diwujudkan di peringkat negeri dan daerah bagi tujuan memantau penyenggaraan/pembinaan prasekolah. Selain itu, peruntukan kewangan yang mencukupi bagi penyenggaraan/pembaikan juga perlu disediakan dan rekod aset diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

15.4.9. Pemantauan

Pemantauan terhadap Program Peluasan Pendidikan Prasekolah dilaksanakan di peringkat Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri dan peringkat sekolah seperti berikut :-

15.4.9.1. Peringkat Kementerian

a. Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Pendidikan Prasekolah antara Bahagian Sekolah dengan bahagian-bahagian lain Kementerian perlu diadakan 3 kali setahun bagi membincangkan perihal perancangan dan persediaan ke arah menjayakan pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah (Program), mengenal pasti isu dan permasalahan yang berbangkit serta mendapatkan kemajuan pelaksanaannya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah/Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sekolah dan dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Sekolah, Bahagian Pembangunan Dan Perolehan, Jabatan Pendidikan Khas, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Jemaah Nazir Sekolah, Bahagian Teknologi Pendidikan, Bahagian Sumber Manusia dan Bahagian Kewangan. Bagi tahun 2005 dan 2006, sebanyak 5 mesyuarat telah diadakan dan isu-isu semasa berhubung dengan pelaksanaan Program telah dibincangkan.

b. Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Pendidikan Prasekolah antara Bahagian Sekolah dengan Jabatan Pelajaran Negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Sekolah dan dianggotai oleh pegawai dari Bahagian Sekolah, Jabatan Pendidikan Khas dan Jabatan Pelajaran Negeri perlu diadakan 3 kali setahun. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 10 mesyuarat telah diadakan dan antara lainnya status pelaksanaan Program telah dibincangkan.

c. Setiap Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dikehendaki mengemukakan kepada Bahagian Sekolah Laporan Status Program Peluasan Pendidikan Prasekolah. Laporan ini diperlukan untuk tujuan perbincangan semasa Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Pendidikan Prasekolah diadakan antara Bahagian Sekolah dengan Jabatan Pelajaran Negeri. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, JPN Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah dan Sarawak telah mengemukakan laporan tersebut manakala bagi JPN Kelantan, maklumat berkenaan tidak dapat diperolehi.

d. Bahagian Pembangunan Dan Perolehan, Kementerian menghendaki setiap Jabatan Pelajaran Negeri mengambil gambar-gambar sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja dilaksanakan oleh kontraktor. Semakan selanjutnya di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak dan Johor, didapati gambar-gambar tersebut ada disediakan manakala di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Kedah dan Kelantan, gambar-gambar tersebut tidak dapat dikemukakan untuk semakan Audit.

15.4.9.2. Peringkat Jabatan Pelajaran Negeri

Di Jabatan Pelajaran Negeri, Mesyuarat Penyelarasan Prasekolah diadakan mengikut keperluan bagi membincangkan antaranya isu berkaitan dengan kerja-kerja peluasan prasekolah, peralatan prasekolah, masalah guru dan Pembantu Pengurusan Murid. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh penyelia prasekolah dan dihadiri oleh wakil Bahagian Pembangunan Dan Perolehan, wakil Pejabat Pelajaran Daerah dan guru prasekolah. Mesyuarat berkenaan telah diadakan antara satu hingga 3 kali setahun bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006.

15.4.9.3. Peringkat Sekolah

Di peringkat sekolah, Mesyuarat Prasekolah diadakan mengikut keperluan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan prasekolah termasuk peralatan, kurikulum, yuran, pemilihan murid dan aktiviti prasekolah. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Guru Besar dan dihadiri oleh guru prasekolah dan ibu bapa. Semakan Audit mendapati mesyuarat berkenaan diadakan antara satu hingga 4 kali setahun.

Pada pandangan Audit, Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja kontraktor berkaitan pengubahsuaian/bina bilik darjah dan pembekalan peralatan ke prasekolah bagi memastikan ia dilaksanakan dengan sempurna.

15.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik bagi pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah. Kementerian telah mewujudkan struktur pengurusan yang jelas dan mengenal pasti kemudahan serta keperluan peralatan prasekolah. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masih ada kelemahan bagi sesetengah projek yang perlu diatasi seperti status pelaksanaan fizikal program tidak seperti yang dirancang, kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah dan bekalan peralatan yang tidak sempurna, tidak mengikut spesifikasi dan tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta peralatan prasekolah yang tidak mencukupi akibat dari kekurangan peruntukan kewangan. Bagi mempertingkatkan pelaksanaan Program Peluasan Pendidikan Prasekolah, adalah disyorkan Kementerian memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

a. Bahagian Pembangunan Dan Perolehan, Kementerian menurunkan kuasa dan waran peruntukan ke Jabatan Pelajaran Negeri selewat-lewatnya pada bulan Mac bagi mengatasi masalah kelewatan dalam menyiapkan kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah oleh Jabatan Pelajaran Negeri.

b. Memandangkan peralatan yang disediakan di prasekolah adalah penting untuk membantu perkembangan murid dari segi minda, kreativiti, psikomotor dan penguasaan terhadap teknologi maklumat dan komunikasi, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan permohonan peruntukan kewangan yang diperlukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi perolehan peralatan tersebut.

c. Tahap penyeliaan terhadap prestasi kontraktor/pembekal perlulah dipertingkatkan bagi memastikan bekalan/perkhidmatan yang diberi adalah sempurna, mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah disyorkan penyeliaan terhadap kerja pengubahsuaian/pembinaan bilik darjah dan pengesahan terhadap peralatan yang dibekalkan ke prasekolah dipertanggungjawabkan kepada Guru Besar.

d. Kementerian hendaklah memastikan penyenggaraan/pembaikan terhadap semua kemudahan dan peralatan di prasekolah dilaksanakan dengan segera supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas serta keselamatan murid dan guru prasekolah terjamin. Sehubungan ini, jawatan pegawai teknikal perlu diwujudkan di peringkat negeri dan daerah bagi tujuan memantau penyenggaraan/pembinaan prasekolah. Selain itu, peruntukan kewangan yang mencukupi bagi penyenggaraan/pembaikan prasekolah juga perlu disediakan dan rekod aset diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

16. PENGURUSAN PERKHIDMATAN AMBULANS

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Perkhidmatan ambulans disediakan untuk membawa pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan seperti kes kemalangan jalan raya, bersalin, kecemasan perubatan dan kes-kes rujukan ke hospital. Sehingga bulan Disember 2006, terdapat 626 kenderaan ambulans di 128 hospital dan 746 kenderaan ambulans di 809 klinik kesihatan di seluruh negara. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 389,153 panggilan ambulans bagi kes kecemasan dan rujukan telah dikendalikan oleh 41 hospital dan 15 Jabatan Kesihatan Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

16.1.2. Bagi menyelaras panggilan ambulans, satu Pusat Kawalan Perkhidmatan Ambulans *(Ambulance Call Centre)* telah ditubuhkan. Sebanyak 7 hospital iaitu Hospital Tunku Fauziah Kangar, Hospital Pulau Pinang, Hospital Ipoh, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Melaka, Hospital Temerloh dan Hospital Batu Pahat telah dipilih sebagai projek perintis secara berperingkat antara bulan Ogos hingga November 2004. Selain itu, Skuad Motosikal Paramedik juga telah ditubuhkan pada bulan Januari 2006 di Hospital Kuala Lumpur sebagai *First Responder* bagi panggilan ambulans.

16.1.3. Perkhidmatan ambulans tertakluk kepada Akta Fee 1982 yang menghendaki caj-caj tertentu dikenakan terhadap perkhidmatan ambulans yang disediakan atas permohonan orang awam. Bagaimanapun bagi kes-kes kecemasan dan rujukan yang dikendalikan oleh hospital dan klinik kesihatan Kerajaan, ia diberikan secara percuma.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan perkhidmatan ambulans telah dibuat dengan teratur, cekap dan berhemah serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

16.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perkhidmatan ambulans. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 telah dibuat di 4 bahagian di peringkat Kementerian, 7 Jabatan Kesihatan Negeri, 11 Pejabat Kesihatan Daerah, 13 hospital dan 26 klinik kesihatan. Di samping itu, perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 740 responden yang terdiri daripada pemandu, paramedik dan pesakit/waris yang menggunakan

perkhidmatan ini untuk mendapatkan maklum balas mereka tentang pengurusan perkhidmatan ini.

16.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

16.4.1. Struktur Pengurusan

16.4.1.1. Di peringkat Kementerian, Bahagian Perolehan Dan Penswastaan bertanggungjawab mengendalikan urusan perolehan kenderaan ambulans dan peralatan perubatan yang berkaitan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memastikan kenderaan ambulans diurus dengan baik dan kenderaan yang tidak ekonomi dibaiki dilupuskan. Bahagian Perkembangan Perubatan dan Bahagian Perkembangan Kesihatan Keluarga pula menetapkan norma pengagihan kenderaan ambulans kepada hospital dan klinik kesihatan serta memantau perkhidmatan ambulans. Manakala Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan menyediakan spesifikasi kenderaan ambulans, motosikal dan peralatan yang diperlukan.

16.4.1.2 Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, pengurusan perkhidmatan ambulans diletakkan di bawah pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) dan (Kesihatan Awam) masing-masing. Pejabat ini adalah bertanggungjawab menyelaras keperluan kenderaan ambulans bagi hospital dan klinik kesihatan di negeri termasuk pengagihan kenderaan ambulans, pemantauan mutu perkhidmatan dan juga merancang latihan bagi anggota yang terlibat dengan perkhidmatan ambulans.

16.4.1.3 Di Pejabat Kesihatan Daerah, Unit Penjagaan Kesihatan Asas Dan Pembangunan Keluarga yang diketuai oleh Penolong Pegawai Kesihatan yang bertanggungjawab memantau perkhidmatan ambulans bagi klinik kesihatan yang berada di bawah jagaannya. Struktur organisasinya adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 16.1
STRUKTUR ORGANISASI DI PERINGKAT PEJABAT KESIHATAN DAERAH



Nota : BAKAS - Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling

16.4.1.4. Di hospital, perkhidmatan ambulans adalah diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Kecemasan Dan Kemalangan dan diuruskan dengan kerjasama Unit Pengangkutan. Hospital adalah bertanggungjawab bagi memastikan pengurusan perkhidmatan ambulans dilaksanakan secara cekap dan teratur. Struktur organisasinya adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 16.2
STRUKTUR ORGANISASI DI PERINGKAT HOSPITAL



Pada pandangan Audit, struktur organisasi di semua peringkat iaitu Kementerian, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan hospital telah menetapkan dengan jelas tugas dan tanggungjawab semua pihak yang terlibat dengan pengurusan perkhidmatan ambulans.

16.4.1.5. Sehingga 31 Disember 2006, sebanyak 1,542 jawatan telah diluluskan di Jabatan Kecemasan Dan Kemalangan dan Unit Pengangkutan di 13 hospital yang dilawati yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan ambulans. Bagaimanapun, hanya 1,174 jawatan daripadanya telah diisi. Jawatan yang belum diisi terdiri daripada 110 pembantu perubatan, 163 jururawat, 73 atendan dan 22 pemandu. Bagi Unit Penjagaan Kesihatan Asas Dan Pembangunan Keluarga di 26 klinik kesihatan yang dilawat, sebanyak 493 daripada 521 jawatan yang diluluskan telah diisi. Jawatan yang belum diisi terdiri daripada 8 pembantu perubatan, 9 jururawat, 6 atendan dan 5 pemandu. Berdasarkan maklum balas daripada 157 pemandu, 51.6% daripadanya berpendapat bilangan pemandu sedia ada adalah tidak mencukupi dan mereka

juga diperlukan memandu kenderaan lain sebagai tugas guna sama mereka. Kedudukan jawatan yang dilulus dan diisi adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.1
KEDUDUKAN PERJAWATAN BAGI PENGURUSAN PERKHIDMATAN AMBULANS DI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN

CAWANGAN	BILANGAN DILULUSKAN	BILANGAN DIISI	DIISI (%)
13 HOSPITAL			
Pembantu Perubatan	413	303	73.4
Jururawat	486	323	66.5
Atendan	333	260	78.1
Pemandu (Guna Sama)	310	288	92.9
Jumlah	**1,542**	**1,174**	**76.1**
26 KLINIK KESIHATAN			
Pembantu Perubatan	73	65	89.0
Jururawat	332	323	97.3
Atendan	69	63	91.3
Pemandu (Guna Sama)	47	42	89.4
Jumlah	**521**	**493**	**94.6**
JUMLAH	**2,063**	**1,667**	**80.8**

16.4.1.6. Semakan Audit di hospital-hospital yang dilawati mendapati 4 pembantu perubatan, 34 atendan dan 23 pemandu bagi 7 hospital tidak pernah menghadiri kursus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Bagaimanapun bagi klinik kesihatan, kakitangannya telah menghadiri kursus sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh tersebut.

16.4.1.7. Pada puratanya 93.6% daripada 157 pemandu menyatakan bahawa mereka telah menghadiri kursus berkaitan dengan pemanduan berhemah, bengkel pemandu cemerlang dan kursus kenderaan bermotor dan memerlukan kursus pengendalian kecemasan dan trauma. Sebanyak 27.3% daripada 141 paramedik menyatakan bahawa mereka telah mengikuti kursus atau latihan yang berkaitan dengan pengendalian kecemasan seperti Kursus *Basic Life Support, Paediatric Advance Life Support, Pre Hospital Care*, *Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)*, Pengurusan Ambulans dan *Malaysia Trauma Life Support.* Bagi aspek pengendalian peralatan perubatan pula, 90.8% paramedik menyatakan mereka mahir dalam menggunakan peralatan perubatan.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan bagi membolehkan perkhidmatan ambulans diberi dengan berkesan serta memastikan semua anggota diberi latihan yang bersesuaian dengan tugas mereka supaya dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perkhidmatan perubatan kecemasan termasuk rawatan pra-hospital. Antara kursus yang patut diberi ialah berkaitan pengurusan kemalangan dan kecemasan, penyenggaraan kenderaan serta penggunaan peralatan perubatan.

16.4.2. Garis Panduan Untuk Mengurus Perkhidmatan Ambulans

Beberapa bahagian di peringkat Kementerian, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan hospital tertentu yang dilawati atas inisiatif masing-masing telah mengeluarkan beberapa garis panduan tentang perkhidmatan ambulans. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

16.4.2.1. Di peringkat Kementerian :-

a. Polisi Operasi Perkhidmatan Ambulans Di Klinik Kesihatan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.
b. *Standard Operating Procedure for Medical Assistants in Emergency Department* yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembantu Perubatan.

16.4.2.2. Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri :-

a. Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan Ambulans oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
b. Garis Panduan Penyelarasan Perkhidmatan Ambulans oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

16.4.2.3. Di peringkat hospital :-

a. Prosedur Kualiti tentang perkhidmatan ambulans yang dikeluarkan oleh Hospital Alor Setar dan Hospital Langkawi.
b. Garis Panduan Perkhidmatan Ambulans Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

16.4.2.4. Prosedur Perkhidmatan Panggilan Ambulans yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Manjung.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mewujudkan satu garis panduan pengurusan perkhidmatan ambulans yang lengkap dan seragam untuk kegunaan kesemua hospital dan klinik kesihatan supaya dapat dijadikan rujukan bagi mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan yang sedia ada.

16.4.3. Perolehan Kenderaan Ambulans

16.4.3.1. Sebelum tahun 2002, didapati sebanyak 872 kenderaan ambulans telah diperolehi oleh Kementerian. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006, Kementerian telah melantik 2 syarikat masing-masingnya untuk membekalkan 500 kenderaan ambulans bernilai RM108.29 juta dan 8 motosikal ambulans bernilai RM0.15 juta. Manakala sejumlah RM0.24 juta adalah bagi perkhidmatan pengangkutan ambulans. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.2
PEROLEHAN KENDERAAN DAN MOTOSIKAL AMBULANS SERTA PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AMBULANS

NAMA SYARIKAT	PERIHAL SYARIKAT	PERIHAL BEKALAN/ PERKHIDMATAN	NILAI KONTRAK/ SEBUTHARGA (RM)	TEMPOH KONTRAK/ SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI
Syarikat Long Harvest Enterprise Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan - RM500,000.00 Modal Diterbitkan - RM500,000.00 - Pengarah Urusan ialah En. Mohd. Ali bin Hashim	500 Kenderaan Ambulans Iveco Jenis B	108,290,000	18.9. 2002 hingga 17.9.2004	18.9.2002
Syarikat Ikhtiar Trading Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan - RM100,000.00 Modal Diterbitkan - RM25,000.00 - Pengarah ialah En.Mohd.Nizam bin Abdullah	8 Motosikal Ambulans Jenama Modenas Model Jaguh (Gred A) dan Kristar (Gred B)	151,600	Tiada	Belum Ditandatangani
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia	Badan Bukan Kerajaan. Ditubuhkan Di bawah Akta Parlimen 1965 (Akta No. 47)	Perkhidmatan Pengangkutan Ambulans di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor	240,000	1 .5.2006 hingga 30.4.2008	Belum Ditandatangani

16.4.3.2. Pelantikan syarikat Long Harvest Enterprise Sdn. Bhd. adalah secara tender terbuka. Pemilihannya dibuat berdasarkan kepada tawaran harga terendah. Perjanjian kontrak bekalan yang ditandatangani dengan syarikat tersebut telah menetapkan antara lainnya syarat-syarat seperti berikut :-

a. Kontraktor hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan berjumlah RM2.71 juta dalam bentuk jaminan bank, bersamaan 2.5% daripada nilai kontrak.

b. Penghantaran kenderaan ambulans perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan denda pada kadar 2% dikenakan bagi setiap bulan kelewatan.

c. Kenderaan ambulans yang dihantar perlu diuji dan periksa oleh Kerajaan bersama-sama kontraktor bagi memastikan ia mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan dilengkapi dengan peralatan perubatan seperti *upper limb immobiliser, lower limb immobiliser, traction immobiliser, head immobiliser, scoop stretcher, trauma kit, triage card, cervical collar* dan *airway management set.*

d. Kontraktor perlu memberikan 3 kali penyenggaraan secara percuma dalam tempoh setahun atau 100,000 km perjalanan (setiap 4 bulan atau 20,000 km perjalanan) yang mana terdahulu daripada tarikh kenderaan ambulans diterima.

16.4.3.3. Semakan Audit mendapati sebanyak 197 daripada 500 kenderaan ambulans gagal dibekalkan dalam tempoh yang ditetapkan. Sungguhpun

lanjutan masa untuk bekalan kenderaan selama setahun telah diberi iaitu mulai 18 September 2004 hingga 17 September 2005, namun hanya 91 kenderaan yang dibekalkan dalam tempoh lanjutan itu. Bakinya sebanyak 106 kenderaan hanya dapat dibekalkan pada bulan November 2005. Semakan Audit mendapati **Kementerian masih belum mengenakan denda berjumlah RM0.51 juta terhadap kontraktor atas kelewatan penghantaran 106 kenderaan ambulans tersebut**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.3
JUMLAH DENDA KELEWATAN YANG SEPATUTNYA DIKENAKAN TERHADAP SYARIKAT PEMBEKAL

NEGERI	BILANGAN KENDERAAN	NILAI KENDERAAN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	JUMLAH DENDA PATUT DIKENAKAN (RM)
Kedah	14	3.03	29	58,618.28
Pulau Pinang	8	1.73	32	36,962.88
Terengganu	8	1.73	15	17,326.40
Negeri Sembilan	16	3.47	25	57,752.00
Selangor	14	3.03	40	80,855.60
Kelantan	20	4.33	38	108,577.76
Wilayah Persekutuan Labuan	1	0.22	34	4,909.12
Sabah	8	1.73	37	45,481.30
Perlis	4	0.87	11	6,352.72
Sarawak	13	2.82	52	97,603.48
JUMLAH	**106**	**22.96**		**514,439.54**

16.4.3.4. Kementerian telah melantik Syarikat Ikhtiar Trading Sdn. Bhd. untuk membekalkan 8 motosikal ambulans jenama Modenas model Jaguh (Gred A) dan Kristar (Gred B) bernilai RM151,600. Didapati motosikal tersebut telah diterima pada bulan Disember 2005. Bagaimanapun, **tiada bukti yang menunjukkan perjanjian kontrak telah ditandatangani dengan syarikat berkenaan**. Oleh itu pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh bekalan patut dibuat dan syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi oleh syarikat berkenaan. Contoh motosikal yang dibekalkan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 16.1

Motosikal Paramedik Gred A

GAMBAR 16.2

Motosikal Paramedik Gred B

16.4.3.5. Kementerian telah melantik Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan ambulans di Hospital Tengku

Ampuan Rahimah, Klang, Selangor bernilai RM0.24 juta. Adalah didapati sehingga 31 Disember 2006, Kementerian masih belum menandatangani perjanjian kontrak dengan persatuan berkenaan sungguhpun surat setuju terima telah dikeluarkan pada 4 April 2006. Ini adalah bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995 yang menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani selewat-lewatnya dalam tempoh 4 bulan dari tarikh surat setuju terima dikeluarkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan Oktober 2006, pembayaran berjumlah RM60,000.00 telah dibuat bagi perkhidmatan tersebut.

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan perjanjian kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi setiap perolehan yang dibuat. Kementerian hendaklah memastikan syarikat pembekal mematuhi semua syarat kontrak dan seharusnya mengenakan denda terhadap bekalan yang lewat dibuat.

16.4.4. Penerimaan Kenderaan Ambulans

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Kementerian akan menjalankan pemeriksaan prototaip terhadap kenderaan ambulans yang dibekalkan bagi memastikan kenderaan berkenaan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Selepas itu, kenderaan akan diperiksa oleh PUSPAKOM dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi tujuan pendaftaran kenderaan. Kenderaan tersebut kemudiannya akan dihantar ke woksyop Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi menjalani pemeriksaan teknikal sebelum Sijil Pemeriksaan Dan Pengujian Kenderaan dikeluarkan oleh pihak JKR. Pengeluaran sijil tersebut adalah berdasarkan kepada pemeriksaan dan pengesahan terhadap borang *vehicle delivery order* yang disediakan oleh pihak pembekal berserta dengan borang pemeriksaan dan pengujian kenderaan yang disediakan oleh pihak JKR. **Semakan Audit di 13 hospital dan 26 klinik kesihatan mendapati secara purata, 77.1% borang *vehicle delivery order* tidak mempunyai maklumat kenderaan seperti *gear knob, double ended spanner, first aid kit, tyre pressure gauge, freezer unit, generator set, vertical blind* dan sebagainya.**

16.4.5. Pengagihan Dan Penggunaan Kenderaan Ambulans

16.4.5.1. Pengagihan kenderaan ambulans adalah berdasarkan Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan Bilangan 2 Tahun 1993 yang menetapkan pengagihan kenderaan ambulans bagi setiap hospital berdasarkan bilangan katil. Contohnya, 3 kenderaan ambulans bagi hospital yang mempunyai kurang dari 250 katil. Manakala bagi klinik kesihatan, satu ambulans bagi setiap klinik kesihatan. Lawatan Audit di 39 hospital/klinik kesihatan mendapati secara puratanya, setiap hospital dibekalkan antara 4 hingga 23 kenderaan ambulans manakala klinik kesihatan antara 1 hingga 2 kenderaan ambulans. Semakan Audit selanjutnya mendapati 12 hospital dan 4 klinik kesihatan telah dibekalkan

kenderaan ambulans melebihi norma yang ditetapkan iaitu antara 1 hingga 12 kenderaan bagi hospital dan 1 di klinik kesihatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.4
KENDERAAN AMBULANS DIBEKALKAN BERBANDING NORMA YANG DITETAPKAN

HOSPITAL/KLINIK KESIHATAN	BILANGAN KATIL	NORMA DITETAPKAN	KENDERAAN DIBEKALKAN	LEBIH
Hospital Tengku Ampuan Rahimah	837	7	8	1
Hospital Kuala Kubu Baru	150	3	8	5
Hospital Alor Star	812	7	9	2
Hospital Langkawi	110	3	7	4
Hospital Raja Perempuan Zainab II	920	7	10	3
Hospital Kuala Krai	150	3	5	2
Hospital Queen Elizabeth	589	6	9	3
Hospital Kuala Lumpur	2,376	11	23	12
Hospital Ipoh	990	8	18	10
Hospital Sri Manjung	270	4	8	4
Hospital Sultanah Aminah	989	7	14	7
Hospital Mersing	55	3	7	4
Hospital Duchess Of Kent	323	4	4	0
Klinik Kesihatan Taman Ehsan	TB	1	2	1
Klinik Kesihatan Lubuk Merbau	TB	1	2	1
Klinik Kesihatan Gopeng	TB	1	2	1
Klinik Kesihatan Luyang	TB	1	2	1
Klinik Kesihatan Telok Panglima Garang	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Jenjarom	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Tanjong Sepat	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Selayang Baru	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Batu Arang	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Naka	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan To' Uban	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Gunong	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Inanam	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Bukit Garam	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Sungai Manila	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Ulu Dusun	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Kota Klias	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Menumbuk	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Jinjang	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Tanglin	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Jamaluang	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Endau	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Kulai	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Kulai Besar	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Kempas	TB	1	1	0
Klinik Kesihatan Lekir	TB	1	1	0
JUMLAH		**99**	**160**	**62**

16.4.5.2. Lawatan Audit juga mendapati beberapa masalah berhubung dengan penggunaan kenderaan ambulans dan motosikal seperti berikut :-

a. Adalah didapati hanya 93 (58%) daripada 160 kenderaan ambulans yang ada di hospital/klinik kesihatan tersebut berada pada status boleh guna di mana 51 daripadanya berusia kurang 5 tahun dan 42 berusia melebihi 5 tahun. Baki 67 kenderaan yang lain telah rosak/dalam proses untuk dilupuskan. Terdapat kenderaan ambulans sungguhpun dalam proses pelupusan tetapi masih digunakan **(Gambar 16.3 dan 16.4)**. Semakan Audit selanjutnya di 13 hospital dan 26 klinik kesihatan yang dilawati mendapati 7 hospital kecuali Hospital Kuala Lumpur, Raja Perempuan Zainab II, Alor Setar, Queen Elizabeth, Duchess of Kent dan Mersing di mana bilangan kenderaan yang pada tahap boleh guna masih memenuhi norma ditetapkan. Bagi kesemua klinik kesihatan pula, tahap boleh guna kenderaan juga memenuhi norma yang ditetapkan.

GAMBAR 16.3

Kenderaan Ambulan Dalam Proses Pelupusan Masih Digunakan

GAMBAR 16.4

Kenderaan Ambulan Dalam Proses Pelupusan Masih Digunakan

b. Semakan fizikal terhadap beberapa kenderaan ambulans di hospital dan klinik kesihatan yang dilawati mendapati beberapa kenderaan ambulans khususnya yang berusia lebih 5 tahun tidak dilengkapkan dengan peralatan perubatan asas atau peralatan yang ada tidak berfungsi dengan baik. Antara contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.5
KELENGKAPAN DALAM KENDERAAN AMBULANS TIDAK MENCUKUPI/ ROSAK

HOSPITAL/KLINIK	NOMBOR DAFTAR AMBULANS	KELENGKAPAN TIDAK MENCUKUPI/ROSAK
Hospital Raja Perempuan Zainab II	WCD9022	*Suara hailer* tidak berfungsi
Klinik Kesihatan Telok Panglima Garang	WNK1769	*Suara hailer* tidak berfungsi
Klinik Kesihatan Gunong	WNK9746	Penghawa dingin kurang sejuk
Hospital Ipoh	WKF8767	Tiada alat pemadam api
		Tiada segi tiga kecemasan
	WHC9009	Tiada alat pemadam api
		Tiada segi tiga kecemasan
Hospital Mersing	WLD152	Tiada segi tiga kecemasan
		Kapasiti maksima tayar depan dan belakang tidak sama
	WDC9371	Satu trauma *bag* guna sama untuk semua kenderaan
	WLC9701	Kapasiti maksima tayar depan dan belakang tidak sama
Hospital Kuala Lumpur	WEG9697	*Power Socket* tidak berfungsi
Klinik Kesihatan Endau	WHG4319	Tiada alat pemadam api

c. Berdasarkan maklum balas daripada 141 paramedik, 47.5% daripadanya juga menyatakan bahawa peralatan perubatan tidak disediakan dengan mencukupi/gagal berfungsi terutamanya bagi kenderaan ambulans yang diperolehi sebelum tahun 2002 seperti *vital sign monitor*, *cardiac monitor* dan *portable ventilator*.

d. Berdasarkan rekod Jabatan Kesihatan Negeri bagi seluruh negara untuk tempoh tahun 2005 hingga bulan September 2006, didapati berlaku 120 kes kemalangan jalan raya melibatkan 112 kenderaan ambulans yang menyebabkan 29 orang cedera dan 2 orang meninggal dunia. Selain itu, ada kenderaan yang sama juga terlibat dalam kemalangan berulang kali dalam tempoh 2 tahun tersebut. Kemalangan tersebut juga telah menyebabkan bilangan kenderaan ambulans yang boleh guna dalam **satu-satu masa berkurangan berikutan dengan tempoh masa yang lama diambil bagi membaik pulih kenderaan**. Butirannya adalah seperti di **Jadual 16.6** dan contoh kenderaan ambulans yang terlibat dengan kemalangan adalah seperti di **Gambar 16.5** dan **16.6**.

JADUAL 16.6
BILANGAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA MELIBATKAN KENDERAAN AMBULANS BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2006

NEGERI	BILANGAN				
	KES KEMALANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA SEPTEMBER 2006	KENDERAAN AMBULANS HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN YANG TERLIBAT	KENDERAAN YANG TERLIBAT BERULANG KALI	KES CEDERA	KES KEMATIAN
Perlis	1	1	0	0	0
Kedah	6	6	0	2	0
Pulau Pinang	4	4	0	0	0
Perak	19	19	0	2	0
Selangor	15	14	1	0	0
Wilayah Persekutuan	0	0	0	0	0
Negeri Sembilan	3	3	0	6	1
Melaka	2	2	0	4	1
Johor	16	13	3	3	0
Pahang	10	9	1	3	0
Terengganu	16	15	1	3	0
Kelantan	10	8	2	1	0
Sarawak	8	8	0	4	0
Sabah	10	10	0	1	0
JUMLAH	**120**	**112**	**8**	**29**	**2**

GAMBAR 16.5

Ambulans Membawa Seorang Pesakit Jantung Terbabas Ketika Dalam Perjalanan Ke Institut Jantung Negara (IJN) Pada Kejadian Kira-Kira Pukul 12 Tengah Hari Di Kilometer 204.2 Lebuh Raya Utara Selatan Di Melaka.

GAMBAR 16.6

Ambulans WLX 2085 Di Hospital Queen Elizabeth, Sabah Yang Terlibat Dengan Kemalangan Jalanraya.

e. Semakan Audit mendapati antara faktor menyebabkan kenderaan ambulans terlibat dalam kemalangan jalan raya adalah seperti berikut :-

   i. Masalah teknikal kenderaan ambulans seperti saiz tayar yang digunakan bagi kenderaan ambulans tidak sesuai menyebabkan ianya meletup secara tiba-tiba semasa perjalanan seperti kemalangan yang melibatkan kenderaan ambulans Hospital Seremban, Negeri Sembilan dan Hospital Sik, Kedah.

   ii. Penggunaan kerap kenderaan ambulans yang sudah berusia atau yang dikelaskan sebagai *Beyond Economic Repair* berlaku di Klinik Kesihatan Teluk Panglima Garang, Selangor; Klinik Kesihatan Gopeng, Perak dan Klinik Kesihatan Kota Klias, Sabah.

   iii. Kelalaian pemandu sendiri seperti kes di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan kes di Hospital Kuala Lumpur.

   iv. Soal selidik yang diterima daripada 157 pemandu mendapati 25.5% daripadanya yang pernah terlibat dalam kemalangan jalan raya menyatakan kemalangan berlaku antaranya berpunca dari masalah teknikal, kecuaian pemandu dan jalan raya yang tidak memuaskan. Sebanyak 36.3% daripada mereka pula menyatakan kenderaan ambulans sedia ada sering rosak, bersaiz besar serta tinggi dan tidak sesuai digunakan di jalan raya yang sempit/sesak.

Pada pandangan Audit, pihak Kementerian perlu memberikan perhatian yang serius terhadap kes-kes kemalangan melibatkan kenderaan ambulans bagi mengelakkan tanggapan negatif masyarakat terhadap perkhidmatan ini. Pemantauan yang lebih perlu diberikan terhadap keselamatan kenderaan ambulans dengan memastikan semua kenderaan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Selain itu latihan/kursus yang secukupnya perlu diberikan kepada semua pemandu kenderaan ambulans.

f. Semakan Audit selanjutnya mendapati kenderaan ambulans mengambil masa yang lama untuk dibaiki berpunca daripada kekurangan/ketiadaan peruntukan yang mencukupi untuk membaikinya serta kesukaran mendapatkan alat ganti bagi kenderaan tersebut di pasaran. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.7
KENDERAAN AMBULANS MASIH BERADA DI BENGKEL

HOSPITAL	MAKLUMAT AMBULANS ROSAK		TEMPOH KEROSAKAN (Tahun/Bulan)	SEBAB KEROSAKAN
	NOMBOR DAFTAR	JENAMA/ MODEL		
Kuala Krai	WLX 1194	IVECO	20.05.2005 - 21.9.2006	Kemalangan
Queen Elizabeth	WJS 5409	IVECO	2001 - 25.11.2006	Kemalangan
	WLX 2085	IVECO	2005 - 25.11.2006	Kemalangan
Mersing	WLC 9701	IVECO	13.12.2005 -15.07.2006	Kemalangan
	WLD 152	IVECO	11.01.2006 - 23.02.2006	Kemalangan
Sultanah Aminah	WLE 8014	IVECO	Disember 2005 - 20 November 2006	Bencana banjir
	WKF 4964	INOKOM	26.05.2006 - 13.07.2006	Kemalangan
	WHG 4270	TOYOTA	11.01.2006 - 17.05.2006	Kemalangan
	WKF 4935	INOKOM	25.09.2005 - 22.02.2006	Kemalangan
	WLD 139	IVECO	02.2006 - 10.04.2006	Kemalangan

g. Semakan Audit mendapati kenderaan ambulans selain daripada digunakan untuk kes kecemasan, rujukan dan tunggu sedia (standby) telah juga digunakan untuk pelbagai tujuan dan tiada kelulusan yang diberi oleh pihak bertanggungjawab terhadap penggunaan ini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.8
KENDERAAN AMBULANS DIGUNA UNTUK TUJUAN LAIN

HOSPITAL	NO. KENDERAAN AMBULANS	TUJUAN/KEGUNAAN
Hospital Queen Elizabeth	SAA 342C	Hantar makanan dari dapur ke wad
Hospital Kuala Krai	WLX 1202	Ambil barang dan hantar kakitangan ke Kota Bharu
Hospital Raja Perempuan Zainab II	WLX 1208	Hantar kakitangan ke Hospital Sains Malaysia Kubang Kerian
Hospital Alor Star	WHG 4196	Hantar kakitangan ke Jeti Kuala Kedah
	WDB 5205	Hantar kakitangan Hospital Langkawi ke Jeti Kuala Kedah
	WLD 130	Hantar dan ambil kakitangan ke/dari Jeti Kuala Kedah
Klinik Kesihatan Gopeng	WMS 5453	Hantar kakitangan ke Klinik Kesihatan Kota Baru, Ipoh
		Hantar kakitangan menghadiri seminar Green Town

Pada pandangan Audit, pihak hospital/klinik kesihatan perlu memastikan kenderaan ambulans digunakan untuk kes kecemasan/rujukan dan tidak disalahgunakan.

h. Di Hospital Kuala Lumpur, 8 motosikal yang diterima oleh Unit Skuad Motosikal Paramedik, Jabatan Kecemasan pada bulan Disember 2005 sepatutnya digunakan sebagai *first responder* apabila berlakunya panggilan kecemasan. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2006, motosikal itu masih belum digunakan kerana Skuad Motosikal Paramedik belum mempunyai anggota tetap yang terlatih. Semakan Audit selanjutnya mendapati jarak perjalanan *(mileage)* dari segi kilometer mengikut bacaan odometer daripada tarikh kenderaan diterima sehingga 31 Disember 2006 adalah rendah iaitu antara 141 kilometer hingga 1,066 kilometer.

16.4.6. Masa Respons/Tindak Balas Terhadap Panggilan Ambulans

16.4.6.1. Panggilan Ambulans Bagi Kes Kecemasan

a. Bagi panggilan ambulans melibatkan kes-kes kecemasan seperti kes kemalangan jalan raya dan kes bersalin, didapati **masa respons daripada panggilan diterima dan ambulans bertolak daripada hospital iaitu tidak lebih daripada 5 minit** telah ditetapkan dalam *"Standard Operating Procedure For Medical Assistants In Emergency Department"* yang dikeluarkan oleh Kementerian. Bagi menentukan sama ada kenderaan ambulans dapat bertindak dalam tempoh masa yang ditetapkan, pihak Audit telah meminta 1,439 borang panggilan kecemasan bagi tahun 2006 di 11 hospital untuk semakan. Bagaimanapun, semakan hanya dapat dijalankan terhadap 910 borang panggilan kecemasan kerana borang yang lain tidak menyatakan tempoh masa responsnya. Bagi Hospital Sri Manjung dan Hospital Duchess of Kent sahaja, 284 borang yang diminta untuk semakan tidak dilengkapkan tempoh masa respons. Hasil daripada semakan mendapati di 11 hospital berkenaan ambulans telah bertolak dalam masa 5 minit daripada panggilan diterima. Bagi kehadiran ambulans di lokasi/tempat kejadian, didapati antara 12.1% hingga 61.1% kes memerlukan masa lebih daripada 15 minit. Tempoh masa tersebut diambil dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kesesakan lalu lintas, struktur jalan raya yang tidak bertar dan reka bentuk ambulans yang tidak sesuai di kawasan yang sempit. Melalui soal selidik yang dikemukakan kepada 157 pemandu, didapati kebanyakan daripada mereka juga bersetuju bahawa faktor tersebut yang menjejaskan perkhidmatan ambulans.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati klinik kesihatan yang dilawati mempunyai borang atau rekod panggilan ambulans tersendiri. Di Kedah, borang panggilan ini sungguhpun diseragamkan untuk kegunaan hospital dan klinik kesihatan, namun ia tidak diguna pakai oleh klinik kesihatan. Bagi klinik kesihatan yang lain pula, terdapat buku catatan yang disediakan untuk menunjukkan pergerakan kenderaan ambulans tidak dilengkapkan dengan maklumat seperti masa terima panggilan, kenderaan ambulans bertolak dan mangsa/pesakit dibawa ke hospital. Selain itu, terdapat juga klinik kesihatan yang tidak menyediakan buku catatan keluar masuk ambulans dan hanya

bergantung kepada Buku Log Kenderaan untuk mengenal pasti setiap pergerakan kenderaan ambulans. Contohnya adalah di Klinik Kesihatan Sg. Manila, Klinik Kesihatan Bukit Garam, Klinik Kesihatan Ulu Dusun dan Klinik Kesihatan Lubuk Merbau. Ini menyebabkan kesukaran untuk menentukan sama ada kenderaan ambulans di klinik kesihatan dapat bertindak dalam masa 5 minit dan juga tempoh masa yang diambil untuk membawa mangsa/pesakit ke hospital.

Pada pandangan Audit, semua rekod berkaitan perkhidmatan ambulans di hospital dan klinik kesihatan perlu diseragamkan, diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini pada setiap masa demi memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti diberikan kepada mangsa/pesakit.

c. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 135 pesakit/waris yang pernah menggunakan perkhidmatan ambulans. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada 97 pesakit/waris tersebut, didapati pada puratanya, 59.8% pesakit/waris menyatakan bahawa mereka mengetahui nombor talian khusus yang perlu dihubungi. Bagi tahap mutu perkhidmatan pula, 67.0% berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan berbanding dengan 10.3% yang melahirkan rasa tidak berpuas hati atas alasan kelewatan mendapat bantuan ambulans dan layanan yang kurang mesra.

16.4.6.2. Panggilan Ambulans Untuk Kes Rujukan

Kementerian tidak menetapkan tempoh masa bagi memenuhi panggilan untuk membawa pesakit daripada klinik ke hospital atau memindahkan pesakit daripada sebuah hospital ke hospital lain untuk mendapat rawatan lanjut. Semakan Audit terhadap 586 borang permohonan perkhidmatan ambulans di Hospital Kuala Lumpur bagi tempoh bulan September hingga Disember 2006 mendapati sebanyak 111 kes di mana perkhidmatan ambulans hanya dapat diberikan antara 1 hingga 10 hari daripada tarikh permohonan diterima. Keadaan ini berlaku disebabkan antara lainnya ambulans tidak mencukupi/sedang digunakan/rosak atau terlalu banyak permohonan untuk kes rujukan pada hari berkenaan dan tiada kekosongan katil. Bagi hospital lain dan klinik kesihatan yang dilawati, semakan Audit mendapati secara umumnya hospital dan klinik kesihatan berkenaan dapat memenuhi permintaan kenderaan ambulans pada hari yang diperlukan.

16.4.6.3. Pusat Kawalan Perkhidmatan Ambulans

Semakan Audit terhadap perkhidmatan panggilan ambulans melalui Pusat Kawalan Perkhidmatan Ambulans di 7 hospital yang terlibat mendapati pusat ini tidak dapat beroperasi sepenuhnya kerana pelbagai masalah dihadapi antaranya ialah peralatan komunikasi yang tidak mencukupi; kekurangan tenaga kerja atau pembantu paramedik dan kekurangan kemahiran untuk mengendalikan peralatan berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

JADUAL 16.9
MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PUSAT KAWALAN PERKHIDMATAN AMBULANS

HOSPITAL	MASALAH YANG DIHADAPI
Tengku Ampuan Rahimah	• Kekurangan sistem komunikasi dua hala
Ipoh	• Kekurangan sistem komunikasi dua hala • Ketiadaan anggota tetap di pusat kawalan perkhidmatan ambulans
Melaka	• Kekurangan alat komunikasi dua hala
Batu Pahat	• Kekurangan talian telefon dan perabot kerana tiada peruntukan • Kekurangan alat komunikasi seperti *radio trunck* dan *walkie talkie*
Temerloh	• Pembantu paramedik tidak mendapat latihan yang secukupnya • Kekurangan alat komunikasi terutamanya komunikasi dua hala
Pulau Pinang	• Kekurangan tenaga kerja
Kangar	• Kekurangan tenaga kerja

Pada pandangan Audit, pihak hospital perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah tersebut di atas bagi memastikan objektif penubuhan pusat kawalan perkhidmatan ambulans tercapai.

16.4.7. Penyenggaraan Kenderaan Ambulans

Kerja penyenggaraan yang dilakukan terbahagi kepada dua kategori iaitu penyenggaraan pencegahan berjadual dan penyenggaraan pembaikan. Dalam tempoh jaminan, kedua-dua penyenggaraan ini akan dilakukan oleh pihak pembekal manakala setelah tamat tempoh jaminan, penyenggaraan akan dilakukan oleh syarikat konsesi bagi kenderaan ambulans di hospital. Bagi penyenggaraan kenderaan ambulans di hospital, sebanyak 3 syarikat konsesi telah dilantik mengikut zon iaitu syarikat Radicare Sdn. Bhd. untuk zon tengah dan pantai timur, syarikat Faber Medi Serve Sdn. Bhd. untuk zon utara, Sabah dan Sarawak manakala syarikat Pantai Medivest Sdn. Bhd. untuk zon selatan. Bagi kenderaan ambulans di klinik-klinik kesihatan, penyenggaraan akan dilakukan oleh bengkel swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan ia diuruskan oleh Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan. Semakan Audit terhadap penyenggaraan kenderaan ambulans mendapati perkara berikut :-

16.4.7.1. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyenggaraan percuma terhadap kenderaan ambulans di Hospital Kuala Kubu Baru, Hospital Ipoh, Klinik Kesihatan Jinjang dan Klinik Kesihatan Tanglin telah dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak kerana rekod berhubung dengan penyenggaraan tidak selenggarakan dengan lengkap atau tidak kemas kini. Bagaimanapun berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak hospital dan klinik kesihatan yang lain, didapati prestasi kerja penyenggaraan/pembaikan yang dilakukan oleh syarikat Long Harvest Enterprise Sdn. Bhd. dalam tempoh jaminan adalah kurang memuaskan. Penyenggaraan berjadual tidak dibuat mengikut kekerapan yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, penyenggaraan percuma bagi kenderaan ambulans di 4 hospital dan 7 klinik kesihatan tidak dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan. Ini menyebabkan kerosakan kenderaan ambulans sering kali berlaku. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.10
KEKERAPAN PENYENGGARAAN KENDERAAN YANG MASIH DALAM TEMPOH JAMINAN

HOSPITAL/ KLINIK KESIHATAN	NOMBOR PENDAFTARAN AMBULANS/TARIKH TERIMA	JARAK PERJALANAN (KILOMETER)	KEKERAPAN PENYENGGARAAN	
			KEKERAPAN SEPATUTNYA (Kali)	KEKERAPAN SEBENAR (Kali)
Hospital Tengku Ampuan Rahimah	WLD8965/02.10.2003	68,939	6	4
	WLD8959/02.10.2003	57,607	6	4
	WLD8946/02.10.2003	64,963	6	4
	WLD8526/02.10.2003	55,685	6	4
Hospital Kuala Krai	WLX1202/23.08.2004	150,000	6	5
	WLX1135/23.08.2004	150,000	6	5
Hospital Mersing	WIC9712/30.09.2003	66,063	6	2
	WLD152/30.09.2003	70,926	6	2
	WLC9701/30.09.2003	73,304	6	1
Hospital Langkawi	WLD4015/21.09.2003	16,488	6	2
	WLD143/21.09.2003	19,125	6	2
Klinik Kesihatan Taman Ehsan	WNJ4385/27.10.2005	1,069	6	3
Klinik Kesihatan Kulai	WMS917/19.05.2005	7,191	6	1
Klinik Kesihatan Kulai Baru	WMS 4644/19.05.2005	51,152	6	4
Klinik Kesihatan Kempas	WMS873/19.05.2005	11,092	6	1
Klinik Kesihatan Gopeng	WMS 1046/11.04.2005	5,804	6	2
Klinik Kesihatan Batu Gajah	WMS 940/11.04.2005	17,314	6	2
Klinik Kesihatan Kota Baru, Perak	WMS 5453/11.04.2005	6,201	6	1

16.4.7.2. Adalah didapati penyenggaraan berjadual oleh syarikat konsesi telah dilaksanakan mengikut jadual yang dikemukakan sementara penyenggaraan oleh bengkel swasta tidak dapat disahkan kerana daftar harta modal tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Semakan Audit selanjutnya mendapati ada kes di mana kos pembaikan kenderaan ambulans yang terlibat dengan kemalangan melebihi daripada kos yang dianggarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Berikut diberikan contohnya :-

JADUAL 16.11
KOS PEMBAIKAN KENDERAAN AMBULANS

HOSPITAL	NOMBOR DAFTAR AMBULANS	ANGGARAN KOS JKR (RM)	SEBUT HARGA OLEH KONSESI (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)
Sik, Kedah	WLD 4016	27,000.00	81,633.98	54,633.98
Tengku Ampuan Rahimah Klang	WLD 8946	2,000.00	5,075.84	3,075.84
	WLD 8526	27,500.00	43,481.91	15,981.91
Muar, Johor	WJS 5368	29.050.00	127,415.88	98,365.88

16.4.8. Pelupusan Kenderaan Ambulans

Menurut Tatacara Pengurusan Stor, Lembaga Pemeriksa perlu dilantik bagi maksud membuat laporan sama ada sesebuah kenderaan tidak ekonomi untuk dibaiki dan perlu dilupuskan. Kenderaan yang tidak ekonomi dibaiki perlu dilupuskan mengikut

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980. **Semakan Audit mendapati proses pelupusan kenderaan ambulans yang tidak dapat digunakan dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan.** Bagi kenderaan di hospital, cadangan untuk tindakan pelupusan kenderaan ambulans pada tahap *Beyond Economic Repair* telah dibuat oleh pihak syarikat konsesi kepada pihak hospital. Pihak hospital seterusnya merujuk perkara ini kepada perunding hospital yang dilantik iaitu Sistem Hospital Awasan Taraf Sdn. Bhd. untuk pengesahan. Berdasarkan pengesahan yang diberi, Jawatankuasa Pemeriksa yang diwujudkan oleh hospital telah melakukan pemeriksaan terhadap kenderaan ambulans sebelum sijil *Beyond Ekonomi Repair* dikeluarkan dan pelupusan disyorkan. Bagi kenderaan ambulans di klinik kesihatan pula, prosesnya dibuat dengan mengemukakan permohonan kepada Jabatan Kesihatan Negeri terlebih dahulu. Jawatankuasa Pemeriksa telah ditubuhkan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri bagi membuat pemeriksaan sebelum sijil *Beyond Ekonomi Repair* dikeluarkan dan pelupusan disyorkan.

16.4.9. Penyelenggaraan Rekod

Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan berkaitan dengan perkhidmatan ambulans seperti Borang *Checklist* Kenderaan (Ambulans) dan Buku Log Kenderaan mendapati perkara seperti berikut :-

16.4.9.1. *Checklist* Kenderaan Ambulans

Berdasarkan surat dari Bahagian Perkembangan Perubatan yang dikeluarkan pada bulan Jun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia telah meluluskan penyeragaman Borang *Checklist* Kenderaan Ambulans untuk memastikan kenderaan ambulans berada dalam keadaan baik. Borang ini hendaklah diguna pakai di semua hospital dan klinik kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati klinik kesihatan yang tidak mengguna pakai borang *checklist* kenderaan ambulans tersebut seperti Klinik Kesihatan Kulai Besar, Klinik Kesihatan Kulai dan Klinik Kesihatan Kempas. **Pada pandangan Audit, pemeriksaan terhadap kenderaan ambulans dengan menggunakan borang *checklist* adalah penting bagi memastikan kenderaan sentiasa bersiap sedia dan selamat untuk digunakan.**

16.4.9.2. Buku Log Kenderaan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan buku log kenderaan perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati terdapat hospital dan klinik kesihatan tidak menyelenggarakan buku log kenderaan ambulans dengan memuaskan di mana penggunaan minyak tidak disesuaikan berbanding invois yang diterima dari syarikat pembekal minyak seperti Hospital Alor Setar, Klinik Kesihatan Lubuk Merbau dan Klinik Kesihatan Gunong. Selain itu, maklumat pergerakan kenderaan dan penyenggaraan yang dilakukan juga tidak dapat diketahui.

16.4.10. Pemantauan

Semakan Audit mendapati tahap pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

16.4.10.1. Di peringkat Kementerian, bahagian-bahagian utama yang terlibat dengan perkhidmatan ambulans iaitu Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Perolehan Dan Penswastaan dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan telah mengadakan beberapa mesyuarat bagi membincangkan isu-isu khusus berkaitan dengan perkhidmatan ambulans seperti spesifikasi teknikal kenderaan ambulans, terma rujukan bagi penswastaan, perkhidmatan perubatan kecemasan, garis panduan perkhidmatan ambulans, perolehan ambulans, norma pengagihan ambulans, rawatan pra-hospital, latihan pemanduan, masalah kerosakan/penyenggaraan dan alat ganti bagi kenderaan ambulans serta rungutan orang awam yang disiarkan di media cetak dan elektronik. Bagaimanapun, **didapati Bahagian Perkembangan Perubatan tidak meminta laporan berkala daripada hospital-hospital/Jabatan Kesihatan Negeri tentang perkara-perkara seperti bilangan orang yang mati dalam perjalanan ke hospital, panggilan kes kecemasan/kemalangan, masa respons terhadap panggilan ambulans dan kerosakan kenderaan ambulans.**

16.4.10.2. Di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri pula, Mesyuarat Teknikal Pusat Ambulans, mesyuarat pengarah negeri bersama ketua-ketua jabatan, mesyuarat pengurusan dan mesyuarat perjumpaan penyelia hospital dan pemandu kenderaan dengan Timbalan Pengarah (Kesihatan) dan Timbalan Pengarah (Perubatan) juga diadakan di mana perkara-perkara berkenaan dengan perkhidmatan ambulans dibincangkan.

16.4.10.3. Di kebanyakan Pejabat Kesihatan Daerah yang dilawati, Pegawai Kesihatan Daerah mengadakan mesyuarat bersama pegawai-pegawai kesihatan lain bagi membincangkan masalah berkaitan perkhidmatan ambulans di klinik kesihatan seperti kekurangan pemandu dan kenderaan ambulans.

16.4.10.4. Di peringkat hospital pula, beberapa mesyuarat diadakan oleh pengurusan hospital seperti mesyuarat dengan syarikat konsesi untuk membincangkan kerja penyenggaraan yang perlu dilaksanakan dan kerja tertunggak terhadap penyenggaraan kenderaan ambulans. Selain itu, Mesyuarat Pagi dan mesyuarat Bahagian Pengurusan Hospital juga diadakan bagi membincangkan perkara termasuk perkhidmatan ambulans. Mesyuarat bersama pemandu juga diadakan untuk membincangkan isu-isu seperti masalah pemandu dan perkhidmatan ambulans. Terdapat juga Panel Penyiasatan Kes Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan ditubuhkan untuk menyiasat punca kemalangan sebelum mengambil tindakan terhadap pemandu sekiranya ada unsur-unsur kecuaian pemandu terbabit. Semakan Audit mendapati Unit Pengangkutan yang mengendalikan kenderaan ambulans turut mengadakan

mesyuarat bersama dengan pemandu untuk membincangkan perkara berkenaan penggunaan ambulans serta perkara-perkara berbangkit semasa mesyuarat tersebut.

Pada pandangan Audit, Bahagian Perkembangan Perubatan harus memastikan semua hospital/Jabatan Kesihatan Negeri mengemukakan laporan yang mengandungi maklumat seperti bilangan orang yang *died on the way to* hospital, panggilan kes kecemasan/kemalangan, masa respons/tindak balas panggilan ambulans dan kerosakan ambulans. Dengan adanya maklumat tersebut akan memudahkan Kementerian mengambil langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan perkhidmatan ambulans.

16.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan perkhidmatan ambulans telah dirancang dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian. Antaranya adalah kekurangan kenderaan ambulans dan pemandu, kes kemalangan kenderaan ambulans yang tinggi, kelewatan pembaikan kenderaan, rekod panggilan ambulans yang tidak teratur, pusat kawalan perkhidmatan ambulans yang tidak beroperasi sepenuhnya dan pemantauan yang perlu dipertingkatkan. Bagi memperbaiki lagi prestasi aktiviti ini, disyorkan beberapa langkah seperti berikut diambil :-

16.5.1. Kementerian perlu mewujudkan satu garis panduan pengurusan perkhidmatan ambulans yang lengkap dan seragam untuk kegunaan kesemua hospital dan klinik kesihatan supaya dapat dijadikan rujukan bagi mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan yang sedia ada.

16.5.2. Kajian terperinci terhadap perkhidmatan ambulans di hospital dan klinik-klinik kesihatan perlu dilakukan dengan mengambil kira bilangan kenderaan ambulans yang ada, tahap boleh guna, usianya serta kelengkapan kenderaan tersebut.

16.5.3. Kementerian perlu mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan bagi membolehkan perkhidmatan ambulans diberi dengan berkesan serta memastikan semua anggota diberi latihan yang bersesuaian dengan tugas mereka supaya dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perkhidmatan perubatan kecemasan termasuk rawatan pra-hospital. Antara kursus yang patut diberi ialah berkaitan pengurusan kemalangan dan kecemasan, penyenggaraan kenderaan serta penggunaan peralatan perubatan.

16.5.4. Kementerian perlu memastikan semua rekod berhubung dengan perkhidmatan ambulans diseragamkan dan juga diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di semua hospital dan klinik kesihatan demi memastikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti kepada mangsa/pesakit.

16.5.5. Kementerian perlu memberikan perhatian yang serius terhadap kes-kes kemalangan melibatkan kenderaan ambulans bagi mengelakkan tanggapan negatif masyarakat terhadap perkhidmatan ini.

16.5.6. Bagi meningkatkan pemantauan, selain dari mengadakan mesyuarat di setiap peringkat, Bahagian Perkembangan Perubatan harus memastikan semua hospital/Jabatan Kesihatan Negeri mengemukakan laporan yang mengandungi maklumat seperti bilangan orang yang meninggal dalam perjalanan ke hospital, panggilan kes kecemasan, kes kemalangan, masa respons terhadap panggilan ambulans dan kerosakan ambulans. Pemantauan boleh juga dimantapkan dengan meningkatkan koordinasi antara polis, bomba dan pertahanan awam.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

17. INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA - PENGURUSAN PERALATAN

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Penubuhan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) pada mulanya adalah untuk melaksanakan program latihan kemahiran di kalangan belia lepasan sekolah yang tidak berpeluang meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi akibat kurang kemampuan atau tidak berjaya memperolehi kelulusan akademik yang sepatutnya. Bagaimanapun, apabila bidang kemahiran mendapat sambutan di kalangan belia selaras dengan keperluan tenaga kerja mahir pada tahun 1990an, matlamat IKBN berubah kepada menyediakan seberapa banyak peluang latihan kemahiran dalam pelbagai bidang teknikal dan melahirkan seramai mungkin tenaga mahir dan berdisiplin bagi menampung keperluan industri. Adalah menjadi matlamat Kementerian untuk membina sekurang-kurangnya sebuah IKBN di setiap negeri. Sebelum RMK-7, lima IKBN telah dibina iaitu di Dusun Tua dan Peretak, Selangor; Seri Iskandar, Perak; Wakaf Tapai, Terengganu dan Jitra, Kedah. Di bawah RMK-7 pula, sebanyak 8 IKBN telah dibina dengan kos RM568.92 juta dan disiapkan di bawah RMK-8 seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.1
PEMBINAAN 8 IKBN DI BAWAH RMK-7/RMK-8

IKBN	KOS (RM Juta)
Alor Gajah, Melaka	57.49
Bachok, Kelantan	64.70
Bukit Mertajam, Pulau Pinang	73.56
Chembong, Negeri Sembilan	63.95
Kinarut, Sabah	58.64
Kuala Perlis, Perlis	72.34
Miri, Sarawak	97.51
Pagoh, Johor	80.73
JUMLAH	**568.92**

17.1.2. Secara keseluruhannya, IKBN menawarkan 6 bidang kursus/sekolah yang terdiri daripada Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam, Automotif, Hospitaliti, Elektrik dan Elektronik. Setiap IKBN menawarkan 2 atau 3 daripada bidang ini. Setiap bidang ini pula mempunyai beberapa jurusan, contohnya seperti di bawah bidang Hospitaliti terdapat Jurusan Pramusaji, Kapten dan Penyelia Makanan; Jurusan Pembantu Penyelia dan Penyedia Makanan dan Jurusan Pembantu Penyedia Pastri.

17.1.3. Bagi melengkapi 8 IKBN ini dengan peralatan khas untuk pengajian, Kementerian Kewangan telah meluluskan kaedah perolehan peralatan secara rundingan terus dengan 11 pembekal melibatkan nilai kontrak berjumlah RM767.97 juta. Manakala perolehan kelengkapan komputer bernilai RM16.93 juta telah dilakukan melalui kaedah tender terbuka pada tahun 2005.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan peralatan IKBN telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan memenuhi keperluannya.

17.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat Kementerian dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan peralatan yang diperolehi melalui 11 kontrak rundingan terus khususnya dari aspek perolehan, penerimaan, penggunaan peralatan, penyimpanan dan penyelenggaraan rekod. Lawatan ke semua IKBN terlibat iaitu IKBN Alor Gajah, Melaka; IKBN Bachok, Kelantan; IKBN Bukit Mertajam, Pulau Pinang; IKBN Chembong, Negeri Sembilan; IKBN Kinarut, Sabah; IKBN Kuala Perlis, Perlis; IKBN Miri, Sarawak dan IKBN Pagoh, Johor telah dijalankan. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat di Ibu Pejabat Kementerian dan IKBN juga dijalankan.

17.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2006 hingga Februari 2007 mendapati perkara berikut :-

17.4.1. Struktur Pengurusan Projek Perolehan Peralatan

17.4.1.1. Di peringkat Kementerian, Bahagian Pembangunan Kemahiran yang diketuai oleh Encik Mohd. Hashimi bin Abd. Hadi, Gred J54 bertanggungjawab mengawal dan menyelia operasi semua IKBN serta menentukan kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan dalam pembinaan sesebuah IKBN. Manakala Cawangan Pembangunan yang diletakkan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan adalah bertanggungjawab untuk menguruskan projek pembinaan dan perolehan peralatan IKBN. Cawangan ini diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha, Gred M48. Setakat 31 Disember 2006, Cawangan ini diluluskan 13 jawatan dan telah diisi sepenuhnya. Manakala proses pembayaran pula diurus oleh Cawangan Kewangan yang juga di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan. Struktur organisasi Kementerian Belia Dan Sukan adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 17.1
STRUKTUR ORGANISASI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



Nota : ***TKSU - Timbalan Ketua Setiausaha***
IKBN - Institut Kemahiran Belia Negara

17.4.1.2. Di peringkat IKBN, tenaga pengajar jurusan berkenaan adalah bertanggungjawab memberi latihan kepada pelatih IKBN di samping terlibat dengan urusan penyimpanan, penyelenggaraan rekod dan penyenggaraan peralatan. Semakan Audit mendapati sebanyak 447 daripada 539 jawatan tenaga pengajar yang diluluskan di 8 IKBN telah diisi setakat akhir tahun 2006. Kekosongan sebanyak 92 jawatan (17.1%) boleh menjejaskan penggunaan peralatan secara optimum. Kedudukan perjawatan di setiap IKBN adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.2
KEDUDUKAN PERJAWATAN TENAGA PENGAJAR DI IKBN
PADA AKHIR TAHUN 2006

IKBN	NEGERI	JAWATAN			
		MOHON	LULUS	ISI	ISI (%)
Alor Gajah	Melaka	66	56	46	82.1
Bachok	Kelantan	75	67	59	88.1
Bukit Mertajam	Pulau Pinang	82	70	62	88.6
Chembong	Negeri Sembilan	79	65	57	87.7
Kinarut	Sabah	62	61	52	85.2
Kuala Perlis	Perlis	80	66	55	83.3
Miri	Sarawak	85	69	44	63.8
Pagoh	Johor	123	85	72	84.7
JUMLAH		**652**	**539**	**447**	**82.9**

17.4.1.3. Walaupun Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian telah merancang dan melaksanakan sejumlah 58 kursus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, namun tiada latihan/kursus yang khusus telah dirancang dan dilaksanakan kepada pegawai, kakitangan dan tenaga pengajar di IKBN yang terlibat dalam pengurusan peralatan.

Pada pandangan Audit, bagi membolehkan pengurusan peralatan dibuat dengan lebih cekap, latihan khusus perlu diberi kepada mereka yang terlibat.

17.4.2. Pelantikan Perunding

17.4.2.1. Pada bulan Oktober 1999, Kementerian Kewangan Malaysia telah memberi kelulusan kepada Kementerian Belia Dan Sukan untuk melantik Biro Inovasi dan Perundingan, Universiti Teknologi Malaysia sebagai perunding untuk membantunya mengenal pasti keperluan peralatan IKBN. Perjanjian antara Kementerian dengan perunding telah ditandatangani pada bulan Jun 2001. Mengikut perjanjian tersebut, perunding dikehendaki menyediakan spesifikasi teknikal dan anggaran kos peralatan bagi 8 IKBN. Perunding akan dibayar yuran perunding serta kos imbuhan balik untuk belanja sewa pejabat, tuntutan perjalanan dan sebagainya. Secara khususnya, perjanjian itu menetapkan perunding perlu melaksanakan tugas-tugas yang berikut :-

a. Mengkaji keperluan dan kepentingan berdasarkan bidang, jurusan, bilangan pelatih selaras dengan Standard Kemahiran Kebangsaan dan dasar Kementerian Belia Dan Sukan.

b. Mencadangkan kepada Kementerian jenis dan bilangan peralatan yang mampu memberikan tahap latihan yang terbaik dan ekonomik.

c. Memastikan semua peralatan sesuai dengan ruang bengkel dan utiliti yang disediakan dengan mengutamakan produk, barangan buatan tempatan yang mempunyai kualiti yang diiktiraf.

d. Menyediakan spesifikasi peralatan yang tepat, jelas dan tidak *bias* kepada mana-mana jenama selaras dengan Panduan Perolehan Kewangan Tahun 2000 dan standard yang diiktiraf di Malaysia.

e. Menyediakan anggaran kos peralatan dengan mengikut kadar harga terkini dengan mengambil kira kos tambahan perkhidmatan, beban elektrik, kos penyenggaraan dan alat ganti.

f. Menyediakan dokumen tender, menilai tender dan mengesahkan penender. Dalam proses pembekalan peralatan, perunding adalah bertanggungjawab mengawas, menyelia dan mengesahkan pembekalan, pemasangan, pemeriksaan, uji terima dan pentauliahan peralatan.

17.4.2.2. Semakan Audit mendapati perunding telah mengemukakan anggaran kos untuk perolehan peralatan bagi 8 IKBN berjumlah RM399.67 juta yang memberikan keutamaan kepada peralatan buatan tempatan. Perunding juga telah membantu Kementerian menyediakan dokumen tender dan mengawas, menyelia serta mengesahkan penerimaan peralatan. **Sehingga bulan Disember 2006, sejumlah RM6.54 juta telah dibayar kepada perunding.**

Pada pandangan Audit, berdasarkan kepada fungsi-fungsi yang perlu dilaksanakan oleh perunding yang dilantik, Kementerian telah mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian untuk memastikan peralatan yang dibeli adalah bersesuaian dengan keperluan latihan dan dengan cara berhemat.

17.4.3. Pelantikan Pembekal

17.4.3.1. Semakan Audit mendapati pada bulan Mei 2001, Ketua Setiausaha Kementerian pada masa itu telah memutuskan supaya perolehan peralatan dilaksanakan secara tender terbuka walaupun pihak perunding mengesyorkan kaedah tender pra-kelayakan. Bagaimanapun, pada bulan September 2001, Menteri Belia Dan Sukan ketika itu pula memutuskan projek perolehan peralatan IKBN dibuat secara rundingan terus atau tender terhad bagi membolehkan pengambilan pelatih pada bulan Julai 2002. Ekoran daripada itu, permohonan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk melaksanakan projek perolehan peralatan secara rundingan terus. Pada bulan Januari 2002, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan rundingan terus dengan 10 syarikat bagi bekalan peralatan kepada IKBN dengan anggaran kos RM460.10 juta. Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) telah diminta oleh Kementerian Kewangan untuk mengadakan rundingan harga ke paras yang terendah dengan pembekal yang dipilih. Pada bulan Mac 2002, Kementerian Kewangan telah juga meminta Kementerian memasukkan satu lagi syarikat dengan kos RM41.0 juta sebagai tambahan kepada 10 syarikat yang telah diluluskan terdahulu. Pihak Kementerian telah mengeluarkan Surat Niat kepada 10 pembekal berkaitan pada 5 Februari 2002 dan kepada pembekal tambahan pada 13 Mac 2002.

17.4.3.2. Bagi urusan rundingan harga, didapati pihak Kementerian tidak menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Teknikal dan Harga. Bagaimanapun Jawatankuasa Penilaian Teknikal telah ditubuhkan pada bulan Mac 2002 dengan pelantikan seramai 41 pegawai Kementerian bagi menilai spesifikasi peralatan mengikut jurusan. Jawatankuasa ini telah menghadiri Bengkel Penilaian Teknikal Projek bersama perunding antara 25 hingga 31 Mac 2002. Walaupun beberapa sesi mesyuarat rundingan harga yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Penyelidikan Dasar dan Pembangunan telah diadakan antara 26 Jun hingga 4 Julai 2002, namun minit mesyuarat yang perlu ditandatangani oleh kedua-dua pihak tersebut tidak disediakan. Bagaimanapun, ringkasan Keputusan Mesyuarat Rundingan Harga yang meliputi semua mesyuarat rundingan harga dengan 11 pembekal telah disediakan dan ditandatangani oleh Pengerusi dan semua wakil Kementerian yang hadir.

17.4.3.3. Adalah diperhatikan perunding yang telah dilantik untuk menyediakan anggaran kos peralatan dengan mengikut kadar harga terkini tidak dibenarkan oleh Kementerian untuk terlibat sama dalam rundingan harga tersebut. Anggaran kos peralatan bagi 8 IKBN yang disediakan oleh perunding berjumlah RM399.67 juta juga tidak diambil kira oleh Kementerian kerana berpandangan anggaran tersebut terlalu rendah. **Bagaimanapun pihak Audit mendapati anggaran asal perolehan peralatan Kementerian adalah berjumlah RM400 juta yang mana tidak banyak berbeza daripada kos perunding.** Tidak ada bukti yang menunjukkan kajian pasaran mengenai harga peralatan telah dilakukan oleh Kementerian kerana minit mesyuarat rundingan harga tidak disediakan. Tanpa minit mesyuarat rundingan harga, pihak Audit juga tidak dapat menentukan sejauh mana harga peralatan telah berjaya dikurangkan.

17.4.3.4. Mengikut peraturan perolehan Kerajaan, Lembaga Perolehan Agensi dengan wakil daripada Kementerian Kewangan dan seorang pegawai awam dari jabatan lain sepatutnya bermesyuarat untuk memutuskan hasil rundingan. Bagaimanapun, minit mesyuarat Lembaga Perolehan Kementerian untuk memutuskan hasil rundingan harga tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada hasil rundingan harga telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Kementerian. Tiada juga bukti Kementerian telah mengemukakan hasil rundingan harga kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan sepertimana yang dikehendaki oleh peraturan perolehan Kerajaan sebelum ia mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada 11 syarikat pembekal pada bulan Julai 2002.

17.4.3.5. Perjanjian kontrak antara Kementerian dengan 11 pembekal telah ditandatangani pada bulan Oktober 2002. Mengikut Akta Kontrak Kerajaan 1949, kontrak perlu ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri sendiri atau oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri. Memandangkan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan telah diberi kuasa oleh Menteri untuk menandatangani kontrak bernilai RM5 juta ke bawah sahaja, 11 kontrak perolehan

peralatan IKBN yang bernilai antara RM7.99 juta dan RM74.20 juta hendaklah ditandatangani oleh Menteri sendiri atau oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk setiap kontrak. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kesemua 11 kontrak telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha ketika itu bagi pihak Kerajaan dan surat penurunan kuasa Menteri kepada Ketua Setiausaha untuk menandatangani 11 kontrak berkenaan tidak dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.

17.4.3.6. Maklumat berhubung dengan pembekal berkenaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.3
MAKLUMAT PEMBEKAL

IKBN	PERALATAN UNTUK BIDANG/JURUSAN	NAMA PEMBEKAL	PERIHAL PEMBEKAL	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Alor Gajah Bukit Mertajam Kinarut	Komputer dan Pendawaian Elektrik	Apex Communications Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM25 juta Modal Berbayar: RM20 juta	48.35
Bukit Mertajam Miri Pagoh	Pembuat Acuan dan Alat Pemotong	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM10 juta Modal Berbayar: RM 5 juta	67.89
Bachok Chembong Miri Kuala Perlis	Mekanik Ketuk Mengetuk dan Semburan Cat dan Mekanik Jentera Berat	Interpac (M) Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM2 juta Modal Berbayar: RM1 juta	41.00
Alor Gajah Bukit Mertajam Kinarut Kuala Perlis	Industri Elektronik dan Mekanik Maritim	Kreatif Sensasi Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM5 juta Modal Berbayar: RM1.13 juta	32.37
Bachok Chembong Kinarut Kuala Perlis	Binaan Bangunan	Kosijaya Didactic Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM5 juta Modal Berbayar: RM2 juta	23.89
Alor Gajah Miri Bachok	Hospitaliti	Maluri Equipment Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM5 jta Modal Berbayar: RM3 juta	18.77
Bukit Mertajam Kinarut Miri Pagoh	Mekanik Penyelidikan dan Industri Kimpalan dan Penyaman Udara	Rasma Corp. Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM5 juta Modal Berbayar: RM1.01 juta	53.21
Alor Gajah Bukit Mertajam Kinarut	Penjanaan Jentera	Rebound Asia (M) Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM5 juta Modal Berbayar: RM1.50 juta	69.50
Bukit Mertajam Miri Pagoh	Pemesinan Am	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM1 juta Modal Berbayar: RM1 juta	74.20
Bachok Chembong Miri	Mekanikal Kenderaan Bermotor dan Perdagangan Berat	Vital Series Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM5 juta Modal Berbayar: RM1 juta	62.90
Alor Gajah Bukit Mertajam Kinarut	Pengajaran *Audio Visual*	VSS System Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan: RM5 juta Modal Berbayar: RM5 juta	7.99

17.4.3.7. Sebulan selepas kontrak dimeterai, iaitu pada bulan November 2002, Menteri Belia Dan Sukan pada masa itu telah memohon kepada Kementerian Kewangan untuk menambah peralatan bernilai RM319.19 juta daripada pembekal yang sama dengan alasan berikut :-

a. Kementerian menjangkakan keperluan tambahan peralatan apabila bilangan pelajar semakin bertambah.

b. Perlu diperolehi daripada pembekal yang sama bagi menentukan proses penghantaran berjalan lancar serta menjamin kepentingan Kerajaan dari segi penyenggaraan dan jaminan peralatan.

c. Klausa kontrak asal membenarkan Kerajaan menambah kuantiti peralatan dengan harga yang sama.

17.4.3.8. Permohonan Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) untuk menambah kuantiti peralatan ditolak oleh Kementerian Kewangan pada bulan Januari 2003 dan Kementerian telah membuat rayuan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan akhir bulan Januari dan awal bulan Mei 2003. Pada bulan Ogos 2003, Kementerian Kewangan telah meluluskan penambahan kuantiti peralatan dengan nilai RM272.70 juta. Bagaimanapun, kuantiti peralatan yang ditambah hanya bernilai RM267.90 juta. Dengan itu, nilai keseluruhan peralatan bagi 8 IKBN yang dibeli secara rundingan terus meningkat kepada RM767.98 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.4
NILAI KESELURUHAN PERALATAN YANG DIBELI DENGAN KAEDAH RUNDINGAN TERUS

PEMBEKAL	BIDANG/JURUSAN	NILAI KONTRAK	TAMBAHAN	NILAI KESELURUHAN PERALATAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Apex Communications Sdn. Bhd.	Komputer dan Pendawaian Elektrik	48.35	37.52	85.87
Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	Pembuat Acuan dan Alat Pemotong	67.89	16.99	84.88
Interpac (M) Sdn. Bhd.	Mekanik Ketuk Mengetuk dan Semburan Cat dan Mekanik Jentera Berat	41.00	57.47	98.47
Kreatif Sensasi Sdn. Bhd.	Industri Elektronik dan Mekanik Maritim	32.37	20.88	53.25
Kosijaya Didactic Sdn. Bhd.	Binaan Bangunan	23.89	12.00	35.89
Maluri Equipment Sdn. Bhd.	Hospitaliti	18.77	2.98	21.75
Rasma Corp. Sdn. Bhd.	Mekanik Penyelidikan dan Industri Kimpalan dan Penyaman Udara	53.21	20.42	73.63
Rebound Asia (M) Sdn. Bhd.	Penjanaan Jentera	69.50	28.37	97.87
Sri Jentayu Sdn. Bhd.	Pemesinan Am	74.20	9.79	83.99
Vital Series Sdn. Bhd.	Mekanikal Kenderaan Motor dan Perdagangan Berat	62.90	34.01	96.91
VSS System Sdn. Bhd.	Pengajaran *Audio Visual*	7.99	27.47	35.46
JUMLAH		**500.07**	**267.90**	**767.97**

17.4.3.9. Kontrak yang ditandatangani menetapkan antara lainnya syarat-syarat seperti berikut :-

a. Kontraktor hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank bersamaan 5% daripada nilai kontrak.

b. Peralatan dibekalkan hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

c. Bekalan perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan denda akan dikenakan bagi penghantaran lewat. Bagi bekalan yang tidak mematuhi

spesifikasi, Kerajaan berhak menolak atau menerima barangan tersebut dengan mengenakan denda kepada kontraktor mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Semakan Audit mendapati semua syarikat yang dilantik telah mengemukakan Bon Pelaksanaan mengikut jumlah dan dalam tempoh yang ditetapkan. Bon Pelaksanaan tambahan juga telah dikemukakan oleh pembekal kerana diminta membekalkan peralatan tambahan.

17.4.4. Perolehan Peralatan

17.4.4.1. Mengikut kontrak asal, harga peralatan secara keseluruhan yang ditetapkan bagi 11 syarikat adalah berjumlah RM500.08 juta. Jumlah ini adalah tidak melebihi paras harga yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan iaitu RM501.10 juta. Bagaimanapun terdapat dua syarikat di mana harga yang dipersetujui adalah melebihi paras yang diluluskan berjumlah RM0.16 juta. Butirannya adalah seperti di **Jadual 17.5**. **Semakan Audit mendapati bagi memastikan harga kontrak tidak melebihi paras yang diluluskan, Kementerian telah mengehadkan kuantiti peralatan yang perlu dipesan dan juga tidak membekalkan peralatan bagi IKBN tertentu.** Contohnya, bagi peralatan jurusan *Audio Visual* yang dibekalkan oleh syarikat VSS System Sdn. Bhd., Kementerian Kewangan telah meluluskan RM7.90 juta untuk membekal peralatan tersebut bagi 3 IKBN iaitu IKBN Alor Gajah, IKBN Bukit Mertajam dan IKBN Kinarut. Bagaimanapun, Kementerian hanya membekal peralatan kepada IKBN Alor Gajah. Peralatan untuk IKBN Bukit Mertajam dan IKBN Kinarut dibeli melalui tambahan peralatan dengan kos RM24.45 juta.

JADUAL 17.5
PERBANDINGAN PARAS HARGA YANG DILULUSKAN DENGAN HARGA YANG DIPERSETUJUI

PEMBEKAL	PARAS HARGA YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN (RM)	HARGA DIPERSETUJUI (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)
Apex Communications Sdn. Bhd.	48,500,000	48,349,640	-150,360
Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	67,900,000	67,894,494	-5,506
Interpac (M) Sdn. Bhd.	41,000,000	40,999,988	-12
Kreatif Sensasi Sdn. Bhd.	32,300,000	32,371,156	71,156
Kosijaya Didactic Sdn. Bhd.	23,900,000	23,895,444	-4,556
Maluri Equipment Sdn. Bhd.	19,200,000	18,769,727	-430,273
Rasma Corp. Sdn. Bhd.	53,800,000	53,206,435	-593,565
Rebound Asia (M) Sdn. Bhd.	69,500,000	69,499,791	-209
Sri Jentayu Sdn. Bhd.	74,200,000	74,199,675	-325
Vital Series Sdn. Bhd.	62,900,000	62,899,834	-166
VSS System Sdn. Bhd.	7,900,000	7,989,131	89,131
JUMLAH	**501,100,000**	**500,075,315**	**-1,024,685**

Nota :

- Harga Yang Dipersetujui Melebihi Paras Yang Diluluskan Oleh Kementerian Kewangan

17.4.4.2. Pihak Audit telah membuat perbandingan antara harga pasaran dengan harga yang ditetapkan bagi 13 jenis peralatan dan **mendapati harga kontrak bagi peralatan berkenaan adalah RM8.39 juta lebih tinggi daripada harga pasaran.** Antara contoh peralatan yang dibeli dengan harga yang tidak munasabah adalah seperti berikut :-

a. Sebuah kren menara *Favelle Favco Hammerhead K180* berharga RM2.73 juta telah dibeli untuk IKBN Chembong dan sebuah *Favelle Favco Luffing TD133* berharga RM2.99 juta untuk IKBN Bachok bagi jurusan Operator Kren Menara. Pihak Audit telah mendapatkan sebut harga bagi kedua-dua kren tersebut berdasarkan spesifikasi yang sama daripada pembekal sebenar/pengilang menara kren berkenaan. Berdasarkan sebut harga yang diterima daripada syarikat berkenaan, didapati harga pasaran bagi kedua-dua kren tersebut ialah RM1.45 juta (*Hammerhead*) dan RM1.53 juta (*Luffing*). **Ini bermakna jumlah yang dibayar oleh Kerajaan adalah RM2.74 juta lebih tinggi daripada harga pasaran.** Gambar berikut menunjukkan dua jenis kren menara yang didirikan :-

GAMBAR 17.1

Lokasi : IKBN Chembong
Kren Menara Favelle Favco Hammerhead K180
Harga Kontrak : RM2.73 juta
Harga Pasaran : RM1.45 juta
Perbelanjaan Lebih : RM1.28 juta

GAMBAR 17.2

Lokasi : IKBN Bachok
Kren Menara Favelle Favco Luffing TD133
Harga Kontrak : RM2.99 juta
Harga Pasaran : RM1.53 juta
Perbelanjaan Lebih : RM1.46 juta

b. Sebanyak 15 pakej kenderaan terpakai (tidak melebihi 5 tahun) telah dibeli dengan harga RM4.24 juta untuk jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat. Setiap pakej terdiri daripada 4 jenis kereta iaitu Honda Civic, Toyota Corolla, Proton Wira dan Iswara **(Gambar 17.3)** dengan harga RM280,000 setiap pakej di Semenanjung dan RM291,200 di Sarawak. Untuk membandingkan harga pembelian kenderaan tersebut dan harga pasaran kereta terpakai pada tahun kontrak dimeterai, pihak Audit telah memperolehi senarai harga kereta terpakai setakat bulan Ogos 2002 (*Used Car Price Guide Year As At August 2002*) daripada Ambank Malaysia, sebuah bank yang mengeluarkan Harga Kereta Terpakai untuk rujukan umum semasa memohon pinjaman membeli kereta terpakai. Senarai harga kereta terpakai Honda Civic, Toyota Corolla, Proton Wira dan Iswara adalah seperti di **Jadual 17.6**. Hasil daripada perbandingan

antara senarai harga kereta terpakai tersebut dengan harga kereta model yang sama yang dibayar oleh Kementerian mendapati **Kerajaan membayar RM1.44 juta lebih tinggi daripada harga pasaran.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 17.7**.

JADUAL 17.6
HARGA PASARAN KERETA TERPAKAI BERDASARKAN SENARAI HARGA KERETA TERPAKAI SETAKAT BULAN OGOS 2002

HARGA PASARAN	JENIS KERETA				HARGA PASARAN SETIAP PAKEJ (RM)
	HONDA CIVIC 1.6 (M) TAHUN 1997	TOYOTA COROLLA 1.6 SEG (M) TAHUN 1997	PROTON WIRA 1.5 (M) TAHUN 1997	PROTON ISWARA 1.5S TAHUN 1997	
Semenanjung	RM65,000	RM55,000	RM36,000	RM27,000	**183,000**
Sarawak	RM69,000	RM59,000	RM40,000	RM31,000	**199,000**

JADUAL 17.7
PERBANDINGAN HARGA KERETA TERPAKAI

IKBN	BILANGAN PAKEJ	HARGA PEMBELIAN SETIAP PAKEJ (RM)	JUMLAH (RM)	HARGA PASARAN SETIAP PAKEJ (RM)	NILAI HARGA PASARAN (RM)	PERBELANJAAN LEBIH (RM)
Bachok	5	280,000	1,400,000	183,000	915,000	485,000
Chembong	4	280,000	1,120,000	183,000	732,000	388,000
Kuala Perlis	2	280,000	560,000	183,000	366,000	194,000
Miri	4	291,200	1,164,800	199,000	796,000	368,800
JUMLAH	**15**		**4,244,800**		**2,809,000**	**1,435,800**

GAMBAR 17.3

Honda Civic

Toyota Corolla

Proton Wira

Proton Iswara

Lokasi: IKBN Bachok
- Satu Pakej Kenderaan Yang Bernilai RM280,000 Untuk Jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat

c. Sebanyak 152 pakej komputer *desktop* yang dilengkapi perisian *Computer Assisted Design and Drafting* (CADD) untuk jurusan Pelukis Pelan Seni Bina di IKBN Bachok, IKBN Chembong, IKBN Kinarut dan IKBN Kuala Perlis telah dibeli dengan harga RM4.47 juta atau RM29,385 setiap pakej **(Gambar 17.4)**. Pihak Audit telah mendapatkan sebut harga daripada ACAD Systems Sdn. Bhd., sebuah syarikat tempatan yang membekalkan perisian CADD di Malaysia. Berdasarkan kepada sebut harga yang diterima dari syarikat berkenaan, didapati harga pasaran bagi setiap pakej komputer bagi model yang sama untuk tujuan komersial adalah RM21,000 sahaja manakala bagi tujuan pendidikan/pembelajaran ialah RM9,250 sahaja. Oleh itu, harga 152 pakej komputer yang dibekalkan kepada IKBN untuk tujuan pembelajaran sepatutnya dalam lingkungan harga RM1.41 juta. **Ini bermakna jumlah yang dibayar oleh Kerajaan adalah RM3.06 juta lebih tinggi daripada harga pasaran.**

d. Sebanyak 430 set papan bancuh simen (*Mortar Board*) untuk jurusan Jurubina Bangunan dan jurusan Jurulepa Dan Penjubinan di IKBN Bachok, IKBN Chembong, IKBN Kinarut dan IKBN Kuala Perlis telah dibeli dengan harga RM441,610 atau RM1,027 setiap satu **(Gambar 17.5)**. Mengikut tenaga pengajar IKBN, harga pasaran satu set papan bancuh simen hanya RM150 sahaja dan kos boleh dikurangkan lagi sekiranya pihak IKBN membeli papan sendiri dan pelajar diberi tugas untuk membuat papan bancuh simen sendiri. Dengan harga pasaran berjumlah RM150 setiap satu, harga untuk 430 set hanya RM64,500. **Ini bermakna jumlah yang dibayar oleh Kerajaan adalah RM377,110 lebih tinggi daripada harga pasaran.**

GAMBAR 17.4

Lokasi : IKBN Chembong
24 Pakej Komputer Desktop Dengan Perisian CADD
Harga Kontrak : RM29,385/Pakej
Harga Pasaran : RM9,250 (Untuk Pendidikan)
Perbelanjaan Lebih : RM20,135/Pakej

GAMBAR 17.5

Lokasi : IKBN Chembong
Papan Bancuh Simen (Mortar Board)
Harga Kontrak : RM1,027/Set
Harga Pasaran : RM150/Set
Perbelanjaan Lebih : RM877/Set

e. Tiga unit kabin telah dibeli dengan harga RM425,700 atau RM141,900 setiap satu untuk dijadikan bilik kuliah jurusan Operator Kren Menara di IKBN Bachok dan IKBN Chembong. Pihak Audit telah mendapatkan sebut harga daripada sebuah syarikat tempatan yang menjual kabin (Excel Cabin Sdn. Bhd.). Mengikut sebut harga tersebut, harga sebuah kabin yang sama termasuk upah pengangkutan, kos memasang 2 penghawa dingin dan sewa kren adalah

RM20,000 sahaja. Berdasarkan kepada harga tersebut, pada perkiraan Audit, **harga pasaran untuk 3 unit kabin adalah RM60,000 dan ini bermakna harga yang dibayar oleh Kementerian adalah RM365,700 lebih tinggi daripada harga pasaran**. Contoh kabin yang dibeli adalah seperti di **Gambar 17.6**.

f. Sebanyak 17 set buku teknikal (technical books) dengan 10 tajuk telah dibeli untuk jurusan Pelukis Pelan di IKBN Bachok, IKBN Chembong dan IKBN Kuala Perlis dengan harga RM181,900 atau RM10,700 setiap set **(Gambar 17.7)**. Kesemua 10 tajuk buku tersebut boleh dibeli daripada Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka dengan harga RM417 sahaja dan **ini bermakna harga yang dibayar oleh Kementerian adalah RM174,811 lebih tinggi daripada harga pasaran.**

GAMBAR 17.6

Lokasi : IKBN Chembong
Kabin Untuk Dijadikan Bilik Kuliah
Harga Kontrak : RM141,900/Unit
Harga Pasaran : RM20,000/Unit
Perbelanjaan Lebih : RM121,900/Unit

GAMBAR 17.7

Lokasi : IKBN Chembong
Satu Set Technical Books (10 Tajuk)
Harga Kontrak : RM10,700/Set
Harga Pasaran : RM417/Set
Perbelanjaan Lebih : RM10,283/Set

g. Sebanyak 90 set *Technical Pens* Faber Castell (model - TGI-S0.25, 0.35, 0.50, 0.70/USA) **(Gambar 17.8)** telah dibeli untuk jurusan Reka Bentuk Landskap di IKBN Bachok, IKBN Chembong dan IKBN Kuala Perlis dengan harga RM103,190.40 atau RM1,146.56 setiap set. Pihak Audit telah mendapatkan sebut harga daripada pengedar barangan tersebut di Malaysia [A.W. Faber Castell (M) Sdn. Bhd.] untuk model yang sama. Mengikut sebut harga tersebut, harga bagi satu set adalah RM160. **Ini bermakna harga yang telah dibayar oleh Kementerian bagi 90 set pen adalah RM88,790 lebih tinggi daripada harga pasaran.**

h. Sebanyak 82 set *Technical Pens* Steadler Mars (model - 700S4A/Germany) **(Gambar 17.9)** telah dibeli untuk jurusan Pelukis Pelan di IKBN Bachok, IKBN Chembong, IKBN Kinarut dan IKBN Kuala Perlis dengan harga RM44,810.54 atau RM546.47 setiap set. Tinjauan harga pasaran yang dijalankan oleh pihak Audit mendapati satu set peralatan ini hanya berharga RM120 sahaja dan ini bermakna harga yang dibayar oleh Kementerian adalah **RM34,970 lebih tinggi daripada harga pasaran.**

GAMBAR 17.8

Lokasi : IKBN Bachok
Technical Pens (Faber Castell/TGI-S0.25,0.35,0.50,0.70/USA)
Harga Kontrak : RM1,146.56/Set
Harga Pasaran : RM160/Set
Perbelanjaan Lebih : RM986.56/Set

GAMBAR 17.9

Lokasi : IKBN Chembong
Technical Pens (Steadler Mars/700S4A/Germany)
Harga Kontrak : RM546.47/Set
Harga Pasaran : RM120/Set
Perbelanjaan Lebih : RM426.47/Set

i. Sebanyak 5 peralatan lain iaitu *Philips Screwdriver*, *Digital Camera,* pasu plastik, *settee* 6 seater dan *2 Tonne Jack* telah dibeli dengan harga yang tidak munasabah dan mengakibatkan perbelanjaan lebih berjumlah **RM110,221**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.8
PERBANDINGAN HARGA BAGI 5 PERALATAN YANG DIBELI DENGAN HARGA PASARAN

JURUSAN	ITEM	HARGA PASARAN	HARGA YANG DIBAYAR (UNIT/SET)	KUANTITI DIBELI	PERBEZAAN HARGA (RM)
Juru Bina Bangunan	*Philips Screwdriver* (Draper 30243 / 215 / 269-UK) **(Gambar 17.10)**	RM40	RM224.94	146 set	27,001.24
Pelukis Pelan	*Digital Camera* (Kodak, DC4800, 3.1 Megapixel) **(Gambar 17.11)**	RM2,990	RM8,254.29	5 unit	26,321.45
Reka Bentuk Landskap	Satu set pasu plastik (saiz 8 inci, 6 ini dan 4 inci) **(Gambar 17.12)**	RM5.20	RM42.80	650 set	24,440.00
Penyelia Makanan	*Settee 6 seater* jenis PVC **(Gambar 17.13)**	Miri - RM1,500 Semenanjung - RM1,500	Miri - RM9,075 Semenanjung - RM8,250	1 set 2 set	21,075.00
Mekanik Maritim	*2 Tonne Jack* **(Gambar 17.14)**	RM50	RM5,741.69	2 unit	11,383.38
JUMLAH					**110,221.07**

GAMBAR 17.10



Lokasi : IKBN Bukit Mertajam
Philips Screwdriver
Harga : RM224.94/Set

GAMBAR 17.11

Lokasi : IKBN Chembong
Digital Camera
Harga : RM8,254.29/Unit

GAMBAR 17.12

Lokasi : IKBN Chembong
Satu Set Pasu Plastik
(Saiz 8 Inci, 6 Inci Dan 4 Inci)
Harga : RM42.80/Set

GAMBAR 17.13

Lokasi : IKBN Miri
Settee 6 Seater Jenis PVC
Harga : RM9,075/Set

GAMBAR 17.14

Lokasi : IKBN Kuala Perlis
2 Tonne Jack
Harga : RM5,741.69/Unit

17.4.4.3. Mengikut kontrak, syarikat yang dilantik dikehendaki membekalkan peralatan mengikut jurusan. Bagi kes tertentu, peralatan yang sama juga diperlukan bagi jurusan berlainan. Ini bermakna ada peralatan yang sama akan dibekalkan ke IKBN yang sama oleh pembekal yang berbeza. Semakan Audit mendapati harga yang ditetapkan dalam kontrak bagi beberapa **peralatan yang sama mempunyai perbezaan harga yang ketara. Berikut diberikan contohnya:-**

a. 9 peralatan yang sama dari segi jenama, spesifikasi dan pengeluar untuk jurusan Pembuat Acuan Dan Alat Pemotong dan jurusan Pemesinan Am masing-masingnya dibekalkan oleh syarikat Hi-Tech Utama Sdn. Bhd. dan syarikat Sri Jentayu Sdn. Bhd. ke IKBN Bukit Mertajam, IKBN Miri dan IKBN Pagoh. **Bagaimanapun didapati harga bagi peralatan tersebut adalah berbeza antara kedua-dua pembekal itu dengan sejumlah RM1.24 juta**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.9
PERBANDINGAN HARGA BAGI PERALATAN YANG SAMA UNTUK JURUSAN PEMBUAT ACUAN DAN ALAT PEMOTONG DAN JURUSAN PEMESINAN AM

JENIS PERALATAN	PEMBEKAL	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)	KUANTITI DIBELI	JUMLAH (RM)
CNC Wire Cut Electro Discharge Machine	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	1,020,767	29,868	5	149,340
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	990,899		5	
CNC Die Sinking Electro Discharge Machine	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	1,054,864	121,702	3	365,106
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	933,162		3	

JENIS PERALATAN	PEMBEKAL	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)	KUANTITI DIBELI	JUMLAH (RM)
CNC Turning	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	503,168	32,012	5	160,060
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	471,156		5	
Centerless Grinding Machine	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	551,680	48,272	3	144,816
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	503,408		3	
Universal Cutter & Tool Grinder	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	142,748	9,540	3	28,620
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	133,208		4	
Cylindrical Grinding Machine	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	429,179	29,826	7	208,782
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	399,353		3	
Hydraulic Surface Grinding Machine (Large)	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	541,145	37,052	3	111,156
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	504,093		4	
Hydraulic Surface Grinding Machine (Medium)	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	331,596	5,271	7	36,897
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	326,325		4	
Hydraulic Surface Grinding Machine (Small)	Sri Jentayu Sdn. Bhd.	312,472		8	
	Hi-Tech Utama Sdn. Bhd.	319,384	6,912	5	34,560
JUMLAH					**1,239,337**

Nota : ***CNC - Computer Numerical Control***

b. Bagi 14 peralatan yang mempunyai model yang sama bagi jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat, jurusan Mekanikal Kenderaan Bermotor dan jurusan Perdagangan Berat yang dibekalkan masing-masingnya oleh syarikat Interpac (M) Sdn. Bhd. dan syarikat Vital Series Sdn. Bhd. ke IKBN Bachok, IKBN Chembong, IKBN Kuala Perlis dan IKBN Miri **didapati harganya berbeza dengan sejumlah RM1.17 juta**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.10
PERBANDINGAN HARGA BAGI PERALATAN YANG SAMA UNTUK JURUSAN KETUK MENGETUK DAN SEMBURAN CAT, JURUSAN MEKANIKAL KENDERAAN BERMOTOR DAN JURUSAN PERDAGANGAN BERAT

Jenis Peralatan	Jenama/ Model/ Negara	Pembekal	Harga Semenanjung	Harga Sarawak	Perbezaan Harga		Kuantiti		Perbezaan Harga		
					Semenanjung	Sarawak	Semenanjung	Sarawak	Semenanjung	Sarawak	Jumlah
			(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Heavy DutyStorage Steel Cabinet	Ace/A24 Plus 5 Shelves/ Malaysia	Interpac (M) S/B	3,500	3,640	1,720	1,807	17	7	29,240	12,649	41,889
		Vital Series S/B	1,780	1,833			54	22	0	0	0
Gas Welding Station	Coral, Weldro/ Universal No-smoke 3.3 mm X 150 mm WC-100/Italy, UK	Interpac (M) S/B	38,900	40,456			11	4	0	0	0
		Vital Series S/B	40,300	41,509	1,400	1,053	18	6	25,200	6,318	31,518
Basic Mechanic Tool Box	Facom/ BT.11014/ France	Interpac (M) S/B	6,800	7,072	2,850	3,003	90	30	256,500	90,090	346,590
		Vital Series S/B	3,950	4,069			180	60	0	0	0
Mechanic Stethoscope	Snap-On/ YA6550/USA	Interpac (M) S/B	1,950	2,028			9	3	0	0	0
		Vital Series S/B	3,760	3,873	1,810	1,845	12	4	21,720	7,380	29,100
Stud Remover Set	Snap-On/ CG515B/USA	Interpac (M) S/B	2,580	2,683			15	5	0	0	0
		Vital Series S/B	4,360	4,491	1,780	1,808	12	4	21,360	7,232	28,592

Jenis Peralatan	Jenama/ Model/ Negara	Pembekal	Harga Semenanjung	Harga Sarawak	Perbezaan Harga		Kuantiti		Perbezaan Harga		
					Semenanjung	Sarawak	Semenanjung	Sarawak	Semenanjung	Sarawak	Jumlah
			(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Workbench	Eagle/EAG-1M/ Malaysia Brockhaus/ Heuer 100100/ Germany	Interpac (M) S/B	2,800	2,912	540	584	60	20	32,400	11,680	44,080
		Vital Series S/B	2,260	2,328			95	40	0	0	0
Bearing Remover/Installation Set	Snap-On/ A160M, A261M/ USA	Interpac (M) S/B	3,860	4,014	795	857	19	6	15,105	5,142	20,247
		Vital Series S/B	3,065	3,157			9	4	0	0	0
Transmission Special Service Tool Set	Snap-On/ YA6100A, A37M, YA5500/ USA	Interpac (M) S/B	8,850	9,204	2,620	2,787	9	3	23,580	8,361	31,941
		Vital Series S/B	6,230	6,417			12	4	0	0	0
Vacuum Brake Bleeder	Snap-On/ BB300B/USA	Interpac (M) S/B	3,300	3,432			6	2	0	0	0
		Vital Series S/B	12,500	12,875	9,200	9,443	17	6	156,400	56,658	213,058
Valve Face Refacing Machine Set	Wolf/8004/UK	Interpac (M) S/B	35,680	37,107	5,055	5,563	3	1	15,165	5,563	20,728
		Vital Series S/B	30,625	31,544			9	4	0	0	0
Piston Service Tools	Snap-On, Facom/ YA-7082, 750.FO, 750.F1, 751.T, 752/France, USA	Interpac (M) S/B	8,345	8,679	6,995	7,288	15	5	104,925	36,440	141,365
		Vital Series S/B	1,350	1,391			15	7	0	0	0
Valve Spring Compression Tester	Rimac/0067/ USA	Interpac (M) S/B	5,960	6,198			6	2	0	0	0
		Vital Series S/B	9,780	10,073	3,820	3,875	10	4	38,200	15,500	53,700
Engine Stand	OTC/1726, 60796/USA	Interpac (M) S/B	7,800	8,112	7,025	7,314	15	5	105,375	36,570	141,945
		Vital Series S/B	775	798			12	5	0	0	0
Hydraulic and Pneumatic Trainer	IDV/H-003, P-003/Germany	Interpac (M) S/B	148,700	154,648	900	2,414	12	4	10,800	9,656	20,456
		Vital Series S/B	147,800	152,234			9	3	0	0	0
JUMLAH									**855,970**	**309,239**	**1,165,209**

Pada pandangan Audit, sekiranya anggaran kos peralatan yang dikemukakan oleh perunding dan harga pasaran digunakan sebagai panduan semasa menetapkan harga kontrak serta semakan dengan teliti terhadap senarai harga antara pembekal dibuat, Kerajaan bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan tidak kurang daripada RM10.80 juta (setakat pengesahan Audit) untuk membekalkan peralatan ke IKBN bahkan juga dapat mengelakkan permohonan penambahan perolehan peralatan sehingga kosnya berjumlah RM267.90 juta. Selain itu, Kementerian sepatutnya mengoptimumkan perkhidmatan perunding memandangkan sejumlah RM6.54 juta telah dibayar kepadanya.

17.4.5. Penerimaan Peralatan

17.4.5.1. Mengikut syarat kontrak, pembekal dikehendaki membekalkan peralatan ke IKBN mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum bulan April 2005. Semakan Audit mendapati 10 syarikat berupaya membekalkan peralatan

mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala satu syarikat iaitu VSS System Sdn. Bhd. lewat membekalkan peralatan *Audio Visual* yang bernilai RM1.3 juta ke IKBN Bukit Mertajam, IKBN Kuala Perlis dan IKBN Kinarut. Syarikat ini hanya dapat membekalkannya pada bulan Disember 2006 iaitu kelewatan selama 19 bulan. Denda tidak dikenakan kepada pembekal berkenaan kerana kelulusan telah diberi oleh Kementerian untuk melanjutkan masa bekalan sebanyak 3 kali.

17.4.5.2. Bagi memastikan segala proses penerimaan peralatan adalah teratur, perunding yang dilantik telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan setiap peralatan yang diterima menepati spesifikasi dari segi kuantiti dan kualiti yang ditetapkan supaya ia berada dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan. Semakan Audit mendapati perunding telah melaksanakan tanggungjawabnya semasa penerimaan peralatan melalui kontrak asal. Bagaimanapun, perkhidmatan perunding bagi mengawas, menyelia dan mengesahkan peralatan tambahan tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Oleh itu, Kementerian telah melantik 28 pegawainya untuk melaksanakan tanggungjawab itu. Semakan Audit mendapati salinan spesifikasi kontrak tidak dibekalkan kepada pegawai yang menerima peralatan. Ini menyebabkan pihak berkenaan sukar menentukan sejauh mana peralatan yang diterima itu menepati spesifikasi kontrak.

17.4.5.3. Semakan Audit di 8 IKBN mendapati terdapat beberapa peralatan yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi, tidak sesuai untuk digunakan dan masih belum dipasang. Jadual berikut menunjukkan berapa contoh peralatan berkenaan:-

JADUAL 17.11
PENERIMAAN PERALATAN YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK

PERALATAN	HARGA (RM)	KUANTITI	KOS (RM)	SPESIFIKASI MENGIKUT KONTRAK	YANG DIBEKALKAN
Air Bag Trainer **(Gambar 17.16)**	88,700 (Semenanjung)	3	266,100.00	Boleh guna atau demonstrasi berulang kali (*multiple / repetitive use).*	Boleh diguna sekali sahaja.
	91,361 (Sarawak)	1	91,361.00		
Flour Shifter **(Gambar 17.17)**	13,672.10 (Semenanjung)	4	54,688.40	Perlu dipasang untuk terus diguna.	Peralatan tidak dapat digunakan kerana tidak dipasang dengan lengkap.
	15,039.31 (Sarawak)	2	30,078.62		
Flour Siever	13,672.10 (Semenanjung)	4	54,688.40	Perlu dipasang untuk terus diguna.	Peralatan tidak dapat digunakan kerana tidak dipasang dengan lengkap.
	15,039.31 (Sarawak)	2	30,078.62		
Portable Toaster	5,570.00	4	22,280.00	Perlu dipasang untuk terus diguna.	Peralatan tidak dapat digunakan kerana tidak dipasang dengan lengkap.
Mixing bowl 9 litre **(Gambar 17.18)**	123.60	180	22,248.00	*Stainless steel (9 litre)*	*Ceramic*, bukan *stainless steel* dan lebih kecil daripada 7 litre.
Covered Bread Pan **(Gambar 17.19)**	93.45	180	16,821.00	*Stainless steel*	Bukan *stainless steel* dan berkarat selepas digunakan sekali.
Crepe Pan **(Gambar 17.19)**	22.80	135	3,078.00	*Stainless steel*	Bukan *stainless steel* dan berkarat selepas digunakan sekali.

PERALATAN	HARGA (RM)	KUANTITI	KOS (RM)	SPESIFIKASI MENGIKUT KONTRAK	YANG DIBEKALKAN
TV Panasonic 29 Inci **(Gambar 17.20)**	3,090	2	6,180.00	pasang dengan antena luar dan *booster*.	Dibekalkan tanpa antena dan *booster*.
TV 32 Inci dengan Kabinet **(Gambar 17.21)**	7,268.72 (Semenanjung)	2	14,537.44	Dibekalkan dengan kabinet kayu.	Kabinet kayu tidak dibekalkan.
	7,995.63 (Sarawak)	2	15,991.25		
Decorline Guitar **(Gambar 22)**	6,987.60	3	20,962.80	Dibekalkan dengan papan asas.	Papan asas tidak dibekalkan.
JUMLAH			**649,093.53**		

GAMBAR 17.15

Lokasi : IKBN Miri
- Antara Peralatan Yang Tidak Dipasang Di Sekolah Hospitaliti

GAMBAR 17.16

Lokasi : IKBN Kuala Perlis
- Air Bag Trainer Bernilai RM88,700 Yang Digunakan/Demonstrasi Sekali Sahaja Sedangkan Spesifikasi Menetapkan Multiple/Repetitive Use

GAMBAR 17.17

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Flour Shifter Bernilai RM13,672.10 Tidak Dapat Digunakan Kerana Tidak Dipasang Oleh Pembekal

GAMBAR 17.18



Lokasi : IKBN Miri
Mixing Bowl (9 Litre) Yang Dibekalkan Adalah Bukan Jenis Stainless Steel Dan Lebih Kecil Daripada Jenis Stainless Steel 7 Litre

GAMBAR 17.19

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Crepe Pan Daripada Itali Dan Covered Bread Pan Daripada Perancis Yang Berkarat Selepas Digunakan Sekali (Bukan Stainless Steel)

GAMBAR 17.20

Lokasi : IKBN Chembong
TV Panasonic 29 Inci Bernilai RM3,090 Yang Dibekalkan Tanpa Antena Luar Dan Booster

GAMBAR 17.21

Lokasi : IKBN Miri
TV Bernilai RM7,268.72 Yang Dibekalkan Dengan Kabinet Kayu (Terdapat 4 Unit TV Yang Dibekalkan Tanpa Kabinet Kayu)

GAMBAR 17.22

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Pemotong Decorline Guitar Bernilai RM6,98.60 Yang Tidak Dapat Digunakan Kerana Papan Asas Tidak Dibekalkan

17.4.5.4. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti yang menunjukkan denda telah dikenakan terhadap pembekal yang gagal membekalkan peralatan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau bayaran kepada pembekal dikurangkan bagi peralatan yang tidak dibekalkan sepenuhnya/tidak berkualiti.

Pada pandangan Audit, selain daripada dibekalkan dengan salinan spesifikasi peralatan, pihak yang bertanggungjawab juga perlu diberikan panduan/latihan berhubung dengan urusan penerimaan peralatan. Kementerian hendaklah mengambil tindakan seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak terhadap pembekal yang gagal membekalkan peralatan mengikut spesifikasi dan juga dalam tempoh yang telah ditetapkan.

17.4.6. Penggunaan Peralatan

Lawatan Audit antara bulan Oktober 2006 hingga bulan Februari 2007 mendapati beberapa peralatan bernilai RM88.45 juta yang telah dibekalkan antara tahun 2003 hingga tahun 2005 masih tidak digunakan atau tidak digunakan secara optimum disebabkan oleh beberapa faktor seperti tiada keperluan, tenaga pengajar yang tiada kepakaran dan pembelian yang terlalu awal. Antara contoh peralatan yang terlibat adalah seperti berikut :-

17.4.6.1. Jentera Berat Yang Baru Untuk Jurusan Mekanik Jentera Berat

Kementerian telah membeli 8 jenis jentera berat yang terdiri daripada *Track Type Dozer, Scraper, Motor Grader*, *Backhoe Loader, Wheel Loader, Hydraulic Excavator, Roller* dan *Four Wheel Drive Tractor* berharga RM21.46 juta untuk modul asas pengenalan tahap 1 di 4 IKBN iaitu IKBN Miri, IKBN Chembong, IKBN Bachok dan IKBN Kuala Perlis. Bagaimanapun berdasarkan kepada maklum balas daripada tenaga pengajar IKBN, pelatih tahap 1 tidak memerlukan jentera berkenaan kerana pada tahap ini adalah memadai jika mereka ditunjukkan dengan gambar jentera atau membawa mereka ke Jabatan Kerja Raya/syarikat Tractors Malaysia Sdn. Bhd. Bagi latihan penyenggaraan pula, jentera berat tersebut juga tidak diperlukan kerana IKBN telah memperolehi beberapa jentera berat yang rosak daripada jabatan/agensi lain atau pelatih boleh menyertai latihan sambil bekerja di syarikat Tractors Malaysia Sdn. Bhd. **Gambar 17.23** hingga **17.32** menunjukkan jentera berat berkenaan :-

GAMBAR 17.23

Track Type Dozer Yang Dibekalkan Kepada IKBN Chembong Bernilai RM1.3 Juta Dan IKBN Miri Bernilai RM1.4 Juta

GAMBAR 17.24

Scraper Yang Dibekalkan Kepada IKBN Chembong Dan IKBN Bachok Bernilai RM2.9 Juta Dan IKBN Miri Bernilai RM3.0 Juta

GAMBAR 17.25

Motor Grader Yang Dibekalkan Kepada IKBN Chembong, IKBN Kuala Perlis Dan IKBN Bachok Bernilai RM1 Juta Dan IKBN Miri Bernilai RM1.1 Juta

GAMBAR 17.26

Backhoe Loader Yang Dibekalkan Kepada IKBN Chembong, IKBN Kuala Perlis Dan IKBN Bachok Bernilai RM333 Ribu Dan IKBN Miri Bernilai RM346 Ribu

GAMBAR 17.27

Wheel Loader Yang Dibekalkan Kepada IKBN Bachok Bernilai RM504 Ribu

GAMBAR 17.28

Hydraulic Excavator Yang Dibekalkan Kepada IKBN Chembong Bernilai RM567 Ribu Dan IKBN Miri Bernilai RM589 Ribu

GAMBAR 17.29

Roller Yang Dibekalkan Kepada IKBN Chembong, IKBN Kuala Perlis Dan IKBN Bachok Bernilai RM459 Ribu Dan IKBN Miri Bernilai RM477 Ribu

GAMBAR 17.30

Four Wheel Drive Tractor Yang Dibekalkan Kepada IKBN Chembong, IKBN Kuala Perlis Dan IKBN Bachok Bernilai RM248 Ribu Dan IKBN Miri Bernilai RM258 Ribu

GAMBAR 17.31

Lokasi : IKBN Miri
Hydraulic Excavator Yang Disumbangkan Oleh Jabatan Kastam

GAMBAR 17.32

Lokasi : IKBN Chembong
Roller Yang Disumbangkan Oleh Jabatan Kerja Raya Melaka

17.4.6.2. Kenderaan Perdagangan Berat Untuk Jurusan Mekanik Kenderaan Perdagangan Berat

Sebanyak 2 unit *Prime Mover* 4X4 model Volvo FL 12, 2 unit *Prime Mover* 2X4 model Volvo FL 10 dan sebuah bas model HINO bernilai RM9.80 juta telah dibekalkan kepada 4 IKBN iaitu IKBN Chembong, IKBN Bachok, IKBN Kuala Perlis dan IKBN Miri. Adalah didapati model *Prime Mover* yang dibeli merupakan model yang kurang digunakan di pasaran tempatan dan sukar untuk mendapatkan alat ganti. IKBN hanya menggunakannya untuk sesi *air-brake* dan *air-suspension* bagi tahap 2. Bagi sesi penyenggaraan, kenderaan berat tersebut juga tidak diperlukan kerana pihak IKBN boleh menggunakan kenderaan berat yang disumbangkan oleh jabatan/agensi lain atau kenderaan perdagangan berat yang rosak telah pun dibeli pada harga yang murah. Didapati keempat-empat IKBN tersebut juga tidak menggunakan bas model HINO yang dibekalkan untuk tujuan latihan, malahan telah memutuskan untuk menggunakan bas tersebut untuk urusan pentadbiran IKBN. Gambar-gambar berikut menunjukkan kenderaan perdagangan berat yang disimpan di IKBN berkaitan :-

GAMBAR 17.33

Lokasi : IKBN Chembong
Prime Mover Yang Tidak Digunakan

GAMBAR 17.34

Lokasi : IKBN Bachok
Prime Mover Yang Tidak Digunakan

GAMBAR 17.35

Lokasi : IKBN Miri
Lori Terpakai Yang Dibeli Untuk Jurusan Mekanik Kenderaan Perdagangan Berat

GAMBAR 17.36

Lokasi : IKBN Chembong
Lori Sumbangan Daripada Jabatan Kerja Raya Melaka

GAMBAR 17.37

Lokasi : IKBN Miri
Bas Yang Dibekalkan Digunakan Untuk Urusan Pentadbiran

17.4.6.3. Kereta Terpakai Untuk Jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat

IKBN Chembong, IKBN Miri, IKBN Kuala Perlis dan IKBN Bachok telah dibekalkan dengan 15 pakej kereta terpakai (kurang dari 5 tahun) bernilai RM4.24 juta untuk digunakan sebagai latihan praktikal jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat. Setiap pakej kereta yang dibeli dengan harga RM280,000 (Semenanjung) dan RM291,200 (Miri) terdiri daripada model Proton Wira dan Iswara serta kereta yang diimport iaitu Honda Civic dan Toyota Corolla di mana harga pasaran setiap kereta adalah antara RM27,000 hingga RM69,000. **Lawatan Audit mendapati 44 kereta di 3 IKBN iaitu IKBN Chembong, IKBN Bachok dan IKBN Kuala Perlis tidak digunakan untuk tujuan latihan tersebut. Hanya IKBN Miri telah menggunakan 14 daripada 16 keretanya untuk tujuan latihan semburan cat manakala 2 kereta lagi telah dijadikan kereta rasmi IKBN**. Pada amalan biasa, pihak IKBN akan menggunakan kereta tenaga pengajar, pelatih atau orang awam untuk tujuan latihan ketuk mengetuk dan semburan cat kereta. Gambar-gambar berikut menunjukkan kereta terpakai yang berharga mahal untuk jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat :-

GAMBAR 17.38

GAMBAR 17.39

Lokasi : IKBN Miri
Toyota Corolla Dan Honda Civic Yang Diimport Untuk Jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat Tetapi Digunakan Sebagai Kereta Rasmi IKBN

GAMBAR 17.40

Lokasi : IKBN Chembong
Bengkel Ketuk Mengetuk Dipenuhi Dengan Kereta Terpakai Yang Tidak Digunakan

GAMBAR 17.41

Lokasi : IKBN Chembong
Kereta Honda Civic Yang Digunakan Sebagai Cubaan Semburan Cat Air Brush Yang Tidak Terdapat Dalam Modul Latihan

Pada pandangan Audit, sungguhpun kebanyakan kereta tersebut tidak digunakan untuk jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat, namun bagi menjaga imej Kerajaan, Kementerian pada awalnya tidak sepatut membeli kereta terpakai dengan harga yang begitu tinggi dan masih ekonomi untuk digunakan bagi tujuan latihan tersebut. Adalah disyorkan supaya kereta tersebut dijual sebelum harga jualan menurun akibat susut nilai.

17.4.6.4. *Car-O-Liner And Car-O-Tronic* Untuk Jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat

Empat unit peralatan untuk meluruskan badan kereta (*Car-o-liner and Car-o-tronic*) bernilai RM1.97 juta telah dibekalkan untuk jurusan Ketuk Mengetuk dan Semburan Cat di IKBN Chembong, IKBN Miri, IKBN Bachok dan IKBN Kuala Perlis. Bagaimanapun, **didapati keempat-empat peralatan tersebut tidak digunakan kerana tenaga pengajar IKBN berkenaan tidak mempunyai kepakaran tentang penggunaan peralatan ini.** Di IKBN Miri, peralatan berkenaan terpaksa *disassembled* kerana kesempitan bengkel untuk menempatkannya. **(Gambar 17.42 dan 17.43)**

GAMBAR 17.42

GAMBAR 17.43

Lokasi: IKBN Miri
Komponen Car-O-Liner And Car-O-Tronic Yang Dibuka Kerana Tidak Digunakan Dan Kesempitan Ruang Bengkel

17.4.6.5. *PCB Track Making System* Untuk Jurusan Elektronik Industri

Dua unit *Printed Circuit Board (PCB) Track Making System* bernilai RM1.23 juta untuk membuat PCB melalui sistem komputer telah dibekalkan kepada IKBN Alor Gajah dan IKBN Bukit Mertajam. Bagaimanapun, **didapati sukatan pembelajaran bagi jurusan Elektronik Industri tidak termasuk penggunaan peralatan ini.** Mengikut tenaga pengajar, memandangkan peralatan dan bahan kimia telah dibekalkan, pelajar telah menggunakannya sebagai percubaan membuat PCB. Gambar berikut menunjukkan peralatan berkenaan :-

GAMBAR 17.44

GAMBAR 17.45

Lokasi: IKBN Alor Gajah
PCB Track Making System Bernilai RM617,415 Yang Tidak Diperlukan

17.4.6.6. Patung Manusia Untuk Jurusan *Audio Visual*, Pendawaian Elektrik, Elektronik Industri Dan Jentera Elektrik

Sesi latihan bagi *cardiopulmonary resuscitation* (CPR) adalah merupakan satu daripada modul di bawah jurusan *Audio Visual*, Pendawaian Elektrik, Elektronik Industri dan Jentera Elektrik. Bagi tujuan ini, 33 patung manusia (human dummy) bernilai RM246,549 telah dibekalkan ke IKBN Alor Gajah, IKBN Bukit Mertajam dan IKBN Kinarut. Tiga jenis patung manusia **(Gambar 17.46 hingga 17.48)** yang dibekalkan adalah bernilai antara RM4,059 hingga RM8,073 setiap satu. Bagaimanapun, ketiga-tiga jenis patung tersebut tidak digunakan kerana tenaga pengajar IKBN berkenaan tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Sebaliknya, latihan berhubung dengan CPR dikendalikan oleh Jabatan Pertahanan Awam atau Persatuan Bulan Sabit Merah dengan menggunakan patung mereka. Butiran patung manusia yang dibekalkan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.12
KUANTITI PATUNG MANUSIA YANG DIBELI

JURUSAN	JENIS PATUNG	PEMBEKAL	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
Audio Video	Human Dummy Laerdal/ 310045/Norway **(Gambar 17.46)**	VSS Systems Sdn. Bhd.	15	8,073	121,095
Elektronik Industri	Human Dummy Laerdal/ 310045/Norway **(Gambar 17.46)**	Kreatif Sensasi Sdn. Bhd.	6	7,980	47,880
Jentera Elektrik	Resusci Anne/CPR Manikin/USA **(Gambar 17.47)**	Rebound Asia (M) Sdn. Bhd.	6	8,870	53,220

JURUSAN	JENIS PATUNG	PEMBEKAL	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH
Pendawaian Elektrik	Human Dummy Brad/USA **(Gambar 17.48)**	Apex Communications Sdn. Bhd.	6	4,059	24,354
JUMLAH			33		246,549

GAMBAR 17.46

Human Dummy Laerdal/310045/Norway

GAMBAR 17.47

ResusciAnne/CPR Manikin/USA

GAMBAR 17.48

Human Dummy Brad/USA

17.4.6.7. Peralatan Penyenggaraan Kren Menara Untuk Jurusan Operator Kren Menara

Dua kren menara bernilai RM2.99 juta dan RM2.73 juta masing-masingnya telah dibekalkan ke IKBN Bachok dan IKBN Chembong pada tahun 2003 dan 2004 bersama-sama dengan peralatan penyenggaraan dan 11 kabinet untuk menyimpan peralatan penyenggaraan dengan kos RM197,054. Kren tersebut perlu disenggarakan setiap bulan oleh pihak yang bertauliah sahaja untuk mendapat sijil daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan. Tanpa sijil ini, kren menara tidak boleh beroperasi kerana melanggar Akta Kilang dan Jentera 1967. Harga kontrak yang dibayar untuk kren menara adalah termasuk kos penyenggaraan untuk tempoh dua tahun. Selepas tempoh tersebut, IKBN terlibat telah menandatangani kontrak penyenggaraan kren menara dengan syarikat swasta kerana IKBN bukan pihak yang bertauliah untuk menyenggarakannya. Kos penyenggaraan kren menara setahun di IKBN Bachok dan IKBN Chembong ialah RM39,900 dan RM36,000 masing-masingnya. **Sehubungan ini, peralatan penyenggaraan dan 11 kabinet tersebut tidak sepatutnya dibeli.** Gambar berikut menunjukkan peralatan penyenggaraan dan kabinet berkenaan di IKBN Chembong :-

GAMBAR 17.49

Lokasi : IKBN Chembong
Mechanic Tool Kit Bernilai RM18,534

GAMBAR 17.50

Lokasi : IKBN Chembong
Satu Daripada 5 Unit Large Tool Cabinet With Drawer Bernilai RM10,015 Setiap Satu

GAMBAR 17.51

Lokasi : IKBN Chembong
Heavy Duty Impact Wrench Bernilai RM12,922

17.4.6.8. Televisyen Untuk Sekolah Hospitaliti

Sebanyak 9 unit Televisyen (TV) 29 inci jenama Sony bernilai RM78,952 telah dibekalkan kepada Sekolah Hospitaliti di IKBN Alor Gajah, IKBN Miri dan IKBN Bachok. Bagaimanapun, didapati kesemua TV tersebut tidak digunakan kerana TV yang sedia ada di IKBN berkenaan sudah memadai untuk tujuan latihan. Gambar berikut menunjukkan TV yang tidak digunakan dan ada yang diletak di atas lantai atau dalam stor.

GAMBAR 17.52

Lokasi : IKBN Alor Gajah
TV Diletak Atas Lantai

GAMBAR 17.53

Lokasi : IKBN Alor Gajah
TV Terletak Dalam Stor

17.4.6.9. Peralatan Lain

Peralatan lain bernilai RM3.15 juta juga tidak perlu dibeli kerana antara lainnya peralatan tidak sesuai ataupun kuantiti yang dibekalkan adalah berlebihan serta sukatan pembelajaran sedia ada tidak memerlukan penggunaannya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.13
SENARAI PERALATAN YANG TIDAK DIPERLUKAN KERANA TIDAK SESUAI ATAU BERLEBIHAN

IKBN	JURUSAN	PERALATAN	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)	CATATAN
Bachok	Juru Bina Bangunan	*Paver Cutter Machine Stanley / 28-22-015*	5	4,832	24,160	Tidak digunakan kerana masalah pemasangan
		Manual Theodolite /J2-2	7	12,500	87,500	Ketinggalan teknologi dan Digital Theodolite telah dibekalkan dan digunakan.
		Air Compressor/Globe GC-1210	3	4,217	12,651	Perlu sijil dan kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
	Pelukis Pelan	*Electronic Dust Suction Sanford / Sf-002*	3	3,874	11,622	Tidak sesuai digunakan kerana mesin cetak non-amonia digunakan.
		Digital Planimeter Ushikata / X-Plan 380D III	2	18,854	37,708	Tidak sesuai dan digunakan untuk pendedahan pelajar sahaja.
Bukit Mertajam	Elektronik Industri	*Clean Room*	1	1,258,850	1,258,850	Tiada dalam sukatan pembelajaran.
	Penjaga Jana Elektrik	*Wood Ladder (Double Extention)*	10	3,800	38,000	Tidak sesuai kerana tidak memenuhi tahap ketinggian yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga.
Kinarut	Pendawaian Elektrik	*Multi Purpose Ladder M.Kenneth/MT1018 / Australia*	30	923	27,690	Tiada dalam sukatan pembelajaran.
	Pelukis Pelan	*Electronic Dust Suction Sanford / Sf-002*	6	3,874	23,244	Tidak sesuai dan digunakan untuk pendedahan pelajar sahaja.
		Digital Planimeter Ushikata / X-Plan 380D III	5	18,854	94,270	Tidak sesuai dan digunakan untuk pendedahan pelajar sahaja.
Kuala Perlis	Mekanik Kenderaan Perdagangan	*Standard Lathe Machine ZMM Sliven/CU -360 / Bulgaria*	1	78,000	78,000	Tiada dalam sukatan pembelajaran.
	Pelukis Pelan	*Complete Set of Code of Practice/British Standard/ Malaysian Standards*	6	19,162	114,972	Tiada dalam sukatan pembelajaran.
		Technical Book	11	10,700	117,700	Tidak berkaitan dengan Jurusan Pelukis Pelan.
		Dust Suction San Ford SF-002 (Taiwan)	3	3,874	11,622	Tidak sesuai kerana masalah bangunan yang berhawa dingin. Telah diserahkan kepada Jurusan Binaan Bangunan.
	Juru Bina Bangunan	*Teaching Side Set*	1	10,700	10,700	Pengajar menggunakan komputer dan projektor sebagai alat bantuan mengajar yang lebih senang dan efektif.
		Slide Projector Kodak Ektelitte 1500 / USA	2	6,025	12,050	
		Router Ryobi/R601/Taiwan	6	3,544	21,264	Tiada dalam sukatan pembelajaran.
Miri	Mekanik Jentera Berat	*Standard Lathe Machine ZMM Sliven/CU -360 / Bulgaria*	1	79,040	79,040	Tiada dalam sukatan pembelajaran.
		Standard Lathe Machine ZMM Sliven/CU -360 / Bulgaria	1	80,340	80,340	Tiada dalam sukatan pembelajaran.
		Basic Fitting Bench With Tools Facom/FF-88/ France	11	39,208	431,288	Daripada 15 unit, hanya 4 unit sahaja digunakan.
	Mekanik Kenderaan Perdagangan	*Engine Stand OTC/1750A, 205060, 205061/USA*	5	21,012	105,060	Tidak sesuai dengan enjin yang ada
		Compression Tester For Diesel Engine Star/TU-15-70/USA	4	2,781	11,124	Tidak sesuai dengan enjin yang ada
		Basic Fitting Bench With Tools Facom/ 2240TA2001 / France	19	22,969	436,411	Daripada 35 unit, hanya 16 unit sahaja digunakan.
		Work bench ACE/A21-107-01/ Malaysia	9	2,328	20,952	Daripada 20 unit, hanya 11 unit sahaja digunakan.
JUMLAH					**3,146,218**	

17.4.6.10. Pembelian Yang Terlalu Awal

Semakan Audit mendapati sebanyak 81 jenis peralatan bernilai RM46.08 juta yang diterima pada tahun 2002 hingga tahun 2005 masih belum digunakan pada akhir tahun 2006 kerana pembelajaran tahap 3 atau 4 hanya akan bermula pada bulan Julai 2007. Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya risiko kerosakan terhadap peralatan. **Tambahan pula, tempoh waranti peralatan tersebut telah pun tamat.** Antara peralatan tersebut adalah mesin *Chargeman Training System, Complete Scada System, Broadcasting Lab* dan mesin *Computer Numerical Control* (CNC) **(Gambar 17.54 hingga 17.60)**. Butiran lanjut adalah seperti berikut:-

JADUAL 17.14
PERALATAN YANG BELUM DIGUNAKAN

IKBN	JURUSAN	TAHUN DITERIMA	BILANGAN PERALATAN	NILAI PERALATAN (RM)
Alor Gajah	*Audio Video*	2002 - 2003	14	2,030,030
	Industri Elektronik	2002	7	995,985
Bachok	Jurubina Bangunan/Jurulepa	2002 - 2003	2	113,950
	Mekanik Jentera Berat	2003	1	1,935,310
	Pelukis Pelan Senibina	2002 - 2005	2	37,708
Chembong	Mekanik Jentera Berat	2003	1	1,935,310
Bukit Mertajam	*Audio Video*	2003	6	3,821,451
	Pembuat Acuan dan Alat Pemotong	2002 - 2003	5	2,882,630
	Pemesinan Am	2003	4	2,866,426
	Penjaga Jana Elektrik	2003	2	8,710,625
Kinarut	Pendawaian Elektrik	2003	5	3,705,309
Kuala Perlis	Juru Bina Bangunan	2003	1	135,414
	Mekanik Jentera Berat	2004	1	890,000
	Mekanik Kenderaan Perdagangan	2004	3	4,617,800
Miri	Mekanik Jentera Berat	2003 - 2005	2	2,938,322
	Mekanik Kenderaan Perdagangan	2003 - 2004	5	4,001,942
	Pembantu Pastri	2003	10	121,639
	Pembuat Acuan Dan Alat Pemotong	2003	4	2,178,441
	Pemesinan Am	2003	6	2,166,562
JUMLAH			**81**	**46,084,853**

GAMBAR 17.54

Lokasi : IKBN Bukit Mertajam Sebahagian Peralatan Chargeman Training System Bernilai RM5.19 Juta

GAMBAR 17.55

Lokasi : IKBN Bukit Mertajam Complete Scada System Yang Bernilai RM3.52 Juta

GAMBAR 17.56

GAMBAR 17.57

Lokasi : IKBN Bukit Mertajam
Mini Auditorium Dan Sebahagian Daripada Komponen Broadcasting Lab Yang Bernilai RM2.51 Juta

GAMBAR 17.58

Lokasi : IKBN Bukit Mertajam
CNC Profile Grinding Machine
Bernilai RM1.16 Juta

GAMBAR 17.59

Lokasi : IKBN Miri
CNC Precision Grinding Machine
Bernilai RM0.91Juta

GAMBAR 17.60

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Mobile Robotic System Trainer
Bernilai RM0.25 Juta

17.4.6.11. Pada pandangan Audit, perolehan peralatan oleh Kementerian yang tidak dirancang dengan teliti serta tidak berasaskan kepada keperluan sebenar telah menyebabkan Kerajaan membiayai perbelanjaan tidak kurang daripada RM46.08 juta. Tanpa perancangan perolehan peralatan yang teliti juga telah menjejaskan kelicinan pembelajaran dan latihan kerana beberapa peralatan yang diperlukan untuk tujuan tersebut tidak dapat dibeli. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang diedarkan kepada 47 tenaga pelajar IKBN, didapati sejumlah 208 jenis peralatan yang diperlukan untuk latihan tidak dibekalkan sungguhpun ada di antaranya telah dipohon daripada Kementerian. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 17.15
RINGKASAN BILANGAN JENIS PERALATAN YANG DIPERLUKAN

IKBN	JURUSAN	BILANGAN JENIS PERALATAN YANG DIPERLUKAN	RINGKASAN ULASAN PENGAJAR
Alor Gajah	Hospitaliti	8	Kuantiti yang dibekalkan tidak mencukupi atau tidak dibeli.
Bachok	Mekanik Jentera Berat	5	Keperluan latihan dan amali.
	Landskap Pembinaan	3	Keperluan sukatan latihan.
	Ketuk Mengetuk dan Semburan Cat	5	Perlu untuk kursus Pengetuk Panel Tahap 1 & 2.
	Mekanik Kenderaan Motor	2	Perlu untuk Tahap 1, 2 dan 3.
Bukit Mertajam	Pemesinan Am	1	Kuantiti yang dibekalkan tidak mencukupi.
	Pembuat Acuan	1	Untuk melatih pelajar Tahap 2 dan 3.
	Elektronik Industri	5	Amat diperlukan untuk Tahap 1, 2 dan 3 NOSS baru.
	Mekanik Industri	4	Yang dibekalkan tidak mencukupi atau tidak sesuai.
Kinarut	Binaan Bangunan	1	Sangat diperlukan untuk amali.
	Penyejukbekuan Dan Penyaman Udara	5	Sangat diperlukan untuk amali.
	Pelukis Pelan	6	Perlu untuk Tahap 1 dan 2.
	Penjaga Jentera Elektrik	1	Diperlukan untuk latihan amali.
	Audio Video	13	Diperlukan dan ada peralatan yang dibekalkan tidak boleh digunakan tanpa peralatan tambahan.
	Pendawaian Elektrik	1	Diperlukan untuk pelajar dan tenaga pengajar.
Kuala Perlis	Pelukis Pelan	3	Diperlukan untuk memantapkan sesi latihan.
	Binaan Bangunan	3	Sangat diperlukan untuk Tahap 2.
	Landskap Pembinaan	5	Diperlukan untuk menaik taraf kemudahan landskap.
	Mekanik Kelengkapan Tolak Tanah	13	Keperluan latihan.
	Mekanik Perdagangan Berat	4	Keperluan latihan.
	Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat	1	Diperlukan untuk kursus Pengetuk Panel mengikut NOSS.
	Mekanik Maritim	51	Keperluan latihan Tahap 1, 2 dan ke Tahap Diploma.
	Mekanik Kenderaan Motor	20	Sangat diperlukan untuk latihan, atau yang dibekalkan tidak mencukupi/tidak sesuai.
Miri	Hospitaliti	30	Sangat diperlukan untuk latihan dan yang dibekalkan tidak mencukupi.
	Penyenggaraan Jentera Berat	3	Diperlukan untuk latihan.
	Mekanik Perdagangan Berat	2	Diperlukan untuk latihan.
	Mekanik Industri	1	Diperlukan kerana peralatan yang dibekalkan tidak boleh digunakan tanpa peralatan tambahan.
Pagoh	Pembuat Acuan	2	Diperlukan mengikut NOSS.
	Kimpalan	7	Diperlukan untuk latihan Tahap 1 hingga 4.
	Mekanik Industri	2	Diperlukan untuk Tahap 3 dan 4.
JUMLAH		**208**	

Nota : NOSS - National Occupational Skills Standards

Bagi membolehkan perancangan dalam perolehan peralatan dibuat dengan teliti supaya keberkesanan latihan-latihan yang diberi tidak terjejas, salah satu langkah yang patut diambil oleh Kementerian ialah mendapatkan pandangan-pandangan daripada tenaga pengajar berhubung dengan keperluan dan kesesuaian peralatan.

17.4.7. Penyimpanan Peralatan

17.4.7.1. Tempat penyimpanan peralatan hendaklah sesuai, kemas dan mencukupi untuk menjamin peralatan yang diterima disimpan dengan baik dan selamat bagi mengelakkan kerosakan dan berlakunya kehilangan. Semakan Audit mendapati beberapa peralatan yang terdapat di IKBN tidak disimpan di tempat yang sesuai dan selamat seperti di tempat yang berhabuk, di bawah tangga, dalam bilik air, di bilik pengajar dan bilik kuliah. Selain daripada itu, terdapat beberapa bengkel telah dijadikan stor untuk menyimpan pelbagai peralatan. Berikut diberikan gambar yang menunjukkan contoh-contoh kedudukan penyimpanan peralatan berkenaan :-

GAMBAR 17.61

GAMBAR 17.62

Lokasi : IKBN Bachok
Peralatan CNC Bernilai RM0.61 Juta Yang Terletak Di Luar Bilik Kerana Bilik Khas Terlalu Kecil

GAMBAR 17.63

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Stor Terlalu Kecil Untuk Sekolah Hospitaliti Mengakibatkan Penyimpanan Peralatan Tidak Teratur

GAMBAR 17.64

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Bilik Persalinan Pakaian Dan Tandas Lelaki Dijadikan Tempat Menyimpan Peralatan Stor

GAMBAR 17.65

Lokasi : IKBN Bukit Mertajam
Antara Peralatan Yang Disimpan
Dalam Bilik Pengajar

GAMBAR 17.66

Lokasi : IKBN Miri, Sarawak
Bengkel Mekanik Kenderaan Motor Dijadikan
Tempat Menyimpan 11 Unit Basic Fitting Bench
Bernilai RM431,288 Yang Tidak Digunakan

GAMBAR 17.67

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Keadaan Dalam Bengkel Pastri Dijadikan Stor

GAMBAR 17.68

Lokasi : IKBN Miri
Bilik Menempatkan Electric Junction Box
Dijadikan Stor Untuk Jurusan Ketuk
Mengetuk Dan Semburan Cat

GAMBAR 17.69

Lokasi : IKBN Bachok,
Auto Lighting And Signalling Trainer Diletakkan Di
Dalam Bilik Kuliah Jurusan Mekanik Jentera

GAMBAR 17.70

Lokasi : IKBN Pagoh
Ruang Di Bawah Tangga Dijadikan
Tempat Penyimpanan Peralatan

GAMBAR 17.71

Lokasi : IKBN Miri
Peralatan Dalam Makmal Metrologi
(Jurusan Pemesinan Am) Diletak Ke Tepi
Apabila Makmal Dijadikan Bilik Pengajar

GAMBAR 17.72

Lokasi : IKBN Bukit Mertajam
Bilik Kuliah Untuk Jurusan Penjaga Jentera
Elektrik Diguna Untuk Menyimpan AC Motor
Kerana Masalah Kekurangan Ruang Stor

GAMBAR 17.73

Lokasi : IKBN Kuala Perlis
Peralatan Pedestral Drilling Machine
Dan Pedestral Grinding Machine Diletak Ke Tepi
Bengkel Apabila Bengkel Dijadikan Bilik Kuliah

GAMBAR 17.74

Lokasi : IKBN Bachok
Bilik Kuliah Jurusan Mekanik Kenderaan Motor
Dijadikan Tempat Menyimpan Peralatan

17.4.7.2. Semua IKBN tidak mempunyai stor khas untuk menyimpan minyak dan diesel yang merupakan bahan mudah bakar. Antara tempat penyimpanannya adalah di tepi bangunan/bengkel, di bawah tangga, dalam stor biasa dan bersama kayu-kayan. Tempat tersebut adalah tidak bersesuaian dan risiko kebakaran amat tinggi. Berikut diberikan gambar yang menunjukkan contoh-contohnya :-

GAMBAR 17.75

Lokasi : IKBN Miri
Tangki Minyak Disimpan Di Sudut
Bangunan/Bengkel

GAMBAR 17.76

Lokasi : IKBN Bachok
Tangki Minyak Disimpan Di Tepi Tangga

GAMBAR 17.77

Lokasi : IKBN Kuala Perlis
Tangki Minyak Disimpan Di Dalam Stor Biasa
Bersama Peralatan Lain

GAMBAR 17.78

Lokasi : IKBN Kinarut
Tangki Minyak Disimpan Bersama Kayu-Kayan
Yang Mudah Terbakar

17.4.7.3. Bagi mengatasi masalah penyimpanan peralatan/barangan stor, didapati beberapa IKBN terpaksa menggunakan peruntukan mengurus/ pembangunan yang sedia ada untuk membina stor bagi menyimpan peralatan untuk jurusan-jurusan tertentu seperti ditunjukkan dalam gambar berikut :-

GAMBAR 17.79

Lokasi : IKBN Bachok
Stor Kayu Tambahan Dibina Untuk Jurusan Jurubina Bangunan Pada Tahun 2003 Dengan Kos RM16,500

GAMBAR 17.80

Lokasi : IKBN Miri
Stor Khas Dibina Untuk Sekolah Hospitaliti Pada Tahun 2006 Dengan Kos RM179,400

GAMBAR 17.81

Lokasi : IKBN Alor Gajah
Kerja Mengubah Suai Bengkel Jurusan Audio Video Sedang Dilaksanakan Semasa Lawatan Audit Pada Bulan Disember 2006. Kerja Pengubahsuaian Terpaksa Dilaksanakan Dengan Kos RM39,940 Kerana Bengkel Hanya Mampu Menempatkan 60 Workbench Sahaja Sedangkan 120 Unit Dibekalkan

GAMBAR 17.82

Lokasi : IKBN Bachok
Bengkel Bagi Jurusan Juru Perancah Dan Operator Kren Menara Diubah Suai Dengan Kos RM124,000 Pada Tahun 2006 Supaya Dapat Menampung Keperluan Bilik Kuliah Pelajar Dan Bengkel Untuk Menyimpan Peralatan

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan IKBN mempunyai stor/ruang yang mencukupi/sesuai untuk menyimpan/menempatkan peralatan terutamanya peralatan yang memerlukan ruang yang khusus bagi memastikan tahap boleh gunanya tidak terjejas serta mengelakkan daripada berlaku sebarang kemalangan.

17.4.8. Penyelenggaraan Rekod

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1991 menetapkan semua harta modal, inventori dan stok bekalan pejabat perlu direkodkan dalam daftar yang lengkap dan kemas kini. Antara daftar yang perlu diselenggarakan ialah Daftar Harta Modal, Daftar Inventori, Daftar Bekalan Pejabat dan Daftar Pergerakan Harta Modal. Manakala Panduan Kementerian Kewangan - Tatacara Pengurusan Stor menetapkan pendaftaran bagi barang-barang stor yang lain. Rekod-rekod seperti Kad Kawalan Stok, Kad Petak, Carta Lokasi Stok dan Senarai Barang-barang Terhad Tempoh Penggunaan perlu diselenggarakan. Semakan Audit di Ibu Pejabat Kementerian dan 8 IKBN terlibat mendapati pada umumnya rekod-rekod tersebut telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini kecuali perkara berikut :-

17.4.8.1. Ibu Pejabat Kementerian tidak mempunyai senarai induk atau pangkalan data peralatan IKBN.

17.4.8.2. IKBN Bachok dan IKBN Kinarut tidak mempunyai senarai aset dan inventori yang lengkap. Bagi IKBN Bachok, maklumat mengenai peralatan bagi jurusan Operator Menara Kren tidak dicatatkan dalam senarai aset. Manakala IKBN Kinarut, Sabah tidak merekodkan 20 jenis peralatan jurusan Pendawaian Elektrik bernilai RM3.94 juta dalam senarai aset. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.16
SENARAI PERALATAN IKBN KINARUT YANG TIDAK DIDAFTARKAN

PERALATAN	JENAMA/NEGARA/MODEL	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
Motor Starter	APEX / Malaysia / MS-12	10	9,225	92,250
AC Motors	USA/Germany / Multi-models	2	143,719	287,438
DC Motors	USA/Germany / Multi-models	2	96,000	192,000
Model House-2 X Story Permanent	APEX/ Malaysia / MH 040	5	85,000	425,000
Cordless Drill Screw Driver Set	BOSCH / Germany / GSR 12-1	10	1,189	11,890
Electrician Flat Screw Driver	FACOM / France / AY.JS4VE	30	126	3,788
Electrician Philip Screw Driver	FACOM / France / APY.JS4VE	90	162	14,558
		30	162	4,853
Flat Screw Driver	STANLEY / USA/Taiwan / 65-189, 65-194	30	30	913
Hand Drill	BOSCH / Malaysia / GMB 450RE	12	750	9,000
Philip Screw Driver	STANLEY / USA/Taiwan / 65-165, 65-170	90	40	3,600
		30	40	1,200
Rotary Hammer Drill Set	BOSCH / Malaysia / GBH 328E	10	1,630	16,298
Single Sided Ladder	MALAYSIA	30	465	13,961
Storage Cabinet	APEX / Malaysia / SC-H01	10	2,050	20,500
Heavy Duty Workbench c/w Power Supply Unit	APEX / Malaysia / HVW-HS01	15	38,598	578,970
Panel Unit Motor Starters	APEX / Malaysia / PU-152	70	31,775	2,224,250
Multi Purpose Ladder	CLM-3125	30	923	27,675
Electric Kettle	NATIONAL / Malaysia / NC430	5	195	974
Electric Rice Cooker	NATIONAL / Malaysia / SRV28	5	205	1,025
Fully Auto Washing Machine	NATIONAL / Malaysia / NA-F50G1M	5	1,430	7,150
Semi Auto Washing Machine	MITSUBISHI / Malaysia / CCW-M48	5	984	4,920
JUMLAH				**3,942,210**

17.4.8.3. Bagi IKBN lain kecuali IKBN Pagoh, Daftar Harta Modal tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Antara maklumat yang tidak dinyatakan adalah berkaitan dengan nombor siri kad, nombor siri peralatan dan tarikh pemeriksaan harta modal serta nama pegawai yang melaksanakannya.

17.4.8.4. Carta lokasi stok tidak disediakan di semua IKBN dan ini menyebabkan kesukaran untuk mengesan kewujudan sesuatu peralatan atau barangan stor.

Pada pandangan Audit, rekod berhubung dengan setiap peralatan di IKBN perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan setiap

peralatan diguna dan disenggarakan dengan sewajarnya serta peralatan yang tidak ekonomi dibaiki dilupuskan. Rekod ini hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa dan digunakan untuk tujuan pemeriksaan fizikal peralatan.

17.4.9. Peruntukan Dan Perbelanjaan

17.4.9.1. Pada asalnya, pihak Kementerian menganggarkan sejumlah RM400 juta bagi melengkapi 8 IKBN dengan peralatan latihan bagi membolehkan latihan berkesan dilaksanakan sepertimana yang ditetapkan oleh *National Occupational Skills Standard* (NOSS). Anggaran ini adalah termasuk perolehan kelengkapan komputer selaras dengan keperluan masa kini. **Bagaimanapun, didapati kos keseluruhan peralatan termasuk kelengkapan komputer adalah berjumlah RM784.90 juta, iaitu RM384.90 juta (96%) lebih daripada anggaran asal.** Jadual berikut menunjukkan kos perolehan peralatan bagi 8 IKBN berkenaan :-

JADUAL 17.17
KOS KESELURUHAN PEROLEHAN PERALATAN IKBN

IKBN	PERALATAN LATIHAN	PERALATAN KOMPUTER	JUMLAH KESELURUHAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Alor Gajah, Melaka	94.23	2.15	96.38
Bachok, Kelantan	68.05	1.92	69.97
Bukit Mertajam, Pulau Pinang	161.51	2.05	163.56
Chembong, Negeri Sembilan	64.55	2.08	66.63
Kinarut, Sabah	105.17	2.27	107.44
Kuala Perlis, Perlis	58.59	2.01	60.60
Miri, Sarawak	118.14	2.20	120.34
Pagoh, Johor	97.73	2.25	99.98
JUMLAH	**767.97**	**16.93**	**784.90**

17.4.9.2. Memandangkan peruntukan untuk tujuan perolehan peralatan tidak diasingkan daripada peruntukan projek pembangunan IKBN, perolehan peralatan yang melebihi peruntukan asal telah menyebabkan perkara berikut :-

a. Pelaksanaan projek pembinaan kompleks IKBN Grik, Perak; IKBN Jerantut, Pahang; IKBN Kuala Muda, Kedah dan IKBN Bandar Tenggara, Johor dengan anggaran kos berjumlah RM477.50 juta terpaksa dibatalkan walaupun sejumlah RM1.86 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja awalan.

b. Perbelanjaan melebihi peruntukan berlaku bagi butiran Projek IKBN bagi tahun 2003 dengan sejumlah RM69.15 juta.

17.4.9.3. Urusan bayaran projek perolehan peralatan dikendalikan oleh Cawangan Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian. Semakan Audit terhadap 46 baucar bayaran berjumlah RM127.28 juta mendapati semua bayaran telah disokong dengan dokumen-dokumen yang sepatutnya.

17.4.9.4. Sehingga bulan April 2007, bayaran sepenuhnya telah dibuat kepada 9 pembekal manakala 2 pembekal lagi masih mempunyai baki seperti berikut :-

a. Sejumlah RM1.37 juta belum dibayar kepada VSS System Sdn. Bhd. kerana masalah inbois yang tidak lengkap.

b. Sejumlah RM0.15 juta belum dibayar kepada Maluri Equipment Sdn. Bhd. kerana masalah kehilangan peralatan dan juga beberapa kerja teknikal yang belum dilaksanakan oleh pembekal. Peralatan Sekolah Hospitaliti di IKBN Miri bernilai RM0.21 juta telah hilang pada bulan Mac 2004 dan isu sama ada pembekal perlu menggantikannya masih belum selesai kerana peralatan telah hilang sebelum pembekal memasang, menguji terima dan mentauliahkannya.

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya memastikan peruntukan yang digunakan untuk tujuan perolehan peralatan tidak dilebihi supaya pembinaan kompleks IKBN yang lain tidak terjejas. Perkara ini dapat dielakkan sekiranya harga yang dibayar bagi perolehan peralatan adalah berdasarkan harga pasaran dan mengadakan perancangan yang teliti terhadap perolehan peralatan.

17.4.10. Pemantauan

17.4.10.1. Dalam usaha memantau pengurusan peralatan IKBN, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Perolehan Peralatan. Bagi tahun 2005, jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah berhubung dengan permohonan pembekal untuk menukar jenama/model dan mengubah spesifikasi peralatan. Bagaimanapun bagi tahun 2006 pula, tiada mesyuarat diadakan.

17.4.10.2. Kementerian juga telah menubuhkan pasukan naziran pada tahun 2005 yang dianggotai oleh 3 pegawai dari Kementerian dengan diketuai oleh seorang Penolong Pengarah dari Bahagian Pembangunan Kemahiran. Antara lainnya, pasukan naziran dikehendaki membuat pemeriksaan terhadap penggunaan dan penyenggaraan peralatan. Bagaimanapun bagi tahun 2005, naziran hanya dijalankan di IKBN Miri. Bagi tahun 2006, naziran telah dijalankan di IKBN Bukit Mertajam, IKBN Alor Gajah, IKBN Pagoh, IKBN Kuala Perlis dan IKBN Chembong. Semakan Audit terhadap laporan yang disediakan oleh pasukan naziran yang dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran mendapati beberapa isu berhubung dengan peralatan seperti pendaftaran dan keadaan peralatan serta jadual dan pelaksanaan penyenggaraan telah dibangkitkan.

17.4.10.3. Di peringkat IKBN pula, Mesyuarat Pengurusan telah diadakan setiap bulan. Manakala Mesyuarat Bahagian Kemahiran dan Mesyuarat Sekolah telah diadakan antara 3 hingga 4 kali setahun. Antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat berkenaan ialah berhubung dengan penggunaan serta penyenggaraan peralatan dan laporan mengenai isu-isu tersebut telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat.

Pada pandangan Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan di peringkat Kementerian dan IKBN adalah memadai.

17.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

17.5.1. Pada umumnya terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan peralatan IKBN di peringkat perancangan dan pelaksanaan yang boleh menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut :-

a. Di peringkat perancangan, sungguhpun Kementerian telah melantik perunding untuk membantunya menentukan peralatan yang dibeli adalah bersesuaian dengan keperluan latihan dan dengan kos yang berpatutan, namun cadangan yang diberi oleh perunding tidak diterima. Kementerian tidak menjalankan kajian pasaran untuk dijadikan rujukan semasa mengadakan rundingan harga dengan pembekal. Ini menyebabkan harga yang dipersetujui jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Selain itu, harga yang ditawarkan antara pembekal juga tidak disemak dengan teliti. Sekiranya kesemua tindakan tersebut diambil, Kerajaan bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan tidak kurang daripada RM10.80 juta untuk membekalkan peralatan ke IKBN bahkan juga dapat mengelakkan permohonan penambahan perolehan peralatan sehingga kosnya berjumlah RM267.90 juta. Di samping itu, pembinaan kompleks IKBN yang lain juga tidak akan terjejas akibat daripada peruntukan yang lebih telah digunakan untuk tujuan perolehan peralatan. Memandangkan sejumlah RM6.54 juta telah dibayar kepada perunding, Kementerian sepatutnya mengoptimumkan perkhidmatannya.

b. Perolehan peralatan oleh Kementerian yang tidak dirancang dengan teliti serta tidak berasaskan kepada keperluan sebenar telah menyebabkan Kerajaan membiayai perbelanjaan tidak kurang daripada RM88.45 juta kerana peralatan ini masih tidak digunakan atau tidak digunakan secara optimum disebabkan oleh beberapa faktor seperti tiada keperluan, tenaga pengajar yang tiada kepakaran dan pembelian yang terlalu awal. Tanpa perancangan perolehan peralatan yang teliti telah juga menjejaskan kelicinan pembelajaran dan latihan kerana beberapa peralatan yang diperlukan untuk tujuan tersebut tidak dapat dibeli.

c. Kementerian tidak mengambil tindakan terhadap pembekal yang gagal membekalkan peralatan mengikut spesifikasi dan juga dalam tempoh yang telah ditetapkan.

d. Peralatan yang dibeli tidak disimpan di tempat yang sesuai menyebabkan ia terdedah kepada kerosakan dan kehilangan serta membahayakan keselamatan.

17.5.2. Bagi memastikan pengurusan peralatan IKBN di masa akan datang dilaksanakan dengan cara yang cekap, berhemat dan memenuhi keperluan latihan, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

a. Kementerian sepatutnya menjalankan kajian pasaran untuk dijadikan panduan semasa menentukan harga kontrak. Bagi membolehkan peralatan yang dibeli memenuhi keperluan dari segi kesesuaian dan kuantitinya, perancangan yang teliti dalam perolehan peralatan perlu diadakan dan pandangan-pandangan daripada tenaga pengajar patutlah diperolehi.

b. Kementerian hendaklah mengambil tindakan seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak terhadap pembekal yang gagal membekalkan peralatan mengikut tempoh dan juga spesifikasi yang telah ditetapkan.

c. Rekod berhubung dengan setiap peralatan di IKBN perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan setiap peralatan diguna dan disenggarakan dengan sewajarnya serta peralatan yang tidak ekonomi dibaiki dilupuskan. Rekod ini hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa dan digunakan untuk tujuan pemeriksaan fizikal peralatan.

d. Kementerian hendaklah memastikan IKBN mempunyai ruang yang mencukupi/sesuai untuk menyimpan/menempatkan peralatan terutamanya peralatan yang memerlukan stor/ruang yang khusus bagi memastikan tahap boleh gunanya tidak terjejas serta mengelakkan daripada berlaku sebarang kemalangan.

e. Kementerian hendaklah mengambil tindakan dengan menjualkan kereta terpakai yang telah dibeli dengan harga mahal untuk jurusan Ketuk Mengetuk Dan Semburan Cat sebelum harga jualannya menurun akibat susut nilai.

f. Kementerian patut mengenal pasti pihak yang terlibat dalam perolehan yang tidak teratur yang mengakibatkan Kerajaan mengalami kerugian dan seterusnya mengambil tindakan surcaj seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Acara Kewangan 1957.

KEMENTERIAN PENERANGAN MALAYSIA

18. PEMBINAAN BANGUNAN RADIO TELEVISYEN MALAYSIA SEREMBAN

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Pembinaan Bangunan Radio Televisyen Malaysia (RTM) Seremban adalah bertujuan meningkatkan kemudahan penyiaran radio dan TV di peringkat Negeri Sembilan. Di samping itu, projek ini juga akan mengambil alih operasi stesen RTM Seremban yang sedia ada yang ditempatkan di sebuah banglo zaman kolonial yang mana ruang bangunan adalah terhad serta peralatan studio yang telah usang. Kos projek mengikut kontrak bernilai RM23.47 juta dan tempoh kontrak adalah antara bulan November 2002 hingga April 2004. Bagaimanapun, projek ini hanya disiapkan pada bulan Januari 2007 dan kosnya telah meningkat kepada RM38.51 juta.

18.1.2. Projek ini telah dilaksanakan di Lot 24157, Mukim Rantau, Daerah Seremban, Negeri Sembilan dan sejumlah RM90,066 dibelanjakan untuk memperoleh tapak ini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Projek pembinaan bangunan RTM Seremban melibatkan 2 peringkat iaitu peringkat pertama yang melibatkan pembinaan bangunan pejabat, studio dan auditorium di bawah pengurusan dan pemantauan perunding. Peringkat kedua pula melibatkan kerja audio, *lighting* dan akustik bagi auditorium dan studio yang dirancang untuk dilaksanakan selepas bangunan diserah.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pembinaan bangunan RTM Seremban telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif pembinaannya.

18.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan projek pembinaan RTM Seremban di Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Penyiaran Malaysia, Cawangan Pengurusan Perolehan dan Cawangan Pembangunan, Kementerian Penerangan Malaysia. Di samping itu, lawatan ke tapak turut dijalankan untuk meninjau pelaksanaan projek secara fizikal dan menemu bual pegawai dan kakitangan kontraktor serta perunding yang terlibat.

18.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2006 mendapati perkara berikut :-

18.4.1. Pengurusan Projek

Di peringkat Kementerian Penerangan Malaysia (Kementerian), perancangan dan pelaksanaan projek ini melibatkan bahagian/cawangan berikut :-

18.4.1.1. Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Penyiaran Malaysia

Bahagian Kejuruteraan bertanggungjawab untuk merancang dan menentukan keperluan pembinaan, kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengenal pasti tapak; menyediakan skop cadangan; menyemak, mencadangkan dan memberi ulasan berhubung dokumen penyediaan tender yang disediakan oleh Cawangan Pengurusan Perolehan.

18.4.1.2. Cawangan Pembangunan Kementerian

Cawangan Pembangunan Kementerian adalah bertanggungjawab untuk menguruskan projek pembinaan dengan menyedia, mengagih dan mengawal peruntukan pembangunan bagi projek yang diluluskan. Selain menyelaras dan memantau kemajuan projek pembinaan, bahagian ini juga menguruskan pembayaran berhubung dengan projek.

18.4.1.3. Cawangan Pengurusan Perolehan Kementerian

Cawangan ini bertanggungjawab untuk menguruskan semua perolehan sama ada secara pembelian terus, sebut harga mahupun tender serta menyediakan perjanjian kontrak mengenainya. Cawangan ini juga memantau pelaksanaan kontrak termasuk menguruskan arahan perubahan kerja dan perakuan kelambatan dan lanjutan masa melalui Jawatankuasa Pelaksanaan Dan Semakan Kontrak.

Pada pandangan Audit, peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dengan pengurusan projek ini telah ditunjukkan dengan jelas.

18.4.2. Kaedah Pelaksanaan

18.4.2.1. Mengikut Arahan Perbendaharaan 182.1(a), semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi melaksanakan sesuatu kontrak kerja. Bagaimanapun, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1995 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 15 Tahun 2001 membenarkan perolehan perkhidmatan perunding sekiranya perkhidmatan tersebut tidak dapat dikendalikan oleh JKR. Bagi perolehan kerja yang kurang daripada RM30 juta, agensi Kerajaan tidak perlu merujuk kepada Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Perunding, Kementerian Kewangan tetapi boleh diuruskan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Perunding Kementerian sendiri.

18.4.2.2. Memandangkan Kementerian hanya mempunyai kepakaran dalam teknologi penyiaran, Kementerian telah melantik 3 perunding untuk menguruskan pembinaan bangunan RTM Seremban. Perunding arkitek bertanggungjawab untuk menyediakan lukisan dan memantau kerja-kerja pembinaan berdasarkan lukisan dalam kontrak. Perunding jurutera bertanggungjawab dalam bidang sivil dan struktur serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik manakala perunding juruukur bahan bertanggungjawab dalam menilai perakuan kos yang diterima daripada kontraktor untuk tujuan pengesahan bayaran dan menyediakan penyata kewangan. **Bagaimanapun, tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa Kementerian telah merujuk kepada JKR atau mendapatkan pandangan JKR sebelum melantik perunding-perunding berkenaan**. Semakan Audit mendapati pegawai penguasa projek ialah Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan manakala wakil pegawai penguasa terdiri daripada 3 orang iaitu Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Kejuruteraan), Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Pengurusan Perolehan dan Perunding Rohayah Architect.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu merujuk kepada JKR terlebih dahulu sebelum melantik perunding untuk mengesahkan keupayaan JKR dalam pelaksanaan projek ini.

18.4.3. Pelantikan Perunding

18.4.3.1. Proses pelantikan perunding bagi pembinaan RTM Seremban telah dilakukan oleh Kementerian bersama-sama 2 projek pembinaan yang lain iaitu pembinaan Kompleks Pejabat, Studio dan Auditorium RTM Kuantan, Pahang dan pembinaan Dewan Seminar dan Asrama Institut Penyiaran Tun Abdul Razak Angkasapuri, Kuala Lumpur. Sebanyak 15 konsortium perunding telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian untuk tujuan pembinaan 3 projek tersebut. Setiap konsortium diwakili oleh perunding arkitek, perunding sivil dan struktur, perunding mekanikal dan elektrik dan perunding juruukur bahan. Pelantikan konsortium perunding dijalankan oleh Bahagian Kejuruteraan dengan membuat penilaian secara pemarkahan berdasarkan pengalaman dalam reka bentuk auditorium, dewan serba guna dan sebagainya. Sehubungan ini, beberapa kriteria untuk setiap disiplin perunding berkaitan telah ditentukan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.1
KRITERIA UNTUK PELANTIKAN PERUNDING

PERUNDING	PENGALAMAN
Arkitek	Pengalaman reka bentuk auditorium dan/atau pawagam dan/atau dewan pelbagai guna, kompleks studio dan mempunyai kreativiti arkitek yang tinggi.
Sivil dan Struktur	Pengalaman reka cipta super struktur seperti auditorium, kompleks studio dan *multi-level industrial* dan/atau kompleks perniagaan.
Mekanikal dan Elektrik	Kerja-kerja elektrik untuk kompleks serba guna, reka bentuk sistem hawa dingin *slow blow* untuk studio dan/atau auditorium dan kompleks serba guna.
Juruukur Bahan	Keutamaan kepada yang berpengalaman luas untuk kerja-kerja pembinaan yang bernilai lebih daripada RM15 juta.

18.4.3.2. Berdasarkan kriteria pengalaman dan kepakaran di atas, Kementerian telah melantik konsortium perunding yang mendapat markah tertinggi bagi melaksanakan pembinaan kompleks RTM Kuantan, Pahang; perunding yang mendapat markah kedua tertinggi untuk pembinaan bangunan RTM Seremban, Negeri Sembilan dan perunding yang mendapat markah ketiga tertinggi untuk pembinaan Dewan Seminar dan Asrama Institut Penyiaran Tun Abdul Razak Angkasapuri, Kuala Lumpur. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat menentukan asas yang digunakan oleh Kementerian untuk mengagihkan perunding seperti mana yang dinyatakan.**

18.4.3.3. Konsortium perunding pembinaan bangunan RTM Seremban yang dilantik pada bulan Mei 2002 merupakan gabungan 3 perunding iaitu Perunding Rohayah Architect sebagai perunding arkitek, Perunding Perwira Alshura Consulting Engineer (PACE) sebagai perunding sivil dan struktur serta mekanikal dan elektrik dan Perunding Kos Putra Sdn. Bhd. sebagai perunding juruukur bahan. Yuran perkhidmatan mengikut kontrak untuk ketiga-tiga perunding adalah berjumlah RM4.04 juta. Semakan Audit mendapati pada umumnya semua perunding yang dilantik mempunyai pengalaman yang diperlukan kecuali Perunding Rohayah Architect. Perunding ini tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan kerana tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan auditorium atau studio.

18.4.4. Pelantikan Kontraktor

18.4.4.1. Bagi membolehkan kerja pembinaan bangunan RTM Seremban dimulakan segera sebelum akhir tahun 2002 supaya peruntukan tahunannya dapat dibelanjakan, Kementerian telah mengadakan pelawaan tender pada bulan September 2002. Memandangkan pelan terperinci belum disediakan dan kerja-kerja penyiasatan tanah belum dilaksanakan, dokumen tender telah disediakan berasaskan kepada *provisional quantities* (kuantiti sementara). Perunding juruukur bahan telah melantik IKRAM untuk menjalankan kerja-kerja penyiasatan tanah pada bulan Ogos 2002 dan IKRAM mula melaksanakannya pada bulan September 2002. Laporan siasatan tanah tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian pada bulan Oktober 2002.

18.4.4.2. Pelantikan kontraktor bagi pembinaan bangunan RTM Seremban dilakukan melalui tender terbuka. Sebanyak 34 penender telah mengemukakan tawaran dengan nilai tender antara RM23.47 juta hingga RM51.98 juta. Daripada 34 penender tersebut, 15 penender telah menawarkan harga yang lebih rendah berbanding dengan anggaran kos projek yang dibuat oleh perunding juruukur bahan berjumlah RM27.30 juta. Perunding telah memperakukan 4 daripada 15 penender tersebut kepada Lembaga Perolehan Tender Kementerian. Syarikat Hakikat Engineering Sdn. Bhd. telah ditawarkan oleh Kementerian untuk melaksanakan pembinaan bangunan RTM Seremban dengan kos projek berjumlah RM23.47 juta. Tempoh kontrak adalah antara 25 November 2002

hingga 11 April 2004 (72 minggu). **Semakan Audit mendapati Syarikat Hakikat Engineering Sdn. Bhd. dipilih kerana menawarkan harga terendah iaitu 14% lebih rendah daripada anggaran perunding sungguhpun kontraktor ini hanya mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja berkaitan elektrik dan kurang pengalaman dalam bidang pembinaan bangunan dan infrastruktur.** Semakan Audit selanjutnya mendapati kontraktor ini adalah merupakan kontraktor kelas A yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM5.0 juta.

18.4.5. Perjanjian Kontrak

18.4.5.1. Perjanjian kontrak untuk melaksanakan projek ini telah ditandatangani oleh Kementerian pada bulan Februari 2003. Antara lainnya, kontrak ini menetapkan kontraktor perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM1.17 juta iaitu 5% daripada harga kontrak dalam bentuk jaminan bank atau jaminan insurans yang diluluskan sebelum memulakan kerja. Kontraktor juga dikehendaki menyerahkan Polisi Insurans Tanggungan Awam dan Insurans Kerja yang mana nilainya tidak kurang daripada harga kontrak.

18.4.5.2. Semakan Audit mendapati kontraktor telah menyerahkan *Contractor All Risks Policy* bernilai RM24.47 juta. Bagaimanapun, Bon Pelaksanaan lewat diserahkan iaitu hanya pada bulan Januari 2003 sungguhpun kerja tanah mula dijalankan di tapak pada bulan Disember 2002. **Pada pandangan Audit, pihak Kementerian sepatutnya mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor supaya menyerahkan Bon Pelaksanaan sebelum memulakan kerja di tapak demi menjaga kepentingan Kerajaan.**

18.4.5.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati dokumen kontrak yang disediakan adalah berdasarkan standard kontrak (Borang JKR 203A). Bagaimanapun, didapati Kementerian telah menggugurkan syarat berhubung dengan pampasan pekerja yang perlu ditanggung oleh kontraktor. Keadaan ini boleh menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian sekiranya berlaku kemalangan atau kematian pekerja di tapak bina. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mematuhi standard kontrak yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan sebarang pindaan yang dibuat perlu dirujuk kepada pegawai Undang-undang untuk memastikan ia tidak menjejaskan kepentingan Kerajaan.**

18.4.6. Prestasi Projek

18.4.6.1. Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada bulan April 2004. Bagaimanapun, kemajuan projek ketika itu hanya setakat 29.7%. Adalah didapati sebanyak 3 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa selama 567 hari telah diluluskan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berhubung dengan pengeluaran perakuan ini seperti berikut :-

a. Semua Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa yang dikeluarkan adalah lewat daripada tempoh yang sepatutnya di mana lanjutan masa pertama dikeluarkan selepas 58 hari tempoh kontrak tamat. Lanjutan masa kedua dikeluarkan hanya selepas 22 hari dari tarikh lanjutan masa pertama tamat manakala lanjutan masa ketiga selepas 74 hari lanjutan masa kedua tamat. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 18.2
TEMPOH PERAKUAN KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA

PERKARA	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH PERAKUAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
Tempoh Kontrak	25 November 2002 hingga 11 April 2004 (504 hari)	-	-
Lanjutan Masa Pertama	12 April 2004 hingga 11 Oktober 2004 (183 hari)	8 Jun 2004	58
Lanjutan Masa Kedua	12 Oktober 2004 hingga 20 Jun 2005 (252 hari)	2 November 2004	22
Lanjutan Masa Ketiga	21 Jun 2005 hingga 30 Oktober 2005 (132 hari)	2 September 2005	74

b. Bagi lanjutan masa pertama, 122 hari diberi kerana perubahan kerja tanah, reka bentuk tembok penahan dan perubahan jenis cerucuk. Manakala bakinya selama 61 hari yang diberi atas alasan Kementerian lewat membuat bayaran interim kepada kontraktor adalah kurang munasabah.

c. Semakan Audit mendapati lanjutan masa ketiga telah diluluskan oleh Pegawai Penguasa selama 132 hari sungguhpun kontraktor hanya memohon selama 102 hari. Semakan Audit selanjutnya mendapati perunding hanya memperakukan lanjutan masa selama 74 hari atas sebab beberapa pindaan kepada lukisan pembinaan yang diperlukan oleh Tenaga Nasional Berhad. Didapati tiada alasan yang diberi oleh Pegawai Penguasa mengenai kelulusan tambahan lanjutan masa selama 58 hari.

Pada pandangan Audit, lanjutan masa hanya boleh diluluskan atas sebab yang dinyatakan dalam dokumen kontrak dan diperakukan oleh perunding.

18.4.6.2. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut syarat kontrak atau dalam tempoh lanjutan masa, Perakuan Kerja Tidak Siap perlu dikeluarkan dan ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD) berdasarkan RM4,116 sehari akan dikenakan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Ketua Cawangan Perolehan Kementerian telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap selepas tamat lanjutan masa pertama manakala Perunding Rohayah Architect telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap selepas tamat lanjutan masa kedua dan ketiga. Pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap oleh pihak tersebut adalah bertentangan dengan syarat kontrak yang

menetapkan hanya Pegawai Penguasa iaitu Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap. Bagaimanapun selepas teguran Audit, Ketua Setiausaha Kementerian telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 31 Oktober 2006 iaitu setahun selepas lanjutan masa ketiga tamat.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak kontraktor telah dikenakan LAD selepas Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan oleh Perunding Rohayah Architect. Jumlah LAD yang dikenakan antara tempoh 31 Oktober 2005 hingga 12 Januari 2007 adalah berjumlah RM1.80 juta dan bayaran ini telah dijelaskan melalui potongan bayaran kemajuan kerja.

Pada pandangan Audit, oleh sebab Perakuan Kerja Tidak Siap yang sah hanya dikeluarkan pada 31 Oktober 2006, pengenaan LAD untuk tempoh 31 Oktober 2005 hingga 30 Oktober 2006 boleh dipertikaikan oleh kontraktor.

18.4.6.3. Projek ini yang tidak dirancang dengan teliti telah menyebabkan 4 arahan perubahan kerja yang melibatkan 25 pindaan kerja bernilai RM8.04 juta perlu dikeluarkan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berhubung dengannya seperti berikut :-

a. Mengikut Arahan Perbendaharaan 202.2, sebelum arahan perubahan kerja dikeluarkan, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan bahawa peruntukan kewangan adalah mencukupi bagi menampung perbelanjaan tambahan dan kelulusan melaksanakan kerja tersebut diperoleh terlebih dahulu daripada jawatankuasa tuntutan/pihak berkuasa berkenaan. Pegawai penguasa mempunyai kuasa untuk meluluskan jumlah perubahan kerja terkumpul tidak melebihi RM4 juta dan sebaliknya, kelulusan hendaklah diperoleh daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati 4 arahan kerja bernilai RM8.04 juta itu telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada bulan Oktober 2004. Bagaimanapun daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.30 juta yang melibatkan arahan perubahan kerja bagi kerja-kerja tanah, pembinaan dinding penahan dan kerja-kerja cerucuk telah dikeluarkan kepada kontraktor pada tahun 2003. **Ini menunjukkan arahan perubahan kerja tersebut dikeluarkan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Perbendaharaan Malaysia.**

b. Disebabkan laporan penyiasatan tanah daripada IKRAM lewat diterima, pihak perunding telah menentukan jenis cerucuk yang perlu dipasang berdasarkan pemerhatian di tapak sahaja semasa penyediaan dokumen tender. Ini telah menyebabkan berlakunya arahan perubahan kerja untuk pertukaran jenis cerucuk yang melibatkan kos berjumlah RM2.80 juta.

c. Adalah didapati perunding telah meminta kontraktor membuat kerja-kerja tanah bersebelahan dengan tapak projek yang melibatkan pemotongan bukit

di kawasan sekolah, pembinaan laluan masuk dan tangga, sistem perparitan dan penanaman rumput. Kerja pemotongan bukit yang terletak di kawasan Sekolah Dato' Abdul Razak, Rantau, Seremban adalah bagi mengurangkan ketinggian tembok penahan tanah yang perlu dibina di tapak projek yang dianggarkan lebih kurang 12m - 20m tinggi. Selain itu, perunding juga telah meminta kontraktor untuk menjalankan kerja penambakan tanah di kawasan rizab Hatiah Land Sdn. Bhd. yang juga bersebelahan dengan tapak projek. Arahan perubahan kerja tersebut yang melibatkan anggaran kos tambahan berjumlah RM0.80 juta adalah di luar skop kontrak kerana dilaksanakan di luar tapak bina. **Ini adalah tidak selaras dengan Arahan Perbendaharaan 202.1(b) yang menyatakan setiap perubahan kerja hendaklah dalam skop projek dan dilaksanakan di tapak bina. Sebaliknya, kerja-kerja tambahan ini sepatutnya ditender secara berasingan untuk mendapatkan harga yang lebih kompetitif dan menguntungkan Kerajaan. Gambar 18.1 hingga 18.4** menunjukkan hasil kerja tambahan yang telah dilakukan.

GAMBAR 18.1

Jarak Antara Kaki Bukit Dan Kawasan Sekolah

GAMBAR 18.2

Padang Sekolah Yang Disediakan Dan Sistem Perparitan

GAMBAR 18.3



Kerja Tanah Yang Telah Memasuki Sempadan Sekolah

GAMBAR 18.4

Tangga Yang Telah Dibina Untuk Ke Padang Sekolah

d. Selain daripada arahan perubahan kerja yang tersebut di atas, satu arahan perubahan kerja telah dikeluarkan berhubung dengan **pemasangan struktur keluli *girder* di bahagian bumbung auditorium yang telah dimasukkan dalam lukisan tender tetapi tidak dimasukkan dalam senarai kuantiti dokumen kontrak.** Kos tambahan yang terlibat adalah berjumlah RM2.00 juta.

e. Semakan Audit juga mendapati akibat daripada arahan-arahan perubahan kerja yang menyebabkan peningkatan kos projek, Kementerian telah meminta perunding mengkaji semula kos projek ini. Akibatnya, 4 kerja kemasan terpaksa diganti dengan kualiti yang lebih rendah dan 2 bilik iaitu bilik latihan dan bilik rehat artis terpaksa dikeluarkan daripada reka bentuk asal untuk mengurangkan kos. Berikut adalah kerja-kerja yang diubah/dikurangkan :-

JADUAL 18.3
SENARAI KERJA-KERJA YANG DIUBAH/DIKURANGKAN

JENIS KERJA	JUMLAH (RM)
Kemasan bumbung jenis *glazed tiles* ditukar kepada *clay tiles*	125,724
Pengurangan keluasan lantai kasar pada garisan grid A-C/6-17 (2 bilik)	315,518
Kemasan lantai jenis *granite slab* ditukar kepada *homogenous tiles* **(Gambar 18.5)**	87,198
Kemasan siling jenis *recessed design plasterglass* ditukar kepada jenis *flat design plasterglass*	9,644
Kemasan *driveway* jenis *concrete imprint* ditukar kepada *premix*	17,770
Pengurangan keluasan bagi dataran terbuka **(Gambar 18.6)**	33,400
Pengurangan jalan dan tempat letak kereta di bahagian hadapan tapak	89,300
JUMLAH	**678,554**

GAMBAR 18.5

Kemasan Lantai `Granite Slab` Ditukar Kepada 'Homogenuos Tiles'

GAMBAR 18.6

Pengurangan Keluasan Dataran Terbuka

18.4.6.4. Mengikut syarat kontrak, kerja-kerja pengukuran semula terhadap *provisional quantities* hendaklah dibuat berdasarkan *as-built drawings* selepas projek ini disiapkan sepenuhnya. Ini adalah kerana kos pembinaan projek yang ditetapkan dalam kontrak adalah secara anggaran. **Bertentangan dengan syarat kontrak, pengukuran semula terhadap projek ini telah dibuat oleh Perunding Kos Putra Sdn. Bhd. sebelum ia disiapkan sepenuhnya.** Oleh itu, kos tambahan berjumlah RM4.08 juta hasil daripada pengukuran semula itu tidak merupakan jumlah yang muktamad. Adalah diperhatikan semasa Kementerian Penerangan mengemukakan permohonan pertambahan kos tersebut untuk kelulusan Perbendaharaan Malaysia, Kementerian tidak memaklumkan bahawa projek ini masih belum disiapkan. Semakan Audit

selanjutnya mendapati permohonan tersebut telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada bulan November 2006. **Pada pandangan Audit, tindakan Kementerian membuat pengukuran semula projek sebelum ia disiapkan boleh membawa kepada risiko berlakunya lebihan bayaran.**

18.4.6.5. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM3.40 juta daripada tambahan kos berjumlah RM4.08 juta itu adalah melibatkan kerja pembinaan bangunan pejabat, studio dan auditorium. **Pada pandangan Audit, pembinaan bangunan tidak perlu ditunjukkan di bawah *provisional quantities* kerana keluasan bangunan yang hendak dibina dapat ditentukan semasa penyediaan tender**

18.4.6.6. Bagi memenuhi syarat kontrak mengenai kerja awalan, dua buah kabin mudah alih perlu disediakan oleh kontraktor untuk kegunaan pegawai penguasa atau wakil pegawai penguasa, perunding dan jurutera projek sebagai pejabat tapak dalam tempoh masa dua minggu setelah penyerahan tapak projek. Lawatan Audit pada bulan Julai 2006 mendapati bilik utiliti di aras satu bangunan RTM Seremban telah diguna sebagai pejabat tapak. Adalah difahamkan pejabat tapak asal yang terletak di kawasan letak kereta laluan masuk utama telah dirobohkan kerana kerja-kerja jalan perlu dilaksanakan. Kontraktor juga menggunakan bilik utiliti sebagai stor. Tindakan kontraktor menggunakan bangunan RTM Seremban bukan hanya telah melanggar syarat kontrak malahan telah menyebabkan bil elektrik berjumlah RM0.20 juta sehingga 1 Februari 2007 akibat dari penggunaan kemudahan elektrik di bangunan tersebut. Sehubungan ini, Kementerian perlu memastikan bil elektrik tersebut dijelaskan oleh kontraktor selaras dengan syarat kontrak yang menetapkan kontraktor perlu menyediakan bekalan elektrik sementara untuk kegunaan semasa pembinaan dan menjelaskan semua bil berkaitan sehingga bangunan disiapkan. Adalah juga didapati pihak kontraktor menyimpan barang-barangnya seperti cat dan asid dalam bangunan yang sedang dibina dan ini dikhuatiri boleh menyebabkan berlaku kebakaran. Keadaannya adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 18.7

Bilik Mesyuarat Sementara

GAMBAR 18.8

Pejabat Tapak Dilengkapi Dengan Peralatan Pejabat

GAMBAR 18.9

Bahan Mudah Terbakar Seperti Cat Dan Asid Disimpan Dalam Bangunan Yang Sedang Dibina

GAMBAR 18.10

Ruangan Stor Sementara Di Bangunan Yang Sedang Dibina

18.4.6.7. Mengikut syarat kontrak, sekiranya Kerajaan hendak menduduki satu atau beberapa bahagian bangunan yang siap, pegawai penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Pendudukan Separa dalam tempoh 7 hari dari tarikh menduduki bahagian yang berkenaan. Tempoh Liabiliti Kecacatan bahagian berkenaan bermula pada tarikh mendudukinya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sungguhpun Perakuan Pendudukan Separa tidak dikeluarkan, Kementerian telah memulakan kerja audio, *lighting* dan akustik untuk auditorium dan studio dengan melantik kontraktor-kontraktor bagi kerja berkenaan melalui tender terbuka. Kerja-kerja tersebut telah dimulakan supaya tidak melewatkan perpindahan RTM Seremban ke pejabat baru. Kerja-kerja kontraktor ini telah menyebabkan berlakunya kerosakan di bangunan akibat daripada pengangkutan barang untuk kerja akustik, audio dan *lighting* di studio dan auditorium. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengeluarkan Perakuan Pendudukan Separa untuk membolehkannya mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan**.

18.4.6.8. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Julai 2006 dan bulan Januari 2007 mendapati pada umumnya kerja-kerja pembinaan bangunan RTM Seremban adalah mengikut spesifikasi kontrak. Berikut diberikan gambar menunjukkan bangunan RTM Seremban :-

GAMBAR 18.11

Bangunan RTM Seremban

18.4.7. Bayaran Kepada Kontraktor

18.4.7.1. Setakat bulan Januari 2007, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM40.82 juta untuk projek pembinaan bangunan RTM Seremban. Daripada jumlah ini, sejumlah RM35.47 juta (86.9%) adalah bayaran kepada kontraktor dan RM5.35 juta untuk perkhidmatan perunding.

18.4.7.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat kelewatan membuat bayaran kemajuan kerja kepada kontraktor antara 38 hingga 103 hari. Kelewatan yang ketara berlaku pada awal tahun 2003 kerana Kementerian tidak diberi peruntukan untuk melaksanakan projek ini sungguhpun projek ini telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dengan siling peruntukan RM49.0 juta. Memandangkan kontraktor telah pun memulakan kerjanya, Kementerian telah mendapat kelulusan daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk membuat bayaran berjumlah RM1.90 juta kepada kontraktor berkenaan dengan menggunakan peruntukan daripada projek lain.

18.4.8. Pemantauan

Projek ini telah dipantau oleh ketiga-tiga perunding yang dilantik. Selaras dengan syarat kontrak, perunding-perunding berkenaan telah mengemukakan kemajuan kerja projek semasa mesyuarat tapak dan mesyuarat teknikal. Isu-isu yang berbangkit telah dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat tapak mendapati mesyuarat berkenaan telah diadakan setiap bulan. **Secara keseluruhannya pemantauan yang dibuat terhadap projek ini adalah baik.**

18.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, projek ini tidak dirancang dan dilaksanakan dengan teratur. Keputusan Kementerian untuk menyegerakan pelaksanaannya menyebabkan perunding tidak dapat menyediakan reka bentuk dan pelan terperinci. Kekurangan ini memberi banyak ruang untuk perubahan kerja, kerja tambahan dan pengukuran semula sehingga meningkatnya kos projek daripada RM23.47 juta menjadi RM38.51 juta. Sungguhpun mengikut kontrak projek ini perlu disiapkan pada bulan April 2004 namun ia hanya dapat disiapkan pada bulan Januari 2007 iaitu lewat selama 33 bulan. Perakuan kerja tidak siap dan lanjutan masa bukan sahaja tidak dikeluarkan dalam tempoh sepatutnya malahan tidak diluluskan oleh pihak yang diberikan kuasa. Kementerian adalah disyorkan supaya mengambil iktibar daripada pelaksanaan projek ini dan memastikan perkara yang sama tidak berlaku lagi bagi projek-projek lain di masa akan datang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

19. PENGURUSAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Kementerian) melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab untuk menyediakan pelbagai program pembangunan sosial bercorak kebajikan, latihan, perlindungan, penjagaan, kaunseling dan pemulihan bagi menampung keperluan kumpulan sasar yang kurang bernasib baik seperti orang kurang upaya, kanak-kanak yatim, ibu tunggal, warga tua dan remaja serta wanita bermasalah. Ini bertujuan meningkatkan kualiti hidup mereka dan dengan itu dapat mengurangkan masalah sosial yang semakin meningkat seperti jenayah, keruntuhan moral, penagihan dadah, keganasan, kemiskinan dan pengangguran.

19.1.2. Menyedari hakikat bahawa Kementerian tidak dapat melaksanakan sendiri program pembangunan sosial disebabkan oleh beberapa kekangan yang dihadapi, maka kerjasama dan penglibatan NGO sangatlah diperlukan dalam menjayakan program ini. Antara insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi menarik minat dan menggalakkan NGO melaksanakan perkhidmatan kebajikan dan sosial bagi pihaknya ialah memberi bantuan kewangan sama ada dalam bentuk bantuan khas atau geran. Terdapat lebih daripada 200 NGO yang mendapat bantuan ini. Antara NGO tersebut ialah Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita, Persatuan Pemulihan Sultan Azlan Shah Bagi Orang-orang Istimewa Perak, Majlis Pemulihan Orang-orang Cacat Negeri Kelantan dan Persatuan Kanak-kanak Cacat Akal Selangor Dan Wilayah Persekutuan.

19.1.3. Kajian ini adalah satu pengauditan semula terhadap kajian yang sama yang pernah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara terhadap 12 Kementerian/Jabatan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Bahagian Hal Ehwal Wanita (kini fungsi Jabatan/Bahagian ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat). Hasil kajian tersebut telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2000.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan pemberian bantuan kewangan kepada NGO telah dibuat dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

19.3.1. Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan bantuan kewangan kepada NGO dengan memberi tumpuan kepada beberapa aspek seperti pematuhan terhadap prosedur, kriteria kelayakan, syarat perjanjian bantuan, penggunaan dan impaknya.

19.3.2. Lawatan telah dibuat ke Kementerian, Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 telah disemak serta 4 Pejabat Pembangunan Wanita Negeri, 4 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan 19 NGO di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan dan Perak. Selain itu, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada 130 NGO dan sejumlah 250 peserta yang mengikuti program NGO untuk mendapatkan maklum balas mereka tentang pengurusan aktiviti ini.

19.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2006 mendapati perkara seperti berikut :-

19.4.1. Pengurusan Bantuan

19.4.1.1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Kementerian) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri masing-masing mempunyai struktur pengurusan tersendiri yang teratur dan sesuai dengan menetapkan pihak yang terlibat dengan aktiviti ini. Di peringkat Kementerian, Bahagian Kewangan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Perancangan Dan Dasar Pembangunan Wanita serta Bahagian Dasar Sosial Negara adalah bertanggungjawab terhadap aktiviti ini dari segi perancangan projek dengan NGO, penyelarasan pemberian kepada NGO, penilaian dan pemantauan program NGO serta menyelaras Majlis Dialog NGO.

19.4.1.2. Di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita, terdapat Bahagian Pembangunan Kapasiti serta Bahagian Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan pengagihan peruntukan bantuan khas serta pemantauan dan penilaian NGO.

19.4.1.3. Di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, tanggungjawab menguruskan aktiviti ini adalah diletakkan di bawah jagaan beberapa bahagian iaitu Bahagian Kanak-kanak, Orang Kurang Upaya, Warga Tua Dan Keluarga serta Pembangunan Komuniti yang dikehendaki menjalinkan perkongsian bijak dengan NGO, melakukan penilaian ke atas program/aktiviti NGO dan juga menyelaras bantuan geran kepada NGO.

19.4.1.4. Di peringkat negeri pula, urusan tapisan permohonan geran yang diterima daripada NGO dan perakuan serta pemantauannya adalah diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri masing-masing. Bagaimanapun didapati hal-hal berkaitan dengan bantuan khas seperti tapisan permohonan NGO, perakuan serta pemantauannya tidak diletakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri.

Pada pandangan Audit, terdapat struktur organisasi yang sesuai di semua peringkat sama ada di peringkat Kementerian, Jabatan dan Negeri di mana tugas dan tanggungjawab pihak yang terlibat dengan aktiviti ini telah ditetapkan dengan jelas. Bagaimanapun, adalah dicadangkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Pembangunan Wanita di peringkat negeri juga diberikan tanggungjawab menguruskan perkara berkaitan dengan pemberian bantuan khas sebagai usaha meningkatkan penglibatan serta pengawasan mereka dalam pelaksanaan aktiviti ini.

19.4.1.5. Setakat 31 Disember 2006, sejumlah 154 jawatan telah diluluskan untuk Jabatan Pembangunan Wanita di mana 137 jawatan daripadanya telah diisi. Manakala bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat pula daripada sejumlah 4,499 jawatan yang diluluskan, 3,208 jawatan telah diisi. Bagi memastikan kakitangan yang terlibat dengan aktiviti ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang relevan untuk menjalankan tugasnya dengan cekap dan berkesan, bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merancang pelbagai jenis kursus latihan/seminar/bengkel/persidangan yang sesuai bagi kakitangan yang terlibat. Antaranya ialah Kursus Pengurusan Pertubuhan Bukan Kerajaan; Kursus *Knowledge Management* Dalam Organisasi Sosial; Kursus Komunikasi Berkesan dalam Agensi Pembangunan Sosial; Kursus *Social Impact Assessment;* Kursus Pengurusan Krisis Dalam Agensi Pembangunan Sosial; Kursus Pengurusan Kos Strategik; Kursus Pengurusan Projek Kajian Sosial; Kursus Kerja Sosial Dengan Komuniti; Kursus Pengurusan Penganjuran Acara-acara Pembangunan Sosial; Kursus Pengurusan Bantuan Bencana; *ISM-UC Berkeley Experts Training on Developmental Welfare 2006;* Kursus Pengurusan Bantuan Kebajikan; Kursus Komunikasi Dalam Hubungan Sosial dan Kursus Pengurusan Konflik Dalam Organisasi Pembangunan Sosial. Didapati kesemua kursus yang dirancang pada umumnya telah dilaksanakan.

Pada pandangan Audit, guna tenaga dan latihan yang disediakan adalah mencukupi. Bagaimanapun, Kementerian perlu memberi pertimbangan kepada latihan lanjutan seperti di Jadual 19.1 yang telah diminta oleh kakitangan Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat daripada satu tinjauan yang dibuat oleh pihak Audit melalui soal selidik.

JADUAL 19.1
LATIHAN LANJUTAN YANG DIPERLUKAN OLEH PEGAWAI
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA DAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

PEGAWAI DARI JABATAN	CADANGAN LATIHAN / KURSUS LANJUTAN YANG DIPERLUKAN
Jabatan Pembangunan Wanita	*Management Accounting, Cost Benefit Analysis, Project Management, Monitoring & Evaluation* (terutamanya bagi projek sosial)
	Latihan Dalam Penyediaan Laporan Dan Kertas Kerja
	Komunikasi
Jabatan Kebajikan Masyarakat	Kursus Penilaian Dan Pemantauan
	Latihan Dalam Mendayaupayakan NGO Dari Segi Pembangunan Dan Pengurusan
	Pendedahan Kursus Bahasa/Komunikasi

19.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Program Pemberian Bantuan Kewangan Kepada NGO dibiayai daripada peruntukan mengurus. Keperluan kewangan bagi melaksanakan program ini ditentukan setelah mengambil kira beberapa faktor seperti batas perbelanjaan yang ditetapkan dan *trend* perbelanjaan tahun lalu. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Kementerian memohon peruntukan berjumlah RM142.7 juta di mana hanya RM106.54 juta telah diluluskan. **Setakat bulan Disember 2006, sejumlah RM112.5 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan program ini iaitu RM5.96 juta melebihi peruntukan yang diluluskan.**

19.4.3. Garis Panduan Untuk Mengurus Bantuan Kewangan

Pengurusan aktiviti ini perlu mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Pembangunan Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antaranya adalah seperti berikut :-

a. Garis panduan Induk untuk pertimbangan pemberian bantuan Kerajaan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

b. Garis panduan untuk pertimbangan pemberian bantuan Kerajaan kepada NGO yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita.

c. Garis panduan dan kaedah mengurus peruntukan bantuan khas Perbendaharaan kepada Majlis Pembangunan Wanita Dan Keluarga Negeri yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita.

d. Garis panduan pelaksanaan Program Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita.

e. Garis panduan pemberian bantuan geran dan urusan kutipan derma pertubuhan bukan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pada pandangan Audit, garis panduan yang sedia ada adalah mencukupi. Bagaimanapun, Kementerian perlu menggabungkan semua garis panduan berkaitan dengan pemberian bantuan khas dan geran dalam satu buku manual bagi memudahkan rujukan oleh kakitangan yang terlibat dengan aktiviti ini di semua peringkat organisasi.

19.4.4. Kelayakan Penerima Bantuan Kewangan

19.4.4.1. Bantuan Khas

a. Pemberian bantuan ini bertujuan membiayai program/projek sosial bagi bidang tertentu berdasarkan kumpulan sasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Contoh program/projek yang dilaksanakan dengan bantuan ini adalah latihan/kursus teknologi maklumat dan komunikasi, aktiviti peningkatan taraf ekonomi wanita, pendidikan kesihatan reproduktif dan literasi undang-undang keluarga/kanak-kanak/wanita.

b. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan diperjelaskan lagi oleh garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat beberapa kriteria kelayakan yang telah ditetapkan bagi pemberian bantuan khas yang antara lainnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.2
KRITERIA KELAYAKAN PENERIMA BANTUAN KHAS

BIL.	KRITERIA KELAYAKAN YANG DITETAPKAN
1	Mempunyai Kumpulan Sasar Wanita, Keluarga Dan Kebajikan Masyarakat
2	Berdaftar Dengan Mana-mana Pendaftar
3	Tidak Berorientasikan Keuntungan (*Non-Profit Making*)
4	Tidak Mempunyai Kedudukan Kewangan Yang Kukuh*
5	Mempunyai Perancangan Yang Konkrit Untuk Membiayai Program
6	Selaras Dengan Bidang Keutamaan Yang Ditetapkan Oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
7	Permohonan Berbentuk Program/Projek
8	Tidak Bertentangan Dengan Perlembagaan Dan Tidak Menyentuh Isu Sensitif

Nota : (*) Mulai Bulan Oktober 2001, Kementerian Kewangan Malaysia Memberi Kelonggaran Di Mana NGO Yang Mempunyai Kedudukan Kewangan Yang Kukuh Juga Layak.

c. Semakan Audit terhadap permohonan bantuan kewangan melibatkan 12 NGO mendapati perkara berikut :-

i. Bagi 3 NGO yang menerima bantuan khas berjumlah RM1.23 juta pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kriteria kelayakan yang ditetapkan telah dipatuhi atau tidak kerana kertas cadangan program/projek, borang permohonan bantuan khas atau kedua-dua dokumen ini tidak dapat dikesan di Ibu Pejabat, Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.3
KERTAS CADANGAN PROGRAM/PROJEK DAN BORANG PERMOHONAN TIDAK DAPAT DIKESAN

NGO	PROGAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia	Program Latihan Kepada '*Care Giver* Dan Peningkatan Keupayaan'.	540,000
	Simposium Kebangsaan 'Kebajikan Dan Pembangunan Sosial Di Malaysia Isu Dan Cabaran'.	25,000

NGO	PROGAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia	Program Wanita Cemerlang Keluarga Gemilang.	130,500
	Seminar Pencegahan Jenayah.	30,000
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia	Program Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah.	500,000

ii. Sebuah NGO iaitu Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perak telah diberi bantuan berjumlah RM54,000 pada 17 Januari 2006 bagi melaksanakan Program Sosial Jalinan Kasih Bersama Orang Kurang Upaya (OKU), Anak Yatim Dan Warga Emas sungguhpun pertubuhan itu telah pun dibubarkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada bulan Oktober 2005 melalui Perintah Pembatalan kerana gagal mengemukakan retan tahunan 2004 kepada pendaftar tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.

19.4.4.2. Geran

a. Geran yang diberi oleh Kementerian kepada NGO adalah terdiri dari 3 kategori seperti berikut :-

i. Geran Pentadbiran

Geran ini diberikan kepada NGO peringkat kebangsaan bagi membantu menampung sebahagian daripada kos pentadbirannya. Geran ini digunakan bagi tujuan bayaran emolumen, sewaan premis, kos utiliti dan yuran gabungan pertubuhan antarabangsa.

ii. Geran Penyenggaraan

Geran ini diberikan kepada NGO yang mengendalikan perkhidmatan institusi atau pusat jagaan harian bagi membantu golongan kanak-kanak yatim dan miskin, warga tua, remaja (juvana), wanita bermasalah dan orang kurang upaya kecuali pusat asuhan kanak-kanak. Geran ini diberikan berdasarkan kadar harian yang ditetapkan bagi setiap orang dari kumpulan sasar berkenaan perlu digunakan oleh NGO bagi tujuan perbelanjaan makanan dan minuman penghuni institusi atau pusat jagaan berkenaan.

iii. Geran Emolumen Guru/Perkapita

- Geran emolumen guru diberikan kepada NGO yang mengendalikan sekolah kanak-kanak atau pusat jagaan harian bagi kanak-kanak cacat akal untuk menampung keperluan khas. Geran emolumen guru dibayar berdasarkan Gred Gaji Skim Saraan Malaysia bagi pegawai Gred N41 dan Kerani Gred N17.
- Geran perkapita pula merupakan pemberian tambahan kepada NGO yang mengendalikan sekolah khas bagi kanak-kanak cacat untuk membiayai keperluan pendidikan khas berdasarkan kadar bantuan

perkapita yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi sekolah rendah khas cacat pendengaran.

b. Kriteria kelayakan bagi memohon geran tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.4
KRITERIA KELAYAKAN PENERIMA GERAN

BIL.	KRITERIA KELAYAKAN YANG DITETAPKAN
1.	Pertubuhan Berdaftar Di Bawah Akta Pertubuhan 1966
2.	Pertubuhan Bertaraf Tempatan
3.	Pertubuhan Yang Bercorak Kebajikan
4.	Pertubuhan Atau Organisasi Yang Ditubuhkan Berdasarkan Peruntukan Akta
5.	Pertubuhan Berdaftar Di Bawah Akta Pusat Jagaan 1993 Bagi Yang Mengendalikan Program Institusi Berkediaman Atau Pusat Jagaan Harian
6.	Pertubuhan Peringkat Kebangsaan (Bagi Geran Pentadbiran Sahaja)
7.	Pertubuhan Mengendalikan Sekolah Atau Pusat Jagaan Harian Bagi Kanak-kanak Cacat Akal Untuk Keperluan Pembelajaran Khas (Bagi Geran Emolumen Guru/Perkapita Sahaja)
8.	Tidak Mempunyai Kedudukan Kewangan Yang Kukuh

c. Semakan Audit terhadap permohonan geran yang melibatkan 10 NGO mendapati perkara berikut :-

i. Sebanyak 4 NGO telah diberi geran sungguhpun mereka mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.5
NGO MEMPUNYAI KEDUDUKAN KEWANGAN YANG KUKUH TETAPI MENDAPAT GERAN

NGO	JENIS BANTUAN GERAN	PEMBERIAN GERAN TAHUN 2006 (RM)	KEDUDUKAN KEWANGAN NGO			
			BANGUNAN (RM)	SIMPANAN TETAP (RM)	WANG TUNAI DI BANK (RM)	JUMLAH (RM)
PERSATUAN KEBANGSAAN AUTISME MALAYSIA						
Cawangan Vokasional Bengkel Daya Klang	Penyenggaraan	34,892	437,638	637,250	1,215,518	**2,290,406**
Cawangan Kuala Lumpur		79,570				
Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia	Pentadbiran	40,000	4,272,347	2,356,117	103,351	**6,731,815**
Yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim Kelantan	Penyenggaraan	123,3700	1,882,545	963,330	3,129,181	**5,975,056**
Rumah Kanak-kanak Taiping	Penyenggaraan	183,960	972,584	1,096,583	148,521	**2,217,688**

ii. Mengikut Garis Panduan Bantuan Kewangan kepada NGO yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 1998, hanya NGO peringkat kebangsaan layak diberi geran pentadbiran. Semakan Audit

mendapati **29 NGO yang penglibatannya hanya di peringkat negeri telah mendapat geran bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 berjumlah RM588,000.** NGO yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.6
NGO PERINGKAT NEGERI YANG MENERIMA
GERAN PENTADBIRAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

NGO	NEGERI	PROGRAM YANG DIJALANKAN	JUMLAH GERAN YANG DITERIMA (RM)		
			2004	2005	2006
Persatuan Membantu Orang-orang Dalam Penyeliaan Negeri Kedah	Kedah	• Penempatan Kerja Bagi Bekas Banduan. • Program Pemulihan. • Program Integrasi.	3,000	3,000	3,000
Persatuan Kesihatan Jiwa Pulau Pinang	Pulau Pinang	• Aktiviti Pencegahan Penyakit Jiwa. • Ceramah Di Sekolah Mengenai Isu Kesihatan Mental. • Pidato Kesihatan Mental. • Ceramah Umum.	5,000	10,000	10,000
Counseling Centre (*The Befrienders*) Pulau Pinang	Pulau Pinang	• Khidmat Kaunseling. • Program Keagamaan. • Rawatan/Pemulihan/Arak/Dadah.	8,000	8,000	8,000
Majlis Kebajikan Wanita Pulau Pinang	Pulau Pinang	• Perlindungan Sementara Ibu-Ibu Mengandung Luar Nikah. • Kaunseling Kepada Wanita Bermasalah.	40,000	40,000	-
Perak Palliative Care Society	Perak	• Sokongan Dan Mendaya Usahakan Keluarga Pesakit Dan Pesakit. • Kaunseling. • Latihan Kepada Penjaga. • Mempromosi Semangat Sukarelawan Dan Kesedaran Kepada Masyarakat Berkaitan *'Palliative Care'*. • Memberi Perkhidmatan *Out Patient.* • Kutipan Derma.	-	10,000	10,000
Persatuan Befriender Ipoh, Perak	Perak	Kaunseling/Rawatan/Pemulihan Penagih Arak Dan Dadah.	4,000	4,000	4,000
Persatuan Orang Cacat Pendengaran Selangor	Selangor	• Program Dan Aktiviti Advokasi Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran. • Kelas Bahasa Isyarat. • Aktiviti Riadah, Sosial, Perpaduan Dan Agama Bagi Ahli.	2,000	2,000	2,000
Persatuan Mobiliti Selangor Dan WP Kuala Lumpur	Selangor	Perkhidmatan Pengangkutan 'Door To Door' Kepada OKU Dan Warga Tua Yang Bermasalah.	10,000	10,000	10,000
Protect And Save The Children Association Of Selangor & Kuala Lumpur	Selangor	Program Pencegahan Untuk Kanak-Kanak Perkhidmatan Terapi Dan Sokongan Bagi Mangsa Deraan Sosial.	6,000	6,000	6,000

NGO	NEGERI	PROGRAM YANG DIJALANKAN	JUMLAH GERAN YANG DITERIMA (RM)		
			2004	2005	2006
Persatuan Jalinan Sokongan Komuniti	Selangor	• Mengadakan Sistem Jaringan Dalam Komuniti, Menggalakkan Kesukarelawan Di Kalangan Sukarelawan. • Menggalakkan Kesedaran Masyarakat Tentang Keperluan Masyarakat Terhadap Kesukarelawan. • Menjalankan Advokasi Bagi Menggalakkan Pemimpin Tempatan. • Menolong Sesama Sendiri Bagi Ahli-Ahli Masyarakat Berdikari.	5,000	5,000	5,000
Rumah Perlindungan Sosial Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia Klang	Selangor	• Perlindungan Kepada Wanita-Wanita Dalam Krisis. • Memberi Kaunseling. • Rujukan Kepada Agensi-Agensi Tertentu.	20,000	20,000	20,000
Sedia Bersahabat *(The Befrienders)*	Selangor	• Integrasi Kemasyarakatan. • Rekreasi/Kesukanan. • Khidmat Kaunseling.	8,000	8,000	8,000
Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	• Penempatan Kerja. • Aktiviti Kemasyarakatan.	18,000	18,000	18,000
Persatuan Membantu Bekas-bekas Banduan Negeri Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bantuan/Pemulihan/Kebajikan Bekas Banduan.	10,000	10,000	10,000
Pusat Bantuan Sentul	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Mewujudkan Komuniti Yang Bebas Dari Gejala Sosial Melalui Pelbagai Aktiviti Kebajikan.	5,000	5,000	5,000
Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Seminar/Ceramah Program Saudara Baru Sukan Dan Riadah Program Dekat Rakyat Penerbitan	6,000	6,000	6,000
Persatuan Orang Pekak Negeri Melaka	Melaka	• Menyatupadukan OKU • Pendengaran. • Menjalankan Program Dan Aktiviti Bagi OKU Pendengaran.	2,000	2,000	2,000
Persatuan Penjagaan Kanak-kanak Terencat Akal	Johor	Program Pemulihan, Penjagaan Dan Perlindungan.	6,000	6,000	6,000
Persatuan *Down Syndrome* Negeri Johor	Johor	• Latihan, Kursus Dan Bengkel. • Program Kesedaran Dan Pendidikan Sukarela Kebajikan/Agensi. • Rangkaian Jalinan Antara Pertubuhan. • Sukarela Kebajikan/Agensi. • Lawatan Sambil Belajar.	-	10,000	-
Persatuan Pengasuh Negeri Pahang	Pahang	• Majlis Dialog. • Kursus Pengasuh. • Bengkel. • Seminar.	6,000	6,000	-
Persatuan Insan Istimewa Kelantan	Kelantan	• Mesyuarat Agong Tahunan. • Hari Keluarga. • Sukarela. • Majlis Keagamaan. • Kelas Bahasa Inggeris . • Kaunseling.	6,000	6,000	6,000

NGO	NEGERI	PROGRAM YANG DIJALANKAN	JUMLAH GERAN YANG DITERIMA (RM)		
			2004	2005	2006
Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kelantan	Kelantan	• Kursus Urut/Masak. • Sukaneka. • Jaringan Di Antara Agensi/PSK. • Program Pendidikan/Kesedaran.	-	10,000	10,000
Persatuan Warga Kanan Kelantan	Kelantan	Penjagaan Dan Perlindungan Warga Tua.	2,000	2,000	2,000
Persatuan Orang Cacat Pendengaran Negeri Kelantan	Kelantan	Program Penggalakan Kepada Ahli Supaya Berdikari Dan Mempunyai Harga Diri Seperti:- Sukan Kebangsaan, Kursus Pemantapan Aqidah, Hari Keluarga, Kelas Fardu Ain, Kelas Bahasa Isyarat Dan Kem Motivasi	2,000	2,000	-
Persatuan kebajikan Orang-orang Cacat Pendengaran Terengganu	Terengganu	• Program, Aktiviti, Advokasi Bagi OKU Pendengaran. • Aktiviti Riadah. • Aktiviti Sosial Dan Perpaduan Di Kalangan Ahli. • Kelas Bahasa Isyarat.	2,000	2,000	2,000
Persatuan Pembangunan Orang Kurang Upaya Anggota Terengganu	Terengganu	• Seminar/Kursus/Bengkel. • Lawatan Sambil Belajar. • Penglibatan Paralimpik. • Jualan Amal. • Perkhemahan.	-	10,000	10,000
Pertubuhan Kebajikan Warga Tua Nurul Saadah Kg. Tok Dor	Terengganu	Perkhidmatan Penjagaan Warga Tua.	5,000	5,000	5,000
Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia Wilayah Terengganu	Terengganu	• Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain. • Lawatan Sambil Belajar. • Sukan OKU. • Tilawah Al-Quran.	-	-	3,000
Persatuan Untuk Orang-orang Pekak Tawau, Sabah	Sabah	Mengadakan Kelas Pendidikan Untuk Orang Pekak Dan Kelas Pemulihan Untuk OKU.	-	-	10,000
		JUMLAH	181,000	226,000	181,000

Pada pandangan Audit, kriteria kelayakan yang ditetapkan adalah memadai untuk menjamin hanya NGO yang mempunyai keupayaan dan prihatin terhadap pembangunan sosial mendapat bantuan Kerajaan. Bagaimanapun, Kementerian perlu memastikan hanya NGO yang layak diberi bantuan khas dan geran.

19.4.5. Memproses Dan Meluluskan Permohonan Bantuan Kewangan

19.4.5.1. Bantuan Khas

a. Mengikut garis panduan yang ditetapkan, permohonan bantuan khas yang diterima oleh Jabatan Pembangunan Wanita atau Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu disemak dan diproses seperti mana yang ditunjukkan di carta aliran seperti berikut :-

CARTA 19.1
CARTA ALIRAN PERMOHONAN BANTUAN KHAS



b. Semakan Audit terhadap permohonan melibatkan 12 NGO yang menerima bantuan khas mendapati perkara berikut :-

i. Sebanyak 4 NGO telah mengemukakan kertas cadangan program/projek yang tidak lengkap bagi permohonan bantuan kewangan. Ini adalah bertentangan dengan kehendak garis panduan. Tanpa kertas yang lengkap, adalah sukar untuk mengesahkan sama ada NGO mempunyai perancangan yang kukuh bagi program yang telah mendapat pembiayaan Kerajaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.7
KERTAS CADANGAN PROGRAM/PROJEK YANG TIDAK LENGKAP

NGO	PROGAM/PROJEK	KERTAS CADANGAN					
		1	2	3	4	5	6
Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia	Latihan Peningkatan Kapasiti NGO	X	✓	✓	X	X	X
Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perak	Program Sosial Jalinan Kasih Bersama OKU, Anak Yatim Dan Warga Emas	✓	✓	✓	✓	X	X
Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia	Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Ke-5: Dunia Islam Kontemporari	✓	✓	✓	✓	X	X
Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Caw. Daerah Tanah Merah	Kursus *Smart* Ringgit – Pengurusan Belanjawan Rumah Tangga	✓	✓	✓	✓	X	X

Nota : ***✓- Ada*** ***X - Tiada***

1. *Latar Belakang Program/Projek*
2. *Objektif/Tujuan Program/Projek*
3. *Komponen Program/Projek*
4. *Anggaran Keperluan Kewangan Dan Kos Secara Terperinci Bagi Setiap Projek/Program*
5. *Output Dan Faedah*
6. *Justifikasi*

ii. Mengikut garis panduan, permohonan bantuan khas perlu diproses dan diperakukan semasa mesyuarat Urusetia Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas (Urusetia) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha I sebelum dikemukakan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas (JPBK) untuk pertimbangan dan kelulusan. Mesyuarat JPBK dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Semakan Audit terhadap permohonan 12 NGO dalam tempoh tahun 2004 hingga Mac 2006 mendapati bantuan khas berjumlah RM3.80 juta telah diperakukan oleh Urusetia tetapi tidak menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas. Permohonan tersebut hanya diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan disokong oleh Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas secara edaran memo. Menyedari amalan ini menyalahi prosedur, **semasa mesyuarat Urusetia yang bersidang pada bulan April 2006, Pengerusi berkenaan telah memaklumkan bahawa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat telah memutuskan agar sokongan terhadap perakuan Urusetia secara pentadbiran atau edaran tidak dibenarkan dan sebaliknya hendaklah dibuat melalui mesyuarat JPBK sebelum ianya diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.** Bagaimanapun, masih terdapat 26 permohonan yang melibatkan bantuan khas berjumlah RM0.87 juta diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian berdasarkan kepada perakuan oleh JPBK yang dibuat secara edaran memo. Berikut diberikan beberapa contoh yang melibatkan pemberian bantuan khas bagi tahun 2006 :-

JADUAL 19.8
BANTUAN KHAS KEPADA NGO TAHUN 2006 YANG DIPERAKUKAN OLEH JAWATANKUASA PERAKUAN BANTUAN KHAS SECARA EDARAN

NGO	PROJEK/PROGRAM	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)	MESYUARAT URUSETIA	
			BIL.	TARIKH
Badan Amal Dan Kebajikan Isteri Wakil Rakyat Dan Bekas Isteri Wakil Rakyat Barisan Nasional Negeri Kelantan (PENAWAR)	Kursus Batik Tulis Tangan Untuk Ibu Tunggal Dan Wanita Negeri Kelantan Tahap 2	90,000	4/2006	18.05.2006
Persatuan Kebajikan Wanita Melayu Melaka (PEWANIM)	Seminar Pengurusan Diri, Masa Dan Peningkatan Kualiti Hidup Wanita	10,000	4/2006	18.05.2006
Persatuan Pendidikakan Dan Penyelidikan Untuk Pengguna Malaysia (ERA Consumer Malaysia)	Program Pembangunan Wanita	100,000	4/2006	18.05.2006
Pusat Kemajuan Sosial Dan Kebudayaan Orang-Orang India Malaysia (Center For Social Dan Cultural Of Malaysian Indians)	Kempen Kesedaran Keusahawanan Ibu Tunggal	8,000	4/2006	18.05.2006
Pertubuhan Tindakan Wanita Negeri Melaka (Society Of Women In Action Melaka)	Seminar Kesedaran Jenayah Seksual Di Kalangan Guru-Guru Tabika	12,000	4/2006	18.05.2006
Yayasan Kajian Pembangunan Masyarakat	Kem Remaja Dan Motivasi Diri	24,250	4/2006	18.05.2006
Rumah Amal Cheshire Selangor	Kursus Kemahiran Penjaga Institusi Dan Komuniti '*Nursing Skills Training*'	27,200	4/2006	18.05.2006
The Perlis Chinese School Teacher's Association	*Cyberwomen*	8,500	5/2006	27.06.2006
Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Cawangan Bukit Aman	Kelas Masakan	16,000	5/2006	27.06.2006
Kelab Perintis Ajaya Semporna Sabah (PERINTIS)	Gubahan & Masakan Wanita Bestari	6,000	5/2006	27.06.2006
Persatuan Kebaikan Balu Kota Kinabalu, Sabah	- Latihan Kemahiran Masak-Memasak	10,000	5/2006	27.06.2006
	- Latihan Kemahiran Kraftangan			
Persatuan Penduduk Taman PD Utama, Port Dickson, Negeri Sembilan	- Kursus Seni Tampal Dan Cantuman	31,000	5/2006	27.06.2006
	- Kursus Membuat Tembikar Menggunkana Tanah Liat Untuk Wanita			
	- Seminar Kerjaya Cemerlang Wanita Gemilang			
	- Kraftangan & Gubahan Bunga			
Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan)	Kursus Pembuatan Coklat	12,000	5/2006	27.06.2006
The Perlis Chinese School Teacher's Association	Seminar Undang-Undang & Wanita	9,500	5/2006	27.06.2006
Persatuan Keluarga Warga Emas Wanita Negeri Sembilan	Seminar Literasi Undang-Undang: Hak-Hak Wanita Ke Atas Pembahagian Harta Pusaka Dan Pengurusan Wasiat	5,600	5/2006	27.06.2006
Persatuan Keluarga Warga Emas Wanita Negeri Sembilan	Bengkel Meningkatkan Kualiti Hidup, Pengurusan Diri & Tekanan Dalam Kehidupan Wanita	13,400	5/2006	27.06.2006
Kelab Belia India Malaysia (MIYC) Cawangan Seremban	Seminar Mencegah, Membasmi & Menangani Keganasan Terhadap Wanita	20,000	5/2006	27.06.2006
Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia	Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Ke-5: Dunia Islam Kontemporari	130,000	6/2006	11.07.2006
Yayasan Pendidikan & Vokasional Wanita Malaysia	Bengkel *Women, Retirement And Ageing: Policies, Plans And Programmes (1-lpk)*	50,000	6/2006	11.07.2006
Selangor Yap Si Choong Chi	Perusahaan Kecantikan Dalam Era Baru	25,000	6/2006	11.07.2006
Persatuan Usahanita Wanita Bumiputra Malaysia (Association of Bumiputra Entrepreneurs) Persatuan Usahanita Cawangan Negeri Melaka	Seminar & Program Motivasi Ketrampilan & Komunikasi Diri Seorang Usahawan	9,000	6/2006	11.07.2006
Persatuan Wanita Kastam dan Eksais Di Raja, Johor Bahru (PEWAKAS)	Seminar Gaya Hidup Wanita Bestari	12,000	6/2006	11.07.2006
Persatuan Ibu Tunggal Wilayah Persekutuan Labuan	Prosedur Tuntutan Harta Sepencarian, Wasiat & Harta Pusaka	6,000	6/2006	11.07.2006
	Kursus Memperkasa Ibu Tunggal (Motivasi & Kaunseling)	30,000	6/2006	11.07.2006
Institut Kefahaman Islam Malaysia	Pembelaan Hak Wanita Melalui Kefahaman Tentang Harta Dalam Islam	36,000	6/2006	11.07.2006

NGO	PROJEK/PROGRAM	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)	MESYUARAT URUSETIA	
			BIL.	TARIKH
Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia	Kursus Latihan Jurulatih Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak	115,116	6/2006	11.07.2006
Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Pulau Pinang	Bengkel Latihan Asas Seni Urut Bagi Orang Buta	55,020	6/2006	11.07.2006
	JUMLAH	871,586		

Pada pandangan Audit, pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan hendaklah sentiasa diutamakan oleh Kementerian.

19.4.5.2. Geran

a. Semua permohonan geran untuk kali pertama dari NGO di peringkat negeri perlu dikemukakan melalui Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri manakala bagi NGO peringkat kebangsaan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Semua permohonan perlu dibuat dalam borang yang ditetapkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Panel Pemberian Geran NGO sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian Bantuan Geran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diluluskan. Pembayaran pertama bantuan geran kepada NGO perlu dibuat tidak lewat daripada 30 Mac dan bayaran kedua tidak lewat daripada 30 Ogos setiap tahun.

b. Mengikut garis panduan, sebelum Jawatankuasa Penilaian Bantuan Geran menimbangkan permohonan NGO untuk mendapat geran bagi kali kedua dan seterusnya, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri perlu membuat siasatan terhadap prestasi NGO berkenaan dan hasil siasatan tersebut dicatatkan dalam Laporan Kemajuan NGO. Laporan ini bersama-sama dengan Penyata Kira-kira Beraudit bagi tahun terkini perlu dikemukakan ke Ibu Pejabat tidak lewat dari 15 Februari setiap tahun.

c. Semakan Audit terhadap 42 borang permohonan melibatkan 10 NGO berhubung dengan geran mendapati **pada umumnya pemberian geran telah dibuat mengikut peraturan.**

19.4.6. Perjanjian Antara Penerima Dan Kementerian

19.4.6.1. Garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menghendaki Kementerian menandatangani perjanjian dengan NGO bagi setiap bantuan kewangan yang diberikan. Keperluan mengadakan perjanjian juga diperjelaskan lagi dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Wang bantuan hendaklah dikeluarkan kepada NGO hanya selepas perjanjian dimateraikan dan disetem. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Wang bantuan khas telah dibayar kepada 3 NGO berjumlah RM0.79 juta sebelum surat perjanjian ditandatangani. Salah satu perjanjian hanya ditandatangani selepas 5 bulan bayaran dibuat manakala 2 surat perjanjian masih belum ditandatangani sehingga kini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.9
BANTUAN KHAS DIBAYAR SEBELUM PERJANJIAN DITANDATANGANI

NGO	TAHUN	JUMLAH BANTUAN (RM Juta)	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI	TARIKH BANTUAN DIBAYAR
Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia	2006	0.57	12.06.06	12.01.06
Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia *	2006	0.02	Belum Ditandatangani	29.08.06
Protect And Save The Children Association Of Selangor & Kuala Lumpur	2006	0.20	Belum Ditandatangani	19.06.06
JUMLAH		**0.79**		

Nota : * - Surat Setuju Terima Yang Ditandatangani Masing-Masing Pada 12 April 2006 Dan 13 April 2006 Menghendaki Surat Perjanjian Dimateraikan.

b. Berhubung dengan bantuan geran pula, semakan Audit juga mendapati tiada surat perjanjian ditandatangani dengan NGO yang menerima geran daripada Kementerian. Berikut diberikan NGO yang menerima geran berjumlah RM50,000 dan ke atas tetapi tidak menandatangani perjanjian :-

JADUAL 19.10
CONTOH PENERIMA GERAN YANG TIDAK MENANDATANGANI SURAT PERJANJIAN

NGO	TAHUN	JUMLAH BANTUAN (RM)
Persatuan Bulan Sabit Merah	2004	150,000
Persatuan Bulan Sabit Merah	2004	1,600,000
Persatuan Bulan Sabit Merah	2005	1,600,000
Persatuan Bulan Sabit Merah	2006	1,600,000
Persatuan Bulan Sabit Merah	2004	54,500
Persatuan Bulan Sabit Merah	2005	54,500
Persatuan Bulan Sabit Merah	2006	54,500
Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia - Cawangan Kuala Lumpur	2006	79,570
Majlis Pemulihan Orang-Orang Cacat Negeri Kelantan - Bengkel Perabot	2006	71,540
Majlis Pemulihan Orang-Orang Cacat Negeri Kelantan - Pusat Harian Kanak-kanak Spastik	2006	99,280
Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Kelantan	2004	128,115
Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Kelantan	2005	128,115
Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Kelantan	2006	123,370
Pertubuhan Pendidikan Anak-Anak Yatim (Rumah Bakti)	2004	156,162
Pertubuhan Pendidikan Anak-Anak Yatim (Rumah Bakti)	2005	155,162
Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (Stesen Hulu)	2004	128,115
Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (Stesen Hulu)	2005	128,115

NGO	TAHUN	JUMLAH BANTUAN (RM)
Rumah Kebajikan Kanak-Kanak (Stesen Hulu)	2006	183,960
Persatuan Pemulihan Sultan Azlan Shah Bagi Orang-Orang Istimewa Perak	2004	94,535
Persatuan Pemulihan Sultan Azlan Shah Bagi Orang-Orang Istimewa Perak	2005	94,535
Persatuan Pemulihan Sultan Azlan Shah Bagi Orang-Orang Istimewa Perak	2006	135,050
Pusat Latihan Gurney Untuk Orang Buta	2006	102,200
Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2004	305,578
Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2005	305,578
Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2006	497,130

Pada pandangan Audit, demi melindungi kepentingan Kerajaan, Kementerian hendaklah memastikan bahawa satu perjanjian dimateraikan dengan NGO bagi setiap bantuan yang diberikan tidak kira sama ada bantuan khas atau geran.

19.4.6.2. Mengikut perjanjian bantuan khas yang ditandatangani antara NGO dan Kementerian, setiap NGO hendaklah memastikan bantuan khas itu disimpan dalam satu akaun bank yang berasingan dan pengeluaran wang bantuan itu adalah berdasarkan perbelanjaan yang diluluskan sahaja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 9 NGO yang menerima bantuan khas tidak berbuat sedemikian. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.11
AKAUN BANK BERASINGAN TIDAK DIBUKA
BAGI MENYIMPAN BANTUAN YANG DITERIMA

NGO	PROJEK/ PROGRAM	TAHUN	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)
Protect And Save The Children Association Of Selangor And Kuala Lumpur	*Safer Schools: Education And Involvement Of School Counselors To Prevent Child Sexual Abuse*	2006	200,000
Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia	*Program Women In Media: Depiction And Distortion in Malaysia Television Dramas*	2004	100,400
	Program Wanita Cemerlang Keluarga Gemilang	2004	130,500
	Police Kit	2004	53,060
	Seminar Pencegahan Jenayah	2004	30,000
	Muktamar Pertubuhan-pertubuhan Perempuan Islam Ke-5: Dunia Islam Kontemporari	2006	130,000
Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia	Latihan Peningkatan Kapasiti NGO	2004	48,240
	Program Latihan Kepada *'Care Giver* & Peningkatan Keupayaan'	2006	540,000
	Simposium Kebangsaan 'Kebajikan & Pembangunan Sosial Di Malaysia:'Isu Dan Cabaran'	2006	25,000
Pertubuhan Prihatin Sosial Malaysia	Projek E-Industri Desa (Fasa 1)	2004	167,236
	Projek E-Industri Desa (Fasa 2)	2005	165,358

NGO	PROJEK/ PROGRAM	TAHUN	JUMLAH BANTUAN DILULUSKAN (RM)
Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perak	Program Sosial Jalinan Kasih Bersama OKU, Anak Yatim & Warga Emas	2006	54,000
Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Cawangan Daerah Tanah Merah	Kursus *Smart* Ringgit - Pengurusan Belanjawan Rumah Tangga	2005	72,520
Yayasan Pembangunan Wanita Murni Kelantan	Program Kursus Jahitan Program Sijil Kemahiran Malaysia Untuk Ibu Tunggal & Wanita Negeri Kelantan	2005	479,400
	Program Peningkatan Jahitan Sulaman Untuk Ibu Tunggal	2004	65,880
	Program Peningkatan Kualiti Wanita Pengurus Rumah Tangga	2004	107,070
Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia	Kursus Untuk Ibu Bapa Kanak-kanak Autisme	2006	20,000
Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia	Program Seorang Pembantu Pertolongan Cemas Dalam Setiap Rumah	2005	500,000

19.4.6.3. Mengikut perjanjian, setiap NGO yang menerima bantuan khas dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan dan Laporan Kewangan kepada Kerajaan tidak lewat dari 3 bulan selepas program berkenaan tamat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sehingga 1 Jun 2006, terdapat 29 NGO yang masih belum mengemukakan laporan akhir tersebut bagi 34 program melibatkan pemberian bantuan berjumlah RM1.24 juta sungguhpun tempoh pelaksanaannya telah pun tamat antara bulan Julai 2004 hingga Februari 2006.

19.4.6.4. Setiap NGO dikehendaki memulangkan semula lebihan wang bantuan yang tidak dibelanjakan kepada Kementerian dalam tempoh 30 hari selepas program tamat. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Laporan Pelaksanaan Program yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita mendapati 27 NGO yang mempunyai lebihan wang bantuan berjumlah RM0.57 juta masih belum mengembalikan kepada Kementerian sungguhpun program berkenaan telah dilaksanakan melebihi setahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.12
NGO YANG TIDAK MEMULANGKAN SURPLUS/BAKI BANTUAN KHAS BAGI TEMPOH 2003 HINGGA 2005

TAHUN	BILANGAN NGO	JUMLAH BANTUAN (RM)	JUMLAH DIBELANJA (RM)	LEBIHAN (RM)
2003	7	672,969	368,784	304,184
2004	16	907,690	701,696	205,993
2005	4	254,130	190,040	64,089
JUMLAH	**27**	**1,834,789**	**1,260,520**	**574,266**

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap NGO yang gagal mematuhi syarat perjanjian seperti memberhentikan pemberian bantuan kewangan kepada mereka.

19.4.7. Penggunaan Bantuan Kerajaan

Setiap bantuan kewangan yang diberikan oleh pihak Kementerian sama ada bantuan khas ataupun geran hendaklah digunakan bagi tujuan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

19.4.7.1. Mengikut garis panduan, geran penyenggaraan perlu digunakan untuk membiayai perbelanjaan makanan dan minuman penghuni di institut atau pusat jagaan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati geran ini telah digunakan untuk membiayai kos pentadbiran. Berikut diberikan contohnya :-

JADUAL 19.13
NGO YANG MENGGUNAKAN GERAN
BAGI TUJUAN SELAIN DARIPADA YANG DITETAPKAN

NGO	TAHUN	JUMLAH (RM)	JENIS GERAN	TUJUAN SEBENAR DIGUNAKAN
Persatuan Pemulihan Sultan Azlan Shah Bagi Orang-orang Istimewa Perak	2005	94,535	Geran Penyelenggaraan	Membiayai kos-kos pentadbiran
Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia	2004	79,577	Geran Penyelenggaraan	Membiayai kos-kos pentadbiran
	2005	35,770		

19.4.7.2. Mengikut garis panduan, NGO tidak dibenarkan untuk menggunakan bantuan kewangan bagi membiayai perbelanjaan yang melibatkan bayaran cenderahati/sagu hati/hadiah, elaun, gaji, potongan KWSP dan PERKESO secara tetap untuk pekerja/kakitangan persatuan/pertubuhan dan kerja penyenggaraan serta kos pengurusan pejabat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati beberapa NGO telah membuat perbelanjaan yang tidak dibenarkan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.14
NGO MENGGUNAKAN WANG BANTUAN UNTUK
MEMBIAYAI PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

NGO	JENIS PERBELANJAAN													AMAUN TERLIBAT (RM)
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	
Persatuan Bulan Sabit Merah	✓					✓								3,828
Yayasan Pendidikan Dan Vokasional Wanita Malaysia		✓	✓	✓				✓						107,587
Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia							✓							2,950
Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Caw. Daerah Tanah Merah									✓	✓				2,120

NGO	JENIS PERBELANJAAN													AMAUN TERLIBAT (RM)
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	
Pertubuhan Prihatin Sosial Malaysia								✓			✓	✓	✓	2,040
Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia					✓						✓			8,904

Nota : ***✓ - Ada Perbelanjaan***

1 - Elaun
2 - Gaji, KWSP Dan PERKESO
3 - Air, Elektrik, Telefon Dan Multimedia
4 - Sewaan Pejabat/Rumah
5 - Cenderahati
6 - Petrol
7 - Pemeriksaan Kesihatan
8 - Penyenggaraan Komputer
9 - Banner
10 - Pengangkutan Urusetia
11 - Pengangkutan Penceramah
12 - Kad Nama Persendirian
13 - Penginapan Pensyarah

19.4.7.3. Sebuah NGO iaitu Yayasan Nikmat Untuk Rakyat (Yayasan NUR) telah menerima bantuan khas berjumlah RM0.26 juta pada bulan Februari 2005. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Yayasan NUR tersebut pada bulan Disember 2006 mendapati wang bantuan ini masih belum dibelanjakan. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa Kementerian telah mengambil tindakan terhadap NGO berkenaan sungguhpun syarat perjanjian memberi kuasa kepada Kementerian untuk menamatkan perjanjian.

19.4.7.4. Semakan Audit mendapati Yayasan Murni Kelantan yang menerima bantuan khas berjumlah RM0.48 juta bagi menjalankan Program Sijil Kemahiran Malaysia untuk ibu tunggal dan wanita telah memaklumkan kepada Kementerian melalui Laporan Akhir Pelaksanaan Program bahawa keseluruhan amaun yang diterima telah dibelanjakan. Bagaimanapun, semakan terhadap baucar bayaran berkaitan dengan program tersebut mendapati hanya RM0.25 juta yang dibelanjakan. Ini bermakna sejumlah RM0.23 juta patut dikembalikan kepada Kementerian.

Pada pandangan Audit, bagi memastikan aktiviti ini memberikan sepenuh manfaat kepada kumpulan sasar, Kementerian hendaklah memastikan NGO menggunakan wang bantuan hanya bagi tujuan yang ditetapkan dan wang lebihan dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan.

19.4.8. Pandangan Peserta Yang Menyertai Program/Aktiviti Yang Dilaksanakan Oleh NGO Dengan Bantuan Kerajaan

Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan 250 borang soal selidik kepada peserta program anjuran NGO. Antara aspek yang disentuh dalam soal selidik tersebut ialah pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi daripada program dan caj penyertaan program yang dikenakan oleh NGO. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 44 (17.6%) responden, didapati 37 responden memaklumkan bahawa tiada caj dikenakan bagi program yang dihadiri. Seramai 39 responden bersetuju bahawa program yang disertai telah menambahkan pengetahuan dan kemahiran di mana ceramah diberi oleh mereka yang berpengetahuan dan mempunyai kemahiran dalam bidang berkenaan.

19.4.9. Pemantauan

19.4.9.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Dan Penilaian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dan dihadiri oleh wakil beberapa agensi termasuk Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diadakan 4 kali setahun. Mesyuarat telah membincang dan mencari penyelesaian terhadap pelbagai masalah yang menjejaskan perjalanan program ini. Agensi-agensi pelaksana seperti Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan susulan terhadap keputusan mesyuarat dan melaporkan kedudukannya di mesyuarat berikutnya. Bagaimanapun, didapati Kementerian lewat menghantar laporan tahunan bagi tahun 2005 ke Perbendaharaan Malaysia berhubung dengan kedudukan pemberian bantuan kewangan seperti mana yang dikehendaki oleh garis panduan. Manakala laporan tahunan bagi tahun 2006 masih belum dihantar ke Perbendaharaan Malaysia.

19.4.9.2. Agensi-agensi pelaksana dan juga NGO dikehendaki menghantar beberapa laporan maklum balas secara berkala seperti laporan kemajuan suku tahun dan kewangan, laporan akhir dan laporan tahunan ke Kementerian dan Ibu Pejabat, Jabatan Pembangunan Wanita dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagaimanapun, didapati beberapa NGO tidak menyedia dan mengemukakan laporan tahunannya (aktiviti dan akaun) kepada Kementerian/Jabatan. Ketiadaan laporan tahunan antara lainnya telah menjejaskan usaha-usaha Kementerian/Jabatan dalam memantau bantuan kewangan yang diberi kepada NGO sama ada ia telah diperakaun dengan betul dan digunakan bagi tujuan dan dalam tempoh yang ditetapkan.

19.4.9.3. Agensi-agensi pelaksana dikehendaki membuat naziran ke NGO yang terpilih iaitu yang menerima bantuan RM50,000 dan ke atas bagi memastikan semua terma perjanjian dipatuhi dan pelaksanaan program/aktiviti dibuat mengikut garis panduan. Bagi NGO terpilih yang menerima bantuan khas RM100,000 ke atas, naziran akan dibuat bersama dengan pegawai Audit dalam Kementerian. Semakan Audit mendapati naziran hanya dibuat di NGO yang dipilih secara rawak oleh Jabatan Pembangunan Wanita, manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak langsung membuat lawatan naziran. Bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Julai 2006, naziran hanya dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita di 7 NGO yang menerima bantuan khas berjumlah RM0.99 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.15
KEDUDUKAN NAZIRAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN LAWATAN	BILANGAN NGO YANG MENERIMA BANTUAN KHAS	BILANGAN NAZIRAN	JUMLAH BANTUAN KHAS (RM)	NGO YANG DILAWATI
2004	72	1	99,516	Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia.
		1	48,000	Persatuan Kemajuan Ekonomi Dan Kebajikan Wanita Melayu, Negeri Sembilan
2005	81	2	165,358	Pertubuhan Prihatin Sosial Malaysia
		1	66,540	Pertubuhan Rangkaian Pembangunan Kesinambungan
		1	479,400	Yayasan Pembangunan Wanita Murni
Julai 2006	73	1	84,000	Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia
		1	50,000	Yayasan Pendidikan Dan Vokasional Wanita Malaysia
JUMLAH		**8**	**992,814**	

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap aktiviti NGO yang melibatkan bantuan kewangan perlu dipertingkatkan.

19.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, kumpulan sasar berkenaan telah dapat menikmati faedah menerusi pelbagai perkhidmatan dan aktiviti yang disediakan oleh NGO dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan program ini. Antaranya ialah pengeluaran bantuan kewangan kepada NGO tidak dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan seperti bantuan diberi kepada NGO yang tidak layak, surat perjanjian lewat/tidak ditandatangani sungguhpun bayaran telah dibuat kepada NGO dan NGO menggunakan wang bantuan untuk tujuan yang tidak dibenarkan. Bagi mengatasi kelemahan ini, disyorkan pemantauan terhadap aktiviti NGO yang melibatkan bantuan kewangan dipertingkatkan.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

20. PENGURUSAN AKTIVITI KOLEJ KOMUNITI

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Kerajaan telah menubuhkan Kolej Komuniti dengan objektif untuk menyediakan pendidikan/latihan yang dinamik dan berkualiti melalui :-

a. Penganjuran dan pewujudan laluan alternatif kepada pelajar lepasan menengah untuk melanjutkan pelajaran dan latihan.

b. Penganjuran dan penyediaan peluang pembelajaran sepanjang hayat dalam membangunkan komuniti berpengetahuan (*K-communities*).

c. Penyediaan peluang latihan bagi meningkatkan kemahiran (*up-skilling*) dan melatih semula (*re-skilling*) tenaga kerja setempat.

20.1.2. Sehingga bulan Disember 2006, terdapat 35 Kolej Komuniti di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 27 Kolej Komuniti mempunyai premis tetap manakala 8 Kolej Komuniti masih menumpang di Sekolah Menengah Teknik/Sekolah Menengah Kebangsaan sementara menunggu premis tetap disiapkan.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan aktiviti Kolej Komuniti telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur serta berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.

20.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti Kolej Komuniti. Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) dan 8 Kolej Komuniti di negeri iaitu Kolej Komuniti Arau, Perlis; Kolej Komuniti Hulu Langat dan Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor; Kolej Komuniti Jempol dan Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan; Kolej Komuniti Paya Besar, Pahang serta Kolej Komuniti Mas Gading dan Kolej Komuniti Kuching, Sarawak. Selain itu, temu bual dan soal selidik telah disediakan untuk mendapatkan maklum balas pelajar tentang pelaksanaan Kolej Komuniti.

20.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

20.4.1. Pengurusan Aktiviti

20.4.1.1. Peringkat Kementerian

a. Di peringkat Kementerian, Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti, Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti yang diketuai oleh Ir. Ashah bt. Ab. Rahman, Pengarah Gred JUSA C bertanggungjawab mengawal selia pengurusan semua Kolej Komuniti. Antara fungsi bahagian tersebut ialah :-

- Menetap dan melaksanakan dasar dan hala tuju sistem pengajian Kolej Komuniti selaras dengan keperluan industri dan negara.
- Merancang dan memantau pelaksanaan dasar yang berkaitan dengan kurikulum, kokurikulum dan latihan industri.
- Merancang, memantau dan mengawal pembangunan fizikal Kolej Komuniti termasuk penyediaan brif projek serta jadual penggunaan ruang dan keperluan peralatan bukan akademik.
- Merancang, melaksana dan memantau serta menambah baik dasar pengambilan dan penempatan pelajar.

b. Struktur organisasi Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 20.1
STRUKTUR ORGANISASI
BAHAGIAN PENGURUSAN KOLEJ KOMUNITI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



c. Bagi tahun 2006, terdapat 32 jawatan diluluskan untuk Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti. Pada bulan Oktober 2006, Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk penstrukturan semula Jabatan.

Sebanyak 55 jawatan baru sebagai tambahan kepada 32 jawatan sedia ada telah dipohon untuk Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti. Jawatan tambahan ini diperlukan memandangkan jawatan yang sedia ada tidak berupaya mengawal selia 35 kolej berbanding dengan hanya 11 kolej semasa jawatan tersebut diwujudkan. Tambahan pula, bilangan Kolej Komuniti akan ditambah secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Setakat bulan Disember 2006, permohonan jawatan tambahan masih belum diluluskan dan hanya 25 daripada 32 jawatan yang sedia ada telah diisi. Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti telah meminjam 5 pegawai Gred DG41 dan 2 pegawai Gred DGA34 yang mana 4 daripadanya adalah dari Kolej Komuniti dan 3 dari Politeknik.

20.4.1.2. Peringkat Kolej Komuniti

a. Secara umumnya, Kolej Komuniti diketuai oleh seorang Pengarah sama ada Gred DG52/DG48 dan dibantu oleh pegawai kanan, pensyarah dan juga kakitangan sokongan. Struktur organisasi Kolej Komuniti adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 20.2
STRUKTUR ORGANISASI KOLEJ KOMUNITI



b. Bagi mengendalikan urusan pentadbiran dan kewangan, setiap Kolej Komuniti mempunyai antara 13 hingga 22 jawatan. Daripada 152 jawatan yang diluluskan bagi 8 Kolej Komuniti yang dilawati, 131 jawatan telah diisi. Jawatan yang belum diisi terdiri daripada Penolong Pegawai Tadbir, Juruteknik, Juruteknik Komputer, Pembantu Tadbir, Pembantu Makmal, Pegawai Khidmat Pelanggan, Pembantu Tadbir Rendah, Pembantu Am Rendah dan Pemandu. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.1
PENGISIAN JAWATAN UNTUK

URUSAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

KOLEJ KOMUNITI	BILANGAN JAWATAN			JAWATAN KOSONG	GRED JAWATAN
	LULUS	ISI	KOSONG		
Arau	18	17	1	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17
Hulu Langat	19	16	3	Juruteknik Komputer	FT17
				Pembantu Tadbir	N17
				Pegawai Khidmat Pelanggan	N17
Kuala Langat	22	19	3	Pembantu Makmal	C17
				Juruteknik Komputer	FT17
				Pegawai Khidmat Pelanggan	N17
Jempol	19	18	1	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17
Jelebu	22	18	4	Penolong Pegawai Tadbir	N27
				Pembantu Makmal	C17
				Pegawai Khidmat Pelanggan	N17
				Pembantu Am Rendah	N1
Paya Besar	21	18	3	Juruteknik	J17
				Pembantu Tadbir	N17
				Pegawai Khidmat Pelanggan	N17
Mas Gading	13	10	3	Pembantu Tadbir	N17
				Pegawai Khidmat Pelanggan	N17
				Pembantu Makmal	C17
Kuching	18	15	3	Pembantu Tadbir	N17
				Pembantu Tadbir Rendah	N11
				Pemandu	R3
JUMLAH	**152**	**131**	**21**		

c. Program latihan bagi tenaga pengajar dan kakitangan pentadbiran Kolej Komuniti dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti dan Bahagian Latihan Dan Kerjaya, Kementerian. Pada tahun 2006, sebanyak 32 kursus telah dirancang oleh Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti di mana 24 kursus daripadanya telah dilaksanakan. Antara kursus yang telah dianjurkan untuk tenaga pengajar ialah Kursus Pengurusan Projek Secara Profesional, Kursus Konstektual Matematik, Kursus Keusahawanan, Kursus Kemahiran Komunikasi dan Perundingan Berkesan. Bagi Bahagian Latihan Dan Kerjaya, kesemua 95 kursus yang dirancang untuk tahun 2006 telah dilaksanakan. Antara kursus yang dilaksanakan ialah Kursus Penyenggaraan Elektrik Asas, Kimpalan Arka dan Gas, Pemasangan Komputer, Asas Penyelenggaraan dan Pengendalian Kenderaan serta Pengurusan Kewangan.

Pada pandangan Audit, Kementerian telah mewujudkan struktur organisasi yang jelas untuk pengurusan aktiviti Kolej Komuniti.

20.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

20.4.2.1. Bagi tahun 2005 dan 2006, jumlah peruntukan yang diluluskan untuk melaksanakan aktiviti di 35 Kolej Komuniti ialah RM228.74 juta dan sejumlah

RM210.29 juta telah dibelanjakan. Butiran mengenai peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
KOLEJ KOMUNITI BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	% PERBELANJAAN
2005	118.34	109.43	92.5
2006	110.40	100.86	91.4
JUMLAH	**228.74**	**210.29**	**91.9**

20.4.2.2. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, sejumlah RM45.25 juta telah dibelanjakan oleh 8 Kolej Komuniti yang diaudit. Bagi tahun 2005 dan 2006, Kolej Komuniti juga telah berjaya mengutip yuran bagi Kursus Sijil Sepenuh Masa dan Kursus Jangka Pendek berjumlah RM1 juta. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 20.3
PERBELANJAAN DAN HASIL MELIBATKAN
LAPAN KOLEJ KOMUNITI BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

KOLEJ KOMUNITI	TAHUN 2005 (RM)			TAHUN 2006 (RM)			JUMLAH (RM)		
	a	b	c	a	b	c	a	b	c
Arau	2,779,500	2,618,429	58,610	3,851,080	3,598,246	114,675	6,630,580	6,216,675	173,285
Hulu Langat	2,100,400	2,021,304	49,160	2,961,350	2,811,205	69,330	5,061,750	4,832,509	118,490
Kuala Langat	4,877,994	4,731,765	124,290	4,052,130	3,832,868	154,315	8,930,124	8,564,633	278,605
Jempol	2,615,000	2,585,131	27,690	3,370,520	3,320,679	55,145	5,985,520	5,905,810	82,835
Jelebu	3,867,910	3,632,430	34,940	2,147,170	2,001,844	30,785	6,015,080	5,634,274	65,725
Paya Besar	3,568,287	3,483,915	49,940	2,483,305	2,393,673	50,090	6,051,592	5,877,588	100,030
Mas Gading	2,470,950	2,007,005	30,525	1,993,290	1,847,283	30,075	4,464,240	3,854,288	60,600
Kuching	2,278,400	2,154,256	61,940	2,450,765	2,214,631	62,680	4,729,165	4,368,887	124,620
JUMLAH	**24,558,441**	**23,234,235**	**437,095**	**23,309,610**	**22,020,429**	**567,095**	**47,868,051**	**45,254,664**	**1,004,190**

Nota : a - Peruntukan b - Perbelanjaan c - Kutipan Yuran

20.4.3. Pelaksanaan Kursus

20.4.3.1. Kolej Komuniti menawarkan 2 jenis kursus seperti berikut :-

a. Kursus Sijil Sepenuh Masa

Kursus Sijil Sepenuh Masa adalah untuk memberi peluang pendidikan kepada pelajar lepasan menengah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Ia berbentuk modular yang mengutamakan kemahiran berasaskan "Teknologi Maklumat dan Komunikasi" dan mengandungi "K-Content". Tempoh kursus ini adalah antara 2 tahun (4 semester) hingga 5 tahun (10 semester). Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah secara *hands-on* di mana 75% secara amali dan 25% secara teori.

b. Kursus Jangka Pendek

Kursus Jangka Pendek adalah untuk menyediakan peluang kepada semua lapisan masyarakat setempat untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi melalui program sepanjang hayat yang fleksibel dan mudah alih. Tempoh kursus melibatkan sama ada beberapa jam atau beberapa minggu. Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah secara teori dan amali. Antara kursus yang dilaksanakan ialah Kursus Asas Keusahawanan, Kraftangan, Baikpulih Peralatan Elektrik, Jahitan, Asas Rekabentuk Lanskap serta Kursus Bahasa.

20.4.3.2. Pada bulan Julai 2006, sebanyak 145 Kursus Sijil Sepenuh Masa telah dirancang untuk dilaksanakan di 34 Kolej Komuniti yang telah beroperasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 (66.9%) kursus telah dilaksanakan. Bagi 8 Kolej Komuniti yang dilawati, didapati Kolej Komuniti Arau, Kolej Komuniti Jempol dan Kolej Komuniti Kuching dapat melaksanakan semua Kursus Sijil Sepenuh Masa yang dirancang. Bagaimanapun bagi 5 kolej yang lain, hanya 11 (50%) daripada 22 Kursus Sijil Sepenuh Masa yang dirancang dapat dilaksanakan. Status pelaksanaan kursus di 8 kolej tersebut adalah seperti di **Jadual 20.4**. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut :-

a. Bagi Kolej Komuniti Jelebu, Kolej Komuniti Kuala Langat dan Kolej Komuniti Paya Besar, kursus tidak dilaksanakan kerana peralatan yang berkaitan belum diterima. Sungguhpun Kolej Komuniti Paya Besar berpindah ke premis tetap pada bulan Mac 2003 manakala Kolej Komuniti Kuala Langat dan Kolej Komuniti Jelebu masing-masingnya berpindah pada bulan Jun dan Disember 2004, namun didapati Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian hanya mengeluarkan spesifikasi peralatan bagi kursus kepada Bahagian Pembangunan untuk diuruskan perolehan pada bulan Ogos 2005 dan tindakan sedang diambil oleh Bahagian tersebut. Semakan Audit untuk menentukan sebab kelewatan proses perolehan peralatan berlaku tidak dapat dijalankan kerana surat/dokumen berhubung dengan perkara tersebut tidak dikemukakan.

b. Kolej Komuniti Mas Gading dan Kolej Komuniti Hulu Langat sungguhpun telah beroperasi antara 3 hingga 4 tahun tetapi masih belum mempunyai premis tetap. Didapati Kolej Komuniti Mas Gading mula beroperasi pada tahun 2002 dengan menumpang di Sekolah Menengah Teknik Sejingkat manakala Kolej Komuniti Hulu Langat pula mula beroperasi pada tahun 2003 dengan menumpang di Sekolah Menengah Teknik Kajang. Ruang yang terhad di sekolah berkenaan telah menyebabkan kursus tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

JADUAL 20.4
STATUS PELAKSANAAN KURSUS SIJIL SEPENUH MASA
DI LAPAN KOLEJ KOMUNITI YANG DIAUDIT

KOLEJ KOMUNITI	TAHUN OPERASI	KURSUS DIRANCANG	KURSUS DILAKSANAKAN			SEBAB TIDAK DILAKSANAKAN
			2004	2005	2006	
Arau	2001	Pelukis Pelan Seni Bina	√	√	√	
		Teknologi Elektrik	√	√	√	
		Fesyen Dan Pakaian			√	
		Pemprosesan Dan Kawalan Mutu Makanan			√	
		Sistem Komputer Dan Sokongan		√	√	
Jempol	2001	Teknologi Elektrik	√	√	√	
		Sistem Komputer Dan Sokongan	√	√	√	
		Automotif		√	√	
		Pelukis Pelan Senibina		√	√	
Kuching	2001	Fesyen Dan Pakaian	√	√	√	
		Pelukis Pelan Senibina	√	√	√	
		Pelancongan Dan Pengembaraan	√	√	√	
Mas Gading	2002	Teknologi Maklumat	√	√	√	
		Lanskap Dan Pengurusan Nurseri				Belum Mempunyai Premis Tetap
		Pelancongan Dan Pengembaraan				
		Perakaunan Perniagaan				
Jelebu	2003	Teknologi Elektrik	√	√	√	
		Sistem Komputer Dan Sokongan				Peralatan Belum Diterima
		Pemprosesan Dan Kawalan Mutu Makanan				
		Teknologi Pembinaan				
Kuala Langat	2003	Teknologi Maklumat	√	√	√	
		Perakaunan Perniagaan	√	√	√	
		Teknologi Elektrik	√	√	√	
		Pelancongan Dan Pengembaraan		√	√	
		Multimedia Kreatif (Animasi)	√	√	√	
		Teknologi Pembuatan Perabot				Peralatan Belum Diterima
Paya Besar	2003	Multimedia Kreatif (Pengiklanan)	√	√	√	
		Teknologi Maklumat	√	√	√	
		Teknologi Elektrik				Peralatan Belum Diterima
		Sistem Komputer Dan Sokongan				
Hulu Langat	2003	Penyejukan Dan Penyaman Udara	√	√	√	
		Teknologi Maklumat	√	√	√	
		Pemprosesan Dan Kawalan Mutu Makanan				Belum Mempunyai Premis Tetap
		Perakaunan Perniagaan				

Pada pandangan Audit, semua kursus yang dirancang perlu dilaksanakan tanpa kelewatan. Proses perolehan peralatan kursus hendaklah dipercepatkan supaya tidak menjejaskan pelaksanaan sesuatu kursus. Juga, masalah Kolej Komuniti yang tidak mempunyai premis tetap harus diselesaikan dengan segera.

20.4.4. Tenaga Pengajar

20.4.4.1. Tenaga pengajar Kolej Komuniti terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan akademik/profesional yang diiktiraf serta bersesuaian

dengan bidang atau program yang dijalankan di Kolej Komuniti. Bagi Kursus Sijil Sepenuh Masa, perkiraan keperluan tenaga pengajar adalah berdasarkan nisbah pendidikan dan latihan berbentuk kemahiran (*hands-on*) iaitu 1 pensyarah bagi 15 pelajar. Tenaga pengajar Kursus Jangka Pendek diperolehi daripada kalangan pensyarah Kolej Komuniti atau penceramah luar sama ada dari sektor awam atau swasta.

20.4.4.2. Daripada sebanyak 395 jawatan tenaga pengajar yang diluluskan untuk 8 Kolej Komuniti yang diaudit hanya 225 jawatan telah diisi. Semakan Audit mendapati pengisian jawatan tenaga pengajar tidak diselaraskan dengan pelaksanaan kursus. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. Sungguhpun Kolej Komuniti Arau dan Kolej Komuniti Kuching mengendalikan semua kursus yang telah ditetapkan, namun pengisian jawatan tenaga pengajar di Kolej Komuniti Arau hanya 57.1% manakala Kolej Komuniti Kuching 48.9%. Sebaliknya di Kolej Komuniti Mas Gading, sungguhpun kolej ini tidak melaksanakan semua Kursus Sijil Sepenuh Masa yang dirancang, namun terdapat kelebihan satu jawatan tenaga pengajar yang diisi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.5
KEDUDUKAN TENAGA PENGAJAR
DI LAPAN KOLEJ KOMUNITI YANG DIAUDIT BAGI TAHUN 2006

KOLEJ KOMUNITI	BILANGAN KURSUS PADA TAHUN 2006		BILANGAN JAWATAN			DIISI (%)
	RANCANG	LAKSANA	LULUS	ISI	KOSONG	
Arau	5	5	63	36	27	57.1
Jempol	4	4	38	37	1	97.4
Kuching	3	3	45	22	23	48.9
Mas Gading	4	1	18	19	(1)	105.6
Jelebu	4	1	43	18	25	41.9
Kuala Langat	6	5	90	43	47	47.8
Paya Besar	4	2	47	22	25	46.8
Hulu Langat	4	2	51	28	23	54.9
JUMLAH	**34**	**23**	**395**	**225**	**170**	**62.6**

b. Semakan Audit mendapati seramai 20 tenaga pengajar telah ditempatkan di Kolej Komuniti Mas Gading, Kolej Komuniti Hulu Langat, Kolej Komuniti Paya Besar, Kolej Komuniti Kuala Langat dan Kolej Komuniti Jelebu antara tempoh bulan April 2002 hingga Mac 2005 sungguhpun kursus yang memenuhi kelayakan mereka tidak diadakan sehingga bulan November 2006. Sehubungan ini, 20 pensyarah tersebut telah ditugaskan untuk mengajar modul kursus lain atau mata pelajaran Pengajian Am. Butirannya adalah seperti di **Jadual 20.6**. Semakan Audit selanjutnya mendapati 11 daripada 20 pensyarah yang mengajar modul kursus lain atau mata pelajaran Pengajian Am yang mana jawatan pensyarah khusus untuk bidang berkenaan telah pun diisi sepenuhnya.

JADUAL 20.6
KURSUS YANG BELUM DILAKSANAKAN

KOLEJ KOMUNITI	KURSUS YANG BELUM DILAKSANAKAN	BILANGAN PENSYARAH	TEMPOH PENSYARAH LAPOR DIRI
Mas Gading	Lanskap Dan Pengurusan Nurseri	1	April 2002
	Pelancongan Dan Pengembaraan	1	Julai 2002
Jelebu	Sistem Komputer Dan Sokongan	2	Julai 2003 – Feb. 2004
	Pemprosesan Dan Kawalan Mutu Makanan	2	Jan. 2004 – Feb. 2004
	Teknologi Pembinaan	4	Julai 2003 – Mac 2005
Kuala Langat	Teknologi Pembuatan Perabot	4	Apr. 2003 – Jan. 2004
Paya Besar	Teknologi Elektrik	2	Apr. 2003 – Julai 2003
	Sistem Komputer Dan Sokongan	1	Ogos 2004
Hulu Langat	Pemprosesan Dan Kawalan Mutu Makanan	1	Jan 2004
	Perakaunan Perniagaan	2	Sept. 2003
JUMLAH		20	

c. Adalah didapati penempatan tenaga pengajar bagi kursus tertentu di Kolej Komuniti Hulu Langat dan Kolej Komuniti Jempol melebihi bilangan jawatan yang telah diluluskan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.7
PENGISIAN TENAGA PENGAJAR
MELEBIHI JAWATAN YANG DILULUSKAN

KOLEJ KOMUNITI	KURSUS	BILANGAN JAWATAN		
		LULUS	ISI	LEBIH
Hulu Langat	Teknologi Maklumat	8	10	2
Jempol	Teknologi Elektrik	16	17	1

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan untuk mengisi jawatan tenaga pengajar yang telah diluluskan dengan segera bagi kolej-kolej yang telah melaksanakan kursus yang berkaitan. Tenaga pengajar harus ditempatkan selaras dengan pengkhususan masing-masing.

20.4.5. Pengambilan Pelajar

20.4.5.1. Syarat kemasukan pelajar yang ditetapkan bagi Kursus Sijil Sepenuh Masa di Kolej Komuniti ialah warganegara Malaysia serta lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional). Keutamaan diberikan kepada masyarakat setempat. Bagi Kursus Jangka Pendek, pelaksanaannya adalah berdasarkan permintaan setempat daripada pihak-pihak tertentu antaranya adalah seperti berikut :-

a. Pelajar sekolah berusia antara 16 hingga 18 tahun dan menyertai kursus hujung minggu iaitu di luar waktu persekolahan.

b. Lepasan sekolah yang belum bekerja.

c. Pekerja yang ingin meningkatkan kerjaya atau meneroka bidang-bidang lain.

20.4.5.2. Tawaran kemasukan pelajar Kursus Sijil Sepenuh Masa ke Kolej Komuniti diuruskan secara berpusat di peringkat Kementerian. Bagi 8 Kolej Komuniti yang diaudit, Kementerian telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar Kursus Sijil Sepenuh Masa seramai 2,380 pelajar untuk pengambilan sesi I dan sesi II bagi tahun 2005 manakala bagi sesi I tahun 2006 sahaja ialah 2,380 pelajar. Bagaimanapun, pengambilan pelajar bagi tahun 2005 adalah antara 26.7% hingga 41.8% daripada sasaran yang ditetapkan bagi setiap kolej manakala bagi sesi I tahun 2006 adalah antara 22.2% hingga 48.3% daripada sasaran yang ditetapkan. Peratus pengambilan pelajar adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.8
PENGAMBILAN PELAJAR KURSUS SIJIL SEPENUH MASA
DI LAPAN KOLEJ KOMUNITI BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

KOLEJ KOMUNITI	KAPASITI	TAHUN 2005				TAHUN 2006			
		a	b	c	c/a (%)	a	b	c	c/a (%)
Arau	1,000	315	271	130	41.3	600	383	287	47.8
Hulu Langat	600	195	134	77	39.5	120	221	58	48.3
Kuala Langat	1,000	565	775	236	41.8	610	561	166	27.2
Jempol	480	450	420	177	39.3	480	229	183	38.1
Jelebu	600	120	99	49	40.8	100	45	47	47.0
Paya Besar	600	300	81	81	27.0	200	62	62	31.0
Mas Gading	600	120	38	32	26.7	90	34	20	22.2
Kuching	400	315	327	103	32.7	180	227	56	31.1
JUMLAH	**5,280**	**2,380**	**2,145**	**885**	**37.2**	**2,380**	**1,762**	**879**	**36.9**

Nota : ***a - Sasar*** ***b - Pohon/Tawar*** ***c - Daftar***

20.4.5.3. Bagi Kursus Jangka Pendek untuk 8 Kolej Komuniti yang diaudit, Kementerian telah menetapkan sasaran pengambilan pelajar seramai 8,240 pada tahun 2005 dan 16,000 pada tahun 2006. Semakan Audit mendapati pengambilan pelajar bagi tahun 2005 adalah antara 11.4% hingga 292.0% daripada sasaran yang ditetapkan bagi setiap kolej. Bagi tahun 2006 pula, jumlah pengambilan pelajar bagi setiap kolej adalah antara 30.9% hingga 244.0% daripada sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2005, tiga kolej yang mempunyai pelajar melebihi sasaran ialah Kolej Komuniti Paya Besar, Kolej Komuniti Kuala Langat dan Kolej Komuniti Arau. Bagi tahun 2006 pula ialah Kolej Komuniti Hulu Langat dan Kolej Komuniti Kuala Langat. Manakala kolej yang mempunyai jumlah pelajar paling rendah ialah Kolej Komuniti Kuching bagi tahun 2005 dan Kolej Komuniti Jempol bagi tahun 2006. Butiran mengenai pengambilan pelajar Kursus Jangka Pendek di 8 Kolej Komuniti yang diaudit adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.9
PENGAMBILAN PELAJAR KURSUS JANGKA PENDEK
DI LAPAN KOLEJ KOMUNITI BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

KOLEJ KOMUNITI	TAHUN 2005			TAHUN 2006		
	SASAR	SEBENAR	% PENGISIAN	SASAR	SEBENAR	% PENGISIAN
Arau	1,030	1,296	125.8	2,000	1,269	63.5
Hulu Langat	1,030	1,028	99.8	2,000	4,880	244.0
Kuala Langat	1,030	2,873	278.9	2,000	3,923	196.2
Jempol	1,030	479	46.5	2,000	618	30.9
Jelebu	1,030	744	72.2	2,000	1,553	77.7
Paya Besar	1,030	3,008	292.0	2,000	1,810	90.5
Mas Gading	1,030	949	92.1	2,000	792	39.6
Kuching	1,030	117	11.4	2,000	1,219	61.0
JUMLAH	**8,240**	**10,494**	**127.4**	**16,000**	**16,064**	**100.4**

20.4.5.4. Mengikut Minit Mesyuarat Pegawai Pengambilan Kolej Komuniti Bilangan 1/2006 yang diadakan pada 7 hingga 8 Mac 2006, antara punca kekurangan pelajar di Kolej Komuniti yang dikenal pasti adalah seperti berikut :-

a. Kemasukan ke Institut Latihan Perindustrian adalah lebih awal daripada kemasukan ke Kolej Komuniti.

b. Lulusan daripada Institut Latihan Perindustrian/Institut Kemahiran Mara mempunyai lebih banyak peluang untuk mendapat pekerjaan.

c. Kolej Komuniti tidak menyediakan kemudahan asrama.

d. Kursus yang ditawarkan tidak sesuai dengan penduduk setempat.

e. Penduduk setempat tidak berminat belajar di tempat sendiri.

f. Pihak industri masih tidak mengetahui kewujudan Kolej Komuniti.

20.4.5.5. Bagi tujuan meningkatkan lagi enrolmen pelajar di Kolej Komuniti supaya mencapai sasaran yang ditetapkan, Kementerian melalui mesyuarat tersebut dan Mesyuarat Pegawai Pengambilan yang diadakan pada bulan September 2006 menetapkan supaya Jawatankuasa Promosi ditubuhkan bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan bagi mempromosikan Kolej Komuniti. Antara langkah yang telah diambil ialah dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Pejabat Pelajaran Daerah serta memuatkan rencana-rencana di akhbar Utusan Malaysia mengenai Kolej Komuniti.

20.4.6. Penyediaan Kemudahan

Lawatan Audit ke 8 Kolej Komuniti mendapati pada umumnya kemudahan/peralatan yang disediakan/dibekalkan adalah memuaskan kecuali di Kolej Komuniti Jempol dan Kolej Komuniti Arau. Beberapa kemudahan/peralatan yang dibekalkan di kedua-dua kolej ini didapati tidak digunakan atau tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Berikut diberikan contohnya :-

20.4.6.1. Kolej Komuniti Jempol

a. Beberapa peralatan untuk kursus Sijil Teknologi Elektrik seperti mesin basuh, periuk nasi elektrik, *blender* dan kipas angin **(Gambar 20.1 dan 20.2)** tidak digunakan kerana tidak sesuai dengan kurikulum pembelajaran. Peralatan yang dibekalkan adalah untuk peringkat Diploma.

GAMBAR 20.1

GAMBAR 20.2

Kolej Komuniti Jempol
- Contoh Peralatan Yang Tidak Digunakan

b. Tempat kimpalan untuk pelajar kursus Sijil Automotif di Kolej Komuniti Jempol tidak dapat digunakan kerana ia diperbuat daripada kayu **(Gambar 20.3)**. Memandangkan tempat ini diperlukan untuk kerja kimpalan, ia sepatutnya diperbuat daripada besi.

GAMBAR 20.3

Kolej Komuniti Jempol
- Tempat Kimpalan Diperbuat Daripada Kayu

c. Beberapa peralatan yang dibekalkan untuk kursus Sijil Automotif dan peralatan perpustakaan tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan dalam invois/nota penghantaran **(Gambar 20.4 hingga 20.6)**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.10
PERALATAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

INVOIS / NOTA PENGHANTARAN		BARANGAN DITERIMA
ITEM	HARGA (RM)	
Heavy Duty Vacuum Cleaner (3-Phase)	3,960	*Heavy Duty Vacuum Cleaner (1-Phase)*
M.U.T Diagnosis untuk semua kenderaan	35,000	*M.U.T Diagnosis* untuk kenderaan Proton dan Perodua sahaja
5 rak buku bersisi dua dengan sisi panel	4,900	5 rak buku bersisi satu dengan sisi panel

GAMBAR 20.4

Kolej Komuniti Jempol
- M.U.T Diagnosis Untuk Kenderaan Proton Dan Perodua

GAMBAR 20.5

Kolej Komuniti Jempol
- Heavy Duty Vacuum Cleaner (1-Phase)

GAMBAR 20.6

Kolej Komuniti Jempol
- 5 Rak Buku Bersisi Satu Dengan Sisi Panel

20.4.6.2. Kolej Komuniti Arau

Lawatan ke Kolej Komuniti Arau juga mendapati beberapa kemudahan yang dibina tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. Pembinaan bilik jahitan dan *electrical installation bay* dan pejabat pentadbiran tidak mengikut keluasan yang ditetapkan. Semakan selanjutnya mendapati walaupun kontraktor tidak melaksanakan kerjanya mengikut spesifikasi, namun tiada tindakan diambil terhadap kontraktor yang terlibat malahan bayaran telah dibuat sepenuhnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.11
PEMBINAAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

RUANG / BILIK	KAPASITI	KELUASAN (m^2) / BILANGAN MENGIKUT JADUAL PENGGUNAAN RUANG	KELUASAN (m^2) / BILANGAN SEBENAR	KURANG
Bilik Jahitan	30 pelajar	200 m^2	110 m^2	90 m^2
Electrical Installation Bay	30 pelajar	10 unit	7 unit	3 unit

b. Pemeriksaan selanjutnya mendapati oleh sebab bilik jahitan yang dibina terlalu sempit, meja panjang bagi tujuan pemotongan kain yang sepatutnya ditempatkan di bilik tersebut, terpaksa diletakkan di bilik lain. Akibatnya, pelajar-pelajar terpaksa memotong kain di atas lantai dalam kelas berkenaan **(Gambar 20.7 hingga 20.9)**.

GAMBAR 20.7

GAMBAR 20.8

Kolej Komuniti Arau
- Pembinaan Bilik Jahitan Tidak Mengikut Spesifikasi Menyebabkan Pelajar Memotong Kain Di Atas Lantai

GAMBAR 20.9

Kolej Komuniti Arau
- Meja Panjang Yang Sepatutnya Ditempatkan Di Bilik Jahitan

c. Hanya 7 *electrical installation bay* telah dibina sungguhpun mengikut spesifikasi sepatutnya 10 unit. Oleh itu, pihak kolej terpaksa mengeluarkan kos tambahan berjumlah RM16,000 untuk membina *electrical installation bay* yang lain untuk kegunaan pelajar **(Gambar 20.10 dan 20.11)**.

GAMBAR 20.10

GAMBAR 20.11

Kolej Komuniti Arau
- Hanya 7 Unit Electrical Installation Bay Dibina Yang Mana Mengikut Spesifikasi Sepatutnya 10 Unit

d. Walaupun pejabat pentadbiran kolej dibina mengikut spesifikasi, namun kewujudan banyak pintu dan tiang telah menyebabkan ruang pejabat hanya boleh menempatkan 7 kakitangan yang mana sepatutnya menempatkan 19 kakitangan **(Gambar 20.12 dan 20.13)**.

GAMBAR 20.12

GAMBAR 20.13

Kolej Komuniti Arau
- Pejabat Pentadbiran Yang Sempit, Banyak Tiang Dan Pintu Menyebabkannya Hanya Boleh Menempatkan 7 Kakitangan

Pada pandangan Audit, pihak Kementerian dan pengurusan Kolej Komuniti patut memastikan semua kemudahan yang disediakan adalah sesuai dan mengikut spesifikasi supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas.

20.4.7. Maklum Balas Pelajar Kolej Komuniti

Pihak Audit telah mengemukakan 660 soal selidik kepada pelajar Kursus Sijil Sepenuh Masa di 8 Kolej Komuniti yang diaudit untuk mendapatkan maklum balas berhubung pelaksanaan kursus, peralatan kursus, prasarana dan kepuasan pelajar terhadap perkhidmatan Kolej Komuniti. Daripada jumlah ini, 457 (69.2%) soal selidik telah diterima balik dan maklum balas responden adalah seperti berikut :-

20.4.7.1. Pembelajaran Dan Kemudahan Kolej Komuniti

Antara 75.9% hingga 100% responden berpuas hati dengan kursus yang dilaksanakan khususnya berhubung dengan kemahiran tenaga pengajar, kaedah pengajaran dan modul-modul yang disediakan di Kolej Komuniti berkenaan. Dari aspek peralatan kursus pula, antara 77.7% hingga 96.2% responden berpendapat ia adalah sesuai dan mencukupi. Bagaimanapun dari segi lokasi, pada umumnya antara 23.7% hingga 72.4% daripada responden berpendapat lokasi Kolej Komuniti adalah tidak strategik. Maklum balas di Kolej Komuniti Jempol menunjukkan 83.2% responden berpendapat bahawa pengangkutan awam yang disediakan tidak memuaskan dan tidak mencukupi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.12
RESPONDEN YANG BERPUAS HATI TERHADAP PEMBELAJARAN DAN KEMUDAHAN

PERKARA	KOLEJ KOMUNITI							
	ARAU (%)	HULU LANGAT (%)	KUALA LANGAT (%)	JEMPOL (%)	JELEBU (%)	PAYA BESAR (%)	MAS GADING (%)	KUCHING (%)
Kaedah permohonan mudah	99.2	98.3	98.8	93.5	95.1	95.8	96.6	97.5
Yuran berpatutan	96.0	98.3	91.7	98.1	93.4	100.0	100.0	97.5

PERKARA	KOLEJ KOMUNITI							
	ARAU (%)	HULU LANGAT (%)	KUALA LANGAT (%)	JEMPOL (%)	JELEBU (%)	PAYA BESAR (%)	MAS GADING (%)	KUCHING (%)
Tenaga pengajar berkelayakan dan berpengalaman	90.4	100.0	97.6	98.1	90.2	91.7	96.6	91.3
Kaedah pengajaran memuaskan	82.4	90.0	92.9	91.6	91.8	87.5	93.1	81.3
Modul kursus memadai	81.6	86.7	92.9	86.0	100.0	91.7	75.9	92.5
Peralatan kursus sesuai dan mencukupi	80.2	96.2	85.0	92.5	89.2	84.5	84.2	77.7
Lokasi strategik dan bersesuaian	59.2	53.3	64.7	35.5	54.1	66.7	27.6	76.3
Pengangkutan Awam memuaskan dan mencukupi	53.6	96.7	55.3	16.8	57.6	66.7	72.4	80.0
PURATA KESELURUHAN	**80.3**	**89.9**	**84.9**	**76.5**	**83.9**	**85.6**	**80.8**	**86.8**

20.4.7.2. Prasarana Kolej Komuniti

a. Pada puratanya, antara 64.2% hingga 89.5% responden berpendapat kemudahan prasarana yang disediakan di kolej seperti perpustakaan, bilik komputer, makmal bahasa, makmal sains, kelas, bengkel, bilik rekreasi, gelanggang sukan, bilik riadah, tandas, kantin, tempat letak kereta dan dewan serba guna adalah mencukupi untuk menampung keperluan pelajar seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.13
RESPONDEN YANG BERPUAS HATI TERHADAP PRASARANA

PERKARA	KOLEJ KOMUNITI							
	ARAU (%)	HULU LANGAT (%)	KUALA LANGAT (%)	JEMPOL (%)	JELEBU (%)	PAYA BESAR (%)	MAS GADING (%)	KUCHING (%)
Perpustakaan	80.0	96.7	88.2	84.1	96.7	87.5	86.2	83.8
Bilik Komputer	86.4	96.7	89.4	89.7	98.3	95.8	93.1	73.8
Makmal Bahasa	87.2	96.7	88.2	94.4	86.7	95.8	82.8	76.3
Makmal Sains	80.8	96.7	90.6	94.4	88.3	91.7	55.2	66.3
Kelas	80.8	100.0	94.1	100.0	96.7	87.5	86.2	60.0
Bengkel	82.4	100.0	92.9	89.7	91.7	79.2	62.1	90.0
Bilik Rekreasi	76.8	83.3	75.3	87.9	83.6	54.2	58.6	62.5
Gelanggang Sukan	48.0	56.6	80.0	65.4	78.3	50.0	62.1	21.3
Bilik Riadah	80.0	76.7	83.5	72.0	82.0	58.3	69.0	68.8
Tandas	92.0	96.7	98.8	82.0	100.0	100.0	79.3	87.5
Kantin	55.2	83.3	88.2	65.4	83.6	87.5	89.7	33.8
Tempat Letak Kereta	60.8	76.7	87.1	87.9	100.0	95.8	86.2	72.5
Dewan Serba Guna	76.0	73.3	80.0	89.7	77.1	87.5	65.5	37.5
PURATA KESELURUHAN	**75.9**	**87.2**	**87.4**	**84.8**	**89.5**	**82.4**	**75.1**	**64.2**

b. Bagi Kolej Komuniti Kuching, maklum balas menunjukkan 78.7%, 66.2% dan 62.5% responden masing-masingnya berpendapat gelanggang sukan, kantin dan dewan serba guna yang disediakan tidak memuaskan dan tidak mencukupi.

c. Di Kolej Komuniti Arau dan Kolej Komuniti Paya Besar, 52% dan 50% responden masing-masingnya berpendapat gelanggang sukan tidak memuaskan dan tidak mencukupi.

20.4.7.3. Perkhidmatan Kolej Komuniti

Pada keseluruhannya, 21.9% responden amat berpuas hati dengan perkhidmatan Kolej Komuniti, 69.8% berpuas hati manakala baki 8.3% tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh 8 Kolej Komuniti yang diaudit.

20.4.8. PEMANTAUAN

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti Kolej Komuniti berjalan lancar dan memuaskan, Kementerian memantau Kolej Komuniti melalui pendekatan berikut :-

20.4.8.1. Di peringkat Kementerian, Mesyuarat Pengarah-pengarah yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti dengan dihadiri oleh pegawai daripada Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti serta semua Pengarah Kolej Komuniti ditetapkan diadakan setiap 2 bulan sekali. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk membincangkan hal berkaitan pengurusan aktiviti Kolej Komuniti. Pada tahun 2004, sebanyak 6 kali mesyuarat telah diadakan, 4 kali pada tahun 2005 dan 3 kali pada tahun 2006. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai promosi Kolej Komuniti, isu pentadbiran, perjawatan, kewangan, pelaksanaan kursus, pengambilan pelajar dan lain-lain.

20.4.8.2. Mesyuarat Pegawai Pengambilan diadakan untuk membincangkan mengenai pengambilan pelajar di Kolej Komuniti. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti dan dihadiri oleh pegawai di Bahagian tersebut serta Pegawai Pengambilan dari setiap Kolej Komuniti. Antara perkara yang dibincangkan ialah kedudukan pendaftaran setiap Kolej Komuniti, punca-punca kekurangan pelajar, kaedah meningkatkan enrolmen pelajar, promosi serta disiplin pelajar. Kekerapan mesyuarat yang ditetapkan ialah sekali bagi setiap semester. Pada tahun 2005 dan 2006, mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 2 kali manakala bagi tahun 2004, maklumat berkaitan tidak dapat diperolehi.

20.4.8.3. Setiap Kolej Komuniti dikehendaki menghantar Laporan Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek masing-masing kepada Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti setiap 3 bulan. Hasil semakan Audit mendapati kesemua 8 Kolej Komuniti telah menghantar laporan tersebut.

20.4.8.4. Pada setiap bulan, Kolej Komuniti perlu menghantar Laporan Prestasi Perbelanjaan masing-masing kepada Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti. Laporan ini digunakan oleh bahagian ini untuk memantau prestasi perbelanjaan Kolej Komuniti. Di samping itu, Laporan Status Perbelanjaan berhubung dengan setiap peruntukan yang diberikan kepada Kolej Komuniti bagi perolehan peralatan hendaklah dikemukakan. Sehubungan itu, semakan Audit mendapati kecuali Kolej Komuniti Arau, Kolej Komuniti yang lain tidak mengemukakan sepenuhnya Laporan Status Perbelanjaan tersebut.

20.4.8.5. Bahagian Pengurusan Kolej Komuniti telah menyediakan Laporan Kajian Graduan Kolej Komuniti Tahun 2004 dan Tahun 2005 yang dikeluarkan masing-masingnya pada tahun 2005 dan 2007. Antara objektif kajian tersebut adalah untuk menilai kerjaya graduan setelah tamat pengajian dan sumbangan mereka kepada keperluan tenaga kerja negara. Ini akan dapat membantu pihak yang berkenaan untuk memantapkan strategi dan perancangan masa hadapan bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Kolej Komuniti. Semakan Audit terhadap Laporan Kajian Graduan tersebut mendapati perkara berikut :-

a. Laporan Kajian Graduan Kolej Komuniti Tahun 2004

Responden bagi kajian ini terdiri daripada graduan di 17 Kolej Komuniti yang telah dianugerahkan sijil pada tahun 2004. Sejumlah 1,625 set soal selidik telah diedarkan dan maklum balas daripada 644 (39.6%) graduan telah diterima. Antara hasil kajian adalah seperti berikut :-

i. 57% graduan telah berjaya memperolehi pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian di Kolej Komuniti sementara baki 42% graduan masih belum mendapat pekerjaan. Sebanyak 90.8% bekerja di sektor swasta diikuti dengan 4.6% di sektor Kerajaan dan bakinya 4.6% di badan berkanun. Mereka yang bekerja terlibat dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, kewangan, perkhidmatan, bekalan dan kontrak, pelancongan/perhotelan, pemprosesan makanan, pengurusan dan pentadbiran, pengeluaran, pemasangan dan pengilangan.

ii. Gaji bulanan tertinggi yang diterima oleh lepasan Kolej Komuniti ialah RM1,500.00 dan yang terendah ialah RM260.00.

b. Laporan Kajian Graduan Kolej Komuniti Tahun 2005

Responden bagi kajian ini terdiri daripada graduan di 34 Kolej Komuniti yang dianugerahkan sijil pada tahun 2005. Sejumlah 1,996 set soal selidik telah diedarkan kepada graduan semasa majlis konvokesyen dan maklum balas daripada 1,599 (80%) graduan telah diterima. Antara hasil kajian adalah seperti berikut :-

i. 57% graduan berjaya memperolehi pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian di Kolej Komuniti sementara baki 43% lagi masih belum mendapat

pekerjaan. Sebanyak 81.3% daripada mereka bekerja di sektor swasta, 10.3% bekerja sendiri, 6.1% di sektor Kerajaan dan bakinya 2.3% di badan berkanun. Mereka yang bekerja terlibat dalam pelbagai bidang seperti pemprosesan makanan dan perkhidmatan pendidikan, kejuruteraan, pengurusan dan pentadbiran, bekalan dan kontrak, pengeluaran, pelancongan/perhotelan, pemasaran dan periklanan serta kewangan/perbankan.

ii. Gaji bulanan tertinggi yang diterima oleh lepasan Kolej Komuniti ialah RM4,373.00 dan yang terendah RM150.00.

20.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik bagi pengurusan Kolej Komuniti. Kementerian telah mewujudkan struktur pengurusan yang sesuai, mengenal pasti sumber yang diperlukan seperti tenaga pengajar, peruntukan kewangan serta lain-lain kemudahan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti pengambilan pelajar Kolej Komuniti tidak sebagaimana yang dirancang, kursus yang tidak dilaksanakan sepenuhnya disebabkan oleh peralatan belum dibekalkan atau ketiadaan premis tetap dan kekurangan/kelebihan tenaga pengajar bagi sesuatu kursus. Bagi mengatasi kelemahan tersebut dan seterusnya mempertingkatkan lagi mutu pengurusan aktiviti Kolej Komuniti, adalah disyorkan agar Kementerian dan pihak pengurusan Kolej Komuniti memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

20.5.1. Semua kursus yang dirancang perlu dilaksanakan tanpa kelewatan. Proses perolehan peralatan kursus hendaklah dipercepatkan supaya tidak menjejaskan pelaksanaan sesuatu kursus. Selain itu, masalah Kolej Komuniti yang tidak mempunyai premis tetap harus diselesaikan dengan segera.

20.5.2. Kementerian perlu mengambil tindakan untuk mengisi jawatan tenaga pengajar yang telah diluluskan dengan segera bagi kolej-kolej yang telah melaksanakan kursus yang berkaitan. Tenaga pengajar harus ditempatkan selaras dengan pengkhususan masing-masing.

20.5.3. Pihak Kementerian dan pengurusan Kolej Komuniti patut memastikan semua kemudahan yang disediakan adalah sesuai dan mengikut spesifikasi supaya proses pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas.

21. PENGURUSAN PAKAIAN KOMBAT DAN PERALATAN TEMPUR INDIVIDU TENTERA DARAT

21.1. LATAR BELAKANG

Tentera Darat mempunyai seramai 86,000 anggota tentera yang terdiri dari pelbagai Rejimen antaranya ialah Askar Melayu, Armor, Artileri, Renjer, Komando dan Askar Wataniah. Setiap anggota Tentera Darat akan dibekalkan dengan pakaian serta peralatan bersesuaian dengan tugas mereka seperti mana yang ditetapkan dalam Pengwartaan Pakaian Seragam Pegawai Dan Anggota Lain-lain Pangkat Tentera Darat Malaysia. Pakaian tersebut terdiri dari pakaian istiadat, pakaian kawad, pakaian pejabat dan pakaian kombat (celoreng). Setiap anggota tentera akan dibekalkan pakaian kombat dan juga dilengkapi dengan set peralatan *webbing* yang terdiri daripada *main pack, braces, pouches left/right, patrol pack, carrier water bottle, compass case, belt for webbing and general duties, combat boot all leather (leather boot)* dan *helmet ballastik.* Pakaian kombat dan peralatan tempur individu diperlukan untuk tujuan operasi dan latihan. Pakaian kombat dan peralatan tempur individu diberi mengikut kelayakan yang telah ditetapkan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.1
KELAYAKAN PAKAIAN KOMBAT DAN PERALATAN TEMPUR BAGI SETIAP ANGGOTA TENTERA DARAT

PAKAIAN/PERALATAN	KELAYAKAN BAGI SETIAP ANGGOTA	CATATAN
Pakaian Celoreng	3 pasang	Penggantian selepas proses pelupusan oleh pasukan
Combat Boot All Leather	2 pasang	Dibekalkan setiap tahun
Peralatan Tempur *Webbing Complete Set*	1 set	Penggantian selepas proses pelupusan oleh pasukan
Helmet Ballastik	1 unit	Dibekalkan semasa operasi/latihan

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan, pengagihan, penyimpanan, penyelenggaraan rekod dan pelupusan pakaian kombat dan peralatan tempur individu Tentera Darat telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

21.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang dilakukan terhadap pengurusan pakaian kombat dan peralatan tempur individu Tentera Darat. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail serta rekod berkaitan bagi

tempoh tahun 2004 hingga 2006, mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat di Kementerian Pertahanan (Kementerian), 91 Depot Pusat Ordnans (91 DPO) dan Kumpulan Ordnans di Markas Pemerintahan Logistik, Tentera Darat. Lawatan Audit ke 5 depot medan telah juga dibuat seperti berikut :-

- 71 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Pending, Kuching, Sarawak (71 BOD)
- 72 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Kamunting, Taiping, Perak (72 BOD)
- 73 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Terendak, Melaka (73 BOD)
- 7 Kompeni Kor Ordnans Di Raja, Kem Tebrau, Johor (7 KOD)
- 8 Kompeni Kor Ordnans Di Raja, Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu, Kelantan (8 KOD).

21.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

21.4.1. Struktur Pengurusan

21.4.1.1. Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat yang diketuai oleh Panglima Logistik Tentera Darat, Mejar Jeneral Dato' Othman bin Chik, gred JUSA C bertanggungjawab memberi bantuan logistik kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya Tentera Darat. Perancangan logistik adalah ditumpukan kepada tahap kesiapsiagaan merangkumi pakaian, peralatan tempur, mobiliti, komunikasi dan kelengkapan anggota tentera. Markas ini terdiri daripada Kumpulan Perkhidmatan, Kumpulan Ordnans dan 91 Depot Pusat Ordnans (91 DPO). Bagaimanapun, hanya Kumpulan Ordnans, 91 DPO dan depot medan terlibat secara langsung terhadap pengurusan perolehan pakaian kombat dan peralatan tempur individu seperti berikut :-

a. Kumpulan Ordnans

Kumpulan Ordnans bertanggungjawab terus kepada Panglima Logistik Tentera Darat di dalam semua aspek bantuan Teknikal Ordnans. Ia bertanggungjawab merancang pembelian pakaian kombat, peralatan tempur individu, menyediakan anggaran belanja mengurus untuk perolehan pakaian, mengawal pengeluaran pakaian dan peralatan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

b. 91 Depot Pusat Ordnans

91 Depot Pusat Ordnans (91 DPO) yang berpangkalan di Batu Kantonmen, Kuala Lumpur adalah merupakan stor pusat. Depot ini bertanggungjawab membuat pesanan pakaian dan peralatan berdasarkan kepada permohonan daripada depot medan. Semua urusan ini dikendalikan oleh Sel Pakaian. Ia juga bertanggungjawab menguruskan bekalan ke depot medan, penstoran, pengeluaran dan penyelenggaraan rekod.

c. Depot Medan

Sebanyak 12 depot medan diwujudkan di seluruh negara. Antara lainnya, depot ini bertanggungjawab mendapatkan keperluan pakaian dan peralatan tempur individu daripada pasukan di bawah tanggungannya sebelum mengemukakannya kepada 91 DPO. Depot medan juga bertanggungjawab mengagihkan pakaian dan peralatan tempur individu kepada pasukan tanggungan yang berkenaan setelah bekalan diterima.

21.4.1.2. Bahagian Perolehan, Kementerian Pertahanan bertanggungjawab untuk meluluskan perolehan kontrak yang bernilai RM30 juta dan ke bawah manakala kontrak melebihi RM30 juta perlu mendapatkan kelulusan Bahagian Bekalan dan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

21.4.1.3. Struktur pengurusan Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 21.1
STRUKTUR ORGANISASI MARKAS PEMERINTAHAN LOGISTIK TENTERA DARAT



21.4.1.4. Sejumlah 936 jawatan diwujudkan di 91 DPO yang terdiri daripada 462 perkhidmatan tentera dan 474 pegawai awam. Daripada jumlah ini, sebanyak 22 jawatan diluluskan untuk Sel Pakaian yang menguruskan pakaian kombat dan peralatan tempur individu. Sehingga bulan Disember 2006, sebanyak 17 jawatan daripadanya yang diisi. Bagi 5 depot medan yang dilawati, didapati semua jawatan yang diluluskan telah diisi dan antaranya ada jawatan yang terlebih diisi. Kedudukan perjawatan bagi 91 DPO dan 5 depot medan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.2
PERJAWATAN BAGI PENTADBIRAN DAN STOR PAKAIAN
BAGI 91 DPO DAN DEPOT MEDAN

PERJAWATAN	91 DPO			DEPOT MEDAN															JUMLAH		
				71 BOD			72 BOD			73 BOD			7 KOD			8 KOD					
	L	I	K/T	L	I	K/T	L	I	K/T	L	I	K/T	L	I	K/T	L	I	K/T	L	I	K/T
Pegawai	1	1	0	1	1	0	1	1	0	1	1	0	1	1	0	1	1	0	6	6	0
Lain-lain Pangkat	12	8	-4	5	7	+2	5	7	+2	5	7	+2	6	7	+1	6	6	0	39	42	+3
Awam	9	8	-1	0	0	0	0	1	+1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	9	9	0
JUMLAH	22	17	-5	6	8	+2	6	9	+3	6	8	+2	7	8	+1	7	7	0	54	57	+3

Nota : ***L - Lulus*** ***I - Isi*** ***K - Belum Isi (-)*** ***T - Terlebih Isi (+)***

21.4.1.5. Semakan Audit juga mendapati pegawai dan anggota yang menguruskan pakaian kombat dan peralatan tempur individu telah menghadiri kursus yang bersesuaian dengan tugas mereka seperti modul penyelenggaraan, pengurusan stor dan penyelenggaraan rekod. Selain itu, anggota terlibat juga diberikan latihan dan kursus secara berterusan bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan ordnans.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengisi kekosongan jawatan di 91 Depot Pusat Ordnans bagi memastikan pengurusan pakaian kombat dan peralatan tempur individu berjalan dengan lebih lancar.

21.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Peruntukan mengurus digunakan bagi membiayai perolehan pakaian kombat dan peralatan tempur individu. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, didapati 91 Depot Pusat Ordnans telah mendapat peruntukan kewangan berjumlah RM124.20 juta di mana sejumlah RM102.68 juta (82.7%) telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	BARANG	PERUNTUKAN DIPOHON (RM Juta) (a)	PERUNTUKAN DILULUS (RM Juta) (b)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) (c)	PERBELANJAAN (%) (c/b)
2004	Pakaian Kombat	30.49	15.53	1.50	9.6
	Helmet Ballastik	5.76	2.37	Tiada	0
	Complete Webbing Set	24.03	9.95	17.84	179.3
	Leather Boot	14.09	14.09	22.62	160.5
		74.37	**41.94**	**41.96**	**100.05**
2005	Pakaian Kombat	21.49	16.00	15.55	97.2
	Helmet Ballastik	19.80	19.80	3.62	18.3
	Complete Webbing Set	7.70	7.70	4.75	61.7
	Leather Boot	21.26	10.00	11.14	111.4
		70.25	**53.50**	**35.06**	**65.5**
2006	Pakaian Kombat	8.38	8.38	9.21	109.9
	Helmet Ballastik	18.09	6.90	8.42	122.0
	Complete Webbing Set	8.12	8.12	2.03	25.0
	Leather Boot	*8.72*	5.36	6.00	111.9
		43.31	**28.76**	**25.66**	**89.2**
JUMLAH BESAR		187.93	124.20	102.68	82.7

21.4.3. Perolehan Pakaian Dan Peralatan

21.4.3.1. Perolehan pakaian kombat dan peralatan tempur individu dari pembekal adalah berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan dan mengikut keperluan pengguna. Sel Alat, Markas Tentera Darat adalah bertanggungjawab dalam penetapan spesifikasi pakaian dan peralatan ATM manakala Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan akan meluluskan setiap spesifikasi sebelum perolehan dilakukan. Spesifikasi yang sama akan diguna pakai oleh Kementerian dalam perolehan selanjutnya. Ini bagi memastikan setiap keperluan adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh ATM.

21.4.3.2. Perolehan pakaian Tentera Darat sebelum tahun 2004 dilaksanakan melalui 2 jenis kontrak iaitu bekalan kain dan kontrak jahitan. Bagaimanapun mulai tahun 2004, bagi mempertingkatkan kecekapan perolehan Tentera Darat, perolehan pakaian Tentera Darat telah dilaksanakan secara kontrak pakaian siap. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Proses pelantikan pembekal pakaian siap telah dibuat secara tender terbuka. Pelantikan kontraktor dibuat berdasarkan kepada harga terendah dan keupayaan pembekal yang telah dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal Pemilihan dan Lembaga Perolehan. Lembaga ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan dianggotai oleh wakil Kementerian Kewangan dan wakil Panglima Angkatan Tentera.

b. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Kerajaan telah menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM1.66 juta hingga RM29.72 juta setiap satunya untuk perolehan pakaian kombat, *leather boot* dan peralatan tempur individu. Butiran kontrak terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.4
SENARAI KONTRAK PEROLEHAN PAKAIAN KOMBAT DAN PERALATAN TEMPUR INDIVIDU

PERIHAL KONTRAK	NAMA PEMBEKAL	PERIHAL PEMBEKAL	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK
Membekal Pakaian Siap Celoreng Kawasan Semenanjung	Pakaian Saling Erti Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM1 Juta Modal Berbayar : RM0.95 juta	12.43	01.11.2004 Hingga 31.10.2007
	Hexa Classic Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM100,000 Modal Berbayar : RM100,000	12.43	01.11.2004 Hingga 31.10.2007
	Pelantar Jaya (M) Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM500,000 Modal Berbayar : RM250,000	12.43	01.11.2004 Hingga 31.10.2007
	AMDB Berhad	Modal Dibenarkan : RM500 Juta Modal Berbayar : RM401.43 juta	12.43	01.11.2004 Hingga 31.10.2007
Membekal Pakaian Siap Celoreng Kawasan Sarawak	SUPB Industries Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM1 Juta Modal Berbayar : RM0.63 juta	3.92	01.11.2004 Hingga 31.10.2007
Membekal Pakaian Siap Celoreng Kawasan Sabah	Puspamara Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM5 Juta Modal Berbayar : RM3.52 juta	1.66	01.11.2004 Hingga 31.10.2007

PERIHAL KONTRAK	NAMA PEMBEKAL	PERIHAL PEMBEKAL	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK
Membekal Kasut/*Leather Boot* Untuk Angkatan Tentera Malaysia	Kulitkraf Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM10 Juta Modal Berbayar : RM5.27 juta	29.72 14.86 (Tambahan 50%)	01.01.2004 Hingga 30.12.2006
	Syarikat Amtek Shoes Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM5 Juta Modal Berbayar : RM3.5 Juta	3.59	01.01.2004 Hingga 30.12.2006
	Sepatu Timur Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM1.5 Juta Modal Berbayar : RM1.5 Juta	19.96	01.01.2004 Hingga 30.12.2006
Membekal Dan Menghantar *Hellmet Ballastik* Serta Mengecat Dan Membaiki *Strap/ Harness* Untuk Tentera Darat	Seri Mukali Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM10 Juta Modal Berbayar : RM10 Juta	19.83	01.01.2004 Hingga 30.12.2006
Membekalkan Pelbagai Peralatan *Webbing* Untuk Angkatan Tentera Malaysia	Wira Web Sdn. Bhd.	Modal Dibenarkan : RM5 Juta Modal Berbayar : RM2.1 Juta	19.91 5.00 (Tambahan)	01.04.2002 Hingga 31.03.2005 01.04.2005 Hingga 31.03.2006

21.4.3.3. Kontrak yang ditandatangani menetapkan antara lainnya syarat-syarat seperti berikut :-

a. Kontraktor hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank, bersamaan 5% daripada nilai kontrak.

b. Pakaian kombat dan peralatan tempur individu hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan.

c. Bekalan perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan denda akan dikenakan bagi penghantaran lewat. Bagi bekalan yang tidak mematuhi spesifikasi, Kerajaan berhak menolak atau menerima barangan tersebut dengan mengenakan denda kepada kontraktor mengikut kadar yang telah ditetapkan.

21.4.3.4. Semakan Audit mendapati semua pembekal yang dilantik telah mengemukakan Bon Pelaksanaan mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan. Bon Pelaksanaan tambahan juga telah dikemukakan bagi kes yang mendapat tambahan kontrak.

21.4.4. Penerimaan Pakaian Dan Peralatan

21.4.4.1. Pembekal akan menghantar pakaian kombat dan peralatan tempur individu yang dipesan ke Unit Trafik di 91 DPO. Unit ini merupakan pusat transit yang membuat pengesahan penerimaan barangan di Borang Penghantaran Dan Pemeriksaan sebelum barangan dihantar ke stor untuk penyimpanan. Cawangan Teknik Dan Pemeriksaan, Kementerian Pertahanan bertanggungjawab melakukan ujian terhadap sampel barangan yang diterima daripada pembekal.

21.4.4.2. Kontrak perolehan pakaian kombat dan peralatan tempur individu yang ditandatangani menetapkan bahawa penghantaran peralatan mestilah dilakukan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Mengikut syarat kontrak, pembekal akan dikenakan denda jika gagal membekalkan kuantiti pesanan dalam tempoh yang ditetapkan atau memenuhi spesifikasi. Denda kelewatan dikira pada kadar 2% dari nilai setiap pesanan bagi setiap bulan kelewatan manakala denda rendah mutu dikira pada kadar 5% dari nilai setiap pesanan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Bagi tempoh 2004 hingga bulan November 2006, didapati 91 Depot Pusat Ordnans (91DPO) telah membuat pesanan pakaian kombat sebanyak 373,730 pasang bernilai RM26.47 juta daripada 6 pembekal. Terdapat kes di mana 4 syarikat pembekal tidak dapat memenuhi pesanan tersebut mengikut tempoh yang ditetapkan dan berlaku kelewatan antara 1 hingga 288 hari. Sehingga bulan November 2006, denda antara RM44,347 hingga RM289,848 perlu dikenakan oleh Kementerian terhadap setiap pembekal terlibat seperti di **Jadual 21.5**. **Bagaimanapun, denda tersebut tidak dikenakan kerana pihak 91 DPO tidak menghantar laporan prestasi pembekalan oleh pembekal kepada Bahagian Perolehan dan Bahagian Kewangan di peringkat Kementerian bagi mengambil tindakan selanjutnya.**

JADUAL 21.5
DENDA YANG PERLU DIKENAKAN KERANA KELEWATAN MEMBEKAL

NAMA SYARIKAT	JUMLAH PESANAN (RM Juta)	KELEWATAN (Hari)	JUMLAH DENDA (RM)
Pelantar Jaya Sdn. Bhd.	2.50	1 hingga 38	44,347
Hexa Classic Sdn. Bhd.	3.56	2 hingga 116	86,753
Pakaian Saling Erti Sdn. Bhd.	5.15	21 hingga 68	149,601
AMDB Berhad	5.19	5 hingga 288	289,848
JUMLAH	**16.40**		**570,549**

b. Cawangan Teknik Dan Pemeriksaan, Kementerian Pertahanan telah menjalankan ujian sampel terhadap pakaian celoreng yang dibekalkan oleh syarikat SUPB Industries Sdn. Bhd. dan syarikat AMDB Berhad. Denda berjumlah RM12,299 telah dikenakan kepada syarikat SUPB Industries Sdn. Bhd. pada bulan Februari 2006 kerana pakaian celoreng yang dibekalkannya telah gagal ujian bagi *breaking load, tongue tear, colour coordinate* dan struktur pembuatan poket. Manakala pakaian celoreng dari syarikat AMDB Berhad telah gagal ujian bagi *colour coordinate* dan denda sejumlah RM4,660 dikenakan pada bulan November 2006.

c. Semakan Audit selanjutnya di 5 depot medan yang dilawati mendapati pada umumnya pakaian kombat dan peralatan tempur individu yang diterima daripada 91 Depot Pusat Ordnans adalah mengikut spesifikasi kontrak kecuali beberapa kes seperti berikut :-

i. Cawangan Teknik Dan Pemeriksaan, Kementerian Pertahanan yang telah membuat ujian sampel terhadap baju dan seluar celoreng yang dibekalkan oleh syarikat yang berkaitan mendapati kualitinya adalah memuaskan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit secara fizikal pada bulan Jun 2006 terhadap pakaian kombat tersebut yang dibekalkan kepada 8 Kompeni Kor Ordnans Di Raja, Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu, Kelantan mendapati seluar celoreng dan baju celoreng yang dibekalkan oleh syarikat Hexa Classic Sdn. Bhd tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Didapati seluar celoreng tidak mempunyai *adjustable strap* di pinggang manakala baju celoreng pula tiada jahitan tepi pada *epaulette*. Kuantiti baju dan seluar celoreng yang gagal mematuhi spesifikasi kontrak tersebut tidak dapat ditentukan kerana bekalan yang diterima dari 91 DPO adalah dari pelbagai pembekal. **Gambar 21.1 hingga 21.4** menunjukkan perbezaan antara seluar dan baju celoreng yang mengikut spesifikasi dan sebaliknya.

GAMBAR 21.1

Seluar Celoreng Tidak Mengikut Spesifikasi
- Tiada Adjustable Strap
(Pembekal : Syarikat Hexa Classic Sdn. Bhd.)

GAMBAR 21.2

Seluar Celoreng Mengikut Spesifikasi
- Ada Adjustable Strap
(Pembekal : Syarikat Saling Erti Sdn. Bhd.)

GAMBAR 21.3



Baju Celoreng Tidak Mengikut Spesifikasi
- Tiada Jahitan Tepi Pada Epaulette
(Pembekal : Syarikat Hexa Classic Sdn. Bhd.)

GAMBAR 21.4



Baju Celoreng Mengikut Spesifikasi
- Ada Jahitan Tepi Pada Epaulette
(Pembekal : Syarikat Saling Erti Sdn. Bhd.)

ii. Bagi *webbing complete set* pula, semakan Audit terhadap laporan kerosakan yang diterima oleh 73 BOD Kem Terendak, Melaka daripada Rejimen 21 Komando pada bulan Februari 2006 mendapati 295 daripada 510 *webbing complete set* berharga RM406.20 setiap satu yang diterima pada tahun 2002 mudah mengalami kerosakan kerana kain yang nipis, boleh ditembusi air dan mudah koyak. **Tiada bukti yang menunjukkan Cawangan Teknik Dan Pemeriksaan, Kementerian telah menjalankan ujian pemeriksaan kualiti bagi bekalan tersebut.**

iii. Bekalan *helmet ballastik* hanya diuruskan oleh Syarikat Seri Mukali Sdn. Bhd. sahaja. Adalah didapati kualiti *helmet ballastik* yang dibekalkan adalah tidak konsisten. Ini terbukti daripada ujian tembakan yang dijalankan oleh Cawangan Teknik dan Pemeriksaan, Kementerian Pertahanan terhadap sampel *helmet ballastik* yang dibekalkan oleh kontraktor pada bulan Julai 2006, menunjukkan ia mematuhi spesifikasi kontrak manakala ujian yang dibuat terhadap bekalan pada bulan Ogos 2006 mendapati ia tidak sesuai digunakan kerana terdapat *"delamination and trauma effect"* yang serius di bahagian dalamnya. Jumlah *helmet ballastik* yang terlibat adalah 5,000 unit di mana harga bagi setiap satu *helmet* tersebut adalah antara RM481 hingga RM484 mengikut saiz. Bagaimanapun, *helmet* berkenaan telah diagihkan untuk kegunaan anggota tentera. **Pada pandangan Audit pembekal sepatutnya diminta menggantikan helmet tersebut dengan yang mengikut spesifikasi kontrak atau denda dikenakan terhadapnya.**

iv. Semakan Audit yang dilakukan pada bulan Jun 2006 di 8 Kompeni Kor Ordnans Di Raja, Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu, Kelantan mendapati anggota tentera di pasukan tanggungannya telah memaklumkan bahawa kualiti *leather boot* yang dibekal oleh syarikat Kulitkraf Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan. Kualitinya mempunyai perbezaan yang ketara dengan yang dibekalkan oleh syarikat Sepatu Timur Sdn. Bhd. sungguhpun harga yang dikenakan adalah sama iaitu RM109.00 sepasang. Adalah didapati *leather boot* yang dibekalkan oleh syarikat Kulitkraf Sdn. Bhd. tidak selesa dipakai dan menyebabkan kecederaan kaki semasa menjalani aktiviti lasak. Semakan Audit selanjutnya mendapati ujian terhadap *leather boot* tersebut yang telah dibuat oleh Cawangan Teknik Dan Pemeriksaan, Kementerian Pertahanan menunjukkan kualitinya memuaskan. Perbandingan *leather boot* yang dibekalkan oleh kedua-dua syarikat adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 21.5

Boot Sebelah Kiri Dibekalkan Oleh Syarikat Kulitkraf Sdn. Bhd. Dan Boot Disebelah Kanan Dibekalkan Oleh Syarikat Sepatu Timur Sdn. Bhd.

KETERANGAN

A. Keadaan belakang *leather boot back strap* yang berbeza saiz ukuran.

B. Kulit *leather boot* yang dibekalkan oleh Syarikat Kulitkraf Sdn. Bhd. adalah lebih keras berbanding *dengan* yang dibekalkan oleh Syarikat Sepatu Timur Sdn.Bhd.

C. Lidah *boot* pada *leather boot* yang dibekalkan oleh Syarikat Kulitkraf Sdn. Bhd. adalah lebih keras berbanding dengan yang dibekalkan oleh Syarikat Sepatu Timur Sdn. Bhd.

D. *Leather boot* yang dibekalkan oleh Syarikat Sepatu Timur Sdn. Bhd. lebih berkilat jika dibandingkan dengan *leather boot* dari Syarikat Kulitkraf Sdn. Bhd.

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan denda dikenakan kepada pembekal bagi pakaian kombat dan peralatan tempur individu yang tidak menepati spesifikasi, tidak bermutu dan lewat dibekalkan. Cawangan Teknik Dan Pemeriksaan, Kementerian Pertahanan perlu melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih komited dengan memastikan ujian dibuat terhadap setiap sampel barangan yang diterima.

21.4.5. Pengagihan Pakaian Dan Peralatan

21.4.5.1. Pengagihan pakaian kombat dan peralatan tempur individu oleh 91 Depot Pusat Ordnans ke depot medan adalah berdasarkan permohonan melalui Rancangan Perolehan Tahunan yang dikemukakan pada bulan Oktober tahun sebelumnya. Rancangan Perolehan tersebut adalah berdasarkan perjawatan dan kekuatan anggota tentera di pasukan tanggungannya. Pengagihan pakaian kombat dan peralatan tempur individu juga berdasarkan Sukatan Pakaian Angkatan Tentera di mana setiap anggota Tentera Darat layak menerima tiga pasang pakaian kombat dan satu set peralatan *webbing* dalam tempoh perkhidmatan dan penggantian boleh dilakukan sekiranya kerosakan berlaku atau selepas proses pelupusan diluluskan. Semakan Audit mendapati pada umumnya peraturan tersebut telah dipatuhi.

21.4.5.2. Berdasarkan Senarai Pengeluaran Permohonan Mengikut Pasukan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 yang dikeluarkan oleh 91 Depot Pusat Ordnans (91 DPO) dan rekod depot medan, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan pengagihan pakaian kombat dan peralatan tempur individu. Ini adalah disebabkan jumlah pakaian kombat dan peralatan tempur individu yang diagihkan oleh 91 DPO tidak dapat disesuaikan dengan jumlah yang diterima oleh depot medan**. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.6
PERBEZAAN ANTARA REKOD 91 DEPOT PUSAT ORDNANS DAN DEPOT MEDAN

DEPOT MEDAN	BARANG	TAHUN DIBEKAL	JUMLAH DIBEKAL OLEH 91 DPO	JUMLAH YANG DITERIMA OLEH DEPOT MEDAN
73 BOD	*Webbing Complete Set*	2004 2005 2006	2,000 1,500 1,314	1,000 2,100 314
	Pakaian Celoreng	2004 2005 2006	14,357 60,542 31,266	Baju-10,329, Seluar-5,096 Baju-22,846, Seluar-20,734 Baju-7,562, Seluar-6,566
	Leather Boot	2004 2005 2006	17,784 21,987 15,260	4,198 24,809 7,379
7 KOD	*Leather Boot*	2004 2005 2006	7,306 8,859 4,727	6,895 7,217 6,958
71 BOD	Pakaian Celoreng	2004 2005 2006	7,510 1,388 Tiada	Baju-2,931, Seluar-3,076 Baju-8,644, Seluar-8,544 Baju-15,158

Pada pandangan Audit, 91 Depot Pusat Ordnans (91 DPO) dan depot medan berkenaan perlu memastikan rekod berkaitan dengan pengeluaran dan penerimaan barangan di peringkat masing-masing diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan stok pakaian kombat dan peralatan tempur mencukupi untuk diagihkan kepada anggota yang memerlukannya. Adalah disyorkan supaya depot medan mengemukakan laporan bulanan mengenai penerimaan dan pengagihan pakaian kombat dan peralatan tempur individu kepada 91 DPO untuk tujuan kawalan dalaman.

21.4.6. Penyimpanan Pakaian Dan Peralatan

Lawatan Audit ke 5 depot medan mendapati pakaian kombat dan peralatan tempur individu telah disimpan dalam stor khusus yang bertutup dan berbumbung. Dua daripada depot medan itu dilengkapi dengan sistem pengedaran udara dan barang-barang disimpan di dalam kotak serta disusun mengikut rak yang telah ditetapkan. Manakala di 73 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Terendak, Melaka, stornya juga dilengkapi dengan sistem pengedaran udara tetapi keadaan stornya berselerak dan tidak tersusun. Bagi 71 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Pending, Sarawak dan 72 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Kamunting, Taiping, Perak, stornya tidak dilengkapi dengan sistem pengedaran udara yang menyebabkan suasana dalam stor panas dan menimbulkan ketidakselesaan kepada anggota yang bertugas. **Gambar 21.6 hingga 21.8** menunjukkan keadaan stor berkenaan.

GAMBAR 21.6

71 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Pending, Sarawak - Bangunan Stor Pakaian Tidak Dilengkapi Sistem Pengedaran Udara

GAMBAR 21.7

72 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Kamunting, Taiping, Perak - Bangunan Stor Pakaian Tidak Dilengkapi Sistem Pengedaran Udara

GAMBAR 21.8

73 Batalion Kor Ordnans Di Raja, Kem Terendak, Melaka - Keadaan Stor Yang Berselerak Dan Tidak Tersusun

Pada pandangan Audit, keadaan stor hendaklah dilengkapi dengan kemudahan yang lebih baik supaya dapat memberi keselesaan kepada pengguna di samping mengekalkan mutu barangan yang disimpan di dalam stor khususnya pakaian kombat.

21.4.7. Penyelenggaraan Rekod

Berdasarkan arahan daripada Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat, setiap depot medan dikehendaki menyelenggara kad stok/kad akaun untuk merekod kuantiti dan tarikh bagi setiap penerimaan barangan yang disimpan di stor. Rekod ini juga digunakan untuk mencatatkan butiran berkaitan pengeluaran barangan kepada pasukan tanggungan. Semakan Audit di depot medan yang dilawati mendapati ia telah menyelenggarakan rekod yang berkaitan penerimaan dan pengagihan pakaian kombat dan peralatan tempur individu. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

21.4.7.1. Di depot medan 72 Batalion Kor Ordnans Di Raja Kem Kamunting, Taiping, Perak dan 7 Kompeni Kor Ordnans Di Raja, Kem Tebrau, Johor, terdapat perbezaan kuantiti *leather boot* yang diterima antara kad akaun yang diselenggarakan oleh Bahagian Kawalan dan Kira-Kira dengan kad stok di stor. Perbezaan ini menunjukkan tiada penyelarasan dibuat antara kedua-dua rekod berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.7
PERBEZAAN KUANTITI ANTARA DOKUMEN KAD AKAUN DENGAN KAD STOK

DEPOT MEDAN	BARANG	TAHUN	KAD AKAUN (Pasang)	KAD STOK (Pasang)	BEZA (Pasang)
7 KOD	*Boot CBAL* (saiz 5)	2006	781	100	681
72 BOD	*Boot CBAL* (saiz 6) *Boot CBAL* (saiz 8)	2006	506 100	536 334	30 234

21.4.7.2. Pemeriksaan Audit di 72 Batalion Kor Ordnans Di Raja Kem Kamunting, Taiping, Perak pada bulan Ogos 2006 mendapati wujud perbezaan antara baki fizikal stok *leather boot* saiz 6 dan saiz 8 dengan yang ditunjukkan dalam kad stok dan kad akaun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.8
PERBEZAAN KUANTITI ANTARA REKOD DENGAN PEMERIKSAAN FIZIKAL

DEPOT MEDAN	BARANG	KAD AKAUN (Pasang)	KAD STOK (Pasang)	BAKI FIZIKAL (Pasang)
72 BOD	*Boot CBAL* (saiz 6) *Boot CBAL* (saiz 8)	506 100	536 334	1,094 1,200

Pada pandangan Audit, perbezaan ini boleh dielakkan sekiranya rekod-rekod berkaitan sentiasa diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan sebarang perbezaan disiasat dengan segera.

21.4.7.3. Semakan Audit terhadap dokumen baucer penerimaan di 71 Batalion Kor Ordnans Di Raja Kem Pending, Sarawak mendapati pasukan tanggungan telah menerima sebanyak 300 pasang *leather boot* saiz 8 pada bulan Mei 2006. Bagaimanapun sehingga bulan September 2006, barangan tersebut masih belum direkod ke dalam kad akaun dan kad stok. **Rekod ini perlu dikemaskinikan dengan segera bagi mengelak sebarang kemungkinan berlaku seperti kehilangan dan penyelewengan.**

21.4.8. Pelupusan Pakaian Dan Peralatan

Kaedah pelupusan bagi pakaian kombat dan peralatan tempur individu adalah berpandukan kepada Perintah Angkatan Tentera Jilid 3 bab 2 seksyen 8 dan peraturan yang ditetapkan dalam Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor, perenggan 207 hingga 232. Pelupusan pakaian kombat dan peralatan tempur individu telah dilaksanakan apabila berlaku kerosakan atau kehilangan di peringkat pasukan tanggungan. Lembaga Pemeriksa juga telah diwujudkan bagi melaksanakan pelupusan tersebut. Setiap kali pelupusan dijalankan oleh pasukan tanggungan, laporan mengenainya dimajukan ke depot medan bagi tujuan penggantian barangan. **Secara keseluruhannya, urusan pelupusan bagi semua pakaian dan peralatan tempur individu telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.**

21.4.9. Pemantauan

21.4.9.1. Secara umumnya, Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat mempunyai mekanisme pemantauan yang baik terhadap aktiviti pengurusan pakaian kombat dan peralatan tempur individu Tentera Darat bagi memastikan ianya berjalan lancar dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pemantauan dilakukan melalui beberapa mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan Pakaian yang diadakan di Cawangan Logistik Markas Tentera Darat; Mesyuarat Pembelian Aset Melalui Peruntukan Rancangan Malaysia Lima Tahun oleh Cawangan Perancangan dan Pembangunan Markas Tentera Darat; Mesyuarat Staf Kumpulan Ordnans dan Mesyuarat bersama Pegawai Pemerintah di pasukan.

21.4.9.2. Mengikut Panduan Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Stor, verifikasi stok perlu dijalankan secara berjadual. Verifikasi stok di depot medan telah dijalankan oleh Pasukan Inspektorat Kementerian. Bagaimanapun, verifikasi stok tidak mengikut kekerapan yang telah ditentukan. **Didapati pasukan Inspektorat Kementerian hanya menjalankan verifikasi stok di 2 daripada 5 depot medan yang diaudit iaitu pada tahun 2004.** Depot medan tersebut ialah 7 Kompeni Kor Ordnans Di Raja, Kem Tebrau, Johor dan 8 Kompeni Kor Ordnans Di Raja, Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu, Kelantan.

21.4.9.3. Di peringkat depot medan, pemeriksaan secara dalaman terhadap barangan yang disimpan di stor sepatutnya dijalankan 2 kali setahun oleh pegawai yang bertanggungjawab. Ini bertujuan untuk menentukan setiap pegangan stok adalah sama seperti direkodkan dalam kad akaun dan kad stok. Setiap perbezaan perlu disiasat untuk memastikan tiada berlaku kes kehilangan dan kecurian barangan. Bagaimanapun, **semakan Audit mendapati pihak depot medan 72 Batalion Kor Ordnans Di Raja Kem Kamunting, Taiping, Perak dan 73 Batalion Kor Ordnans Di Raja Kem Terendak, Melaka tidak menjalankan pemeriksaan stok bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006.**

Pada pandangan Audit, penyeliaan dan verifikasi stok di peringkat depot medan oleh Kementerian perlu diperkemaskan lagi. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab di depot medan perlu melakukan pemeriksaan stok dari semasa ke semasa bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dan kehilangan serta risiko kecurian barangan.

21.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, Kementerian mempunyai perancangan yang baik terhadap pengurusan pakaian kombat dan peralatan tempur individu Tentera Darat. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian menimbangkan perkara berikut :-

a. Tindakan mengenakan denda terhadap kelewatan penghantaran perbekalan dan bekalan tidak mengikut spesifikasi perlu dibuat dengan segera bagi memastikan pembekal menghantar bekalan mengikut jadual dan spesifikasi kontrak supaya perancangan pihak pengguna tidak terjejas.

b. Satu mekanisme perlu disediakan bagi mendapatkan maklum balas daripada pengguna bertujuan untuk mendapatkan pandangan mereka supaya tindakan penambahbaikan boleh dilakukan terhadap kualiti pakaian kombat dan peralatan tempur individu.

c. Pentadbiran 91 DPO dan depot medan yang terlibat perlu memastikan rekod berkaitan pengeluaran dan penerimaan stok di peringkat masing-masing diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan stok pakaian kombat dan peralatan tempur dapat dikawal dengan teratur dan mencukupi untuk diagihkan kepada anggota yang memerlukannya.

d. Depot medan disyorkan mengemukakan laporan bulanan mengenai penerimaan dan pengagihan pakaian kombat dan peralatan tempur individu kepada 91 DPO untuk tujuan kawalan dalaman.

e. Bangunan stor perlu dilengkapkan dengan sistem pengedaran udara bagi keselesaan pengguna di samping mengekalkan mutu peralatan dan pakaian yang disimpan.

f. Penyeliaan dan verifikasi stok di peringkat depot medan perlu dilakukan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan rekod stor diselenggarakan dengan teratur supaya dapat menghindar daripada berlakunya penyelewengan, kehilangan dan risiko kecurian barangan di stor.

22. PEROLEHAN KAPAL PERONDA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

22.1. LATAR BELAKANG

22.1.1. Pada tahun 1990, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah mencadangkan perolehan 27 buah kapal peronda (*Patrol Vessel* / PV) untuk melengkapkan TLDM dengan peralatan yang canggih, terkini dan mampu mempertahankan perairan negara dengan cekap dan berkesan. Perolehan ini adalah bagi menggantikan 21 buah kapal jenis *Patrol Craft* dan 6 buah kapal ronda laju yang telah menjangkau usia 25 tahun pada tahun 2000. Sehubungan itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri ketika itu dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Oktober 1992 telah mencadangkan supaya rancangan untuk membeli 27 buah PV baru diberi keutamaan. Kertas cadangan bagi perolehan PV ini telah dibincangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 September 1993 dan mesyuarat bersetuju untuk :-

a. melantik Naval Dockyard Sdn. Bhd. (NDSB) iaitu sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan sebagai kontraktor utama untuk membina dan membekalkan PV kepada Kerajaan dengan bantuan dan latihan dari pakar atau limbungan asing;

b. membina kesemua 27 buah PV di dalam negeri;

c. menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Program Pembinaan PV;

d. menyediakan peruntukan berjumlah RM423 juta bagi pembinaan 6 buah PV di bawah kajian semula Rancangan Malaysia Ke-6 dan memberi komitmen peruntukan yang diperlukan dalam Rancangan Malaysia berikutnya berjumlah RM3.63 bilion; dan

e. mengadakan rundingan terus dengan NDSB bagi melaksanakan pembinaan PV supaya projek ini dijadikan sebuah projek nasional yang memerlukan sokongan padu dari semua pihak.

22.1.2. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan telah menswastakan NDSB pada 11 Disember 1995 melalui perjanjian penswastaan dengan satu konsortium yang diketuai oleh Penang Shipbuilding and Construction Sdn. Bhd. (PSC) yang kemudiannya dikenali sebagai PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. (PSC-NDSB). Kontrak pembinaan peringkat pertama bagi 6 buah PV telah ditandatangani antara Kerajaan dengan PSC-NDSB pada 5 September 1998 melibatkan kos berjumlah RM5.35 bilion yang meliputi pembinaan badan kapal (*platform* dan *major equipment)*, *Integrated Logistics Support* dan C*ommercial Package Programme*.

22.1.3. Isu kelewatan penyerahan PV oleh PSC-NDSB kepada Kementerian Pertahanan telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam mesyuaratnya pada bulan Jun dan Julai 2005 serta bulan Julai 2006. Jawatankuasa tersebut telah menegur tentang kelewatan projek ini yang mengakibatkan kos projek meningkat dengan begitu ketara. Setakat bulan Mei 2005, kontraktor berkenaan telah dibayar wang pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion iaitu 20% dari nilai kontrak dan bayaran kemajuan berjumlah RM3.84 bilion. Jawatankuasa telah meminta supaya Kementerian Pertahanan mengkaji syarat kontrak sama ada mempunyai implikasi kepada Kerajaan sekiranya perkhidmatan kontraktor ditamatkan. Memandangkan projek perolehan PV telah menimbulkan pelbagai masalah yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan, Jabatan Audit Negara telah menjalankan kajian lanjutan terhadap projek ini.

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan PV telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta memenuhi objektif perolehannya.

22.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian meliputi proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaksanaan projek. Pengauditan telah dijalankan di Bahagian Perolehan, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Industri Pertahanan, Kementerian Pertahanan; Cawangan Rancang, Cawangan Strategik, Cawangan Pembangunan Projek, Cawangan Teknologi Maklumat, Markas Tentera Laut; Pejabat Pegawai Kanan Skuadron PV Ke-17 Kota Kinabalu, Sabah; Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan Malaysia. Selain itu, pihak Audit juga mengadakan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dan membuat lawatan fizikal di lokasi pembinaan PV di Lumut.

22.4. PENEMUAN AUDIT

22.4.1. Struktur Pengurusan

22.4.1.1. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 15 September 1993, Kementerian Pertahanan telah mengambil tindakan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Program Pembinaan Kapal Peronda. Jawatankuasa ini antara lainnya bertanggungjawab menetapkan dasar dan garis panduan berhubung dengan kewangan, pengurusan projek dan teknikal di samping mengawal pelaksanaannya. Ia dipengerusikan oleh Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pertahanan; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan sebagai Timbalan Pengerusi dan Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Pertahanan sebagai Setiausaha. Ahlinya terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Panglima Tentera Laut, Unit Perancang Ekonomi, Institut Standard dan Penyelidikan

Perindustrian Malaysia, Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia. Semakan Audit menunjukkan **jawatankuasa ini bermesyuarat sebanyak 7 kali dari tahun 1994 hingga 1998 dan tidak lagi bermesyuarat selepas itu.**

22.4.1.2. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif pula ditubuhkan di peringkat Kementerian Pertahanan yang dipengerusikan bersama oleh Dato' Sri Mohd Shariff bin Ishak, Panglima Tentera Laut dan Dato' Haji Khalil bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha 1, Kementerian Pertahanan ketika itu. Secara umumnya, bidang tugas jawatankuasa ini adalah untuk memastikan pengurusan projek dalam aspek kewangan, kontrak, penyertaan tempatan dan teknikal berjalan lancar. **Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sebanyak empat kali bagi tempoh tahun 1994 hingga 1996 dan tidak lagi bermesyuarat selepas itu.**

22.4.1.3. Di peringkat Kementerian Pertahanan, terdapat 3 bahagian yang terlibat dalam projek ini. Bahagian Perolehan bertanggungjawab dalam merancang dan menentukan setiap perolehan serta keperluan Kementerian diuruskan dengan baik dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Bahagian Industri Pertahanan terlibat sebagai ahli Jawatankuasa Pemantauan Bersama (dipengerusikan oleh wakil Kementerian Kewangan) yang diwujudkan khas untuk memantau pencapaian C*ommercial Package Programme* bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut perancangan. Jawatankuasa ini juga adalah bertanggungjawab memperakukan tuntutan berhubung dengan C*ommercial Package Programme* sebelum bayaran dibuat. Bahagian Pembangunan bertanggungjawab terhadap tuntutan pembayaran bagi keseluruhan projek. Di bawah Markas Tentera Laut pula, Bahagian Rancang Dan Operasi adalah bertanggungjawab dalam menyediakan justifikasi keperluan dan strategi jangka panjang perolehan, sementara Bahagian Logistik adalah bertanggungjawab menentukan keperluan yang dibekalkan adalah menepati spesifikasi yang ditetapkan dan pelaksanaan projek adalah selaras dengan kontrak. Manakala Bahagian Sumber Manusia bertanggungjawab dalam mendapatkan keperluan kakitangan pengurusan projek dan yang akan ditempatkan di kapal peronda. Carta berikut adalah struktur organisasi Kementerian Pertahanan dan Markas Tentera Laut yang terlibat dalam pengurusan perolehan PV :-

CARTA 22.1
STRUKTUR ORGANISASI
KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN MARKAS TENTERA LAUT
YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN DAN PENGURUSAN KAPAL PV TLDM
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



22.4.1.4. Bagi mengawal selia secara langsung pelaksanaan kontrak 6 buah PV, Pasukan Projek PV diwujudkan. Pasukan ini diketuai oleh seorang pegawai tinggi tentera laut berpangkat Kepten. Antara tanggungjawab pasukan ini adalah menyelaras dan mengawas pelaksanaan projek yang merangkumi pemeriksaan, pengujian dan pengesahan semua aktiviti berkaitan pembinaan kapal bagi menentukan pembinaannya mematuhi kos, kualiti dan jadual yang telah ditetapkan. Pasukan ini juga bertanggungjawab terhadap penyelarasan pembangunan Pakej *Integrated Logistics Support* (ILS) dan mengesahkan *Statement of Progress* bagi tujuan pembayaran. Selain itu, pasukan ini juga perlu membantu pihak Perbendaharaan Malaysia bagi mengawas dan menyelaras pelaksanaan C*ommercial Package Programme*.

22.4.1.5. Perjawatan bagi Pasukan Projek PV telah diluluskan pada bulan September 1998. Perjawatan tersebut mengandungi seramai 40 orang terdiri daripada 17 pegawai TLDM dan 23 anggota lain-lain pangkat TLDM. Kepten yang mengetuai pasukan ini bertanggungjawab ke atas 4 Bahagian iaitu Bahagian Kejuruteraan Dan Binaan, Bahagian Ujian Dan Pengesahan

Spesifikasi Operasi, Bahagian *Integrated Logistics Supprt* (ILS) dan Bahagian Pentadbiran. Bahagian Ujian Dan Pengesahan Spesifikasi Operasi diketuai oleh seorang Komander dan Bahagian Pentadbiran pula diketuai oleh seorang Leftenen Komander. Bagi Bahagian Kejuruteraan Dan Binaan, terdapat 3 unit diwujudkan iaitu Unit Kejuruteraan Elektrik dan Persenjataan, Unit Senibina Kapal dan Unit Kejuruteraan Marin. Manakala di bawah Bahagian ILS pula, 2 unit diwujudkan iaitu Unit Pengurusan ILS dan Unit Pengurusan Konfigurasi. Setiap unit diketuai oleh seorang Komander kecuali Unit Kejuruteraan Elektrik dan Persenjataan yang diketuai oleh seorang Kepten. **Pemeriksaan Audit pada bulan Disember 2006 mendapati daripada 40 jawatan yang diluluskan, sebanyak 8 jawatan tidak diisi. Antara jawatan yang kosong itu ialah Kepten yang sepatutnya mengetuai Pasukan Projek PV.** Didapati juga 4 jawatan telah terlebih diisi bagi lain-lain pangkat. Kedudukan perjawatan Pasukan Projek PV adalah seperti di jadual berikut dan struktur organisasi pasukan adalah seperti di **Carta 22.2**.

JADUAL 22.1
PERJAWATAN PASUKAN PROJEK PV
- KEDUDUKAN PADA BULAN DISEMBER 2006

JAWATAN	PANGKAT	PERJAWATAN		
		LULUS	DIISI	LEBIH / (KURANG)
Ketua Pengarah	Kepten	1	-	(1)
Pengarah Sel	Kepten	1	1	-
	Komander	5	5	-
Pegawai	Leftenan Komander & Leftenan	10	3	(7)
Lain-lain Pangkat	Pegawai Waran I & II	6	6	-
	Bintara Kanan & Muda	10	12	2
	Laskar Kanan & Kanan I	7	9	2
	Laskar Kanan I			-
JUMLAH		**40**	**36**	**4**

CARTA 22.2
STRUKTUR ORGANISASI PASUKAN PROJEK PV



Pada pandangan Audit, walaupun struktur pengurusan bagi projek perolehan PV telah diwujudkan, namun pemantauan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek PV dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif adalah tidak memuaskan kerana kedua-dua jawatankuasa tersebut hanya mengadakan mesyuarat di peringkat awal pelaksanaan projek.

22.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Bagi melaksanakan perolehan PV, peruntukan berjumlah RM5.35 bilion telah diluluskan daripada RM5.49 bilion yang dipohon. Daripada jumlah yang diluluskan, sejumlah RM4.47 bilion atau 83.6% telah dibelanjakan. Jumlah tersebut adalah termasuk RM1.07 bilion bagi bayaran wang pendahuluan kepada syarikat PSC-NDSB dan RM217.27 juta bagi menjelaskan tuntutan *Commercial Package Achievement Fee*. Butiran peruntukan dipohon, diluluskan dan perbelanjaan bagi tempoh RMK7 hingga RMK9 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH RMK7 HINGGA RMK9

RANCANGAN MALAYSIA	PERUNTUKAN DIPOHON (RM Juta)	SILING PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
RMK 7	1,383.00	2,476.20	1,371.90	55.4
RMK 8	3,397.00	2,160.00	2,387.22	110.5
RMK 9	713.80	713.80	711.92	99.7
JUMLAH	**5,493.80**	**5,350.00**	**4,471.04**	**83.6**

22.4.3. Pelantikan Kontraktor

22.4.3.1. Pada tahun 1992, Kerajaan telah bersetuju menswastakan NDSB yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan kepada syarikat yang berminat bagi membina 27 buah PV. Sebanyak 35 syarikat telah mengemukakan cadangan penswastaan tersebut. Bagaimanapun pada bulan April 1993, hanya 2 syarikat konsortium masing-masingnya yang diketuai oleh Penang Shipbuilding And Construction Sdn. Bhd. (PSC) dan Malaysian Mining Corporation Berhad diberi peluang membentangkan cadangan mereka. Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri seterusnya memberi kelulusan kepada PSC untuk menjalankan kajian terperinci ke atas penswastaan tersebut. Hasil kajian telah dinilai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Penswastaan di UPE. Pada 13 Januari 1994, UPE telah meminta ulasan daripada Bahagian Industri Pertahanan, Kementerian Pertahanan terhadap draf Memorandum Jemaah Menteri yang disediakannya berhubung dengan penswastaan NDSB kepada PSC. **Semakan Audit terhadap surat jawapan bertarikh 16 Februari 1994 yang ditandatangani oleh Dato' Seri Mohd. Shariff bin Ishak, Panglima Tentera Laut ketika itu mendapati bahawa pihak TLDM tidak bersetuju dengan cadangan penswastaan kepada PSC** atas sebab berikut :-

a. PSC merupakan limbungan yang kecil, prestasinya tidak baik dan hanya mempunyai pengalaman membina bot tunda dan bot polis jenis kecil.

b. Tiada kepakaran dan anggota terlatih berbanding NDSB dan limbungan lain yang lebih besar.

c. Kapal yang telah dibina oleh PSC kurang baik mutunya.

d. Pengurusan PSC kurang cekap.

e. Tawaran harga oleh PSC bagi keseluruhan saham NDSB, harta alih dan pajakan tanah terlalu rendah berbanding nilai pelaburan oleh Kerajaan dan nilai pasaran.

22.4.3.2. Pandangan daripada Panglima Tentera Laut telah diambil kira oleh UPE semasa menyediakan Memorandum Jemaah Menteri untuk mencadangkan pelantikan PSC sebagai ketua konsortium yang akan melaksanakan program penswastaan NDSB. Adalah diperhatikan Jemaah Menteri telah mengambil maklum tentang prestasi PSC dan mengesyorkan supaya UPE mengkaji semula pembahagian ekuiti dalam syarikat konsortium yang akan diwujudkan. Selepas kajian dijalankan oleh UPE, perjanjian penswastaan dengan konsortium (dikenali sebagai PSC-NDSB) yang diketuai oleh PSC telah ditandatangani pada bulan Disember 1995 melalui kaedah penjualan ekuiti NDSB yang dimiliki oleh Kerajaan kepada PSC. Antara syarat perjanjian tersebut ialah PSC dikehendaki membayar RM300 juta bagi saham Kerajaan dalam NDSB dan PSC-NDSB perlu membelanjakan sebanyak RM150 juta untuk meningkatkan keupayaan limbungan. Pengerusi PSC-NDSB pada ketika itu ialah Dato' Amin Shah bin Omar Shah dan pemegang ekuiti utama syarikat PSC-NDSB adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.3
PEGANGAN SAHAM PSC-NDSB

SYARIKAT	PEGANGAN %	JUMLAH SAHAM (UNIT)
Penang Shipbuilding & Construction Sdn. Bhd.	40	36,000,001
Perstima Industries Sdn. Bhd.	30	27,000,001
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	15	13,500,000
Suria Barisan Sdn. Bhd.	8	7,200,000
Syarikat Permodalan & Perusahaan Perak (sekarang KUB (M) Berhad)	7	6,300,000
JUMLAH	100	90,000,002

22.4.3.3. Pada bulan Disember 2005, terdapat perubahan struktur ekuiti PSC-NDSB di mana 58% daripada ekuitinya telah dimiliki oleh Boustead Holdings Berhad, anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Kedudukan pegangan ekuiti sebelum dan selepas perubahan struktur ekuiti adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.4
PERUBAHAN STRUKTUR EKUITI PSC-NDSB SEBELUM DAN SELEPAS PENGAMBILALIHAN OLEH BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD

PEMEGANG EKUITI	SEBELUM %	SELEPAS %
Penang Shipbuilding & Construction Sdn. Bhd.	47	19
Perstima Industries Sdn. Bhd.	30	0
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	15	15
Suria Barisan Sdn. Bhd.	8	8
Boustead Holdings Bhd.	0	58
JUMLAH	**100**	**100**

22.4.3.4. Pada bulan Ogos 2006, PSC-NDSB telah ditukar nama kepada Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BN Shipyard) dan kontrak tambahan kedua bagi projek PV telah ditandatangani oleh Kerajaan pada bulan Januari 2007 dengan BN Shipyard. Didapati kepentingan Kerajaan Malaysia juga terpelihara dalam syarikat BN Shipyard dengan memegang satu unit Saham Khas (*Golden Share*) bernilai RM1. Kedudukan pegangan saham BN Shipyard pada bulan April 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.5
PEGANGAN SAHAM BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD. SETAKAT BULAN APRIL 2007

SYARIKAT	PEGANGAN %	JUMLAH SAHAM UNIT
Menteri Kewangan Malaysia	-	1*
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	10.38	13,500,000
Boustead Holding Bhd.	30.77	40,000,000
KUB Bhd.	4.85	6,300,001
Perstima Industries Sdn. Bhd.	20.77	27,000,001
Perwira Affin Bank Nominee (Tempatan) Sdn. Bhd.	33.23	43,200,001
JUMLAH	**100.00**	**130,000,004**

Nota : **** - Saham Khas***

22.4.4. Pemilihan Subkontraktor

Kementerian Kewangan telah menawarkan dua jenis tender iaitu tender pemilihan limbungan asing sebagai rakan usaha sama NDSB dan tender bagi perolehan 7 jenis peralatan dan sistem utama *(Major Equipment and System - MES)* yang akan dipasang pada kapal peronda.

22.4.4.1. Pemilihan Rakan Usaha Sama

Tender bagi mereka bentuk, membina, membekal dan mentauliahkan 6 buah PV telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada bulan November 1994 kepada limbungan luar negara untuk bekerjasama dengan NDSB. Proses tender untuk melantik rakan usaha sama melibatkan penilaian dari aspek operasi, teknikal dan bantuan logistik bersepadu *(Integrated Logistics Support).*

Kumpulan Kerja Penilaian telah ditubuhkan untuk tujuan tersebut, ia dipengerusikan oleh seorang Kepten TLDM dan keahliannya terdiri daripada wakil Pusat Sains Teknologi Pertahanan, Kementerian Pertahanan, NDSB dan Perbendaharaan Malaysia. Daripada 40 dokumen tender yang dijual, 14 tawaran telah diterima daripada limbungan asing dan 6 daripadanya telah dimasukkan dalam senarai terpilih untuk pertimbangan Jawatankuasa Penilaian Tender. Semakan Audit mendapati pada bulan September 1997, Jawatankuasa Penilaian Tender telah memperakukan German Naval Group sebagai rakan usaha sama PSC-NDSB selepas mendapat pandangan daripada Dato' Amin Shah bin Omar Shah, Pengerusi Eksekutif PSC-NDSB. Jawatankuasa Tender Kementerian Kewangan pada bulan Oktober 1997 bersetuju dengan perakuan Jawatankuasa Penilaian Tender berkenaan dan perjanjian antara PSC-NDSB dengan German Naval Group ditandatangani pada bulan Februari 1999.

22.4.4.2. Perolehan Peralatan dan Sistem Utama [*Major Equipment and System (MES)*]

Tender bagi perolehan peralatan dan sistem utama *(Major Equipment and System)* seperti *Combat Command and Control System*, *Propulsion System, Medium Range Gun* dan *COMINT System* untuk dipasang pada PV telah dikeluarkan pada bulan Februari dan bulan Oktober 1994. Sebanyak 68 tawaran telah diterima dan dinilai dari segi *conformance* dan *comparative.* Bagi penilaian *conformance*, tiga kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk mengkaji keperluan operasi, spesifikasi teknikal, pakej bantuan logistik bersepadu dan pakej komersil serta pakej perniagaan. Manakala penilaian *comparative* dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Haji Mohd. Shahar bin Sidek, Setiausaha Bahagian Pengurusan Dan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan ketika itu. Jawatankuasa tersebut bertanggungjawab untuk mengkaji laporan Kumpulan Kerja Penilaian sebelum mengemukakannya kepada Jawatankuasa Tender Kementerian yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan untuk kelulusan. Pada bulan Oktober 1997, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Menteri Kewangan I ketika itu telah meluluskan senarai terpilih yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender bagi semua peralatan dan sistem utama serta pembekal yang berkaitan. Selanjutnya, senarai terpilih tersebut telah dimajukan kepada PSC-NDSB untuk memilih pembekal yang bersesuaian.

Pada pandangan Audit, pemilihan rakan usaha sama dan proses perolehan peralatan dan sistem utama telah dilaksanakan selaras dengan peraturan iaitu melalui kaedah tender terbuka, dinilai, diperakui sebelum diluluskan oleh pihak yang berkuasa.

22.4.5. Penetapan Harga Kontrak

Tawaran harga asal oleh PSC-NDSB adalah sebanyak RM6.21 bilion untuk membina 6 buah PV dan kelengkapannya serta C*ommercial Package Programme*.

Bagaimanapun, pihak Kerajaan telah menawarkan nilai kontrak berjumlah RM4.9 bilion dengan pengurangan skop bagi keperluan *logistics support* serta latihan daripada 6 buah PV kepada sebuah PV sahaja. Sungguhpun tawaran ini telah dipersetujui oleh PSC-NDSB pada peringkat awalnya, namun kemudiannya syarikat ini telah merayu supaya diberi pertimbangan harga baru sebanyak RM5.2 bilion. Untuk menimbang rayuan tersebut, rundingan semula antara Kerajaan yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Haji Mohd Shahar bin Sidek, Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia dan PSC-NDSB telah diadakan pada bulan September 1998. **Kedua-dua pihak telah bersetuju memuktamadkan harga kepada RM5.35 bilion yang merangkumi harga bagi *integrated logistics support* dan latihan untuk 6 buah PV. Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan (BPPK), Kementerian Kewangan berpendapat bahawa tawaran harga baru sebanyak RM5.35 bilion adalah munasabah** dan berpatutan di samping mengambil kira kedudukan PSC-NDSB sebagai syarikat pembina kapal Bumiputera tempatan yang julung kali diberi peluang untuk melaksanakan projek nasional yang mendukung Industri Pertahanan Negara.

Pada pandangan Audit, rundingan harga oleh BPPK yang dapat mengurangkan harga tawaran asal berjumlah RM6.21 bilion kepada harga muktamad berjumlah RM5.35 bilion merupakan penjimatan sejumlah RM860 juta bagi pihak Kerajaan.

22.4.6. Perjanjian Kontrak

Pada bulan September 1998, kontrak bagi perolehan 6 buah PV telah ditandatangani oleh Dato' Dr. Haji Mohd Shahar bin Sidek, Setiausaha Bahagian Pengurusan dan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan ketika itu dengan PSC-NDSB. Nilai keseluruhan harga kontrak yang meliputi pembinaan badan kapal (*platform* dan *major equipment)*, *Integrated Logistics Support* dan C*ommercial Package Programme* ialah RM5.35 bilion. Nilai tersebut terdiri daripada RM2.08 bilion dan juga DM1.48 bilion (Deutschmark - mata wang negara Jerman) iaitu bersamaan dengan RM3.27 bilion. Nilai mata wang dalam Deutschmark adalah untuk membayar bekalan/perkhidmatan yang melibatkan rakan usaha sama dan subkontraktor di luar negara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.6
PECAHAN NILAI KONTRAK BAGI 6 BUAH PV

BIL.	ITEM	HARGA KONTRAK	
		RM	DM
1	***Platform*** *(Design, Materials Non Major Equipment and Systems, Production Drawings, Fundamental Services, Labour Project Management, Construction, Integration,Trials, Commissioning)*	1,888,674,586	1,044,357,737

BIL.	ITEM	HARGA KONTRAK	
		RM	DM
2	***Major Equipment*** *(Combat System, Vertical Reference Gyro, Identification of Friend or Foe, ESM, Surveillance and Navigation Radar, COMINT, ICS, Main Engine, CPP & Propeller, Gearbox, Power Generation System, Medium Range Gun, Short Range Gun)*	-	385,788,724
3	***Integrated Logistics Support*** *(Major & Non Major Equipment and Systems for Tools, Spares, Documentation, Maintenance, Computerisation, Training)*	174,000,000	52,617,255
4	***Commercial Package Programme*** *(Proposed Localisation, Research and Development, Other Eligible Activities)*	15,729,000	1,222,683
Jumlah		**2,078,403,586**	**1,483,986,399 (RM3,271,596,415)**
JUMLAH BESAR		**RM5,350,0000,001**	

Nota: DM1= RM2.2046 pada 4.6.1998

22.4.7. Syarat Kontrak

22.4.7.1. Bon Pelaksanaan Dan Wang Pendahuluan

a. Bon Pelaksanaan sama ada dalam bentuk jaminan bank, jaminan insurans atau wang jaminan adalah bertujuan bagi menjamin kepentingan Kerajaan sekiranya kontraktor gagal mematuhi syarat kontrak. Mengikut Klausa 5 kepada kontrak, **PSC-NDSB dikehendaki menyerahkan jaminan bank berjumlah RM267.5 juta iaitu 5% daripada nilai kontrak sebagai bon pelaksanaan** yang sah laku sehingga 3 bulan selepas tamat tempoh jaminan bagi PV yang terakhir disiapkan (PV6). Dalam klausa yang sama, sekiranya PSC-NDSB gagal mengemukakan jaminan bank berkenaan, PSC-NDSB hendaklah menandatangani perjanjian serahak (*Deed of Assignment)* dengan Kerajaan supaya semua hak dan faedah di bawah bon pelaksanaan yang dikeluarkan oleh rakan usaha sama dan/atau semua subkontraktor kepada PSC-NDSB diserah hak kepada Kerajaan. **Perjanjian serahak ini hendaklah bernilai tidak kurang dari 5% nilai kontrak dan sah laku sehingga 3 bulan selepas tamat tempoh jaminan bagi PV6.** Mengikut Klausa 3.1.3 kepada kontrak pula, jaminan bank atau perjanjian serahak hendaklah dikemukakan dalam tempoh 60 hari dari 27 Februari 1999 iaitu tarikh tandatangan kontrak antara PSC-NDSB dan German Naval Group.

b. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995 yang bertajuk “Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender” menetapkan pembayaran sehingga 15% atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah boleh dibayar kepada kontraktor sebagai wang pendahuluan. Bagaimanapun, syarat kontrak ini menetapkan Kerajaan dikehendaki membayar wang pendahuluan sebanyak RM1.07 bilion atau 20% daripada harga kontrak kepada kontraktor setelah mengambil kira masalah PSC-NDSB yang sukar mendapatkan pinjaman daripada bank-bank tempatan dan juga kerana projek ini merupakan projek nasional. **Wang pendahuluan ini akan dibayar selepas bon pelaksanaan atau perjanjian serahak dan**

surat janji daripada bank tempatan telah diserah kepada Kerajaan. Syarat kontrak juga menetapkan kontraktor menyediakan jaminan bank yang sama nilainya dengan bayaran pendahuluan dalam tempoh 24 jam selepas bayaran pendahuluan dibayar ke akaun kontraktor. Peraturan Kerajaan pada masa itu menetapkan pembayaran balik pendahuluan tidak boleh melebihi tempoh kontrak. Agensi Kerajaan diminta menggunakan budi bicara masing-masing dalam mendapatkan balik pendahuluan dengan membuat potongan daripada bayaran-bayaran yang dibuat kepada kontraktor.

c. Semakan Audit terhadap pengurusan bon pelaksanaan dan wang pendahuluan mendapati perkara berikut :-

i. Pada peringkat awalnya, PSC-NDSB mengalami masalah mengemukakan bon pelaksanaan bernilai RM267.5 juta dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, PSC-NDSB telah memohon kepada Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan (BPPK), Kementerian Kewangan supaya wang pendahuluan diberi sebelum bon pelaksanaan dikemukakan. Pada bulan Mac 1999, BPPK telah mengemukakan cadangan-cadangan berikut untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Kewangan I :-

- Nilai jaminan bank untuk bayaran wang pendahuluan dikurangkan setelah setiap pembayaran kemajuan dilaksanakan oleh Kerajaan.
- Surat janji (*Letter of Undertaking*) dari Kerajaan sebagai pelepasan kepada PSC-NDSB dari memajukan bon pelaksanaan untuk bayaran pendahuluan serta tanda persetujuan ke atas penyelarasan kontrak asal apabila dikuatkuasakan nanti.
- Bayaran pendahuluan dibayar dalam 2 peringkat, iaitu sebanyak RM293.5 juta di peringkat pertama dan RM776.5 juta di peringkat kedua apabila bon pelaksanaan dikemukakan.
- Tarikh kontrak berkuat kuasa dikira bermula dari tarikh bayaran pendahuluan diterima sepenuhnya oleh PSC-NDSB.

ii. Cadangan yang tersebut di atas telah dipersetujui oleh Menteri Kewangan I pada 11 Mac 1999. Ekoran daripada itu, bayaran pendahuluan pertama bernilai RM293.5 juta telah dibayar kepada PSC-NDSB pada 22 Mac 1999. Pada tarikh yang sama, pihak Perbendaharaan Malaysia telah menerima jaminan bank bernilai RM293.5 juta daripada Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

iii. Walaupun dibayar sejumlah RM293.5 juta sebagai pendahuluan, kontraktor masih menghadapi masalah mengemukakan bon pelaksanaan bernilai RM267.5 juta. Atas kelulusan Menteri Kewangan I ketika itu, penyerahan bon pelaksanaan telah dibuat melalui potongan daripada

bayaran kemajuan. Jumlah yang telah dipotong ialah RM85.75 juta. Bagaimanapun, potongan telah diberhentikan apabila PSC-NDSB menandatangani perjanjian dengan Kementerian Kewangan untuk menyerah hak bon pelaksanaan berjumlah DM70.39 juta atau RM155.20 juta daripada rakan usaha sama/subkontraktornya kepada Kerajaan sebagai ganti wang jaminan. **Pada pandangan Audit, penyerahan bon pelaksanaan melalui 2 kaedah tersebut adalah bertentangan dengan syarat kontrak di mana bon pelaksanaan bernilai RM267.5 juta itu perlu dikemukakan melalui salah satu daripada kaedah tersebut. Sehubungan ini, didapati kontrak tambahan pertama telah ditandatangani pada 11 Disember 2000 di mana syarat kontrak telah berubah supaya penyerahan bon pelaksanaan melalui kedua-dua kaedah tersebut dibenarkan di sisi undang-undang.** Kontrak tambahan ini telah ditandatangani oleh Hajah Kamesah binti Abu Bakar, Setiausaha Bahagian Pengurusan Perolehan Kementerian Kewangan bagi pihak Kerajaan.

iv. Pada bulan Disember 2000, Kementerian Pertahanan telah mengembalikan RM20.89 juta daripada wang jaminan berjumlah RM85.75 juta yang telah dipotong melalui bayaran kemajuan atas arahan Kementerian Kewangan memandangkan perjanjian serahak telah ditandatangani bagi bon pelaksanaan berjumlah RM155.20 juta. Pada bulan Januari 2007, BN Shipyard telah menyerahkan bon pelaksanaan tambahan berjumlah RM133.81 juta menjadikan jumlah bon pelaksanaan keseluruhannya ialah RM353.87 juta. Ekoran daripada ini, baki potongan bon pelaksanaan daripada bayaran kemajuan berjumlah RM64.86 juta telah dikembalikan kepada BN Shipyard Sdn. Bhd. pada bulan Januari 2007. Pemulangan ini adalah selaras dengan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 November 2006 dan klausa 7 kontrak tambahan kedua yang ditandatangani pada 17 Januari 2007 antara Kerajaan dan BN Shipyard.

v. Mengikut kontrak, bon pelaksanaan hendaklah sah laku dari tarikh kontrak dimulakan sehingga 3 bulan selepas tamat tempoh jaminan PV6 iaitu pada bulan Julai 2008. Memandangkan tarikh siap PV 6 telah dipinda kepada September 2010 melalui kontrak tambahan kedua, bon pelaksanaan seharusnya berkuat kuasa sehingga Disember 2010. Bagaimanapun, **tempoh sah laku jaminan bank bernilai RM108.53 juta daripada rakan usaha sama iaitu German Naval Group yang telah diserah hak kepada Kerajaan telah tamat sejak bulan November 2004 dan 2 jaminan bank lagi daripada STN-Atlas Elektronik GmbH akan tamat pada bulan Julai dan Oktober 2008.** Maklumat lanjut mengenai bon pelaksanaan rakan usaha sama dan subkontraktor yang diserah hak kepada Kerajaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.7
SENARAI JAMINAN BANK RAKAN USAHA SAMA DAN SUBKONTRAKTOR YANG DISERAHAK KEPADA KERAJAAN SEBAGAI BON PELAKSANAAN

SUBKONTRAKTOR	TARIKH DAN NOMBOR JAMINAN BANK	TARIKH SAH LAKU JAMINAN BANK	NILAI JAMINAN BANK (Juta)
German Naval Group	11.10.2000 (No. LB00-011)	27.2.1999 hingga 7.11.2004	DM49.23 (RM108.53)
STN-Atlas Elektronik GmbH	12.02.1999 (No. 734795)	12.2.1999 hingga 12.10.2008	DM14.98 (RM33.02)
STN-Atlas Elektronik GmbH	10.03.1999 (No. 734837)	10.3.1999 hingga 09.7.2008	DM6.19 (RM13.65)
JUMLAH			**DM70.40 (RM155.20)**

Nota: DM1= RM2.2046

Pada pandangan Audit, demi menjaga kepentingan Kerajaan, pihak Kementerian Pertahanan/Kementerian Kewangan hendaklah memastikan bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh kontraktor adalah sentiasa sah tempoh lakunya. Sehubungan ini, Kementerian-kementerian berkenaan hendaklah meminta rakan usaha sama PSC-NDSB memperbaharui dengan segera jaminan bank bernilai RM108.53 juta yang sudah luput tempoh lakunya dan juga memastikan subkontraktor melanjutkan tempoh untuk 2 jaminan bank lagi sehingga tahun 2010.

vi. Bayaran pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion kepada PSC-NDSB telah dibuat dalam 2 peringkat. Pendahuluan peringkat pertama berjumlah RM293.5 juta telah dibayar kepada PSC-NDSB pada bulan Mac 1999. Namun begitu, kontraktor tersebut masih menghadapi masalah aliran tunai kerana setiap bayaran pendahuluan perlu dijamin dengan jaminan bank yang sama nilainya. Sehubungan ini, pada bulan Mac 1999, PSC-NDSB telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan supaya jaminan bank diganti dengan A*dvance Payment Guarantee (*APG*)* daripada subkontraktor dalam bentuk perjanjian serahak (*Deed of Assignment)* kepada Kerajaan*.* Pada bulan Julai 1999, PSC-NDSB telah diberi pendahuluan peringkat kedua berjumlah RM776.5 juta.

d. Permohonan kepada Kementerian Kewangan supaya jaminan bank diganti dengan APG daripada subkontraktor dalam bentuk perjanjian serahak kepada Kerajaan telah diluluskan pada bulan April 2000 dan syarat membenarkan kluasa "jaminan bank diganti dengan A*dvance Payment Guarantee*" dimasukkan dalam kontrak tambahan pertama yang ditandatangani pada 11 Disember 2000. Seterusnya, jaminan bank tersebut bernilai RM1.07 bilion telah diganti dengan perjanjian serahak 6 APG daripada subkontraktor berjumlah DM528.63 juta (atau RM1.17 bilion). Tarikh sah laku APG adalah kekal sehingga bayaran kemajuan terakhir dan nilainya akan berkurangan mengikut nilai bayaran kemajuan. Butiran APG berkenaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.8
SENARAI JAMINAN BAYARAN PENDAHULUAN

PENDAHULUAN		*ADVANCE PAYMENT GUARANTEE*			
TARIKH BAYAR	JUMLAH (RM Juta)	BANK	TARIKH	AMAUN (DM Juta)	AMAUN (RM Juta)
Mac 1999	293.5	Dresdner Bank, Germany	26.09.2000	337.15	743.28
			04.10.2000	47.00	103.62
Julai 1999	776.5	Bayerische Landesbank	09.07.2000	11.08	24.43
		Dresdner Bank, Germany	05.04.2001	8.00	17.64
			20.06.2001	120.00	264.55
			28.11.2002	5.40	11.90
JUMLAH	1,070			528.63	1,165.42

e. Kontrak yang ditandatangani hanya menetapkan jumlah pendahuluan dikurangkan daripada nilai kontrak dan baki nilai kontrak berjumlah RM4.28 bilion dibayar melalui 32 bayaran kemajuan. Berdasarkan kepada bayaran kemajuan yang dijadualkan semula mengikut baki nilai kontrak tersebut, **pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada jumlah pendahuluan diselaraskan melalui setiap bayaran kemajuan atau sebaliknya**.

22.4.7.2. Denda Lewat

Klausa 22 kepada kontrak menetapkan denda ½% bagi setiap bulan dikira berdasarkan harga setiap PV termasuk kos *Integrated Logistics Support (ILS)* hendaklah dikenakan terhadap sebarang kelewatan penyerahannya. Bagaimanapun, jumlah denda tersebut hendaklah tidak melebihi 6% daripada harga setiap PV dan ILS berkenaan. Sekiranya kelewatan melebihi 12 bulan, Kerajaan mempunyai pilihan sama ada menamatkan kontrak atau membenarkan pembekal meneruskan kerja dengan membayar denda lewat. Bagi tujuan perkiraan denda, Kementerian Pertahanan melalui Pasukan Projek PV telah menetapkan RM891.67 juta sebagai nilai sebuah PV bersama kos ILS dan denda lewat maksimum setiap PV ialah RM53.5 juta atau RM321 juta bagi 6 buah PV. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Tiada tuntutan denda lewat dibuat oleh Kementerian Kewangan walaupun Unit Perancang Ekonomi melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan (Perolehan) Kementerian Pertahanan pada bulan September 2005 telah mencadangkan supaya denda lewat berjumlah RM107 juta dituntut bagi PV 1 dan PV 2. Berdasarkan perkiraan Audit, sejumlah RM214.01 juta denda lewat boleh dikenakan terhadap kontraktor setakat 31 Disember 2006 seperti mana yang ditunjukkan di **Jadual 22.9**. Bagaimanapun atas permohonan BN Shipyard, **mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 November 2006 telah meluluskan penjadualan semula tarikh siap PV kerana projek ini telah diambil alih oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera melalui anak syarikatnya Boustead Holdings Berhad. Dengan itu, denda lewat tidak perlu dikenakan terhadap syarikat ini.**

JADUAL 22.9
DENDA LEWAT YANG BOLEH DIKENAKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2006

KAPAL	TARIKH SERAHAN		KELEWATAN (BULAN)	DENDA YANG BOLEH DIKENAKAN (RM Juta)
	MENGIKUT KONTRAK ASAL	SEBENAR		
PV1	Mac 2004	Jun 2006	27	53.50
PV2	Januari 2005	Julai 2006	18	53.50
PV3	Oktober 2005	-	14	53.50
PV4	April 2006	-	9	40.13
PV5	Oktober 2006	-	3	13.38
PV6	April 2007	-	-	-
JUMLAH				214.01

b. Pada 17 Januari 2007, Haji Awang bin Che Seman daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia telah menandatangani surat bagi pihak Setiausaha Bahagian untuk meluluskan permohonan Kementerian Pertahanan menandatangani kontrak tambahan kedua dengan BN Shipyard. Pada tarikh yang sama, kontrak tersebut telah ditandatangani oleh Dato' Haji Ahmad Latffi bin Hashim, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Melalui perjanjian tambahan kedua ini, tarikh penyerahan PV telah dipinda seperti berikut :-

JADUAL 22.10
TARIKH PATUT SERAH PV
MENGIKUT KONTRAK TAMBAHAN KEDUA BERBANDING KONTRAK ASAL

KAPAL	TARIKH PATUT SERAH	
	KONTRAK ASAL	KONTRAK TAMBAHAN KEDUA
PV1	Mac 2004	Jun 2006
PV2	Januari 2005	Ogos 2006
PV3	Oktober 2005	Disember 2008
PV4	April 2006	Julai 2009
PV5	Oktober 2006	November 2009
PV6	April 2007	Mac 2010

22.4.7.3. Arahan Perubahan Kerja

Menurut klausa 10 kepada kontrak, pihak kontraktor dibenarkan mengemukakan cadangan perubahan teknikal melalui Arahan Perubahan Kerja (APK) sahaja. Bagi APK yang mengakibatkan perubahan harga, jadual pelaksanaan, keupayaan alat, jenama dan model peralatan perlu mendapat kelulusan Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Manakala APK yang selainnya boleh diluluskan oleh Ibu Pejabat TLDM, Kementerian Pertahanan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Sehingga bulan Disember 2006, sebanyak 125 cadangan perubahan telah dikemukakan oleh PSC-NDSB. Sebanyak 93 daripadanya telah diluluskan oleh Pasukan Projek PV mengikut kuasa yang dibenarkan dalam kontrak dan 32 lagi ditolak.

b. Pada bulan April 2001 PSC-NDSB telah mengemukakan cadangan kepada Pasukan Projek PV untuk menggantikan syarikat Aeromaritime Systembau GmbH (ASG) kepada syarikat Raytheon System Limited dalam pembekalan peralatan *Identification of Friend or Foe* (IFF) yang berfungsi mengesan sesuatu objek itu sama ada kawan atau musuh. **Bagaimanapun cadangan tersebut telah ditolak oleh Pasukan Projek PV atas beberapa alasan seperti berikut :-**

- ***Target capacity interrogator IFF yang dicadangkan* hanya boleh mengesan 700 sasaran berbanding IFF asal sebanyak 800 sasaran.**
- ***Full software support* tidak disediakan dan syarikat Raytheon System Limited tidak dapat menjamin *through life support* alat berkenaan untuk 20 tahun.**
- **Melibatkan kos tambahan berjumlah Euro 1.54 juta atau RM6.64 juta.**

c. Penasihat Undang-undang Kementerian Pertahanan pada 25 Februari 2003 menegaskan bahawa harga kontrak adalah tetap seperti dinyatakan di klausa 4 kepada kontrak asal kerana perubahan yang dicadangkan oleh PSC-NDSB adalah perubahan yang melibatkan pembekal peralatan bukan perubahan dari aspek teknikal. Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan pada 13 Mac 2003 juga telah mendapat pengesahan daripada German Naval Group bahawa tiada bayaran tambahan dikenakan kepada PSC-NDSB bagi perubahan pembekal tersebut. Bagaimanapun atas rayuan PSC-NDSB, Dato' Hajah Kamesah binti Abu Bakar, Setiausaha Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia pada 16 Julai 2004 telah meluluskan kos tambahan peralatan berkenaan dengan sejumlah Euro 1.54 juta atau RM6.64 juta. Sejumlah RM2.45 juta telah dibayar kepada PSC-NDSB daripada APK berkenaan pada bulan Ogos 2005.

Pada pandangan Audit, walaupun BPPK, Kementerian Kewangan adalah pihak yang diberi kuasa untuk meluluskan APK ini, namun pandangan pihak pengguna (TLDM) sepatutnya diambil kira kerana ia melibatkan keupayaan alat dan penambahan kos.

22.4.7.4. Bayaran Kemajuan

Menurut syarat kontrak, semua Penyata Kemajuan Kerja (*Statement of Progress*) hendaklah disahkan oleh Pasukan Projek PV yang dilantik oleh Kementerian Pertahanan sebelum bayaran dibuat. Kesemua bayaran kemajuan perlu dibayar kepada PSC-NDSB dalam nilai Ringgit Malaysia. Jumlah yang perlu dibayar kepada PSC-NDSB untuk pelaksanaan kerja dinyatakan pada Jadual 5B dalam kontrak. Mengikut jadual tersebut, jumlah keseluruhan yang sepatutnya dibayar kepada PSC-NDSB ialah RM4.28 bilion atau 80% daripada nilai kontrak setelah ditolak wang pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod berhubung dengan bayaran kemajuan mendapati perkara berikut :-

a. Pada bulan Mac 1999, PSC-NDSB telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan supaya bayaran kemajuan berjumlah RM4.01 bilion dibuat dalam bentuk *Letter of Credit* (LC) memandangkan rakan kongsinya adalah syarikat asing. Kemudahan ini merupakan satu instrumen kewangan yang diperlukan oleh subkontraktor bagi memastikan mereka mendapat jaminan pembayaran mengikut jadual terhadap kerja yang dilaksanakan. Pada bulan Julai 2000, Encik Mohd Shamsudin bin Mohd Salleh dari Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, **Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan tersebut walaupun pada amalan biasa kemudahan pembayaran melalui kaedah LC hanya diberi kepada syarikat luar negara yang menandatangani kontrak dengan Kerajaan.**

b. Pada bulan Ogos 2000, PSC-NDSB telah memohon kepada Kementerian Kewangan supaya *Letter Of Credit* dipinda menurut keperluan German Naval Group (GNG) yang merupakan rakan usaha samanya. Antara pindaan yang dibuat ialah membatalkan kenyataan "*within the same year".* Ini bermakna Kementerian Pertahanan boleh membuat bayaran terhadap tuntutan PSC-NDSB tanpa menghadkan kepada tahun kewangan tertentu sahaja. **Pada pandangan Audit, memandangkan peruntukan projek ini diluluskan mengikut tahun, perubahan syarat perjanjian boleh memberi kesan kepada baki peruntukan tahunan.**

c. Mengikut Jadual 5B dalam kontrak asal, dokumen tertentu dan pengesahan peratusan pembinaan kapal perlu diperakukan oleh Pertubuhan Klasifikasi Kapal (*Classification Society*) sebelum disahkan oleh Pasukan Projek PV untuk pembayaran. Bagaimanapun, kontrak asal tidak menamakan mana-mana Pertubuhan Klasifikasi Kapal yang akan melaksanakan tanggungjawab ini. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Kewangan telah menandatangani kontrak tambahan pertama pada 11 Disember 2000 dengan pindaan yang menamakan Germanischer Lloyd (GL), sebuah Pertubuhan Klasifikasi Kapal yang bertanggungjawab memperakukan klasifikasi kapal dan kemajuan kerja. Didapati GL adalah antara pertubuhan yang disenaraikan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1996 yang boleh mengklasifikasikan kapal. Pertubuhan ini juga di gunakan untuk mengklasifikasikan PV dan kapal selam untuk negara Australia dan Afrika Selatan. Bayaran untuk perkhidmatan GL akan dibiayai oleh kontraktor.

d. Memandangkan Pasukan Projek PV menghadapi masalah mengesahkan Penyata Kemajuan Kerja dalam tempoh yang ditetapkan untuk tujuan pembayaran, kontrak tambahan pertama telah menetapkan syarat baru di mana **Pertubuhan Klasifikasi Kapal akan menggantikan Pasukan Projek PV mengesahkan Penyata Kemajuan Kerja sekiranya pengesahan tidak diterima daripada Pasukan Projek PV dalam tempoh 14 hari daripada**

tarikh tuntutan bayaran oleh PSC-NDSB. Selaras dengan pindaan tersebut, Penyata Kemajuan Kerja bagi bayaran kemajuan bernilai RM1.24 bilion hanya disahkan oleh GL.

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati Pasukan Projek PV lewat mengesahkan Penyata Kemajuan Kerja adalah berpunca daripada PSC-NDSB sendiri yang gagal memenuhi beberapa perkara yang ditetapkan dalam kontrak. Sebagai contoh, dua Penyata Kemajuan Kerja yang mempunyai perkara yang tidak dipenuhi oleh PSC-NDSB adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.11
CONTOH PERKARA YANG GAGAL DIPENUHI OLEH PSC-NDSB

PENYATA KEMAJUAN KERJA	JUMLAH TUNTUTAN (RM Juta)	ANTARA PERKARA YANG GAGAL DIPENUHI OLEH PSC-NDSB
4(1)	83.74	• Bagi PV1 yang dibina di Jerman, PSC-NDSB hanya menyediakan 66.42 tan daripada 360 tan keluli yang sepatutnya dibekalkan. • Dokumen yang dikemukakan bukan dokumen asal atau tidak relevan. • Sebahagian lukisan yang dikemukakan tidak mengikut aliran proses kerja dan *steel plan* yang diluluskan • Jenis keluli untuk geladak penerbangan telah berubah dan bertentangan dengan spesifikasi kontrak pembinaan.
8(1)	249.54	• Beberapa peralatan seperti *propulsion diesel engines, reduction gears, journal bearings shaft* dan *exhaust gas silencers* masih belum dipasang. • Lukisan *Emergency Exit Route Marking* belum diterima oleh Pasukan Projek PV manakala lukisan bagi *Insulation Drawing* yang dimajukan oleh PSC-NDSB tidak lengkap.
JUMLAH	**333.28**	

f. Walaupun pihak PSC-NDSB gagal memenuhi perkara yang ditetapkan dalam kontrak, kedua-dua Penyata Kemajuan Kerja seperti yang dinyatakan di **Jadual 22.11** telah disahkan oleh GL dan bayaran berjumlah RM333.28 juta telah dibuat kepada PSC-NDSB.

g. **Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sebanyak 14 bayaran kemajuan berjumlah RM943.46 juta yang telah dibuat kepada PSC-NDSB bagi tempoh bulan Disember 1999 hingga Januari 2002 disebabkan baucar bayaran dan dokumen sokongan yang berkenaan telah hilang daripada simpanan Kementerian Pertahanan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.12
SENARAI BAUCAR TIDAK DIKEMUKAKAN

BIL.	BAYARAN KEMAJUAN	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	AMAUN (RM Juta)
1	1(1)	P2476	01.12.1999	24.43
2	1(1)	P2605	03.12.1999	23.37
3	2(1)	P3382	27.04.2000	41.54
4	2(1)	P3385	28.04.2000	40.75
5	3(1)	P3571	05.06.2000	113.04
6	3(1)	P3572	05.06.2000	58.78
7	4(1)	P7283	01.08.2001	83.74

BIL.	BAYARAN KEMAJUAN	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	AMAUN (RM Juta)
8	5(1)	P7410	27.09.2001	222.06
9	5(2)	P7588	09.11.2001	26.04
10		P7586	19.11.2001	14.17
11	5(3)	P7587	19.11.2001	11.34
12		P7589	19.11.2001	6.69
13	6(1)	P7828	28.11.2001	129.28
14	7(1)	P1829	11.01.2002	148.23
JUMLAH				943.46

h. Berdasarkan Jadual 5B kepada kontrak, tuntutan bayaran kemajuan bagi *Non-Major Equipment* dan *Major Equipment* boleh dibuat oleh PSC-NDSB dengan mengemukakan salinan pengesahan pesanan (*Confirmation of Order)* daripada pembekal bagi peralatan dan sistem kapal. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian Pertahanan telah membayar sejumlah RM810.43 juta antara tahun 2000 hingga 2006 untuk peralatan dan sistem tersebut bagi 6 buah PV. **Lawatan Audit mendapati hanya sebahagian peralatan dan sistem itu telah diterima manakala tarikh penghantaran bagi peralatan dan sistem lain masih dalam perbincangan dengan subkontraktor.** Maklum balas yang diperolehi daripada Kementerian Pertahanan mendapati subkontraktor tidak membekalkan peralatan dan sistem yang dikehendaki kerana lewat atau tidak menerima bayaran daripada PSC-NDSB. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh Pasukan Projek PV, peralatan *Non-Major Equipment* dan *Major Equipment* yang belum dihantar atau tiada maklumat mengenai penerimaannya di gudang adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.13
KEDUDUKAN PERALATAN DAN SISTEM PV
(MAJOR EQUIPMENT AND SYSTEM (MES) DAN NON-MES)

BIL.	PERALATAN	KEDUDUKAN PERALATAN				CATATAN
		PV3	PV4	PV5	PV6	
1	*Main Engine*	kapal	kapal	gudang	TM	
2	*Generator Sets*	kapal	kapal	gudang	TM	
3	*Gearbox*	kapal	kapal	gudang	gudang	
4	*CPP, Shafting & Propeller*	kapal	kapal	gudang	gudang	
5	*Combat System /FRCS*	gudang	TM	TM	TM	Tarikh penghantaran dalam perbincangan dengan *Original Equipment Manufacturer*
6	*Medium Range Gun*	TM	TM	TM	TM	
7	*Short Range Gun*	TM	TM	TM	TM	
8	*Surveillance Radar*	gudang	TM	TM	TM	
9	*Navigation Radar*	gudang	gudang	TM	TM	
10	*Integrated Communication Systems*	TM	TM	TM	TM	
11	*Communication Intelligent System*	TM	TM	TM	TM	
12	*Identification of Friend or Foe*	TM	TM	TM	TM	
13	*ESM*	TM	TM	TM	TM	
14	*Gyro/INS*	TM	TM	TM	TM	

BIL.	PERALATAN	KEDUDUKAN PERALATAN				CATATAN
		PV3	PV4	PV5	PV6	
15	*Air Compressor*	TM	Ada	Ada	TM	
16	*Fin Stabiliser*	TM	Ada	Ada	Ada	
17	*Air Cond/Heating System*	TM	Ada	Ada	Ada	
18	*Distilling Plant*	Ada	Ada	TM	TM	

Nota :- ***TM - Tiada Maklumat***

i. Menurut kontrak asal, *Major Equipment and System (MES)* bernilai DM385.79 juta atau RM850.51 juta ada dinyatakan di jadual pecahan harga kontrak tetapi tidak ditunjukkan secara terperinci di Jadual Bayaran Kemajuan (Jadual 5B). Pada bulan Ogos 2001, Pasukan Projek PV telah membangkitkan kepada PSC-NDSB bahawa *Confirmation of Order* bagi MES hendaklah meliputi 6 buah kapal seperti yang terkandung dalam *Letter of Undertaking* bertarikh 12 Julai 2000. Bagaimanapun, kontrak tambahan pertama yang ditandatangani pada 14 Disember 2001 hanya menunjukkan *Confirmation of Order* bagi PV 1 dan PV 2. **Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada pesanan yang dibuat terhad kepada 2 buah PV sahaja atau 6 buah PV kerana maklumat mengenainya tidak dapat dikemukakan oleh pihak yang berkenaan.**

Pada pandangan Audit, peranan Pasukan Projek PV dalam mengesahkan tuntutan adalah penting untuk memelihara kepentingan Kerajaan. Oleh itu, penglibatan pasukan ini dalam mengesahkan kemajuan kerja tidak seharusnya diketepikan dengan meminda syarat pengesahan Penyata Kemajuan Kerja. Pihak Kementerian Kewangan sepatutnya menyiasat punca sebenar kelewatan memproses tuntutan PSC-NDSB sebelum meminda syarat kontrak. Sehubungan itu, syarat kontrak yang menetapkan tuntutan boleh dibayar berdasarkan *Confirmation of Order* adalah bertentangan dengan peraturan kewangan yang menghendaki barangan/ perkhidmatan diterima sebelum membuat bayaran.

22.4.8. Prestasi Projek

22.4.8.1. Prestasi Fizikal Projek

Mengikut jadual pelaksanaan yang terdapat dalam kontrak asal, sehingga akhir bulan Disember 2006, kontraktor sepatutnya menyiap dan menyerahkan 5 daripada 6 buah PV kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Setakat 31 Disember 2006, hanya 2 buah PV dapat diserahkan kepada Kerajaan. Pencapaian prestasi pembinaan 4 buah PV yang lain hanya antara 18.5 % hingga 55.9%. Kemajuan pembinaan 6 PV tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.14
STATUS PEMBINAAN PV SETAKAT BULAN DISEMBER 2006

KAPAL	KEMAJUAN KERJA (%)		TARIKH PATUT SERAH	TARIKH DISERAH
	SEPATUTNYA	SEBENAR		
PV1	100	100	Mac 2004	Jun 2006
PV2	100	100	Januari 2005	Julai 2006
PV3	100	55.9	Oktober 2005	-
PV4	100	44.8	April 2006	-
PV5	100	19.8	Oktober 2006	-
PV6	91.4	18.5	April 2007	-

b. Kerja-kerja pembinaan kapal telah diberhentikan mulai bulan Mei 2005 **kerana PSC-NDSB mengalami masalah kewangan.** Hanya kerja pemuliharaan PV3 sahaja dilaksanakan. **Gambar 22.1 hingga 22.4** di bawah menunjukkan tahap kerja pembinaan kapal di Limbungan BN Shipyard, Lumut, Perak dan Pulau Jerejak, Pulau Pinang.

GAMBAR 22.1

PV3 Di Lumut

GAMBAR 22.2

PV4 Di Pulau Jerejak

GAMBAR 22.3

PV5 Di Pulau Jerejak

GAMBAR 22.4

PV6 Di Lumut

c. Berdasarkan kepada maklum balas yang diperolehi daripada Kementerian Pertahanan, antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan menyiapkan dan menyerahkan kapal peronda tersebut ialah :-

- Pengurusan PSC-NDSB yang tidak cekap.
- PSC-NDSB mengalami masalah aliran tunai.
- Pembekal tidak membekalkan bahan mentah yang dikehendaki kerana lewat atau tidak menerima bayaran daripada PSC-NDSB.

- Kelewatan menyiapkan dokumentasi *Intergrated Logistics Support* yang diperlukan untuk membolehkan PV beroperasi sepenuhnya.
- Perisian *Management Information System* dan *Ship Management Information System lewat dibangunkan.*

Pada pandangan Audit, pemilihan kontraktor yang hanya mempunyai limbungan yang kecil dan pengalaman membina bot tunda dan bot polis jenis kecil sahaja, masalah kewangan serta lain-lain masalah yang dihadapi oleh kontraktor menyebabkan projek ini gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan kos projek juga meningkat dengan ketara.

22.4.8.2. Penyerahan PV

a. Mengikut kontrak, pihak PSC-NDSB dikehendaki menyerahkan kapal dalam keadaan siap sepenuhnya. Bagaimanapun, 2 buah PV yang telah diserahkan iaitu PV1 dan PV2 tidak dapat disiapkan sepenuhnya di mana terdapat banyak item/kerja yang belum dilaksanakan. Namun demikian, bagi mempercepatkan penyerahan kapal, Kementerian Pertahanan bersetuju menerima PV1 dan PV2 setelah pihak BN Shipyard mengemukakan *Letter Of Undertaking* bagi penghantaran beberapa item *First Outfit Of Stores* yang belum diselesaikan oleh BN Shipyard pada masa itu. **Semasa penyerahan PV1 yang dikenali sebagai KD Kedah pada 2 Jun 2006, terdapat sebanyak 100 item/kerja masih belum diselesaikan. Keadaan yang sama juga berlaku semasa penyerahan PV2 (KD Pahang) pada 27 Julai 2006 di mana sebanyak 383 item/kerja masih belum selesaikan.** Semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2006, sejumlah 14 daripada 100 item/kerja bagi KD Kedah dan 30 daripada 383 bagi KD Pahang masih belum diselesaikan.

b. Bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh PSC-NDSB dan memastikan kapal dapat diserahkan secepat mungkin, Kementerian Pertahanan pada bulan Oktober 2005 telah memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membayar sebahagian daripada **baki bayaran kemajuan PV1 dan PV2 berjumlah RM145 juta tanpa disokong dengan S*tatement of Progress* yang ditandatangani oleh Pasukan Projek PV.** Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan tersebut dan sejumlah RM143.12 juta dibayar pada bulan Januari 2007 setelah dibuat perkiraan semula.

c. Menurut klausa 12.15.5 kepada kontrak, semua perbelanjaan berkaitan dengan penyerahan kapal termasuk perbelanjaan pengangkutan, makanan dan penginapan ditanggung oleh kontraktor. Bagaimanapun, BN Shipyard menghadapi masalah kekurangan kelengkapan, kewangan dan anggota bagi urusan penyerahan kapal dan ujian penerimaan di pelabuhan (*harbour acceptance test).* Kementerian Pertahanan telah memberi pelbagai bantuan untuk tujuan tersebut dengan membenarkan penggunaan pesawat/helikopter

tentera, jeti, peluru dan anggota tentera. Bagaimanapun, Kementerian Pertahanan hanya menuntut balik perbelanjaan yang terlibat berjumlah RM1.09 juta pada bulan Januari 2007 dan setakat 30 April 2007 ia masih belum dijelaskan oleh BN Shipyard.

Pada pandangan Audit, Kementerian Pertahanan hendaklah memastikan kontraktor menyelesaikan item/kerja tertunggak dan tuntutan berjumlah RM1.09 juta dengan segera memandangkan tempoh jaminan PV 1 dan PV 2 akan berakhir pada bulan Jun dan Julai 2007 masing-masingnya.

22.4.8.3. Kerosakan PV Yang Beroperasi

Kapal peronda KD Kedah dan KD Pahang telah digunakan sejak tarikh ia ditauliahkan pada bulan Jun dan Ogos 2005 masing-masingnya. Bagaimanapun, dalam tempoh 18 hingga 20 bulan beroperasi, sebanyak 298 aduan kerosakan telah dikemukakan kepada BN Shipyard setakat bulan Disember 2006. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18 aduan telah ditolak oleh BN Shipyard dengan alasan ia tidak termasuk di bawah item yang dijaminnya. Manakala sebanyak 97 aduan kerosakan masih belum dibaiki. Ringkasan pecahan bilangan aduan kerosakan mengikut kapal adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.15
BILANGAN KEROSAKAN DALAM JAMINAN
BAGI KAPAL KD KEDAH DAN KD PAHANG PADA 31 DISEMBER 2006

KETERANGAN KEROSAKAN DALAM JAMINAN	KD KEDAH			KD PAHANG			JUMLAH BESAR
	WE	ME	Jumlah	WE	ME	Jumlah	
Laporan Kerosakan Didaftar	134	80	**214**	58	26	**84**	**298**
Laporan Kerosakan Ditolak	11	7	**18**	0	0	**0**	**18**
Kerosakan Dibaiki	72	62	**134**	34	15	**49**	**183**
Kerosakan Belum Selesai	51	11	**62**	24	11	**35**	**97**

Nota : ***WE - Kejuruteraan Persenjataan*** ***ME - Kejuruteraan Mekanikal***

Pada pandangan Audit, Kementerian Pertahanan hendaklah memastikan kontraktor mengambil tindakan yang segera bagi membaiki semua kerosakan yang dilaporkan bagi membolehkan kapal berkenaan beroperasi dengan berkesan. Bagi 18 item kerosakan yang dipertikai oleh kontraktor, Kementerian Pertahanan hendaklah menyemak semula syarat kontrak bagi memastikan pihak yang sepatutnya memperbaiki kerosakan tersebut.

22.4.9. Kemudahan Dan Peralatan Kapal

22.4.9.1. Sistem Maklumat Pengurusan dan Sistem Maklumat Pengurusan Kapal

Pembinaan PV adalah termasuk pemasangan *Management Information System* (MIS) dan *Ships Management Information System* (SMIS). Sistem-sistem ini telah dibangunkan untuk dijadikan satu sistem *Intergrated Logistics Support* (ILS). Sistem ini berupaya untuk merekodkan, merancang, mengurus dan

menyalurkan maklumat secara *online* antara MIS dan SMIS melalui *hardwire* semasa kapal berlabuh di pangkalan TLDM. Manakala penyaluran data semasa kapal berada di laut dengan pangkalan adalah melalui perhubungan radio atau *wireless*. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Sebanyak 4 markas/pangkalan dihubungkan dengan MIS iaitu Markas Tentera Laut Kuala Lumpur, Pangkalan TLDM Lumut, Markas Wilayah Laut 1, Kuantan dan Markas Wilayah Laut 2, Kota Kinabalu.

b. Bagi SMIS pula, setakat ini hanya KD Kedah dan KD Pahang yang dirangkaikan, manakala PV 3 hingga PV 6 akan dirangkaikan setelah kapal siap.

c. Bagi menghubungkan antara SMIS di kapal dengan MIS di pangkalan, TLDM perlu dilengkapi dengan kemudahan *Reception* atau *Shore Access Interface* yang antaranya terdiri dari *Transceiver System, Antenna System* dan *Fast Data Transmission and Message Handling System*. Melalui sistem yang akan diintegrasikan itu, pelbagai maklumat dapat disalurkan daripada PV ke pangkalan. Sebagai contoh, sebarang kerosakan semasa kapal berada di lautan dapat dimaklumkan ke pangkalan bagi membolehkan perancangan pembaikan dan permohonan alat ganti dibuat lebih awal. Bagaimanapun sehingga kini, ***Reception* atau *Shore Access Interface* masih belum dipasang kerana terdapat percanggahan pendapat antara Pasukan Projek PV dan kontraktor mengenai pihak yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan tersebut. Percanggahan pendapat ini berpunca daripada syarat kontrak mengenainya tidak dinyatakan dengan jelas.**

d. Lawatan Audit ke KD Pahang di Kota Kinabalu pada bulan Januari 2007 mendapati beberapa kelemahan berkaitan MIS dan SMIS seperti :-

   i. Data berkaitan lukisan kejuruteraan kapal tidak dimuat turun sepenuhnya.

   ii. Panduan pengguna untuk peralatan tidak dapat dikesan dalam sistem.

   iii. Rancangan Jadual Penyenggaraan tidak dapat dikemaskinikan secara berterusan kerana sistem tidak dapat memaparkan tugasan yang patut dilakukan mengikut waktu yang ditetapkan.

   iv. Kebanyakan fungsi sistem tidak menepati spesifikasi yang termeterai dalam kontrak.

Pada pandangan Audit, percanggahan pendapat mengenai pemasangan *Reception* atau *Shore Access Interface* perlu dirujuk segera kepada Penasihat Undang-undang Kementerian atau Jabatan Peguam Negara bagi membolehkan peralatan berkenaan diperolehi supaya sistem berkenaan dapat berfungsi seperti dirancang. Manakala kelemahan dalam sistem MIS dan SMIS hendaklah diperbetulkan dengan segera.

22.4.9.2. *Communication Intelligent (COMINT) System*

Bagi membolehkan setiap PV mengesan, memintas, memantau, menganalisis dan menentu arah punca pancaran maklumat, PV dibekalkan dengan Sistem COMINT yang terdiri daripada *Basic COMINT dan Enhanced COMINT*. Kos *perolehan Enhanced COMINT* termasuk latihan operator, pemasangan dan ujian serta lain-lain yang berkaitan ialah £2.13 juta atau bersamaan RM13.85 juta. Manakala kos keseluruhan mengikut kontrak bagi sistem *COMINT* ialah RM19.54 juta. Semakan Audit menunjukkan Sistem *Basic COMINT* telah dipasang di KD Kedah dan KD Pahang manakala *Enhanced* COMINT hanya dipasang di KD Kedah. Oleh itu, set *land base antenna* yang merupakan sebahagian daripada Sistem *Enhanced COMINT* yang sepatutnya dipasang di darat tidak digunakan. Antena tersebut di simpan di stor Skuadron PV, Kota Kinabalu.

Pada pandangan Audit, TLDM perlu membuat keputusan dengan kadar segera bagi menempatkan *Enhanced COMINT* di darat supaya peralatan yang dibekalkan tidak rosak dan sebarang kerosakan dapat diperbaiki dalam tempoh jaminan. Selanjutnya, kelewatan penempatan peralatan tersebut di darat juga tidak dapat mengoptimumkan penggunaannya.

22.4.9.3. Sistem Pendaratan Helikopter

Bagi meningkatkan keupayaan PV, ia dilengkapi dengan kemudahan sistem pendaratan helikopter (*Helicopter Landing System*) jenama INDAL, ruang hangar termasuk stor dan peralatan sokongan. Kos perolehan dan pemasangan sistem ini dianggarkan bernilai RM112.41 juta. Bagi memastikan sistem ini dapat berfungsi dengan optimum, jenama helikopter yang akan digunakan perlu ditentukan bagi membolehkan pengubahsuaian dibuat lebih awal. **Bagaimanapun sehingga kini, Kerajaan masih belum menetapkan jenama dan jenis helikopter yang akan digunakan untuk diintegrasikan dengan sistem berkaitan.** Semakan Audit mendapati landasan pendaratan dan hangar telah siap dipasang di PV1, PV2 dan PV3. *Tracking cameras* dan *shock absorber* juga dipasang tetapi tidak dapat berfungsi dengan optimumnya kerana ujian yang dijalankan menggunakan helikopter jenis Super Lynx yang tidak diintegrasikan dengan sistem berkenaan.

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah menentukan dengan segera jenis helikopter yang akan diintegrasikan dengan Sistem Pendaratan Helikopter tersebut bagi membolehkan sistem berkenaan dapat dikendalikan dan disenggarakan dengan cekap dan sempurna.

22.4.10. Prestasi Kewangan Projek

22.4.10.1. Berdasarkan kepada kontrak asal, nilai pembinaan kapal yang lengkap dengan peralatan dan sistem adalah RM5.08 bilion. Ini tidak termasuk bayaran *Commercial Package Achievement Fee* bernilai RM267.50 juta. Dengan

Arahan Perubahan Kerja yang diluluskan pada bulan Ogos 2005 bernilai RM6.64 juta, kos pembinaan 6 buah PV meningkat kepada RM5.09 bilion. Ini bermakna kos pembinaan sebuah PV adalah RM848.19 juta secara purata. Setakat akhir bulan Disember 2006, sejumlah RM4.26 bilion termasuk pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion telah dibayar kepada PSC-NDSB dan subkontraktornya seperti ditunjukkan di jadual berikut :-

JADUAL 22.16
BAYARAN UNTUK PEMBINAAN PV SETAKAT BULAN DISEMBER 2006

ITEM	JUMLAH PERLU DIBAYAR MENGIKUT KONTRAK (RM Juta)	JUMLAH TELAH DIBAYAR (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	KEMAJUAN BAYARAN %
Pendahuluan	1,070.00	1,070.00	0	100
Platform and Major Equipment	3,795.00	3,008.31	786.69	79.3
Integrated Logistics Support	217.50	175.46	42.04	80.7
JUMLAH	**5,082.50***	**4,253.77**	**828.73**	**83.7**
Arahan Perubahan Kerja	6.64	2.45	4.19	36.9
JUMLAH BESAR	**5,089.14**	**4,256.22**	**832.92**	**83.6**

Nota: * - Tidak Termasuk Commercial Package Achievement Fee Bernilai RM267.50 Juta.

22.4.10.2. Berdasarkan kepada kemajuan fizikal sebenar pembinaan kapal, nilai mengikut peratusan siap bagi 6 buah PV setakat bulan Disember 2006 adalah berjumlah RM2.87 bilion. Kedudukan kemajuan fizikal pembinaan kapal adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.17
KEDUDUKAN KEMAJUAN FIZIKAL PEMBINAAN KAPAL
- SETAKAT BULAN DISEMBER 2006

KAPAL	KEMAJUAN PEMBINAAN KAPAL* (%)	NILAI KAPAL MENGIKUT KONTRAK (RM Juta)	NILAI KAPAL MENGIKUT PERATUSAN SIAP (RM Juta)	KOS PEMBINAAN KAPAL DIPERLUKAN (RM Juta)
PV1	100.00	848.19	848.19	-
PV2	100.00	848.19	848.19	-
PV3	55.89	848.19	474.05	374.14
PV4	44.75	848.19	379.56	468.63
PV5	19.81	848.19	168.02	680.17
PV6	18.47	848.19	156.66	691.53
JUMLAH		**5,089.14**	**2,874.67**	**2,214.47**

Nota : * - Berdasarkan Kepada Laporan Pasukan Projek PV

22.4.10.3. Berdasarkan nilai kontrak bagi 6 PV berjumlah RM5,089.14 juta dan nilai peratusan siap PV tersebut berjumlah RM2,874.67 juta, maka jumlah yang diperlukan untuk menyiapkan 4 PV lagi ialah RM2,214.47 juta. Bagaimanapun seperti mana yang ditunjukkan di **Jadual 22.16**, didapati nilai kontrak hanya berbaki RM832.92 juta setelah mengurangkan sejumlah RM4,256.22 juta termasuk pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion yang telah pun dibayar kepada PSC-NDSB dan subkontraktornya. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebahagian besar daripada bayaran berjumlah RM4,256.22 juta itu adalah untuk perolehan peralatan dan sistem secara *Confirmation of Order* di mana

sebahagian daripadanya tidak dapat disahkan sama ada telah diterima atau sebaliknya. **Pada pandangan Audit, sekiranya peralatan dan sistem yang telah dijelaskan bayarannya itu tidak dapat dikesan, Kementerian akan menanggung kos tambahan untuk membeli semula peralatan dan sistem itu untuk menyiapkan baki 4 PV tersebut. Berhubung dengan baki wang pendahuluan berjumlah RM465.58 juta yang belum diselaraskan dengan bayaran kemajuan bagi 4 PV kerana pembinaannya belum disiapkan sepenuhnyanya, Kementerian perlu memastikan tempoh sah laku 6 *Advance Payment Guarantee* berkenaan kekal sehingga bayaran kemajuan terakhir.**

22.4.10.4. Bagi memulihkan projek ini, Kerajaan bersetuju untuk menambah nilai kontrak sejumlah RM1.4 bilion, iaitu daripada RM5.35 bilion kepada RM6.75 bilion melalui kontrak tambahan kedua yang ditandatangani dengan BN Shipyard pada bulan Januari 2007. Dalam kontrak baru ini, kos bagi membina PV 1 dan PV 2 telah ditetapkan pada kadar RM843 juta setiap satu. Manakala kos bagi membina PV yang lain (PV3 hingga PV 6) ditetapkan pada kadar RM1,193 juta sebuah iaitu satu kenaikan RM350 juta bagi setiap PV. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi untuk menambah nilai kontrak sejumlah RM1.4 bilion itu.

22.4.11. Program Pakej Komersial

22.4.11.1. Selaras dengan klausa 21 kepada kontrak, Kementerian Kewangan telah merangka Program Pakej Komersial/*Commercial Package Programme (CPP)* bagi projek PV untuk memenuhi kepentingan strategik TLDM dan ekonomi negara dengan objektif berikut :-

a. Membantu mewujudkan sektor industri pertahanan tempatan yang berkeupayaan memberi sokongan berterusan kepada PV; dan

b. Membangun dan meningkatkan keupayaan industri maritim negara dan yang berkaitan, antaranya termasuk mereka bentuk dan dokumentasi, perancangan, penjadualan dan anggaran serta pengurusan keseluruhan projek.

22.4.11.2. Melalui Program Pakej Komersial, Kerajaan memberi insentif dalam bentuk *Commercial Package Achievement Fee (CPAF)* berjumlah RM267.5 juta, iaitu 5% daripada nilai kontrak dengan syarat PSC-NDSB dapat memenuhi jumlah obligasi yang ditetapkan. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan mewujudkan 3 program iaitu *Local Content, Offset* dan *Counter Purchase*. Program *Local Content* melibatkan penggunaan bahan mentah atau separuh siap, guna tenaga dan penglibatan syarikat tempatan. Program *Offset* melibatkan pemindahan teknologi, penyelidikan dan pembangunan, bantuan teknikal, latihan dan peningkatan kepakaran. Manakala Program *Counter Purchase* melibatkan sama ada membeli atau menyebabkan belian barangan atau komoditi tempatan dan

mengeksportnya semula. **Bayaran *Commercial Package Achievement Fee* untuk Program *Counter Purchase* dan *Offset* telah dibayar sepenuhnya kepada PSC-NDSB pada bulan Jun dan bulan Oktober 2004 berjumlah RM187.25 juta.** Butiran lanjut mengenai pakej yang diwujudkan, jumlah obligasi, jumlah *CPAF* yang dibenarkan dan bayaran yang telah dibuat setakat 31 Disember 2006 adalah seperti jadual berikut :-

JADUAL 22.18
BUTIRAN PAKEJ DAN JUMLAH BAYARAN
DI BAWAH PROGRAM PAKEJ KOMERSIAL SEHINGGA 31 DISEMBER 2006

PAKEJ	JUMLAH OBLIGASI	*COMMERCIAL PACKAGE ACHIEVEMENT FEE*			
		JUMLAH YANG BOLEH DITUNTUT	JUMLAH TELAH BAYAR	BAKI	BAYARAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	%
Local Content	1,605.00	80.25	30.01	50.23	37.41
Offset	1,690.12	138.30	138.30	0.00	100.00
Counter Purchase	600.00	48.95	48.95	0.00	100.00
JUMLAH	**3,895.12**	**267.50**	**217.26**	**50.23**	**81.21**

22.4.11.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:-

a. Menurut klausa 21 kepada kontrak, Jawatankuasa Pemantauan Bersama atau *Joint Monitoring Committee (JMC)* hendaklah ditubuhkan dan bermesyuarat setiap 6 bulan bagi memantau perjalanan Program Pakej Komersial khususnya daripada segi pencapaian program dan pengesahan tuntutan oleh PSC-NDSB. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Dato' Abd. Majid bin Haji Hussien, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Kementerian Pertahanan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan PSC-NDSB. JMC telah bermesyuarat sebanyak 17 kali mulai bulan Oktober 2001 hingga Oktober 2004. **Pengesahan fizikal mengenai penggunaan *local content* dan *offset* melalui lawatan ke tapak projek tidak pernah dilakukan oleh ahli Jawatankuasa Pemantau Bersama bagi mengesahkan tuntutan yang dibuat.**

b. Pasukan Projek PV tidak terlibat dalam semua perbincangan dan pengesahan tuntutan PSC-NDSB yang berkaitan dengan penggunaan *Local Content* dan *Offset*.

c. Jadual 4 kepada kontrak menetapkan tuntutan bagi program *Offset* hanya boleh dibuat dalam tempoh dan nilai tertentu. Didapati **tuntutan yang dibuat oleh PSC-NDSB tidak mengikut tempoh dan nilai yang ditetapkan**. Bagaimanapun, Kementerian Pertahanan telah membayar tuntutan tersebut setelah ia disahkan oleh *Joint Monitoring Committee* (JMC) yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan. Bagi bulan pertama hingga bulan ke 63 dari tarikh berkuat kuasa kontrak iaitu pada bulan Oktober 2004, **Kementerian Pertahanan telah membayar tuntutan daripada PSC-NDSB**

sejumlah RM138.30 juta berbanding jumlah yang dibenarkan sehingga minggu yang ke 72 berjumlah RM96.81 juta. Bagi tempoh tersebut, Kementerian Pertahanan telah lebih membayar kepada PSC-NDSB sejumlah RM41.49 juta. Butiran lanjut mengenai bayaran yang telah dibuat dan tuntutan dibenarkan adalah seperti jadual berikut :-

JADUAL 22.19
RINGKASAN PEMBAYARAN PROGRAM *OFFSET* BERBANDING HAD DIBENARKAN

TEMPOH DARI TARIKH KUAT KUASA KONTRAK	TUNTUTAN DIBENARKAN		BAYARAN DIBUAT	
	(RM Juta)	%	(RM Juta)	%
Bulan 1 hingga bulan ke 48 (Ogos 1999 hingga Julai 2003)	41.49	30	68.04	49.20
Bulan 49 hingga bulan ke 72 (Ogos 2003 hingga Julai 2005)	55.32	40	70.26	50.80
Bulan 73 hingga bulan 93 (Ogos 2005 hingga Mac 2007)	41.49	30	-	-
JUMLAH	**138.30**	**100**	**138.30**	**100**

Pada pandangan Audit, Pasukan Projek PV sepatutnya terlibat dalam mesyuarat JMC dan pengesahan tuntutan daripada Pasukan Projek PV perlu diperolehi memandangkan ia terlibat secara langsung dengan pemantauan projek dan mengetahui perkembangan sebenar pembinaan kapal di lokasi. Sehubungan itu, pihak Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan melalui *Joint Monitoring Committee* hendaklah menyemak dengan lebih teliti setiap tuntutan yang dibuat berbanding dengan kemajuan projek.

22.4.12. Program Latihan

22.4.12.1. Menurut klausa 11.9 kepada kontrak, PSC-NDSB dikehendaki menyediakan latihan untuk anak kapal bagi 6 PVP. Antara latihan yang akan dilaksanakan ialah *operator training, organisational and intermediate level maintenance training, command staff system training, Base Maintainer (Depot Level Maintenance Training), Instructors* dan *On Board Familiarisation*. Berdasarkan Dokumen Pelan Latihan yang telah diluluskan, PSC-NDSB dikehendaki mengadakan 79 modul meliputi 140 siri latihan untuk PV1 dan 71 modul meliputi 100 siri latihan untuk PV2. Nilai kontrak untuk latihan kepada anak-anak kapal berjumlah RM90 juta. Semakan Audit mendapati kesemua modul dan siri latihan tersebut telah dilaksanakan dan sijil Pengesahan Latihan Telah Dijalankan Dengan Sempurna *(Certificate For Services Performed For Training)* telah dikeluarkan pada 31 Mei 2006 bagi PV1 dan 26 Julai 2006 bagi PV2. Jenis latihan yang telah dilaksanakan meliputi *Platform System Operation, Combat System Maintenance, Combat System Operator, MIS/SMIS, On Board Familiarisation, Management DLM, Pre-Operational Sea Training, Operational Sea Training* dan *Instructor Training.* Bilangan dan siri latihan tersebut adalah seperti jadual berikut :-

JADUAL 22.20
PECAHAN JENIS LATIHAN YANG DILAKSANAKAN

BIL.	LATIHAN/KURSUS	BIL. MODUL LATIHAN		BIL. SIRI		DILAKSANAKAN	
		PV1	PV2	PV1	PV2	PV1	PV2
1	*Platform System Operation*	19	19	24	24	24	24
2	*Combat System Operator*	15	16	16	17	16	17
3	*Combat System Maintenance*	20	16	21	17	21	17
4	*Miscellaneous* *i. Management of DLM* *ii. Instructor Training* *iii. Onboard Familiarisation* *iv. Operational Sea Training*	11	8	27	15	27	15
5.	MIS/SMIS	14	12	52	27	52	27
JUMLAH		**79**	**71**	**140**	**100**	**140**	**100**

22.4.12.2. Semakan Audit mendapati Pasukan Projek PV telah memberi beberapa pandangan terhadap latihan yang diberikan kepada anak kapal oleh kontraktor. Antara lain, pasukan berpandangan latihan yang diberi kurang berkesan kerana tidak meliputi aspek praktikal bagi pengendalian dan penyenggaraan peralatan. Latihan juga diberi oleh jurulatih yang kurang berpengalaman.

Pada pandangan Audit, Kementerian Pertahanan hendaklah mengambil kira pandangan yang diberi oleh Pasukan Projek PV dalam pelaksanaan latihan oleh kontraktor kepada anak-anak kapal bagi memastikan mereka dapat mengendali dan menyenggarakan kapal apabila ia beroperasi.

22.4.13. Pemantauan

22.4.13.1. Peringkat Projek

Pasukan Projek PV menyelia dan memantau kemajuan projek melalui mesyuarat tapak bulanan dan mengemukakan masalah yang wujud untuk diselesaikan oleh PSC-NDSB atau pihak berkaitan. Selain mesyuarat tapak, Pasukan Projek juga menyediakan Laporan Suku Tahun kemajuan projek untuk dikemukakan kepada Panglima Tentera Laut, Kementerian Kewangan Malaysia (Bahagian Pengurusan Dan Perolehan Kerajaan), Kementerian Pertahanan Malaysia (Bahagian Perolehan) dan Cawangan Pembangunan Projek, Markas Tentera Laut.

22.4.13.2. Peringkat Pengurusan Kementerian Pertahanan

Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian ditubuhkan di peringkat Kementerian Pertahanan untuk memantau semua projek mega termasuk Projek Kapal Peronda. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan ahlinya terdiri dari Timbalan Ketua Setiausaha, Setiausaha Bahagian berkaitan, Pengarah Rancang Markas Tentera Darat, Laut dan Udara, STRIDE, Industri Pertahanan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan

Perdana Menteri. Jawatankuasa ini bermesyuarat 4 kali setahun kecuali tahun 2004, sebanyak 2 kali. Semakan kepada minit mesyuarat berkaitan mendapati isu pembinaan dan kelewatan penyerahan PV dibincangkan tetapi punca sebenar kelewatan dan tindakan untuk mengatasinya tidak dinyatakan dengan jelas. Selain itu, Kementerian Kewangan sebagai pihak yang menandatangani kontrak dan membuat keputusan terhadap rayuan PSC-NDSB didapati tidak diwakili dalam jawatankuasa ini.

Pada pandangan Audit, pemantauan di peringkat Pasukan Projek adalah memadai. Bagaimanapun, pemantauan oleh pihak pengurusan Kementerian Pertahanan terhadap projek ini adalah kurang memuaskan. Memandangkan kos projek melibatkan berbilion ringgit, kekerapan mesyuarat khususnya di peringkat Kementerian Pertahanan perlu dipertingkatkan supaya masalah yang timbul dapat diatasi dengan kadar segera. Selain itu, Kementerian Kewangan juga perlu terlibat sama dalam pemantauan ini.

22.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

22.5.1. Secara keseluruhannya pengurusan perolehan 6 buah PV tidak dibuat dengan baik dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Ini telah mengakibatkan bukan sahaja PV lewat disiapkan bahkan melibatkan pertambahan kos berjumlah RM1.4 bilion. Antara kelemahan tersebut ialah :-

a. Pemilihan kontraktor yang hanya mempunyai limbungan yang kecil dan pengalaman membina bot tunda dan bot polis jenis kecil sahaja, masalah kewangan serta lain-lain masalah yang dihadapi oleh kontraktor merupakan punca utama yang menyebabkan projek ini gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

b. Terdapat beberapa kelemahan dalam syarat kontrak perolehan PV yang telah menyebabkan Kerajaan terdedah kepada risiko kerugian. Antara lainnya, kontrak yang ditandatangani hanya menetapkan jumlah pendahuluan dikurangkan daripada nilai kontrak dan baki nilai kontrak berjumlah RM4.28 bilion dibayar melalui 32 bayaran kemajuan menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada jumlah pendahuluan diselaraskan melalui setiap bayaran kemajuan atau sebaliknya. Kontrak juga membenarkan bayaran perolehan peralatan dan sistem utama dibuat hanya berdasarkan pengesahan pesanan (*Confirmation of Order*) sahaja, pengesahan terhadap Penyata Kemajuan Kerja oleh Pasukan Projek PV boleh digantikan oleh Pertubuhan Klasifikasi Kapal dan tempoh penyerahan PV dilanjutkan bagi mengelakkan syarikat daripada dikenakan denda lewat. Kontrak juga tidak mensyaratkan pandangan pengguna (TLDM) diperolehi berhubung dengan Arahan Perubahan Kerja yang melibatkan keupayaan alat dan penambahan kos.

c. Jaminan Bank Rakan Usaha Sama bernilai RM108.52 juta yang diserah hak kepada Kerajaan telah luput tempohnya sejak 2 tahun yang lalu.

d. Sehingga 31 Disember 2006, Kementerian Pertahanan telah membayar sejumlah RM4.26 bilion termasuk bayaran pendahuluan berjumlah RM1.07 bilion

kepada kontraktor manakala kemajuan fizikal pembinaan 6 PV adalah bernilai RM2.87 bilion. Berdasarkan nilai kontrak bagi 6 PV berjumlah RM5.09 bilion dan nilai kemajuan fizikalnya tersebut, jumlah yang diperlukan untuk menyiapkan 4 PV lagi ialah RM2.2 bilion berbanding dengan baki nilai kontrak berjumlah RM832.92 juta. Didapati sebahagian besar daripada bayaran berjumlah RM4.26 bilion itu adalah untuk perolehan peralatan dan sistem secara *Confirmation of Order* di mana sebahagian daripadanya tidak dapat disahkan sama ada telah diterima atau sebaliknya. Sekiranya peralatan dan sistem yang telah dibayar itu tidak dapat dikesan, Kementerian akan menanggung kos tambahan untuk membeli semula peralatan dan sistem tersebut untuk menyiapkan baki 4 PV tersebut.

e. Justifikasi untuk menaikkan nilai kontrak dengan sejumlah RM1.4 bilion melalui kontrak tambahan kedua yang ditandatangani pada bulan Januari 2007 juga tidak dinyatakan dengan jelas. Bayaran berjumlah RM943.46 juta tidak dapat disahkan oleh pihak Audit kerana baucar hilang/atau tidak dapat dikesan.

f. Dua buah PV yang telah diserahkan tidak dapat digunakan secara optimum kerana terdapat item/kerja yang tertunggak dan peralatan tidak dipasang di tempat yang sewajarnya. Kontraktor juga belum menjelaskan tuntutan berjumlah RM1.09 juta yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi tujuan penyerahan PV berkenaan.

22.5.2. Memandangkan 4 buah PV masih lagi dalam proses pembinaan yang melibatkan peruntukan tidak kurang daripada RM2 bilion, adalah disyorkan Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kewangan memberikan perhatian yang serius terhadap pelaksanaan projek ini dan memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pertimbangan diberi kepada perkara berikut :-

a. Segala rayuan atau cadangan kontraktor untuk mendapat kelonggaran terhadap syarat kontrak yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan perlu diteliti sewajarnya. Sehubungan ini, pandangan-pandangan daripada Pasukan Projek PV patut diambil kira.

b. Menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertahanan. Jawatankuasa tersebut perlu mengadakan mesyuarat berkala dan membuat lawatan ke tapak pembinaan bagi mengesahkan kemajuan kerja.

c. Mematuhi peraturan dan pekeliling Kerajaan yang berkuat kuasa bagi mengelakkan Kerajaan mengalami kerugian.

d. Membuat keputusan yang tepat dan cepat supaya peralatan yang dibekalkan dapat dioptimumkan penggunaannya.

e. Sebarang perselisihan mengenai tafsiran klausa kontrak perlu dirujuk dengan segera kepada Penasihat Undang-undang atau Jabatan Peguam Negara.

f. Menyelesaikan kelemahan dalam *Management Information System dan Ship Management Information System* dengan segera supaya ia dapat digunakan secara optimum.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

23. JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
- AKTIVITI PENGAMBILAN PEKERJA ASING DAN PENGELUARAN PAS KERJA

23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Kerajaan menggubal dasar dari semasa ke semasa berhubung dengan pengambilan pekerja asing untuk bekerja di sektor perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan, pertanian dan pembantu rumah bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Di bawah peruntukan Seksyen 11(i), Peraturan-peraturan Imigresen 1963, pekerja asing diberikan Pas Lawatan Kerja Sementara (kemudian ini dikenali sebagai Pas Kerja) untuk membolehkan mereka bekerja di negara ini. Objektif utama pengeluarannya adalah untuk membolehkan Jabatan Imigresen mengawal selia dan memantau keperluan serta pergerakan pekerja asing di dalam negara ini dan di pintu masuk sempadan negara yang diwartakan. Setakat bulan Disember 2006, bilangan pekerja asing yang berdaftar di negara ini dari semua sektor pekerjaan adalah berjumlah 1.87 juta orang yang terdiri daripada warganegara Indonesia, Bangladesh, India, Filipina, Pakistan, Myanmar, Nepal, Thailand dan beberapa negara lain. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 2.92 juta Pas Kerja telah dikeluarkan di seluruh negara untuk sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembantu rumah asing.

23.1.2. Pengambilan pekerja asing telah memberi sumbangan kepada hasil negara melalui pembayaran levi, visa, proses (memproses permohonan), pelekat Pas Kerja, dokumen-dokumen Imigresen dan bayaran sita yang dikenakan. Pada tahun 2006, sejumlah RM2.22 bilion atau 1.8% dari hasil Kerajaan Persekutuan diterima daripada aktiviti pengambilan pekerja asing.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Kerja telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan dasar Kerajaan serta objektif yang telah ditetapkan.

23.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap aktiviti pengambilan pekerja asing yang melibatkan pengeluaran Pas Kerja di Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen. Permohonan dan pengeluaran Pas Kerja yang melibatkan pekerja asing baru/gantian, pelanjutan tempoh Pas Kerja dan tukar majikan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 telah disemak. Tiga sektor yang dipilih untuk pengauditan adalah sektor perkilangan, perkhidmatan dan

pembantu rumah asing. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Imigresen dan Pejabat Imigresen Negeri di Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Sabah dan Sarawak. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang berkaitan juga diadakan.

23.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

23.4.1. Dasar Pengambilan Pekerja Asing

23.4.1.1. Kerajaan menetapkan dasar pengambilan pekerja asing termasuk pembantu rumah asing melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri dari Menteri-menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Perdagangan Antarabangsa Dan Industri; Sumber Manusia; Perusahaan Perladangan Dan Komoditi; Pertanian Dan Industri Asas Tani; Kerja Raya; Luar Negeri; Kewangan; Pelancongan; Luar Bandar Dan Wilayah; Kesihatan dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

23.4.1.2. Selain daripada JKK-PA, Pasukan Petugas Khas JKK-PA ditubuhkan untuk meneliti semula dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing yang ditetapkan berhubung dengan pengambilan pekerja asing dan melaporkannya di mesyuarat JKK-PA. Pasukan Petugas Khas ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ahlinya terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri; Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi; Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani; Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Imigresen dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

23.4.1.3. Di Sabah dan Sarawak, jawatankuasa khusus ditubuhkan untuk meneliti dasar yang ditetapkan oleh JKK-PA dan menyesuaikannya mengikut kepentingan Kerajaan Negeri selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di Bahagian 7, Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) tanpa menjejaskan dasar utama yang telah ditetapkan oleh JKK-PA. Di Sabah, jawatankuasa yang bertanggungjawab ialah Jawatankuasa Pengendalian Pekerja Asing Sabah yang dipengerusikan oleh Pengarah Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan). Manakala di Sarawak, jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Tetap Pegawai Untuk Pewarganegaraan Dalam Perdagangan Dan Perindustrian Sarawak yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Jabatan Ketua Menteri, Sarawak. Antara dasar pengambilan pekerja asing yang ditetapkan oleh JKK-PA bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.1
DASAR PENGAMBILAN PEKERJA ASING YANG DITETAPKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	RINGKASAN DASAR YANG DITETAPKAN
2004	• Penetapan Had Siling Bilangan Pekerja Asing Tidak Melebihi 1.80 Juta Orang. • Majikan Dibenarkan Mengambil Lebih Daripada Seorang Pembantu Rumah Asing Berdasarkan Pendapatan Majikan. • Pembantu Rumah Asing Hanya Dibenarkan Bertukar Majikan Sehingga 3 Kali.
2005	• Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pekerja Asing Perlu Dijalankan Dalam Tempoh Sebulan Setelah Masuk Negara Ini Mulai 1 Ogos 2005. • Levi Untuk Sektor Perkhidmatan Dinaikkan 50%. • Bayaran Levi Pembantu Rumah Asing Yang Kedua Dan Seterusnya Dinaikkan 50% Atau RM540 Setahun Mulai 1 Ogos 2005.
2006	• Semua Pekerja Asing Perlu Menjalani Kursus Induksi Di Negara Sumber Dan Memperolehi *Certificate Of Eligibility* Mulai 1 Februari 2006. • Bayaran Levi Untuk Aktiviti Rumah Kebajikan Telah Diturunkan Dari RM1,200 Kepada RM600 Setahun.

23.4.2. Pengurusan Aktiviti

Urusan pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Kerja melibatkan beberapa pihak seperti berikut :-

23.4.2.1. Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

a. Bahagian Pengurusan Pekerja Asing di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertempat di Ibu Pejabat Imigresen, Putrajaya diwujudkan sebagai Pusat Kelulusan Setempat untuk permohonan kuota pengambilan pekerja asing bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di Semenanjung mulai 1 Ogos 2005. (Sebelum tarikh ini, bahagian yang bertanggungjawab adalah Bahagian Imigresen Dan Pendaftaran Negara). Bahagian ini diketuai oleh Setiausaha Bahagian Gred M54 dan berfungsi seperti berikut :-

   i. Memproses dan meluluskan kuota pengambilan pekerja asing baru/gantian serta rayuan semula.

   ii. Menerima bayaran levi bagi permohonan yang diluluskan pertama kali.

b. Struktur organisasi Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 23.1
CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI - KEDUDUKAN PADA BULAN DISEMBER 2006



c. Di Sabah, Jawatankuasa Kecil Kuota Buruh Asing Sabah bertanggungjawab mempertimbangkan dan meluluskan permohonan kuota pengambilan pekerja asing di negeri berkenaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan sama ada oleh Pengarah/Timbalan Pengarah Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan) di bawah Jabatan Perdana Menteri atau Pengarah/Timbalan Pengarah Imigresen Negeri. Ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Jabatan Tenaga Kerja Sabah; Bahagian Hal Ehwal Dalam Negeri Dan Penyelidikan di bawah Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Imigresen Sabah serta Setiausahanya adalah Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan).

d. Di Sarawak, Jawatankuasa Teknikal Buruh Sarawak bertanggungjawab mempertimbangkan dan meluluskan permohonan kuota pengambilan pekerja asing di negeri berkenaan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Imigresen Sarawak atau Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Ahli-ahlinya terdiri daripada wakil Polis Diraja Malaysia; Jabatan Ketua Menteri; Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan Perbadanan Perusahaan Kayu Sarawak.

23.4.2.2. Bahagian/Unit Pekerja Asing, Jabatan Imigresen

a. Bahagian Pekerja Asing di peringkat Ibu Pejabat Imigresen dan Bahagian/Unit Pekerja Asing di peringkat negeri secara keseluruhannya bertanggungjawab memproses permohonan visa dan Pas Kerja bagi semua sektor iaitu sektor perkilangan, perkhidmatan, pertanian, perladangan, pembinaan dan pembantu rumah asing. Bahagian/Unit ini bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut :-

   i. Melaksanakan prosedur dalam mengambil pekerja asing dan mengeluarkan Pas Kerja.

   ii. Menerima kutipan hasil dari bayaran levi, visa dan memproses Pas Kerja.

   iii. Mengendalikan tuntutan balik bayaran levi, wang cagaran dan jaminan bank.

   iv. Menyita wang cagaran/*personal bond* bagi pekerja asing yang lari.

   v. Membuat naziran bagi memastikan syarat penggajian pekerja asing telah dipatuhi.

b. Bahagian Pekerja Asing di peringkat Ibu Pejabat diketuai oleh seorang Pengarah Gred M54. Bahagian ini terbahagi kepada 2 unit iaitu Unit Pembantu Rumah Asing/Pentadbiran/Hasil dan Unit Pelbagai Sektor masing-masingnya diketuai oleh Timbalan Pengarah Gred M48 dan M44. Manakala peringkat negeri di Semenanjung, pengurusan pekerja asing dilaksanakan oleh Bahagian/Unit Pekerja Asing yang diketuai oleh seorang Ketua Bahagian/Timbalan Penolong Pengarah Imigresen sama ada Gred M48/M41/KP38/KP32 dan Pegawai Imigresen Gred KP22. Manakala Sarawak diketuai oleh Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M44 dan Sabah oleh Timbalan Penolong Pengarah Imigresen Gred KP38. Struktur organisasi Bahagian Pekerja Asing, Ibu Pejabat Imigresen dan hubung kaitnya dengan Pejabat Imigresen Negeri adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 23.2
CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PEKERJA ASING, IBU PEJABAT IMIGRESEN DAN HUBUNG KAIT DENGAN PEJABAT IMIGRESEN NEGERI - KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



Nota : PRA - Pembantu Rumah Asing

23.4.3. Guna Tenaga Dan Latihan

23.4.3.1. Mengikut rekod yang dikemukakan oleh Ibu Pejabat Imigresen, sebanyak 163 atau 90% daripada 181 jawatan yang diluluskan untuk Bahagian/Unit Pekerja Asing, Jabatan Imigresen di seluruh negara telah diisi. **Semakan Audit selanjutnya mendapati 104 jawatan lagi telah dipinjamkan dari bahagian lain. Bagi Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati tiada jawatan khusus yang disediakan di Bahagian/Unit Pekerja Asing negeri berkenaan. Aktiviti pengeluaran visa dan Pas Kerja di kedua-dua negeri tersebut dijalankan oleh pegawai yang dipinjamkan dari bahagian lain iaitu sebanyak 24 dan 13 jawatan masing-masingnya.** Bagaimanapun, pada bulan Ogos 2006, kertas kerja bagi permohonan perjawatan tambahan telah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam. Berikut adalah kedudukan perjawatan Bahagian Pekerja Asing di peringkat Ibu Pejabat dan negeri :-

JADUAL 23.2
KEDUDUKAN PERJAWATAN BAHAGIAN/UNIT PEKERJA ASING MENGIKUT IBU PEJABAT/NEGERI DI SELURUH NEGARA - KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006

IBU PEJABAT/NEGERI	BILANGAN ANGGOTA			
	LULUS	ISI	ISI (%)	DIPINJAM DARI BAHAGIAN LAIN
Bahagian Pekerja Asing, Ibu Pejabat	61	56	91.8	8
Perlis	3	3	100	0
Kedah	8	8	100	6
Pulau Pinang	14	9	64.3	0
Perak	12	9	75.0	9
Selangor	15	14	93.3	6
Negeri Sembilan	8	7	87.5	0
Melaka	9	8	88.9	1
Johor	25	24	96.0	15
Pahang	13	12	92.3	5
Terengganu	8	8	100	0
Kelantan	4	4	100	0
Sabah	1	1	100	17
Sarawak	0	0	0	24
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	0	0	0	13
JUMLAH	**181**	**163**	**90**	**104**

Pada pandangan Audit, Jabatan Imigresen perlu mengkaji semula penempatan guna tenaga di Bahagian Pekerja Asing di semua Pejabat Imigresen berikutan terdapat pegawai yang dipinjamkan dari bahagian lain bagi menjalankan aktiviti pengurusan pekerja asing. Jumlah jawatan dan pegawai yang mencukupi adalah penting bagi memastikan kelancaran pengurusan aktiviti yang dijalankan.

23.4.3.2. Jabatan telah merancang keperluan latihan dan kursus untuk keseluruhan kakitangan beruniform dan tidak beruniform melalui Akademi Imigresen pada setiap tahun. Program latihan/kursus yang berkaitan dengan pengurusan pekerja asing adalah bertumpu kepada kawalan dan undang-undang penguatkuasaan. **Semakan Audit di Ibu Pejabat Imigresen dan 6 Pejabat Imigresen Negeri yang dilawati mendapati seramai 79 kakitangan beruniform dan 4 kakitangan tidak beruniform yang telah menghadiri kursus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 hanya dari Ibu Pejabat Imigresen dan Pejabat Imigresen Negeri Perlis, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak. Kursus yang telah dihadiri adalah berkaitan dengan pengurusan dokumen keselamatan; pengurusan keselamatan perlindungan; pengendalian operasi dan tangkapan; pengurusan pendatang tanpa izin dengan kaedah biometrik dan pemusnahan dokumen kewangan. Bagaimanapun, tiada latihan/kursus yang dihadiri oleh kakitangan dari Bahagian Pekerja Asing, Pejabat Imigresen Negeri Selangor bagi tempoh yang sama.**

23.4.4. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Peruntukan kewangan bagi aktiviti pengurusan pekerja asing yang diluluskan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah berjumlah RM481.39 juta. Manakala **perbelanjaan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM483.96 juta iaitu 0.5% melebihi peruntukan yang diluluskan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	DILULUS (RM Juta)	DIBELANJAKAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2004	147.94	154.00	104.1
2005	159.37	160.73	100.8
2006	174.08	169.23	97.2
JUMLAH	481.39	483.96	100.5

23.4.5. Undang-undang Dan Peraturan Pengambilan Pekerja Asing

Urusan pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Kerja perlu dibuat berdasarkan kepada dasar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA), peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan seperti Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155); Peraturan-peraturan Imigresen 1963; Peraturan-Peraturan Imigresen (Pentadbiran Dan Pengurusan Depot Imigresen) 2003; Peraturan-peraturan Imigresen (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1993 dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dari semasa ke semasa. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara-perkara berikut :-

23.4.5.1. Pada tahun 2004, Kerajaan telah menetapkan had siling pekerja asing tidak melebihi 1.8 juta orang. **Pihak Audit mendapati pada akhir bulan Disember 2006, bilangan pekerja asing di seluruh negara adalah berjumlah 1.87 juta orang dengan peratusan peningkatan jumlah pekerja asing sebanyak 3.8% berbanding had yang telah ditetapkan.** Bagaimanapun, maklum balas daripada pihak Imigresen menyatakan siling ini tidak dapat dikekalkan akibat perkembangan ekonomi yang pesat dan kekurangan rakyat tempatan untuk bekerja di sektor-sektor yang berkaitan. Jumlah pekerja asing yang berdaftar bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.4
PERBANDINGAN JUMLAH PEKERJA ASING DENGAN HAD SILING
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	JUMLAH PEKERJA ASING	HAD SILING YANG DITETAPKAN	MENEPATI DASAR/(LEBIHAN)	PENINGKATAN PEKERJA ASING (%)
2004	1,470,081	1,800,000	329,919	-
2005	1,815,238	1,800,000	(15,238)	0.8%
2006	1,869,209	1,800,000	(69,209)	3.8%

Pada pandangan Audit, pihak Kementerian dan Jabatan Imigresen perlu membawa perkara mengenai had siling pengambilan pekerja asing kepada Jawatankuasa Kabinet untuk menetapkan had siling baru memandangkan had siling asal berjumlah 1.8 juta tidak dapat dikekalkan akibat dari keperluan dan pertumbuhan ekonomi semasa negara serta kekurangan rakyat tempatan untuk bekerja di sektor–sektor yang berkaitan. .

23.4.5.2. Semua permohonan kuota pengambilan pekerja asing bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di Semenanjung perlu mendapat kelulusan daripada Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang bertindak sebagai Pusat Kelulusan Setempat. **Pihak Audit mendapati semua permohonan kuota tersebut telah mendapat kelulusan daripada Panel Perunding yang diwujudkan oleh Bahagian Pengurusan Pekerja Asing sebelum surat kelulusan berkenaan dikemukakan kepada Jabatan Imigresen untuk pengeluaran visa dan Pas Kerja.** Ahli-ahli Panel tersebut adalah terdiri dari wakil Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi serta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. **Pihak Audit juga mendapati kuota pengambilan pekerja asing di Sabah dan Sarawak masing-masingnya telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Kecil Kuota Buruh Asing Sabah dan Jawatankuasa Teknikal Buruh Sarawak.**

23.4.5.3. Permohonan visa dan Pas Kerja di Ibu Pejabat Imigresen atau Pejabat Imigresen di seluruh negara boleh dilakukan melalui kaedah yang ditetapkan seperti di **Jadual 23.5**. Jabatan Imigresen juga telah menetapkan syarat-syarat tertentu dan dokumen yang perlu dikemukakan bagi setiap jenis permohonan pengambilan pekerja asing merangkumi permohonan baru/gantian, lanjutan dan tukar majikan mengikut sektor pekerjaan. Jenis bayaran ditetapkan ialah bayaran bagi levi, proses, visa dan Pas Kerja dalam bentuk bank draf/kiriman wang dan kadar yang ditetapkan adalah berbeza mengikut sektor pekerjaan.

JADUAL 23.5
KAEDAH PERMOHONAN VISA DAN PAS KERJA
YANG DITETAPKAN MENGIKUT SEKTOR PEKERJAAN

SEKTOR	KAEDAH PERMOHONAN	
	MAJIKAN	AGENSI
Perkilangan Dan Perkhidmatan	Hadir Sendiri Atau Wakil Yang Diberi kuasa	• Di Semenanjung - Syarikat *Outsourcing* Syarikat Yang Diluluskan Oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Untuk Membekal Dan Menguruskan Pekerja Asing Secara Sah Kepada Syarikat *Principal* Iaitu Syarikat Yang Memerlukan Pekerja Asing.
Pembantu Rumah Asing	Hadir Sendiri Atau Wakil Yang Diberi Kuasa	• Di Semenanjung - Agensi Pembantu Rumah Asing Yang Berdaftar Dengan Jabatan Imigresen. • Di Sabah - Agensi Pembantu Rumah Asing Yang Berdaftar Dengan Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan). • Agensi Ini Diberi Kebenaran Untuk Menguruskan Pengambilan Pembantu Rumah Asing Secara Sah Bagi Pihak Majikan.

23.4.5.4. Pihak Audit telah menjalankan semakan terhadap 370 borang permohonan pekerja asing merangkumi pengambilan pekerja asing baru/gantian, lanjutan dan tukar majikan mengikut sektor perkilangan dan perkhidmatan serta pembantu rumah asing di Ibu Pejabat Imigresen dan 6 Pejabat Imigresen Negeri yang dilawati. Hasil daripada semakan tersebut mendapati pada keseluruhannya, **semua permohonan telah diproses mengikut prosedur kerja dan syarat yang ditetapkan**. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut :-

a. Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing

Selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh JKK-PA pada tahun 2005, Jabatan Imigresen telah mengeluarkan Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 45 Tahun 2005 pada bulan September 2005 mengenai keperluan pekerja asing menjalani pemeriksaan kesihatan dalam tempoh sebulan dari tarikh ketibaan pekerja asing ke negara ini. Pemeriksaan tersebut hendaklah dibuat di klinik yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, berdaftar dengan FOMEMA Sdn. Bhd. (FOMEMA) dan juga Jabatan Imigresen. **Semakan Audit mendapati di Semenanjung Malaysia dan Sabah, keputusan pemeriksaan kesihatan pekerja asing telah disemak oleh Pejabat Imigresen melalui Sistem Visa Dan Pas secara *on-line* dengan FOMEMA sebelum Pas Kerja dikeluarkan kepada mereka. Manakala di Sarawak, majikan hanya menyertakan Laporan Kesihatan Pekerja Asing yang dikeluarkan oleh klinik-klinik yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia semasa mengemukakan permohonan kepada Pejabat Imigresen. Ini adalah kerana tiada perkhidmatan FOMEMA di Sarawak. Semakan Audit selanjutnya mendapati di Ibu Pejabat Imigresen dan Pejabat Imigresen Negeri yang dilawati, pekerja asing berkenaan telah menjalani pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan dan disahkan sihat sebelum Pas Kerja dikeluarkan.**

b. Menghadiri Kursus Induksi Di Negara Asal

Berdasarkan ketetapan Kerajaan dan Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 49 Tahun 2005 yang dikeluarkan pada bulan November 2005, semua pekerja asing kecuali warganegara Indonesia dan pembantu rumah asing perlu menjalani kursus induksi di negara asal. Kursus ini hendaklah mengambil kira kurikulum yang bersesuaian dengan budaya, undang-undang, adat resam dan politik Malaysia. Melalui kursus ini, pekerja asing tersebut akan diberi *Certificate of Eligibility* (CE) sebagai pra-syarat pengambilan pekerja asing dan CE hendaklah diperakui oleh Kementerian Sumber Manusia. **Semakan Audit mendapati permohonan pekerja asing di Semenanjung bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan telah disertakan dengan CE. Manakala Sabah dan Sarawak tidak menguatkuasakan keperluan sijil tersebut semasa permohonan. Bagaimanapun, tidak ada bukti bertulis yang menunjukkan bahawa Jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap dasar pengambilan pekerja asing di Sabah dan Sarawak telah memutuskan untuk tidak menguatkuasakan peraturan tersebut.**

c. Warganegara Yang Dibenarkan

Pengambilan pekerja asing hendaklah terdiri daripada warganegara yang dibenarkan oleh Kerajaan mengikut sektor pekerjaan. **Pihak Audit mendapati warganegara asing yang diambil bekerja di Sabah dan Sarawak adalah terhad kepada beberapa warganegara sahaja. Malahan di Sabah, hanya warganegara Indonesia dan Filipina yang diambil sebagai pekerja. Tidak ada bukti bertulis yang menunjukkan bahawa pengambilan pekerja dari negara-negara yang tertentu itu telah dibuat berdasarkan kepada keputusan Jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap dasar pengambilan pekerja asing di kedua-dua negeri tersebut.** Berikut adalah warganegara pekerja yang telah diambil mengikut sektor pekerjaan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 berbanding dengan warganegara yang dibenarkan oleh Kerajaan :-

JADUAL 23.6
WARGANEGARA PEKERJA BERBANDING
DENGAN YANG DIBENARKAN OLEH KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR

WARGANEGARA YANG DIBENARKAN MENGIKUT SEKTOR		PEJABAT IMIGRESEN		
		SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
SEKTOR PEMBANTU RUMAH ASING				
1	Thailand	/	-	-
2	Indonesia	/	/	/
3	Kemboja	/	-	-
4	Filipina	/	/	-
5	Sri Lanka	/	-	-
SEKTOR PERKHIDMATAN				
1	Thailand	/	-	/
2	Kemboja	/	-	/
3	Nepal	/	-	/
4	Myanmar	/	-	/
5	Laos	/	-	/
6	Vietnam	/	-	/
7	Filipina (Lelaki)	/	/	/
8	Pakistan	/	-	/
9	Turksmenistan	/	-	/
10	Uzbekistan	/	-	/
11	Kazakhtan	/	-	/
12	India	/	-	/
13	Indonesia	/	/	/
14	Bangladesh	/	-	-
SEKTOR PERKILANGAN				
1	Thailand	/	-	/
2	Kemboja	/	-	/
3	Nepal	/	-	/
4	Myanmar	/	-	/
5	Laos	/	-	/
6	Vietnam	/	-	/
7	Filipina (Lelaki)	/	/	/
8	Pakistan	/	-	/
9	Turksmenistan	/	-	/
10	Uzbekistan	/	-	/

WARGANEGARA YANG DIBENARKAN MENGIKUT SEKTOR		PEJABAT IMIGRESEN		
		SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK
11	Kazakhtan	/	-	/
12	Indonesia (Perempuan)	/	/	/
13	Bangladesh	/	-	-

d. Kadar Cagaran

Pengambilan pekerja asing adalah dikenakan bayaran bagi Pas Kerja, proses, cagaran, visa (mengikut negara) dan levi (mengikut sektor pekerjaan) dengan kadar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. **Semakan Audit mendapati semua bayaran yang dikenakan untuk permohonan pekerja asing di Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah mematuhi kadar yang ditetapkan kecuali kadar bayaran cagaran yang ditetapkan di Sabah dan Sarawak.** Menurut Pejabat Imigresen Sarawak, kadar cagaran yang ditetapkan lebih tinggi berlandaskan risiko pekerja asing mudah melarikan diri kerana kedudukan Sarawak berdekatan dengan negara asal pekerja berkenaan. Bagaimanapun, **tidak ada bukti yang menunjukkan kadar ini telah diwartakan sebelum diguna pakai untuk membuat kutipan.** Perbezaan antara kadar bayaran cagaran yang ditetapkan oleh Kerajaan berbanding dengan yang dikenakan di Sabah dan Sarawak adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.7
PERBEZAAN KADAR BAYARAN CAGARAN BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PERKILANGAN

WARGANEGARA	KADAR BAYARAN CAGARAN				
	SEMENANJUNG (RM)	SABAH (RM)	PERBEZAAN KADAR (SABAH) (RM)	SARAWAK (RM)	PERBEZAAN KADAR (SARAWAK) (RM)
Bangladesh	500	TB	TB	2,000	1,500
Myanmar	750	TB	TB	1,500	750
India	750	TB	TB	2,500	1,750
Vietnam	1,500	TB	TB	2,500	1,000
Filipina	750	250	500	1,500	750
Kemboja	250	TB	TB	1,500	1,250
Thailand	250	TB	TB	1,700	1,450
Pakistan	750	TB	TB	3,000	2,250
Sri Lanka	750	TB	TB	2,000	1,250
Indonesia	250	250	0	250	0

Nota : TB - Tidak Berkaitan Kerana Warga Negara Berkenaan Tidak Dibenarkan Bekerja Di Sabah.

e. Kenaikan Kadar Bayaran Levi 50%

Kerajaan telah memutuskan bayaran levi untuk sektor perkhidmatan dinaikkan 50% dan pembantu rumah asing kedua dan seterusnya juga dinaikkan 50% atau RM540 setahun mulai bulan Ogos 2005. Semakan Audit mendapati kenaikan levi 50% dari kadar asal bagi sektor perkhidmatan iaitu RM1,440 (Sabah dan Sarawak) serta RM1,800 (Semenanjung) berbanding kadar lama masing-masingnya berjumlah RM960 dan RM1,200 telah dipatuhi. Bagaimanapun, **pihak**

Audit tidak dapat mengesahkan sama ada permohonan pembantu rumah asing kedua dan seterusnya telah dikenakan kadar bayaran levi yang baru kerana senarai permohonan berkenaan tidak dapat dikemukakan oleh pihak Imigresen.

Pada pandangan Audit, walaupun Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah diberi kuasa di bawah peruntukan khas Bahagian 7, Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) untuk menyesuaikan dasar atau peraturan yang telah ditetapkan oleh JKK-PA, namun dasar atau peraturan tersebut hendaklah dinyatakan secara bertulis.

23.4.6. Norma Masa Memproses Permohonan

23.4.6.1. Bagi memastikan pengambilan pekerja asing dilaksanakan dengan cekap, Jabatan Imigresen telah menetapkan norma masa bagi memproses dan meluluskan permohonan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.8
NORMA MASA YANG DITETAPKAN BAGI MEMPROSES PERMOHONAN

JENIS PERMOHONAN/ SEKTOR	PERMOHONAN BARU PAS KERJA PEMBANTU RUMAH ASING /PERMOHONAN VISA DENGAN RUJUKAN	PERMOHONAN LANJUTAN PAS KERJA	PENGELUARAN PAS KERJA	PERTUKARAN MAJIKAN
SEMENANJUNG :				
Pembantu Rumah Asing	3 Hari Bekerja	Hari Yang Sama	Hari Yang Sama	7 Hari Bekerja
Perkhidmatan Dan Perkilangan	24 Jam	Hari Yang Sama	Hari Yang Sama	14 Hari Bekerja
SABAH :				
Pembantu Rumah Asing	1 Hari Bekerja	Hari Yang Sama	Hari Yang Sama	7 Hari Bekerja
Perkhidmatan Dan Perkilangan	7 Hari Bekerja	Hari Yang Sama	Hari Yang Sama	Tidak Berkenaan
SARAWAK :				
Pembantu Rumah Asing	1 Bulan	Hari Yang Sama	Hari Yang Sama	Tidak Berkenaan
Perkhidmatan Dan Perkilangan	1 Bulan	Hari Yang Sama	Hari Yang Sama	Tidak Berkenaan

23.4.6.2. Bagi permohonan pekerja asing untuk semua sektor pekerjaan yang tidak lengkap dan meragukan, tindakan siasatan akan dijalankan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap 280 permohonan Pas Kerja meliputi sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembantu rumah asing yang dipilih di Ibu Pejabat Imigresen serta Pejabat Imigresen Negeri yang dilawati iaitu Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Sabah dan Sarawak mendapati kesemua permohonan tersebut telah diproses dengan teratur dan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagaimanapun, **pihak Audit berpendapat Pejabat Imigresen Sarawak wajar mengkaji semula tempoh masa untuk memproses permohonan pengambilan pekerja asing di negeri itu supaya ia dapat dikurangkan sekurang-kurangnya menyamai tempoh masa yang ditetapkan oleh Pejabat Imigresen Sabah.**

23.4.7. Perolehan Pelekat Pas Kerja

Jabatan Imigresen telah menandatangani kontrak dengan Syarikat Percetakan Keselamatan Nasional Sdn. Bhd. sejak tahun 1998 bagi membekalkan pelekat Pas Kerja. Syarikat ini dipengerusikan oleh Dato' Adnan bin Shamsuddin dan mempunyai modal berbayar berjumlah RM15 juta. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Jabatan Imigresen telah membeli 13.10 juta keping pelekat Pas Kerja bernilai RM25.28 juta untuk keperluan pengeluaran Pas Kerja pekerja asing, Visa dan Pas Lawatan Sosial di seluruh negara termasuk Atase (Pejabat Imigresen di luar negara). **Semakan Audit mendapati sejumlah 5.38 juta Pas Kerja telah dikeluarkan kepada pekerja asing di seluruh negara bagi tempoh yang sama.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 23.9** dan contoh Pelekat Pas Kerja adalah seperti di **Gambar 23.1**.

JADUAL 23.9
PEROLEHAN PELEKAT PAS KERJA PEKERJA ASING BERBANDING DENGAN PENGELUARAN PAS KERJA BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	BAKI STOK PADA 1 JANUARI (Juta Keping)	PELEKAT PAS KERJA YANG DIBELI PADA TAHUN SEMASA		JUMLAH PAS KERJA DIKELUARKAN (Juta Keping)
		KUANTITI (Juta Keping)	KOS (RM Juta)	
2004	0.47	4.10	7.91	1.53
2005	0.80	5.00	9.65	1.87
2006	1.91	4.00	7.72	1.98
JUMLAH	**3.18**	**13.10**	**25.28**	**5.38**

GAMBAR 23.1

Pelekat Pas Kerja Asal Yang Telah Dicetak

23.4.8. Kawalan Terhadap Penerimaan Dan Pengeluaran Pelekat Pas Kerja

23.4.8.1. Bekalan pelekat Pas Kerja diterima dan disimpan oleh Unit Stor, Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Imigresen. Bahagian/Unit Pekerja Asing, Ibu Pejabat Imigresen dan Pejabat Imigresen Negeri akan mengemukakan pesanan bekalan ke unit tersebut. **Semakan Audit terhadap kawalan penerimaan dan pengeluaran pelekat Pas Kerja di Ibu Pejabat Imigresen dan 6 Pejabat Imigresen Negeri mendapati urusan penerimaan dan pengeluaran Pas Kerja telah dibuat selaras dengan prosedur yang ditetapkan. Di peringkat Ibu Pejabat Imigresen, semua penerimaan dan pengeluaran pelekat Pas Kerja telah direkodkan ke dalam Sistem Kawalan Stok dan Daftar Stok (Kew.67)**

dengan teratur. Stok pelekat telah disimpan di dalam peti besi/bilik kebal. Setiap permohonan untuk mendapatkan pelekat Pas Kerja telah diluluskan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Pengambilan dan pengagihan pelekat ke kaunter telah dibuat oleh pegawai yang diberikan kuasa. Baki pelekat harian disimpan di dalam peti besi yang ditempatkan di bilik kebal.

23.4.8.2. Sebanyak 2.92 juta daripada 5.38 juta Pas Kerja yang telah dikeluarkan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah melibatkan sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembantu rumah asing. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan permohonan Pas Kerja yang diterima oleh Jabatan Imigresen bagi tempoh yang sama untuk ketiga-tiga sektor pekerjaan tersebut kerana maklumat mengenainya tidak dapat diperolehi daripada Sistem Visa Dan Pas.** Sistem ini yang telah dibangunkan pada tahun 1995 oleh Guthrie Technologies Sdn. Bhd. dengan kos RM9.98 juta dan perkakasan komputernya dibekal dan disenggarakan oleh Solsis (M) Sdn. Bhd. dengan kos RM32.15 juta sering kali mengalami kerosakan. **Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005, terdapat 232 kes kerosakan sistem dan perkakasan di Perlis, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak di mana hanya 76.3% daripadanya telah dibaiki pada hari yang sama seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Jadual 23.10** adalah bilangan Pas Kerja yang dikeluarkan mengikut sektor pekerjaan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 dan contoh Pas Kerja adalah seperti di **Gambar 23.2**.

JADUAL 23.10
JUMLAH PENGELUARAN PAS KERJA MENGIKUT
SEKTOR PEKERJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	BILANGAN PAS KERJA/SEKTOR PEKERJAAN			
	PEMBANTU RUMAH ASING (Keping)	PERKHIDMATAN (Keping)	PERKILANGAN (Keping)	JUMLAH (Keping)
2004	279,979	90,119	452,394	822,492
2005	304,865	134,680	529,267	968,812
2006	310,662	166,829	646,412	1,123,903
JUMLAH	**895,506**	**391,628**	**1,628,073**	**2,915,207**



GAMBAR 23.2

Keratan Pelekat Pas Kerja Dilekatkan Pada Pasport Pekerja Asing

23.4.8.3. Bagi mengatasi masalah Sistem Visa Dan Pas yang sering kali mengalami kerosakan, Jabatan Imigresen telah membangunkan Sistem Imigresen bagi menggantikan sistem tersebut mulai tahun 2007 secara berperingkat. Sejumlah RM148 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membangunkan Sistem Imigresen. **Pada pandangan Audit, Jabatan Imigresen hendaklah mempercepatkan pembangunan Sistem ini bagi membolehkan pengurusan dan pemantauan terhadap pengambilan pekerja asing dapat dilaksanakan dengan berkesan. Maklumat yang lengkap, kemas kini dan tepat juga akan membantu Kerajaan membuat keputusan terhadap dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing dari semasa ke semasa.**

23.4.9. Pengeluaran Kad Pengenalan Pekerja Asing

23.4.9.1. Jabatan Imigresen telah mengeluarkan Pekeliling Imigresen Terhad Bilangan 10 Tahun 1998 pada bulan Februari 1998 bagi memaklumkan tentang keputusan Kerajaan untuk mengeluarkan Kad Pengenalan Pekerja Asing (Kad Pengenalan) kepada semua pekerja asing yang berdaftar dan mempunyai Pas Kerja. Tujuannya adalah untuk pengenalan diri selain pasport bagi memudahkan pergerakan pekerja asing semasa berada di negara ini dan pemeriksaan oleh Jabatan Imigresen semasa operasi penguatkuasaan dijalankan. Kad Pengenalan tersebut mengandungi maklumat mengenai diri pekerja asing, sektor pekerjaan dan tempat bekerja.

23.4.9.2. Jabatan Imigresen telah menandatangani kontrak dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad untuk membekalkan kad mentah bagi penyediaan Kad Pengenalan. Syarikat ini dipengerusikan oleh Tan Sri Bakri bin Hj. Omar dan mempunyai modal berbayar berjumlah RM65 juta. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Jabatan Imigresen telah membeli 3.91 juta keping kad mentah bernilai RM3.32 juta (RM0.85 sekeping). Kad Pengenalan dicetak di Bahagian Sistem Maklumat Dan Rekod, Ibu Pejabat Imigresen bagi pekerja asing yang bekerja di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kad Pengenalan disediakan berdasarkan kepada maklumat pekerja asing yang diperolehi daripada Sistem Visa Dan Pas. Contoh Kad Pengenalan yang dikeluarkan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 23.3
KAD PENGENALAN PEKERJA ASING
YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

23.4.9.3. Bagi Sabah dan Sarawak, keratan Pas Kerja yang mengandungi maklumat pekerja asing digunakan sebagai kad pengenalan pekerja asing. Keratan tersebut akan di *laminated* dan diserahkan kepada majikan semasa pengeluaran Pas Kerja.

23.4.9.4. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 3.44 juta keping Kad Pengenalan telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Imigresen berbanding dengan bilangan Pas Kerja yang dikeluarkan berjumlah 5.38 juta keping dalam tempoh yang sama. **Ini menunjukkan Kad Pengenalan hanya dapat dikeluarkan 63.9% daripada Pas Kerja yang dikeluarkan.** Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 23.11**. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada puratanya, Kad Pengenalan berkenaan hanya dapat dikeluarkan 3 minggu setelah Pas Kerja dikeluarkan.

JADUAL 23.11
PENGELUARAN KAD PENGENALAN PEKERJA ASING BERBANDING PENGELUARAN PAS KERJA DI SELURUH NEGARA BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

TAHUN	BILANGAN		PERBEZAAN (Juta Keping)
	PAS KERJA (Juta Keping)	KAD PENGENALAN (Juta Keping)	
2004	1.53	0.98	0.55
2005	1.87	1.28	0.59
2006	1.98	1.18	0.80
JUMLAH	**5.38**	**3.44**	**1.94**

23.4.9.5. Bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Oktober 2006, sebanyak 50,315 keping Kad Pengenalan bernilai RM42,767 telah dikembalikan ke Ibu Pejabat Imigresen oleh Pos Malaysia. **Mengikut rekod yang dikemukakan, 37,262 (74.1%) pemulangan kad tersebut adalah kerana alamat majikan tidak lengkap, majikan berpindah atau salah alamat majikan.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.12
PEMULANGAN KAD PENGENALAN PEKERJA ASING BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA BULAN OKTOBER 2006

FAKTOR PEMULANGAN	TAHUN		JUMLAH
	2004 DAN 2005	2006	
Alamat Majikan Tidak Lengkap	3,731	5,427	9,158
Majikan Berpindah	14,858	12,599	27,457
Majikan Tidak Menggaji Pekerja Asing Berkenaan	113	9	122
Majikan Tidak Wujud	228	22	250
Pekerja Lari	35	0	35
Pekerja Pulang Ke Negara Asal	7	2	9
Pekerja Asing Tidak Bekerja Di Alamat Yang Diberikan	35	8	43
Salah Alamat Majikan	154	493	647
Lain-lain	6,381	6,213	12,594
JUMLAH	**25,542**	**24,773**	**50,315**

Memandangkan Kad Pengenalan adalah penting untuk memantau pergerakan pekerja asing di negara ini, Jabatan Imigresen perlu mengkaji semula keperluan

guna tenaga dan kelengkapan serta kaedah yang membolehkan pengeluaran Kad Pengenalan dibuat pada hari yang sama. Isu pemulangan Kad Pengenalan juga boleh diatasi sekiranya ia dikeluarkan pada hari yang sama dengan pengeluaran Pas Kerja.

23.4.10. Terimaan Hasil Dari Aktiviti Pengambilan Pekerja Asing

23.4.10.1. Berdasarkan Penyata Akaun Awam bagi tahun 2004 hingga 2006, Jabatan Imigresen telah mengutip hasil daripada bayaran Levi, Visa, Pas Kerja, proses, kompaun, jualan borang dan pelbagai hukuman yang melibatkan pekerja asing berjumlah RM5.70 bilion di mana RM4.50 bilion daripada jumlah tersebut adalah merupakan bayaran levi. Berikut adalah terimaan hasil dari Bahagian Pekerja Asing serta Bahagian Visa, Pas Penggajian Dan Pasport Pejabat Imigresen Malaysia seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.13
KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

JENIS KUTIPAN	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	
Levi	1,173	1,547	1,775	4,495
Visa	131	142	145	418
Proses	51	61	67	179
Pas Kerja	154	184	202	540
Jualan Borang	3	4	2	9
Kompaun	10	8	16	34
Pelbagai Hukuman	5.4	6	6	17.4
Lain-lain	0.3	0.6	4	4.8
JUMLAH	**1,528**	**1,952**	**2,217**	**5,697**

23.4.10.2. Bagi menentukan kutipan hasil telah diperakaunkan dengan teratur, semakan Audit terhadap Akaun Tunai Bulanan bagi kutipan pada tarikh-tarikh tertentu yang disediakan oleh Bahagian Pekerja Asing Ibu Pejabat Imigresen; Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Wilayah Persekutuan; Pejabat Cawangan Imigresen Tambak Johor; Pejabat Imigresen Perlis; Pejabat Imigresen Pulau Pinang dan Pejabat Imigresen Selangor mendapati **secara umumnya kutipan tersebut telah diperakaunkan mengikut prosedur kewangan yang berkenaan.**

23.4.11. Aktiviti Naziran

Bagi memastikan syarat penggajian pekerja asing telah dipatuhi oleh pekerja asing dan majikan, Bahagian Pekerja Asing perlu menjalankan naziran. **Semakan Audit di Ibu Pejabat Imigresen dan 6 Pejabat Imigresen Negeri mendapati naziran terhadap pekerja asing dan majikan bagi sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembantu rumah asing tidak dirancang dan hanya dilaksanakan mengikut keperluan berdasarkan kepada aduan awam dan permohonan yang diragui** yang memerlukan siasatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut :-

23.4.11.1. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, didapati 42 naziran terhadap pembantu rumah asing dan majikan hanya dilaksanakan oleh 3 Pejabat Imigresen Negeri iaitu di Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Sebaliknya, terdapat 29 naziran terhadap pekerja asing dan majikan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan hanya dijalankan di 3 negeri yang lain iaitu Selangor, Johor dan Perlis, Manakala bagi **Ibu Pejabat Imigresen, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada naziran dijalankan kerana tiada maklumat dikemukakan.**

23.4.11.2. **Semakan Audit selanjutnya mendapati Unit Naziran tidak ditubuhkan di 6 negeri tersebut.** Kesemua naziran berkenaan telah dilaksanakan oleh pegawai di Bahagian Pekerja Asing yang juga terlibat dalam urusan pengambilan dan pengeluaran Pas Kerja kecuali Sabah dan Sarawak bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Di Sabah, naziran dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan) dan Sarawak oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Bagaimanapun mulai tahun 2006, Unit Khas Naziran telah ditubuhkan di Sabah di bawah seliaan terus Timbalan Pengarah Imigresen Sabah. Unit ini diwujudkan secara berasingan dan bebas dari bahagian lain termasuk Bahagian Pekerja Asing.

Pada pandangan Audit, Jabatan Imigresen perlu mewujudkan Unit Khas Naziran supaya aktiviti naziran dapat dipertingkatkan. Adalah disyorkan suatu prosedur yang seragam disediakan untuk melaksanakan aktiviti naziran di semua Pejabat Imigresen seluruh negara.

23.4.12. Pemantauan

Pemantauan terhadap aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Kerja bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 telah dibuat melalui mesyuarat-mesyuarat berikut :-

23.4.12.1. Peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

a. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKK-PA) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah bermesyuarat sebanyak 4 kali untuk tempoh tahun 2004 hingga 2006. Antara perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah dasar Kerajaan berkaitan dengan pengambilan pekerja asing dan isu yang berkaitan dengan pelaksanaannya.

b. Pasukan Petugas Khas JKK-PA yang bertanggungjawab untuk meneliti semula dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing secara keseluruhan termasuk memberi cadangan berhubung pengambilan pekerja asing hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2005. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Hasil perbincangan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKK-PA. Pada tahun 2006, didapati tiada mesyuarat diadakan.

c. Jawatankuasa Kerja Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertanggungjawab memantau pelaksanaan pengurusan dan prosedur permohonan di Bahagian Pengurusan Pekerja Asing. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2005.

23.4.12.2. Peringkat Jabatan Imigresen

a. Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti Bahagian Pekerja Asing telah diadakan setiap tahun. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua wakil Pejabat Imigresen Negeri. Pembentangan kertas kerja mengenai dasar baru pekerja asing, pekeliling semasa dan isu yang dibangkitkan oleh Pejabat Imigresen Negeri berkaitan pekerja asing telah dibincangkan untuk tindakan dan keputusan sewajarnya.

b. Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Bahagian Pekerja Asing di Ibu Pejabat juga telah diadakan bagi memantau pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan berhubung dengan permohonan pengambilan pekerja asing.

c. Mesyuarat Pengurusan/Ketua Bahagian, Mesyuarat Bulanan dan Mesyuarat Pagi yang diadakan secara mingguan/bulanan telah membincangkan masalah pengurusan pejabat keseluruhannya termasuk juga aktiviti pengambilan pekerja asing.

23.4.13. Maklum Balas Terhadap Perkhidmatan Kepada Pelanggan

Bagi memastikan pengurusan pengambilan pekerja asing sentiasa mematuhi peraturan dan menepati tempoh masa yang ditetapkan, Jabatan Imigresen menyediakan kemudahan orang awam untuk membuat aduan atau penilaian terhadap perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Jabatan melalui Borang Aduan Pelanggan yang telah ditetapkan. Aduan yang diterima adalah terdiri daripada pelanggan yang berurusan terus dengan Jabatan Imigresen dan daripada Biro Pengaduan Awam. Bagi tahun 2006, sebanyak 150 aduan telah diterima berhubung dengan perkhidmatan kaunter dan penguatkuasaan yang tidak memuaskan serta kelewatan memproses permohonan. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2006, semua aduan yang diterima kecuali bagi tahun 2006 telah diselesaikan. Bagi tahun 2006, sebanyak 30 daripada 150 aduan masih dalam siasatan.

23.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Jabatan Imigresen telah mewujudkan perancangan yang baik bagi melaksanakan tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti pengambilan pekerja asing dan pengeluaran Pas Kerja. Bagaimanapun, pelaksanaannya boleh dipertingkatkan untuk menambahkan kecekapan dan menambah baik sistem penyampaian

perkhidmatannya. Sehubungan itu, bagi memperkemaskan pengurusan aktiviti dan mencapai objektif yang telah ditetapkan, adalah disyorkan perkara-perkara berikut :-

a. Jabatan Imigresen perlu mengkaji semula penempatan guna tenaga di Bahagian Pekerja Asing di semua Pejabat Imigresen berikutan pegawai sedia ada adalah dipinjam dari bahagian lain bagi menjalankan aktiviti pengurusan pekerja asing. Jumlah jawatan dan pegawai yang mencukupi adalah penting bagi menentukan kelancaran pengurusan aktiviti.

b. Kementerian dan Jabatan Imigresen perlulah membuat kajian semula terhadap had siling pengambilan pekerja asing berjumlah 1.8 juta orang yang ditetapkan pada tahun 2004 bagi menentukan sama ada bilangan tersebut masih boleh dikekalkan atau sebaliknya dengan mengambil kira keperluan dan pertumbuhan ekonomi semasa negara.

c. Sungguhpun Kerajaan Ngeri Sabah dan Sarawak telah diberi kuasa di bawah peruntukan khas Bahagian 7, Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) untuk menyesuaikan dasar atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing, namun dasar atau peraturan tersebut hendaklah dinyatakan secara bertulis.

d. Pejabat Imigresen Negeri Sarawak wajar mengkaji semula tempoh masa untuk memproses permohonan pengambilan pekerja asing di negeri itu supaya ia dapat dikurangkan sekurang-kurangnya menyamai tempoh masa yang ditetapkan oleh Pejabat Imigresen Negeri Sabah.

e. Jabatan Imigresen hendaklah mempercepatkan pembangunan Sistem Imigresen bagi membolehkan pengurusan dan pemantauan terhadap pengambilan pekerja asing dapat dilaksanakan dengan berkesan. Maklumat yang lengkap, kemas kini dan tepat akan membantu Kerajaan membuat keputusan terhadap dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing dari semasa ke semasa.

f. Memandangkan Kad Pengenalan penting untuk memantau pergerakan pekerja asing di negara ini, Jabatan Imigresen perlu mengambil langkah-langkah yang membolehkannya mengeluarkan Kad Pengenalan bagi setiap pekerja asing pada hari yang sama Pas Kerja mereka dikeluarkan.

g. Jabatan Imigresen perlu mewujudkan Unit Khas Naziran supaya aktiviti naziran dapat dipertingkatkan. Adalah disyorkan suatu prosedur yang seragam disediakan untuk melaksanakan aktiviti naziran di semua Pejabat Imigresen seluruh negara.

h. Menyelesaikan semua aduan yang diterima daripada orang awam dan Biro Pengaduan Awam dengan segera untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan Imigresen.

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

24. UNIT UDARA POLIS DIRAJA MALAYSIA
- PENGURUSAN PEROLEHAN HELIKOPTER Mi-171

24.1. LATAR BELAKANG

24.1.1. Unit Udara Polis Diraja Malaysia (Unit Udara PDRM) yang ditubuhkan pada bulan Februari 1979 adalah merupakan satu organisasi penerbangan awam yang didaftarkan di bawah Pendaftaran Sivil, Akta Penerbangan Awam 1969. Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) bertanggungjawab memastikan semua pesawat milik Polis Diraja Malaysia mematuhi syarat-syarat *airworthiness* yang ditetapkan di peringkat antarabangsa dan layak diberi Pendaftaran Sivil sebelum beroperasi.

24.1.2. Pada bulan Mei 2002, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (pada masa itu dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri) untuk membeli 2 helikopter Mi-171 bagi kegunaan Unit Udara PDRM. Unit ini akan menggunakan helikopter tersebut untuk tujuan operasi awam yang melibatkan aktiviti mencari dan menyelamat serta membuat pengawasan daripada udara. Kos memperolehi helikopter dan peralatannya adalah RM117.75 juta. Syarikat Airod Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus untuk membekalkan helikopter berkenaan. Syarikat ini dipengerusikan oleh Tan Sri Dato' Ahmad bin Johan serta mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masingnya berjumlah RM16 juta dan RM15.75 juta.

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada perolehan helikopter Mi-171 telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta memenuhi keperluan Unit Udara PDRM.

24.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perancangan dan perolehan helikopter Mi-171 di Bahagian Perolehan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Temu bual juga telah diadakan dengan pegawai berkenaan di Bahagian Perolehan Kementerian, Unit Udara PDRM (pengguna asal) dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (penasihat teknikal dalam perolehan helikopter ini). Pemeriksaan fizikal terhadap helikopter dan kadar penggunaannya juga dijalankan di Unit Udara Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia yang merupakan pengguna helikopter ini.

24.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

24.4.1. Pengurusan Aktiviti

24.4.1.1. Bahagian Perolehan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (dahulu dikenali sebagai Bahagian F, Kementerian Dalam Negeri) diketuai oleh Encik Suhaimi bin Abdullah, Setiausaha Bahagian Gred M54 yang bertanggungjawab terus kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan menguruskan perolehan peralatan/kelengkapan Kementerian serta semua jabatan di bawah kawalannya. Bahagian ini terdiri daripada unit-unit berikut :-

a. **Unit Teknikal** - Bertanggungjawab menguruskan perolehan peralatan teknikal seperti bot, kapal ronda, peralatan komunikasi, kapal terbang, kenderaan dan lain-lain.

b. **Unit Am** - Bertanggungjawab menguruskan perolehan peralatan am seperti alat tulis, pakaian, ubat-ubatan dan pelbagai jenis peralatan am.

c. **Unit Pengurusan** - Bertanggungjawab menguatkuasakan dan memantau kontrak perolehan. Unit ini juga membantu jabatan di bawah kawalan Kementerian dalam aspek pengurusan perolehan Kerajaan.

Struktur organisasi Bahagian Perolehan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 24.1
STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN PEROLEHAN, KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI - KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



24.4.1.2. Bahagian Perolehan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah diluluskan 38 jawatan yang mana 35 daripadanya telah diisi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.1
PERJAWATAN BAHAGIAN PEROLEHAN
KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI PADA 31 DISEMBER 2006

NAMA JAWATAN	GRED JAWATAN	BILANGAN JAWATAN		
		LULUS	ISI	% ISI
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M54	1	1	100
Pembantu Tadbir (Setiausaha)	N17(K)	1	1	100
Jumlah Kecil		**2**	**2**	**100**
UNIT TEKNIKAL				
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M52	1	1	100
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M44	1	1	100
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M41	3	2	66.7
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W26	1	1	100
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	4	4	100
Jumlah Kecil		**10**	**9**	**90**
UNIT AM				
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M52	1	1	100
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M44	1	2	200
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M41	3	2	66.7
Penolong Pegawai Tadbir	N27	1	1	100
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	0	0
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	5	4	80
Jumlah Kecil		**12**	**10**	**83.3**
UNIT PENGURUSAN				
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M48	1	1	100
Pegawai Tadbir Dan Diplomatik	M41	1	1	100
Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	100
Penolong Pegawai Tadbir	N27	1	1	100
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N22	1	1	100
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	2	2	100
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	1	1	100
Pembantu Tadbir Rendah	N11	4	4	100
Pembantu Am Rendah	N1	2	2	100
Jumlah Kecil		**14**	**14**	**100**
JUMLAH		**38**	**35**	**92.1**

24.4.2. Perolehan Helikopter

24.4.2.1. Pada bulan September 1996, Jabatan Logistik PDRM telah mengemukakan permohonan perolehan 6 helikopter (2 saiz sederhana dan 4 saiz kecil) kepada Bahagian F, Kementerian Dalam Negeri (pada ketika itu) dengan anggaran kos berjumlah RM100 juta. Perolehan ini akan menggunakan peruntukan yang sedia ada bagi Projek Pembelian Kapal Terbang Kepak Kaku 2 Enjin di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7). Tujuan pembelian helikopter ini adalah untuk:-

a. Menjalankan pengawasan secara lebih meluas dari udara dalam menangani masalah jenayah dan lanun.

b. Menjalankan operasi khusus bagi Unit Tindakhas dan Pasukan Polis Hutan yang melibatkan penculikan, keganasan di telaga minyak dan juga kejadian di tempat terpencil.

c. Membuat liputan keselamatan dari udara bagi Persidangan *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) dan juga Sukan Komanwel (SUKOM) yang diadakan pada tahun 1998.

24.4.2.2. Pada bulan Jun 1997, Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan RM100 juta untuk pembelian 6 helikopter di bawah RMK7. Pada bulan Julai 1999, Jabatan Logistik PDRM telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk membeli 2 helikopter bersaiz sederhana (Mi-17) mengikut perancangan untuk kegunaan Unit Udara PDRM. Pada bulan Jun 2000, Kementerian Kewangan telah meluluskan pembelian 2 helikopter Mi-17 buatan Rusia secara rundingan terus dengan Syarikat Airod Sdn. Bhd.

24.4.2.3. **Pada bulan Ogos 2000, DCA telah memaklumkan bahawa helikopter Mi-17 tidak sesuai sebagai pesawat awam untuk kegunaan Unit Udara PDRM kerana reka bentuk helikopter ini tidak memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) yang akan menyebabkan Pendaftaran Sivil tidak dapat diberi kepada helikopter berkenaan.** Sehubungan ini, pada bulan September 2000, pihak Kementerian Dalam Negeri telah memaklumkan kepada Kementerian Kewangan mengenai perkara ini dan mencadangkan membeli helikopter jenis sivil iaitu Mi-171 buatan Rusia.

24.4.2.4. DCA telah menjalankan penilaian teknikal di Rusia dalam 2 fasa iaitu penilaian kawal selia dan reka bentuk helikopter serta penilaian penerimaan helikopter Mi-171 sebagai pesawat awam :-

a. Hasil daripada penilaian fasa pertama yang dibuat pada bulan Oktober 2000 mendapati Rusia mempunyai undang-undang dan peraturan bagi mengesahkan pesawat udara yang dibuat di negara itu mematuhi standard. *Interstate Aviation Committee* yang merupakan badan kawal selia helikopter dan *MIL Moscow Helikopter Plant* yang merupakan organisasi reka bentuk helikopter mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk mengesahkan kesempurnaan reka bentuk dan pembuatan helikopter.

b. Penilaian fasa kedua telah dijalankan pada bulan Jun 2001 oleh DCA, Syarikat Airod Sdn. Bhd. dan Syarikat SME Aviation Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd.) untuk tujuan mengesahkan kesesuaian pesawat Mi-171 sebagai pesawat awam. Bagaimanapun penilaian ini tidak dapat disempurnakan kerana faktor-faktor berikut :-

    i. Pihak pengeluar helikopter di Rusia tidak dapat menyediakan helikopter Mi-171 untuk diperiksa pada masa lawatan walaupun telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai peraturan dan kehendak pemeriksaan helikopter ini oleh pihak DCA.

ii. Beberapa laporan teknikal helikopter Mi-171 diklasifikasikan sebagai SULIT dan pihak DCA tidak dibenarkan membuat penilaian secara terperinci.

iii. Sebanyak 145 isu teknikal yang dikenal pasti telah dilaporkan di dalam Kertas Persijilan Kajian Semula untuk dikemukakan kepada *MIL Moscow Helikopter Plant* bagi mengambil tindakan selanjutnya. Isu-isu tersebut berkaitan dengan asas pemberian Sijil Perjenisan Pesawat; senarai semak pematuhan; kelulusan peralatan yang dipasang; pemeriksaan dan ujian pesawat; lampu, api dan asap; butiran terperinci sistem kawalan seperti sistem minyak dan petunjuk minyak, sistem petunjuk kelajuan, sistem petunjuk hala tuju serta sistem peralatan dan pemasangannya; penggredan enjin dan had operasinya serta kelulusan jadual penyenggaraan. Sehingga isu-isu yang dikenal pasti ini diselesaikan oleh pihak berkenaan, pihak DCA tidak dapat membuat keputusan berhubung dengan penerimaan helikopter Mi-171 untuk didaftarkan di bawah Pendaftaran Sivil sebagai pesawat awam di Malaysia.

24.4.2.5. Pada bulan Julai 2001, PDRM memaklumkan kepada DCA bahawa **Kerajaan telah memutuskan untuk membeli helikopter jenis Mi-171 bagi kegunaan Unit Udara PDRM, dengan syarat ia boleh diluluskan oleh DCA sebagai pesawat awam**. Pada bulan yang sama, Kertas Persijilan Kajian Semula ini telah dihantar kepada pihak *MIL Moscow Helikopter Plant* untuk tindakan selanjutnya.

24.4.2.6. Pada akhir tahun 2001, DCA telah menerima jawapan daripada pihak *MIL Moscow Helikopter Plant* mengenai isu yang telah dibangkitkan dalam Kertas Persijilan Kajian Semula. Setelah meneliti jawapan tersebut, pada 6 Mei 2002 DCA memutuskan helikopter Mi-171 tidak sesuai untuk diperakukan dalam kategori pengangkutan awam (*Certificate of Airworthiness-Transport)*. Sungguhpun demikian, pihak DCA berpendapat bahawa pembelian helikopter Mi-171 ini boleh diteruskan kerana ia berkemungkinan boleh dipertimbangkan untuk kegunaan alternatif seperti berikut :-

a. Mendaftarkan helikopter ini di bawah Pendaftaran Sivil tetapi terhad kepada kerja keudaraan (*Certificate of Airworthiness-Aerial Work*) seperti yang diperuntukkan dalam Perakuan Keselamatan Terbang. Sungguhpun demikian, tiada sebarang keputusan dibuat dalam hal ini.

b. Meminda Peraturan Penerbangan Awam Malaysia 1996 (*Malaysian Civil Aviation Regulations 1996*) supaya semua pesawat Unit Udara PDRM didaftarkan di bawah Pendaftaran Negara seperti agensi Persekutuan yang lain antaranya Tentera Udara Di Raja Malaysia; Tentera Laut Di Raja Malaysia; Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Ini adalah kerana pesawat di bawah Pendaftaran Negara tidak tertakluk kepada undang-undang dan peraturan awam yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organisation* (ICAO). Bagaimanapun, tiada tindakan diambil untuk membuat pindaan tersebut.

24.4.2.7. Pada bulan Mei 2002, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan kepada PDRM untuk membeli 2 helikopter Mi-171 buatan Rusia secara rundingan terus dengan Syarikat Airod Sdn. Bhd. di mana harga muktamad perolehan helikopter ini akan diputuskan kemudian. Pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah mengeluarkan surat niat kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd. pada bulan Jun 2002.

24.4.2.8. Pada bulan Oktober 2002, pihak DCA memaklumkan bahawa masih terdapat 2 isu kritikal yang tidak memenuhi piawaian di bawah undang-undang penerbangan awam Malaysia iaitu :-

a. Sistem perlindungan api yang bermasalah di mana bahan-bahan yang digunakan dalam semua komponen utama dan sistem wayar dalam helikopter Mi-171 tidak tahan bakar tetapi hanya menggunakan bahan-bahan yang kalis api sahaja.

b. Sistem kawalan peningkatan kuasa yang digunakan pada helikopter Mi-171 tidak mengikut piawaian yang ditetapkan.

24.4.2.9. Antara bulan Januari hingga Februari 2003, Kerajaan diwakili oleh Kementerian Dalam Negeri ketika itu dan Kementerian Kewangan telah mengadakan sebanyak 5 siri rundingan harga dengan Syarikat Airod Sdn. Bhd. dan pihak Rusia mengenai perolehan helikopter Mi-171. Keputusan rundingan harga telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan pada bulan Mei 2003, Kementerian Kewangan telah meluluskan harga perolehan 2 buah helikopter Mi-171 untuk Unit Udara PDRM berserta peralatan dan perkhidmatan dengan Syarikat Airod Sdn. Bhd. berjumlah RM117.75 juta. Lanjutan daripada itu, Bahagian Perolehan Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan surat setuju terima kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd. pada bulan Jun 2003. Surat setuju terima ini telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang telah mendapat Surat Pemberian Kuasa Khas daripada Menteri Dalam Negeri. Ini adalah kerana Ketua Setiausaha Kementerian hanya diberi kuasa untuk menandatangani kontrak bekalan/perkhidmatan yang bernilai kurang daripada RM30 juta sahaja sedangkan kontrak perolehan helikopter Mi-171 bernilai RM117.75 juta.

24.4.3. Syarat Kontrak

24.4.3.1. Perjanjian kontrak bagi perolehan 2 helikopter Mi-171 bernilai RM117.75 juta telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian dengan Syarikat Airod Sdn. Bhd. pada 2 Julai 2003. Kontrak ini hanya **berkuatkuasa 4 bulan kemudian** iaitu bagi tempoh 12 November 2003 hingga 11 November 2004. Pecahan butiran harga kontrak adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.2
PECAHAN BUTIRAN HARGA KONTRAK

KETERANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2 Helikopter, Peralatan Dan Penerbitan Teknikal	81.43
Peralatan Misi Dan Penjual (*Mission And Vendor Equipment*)	19.73
Latihan Teknikal Helikopter Di Rusia	7.78
Latihan Dan Perkhidmatan Dalam Negeri	7.59
Pasukan Projek	1.22
JUMLAH	**117.75**

24.4.3.2. Semakan Audit terhadap pematuhan kepada beberapa syarat kontrak mendapati perkara berikut :-

a. Satu Pasukan Kajian Semula Projek hendaklah ditubuhkan dan mengandungi sekurang-kurangnya 5 anggota untuk memantau pelaksanaan kontrak ini dengan teratur termasuk mentadbir dan menyelaraskan kerja berhubung dengan pembuatan dan perolehan helikopter Mi-171, peralatan, penerbitan teknikal dan perkhidmatan. Pasukan ini perlu mengadakan 3 lawatan kerja di premis pengeluar helikopter di Rusia pada bulan Februari, April dan Julai 2004 untuk meninjau status kemajuan projek ini. Sekiranya Pasukan Kajian Semula Projek ini tidak dapat menjalankan lawatan kerja tersebut, Syarikat Airod Sdn. Bhd. dikehendaki membuat lawatan bagi pihak Kerajaan dan seterusnya menyediakan laporan status kemajuan ini. Semakan Audit mendapati Pasukan Kajian Semula Projek yang terdiri daripada antara 4 hingga 6 anggota telah membuat 3 lawatan kerja ke Rusia iaitu pada bulan Mac, Mei dan Ogos 2004 seperti di **Jadual 24.3**. Laporan status kemajuan bagi ketiga-tiga lawatan ke Rusia telah disediakan dan dikemukakan kepada pihak PDRM dan Bahagian Perolehan Kementerian.

JADUAL 24.3
JADUAL LAWATAN KE RUSIA YANG DIRANCANG DAN DILAKSANAKAN OLEH PASUKAN KAJIAN SEMULA PROJEK

AKTIVITI	TUJUAN LAWATAN	PERANCANGAN LAWATAN	LAWATAN SEBENAR DIBUAT	JAWATAN ANGGOTA YANG MEMBUAT LAWATAN
Penyempurnaan *Fuselage* Helikopter	Pemeriksaan Pembinaan Rangka Helikopter Di Peringkat Akhir	12.02.2004 Hingga 18.02.2004 (6 Hari)	08.03.2004 Hingga 18.03.2004 (10 Hari)	1. Timbalan Pengarah II KDN/KA PDRM 2. Ketua Inspektorat Kejuruteraan, Unit Udara PDRM 3. Juruterbang, Unit Udara PDRM, Kuching 4. KPSU Bahagian Perolehan KKDN 5. Wakil Syarikat Airod Sdn. Bhd.
Pemasangan Sistem	Pemeriksaan Pemasangan Sistem Pada Rangka Helikopter Di Peringkat Akhir	12.04.2004 Hingga 22.04.2004 (10 Hari)	20.05.2004 Hingga 30.05.2004 (10 Hari)	1. TKSU (Pengurusan) KKDN 2. KPSU Bahagian Perolehan 3. Timbalan Pengarah II, Jabatan Logistik 4. Komander, Unit Udara PDRM

AKTIVITI	TUJUAN LAWATAN	PERANCANGAN LAWATAN	LAWATAN SEBENAR DIBUAT	JAWATAN ANGGOTA YANG MEMBUAT LAWATAN
Penerimaan Awal, *Functionals*, Ujian Penerbangan	Pemeriksaan Penyiapan Helikopter Dan Peralatan Untuk Penyerahan Awal Sebelum Dihantar Ke Malaysia	12.07.2004 Hingga 22.07.2004 (10 Hari)	03.08.2004 Hingga 17.08.2004 (14 Hari)	1.KSU KKDN 2.Pengarah, Jabatan KDN/KA 3.Setiausaha Bahagian Perolehan KKDN 4.Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan KKDN 5.Timbalan Ketua Unit Udara PDRM 6.Ketua Kejuruteraan, Unit Udara PDRM

Nota : ***KDN/KA*** ***- Keselamatan Dalam Negeri/Ketenteraman Awam***
KKDN ***- Kementerian Keselamatan Dalam Negeri***
KSU ***- Ketua Setiausaha***
TKSU ***- Timbalan Ketua Setiausaha***
KPSU ***- Ketua Penolong Setiausaha***

b. Satu Pasukan Projek yang terdiri daripada 6 anggota perlu ditempatkan di *hangar* pengeluar helikopter Mi-171 di Rusia selama 3 bulan untuk mengawasi pemasangan, pengesahan kualiti dan kuantiti helikopter serta peralatan berkaitan. Jumlah perbelanjaan tugasan Pasukan Projek ini di Rusia adalah RM1.22 juta yang merangkumi tambang kapal terbang; penginapan; makan minum; kos perubatan; tempat bekerja dan kemudahan komputer/pencetak/internet. Semakan Audit mendapati syarat kontrak ini telah dipatuhi. Pasukan Projek telah dibahagiakan kepada 2 kumpulan di mana setiap satunya dianggotai oleh 3 orang. Setiap kumpulan ini telah ditempatkan di *Ulan Ude Aviation Plant* di Rusia untuk bertugas selama 45 hari. Pasukan Projek ini telah menghantar Laporan Kemajuan Projek kepada Unit Udara PDRM setiap minggu.

c. Syarikat Airod Sdn. Bhd. perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan kepada Kerajaan dalam bentuk surat jaminan bank yang dikeluarkan oleh sebuah bank tempatan bernilai RM5.89 juta bersamaan dengan 5% dari harga kontrak. Surat jaminan bank tersebut perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat setuju terima dikemukakan kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati syarikat ini telah mengemukakan surat jaminan bank bernilai RM5.89 juta daripada Maybank dengan tempoh sah laku sehingga akhir bulan Ogos 2005. Syarikat Airod Sdn. Bhd. juga telah mengemukakan surat jaminan bank bagi meliputi tempoh lanjutan masa kontrak.

d. Sejumlah RM7.78 juta daripada kos kontrak adalah untuk membiayai perbelanjaan latihan anggota Unit Udara PDRM di Rusia. Syarikat Airod Sdn. Bhd. adalah bertanggungjawab untuk melatih 26 anggota Unit Udara PDRM sama ada dalam latihan penerbangan atau latihan pelbagai bidang penyenggaraan di *OMSK Flight Technical College* di Rusia. Latihan ini dipecahkan kepada 2 kumpulan di mana Kumpulan 1 terdiri daripada 14 anggota dan 12 anggota bagi Kumpulan 2. Tempoh latihan bagi setiap

kumpulan adalah selama 12 minggu dengan sukatan kurikulum yang telah ditetapkan. Setiap anggota yang berjaya menyempurnakan latihan akan diberi Sijil Kehadiran yang diiktiraf oleh *Civil Aviation Service of the Russian Federation*. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Seramai 26 anggota Unit Udara PDRM telah dihantar ke Rusia untuk dilatih dalam bidang yang ditetapkan. Kumpulan 1 telah menjalankan latihan di Rusia dari bulan Mei hingga Julai 2004 dan Kumpulan 2 dari bulan Ogos hingga November 2004. Anggota tersebut telah menyempurnakan latihan ini dan diberi sijil kehadiran kursus.

ii. Berdasarkan surat Unit Udara PDRM kepada Bahagian Perolehan Kementerian pada bulan September 2004, didapati kelas teori dan latihan praktikal yang diikuti oleh anggota berkenaan mempunyai beberapa kelemahan berikut :-

- Manual yang dibekalkan tidak lengkap dan tidak merangkumi semua sistem dan peralatan yang dipasangkan pada helikopter Mi-171.
- Pesawat yang digunakan bagi latihan penerbangan bukan jenis Mi-171 tetapi Mi-8 AMT. Didapati beberapa perkara yang berkaitan dengan sistem yang dipasang pada helikopter Mi-171 tidak diliputi dalam latihan.

iii. Pelatih yang menjalani latihan tidak disediakan dengan kemudahan tertentu seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

- Kemudahan seperti telefon; bilik rehat pelatih; perpustakaan; manual dan penerbitan yang berkaitan dengan helikopter Mi-171 dan latihan *Simulator* tidak disediakan.
- Setiap pelatih tidak disediakan bilik penginapan berasingan.
- Satu dapur dilengkapi dengan alat/perkakas dapur untuk setiap 2 bilik tidak disediakan. Sebaliknya, hanya satu disediakan di bilik rehat untuk dikongsi oleh semua pelatih.
- Hanya sebuah bilik basuh pakaian disediakan bagi semua pelatih sungguhpun sepatutnya sebuah bilik sedemikian diadakan untuk setiap 2 bilik.
- Satu mesin basuh disediakan berbanding dengan 2 mesin yang sepatutnya.
- Dua mesin pengering pakaian tidak disediakan.
- Hanya satu unit komputer dengan akses internet/pencetak disediakan sungguhpun sepatutnya 2 unit.

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya menentukan kos bagi kemudahan yang tidak disediakan oleh kolej latihan di Rusia seperti mana

yang ditetapkan dalam kontrak dan jumlah tersebut perlu dikurangkan daripada kos projek.

e. Syarikat Airod Sdn. Bhd. dikehendaki menjalankan latihan/perkhidmatan untuk anggota Unit Udara PDRM di Malaysia dengan kos RM7.59 juta dan jumlah ini telah pun dibayar kepada syarikat berkenaan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.76 juta adalah untuk membiayai kos kerja pemasangan, persijilan dan pentauliahan peralatan *LeoII-A3 Forward Looking Infra Red* dan *rapid deployment vehicle*. Bagaimanapun semakan Audit mendapati perkhidmatan tersebut tidak dilaksanakan.

24.4.4. Penerimaan Helikopter

24.4.4.1. Mengikut syarat kontrak, Syarikat Airod Sdn. Bhd. dikehendaki membekalkan 2 helikopter Mi-171 berserta peralatan yang lengkap dan memberi perkhidmatan yang ditetapkan dengan sempurna selewat-lewatnya pada bulan November 2004 mengikut jadual pelaksanaan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.4
JADUAL PELAKSANAAN KONTRAK PEMBEKALAN HELIKOPTER Mi-171

AKTIVITI	2003		2004										
	NOV.	DIS.	JAN.	FEB.	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL.	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.
Penguatkuasaan Kontrak	X												
Penyempurnaan *Fuselage* Helikopter (Status Kemajuan 1)				X									
Pemasangan Sistem (Status Kemajuan 2)						X							
Latihan Anggota Dan Penyenggaraan (Kumpulan 1)				X	X	X							
Latihan Anggota Dan Penyenggaraan (Kumpulan 2)							X	X	X				
Penerimaan Awal, *Functionals*, Ujian Penerbangan (Status Kemajuan 3)									X				
Ketibaan Helikopter Di Malaysia (Termasuk Pemasangan Peralatan *Mission*)										X			
Pengecatan, Penimbangan Dan *Compass Swing*											X		
Penerimaan Muktamad Dan Penyerahan												X	
Penerimaan Peralatan *Vendor*												X	

24.4.4.2. Kedua-dua helikopter Mi-171 telah pun tiba di pangkalan Syarikat Airod Sdn. Bhd. di Subang pada bulan Ogos 2004 tanpa pemasangan peralatan *mission*. Tempoh jaminan helikopter ini adalah selama satu tahun atau 600 jam

penerbangan dari tarikh menandatangani Sijil Penerimaan Muktamad yang mana terdahulu. Akibat daripada kelewatan pemasangan komponen berkenaan dan isu pendaftaran helikopter dengan pihak DCA, Syarikat Airod Sdn. Bhd. pada bulan September 2004, telah membuat permohonan kepada Bahagian Perolehan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (Kementerian) untuk melanjutkan tempoh kontrak. Permohonan ini telah dikemukakan oleh Kementerian kepada Kementerian Kewangan pada bulan Oktober 2004 di mana perlanjutan tempoh kontrak telah diluluskan selama 6 bulan iaitu dari bulan Disember 2004 hingga Mei 2005. Kemudiannya Syarikat Airod Sdn. Bhd. telah mengemukakan permohonan untuk melanjutkan tempoh kontrak buat kali kedua kerana menghadapi masalah bekalan peralatan *vendor* dengan pihak pembekal. Sehubungan itu, pada bulan Mei 2005, pihak Kementerian telah memohon kepada Kementerian Kewangan supaya kontrak pembekalan helikopter ini dilanjutkan tempoh selama 6 bulan lagi (bulan Jun hingga November 2005) dan kelulusan diperolehi pada bulan Mei 2005. Kedua-dua helikopter Mi-171 ini telah siap sedia untuk digunakan mulai bulan Oktober 2005 selepas Sijil Penerimaan Muktamad yang mengesahkan helikopter telah diterima mengikut spesifikasi yang ditetapkan dikeluarkan. Sijil tersebut ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian bagi pihak Kerajaan dan Syarikat Airod Sdn. Bhd.

24.4.4.3. Kerajaan telah meluluskan tempoh kontrak dilanjutkan dan juga mengenakan denda berjumlah RM607,022 kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd. atas kelewatan penghantaran peralatan kedua-dua helikopter. Denda ini telah pun dijelaskan oleh syarikat berkenaan. Bagaimanapun mengikut perkiraan Audit, denda yang sepatutnya dikenakan berjumlah RM611,781. Ini adalah kerana denda atas kelewatan membekalkan *Sarbe Radio* SARBE6BE515 yang berharga RM209,147 selama 6 bulan tidak diambil kira dan kesilapan dalam perkiraan denda terhadap kelewatan pembekalan peralatan *SX-16 Nightsun Searchlight*.

24.4.5. Bayaran Kepada Pembekal Helikopter

Mengikut syarat kontrak, kos perolehan 2 helikopter Mi-171 yang bernilai RM117.75 juta hendaklah dibuat melalui 7 bayaran kemajuan. Bayaran kemajuan yang pertama hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kontrak ditandatangani dan dokumen sokongan dikemukakan. Manakala bagi bayaran yang kedua dan seterusnya, ia hendaklah dijelaskan dalam tempoh 30 hari selepas dokumen sokongan berkenaan dikemukakan. Semakan Audit mendapati bayaran kemajuan yang pertama hingga keempat berjumlah RM94.20 juta telah dibuat dengan teratur. Bagaimanapun terdapat kelewatan dalam bayaran kelima dan seterusnya seperti berikut :-

a. Bayaran kemajuan kelima berjumlah RM11.78 juta telah lewat dibayar 13 hari dari tarikh dokumen sokongan bayaran diterima. Pihak Audit tidak dapat menentukan sebab kelewatan bayaran ini.

b. Bayaran kemajuan keenam dan terakhir berjumlah RM5.89 juta dan RM5.28 juta telah lewat dibayar selama 111 hari dan 40 hari masing-masingnya kerana berlaku kekeliruan dalam menentukan kaedah perkiraan jumlah denda yang perlu dikenakan kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd. akibat lewat membekal dan memasang peralatan *mission* dan peralatan *vendor*.

Butirannya mengenai kelewatan bayaran kemajuan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.5
BAYARAN KEMAJUAN YANG LEWAT DIJELASKAN

BAYARAN KEMAJUAN [JUMLAH BAYARAN (RM Juta)]	DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN	TARIKH DOKUMEN SOKONGAN	TARIKH BAYARAN SEPATUT DIBUAT (SELEWAT-LEWATNYA)	TARIKH BAYARAN SEBENAR DIBUAT	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)
Kelima	1.*SELLER's Commercial Invoice.* 2. *Certificate Of Discharge*	28.09.04 23.09.04	28.10.04	10.11.04	13	11.78
Keenam	1. *SELLER's Commercial Invoice.* 2. *Certificate Of Helicopter Test Flight Completion* 3. *Final Inspection Certificate Of Equipment* 4. *Certificate Of Acceptance Of The Mission Equipment*	06.04.05 06.04.05 06.04.05 06.04.05	06.05.05	25.08.05	111	5.89
Ketujuh	1. *SELLER's Commercial Invoice* 2. *Certificate Of Final Acceptance Of The Helicopter* 3. *Final Acceptance Certificate Of The Vendor Equipment*	20.10.2005 31.10.2005 31.10.2005	30.11.05	09.01.06 (Akaun Kena Bayar 2005)	40	5.28*

Nota : **** Selepas tolak jumlah denda RM607,022***

24.4.6. Penyerahan Helikopter Kepada Unit Udara Bomba Dan Penyelamat

24.4.6.1. Pada bulan Oktober 2004, pihak PDRM telah memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bahawa helikopter Mi-171 tidak sesuai untuk kegunaan Unit Udara PDRM. Ini adalah disebabkan oleh kedua-dua helikopter tersebut tidak dapat didaftarkan sebagai pesawat awam kerana tidak menepati syarat Pendaftaran Sivil yang ditetapkan oleh DCA. Sehubungan itu, beberapa tindakan telah dilakukan seperti berikut :-

a. Pada bulan Disember 2004, satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dihadiri oleh wakil-wakil dari Kementerian; Jabatan Logistik PDRM; Unit Udara PDRM; Unit Perancang Ekonomi; Jabatan Peguam Negara; DCA; Kementerian Pertahanan; Kementerian Pengangkutan; Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan; Tentera Udara Di Raja Malaysia serta Unit Udara Bomba Dan Penyelamat telah

memutuskan supaya helikopter Mi-171 ini diserahkan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

b. Pada bulan Januari 2005, Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah memohon persetujuan daripada Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk menyerahkan kedua-dua helikopter Mi-171 ini kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Ini adalah kerana jangka hayat kelengkapan dan peralatan helikopter ini dikira mulai tarikh diterima pada bulan Ogos 2004 dan penyelesaian terhadap helikopter ini perlu disegerakan bagi mengelakkan pembaziran wang Kerajaan.

c. Pada bulan Februari 2005, Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah meluluskan penyerahan 2 helikopter tersebut kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan penyerahan secara rasmi hanya dibuat pada bulan September 2005 kerana terdapat beberapa perkara penting yang perlu diselesaikan seperti berikut :-

   i. Pemeriksaan terperinci terhadap helikopter, peralatan sokongan dan dokumen berkaitan hanya diselesaikan oleh Pasukan Pemeriksaan PDRM pada bulan Mac 2005.

   ii. Kerja mengecat helikopter mengikut warna rasmi Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia pada akhir bulan Mei 2005.

   iii. Kelulusan Jemaah Menteri hanya diperolehi pada bulan Jun 2005.

24.4.6.2. Sungguhpun Kerajaan telah meluluskan supaya kedua-dua helikopter tersebut diserahkan kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, namun Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (Pengurusan) telah memutuskan supaya 10 peralatan helikopter Mi-171 bernilai RM13.72 juta tidak perlu diserahkan, sebaliknya disimpan untuk kegunaan Unit Udara PDRM. Senarai peralatan yang tidak diserahkan adalah seperti di **Jadual 24.6** dan sebahagian daripada peralatan tersebut adalah seperti di **Gambar 24.1 hingga 24.4**.

JADUAL 24.6
PERALATAN HELIKOPTER YANG TIDAK DISERAHKAN KEPADA UNIT UDARA BOMBA DAN PENYELAMAT TETAPI DISIMPAN UNTUK KEGUNAAN UNIT UDARA POLIS DIRAJA MALAYSIA

JENIS PERALATAN	UNIT/SET	NILAI (RM Juta)	NILAI PERALATAN BELUM DIGUNAKAN (RM Juta)
SX-16 Nightsun Searchlight	3	0.62	0.41 (2 Set)
Leoll-A3 Forward Looking Infra Red (FLIR)	2	5.65	5.65
- Video Autotracker	2	0.20	0.20
- GPS Video Symbology Display & Audio Interface	2	0.03	0.03
- Slaving Kit	2	0.22	0.22
- Coded Orthogonal Frequency Division Multiplexing (COFDM) Downlink	2	3.13	3.13
- 1st Line Test Set	1	0.14	0.14
- Flyaway Kit For AS350 Helicopter	1	0.19	0.19
- Rapid Deployment Vehicle	1	1.06	1.06
Jumlah Kecil *FLIR* Dan Komponen			**10.62**

JENIS PERALATAN	UNIT/SET	NILAI (RM Juta)	NILAI PERALATAN BELUM DIGUNAKAN (RM Juta)
Sarbe Radio SARBE6BE515	12	0.21	-
Flight Helmet ALPHA 200	10	0.19	-
Flight Helmet ALPHA 800	10	0.40	-
15M Extension Cord (For Headset)	6	0.01	-
Portable Ground Power Unit APS-3000	2	0.12	-
2-Ton Tow Truck TOYOTA *02-2TD20*	1	0.11	-
Forklift TOYOTA *62-7FD25*	1	0.07	-
Refueler Bowser VOLVO	1	1.37	-
JUMLAH		**13.72**	**11.03**

GAMBAR 24.1

Portable Ground Power Unit APS-3000

GAMBAR 24.2

2-Ton Tow Truck TOYOTA 02-2TD20

GAMBAR 24.3

Forklif TOYOTA 62-7FD25

GAMBAR 24.4

Refueler Bowser VOLVO

24.4.6.3. Pemeriksaan Audit terhadap peralatan helikopter yang tidak diserahkan oleh Unit Udara PDRM pada bulan Januari 2007 mendapati perkara berikut :-

a. Dua *SX-16 Nightsun Searchlight* bernilai RM0.41 juta yang diterima pada bulan Mei 2005 hanya mula digunakan pada bulan Disember 2006 **(Gambar 24.5)**. Manakala satu lagi yang bernilai RM0.21 juta masih belum digunakan kerana salah satu komponen utamanya masih dalam tindakan pengubahsuaian Syarikat Airod Sdn. Bhd. disebabkan saiz dan penyambungnya tidak sepadan dengan penyambung pada helikopter yang lain.

GAMBAR 24.5

SX-16 Nightsun Searchlight

b. *LeoII-A3 Forward Looking Infra Red* (FLIR) berserta peralatan sokongannya yang bernilai RM10.62 juta juga belum digunakan sejak diterima pada bulan Jun 2005. FLIR merupakan kamera yang boleh mengesan suhu makhluk hidup dan mengambil gambar video pada waktu malam. Ia tidak digunakan kerana pihak Unit Udara PDRM masih belum mendapat *Supplement Type Certificate* daripada pihak DCA untuk membolehkannya beroperasi. **Gambar 24.6** menunjukkan FLIR seperti dinyatakan dalam kontrak manakala **Gambar 24.7 dan 24.8** merupakan keadaan komponen-komponen FLIR berserta peralatan sokongannya yang tersimpan di bilik kejuruteraan Unit Udara PDRM semasa lawatan Audit. Peralatan sokongan ini termasuk *rapid deployment vehicle* yang dipasang dengan alat penerima isyarat video yang dihantar oleh helikopter melalui sistem *Coded Orthogonal Frequency Division Multiplexing (COFDM) Downlink* supaya gambar video yang berkaitan dapat dilihat dalam kenderaan ini.



GAMBAR 24.6

LeoII-A3 Forward Looking Infra Red Seperti Ditunjukkan Dalam Kontrak

GAMBAR 24.7

Keadaan Komponen LeoII-A3 Forward Looking Infra Red Dan Peralatan Sokongan Yang Tersimpan Di Bilik Kejuruteraan Dan Belum Digunakan Semasa Pemeriksaan Audit Pada Bulan Januari 2007

Stabilized Turret Unit

Laptop Control Unit

Video Autotracker

COFDM Downlink

Rapid Deployment Vehicle

Transmitter Remote Control

GAMBAR 24.8

Komponen Dalam Rapid Deployment Vehicle Yang Masih Belum Dipasang

c. 12 *Sarbe Radio* SARBE6BE515 adalah diperlukan untuk kegunaan anggotanya dan akan digunakan semasa operasi. Bagi 20 *flight helmet* ALPHA 200 *dan* ALPHA 800, 18 daripadanya tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan kewujudan secara fizikal. Pihak Unit Udara PDRM memaklumkan bahawa peralatan tersebut sedang diguna pakai oleh anggotanya. **Gambar 24.9 hingga 24.11** menunjukkan radio dan *flight helmet* yang berkaitan.

GAMBAR 24.9

Sarbe Radio SARBE6BE515

GAMBAR 24.10

Satu Flight Helmet ALPHA 200 Yang Dikemukakan Untuk Pemeriksaan Audit Pada Bulan Januari 2007

GAMBAR 24.11

Satu Flight Helmet ALPHA 800 Yang Dikemukakan Untuk Pemeriksaan Audit Pada Bulan Januari 2007

Peralatan helikopter yang tidak diserahkan kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia hendaklah digunakan secara optimum untuk mengelak pembaziran wang Kerajaan.

24.4.7. Penggunaan Helikopter Oleh Unit Udara Bomba Dan Penyelamat

24.4.7.1. Kedua-dua helikopter yang diterima daripada PDRM pada bulan September 2005 ditempatkan di pangkalan operasi Unit Udara Bomba Dan Penyelamat, Subang, Selangor. **Gambar 24.12** menunjukkan helikopter tersebut semasa pemeriksaan Audit pada bulan September 2006.

GAMBAR 24.12

Helikopter Mi-171 (M994-03 Dan M994-04) Yang Sedang Bersiap Sedia Untuk Beroperasi Di Pangkalan Operasi Unit Udara Bomba Dan Penyelamat, Subang Semasa Pemeriksaan Fizikal Audit Pada Bulan September 2006

24.4.7.2. Sebelum kedua-dua helikopter ini digunakan, anggota Unit Udara Bomba Dan Penyelamat perlu melalui latihan tertentu khususnya latihan operasi serta penyenggaraan helikopter. Sehubungan itu, pada bulan Disember 2005, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah menandatangani kontrak pengendalian latihan helikopter dengan Syarikat Airod Sdn. Bhd. Latihan ini telah dirancang untuk diadakan di *OMSK Flight Technical College Russia* dan di Syarikat Airod Sdn. Bhd. antara tempoh bulan November 2005 hingga Januari 2006 dengan kos berjumlah RM4.37 juta seperti di **Jadual 24.7**. Semakan Audit mendapati latihan telah dijalankan antara bulan September hingga November 2005 dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia telah membayar sejumlah RM4.37 juta kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd. Namun begitu, daripada jumlah tersebut, pihak Audit hanya dapat mengesahkan sejumlah RM3.92 juta dan bakinya RM0.45 juta tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan untuk pengesahan Audit.

JADUAL 24.7
LATIHAN PENGENDALIAN HELIKOPTER Mi-171 UNTUK ANGGOTA UNIT UDARA BOMBA DAN PENYELAMAT

TEMPAT LATIHAN	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ANGGOTA	TEMPOH LATIHAN (Hari Bekerja)
Latihan di Rusia	3.22	17	30
Latihan di Malaysia	1.15	18	21
JUMLAH	**4.37**	**35**	**51**

Pada pandangan Audit, Kerajaan boleh menjimatkan perbelanjaan berjumlah RM4.37 juta sekiranya anggota Unit Udara Bomba Dan Penyelamat Malaysia diberi latihan oleh anggota Unit Udara PDRM yang telah menghadiri kursus di Rusia/Malaysia bagi tujuan yang sama di mana sejumlah RM15.37 juta telah dibelanjakan.

24.4.7.3. Bagi membolehkan Unit Udara Bomba Dan Penyelamat menggunakan 2 helikopter tersebut, *flight helmet* untuk kegunaan anak kapal dan pasukan penyelamat diperlukan segera. Pada bulan Oktober 2005, Kementerian Kewangan telah meluluskan pembelian 30 *flight helmet* ALPHA 200 bernilai RM0.86 juta (RM28,500/unit) daripada Syarikat Makmur Semenanjung Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Harga *helmet* tersebut adalah jauh lebih mahal berbanding dengan harga helmet yang dibeli oleh Unit Udara PDRM daripada Syarikat Airod Sdn. Bhd. di mana harganya hanya RM19,000 seunit. **Pada pandangan Audit, Kerajaan boleh menjimatkan perbelanjaan sekiranya helmet yang dibeli oleh PDRM untuk juruterbang dan krew helikopter Mi-171 diserahkan untuk kegunaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Sebaliknya jika helmet tersebut masih diperlukan oleh PDRM, perbelanjaan berjumlah RM0.29 juta dapat dijimatkan seandainya pembelian dibuat daripada Syarikat Airod Sdn. Bhd.**

24.4.7.4. Semakan Audit mendapati kedua-dua helikopter Mi-171 mulai digunakan pada bulan Disember 2005 setelah latihan pengendalian helikopter dan urusan pembelian *flight helmet* diselesaikan. Bagi tempoh bulan Disember 2005 hingga Disember 2006, kedua-dua helikopter Mi-171 hanya digunakan selama 478.9 jam (36.8%) untuk tujuan operasi dan latihan berbanding 1,300 jam tahap boleh guna helikopter yang ditetapkan dalam kontrak. Butirannya adalah seperti di **Jadual 24.8**. Ini adalah kerana helikopter ini perlu menjalani pemeriksaan berjadual atau disenggarakan kerana mengalami kerosakan peralatan yang tertentu. Kerja penyenggaraan dan pembaikan tersebut diuruskan oleh Syarikat Airod Sdn. Bhd.

JADUAL 24.8
BUTIRAN PENERBANGAN OPERASI DAN LATIHAN HELIKOPTER Mi-171 (M994-03 DAN M994-04) OLEH UNIT UDARA BOMBA DAN PENYELAMAT

BULAN/TAHUN	JUMLAH BOLEH GUNA (Jam)	OPERASI (Jam)	LATIHAN (Jam)	JUMLAH (Jam)	LEBIHAN/ (KURANGAN) KEGUNAAN (Jam)
Disember 2005	100	24.2	-	24.2	(75.8)
Januari 2006	100	1.9	57.0	58.9	(41.1)
Februari 2006	100	26.2	18.1	44.3	(55.7)
Mac 2006	100	56.9	13.2	70.1	(29.9)
April 2006	100	8.0	10.7	18.7	(81.3)
Mei 2006	100	7.0	12.3	19.3	(80.7)
Jun 2006	100	7.1	10.2	17.3	(82.7)
Julai 2006	100	13.7	38.0	51.7	(48.3)
Ogos 2006	100	8.0	12.7	20.7	(79.3)
September 2006	100	22.3	15.0	37.3	(62.7)
Oktober 2006	100	12.1	6.1	18.2	(81.8)
November 2006	100	28.1	11.1	39.2	(60.8)
Disember 2006	100	43.6	15.4	59.0	(41.0)
JUMLAH	**1,300**	**259.1**	**219.8**	**478.9**	**(821.1)**

24.4.8. Pemantauan

24.4.8.1. Peringkat Kementerian

a. Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian telah mempengerusikan mesyuarat dari semasa ke semasa untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit daripada perolehan helikopter Mi-171. Pada tahun 2002 dan 2004, KSU Kementerian telah mengadakan 2 mesyuarat untuk membincang isu berkaitan dengan Pendaftaran Sivil helikopter Mi-171 yang telah dibeli serta penyerahannya kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

b. Bahagian Perolehan Kementerian yang bertanggungjawab terhadap perolehan helikopter Mi-171 memantau aktiviti ini melalui mesyuarat perolehan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) atau Setiausaha Bahagian Perolehan Kementerian.

Mesyuarat ini melibatkan Penasihat Undang-undang Kementerian; wakil-wakil daripada Bahagian Perolehan dan Bahagian Pembangunan Kementerian; PDRM; DCA; Syarikat Airod Sdn. Bhd.; SME Aviation Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Syarikat Airod Sdn. Bhd.); Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia serta Unit Udara Bomba Dan Penyelamat. Sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2005, Bahagian Perolehan Kementerian telah mengadakan 11 mesyuarat pemantauan pengurusan perolehan helikopter Mi-171.

24.4.8.2. Peringkat Polis Diraja Malaysia

PDRM telah memastikan anggotanya yang menjalankan tugas pengawasan pemasangan helikopter di Rusia mengemukakan laporan mingguan untuk dibentangkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Perolehan Kementerian.

24.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

24.5.1. Secara keseluruhannya, terdapat beberapa kelemahan dalam perolehan helikopter Mi-171 ini. Kedua-dua helikopter Mi-171 yang dibeli dengan harga RM117.75 juta tidak dapat digunakan oleh Unit Udara PDRM kerana ia tidak dapat didaftarkan sebagai pesawat awam oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia memandangkan helikopter tersebut tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan. Kedua-dua helikopter berkenaan kemudiannya telah diserahkan untuk kegunaan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Penyerahan helikopter kepada Jabatan ini telah memberikan implikasi yang berikut :-

a. PDRM tidak dapat menjalankan tugas mencari dan menyelamat kerana helikopter yang sedia ada tidak mempunyai keupayaan untuk menjalankan fungsi ini dengan berkesan. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM272 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membeli 8 helikopter pelbagai saiz.

b. Kerajaan telah membelanjakan RM4.37 juta untuk melatih anggota Unit Udara Bomba Dan Penyelamat bagi mengendalikan helikopter Mi-171 sedangkan sebelum itu telah membelanjakan RM15.37 juta untuk melatih anggota Unit Udara PDRM bagi tujuan yang sama. Sejumlah RM4.37 juta tersebut dapat dijimatkan sekiranya anggota Unit Udara Bomba Dan Penyelamat diberi latihan oleh anggota Unit Udara PDRM.

c. Peralatan sokongan helikopter Mi-171 bernilai RM13.72 juta tidak diserahkan kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Lanjutan daripada ini, Jabatan terpaksa membelanjakan RM28,500 bagi setiap satu *flight helmet* untuk kegunaan juruterbang dan krew pesawat daripada Syarikat Makmur Semenanjung Sdn. Bhd. sungguhpun helmet berkenaan telah dibekalkan semasa perolehan helikopter Mi-171 dengan harga RM19,000 bagi setiap satu.

Ini menunjukkan Kerajaan perlu menanggung lebihan perbelanjaan berjumlah RM0.29 juta untuk membeli 30 *flight helmet.* Manakala ketiadaan *LeoII-A3 Forward Looking Infra Red* telah menghadkan keupayaan Unit Udara Bomba Dan Penyelamat untuk beroperasi pada paras optimum. Unit ini terpaksa melaksanakan operasi/latihan biasa tanpa menggunakan teknologi terkini yang canggih.

24.5.2. Memandangkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan membeli pesawat-pesawat baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi kegunaan Unit Udara PDRM, adalah disyorkan supaya Kementerian memastikan helikopter yang bakal dibeli sesuai dengan keperluan PDRM dan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia sebelum pembelian dibuat bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang.

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

25. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- AKTIVITI PENGUATKUASAAN TRAFIK

25.1. LATAR BELAKANG

Bahagian Penguatkuasaan, Cawangan Trafik Polis Diraja Malaysia adalah bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang dan peraturan lalu lintas serta mengawal perjalanan lalu lintas. Bagi tahun 2006, sebanyak 15.49 juta kenderaan berdaftar di negara ini di mana 635,024 kenderaan telah terlibat dalam kemalangan. Jumlah kemalangan jalan raya yang direkodkan sepanjang tahun 2006 adalah sebanyak 341,252 kes yang melibatkan 6,287 kes kematian. Jumlah kes kemalangan tersebut telah meningkat sebanyak 3.9% berbanding dengan 328,264 kes pada tahun 2005. Berdasarkan kepada 2,116,374 saman yang dikeluarkan pada tahun 2006, sebanyak 66.7% daripadanya adalah melibatkan memandu melebihi had laju.

25.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada aktiviti penguatkuasaan trafik Polis Diraja Malaysia telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap serta teratur selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

25.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

25.3.1. Pengauditan ini meliputi aktiviti penguatkuasaan trafik oleh Bahagian Penguatkuasaan, Cawangan Trafik yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan penguatkuasaan trafik di Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman dan 19 pejabat berikut telah disemak :-

a. Pejabat Peronda Lebuh Raya Cawangan Trafik Bukit Kayu Hitam - Alor Setar; Shah Alam - Nilai/Sepang; Kuala Lumpur - Seremban dan Selatan Johor.

b. Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Selangor, Johor, Sabah dan Sarawak.

c. Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar dan Kuala Muda, Kedah; Petaling Jaya dan Klang, Selangor; Johor Bahru Selatan dan Kota Tinggi, Johor; Kota Kinabalu dan Tawau, Sabah serta Kuching dan Sibu, Sarawak.

25.3.2. Temu bual dengan pegawai berkenaan serta pemeriksaan fizikal juga telah dilakukan terhadap kenderaan dan peralatan teknikal yang digunakan.

25.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2006 mendapati perkara berikut :-

25.4.1. Pengurusan Aktiviti

25.4.1.1. Aktiviti penguatkuasaan trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) melibatkan beberapa pihak di peringkat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan juga Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) seperti berikut :-

a. Di peringkat Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Cawangan Trafik diketuai oleh Ketua Trafik Pasukan berpangkat Senior Asisten Komisioner Polis II Gred YY24 yang bertanggungjawab terus kepada Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam. Ketua Trafik Pasukan ini dibantu oleh Timbalan Ketua Trafik Pasukan berpangkat Asisten Komisioner Polis Gred YY22. Cawangan Trafik mewujudkan 8 bahagian di bawahnya termasuk Bahagian Penguatkuasaan. Bahagian ini diketuai oleh pegawai berpangkat Superintenden Polis Gred YY20 dan dibantu oleh 2 orang Deputi Superintenden Polis Gred YY18, masing-masingnya bertanggungjawab terhadap Operasi Lebuh Raya dan Operasi Kontinjen. Antara tugas utama Bahagian Penguatkuasaan ialah :-

   i. Merancang, memantau dan menyelaras aktiviti penguatkuasaan di peringkat Ibu Pejabat, Kontinjen dan Daerah.

   ii. Memantau kelancaran lalu lintas di lebuh raya, jalan persekutuan, jalan negeri, jalan bandaran dan lain-lain jalan.

   iii. Memberi bantuan kepada Jabatan lain dari aspek penguatkuasaan trafik.

   iv. Menyediakan statistik operasi dan penguatkuasaan trafik yang dijalankan.

   Kedudukan struktur organisasi Bahagian Penguatkuasaan dan hubung kaitnya dengan Cawangan Trafik di peringkat Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 25.1
STRUKTUR ORGANISASI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN HUBUNGKAITNYA DENGAN CAWANGAN TRAFIK, IBU PEJABAT POLIS BUKIT AMAN - KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



Nota : CP- Komisioner Polis
ACP - Asisten Komisioner Polis
CARS - Computerised Accident Reporting System
COPs – Compound On-Line Payment System
SAC - Senior Asisten Komisioner Polis
DSP - Deputi Superintenden Polis

b. Di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen/Daerah, aktiviti penguatkuasaan trafik tertakluk di bawah tanggungjawab Ketua Trafik Negeri/Daerah yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Polis Negeri/Daerah. Antara tugas dan tanggungjawab Ketua Trafik Negeri ialah :-

i. Melaksanakan arahan Ketua Trafik Pasukan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

ii. Merancang dan melaksanakan semua program penguatkuasaan yang bersepadu bagi kontinjen/daerah.

iii. Memastikan pelaksanaan perintah dan kawalan di semua Pejabat Peronda Lebuh Raya.

iv. Menentukan semua peralatan dan kenderaan yang dibekalkan kepada daerah di bawah kontinjennya berada dalam keadaan baik dan boleh guna sepenuhnya.

Contoh struktur organisasi Cawangan Trafik di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen/Daerah adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 25.2
STRUKTUR ORGANISASI CAWANGAN TRAFIK,
IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN/DAERAH
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



25.4.1.2. Pada tahun 2006, sebanyak 4,811 jawatan telah diluluskan untuk Cawangan Trafik di mana 4,899 jawatan telah diisi. Penempatan anggota di Cawangan Trafik melebihi daripada jawatan yang diluluskan adalah untuk menampung beban tugas penguatkuasaan kawalan lalu lintas di bandar yang mempunyai bilangan kenderaan yang banyak dan penduduk yang padat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

JADUAL 25.1
KEDUDUKAN PERJAWATAN CAWANGAN TRAFIK

JAWATAN	GRED	BILANGAN		(%)
		LULUS	ISI	
Senior Asisten Komisioner Polis II	YY 24	1	1	100

JAWATAN	GRED	BILANGAN		(%)
		LULUS	ISI	
Asisten Komisioner Polis	YY 22	1	2	200
Superintenden Polis	YY 20	9	3	33.3
Deputi Superintenden Polis	YY 18	19	18	94.7
Asisten Superintenden Polis	YY 16	84	81	96.4
Inspektor	YY 12	268	231	86.2
Sub-Inspektor	YY 10	42	19	45.2
Sarjan Mejar	YY 8	89	79	88.8
Sarjan	YY 6	921	801	87.0
Koperal	YY 4	1,147	1,216	106.0
Lans Koperal	YY 2	2,229	2,413	108.3
Konstabel Tambahan	YT 1	1	35	3500
JUMLAH		**4,811**	**4,899**	**101.8**

25.4.1.3. Pemeriksaan Audit selanjutnya di 19 Cawangan Trafik di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Daerah mendapati seramai 838 anggota telah ditempatkan di pejabat-pejabat berkenaan di mana ia melebihi 11.6% daripada 751 jawatan yang diluluskan. Lebihan penempatan seramai 87 anggota PDRM itu adalah dipinjam daripada cawangan-cawangan lain. Daripada bilangan pengisian tersebut, didapati 372 anggota telah diperuntukkan untuk tugas penguatkuasaan trafik. Seramai 226 dari anggota penguatkuasaan menjalankan tugas rondaan, kawalan lalu lintas dan juga *point duty*. Manakala 99 anggota pula ditetapkan untuk Peronda Lebuh Raya (*Expressway Mobile Patrol Vehicle* - EMPV/*Highway Mobile Patrol Vehicle* - HMPV). Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.2
KEDUDUKAN PENGISIAN JAWATAN BAGI
CAWANGAN TRAFIK DI 19 PEJABAT YANG DILAWATI

PEJABAT	JAWATAN		PENGISIAN MENGIKUT BAHAGIAN DI CAWANGAN TRAFIK				
				PENGUATKUASAAN			
	LULUS	ISI	PENTADBIRAN/ SIASATAN	PENGURUSAN	PERONDA LEBUH RAYA	RONDA/ *POINT DUTY*	PENGIRING
Peronda Lebuh Raya Bukit Kayu Hitam - Alor Setar	14	9	0	1	8	0	0
Peronda Lebuh Raya Shah Alam - Nilai/Sepang	14	12	0	0	12	0	0
Peronda Lebuh Raya Kuala Lumpur - Seremban	15	14	0	1	13	0	0
Peronda Lebuh Raya Selatan Johor	11	10	0	1	9	0	0
IPK Kedah	25	20	10	1	0	9	0
IPD Kota Setar	40	71	34	1	5	31	0
IPD Kuala Muda	38	44	33	1	3	7	0
IPK Selangor	58	35	14	1	6	8	6
IPD Klang	60	95	57	0	6	28	4
IPD Petaling Jaya	101	89	64	1	8	16	0

PEJABAT	JAWATAN		PENGISIAN MENGIKUT BAHAGIAN DI CAWANGAN TRAFIK				
	LULUS	ISI	PENTADBIRAN/ SIASATAN	PENGUATKUASAAN			
				PENGURUSAN	PERONDA LEBUH RAYA	RONDA/ *POINT DUTY*	PENGIRING
IPK Johor	47	27	10	1	4	7	5
IPD Johor Bahru Selatan	90	139	82	1	4	47	5
IPD Kota Tinggi	34	27	18	1	0	7	1
IPK Sabah	22	23	13	1	0	9	0
IPD Kota Kinabalu	47	60	30	1	5	24	0
IPD Tawau	27	24	18	0	0	5	1
IPK Sarawak	22	23	12	1	10	0	0
IPD Kuching	63	83	51	3	6	16	7
IPD Sibu	23	33	20	1	0	12	0
JUMLAH	751	838	466	18	99	226	29
				372			

Nota : ***IPK - Ibu Pejabat Polis Kontinjen*** ***IPD – Ibu Pejabat Polis Daerah***

25.4.1.4. Latihan

Latihan bagi anggota Cawangan Trafik perlu dilaksanakan bagi menjamin tahap kemahiran dan kecekapan mereka menjalankan tugas serta mengendali peralatan trafik. Sepanjang tahun 2005, Cawangan Trafik telah merancang 61 kursus dalam perkhidmatan untuk pegawai dan anggotanya. Namun hanya 36 kursus telah dilaksanakan manakala 25 lagi tidak dapat dijalankan. Bagi tahun 2006 pula, daripada 52 kursus yang dirancang, sebanyak 23 kursus tidak dapat dilaksanakan. Senarai kursus yang telah dirancang dan dilaksanakan bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 25.3**. Latihan tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang kerana jadual latihan telah bertembung dengan tugas-tugas *ad-hoc* yang lebih penting antaranya seperti mengawal dan memantau lalu lintas semasa persidangan antarabangsa.

JADUAL 25.3
SENARAI KURSUS YANG DIRANCANG DAN DILAKSANA OLEH CAWANGAN TRAFIK BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

KURSUS	TAHUN 2005		TAHUN 2006	
	RANCANG	LAKSANA	RANCANG	LAKSANA
Kaunter Servis Trafik COPS	7	7	6	1
Juruwang Trafik	7	7	6	2
Pengendalian Statistik	7	5	6	2
Daftar Saman/Waran Tangkap/Keputusan Mahkamah	7	6	6	3
Pengendalian Alat Pengukur Alkohol Dalam Pernafasan	4	0	0	0
Pengendalian Alat Perangkap Had Laju dan Alat Pengukur Cermin Gelap	9	4	0	2
Computerize Accident Reporting System (Modul KBKA/KTD)	1	1	0	1
Computerize Accident Reporting System (Aplikasi)	6	3	6	3
Computerize Accident Reporting System (Modul Penyelia)	6	2	8	8
Computerize Accident Reporting System (Modul IO)	4	0	1	0

KURSUS	TAHUN 2005		TAHUN 2006	
	RANCANG	LAKSANA	RANCANG	LAKSANA
Computerize Accident Reporting System (Modul AIO)	3	1	7	4
Pengendalian Alat *Mobile Card Acceptance Device*	0	0	6	3
JUMLAH	**61**	**36**	**52**	**29**

Nota:

COPS - Compound On-Line Payment System
KTD - Ketua Trafik Daerah
AIO - Assistant Investigation Officer
KBKA - Ketua Bahagian Ketenteraman Awam
IO - Investigation Officer

Pihak pengurusan perlu memberi tumpuan yang lebih terhadap usaha untuk melengkapkan anggota dengan pengetahuan dan kemahiran bekerja melalui pewujudan kursus-kursus yang berkaitan. Ini adalah kerana dengan pengetahuan dan kemahiran tertentu sahaja dapat menjamin peningkatan mutu kerja anggota.

25.4.2. Undang-undang Dan Peraturan

Pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan trafik melibatkan beberapa undang-undang dan peraturan berkaitan pengawalan lalu lintas dan berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. Akta Polis 1967 - memberi kuasa kepada anggota trafik untuk menahan pengguna jalan raya yang melakukan kesalahan lalu lintas.

b. Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Peraturan Pengangkutan Jalan - menetapkan antara lainnya bentuk denda yang boleh dikenakan mengikut jenis kesalahan.

c. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 - menetapkan bahawa kenderaan yang membawa lebih muatan boleh dikenakan denda atau lain-lain hukuman yang dinyatakan dalam Akta berkenaan.

d. Arahan Ketua Trafik Pasukan (KTP) - arahan ini dikeluarkan oleh Cawangan Trafik dari semasa ke semasa untuk dijadikan panduan oleh pegawai dan anggota semasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan trafik. Antara arahan yang telah dikeluarkan ialah :-

   i. Arahan KTP No. 1 : Tugas Dan Tanggungjawab Ketua Trafik Negeri Dan Daerah - memastikan semua aspek trafik sama ada peringkat kontinjen atau daerah dilaksanakan secara seragam.

   ii. Arahan KTP No. 3 : Peraturan Dan Prosedur Mengenai Peralatan Trafik - memastikan semua peralatan trafik yang dibekal digunakan mengikut peraturan yang ditetapkan supaya sentiasa berkeadaan baik dan tidak disalahgunakan.

   iii. Arahan KTP No. 4 : Peraturan Dan Prosedur Pemeriksaan Trafik - menentukan kekemasan, kelicinan dan akauntabiliti dalam pentadbiran Cawangan Trafik.

iv. Arahan KTP No. 12 : Untuk panduan Unit Peronda Lebuh Raya Utara/ Selatan yang menjalankan rondaan dan menguatkuasakan undang-undang lalu lintas serta keselamatan pengguna jalan raya di sepanjang jalan raya *expressway*. Panduan ini menetapkan antara lainnya kawasan rondaan dan prosedur penguatkuasaan.

v. Arahan KTP No. 14 : Untuk panduan Unit Peronda Lebuh Raya yang menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang lalu lintas serta keselamatan pengguna jalan raya di semua jalan persekutuan dan jalan negeri. Panduan ini menetapkan antara lainnya kawasan rondaan dan prosedur penguatkuasaan.

v. Arahan KTP No. 21 : Prosedur Operasi Had Laju - antara lain, arahan ini menetapkan perancangan yang perlu dibuat sebelum operasi dijalankan dan cara mengendalikan perangkap had laju.

Pada pandangan Audit, PDRM mempunyai undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan trafik.

25.4.3. Peruntukan Dan Perbelanjaan

25.4.3.1. Cawangan Trafik akan menyediakan anggaran belanjawan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk bahagian-bahagian di bawahnya termasuk Bahagian Penguatkuasaan. Permohonan ini akan dikemukakan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri melalui Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia (PDRM). Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Cawangan Trafik telah membuat permohonan peruntukan mengurus berjumlah RM1.61 bilion. Bagaimanapun, jumlah peruntukan yang diluluskan dan dibelanjakan untuk Bahagian Penguatkuasaan tidak dapat ditentukan kerana peruntukan tersebut dirangkumkan di bawah jumlah keseluruhan program bagi Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam.

25.4.3.2. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), sejumlah RM54.40 juta telah dipohon untuk peruntukan pembangunan Cawangan Trafik manakala bagi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah meningkat kepada RM118.10 juta. Permohonan peruntukan ini adalah untuk membeli peralatan teknikal dan kenderaan bagi tujuan melicinkan tugas penguatkuasaan trafik.

25.4.4. Prestasi Aktiviti

Aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan melalui rondaan di jalan raya dan kawalan pergerakan lalu lintas di bandar-bandar. Di samping itu, aktiviti penguatkuasaan juga melibatkan pelaksanaan beberapa operasi berhubung dengan memandu melebihi had laju, lumba haram, pemasangan cermin gelap pada kenderaan yang melebihi had kegelapan yang dibenarkan, memandu di bawah pengaruh alkohol (mabuk) dan lebih muatan bagi kenderaan perdagangan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

25.4.4.1. Rondaan Di Jalan Raya

a. Tugas ini dijalankan oleh unit-unit berikut :-

i. **Unit Peronda Lebuh Raya (*Expressway Mobile Patrol Vehicle* - EMPV), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman -** Unit ini bertanggungjawab ke atas rondaan dan penguatkuasaan undang-undang lalu lintas serta keselamatan pengguna jalan raya di sepanjang lebuh raya PLUS (Bukit Kayu Hitam hingga Johor Bahru). Perintah dan kawalan unit ini diletakkan di bawah Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman dan dibahagikan kepada 4 zon iaitu :-

- Zon Utara – dari Bukit Kayu Hitam ke Ipoh
- Zon Tengah – dari Ipoh ke Senawang
- Zon Selatan – dari Senawang ke Johor Bahru
- Zon Timur – dari Kuala Lumpur ke Kuantan

ii. **Unit Peronda Lebuh Raya (*Highway Mobile Patrol Vehicle* - HMPV), Ibu Pejabat Polis Kontinjen/Daerah -** Unit ini bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang lalu lintas serta keselamatan pengguna jalan raya di semua jalan raya persekutuan dan negeri tidak termasuk Lebuh Raya Utara-Selatan. Unit ini diletakkan di bawah penyeliaan Ketua Trafik Negeri/Daerah.

b. Pihak PDRM telah menetapkan setiap Unit Peronda perlu terdiri daripada 5 anggota, berpangkat seorang Sarjan, seorang Koperal dan 3 orang Konstabel. Agihan masa tugas rondaan oleh setiap Unit Peronda bagi tempoh 8 jam (1 syif) adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.4
AGIHAN MASA BERTUGAS UNIT PERONDA

TUGAS	JAM
Pentadbiran	2
Penguatkuasaan	2
Kawalan dan Pemantauan	2
Bantuan kepada awam semasa berlaku kemalangan jalan raya	2
JUMLAH	**8**

c. Memandangkan penugasan Unit Peronda Lebuh Raya EMPV bertugas dari 7.00 pagi hingga 7.00 pagi keesokan harinya dan Unit Peronda Lebuh Raya HMPV pula bertugas dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam, sebanyak 2 hingga 3 Unit Peronda diperlukan untuk bekerja seharian seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.5
BILANGAN SYIF DAN TEMPOH MASA BEKERJA

SYIF	TEMPOH MASA BEKERJA	
	Dari	Hingga
A. Unit Peronda Lebuh Raya EMPV		
Pagi	7.00 pagi	3.00 petang
Petang	3.00 petang	11.00 malam
Malam	11.00 malam	7.00 pagi
B. Unit Peronda Lebuh Raya HMPV		
Pagi	7.00 pagi	3.00 petang
Petang	3.00 petang	11.00 malam

d. Berdasarkan norma tersebut, semakan Audit mendapati jumlah keanggotaan untuk menjalankan tugasan EMPV/HMPV adalah berkurangan dengan seramai 60 anggota. Butirannya adalah seperti di **Jadual 25.6**. Semakan Audit selanjutnya terhadap jadual tugas bagi bulan Jun 2006 mendapati bagi setiap syif, Unit Peronda hanya dianggotai oleh antara 3 hingga 4 anggota berbanding dengan 5 anggota setiap syif yang sepatutnya. Anggota juga didapati perlu bertugas melebihi tempoh syif yang ditetapkan. Beban kerja yang berlebihan ini boleh menjejaskan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan.

JADUAL 25.6
KEKURANGAN ANGGOTA UNIT PERONDA LEBUH RAYA EMPV/HMPV BERBANDING DENGAN NORMA

PEJABAT	ANGGOTA SEDIA ADA				LEBIH /(KURANG) ANGGOTA			
	SARJAN	KOPERAL	L/KOP/ KONS	JUMLAH	SARJAN	KOPERAL	L/KOP/ KONS	JUMLAH
IBU PEJABAT POLIS BUKIT AMAN - 3 SYIF BERSAMAAN 3 UNIT (PENUGASAN UNIT PERONDA LEBUH RAYA EMPV)								
Peronda Lebuh Raya Bukit Kayu Hitam-Alor Setar	1	0	7	8	(2)	(3)	(2)	(7)
Peronda Lebuh Raya Shah Alam-Nilai/ Sepang	1	3	8	12	(2)	0	(1)	(3)
Peronda Lebuh Raya Kuala Lumpur-Seremban	1	2	10	13	(2)	(1)	1	(2)
Peronda Lebuh Raya Selatan Johor	1	4	4	9	(2)	1	(5)	(6)
IBU PEJABAT POLIS DAERAH - 2 SYIF BERSAMAAN 2 UNIT (PENUGASAN UNIT PERONDA LEBUH RAYA HMPV)								
Kota Setar	1	1	3	5	(1)	(1)	(3)	(5)
Kuala Muda	1	0	2	3	(1)	(2)	(4)	(7)
Klang	1	1	4	6	(1)	(1)	(2)	(4)
Petaling Jaya	0	3	6	9	(2)	1	(0)	(1)
Johor Bahru Selatan	0	1	3	4	(2)	(1)	(3)	(6)
Kota Tinggi	0	0	0	0	(2)	(2)	(6)	(10)
Kota Kinabalu	1	0	4	5	(1)	(2)	(2)	(5)
Kuching	0	3	3	6	(2)	1	(3)	(4)
JUMLAH	**8**	**18**	**54**	**80**	**(20)**	**(10)**	**(30)**	**(60)**

Nota: L/KOP/KONS - Lans Koperal/Koperal/Konstabel

25.4.4.2. Rondaan Dan *Point Duty*

a. Tugas rondaan dan *point duty* adalah untuk membuat kawalan pergerakan lalu lintas di bandar-bandar termasuk memantau di persimpangan, bulatan dan di lokasi yang kerap mengalami kesesakan terutama semasa waktu puncak (antara jam 6.30 pagi hingga 9.30 pagi serta 4.00 petang hingga 8.30 malam) supaya lalu lintas berjalan lancar. Bagi tujuan ini, bilangan anggota yang diperlukan mengikut norma adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.7
KEPERLUAN KEANGGOTAAN MENGAWAL LALU LINTAS

LOKASI	KEANGGOTAAN
Simpang tiga	1
Simpang empat	2
Bulatan	3

b. Semakan Audit terhadap bilangan anggota yang di tempatkan di 10 lokasi yang dipilih untuk memantau lalu lintas pada bulan Jun 2006 mendapati di 7 lokasi, bilangan anggota yang bertugas kurang daripada yang sepatutnya. **Kegagalan menempatkan anggota di beberapa lokasi penting mengikut keperluan menyebabkan pergerakan lalu lintas tidak dapat dikawal dan seterusnya menambahkan rungutan awam yang terlibat dalam kesesakan di lokasi tersebut.** Perkara ini berlaku kerana Bahagian Penguatkuasaan menghadapi kekurangan kakitangan. Maklumat terperinci penempatan anggota bagi tugasan rondaan dan *point duty* di lokasi yang dipilih adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.8
PENEMPATAN ANGGOTA DI 10 LOKASI YANG DIPILIH PADA BULAN JUN 2006

PERSIMPANGAN/BULATAN	BILANGAN HARI ANGGOTA DITEMPATKAN TIDAK MENGIKUT KEPERLUAN	
	SYIF PAGI (HARI)	SYIF PETANG (HARI)
A) SIMPANG TIGA (Norma 1 Anggota)		
Jalan Badlishah - Alor Setar, Kedah	5	6
Jalan Tun Abd. Razak/Jalan Kebun Teh Lama - Johor Bahru Selatan, Johor	0	0
Point 2 - Kota Kinabalu, Sabah	0	0
B) SIMPANG EMPAT (Norma 2 Anggota)		
Lampu Isyarat Sungai Layar - Sungai Petani, Kedah	21	21
Jejambat KESAS, Klang, Selangor	1	0
Jalan Tebrau/Jalan Kuning/Jalan Harimau, Johor Bahru Selatan, Johor	20	20
Point 4 - Kota Kinabalu, Sabah	22	22
C) BULATAN (Norma 3 Anggota)		
Teluk Wanjah - Alor Setar, Kedah	21	21
Jalan Kebun/Kg Jawa - Klang, Selangor	22	22
Abang Kipal - Kuching, Sarawak	22	22

25.4.4.3. Lain-lain Operasi Penguatkuasaan

a. Pihak PDRM telah mewujudkan beberapa jenis operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa bertujuan membendung kesalahan lalu lintas yang menyumbang kepada kemalangan. Ia dilakukan dengan menetapkan jadual perancangan terhadap operasi pencegahan kesalahan lalu lintas yang akan dijalankan oleh setiap Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Daerah. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, jadual berkaitan operasi tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.9
RANCANGAN OPERASI PENCEGAHAN KESALAHAN LALU LINTAS

OPERASI	TUJUAN	KEKERAPAN
Had Laju	Memastikan pematuhan had laju	Setiap hari
Lumba Haram	Membanteras lumba haram bagi penunggang motosikal	Setiap malam minggu dan cuti umum
Cermin Gelap	Memastikan kenderaan bercermin gelap tidak melebihi peratusan ketelusan cahaya yang dibenarkan	Sebulan 2 kali
Mabuk	Membanteras pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol	Sebulan 2 kali pada malam minggu dan cuti umum
Lebih Muatan	Memastikan pematuhan had muatan	Sebulan sekali
Motosikal	Mempertingkat penguatkuasaan terhadap kesalahan berkaitan motosikal	Sebulan sekali
Kenderaan Perdagangan	Memastikan bas dan kenderaan perdagangan mematuhi had laju	Sebulan sekali

b. Semakan Audit telah dijalankan terhadap Operasi Had Laju, Operasi Mabuk dan Operasi Cermin Gelap yang dilaksanakan oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Daerah di semua negeri bagi tahun 2005 dan 2006. Bagi Operasi Perangkap Had Laju, semua negeri kecuali Kedah dan Sarawak telah melaksanakannya melebihi 50% berbanding dengan keperluan. Bagi Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, pelaksanaan bagi tahun 2006 kurang daripada 50% kerana anggotanya terlibat dengan tugas mengawal dan memantau lalu lintas semasa berlangsungnya Sukan SUKMA antara 24 Mei hingga 4 Jun 2006. Di samping itu, anggotanya juga diarah untuk menjalankan operasi menangkap orang gagal menjelaskan saman tertunggak.

c. Hanya 6 negeri yang berupaya melaksanakan Operasi Mabuk bagi tahun 2005 melebihi 50% daripada yang dirancang dan hanya satu negeri sahaja yang mencapai tahap ini bagi tahun 2006. Operasi Mabuk langsung tidak dijalankan di Perlis, Terengganu dan Kelantan kerana peralatan pengukur alkohol dalam pernafasan tidak dibekalkan oleh Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

d. Peratusan pelaksanaan Operasi Cermin Gelap pula menunjukkan hanya 4 negeri telah melebihi pencapaian 50%. Bagaimanapun bagi tahun 2006, peratusan pencapaian telah meningkat kepada 12 negeri. Maklumat terperinci peratusan pencapaian bagi negeri-negeri yang terlibat dalam pelbagai operasi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.10
OPERASI YANG DIJALANKAN BERBANDING PERANCANGAN BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

KONTINJEN	OPERASI HAD LAJU			OPERASI MABUK			OPERASI CERMIN GELAP		
	BILANGAN		%	BILANGAN		%	BILANGAN		%
	RANCANG	LAKSANA		RANCANG	LAKSANA		RANCANG	LAKSANA	
TAHUN 2005									
Perlis	365	392	107.4	T.A.	T.A.	T.A.	48	10	20.8
Kedah	1,460	1,278	87.5	96	10	10.4	144	60	41.7
Pulau Pinang	1,095	1,244	113.6	96	49	51	96	108	112.5
Perak	2,555	1,430	56.0	72	51	70.8	96	36	37.5
Selangor	2,555	1,569	61.4	120	24	20.0	192	58	30.2
Kuala Lumpur	365	1,201	329.0	48	281	585.4	96	61	63.5
Melaka	365	1,158	317.3	24	0	0	96	24	25.0
N. Sembilan	1,095	1,061	96.9	48	24	50.0	96	7	7.3
Johor	3,285	2,106	64.1	24	16	66.7	96	40	41.7
Pahang	2,920	1,464	50.1	24	20	83.3	96	0	0
Terengganu	1,460	939	64.3	TB	TB	TB	96	3	3.1
Kelantan	1,460	931	63.8	TB	TB	TB	96	51	53.1
Sabah	730	469	64.2	120	4	3.3	96	29	30.2
Sarawak	1,460	393	26.9	120	0	0	96	83	86.5
TAHUN 2006									
Perlis	365	340	93.2	T.A.	T.A.	T.A.	48	30	62.5
Kedah	1,460	706	48.4	96	23	24	144	152	105.6
Pulau Pinang	1,095	1,011	92.3	96	29	30.2	96	174	181.3
Perak	2,555	1,641	64.2	72	12	16.7	96	145	151.0
Selangor	2,555	1,368	53.5	120	23	19.2	192	169	88.0
Kuala Lumpur	365	981	268.8	48	134	279.2	96	109	113.5
Melaka	365	655	179.5	24	0	0	96	23	24.0
N. Sembilan	1,095	974	88.9	48	0	0	96	45	46.9
Johor	3,285	1,705	51.9	24	0	0	96	115	119.8
Pahang	2,920	2,137	73.2	24	5	20.8	96	144	150.0
Terengganu	1,460	957	65.5	T.A.	T.A.	T.A.	96	55	57.3
Kelantan	1,460	990	67.8	T.A.	T.A.	T.A.	96	127	132.3
Sabah	730	496	67.9	120	47	39.2	96	175	182.3
Sarawak	1,460	474	32.5	120	1	0.8	96	464	483.3

Nota : ***T.A. - Tiada Peralatan***

Pada pandangan Audit, sungguhpun Cawangan Trafik telah diberi lebihan pengisian seramai 87 anggota, namun ia masih tidak dapat menampung beban kerja yang sedia ada. Terdapat juga anggota dari lain-lain unit di bawah Cawangan Trafik yang ditugaskan untuk menjalani ketiga-tiga jenis operasi tersebut dari semasa ke semasa. Contohnya, berdasarkan kepada senarai anggota yang terlibat menjalankan operasi pada bulan Jun 2006, ialah dari lain-lain Cawangan Trafik sama ada dari Unit Pentadbiran/Kewangan, Unit Siasatan atau Unit Pengiring. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.11
ANGGOTA-ANGGOTA UNIT LAIN YANG MENJALANKAN TUGAS OPERASI

PEJABAT	UNIT				
	PENTADBIRAN/ KEWANGAN	SIASATAN	PENGIRING	LAIN-LAIN	JUMLAH
IPD Kota Setar	5	5	0	0	10
IPD Kuala Muda	10	8	0	9	27
IPD Klang	3	21	2	0	26
IPD Johor Bahru Selatan	6	11	0	4	21
IPD Kota Tinggi	6	4	0	0	10
IPD Kota Kinabalu	5	7	0	7	19
IPD Tawau	2	0	1	0	3
IPD Kuching	4	1	0	2	7
IPD Sibu	7	2	0	0	9
JUMLAH	48	59	3	22	132

Pada pandangan Audit, Kementerian patut mengkaji semula keperluan jawatan bagi Cawangan Trafik untuk disesuaikan dengan beban kerjanya.

25.4.5. Peralatan Teknikal Dan Kenderaan

Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Bahagian Penguatkuasaan juga perlu dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan peralatan teknikal dan kenderaan. Perolehan peralatan teknikal dan kenderaan diuruskan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan oleh Cawangan Trafik. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

25.4.5.1. Alat Perangkap Had Laju/Pengukur Alkohol Dalam Pernafasan/ Pengukur Cermin Gelap

a. Mengikut norma yang ditetapkan, setiap Unit Peronda Lebuh Raya sama ada EMPV atau HMPV perlu disediakan dengan satu alat perangkap had laju, satu alat pengukur alkohol dalam pernafasan dan satu alat pengukur cermin gelap. Bagi pejabat yang mempunyai 3 Unit Peronda Lebuh Raya, ia perlu dibekalkan dengan 1 set tambahan terdiri dari setiap jenis alat tersebut untuk digunakan semasa set sedia ada mengalami kerosakan atau sedang menjalani proses tentukuran (*calibration*). Fungsi ketiga-tiga peralatan teknikal diringkaskan seperti berikut :-

   i. Perangkap had laju berfungsi dengan menggunakan pancaran laser untuk mencatat kelajuan melebihi had yang dibenarkan bagi sesebuah kenderaan di jalan raya. Alat ini juga berupaya merakamkan gambar kenderaan terbabit berserta masa; tarikh; kelajuan dan tempat operasi. Ia digunakan semasa menjalankan Operasi Had Laju.

   ii. Alat pengukur alkohol dalam pernafasan berupaya mengukur tahap kandungan alkohol dalam pernafasan. Ia dijalankan semasa Operasi Mabuk.

iii. Alat pengukur cermin gelap digunakan untuk menguji tahap kegelapan pada cermin kenderaan sama ada melebihi kegelapan cahaya yang dibenarkan. Ia digunakan semasa menjalankan Operasi Cermin Gelap.

b. Semakan Audit terhadap pembekalan peralatan teknikal di beberapa pejabat mendapati peralatan teknikal yang dibekalkan ke beberapa pejabat tidak mengikut norma yang ditetapkan. Tiga jenis peralatan teknikal penting ini yang telah terkurang dibekalkan adalah 411 unit seperti di **Jadual 25.12**, manakala **Jadual 25.13** menunjukkan kekurangan pembekalannya mengikut pejabat.

JADUAL 25.12
RINGKASAN KEKURANGAN PEMBEKALAN PERALATAN TEKNIKAL

PERALATAN	KURANG (Unit)	SET TAMBAHAN YANG PERLU DIPERUNTUKKAN (Unit)	JUMLAH KURANG (Unit)
Perangkap Had Laju	70	46	116
Pengukur Alkohol Dalam Pernafasan	121	44	165
Pengukur Cermin Gelap	89	41	130
JUMLAH	**280**	**131**	**411**

JADUAL 25.13
KEKURANGAN PEMBEKALAN PERALATAN TEKNIKAL

IBU PEJABAT KONTINJEN/ EMPV	UNIT PERONDA LEBUH RAYA HMPV/ EMPV	PERANGKAP HAD LALU			PENGUKUR ALKOHOL DALAM PENAFASAN			PENGUKUR CERMIN GELAP		
		Keperluan	Dibekalkan	Lebih/ (Kurang)	Keperluan	Dibekalkan	Lebih/ (Kurang)	Keperluan	Dibekalkan	Lebih/ (Kurang)
Zon Utara	24	32	8	(24)	32	0	(32)	32	2	(30)
Zon Tengah I	18	24	4	(20)	24	0	(24)	24	3	(21)
Zon Tengah II	18	24	2	(22)	24	0	(24)	24	1	(23)
Zon Selatan	21	28	7	(21)	28	0	(28)	28	2	(26)
Zon Timur	12	16	3	(13)	16	0	(16)	16	0	(16)
Perlis	1	1	1	0	1	0	(1)	1	2	1
Kedah	4	5	4	(1)	5	4	(1)	5	6	1
Pulau Pinang	3	4	3	(1)	4	4	0	4	4	0
Perak	7	9	7	(2)	9	3	(6)	9	4	(5)
Selangor	7	9	7	(2)	9	5	(4)	9	8	(1)
K. Lumpur	1	1	1	0	1	2	1	1	4	3
N. Sembilan	3	4	3	(1)	4	2	(2)	4	4	0
Melaka	1	1	1	0	1	1	0	1	4	3
Johor	9	12	9	(3)	12	1	(11)	12	4	(8)
Pahang	8	10	8	(2)	10	1	(9)	10	4	(6)
Terengganu	4	5	4	(1)	5	0	(5)	5	4	(1)
Kelantan	4	5	4	(1)	5	0	(5)	5	4	(1)
Sarawak	3	4	4	0	4	5	1	4	4	0
Sabah	3	4	2	(2)	4	5	1	4	4	0
JUMLAH	**151**	**198**	**82**	**116**	**198**	**33**	**165**	**198**	**68**	**130**

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua peralatan tersebut telah dibekalkan antara tahun 1992 hingga 2001. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sungguhpun Cawangan Trafik telah memohon kepada Kementerian untuk menambah peralatan teknikal yang diperlukan, namun hanya 15 unit alat pengukur alkohol dalam pernafasan yang diperolehi. Butirannya adalah seperti di **Jadual 25.14**. Bagaimanapun, alat tersebut berserta komponennya yang bernilai RM4.80 juta yang diterima pada bulan Disember 2006 masih belum dapat diagihkan untuk kegunaan pasukan trafik kerana beberapa keperluan spesifikasi belum dipenuhi. Antaranya, pengalihan bahasa daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia; mendapatkan butiran bacaan MyKad daripada Jabatan Pendaftaran Negara; tentukuran (*calibration)* peralatan dengan pihak SIRIM serta memberi latihan dan mentauliahkan pegawai dan anggota Bahagian Penguatkuasaan yang akan mengendali peralatan tersebut. **Sehingga bulan Mac 2007, peralatan tersebut yang telah dibayar sepenuhnya oleh pihak Kementerian gagal dimanfaatkan oleh pengguna.**

JADUAL 25.14
KEDUDUKAN PERALATAN YANG DIPOHON DAN DIPEROLEHI BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

PERALATAN	TAHUN 2004		TAHUN 2005		TAHUN 2006	
	POHON (Unit)	PEROLEHI (Unit)	POHON (Unit)	PEROLEHI (Unit)	POHON (Unit)	PEROLEHI (Unit)
Perangkap Had Laju	15	0	15	0	30	0
Pengukur Cermin Gelap	20	0	20	0	50	0
Pengukur Alkohol Dalam Pernafasan	-	-	-	-	15	15

d. Didapati 22 alat pengukur alkohol dalam pernafasan yang dihantar sejak 10 tahun yang lalu untuk dibaiki oleh Syarikat Translab (M) Bhd. masih tersimpan di stor syarikat ini. Sebanyak 14 daripada peralatan tersebut telah mengalami kerosakan yang teruk dan tidak lagi ekonomi untuk dibaiki. Manakala 8 peralatan lagi tidak dapat dibaiki kerana alat ganti yang diperlukan tidak dikeluarkan oleh syarikat pembuat asal. **Pada pandangan Audit, Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman perlu segera mendapatkan semula 22 peralatan yang masih disimpan di stor syarikat berkenaan supaya tindakan pelupusan boleh diambil.**

e. Pengendalian peralatan teknikal seperti alat perangkap had laju, pengukur alkohol dalam pernafasan dan pengukur cermin gelap memerlukan kemahiran untuk mengendalikannya. Anggota trafik yang terlibat perlu menjalani kursus yang dianjurkan oleh pembekal peralatan dengan kerjasama PDRM bagi memperolehi sijil pengendalian yang diiktiraf. Semakan Audit di **19 pejabat yang mempunyai seramai 372 anggota mendapati 292 anggota (78.5%) daripadanya tidak mempunyai sijil bagi mengendali peralatan perangkap had laju, 341 anggota (91.7%) bagi peralatan pengukur alkohol dalam pernafasan dan 330 anggota (88.7%)**

bagi peralatan pengukur cermin gelap. Tanpa sijil pengendalian yang sah boleh menyebabkan saman-saman yang dikeluarkan oleh anggota dipertikaikan di mahkamah. Jadual berikut menunjukkan anggota yang tidak mempunyai sijil bagi mengendalikan 3 alat berkaitan :-

JADUAL 25.15
ANGGOTA YANG TIDAK MEMILIKI SIJIL PENGENDALIAN PERALATAN TEKNIKAL

PEJABAT	ANGGOTA	PERALATAN TEKNIKAL		
		ALAT PERANGKAP HAD LAJU	ALAT PENGUKUR ALKOHOL DALAM PERNAFASAN	ALAT PENGUKUR CERMIN GELAP
		ANGGOTA (Bil.)	ANGGOTA (Bil.)	ANGGOTA (Bil.)
Peronda Lebuh Raya Bukit Kayu Hitam - Alor Setar	9	3	9	9
Peronda Lebuh Raya Shah Alam - Nilai - Sepang	12	6	12	12
Peronda Lebuh Raya Kuala Lumpur - Seremban	14	7	14	14
Peronda Lebuh Raya Selatan Johor	10	2	10	10
IPK Kedah	10	9	10	10
IPD Kota Setar	37	33	37	34
IPD Kuala Muda	11	6	8	8
IPK Selangor	21	14	14	14
IPD Klang	38	36	33	36
IPD Petaling Jaya	26	25	25	25
IPK Johor	17	15	17	17
IPD Johor Bahru Selatan	57	49	56	50
IPD Kota Tinggi	9	6	9	8
IPK Sabah	10	8	8	8
IPD Kota Kinabalu	30	25	29	27
IPD Tawau	6	4	5	5
IPK Sarawak	10	10	10	8
IPD Kuching	32	27	27	28
IPD Sibu	13	7	8	7
JUMLAH	**372**	**292**	**341**	**330**

f. Mengikut Seksyen 117 (10) 333/87, Akta Pengangkutan Jalan 1987, peralatan teknikal yang digunakan seperti alat perangkap had laju, alat pengukur alkohol dalam pernafasan dan alat pengukur cermin gelap, perlu ditentukur mengikut tempoh yang ditetapkan untuk menjamin bacaan yang dihasilkan adalah tepat. Semakan Audit terhadap rekod bagi tahun 2006 mendapati peralatan berkenaan tidak dibuat tentukuran dalam tempoh yang sepatutnya kerana ia diperlukan untuk operasi atau mengalami kerosakan. Tempoh kelewatannya adalah antara 1 hingga melebihi 201 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.16
KELEWATAN MENJALANI TENTUKURAN PERALATAN BAGI TAHUN 2006

PERALATAN	KEKERAPAN SEPATUTNYA (Bulan)	KELEWATAN			
		1 HINGGA 30 (Hari)	31 HINGGA 100 (Hari)	101 HINGGA 200 (Hari)	201 KE ATAS (Hari)
Perangkap Had Laju	8	2	21	29	14
Pengukur Cermin Gelap	12	4	7	1	5
Pengukur Alkohol Dalam Pernafasan	12	1	3	1	2
JUMLAH		7	31	31	21

Pada pandangan Audit, Cawangan Trafik perlu memastikan semua peralatan teknikal ditentukur mengikut tempoh yang ditetapkan dengan menyediakan jadual pelaksanaannya.

25.4.5.2. Kemudahan Kenderaan

a. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005, Cawangan Trafik telah memohon untuk menambah kenderaan pelbagai jenis masing-masingnya berjumlah 455 unit dan 355 unit. Bagaimanapun, hanya 25 unit kenderaan pacuan 4 roda yang dipohon pada tahun 2005 telah diperolehi menjadikan keseluruhan kenderaan yang sedia ada berjumlah 2,130. Pada tahun 2006 pula, sebanyak 1,659 kenderaan pelbagai jenis juga telah dipohon tetapi tidak diperolehi.

b. Daripada 2,130 kenderaan yang sedia ada, 29 kenderaan pacuan 4 roda dan 245 motosikal telah diperuntukkan kepada Bahagian Penguatkuasaan di 19 pejabat yang dilawati bagi membolehkan rondaan dan operasi penguatkuasaan trafik dilaksanakan dengan berkesan. Bagaimanapun, 81 daripada 274 unit kenderaan tersebut telah berusia melebihi 10 tahun. Disebabkan faktor usia kenderaan dan juga penggunaan yang berlebihan, kenderaan-kenderaan tersebut sering mengalami kerosakan. Semakan lanjut yang dijalankan terhadap 24 unit kenderaan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya dan IPD Kota Setar pada 12 dan 21 Februari 2007 masing-masingnya mendapati 15 unit kenderaan didapati sering rosak atau telah/akan diambil tindakan pelupusan. Contoh kenderaan yang didapati terlalu uzur dan sering mengalami kerosakan semasa lawatan Audit adalah seperti di **Gambar 25.1** dan **25.2**. Senarai penempatan kenderaan pacuan 4 roda dan motosikal mengikut kategori hayat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.17
SENARAI KENDERAAN MENGIKUT TEMPOH HAYAT

PEJABAT	KENDERAAN MENGIKUT TEMPOH HAYAT (Tahun)			JUMLAH
	< 5	5 HINGGA 10	> 10	
Peronda Lebuh Raya Bukit Kayu Hitam - Alor Setar	1	0	4	5
Peronda Lebuh Raya Shah Alam - Nilai, Sepang	0	4	0	4

PEJABAT	KENDERAAN MENGIKUT TEMPOH HAYAT (Tahun)			JUMLAH
	< 5	5 HINGGA 10	> 10	
Peronda Lebuh Raya Kuala Lumpur - Seremban	2	0	0	2
Peronda Lebuh Raya Selatan Johor	1	3	1	5
IPK Kedah	1	2	0	3
IPD Kota Setar	4	9	4	17
IPD Kuala Muda	7	3	5	15
IPK Selangor	8	4	4	16
IPD Klang	8	6	1	15
IPD Petaling Jaya	10	2	17	29
IPK Johor	5	0	0	5
IPD Johor Bahru (S)	38	10	10	58
IPD Kota Tinggi	3	0	7	10
IPK Sabah	3	0	0	3
IPD Kota Kinabalu	16	0	1	17
IPD Tawau	3	0	7	10
IPK Sarawak	3	0	0	3
IPD Kuching	8	18	10	36
IPD Sibu	3	8	10	21
JUMLAH	**124**	**69**	**81**	**274**

GAMBAR 25.1

Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar
Alor Setar, Kedah
- Kenderaan Pacuan 4 Roda

GAMBAR 25.2

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor,
Johor Bahru, Johor
- Kenderaan Pacuan 4 Roda

c. Mengikut norma yang ditetapkan, setiap Unit Peronda EMPV dan HMPV perlu diperuntukkan satu kenderaan jenis pacuan 4 roda bagi menjalankan operasi dan rondaannya. Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat Polis Daerah Kuching tidak dibekalkan dengan kenderaan tersebut, manakala di beberapa pejabat lain pula kurang dibekalkan. Sungguhpun Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar dan Petaling Jaya diperuntukkan dengan lebihan kenderaan, namun 2 kenderaan masing-masingnya telah berusia melebihi 10 tahun dan sering rosak. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.18
KEKURANGAN KENDERAAN PACUAN 4 RODA

PEJABAT	KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (Unit)		
	Sepatut Ada	Sedia Ada	Lebih/(Kurang)
EMPV: Perkiraan Audit 3 syif bersamaan 3 unit			
Peronda Lebuh Raya Bukit Kayu Hitam - Alor Setar	3	1	(2)
Peronda Lebuh Raya Shah Alam - Nilai - Sepang	3	3	0
Peronda Lebuh Raya Kuala Lumpur - Seremban	3	1	(2)
Peronda Lebuh Raya Selatan Johor	3	3	0
HMPV : Perkiraan Audit 2 syif bersamaan 2 unit			
IPD Kota Setar	2	3	1
IPD Kuala Muda	2	2	0
IPD Petaling Jaya	2	3	1
IPD Klang	2	1	(1)
IPD Johor Bahru Selatan	2	3	1
IPD Kota Tinggi	2	1	(1)
IPD Kuching	2	0	(2)
IPD Kota Kinabalu	2	2	0
JUMLAH	**28**	**23**	**(5)**

Pada pandangan Audit, kenderaan yang dibekalkan hendaklah mencukupi mengikut norma yang ditetapkan bagi mengelak daripada penggunaan yang berlebihan dan akan mengakibatkan kenderaan sering rosak dan seterusnya meningkatkan kos pembaikan. Kekurangan kenderaan juga akan menjejaskan keberkesanan dan kelicinan tugas penguatkuasaan trafik.

d. Mengikut norma, setiap anggota yang melaksanakan tugas rondaan dan *point duty* untuk mengawal dan memantau lalu lintas, akan dibekalkan dengan satu motosikal berkuasa sederhana (kurang daripada 750 c.c.) bertujuan memudahkan pergerakan dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Semakan Audit di 15 IPK/IPD mendapati pembekalan motosikal ini tidak mengikut norma yang ditetapkan. Diperhatikan 210 anggota sedia ada di 14 pejabat hanya dibekalkan dengan 57 unit motosikal untuk memantau lalu lintas di lokasi yang ditetapkan. Manakala IPD Kuching yang mempunyai 16 anggota telah dibekalkan dengan 20 unit motosikal iaitu berlebihan dengan sebanyak 4 unit. Butiran adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.19
KEKURANGAN MOTOSIKAL BAGI UNIT RONDAAN / *POINT DUTY*

PEJABAT	ANGGOTA	MOTOSIKAL (< 750 C.C.)	
	(Bilangan)	SEDIA ADA	KURANG
IPK Kedah	9	0	9
IPD Kota Setar	31	6	25
IPD Kuala Muda	7	3	4
IPK Selangor	8	3	5
IPD Klang	28	0	28
IPD Petaling Jaya	16	4	12
IPK Johor	7	0	7

PEJABAT	ANGGOTA	MOTOSIKAL (< 750 C.C.)	
	(Bilangan)	SEDIA ADA	KURANG
IPD J. Bahru Selatan	47	24	23
IPD Kota Tinggi	7	5	2
IPK Sabah	9	2	7
IPD Kota Kinabalu	24	0	24
IPD Tawau	5	1	4
IPK Sarawak	0	0	0
IPD Sibu	12	9	3
Jumlah Kecil	**210**	**57**	**153**
IPD Kuching	16	*20	*4
JUMLAH	226	77	149

Nota: **** - Motosikal Telah Lebih Dibekalkan Sejumlah 4 Unit***

Pada pandangan Audit, Kementerian patut membekalkan bilangan kenderaan termasuk motosikal yang mencukupi kepada setiap Cawangan Trafik bagi memudahkan anggota sedia ada menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan. Cawangan Trafik patut berusaha mendapatkan tambahan sebanyak 153 unit kenderaan ini kerana kekurangannya akan menyebabkan kenderaan terlebih digunakan dan seterusnya akan sering mengalami kerosakan dan meningkatkan kos pembaikan.

25.4.6. Sistem Perangkap Lampu Merah

25.4.6.1. Sistem perangkap lampu merah merupakan sistem yang digunakan untuk merakam kenderaan awam yang melanggar lampu isyarat di persimpangan jalan yang dipasang dengan sistem ini. Sistem ini merangkumi peralatan yang dibeli antara tahun 1994 hingga 1997 berjumlah 40 kamera aktif dan 110 kamera dummi yang dipasang di beberapa persimpangan di bandar-bandar utama. Didapati permohonan untuk menambah 30 unit sistem perangkap lampu merah masing-masingnya pada tahun 2004 serta 2005 dan seterusnya 20 unit lagi pada tahun 2006 telah dibuat oleh Cawangan Trafik. Bagaimanapun, kesemua alat tersebut tidak diperolehi. Kedudukan sistem perangkap lampu merah yang dipasang adalah seperti berikut :-

JADUAL 25.20
LOKASI SISTEM PERANGKAP LAMPU MERAH

BANDAR	KAMERA		
	Aktif	Dummi	Jumlah
Georgetown, Pulau Pinang	8	17	25
Ipoh, Perak	7	18	25
Petaling Jaya, Selangor	4	14	18
Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan	8	24	32
Melaka	5	15	20
Johor Baru Selatan, Johor	8	22	30
JUMLAH	**40**	**110**	**150**

25.4.6.2. Pemeriksaan Audit terhadap sistem perangkap lampu merah di bandar Petaling Jaya dan Johor Bahru Selatan mendapati 7 daripada 12 kamera aktif (58.3%) dan 32 daripada 36 (88.9%) kamera dummi gagal berfungsi. Kamera berkenaan tidak berfungsi disebabkan oleh sama ada tiang yang dipasang kamera terlibat dengan kemalangan, pelebaran jalan, penutupan persimpangan dan kerosakan pada kabel atau pendawaian. Oleh itu, matlamat Cawangan Trafik untuk mengesan dan memantau kesalahan pemandu yang melanggar lampu merah di persimpangan jalan tidak tercapai. **Gambar 25.3** hingga **25.8** menunjukkan contoh sistem perangkap lampu merah yang tidak berfungsi kerana sebab-sebab tertentu.

GAMBAR 25.3

Johor Bahru Selatan
- Masalah Pendawaian

GAMBAR 25.4

Petaling Jaya
- Pelebaran Jalan

GAMBAR 25.5

Johor Bahru Selatan
- Tiang Tumbang Dilanggar

GAMBAR 25.6

Johor Bahru Selatan
- Tiang Tumbang Dilanggar

GAMBAR 25.7

Johor Bahru Selatan
- Penutupan Simpang

GAMBAR 25.8

Johor Bahru Selatan
- Pelebaran Jalan

25.4.6.3. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah menandatangani kontrak bernilai RM5.5 juta dengan Syarikat Commercial Circle (M) Sdn. Bhd.

pada 30 Ogos 2004 bagi menjalankan kerja-kerja penyenggaraan/pembaikan dan bekalan alat ganti bagi sistem perangkap lampu merah bagi tempoh 3 tahun. Syarikat Commercial Circle (M) Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus sejak tahun 1995 untuk kerja-kerja tersebut. Syarikat tersebut yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM200,004 dan modal yang dibenarkan berjumlah RM250,000 adalah dipengerusikan oleh Encik Lawrence Foong.

25.4.6.4. Semakan terhadap retan/laporan rakaman filem kenderaan yang melanggar lampu merah telah dibuat di IPD Petaling Jaya dan IPD Johor Bahru Selatan. Hasil semakan menunjukkan sebilangan filem yang dirakam gagal mempamerkan gambar yang jelas bagi kenderaan yang terlibat dengan kesalahan. Ini adalah disebabkan beberapa faktor sama ada filem rosak, gambar kabur atau nombor pendaftaran kereta terlindung. Akibatnya hanya 11,101 daripada 19,466 rakaman yang telah dibuat pada tahun 2006, telah dikeluarkan saman. Butiran lanjut seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.21
STATISTIK RAKAMAN DAN SAMAN YANG DIKELUARKAN BAGI TAHUN 2006

PEJABAT	RAKAMAN			SAMAN YANG DIKELUARKAN
	KESELURUHAN	ROSAK	%	BILANGAN
IPD Petaling Jaya	5,463	3,021	55.3	2,442
IPD Johor Bahru Selatan	14,003	5,344	38.2	8659
JUMLAH	**19,466**	**8,365**	**43.0**	**11,101**

Pihak PDRM perlu mengambil tindakan untuk mengatasi pelbagai masalah pada sistem perangkap lampu merah, antaranya ialah seperti berikut :-

a. Memastikan segala kerosakan kepada perangkap lampu tersebut diperbaiki segera supaya dapat berfungsi semula.

b. Meningkatkan kepakaran dan pengetahuan anggota yang mengendali sistem supaya bilangan rakaman yang rosak atau tidak berkeupayaan dikeluarkan saman dapat dikurangkan.

c. Mendapatkan kerjasama daripada agensi luar antaranya Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kerja Raya bagi mengatasi masalah berkaitan pelebaran jalan atau persimpangan jalan yang telah ditutup.

d. Berurusan dengan syarikat insurans dengan segera bagi mendapatkan pampasan dari pihak yang melanggar tiang.

25.4.7. Pemantauan

Pengurusan Pasukan Polis memantau aktiviti penguatkuasaan melalui 2 peringkat iaitu di peringkat Ibu Pejabat dan juga peringkat kontinjen/daerah seperti berikut :-

25.4.7.1. Di peringkat Ibu Pejabat, statistik dan data berkaitan operasi dan penguatkuasaan trafik yang dijalankan, dikumpul dan dibuat penyatuan untuk

memperolehi bilangan penguatkuasaan yang telah dijalankan di seluruh negara untuk tujuan analisis. Oleh itu, seluruh Bahagian Penguatkuasaan telah diwajibkan mengemukakan retan harian yang menunjukkan bilangan operasi yang telah dijalankan dan saman yang dikeluarkan sebelum jam 12 malam setiap hari melalui telefon atau faksimili. Selanjutnya, setiap Kontinjen juga dikehendaki mengemas kini data dalam sistem Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam setiap hari supaya laporan seluruh negara disatukan di peringkat Ibu Pejabat. Pihak pengurusan telah juga mengadakan mesyuarat mingguan yang dihadiri oleh Ketua Trafik Pasukan, Ketua-Ketua Unit dan Pegawai Penguatkuasaan Kontinjen/Peronda Lebuh Raya bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan isu semasa, pembentangan statistik bilangan operasi dan saman serta tindakan pembaikan terhadap aktiviti trafik. Selain itu, mesyuarat khas juga diadakan sekiranya perlu untuk membincangkan isu yang memerlukan perhatian segera.

25.4.7.2. Di peringkat Ibu Pejabat Kontinjen dan Ibu Pejabat Daerah, pegawai yang bertanggungjawab telah mengadakan sesi taklimat setiap pagi dengan anggota-anggota yang terlibat dengan operasi atau rondaan sebelum memulakan tugasan. Seterusnya, anggota-anggota tersebut dikehendaki mencatatkan ke dalam buku repot Perharian Balai Pol 40 (Pin 4/89) dengan menerangkan secara ringkas tugas-tugas yang dilaksanakan pada hari tersebut. Setiap Operasi yang dijalankan, satu laporan telah disediakan untuk dikemukakan kepada Ketua Polis Negeri. Mesyuarat kontinjen/daerah juga dijalankan dari semasa ke semasa untuk membincang masalah yang berbangkit semasa menjalankan penguatkuasaan dan tugasan.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhan, pemantauan yang dibuat oleh pihak pengurusan Cawangan Trafik terhadap aktiviti penguatkuasaan adalah memuaskan.

25.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhan aktiviti penguatkuasaan trafik yang dijalankan oleh Cawangan Trafik telah dirancang dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan aktiviti penguatkuasaan trafik berkenaan. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah seperti berikut :-

25.5.1. Masalah guna tenaga seperti kekurangan anggota untuk menjalankan tugas rondaan, operasi pencegahan kesalahan lalu lintas dan kawalan pergerakan lalu lintas di bandar-bandar. Seterusnya, latihan bagi melengkapkan anggota dengan pengetahuan dan kemahiran bekerja tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang kerana jadual latihan telah bertembung dengan tugas-tugas *ad-hoc* yang lebih penting.

25.5.2. Pengagihan peralatan-peralatan seperti alat perangkap had laju, alat pengukur alkohol dalam pernafasan dan alat pengukur cermin gelap tidak mengikut

norma yang ditetapkan. Sistem perangkap lampu merah di beberapa lokasi juga gagal berfungsi. Selain itu, sebanyak 8,367 daripada 19,466 rakaman melalui sistem ini yang dibuat pada tahun 2006 tidak dapat dikeluarkan saman kerana gambar yang dirakam tidak jelas atau rosak.

25.5.3. Secara umumnya, Cawangan Trafik tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi untuk membolehkannya berfungsi dengan cekap dan berkesan. Sebanyak 81 daripada 274 kenderaan yang ada telah berusia melebihi 10 tahun.

25.5.4. Bagi mengatasi kelemahan–kelemahan yang berlaku, adalah disyorkan supaya Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan PDRM memberikan perhatian terhadap perkara-perkara berikut :-

a. Kementerian patut mengkaji semula keperluan jawatan bagi Cawangan Trafik untuk disesuaikan dengan beban kerjanya. Mereka juga perlu diberi peluang untuk mengikuti kursus/latihan bagi meningkatkan kemahiran bekerja.

b. Cawangan Trafik perlu memastikan semua peralatannya dihantar ke SIRIM untuk tentukur dalam tempoh yang sepatutnya. Bagi tujuan ini, jadual penghantarannya hendaklah disediakan dan perlu diikuti sepenuhnya.

c. Bilangan kenderaan hendaklah dibekalkan ke semua cawangan mengikut norma yang ditetapkan bagi mengelak daripada kenderaan yang sedia ada digunakan berlebihan yang boleh mengakibatkan kenderaan berkenaan mengalami kerosakan yang teruk.

d. Pihak PDRM perlu memastikan sistem perangkap lampu merah sentiasa berfungsi dengan baik. Bagi tujuan ini PDRM hendaklah memastikan sistem ini disenggarakan secara berjadual dan sebarang kerosakan diperbaiki dengan segera.

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

26. PROJEK PEMBINAAN PANGKALAN POLIS MARIN, BATU UBAN, PULAU PINANG

26.1. LATAR BELAKANG

26.1.1. Pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang yang bernilai RM67.51 juta bertujuan untuk menyediakan kemudahan kawalan keselamatan perairan di kawasan utara perairan Selat Melaka. Pembinaan pangkalan ini juga bagi menggantikan Pangkalan Polis Marin di Gelugor, Pulau Pinang kerana tidak lagi sesuai di mana infrastruktur penting seperti jeti dan tangki minyak tidak dapat disediakan akibat dari ketiadaan tanah. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh tanah untuk tujuan penyediaan kemudahan tersebut telah diambil alih bagi pembinaan Lebuh Raya Pesisir Pantai George Town-Gelugor. Sejak tahun 1992, Polis Marin telah melabuhkan bot marin di jeti yang terletak berhampiran yang merupakan peninggalan dari projek Jambatan Pulau Pinang.

26.1.2. Lokasi tapak projek yang dipilih adalah di atas Lot PT1803, Batu Uban, Mukim 13 Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Keluasan keseluruhan tapak ialah 10.02 ekar yang merupakan tanah tebus guna. Ianya terletak di susur keluar dari Jambatan Pulau Pinang dan Bayan Lepas.

26.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada projek pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai matlamat pembinaannya.

26.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen projek yang berkaitan serta lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri; Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia; Ibu Pejabat Pasukan Polis Marin; Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang; Cawangan Pangkalan Udara Dan Maritim, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) dan JKR Pulau Pinang.

26.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga November 2006 mendapati perkara berikut :-

26.4.1. Pengurusan Projek

26.4.1.1. Di peringkat Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Bahagian Pembangunan bertanggungjawab menyedia, mengagih dan mengawal peruntukan setelah projek ini diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Manakala di peringkat Polis Diraja Malaysia, Bahagian Pembangunan di Jabatan Logistik bertanggungjawab untuk merancang dan menentukan keperluan pembinaan, kemudahan dan infrastruktur projek pembinaan pangkalan ini. Bahagian ini juga menyediakan skop cadangan dan mengawasi permulaan pelaksanaan projek sehingga ia disiapkan dan diserahkan oleh JKR kepadanya.

26.4.1.2. Cawangan Pangkalan Udara Dan Maritim, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya merupakan pelaksana projek ini. Manakala Pengarah JKR Pulau Pinang dilantik sebagai Pengarah Projek untuk memberi arahan dan memantau pelaksanaan projek ini.

Pada pandangan Audit, peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dengan pengurusan projek pembinaan Pangkalan Polis Marin, Batu Uban, Pulau Pinang telah ditunjukkan dengan jelas.

26.4.2. Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek

Pada bulan Julai 2001, Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan projek ini dengan kos RM30 juta. Peruntukan projek ini diperolehi melalui penjimatan siling projek perumahan PDRM. Bagaimanapun, nilai kontrak yang dipersetujui selepas rundingan harga adalah berjumlah RM67.51 juta. Setakat bulan November 2006, sejumlah RM66.19 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek ini.

26.4.3. Kemudahan Yang Akan Dibangunkan

Bangunan dan kemudahan yang akan dibangunkan adalah seperti berikut :-

26.4.3.1. Bangunan Pentadbiran yang mengandungi menara kawalan, bilik Pegawai Pemerintah Pangkalan dan bilik pegawai, pejabat pentadbiran, stor fail, bilik mesyuarat, bilik komputer, *pantry*, pejabat Unit Selam, pejabat Bahagian Bot Ronda, bilik solat dan stor senjata.

26.4.3.2. Kuarters kakitangan terdiri daripada 4 unit rumah kelas D, 6 unit rumah teres kelas E, 18 unit rumah pangsa kelas F, 113 unit rumah pangsa kelas G, dewan serbaguna, tadika, bilik Persatuan Kebajikan Keluarga Polis dan surau.

26.4.3.3. Bengkel pembaikan/penyenggaraan, jeti berbumbung, *floating pontoon*, *ramp*, *skid tank*, tangki air, stor *petroleum oil lubricant*, garaj simpanan kenderaan, sub stesen jana kuasa, pondok pengawal dan padang kawad (ruang heli pad).

26.4.3.4. Kemudahan sukan dan riadah yang terdiri daripada padang bola sepak, taman permainan kanak-kanak, gelanggang bola tampar, gelanggang sepak takraw, dewan rekreasi dan kantin.

26.4.4. Pelantikan Kontraktor

26.4.4.1. Untuk mempercepatkan pelaksanaannya, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah mencadangkan projek Pangkalan Polis Marin, Batu Uban dilaksanakan melalui kaedah reka dan bina dan kontraktor dilantik secara rundingan terus. Cadangan ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada bulan September 2002. Projek ini ditawarkan kepada Syarikat Pembinaan Kosporat-Trinas JV dengan harga kontrak berjumlah RM67.51 juta dan tempoh siap kerja selama 24 bulan. Sehubungan ini, JKR telah diarahkan untuk mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada syarikat berkenaan dalam tempoh satu minggu dari tarikh kelulusan tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati JKR hanya mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada syarikat tersebut pada 2 November 2002. Ini bermakna **kelewatan mengeluarkan Surat Setuju Terima tersebut untuk tempoh 3 minggu.**

26.4.4.2. Semakan Audit terhadap profil kontraktor yang disimpan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi mendapati Syarikat Pembinaan Kasporat-Trinas JV telah berdaftar dengan PKK pada bulan Ogos 1998. Syarikat ini merupakan kontraktor kelas A dengan modal berbayar berjumlah RM1 juta dan dipengerusikan oleh Dato' Mohd Shariff bin Ibrahim. Bagaimanapun, kontraktor ini tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan Pangkalan Polis Marin.

Pada pandangan Audit, projek ini sepatutnya ditawarkan kepada kontraktor yang ada kepakaran dan pengalaman dalam bidang maritim bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan dengan lancar dan menjamin kualiti pembinaan yang baik.

26.4.5. Perjanjian Kontrak

26.4.5.1. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 menetapkan perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit mendapati sungguhpun Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 2 November 2002 dan ditandatangani kontraktor pada 18 November 2002, namun **perjanjian kontrak yang bernilai RM67.51 juta hanya ditandatangani pada 17 Julai 2003 iaitu selepas 8 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.** Antara lainnya, kontrak tersebut menetapkan syarat-syarat berikut :-

a. Kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM3.37 juta iaitu 5% daripada harga kontrak sama ada dalam bentuk

jaminan bank, jaminan insurans yang diluluskan atau wang jaminan pelaksanaan. Sekiranya kontraktor memilih wang jaminan pelaksanaan, potongan sejumlah 10% akan dibuat daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga kontrak. Semakan Audit mendapati kontraktor telah memilih kaedah wang jaminan pelaksanaan di mana potongan nilai bon yang berjumlah RM3.37 juta telah dibuat daripada bayaran interim.

b. Kontraktor dikehendaki mengambil alih tapak bina pada bulan November 2002 dan menyiapkan kerja pada bulan November 2004. Jika kontraktor gagal menyiapkan kerja mengikut syarat kontrak atau dalam tempoh lanjutan masa, Perakuan Kerja Tidak Siap hendaklah dikeluarkan dan kadar ganti rugi tertentu dan ditetapkan (LAD) akan dikenakan terhadap kontraktor mengikut kadar yang ditetapkan iaitu RM11,837 sehari.

c. Tempoh tanggungan kecacatan ditetapkan selama 24 bulan dari tarikh penyiapan projek.

d. Kontraktor dikehendaki mengambil insurans untuk melindungi tuntutan pampasan daripada mana-mana pihak. Tempoh insurans perlu meliputi tempoh kontrak, tempoh lanjutan masa dan tempoh tanggungan kecacatan. Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengambil polisi *Contractor's All Risk* yang meliputi polisi tanggungan awam bernilai RM2 juta dan polisi insurans kerja bernilai RM67.51 juta. Didapati insurans tersebut yang meliputi tempoh dari 12 November 2002 hingga 25 Februari 2007 adalah selaras dengan syarat kontrak. Selain itu, kontraktor telah juga mengambil insurans tambahan untuk meliputi tempoh lanjutan masa sehingga tempoh tanggungan kecacatan yang terkini iaitu pada bulan Mac 2008.

Pada pandangan Audit, syarat kontrak adalah memadai untuk menjamin kepentingan Kerajaan

26.4.6. Prestasi Projek

26.4.6.1. Mengikut syarat kontrak, projek ini sepatutnya disiapkan pada bulan November 2004. Bagaimanapun, projek hanya dapat disiapkan pada 1 Mac 2006 setelah kontraktor diberi 4 kali lanjutan masa berjumlah 428 hari iaitu lewat 15 bulan dari tempoh asal kontrak. Bagi lanjutan masa keempat, didapati perakuan lanjutan masa hanya dikeluarkan pada 28 November 2005 sedangkan tempoh yang diliputi adalah dari 1 November 2005 hingga 13 Januari 2006. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 26.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

PERKARA	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH PERAKUAN	JUMLAH HARI	SEBAB LANJUTAN MASA
Lanjutan Masa Pertama	12.11.2004 - 29.4.2005	13.10.2003	169	Kelewatan menerima kelulusan merancang membina dan menyiapkan projek daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
Lanjutan Masa Kedua	30.4.2005 - 5.8.2005	27.04.2005	98	Masalah kekurangan besi di seluruh negara.
Lanjutan Masa Ketiga	6.8.2005 - 31.10.2005	5.08.2005	87	Pemasangan Sistem Hawa Dingin di Dewan Komuniti dan kelewatan PDRM mengesahkan jenis *pontoon* yang akan digunakan.
Lanjutan Masa Keempat	1.11.2005 - 13.1.2006	28.11.2005	74	Kelewatan pembekal menghantar struktur *pontoon* kerana pelanggan lewat mengesahkan jenis *pontoon* yang akan digunakan.

26.4.6.2. Semakan Audit mendapati kelewatan menyiapkan projek ini berpunca daripada perubahan jenis *pontoon* yang digunakan. Mengikut spesifikasi kontrak, *pontoon* jenis *ferro cement structure* perlu digunakan dengan kos berjumlah RM1.31 juta. Pada bulan November 2002, PDRM telah mencadangkan perubahan saiz *pontoon* dari 37.5 meter x 2.4 meter kepada 38.6 meter x 4.8 meter kerana saiz asal dek *pontoon* adalah tidak cukup luas untuk membolehkan bot marin berlabuh. Memandangkan perubahan ini melibatkan pertambahan kos berjumlah RM893,400, kontraktor telah mencadangkan *pontoon* jenis *ferro cement structure* ini ditukar kepada jenis cengal *timber decking* atau bahan komposit 'Fibersit'. Bagaimanapun, PDRM tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana berpendapat *pontoon* jenis komposit tidak kekal lama dan belum diuji ketahanannya di laut terbuka. Sebaliknya, PDRM telah mencadangkan dek *pontoon* dibina daripada kayu tropika dari Brazil yang lebih tahan dan tumpat berbanding kayu cengal. Bagaimanapun, JKR tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana bertentangan dengan syarat kontrak yang tidak membenarkan bahan import digunakan. Namun begitu pada bulan Mac 2005, JKR telah meluluskan permintaan PDRM dengan syarat PDRM mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) terlebih dahulu. Bagaimanapun, **tidak ada bukti yang menunjukkan kelulusan daripada kedua-dua Kementerian tersebut telah diperolehi. Pada pandangan Audit, sungguhpun penggunaan kayu tropika dari Brazil untuk membina dek *pontoon* tidak melibatkan kos tambahan, namun PDRM perlu mendapatkan kelulusan untuk menggunakan bahan import tersebut selaras dengan syarat kontrak.**

26.4.6.3. Lawatan Audit ke tapak projek bagi tempoh bulan April hingga November 2006 mendapati perkara berikut :-

a. Beberapa bahagian pembinaan bangunan tidak dibuat mengikut spesifikasi kontrak. Berikut diberikan contohnya :-

i. Stor *petroleum oil lubricant* perlu dibina di bangunan yang berasingan berhampiran dengan bengkel dan dilengkapi dengan rak menyimpan pelincir. Bagaimanapun, stor tersebut telah dibina di dalam bangunan bengkel bersama-sama dengan bilik menyimpan minyak pelincir, stor kayu dan satu bilik lain **(Gambar 26.1)**.

GAMBAR 26.1

Stor Petroleum Oil Lubricant Dibina Di Dalam Bangunan Bengkel

ii. *Skid tank* adalah tangki penyimpanan minyak yang dibina di dalam tanah. Ia merupakan sebahagian daripada *fuel dispensing system* yang perlu dibina di kawasan berpagar dan berbumbung. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati *skid tank* dibina di bangunan bengkel yang tidak berpagar **(Gambar 26.2)**. Bot-bot yang tidak digunakan, bot-bot yang sedang diperbaiki dan tong-tong bahan petroleum juga disimpan di bangunan ini. Kelemahan ciri-ciri keselamatan ini boleh mengakibatkan berlaku kebakaran atau kecurian.

GAMBAR 26.2

Skid Tank Petrol/Diesel Yang Diletakkan Dalam Bangunan Bengkel

iii. Garaj simpanan kenderaan yang dibina hanya boleh memuatkan 6 kenderaan dan tiada tempat mencuci kenderaan sedangkan sepatutnya garaj tersebut boleh memuatkan 8 kenderaan, mempunyai satu *ramp*, 3 punca air dan ruang cucian.

GAMBAR 26.3

Garaj Kenderaan Hanya Boleh Memuatkan 6 Kenderaan Dan Tiada Tempat Mencuci Kenderaan

iv. Tadika dan bilik Persatuan Kebajikan Keluarga Polis masing-masingnya perlu disediakan stor berkeluasan 12 meter persegi. Bagaimanapun, didapati ia tidak dibina kerana tidak ditunjukkan dalam pelan lukisan.

v. *Jetty head* yang dibina hanya berukuran 71 meter x 15 meter berbanding saiz asalnya 80 meter x 15 meter.

vi. *Floating boom* perlu dibina di *ramp* untuk mengelak sampah tetapi tidak dibina.

b. Beberapa kerosakan bangunan telah berlaku sungguhpun projek ini baru disiapkan sepenuhnya pada bulan Mac 2006. Contohnya bumbung depan rumah *mess junior* berlubang; siling menara kawalan bocor dan tiang radar di menara tersebut terkopak; bahagian tepi dewan rekreasi mendap; dan bilah kipas dalam rumah Kelas G terkena pintu almari apabila dibuka. Gambar-gambar berikut menunjukkan keadaan bangunan berkenaan :-

GAMBAR 26.4

Bumbung Depan Rumah Mess Junior Berlubang

GAMBAR 26.5

Siling Yang Bocor Dalam Menara Kawalan

GAMBAR 26.6

Laluan Di Tepi Dewan Rekreasi Mendap

GAMBAR 26.7

Tiang Radar Di Menara Kawalan Sudah Terkopak

GAMBAR 26.8

Bilah Kipas Dalam Bilik Rumah Kelas G Terkena Pintu Almari Apabila Dibuka

GAMBAR 26.9

Kipas Angin Dalam Junior Mess Tidak Dipasang Dengan Sempurna

GAMBAR 26.10

'Sump Pit ' Yang Tersumbat Menyebabkan Air Di Dalam Longkang Bertakung

GAMBAR 26.11

Lubang 'Outlets' Terlalu Kecil Menyebabkan Berlaku Banjir Di Tepi Dewan Rekreasi

GAMBAR 26.12

Keadaan Lantai Wakaf Di Tepi Surau Yang Retak

c. Mendapan tanah telah berlaku di beberapa kawasan seperti di sebelah tepi kuarters banglo yang didiami oleh Ketua Polis Marin, sekitar surau dan sekitar dewan komuniti menyebabkan air bertakung di sekitar bangunan berkenaan. Sungguhpun kontraktor telah membaiki longkang-longkang berkenaan namun mendapan tersebut masih berlaku malahan keadaannya semakin serius.

Pada pandangan Audit, JKR perlu memastikan semua kecacatan yang berlaku diperbaiki sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat bagi mengelakkan Kerajaan daripada mengalami kerugian.

26.4.6.4. Arahan Perbendaharaan 202 menetapkan bahawa Arahan Perubahan Kerja boleh diluluskan hanya bagi pindaan terhadap pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti. Didapati pelaksanaan projek ini telah melibatkan 9 Arahan Perubahan Kerja bernilai RM0.78 juta yang dikeluarkan

antara bulan Jun hingga Ogos 2005. Semakan Audit mendapati alasan yang diberi untuk 2 Arahan Perubahan Kerja tidak mematuhi Arahan Perbendaharaan berkenaan dan bayaran yang dibuat adalah tidak teratur. Berikut diberikan butirannya :-

a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor dikehendaki membayar levi berjumlah RM150,000 kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan kontraktor telah pun menjelaskan bayarannya. Bagaimanapun, berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh CIDB iaitu 0.25% dari nilai kontrak, bayaran levi yang sepatutnya dikenakan ialah RM168,767. Bagi menampung kekurangan bayaran levi sebanyak RM18,767, JKR telah meluluskan Arahan Perubahan Kerja. **Pada pandangan Audit, bayaran ini tidak sepatutnya dibuat kepada kontraktor kerana bayaran levi adalah merupakan tanggungjawabnya.**

b. JKR telah meluluskan Arahan Perubahan Kerja bernilai RM29,699 dengan alasan untuk mengimbuh balik kos insurans tambahan yang telah dibayar oleh kontraktor. **Pada pandangan Audit, JKR tidak sepatutnya membuat pembayaran tersebut kerana kos insurans sepatutnya ditanggung oleh kontraktor selaras dengan syarat kontrak.**

26.4.7. Rancangan Penyenggaraan

Bagi memastikan bangunan Pangkalan Polis Marin, kuarters, jeti dan semua peralatan kelengkapan sentiasa berada dalam keadaan memuaskan, satu program penyenggaraan tahunan dan kaedah penyenggaraan perlu disediakan. Pegawai yang bertanggungjawab bagi menjalankan program tersebut juga perlu dikenal pasti. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati Ibu Pejabat Polis Marin belum menyediakan rancangan penyenggaraan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat pada bulan Mac 2008. **Pada pandangan Audit, perancangan untuk program penyenggaraan tahunan perlu disediakan supaya kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan sebaik sahaja tempoh tanggungan kecacatan tamat kelak.**

26.4.8. Aduan Kerosakan Oleh Pengguna

Semakan Audit mendapati semua borang aduan telah dikemukakan oleh pengguna iaitu Polis Marin Pulau Pinang kepada kontraktor. JKR tidak mempunyai sebarang informasi mengenai aduan tersebut sehingga kerja-kerja pembaikan dilaksanakan oleh kontraktor. Selepas pembaikan, Juruteknik JKR menandatangani borang tersebut dan memfailkannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat kerja-kerja yang disenaraikan di borang aduan tidak dicatatkan tarikh kerja selesai diperbaiki dan sebahagiannya tidak ada pengesahan sama ada kerja pembaikan telah dilaksanakan. Borang aduan juga tidak diisikan tarikh kontraktor sepatutnya menyelesaikan kerja pembaikan dan ada borang yang tidak dicatatkan tarikh aduan dibuat. **Pada pandangan Audit, semua kerja yang telah siap dilaksanakan**

hendaklah diperiksa, disahkan dengan segera dan difailkan secara sistematik. Pemeriksaan berkala hendaklah dijalankan dalam tempoh tanggungan kecacatan untuk memastikan bangunan dan kemudahan yang dibina sentiasa berkeadaan baik.

26.4.9. Pemantauan

Pihak yang terlibat dengan pemantauan projek ini ialah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Kerja Raya dan perunding arkitek. Peringkat pemantauan yang telah dilakukan adalah seperti berikut :-

26.4.9.1. Mesyuarat Tapak

Ketua Pengarah Kerja Raya telah melantik Pengarah JKR Pulau Pinang untuk mengawasi keseluruhan pelaksanaan projek. Kemajuan kerja projek telah dibincangkan semasa Mesyuarat Tapak yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR Pulau Pinang. Mesyuarat ini dihadiri oleh kontraktor, perunding, PDRM Bukit Aman dan Polis Marin Wilayah Utara bagi membincangkan laporan mengenai kemajuan kerja kontraktor. Semakan Audit terhadap fail Minit Mesyuarat Tapak mendapati mesyuarat berkenaan hanya diadakan sebanyak 12 kali sepanjang pelaksanaan projek.

26.4.9.2. Mesyuarat Teknikal

Mesyuarat Teknikal telah diadakan sebanyak 27 kali bagi membincang dan menyelesaikan masalah teknikal berkaitan kerja pembinaan.

26.4.9.3. Buku Harian Tapak

Pihak Audit mendapati tidak ada buku harian tapak diselenggarakan oleh kontraktor. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan bagaimana JKR memantau penyeliaan projek ini seperti kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor, masalah-masalah di tapak bina dan penilaian tuntutan kontraktor.

Pada pandangan Audit, pemantauan yang dijalankan adalah kurang memuaskan berdasarkan kepada penemuan-penemuan yang telah dinyatakan pada peringkat pelaksanaan projek.

26.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, projek pembinaan Pangkalan Polis Marin Batu Uban, Pulau Pinang tidak dilaksanakan dengan teratur. Sungguhpun mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan pada bulan November 2004, namun ia hanya dapat disiapkan pada bulan Mac 2006 iaitu lewat selama 15 bulan. Faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan ialah PDRM/JKR mengambil masa lebih dari 2 tahun untuk memutuskan jenis *pontoon* bagi menggantikan jenis yang ditetapkan dalam kontrak yang mana didapati tidak sesuai. Pelantikan kontraktor yang tiada pengalaman dalam bidang maritim telah menyebabkan kerja pembinaan kurang berkualiti. Selain itu, terdapat juga Arahan Perubahan Kerja yang dikeluarkan dengan alasan yang tidak munasabah

seperti menanggung kekurangan bayaran levi dan membayar balik kos insurans tambahan kepada kontraktor. Bagi menangani kelemahan ini, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan JKR adalah disyorkan memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

a. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan JKR perlu memastikan projek-projek pembinaan ditawarkan kepada kontraktor yang ada kepakaran dan pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan.

b. JKR perlu memastikan kontraktor memperbaiki kerja yang tidak mengikut spesifikasi/kecacatan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat.

c. Memandangkan bayaran kepada kontraktor berjumlah RM48,466 yang dibuat melalui Arahan Perubahan Kerja adalah tidak teratur, JKR patut menuntut balik bayaran tersebut.

d. Memandangkan pangkalan ini telah pun mula beroperasi, Kementerian hendaklah menyediakan program penyenggaraan tahunan dengan segera

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

27. PENDAHULUAN

27.1. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan. Bagaimanapun, pengauditan terhadap syarikat-syarikat berkenaan hanya boleh dijalankan jika perintah daripada Yang di-Pertuan Agong diperolehi terlebih dahulu. Sehubungan ini pada 29 Januari 2004, Yang di-Pertuan Agong telah mengeluarkan perintah kepada Ketua Audit Negara supaya menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat berkenaan.

27.2. Mengikut Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan, sehingga 31 Disember 2006, Kerajaan mempunyai pelaburan berjumlah RM20.09 bilion dalam 88 syarikat berbanding dengan tahun 2005 di mana ia mempunyai pelaburan berjumlah RM18.43 bilion dalam 82 syarikat. Objektif pelaburan Kerajaan Persekutuan adalah untuk mendapatkan pulangan yang munasabah, mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik dan melabur dalam sektor yang kurang mendapat sambutan daripada sektor swasta. Jabatan Audit Negara telah menjalankan analisis untuk menilai prestasi kewangan syarikat di mana Kerajaan mempunyai ekuiti lebih daripada 50% secara menyeluruh di samping menjalankan kajian secara mendalam terhadap pengurusan 3 syarikat.

28. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SECARA KESELURUHAN

28.1. Mengikut rekod Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD) Kementerian Kewangan, Kerajaan Persekutuan memiliki lebih daripada 50% ekuiti dalam 38 syarikat sehingga 31 Disember 2005. Pada tahun 2006, terdapat perubahan dalam pegangan ekuiti di mana Kerajaan memegang lebih 50% ekuiti dalam 53 syarikat dengan pelaburan berjumlah RM23.37 bilion termasuk 6 syarikat berada pada status *dormant.* Didapati 53 syarikat tersebut melibatkan 4 sektor utama iaitu ekonomi, sosial, infrastruktur serta perkhidmatan am. Senarai 47 syarikat yang masih aktif adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.1
SYARIKAT YANG MANA KERAJAAN MEMPUNYAI LEBIH 50% PEGANGAN EKUITI MENGIKUT SEKTOR SETAKAT BULAN DISEMBER 2006

SEKTOR EKONOMI	SEKTOR SOSIAL
1. Amanah Raya Berhad 2. Bank Pembangunan Malaysia Berhad 3. EXIM Bank Berhad 4. Felcra Berhad 5. Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. 6. Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. 7. Malaysia Debt Ventures Berhad 8. Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad 9. Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd. 10. Perbadanan Nasional Berhad 11. Petroliam Nasional Berhad 12. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 13. SME Bank Berhad (*) 14. Syarikat Tanah dan Harta Sdn. Bhd.	1. IJN Holdings Sdn. Bhd. (*) 2. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. 3. Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. 4. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad 5. JKP Sdn. Bhd. 6. Pembinaan BLT Sdn. Bhd. (*) 7. Pengurusan Aset Air Berhad (*) 8. Percetakan Nasional Malaysia Berhad 9. Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd. 10. Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. 11. Sarawak Hidro Sdn. Bhd. 12. Syarikat Perumahan Negara Berhad 13. UDA Holdings Berhad
SEKTOR INFRASTRUKTUR	**SEKTOR PERKHIDMATAN AM**
1. Assets Global Network Sdn. Bhd. 2. Keretapi Tanah Melayu Berhad 3. KLIA Berhad (*) 4. Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (*) 5. Penang Port Sdn. Bhd. 6. Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (*) 7. Syarikat Prasarana Negara Berhad	1. Astronautic Technology Sdn. Bhd. 2. Coumbia Aircraft Manufacturing Corporation (The Lancair Co.) 3. Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. 4. Cyberview Sdn. Bhd. 5. Halal Industry Development Corporation Berhad (*) 6. Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. 7. Khazanah Nasional Berhad 8. Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (*) 9. MIMOS Berhad 10. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. 11. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. (*) 12. SIRIM Berhad (*) 13. Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.

Nota (*) : Tidak Disemak Kerana Penyata Kewangan Tidak Diperolehi

28.2. Berdasarkan kepada data dalam penyata kewangan syarikat bagi tahun 2003 hingga 2005 yang diperolehi daripada Bahagian MKD, analisis telah dijalankan untuk menentukan prestasi kewangan syarikat berkenaan. Bagaimanapun, hanya prestasi bagi 36 syarikat dapat dinilai kerana penyata kewangan bagi 11 syarikat tidak diperolehi sama ada syarikat itu baru sahaja diambil alih, tiada maklumat atau maklumat tidak lengkap. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan :-

28.2.1. Pendapatan Syarikat

28.2.1.1. **Pada tahun 2005, jumlah pendapatan bagi kesemua 36 syarikat yang diaudit adalah RM195.71 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM42.11 bilion atau 27.4% berbanding RM153.60 bilion pada tahun 2004.** Pendapatan tertinggi adalah daripada sektor ekonomi yang memperolehi pendapatan berjumlah RM170.22 bilion atau 87% daripada jumlah keseluruhan pendapatan pada tahun 2005. Ini diikuti oleh sektor perkhidmatan am berjumlah RM23.55 bilion, sektor sosial berjumlah RM1.26 bilion dan sektor infrastruktur berjumlah RM0.68 bilion. Carta berikut menunjukkan pendapatan syarikat mengikut sektor bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 :-

CARTA 28.1
PENDAPATAN SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005



28.2.1.2. **Analisis Audit mendapati 14 syarikat berjaya memperolehi pendapatan yang meningkat setiap tahun. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat ini ialah RM104.58 bilion pada tahun 2003 menjadi RM191.93 bilion pada tahun 2005.** Pendapatan bagi 3 syarikat pula mengalami penurunan di mana jumlah pendapatannya adalah RM1.21 bilion pada tahun 2003 menurun kepada RM0.74 bilion pada tahun 2005. Kedudukan pendapatan bagi syarikat-syarikat berkenan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.2
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENAMBAHAN/PENURUNAN PENDAPATAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENAMBAHAN PENDAPATAN			
Petroliam Nasional Berhad	97,511.74	137,046.49	166,891.44
Khazanah Nasional Berhad	5,143.70	9,654.27	22,569.95
Felcra Berhad	1,302.96	1,413.90	1,438.27
Penang Port Sdn. Bhd.	190.38	206.15	206.83
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	40.41	156.41	203.38
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	113.45	130.74	136.82
Cyberview Sdn. Bhd.	82.16	92.47	102.27
Columbia Aircraft Manufacturing Corporation (The Lancair Co.)	76.31	124.71	196.65
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	59.13	80.49	80.52
Amanah Raya Berhad	26.87	36.56	54.55
JKP Sdn. Bhd.	30.74	34.96	41.63
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	6.06	6.31	6.57
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	1.82	2.20	2.65
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	0.00	0.67	1.04
JUMLAH	**104,585.73**	**148,986.33**	**191,932.57**
SYARIKAT YANG MENGALAMI PENURUNAN PENDAPATAN			
Perbadanan Nasional Berhad	51.31	27.44	27.18
MIMOS Berhad	342.60	335.45	267.12
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	812.40	580.61	449.07
JUMLAH	**1,206.31**	**943.50**	**743.37**

28.2.2. Keuntungan Sebelum Cukai

28.2.2.1. Pada tahun 2005, sebanyak 19 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM70.90 bilion. Manakala 17 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM1.28 bilion. Sehubungan ini, jumlah keuntungan sebelum cukai secara keseluruhannya adalah berjumlah RM69.62 bilion. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding RM61.76 bilion bagi tahun 2004. Pada keseluruhannya, sektor ekonomi menunjukkan peningkatan keuntungan yang lebih baik berbanding sektor-sektor lain. Keuntungan syarikat mengikut sektor adalah seperti carta berikut:-

CARTA 28.2
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SYARIKAT KERAJAAN
MENGIKUT SEKTOR BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005



28.2.2.2. Adalah diperhatikan 11 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM167.46 bilion. Manakala 10 syarikat lain mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM1.27 bilion. Syarikat yang memperolehi keuntungan dan mengalami kerugian 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.3
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN/MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI 3 TAHUN BERTERUSAN BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHII KEUNTUNGAN			
Petroliam Nasional Berhad	37,441.87	58,030.20	70,180.25
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	320.38	380.87	247.71
EXIM Bank Berhad	65.35	74.90	120.42
Felcra Berhad	45.32	74.04	64.90
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	19.65	24.26	34.95

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
Cyberview Sdn. Bhd.	37.43	35.47	29.64
Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	7.44	42.30	29.26
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	24.66	23.29	23.24
Amanah Raya Berhad	1.92	3.09	19.02
Penang Port Sdn. Bhd.	16.17	19.49	7.66
JKP Sdn. Bhd.	5.38	9.92	4.10
JUMLAH	**37,985.57**	**58,717.83**	**70,761.15**
SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(106.29)	(159.36)	(168.96)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(128.43)	(104.99)	(129.53)
Columbia Aircraft Manufacturing Corporaton (The Lancair Co.)	(46.80)	(55.47)	(85.68)
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(60.85)	(10.38)	(39.97)
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(12.15)	(3.23)	(8.29)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(2.25)	(3.14)	(4.85)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(32.18)	(91.35)	(1.72)
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	(1.15)	(2.10)	(0.97)
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	(4.21)	(0.97)	(0.96)
Syarikat Tanah & Harta Sdn. Bhd.	(0.01)	(0.01)	(0.01)
JUMLAH	**(394.32)**	**(431.00)**	**(440.94)**

28.2.3. Pegangan Aset

28.2.3.1. Aset yang dipegang oleh syarikat merupakan aset tetap dan semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, aset bagi 36 syarikat yang diaudit telah meningkat daripada RM370.66 bilion pada tahun 2004 menjadi RM424.22 bilion pada tahun 2005. Sejumlah RM304.40 bilion (71.7%) daripada aset tersebut adalah dimiliki oleh syarikat di bawah sektor ekonomi dan sejumlah RM100.54 bilion (23.7%) di bawah sektor perkhidmatan am. Petroliam Nasional Berhad adalah merupakan syarikat Kerajaan yang mempunyai nilai aset terbesar iaitu RM269.25 bilion dan diikuti oleh Khazanah Nasional Berhad yang mempunyai aset berjumlah RM95.94 bilion.

28.2.3.2. Semakan Audit mendapati 17 syarikat telah menunjukkan pertambahan aset untuk 3 tahun berturut-turut manakala 11 syarikat lain mengalami penurunan aset secara berterusan bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.4
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN PEGANGAN ASET BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN ASET			
Petroliam Nasional Berhad	203,204.93	239,077.32	269,249.35
Khazanah Nasional Berhad	53,867.89	78,912.74	95,936.72
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	14,109.84	17,250.08	22,860.22
EXIM Bank Berhad	3,016.19	3,259.02	3,570.59
FELCRA Berhad	2,628.29	2,661.64	2,803.55
Cyberview Sdn. Bhd.	1,845.36	2,072.40	2,179.11
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	1,663.21	1,865.98	3,295.60
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	967.01	971.14	1,045.82
Malaysia Debt Ventures Berhad	908.33	1,010.59	1,430.76
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	280.73	298.63	371.96
Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	220.78	241.28	263.69
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	190.64	193.15	202.24
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	179.93	180.81	189.13
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	146.22	156.91	202.21
Astronautic Technology Sdn. Bhd.	84.26	96.49	102.83
Amanah Raya Berhad	61.26	63.20	106.98
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	40.12	51.97	76.88
JUMLAH	**283,414.99**	**348,363.35**	**403,887.64**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN ASET			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	8,658.93	8,529.96	8,346.58
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	8,236.21	3,429.69	2,065.80
UDA Holdings Berhad	1,884.96	1,882.82	1,781.71
Perbadanan Nasional Berhad	1,472.63	1,446.79	1,384.24
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,018.24	986.57	955.65
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	827.10	783.67	760.59
MIMOS Berhad	703.23	637.73	503.22
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	182.02	175.30	170.65
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	70.73	57.77	51.52
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	36.10	34.43	29.88
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	3.88	1.90	1.42
JUMLAH	**23,094.03**	**17,966.63**	**16,051.26**

28.2.4. Nisbah Pulangan Aset

28.2.4.1. Nisbah Pulangan Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperolehi daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang digunakan bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana pendapatan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat dalam menggunakan asetnya bagi menjana pendapatannya.

28.2.4.2. Analisis Audit mendapati 7 daripada 36 syarikat telah menunjukkan peningkatan Nisbah Pulangan Asetnya bagi 3 tahun berturut-turut. Petroliam Nasional Berhad mencatatkan Nisbah Pulangan Aset tertinggi bagi 3 tahun berturut-turut. Manakala Nisbah Pulangan Aset bagi 6 syarikat lain menunjukkan penurunan yang berterusan bagi tempoh yang sama. Butiran mengenai Nisbah Pulangan Aset bagi 13 syarikat tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.5
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN NISBAH PULANGAN ASET BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003	2004	2005
NISBAH PULANGAN ASET MENINGKAT			
Petroliam Nasional Berhad	18.43	24.27	26.07
Amanah Raya Berhad	3.13	4.90	17.78
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	13.44	15.46	17.28
Astronautic Technology Sdn. Bhd.	-2.43	4.92	11.48
UDA Holdings Berhad	-0.49	2.32	3.06
EXIM Bank Berhad	0.30	2.17	2.30
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	-0.02	0.18	0.34
NISBAH PULANGAN ASET MENURUN			
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.01	-2.64	-13.23
Syarikat Perumahan Negara Berhad	2.76	2.00	-10.07
Perbadanan Nasional Berhad	1.39	-0.23	-4.53
Syarikat Prasarana Negara Berhad	-1.23	-1.87	-2.02
Cyberview Sdn. Bhd.	2.03	1.71	1.36
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	12.93	12.06	11.49

28.2.5. Liabiliti Syarikat

28.2.5.1. Antara liabiliti syarikat Kerajaan adalah pinjaman, overdraf, pemiutang, deposit dan pendahuluan. Liabiliti syarikat Kerajaan meningkat daripada RM183 bilion pada tahun 2004 menjadi RM207.43 bilion pada tahun 2005. Syarikat Kerajaan di bawah sektor ekonomi mempunyai liabiliti tertinggi iaitu berjumlah RM119.79 bilion dan ini diikuti oleh syarikat di bawah sektor perkhidmatan am yang mana jumlah liabilitinya ialah RM73.16 bilion.

28.2.5.2. Semakan Audit mendapati liabiliti bagi 15 syarikat telah meningkat untuk tempoh 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 6 syarikat menunjukkan penurunan liabiliti. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.6
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN LIABILITI BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI			
Khazanah Nasional Berhad	35,746.61	52,826.04	69,958.32
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	10,889.50	13,613.74	17,452.37
Exim Bank Berhad	2,764.55	2,953.48	3,112.68
Felcra Berhad	2,055.07	2,075.84	2,175.78
Cyberview Sdn Bhd	1,413.66	1,583.00	1,638.64
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,268.99	1,358.70	1,440.42
Malaysia Debt Ventures Berhad	868.48	977.60	1,387.18
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,033.66	1,034.89	1,036.15
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	528.04	566.06	710.67
Columbia Aircraft Manufacturing Corporation (The Lancair Co.)	64.53	78.16	184.63
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	61.21	62.72	65.76
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	33.93	44.32	65.40
Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	26.88	41.40	46.17
Amanah Raya Berhad	11.31	12.45	41.82
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	0.50	0.65	0.67
JUMLAH	**56,766.92**	**77,229.05**	**99,316.66**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN LIABILITI			
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	21.61	15.61	11.41
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	38.26	28.17	27.48
JKP Sdn. Bhd.	38.50	36.22	34.62
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	6,541.17	1,650.03	250.45
MIMOS Berhad	324.60	287.76	259.82
UDA Holdings Berhad	712.50	711.07	572.72
JUMLAH	**7,676.64**	**2,728.86**	**1,156.50**

28.2.6. Pinjaman Syarikat

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2005, 14 daripada 36 syarikat Kerajaan yang diaudit mempunyai pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Baki pinjaman yang melibatkan 14 syarikat itu pada akhir tahun 2005 ialah RM7.42 bilion berbanding baki pada akhir tahun 2004 berjumlah RM6.97 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.45 bilion. Adalah diperhatikan 6 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman daripada tahun 2004 berbanding tahun 2005. Manakala baki pinjaman bagi 4 syarikat tidak bergerak dari tahun 2003 hingga 2005. Exim Bank Berhad mempunyai baki pinjaman belum selesai tertinggi iaitu RM1.98 bilion dan diikuti dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang berjumlah RM1.29 bilion. Kedudukan pinjaman syarikat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.7
KEDUDUKAN PINJAMAN SYARIKAT
BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
Exim Bank Berhad	1,700.00	1,700.00	1,978.21
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,106.22	1,225.38	1,286.97
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	537.05	528.80	562.12
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	442.86	466.33	493.90
Cyberview Sdn. Bhd.	459.56	459.56	469.77
Felcra Berhad	293.01	293.01	405.41
Keretapi Tanah Melayu Berhad	880.50	880.50	880.50
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	500.00	500.00	500.00
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	190.00	190.00	190.00
MIMOS Berhad	76.00	76.00	76.00
UDA Holdings Berhad	423.28	399.62	332.32
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	175.00	182.00	175.00
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	68.20	65.00	65.00
JKP Sdn. Bhd.	10.92	8.74	8.74
JUMLAH	**6,862.60**	**6,974.94**	**7,423.94**

28.2.7. Dana Pemegang Saham

28.2.7.1. Dana pemegang saham adalah merupakan modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Sehubungan ini, 15 syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Manakala 11 syarikat lain mengalami penurunan dana secara berterusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.8
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN DANA
PEMEGANG SAHAM BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA			
Petroliam Nasional Berhad	97,597.95	129,383.33	155,968.32
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	2,574.58	2,934.41	4,277.78
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	1,695.04	1,779.66	1,815.35
Felcra Berhad	572.26	584.74	626.57
Cyberview Sdn. Bhd.	431.69	489.40	512.59
EXIM Bank Berhad	251.64	305.54	457.90
Penang Port Sdn. Bhd.	330.95	341.95	344.41
JKP Sdn. Bhd.	209.51	216.51	217.08
Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	169.23	199.30	215.56
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	140.74	150.98	157.92
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	112.32	112.59	136.82
Astronautic Technology Sdn. Bhd.	83.27	88.02	99.40
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	18.51	36.66	65.47
Amanah Raya Berhad	49.95	50.74	63.15
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	(19.42)	16.02	28.16
JUMLAH	**104,218.22**	**136,689.85**	**164,986.48**

SYARIKAT	TAHUN		
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN DANA			
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(301.98)	(390.53)	(394.61)
Composites Techonology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(258.36)	(268.75)	(339.76)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(15.42)	(48.32)	(80.50)
Columbia Aircraft Manufacturing Corporation (The Lancair Co.)	(7.20)	(24.67)	(29.86)
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	(8.20)	(11.08)	(19.67)
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	(1.48)	(9.28)	(19.35)
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	3.38	1.25	0.74
Syarikat Perumahan Negara Berhad	90.27	85.14	6.47
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	83.65	83.23	82.37
Perbadanan Nasional Berhad	1,413.64	1,413.46	1,345.77
Syarikat Prasarana Negara Berhad	2,111.08	1,951.34	1,782.35
JUMLAH	**3,109.38**	**2,781.79**	**2,333.95**

28.2.7.2. Analisis selanjutnya mendapati 6 syarikat telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2003 hingga 2005. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM592.64 juta pada tahun 2003 kepada RM883.75 juta pada tahun 2005. Syarikat yang terlibat adalah Assets Global Network Sdn. Bhd., Columbia Aircraft Manufacturing Corporation, Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd., Kedah Aquaculture Sdn. Bhd., Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. Kekurangan dana bagi syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. adalah disebabkan oleh tanggungjawab sosialnya untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat pada kadar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan. Oleh demikian, ketidakcukupan dana akan ditanggung oleh Kerajaan dengan memberi bantuan subsidi untuk menyerap kerugian operasi syarikat. Dana pemegang saham yang negatif bagi Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. adalah disebabkan syarikat ini terlibat dengan perniagaan yang melibatkan modal kerja yang tinggi. Manakala ketidakcukupan dana syarikat Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. yang tidak terlibat dengan mana-mana obligasi sosial adalah berpunca daripada kegagalan syarikat tersebut menjana keuntungan daripada operasinya.

28.2.8. Nisbah Cepat

28..2.8.1. Nisbah Cepat adalah pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset mudah cair (wang tunai, penghutang dagangan, pelaburan, simpanan tetap) yang ada dapat menampung liabiliti (hutang) semasa syarikat. Nisbah Cepat sesuatu syarikat adalah dianggap baik jika ia melebihi 1. Analisis Audit mendapati 28 daripada 36 syarikat telah memperolehi Nisbah Cepat antara 1.01 hingga 345.33 pada tahun 2005. Sebanyak 25 daripadanya telah menunjukkan Nisbah Cepatnya melebihi 1 bagi tempoh 3 tahun berturut-turut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

JADUAL 28.9
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI NISBAH CEPAT MELEBIHI SATU BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN		
	2003	2004	2005
	Nisbah Cepat		
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	406.46	771.31	345.33
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	1.36	1.11	178.23
Malaysia Debt Ventures Berhad	11.53	7.53	20.93
Perbadanan Nasional Berhad	19.34	21.58	20.53
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	13.04	11.94	14.22
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	6.18	9.04	8.81
Astronautic Technology Sdn. Bhd.	36.52	4.01	7.74
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	17.05	9.02	6.35
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	759.41	381.72	6.33
Syarikat Perumahan Negara Berhad	8.06	13.48	5.78
Syarikat Prasarana Negara Berhad	7.99	4.64	5.46
Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	5.59	4.64	4.59
JKP Sdn. Bhd.	5.23	4.32	4.14
UDA Holdings Berhad	3.12	2.56	3.46
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	3.63	3.28	3.28
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1.50	2.56	3.18
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	4.18	4.32	3.12
Petroliam Nasional Berhad	1.87	2.73	2.58
MIMOS Berhad	2.52	2.57	2.47
Amanah Raya Berhad	6.34	5.86	2.11
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	3.52	4.51	1.98
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	1,436.28	2.23	1.64
Composites Techonology Research Malaysia Sdn. Bhd.	1.88	1.59	1.23
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	1.05	1.08	1.09
Penang Port Sdn. Bhd.	1.70	1.20	1.01

28.2.8.2. Nisbah Cepat bagi 7 syarikat pada tahun 2003 dan 7 syarikat pada tahun 2004 serta 7 syarikat pada tahun 2005 adalah kurang daripada 1. Ini menunjukkan syarikat terlibat tidak berkemampuan untuk menampung liabiliti semasanya. Keretapi Tanah Melayu Berhad mempunyai Nisbah Cepat kurang daripada 1 secara berterusan bagi tempoh 3 tahun.

28.2.9. Pembayaran Cukai Syarikat

28.2.9.1. Pada tahun 2005, sebanyak 26 daripada 36 syarikat telah membayar cukai berjumlah RM22.31 bilion. Syarikat daripada sektor ekonomi membayar 97.7% atau RM21.81 bilion daripada jumlah cukai ini. Cukai yang dibayar pada tahun 2005 meningkat 23% atau sejumlah RM4.16 bilion berbanding RM18.15 bilion yang dibayar pada tahun 2004. Bagi 10 syarikat yang lain, 4 syarikat tidak membayar cukai pada tahun 2005 sungguhpun mencatatkan keuntungan. Manakala 6 lagi mencatatkan kerugian pada tahun berkenaan.

Jumlah cukai yang dibayar oleh syarikat Kerajaan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.10
CUKAI YANG DIBAYAR OLEH SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SEKTOR	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	
Ekonomi	11,208.11	17,561.11	21,810.89	50,580.11
Perkhidmatan Am	565.80	542.79	450.99	1,559.58
Sosial	22.80	33.16	40.15	96.11
Infrastruktur dan Kemudahan Awam	8.70	10.45	5.75	24.90
JUMLAH	**11,805.41**	**18,147.51**	**22,307.78**	**52,260.70**

28.2.9.2. Analisis seterusnya mendapati 17 syarikat telah membayar cukai berjumlah RM52.14 bilion bagi 3 tahun berturut-turut seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.11
SYARIKAT YANG MEMBAYAR CUKAI 3 TAHUN BERTERUSAN BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	
Petroliam Nasional Berhad	11,135.75	17,481.24	21,735.14	50,352.13
Khazanah Nasional Berhad	550.63	570.87	437.18	1,558.68
Felcra Berhad	23.04	28.22	15.80	67.06
UDA Holdings Berhad	2.98	1.49	23.77	28.24
Syarikat Perumahan Negara Berhad	11.00	10.96	0.02	21.98
Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	1.09	12.23	7.95	21.27
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	6.63	5.42	8.07	20.12
Perbadanan Nasional Berhad	6.54	3.10	5.69	15.33
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	3.00	5.38	5.73	14.11
MIMOS Berhad	2.68	1.56	9.02	13.26
Keretapi Tanah Melayu Berhad	3.78	3.15	2.06	8.99
Amanah Raya Berhad	0.74	1.70	5.24	7.68
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1.14	1.60	1.63	4.37
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	0.02	0.01	3.87	3.90
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	2.95	0.24	0.18	3.37
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.04	0.94	0.11	1.09
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	0.06	0.01	0.04	0.11
JUMLAH	**11,752.07**	**18,128.12**	**22,261.50**	**52,141.69**

28.2.10. Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan

28.2.10.1. Bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Semua bayaran dividen hendaklah dibuat berasaskan keuntungan sahaja. Bagaimanapun, sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005,

sebanyak 15 daripada 36 syarikat telah membayar dividen kepada Kerajaan berjumlah RM27.47 bilion atau antara 2% hingga 10% daripada keuntungan syarikat-syarikat berkenaan. Bagaimanapun, hanya 5 syarikat telah membayar dividen kepada Kerajaan secara berterusan dalam tempoh 3 tahun iaitu Petroliam Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Penang Port Sdn. Bhd. dan Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad. Daripada 21 syarikat yang tidak pernah membayar dividen dalam tempoh tahun 2003 hingga 2005, 10 daripadanya mencatatkan kerugian berterusan tiga tahun berturut-turut. Syarikat-syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan adalah seperti di **Jadual 28.12**. Jumlah dividen bersih yang ditunjukkan dalam jadual tersebut adalah berdasarkan tahun kewangan berakhir setiap syarikat dan bukan merujuk kepada tahun sebenar dividen tersebut dibayar kepada Kerajaan.

JADUAL 28.12
DIVIDEN BERSIH YANG DIBAYAR OLEH SYARIKAT KERAJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2005

SYARIKAT	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Petroliam Nasional Berhad	5,100.00	9,100.00	13,000.00	27,200.00
Khazanah Nasional Berhad	30.00	30.00	30.00	90.00
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	10.00	15.00	17.50	42.50
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	80.00	80.00
UDA Holdings Berhad	10.17	-	-	10.17
Penang Port Sdn. Bhd.	3.17	3.17	1.06	7.40
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	2.25	2.53	2.53	7.31
Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.	-	4.30	-	4.30
Cyberview Sdn. Bhd.	8.82	3.53	-	12.35
Syarikat Perumahan Negara Berhad	3.60	-	-	3.60
Felcra Berhad	-	7.20	3.60	10.80
Amanah Raya Berhad	0.60	0.60	0.60	1.80
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	0.43	-	0.64	1.07
Astronautic Technology Sdn. Bhd.	-	-	0.24	0.24
Assets Global Network Sdn. Bhd.	0.01	-	-	0.01
JUMLAH	**5,169.05**	**9,166.33**	**13,136.17**	**27,471.55**

28.2.10.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2003, sebanyak 16 syarikat telah mencatatkan keuntungan tetapi hanya 11 syarikat membayar dividen kepada Kerajaan. Pada tahun 2004, sebanyak 9 syarikat telah membayar dividen kepada Kerajaan walaupun 21 syarikat telah mencatatkan keuntungan. Manakala pada tahun 2005, sebanyak 10 syarikat telah membayar dividen kepada Kerajaan walaupun 19 syarikat telah mencatatkan keuntungan.

28.2.10.3. Syarikat Kerajaan yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen perlu memberikan butiran mengenai sebab dividen tidak dapat dibayar, cadangan penggunaan keuntungan, kerugian

terkumpul jika ada serta tahun kewangan di mana kerugian terkumpul dijangka boleh dihapuskan dan dividen dapat dibayar. Berdasarkan semakan terhadap 20 fail syarikat, tiada bukti menunjukkan 3 syarikat yang tidak membayar dividen walaupun mencatatkan keuntungan pada tahun 2005 mengemukakan butiran berkenaan.

28.2.11. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Mengikut Akta Syarikat 1965, bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat berkenaan memperolehi keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 juga menetapkan bahawa bonus boleh dibayar jika syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Keuntungan munasabah perlu mengambil kira antaranya objektif penubuhan sesebuah syarikat termasuk objektif sosial jika ada. Jika syarikat memperolehi keuntungan cemerlang (pertambahan keuntungan operasi yang besar bagi 3 tahun yang lalu), bayaran bonus melebihi 2 bulan gaji boleh dipertimbangkan. Semakan Audit terhadap 20 fail syarikat mendapati kesemua syarikat telah memohon kelulusan Menteri Kewangan untuk membayar bonus bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Bagaimanapun, pembayaran bonus antara 1 bulan hingga 2.6 bulan gaji telah diluluskan bagi 7 syarikat yang telah mengalami kerugian. Antara justifikasi kelulusan tersebut adalah untuk mengurangkan beban kewangan pekerja syarikat, peningkatan prestasi syarikat yang diukur kepada peningkatan pendapatan atau jumlah kerugian sebelum cukai yang semakin mengecil.

29. PENGAWASAN TERHADAP SYARIKAT KERAJAAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN

29.1. Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD), Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab mengawasi pelaburan Kerajaan Persekutuan dan melaksanakan perkara-perkara berikut :-

a. Memastikan pelaburan Kerajaan terpelihara dan memberi pulangan yang munasabah.

b. Meluluskan pelantikan Pengerusi/Ketua Eksekutif/Ahli Lembaga Pengarah, struktur gaji, pelantikan proksi, bayaran elaun Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, bayaran bonus dan dividen.

c. Menilai kedudukan kewangan dan pelan perniagaan syarikat.

d. Mengkaji, menggubal dan menetapkan dasar Kerajaan berkaitan dengan pengurusan syarikat.

29.2. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Bahagian MKD berpandukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan seperti Akta Menteri Kewangan Diperbadankan 1957, Akta Syarikat 1965, Tatacara dan Tataurusan Syarikat/Undang–undang Tubuh

syarikat berkenaan, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Antara pekeliling yang perlu dipatuhi oleh syarikat Kerajaan ialah Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 yang menetapkan keperluan mewujudkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan.

29.3. Pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada urusan pelantikan/ pelanjutan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif dan pelantikan wakil MKD telah dibuat dengan teratur. Pengauditan juga telah dibuat untuk menentukan sama ada pemantauan yang berkesan telah dibuat terhadap pengurusan syarikat. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati perkara berikut :-

29.3.1. Pelantikan Pengerusi Dan Ahli Lembaga Pengarah

Mengikut Surat Pekeliling Am bertarikh 14 Julai 1980, Kementerian Kewangan telah menetapkan semua keahlian Lembaga Pengarah syarikat Kerajaan serta penentuan elaun, faedah dan keistimewaan mereka perlu mendapat persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit terhadap 20 syarikat Kerajaan mendapati kelulusan secara bertulis oleh Menteri Kewangan telah diperolehi dalam urusan tersebut. Permohonan untuk kenaikan atau semakan elaun Ahli Lembaga Pengarah juga dikemukakan kepada Menteri Kewangan dan kelulusan diberikan mengikut kaedah perbandingan dengan syarikat-syarikat lain yang setaraf.

29.3.2. Pelantikan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 1985 telah menetapkan pelantikan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan bagi semua syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan selaku pemegang saham. Semakan terhadap 20 fail syarikat Kerajaan mendapati pelantikan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan bagi 20 syarikat berkenaan telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Semakan juga mendapati pelantikan mereka dibuat berdasarkan kepada cadangan daripada Lembaga Pengarah, Kementerian Pengawal dan Bahagian MKD.

29.3.3. Peranan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah

29.3.3.1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1985 menetapkan bahawa seorang pegawai Kerajaan boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam 5 syarikat induk. Berdasarkan rekod yang diselenggarakan oleh Bahagian MKD, adalah diperhatikan 3 pegawai Kerajaan telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah dalam 6 hingga 15 syarikat Kerajaan. **Pada pandangan Audit, bagi meningkatkan keberkesanan peranan mereka sebagai wakil Kerajaan, keanggotaan mereka dalam Lembaga Pengarah syarikat perlu dihadkan supaya selaras dengan peraturan yang ada.**

29.3.3.2. Pekeliling yang sama juga menetapkan wakil Kerajaan yang dilantik perlu menyediakan laporan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali berhubung dengan perjalanan syarikat-syarikat tersebut. Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan di Bahagian MKD bagi 20 syarikat mendapati tiada bukti laporan tersebut disediakan secara konsisten oleh pegawai yang mewakili Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati wakil Kerajaan yang dilantik ada mengemukakan laporan bertulis kepada Menteri Kewangan sebelum mesyuarat agung tahunan diadakan. Laporan tersebut adalah untuk menjelaskan mengenai prestasi kewangan syarikat, sebab-sebab kerugian syarikat serta memohon persetujuan berhubung resolusi-resolusi yang akan dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. **Pada pandangan Audit, Bahagian MKD perlu mempertingkatkan pengawasan terhadap pematuhan semua peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.**

30. PENGURUSAN AKTIVITI SYARIKAT

Sepanjang tahun 2006, pengauditan dijalankan terhadap 3 syarikat secara khusus. Hasil pengauditan adalah seperi di perenggan-perenggan 31 hingga 33.

PENGURUSAN
INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.

31.1. LATAR BELAKANG

31.1.1. Pada bulan September 1992, Kerajaan telah mengkorporatkan Institut Jantung Negara (IJN) dengan mewujudkan Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB). Syarikat ini yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM100 juta dan modal berbayar berjumlah RM15 juta. Pada bulan Februari 1994, Kerajaan telah menambah modal berbayar IJNSB kepada RM18.90 juta. Perjanjian pengkorporatan ini telah ditandatangani pada bulan Oktober 2000 dan Kerajaan telah memindah milik asetnya bernilai RM52.72 juta kepada IJNSB menjadikan modal berbayar IJNSB berjumlah RM71.62 juta. Pegangan saham Kerajaan dalam syarikat ini adalah melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang memegang saham terbesar dengan 99.9% manakala Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memiliki 1 saham bernilai RM1.00.

31.1.2. Aktiviti utama IJNSB adalah sebagai sebuah pusat sehenti bersepadu yang menawarkan perkhidmatan kardiologi, pembedahan kardiotorasik, anestetik serta paramedik di bawah satu bumbung. Objektif utama IJNSB ialah mencari kaedah yang baru dan lebih baik untuk memberi rawatan kepada pesakit di samping memastikan bahawa tanggungjawab sosial Kerajaan untuk memberi perkhidmatan percuma dapat dinikmati oleh lebih ramai pesakit terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

31.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan IJNSB telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

31.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan dan aktiviti utama IJNSB bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod berkaitan telah dibuat di pejabat IJNSB, Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Pemeriksaan fizikal terhadap aset yang dimiliki IJNSB telah diadakan. Pandangan pelanggan berhubung dengan perkhidmatan yang telah diberi juga diperolehi.

31.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2006 terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan IJNSB mendapati perkara berikut :-

31.4.1. Syarat Perjanjian Dengan Kerajaan

Perjanjian pengkorporatan hanya ditandatangani oleh Kerajaan dengan IJNSB pada 10 Oktober 2000 sungguhpun IJNSB telah pun dikorporatkan pada tahun 1992. Bagaimanapun, **beberapa syarat dalam perjanjian ini telah dikebelakangkan tarikh kuat kuasanya**. Antara lainnya, perjanjian tersebut menetapkan :-

- IJNSB dijadikan sebagai pusat rujukan negara berkaitan dengan penyakit jantung melalui perkhidmatan perubatan dan pembedahan jantung.
- Aset IJN bernilai RM52.72 juta dipindah milik kepada IJNSB menjadikan modal berbayar IJNSB berjumlah RM71.62 juta.
- Semua hutang dan liabiliti Kerajaan tidak akan diambil alih oleh IJNSB.
- Bangunan IJN dipajakkan kepada IJNSB mulai bulan Mei 1995.
- Kerajaan akan terus membantu mempromosikan IJNSB sebagai *"a national referral centre"* untuk memberi perkhidmatan perubatan dan pembedahan jantung.
- Caj rawatan yang dikenakan hendaklah berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan dalam perjanjian dan sekiranya terdapat rawatan yang kadarnya tidak dinyatakan, kelulusan Kementerian Kewangan perlu diperolehi.
- IJNSB perlu mengemukakan penyata bulanan kepada Kerajaan berhubung dengan perkhidmatan (termasuk caj yang dikenakan) yang telah diberikan kepada mereka yang layak mendapat pembiayaan daripada Kerajaan seperti kakitangan dan pesara Kerajaan serta mereka yang berpendapatan rendah.
- Kerajaan perlu menyelesaikan semua bil rawatan yang perlu dibiayainya dalam tempoh 90 hari dari tarikh bil berkenaan diterima.

31.4.2. Struktur Pengurusan

31.4.2.1. Selaras dengan Akta Syarikat 1965 dan peraturan yang ditetapkan melalui pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, IJNSB telah mengambil tindakan yang berikut :-

a. Mewujudkan Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh seramai 10 orang yang terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan juga Pengarah Bukan Eksekutif. Dua daripada Pengarah Bukan Eksekutif ialah wakil Kerajaan iaitu daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan. Pelantikan mereka untuk menganggotai Lembaga Pengarah telah mendapat kelulusan Menteri Kewangan. Lembaga Pengarah antara lainnya, bertanggungjawab menentukan dasar dan operasi syarikat yang munasabah selaras dengan objektif penubuhannya dan membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Pengerusi Lembaga Pengarah IJNSB ketika ini ialah Datuk Dr. Mohamed Salleh bin Ismail.

b. Mewujudkan satu jawatan Setiausaha Syarikat sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965.

c. IJNSB telah melantik Tetuan KPMG bagi tahun 2004 dan 2005 untuk menjalankan fungsi sebagai Juruaudit Dalam. Manakala Tetuan Ernst and Young telah dilantik menjalankan fungsi tersebut bagi tahun 2006 dan 2007.

d. Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan yang bertanggungjawab terhadap operasi dan keberkesanan perniagaan, menetapkan polisi dan dasar perniagaan serta membangunkan strategi dan prosedur kewangan IJNSB.

e. Menubuhkan Jawatankuasa Risiko Dan Pematuhan yang bertanggungjawab memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat serta menyemak rancangan dan laporan Juruaudit Dalam bagi menentukan tindakan pembetulan diambil segera terhadap kelemahan pengurusan yang dibangkitkan.

31.4.2.2. IJNSB diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif iaitu Encik Mohd Radzif bin Mohd Yunus. Fungsi IJNSB dilaksanakan melalui 5 bahagian seperti berikut :-

a. Bahagian Perubatan - Bahagian ini yang diketuai oleh seorang Pengarah Perubatan adalah bertanggungjawab untuk :-

i. Memberikan konsultansi sebelum dan selepas pembedahan, melakukan pembedahan jantung terbuka dan jantung tertutup, pembedahan torasik serta pemindahan jantung. Perkhidmatan ini diberi oleh Jabatan Pembedahan Kardiotorasik.

ii. Menyediakan perkhidmatan bius untuk pesakit-pesakit yang menjalani pembedahan di Dewan Bedah atau prosedur di Makmal Kardiologi Invasif. Jabatan ini juga memberi rawatan pesakit dalam wad-wad intensif dan kritikal. Perkhidmatan ini diberi oleh Jabatan Anestesiologi.

iii. Menyediakan penyelesaian dari segi diagnostik, terapi farmaseutikal dan prosedur intervensi untuk mengurus rawatan penyakit kardiovaskular. Ini dilakukan melalui konsultasi di klinik pesakit luar dan rawatan pesakit dalam yang melibatkan prosedur invasif seperti angiogram, kajian elektrofisiologi, angioplasti dan ablasi radiofrekuensi. Perkhidmatan ini diberi oleh Jabatan Kardiologi dan Kardiologi Pediatrik.

b. Bahagian Kejururawatan - Bahagian ini yang diketuai oleh Pengurus Besar Kejururawatan bertanggungjawab mengendalikan 15 wad, klinik-klinik pesakit luar, dewan bedah, unit bekalan steril, makmal kardiologi invasif dan lain-lain unit berkaitan.

c. Bahagian Pengurusan Strategik - Bahagian ini yang diketuai oleh Setiausaha Syarikat bertanggungjawab terhadap urusan perancangan perniagaan.

d. **Bahagian Sumber Manusia Dan Pembangunan Organisasi** - Bahagian ini yang diketuai oleh seorang Pengurus Kanan bertanggungjawab terhadap pengurusan pegawai dan kakitangan IJNSB.

e. **Bahagian Pengurusan Kewangan** - Bahagian ini yang diketuai oleh seorang Akauntan Bertauliah bertanggungjawab untuk menguruskan perihal kewangan, perolehan dan pengebilan serta kawalan kredit.

Struktur organisasi IJNSB adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 31.1
STRUKTUR ORGANISASI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.
- KEDUDUKAN PADA 1 MAC 2007



Nota : *ICU - Intensive Care Unit* *CCU - Coronary Care Unit*
ICL - Invasive Cardiovascular Lab *OT - Operation Theater*
PICU - Pediatric Intensive Care Unit *OPD - Out Patient Department*
CSSD - Central Sterile Supply Department *E&O - Emergency and Observation*

31.4.2.3. Pada bulan Ogos 2004, Kementerian Kewangan telah meluluskan cadangan penstrukturan semula IJNSB dengan menubuhkan IJN Holdings Sdn. Bhd. dan 5 anak syarikat (termasuk IJNSB). Setakat ini, syarikat-syarikat berikut telah ditubuhkan :-

a. IJN Holdings Sdn. Bhd.

IJN Holdings Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada bulan Mac 2005, adalah merupakan syarikat induk bagi Kumpulan IJN dengan pegangan ekuiti 100% oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Syarikat ini bertanggungjawab menggubal dasar bagi menentukan hala tuju Kumpulan IJN. Lembaga Pengarah IJN Holdings Sdn. Bhd. dipengerusikan oleh Datuk Dr. Mohamed Salleh Bin Ismail dan dianggotai oleh wakil Kerajaan bagi memastikan dasar-dasar Kerajaan berhubung perubatan dan penjagaan kesihatan yang melibatkan penyakit jantung dilaksanakan dengan teratur. Selain itu, Lembaga juga dianggotai oleh wakil dari sektor swasta yang mempunyai latar belakang perakaunan dan perundangan. **Adalah diperhatikan pada bulan Ogos 2004, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelan penstrukturan semula Kumpulan IJN. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah IJNSB telah membuat pembayaran dividen khas berjumlah RM100 juta kepada IJN Holdings Sdn. Bhd.**

b. IJN Capital Sdn. Bhd.

Syarikat ini juga ditubuhkan pada bulan Mac 2005 dengan tujuan untuk menguruskan semua hal kewangan di samping bertanggungjawab terhadap semua tanggungan dan risiko berkaitan dengan kewangan dan projek pembesaran Kumpulan IJN.

31.4.3. Guna Tenaga Dan Latihan

31.4.3.1. Sehingga 31 Disember 2006, sejumlah 1,031 (93.7%) daripada 1,100 jawatan yang diluluskan telah diisi. Kedudukan sumber tenaga di IJNSB adalah seperti berikut :-

JADUAL 31.1
KEDUDUKAN SUMBER TENAGA IJNSB
(SEHINGGA 31 DISEMBER 2006)

JABATAN	JAWATAN DILULUS	JAWATAN DIISI	% DIISI
Bahagian Perubatan	90	72	80.0
Sokongan Klinikal	305	326	107.0
Kejururawatan	587	509	87.0
Bahagian Korporat	118	124	105.0
JUMLAH	**1,100**	**1,031**	**93.7**

31.4.3.2. Semakan selanjutnya mendapati hanya 72 daripada 90 jawatan di Bahagian Perubatan yang terdiri daripada pegawai perubatan, pakar dan konsultan dalam bidang kardiologi dewasa dan kanak-kanak; pembedahan kardiotorasik dan anestologi telah diisi. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 31.2
KEDUDUKAN PERJAWATAN BAHAGIAN PERUBATAN

BIDANG	KONSULTAN		PAKAR		PEGAWAI PERUBATAN		JUMLAH	
	Lulus	Isi	Lulus	Isi	Lulus	Isi	Lulus	Isi
Kardiologi (Dewasa)	12	10	20	15	12	6	43	31
Kardiologi (Kanak-kanak)	3	5	3	3	-	2	6	10
Pembedahan Kardiotorasik	10	8	10	8	-	1	20	17
Anestesiologi	11	9	10	4	12	1	21	14
JUMLAH	**36**	**32**	**43**	**30**	**24**	**10**	**90**	**72**

31.4.3.3. Bahagian Sumber Manusia IJNSB telah menetapkan garis panduan berkaitan dengan pengambilan, pelantikan, penetapan skala gaji/gred, kelayakan cuti serta kemudahan kakitangannya. Pada keseluruhannya, semakan terhadap 107 dari 1,031 fail pegawai dan kakitangan IJNSB secara rambang mendapati semua aspek pengurusan sumber manusia seperti pengambilan, pengesahan jawatan, cuti, pemberian bonus adalah pada tahap yang baik. Bagaimanapun, IJNSB perlu memberi perhatian terhadap perkara-perkara berikut :-

a. Pengambilan Pegawai Secara Kontrak

Semakan Audit mendapati bahawa walaupun pengambilan pegawai secara kontrak dibuat dengan teratur, namun IJNSB lewat memperbaharui kontrak pegawai berkenaan. Tempoh kelewatan adalah antara 3 hingga 108 hari seperti berikut :-

JADUAL 31.3
TEMPOH KELEWATAN MEMPERBAHARUI KONTRAK PEGAWAI SECARA KONTRAK

PEGAWAI KONTRAK	BILANGAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Doktor	9	3 - 108
Jururawat	11	3 - 47

b. Pengambilan Jururawat Terlatih

Setiap tahun, IJNSB akan melatih lebih kurang 30 jururawat tempatan. Mereka diberi biasiswa penuh serta menjalani latihan untuk tempoh 2 tahun. Bagaimanapun bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, IJNSB masih menghadapi masalah kekurangan jururawat terlatih dari kalangan warga tempatan. Setiap tahun, seramai antara 30 hingga 35 jururawat terlatih yang berpengalaman akan meninggalkan IJNSB atas pelbagai alasan. Antaranya, tawaran dari hospital swasta dan luar negara serta orang persendirian terutama dari negara Arab Saudi yang memberi gaji yang lebih menarik kepada mereka di mana ada yang bergaji sehingga RM10,000 sebulan. Semakan Audit selanjutnya mendapati bahawa pengambilan jururawat asing yang mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun juga meningkat dari 9 jururawat asing pada tahun 2003 kepada 25 jururawat pada tahun 2006 dengan kelulusan Lembaga Pengarah IJNSB. Analisis menunjukkan

kos menggaji jururawat asing adalah lebih tinggi berbanding menggaji jururawat tempatan kerana kos tersebut termasuk bayaran levi, kemudahan penginapan dan lain-lain. Perbandingan kos penggajian antara jururawat tempatan dengan jururawat asing adalah seperti berikut :-

JADUAL 31.4
PERBANDINGAN KOS PENGGAJIAN
JURURAWAT TEMPATAN DAN JURURAWAT ASING

KOS PENGAMBILAN	JURURAWAT TERLATIH (TEMPATAN) (RM Sebulan)	JURURAWAT TERLATIH (ASING) (RM Sebulan)
Gaji (termasuk Elaun)	1,800.00	1,625.00
Penginapan	-	215.00
Tiket Penerbangan	-	44.45
Levi	-	117.50
Agen Pengambilan	-	16.67
JUMLAH KOS	**1,800.00**	**2,018.62**

Pada pandangan Audit, sungguhpun pengambilan jururawat asing boleh mengatasi masalah kekurangan jururawat terlatih bagi tempoh jangka pendek, namun bagi tempoh jangka panjang, IJNSB patut meningkatkan usahanya untuk melatih lebih ramai rakyat tempatan menjadi jururawat.

31.4.3.4. Latihan merupakan elemen penting bagi memajukan kerjaya pekerja, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta produktiviti dan kualiti kerja. IJNSB telah menetapkan bahawa setiap pegawainya perlu menghadiri latihan sekurang-kurangnya 40 jam/10 hari bekerja. IJNSB juga telah memperuntukkan sejumlah RM5 juta setahun bagi tahun 2005 dan 2006 untuk tujuan memberi latihan kepada mereka. Semakan Audit mendapati IJNSB hanya dapat membelanjakan sejumlah RM2.37 juta (47.4%) daripada peruntukan tahun 2005 dan RM3.02 juta (60.4%) bagi tahun 2006. Berdasarkan maklum balas yang diberi oleh IJNSB, antara sebab peruntukan latihannya tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya adalah kerana IJNSB tidak dapat melepaskan kakitangannya berkursus memandangkan bilangan kes yang memerlukan rawatan kian meningkat. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, IJNSB telah menghantar antara 229 hingga 359 pegawainya untuk menghadiri latihan dalam dan luar negara.

31.4.4. Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strategi pelaksanaannya bagi meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan terhadap pengurusannya. Semakan Audit mendapati IJNSB telah menyediakan satu rancangan korporat yang mengandungi visi, misi, polisi dan hala tuju, strategi serta rancangan perniagaannya. Termasuk di dalam perancangan korporat ini adalah Pelan Induk Projek Pengembangan IJN (IJN Expansion Plan). Pelan ini melibatkan projek pembesaran

bangunan baru IJN dan pengubahsuaian bangunan sedia ada bertujuan untuk menampung keperluan pesakit yang kian meningkat, menambah kemudahan/fasiliti unit kritikal yang meruncing dan juga meningkatkan keselesaan kepada semua pesakit.

31.4.5. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan operasi syarikat, IJNSB telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti berikut :-

31.4.5.1. Manual Kualiti

IJNSB telah menetapkan prosedur kerja dan arahan kerja untuk dipatuhi oleh kakitangannya. Kesemua prosedur kerja dan arahan kerja tersebut telah mendapat persijilan MS ISO 9001: 2000 daripada SIRIM pada 5 Julai 2004.

31.4.5.2. Petunjuk Prestasi

IJNSB telah menetapkan 34 Petunjuk Prestasi bagi membolehkan pihak pengurusan menilai tahap pencapaian prestasi kerja semua jabatan. Antara Petunjuk Prestasi yang telah ditetapkan adalah Kadar Kematian; Purata Tempoh Penginapan; Margin Keuntungan; Pulangan Ekuiti; Peningkatan Hasil; Indeks Kepuasan Pelanggan (Dalaman Dan Luaran); Penggredan Industri; Output Penyelidikan; Bilangan Pelatih; dan Kajian Perubahan Organisasi. Pasukan Pengurusan Kualiti sentiasa memantau pengurusan kualiti dengan mengadakan mesyuarat bulanan di mana laporan bulanan mengenai tahap pencapaian prestasi akan dibentangkan kepada pihak pengurusan IJNSB.

31.4.6. Prestasi Kewangan

31.4.6.1. Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. telah menyediakan bajet tahunan dengan menetapkan anggaran pendapatan bagi operasinya serta anggaran perbelanjaan yang antaranya meliputi kos pentadbiran, kos langsung dan pembelian aset tetap. Bajet bagi tahun berikutnya adalah berdasarkan kepada perbelanjaan sebenar tahun kewangan sebelumnya serta jangkaan yang telah dibuat bagi tahun kewangan semasa. Kedudukan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti berikut :-

JADUAL 31.5
BAJET INSTITUT JANTUNG NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

BUTIRAN	2004(*)	2005	2006
	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
PENDAPATAN			
Pendapatan Langsung	227.68	208.20	233.89
Lain-lain Pendapatan	2.93	4.63	1.84
Jumlah Pendapatan	**230.61**	**212.83**	**235.73**
PERBELANJAAN			

BUTIRAN	2004(*)	2005	2006
	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Perbelanjaan Langsung	218.95	189.52	202.45
Lain-lain Perbelanjaan	6.28	8.27	20.97
Jumlah Perbelanjaan	**225.23**	**197.79**	**223.42**
JUMLAH UNTUNG / (RUGI) SEBELUM CUKAI	5.38	15.04	12.31
UNTUNG / (RUGI) SELEPAS CUKAI (**)	1.89	10.41	17.15

Nota (*) :- IJNSB Menukar Tahun Kewangannya Daripada 31 Ogos Kepada 31 Disember Berkuatkuasa Tahun Kewangan 2004 (16 Bulan)
(**) :- Untung Rugi Selepas Cukai Sebelum Pembayaran Dividen

31.4.6.2. Semakan telah dibuat terhadap beberapa butiran Penyata Pendapatan serta Lembaran Imbangan IJNSB bagi tahun kewangan 2003 hingga 2006 seperti berikut :-

a. Pendapatan langsung IJNSB adalah terdiri daripada caj-caj yang dikenakan kepada pesakit dalam dan pesakit luar yang meliputi caj pakar perunding serta bedah, wad, penjualan ubat-ubatan, pembekalan perubatan dan penyelidikan perubatan. Seramai 80% dari jumlah pesakit yang menerima rawatan adalah terdiri dari pesakit tanggungan Kerajaan yang menyumbang kepada 85% jumlah pendapatan IJNSB. Perbelanjaan langsung pula adalah untuk pembelian bahan mentah, penyewaan mesin dan penyenggaraan aset.

b. Jumlah pendapatan yang diperolehi meningkat dari RM169.68 juta pada tahun 2003 kepada RM261.56 juta pada tahun 2006. Sungguhpun perbelanjaan telah meningkat dari RM162.24 juta pada tahun 2003 kepada RM234.77 juta pada tahun 2006, namun IJNSB masih dapat meningkatkan keuntungan sebelum cukainya daripada RM7.44 juta pada tahun 2003 kepada RM26.79 juta pada tahun 2006. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 31.6
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 OGOS 2003 HINGGA 31 DISEMBER 2006

BUTIRAN	TAHUN			
	2003 (RM Juta)	2004 (*) (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta) (Belum Diaudit)
PENDAPATAN				
Hasil Langsung	165.28	271.48	236.16	255.46
Hasil lain	4.40	7.32	6.35	6.10
Jumlah Hasil	**169.68**	**278.8**	**242.51**	**261.56**
PERBELANJAAN				
Perbelanjaan Langsung	157.33	225.85	204.58	222.81
Perbelanjaan Tidak Langsung	4.91	10.64	8.67	11.96
Jumlah Perbelanjaan	**162.24**	**236.49**	**213.25**	**234.77**
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	7.44	42.31	29.26	26.79

Nota (*) :- IJNSB Menukar Tahun Kewangannya Daripada 31 Ogos Kepada 31 Disember Berkuatkuasa Tahun Kewangan 2004

31.4.6.3. Bagi menentukan prestasi kewangan IJNSB, satu analisis telah dibuat terhadap beberapa butiran di Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan IJNSB bagi tahun kewangan 2003 hingga 2006. Analisis tersebut meliputi analisis nisbah semasa, margin keuntungan dan pulangan aset tetap. Berikut adalah ringkasan hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. **Nisbah Semasa** merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung kedudukan tanggungan semasa. Kedudukan nisbah antara aset semasa dengan tanggungan semasa pada kadar 2:1 menunjukkan keadaan yang baik. **Nisbah semasa IJNSB didapati menurun daripada 5.59:1 pada tahun 2003 kepada 2.12:1 pada tahun 2006. Penurunan ini antara lainnya, adalah disebabkan oleh baki Deposit, Tunai dan Bank berkurangan daripada RM137.69 juta pada tahun 2005 kepada RM49.52 juta pada tahun 2006 akibat pembayaran dividen khas berjumlah RM100 juta kepada syarikat induk (IJN Holdings Sdn. Bhd.).** Kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa IJNSB adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 31.7
ASET SEMASA BERBANDING TANGGUNGAN SEMASA IJNSB
- KEDUDUKAN PADA 31 OGOS 2003 HINGGA 31 DISEMBER 2006

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	TANGGUGAN SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a : b)
2003	150.22	26.88	5.59:1
2004 (*)	192.17	41.41	4.64:1
2005	211.98	46.17	4.59:1
2006 (Belum Diaudit)	109.61	51.60	2.12:1

Nota (*) :- ***IJNSB Menukar Tahun Kewangannya Daripada 31 Ogos Kepada 31 Disember Berkuatkuasa Tahun Kewangan 2004***

b. **Margin Keuntungan** adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperolehi daripada setiap ringgit hasil yang dipungut. Margin keuntungan yang meningkat menunjukkan kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah *(value-added)* terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, margin keuntungan IJNSB menunjukkan trend yang menurun mulai tahun 2004 iaitu daripada 11 sen pada tahun tersebut kepada 9 sen pada tahun 2005 dan seterusnya 7 sen pada tahun 2006. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 31.8
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI BERBANDING JUALAN IJNSB
- KEDUDUKAN PADA 31 OGOS 2003 HINGGA 31 DISEMBER 2006

TAHUN	JUMLAH JUALAN (RM Juta) (a)	JUMLAH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 JUALAN (RM) (b/a)
2003	165.28	6.35	0.04
2004 (*)	271.48	30.08	0.11
2005	236.16	20.56	0.09
2006 (Belum Diaudit)	255.46	18.77	0.07

Nota (*) :- IJNSB Menukar Tahun Kewangannya Daripada 31 Ogos Kepada 31 Disember Berkuatkuasa Tahun Kewangan 2004

c. **Pulangan Aset Tetap** adalah pendekatan yang digunakan untuk menilai kecekapan syarikat menggunakan aset tetap untuk menjana pendapatan. Secara amnya, pulangan 10% setahun menunjukkan penggunaan aset tetap untuk menjana jualan dan keuntungan yang cekap. Adalah didapati nisbah ini telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2004 berbanding tahun sebelum dan selepasnya. Ini menunjukkan IJNSB perlu sentiasa memastikan pelaburan dalam aset tetap harus terus dieksploitasi ke tahap maksima bagi memastikan ianya dapat memberi kesan yang positif terhadap keuntungan syarikat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 31.9
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI BERBANDING NILAI ASET TETAP
- KEDUDUKAN PADA 31 OGOS 2003 HINGGA 31 DISEMBER 2006

TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH KOS ASET TETAP (RM Juta) (b)	PULANGAN ASET TETAP (%)
2003	6.35	113.28	5.60
2004	30.08	127.29	23.63
2005	20.56	137.67	14.93
2006 (Belum Diaudit)	18.77	144.70	12.97

Nota (*) :- IJNSB Menukar Tahun Kewangannya Daripada 31 Ogos Kepada 31 Disember Berkuatkuasa Tahun Kewangan 2004

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan IJNSB bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006 adalah baik.

31.4.7. Pengurusan Kewangan

Sebagai sebuah syarikat Kerajaan, IJNSB selain daripada mematuhi Akta Syarikat 1965 juga perlu mematuhi peraturan kewangan dan Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Tahap pematuhannya adalah seperti berikut :-

31.4.7.1. Pembayaran Dividen

a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 telah menetapkan bahawa syarikat-syarikat Kerajaan perlu membayar dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan yang diperolehi bagi sesuatu tahun

kewangan kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Semakan Audit mendapati bahawa IJNSB telah membayar dividen berjumlah RM35.57 juta kepada Kerajaan sejak penubuhannya.

b. IJNSB telah memohon pengecualian pembayaran dividen selama 10 tahun mulai tahun kewangan 2003 daripada Kementerian Kewangan. Permohonan pengecualian ini dibuat selaras dengan projek pengembangan Kumpulan IJN dan penubuhan IJN Holdings Sdn. Bhd. di mana Kerajaan tidak akan membiayai kos projek tersebut yang dianggarkan berjumlah RM250 juta. Semakan Audit mendapati Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan IJNSB untuk tidak membayar dividen kepada Kerajaan hanya bagi tahun kewangan 2002/2003 sahaja. IJNSB adalah dikehendaki mengemukakan permohonan pengecualian ini bagi setiap tahun kewangan untuk kelulusan Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, didapati **IJNSB tidak membayar dividen kepada Kerajaan bagi tahun kewangan 2005 walaupun memperolehi keuntungan. Tidak ada bukti yang menunjukkan IJNSB mengemukakan permohonan untuk mendapat kelulusan pengecualian daripada Kementerian Kewangan.**

31.4.7.2. Pembayaran Bonus

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus oleh Syarikat-syarikat Kerajaan. Antara lainnya, pekeliling tersebut menetapkan Syarikat Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, Syarikat Kerajaan perlu mengemukakan cadangan bayaran bonus kakitangannya kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati IJNSB telah memberikan bonus antara 0.5 hingga 3 bulan gaji kepada kakitangannya bagi tempuh tahun 2003 hingga 2006 bergantung kepada penilaian prestasi. Pembayaran bonus ini telah mendapat kelulusan Menteri Kewangan.

31.4.7.3. Perolehan

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1995 menetapkan setiap Syarikat Kerajaan yang menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan bagi setiap perolehan yang dilakukan. Semakan Audit terhadap urusan perolehan IJNSB mendapati ia telah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 45 fail kontrak untuk perolehan barangan farmaseutikal dan perkhidmatan mendapati IJNSB lewat memperbaharui hampir kesemua kontrak yang bernilai RM59.81 juta antara 19 hingga 213 hari seperti berikut :-

JADUAL 31.10
KELEWATAN MEMPERBAHARUI KONTRAK PEROLEHAN

JENIS KONTRAK	BILANGAN FAIL DISEMAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Bekalan Farmaseutikal	2	16.98	19 – 20
	10	31.39	Belum ditentukan (*)
Perkhidmatan	33	11.44	62 – 213
JUMLAH	**45**	**59.81**	

Nota :- (*) Dokumen Kontrak Masih Belum Dimatikan Setem

Pada pandangan Audit, IJNSB perlu mengambil tindakan segera untuk mensahihkan (*validate*) semua kontrak berkaitan supaya tidak berlaku sebarang masalah dengan pembekal dan seterusnya memastikan operasi IJNSB dapat dijalankan dengan licin dan teratur.

31.4.7.4. Tunggakan Hasil

Sehingga bulan Disember 2006, tunggakan hasil yang masih belum dikutip oleh IJNSB berjumlah RM43.93 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM17.72 juta (40.3 %) telah tertunggak melebihi 90 hari. Agensi Kerajaan merupakan penghutang IJNSB yang terbesar di mana jumlah yang tertunggak ialah RM31.24 juta. Bagi mengatasi masalah tunggakan hasil yang tinggi, IJNSB telah melantik Tetuan Sahariah & Associates dan syarikat CCR Network Sdn. Bhd. untuk mengutip hutang bagi pihaknya. Jumlah komisen yang diluluskan adalah sebanyak 10% daripada hasil kutipan. Kedudukan tunggakan hasil IJNSB sehingga 31 Disember 2006 adalah seperti berikut :-

JADUAL 31.11
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL IJNSB
(SEHINGGA 31 DISEMBER 2006)

PENGHUTANG	TUNGGAKAN HASIL MENGIKUT USIA (RM Juta)					
	SEMASA < 30 HARI	31 – 60 HARI	61 – 90 HARI	> 91 HARI	> 1 TAHUN	JUMLAH
KERAJAAN PERSEKUTUAN Pegawai Kerajaan Pesara Pesakit Kurang Mampu	17.09	-	-	-	-	**17.09**
KERAJAAN PBT/ Kerajaan Negeri/ Hospital KL Sabah Medical Centre	1.92	1.85	1.0	3.83	5.55	**14.15**
SWASTA Syarikat Individu	1.55	1.38	0.8	1.85	6.05	**11.63**
WARGA ASING	0.2	0.06	0	0	0.18	**0.44**
LAIN-LAIN Staf IJNSB Derma	0.3	0.04	0.02	0.15	0.11	**0.62**
JUMLAH BESAR (RM Juta)	**21.06**	**3.33**	**1.82**	**5.83**	**11.89**	**43.93**
Peratusan (%)	**47.94**	**7.58**	**4.14**	**13.27**	**27.06**	

31.4.7.5. Aset Dan Inventori

IJNSB telah menyelenggara Daftar Aset Dan Inventorinya mengikut peraturan seperti yang ditetapkan. Maklumat aset yang diperolehi daripada Kerajaan juga disimpan dengan baik dan sentiasa dikemas kini. Pemeriksaan fizikal terhadap baki stok telah dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan maklumat aset dan inventori sentiasa kemas kini.

31.4.7.6. IJN Foundation

IJN Foundation telah ditubuhkan pada tahun 1997 dengan objektif seperti berikut:-

a. Memajukan pemahaman punca penyakit jantung dengan memberi teknik rawatan dan kawalan asas.

b. Memberi bantuan kewangan/biasiswa kepada yang layak melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan bagi memastikan kesinambungan profesional perubatan di IJNSB dalam tempoh jangka panjang. Kemudahan ini terbuka kepada kakitangan dan keluarga IJNSB.

c. Mempertingkatkan pengetahuan serta kemahiran profesional kesihatan termasuk promosi kesihatan kepada orang awam.

d. Membantu pesakit yang berpendapatan rendah mendapat rawatan perubatan di IJNSB.

e. Sehingga akhir tahun 2006, IJN Foundation telah mengumpul lebihan dana berjumlah RM1.06 juta. Sejak penubuhannya, lebih daripada 140 pesakit yang terdiri daripada berbagai bangsa dan kaum telah menerima sumbangan untuk kos rawatan seperti pemindahan jantung, *Endoscopic Vein Harvesting*, ECMO Program dan sebagainya.

31.4.8. Prestasi Aktiviti

31.4.8.1. Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. menawarkan perkhidmatan seperti berikut :-

a. Kardiologi

Memberi perkhidmatan kardiologi dengan menggunakan peralatan canggih yang membolehkan pakar kardiologi berjaya bukan sahaja bagi merawat *coronary lesions* yang kompleks malahan juga melaksanakan *angioplasty* dengan menggunakan saluran arteri.

b. Kardiologi Kanak-kanak

Memberi perkhidmatan kepada pesakit luar dan dalam yang mempunyai masalah jantung kongenital di samping menawarkan perkhidmatan penjagaan kardiak kanak-kanak yang juga meliputi perkhidmatan ekokardiografi dan prosedur *transcatherer* lanjutan.

c. Pembedahan Kardiotorasik

Perkhidmatan ini merangkumi pembedahan jantung seperti pembedahan kardiak dewasa; pembedahan kongenital jantung kanak-kanak dan dewasa; pembedahan torasik; pembedahan vascular; pembedahan pemindahan jantung dan paru-paru; serta pembedahan jantung lemah.

d. Anestetik

Perkhidmatan anestetik diberi kepada semua pesakit sama ada kanak-kanak atau dewasa semasa di Dewan Pembedahan dan Unit Kawalan Rapi. Perkhidmatan ini juga diberi kepada pesakit yang menjalankan rawatan seperti elektrofisiologi dan radiofrekuensi ablaition.

e. Program Pemulihan Kardiak

Program ini bertujuan untuk memberi sokongan berkualiti jangka panjang kepada semua pesakit dan keluarga mereka. Program komprehensif ini melibatkan sepanjang tempoh pesakit menerima rawatan. Program ini dilaksanakan oleh fisioterapis.

31.4.8.2. Kos setiap rawatan telah ditetapkan dalam perjanjian pengkorporatan yang ditandatangani pada tahun 2000. Bagaimanapun dengan kelulusan Kementerian Kewangan, IJNSB telah membuat kajian semula terhadap kos rawatannya untuk disesuaikan dengan keperluan semasa. Kadar kos rawatan semasa yang berkuat kuasa mulai bulan September 2003 telah ditetapkan hasil daripada kajian perbandingan kos rawatan perkhidmatan yang sama yang dikenakan oleh 10 hospital swasta di negara ini. Kajian ini telah dijalankan oleh syarikat perunding yang dilantik oleh IJNSB.

31.4.8.3. Kementerian Kesihatan menempatkan 6 pegawainya di Unit Taksiran Khas di IJNSB untuk menetapkan jumlah subsidi yang boleh diberi kepada pesakit. Bagaimanapun, didapati **Kementerian Kesihatan tidak menetapkan sebarang garis panduan untuk menetapkan pemberian subsidi tersebut. Oleh itu, jumlah subsidi diberi berdasarkan budi bicara pegawai berkenaan.**

31.4.8.4. Jumlah kes yang dirawat di IJNSB telah bertambah dari tahun ke tahun. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2006, IJNSB telah memberi perkhidmatan rawatan kepada 886,084 pesakit. Mereka adalah terdiri daripada 809,433 pesakit luar dan 76,651 pesakit dalam. Butirannya adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 31.2
JUMLAH KES DIRAWAT DI IJNSB



31.4.8.5. Bilangan pembedahan yang berjaya dilaksanakan oleh IJNSB sejak tahun 2000 adalah berjumlah 19,013 di mana pembedahan jenis jantung terbuka telah meningkat. Bilangan pembedahan mengikut jenis adalah seperti berikut :-

JADUAL 31.12
BILANGAN PEMBEDAHAN YANG DILAKUKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2000 HINGGA 2006

TAHUN	BILANGAN PEMBEDAHAN (Mengikut Jenis)			JUMLAH
	JANTUNG TERBUKA	JANTUNG TERTUTUP	TORASIK	
2000	1,837	707	54	2,598
2001	1,925	717	60	2,702
2002	1,770	548	102	2,420
2003	1,697	659	63	2,419
2004	1,950	773	81	2,804
2005	2,048	807	105	2,960
2006	2,100	827	183	3,110
JUMLAH	13,327	5,038	648	19,013

31.4.8.6. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2006, IJNSB telah melakukan sebanyak 49,170 prosedur kardiologi. Bilangan prosedur kardiologi yang dijalankan mengikut tahun dan jenis yang terlibat adalah seperti di carta-carta berikut :-

CARTA 31.3
BILANGAN PROSEDUR KARDIOLOGI



CARTA 31.4
PECAHAN PERATUSAN PROSEDUR KARDIOLOGI



31.4.8.7. Semakan Audit terhadap rekod pesakit bagi tahun 2005 dan 2006 mendapati seramai 918 pesakit telah menunggu selama 6 bulan hingga 3 tahun untuk menjalani pembedahan. Manakala bagi tahun 2006, hanya terdapat 405 pesakit yang sedang menunggu. Semakan selanjutnya mendapati pesakit menunggu melebihi 1 tahun adalah disebabkan oleh pakar yang merawatnya berpendapat pesakit berkenaan tidak memerlukan pembedahan segera atau keadaan pesakit yang tidak stabil. Butirannya adalah seperti berikut :-

JADUAL 31.13
PETUNJUK PRESTASI IJNSB
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2006

TEMPOH MASA MENUNGGU PEMBEDAHAN	BILANGAN PESAKIT	
	2005	2006
Kurang daripada 6 Bulan	102	27
Antara 6 bulan hingga 1 tahun	212	70
Antara 1 hingga 3 tahun	604	308
JUMLAH	**918**	**405**

31.4.8.8. Analisis yang dijalankan terhadap 14 daripada 34 Petunjuk Prestasi bagi tahun 2005 dan 2006 mendapati 8 telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 31.14
PETUNJUK PRESTASI IJNSB
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2006

JABATAN	PETUNJUK PRESTASI	PERATUSAN SASARAN (%)	PERATUSAN PENCAPAIAN (%)		CATATAN / SEBAB
			Purata 2005	Purata 2006	
Kardiologi	Kadar kematian daripada *Acute Myocardiac Infarcation* (serangan jantung)	< 10	6.01	5.23	Sasaran dicapai
Kardiologi Kanak-kanak	Pesakit baru mesti mendapat temu janji dalam tempoh 3 bulan	80	TB	97.36	Sasaran dicapai
Kardiotorasik	Kadar pembatalan kes yang disenaraikan untuk pembedahan	< 5	6.94	6.0	Kekurangan katil pesakit
	Kes pesakit dewasa yang terpaksa menginap di ICU > 5 hari	< 10	10.81	11.40	Terdapat pesakit yang terpaksa lanjutkan tempoh penginapan melebihi 5 hari
Rekod Perubatan	Rekod perubatan dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan	100	91.66	100	Sasaran dicapai
	Rekod Perubatan dikemukakan kepada doktor untuk menyediakan laporan perubatan dalam tempoh 3 hari bekerja	90 95 (dari September 2006)	89.91	98.83	Sasaran dicapai
Pendaftaran	Masa menunggu pendaftaran kes baru kurang daripada 15 minit	80	73.54	71.84	Bilangan pesakit yang meningkat
Pengurusan Kualiti	Laporan Kejadian dibuat dalam tempoh 24 jam	100	TB	79.87	1 kes lewat dilaporkan
	Penerimaan Laporan Kejadian dimaklumkan kepada pelapor dalam tempoh 48 jam	100	TB	100	Sasaran dicapai
	Laporan Kejadian disiasat dalam tempoh 1 minggu	100	TB	47.68	3 kes mengambil masa melebihi 1 minggu untuk disiasat
	Penerimaan aduan pesakit dimaklumkan kepada pengadu dalam tempoh 24 jam	100	TB	100	Sasaran dicapai
	Indeks Kepuasan Pesakit Dalaman	75 (2005) 85 (2006)	78.61	95.93	Sasaran dicapai

JABATAN	PETUNJUK PRESTASI	PERATUSAN SASARAN (%)	PERATUSAN PENCAPAIAN (%)		CATATAN / SEBAB
			Purata 2005	Purata 2006	
Pengurusan Kemudahan	Arahan kerja disiapkan dalam tempoh 7 hari	90	94.17	95.18	Sasaran dicapai
Perkhidmatan Dietetik dan Makanan	Jabatan Pesakit Luar – Masa menunggu	25 minit	30.40 minit	27.03 minit	Bilangan pesakit yang meningkat

31.4.8.9. Semenjak ditubuhkan, IJNSB telah berjaya mengekalkan visi untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam penjagaan kardiovaskular dan torasik. Antara pencapaiannya adalah seperti berikut :-

JADUAL 31.15
PENCAPAIAN IJNSB BAGI TEMPOH TAHUN 2000 HINGGA 2006

TAHUN	PENCAPAIAN
2006	Menjalankan pembedahan pemindahan paru-paru (kedua-dua belah) yang pertama.
	Menjalankan pembedahan *Endoscopic.*
2005	Menjalankan pembedahan pemindahan paru-paru (sebelah) yang pertama di Malaysia.
	Pembedahan memasukkan *mechanical heart device* (IVAD) yang pertama di Asia dan Australasia.
	Dipilih untuk mewakili rantau Asia Pasifik untuk membentangkan kes-kes secara langsung ke Persidangan EURO PCR 2005 di Paris, Perancis.
	Menerima pengiktirafan *Malaysian Society for Quality Health* oleh Lembaga Piawaian Kesihatan Malaysia
	Menerima pengiktirafan piawaian antarabangsa United Kingdom Accreditation Services
2004	Pembedahan pintasan koronari pertama ke atas pesakit yang sedar.
2003	Pemindahan sel stem yang pertama di rantau Asia.
	Endoscopic Harvest of Saphenous Vein and Radial Artery Conduit for Coronary Artery Bypass.
2000	Pembedahan '*On-pump Beating Heart*' yang pertama.
	Memperkenalkan *Biventricular Pacer* untuk pesakit yang lemah fungsi jantung.

Pada pandangan Audit secara keseluruhannya prestasi aktiviti IJNSB adalah baik.

31.4.9. Rekod Pesakit

31.4.9.1. Rekod pesakit merupakan aset penting IJNSB bagi tujuan penyelidikan dan rujukan. Lawatan Audit mendapati IJNSB menyimpan lebih daripada 200,000 rekod dengan teratur dan sistematik seperti gambar berikut :-

GAMBAR 31.1
REKOD PERUBATAN PESAKIT

Semua Rekod Perubatan Pesakit Disimpan Dengan Teratur Dan Sistematik

31.4.9.2. Semakan Audit mendapati ruang penyimpanan rekod di Bahagian Maklumat Rekod Pesakit hanya menyimpan maklumat pesakit semasa sahaja. Sehubungan itu, pada bulan Julai 2005, IJNSB telah melantik Syarikat Recall Malaysia untuk menguruskan penyimpanan 120,000 rekod pesakit dengan bayaran RM100,000 setahun. Lawatan Audit ke syarikat berkenaan menunjukkan cara penyimpanan rekod adalah teratur dan mengambil kira semua aspek keselamatan seperti pencegahan kebakaran dan makhluk perosak. Bagaimanapun, **IJNSB hanya menandatangani perjanjian dengan syarikat berkenaan pada bulan September 2006.**

31.4.10. Pematuhan Terhadap Undang-undang Dan Peraturan Lain

31.4.10.1. Lesen Hospital Persendirian

Kementerian Kesihatan menghendaki semua pusat kesihatan persendirian mempunyai Lesen Hospital Persendirian. Semakan Audit mendapati Lesen Hospital Persendirian IJNSB telah tamat tempoh pada 31 Ogos 2006. Permohonan untuk memperbaharui lesen tersebut hanya dibuat pada bulan Oktober 2006 bagi menyelaraskan beberapa kehendak Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, Peraturan 2006 yang berkuatkuasa 1 Mei 2006. IJNSB telah memperolehi lesen bagi tempoh 20 September 2006 hingga 19 September 2008 pada bulan Januari 2007.

31.4.10.2. Sijil Perakuan Amalan Tahunan

Selaras dengan Seksyen 16 Akta Perubatan 1971 (*Medical Act 1971*) yang menetapkan bahawa semua pakar perubatan perlu mempunyai Sijil Perakuan Amalan Tahunan yang diperolehi daripada Majlis Perubatan Malaysia, IJNSB telah memastikan kesemua 72 pegawai perubatannya yang memberi khidmat

rawatan kepada pesakit mematuhi arahan ini. **Semakan Audit terhadap 12 fail pakar mendapati semua salinan sijil pakar berkenaan telah disimpan dalam fail peribadi dengan teratur.**

31.4.10.3. Standard Saintifik Dan Etika Antarabangsa

Pada bulan Julai 2004, Lembaga Pengarah telah meluluskan supaya IJNSB mewujudkan Jawatankuasa Kajian Etika Penyelidikan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Jawatankuasa ini akan bertanggungjawab memastikan ujian-ujian berkaitan ubat-ubatan yang dijalankan di IJNSB mematuhi Standard Saintifik Dan Etika Antarabangsa di samping mematuhi garis panduan Amalan Perubatan yang Baik di Malaysia. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab meluluskan semua projek kaji selidik klinikal atau ujian klinikal di IJNSB. **Semakan Audit mendapati Jawatankuasa ini belum pernah bersidang walaupun tujuan penubuhan jawatankuasa ini amat penting bagi mengekalkan taraf IJN sebagai sebuah pusat perkhidmatan kesihatan yang unggul.**

31.4.10.4. Pembuangan Sisa Klinikal

a. IJNSB menetapkan prosedur bahawa semua sisa klinikal dibuang mengikut prosedur yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati walaupun kontraktor yang dilantik mengambil sisa klinikal di tempat yang disediakan mengikut jadual yang ditetapkan, namun tempat yang disediakan oleh IJNSB untuk membuang sisa adalah berdekatan dengan stor barang kering untuk memasak dan dapur di mana makanan kepada pesakit disediakan **(Gambar 31.2)**. Selain itu, adalah juga didapati tempat pembuangan sampah agak berhampiran dengan dapur IJNSB **(Gambar 31.3)**.

GAMBAR 31.2
KEDUDUKAN DAPUR BERHAMPIRAN DENGAN TEMPAT PEMBUANGAN SISA KLINIKAL

GAMBAR 31.3
KEDUDUKAN DAPUR IJNSB YANG BERHAMPIRAN DENGAN TEMPAT PEMBUANGAN SAMPAH

b. Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara telah memohon dan mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan mengenai keadaan tempat pembuangan sisa klinikal ini. **Laporan yang diterima daripada Jabatan tersebut telah mengesahkan kedudukan pusat pembuangan sisa itu adalah tidak sesuai dan perlu dipindahkan ke tapak yang lebih jauh dari dapur.** Sebagai langkah jangka pendek bagi mengurangkan risiko pencemaran dan keselamatan makanan yang mungkin berlaku, wakil Jabatan tersebut mencadangkan tindakan berikut :-

   i. Langkah kawalan keselamatan yang ketat sentiasa diambil bagi mengelakkan dapur dan pusat pembuangan klinikal daripada dicerobohi orang yang tidak berkaitan;

   ii. Pusat pembuangan sisa klinikal dan pintu masuk di '*receiving bay*' hendaklah dipasang dengan tirai angin (*air curtain*) bagi mengurangkan kemasukan lalat.

Pada pandangan Audit, sebagai pusat kesihatan terunggul dalam rawatan jantung, IJNSB perlu mengambil tindakan segera untuk mengalihkan pusat pembuangan sisa klinikal dan sampah ke tempat lain bagi menjamin kesihatan pesakit sentiasa terpelihara.

31.4.10.5. Keperluan Mewujudkan Unit Perundangan

Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2003 telah memutuskan bahawa pegawai perundangan sepenuh masa tidak diperlukan dan IJN akan mendapat nasihat perundangan daripada firma guaman Zain & Co dengan kos yang munasabah. Bagaimanapun hasil daripada pengauditan yang dijalankan, **pihak Audit berpendapat bahawa satu unit perundangan amat diperlukan di IJN bagi memastikan masalah pengurusan seperti memperbaharui kontrak pegawai perkhidmatan, perolehan bekalan dan perkhidmatan serta tindakan terhadap kes-kes tunggakan hasil dapat ditangani dengan lebih kos efektif.**

31.4.11. Mekanisme Pemantauan

31.4.11.1. Peringkat Pengurusan

Pemantauan terhadap prestasi kewangan dan aktiviti syarikat telah dijalankan melalui laporan-laporan yang dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang berikut :-

a. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan antara 6 hingga 8 kali setahun. Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat adalah prestasi syarikat, kedudukan perolehan dan kewangan syarikat.

b. Mesyuarat Pengurusan

Mesyuarat Pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif telah diadakan setiap 2 minggu. Ketua-ketua Jabatan perlu melaporkan kemajuan kerja berhubung dengan kedudukan aktiviti di bawah seliaan masing-masing.

c. Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Profesional

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Perubatan berperanan antara lain untuk mengesyorkan polisi dan hal-hal berkaitan dengan amalan profesional pegawai perubatan. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 3 kali sejak ditubuhkan pada bulan Mei 2006.

d. Jawatankuasa Risiko Dan Pematuhan

IJNSB telah menubuhkan Jawatankuasa Risiko Dan Pematuhan untuk mengesan kelemahan dalam sistem pengurusan agar dapat diatasi serta memastikan semua teguran berhubung kelemahan pengurusan diambil tindakan oleh Ketua Eksekutif/ pengurusan atasan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa tersebut telah diadakan setiap 3 bulan. Bagi memastikan kebebasan untuk menjalankan pengauditan, IJNSB telah melantik Tetuan KPMG untuk menjalankan pengauditan dalaman di IJNSB untuk tahun kewangan 2004 dan 2005. Firma tersebut telah menghasilkan 6 laporan. Kesemua laporan telah dibentangkan dan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Dan Pematuhan. Tindakan pembetulan terhadap semua teguran yang dibangkitkan telah diambil. Bagi tahun kewangan 2006 pula, IJNSB telah melantik *Tetuan Ernst & Young* untuk melaksanakan fungsi ini.

31.4.11.2. Peringkat Kementerian

a. Kementerian Kewangan

Pemantauan terhadap pengurusan IJNSB adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan selaku pemegang saham utama. Wakil Kementerian

Kewangan dalam Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan dan aktiviti IJNSB dibuat dengan teratur dan selaras dengan objektif penubuhannya. Wakil tersebut dikehendaki mengemukakan laporan bertulis setiap 3 bulan sekali kepada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati Wakil Kementerian Kewangan telah menghadiri hampir kesemua Mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, **tidak ada laporan bertulis berhubung dengan prestasi pengurusan IJNSB dikemukakan kepada Menteri Kewangan** mengikut kekerapan yang ditetapkan.

b. Kementerian Kesihatan

Mengikut Perjanjian Pengkorporatan IJNSB, Kementerian Kesihatan bertindak sebagai Kementerian yang mengawal selia aktiviti IJNSB. Pemantauan ini telah dibuat dengan penglibatan wakil Kementerian dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

31.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan dan aktiviti IJNSB adalah baik. Hampir 90% daripada 34 Petunjuk Prestasi yang telah diwujudkan telah mencapai sasaran. Bagaimanapun, keuntungan selepas cukai telah menurun daripada RM30.08 juta pada tahun 2004 kepada RM18.77 juta pada tahun 2006. Peranan Jawatankuasa Kajian Etika Penyelidikan bagi memastikan ujian-ujian berkaitan ubat-ubatan yang dijalankan di IJNSB mematuhi Standard Saintifik dan Etika Antarabangsa serta garis panduan Amalan Perubatan yang Baik di Malaysia perlu dipertingkatkan.

PENGURUSAN
INDAH WATER KONSORTIUM SDN. BHD.

32.1. LATAR BELAKANG

32.1.1. Sistem pembetungan yang moden dan efisien amat penting dalam memastikan air kumbahan dirawat sebelum disalirkan ke sistem pengairan iaitu sungai, parit dan laut. Perkara ini amat penting dalam memulihara alam sekitar khususnya dalam membekal sumber air bersih dan sumber makanan dari sungai/laut yang selamat kepada pengguna serta mewujudkan persekitaran yang bersih untuk beriadah bagi melindungi kesihatan awam.

32.1.2. Pada tahun 1993, Kerajaan telah memutuskan supaya perkhidmatan pembetungan awam di seluruh negara diswastakan. Sehubungan ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menerima cadangan konsep penswastaan perkhidmatan pembetungan daripada syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK). Selepas membuat penilaian terhadap cadangan yang dikemukakan, IWK telah diberi konsesi untuk menguruskan perkhidmatan pembetungan awam dan modal berbayar IWK ketika itu bernilai RM3 juta. IWK dimiliki oleh North West Water (M) Sdn. Bhd. yang mana pegangan ekuitinya ialah 25% diikuti dengan Berjaya Industrial Berhad (20%), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (20%), Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (20%) dan AIMS Worldwide (M) Sdn. Bhd. (15%) serta setiap satu saham dimiliki oleh Haji Wan Adli Bin Dato' Wan Ibrahim dan Chin Ah Pong.

32.1.3. Perjanjian Penswastaan telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi pihak Kerajaan dengan IWK pada bulan Disember 1993 untuk memberikan perkhidmatan pembetungan bagi tempoh 1 April 1994 hingga 31 Disember 2024. Bagaimanapun, IWK yang dipengerusikan oleh Dato' Ghazi H Ramli hanya memulakan perniagaannya pada bulan April 1994. Pada bulan November 1995, ekuiti IWK telah dibeli oleh Prime Utilities Sdn. Bhd. dan modal berbayarnya telah meningkat kepada RM100 juta. Mengikut perjanjian yang ditandatangani, IWK dikehendaki mengambil alih perkhidmatan pembetungan awam/*public sewerage system* seluruh negara yang melibatkan 143 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, membuat perancangan bagi pembinaan sistem pembetungan baru dan mengambil alih kerja pembinaan loji. IWK boleh mengenakan caj perkhidmatan pembetungan terhadap pelanggan mengikut kadar yang diluluskan oleh Kerajaan untuk membiayai aktivitinya. Kadar yang boleh dikenakan bagi semua pengguna mengikut perjanjian konsesi adalah antara RM2.00 hingga RM10.00 berdasarkan *volume* air yang digunakan.

32.1.4. Setakat bulan Disember 2006, IWK hanya dapat mengambil alih perkhidmatan pembetungan bagi 86 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

kerana 57 PBT di sekitar Kelantan, Sabah, Sarawak dan Majlis Perbandaran Johor Bahru mahu menguruskan sendiri perkhidmatan tersebut di kawasan mereka.

32.1.5. Penerimaan pelanggan terhadap perkhidmatan konsesi ini adalah kurang memuaskan. Rungutan dan desakan pihak pengguna telah menyebabkan Kerajaan menurunkan caj pembetungan bagi pelanggan komersial sebanyak 30 % pada bulan Julai 1998. Seterusnya Kerajaan menurunkan lagi caj tersebut pada kadar purata 12.5% pada bulan Oktober 1999 dan 11% pada bulan Ogos 2004. Ekoran daripada penurunan caj ini, tempoh konsesi telah dilanjutkan daripada 30 tahun menjadi 40 tahun iaitu sehingga 31 Disember 2034. Kadar caj yang rendah dan keengganan pelanggan menjelaskan caj yang dikenakan berbanding dengan kos operasi yang tinggi menyebabkan IWK mengalami kerugian secara berterusan. Syarikat ini terpaksa bergantung sepenuhnya kepada bantuan Kerajaan bagi melaksanakan projek pembinaan loji dan lain-lain aktivitinya. Bagi tempoh tahun 1994 hingga bulan Jun 2000, IWK telah menerima bantuan daripada Kerajaan dalam bentuk pinjaman berjumlah RM545.39 juta di mana sejumlah RM215.20 juta telah digunakan bagi menampung defisit operasi manakala RM330.19 juta bagi membiayai perbelanjaan berkaitan dengan pembinaan dan membaik pulih loji.

32.1.6. Bagi memastikan perkhidmatan asas ini tidak terjejas, pada bulan Jun 2000, Kerajaan telah mengambil alih semua ekuiti syarikat konsesi bernilai RM100 juta daripada Prime Utilities Sdn. Bhd. melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan harga RM192.54 juta. Harga ini ditentukan berdasarkan kepada kadar pulangan pelaburan (IRR) yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi iaitu 14% setiap tahun.

32.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan IWK telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemah serta selaras dengan objektif penubuhannya.

32.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan dan aktiviti utama IWK bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod berkaitan telah dibuat di Ibu Pejabat dan pejabat operasi IWK di peringkat negeri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi. Lawatan ke pejabat operasi di peringkat negeri dan loji kumbahan telah diadakan di Kedah, Terengganu dan Langkawi. Lawatan ke makmal IWK di Sg. Besi juga telah diadakan.

32.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2006 terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan IWK mendapati perkara berikut :-

32.4.1. Perjanjian Dengan Syarikat Konsesi

32.4.1.1. Ekoran daripada pengurangan kawasan PBT yang perlu diuruskan oleh IWK dan pengambilan alih sepenuhnya ekuiti IWK oleh Kerajaan daripada Prime Utilities Sdn. Bhd. pada tahun 2000, perubahan-perubahan berikut telah dibuat :-

a. Tempoh konsesi telah dipinda daripada tahun 1993 hingga 2024 (30 tahun) kepada 1993 hingga 2034 (40 tahun).

b. Tanggungjawab melaksanakan sebahagian besar projek pembinaan loji pembetungan termasuk pembiayaannya telah diambil alih oleh Kerajaan.

32.4.1.2. Tidak ada perjanjian yang baru/tambahan ditandatangani untuk mengambil kira perubahan-perubahan yang tersebut di atas. Keadaan ini boleh memberi impikasi yang berikut :-

a. Syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi tidak dapat dikuatkuasakan kerana perjanjian tersebut tidak lagi sahih berdasarkan kepada syarat 47.1 dalam perjanjian penswastaan berkenaan. Berikut diberikan petikannya :-

   "No modification, variation or amendment of this Agreement shall have any legal effect or force unless such modification, variation or amendment is in writing and executed by the parties"

b. Mengikut syarat perjanjian konsesi, IWK dikehendaki membina 17 loji kumbahan baru melalui projek kapital Fasa 1 di 9 negeri iaitu Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Selangor, Perak, Melaka, Perlis, Sarawak dan Johor dengan pembiayaannya sendiri. Sungguhpun Kerajaan telah memutuskan untuk mengambil alih projek ini, namun pelaksanaan sebahagian projek Fasa 1 ini telah dilaksanakan oleh IWK melalui pembiayaan pinjaman Kerajaan. Setakat 31 Disember 2006, IWK telah menguruskan projek pembinaan bernilai RM673.32 juta yang merangkumi pembinaan sistem pembentungan/loji pengolahan/pelupusan enapcemar yang baru, membaikpulih loji sedia ada, pengambilan balik tanah serta kerja-kerja kejuruteraan. Tanpa perjanjian baru ditandatangani, Kerajaan sukar mengambil tindakan terhadap IWK sekiranya berlaku sebarang masalah dalam pelaksanaan projek berkenaan. Prestasi pelaksanaan projek yang telah dilaksanakan oleh IWK adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.1
KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2006

JENIS KERJA	KOS PROJEK (RM Juta)			KEMAJUAN FIZIKAL (%) SIAP
	TELAH SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	JUMLAH	
Sistem Paip Pembetungan/ Loji Pelupusan Enapcemar	264.81	129.57	394.38	67.15
Baikpulih Loji	227.51	10.87	238.38	95.44
Pengambilan Balik Tanah	27.00	4.51	31.51	85.69
Kerja-kerja Kejuruteraan	8.49	0.57	9.06	93.81
JUMLAH BESAR	**527.81**	**145.52**	**673.33**	**78.39**

Pada pandangan Audit, Kerajaan patut menandatangani perjanjian konsesi yang baru bagi memasukkan pindaan-pindaan yang telah dibuat. Perjanjian itu juga perlu memasukkan fungsi dan tanggungjawab IWK dalam menguruskan projek pembinaan loji. Antara lainnya, IWK perlu memastikan kontraktor yang dipilih mempunyai kepakaran yang diperlukan, harga yang ditawarkan adalah munasabah, pembinaan yang dibuat mengikut spesifikasi dan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Syarat perjanjian juga perlu menyatakan kadar bayaran pengurusan yang boleh dituntut oleh IWK dan tindakan yang boleh diambil terhadap IWK sekiranya ia gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

32.4.2. Struktur Pengurusan

Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, IWK perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Antara lainnya, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta tanggungjawab mereka terhadap pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, penubuhan Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit serta tanggungjawab masing-masingnya. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

32.4.2.1. Lembaga Pengarah IWK terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif dan dianggotai seramai 7 orang terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif. Tiga daripada Pengarah Bukan Eksekutif merupakan wakil Kerajaan iaitu daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Bekalan Air dan Pejabat Peguam Negara manakala 4 pengarah yang lain adalah pengarah bebas terdiri daripada ahli perniagaan dan peguam. Pengerusi Lembaga Pengarah IWK ialah Puan Hanifah Hassan, bekas pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah dilantik menjadi Pengerusi sejak bulan Jun 2000. Antara lain, Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab menetapkan dasar dan polisi IWK serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga Pengarah juga membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat melalui mesyuaratnya yang diadakan 6 kali setahun.

32.4.2.2. Firma Ikthisas Associates Sdn Bhd telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat IWK sejak tahun 1993. Bagi tahun 2006, IWK telah membayar RM17,651 untuk mendapatkan perkhidmatan firma ini. Antara lain, firma ini bertanggungjawab memastikan IWK mematuhi semua kehendak Akta Syarikat 1965.

32.4.2.3. Unit Audit Dalam telah diwujudkan sejak tahun 2001 dan dianggotai oleh 11 orang. Memorandum Perancangan Audit dan hasil kajian Audit yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam telah dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Unit Audit Dalam telah menjalankan kajian audit yang meliputi pengurusan kewangan dan operasi yang dijalankan oleh IWK.

32.4.2.4. Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada tahun 2002 dan dianggotai oleh 4 orang Ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, mesyuarat jawatankuasa tersebut telah diadakan sebanyak 18 kali. Semakan Audit mendapati setiap teguran yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk memastikan tindakan pembetulan diambil.

32.4.2.5. Struktur organisasi sesebuah syarikat adalah amat penting bagi menentukan setiap aktivitinya disusun dengan teratur untuk mencapai matlamat dan objektif syarikat. Struktur organisasi IWK diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif dan dibahagikan kepada 8 bahagian seperti berikut :-

a. **Bahagian Kewangan & Pentadbiran -** bertanggungjawab untuk menguruskan hal berkaitan pengurusan perakaunan, pengurusan kewangan dan pentadbiran.

b. **Bahagian Teknologi Maklumat -** bertanggungjawab memastikan sistem yang dibangunkan oleh IWK berfungsi dengan lancar untuk memberikan perkhidmatan teknikal dan aplikasi.

c. **Bahagian Perundangan -** bertanggungjawab mengurus kes keengganan pelanggan membayar caj pembetungan serta memberi khidmat nasihat perundangan berkaitan kontrak/perjanjian.

d. **Bahagian Sumber Manusia -** bertanggungjawab terhadap urusan pengambilan dan kenaikan pangkat, latihan, kemudahan kakitangan serta menjalankan program keselamatan dan kesihatan pekerja seperti mana yang ditetapkan di bawah akta.

e. **Bahagian Perolehan -** menguruskan penawaran tender dan pembukaan tender serta menguruskan perolehan pentadbiran.

f. **Bahagian Komunikasi -** bertindak sebagai pengantara kepada pihak media massa, pihak berkepentingan syarikat serta menjalankan program pendidikan pembetungan kepada orang awam.

g. **Bahagian Perancangan Korporat -** bertanggungjawab memastikan setiap bahagian mempunyai Indeks Petunjuk Prestasi *(Key Performance Indicator)* untuk menilai prestasi kerja serta memantau prestasi setiap unit dan bahagian.

h. **Bahagian Operasi -** 4 unit di bawah bahagian ini mempunyai fungsi masing-masingnya seperti berikut :-

   i. **Unit Operasi & Penyelenggaraan -** memantau pejabat operasi yang terlibat dengan aktiviti pengendalian dan penyenggaraan loji olahan kumbahan awam (*treatment*), pembersihan rangkaian saliran paip pembetungan bawah tanah (*network*), pengosongan tangki septik individu (*desludging*) dan penyenggaraan kenderaan. Unit ini bertanggungjawab terhadap operasi makmal yang akan memantau dan memastikan efluen yang dilepaskan ke persekitaran dan enapcemar yang dilupuskan mengikut peraturan yang ditetapkan.

   ii. **Unit Kerja-kerja Kapital Dan Membaik Pulih -** bertanggungjawab terhadap pengurusan projek, pentadbiran kontrak dan memberi khidmat nasihat kejuruteraan serta bertindak sebagai perunding kepada projek pembinaan loji yang dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi.

   iii. **Unit Perancangan Dan Kejuruteraan -** bertanggungjawab meluluskan perancangan pembinaan loji dan menjalankan pengesahan terhadapnya, menguruskan pengambilalihan tanah loji daripada pihak berkuasa tempatan dan menjalankan program akreditasi syarikat serta program penyelidikan dan pembangunan berkaitan aktiviti pembetungan.

   iv. **Unit Perhubungan Pelanggan -** bertanggungjawab dalam urusan pengebilan dan penerimaan wang, khidmat pelanggan dan pengutipan balik hutang.

32.4.2.6. IWK juga mempunyai 17 pejabat operasi di peringkat negeri yang membantu menguruskan aktiviti syarikat iaitu pejabat operasi di Alor Star, Langkawi, Pulau Pinang, Seberang Perai, Ipoh, Taiping, Klang, Gombak, Kuala Lumpur, Shah Alam, Seremban, Melaka, Kluang, Skudai, Kuantan, Kuala Terengganu, dan Labuan.

Struktur Organisasi IWK setakat 31 Disember 2006 adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 32.1
STRUKTUR ORGANISASI INDAH WATER KONSORTIUM BERHAD
PADA 31 DISEMBER 2006



32.4.3. Guna Tenaga Dan Latihan

32.4.3.1. Sehingga bulan Disember 2006, sebanyak 2,535 (88%) daripada 2,871 jawatan yang diwujudkan telah diisi. Setiap pejabat operasi yang besar diperuntukkan antara 94 hingga 248 jawatan manakala pejabat operasi yang kecil pula hanya diperuntukkan antara 23 hingga 85 jawatan. Antara jawatan yang masih belum diisi ialah daripada kumpulan sokongan bukan eksekutif iaitu *operator, tanker driver, jetter driver, chargeman, technician, team leader* dan *supervisor*. Kedudukan perjawatan mengikut bahagian/unit setakat bulan Disember 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.2
KEDUDUKAN PERJAWATAN MENGIKUT BAHAGIAN SETAKAT BULAN DISEMBER 2006

BAHAGIAN/UNIT	JAWATAN DILULUSKAN	JAWATAN DIISI
Khidmat Pengurusan	34	34
Audit Dalaman	13	10
Perundangan	5	5
Komunikasi	9	6
Sumber Manusia	25	21
Teknologi Maklumat	22	22
Perolehan	14	12
Kewangan Dan Pentadbiran	62	62
Khidmat Pelanggan	113	105
Perancangan Dan Kejuruteraan	199	193
Kerja Kapital Dan Membaik Pulih	84	81
Operasi Dan Penyelenggaraan (meliputi Pejabat Operasi)	2,291	1,984
JUMLAH	**2,871**	**2,535**

32.4.3.2. Latihan merupakan elemen pengurusan penting bagi memajukan kerjaya pekerja, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta produktiviti dan kualiti kerja. Semakan Audit mendapati IWK hanya membelanjakan sejumlah RM2.99 juta daripada RM6.25 juta yang diperuntukkan untuk latihan kakitangan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Antara jenis latihan yang diadakan adalah *Treatment Plant Operator Course, Supervisor's Electrical & Mechanical Course, Heatlh & Safety Awareness, First Line Maintenance, Confine Space, Specialised Sewerage Technical Courses And Train The Trainers Desludging Induction Modules*. Didapati operator loji telah diberikan latihan sama ada secara *classroom* dan *on the job training*.

32.4.3.3. Selaras dengan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994, IWK telah menetapkan dengan jelas peraturan dan polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta sentiasa menjalankan latihan yang berkenaan. Selain itu, setiap kemalangan yang berlaku telah dilaporkan secara bulanan seperti yang ditetapkan dan setiap operator yang terlibat dengan pengurusan enapcemar telah dihantar untuk pemeriksaan doktor. Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan juga telah ditubuhkan dan bermesyuarat secara tetap. **Pada pandangan Audit, IWK sentiasa peka terhadap keperluan pematuhan kepada Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan berusaha memastikan setiap pejabat operasinya turut mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta tersebut.**

32.4.4. Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati IWK telah menyediakan satu rancangan korporat yang formal mengandungi visi, misi, polisi dan hala tuju syarikatnya. Bagaimanapun, rancangan korporat bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005 yang disediakan tidak menyatakan dengan terperinci mengenai strategi dan rancangan perniagaan serta Indeks Petunjuk Prestasi syarikat. Semakan Audit selanjutnya mendapati kekurangan ini telah diperbaiki dalam rancangan korporat bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010.

32.4.5. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan operasi syarikat, IWK telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti berikut :-

a. **Tatacara Kewangan -** menetapkan peraturan berhubung dengan penyediaan belanjawan, pembayaran, perakaunan dan pengurusan pelaburan serta pengurusan aset.

b. **Panduan Perolehan -** menerangkan antara lainnya tentang kaedah yang perlu diikuti berhubung dengan proses perolehan, pelantikan kontraktor dan perunding, bayaran kemajuan kerja, perintah perubahan kerja dan meluluskan lanjutan masa kepada kontraktor.

c. **Polisi Dan Garis Panduan Sumber Manusia -** menetapkan peraturan berhubung dengan pengambilan, penilaian prestasi serta kemudahan yang disediakan untuk kakitangan.

d. **Tatalaku Kakitangan -** menerangkan tata kelakuan, tugas kawalan dan pengawasan tatatertib serta jenis tindakan tatatertib.

e. **Manual Bagi Aktiviti Operasi Dan Penyenggaraan Loji -** menerangkan tatacara pengurusan loji berkaitan kekerapan lawatan pemeriksaan, penyenggaraan bangunan dan kawasan persekitaran, pengurusan kenderaan, ujian efluen dan enapcemar, penyenggaraan peralatan, pengauditan/ pemeriksaan oleh pengurusan kanan (*management auditing*), pelupusan enapcemar, pelaporan kecurian serta keselamatan dan kesihatan pekerja.

f. **Manual Bagi Kerja Kapital Dan Membaik Pulih Loji -** menerangkan tatacara pengurusan dan pemantauan projek membaik pulih loji, *testing & commissioning*, *verification of practical completion*, *handing over* dan pelupusan terhadap peralatan gantian.

g. **Manual Bagi Aktiviti Perancangan Pembangunan Loji -** menerangkan perancangan pembangunan loji yang melibatkan penilaian terhadap permohonan cadangan pembinaan loji dan reka bentuk loji oleh pemaju, pemeriksaan loji bagi tujuan pengeluaran *Certificate of Fitness*, pengambilalihan loji daripada pemaju serta urusan penukaran hak milik bagi tanah di kawasan loji.

Pada umumnya, IWK telah menyediakan prosedur dan polisi berkaitan setiap aktivitinya dengan terperinci bagi memudahkan pelaksanaan operasi syarikatnya. Selain itu, IWK juga memastikan setiap prosedur dan polisi syarikat sejajar dengan peraturan Kerajaan.

32.4.6. Prestasi Kewangan

32.4.6.1. IWK telah menyediakan belanjawan tahunan operasi dengan menetapkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap aktivitinya. Kedudukan anggaran pendapatan dan perbelanjaan syarikat bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.3
BAJET IWK BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

BUTIRAN BELANJAWAN	2004/05 (April 2004 – Mac 2005) (RM Juta)	2005 (April 2005 – Disember 2005) (RM Juta)	2006 (Jan 2006 – Disember 2006) (RM Juta)
PENDAPATAN			
Hasil Langsung	344.01	344.69	496.52
Lain-lain Hasil	0.12	0.03	0.07
Jumlah Hasil	**344.13**	**344.72**	**496.59**
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Langsung	299.40	244.71	397.66
Perbelanjaan Tidak Langsung			
- Peruntukan Susutnilai	42.00	42.00	66.00
- Peruntukan Hutang Ragu	41.73	26.49	42.57
- Faedah Pinjaman Kerajaan	77.87	54.48	87.84
Jumlah Perbelanjaan	**461.00**	**367.68**	**594.07**
KERUGIAN	**(116.87)**	**(22.96)**	**(97.48)**

Nota :- * Sehingga Tahun 2004 , Tahun Kewangan IWK Berakhir Pada Bulan Mac. Bagaimanapun Bagi Tahun 2005, Ia Telah Ditukar Ke Bulan Disember.

32.4.6.2. Semakan telah dibuat terhadap beberapa butiran Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan IWK bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 seperti berikut :-

a. Pendapatan langsung IWK terdiri daripada perkhidmatan pembetungan bersambung dan perkhidmatan pengosongan tangki septik. Perbelanjaan langsung terdiri daripada kos penyenggaraan loji, kos bahan mentah seperti elektrik dan peralatan *consumables* serta upah pekerja.

b. Jumlah pendapatan IWK telah meningkat daripada RM325.22 juta pada tahun 2004 menjadi RM387.76 juta pada tahun 2006. Manakala perbelanjaan telah meningkat daripada RM459.72 juta pada tahun 2004 menjadi RM561.08 juta pada tahun 2006. Ini menyebabkan IWK mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM126.19 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.4
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
TAHUN KEWANGAN 2004 HINGGA 2006

BUTIRAN	2004/05 (April 2003 – Mac 2004) (RM Juta)	2005 (April 2005 – Disember 2005) (RM Juta)	2006 (Jan 2006 – Dis 2006) (RM Juta)
PENDAPATAN			
Hasil Langsung	313.74	203.36	358.04
Lain-lain Hasil	11.48	9.21	29.72
Jumlah Hasil	**325.22**	**212.57**	**387.76**
Subsidi Kerajaan	**43.25**	**120.00**	**140.00**
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Langsung	280.23	219.78	379.01
Perbelanjaan Tidak Langsung	179.49	114.41	182.07
Jumlah Perbelanjaan	**459.72**	**334.19**	**561.08**
KERUGIAN	**(91.25)**	**(1.62)**	**(33.32)**

32.4.6.3. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan IWK mengalami kerugian yang berterusan adalah seperti berikut :-

a. Penurunan caj pembetungan bagi pelanggan komersial daripada yang ditetapkan dalam syarat perjanjian menyebabkan pendapatan IWK berkurangan. Kekurangan pendapatan IWK bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 akibat daripada penurunan caj tersebut adalah dianggarkan berjumlah RM300 juta.

b. Setakat bulan Ogos 2006, dianggarkan 17,231 pemilik rumah dan premis Kerajaan enggan menerima perkhidmatan pengosongan tangki septik. Ini menyebabkan IWK mengalami kehilangan pendapatan yang dianggarkan berjumlah RM5.50 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006.

c. Kos operasi telah meningkat daripada RM280.23 juta pada tahun 2004 menjadi RM379.36 juta pada tahun 2006.

32.4.6.4. Mengikut syarat perjanjian penswastaan, IWK dikehendaki mengambil alih liabiliti daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Liabiliti ini terdiri daripada pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada pihak PBT untuk membina loji dan bil-bil yang belum dijelaskan kepada kontraktor untuk pembinaan loji pembetungan. Sehingga 31 Disember 2006, adalah dianggarkan liabiliti ini berjumlah RM528.97 juta. **Jumlah sebenar tidak dapat ditentukan kerana rekod mengenainya tidak diselenggarakan dengan lengkap. Jika jumlah ini diambil kira, kekukuhan kewangan IWK akan terjejas. Jumlah ini ditunjuk sebagai liabiliti luar jangka di bawah Nota Kepada Penyata Kewangan.**

32.4.6.5. Bagi menentukan prestasi kewangan IWK, satu analisis telah dibuat terhadap beberapa butiran di Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan IWK bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006. Analisis tersebut meliputi analisis nisbah semasa, nisbah asid dan nisbah hutang. Berikut adalah ringkasan hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. **Nisbah Semasa** merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung tanggungan semasa. Kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa pada kadar 2:1 menunjukkan keadaan yang baik. Mengikut perkiraan Audit, nisbah semasa IWK bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 adalah antara 3.19 hingga 3.73. Berdasarkan kepada nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa IWK mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Berikut diberikan kedudukan aset semasa, tanggungan semasa dan nisbah antara keduanya :-

JADUAL 32.5
ASET SEMASA BERBANDING TANGGUNGAN SEMASA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a:b)
2004/05	421.60	128.40	3.28
2005	478.30	150.10	3.19
2006	530.27	142.21	3.73

b. **Nisbah Asid** merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang mudah dicairkan dapat menampung tanggungan semasa. Kedudukan nisbah antara aset semasa mudah cair dan tanggungan semasa pada kadar 1:1 menunjukkan keadaan yang baik. Mengikut perkiraan Audit, nisbah asid IWK bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 adalah antara 3.18 hingga 3.73. Berdasarkan kepada nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa IWK dengan mudah dapat menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Berikut diberikan kedudukan aset semasa mudah cair, tanggungan semasa dan nisbah antara keduanya :-

JADUAL 32.6
ASET SEMASA MUDAH CAIR BERBANDING TANGGUNGAN SEMASA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

TAHUN	ASET SEMASA MUDAH CAIR (RM Juta) (a)	TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a:b)
2004/05	420.70	128.40	3.27
2005	477.60	150.10	3.18
2006	529.58	142.21	3.73

c. **Nisbah Hutang** merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kestabilan syarikat iaitu sejauh mana liabiliti perlu ditanggung oleh aset yang miliki oleh syarikat. Kedudukan nisbah antara liabiliti dan aset pada kadar kurang 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Mengikut perkiraan Audit, nisbah hutang IWK bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 adalah antara 1.27 hingga 1.39. Berdasarkan kepada nisbah ini, pada umumnya dapat dirumuskan bahawa IWK terlalu bergantung kepada pinjaman untuk melaksanakan projek pembangunan dan operasi syarikatnya. Berikut diberikan kedudukan jumlah tanggungan, jumlah aset dan nisbah antara keduanya :-

JADUAL 32.7
JUMLAH TANGGUNGAN BERBANDING JUMLAH ASET IWK
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

TAHUN	JUMLAH TANGGUNGAN (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH HUTANG (a:b)
2004/05	1,233	971	1.27
2005	1,440	1,043	1.38
2006	1,520	1,090	1.39

32.4.7. Pengurusan Kewangan

Sebagai sebuah syarikat Kerajaan, selain daripada mematuhi Akta Syarikat 1965, IWK juga perlu mematuhi peraturan kewangan dan Pekeliling-pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan. Tahap pematuhannya adalah seperti berikut :-

32.4.7.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 telah menetapkan dasar dan garis panduan mengenai bayaran bonus oleh syarikat Kerajaan. Pekeliling ini telah menetapkan syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, syarikat perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu. Adalah diperhatikan IWK telah memberikan bonus antara 1.0 hingga 2.0 bulan gaji kepada kakitangan bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan syarikat. Sungguhpun IWK telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membuat bayaran bonus ini, namun ia bertentangan dengan pekeliling tersebut memandangkan IWK telah mengalami kerugian bagi tempoh berkenaan.

32.4.7.2. Sehingga bulan Disember 2006, IWK telah memperolehi 2 pinjaman berjumlah RM925 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman yang pertama berjumlah RM475 juta telah diperolehi pada bulan November 1995 dengan kadar faedah 6%. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh tahun 2010 hingga 2017. Pinjaman kedua berjumlah RM450 juta dengan kadar faedah 8% telah diperolehi pada bulan Disember 1997 dan perlu dibayar balik dalam tempoh tahun 2015 hingga 2025.

32.4.7.3. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, IWK sepatutnya memungut hasil daripada bil perkhidmatan pembetungan berjumlah RM875.55 juta. Bagaimanapun, antara 17% hingga 30% daripada bil tersebut tidak dijelaskan oleh pelanggan. Tunggakan hasil IWK setakat bulan Disember 2006 adalah berjumlah RM615.61 juta yang melibatkan seramai 2.17 juta pengguna. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 32.8
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL SEHINGGA 31 DISEMBER 2006

KATEGORI PENGHUTANG	HASIL TERTUNGGAK (RM Juta)	PERATUSAN (%)
Domestik	351.33	57
Komersial	216.26	35
Industri/kilang	6.01	1
Kerajaan	42.01	7
JUMLAH	**615.61**	**100**

32.4.7.4. Sehingga bulan Julai 2006, IWK telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 15,075 pelanggan di mana sejumlah 3,759 kes telah

diselesaikan manakala yang lain sama ada dalam tindakan mahkamah/ maklumat sedang dicari/digugurkan kerana kesilapan bil.

32.4.7.5. Agen pengutip hutang telah dilantik sejak bulan Julai 2001 bagi mengutip tunggakan hasil yang melebihi 90 hari daripada pelanggan komersial dan industri. Kadar komisen yang akan dibayar kepada agen pengutip hutang adalah 20% daripada jumlah hutang yang dapat dikutip. Semua perbelanjaan ditanggung oleh agen yang dilantik. Bagi tempoh tahun 2004 hingga Ogos 2006, tuntutan hutang telah dibuat daripada sejuta pelanggan oleh agen pengutip hutang dan sejumlah RM56 juta telah dapat dikutip. Semakan Audit mendapati sejumlah RM16.45 juta yang telah dibayar kepada agen pengutip hutang adalah termasuk bayaran komisen berjumlah RM11.20 juta bagi tempoh tersebut. **Pada pandangan Audit, MKD patut mengkaji sama ada komisen yang dibayar oleh IWK adalah munasabah berbanding dengan komisen yang telah dibayar oleh syarikat Kerajaan yang lain. Ini dapat memastikan pulangan kepada pelaburan Kerajaan di syarikat berkenaan tidak terjejas.**

32.4.7.6. Semakan Audit mendapati kutipan hasil bagi bulan Julai dan Ogos 2006 berjumlah RM80,831 di Pejabat Operasi Kuala Terengganu telah lewat dimasukkan ke dalam bank antara 3 hingga 16 hari. Kutipan sejumlah RM15,867 bagi tempoh 1 Oktober hingga 12 Oktober 2006 masih belum dimasukkan ke dalam bank semasa pengauditan dijalankan pada 16 Okober 2006. Hasil daripada teguran Audit, IWK telah mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang bertanggungjawab.

32.4.7.7. Semakan Audit mendapati Daftar Cek bagi merekodkan penerimaan cek dari Ibu Pejabat IWK dan penyerahan cek kepada pembekal tidak diselenggarakan di Pejabat Operasi Kuala Terengganu dan Langkawi. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh masa yang diambil untuk menyerahkan 30 cek bernilai RM70,216 kepada pembekal.

32.4.7.8. Setakat bulan Disember 2006, IWK mempunyai aset tetap bernilai RM542.03 juta yang terdiri daripada bangunan, loji yang dibina oleh IWK, kenderaan, peralatan dan perabot. Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat IWK telah menyediakan tatacara pengurusan aset yang lengkap dan pematuhan kepada prosedur pengurusan aset adalah memuaskan. Bagaimanapun, pemeriksaan di Pejabat Operasi Kuala Terengganu, Langkawi dan Alor Setar mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Aset tidak diselenggarakan dengan baik mengakibatkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 32.1

Pejabat Operasi Kuala Terengganu
- Mesin Pencetak Yang Tidak Digunakan

GAMBAR 32.2

Pejabat Operasi Kuala Terengganu
- Mesin Fotostat Yang Tidak Digunakan

b. Proses pelupusan tidak dijalankan mengikut jadual berkala. Terdapat aset yang tidak boleh digunakan tidak dilupuskan dan disimpan di stor/ loji seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 32.3

Pejabat Operasi Kuala Terengganu
- Peralatan Komputer Yang Tidak Boleh Digunakan Masih Belum Dibuat Pelupusan

GAMBAR 32.4

Kawasan Loji, Langkawi
- Tangki Hi-Kleen Yang Tidak Boleh Digunakan Masih Belum Dibuat Pelupusan

GAMBAR 32.5

Pejabat Operasi Alor Setar
- Peralatan Loji Yang Tidak Boleh Digunakan Masih Belum Dibuat Pelupusan

GAMBAR 32.6

Pejabat Operasi Alor Setar
- Peralatan Loji Yang Tidak Boleh Digunakan Masih Belum Dibuat Pelupusan

32.4.7.9. Semakan Audit mendapati IWK telah mengakaunkan loji yang dibina dan yang dibaiki melalui pembiayaan dananya. Bagi aset loji yang dibina dan yang dibaiki melalui dana Kerajaan serta yang diambil alih daripada pihak pemaju, ia telah direkodkan dengan lengkap dalam daftar aset syarikat. Ini memudahkan loji tersebut diserahkan kepada Kerajaan apabila konsesi tamat.

Pada pandangan Audit, sungguhpun IWK telah mewujudkan kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan, namun IWK perlu mempertingkat tahap kawalan dalamannya bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang penyelewengan terutamanya berhubung dengan kutipan hasil. Selain itu, pihak pengurusan IWK perlu memantau penyenggaraan aset di pejabat operasi serta memastikan tindakan pelupusan aset diambil tindakan segera agar nilai aset tidak terus berkurangan.

32.4.8. Prestasi Aktiviti

Selaras dengan perjanjian penswastaan, IWK merancang dan menyediakan 2 jenis perkhidmatan pembetungan iaitu perkhidmatan pembetungan bersambung ke loji olahan kumbahan awam dan perkhidmatan tangki septik individu. Selain itu, IWK juga perlu memastikan efluen yang dilepaskan ke persekitaran mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta enapcemar dilupuskan mengikut Peraturan Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989. Berikut diberikan penjelasan tentang aktiviti yang dilaksanakan dan kelemahan yang diperhatikan :-

32.4.8.1. Perkhidmatan Pembetungan Bersambung

a. Sistem pembetungan bersambung terdiri daripada rangkaian paip-paip pembetungan bawah tanah, stesen-stesen pam, loji olahan kumbahan awam dan kemudahan-kemudahan merawat enapcemar yang beroperasi mengikut graviti. Perkhidmatan pembetungan bersambung diberi melalui penyenggaraan terhadap loji olahan kumbahan. Loji ini terdiri daripada loji olahan kumbahan mekanikal, lagun pengudaraan, kolam pengoksidaan, penyentuh biologi berputar, parit pengoksidaan, tangki septik komunal dan tangki imhoff.

b. Kaedah rawatan kumbahan melibatkan 3 peringkat iaitu :-

   i. Rawatan Permulaan Kumbahan - menyingkirkan serpihan dan kain buruk melalui pemeriksaan dan pengisaran, penyingkiran batu-batu halus menerusi pemendapan dan juga penyingkiran minyak dan gris menerusi proses pengapungan.

   ii. Rawatan Utama Kumbahan - melibatkan proses pemeriksaan dan pemendapan bagi menyingkirkan sedikit pepejal terapung dan bahan organik. Efluen daripada rawatan utama mengandungi bahan organik yang tinggi.

   iii. Rawatan Sekunder Kumbahan - tertumpu kepada penyingkiran bahan organik terbiodegradasikan dan pepejal terapung dan kebanyakannya menggunakan proses-proses unit biologi. Penyahjangkitan dimasukkan di dalam rawatan sekunder kumbahan. Carta berikut menunjukkan aliran proses rawatan kumbahan :-

CARTA 32.2
PROSES KERJA BAGI PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN BERSAMBUNG



c. Setakat 30 Julai 2006, IWK menyenggarakan sejumlah 8,927 kemudahan pembetungan yang meliputi 3,485 loji olahan kumbahan mekanikal, 3,618 loji jenis tangki septik komunal, 769 loji jenis imhoff, 471 kolam pengoksidaan, 3,666 loji jenis tangki septik komunal, 583 stesen pam rangkaian di PBT yang terlibat dan 1 loji jenis saliran Marin di Pulau Pinang. Kemudahan ini menghubungkan kemudahan pembetungan kepada 15.36 juta populasi penduduk yang melibatkan 15,686 km rangkaian saliran paip pembetungan bawah tanah.

d. Pemeriksaan loji yang melibatkan penyenggaraan bangunan dan persekitaran, pembersihan skrin dan penyenggaraan peralatan telah dinyatakan dengan jelas dalam Manual Aktiviti Operasi & Penyenggaraan Loji.

e. Setiap tahun, IWK menetapkan kekerapan pemeriksaan loji yang perlu dijalankan oleh operator loji. Kekerapan pemeriksaan adalah bergantung pada saiz dan jenis loji. Bagi tahun 2006, IWK telah merancang untuk menjalankan 509,254 pemeriksaan. Didapati operator loji telah berjaya menjalankan pemeriksaan pada tahap 93% daripada yang telah dirancang. Prestasi pemeriksaan loji bagi tahun 2006 berbanding tahun-tahun sebelumnya adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 32.3
PRESTASI PENCAPAIAN PEMERIKSAAN LOJI
BAGI TEMPOH TAHUN 2001 HINGGA 2006



f. Lawatan Audit ke 47 loji di 3 negeri antara bulan Oktober hingga Disember 2006 mendapati perkara-perkara berikut :-

i. 15 loji di Langkawi dan 19 loji di Kedah pada umumnya telah disenggarakan dengan baik. Bagaimanapun, 9 daripada 13 loji di Kuala Terengganu tidak disenggarakan dengan baik dan ditumbuhi dengan rumput. Bahan binaan yang digunakan bagi membaik pulih loji masih dibiarkan di tempat loji dan tidak dibuat pelupusan. Contohnya adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 32.7

Langkawi
- Loji Yang Telah Disenggarakan Dengan Baik

GAMBAR 32.8

Alor Setar
- Loji Yang Telah Disenggarakan Dengan Baik

GAMBAR 32.9

Alor Setar
- Loji Yang Telah Disenggarakan Dengan Baik

GAMBAR 32.10

Kuala Terengganu
- Sisa Bahan Binaan Yang Ditinggalkan Di Kawasan Loji

GAMBAR 32.11

Kuala Terengganu
- Pendawaian Loji Yang Tidak Selamat Digunakan

GAMBAR 32.12

Kuala Terengganu
- Kawasan Loji Yang Kotor dan Tidak Dibersihkan

GAMBAR 32.13

Kuala Terengganu
- Tumbuhan Menjalar Yang Tidak Dibuang

GAMBAR 32.14

Kuala Terengganu
- Kawasan Loji Yang Tidak Dibersihkan

ii. Terdapat beberapa loji di Kulim, Kubang Pasu, Sungai Petani yang mengalami masalah kegagalan reka bentuk dan struktur menyebabkan keretakan loji dan tangki tidak dapat menampung aliran air masuk. Keadaan ini juga menyebabkan air kumbahan melimpah keluar dan pencemaran bau. Gambar berikut menunjukkan keadaannya :-

GAMBAR 32.15

Kubang Pasu
- Loji Direka Bentuk Daripada Besi Menyebabkan Bau Busuk

GAMBAR 32.16

Kulim
- Keretakan Pada Struktur Loji Menyebabkan Air Kumbahan Melimpah Keluar Ke Kawasan Loji

GAMBAR 32.17

Kulim
- Keretakan Di Bahagian Bawah Loji Akibat Pemendapan Tanah

GAMBAR 32.18

Sungai Petani
- Air Kumbahan Melimpah Keluar Daripada Tangki Distribution

GAMBAR 32.19

Kubang Pasu
- Keretakan Pada Struktur Loji Menyebabkan Air Melimpah Keluar Ke Kawasan Loji

GAMBAR 32.20

Kulim

- Lokasi Loji Di Kawasan Rendah Serta Kegagalan Reka Bentuk Menyebabkan Loji Ini Telah Tenggelam. Air Kumbahan Terus Mengalir Ke Sungai Yang Berhampiran

iii. Kemudahan tapak pelupusan enapcemar yang disediakan di loji kumbahan Kulim, Sg. Petani dan Langkawi tidak digunakan sepenuhnya kerana kemudahan yang disediakan melebihi keperluan akibat dari populasi penduduk di kawasan ini rendah. Contohnya seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 32.21

Kulim
- Tapak Pengeringan Enapcemar (Drying Bed) Tidak Digunakan Sepenuhnya

GAMBAR 32.22

Sungai Petani
- Tapak Pengeringan Enapcemar (Drying Bed) Tidak Digunakan Sepenuhnya

GAMBAR 32.23

Langkawi
- Sludge Reception Facility Tidak Digunakan

GAMBAR 32.24

Langkawi
- Tangki Penyimpanan Enapcemar Tidak Digunakan

Pada pandangan Audit, IWK perlu memastikan penyenggaraan loji dijalankan mengikut Manual Aktiviti Operasi Dan Penyenggaraan Loji supaya mewujudkan persekitaran yang bersih demi melindungi kesihatan awam.

32.4.8.2. Perkhidmatan Tangki Septik Individu

a. Perkhidmatan Tangki Septik Individu merupakan jenis sistem pembetungan yang paling banyak terdapat di negara ini dan dianggarkan hampir 1.2 juta premis mempunyai tangki septik individu. Tangki septik selalunya mempunyai dua ruang dan ia tidak merawat air kumbahan dengan sepenuhnya. Ia berfungsi sebagai tangki pemendapan sementara dan perlu dikosongkan mengikut jadual. Tahap maksimum enapcemar (najis) sebuah tangki septik biasanya adalah satu pertiga (1/3) daripada saiznya. Perkhidmatan pengosongan tangki merupakan perkhidmatan berjadual tanpa sebarang caj tambahan selain daripada bil bulanan. Berikut adalah kitaran kerja pengendalian tangki septik individu :-

CARTA 32.4
PROSES KERJA BAGI PERKHIDMATAN TANGKI SEPTIK INDIVIDU



b. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2006, IWK telah memberi perkhidmatan pengosongan tangki septik individu kepada 494,058 (50%) daripada 991,279 pelanggan. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada IWK, pencapaian yang agak rendah ini adalah kerana keengganan pelanggan

menerima perkhidmatan, tiada penghuni di rumah serta tangki septik individu tidak dapat dikesan.

c. Seksyen 25, Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 mewajibkan pemilik atau penghuni sesuatu premis yang mempunyai tangki septik individu memastikan tangki tersebut disenggarakan setiap dua tahun. Mereka yang tidak mematuhi peraturan ini boleh didenda tidak melebihi RM10,000 dan denda tambahan tidak melebih RM1,000 bagi setiap hari. IWK tidak dapat menguatkuasakan peraturan ini kerana syarikat tersebut hanya diberi konsesi bagi mengurus dan menyenggara loji. Manakala penguatkuasaan terhadap akta ini terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

d. Mengikut Manual Aktiviti Operasi & Penyenggaraan Loji, pejabat operasi perlu mendapatkan maklum balas daripada pelanggan dengan mengedarkan Borang Penilaian Pelanggan. Pemeriksaan Audit di Pejabat Operasi Langkawi, Kuala Terengganu dan Alor Setar mendapati hanya Pejabat Operasi Alor Setar yang mematuhi peraturan ini. Ketiadaan maklum balas tersebut menyukarkan pejabat-pejabat berkenaan memastikan perkhidmatan yang telah diberikan adalah memenuhi keperluan pelanggan. Adalah didapati pejabat operasi Alor Setar telah menggunakan maklum balas yang diterimanya untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan yang diberi.

Pada pandangan Audit, kempen kesedaran tentang penyenggaraan loji dan tangki septik individu perlu diperluaskan di kalangan orang awam.

32.4.8.3. Pengurusan Efluen

a. Menurut Perjanjian Penswastaan, syarikat perlu menjalankan ujian efluen untuk setiap loji kumbahan bagi memastikan elemen (parameter) *Biochemical Oxygen Demand (BOD), Suspended Solids (SS), pH, Ammonical Nitrogen, Oil and Grease* berada pada paras yang dibenarkan mengikut standard di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kekerapan ujian efluen bergantung kepada saiz loji kumbahan serta populasi penduduk di sesuatu kawasan. Sekiranya ujian efluen tidak mematuhi standard yang ditetapkan, satu laporan perlu dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar dengan menyatakan alasan/sebab ketidakpatuhan itu. Kekerapan minimum untuk membuat ujian efluen bagi sesuatu loji adalah seperti berikut :-

JADUAL 32.9
KEKERAPAN MINIMUM UJIAN EFLUEN

SAIZ POPULASI	KEKERAPAN UJIAN
50,001 ke atas	- 24 ujian pada tahun pertama beroperasi; - 12 ujian pada tahun berikutnya
25,001 hingga 50,000	- 12 ujian pada tahun pertama beroperasi; - 6 ujian pada tahun berikutnya
5,001 hingga 25,000	- 6 ujian pada tahun pertama beroperasi; - 4 ujian pada tahun berikutnya
2,001 hingga 5001	- 4 ujian pada tahun pertama beroperasi; - 2 ujian pada tahun berikutnya
2,000 ke bawah	- 4 ujian pada tahun pertama beroperasi; - 2 ujian pada tahun berikutnya

b. Semakan terhadap rekod berkaitan dengan ujian efluen mendapati pada umumnya, rekod berkaitan telah diselenggarakan dengan baik.

c. Efluen yang diambil daripada loji akan diuji di 3 Makmal IWK iaitu di Melaka, Taiping, Perak dan Sungai Besi, Kuala Lumpur. Adalah diperhatikan sungguhpun ujian efluen dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan, namun IWK hanya dapat menjalankan ujian efluen terhadap 6,324(74%) daripada 8,458 loji yang perlu diuji bagi tahun 2006. Keadaan yang sama juga berlaku pada tahun-tahun sebelumnya di mana syarikat ini hanya berupaya menjalankan ujian antara 69% hingga 75% daripada loji yang perlu diuji. Antara puncanya adalah kerana kekurangan kakitangan dan kebanyakan punca efluen keluar (outlet) bagi loji jenis tangki septik komunal tidak dapat dikesan/paras air yang terlalu rendah. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tahun 2006, hanya 56% daripada loji yang diperiksa telah mematuhi standard pelepasan efluen yang ditetapkan di bawah Akta Alam Sekeliling 1974. Keadaan yang sama juga berlaku bagi tempoh 2001 hingga 2005 di mana hanya antara 38% hingga 53% efluen yang dilepaskan dari loji yang diuji mematuhi standard. Elemen utama yang menyebabkan efluen tidak mematuhi standard tersebut adalah elemen *Biochemical Oxygen Demand* (*BOD*) diikuti oleh elemen minyak dan gris kerana loji berkenaan tidak dilengkapi dengan perangkap minyak dan gris. Berikut diberikan butirannya.

JADUAL 32.10
KEDUDUKAN LOJI DIUJI DAN TAHAP PENCAPAIAN PEMATUHAN STANDARD BAGI TEMPOH TAHUN 2001 HINGGA 2006

PERKARA/TAHUN	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Jumlah Loji	6,671	7,111	7,501	7,870	8,204	8,458
Jumlah Loji Diuji	4,827	4,895	5,459	5,881	6,164	6,324
% Loji Diuji	73%	69%	72%	74%	75%	74%
Jumlah Loji Yang Mematuhi Standard	1,840	1,976	2,512	2,923	3,280	3,531
% Loji Yang Mematuhi Standard	38%	40%	46%	50%	53%	56%

d. Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mana-mana pihak yang melepaskan efluen yang tidak mencapai standard perlu memohon *licence to contravene* yang berkuat kuasa untuk tempoh tertentu daripada Jabatan Alam Sekitar negeri bagi membolehkan pihak berkenaan mengambil tindakan pembetulan. Untuk mendapatkan lesen ini, bayaran mengikut kadar yang ditetapkan akan dikenakan kepada pemohon lesen. **Bagi tempoh bulan Mei 1998 hingga Disember 2006, IWK telah dikenakan bayaran lesen berjumlah RM2.15 bilion. Bagaimanapun, IWK telah mendapat pengecualian daripada Jabatan Alam Sekitar untuk menjelaskan bayaran lesen berjumlah RM905.40 juta bagi tempoh Mei 1998 hingga Julai 2004. IWK juga telah memohon pengecualian bayaran lesen yang dikenakan bagi tempoh bulan Ogos 2004 hingga Disember 2006 berjumlah RM1.24 bilion. Setakat ini, Jabatan Alam Sekitar masih belum memberi keputusan mengenainya.**

Pada pandangan Audit, IWK perlu mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan efluen di semua loji diuji mengikut kekerapan yang ditetapkan. Sehubungan ini, IWK perlu menambah kakitangan bagi mengambil sampel dan menjalankan ujian. IWK perlu berusaha mengesan punca efluen keluar bagi membolehkan sampel diambil untuk diuji dan seterusnya merekodkan lokasinya bagi memudahkan pengambilan sampel pada bila-bila masa.

32.4.8.4. Pengurusan Enapcemar

a. Enapcemar ialah sejenis bahan organik yang akan cepat menjadi busuk sekiranya dibiarkan dan tidak dirawat. Enapcemar yang tidak dirawat merupakan ancaman kepada alam sekitar dan kesihatan awam. Enapcemar yang telah dirawat dan stabil adalah selamat digunakan sebagai baja untuk tanah. Perjanjian Penswastaan serta Manual Aktiviti Operasi & Penyenggaraan Loji telah menetapkan enapcemar perlu dirawat mengikut 3 kaedah yang telah diluluskan seperti berikut :-

   i. Dibuang di tapak pelupusan atau kolam yang dibina dan ia akan mengalami proses rawatan semula jadi.

   ii. Dibuang ke dalam lagun yang dibina dan ia akan mengalami proses rawatan semulajadi.

   iii. Dipindahkan ke pusat penerimaan enapcemar dan ia dirawat dengan menggunakan peralatan mekanikal.

b. IWK perlu menyenggarakan rekod berkaitan dengan lokasi di mana enapcemar dirawat, kuantiti enapcemar yang telah dirawat serta rekod berkaitan ujian enapcemar yang dijalankan 2 kali setahun. Selain itu, IWK

perlu mematuhi Peraturan Alam Sekeliling (Buang Terjadual) 1989. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Di Alor Setar, pihak IWK telah melantik kontraktor untuk mengosongkan tangki septik individu dan membuang enapcemar ke tempat yang telah ditetapkan. Didapati Buku Catatan Loji (*Site Log Book*) yang disediakan di tapak pelupusan tidak disemak oleh pihak IWK untuk tujuan memantau kerja kontraktor berkenaan.

ii. Tapak pelupusan enapcemar di Tok Jembal, Kuala Terengganu tidak disenggarakan dengan memuaskan. Kedudukan tapak ini adalah tidak sesuai kerana ia berada hanya 750 meter daripada jalan besar serta berdekatan dengan kawasan perumahan. Buku Catatan Loji (*Site Log Book*) juga tidak diselenggarakan dan ujian enapcemar tidak dilaksanakan. Gambar berikut menunjukkan keadaan tapak pelupusan ini:-

GAMBAR 32.25

Kuala Terengganu
- Enapcemar Melimpah Keluar Daripada Kolam Yang Disediaka Menyebabkan Pencemaran Bau

GAMBAR 32.26

Kuala Terengganu
- Kedudukan Tapak Yang Berada Hanya 750 Meter Daripada Jalan Besar Dan Kawasan Perumahan

GAMBAR 32.27

Kuala Terengganu
- Tapak Pelupusan Enapcemar Telah Dicerobohi

32.4.9. Promosi Terhadap Aktiviti IWK

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM11.55 juta daripada RM11.97 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan bagi tujuan promosi dan pemasaran aktiviti IWK. Sejumlah 513 aktiviti telah dijalankan yang melibatkan

program kesedaran di sekolah, pameran, lawatan loji dan majlis dialog. Selain itu, pemasaran melalui iklan di akbar, televisyen dan radio juga giat dijalankan.

32.4.10. Aktiviti Khidmat Pelanggan

32.4.10.1. IWK menyediakan perkhidmatan panggilan 24 jam melalui Unit Khidmat Pelanggan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah 264,542 panggilan telah diterima dan secara purata 89% panggilan dijawab dan diperakui dalam masa 24 jam seperti mana yang ditetapkan dalam Manual Aktiviti Operasi & Penyenggaraan Loji.

32.4.10.2. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, IWK telah menerima 303,299 pertanyaan berkaitan status akaun (12%), permohonan pindaan maklumat (83%) serta aduan berkaitan bil (5%). Secara purata bagi bulan Disember 2006, sebanyak 96% daripada pertanyaan tersebut dapat diselesaikan dalam tempoh masa 14 hari manakala 3% diselesaikan melebihi 14 hari dan 1% tidak dapat diselesaikan. Seterusnya, IWK dapat menyelesaikan 98% daripada aduan berhubung dengan lurang pembetungan *(manhole)* melimpah, penutup *manhole* hilang serta saliran paip pembetungan tersumbat.

32.4.11. Mekanisme Pemantauan

32.4.11.1. Peringkat IWK

a. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah memantau aktiviti IWK melalui mesyuarat yang diadakan setiap bulan. Bagi tahun 2006, Lembaga Pengarah telah mengadakan mesyuarat secara bulanan. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah prestasi syarikat, kedudukan perolehan dan kedudukan kewangan syarikat.

b. Mesyuarat Pengurusan

Hal-hal berkaitan operasi dan penyenggaraan loji serta pungutan hasil telah dibincangkan melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif setiap bulan. Perkara ini telah juga dibincangkan melalui Mesyuarat Pengurusan Kanan yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian setiap minggu.

3.4.11.2. Peringkat Kementerian

a. Kementerian Kewangan

Pemantauan terhadap pengurusan IWK adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan selaku pemegang saham utama IWK. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 1985, Kementerian Kewangan perlu melantik seorang pegawai sebagai wakilnya untuk mengawasi semua

aktiviti IWK serta memastikan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Syarikat selaras dengan dasar Kerajaan. Wakil tersebut juga dikehendaki mengemukakan laporan bertulis 3 bulan sekali kepada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati sungguhpun wakil Kementerian Kewangan telah menghadiri kesemua Mesyuarat Lembaga Pengarah, namun tidak ada laporan bertulis setiap 3 bulan berhubung dengan pengurusan IWK telah disediakan untuk dikemukakan kepada Menteri Kewangan.

b. Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi

Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) juga mengawal selia aktiviti IWK. Mesyuarat diadakan setiap bulan dan suku tahunan untuk membincangkan hal berkaitan aktiviti dan kedudukan prestasi projek pembinaan serta kedudukan loji yang telah dan perlu diserah kepada IWK. Pada tahun 2006, naziran oleh pihak JPP negeri juga telah diadakan dari semasa ke semasa di loji olahan kumbahan bagi memastikan perkhidmatan pembetungan yang berkualiti diberikan oleh IWK.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya pemantauan yang dibuat terhadap pengurusan IWK adalah memuaskan. Bagaimanapun, wakil Kementerian Kewangan perlu menyediakan laporan bertulis setiap 3 bulan berhubung dengan prestasi pengurusan IWK kepada Menteri Kewangan untuk tujuan pemantauan.

32.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

32.5.1. Pada keseluruhannya IWK perlu mempertingkatkan tahap kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang penyelewengan terutamanya berhubung dengan kutipan hasil. IWK telah merancang perkhidmatan perbentungan dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Sehubungan ini adalah disyorkan tindakan sewajarnya diambil terhadap perkara-perkara berikut :-

32.5.1.1. Bagi mengatasi keengganan pelanggan bekerjasama mengosongkan tangki septik individu, kempen kesedaran tentang pentingnya penyenggaraan loji dan tangki septik individu perlu diperluaskan di kalangan orang awam.

32.5.1.2. IWK perlu mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan efluen di semua loji diuji mengikut kekerapan yang ditetapkan. IWK perlu menambah kakitangan bagi mengambil sampel dan menjalankan ujian. IWK perlu berusaha mengesan punca efluen keluar (outlet) bagi membolehkan sampel diambil untuk diuji dan seterusnya merekodkan lokasinya bagi memudahkan pengambilan sampel pada masa yang lain.

32.5.2. Memandangkan Kerajaan telah mengambil alih IWK mulai tahun 2000 dan melanjutkan tempoh konsesi serta mengambil alih pelaksanaan pembinaan loji, Kerajaan patut menandatangani perjanjian konsesi yang baru. Perjanjian ini perlu juga memasukkan fungsi dan tanggungjawab IWK dalam menguruskan projek pembinaan loji. Antara lainnya, IWK perlu memastikan kontraktor yang dipilih mempunyai kepakaran yang diperlukan, harga yang ditawarkan adalah munasabah, pembinaan yang dibuat mengikut spesifikasi dan projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Syarat perjanjian juga perlu menyatakan kadar bayaran pengurusan yang boleh dituntut oleh IWK dan tindakan yang boleh diambil sekiranya IWK gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

PENGURUSAN
MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

33.1. LATAR BELAKANG

33.1.1. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) telah ditubuhkan pada bulan Jun 1996 untuk menyediakan pelan utama bagi pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan mengawasi pelaksanaannya. Misi MDeC adalah untuk merealisasikan Malaysia sebagai hub global dan lokasi yang menjadi pilihan untuk inovasi ICT dan multimedia, perkhidmatan dan operasi. Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan memegang 99.99% saham MDeC yang bernilai RM343.13 juta manakala bakinya 0.01% bernilai RM0.03 juta dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Bagi tempoh tahun 1996 hingga 2006, MDeC telah menerima geran berjumlah RM712.38 juta untuk belanja operasi dan pembangunan serta pinjaman daripada Kerajaan berjumlah RM175 juta. Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti MDeC.

33.1.2. MDeC merancang pelaksanaan aktivitinya melalui 3 fasa iaitu :-

a. Fasa 1 (tahun 1996 hingga 2003) - memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan MSC di Cyberjaya yang melibatkan pemberian status MSC kepada syarikat yang layak, pelancaran 7 aplikasi *flagship* dan menguatkuasakan undang-undang siber.

b. Fasa 2 (tahun 2004 hingga 2010) - untuk membangunkan MSC sebagai hub teknologi maklumat *global*. Antaranya membangunkan *web of corridor*, mempertingkatkan dan memperkenalkan aplikasi perdana yang baru.

c. Fasa 3 (tahun 2011 hingga 2020) - pada akhir fasa ini, agenda MSC Malaysia akan diperluaskan kepada seluruh negara. Ia akan merupakan transformasi nasional untuk menjadikan negara yang berasaskan ilmu pengetahuan selaras dengan Visi 2020.

33.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif penubuhannya.

33.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan dan aktiviti utama MDeC bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Jun 2006. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod berkaitan telah dibuat di pejabat MDeC, Kementerian Kewangan, Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

33.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2006 terhadap aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan MDeC mendapati perkara berikut :-

33.4.1. Struktur Pengurusan

Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang sahamnya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan, MDeC perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Antara lainnya, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta tanggungjawab mereka terhadap pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif, penubuhan Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit serta tanggungjawab masing-masingnya. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

33.4.1.1. Lembaga Pengarah MDeC diketuai oleh Pengerusi Bukan Eksekutif dan dianggotai seramai 10 orang Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Eksekutif iaitu Dato' Mohd Badlisham bin Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif. Pengerusi Lembaga Pengarah MDeC ialah Tan Sri Abdul Halim bin Ali. Tiga daripada Pengarah Bukan Eksekutif merupakan wakil Kerajaan iaitu daripada Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi, Kementerian Kewangan Dan Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi. Kesemua pelantikan ini telah mendapat kelulusan Menteri Kewangan seperti mana yang ditetapkan dalam peraturan. Tujuh pengarah yang lain ialah Tan Sri Dato' Ir. Muhammad Radzi Haji Mansor, Chairman TM Berhad; Tan Sri Lim Kok Wing, President, Lim Kok Wing University; Datuk Kalimullah Masheerul Hassan, Group Editor-in-Chief, New Straits Times Press; Tan Sri Datuk G. Gnanalingam, Executive Chairman, Westport Malaysia; Dato' Nazir Tun Razak, Chief Executive/Managing Director, CIMB Berhad; Datuk Shahril Tan Sri Dato' Seri Ir. Shamsuddin, President dan *Chief Executive Officer* (CEO), Sapura Group of Companies dan Mr. Harres Tan Leong Huat, Group CEO HT Consulting (Asia) Group dan Chairman of PIKOM. Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab menetapkan dasar dan operasi syarikat serta memastikan pengurusannya dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga juga perlu membuat penilaian terhadap prestasi kewangan syarikat sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

33.4.1.2. MDeC diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan dibahagikan kepada 9 bahagian yang mana setiap bahagian diketuai sama ada

oleh Naib Presiden Kanan/Naib Presiden dan fungsi masing-masingnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.1
BAHAGIAN DALAM SYARIKAT MDeC DAN FUNGSINYA

BAHAGIAN	DIKETUAI OLEH	FUNGSI
Pejabat Pegawai Eksekutif	Ketua Pegawai Eksekutif	Bertindak sebagai urusetia bagi :- • Mesyuarat Lembaga Pengarah • Mesyuarat Pengurusan Kanan • Mesyuarat *Post* Kabinet Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
Perkhidmatan Korporat	Naib Presiden	Bertanggungjawab untuk menguruskan hal berkaitan dengan perakaunan dan perolehan.
Pembangunan Industri	Naib Presiden Kanan	Menguruskan pendaftaran syarikat bagi mendapatkan status MSC
Pembangunan Kapasiti	Naib Presiden	Bertanggungjawab terhadap :- • Hal berkaitan Undang-Undang Siber • Pengurusan pembentukan bandar siber dan pusat siber • Pembangunan infrastruktur bandar dan pusat siber • Pembangunan dan peningkatan keupayaan syarikat MSC • Pengurusan Pusat Inovasi MSC
Pemasaran dan Penjenamaan	Naib Presiden	Bertanggungjawab terhadap pemasaran MSC dan insentifnya di dalam dan luar negara
Pembangunan Sosio Ekonomi	Naib Presiden Kanan	Memantau pelaksanaan Telekesihatan, Kerajaan Elektronik, Aplikasi Perdana, Kad Pintar. Sekolah Bestari, penyelidikan dan polisi teknologi
Pengembangan Pengetahuan dan Pembelajaran	Naib Presiden	Mengendalikan perpustakaan dan maklumat syarikat
Pembangunan Usahawan Teknopreneur	Naib Presiden Kanan	Menjalankan program bagi menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat bersaiz kecil dan sederhana dari segi memberi bantuan khidmat nasihat, *monitoring* dan memberi bantuan kewangan kepada individu dalam merealisasikan idea-idea *pre-seed*
Pembangunan Organisasi	Pengarah	Pengurusan dan pembangunan sumber manusia

33.4.1.3. Struktur organisasi MDeC adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 33.1
STRUKTUR ORGANISASI MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2006



Nota : ***ICT - Information Communication Technology***
NECC - National E-Commerce Committee

33.4.1.4. Syarikat MSC Management Services Sdn. Bhd. iaitu subsidiari MDeC telah dilantik sebagai Setiausaha syarikat sejak bulan Disember 2004. Dari tahun 1996 hingga 2003, Chua Siew Chuan, Jagdish Singh dan Joycelina Tan telah melaksanakan tanggungjawab sebagai Setiausaha syarikat.

33.4.1.5. Audit dalaman dijalankan oleh Ernst & Young semenjak tahun 2002. Bagaimanapun mulai bulan November 2006, MDeC telah menubuhkan Unit Audit Dalam tetapi setakat ini hanya seorang pegawai ditempatkan di unit itu. Penubuhan Unit Audit Dalam adalah penting untuk mengawasi dasar dan sistem perakaunan, kawalan dalaman serta memastikan wujudnya amalan *check and balance* dalam pengurusan kewangan dan operasi yang dijalankan oleh syarikat dan subsidiarinya.

33.4.1.6. Jawatankuasa Audit telah diwujudkan pada tahun 2001 dan dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Dato' Abdul Wahid bin Omar dan dianggotai oleh 4 Lembaga Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif lain yang terdiri daripada wakil Kerajaan dan sektor swasta. Jawatankuasa ini bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, mesyuarat jawatankuasa tersebut telah diadakan sebanyak 11 kali.

33.4.2. Guna Tenaga Dan Latihan

33.4.2.1. Sejak penubuhannya, MDeC telah membuat 2 penstrukturan semula iaitu masing-masingnya pada tahun 2004 dan 2006 dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Penstrukturan ini melibatkan penstrukturan unit-unit dalaman ke arah mencapai strategi syarikat tetapi tidak melibatkan pertambahan jawatan. Sehingga bulan Disember 2006, sebanyak 400 jawatan telah diluluskan di mana 210 daripadanya telah diisi secara tetap manakala 108 jawatan diisi secara kontrak. Kedudukan perjawatan mengikut bahagian setakat bulan Disember 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.2
KEDUDUKAN PERJAWATAN MENGIKUT BAHAGIAN
SETAKAT BULAN DISEMBER 2006

BAHAGIAN	JAWATAN		
	LULUS	ISI	%
Pejabat Korporat, Strategi Perniagaan Dan Transformasi	18	12	66.7
Pembangunan Organisasi	20	18	90.0
Pengembangan Pengetahuan Dan Pembelajaran	10	9	90.0
Pemasaran Dan Penjenamaan	50	38	76.0
Pembangunan Technoprenuer	46	34	73.9
Pembangunan Kapasiti	52	42	80.8
Pembangunan Sosio Ekonomi	30	25	83.3
Pembangunan Industri	117	91	77.8
Perkhidmatan Korporat	57	49	86.0
JUMLAH	**400**	**318**	**79.5**

33.4.2.2. Latihan merupakan elemen pengurusan penting bagi memajukan kerjaya pekerja, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta produktiviti dan kualiti kerja. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, MDeC telah membelanjakan sejumlah RM6.32 juta untuk memberi latihan kepada kakitangannya. Antara latihan yang telah diberi ialah kursus kemahiran komunikasi Bahasa Arab, perkhidmatan pelanggan, etika profesional dan pengurusan projek.

33.4.3. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan operasi syarikat, MDeC telah menetapkan prosedur kerja bagi setiap aktivitinya seperti berikut :-

a. **Prosedur Kerja Bahagian Kewangan Dan Sumber Manusia** - menetapkan secara ringkas peraturan berhubung proses pengambilan pekerja, peletakan jawatan, terma pelantikan dan faedah pekerja, pengurusan kewangan, pengurusan aset, pengurusan perolehan iaitu sebut harga dan tender.

b. **Prosedur Kerja Pemprosesan Syarikat Status MSC** - menetapkan peraturan berhubung proses permohonan dan pemberian status MSC.

c. **Prosedur Kerja Pendaftaran Bandar Dan Pusat Siber** - menerangkan prosedur kerja bagi pengiktirafan bandar dan pusat siber serta keperluan infrastruktur.

d. **Prosedur Pemprosesan Dan Pemberian Skim Geran Penyelidikan Dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia** - menetapkan prosedur bagi memproses permohonan dan pemberian geran kepada syarikat berstatus MSC.

Pada umumnya, MDeC telah menyediakan prosedur kerja berkaitan setiap aktivitinya dengan lengkap bagi memudahkan pelaksanaan pengurusan dan operasi syarikat.

33.4.4. Prestasi Kewangan

33.4.4.1. MDeC telah menyediakan bajet tahunan sebelum sesuatu tahun kewangan bermula bagi menyokong permohonan peruntukan kewangan daripada Kementerian Kewangan. Bajet ini menetapkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap aktivitinya serta jangkaan untung yang akan diperolehinya. Bajet ini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Kedudukan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.3
BAJET BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

BUTIRAN BAJET	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
PENDAPATAN			
Peruntukan Operasi	-	-	43.00
Hasil Langsung	-	-	-
Lain-lain Hasil	19.65	12.11	6.98
Peruntukan Pembangunan RMK-8	112.51	99.46	52.02
JUMLAH PENDAPATAN	**132.16**	**111.57**	**102.0**
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Langsung/Aktiviti RMK-8	101.28	85.51	44.74
Operasi	50.15	54.91	59.65
JUMLAH PERBELANJAAN	**151.43**	**140.42**	**104.39**
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	**19.27**	**28.85**	**2.39**

33.4.4.2. Bagi membiayai pembangunan MSC dan pengurusan operasinya, MDeC telah mendapat peruntukan kewangan melalui :-

a. Peruntukan pembangunan berjumlah RM344.47 juta daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk membiayai program pembangunan bandar siber dan pusat siber, pelaksanaan teknologi MSC, pengurusan program aplikasi perdana, projek latihan *intern*, projek pemasaran, inkubator kebangsaan, projek E-Village dan integrasi aplikasi *flagship*.

b. Geran pelancaran dan geran mengurus bagi menampung perbelanjaan operasi berjumlah RM367.91 juta bagi tempoh tahun 1996 hingga 2006.

33.4.4.3. Semakan telah dibuat terhadap beberapa butiran Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 seperti berikut :-

a. Sumber pendapatan MDeC diperolehi antara lainnya melalui yuran pendaftaran syarikat berstatus MSC, yuran pemprosesan geran, faedah simpanan tetap, dividen yang diterima daripada syarikat subsidiari, yuran perkhidmatan perakaunan subsidiari dan lain-lain pendapatan. Perbelanjaan terdiri daripada bayaran gaji kakitangan, bayaran terhadap *flagship integration - technology,* promosi dan pemasaran serta perjalanan luar negara.

b. Jumlah pendapatan MDeC telah meningkat daripada RM73.33 juta pada tahun 2004 kepada RM120.25 juta pada tahun 2006. Manakala perbelanjaan juga telah meningkat daripada RM93.92 juta kepada RM121.05 juta pada tahun 2006. Keadaan ini menyebabkan MDeC mengalami kerugian berjumlah RM0.80 juta pada akhir tahun 2006. Bagaimanapun, kerugian ini telah menurun berbanding 2 tahun sebelumnya kerana pertambahan geran Kerajaan berjumlah RM108.61 juta dalam tahun 2006. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.4
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

BUTIRAN	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Pendapatan	6.79	7.12	11.64
Geran Kerajaan	66.54	77.69	108.61
JUMLAH PENDAPATAN	**73.33**	**84.81**	**120.25**
Perbelanjaan	93.92	105.03	121.05
KERUGIAN	**(20.59)**	**(20.22)**	**(0.80)**

33.4.4.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan Disember 2006, kerugian terkumpul syarikat ialah RM340.43 juta. Ini adalah disebabkan pada asalnya MDeC sepatutnya beroperasi sebagai syarikat pelaburan yang *self financing* dengan memperoleh pendapatan daripada penyewaan dan penjualan

tanah Cyberjaya, mengenakan levi *information technology backbone* dan bayaran *information technology city.* Bagaimanapun, perniagaan ini tidak dapat dilaksanakan apabila Kerajaan memberikan hak penyewaan dan penjualan tanah di Cyberjaya kepada Setia Haruman Sdn. Bhd. dan pengutipan levi *information technology backbone* telah diambil alih oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. Manakala pengenaan fi bayaran untuk *information technology city* tidak jadi dilaksanakan atas arahan Kerajaan.

33.4.4.5. Bagi menentukan prestasi kewangan MDeC, satu analisis telah dibuat terhadap beberapa butiran di Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan MDeC bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006. Analisis tersebut meliputi analisis nisbah hutang, nisbah semasa, nisbah asid dan nisbah *net tangible asset* sesaham. Berikut adalah ringkasan hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. Nisbah Hutang merupakan pendekatan yang digunakan bagi menilai kestabilan MDeC iaitu sejauh mana liabiliti perlu ditanggung oleh aset yang dimiliki syarikat. Kedudukan nisbah antara liabiliti dan aset pada kadar kurang daripada 0.5:1 menunjukkan keadaan yang baik. Mengikut perkiraan Audit, nisbah hutang MDeC bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 adalah antara 0.87 hingga 0.94. Ini bermakna MDeC terlalu bergantung kepada pinjaman untuk melaksanakan projek pembangunan dan operasi syarikatnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.5
JUMLAH TANGGUNGAN BERBANDING JUMLAH ASET MDeC
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

TAHUN	JUMLAH TANGGUNGAN (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH HUTANG (a:b)
2004	372.45	396.17	0.94:1
2005	338.24	375.52	0.90:1
2006	382.80	436.81	0.87:1

b. Nisbah Semasa adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kecairan sesebuah syarikat dan sejauh mana syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Mengikut perkiraan Audit, nisbah semasa MDeC bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 adalah antara 2.27 hingga 5.37. Berdasarkan kepada nisbah ini, pada umumnya dapatlah dirumuskan bahawa MDeC mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya sungguhpun termasuk dalam aset semasa MDeC adalah sejumlah RM57.49 juta terhutang oleh syarikat subsidiari yang mana kemungkinan hutang tersebut dapat dibayar balik

adalah amat diragui kerana syarikat subsidiari mengalami kerugian. Butiran nisbah semasa adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.6
ASET SEMASA BERBANDING TANGGUNGAN SEMASA MDeC
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	TANGGUNGAN SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a:b)
2004	208.83	38.92	5.37 : 1
2005	190.30	77.82	2.44 : 1
2006	354.14	155.99	2.27 : 1

c. **Nisbah Asid** merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang mudah dicairkan dapat menampung tanggungan semasa. Kedudukan nisbah asid pada kadar 1:1 dan ke atas menunjukkan keadaan baik di mana syarikat berkemampuan untuk membayar hutang semasanya. Mengikut perkiraan Audit, nisbah asid MDeC bagi tahun kewangan 2004 hingga 2006 adalah antara 1.30 hingga 4.00. Berdasarkan kepada nisbah ini, MDeC masih mampu menampung keseluruhan tanggungan semasanya sungguhpun jumlah terhutang dari syarikat subsidiari adalah tinggi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.7
ASET SEMASA BERBANDING TANGGUNGAN SEMASA MDeC
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

TAHUN	ASET SEMASA - AMAUN TERHUTANG DARIPADA SUBSIDIARI (RM Juta) (a)	TANGGUNGAN SEMASA - AMAUN TERHUTANG KEPADA SUBSIDIARI (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a:b)
2004	145.83	36.37	4.00:1
2005	126.60	75.47	1.67:1
2006	196.05	150.75	1.30:1

Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan MDeC masih kukuh disebabkan Kerajaan memberi geran tahunan kepadanya untuk tujuan perbelanjaan pembangunan dan operasi.

d. ***Net Tangible Asset* Sesaham** merupakan pendekatan yang digunakan untuk menunjukkan nilai sebenar syarikat bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pelabur. Ini merupakan faktor utama bagi pelabur yang ingin melabur atau membeli saham sesebuah syarikat. Perkiraan *net tangible asset* sesaham adalah jumlah aset ditolak dengan jumlah liabiliti dan seterusnya dibahagi dengan jumlah saham dikeluarkan. Adalah didapati modal saham Kerajaan dalam MDeC yang bernilai RM1 sesaham hanya bernilai 14.3 sen sesaham pada akhir tahun 2006. Kemerosotan ketara aset

bersih ini adalah disebabkan kerugian berterusan MDeC dan syarikat subsidiarinya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.8
KEDUDUKAN *NET TANGIBLE ASSET* SESAHAM MDeC
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 2004 HINGGA 2006

TAHUN	JUMLAH ASET (RM Juta)	JUMLAH TANGGUNGAN (RM Juta)	MODAL BERBAYAR (RM Juta)	*NET TANGIBLE ASSET* SESAHAM
2004	396.17	372.45	343.13	6.9 sen
2005	375.52	338.24	343.13	10.9 sen
2006	436.81	382.80	376.91	14.3 sen

33.4.5. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

33.4.5.1. Semakan Audit mendapati 3 syarikat subsidiari utama iaitu Meitech Development Sdn. Bhd., MSC Venture Corporation Sdn. Bhd. dan MSC Management Services Sdn. Bhd. adalah dimiliki secara langsung oleh MDeC. Aktiviti utama Meitech Development Sdn. Bhd. adalah memberi khidmat nasihat berkaitan dengan aktiviti MSC. Aktiviti utama MSC Venture Corporation Sdn. Bhd. pula adalah menyediakan sumber dana bagi syarikat yang terlibat dalam industri ICT. Manakala MSC Management Services Sdn. Bhd. adalah membekalkan perkhidmatan *one stop centre* yang melibatkan perkhidmatan konsultan perniagaan dan perhubungan dengan pelanggan secara berkualiti.

33.4.5.2. Sebanyak 12 syarikat subsidiari lain adalah dimiliki secara tidak langsung iaitu pegangan melebihi 51% melalui 3 syarikat subsidiari utamanya. Penubuhan subsidiari ini diperakukan oleh Lembaga Pengarah. **Semakan Audit mendapati 6 daripada 12 syarikat subsidiari tersebut sama ada dorman/ditutup/dijual. Manakala prestasi kewangan bagi Meitech Development Sdn. Bhd. dan 5 syarikat subsidiari lain adalah tidak memuaskan di mana mereka mengalami kerugian berjumlah RM16.44 juta bagi tahun kewangan 2006.** Ini menyebabkan syarikat subsidiari berkenaan sukar untuk meneruskan operasi dan membayar balik pinjaman kepada MDeC berjumlah RM160 juta sehingga akhir bulan Disember 2006. Semakan Audit selanjutnya mendapati pelaburan MDeC berjumlah RM176.28 juta di 15 syarikat subsidiari telah mengalami rosot nilai berjumlah RM114.00 juta. Kedudukan prestasi kewangan syarikat subsidiari adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.9
PELABURAN DAN PRESTASI SUBSIDIARI MDeC
SETAKAT DISEMBER 2006

SUBSIDIARI	PEMILIKAN (%)	AKTIVITI	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) (RM Juta)	STATUS SEMASA
Meitech Development Sdn. Bhd.	100	Merupakan syarikat pemegang pelaburan dan memberi khidmat nasihat berkaitan dengan MSC.	38.00	(2.36)	Aktif

SUBSIDIARI	PEMILIKAN (%)	AKTIVITI	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) (RM Juta)	STATUS SEMASA
MSC Technology Centre Sdn. Bhd.	100	Membekalkan khidmat perundingan dan pengurusan projek dalam industri teknologi maklumat.	1.00	(0.99)	Aktif
G-Tek Electronic Sdn. Bhd.	70	Mengeluar dan memasang set telefon dan mengenal pasti penyelesaian aplikasi komunikasi.	45.83	6.89	Aktif
G-Tek Electronics Corporation	70.0	Membeli dan menjual bahan elektronik dan perniagaan import dan eksport.	-	(0.47)	Aktif
Optica Fibre Technologies MSC Sdn. Bhd.	64.5	Penyelidikan dan pembangunan serta pengedaran peralatan *optica fibre.*	10.83	0.17	Aktif
Streetmarkets.com Sdn. Bhd.	90.2	Membekalkan tempat untuk *e-retailing* bagi syarikat Malaysia memasarkan dan menjual barangan.	2.80	(0.01)	Dorman
Streetmarkets Pty Ltd.	90.2	Beroperasi sebagai gedung pakaian dan pusat perkhidmatan sokongan dengan penjualan berasaskan internet.	-	-	Ditutup
MSC E Resources Sdn. Bhd.	70	Mendapat dan menjual tanah bagi tujuan pembangunan projek E-Village dan bertindak sebagai perundingan.	0.18	(0.004)	Dorman
Asia PacificIT. com Sdn. Bhd.	100	Penerbitan, jualan dan pengedaran majalah, jurnal, surat cetak, buku dan lain-lain.	0.43	(0.006)	Dorman
MSC Trustgate. com Sdn. Bhd.	77.7	Bertindak sebagai pihak yang mengesah, mengeluarkan, menandatangani, membatalkan dan menguruskan pensijilan digital.	3.00	-	Dijual
MSC Venture Corporation Sdn. Bhd.	100	Menyediakan sumber dana bagi syarikat yang terlibat dalam industri ICT.	1.00	0.75	Aktif
MSC Venture One Sdn. Bhd.	86.7	Merupakan syarikat pemegang pelaburan dengan objektif untuk menambah nilai modal pelaburan jangka panjang yang telah dibuat.	70.00	(12.51)	Aktif
MSC Management Services Sdn.Bhd.	100	Membekalkan perkhidmatan *one stop centre* yang melibatkan perkhidmatan konsultan perniagaan dan perhubungan dengan pelanggan secara berkualiti.	2.60	0.19	Aktif
Agensi Pekerjaan KWX Sdn. Bhd.	100	Menyediakan kemudahan keperluan sumber manusia dan membekalkan perkhidmatan maklumat sumber manusia dalam industri teknologi maklumat.	-	(0.09)	Aktif
Myseq Sdn. Bhd.	62.3	Membekalkan perkhidmatan keselamatan komputer dan membekalkan penyelesaian keselamatan komputer.	0.61	-	Dijual
JUMLAH			**176.28**	**(8.44)**	

Syarikat Subsidiari Utama ***Syarikat Subsidiari***

33.4.5.3. Semakan Audit mendapati Entertainment Village (M) Sdn. Bhd. telah dilantik oleh Meitech Development Sdn. Bhd. untuk membangunkan Perkampungan Hiburan projek (E-Village) pada tahun 2000. Memandangkan Entertainment Village (M) Sdn. Bhd. menghadapi masalah kewangan, **Menteri Kewangan ketika itu telah bersetuju supaya MDeC memberi bantuan kewangan kepada** syarikat ini bagi membantunya membuat bayaran kepada kontraktor/pembekal yang terlibat dengan projek E-Village. Adalah diperhatikan sejumlah RM54.40 juta pendahuluan telah diberi kepada syarikat ini pada tahun

2000 dan 2001. Bagaimanapun, didapati Entertainment Village (M) Sdn. Bhd. masih lagi belum menyelesaikan baki hutang berjumlah RM25 juta kepada kontraktornya.

33.4.5.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati 4 kontraktor yang masih belum mendapat bayaran berjumlah RM15.39 juta telah memfailkan samannya terhadap MDeC memandangkan projek tersebut dibiayai oleh MDeC melalui pendahuluan yang telah diberi kepada Entertainment Village (M) Sdn. Bhd. MDeC telah melantik firma guaman Zaid Ibrahim & Co. untuk mewakilinya. Adalah dijangka fi peguamcara yang perlu ditanggung berjumlah RM1.28 juta dan sehingga bulan Disember 2006, sejumlah RM360,000 telah dibayar kepada firma guaman tersebut. Didapati MDeC enggan membayar kontraktor-kontraktor berkenaan kerana ia tidak menandatangani sebarang kontrak dengan mereka.

33.4.6. Pengurusan Kewangan

Sebagai sebuah syarikat Kerajaan, selain daripada mematuhi Akta Syarikat 1965, MDeC juga perlu mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan melalui beberapa pekeliling yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap tahap pematuhannya mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

33.4.6.1. Mengikut Seksyen 169, Akta Syarikat 1965, setiap syarikat hendaklah mengemukakan penyata kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Juruaudit Luar Bertauliah untuk diaudit sebelum ia dibentangkan semasa mesyuarat agung tahunan. Didapati Laporan Penyata Kewangan MDeC bagi tahun 2003, 2004 dan 2005 telah diaudit oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers dan Sijil Audit Tanpa Teguran telah dikeluarkan terhadap akaun tersebut. Firma Audit ini telah dilantik sebagai Juruaudit semenjak penubuhannya pada tahun 1996. **Pada pandangan Audit, pihak MDeC patut menggantikan Juruauditnya selaras dengan amalan terbaik iaitu penggantian Juruaudit sepatutnya dibuat pada setiap 5 tahun.**

33.4.6.2. Pada tahun 1997, MDeC telah mendapat pinjaman berjumlah RM100 juta daripada Bank Negara yang disalurkan kepada syarikat subsidiari MSC Venture Corporation Sdn. Bhd. (MSCVC). Pinjaman ini yang sepatutnya mula dibayar pada bulan Ogos 2007 adalah untuk tujuan pelaburan dalam syarikat venture capital. Setakat bulan Disember 2006, MSCVC telah melabur dalam 16 syarikat *venture capital.* Pelaburan tersebut telah memperoleh pencapaian yang bercampur di mana terdapat pelaburan yang membawa keuntungan dan ada juga yang mengalami kerugian.

33.4.6.3. Semakan Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan MDeC tidak dilakukan secara teratur. Berikut ini diberi contohnya :-

a. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM0.82 juta *leave encashment* iaitu menggantikan baki cuti rehat dengan wang tunai telah dibayar kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Naib-Naib Presiden Kanan dan Naib-Naib Presiden. Didapati bayaran ini tidak pernah diluluskan oleh Lembaga Pengarah mahupun Jawatankuasa Penamaan Dan Imbuhan.

b. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 tahun 1993 menetapkan dasar dan garis panduan mengenai pembayaran bonus oleh Syarikat-syarikat Kerajaan. Pekeliling ini menetapkan Syarikat Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Bagaimanapun, didapati MDeC telah memberikan bonus kepada kakitangannya termasuk kakitangan subsidiarinya mengikut prestasi pada kadar 1 hingga 1½ bulan gaji walaupun mengalami kerugian. Semakan Audit mendapati kelulusan Perbendaharaan Malaysia telah diperolehi untuk bayaran tersebut.

33.4.6.4. Setakat bulan Disember 2005, MDeC mempunyai aset tetap bernilai RM66.51 juta yang terdiri daripada tanah, bangunan, mesin, kilang, perabot, kelengkapan pejabat, komputer dan kenderaan. Semakan terhadap rekod berhubung pengurusan aset mendapati perkara seperti berikut :-

a. Sebanyak 408 aset yang bernilai RM1.65 juta yang dibeli antara tahun 1997 hingga 2002 telah hilang. Antara aset yang hilang adalah komputer riba, komputer *desktop,* kamera, peralatan pejabat dan telefon bimbit. Semakan Audit mendapati Laporan Polis dan juga tuntutan daripada pihak insurans telah dibuat. Bagaimanapun, bagi mengelakkan kehilangan aset daripada berulang, MDeC perlu mempertingkatkan kawalan dalamannya.

b. Sebanyak 100 aset terdiri daripada komputer dan perkakasan yang berkaitannya bernilai RM0.64 juta telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 23 Ogos 2004 untuk dilupuskan secara jualan. Bagaimanapun sehingga kini, tindakan pelupusan belum diambil. Semakan Audit mendapati peralatan ini masih terletak di bilik operasi dan stor utama pejabat MSC Management Services Sdn. Bhd. seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 33.1

GAMBAR 33.2

Komputer Dan Perkakasan Yang Belum Dilupuskan

33.4.7. Rancangan Korporat Dan Pencapaian

33.4.7.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati MDeC telah menyediakan satu rancangan korporat secara formal untuk tempoh tahun 2005 hingga 2010 yang mengandungi misi dan visi syarikat. Rancangan korporat MDeC juga menetapkan strategi pelaksanaan dengan *time frame* untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi mencapai misinya, MDeC telah merangka 3 *key strategic thrusts* iaitu menarik pelaburan luar negara dan syarikat multinasional, membina industri teknologi maklumat dan komunikasi tempatan serta memantapkan pembangunan sosio-ekonomi negara. MDeC juga telah menetapkan *Key Performance Indicators (KPI)* yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Bagi tahun 2004 dan 2005, KPI yang ditetapkan dan pencapaiannya adalah seperti di **Jadual 33.10** manakala bagi tahun 2006 seperti di **Jadual 33.11**.

JADUAL 33.10
***KEY PERFORMANCE INDICATORS* BAGI TAHUN 2004 DAN 2005**

KPI	PENETAPAN/TAHUN	2004		2005	
		SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
KPI 1	Jumlah pekerjaan diwujudkan	25,000 pekerjaan	28,340 pekerjaan	35,000 pekerjaan	44,168 pekerjaan
KPI 2	Jumlah pendapatan ICT yang dijangka	RM7.0 bilion	RM7.9 bilion	RM9.1 bilion	RM8.06 bilion
	Jumlah jualan eksport ICT	RM1.8 bilion	RM2.07 bilion	RM2.50 bilion	RM2.67 bilion
KPI 3	Pertambahan perbelanjaan penyelidikan	RM470 juta	RM502 juta	RM517 juta	RM856.80 juta
	Pertambahan bilangan harta intelek yang didaftarkan	304 unit	353 unit	395 unit	475 unit
KPI 4	Bilangan bandar siber ditubuhkan untuk mematuhi standard bandar siber	1 bandar siber di Pulau Pinang	2 bandar siber di Pulau Pinang dan KL Sentral	Menubuhkan 2 bandar siber (Johor Cyber Port, Kedah)	Menubuhkan 2 bandar siber (Johor Cyber Port, Kedah)
	Peningkatan Aplikasi Perdana	1 standard diwujudkan iaitu *Cross Flagship Integration Architecture Framework*	2 standard dicapai:- • *Cross Flagship Integration Architecture Framework* Kad pintar dan rangka polisi	Mengiktiraf 6 pusat siber (Perak, Melaka, KL Sentral, Johor, Negeri Sembilan, Pahang)	Mengiktiraf 6 pusat siber (Perak, Melaka, KL Sentral, Johor, Negeri Sembilan, Pahang)

KPI	PENETAPAN/TAHUN	2004		2005	
		SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
		Roll out 2 polisi Aplikasi Perdana • Kad pintar • Sekolah Bestari	a. 3 polisi *roll out* dipersetujui oleh *Implementation Committee Meeting* :- • Kad pintar • Sekolah Bestari • Telekesihatan b. 2 kontrak Aplikasi Perdana luar negara diperolehi iaitu Arab Saudi dan Bahrain	9 polisi dicadangkan contohnya:- i) *SIRIM Standard Committee – smart card standard & policy framework* *ii) Benchmarking excercise for Putrajaya network* *iii) Benchmarking ICT readiness for State Government* *iv) Benchmarking Government portal and website.*	9 polisi dicapai.
KPI 5	Pertambahan bilangan syarikat ICT termasuk syarikat berstatus MSC • Syarikat berstatus MSC • Syarikat bukan status MSC	• 1,150 • 1,060	• 1,163 • 1,096	• 1,566 • 1,470	• 1,421 • 1,351
KPI 6	Pertambahan bilangan syarikat pengguna produk dan perkhidmatan ICT tempatan	1,200	1,335	4,400	4,700
KPI 7	Penarafan indeks kepuasan pelanggan - Kerajaan	3.5/5.0	3.85/5.0	3.8/5.0	Menunggu keputusan
	Penarafan indeks kepuasan pelanggan - swasta	3.5/5.0	3.85/5.0	3.8/5.0	3.85/5.0
KPI 8	Penarafan indeks kepuasan pekerja	3.5/5.0	4.25/5.0	3.8/5.0	3.5/5.0
KPI 9	Penggunaan bajet RMK 8	95% digunakan	95% digunakan	95% digunakan	Melebihi 4% daripada peruntukan
KPI 10	Kos penjimatan perbelanjaan operasi	Penjimatan 10%	Penjimatan 10%	Penjimatan 10%	Penjimatan 20%

JADUAL 33.11
***KEY PERFORMANCE INDICATORS* BAGI TAHUN 2006**

KPI	PENETAPAN	SASARAN	PENCAPAIAN
KPI 1	Pertumbuhan dalam bilangan syarikat berstatus MSC	1,691 syarikat dan 96 daripadanya adalah syarikat global	1,728 syarikat berstatus MSC.

KPI	PENETAPAN	SASARAN	PENCAPAIAN
KPI 2	Petunjuk Kualiti syarikat berstatus MSC	- Pendapatan syarikat MSC RM9.1 bilion - Eksport syarikat MSC RM3.33 bilion - Permohonan pendaftaran harta intelek 519 fail - Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan ialah RM0.97 bilion - Bilangan pekerja *K-workers* 48,237	- Pendapatan syarikat MSC RM10.89 bilion - Eksport syarikat MSC RM3.20 bilion - Sejumlah 1,180 permohonan pendaftaran harta intelek telah dikemukakan. - Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan ialah RM1.07 bilion - Jumlah pekerja *K-workers* 48,573
KPI 3	Impak pembangunan sosio-ekonomi melalui bancian	100 %	164.7%
KPI 4	Keberkesanan dan penggunaan yang optimum pembiayaan Kerajaan (RMK 9)	Kadar penggunaan 95%	Output keseluruhan MDeC melebihi sasaran sebanyak 27% dan pada masa yang sama berbelanja seperti yang diperuntukkan di bawah RMK 9.
KPI 5	Indeks Kepuasan Pengguna bagi Kerajaan dan sektor swasta	Kadaran ditetapkan 3.8/5.0	3.9/5.00
KPI 6	Pematuhan kepada standard dan peraturan nasional dan antarabangsa	Penambahbaikan 10% daripada kedudukan biasa	Penambahbaikan 25% daripada kedudukan biasa
KPI 7	Indeks kepuasan pekerja	3.8/5.00	3.41/5.00

Pada pandangan Audit, kecuali Indeks Kepuasan Pekerja, MDeC bukan sahaja dapat mencapai KPI yang ditetapkan malahan berupaya meningkatkan sasarannya setiap tahun. MDeC perlu mengenal pasti punca berterusan penurunan Indeks Kepuasan Pekerja dan seterusnya mengambil langkah-langkah penambahbaikan.

33.4.7.2. Bagi mempertingkatkan perkhidmatan dan prestasi MDeC, beberapa sistem pengkomputeran telah dibangunkan secara dalaman dan *outsource* seperti berikut :-

a. Sistem Univision yang digunakan di Bahagian Sumber Manusia dan Sistem *Financial Accounting Management* di Bahagian Kewangan.

b. Bagi tahun 2006, MDeC telah melantik syarikat Vantage Point Consulting Sdn. Bhd. bagi membekalkan sistem maklumat bersepadu yang akan digunakan oleh setiap bahagian MDeC dengan kos berjumlah RM5.5 juta. Syarikat tersebut bertanggungjawab menyiapkan pelaksanaan sistem tersebut antara bulan September 2006 hingga Mac 2007.

c. MDeC telah menandatangani perjanjian kontrak dengan syarikat subsidiarinya iaitu MSC Management Services Sdn. Bhd. pada bulan September 2001 untuk menyediakan perkhidmatan sistem maklumat.

Kontrak ini telah dilanjutkan sehingga tahun 2006. Antara perkhidmatan sistem maklumat yang telah disediakan oleh syarikat subsidiarinya ialah penyenggaraan dan perkhidmatan rangkaian; server dan komputer peribadi; sistem operasi dan sokongan pengguna serta pengurusan sekuriti dan pelan bantuan bencana.

33.4.8. Prestasi Aktiviti

Aktiviti utama MDeC adalah bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) melalui penglibatan aktiviti-aktiviti yang berikut :-

33.4.8.1. Aplikasi Perdana

a. MDeC terlibat dalam 6 daripada 7 Aplikasi Perdana MSC iaitu Kerajaan Elektronik, Telekesihatan, Kad Pintar, Sekolah Bestari, *World Wide Manufacturing Web* dan Pemasaran Tanpa Sempadan. Empat daripada 6 Aplikasi Perdana iaitu Kerajaan Elektronik, Telekesihatan, Kad Pintar dan Sekolah Bestari dipantau secara berkala melalui 2 mesyuarat iaitu *Flagship Application Coordination Committee (FCC)* yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Eksekutif MDeC dan *MSC Implementation Committee Meeting (ICM)* yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. MDeC telah membelanjakan antara RM5.82 juta hingga RM12.91 juta setahun untuk membiayai penglibatannya dalam pelaksanaan 6 Aplikasi Perdana tersebut bagi tempoh tahun 2004 hingga tahun 2006. Butirannya adalah seperti berikut :-

JADUAL 33.12
PERBELANJAAN APLIKASI PERDANA
BAGI TEMPOH TAHUN 2004 HINGGA 2006

APLIKASI PERDANA	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)
Kerajaan Elektronik	1.53	2.98	1.48
Telekesihatan			
Kad Pintar	1.52	2.34	1.80
Sekolah Bestari	1.43	1.67	2.18
World Wide Manufacturing Web	1.34	5.92	2.88
Pemasaran Tanpa Sempadan			
JUMLAH	**5.82**	**12.91**	**8.34**

b. Semakan Audit mendapati prestasi aplikasi perdana adalah seperti berikut :-

i. Kerajaan Elektronik

MDeC bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) dalam menyelaras pelaksanaan aplikasi Kerajaan

Elektronik. Sehingga akhir tahun 2006, prestasi pelaksanaan Kerajaan Elektronik adalah seperti berikut :-

- Portal E-Syariah telah dilancarkan pada tahun 2005 di mana Sistem Pengurusan Mahkamah Syariah dilaksanakan di kesemua 13 negeri dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- E-Khidmat boleh diperolehi di 43 *kiosks* dan 110 pejabat ujian elektronik lesen memandu di seluruh negara telah beroperasi.
- *Elektronik Labour Exchange* adalah satu pusat rujukan terhadap maklumat pasaran buruh negara yang boleh diakses melampaui batasan sempadan masa dan geografi. Terdapat seramai 108,211 pencari pekerjaan yang aktif sehingga akhir tahun 2006 dan 419,866 peluang kekosongan jawatan yang diiklankan. Melalui sistem tersebut, seramai 15,781 pencari pekerjaan telah dipadankan secara *online.*
- *Generic Office Environment* telah dilaksanakan di 22 agensi Kerajaan dengan melibatkan 5,000 pengguna.
- Sistem *Human Resource Management Information System* telah dilaksanakan di 10 agensi perintis Kerajaan antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam, Pejabat Perdana Menteri dan Majlis Amanah Rakyat.
- E-Perolehan – Mengikut rekod Perbendaharaan Malaysia, sasaran transaksi melalui e-perolehan setiap tahun ialah RM10 bilion melibatkan perolehan Kerajaan bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagaimanapun bagi tempoh tahun 2002 hingga bulan April 2007, hanya transaksi berjumlah RM3.8 bilion yang telah dilakukan melalui e-perolehan.
- Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) adalah sistem pemantauan terhadap pelaksanaan projek yang merangkaikan semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan secara *online*. Setakat ini, SPP II telah digunakan di semua 28 Kementerian untuk memantau kemajuan pelaksanaan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.
- Capaian melalui telefon bimbit dan *Personal Digital Accessory* telah dilancarkan pada tahun 2006 dan dijangka akan menjana lebih banyak penggunaan aplikasi-aplikasi Kerajaan Elektronik.

ii. Telekesihatan

- MDeC telah dipertanggungjawabkan untuk mempromosikan pembangunan industri kesihatan; sebagai penasihat teknikal untuk projek Telekesihatan kepada Kementerian Kesihatan dan *MSC Implementation Committee Meeting*; memantau perkembangan pembangunan aplikasi Telekesihatan; membantu mengurangkan jurang digital dan mewujudkan *common platforms.* MDeC juga telah mengetuai promosi Myhealth di

peringkat nasional termasuk membangunkan bahan-bahan promosi. MDec juga telah mengambil inisiatif untuk peningkatan penggunaan TeleKonsultasi di 4 kawasan iaitu Hospital-hospital Kuala Lumpur, Ipoh, Grik dan Pulau Pinang.

- MDeC telah membantu mengintegrasikan penggunaan MyKad dan TeleKesihatan di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Universiti Sains Malaysia. Sehingga kini, kedua-dua pihak hospital tersebut telah mula menggunakan aplikasi ini.
- 70 syarikat telah berjaya mengeksport barangan dan perkhidmatan berkaitan Telekesihatan bernilai RM32.1 juta. Manakala barangan dan perkhidmatan bernilai RM124.5 juta telah dijual di dalam negeri.

iii. Kad Pintar Pelbagaiguna

- MDeC terlibat dalam pembangunan projek pilot Kad Pintar Pelbagaiguna (Kad Pintar) yang telah dilancarkan pada bulan Ogos 1996. Ia bertujuan untuk menyediakan landasan di mana aplikasi-aplikasi Kerajaan dan pembayaran dapat dibangunkan untuk membolehkan produktiviti yang berterusan dan peningkatan kualiti yang lebih baik di samping perkhidmatan yang lebih cekap, mampu meningkatkan keselamatan data dan kemudahan berurusan. Kad Pintar Pelbagaiguna terdiri daripada beberapa jenis iaitu *MEPSCash*, *Automatic Teller Machine* (ATM) dan *Touch'n Go*.
- Projek MyKad telah dilaksanakan dengan kerjasama daripada beberapa agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta antaranya adalah Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia dan Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. [MEPS]. Pada 27 Januari 2005, Kerajaan telah melancar fasa kedua projek Aplikasi Perdana Kad Pintar Pelbagaiguna di mana kemudahan MyKad dan *Bankcard* diperluaskan ke seluruh negara. **Setakat bulan Mac 2007, sebanyak 20.74 juta MyKad telah dikeluarkan dan ia telah melebihi sasaran pengeluaran yang ditetapkan bagi tempoh yang sama.**

iv. Sekolah Bestari

Antara penglibatan MDeC dalam pelaksanaan Sekolah Bestari adalah :-

- MDec telah melaksanakan survey di sekolah untuk memperolehi maklumat penting berkaitan perkakasan, perisian komputer dan keperluan latihan bagi 10,000 sekolah untuk membolehkan pelaksanaan *roll-out* sekolah bestari ke seluruh negara. Satu pangkalan data sekolah bestari telah dibangunkan untuk memperolehi, mengemaskini dan menganalisis semua data.

- *Smart School Roadmap* 2005-2010 - Satu bengkel telah diadakan dengan Kementerian Kesihatan, MAMPU, Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi, Malaysian Institute of Microelectronic System (MIMOS) dan Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi untuk menyediakan *roadmap* termasuk strategi dan peranan semua peringkat *stakeholders* sebagai panduan kepada Kementerian Pelajaran bagi menjadikan semua sekolah sebagai sekolah Bestari sebelum tahun 2010. Mengikut mesyuarat *Flagship Coordination Committe* yang diadakan pada 5 Disember 2006, sebanyak 88 sekolah telah dipilih untuk dijadikan sekolah bestari. Sekolah-sekolah ini akan menjadi tanda aras kepada 10,000 sekolah lain.

v. E-Perniagaan

Ini merupakan aplikasi yang mendorong perniagaan berasaskan *online* untuk berkembang. Aplikasi ini adalah gabungan aplikasi asal iaitu *World Wide Manufacturing Web* dan pemasaran tanpa sempadan. MDeC telah mengenal pasti 2 inisiatif iaitu *Anchor Projects* dan *Thrusts Projects* seperti berikut :-

- *Anchor Projects* adalah untuk menarik minat syarikat bersaiz kecil dan sederhana (IKS) untuk menggunakan e-perniagaan dalam aktiviti perniagaan hariannya. Setakat bulan Mac 2007, sebanyak 197 syarikat IKS telah berjaya mengembangkan sayap perniagaan mereka secara maya menerusi 10 syarikat berstatus MSC yang bertindak sebagai pencipta laman web dan pemangkin perniagaan untuk syarikat IKS yang terlibat. Sebanyak 600 lagi syarikat IKS dijangka akan mengikuti program ini sehingga suku keempat tahun 2007.

- *Thrusts Projects* pula merangkumi inisiatif spesifik dengan tujuan memperluaskan manfaat penggunaan e-Perniagaan kepada industri berteraskan rangkaian pembekal. Setakat ini, projek pertama *Thrust Project* ialah *Retail Connect* yang direka untuk menggalakkan transaksi *online* antara peruncit dan pembekal industri barangan pengguna yang mudah dijual. Sehingga tahun 2006, *Retail Connect* telah membantu 14 peruncit besar dalam negara ini seperti Carrefour, Tesco, Makro dan Giant dengan 450 pembekal tempatan yang merangkumi 15,000 barangan. Sistem ini telah mencatatkan lebih daripada 140,000 e-transaksi.

vi. Undang-undang Siber

Bagi memastikan Malaysia mengekalkan statusnya sebagai sebuah negara yang memberi perlindungan harta intelek, undang-undang yang berkaitan dengan industri ICT perlu diwujudkan. Pada masa ini, sebanyak 3 bil iaitu *Electronic Government Activities Bill*, *Electronic Commerce Bill* dan *Personal Data Protection Bill* sedang dalam proses penggubalan. Manakala MDeC

juga terlibat dalam merangka undang-undang siber seperti *Digital Signature Act 1997; Computer Crimes Act 1997; Telemedicine Act 1997; Communications And Multimedia Act 1998; Malaysia Communications And Multimedia Commission Act 1998; Optical Discs Act 2000* dan *Electronic Commerce Act 2006.*

33.4.8.2. Pemberian Status MSC

a. Urusan pemberian status MSC dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh MDeC. Semua permohonan yang diterima perlu disemak dan diperakukan oleh *Approval Comittee* yang dipengerusikan oleh Naib Presiden Kanan MDeC atau wakil Kementerian Kewangan. Ahli jawatankuasa termasuk wakil Kementerian Kewangan, MOSTI dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)/Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Senarai syarikat yang telah diperakukan oleh *Approval Committee* akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan MITI untuk kelulusan. Semua proses tersebut perlu diselesaikan dalam tempoh 38 hari dari tarikh surat akuan penerimaan permohonan. Antara kriteria yang telah ditetapkan untuk syarikat memperolehi status MSC ialah :-

   i. Menyumbang atau mengguna dengan kerap produk dan perkhidmatan multimedia.

   ii. Menggaji sebilangan besar K-pekerja.

   iii. Memberi pemindahan teknologi dan/atau menyumbang kepada pembangunan MSC Malaysia atau menyokong inisiatif K-ekonomi Malaysia.

   iv. Beroperasi di bandar siber Malaysia yang dikenal pasti.

   v. Mematuhi semua peraturan alam sekitar.

   vi. Membayar yuran permohonan untuk mendapatkan status MSC berjumlah RM2,000.

b. Syarikat yang mendapat status MSC boleh mendapat pelbagai bentuk insentif kewangan seperti pengecualian daripada membayar cukai pendapatan syarikat untuk tempoh 5 tahun dan boleh dilanjutkan statusnya untuk 5 tahun; elaun cukai pelaburan; layak mendapat geran penyelidikan dan dibenarkan memperolehi modal dan pinjaman dari mana-mana sumber dalam dan luar negara. Selain itu, syarikat-syarikat tersebut juga akan diberi pengecualian cukai untuk mengimport peralatan ICT; kemudahan-kemudahan penyelidikan dan beberapa kemudahan bukan kewangan yang lain.

c. Syarikat yang menerima status MSC dikehendaki mengemukakan penyata kewangan tahunannya bagi membolehkan MDeC memantau dan menilai

prestasi kewangannya. Selain itu, MDeC perlu menjalankan pengauditan di premis syarikat dari semasa ke semasa. Status MSC yang telah diberi kepada sebuah syarikat boleh dibatalkan sekiranya didapati syarikat berkenaan gagal menempatkan operasinya di bandar siber/kawasan MSC dalam tempoh 6 bulan daripada pemberian status MSC, syarikat bertukar milik, bergabung dengan syarikat yang lain atau menjalankan aktiviti yang berbeza daripada yang dinyatakan dalam Pelan Perniagaan.

d. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

i. Semakan Audit terhadap 10 permohonan mendapati tempoh masa yang diambil untuk memproses permohonan tersebut bagi mendapatkan status MSC adalah antara 10 hingga 109 hari. Antara faktor yang menyebabkan masa yang panjang diambil untuk memproseskannya ialah syarikat pemohon belum berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.13
PERMOHONAN STATUS MSC TAHUN 2005 DAN 2006

SYARIKAT	TARIKH SURAT AKUAN PENERIMAAN	LAPORAN PENILAIAN	TARIKH KELULUSAN	BILANGAN HARI
Grating Solar Sdn. Bhd.**	21/12/2005	23/12/2005	8/3/2006	74
SDS Technology Sdn. Bhd.	21/12/2005	23/12/2005	12/1/2005	22
Xynaxcon Sdn. Bhd.	20/11/2005	2/12/2005	27/12/2005	37
Matrix Invent MSC Sdn. Bhd.**	21/12/2005	23/12/2005	8/3/2006	74
Ahead Mobile Sdn. Bhd.	8/8/2005	16/8/2005	1/9/2005	24
CEED Tec (M) Sdn. Bhd.	25/5/2006	26/5/2006	7/6/2006	18
Akashya System Sdn. Bhd.	10/7/2006	11/7/2006	20/7/2006	10
Brilante Norastella Sdn. Bhd.**	18/8/2006	1/9/2006	8/11/2006	80
MSCB e-Commerce Sdn. Bhd.**	28/9/2006	3/10/2006	16/1/2007	109
Excard Corporation Sdn. Bhd.	9/10/2006	20/10/2006	26/10/2006	17

Nota :- ** Syarikat Lewat Berdaftar Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

ii. Pada tahun 2007, MDeC telah menubuhkan satu Unit Pemantauan untuk memantau prestasi syarikat yang diberikan status MSC. Bagi tahun 2005, MDeC telah menjalankan pengauditan di 27 premis syarikat dan telah meluluskan kesemua 27 syarikat tersebut untuk lanjutan *pioneer status* selama 5 tahun lagi. Manakala bagi tahun 2006 sebanyak 33 syarikat telah diaudit dan dilanjutkan tempoh *pioneer status* selama 5 tahun lagi.

iii. Penetapan sasaran syarikat untuk pemberian status MSC hanya dimulakan oleh MDeC pada tahun 2004. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006, sebanyak 686 syarikat tempatan telah disasarkan untuk diberi status MSC. Bagaimanapun, hanya 565 syarikat yang telah diberi status MSC sungguhpun terdapat 1,798 syarikat yang telah mengemukakan permohonan. Antara faktor yang menyebabkan sasaran tidak dapat

dicapai ialah kerana syarikat-syarikat berkenaan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Bagi syarikat multinasional pula, MDeC telah berjaya melebihi sasarannya pada tahun 2006 iaitu 14 syarikat berbanding sasaran. Bagaimanapun pada tahun 2005, sasaran untuk syarikat multinasional mendapat status MSC tidak ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.14
PRESTASI PEMBERIAN STATUS MSC KEPADA SYARIKAT
BAGI TAHUN 2005 DAN 2006

BUTIRAN	2005			2006		
	BILANGAN SYARIKAT					
	SASARAN	PERMOHONAN	LULUS	SASARAN	PERMOHONAN	LULUS
Bilangan Syarikat Tempatan Diluluskan	416	676	258	270	1,122	307
Syarikat Multinasional	-	7	7	11	14	14

iv. Semakan Audit juga menunjukkan sejak tahun 1997 hingga 2006, sejumlah 1,728 syarikat telah diluluskan status MSC. Daripada jumlah tersebut, 1,373 (79.5%) syarikat masih aktif dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan industri teknologi maklumat dan multimedia. Bagaimanapun, sebanyak 355 (20.5%) syarikat sama ada tidak aktif, dibubarkan, atau gagal dikesan. **Kajian yang telah dijalankan oleh pihak MDeC mendapati sesebuah syarikat sukar mengekalkan status MSCnya kerana menghadapi pelbagai masalah seperti kos operasi yang tinggi, syarikat tidak dapat bersaing ataupun syarikat telah bergabung dengan entiti lain.** Kedudukan terkini syarikat yang telah diberikan status MSC adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.15
KEDUDUKAN SYARIKAT YANG BERSTATUS MSC
BAGI TEMPOH TAHUN 1997 HINGGA 2006

TAHUN	AKTIF	TUTUP	DORMAN	BATAL	BATAL SECARA TIDAK RASMI	GAGAL DIHUBUNGI	LAIN-LAIN	JUMLAH SYARIKAT BERDAFTAR
1997	44	1	2	42	1	1	2	93
1998	61	2	3	32	0	1	4	103
1999	63	1	3	30	1	2	3	103
2000	80	0	4	39	4	3	0	130
2001	123	4	10	42	9	1	2	191
2002	138	0	8	37	6	1	2	192
2003	137	0	9	5	4	4	2	161
2004	174	3	2	1	1	4	5	190
2005	247	0	3	0	1	1	6	258
2006	306	0	0	0	1	0	0	307
JUMLAH	1,373	11	44	228	28	18	26	1,728

v. Semakan Audit mendapati daripada 1,373 syarikat yang berstatus MSC, sebanyak 71 syarikat menghantar penyata kewangan bagi tahun 2004 pada tahun 2005 dan 15 syarikat menghantar penyata kewangan tahun 2005 pada tahun 2006 kepada MDeC. Bagi menjalankan kajian keberkesanan terhadap semua syarikat MSC, MDeC telah menghantar

borang kajian melalui internet kepada 1,003 syarikat. Menurut MDeC, kajian keberkesanan ini telah mendapat maklum balas daripada 710 syarikat (70.8%) berstatus MSC. Kajian itu mendapati 490 daripada syarikat tersebut telah mendapat keuntungan berjumlah RM1.7 bilion manakala 220 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM227 juta pada tahun 2005.

Pada pandangan Audit, pemantauan yang berterusan terhadap prestasi syarikat yang aktif adalah perlu bagi memastikan bilangan syarikat yang tutup, dorman, batal dan lain-lain dapat dikurangkan. Sehubungan ini, MDeC juga patut memberi khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat yang baru diberi status MSC bagi membolehkan mereka beroperasi dengan baik.

33.4.8.3. Pemberian Geran Penyelidikan dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MGS)

a. Geran ini diperolehi daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). Ia merupakan salah satu insentif Kerajaan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di kalangan syarikat berstatus MSC. Ia membantu syarikat tempatan yang kreatif dan inovasi mencipta produk multimedia. Kerjasama pembangunan teknologi multimedia dan aplikasi ini dapat menyumbang kepada pembangunan MSC.

b. Mengikut Prosedur Pemprosesan Dan Pemberian MGS, syarikat yang ingin memohon geran MGS daripada MDeC perlu memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan. Antara kriterianya ialah ekuiti syarikat sekurang-kurangnya 30% dipegang oleh rakyat Malaysia. MDeC akan menilai projek yang dicadangkan dan mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Pemandu di peringkat MOSTI. Keputusan jawatankuasa ini akan dikemukakan kepada Menteri berkenaan untuk kelulusan. Syarikat yang menerima geran ini perlu menandatangani perjanjian dengan MOSTI. MDeC akan mengeluarkan geran berasaskan perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

   i. Sejumlah RM165 juta telah diperuntukkan untuk pemberian geran ini bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan. Bagi tempoh tahun 1998 hingga bulan Jun 2006, MDeC juga menerima peruntukan daripada Kerajaan berjumlah RM3.09 juta untuk membiayai pengurusan geran dan RM1.66 juta untuk lain-lain kos seperti yuran perundingan, yuran perundangan dan perbelanjaan promosi. Bagi tempoh tahun 1998 hingga 2006, geran berjumlah RM140.89 juta telah diluluskan kepada 62 syarikat berstatus MSC untuk melaksanakan 65 projek. **Semakan Audit mendapati kesemua permohonan geran untuk projek tersebut telah mematuhi prosedur yang ditetapkan.** Perjanjian telah ditandatangani antara syarikat berkenaan dan MOSTI. Antara syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

- Syarikat hendaklah menubuhkan satu pusat penyelidikan di mana-mana bandar siber.
- Dalam tempoh pemberian geran, syarikat hendaklah menjalankan aktiviti projek yang ditetapkan.
- Syarikat tidak boleh mengubah struktur pemegang sahamnya di mana sekurang-kurangnya 51% ekuiti syarikat adalah milik warga Malaysia. Sebarang perubahan pegangan saham hendaklah mendapat kelulusan MDeC.

ii. Setakat tahun 2006, sebanyak 48 daripada 65 projek tersebut telah disiapkan dengan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM105.85 juta. Jadual berikut menunjukkan bilangan permohonan dan jumlah pemberian geran mengikut tahun :-

JADUAL 33.16
BILANGAN PROJEK DAN AMAUN YANG DILULUSKAN
BAGI GERAN MGS BAGI TEMPOH TAHUN 1998 HINGGA 2006

TAHUN	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	JUMLAH
Bilangan Permohonan	14	20	25	41	51	56	25	9	-	241
Bilangan Dinilai	4	9	17	17	20	39	33	7	-	146
Bilangan Projek	3	5	9	6	11	19	11	1	-	65
Permohonan Batal	0	1	2	1	0	4	1	1	-	10
Geran Dibatalkan	0	1	1	0	0	0	0	0	-	2
Projek Siap	0	1	1	6	5	11	13	5	6	48
Jumlah Amaun Lulus (RM Juta)	5	6.94	21.98	12.49	22.45	44.21	23.54	0.94	-	137.55
Jumlah Amaun Lulus Dipinda (RM Juta)	7.03	8.25	21.98	12.49	22.45	44.21	23.54	0.94	-	140.89
Jumlah Pengeluaran (RM Juta)	6.04	6.83	19.17	10.88	19.39	28.4	9.07	0.09	5.98	105.85

iii. Projek-projek di bawah geran MGS adalah berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi seperti pembangunan perisian, perkakasan komputer dan *creative content.* Contohnya adalah projek animasi dan e-perniagaan.

iv. Semakan Audit mendapati sebanyak 17 syarikat yang menerima geran MGS telah diberi anugerah di dalam dan luar negara. Ada antara syarikat tersebut telah menerima anugerah *PIKOM Product of The Year; Best Online Service Provider; Asian Innovation Awards* dan *Prime Minister's Award.* Anugerah-anugerah ini telah memberi keyakinan kepada syarikat dan pelanggannya terutamanya kepercayaan terhadap produk dan perkhidmatan syarikat. Terdapat juga syarikat penerima geran MGS telah tersenarai di MESDAQ dengan jumlah modal RM827.13 juta seperti Green Packet (M) Bhd., Iris Corporation Bhd. dan Redtone Telecommunications Bhd.

v. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM139.00 juta peruntukan yang diterima oleh MDeC daripada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 1998 hingga bulan Jun 2006 telah digunakan untuk melabur dalam simpanan tetap dan jumlah faedah yang diperolehi bagi tempoh tersebut ialah RM11.21 juta. **Pada pandangan Audit, pihak MDec patut memastikan semua sumbangan yang diterima dari Kerajaan digunakan untuk tujuan yang ditetapkan dan sekiranya ia tidak lagi diperlukan, ia perlu diserahkan kembali kepada Kerajaan untuk tujuan yang lebih memerlukannya.**

33.4.8.4 Pemberian Geran *Strategic Thrust Area* (STAR)

Pemberian geran MSC *Strategic Thrust Area* (STAR) bertujuan untuk menggalakkan syarikat teknologi bertaraf dunia sama ada dalam negara atau luar negara membina pusat penyelidikan dan pembangunan di MSC. Proses pemberian geran ini adalah sama dengan proses memberi geran MGS. Kadar maksimum jumlah pembiayaan ialah sehingga RM10 juta bagi setiap projek yang diluluskan. Pemohon perlu menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang seperti teknologi reka bentuk, kejuruteraan perisian, *nanotechnolog*y dan *bioinformatics* serta *wireless* dan *mobility*. Syarikat yang memohon geran ini tidak perlu berstatus MSC tetapi digalakkan memohon apabila menerima geran. Pemilikan oleh rakyat Malaysia juga bukan syarat wajib dalam pemberian geran tersebut. Sehingga bulan Disember 2006, 2 syarikat telah diluluskan menerima geran STAR iaitu BT Multimedia (M) Sdn. Bhd. dan MEMS Technology Bhd. seperti berikut :-

a. Syarikat BT Multimedia (M) Sdn. Bhd. (BTMM) telah diluluskan geran STAR berjumlah RM9.99 juta pada tahun 2003. BTMM merupakan rangkaian syarikat BT United Kingdom yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang *wireless* dan mobiliti. Penyelidikan ini merangkumi perkhidmatan *mobile web*, *mobile convergence* dan *wireless broadband*. Mengikut sasaran, BTMM akan menghasilkan dan mendaftar 30 paten serta menggaji 45 penyelidik Malaysia sehingga projek tamat. Semakan Audit mendapati bagi 2 tahun pertama, BTMM telah menyiapkan 10 *prototaip* berbanding sasarannya sebanyak 9. BTMM juga telah menyiapkan 58 kertas penyelidikan berbanding 30 yang disasarkan. Sebanyak 22 paten telah dihasilkan berbanding 15 yang disasarkan bagi 2 tahun pertama. Pada tahun pertama, BTMM hanya mengaji 24 penyelidik berbanding 27 yang diperlukan. Bagaimanapun bagi tahun kedua, BTMM mengaji seramai 44 penyelidik tempatan dan seorang penyelidik BT United Kingdom. **Semakan Audit mendapati pihak MDeC telah membuat lawatan ke premis syarikat dan menghubungi pembekal untuk mengesahkan perbelanjaan sebelum membuat bayaran.**

b. Geran STAR berjumlah RM10 juta juga telah diluluskan kepada syarikat MEMS pada tahun 2006 tetapi projek syarikat ini belum bermula.

33.4.9. Pemantauan

33.4.9.1. Pemantauan Oleh Pengurusan

a. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah MDeC telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali setahun untuk membincangkan kemajuan kerja projek dan perkembangan syarikat termasuk syarikat subsidiari. Selain itu, Jawatankuasa Audit juga telah bermesyuarat antara 2 hingga 6 kali setahun bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006.

b. Mesyuarat Pengurusan Kanan

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan telah bermesyuarat sebanyak 32 kali dan 28 kali pada tahun 2003 dan 2004 masing-masingnya. Manakala bagi tahun 2005 hingga bulan September 2006, mesyuarat pengurusan atasan telah bersidang sebanyak 29 kali bagi memantau aktiviti syarikat melalui perbincangan kemajuan kerja, masalah yang dihadapi oleh syarikat serta mengenal pasti tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua Naib Presiden dan Pengurus Kanan. Setiap bahagian telah melaporkan kemajuan kerja dan perkara yang berbangkit berhubung kedudukan kewangan, pengurusan sumber manusia dan projek. Mesyuarat ini juga memantau secara bulanan setiap pelaksanaan dan pencapaian pelan perniagaan yang telah dipersetujui pada awal tahun.

33.4.9.2. Kementerian Kewangan

Pemantauan terhadap pengurusan MDeC adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Menteri Kewangan Diperbadankan, Kementerian Kewangan selaku pemegang saham utama MDeC. Kementerian Kewangan telah melantik seorang pegawai sebagai wakilnya untuk mengawasi semua aktiviti serta memastikan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah syarikat adalah selaras dengan dasar Kerajaan. Wakil tersebut telah mengemukakan laporan bertulis 3 bulan sekali kepada Menteri Kewangan. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan beberapa pekeliling sebagai langkah kawalan terhadap kepentingan Kerajaan. Laporan bulanan telah dikemukakan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

33.4.9.3. Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi

Kementerian ini berperanan mengawal selia aktiviti MDeC dengan mengadakan mesyuarat bulanan. Mesyuarat ini telah diadakan setiap bulan untuk

membincangkan hal berkaitan aktiviti dan kedudukan prestasi pembangunan dan perkembangan multimedia di Koridor Raya Multimedia (MSC).

33.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

33.5.1. Pada umumnya, MDeC telah melaksanakan fungsinya dengan memuaskan. Syarikat ini telah terlibat dengan pembangunan aplikasi perdana seperti Kerajaan Elektronik, Telekesihatan, Kad Pintar Pelbagaiguna, E-Perniagaan, Sekolah Bestari, penggubalan undang-undang siber, pemberian Geran Penyelidikan Dan Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MGS) serta Geran *Strategic Thrust Area* (STAR*).* Kemudahan infrastruktur yang baik dan insentif yang telah disediakan juga dapat menarik beberapa syarikat penting seperti Shell International, DHL, Ericsson (M) Sdn. Bhd., HSBC, BMW, Dell Computer dan Hewlett Packard untuk beroperasi di Cyberjaya.

33.5.2. Sejak tahun 1997 hingga 2006, sebanyak 1,728 syarikat telah diluluskan status MSC. Daripada jumlah tersebut, 1,373 (79%) syarikat masih aktif dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan industri teknologi maklumat dan multimedia. Bagi tahun 2005, sebanyak 490 syarikat telah memperolehi keuntungan berjumlah RM1.7 bilion dan 220 syarikat mengalami kerugian berjumlah RM227 juta. Bagi tempoh tahun 1998 hingga 2006, geran MGS berjumlah RM140.89 juta telah diluluskan kepada 62 syarikat berstatus MSC untuk melaksanakan 65 projek. Sebanyak 17 daripada syarikat tersebut telah menerima anugerah di dalam dan luar negara. Sehingga tahun 2006, 2 syarikat telah diluluskan geran STAR berjumlah RM19.99 juta.

33.5.3. Sehingga tahun 2006, MDeC telah menerima geran untuk perbelanjaan operasi dan pembangunan serta pinjaman berjumlah RM944 juta daripada Kerajaan. Bagaimanapun prestasi kewangan MDeC adalah pada tahap defisit sejak tahun 1997 sehingga kini. Ini disebabkan jumlah perbelanjaan MDeC meningkat setiap tahun terutamanya perbelanjaan kos tenaga manusia dan sumber hasil MDeC tidak dapat menampung kos operasinya. Sehubungan ini, MDeC perlu mempertingkatkan pengurusan kewangannya terutamanya berhubung dengan kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset bagi memastikan perbelanjaan dibuat selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Sebagai sebuah syarikat Kerajaan, MDeC hendaklah juga mematuhi sepenuhnya Pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan untuk tujuan pengurusan syarikat Kerajaan.

34. RUMUSAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN SECARA MENYELURUH

Berdasarkan kepada analisis terhadap prestasi kewangan syarikat secara menyeluruh, didapati sebilangan syarikat telah menunjukkan prestasi yang baik dan mencatat keuntungan secara berterusan. Bagaimanapun, masih ada sebilangan syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan di mana ada yang rugi berterusan setiap tahun ataupun memperolehi keuntungan yang tidak konsisten. Ini mengakibatkan sebilangan besar syarikat tidak dapat memberi pulangan yang dijangkakan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat-syarikat Kerajaan bagi memastikan ia mematuhi peraturan yang ditetapkan supaya matlamat Kerajaan mewujudkan syarikat tersebut dapat dicapai. Sehubungan ini, wakil Kementerian Kewangan dalam semua Lembaga Pengarah perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan ke Bahagian MKD untuk dianalisis. Bagi membolehkan wakil Kerajaan menjalankan tugasnya dengan berkesan, keahlian mereka dalam Lembaga Pengarah dihadkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1985. Pemilihan wakil Kerajaan juga perlu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran mereka berkaitan dengan urusan syarikat.

BAHAGIAN III

KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

BAHAGIAN III

KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

35. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 mengenai pelaksanaan aktiviti, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam bahagian ini.

36. PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN PERSEKUTUAN

36.1. KEMENTERIAN KEWANGAN

36.1.1. Perbendaharaan Malaysia
Program Pembiayaan Dana Khas

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Pusat Dana Khas mendapati perbincangan telah dibuat mengenai pengagihan dan penggunaan dana khas serta pelaksanaan projek. Bagaimanapun, jawatankuasa tidak menyentuh tentang perlunya melaburkan wang lebihan. Pelaburan dana khas melalui simpanan tetap tidak pernah dibuat dan sehingga bulan Disember 2005, akaun dana khas ini mempunyai baki terkumpul berjumlah RM2.53 bilion. **Pada pandangan Audit, Jawatankuasa Peringkat Pusat Dana Khas perlu mengenal pasti keperluan dana untuk sesuatu tempoh dan melaburkan lebihannya dalam simpanan tetap untuk mendapat pulangan yang maksimum.**	Perbendaharaan Malaysia telah mengambil perhatian terhadap pandangan Audit ini dan beranggapan bahawa sebarang pelaburan yang dibuat perlu berhati-hati supaya tidak mempunyai risiko yang tinggi. Sehingga kini, belum ada pelaburan dibuat untuk dana khas ini.
2.	Kaedah perakaunan terimaan dan perbelanjaan dana khas yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri adalah tidak seragam. Pejabat Kewangan Negeri Perlis, Pahang dan Negeri Sembilan memperakaunkan terimaan dan bayaran dana khas melalui akaun amanah yang diwujudkan oleh Pejabat Kewangan Negeri masing-masingnya. Pejabat Kewangan Negeri Terengganu pula memperakaunkan terimaan dana khas sebagai hasil Kerajaan Negeri. Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan menggunakan kod Akaun Amanah Dana Khas seperti yang diarahkan oleh Perbendaharaan	Semua terimaan dan perbelanjaan masih belum diperakaunkan ke kod Akaun Amanah Dana Khas.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	Malaysia (kod 85506) dan pembayaran dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara Cawangan Kelantan. Manakala Pejabat Pembangunan Negeri Kedah dan Terengganu mengendalikan akaun bank sendiri untuk tujuan pembayaran. **Pada pandangan Audit, semua terimaan dan perbelanjaan dana khas sepatutnya diperakaunkan ke kod Akaun Amanah Dana Khas.**	
3.	Kerajaan Terengganu telah menubuhkan Majlis Tindakan Dana Khas Negeri Terengganu untuk mencadang dan meluluskan projek/aktiviti yang dilaksanakan di Terengganu. Negeri Sembilan dan Perlis juga telah menubuhkan Jawatankuasa Dana Khas di peringkat negeri masing-masingnya. Pengendalian dana khas di Pahang dan Kedah adalah di bawah kuasa Menteri Besar. Manakala di Kelantan, pengendalian dana tersebut adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan. Adalah diperhatikan tidak ada jawatankuasa ditubuhkan bagi merancang dan meluluskan projek/aktiviti dana khas di ketiga-tiga negeri tersebut. Namun, draf garis panduan yang disediakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri digunakan sebagai asas untuk menentukan atau melaksanakan projek/aktiviti yang berkaitan. **Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri adalah disarankan memuktamadkan draf garis panduan tersebut untuk diguna pakai oleh semua negeri yang menerima dana khas bagi tujuan keseragaman.**	Garis panduan bagi melaksanakan projek/ aktiviti di bawah dana khas telah disediakan untuk rujukan. Bagaimanapun, pelaksanaan projek/aktiviti di negeri adalah berdasarkan kepada program yang dipersetujui oleh negeri masing-masingnya.
4.	Lawatan Audit pada bulan September 2005 ke Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Daerah Setiu, Terengganu mendapati sebilangan sampan yang dibeli melalui peruntukan dana khas tidak memiliki lesen pendaftaran. Ini bermakna sampan tersebut beroperasi secara tidak sah dan pengendali/nelayan berhadapan dengan pelbagai risiko. Maklumat mengenai bilangan sampan yang tidak berdaftar tidak dapat diperolehi kerana pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak mempunyai rekod tersebut. Pengagihan sampan dan enjin diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia manakala pemberian lesen adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perikanan. Pihak Audit dimaklumkan pemberian lesen dibekukan pada ketika pengagihan sampan dibuat. **Pada pandangan Audit, program ini akan menjadi lebih berjaya sekiranya penyelarasan dan perancangan yang teratur antara Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan dibuat sebelum projek dilaksanakan memandangkan peningkatan taraf hidup nelayan merupakan agenda nasional yang perlu diberi perhatian.**	Penyelarasan dan perancangan telah dibuat antara kedua-dua agensi terlibat. Pengeluaran lesen telah dibuat secara berperingkat kepada penerima bantuan sampan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
5.	Kementerian Kewangan telah meluluskan pemilihan kontraktor bagi pembangunan projek Bekalan Air Hulu Terengganu peringkat 1 secara rundingan terus. Sehingga bulan Ogos 2005, kemajuan fizikal projek ialah 84% dengan sejumlah RM69.86 juta telah dibelanjakan. Bagaimanapun, pengambilan balik tanah tapak projek belum diselesaikan.	Pengambilan balik tanah bagi projek ini telah diselesaikan pada akhir tahun 2006.
6.	Sejumlah RM6 juta telah dikeluarkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Pahang pada bulan Disember 2002 dan disalurkan kepada Pejabat Jabatan Kerja Raya Daerah Pekan untuk tujuan menampung kos pembinaan Kompleks Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang. Semakan Audit mendapati sejumlah RM6.92 juta telah dibayar berbanding dengan sejumlah RM6 juta yang diluluskan untuk dibiayai daripada peruntukan dana khas. **Pada pandangan Audit, lebihan berjumlah RM0.92 juta itu sepatutnya ditanggung oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang.**	Pejabat Pembangunan Negeri Pahang telah meminta Jabatan Kerja Raya Pekan untuk membuat penyelarasan dengan Majlis Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang supaya membayar balik jumlah yang terlebih digunakan itu kepada Kementerian Kewangan.
7.	Perbendaharaan Malaysia selaku pengawal dana khas ini telah menetapkan bahawa semua Kementerian/Jabatan/Agensi yang menerima peruntukan perlu menghantar laporan perbelanjaan kepadanya setiap 3 bulan untuk tujuan pemantauan. Semakan Audit mendapati tidak semua Kementerian/ Jabatan/Agensi yang menerima peruntukan menghantar laporan perbelanjaan tersebut. Ini menyebabkan rekod berhubung pengurusan Program Pembiayaan Dana Khas yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Malaysia adalah tidak lengkap. Tiada bukti yang menunjukkan Perbendaharaan Malaysia telah mengambil tindakan susulan terhadap perkara ini. **Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia perlu memastikan semua pihak yang menerima peruntukan mengemukakan laporan mengenai prestasi perbelanjaan dan kemajuan projek bagi membolehkan pemantauan dibuat dengan lebih berkesan.**	Perbendaharaan Malaysia mengambil maklum ke atas penemuan Audit ini dan akan memastikan setiap Kementerian/ Jabatan/Agensi mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan dan kemajuan projek setiap 3 bulan.

36.1.2. Perbendaharaan Malaysia
Pengurusan Tabung Bantuan Bencana Negara

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Bantuan berjumlah RM12.06 juta lewat diagihkan kepada mangsa antara 24 hingga 527 hari kerana kekurangan kakitangan dan ketiadaan garis panduan yang jelas untuk mengagihkan bantuan tersebut.	Fungsi Tabung Bantuan Bencana Negara telah diambil alih oleh Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara dan Bahagian Keselamatan Negara selaku penyelaras. Tempoh masa untuk mengagihkan setiap bantuan kepada Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi yang telah ditetapkan ialah 21 hari.
2.	Lebihan wang bantuan berjumlah RM6.70 juta (setakat akhir tahun 2005) masih disimpan oleh agensi pelaksana dan belum dipulangkan kepada Perbendaharaan Malaysia seperti yang disyaratkan dalam Surat Kuasa Berbelanja.	Sehingga kini, hanya Bendahari Negeri Pahang yang memulangkan baki berjumlah RM1.21 juta.
3.	Program pembaikan/pembinaan rumah akibat bencana tsunami di Kedah dan Pulau Pinang yang melibatkan kos berjumlah RM9.82 juta tidak diuruskan dengan teratur. Didapati kontrak tidak ditandatangani, projek lewat disiapkan dan kualiti kerja tidak memuaskan. Terdapat rumah masih mempunyai kecacatan sungguhpun kerja pembaikan telah dilaksanakan.	Kedudukan Program Rumah Kekal :- i) Pulau Langkawi - 100% siap dan diduduki tetapi masih menunggu CF ii) Kota Kuala Muda - 90% siap. 88 unit telah diduduki iii) Tanjung Bungah - 100% siap. masih menunggu CF iv) Seberang Perai Utara - Kerja tanah, Pakej C meliputi surau, kedai, stesen TNB dan Pakej F meliputi 135 unit rumah pangsa telah siap.
4.	Bot baru yang dibekalkan tidak berkualiti dan terpaksa dibaiki kerana kebocoran. Pembaikan bot perlu dibuat berulang kali menyebabkan nelayan enggan mengambilnya.	Di Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Yan, Kedah, 5 bot yang tidak diambil telah diganti baru oleh pihak pembekal dan bot yang lama telah dilelong oleh PNK berkenaan. Bagi PNK Langkawi, Kedah, bot yang tidak memenuhi spesifikasi dan tidak diambil oleh nelayan telah dikembalikan kepada pembekal dan nelayan dibenarkan membeli bot daripada pembekal yang dipilih sendiri olehnya.

36.1.3. Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta
Aktiviti Latihan Institut Penilaian Negara

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Senarai inventori tidak ditampal di setiap bilik asrama.	Sedang dalam proses menyediakan senarai inventori.
2.	Institut Penilaian Negara masih boleh memantapkan lagi pengurusan aktivitinya dengan mengisi kekosongan jawatan secepat mungkin.	Pengisian jawatan telah dipohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa. Sehingga 17 Januari 2007, sebanyak 188 jawatan atau 92.2% telah diisi dari 204 jawatan yang diluluskan.

36.1.4. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
Pengurusan Cukai Syarikat Broker Saham

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Kadar duti setem purata yang dikenakan oleh 20 syarikat broker saham adalah antara RM0.09 hingga RM1.19. Manakala 18 daripada 20 syarikat broker saham telah memberi pengecualian duti setem terhadap nota kontrak antara 0.04% hingga 90.53%. Bagaimanapun, LHDN menerima Penyata Bayaran Duti Setem Jual Beli Saham berasas kepercayaan tanpa dibuat pengesahan.	LHDN telah mengadakan dua lawatan ke premis syarikat broker saham yang terlibat pada tahun 2006 untuk mengesahkan ketepatan Penyata Bayaran Duti Setem Jual Beli Saham yang disediakan oleh syarikat berkenaan. Lawatan seterusnya akan dibuat pada tahun 2007.
2.	Format Penyata Bayaran Duti Setem Jual Beli Saham tidak mempunyai maklumat mengenai nilai nota kontrak yang duti setemnya tidak terhad kepada RM200 serta bilangan dan nilai nota kontrak yang duti setemnya dihadkan kepada maksimum RM200.	Ibu Pejabat LHDN telah menyediakan format baru dan akan mengedar kepada cawangannya untuk dibekalkan kepada syarikat broker saham.
3.	Tujuh syarikat broker saham yang membayar duti setem berjumlah RM170.82 juta bagi tempoh tahun 2002 hingga bulan Mac 2005 tidak menyenaraikan maklumat terperinci jual beli saham yang dikendalikan oleh 27 cawangannya.	Ibu Pejabat LHDN telah mengarahkan cawangannya untuk memastikan syarikat broker saham yang membayar duti setem secara berpusat mengemukakan laporan kutipan duti setem mengikut setiap cawangan.
4.	Lima syarikat broker saham yang mempunyai 65 cawangan tidak mendaftarkan fail bayaran duti setem untuk nota kontrak jual beli saham.	LHDN sedang menyemak perkara ini.
5.	Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk boleh dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan pengiraan pendapatan bercukai sekiranya terdapat maklumat lengkap mengenai penghutang, amaun hutang dan bukti usaha mengutip hutang dari pelanggan telah dibuat. Semakan Audit terhadap 10 syarikat broker saham mendapati 9 syarikat telah menuntut peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk berjumlah RM218.35 juta sebagai potongan tanpa mengemukakan maklumat berkenaan.	LHDN akan menyemak tuntutan peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk yang tidak mempunyai maklumat lengkap apabila syarikat broker saham tersebut dipilih untuk audit cukai.
6.	Satu syarikat broker saham telah mendapatkan balik hutangnya berjumlah RM11.73 juta tetapi tidak mengambil kiranya dalam pengiraan cukai. Di samping itu, tarikh pemulihan hutang berjumlah RM18.59 juta bagi syarikat broker saham yang sama tidak dilaporkan kepada LHDN untuk pengiraan cukai.	LHDN akan meminta butiran pergerakan peruntukan hutang lapuk semasa audit cukai dijalankan. Manakala maklumat mengenai tarikh pemulihan hutang juga akan diminta.
7.	Enam syarikat broker saham melaporkan kadar komisen kasar antara 0.05% hingga 0.30% dan margin untung kasar yang perbezaannya begitu ketara antara 62.95% hingga 83.53%. Manakala 4 syarikat broker saham lain tidak melaporkan kadar komisen kasar sebaliknya melaporkan kadar komisen bersih. Di samping itu, seorang *remisier* yang menerima komisen berjumlah RM1.64 juta tidak mempunyai fail cukai pendapatan.	LHDN akan menyemak kadar ini apabila audit cukai dijalankan. Manakala fail cukai pendapatan penerima komisen ini telah didaftarkan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
8.	Tiga syarikat broker saham tidak patut menuntut perbelanjaan seperti keraian, penajaan perbincangan pinjaman dan bayaran pengiklanan untuk penggabungan berjumlah RM0.50 juta dan cukai telah terkurang diambil kira dengan sejumlah RM0.14 juta. Manakala 5 syarikat lain telah mengambil kira perbelanjaan tersebut berjumlah RM0.44 juta sebagai kerugian untuk dibawa ke tahun berikutnya.	LHDN akan membuat semakan sama ada perbelanjaan ini layak dibenarkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 semasa audit cukai dijalankan. Sekiranya didapati tidak dibenarkan, pelarasan akan dibuat dan denda akan dikenakan.
9.	Lapan syarikat broker saham telah menuntut potongan cukai bagi perbelanjaan komitmen berjumlah RM7.15 juta yang berkaitan dengan pinjaman.	Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa perbelanjaan yang dilakukan bagi mendapat pinjaman boleh dituntut potongan cukai.
10.	Enam syarikat broker saham telah menuntut potongan cukai bagi perbelanjaan pengurusan berjumlah RM27.42 juta tanpa mengemukakan salinan perjanjian perkhidmatan.	LHDN akan menyemak tuntutan perbelanjaan pengurusan yang tidak mempunyai maklumat lengkap apabila syarikat broker saham tersebut dipilih untuk audit cukai.
11.	Lapan syarikat broker saham telah menuntut potongan cukai bagi bayaran insentif berjumlah RM35.69 juta sebagai perbelanjaan tanpa menyatakan maklumat lengkap mengenai nama, nombor kad pengenalan dan amaun bayaran kepada *remisiers/dealers* terlibat.	LHDN akan menyemak isu ini apabila audit cukai dijalankan.
12.	Ketidakseragaman pengiraan cukai pendapatan oleh 10 syarikat broker saham terhadap rosot nilai berjumlah RM301.59 juta dan peningkatan nilai berjumlah RM39.79 juta bagi saham yang dimilikinya.	Stok perdagangan bagi aktiviti syarikat broker saham adalah sekuriti/saham yang diperdagangkan. Tuntutan penurunan dan peningkatan nilai stok pada hujung tempoh perakaunan adalah dibenarkan. Bagaimanapun, LHDN akan membuat semakan untuk memastikan pematuhan pembayar cukai terhadap undang-undang percukaian apabila audit cukai dijalankan. Sekiranya syarikat broker saham tidak mematuhi undang-undang percukaian, pelarasan akan dibuat dan penalti akan dikenakan.

36.1.5. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
Pengurusan Guaman Sivil

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Terdapat 425 saman berjumlah RM568.73 juta telah lewat dihantar ke mahkamah untuk didaftar selepas Penyata Tuntutan Cukai diterima dalam tempoh 7 hari. Sebanyak 394 daripadanya telah didaftar dalam tempoh 1 tahun.	Usaha sedang dibuat bagi memastikan semua kes diambil tindakan segera dan kelewatan tidak berulang lagi. Kajian keperluan kakitangan di Unit Undang-undang sedang dibuat.
2.	Terdapat 231 saman berjumlah RM391.98 juta telah lewat dihantar kepada pembayar cukai iaitu melebihi 30 hari dari tarikh pendaftarannya di mahkamah.	Usaha untuk mengesan alamat pembayar cukai telah dibuat melalui 'data warehouse'. Buku rekod pergerakan penghantaran saman telah disediakan dan dipantau oleh Ketua Unit.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
3.	Sebanyak 80 kes yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM11.10 juta tidak dikeluarkan surat temu janji dan menyebabkan permohonan untuk mendapatkan Perintah Penyampaian Ganti ditolak oleh mahkamah.	Usaha sedang diambil untuk memastikan semua kes diambil tindakan dengan segera dan kelewatan tidak akan berlaku lagi.
4.	Sebanyak 5,187 kes telah mendapat penghakiman yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM5.24 bilion masih belum selesai.	Tindakan selepas penghakiman telah diambil ke atas semua kes dan ada pembayar cukai yang datang membuat rundingan bayaran.
5.	Sebanyak 23 Notis Kebankrapan tidak dihantar kepada pembayar cukai, 33 kes tunggakan cukai berjumlah RM2.07 juta tidak difailkan afidavit di mahkamah dalam tempoh 7 hari dari tarikh serahan Notis Kebankrapan. Selain itu, Petisyen Pemiutang lewat difailkan di mahkamah iaitu melebihi tempoh 6 bulan. Ini menyebabkan kelewatan mengemukakan dokumen petisyen kepada Jabatan Insolvensi Malaysia.	Unit Undang-undang sedang mengambil tindakan pemantauan dan kawalan rapi bagi memastikan kes diambil tindakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
6.	Perintah Penerimaan, Perintah Penghukuman dan Borang Bukti Hutang perlu difailkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia dalam tempoh 4 bulan dari tarikh perbicaraan bagi tujuan pengagihan dividen oleh Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia. Adalah didapati sebanyak 15 kes berjumlah RM1.23 juta tidak difailkan oleh Cawangan LHDN Alor Setar, Melaka, Shah Alam dan Kota Kinabalu, manakala 17 kes berjumlah RM2.06 juta lewat difailkan antara 3 hingga 74 bulan di Cawangan Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching.	Pemantauan akan dilakukan oleh Ketua Unit Undang-undang supaya proses seperti ini dapat dipercepatkan.
7.	Sebanyak 5 kes melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM1.14 juta di Cawangan Kuching telah lewat difailkan Afidavit Menentusah Petisyen bagi kes penggulungan syarikat di mahkamah. Tempoh kelewatan adalah antara 11 hingga 42 hari.	Sistem pemantauan akan ditingkatkan agar kelewatan ini tidak berlaku lagi.
8.	Sebanyak 628 kes tunggakan cukai berjumlah RM403.34 juta yang melibatkan pendapatan syarikat yang ditaksirkan di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS) belum diambil tindakan guaman sivil kerana LHDN perlu menyediakan prosedur mahkamah dan format tuntutan tunggakan cukai yang baru. Draf prosedur dan format berkenaan sedang dalam pertimbangan Jabatan Undang-undang LHDN.	Jabatan Undang-undang LHDN telah meluluskan draf tersebut dan akan mengeluarkan secara rasmi kepada cawangan-cawangan dalam bentuk Arahan Undang-undang. Unit Undang-undang Cawangan Pungutan Kuala Lumpur terlebih dahulu telah memulakan penyediaan dan menfailkan tindakan guaman sivil untuk tuntutan bagi kes STS yang faktanya adalah jelas dan mudah.
9.	Tunggakan cukai lewat dipungut daripada pembayar cukai.	Bagi tujuan mengurangkan tunggakan cukai, satu Jawatankuasa Induk Tunggakan Hasil telah ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat untuk mengkaji pengurusan tunggakan cukai termasuk pengurusan guaman sivil. Sistem Pengurusan Hutang *(Debt Management System)* sedang dibangunkan bagi memantau tunggakan cukai dari peringkat pemungutan sehingga peringkat guaman sivil.

36.1.6. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
Aktiviti Kastam Di Zon Perdagangan Bebas

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>ISU BERBANGKIT</th><th>KEDUDUKAN MASA KINI</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Jabatan Kastam tidak mempunyai anggota yang mencukupi untuk ditempatkan di setiap pintu utama Kastam. Kekurangan anggota ini boleh menyebabkan berlakunya barangan yang masuk dan keluar dari zon tanpa pemeriksaan dan kawalan Kastam.</td><td>Jumlah jawatan yang diluluskan bagi stesen kastam yang dilawati telah meningkat dari 1,090 jawatan kepada 1,260 jawatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 970 jawatan telah diisi. Kedudukan perjawatan terkini adalah seperti berikut :-
<table>
<tr><th>Stesen Kastam</th><th>Bil. Lulus</th><th>Bil. Diisi</th><th>Lebih / (Kurang)</th></tr>
<tr><td>Pulau Pinang
• Dermaga Air Dalam MAS Kargo
• Kompleks Kargo Udara Bayan Lepas</td><td>37
219</td><td>40
137</td><td>(3)
82</td></tr>
<tr><td>Selangor
Pelabuhan Barat / Utara</td><td>498</td><td>336</td><td>162</td></tr>
<tr><td>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kompleks Kargo KLIA</td><td>271</td><td>230</td><td>41</td></tr>
<tr><td>Johor
• Pelabuhan Tg. Pelepas
• Pasir Gudang</td><td>52
183</td><td>64
163</td><td>(12)
20</td></tr>
<tr><td>JUMLAH</td><td>1,260</td></td><td>970</td><td>290</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pihak Kastam hendaklah mengambil tindakan susulan yang berterusan terhadap Borang Kastam No. 8 yang tidak dikembalikan. Daripada 7 stesen yang dilawati, sebanyak 1,412 Borang Kastam No. 8 tidak dikembalikan yang melibatkan nilai dagangan berjumlah RM1.72 bilion. Tindakan susulan ini perlu bagi mengelakkan wujudnya unsur penyelewengan seperti barangan yang dikeluarkan tidak dieksport ke luar negara sebaliknya dijual di pasaran tempatan tanpa dikenakan cukai kastam.</td><td>Pemantauan berterusan terhadap pergerakan barang-barang yang menggunakan Borang Kastam No. 8 ini telah pun dilakukan secara berterusan. Tindakan yang telah diambil adalah:-

i. Mengeluarkan arahan mengenai pengurusan pemindahan barang-barang bercukai menggunakan Borang Kastam No. 8 berkuat kuasa mulai 21 Mac 2006

ii. Bagi baki borang yang belum selesai, Desk Officer yang dilantik sedang berusaha untuk mendapatkan pengesahan penerimaan borang dari stesen penerima sebelum tuntutan dibuat kepada pihak syarikat. Kedudukan masa kini adalah seperti berikut:-
<table>
<tr><th>Tahun</th><th>Bil. Borang Diikuti</th><th>Bil. Borang Diselesaikan</th><th>Baki Bil. Borang Belum Selesai</th></tr>
<tr><td>2003</td><td>481</td><td>433</td><td>48</td></tr>
<tr><td>2004</td><td>664</td><td>589</td><td>75</td></tr>
<tr><td>2005</td><td>267</td><td>247</td><td>20</td></tr>
<tr><td>Jumlah</td><td>1,412</td><td>1,269</td><td>143</td></tr>
</table></td></tr>
</table>

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
3.	Tindakan susulan terhadap Borang Kastam No.8 bagi Stesen Kastam Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor tidak dijalankan secara menyeluruh dan bilangan kes yang selesaikan tidak dapat dipastikan.	Tindakan terhadapnya akan diambil iaitu dengan menghantar surat penjelasan kepada stesen-stesen terlibat.
4.	Bagi Borang Kastam No.8 yang diproses menggunakan Sistem Maklumat Kastam (SMK), semakan Audit mendapati sejumlah 11,227 kes Borang Kastam No.8 berstatus *temporary release* dengan nilai barangan berjumlah RM1.04 bilion dan melibatkan cukai RM293.95 juta masih belum diambil tindakan.	Bagi mengatasi kelewatan pemadanan Borang Kastam No.8 yang berstatus *temporary release*, Skrin Khas KIK 86 telah diaktifkan untuk proses pemadanan borang. Proses dilaksanakan dengan memasukkan maklumat stesen penerima borang dalam Skrin Khas KIK 86 bagi pengesahan penerimaan Borang Kastam No.8 secara manual.
5.	Salinan Asal Borang Kastam No.8 tiada dalam simpanan pejabat.	Ibu Pejabat telah mengeluarkan surat peringatan kepada stesen kastam supaya memastikan penyimpanan salinan asal Borang Kastam No.8 dibuat dengan kemas kini.
6.	Mesin Pengimbas tidak diletakkan di kawasan bertutup.	Mesin pengimbas sedia ada telah dipindah dan digantikan dengan mesin pengimbas yang berbumbung.
7.	Pihak pengurusan jabatan hendaklah memberi perhatian terhadap pegawai yang bertugas di Unit Mesin Pengimbas kerana ia melibatkan risiko kesihatan dan masa depan petugas	i. Membekalkan dan mewajibkan mereka memakai *film batch* semasa bertugas. ii. Jabatan telah mengarahkan supaya pegawai berkenaan mengadakan pemeriksaan kesihatan 6 bulan sekali.
8.	Perintah Tetap Kastam Bilangan 58 perlu dikaji semula dengan menyenaraikan peranan Kastam di Zon Perdagangan Bebas secara lebih jelas dan terperinci.	Jabatan telah menubuhkan Pasukan Kerja bagi mengkaji semula Perintah Tetap Kastam Bilangan 58 ini.
9.	Prosedur pemusnahan barang di Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang di Johor tidak teratur.	Surat teguran dari Ibu Pejabat telah dikeluarkan dan naziran akan diadakan bagi memastikan arahan dipatuhi.
10.	Jabatan Kastam perlu menyediakan jadual rondaan dan juga berusaha untuk menambah jawatan supaya rondaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan bagi memastikan tiada penyelewengan berlaku.	Surat arahan telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat supaya rondaan secara berkala dijalankan.

36.1.7. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
Aktiviti Pasca Import

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah 482 syarikat telah diaudit oleh Unit Pasca Import yang mana kekurangan cukai berjumlah RM80.36 juta telah dapat dikesan. Daripada jumlah ini, RM46.83 juta telah dapat dikutip.	• Usaha mengutip tunggakan cukai melalui kaedah pemeriksaan akaun pengimport terus dilakukan. Di samping itu, sesi penerangan kepada pengimport mengenai tanggungjawab mereka agar membayar cukai seperti peruntukan undang-undang diberikan secara berkala dan berterusan.

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>ISU BERBANGKIT</th><th>KEDUDUKAN MASA KINI</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>

- Hasil pemeriksaan akaun pengimport berjadual secara konsisten meningkatkan lagi pengesanan kekurangan duti/cukai kastam seperti perbandingan tahun 2005 dan 2006 bagi empat negeri berikut :-

<table>
<tr><th rowspan="2">Negeri</th><th colspan="2">Kekurangan Cukai Dikesan (RM Juta)</th></tr>
<tr><th>2005</th><th>2006</th></tr>
<tr><td>Selangor</td><td>7.12</td><td>18.82</td></tr>
<tr><td>Kuala Lumpur</td><td>31.12</td><td>9.95</td></tr>
<tr><td>Johor</td><td>1.9</td><td>6.40</td></tr>
<tr><td>Pulau Pinang</td><td>0.30</td><td>1.55</td></tr>
</table>

- Cukai yang dikesan dalam tahun 2006 dibincangkan dengan syarikat berkenaan sebelum dikutip atau tuntutan dibuat.

</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Tunggakan cukai berjumlah RM15.03 juta tidak dapat dikutip ekoran kelewatan Jabatan Kastam membuat penilaian terhadap dagangan import.</td><td>Penambahbaikan penilaian delivery system di Ibu Pejabat telah dilaksanakan antaranya menubuhkan Panel Rayuan Penilaian bagi mengatasi masalah ini. Mengenai kekurangan cukai yang terlibat, usaha berterusan dengan menghantar notis tuntutan dan lawatan ke premis pengimport telah dijalankan. Bagi tahun 2006, kutipan berjumlah RM1.55 juta telah diperolehi manakala bakinya masih diusahakan dengan beberapa pendekatan dan tindakan.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Kekurangan pegawai yang ketara berlaku di Unit Pasca Import Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang menyebabkan Jabatan Kastam hanya dapat menjalankan pasca audit 0.7% daripada 52,000 syarikat pengimport bagi kedua-dua stesen Kastam tersebut. Kekurangan pegawai ini memberi impak yang besar dan signifikan ekoran limitation oleh Seksyen 17 Akta Kastam 1967 yang mengehadkan kekurangan cukai boleh dituntut dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.</td><td>Melalui usaha Bahagian Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat, permohonan bagi penambahan jawatan pegawai-pegawai Cawangan Pasca Import pada semua peringkat dan setiap negeri telah diluluskan. Pihak jabatan yakin bilangan pemeriksaan pasca audit akan dapat dilipatgandakan. Sebanyak 56 jawatan tambahan dan 131 jawatan baru diluluskan melalui Waran Perjawatan Bil. A41 Tahun 2006. Pengisian tambahan jawatan dilaksanakan dengan:-

i. peringkat pertama melalui pertukaran pegawai dari bahagian yang mempunyai kepakaran dalam bidang pemeriksaan akaun.

ii. peringkat kedua juga melalui pertukaran pegawai yang berkebolehan berikutan kelulusan jawatan baru. Pengisian juga dibuat melalui kenaikan pangkat.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Bahagian Perkhidmatan Teknik patut mengkaji semula keperluan kewangan supaya peruntukan yang dipohon mencukupi untuk menjalankan aktiviti pasca import dengan lebih cekap dan berkesan.</td><td>Jabatan tidak menyediakan peruntukan khusus untuk aktiviti pasca import tetapi menyediakan peruntukan bagi operasi yang merangkumi aktiviti pasca import. Jabatan menyalurkan peruntukan bagi aktiviti di bawah Bahagian Perkhidmatan Teknik yang mana Unit Pasca Import adalah di bawah bahagian tersebut. Unit ini telah dibekalkan kenderaan</td></tr>
</table>

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		berkomputer (Delta Tax). Kenderaan ini dibekalkan komputer berinternet dan semakan *online* yang boleh mengesan maklumat syarikat dan kebocoran hasil dengan cepat.

36.2. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Aktiviti Pelesenan Dan Penguatkuasaan Industri Padi Dan Beras

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Proses pengeluaran permit pindah padi dan beras tidak seragam antara Negeri Kelantan, Perlis, Perak dan Selangor seperti kaedah penentuan gred beras, pemeriksaan stok, tempoh meluluskan permit, tempoh sah permit, jenis kenderaan yang membawa beras, laluan perjalanan yang dibenarkan dan kebenaran memindahkan beras.	Mulai tahun 2006, pelesenan yang telah tamat tempoh perlu dibuat permohonan baru mengikut prosedur biasa. Kementerian juga telah mengambil tindakan untuk menyeragamkan peraturan di semua negeri.
2.	Sejumlah 1,640 tan metrik beras yang diimport dari Bangkok dibawa masuk melalui Padang Besar ke Seberang Perai dan Sungai Way bagi tempoh bulan Februari hingga Ogos 2005 tidak mempunyai permit pindah beras.	Kementerian menyatakan perkara tersebut berlaku kerana ianya melalui tempoh percubaan membawa masuk beras menggunakan 'dedicated train' dari Bangkok sebagai alternatif kepada pengangkutan laut dan udara.
3.	Aktiviti penguatkuasaan yang kurang memuaskan seperti aktiviti pemeriksaan premis kurang dijalankan; pengendalian barang rampasan kurang teratur di Selangor, Kelantan, Perlis, Perak dan Johor; pengurusan stor barang rampasan kurang memuaskan; kes pendakwaan yang belum selesai; kes tertunggak dan barang rampasan pada tahun 2003 dan 2004 masih belum dilupuskan.	Kementerian memaklumkan faktor utama kelemahan tersebut berlaku adalah kekurangan kakitangan. Kementerian telah membuat permohonan tambahan jawatan yang diperlukan. Tindakan juga telah diambil untuk memperkemaskan pengurusan stor yang terlibat.
4.	Stor barang rampasan tidak disediakan di Perlis. Manakala stor barang rampasan di Cawangan Perak tidak cukup luas.	Peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diluluskan untuk menyediakan stor barang-barang rampasan.
5.	Penyelenggaraan rekod seperti Daftar Harta Modal, Daftar Inventori, Kad Harta Modal, Buku Log Kenderaan, Buku Daftar Lesen kurang teratur, tidak kemas kini dan tidak seragam antara negeri.	Kementerian ini sedang mengambil tindakan pengemaskinian rekod-rekod di semua cawangan di seluruh negara.

36.2.1. Jabatan Pertanian Malaysia
Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Satu unit khusus perlu diwujudkan bagi pengurusan projek TKPM di peringkat Ibu Pejabat, negeri dan daerah.	Satu Jawatankuasa Pemandu TKPM di Ibu Pejabat telah ditubuhkan untuk membuat pemantauan dengan lebih terperinci. Jabatan juga telah melantik pegawai khas yang bertanggungjawab terhadap kemajuan pelaksanaan projek.
2.	Kaedah pemilihan peserta projek TKPM adalah tidak seragam antara negeri.	Pemilihan peserta TKPM adalah dilaksanakan di peringkat negeri. Setakat ini, Ibu Pejabat tidak terlibat dengan proses pemilihan peserta. Manakala peserta yang melibatkan *anchor company,* Jabatan terlibat dalam proses pemilihan tersebut.
3.	Kelulusan mewartakan tanah yang dibangunkan untuk projek TKPM dari Pejabat Tanah Negeri perlu diperolehi sebagaimana yang dipersetujui dalam Memorandum Persefahaman.	Permohonan menggazet semua tapak projek TKPM telah dibuat dan masih dalam proses kelulusan di peringkat Pejabat Tanah Negeri. Bagi tapak projek di Perak dan Pahang yang diserahkan kepada Badan Berkanun, tanah tersebut tidak akan digazet dan satu Memorandum Persefahaman khas ditandatangani antara Jabatan Pertanian dengan Badan Berkanun berkenaan untuk merasmikan status projek sebagai TKPM dan Jabatan Pertanian dilantik sebagai Pengurus Projek.
4.	Kerajaan Negeri perlu menyediakan satu garis panduan yang mengandungi syarat kelayakan pembahagian tapak projek mengikut lot dan saiz kepada peserta bagi memastikan pembahagiannya dibuat secara telus dan adil.	Garis panduan berkaitan pembahagian tapak projek mengikut saiz/lot telah pun ditetapkan dan dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek iaitu minimum 2 hektar untuk sayur-sayuran dan 5 hektar untuk buah-buahan bagi setiap pengusaha. Bagaimanapun, pengusaha boleh menyewa lebih daripada 1 lot mengikut keupayaannya dan kedudukan projek pada satu-satu masa.
5.	Jalan ladang dan sistem pengairan di tapak projek yang telah lama beroperasi rosak dan tidak sesuai digunakan lagi. Keadaan ini berlaku disebabkan ketiadaan peruntukan kewangan disediakan bagi tujuan penyenggaraan.	Peruntukan penyenggaraan telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi menyenggarakan infrastruktur di semua tapak projek TKPM.
6.	Jabatan disyorkan menyediakan jentera/ peralatan pertanian kepada peserta yang kurang berkemampuan terutamanya belia tani dan peserta inkubator dengan kadar sewa yang minimum.	Pembelian alat jentera ladang tidak dimasukkan dalam skop perbelanjaan Rancangan Malaysia Kelapan. Pada masa ini, peserta TKPM bergantung kepada Jabatan Pertanian Daerah untuk mendapatkan bantuan perkhidmatan alat jentera. Bagaimanapun di bawah RMK-9, Jabatan telah menyediakan peruntukan bagi pembelian jentera. Jentera ladang yang dibeli akan dimasukkan dalam stok Pusat Pertanian dan tidak diserahkan sepenuhnya kepada pengusaha TKPM. Bagaimanapun, keutamaan kegunaannya adalah untuk peserta TKPM.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
7.	Peruntukan untuk penyenggaraan infrastruktur dan kemudahan asas projek hendaklah disediakan setiap tahun supaya penyenggaraan dapat dibuat secara berterusan bagi melancarkan pelaksanaan projek.	Tindakan telah diambil di bawah RMK-9 di mana peruntukan sebanyak RM200.00 sehektar setahun akan diperuntukkan kepada semua TKPM untuk membiayai kos penyenggaraan infrastruktur dan kemudahan asas.

36.2.2. Jabatan Perikanan Malaysia
Program Pengurusan Dan Pemuliharaan Penyu

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Tiada satu unit yang khusus dan seragam diwujudkan di semua negeri bagi menyelaras program ini.	Jabatan berusaha untuk menyeragamkan fungsi setiap Bahagian/Unit/Pusat yang terlibat terutamanya di Perak dan Pulau Pinang memandangkan pada masa sekarang pihak Jabatan kekurangan kakitangan. Penyeragaman kakitangan telah dilakukan semasa permohonan penyusunan semula organisasi Jabatan.
2.	Perancangan untuk kajian dan penyelidikan penyu dibuat secara umum dan tidak menggariskan sasaran bilangan kajian yang akan dijalankan sepanjang tahun.	SEAFDEC dan TUMEC sedang dan telah menjalankan beberapa kajian berkenaan penyu seperti Kajian Populasi Penyu menggunakan genetik DNA; Kajian Mengesan Penyu Karah di Melaka dari tahun 2004 hingga 2008 menggunakan *satelitte transmitter* dan penandaan penyu menggunakan *inconal*.
3.	Rancangan kerja yang disediakan adalah secara umum dan tidak menyatakan sasaran yang hendak dicapai. Jabatan juga tidak menetapkan secara khusus keperluan masa, kakitangan dan kewangan untuk melaksanakan setiap aktiviti.	Jabatan telah menyeragamkan perancangan kerja tahunan bagi mencapai sasaran di semua Pusat Pengurusan Penyu. TUMEC telah menetapkan sasaran peratusan penetasan telur penyu.
4.	Pada tahun 2004 dan 2005, tiada latihan yang berkaitan dengan pengurusan penyu dirancang bagi kakitangan yang terlibat dengan Program Pengurusan dan Pemuliharaan Penyu.	Jabatan telah menyediakan kursus kepada kakitangan yang terlibat dengan program pengurusan penyu iaitu Kursus Pengurusan Hatcheri Penyu; Kursus Asas Konservasi Penyu; program *Malaysia Technical Cooperation Programme* (MTCP) dan program MTCP bersama INTAN yang dikenali sebagai *Environmental Management*.
5.	Pembaharuan pajakan yang terakhir di Perak hanya dibuat bagi tempoh 1 Januari 1999 hingga 31 Disember 2000.	Semakan dengan Pejabat Daerah akan dibuat oleh Jabatan Perikanan bagi tujuan penyelarasan.
6.	Perbezaan harga pembelian telur penyu di Perak dan Melaka berbanding dengan negeri lain adalah 100 peratus.	Harga telur tidak dapat diselaraskan di seluruh Semenanjung disebabkan ia terletak di bawah bidang pihak berkuasa negeri.
7.	Beberapa aspek pengendalian telur penyu dan pengurusan pusat pengeraman telur penyu tidak dibuat mengikut garis panduan yang diterima pakai oleh Jabatan Perikanan.	• Jabatan dan TUMEC berusaha untuk menyeragamkan garis panduan dan mengadakan naziran bagi mengenal pasti kelemahan yang dihadapi di semua Pusat

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		Pengurusan Penyu yang terlibat dengan mengadakan latihan dan mengedarkan buku panduan. • Jabatan sedang menyediakan buku Prosedur Operasi Piawai berkaitan pemuliharaan penyu yang akan diedarkan secara rasmi pada bulan Jun 2007. • Penandaan penyu di Melaka akan dijalankan oleh Jabatan Perikanan bersama WWF dengan menggunakan penanda yang standard dengan sumbangan Public Bank.
8.	Lapan kawasan yang dicadangkan untuk diwartakan di Terengganu dan semua kawasan pantai pendaratan dan tempat penetasan penyu di 4 negeri yang dilawati juga masih belum diwartakan dan hanya dirizabkan secara pentadbiran di bawah Jabatan Perikanan.	• Pewartaan kawasan santuari adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, Jabatan di peringkat Ibu Pejabat dan negeri akan mengemukakan semula cadangan untuk mewartakan kawasan santuari penyu kepada pihak Kerajaan Negeri Melaka dan Johor (Pulau Mensirip dan Pulau Lima) supaya kawasan tersebut dapat dilindungi daripada ancaman. • Di Terengganu, hanya pantai Rantau Abang telah diwartakan sebagai kawasan santuari penyu. Kawasan-kawasan yang disenaraikan dalam Laporan Audit dalam proses pewartaan. • Di Johor, kesemua pulau di negeri tersebut telah diwartakan sebagai Taman Negara Johor. Di Melaka iaitu di kawasan Pulau Upeh masih lagi dalam perbincangan dengan TNB Properties kerana kawasan tersebut adalah hak milik TNB.
9.	Kekurangan pelaksanaan program penerapan nilai kesedaran untuk melindungi penyu kepada orang ramai juga menyumbang kepada penurunan bilangan pelawat.	Jabatan berusaha untuk mengadakan program pendidikan dan kesedaran awam di semua kawasan termasuk sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Program Latihan Khidmat Negara mengikut keperluan dan akan mempertingkatkan penglibatan badan bukan Kerajaan.
10.	Laporan hasil kajian dan penyelidikan yang dijalankan oleh TUMEC tidak diedarkan kepada Pusat Pengurusan Penyu yang lain.	Ibu Pejabat Jabatan akan memajukan laporan TUMEC kepada semua Jabatan Perikanan Negeri dan Pusat Pengurusan Penyu untuk dijadikan rujukan dan panduan.
11.	Hanya Unit Perlindungan Sumber (Marin) di Melaka telah menyediakan jadual rondaan secara berkala di kawasan pendaratan penyu khas untuk program penyu. Di negeri lain, Unit Perlindungan Sumber (Marin) hanya melakukan rondaan secara umum dan memberi tumpuan kepada kawasan pendaratan penyu sekiranya menerima sebarang aduan atau kes. Rondaan di kawasan darat oleh kakitangan Jabatan Perikanan tidak dilakukan di Perak dan Pulau Pinang.	• Jabatan akan meningkatkan lagi kawalan dan penguatkuasaan di semua negeri serta menyelaraskan pegawai penguatkuasa agar pelaksanaan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Tatacara rondaan akan dibincangkan dalam penyediaan buku Prosedur Operasi Piawai merangkumi jadual kerja yang teratur. • Beberapa Unit Perlindungan Sumber di beberapa negeri telah menyerahkan bot rondaan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Negara. Jabatan akan mengadakan satu kumpulan khas bermula di Rantau Abang bagi memastikan pendaratan penyu adalah seperti yang dianggarkan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
12.	Hanya pondok kecil didirikan di Pulau Pinang untuk kakitangan yang bertugas serta pemungut upahan berteduh. Pondok ini juga dijadikan sebagai pejabat pentadbiran.	Pusat Pengurusan Penyu masih lagi menunggu keputusan Jabatan Perhilitan yang akan mewujudkan bangunan bersepadu bernilai RM200,000 yang terdiri dari komponen pemuliharaan termasuk penyu.
13.	Bilik makmal di Melaka dan Pahang adalah kecil dan tidak digunakan.	Bilik makmal di Melaka dan Pahang hanya digunakan semasa lawatan dan kajian penyelidik dalam dan luar negara.
14.	Bilik pameran di TUMEC dan bilik penerangan di Perak adalah kosong dan tidak dilengkapkan dengan bahan pameran. Bilik pameran di TUMEC tidak disenggarakan dan dijadikan tempat menyimpan barangan stor.	Ruang pameran di TUMEC masih lagi kosong dan akan dipenuhkan dengan bahan-bahan berkaitan perikanan dan penyu apabila peruntukan yang mencukupi diperolehi.
15.	Rekod pemeriksaan sarang dan pelupusan telur tidak diselenggarakan di Perak dan Pahang. Manakala rekod suhu harian tidak diselenggarakan di semua Pusat Pengurusan Penyu.	Jabatan akan meningkatkan dan mengemas kini rekod pengurusan yang berkaitan di semua negeri yang terlibat.
16.	Kekurangan peruntukan kewangan adalah ketara di semua Pusat Pengurusan Penyu menyebabkan antaranya penambahan pekerja sambilan tidak dapat dilakukan di Perak dan Melaka; kesukaran untuk membayar tuntutan perjalanan kakitangan yang bertugas secara bergilir bagi tempoh bulan Ogos hingga Disember di Pulau Pinang; tidak dapat membeli semua telur penyu yang dipungut di Pahang; penyeliaan di semua Pusat Pengurusan Penyu di Terengganu tidak dapat dijalankan kerana semua pusat terletak di lokasi yang berbeza dan jauh.	Jabatan akan berusaha untuk mendapatkan peruntukan kewangan dengan mana-mana pihak yang berkenaan. Contohnya, menjalinkan kerjasama dengan badan swasta dan badan bukan Kerajaan bagi menampung keperluan kewangan mengikut keperluan di semua pusat dan daripada Kerajaan Negeri untuk menjayakan program pengurusan penyu.
17.	Jabatan menghadapi masalah kekurangan kakitangan di semua Pusat Pengurusan Penyu kecuali di Pahang.	Jabatan akan berusaha untuk menambah kakitangan yang khusus untuk program ini dengan mengambil kira jumlah jawatan yang diperlukan semasa pembentangan penyusunan semula organisasi Jabatan kepada JPA.
18.	Bagi tempoh tahun 2004 dan 2005, tiada latihan yang khusus dirancang untuk kakitangan yang terlibat dengan program pengurusan dan pemuliharaan penyu.	Pusat yang terlibat dengan pengurusan hatceri akan memberi latihan kepada kakitangan yang baru bertugas di pusat tersebut.

36.2.3. Jabatan Perikanan Malaysia

Pembinaan Pusat Penyelidikan Perikanan Air Tawar Gelami Lemi, Jelebu, Negeri Sembilan

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Sebanyak 19 Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM5.96 juta telah diluluskan oleh JKR menyebabkan harga kontrak telah meningkat daripada RM59.55 juta kepada RM65.51 juta. Dua daripada APK tersebut bernilai RM2.91 juta (48.8%) adalah untuk kerja membuang tanah yang tidak sesuai dan menggantikannya dengan tanah yang diluluskan yang tidak terdapat dalam lukisan kontrak dan senarai kuantiti. Kawasan berkenaan ialah kawasan paya yang dirancang untuk pembinaan kuarters dan surau.	Jabatan Kerja Raya (JKR) memaklumkan kuarters dan surau tidak dibina di kawasan lain kerana sebahagian daripada tapak adalah berbukit dan tidak ada kawasan lapang lain yang lebih sesuai.
2.	Kerja pembinaan telah ditangguhkan beberapa kali kerana kos projek telah melebihi siling peruntukan yang diluluskan. Kekurangan peruntukan menyebabkan pembinaan kolam dan empangan terpaksa ditangguhkan ke Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).	Jabatan Perikanan memaklumkan penangguhan beberapa komponen terpaksa dilakukan selaras dengan peruntukan serta siling sedia ada pada masa berkenaan. Peruntukan berjumlah RM10 juta pada tahun 2006 dan RM10 juta pada tahun 2007 telah disediakan bagi pembinaan kolam dan empangan. Pembinaan kolam dan empangan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran dengan peruntukan berjumlah RM35 juta pada RMK-9. Surat setuju terima telah dikeluarkan pada bulan Disember 2006 bagi pembinaan kolam bernilai RM11.98 juta. Projek pembinaan empangan masih di peringkat penyediaan pelan bagi disesuaikan dengan jumlah peruntukan yang ada.
3.	Hamparan batu kecil tidak dibuat mengikut spesifikasi kontrak di kawasan yang berhampiran dengan stor kenderaan untuk mengelakkan keretakan longkang dan kaki lima bangunan.	Tindakan mengikut spesifikasi kontrak telah diambil.
4.	Kontraktor hanya melepa lantai dengan simen biasa dan tidak mengikut spesifikasi dan pelan asal bagi binaan lantai bangunan hatcheri pengeluaran walaupun bangunan tersebut akan menempatkan kolam gentian kaca yang berisi air dan ikan.	Kemasan lantai di bangunan hatcheri pengeluaran tidak dibuat mengikut spesifikasi kontrak untuk menjimatkan kos dan potongan bayaran dari kontrak asal telah dibuat. Pihak pelanggan telah bersetuju bahawa kemasan lantai tidak dibuat.
5.	*Overhead pipe trenches* bagi *aeration system* di bangunan hatceri pengeluaran tidak dipasang dengan kemas mengakibatkan paip dan penyambungnya tercabut apabila *aeration system* tersebut dihidupkan.	Tindakan telah diambil.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
6.	Pintu yang dibina di Lobi Utama, Blok Pentadbiran adalah terlalu rendah iaitu 1,982 mm (78 inci) daripada aras lantai sungguhpun mengikut spesifikasi kontrak, ketinggian sepatutnya ialah 2,100 mm (83 inci).	Tindakan mengikut spesifikasi kontrak telah diambil.
7.	Besi *handrail* pada tangga didapati berkarat walaupun pemasangan *handrail* sepatutnya dibuat daripada jenis besi tahan karat *(stainless steel)*.	Tindakan telah diambil.
8.	Pintu bilik penyimpanan makanan ikan di tingkat bawah Bangunan Pentadbiran telah dibina tanpa *drop* di antara jalan dan lantai stor tersebut.	Pihak kontraktor telah membuat bendul konkrit pada pintu bilik tersebut.
9.	Kondiut bagi pemasangan peralatan pencegahan kebakaran dan pendawaian elektrik telah diwarnakan mengikut warna dinding bangunan dan tidak diwarnakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.	JKR memaklumkan menurut Jabatan Bomba, kondiut boleh dicat mengikut warna bangunan dengan syarat dicat pada setiap jarak yang tertentu. Sub kontraktor baru akan membuat kerja tersebut.
10.	Pemasangan tangki gentian kaca berdiameter 3.0m di bangunan hatcheri pengeluaran adalah tidak kemas. Tangki gentian kaca yang digunakan adalah berkualiti rendah dan pasir yang diletakkan di bahagian bawah tangki tidak dimampatkan menyebabkan tangki tersebut senget. Tiga daripada 7 tangki gentian kaca berdiameter 6.0m yang siap dipasang telah bocor.	Tindakan telah diambil.
11.	Buku harian tapak yang disediakan tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Walaupun Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyatakan kelewatan projek adalah disebabkan kekurangan tenaga pekerja, tiada rekod kekurangan pekerja dinyatakan di dalam Buku Harian Tapak.	Walaupun terdapat kelemahan menyelenggarakan buku harian tapak, JKR memaklumkan maklumat kerja harian berdasarkan *Work Inspection Request* telah ditandatangani oleh kontraktor dan Juruteknik Projek, diperiksa dan ditandatangani oleh Jurutera Projek JKR untuk memastikan kerja yang dijalankan mengikut spesifikasi dan lukisan binaan.

36.3. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Program Pembelian Ruang Niaga

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian tidak menetapkan tempoh pengeluaran notis pemberhentian penyewaan sama ada oleh penyewa atau agensi pelaksana.	Perkara ini telah diambil maklum dan Kementerian sedang dalam proses memperhalusi garis panduan program ini. Buat masa ini, Kementerian sedang mendapatkan maklum balas secara menyeluruh daripada agensi pelaksana dan hasil kajian impak program yang dijadualkan siap pada hujung bulan April 2007 akan digunakan sebagai asas bagi menyelaras, memantapkan pelaksanaan dan menetapkan *future direction* program ini.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
2.	Kementerian mengambil masa antara 7 hingga 25 bulan untuk menyelesaikan proses pembelian ruang niaga. Sehubungan ini, pihak Audit berpendapat Kementerian perlu menetapkan tempoh masa bagi sesuatu proses pembelian.	Proses penambahbaikan serta penubuhan Jawatankuasa Pembelian Ruang Niaga mulai bulan April 2006 telah dapat mempercepatkan proses pembelian ruang niaga. Hasilnya adalah pembelian ruang niaga pada tahun 2006 di Mahkota Square, Kuantan, Pahang dan di Seasons Square, Damansara Damai, Selangor hanya mengambil masa antara 6 hingga 10 bulan.
3.	10 lot ruang niaga yang dikendalikan oleh 4 agensi pelaksana iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan (4 lot), Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak (4 lot), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (1 lot) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (1 lot), tidak pernah disewakan sejak lot ruang niaga tersebut dibeli.	Kedudukan terkini pengisian 10 lot ruang niaga tersebut adalah seperti berikut :- **i. Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan (4 lot)** Agensi pelaksana dan pihak pengurusan kompleks memaklumkan bahawa ruang niaga ini sebenarnya telah dapat disewakan untuk tempoh tertentu. Bagaimanapun, usahawan yang terlibat tidak dapat bertahan lama disebabkan pertambahan kedai makan di kawasan sekitar serta tekanan persaingan daripada peniaga lain. Sehubungan itu, agensi pelaksana dan Kementerian sedang mencari kaedah terbaik supaya ruang niaga ini dapat diisi secara konsisten. **ii. Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak (4 lot)** Agensi pelaksana telah memaklumkan bahawa kedua-dua lot ruang niaga yang masih kosong di City 2000, Kuching akan disewakan kepada Rabiah Amid Enterprise iaitu bermula pada bulan Mei 2007. Selain itu, agensi pelaksana kini sedang menunggu maklum balas daripada bakal penyewa untuk mengisi 2 lot ruang niaga yang terletak di Plaza Phoenix, Kuching. **iii. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (1 lot)** Ruang niaga ini telah siap diubah suai dan diisi oleh Kementerian dengan dijadikan pusat pameran serta jualan produk kraftangan bermula pada awal tahun 2007. **iv. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (1 lot)** Ruang niaga ini telah dapat disewakan kepada usahawan Bumiputera bermula tahun 2006.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
4.	Pemilihan penyewa ruang niaga perlu dibuat oleh Panel Pemilihan Penyewa. Semakan Audit mendapati Panel Pemilihan Penyewa yang diwujudkan oleh agensi pelaksana tidak mempunyai wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.	Kementerian akan sentiasa mengingatkan agensi pelaksana dari semasa ke semasa bagi memastikan wakil daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyertai Panel Pemilihan Penyewa.
5.	Semakan Audit terhadap rekod bagi 77 penyewa mendapati 34 penyewa adalah bukan Bumiputera. Ini berlaku kerana semasa pembelian ruang niaga berkenaan, pemilik lot asal masih terikat dengan perjanjian penyewaan dengan mereka. Agensi pelaksana bersetuju membenarkan mereka meneruskan perniagaan mereka sehingga tamat tempoh perjanjian. **Pihak Audit mengesyorkan pemilik asal ruang niaga menyelesaikan urusan dengan penyewaannya sebelum pembelian oleh agensi pelaksana dimuktamadkan supaya ruang niaga berkenaan dapat disewakan terus kepada usahawan Bumiputera sebaik sahaja ia dibeli.**	Bagi pembelian ruang niaga yang sedang dan akan dilaksanakan, Kementerian memastikan ruang niaga yang dibeli tidak dibebani dengan sebarang bentuk perjanjian seumpama ini supaya matlamat untuk membantu usahawan Bumiputera tercapai sepenuhnya.
6.	Agensi pelaksana telah mengenakan syarat penyewaan yang berbeza seperti berikut :- • Empat daripada 7 agensi pelaksana iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, MARA Sabah dan MARA Selangor telah mengenakan deposit bersamaan sewa bagi 3 bulan iaitu satu bulan melebihi kadar yang ditetapkan oleh Kementerian. • Empat daripada 7 agensi pelaksana iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Sabah, MARA Selangor dan MARA Sabah telah mematuhi tempoh penyewaan selama 3 tahun seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian. Manakala selainnya telah menetapkan tempoh penyewaan yang berbeza-beza. • Enam agensi pelaksana kecuali Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak telah menetapkan suatu tempoh di mana penyewa tidak dikehendaki membayar sewa tetapi hanya dikehendaki membayar caj perkhidmatan. Tempoh ini dikenali sebagai Masa Bernafas. • Hanya satu daripada 7 agensi pelaksana iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Sabah telah memasukkan syarat yang menghendaki penyewa mengemukakan Laporan Maklumat Prestasi Perniagaan 3 bulan sekali kepada Kementerian melalui	Kementerian mengambil maklum perbezaan syarat penyewaan yang digunakan oleh agensi pelaksana dalam beberapa aspek seperti kadar deposit, kadar diskaun, tempoh penyewaan dan Laporan Prestasi Perniagaan. Sehubungan itu, Kementerian ini sedang memperhalusi pelaksanaan program sedia ada. Hasil kajian impak program ini yang dijadualkan siap pada hujung bulan April 2007 akan digunakan sebagai asas bagi menyelaras, memantapkan pelaksanaan dan menetapkan *future direction* program ini.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	agensi pelaksana dan mengikut program latihan/ bimbingan yang dianjurkan oleh Agensi/Kementerian dari semasa ke semasa seperti mana yang ditetapkan.	
7.	Agensi pelaksana tidak mengemukakan laporan pengisian ruang niaga setiap bulan sebagaimana yang dikehendaki. Laporan ini hanya dikemukakan apabila diminta oleh Kementerian.	• Kementerian telah memastikan agensi pelaksana mengemas kini laporan pengisian ruang niaga dari semasa ke semasa. Bermula pada bulan Julai 2006, laporan pengisian ruang niaga bagi setiap suku tahun telah dapat diperolehi daripada agensi pelaksana secara konsisten. • Sistem Pengurusan Premis yang dijadualkan penggunaannya bermula bulan Julai 2007 akan menjadi platform Kementerian yang terbaik dalam memperolehi laporan pengisian ruang niaga secara berkala dan terkini. Pelaksanaan sistem ini kelak akan membolehkan maklumat pengisian dikemas kini dengan cepat dan mudah oleh agensi pelaksana. Selain itu, sistem ini akan membolehkan capaian maklumat ruang niaga oleh pengguna luar serta pemantauan oleh Kementerian pada bila-bila masa.

36.4. KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

Jabatan Kerja Raya

Projek Pembinaan Jalan Dan Penstabilan Cerun Dari Gap Ke Bukit Fraser, Raub, Pahang

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Pihak JKR Daerah Raub tidak menyediakan Program Kerja Penyenggaraan Bulanan bagi kerja penyenggaraan jalan dan cerun yang perlu dilakukan oleh kontraktor. Selain itu, laporan kerja penyenggaraan bulanan yang telah dilaksanakan oleh kontraktor juga tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan. Ketiadaan program penyenggaraan dan laporan kerja kontraktor akan menyukarkan JKR untuk membuat pemantauan terhadap kerja yang dilakukan oleh kontraktor berkenaan.	Tempoh Tanggungan Kecacatan telah tamat pada bulan Julai 2006. JKR Raub telah menyediakan Program Kerja Penyelenggaraan Bulanan untuk jalan dan cerun selepas tempoh tersebut.
2.	Reka bentuk cerun yang disediakan oleh syarikat perunding tidak mencukupi untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh dan aspek kelemahan yang dibangkitkan.	JKR akan mengambil kira faktor seperti geologi, geoteknik, perparitan geomorfologi dan taburan hujan serta kaedah penyelenggaraan yang terkini dalam menangani isu-isu cerun terutamanya untuk kawasan berbukit-bukau yang rumit.
3.	JKR telah membelanjakan sejumlah RM64.06 juta untuk pembinaan jalan dan menstabilkan cerun, namun begitu, jalan tersebut masih belum dapat dibuka kepada pengguna hingga kini. Oleh itu, JKR patut mendapat pandangan	• Jalan ini telah mula dibuka kepada pengguna pada 1 November 2006 setelah kerja menstabilkan cerun selesai dijalankan. JKR juga telah menempatkan sebuah stesen yang diketuai oleh seorang juruteknik

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	daripada pakar lain yang boleh membantunya menyelesaikan masalah runtuhan cerun.	dan 3 orang buruh untuk memantau, menyenggara dan memeriksa jalan serta cerun secara berkala bagi memastikan ianya berada dalam keadaan baik dan selamat. • Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Langkah-langkah Pembaikan Cerun Negara bagi tujuan menangani masalah pengurusan dan penstabilan cerun di seluruh negara. Perjanjian untuk menyiapkan kajian tersebut telah ditandatangani pada bulan April 2006 dan Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai perunding kajian tersebut.

36.5. KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Jabatan Kimia Malaysia
Pengurusan Peralatan Makmal

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Sehingga 31 Disember 2005, sejumlah 1,237 jawatan telah diluluskan di mana 934 jawatan (75.5%) telah diisi.	Pada 28 Februari 2007, sebanyak 1,087 jawatan telah diisi (87.9%). Tindakan untuk mengisikan 150 jawatan (termasuk gred kenaikan pangkat) sedang diambil oleh Jabatan dan Kementerian, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
2.	Semua pejabat cawangan negeri tidak mempunyai salinan kontrak bagi perolehan peralatan yang menetapkan spesifikasi dan harga peralatan. Oleh itu, pegawai yang mengakui terima peralatan tidak dapat mengesahkan sama ada bilangan dan spesifikasi peralatan adalah seperti dalam kontrak berkenaan.	Salinan kontrak untuk tahun 2006 bagi perolehan pusat oleh Ibu Pejabat telah dibekalkan kepada semua cawangan negeri yang berkenaan.
3.	Penempatan peralatan telah dibuat dengan teratur dari segi kesesuaian, kebersihan persekitaran dan lokasi makmal kecuali :- • Keadaan Bilik *Gas Chromatograph* dan Bilik *Atomic Absorption Spectrophotometer* di makmal Pejabat Cawangan Negeri Bintulu untuk menempatkan peralatan yang canggih dan sensitif adalah kurang memuaskan. Ia berkeadaan kotor dan berhabuk serta sistem pencegahan kebakaran masih belum diwujudkan. • Makmal Toksikologi di Pejabat Cawangan Negeri Pahang tidak mempunyai tambahan penyaman udara secara berasingan. Keadaan ini boleh menjejaskan keputusan ujian sekiranya ujian tersebut berlarutan sehingga keesokan harinya memandangkan	• Masalah makmal yang berkeadaan kotor dan berhabuk di Bintulu dan Johor (Makmal Forensik) telah selesai apabila kedua-dua makmal berkenaan dinaiktarafkan pada tahun 2006. • Kerja menaik taraf Makmal Pahang adalah pada peringkat penyediaan tender oleh JKR. Skop menaik taraf ini termasuk penyaman udara berasingan untuk Makmal Toksikologi.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	paras suhu boleh mempengaruhi keputusan analisis yang dijalankan. Bagaimanapun, permohonan untuk mendapatkan penyaman udara telah dikemukakan ke Ibu Pejabat semasa memohon peruntukan pembelian alat kelengkapan pejabat tahun 2005. • Makmal Serologi dan Makmal Toksikologi di Bahagian Forensik Ibu Pejabat serta Makmal Forensik di Pejabat Cawangan Negeri Terengganu adalah sesak dan sempit serta tidak sesuai untuk menempatkan peralatan yang berkaitan.	• Projek pembangunan makmal baru di Terengganu adalah pada peringkat reka bentuk. Manakala pelan pengubahsuaian bangunan Forensik, Ibu Pejabat (termasuk Makmal Toksikologi) telah siap dan mesyuarat dengan pihak JKR telah diadakan pada 8 Mac 2007.
4.	2 peralatan iaitu *autoclave ASTELL ASB300* bernilai RM91,165 yang ditempatkan di Pejabat Cawangan Negeri Perak dan *microwave digester* bernilai RM105,687 di Pejabat Cawangan Negeri Sarawak (Kuching) tidak digunakan bagi tempoh tahun 2003 hingga bulan Mac 2005. Kedua-dua peralatan ini masing-masingnya diperolehi dalam tahun 1999 dan 2000 dan masih berkeadaan baik.	Semua peralatan berkenaan telah mula digunakan pada tahun 2006.
5.	Bagi penyenggaraan pemulihan, hanya Pejabat Cawangan Negeri Terengganu menyediakan Borang Tindakan Kerosakan Peralatan yang dilengkapkan dengan butiran kerosakan. Bagi makmal yang lain, pegawai yang mengendalikan peralatan itu akan melaporkan kerosakan kepada pegawai penyelia secara lisan. Tanpa laporan kerosakan peralatan, Jabatan Kimia menghadapi masalah mengenal pasti tempoh masa dan tindakan susulan yang perlu diambil untuk membaiki peralatan berkenaan.	Borang Laporan Status Peralatan mengenai kerosakan dan tindakan susulan telah digunakan di peringkat Ibu Pejabat dan semua makmal cawangan. Laporan bulanan telah disediakan dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat.
6.	Sebanyak 19 peralatan bernilai RM3.01 juta yang tidak ekonomi dibaiki/usang belum dilupuskan kerana ia perlu dikemukakan kepada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi sebelum mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.	Hanya 7 peralatan bernilai RM1.42 juta telah dilupuskan. Bagi peralatan lain, statusnya adalah seperti berikut :- - 5 peralatan bernilai RM0.57 juta masih dalam proses pelupusan. - 3 peralatan bernilai RM0.71 juta sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan. - 4 peralatan bernilai RM0.31 juta telah dibaiki dan sedang digunakan.
7.	Jabatan Kimia perlu membangunkan Modul Aset Dan Inventori dalam Sistem Pengkomputeran Pengurusan Maklumat Makmal khususnya menyimpan maklumat dalam pangkalan data peralatan makmal.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang membangunkan Modul Aset Dan Inventori (MyAsset) untuk diguna pakai oleh semua Jabatan dan Agensi di bawahnya.

36.6. KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

36.6.1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Pengurusan Tempat Letak Kereta Terkawal

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Pelantikan operator bagi menguruskan semua tempat letak kereta tidak dibuat secara tender terbuka sebaliknya melalui permohonan individu sahaja.	Pelantikan operator pada masa kini telah dibuat melalui tender terbuka.
2.	Tiada surat perjanjian disediakan bagi tempat letak kereta di Jalan Tun Mohd Fuad 4, Taman Tun Dr. Ismail dan Jalan Pudu Ulu, Cheras.	Perjanjian untuk kontrak 2 tahun telah dibuat dan ditandatangani kecuali bagi tapak di Jalan Tun Mohd Fuad 4.
3.	Surat perjanjian tambahan yang meliputi lanjutan tempoh penyewaan tapak di Sri Hartamas tidak disediakan.	Perjanjian tambahan untuk kontrak 2 tahun telah ditandatangani.
4.	Kelewatan membayar sewa antara 13 hingga 341 hari telah berlaku dan ia melibatkan kesemua 10 tapak yang diaudit.	Pihak jabatan pada setiap bulan telah mengingatkan semua syarikat (operator) menjelaskan sewa mengikut tarikh yang ditetapkan iaitu 7 hari bulan tiap-tiap bulan.
5.	Operator perlu mengemukakan salinan polisi insurans tanggungan awam yang sah pada atau sebelum tarikh perjanjian ditandatangani.	Polisi insurans baru telah diterima dari semua operator untuk melanjutkan liputan sehingga melepasi tempoh kontrak.
6.	Bayaran caj tempat letak kereta bagi kenderaan awam di tapak adalah ditetapkan dan operator perlu membuat permohonan bertulis kepada Datuk Bandar bagi sebarang penukaran kadar tersebut. Didapati caj bayaran bagi 5 daripada 10 tapak tidak mengikut kadar caj bayaran yang disyaratkan mengikut perjanjian.	Operator yang terbabit telah diarahkan untuk mengenakan caj mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian. Dari tinjauan yang dijalankan, didapati operator berkenaan telah mengikut arahan.
7.	Operator dilarang menyewa, menyerah hak sama ada sebahagian atau sepenuhnya tapak berkenaan melalui sewaan atau pajakan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis Datuk Bandar.	Pihak DBKL tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan Sdn. Bhd. yang memajakkan tapak kepada Syarikat Imej Parking Sdn. Bhd. atas dasar syarikat tersebut adalah sebuah entiti *non profit* yang memberikan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar miskin. Bagaimanapun, Yayasan Wilayah Persekutuan Sdn. Bhd. telah dimaklumkan tentang pelanggaran syarat yang ditetapkan dan perkara ini sedang dalam proses perbincangan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
8.	Bagi mengelakkan tapak kosong dijadikan tempat letak kereta secara haram dan untuk meningkatkan hasil, DBKL sepatutnya bertindak segera dengan mengadakan tawaran terbuka/terhad bagi melantik operator untuk menguruskan tapak yang masih belum disewakan.	• DBKL telah membuat tender terbuka dan syarikat-syarikat yang berjaya dilantik untuk menguruskan tapak kosong mula beroperasi pada bulan April 2007. • Beberapa tapak yang masih kosong belum dapat disewakan kerana tapak tersebut belum diserahkan kepada Jabatan Pengangkutan Bandar, DBKL oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL untuk urusan penyewaan.
9.	Jabatan perlu mengadakan pemeriksaan tapak secara berkala memandangkan syarat perjanjian mempunyai peruntukan yang membenarkan ia berbuat demikian.	Bagi mengatasi masalah kekurangan anggota untuk menjalankan pemeriksaan tapak, kertas kerja memohon jawatan baru bagi Bahagian Tempat Letak Kereta kepada Jabatan Sumber Manusia, DBKL telah dibuat.

36.6.2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Pembangunan Projek Secara Penswastaan

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	• DBKL telah menamatkan perjanjian bagi pembangunan Projek City One dan menuntut ganti rugi berjumlah RM62.47 juta daripada pemaju. Bagaimanapun, jumlah ini belum dibayar kepada DBKL. • Perancangan pembangunan di sebahagian Lot 29 serta Lot 4 yang gagal dibangunkan oleh pemaju perlu disegerakan.	• Peguam yang dilantik oleh DBKL telah menyediakan saman dan penyataan tuntutan terhadap Tetuan City One Sdn. Bhd. Pihak peguam telah mendapat perintah terhadap permohonan kebenaran untuk meneruskan tindakan saman Penghutang Penghakiman terhadap pemaju berikutan kegagalan pemaju menghadiri perbicaraan mahkamah sebanyak 2 kali. • DBKL merancang untuk membangunkan sendiri sebahagian daripada lot tersebut dengan membina sebuah pusat penjaja yang kini di peringkat reka bentuk.
2.	Pemaju Projek Plaza Rakyat perlu menyerahkan pulangan secara *in kind* seperti stesen *light rail transit*, terminal bas dan teksi, Main Plaza, *hawker centre* dan Plaza Tun Perak yang bernilai RM136.14 juta kepada DBKL sebelum akhir bulan Disember 1995. Bagaimanapun, hanya stesen *light rail transit* telah diserahkan kepada DBKL. Pulangan lain secara *in kind* yang belum diserahkan dianggarkan bernilai RM101.14 juta.	Pemaju berkenaan telah diberi lanjutan masa sehingga 31 Mei 2007. DBKL telah mengadakan penyeliaan yang rapi dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat dengan pemaju dan Kementerian Wilayah Persekutuan.
3.	Projek Warisan Cityview adalah terdiri daripada 2 blok apartmen (blok F dan G) yang akan dijadikan kuarters DBKL dan bangunan komersial. Pemaju perlu menyerahkan apartmen di blok F dan blok G kepada DBKL masing-masingnya pada bulan April 2007 dan bulan Februari 2008. Pemaju telah	Kerja-kerja pembinaan (Blok F) sedang giat dijalankan. Pembangunan Blok G belum dilaksanakan kerana pemaju perlu mengalihkan tapak kuil Muniswaran Amman Alayyam yang terletak di tapak tersebut. Pemaju sedang membina tapak gantian sebahagian tapak kuil tersebut.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	membangunkan bangunan komersial tetapi kemajuan kerja pembinaan apartmen blok F hanya setakat 34%. Manakala pembinaan apartmen blok G masih belum dimulakan.	
4.	Tindakan pemaju meneruskan kerja pembangunan Projek Bandar Sri Permaisuri Dan Desa Sri Puteri tanpa lanjutan masa diberi adalah tidak teratur. Draf perjanjian tambahan yang melibatkan lanjutan masa dari bulan Januari 2004 hingga Disember 2010 telah dikemukakan oleh pemaju kepada DBKL pada bulan Mei 2005 tetapi belum ditandatangani.	Draf perjanjian tambahan masih perlu dikaji semula kerana pembangunan projek yang berkaitan dengan komponen pembangunan dan costing bagi Parcel J, Bandar Sri Permaisuri juga memerlukan keputusan *Town Planning Committee.*
5.	Jawatankuasa Pengurusan Projek Bersama perlu mempertingkatkan pemantauannya bagi memastikan semua projek disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.	Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Bersama telah disediakan di mana mesyuarat ditetapkan diadakan sebulan sekali bagi setiap projek untuk tujuan pemantauan dan menyelesaikan isu/masalah berbangkit.

36.6.3. Perbadanan Labuan

Projek Peningkatan Infrastruktur Asas Di Kampung Air Patau-Patau 1

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Perbadanan Labuan tidak merancang dan melaksanakan kursus yang berkaitan dengan pembangunan projek bagi pegawai Bahagian Perancangan Dan Penyelarasan.	Pihak Perbadanan telah mengatasi masalah ini dengan menghantar pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pembinaan mengikuti kursus anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Projek pembangunan yang akan datang akan dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Dan Kejuruteraan yang lebih berkemahiran dalam aspek teknikal.
2.	Perjanjian tidak memasukkan syarat yang menghendaki perunding mengemukakan Bon Pelaksanaan dan penalti yang boleh dikenakan.	Perbadanan akan memasukkan syarat berkenaan dalam dokumen perjanjian untuk projek akan datang.
3.	Kegagalan sistem pembetungan berfungsi telah menyebabkan stesen pam yang dibina bagi mengepam sisa buangan ke loji utama kendalian Indah Water Konsortium (IWK) tidak dapat diuji keberkesanannya.	Komponen pembetungan tidak berfungsi adalah disebabkan vandalisme dan di luar kawalan. Di bawah RMK-9, Perbadanan telah diperuntukkan sejumlah RM7 juta untuk membina sistem pembetungan jenis *vacuum* bagi menggantikan sistem graviti yang digunakan sekarang.
4.	Lawatan Audit mendapati lapisan cat di *handrail* laluan pejalan kaki telah tertanggal/terkupas kerana terdedah kepada cahaya matahari serta sebahagian permukaan bersimen laluan pejalan kaki utama juga telah retak dan pecah berpunca daripada bebanan berat seperti motosikal yang sentiasa melalui laluan tersebut.	Perbadanan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM120 ribu pada tahun 2006 untuk melaksanakan kerja penyenggaraan.

36.7. KEMENTERIAN PELAJARAN

36.7.1. Aktiviti Skim Pinjaman Buku Teks

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Sekolah memberi pinjaman buku teks kepada murid yang tidak layak.	Kementerian telah menghantar surat melalui Jabatan Pelajaran Negeri sebagai peringatan kepada sekolah-sekolah supaya mematuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.
2.	4 Sekolah tidak menubuhkan Jawatankuasa Skim Pinjaman Buku Teks Sekolah.	Tindakan telah diambil oleh sekolah untuk menubuhkan jawatankuasa tersebut.
3.	Bilik operasi di 4 sekolah berkongsi bilik sama ada dengan koperasi sekolah, bilik percetakan, stor sekolah atau bilik darjah.	Tindakan telah diambil supaya bilik operasi tidak berkongsi bilik lagi.
4.	Bilik operasi di 23 sekolah tidak disediakan dengan kemudahan yang diperlukan untuk menyimpan baki stok buku teks.	Tindakan sedang diambil untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan.
5.	Di 68 sekolah, buku teks melebihi 5 naskhah bagi judul yang sama disimpan di dalam bilik operasi.	Tindakan telah diambil dengan menghantar buku berlebihan ke Stor Daerah.
6.	Kementerian tidak menetapkan kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Stor Daerah yang patut diadakan.	Kementerian telah menetapkan mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun.
7.	6 sekolah tidak menyelenggarakan Buku Stok.	Tindakan telah diambil untuk penyelenggaraan Buku Stok tersebut.
8.	33 sekolah tidak menyelenggara Buku Stok dengan lengkap dan kemas kini.	Jabatan Pelajaran Negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua sekolah berkenaan untuk mengemaskinikan Buku Stok dengan segera.
9.	20 sekolah tidak menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pelupusan, buku teks lewat dilupuskan di 8 sekolah manakala 23 sekolah tidak pernah membuat permohonan pelupusan buku teks.	Lembaga Pemeriksaan telah ditubuhkan dan tindakan pelupusan buku teks telah diambil oleh sekolah-sekolah berkenaan.

36.7.2. Pengurusan Sekolah Menengah Teknik

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Pengambilan pelajar tidak sebagaimana yang dirancang.	Kementerian telah mengambil tindakan dengan membentangkan satu kertas kerja dalam Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pelajaran Malaysia pada 8 Jun 2006 mengenai strategi yang akan diambil untuk meningkatkan pengambilan pelajar. Antaranya ialah memantapkan proses pengambilan pelajar dan mempertingkatkan program '*outreach*'.
2.	Tenaga pengajar tidak mengajar mengikut pengkhususan yang telah ditetapkan.	Kementerian akan memohon bekalan guru mengikut pengkhususan yang diperlukan. Sekiranya tidak mendapat bekalan guru mengikut pengkhususan, satu penilaian kompetensi

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		terhadap guru yang diarahkan mengajar mata pelajaran yang bukan pengkhususannya akan diadakan dan latihan/kursus akan diberikan kepada guru yang tidak mempunyai kompetensi.
3.	Kemudahan dan peralatan yang rosak tidak diperbaiki.	Kementerian telah mengambil tindakan untuk membaiki kemudahan dan peralatan yang rosak.

36.8. KEMENTERIAN KESIHATAN

36.8.1. Aktiviti Pendaftaran Produk, Pelesenan Dan Penguatkuasaan Di Bahagian Perkhidmatan Farmasi

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Terdapat 53 jawatan Pegawai Farmasi Gred U41 dan U44 yang masih kosong.	38 jawatan Pegawai Penguatkuasa Farmasi Gred U44 yang kosong telah diisi manakala kekosongan bagi jawatan Pegawai Farmasi Gred U41 akan diisi apabila graduan farmasi dari universiti memasuki perkhidmatan Kerajaan di bawah sistem perkhidmatan wajib yang telah berkuat kuasa.
2.	Kelewatan memproses permohonan antara 20 hingga 277 hari bagi produk racun, 7 hingga 309 hari produk bukan racun dan 4 hingga 121 hari bagi produk tradisional. Sehingga 31 Disember 2005, sejumlah 3,689 permohonan pendaftaran produk yang tertunggak.	Masalah permohonan pendaftaran produk yang lewat diproses dan tertunggak dijangka berkurangan dalam tempoh yang akan datang berikutan beberapa langkah seperti berikut yang telah/sedang diambil oleh Kementerian iaitu:- i. Peningkatan keupayaan *smart system* dalam sistem *on-line* permohonan sedia ada ii. Membangunkan modul *pre-screening* bagi menghadkan atau menolak permohonan yang tidak berkaitan iii. Mengadakan seminar dan dialog dengan lebih kerap dengan industri farmaseutikal bagi menangani masalah permohonan yang tidak lengkap iv. Mengkaji semula tempoh memproses permohonan pendaftaran produk yang ditetapkan dalam piagam pelanggan.
3.	Daftar seperti yang dikehendaki oleh Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Kementerian telah menyediakan daftar dalam bentuk *softcopy* berikutan dengan pelaksanaan pendaftaran secara *on-line* dan dalam tindakan mengemaskinikannya. Oleh itu, peraturan yang sedia ada mengenai keperluan mengadakan daftar akan dipinda.
4.	Kelewatan memaklumkan dan menghantar lesen tahunan untuk mengilang, memborong dan kebenaran mengimport dadah berbahaya adalah 5 hingga 33 hari daripada tarikh lesen berkuat kuasa.	Masalah kelewatan memaklumkan dan menghantar lesen tahunan dijangka berkurangan berikutan beberapa langkah yang telah/sedang diambil oleh Kementerian seperti berikut :-

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		i. Peringatan kepada setiap negeri untuk memasukkan ke dalam piagam pelanggan bagi jangka masa pemprosesan permohonan pembaharuan lesen dan juga memberitahu semua pemohon untuk mengemukakan permohonan sebelum 31 Oktober setiap tahun ii.Penghantaran lesen melalui pos atau peringatan kepada pemohon untuk mengutip lesen dimaklumkan melalui telefon.
5.	Sistem Pengurusan Penguatkuasaan Farmasi (SPPF) di Cawangan Pelesenan dan Penguatkuasaan Negeri Kedah, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih tidak digunakan kerana tidak dapat berfungsi.	Usaha sedang dibuat oleh Kementerian bagi menggantikan server yang rosak serta meningkatkan keupayaan server melalui pembekalan perkakasan baru di bawah RMK-9 supaya sistem SPPF dapat berfungsi dan digunakan di seluruh negara bagi mengawal aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan.
6.	Hanya 54.8 % dan 48.1% daripada premis berlesen di Negeri Selangor dan Kedah telah diperiksa pada tahun 2005.	Kementerian menjangkakan bilangan pemeriksaan premis berlesen dapat ditingkatkan apabila pertambahan Pegawai Penguatkuasa Farmasi dibuat berikutan perlaksanaan sistem perkhidmatan wajib untuk graduan farmasi. Selain itu, jumlah pegawai farmasi untuk aktiviti penguatkuasaan di negeri-negeri besar seperti Kedah, Perak, Selangor, Johor dan Pahang akan ditambah.
7.	Di Selangor, ruang stor yang terhad menyebabkan barang rampasan terpaksa disimpan di bilik Pegawai Penguatkuasa Farmasi dan bilik kosong yang tidak berjeriji. Manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, barang rampasan diletakkan di luar stor ekshibit dan di ruang laluan pejabat.	Masalah penempatan barang rampasan yang tidak teratur dijangka berkurangan berikutan beberapa langkah yang telah diambil oleh Kementerian seperti meluluskan pembinaan stor integrasi dan stor ekshibit bernilai RM5.2 juta di Wilayah Persekutuan dan penyewaan ruang pejabat tambahan.
8.	Di Cawangan Pelesenan dan Penguatkuasaan Kota Kinabalu, Sabah, kenderaan yang disediakan untuk operasi tidak mencukupi dan sering mengalami kerosakan.	Kenderaan baru telah pun diagihkan kepada Cawangan Kota Kinabalu.
9.	Daftar aduan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di Negeri Selangor dan Sabah.	Daftar aduan telah diselenggara dengan lengkap dan dikemaskinikan.
10.	Bilangan kes pendakwaan yang tertunggak pada akhir tahun 2005 di semua negeri adalah sebanyak 810 yang meliputi tempoh tahun 2000 hingga 2005	Masalah ini dijangka akan diatasi dengan pertambahan Pegawai Penguatkuasa Farmasi dan juga melalui latihan teknikal yang akan diberi kepada pegawai farmasi yang terlibat dengan aktiviti siasatan dan pendakwaan kes.

36.8.2. Program Latihan Kejururawatan

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Daripada 536 jawatan tenaga pengajar Gred U32 hingga U40 yang diluluskan, 161 jawatan masih kosong.	Bagi mengisi kekosongan jawatan ini, Kementerian akan melantik pengajar yang telah bersara secara kontrak sebagai strategi tindakan jangka masa pendek. Manakala bagi tempoh jangka masa panjang, masalah ini akan dapat diatasi apabila skim pengajar berijazah dilaksanakan pada tahun 2006 yang dijangka menarik minat lebih ramai jururawat berkelayakan menjadi tenaga pengajar.
2.	Pengambilan pelatih telah berkurangan dan tidak seperti sebagaimana yang dirancang bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 kerana calon telah menolak tawaran mengikuti latihan kejururawatan di kolej.	Kementerian sedang mempergiatkan lagi promosi kerjaya untuk menarik minat pelajar lulusan SPM berkhidmat sebagai jururawat. Selain itu, Kementerian akan meningkatkan jumlah pengambilan pelatih melalui program *outsourcing* kepada institusi swasta.
3.	Kapasiti penempatan pelatih di 7 kolej kejururawatan telah melebihi 100% dan terlalu padat/sesak.	Kementerian sedang mengambil tindakan untuk membaik pulih dan menaik taraf bangunan sedia ada. Selain itu, dengan siapnya pembinaan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB) Sungai Buloh dan KSKB Kuching, Sarawak, masalah kapasiti terhad ini akan dapat diatasi.
4.	Keadaan fizikal di beberapa kolej adalah tidak memuaskan seperti asrama yang telah usang, bocor, rosak, kawasan persekitaran kolej yang tidak selamat serta kekerapan berlaku gangguan elektrik di bilik kuliah.	Tindakan seperti membaik pulih bangunan serta menaik taraf bilik kuliah secara berperingkat dan berterusan sedang dijalankan. Manakala melalui pembinaan asrama dan kolej baru di bawah RMK-9, Kementerian menjangkakan masalah seperti keadaan asrama yang telah usang, berkulat dan sebagainya dapat diatasi.
5.	Peralatan pembelajaran klinikal yang telah usang dan tidak mencukupi di kolej menyebabkan proses pembelajaran tidak berjalan lancar.	Kementerian sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini dengan mendapatkan lebih peruntukan bagi tujuan pembelian aset termasuklah peralatan pembelajaran.

36.8.3. Projek Pembangunan Hospital Baru

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Sehingga Disember 2005, sejumlah 730 jawatan bagi Pegawai Perubatan Dan Kesihatan, Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Paramedik dan Kumpulan Sokongan Gunasama di hospital masih kosong dan belum diisi.	Kementerian sedang mengambil tindakan dengan mengutamakan pengisian jawatan di hospital-hospital yang dikategorikan sebagai sangat kritikal iaitu yang menghadapi masalah kekurangan kakitangan yang serius.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
2.	Pemberian kontrak bagi pembinaan 33 hospital baru bernilai RM7.52 bilion telah dibuat secara rundingan terus dan tidak melalui tender sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan atas alasan keperluan segera.	• Pada masa kini, kaedah yang digunakan oleh Kementerian bagi melaksanakan projek-projek kecil dan sederhana serta kerja-kerja menaik taraf adalah secara tender. Manakala bagi melaksanakan projek-projek bersaiz besar dan kompleks yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi, agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan akan memilih terlebih dahulu kontraktor dan kemudian rundingan diadakan antara kedua-dua pihak bagi menetapkan harga kontrak. Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan memaklumkan teguran Audit tentang pemberian kontrak secara rundingan terus kepada Kementerian Kewangan. • Pihak Audit mendapati kaedah perolehan secara rundingan terus masih lagi digunakan bagi beberapa projek pembinaan hospital baru di bawah RMK-9 seperti Institut Kanser Kebangsaan (NCI), Putrajaya, Hospital Rehabilitasi (Cheras), Women & Children's Hospital - HKL, Hospital Shah Alam, Selangor, Hospital Alor Gajah, Melaka, Hospital Kluang, Johor, Klinik Kesihatan Buntong, Perak, Klinik Kesihatan Air Hitam, Pulau Pinang dan Hospital Kangar, Perlis.
3.	Beberapa hospital tidak dibekalkan dengan dokumen kontrak untuk tujuan membuat rujukan tentang spesifikasi kontrak dan sebagainya.	Tindakan sedang diambil untuk menyerahkan dokumen kontrak bagi hospital yang telah diserahkan kepada Kementerian oleh Jabatan Kerja Raya.
4.	Projek Hospital Baru tidak siap mengikut jadual/perancangan iaitu :- • 13 projek disiapkan setelah diberi lanjutan masa • 6 projek masih dalam pembinaan • 11 projek belum dimulakan dan ditangguhkan ke RMK-9	Kementerian memberi perhatian terhadap faktor penyebab seperti masalah teknikal, keupayaan kontraktor, kekurangan pekerja dan bekalan demi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual di masa akan datang.
5.	Terdapat kes kemudahan dan peralatan bernilai RM18 juta tidak digunakan di beberapa hospital yang dilawati.	Kementerian memastikan kemudahan dan peralatan digunakan secara optimum.
6.	Terdapat kes kerja bangunan dan kemudahan yang disediakan tidak sesuai/sempurna di beberapa hospital yang dilawati.	Kementerian sedang mengkaji dan mengemaskinikan spesifikasi kerja/piawaian yang sedia ada bagi memastikan perkara seumpama ini tidak berulang.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
7.	Terdapat kes kerja pembinaan yang tidak berkualiti di beberapa hospital yang dilawati.	Kementerian memastikan pihak kontraktor memperbaiki segala kecacatan dan kerosakan yang berlaku.

36.9. KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

36.9.1. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Pengurusan Kemudahan Perumahan

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Kemudahan asas yang disediakan seperti surau, taman permainan kanak-kanak, tempat meletak kenderaan dan dewan serba guna tidak seragam antara satu penempatan dengan penempatan yang lain.	Di bawah RMK-9, pembinaan kuarters telah diseragamkan dan dilengkapi dengan surau, taman permainan kanak-kanak, tempat meletak kenderaan dan dewan serba guna.
2.	Banyak kuarters terutamanya bagi kuarters yang mempunyai kurang dari 3 bilik tidak selesa diduduki oleh anggota yang mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai. Selain itu, banyak kuarters berada dalam keadaan uzur, mengalami keretakan, kerosakan serta diserang anai-anai.	Di bawah RMK-9, pembinaan kuarters telah diseragamkan kepada 3 bilik dan lebih selesa untuk anggota dan keluarga. Sementara itu, bajet juga disediakan untuk penyenggaraan dan pembaikan kuarters yang uzur dan rosak.
3.	Sasaran Jabatan supaya 90% anggota disediakan kuarters tidak tercapai kerana hanya 4,401 daripada 11,253 (39.1%) anggota sahaja disediakan kuarters.	Jabatan akan mengkaji keperluan kuarters anggota bomba dari semasa ke semasa. Pembinaan kuarters telah ditambah di bawah RMK-9 terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Johor.
4.	Terdapat kuarters yang tidak diduduki akibat anggota bertukar tempat bertugas, kuarters baru siap, rosak dan kurangnya minat anggota menduduki kuarters.	Jabatan akan mengkaji keperluan kuarters anggota dari semasa ke semasa.
5.	Jabatan tidak terlibat dalam proses pengesahan kemajuan kerja bagi kerja penyenggaraan dan pembaikan kuarters dari peruntukan khas yang disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan atau Jabatan Pembangunan Negeri.	Jabatan masih tidak terlibat secara langsung.
6.	Rekod dan fail peribadi penghuni kuarters tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Maklumat menduduki kuarters seperti Borang Permohonan Menduduki, Surat Tawaran, Sijil Akuan Masuk/Sijil Keluar Rumah dan maklumat berkaitan potongan Imbuhan Tetap Perumahan tidak difailkan.	Tindakan penambahbaikan dalam penyelenggaraan rekod dan fail peribadi telah diambil supaya ia kemas kini.
7.	Berlaku kelewatan memberhentikan pemberian Imbuhan Tetap Perumahan kepada anggota yang menduduki kuarters.	Tindakan memberhentikan pemberian Imbuhan Tetap Perumahan kepada anggota terlibat telah dipercepatkan.

36.9.2. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Pengurusan Kenderaan Dan Jentera

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	2 jenis perkakasan iaitu 75 unit *Life Jacket Model Eval Type* 3691-3 dan 10 unit *Men Lilizas Inflatable Liferaft* untuk *Fire Figting Boat* belum dibekalkan.	• Pembekalan bagi 75 unit *Life Jacket Model Eval Type* 3691-3 telah diterima oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia dan telah diagihkan kepada Cawangan Negeri Kedah, Pahang, Perak dan Selangor pada bulan September 2006 dan Negeri Johor pada bulan November 2006. • Bagi pembekalan 10 unit *Men Lilizas Inflatable Liferaft* pula, 4 unit telah diterima oleh Jabatan dan telah diagihkan kepada Cawangan Negeri Pahang (2 unit) dan Negeri Selangor (2 unit). Manakala 6 unit lagi akan dibekalkan oleh pihak syarikat berdasarkan surat akujanji bertarikh 12 September 2006.
2.	Kebanyakan Balai Bomba sama ada kategori A, B dan C tidak mematuhi norma menempatkan bilangan keperluan minimum jentera.	Di bawah RMK-9, Jabatan telah mengeluarkan Surat Setuju Terima Tender pada 18 Oktober 2006 kepada Syarikat CME Edaran Sdn. Bhd. bagi pembekalan sejumlah 200 unit jentera bomba jenis *Light Fire and Rescue Tender (LFRT)* dengan kos RM211.20 juta dan tempoh pembekalan selama 23 minggu. Jabatan juga sedang di dalam proses untuk memperolehi sejumlah 145 unit jentera bomba jenis *Fire and Rescue Tender (FRT)* melalui perolehan secara rundingan terus dengan syarikat AVP Engineering Sdn. Bhd.
3.	Jabatan masih menggunakan 355 jentera dan kenderaan utiliti yang telah berusia lebih 15 tahun.	Disebabkan kekurangan jentera, Jabatan tidak dapat membuat pelupusan kepada jentera-jentera yang berusia lebih dari 15 tahun.
4.	Jawatan Juru Enjin bagi 5 buah *Fire Figting Boat* belum diwujudkan.	Sehingga Disember 2006, Jabatan mempunyai seramai 110 orang kakitangan yang mempunyai lesen jurumudi ataupun Helsmen yang mana adalah layak untuk mengendalikan bot-bot penyelamat *(aluminium, kevlar, dinghy)* dan *Fire Fighting Bot.*
5.	3 daripada 5 buah *Fire Figting Boat* iaitu di Muar, Pelabuhan Klang dan Kuantan tidak boleh digunakan kerana mengalami kerosakan pada masa lawatan Audit.	Pembaikan terhadap 3 buah *Fire Figting Boat* telah dibuat.
6.	Pada masa lawatan Audit, 13 dari 31 unit *jet ski* tidak berada di dalam keadaan siap sedia digunakan kerana mengalami kerosakan.	Penyenggaraan berkala terhadap *jet ski* sedang dilakukan.
7.	Pada masa lawatan Audit, 13 dari 30 unit *Rapid Intervention Motorcycle ti*dak berada di dalam keadaan siap sedia digunakan kerana mengalami kerosakan dan lewat dibaiki akibat	Pembaikan kerosakan *Rapid Intervention Motorcycle* telah dilakukan dan kini berada dalam keadaan siap sedia digunakan. Bahagian Kejuruteraan telah mengenal pasti

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	kekurangan kepakaran dan kesukaran mendapatkan alat ganti.	beberapa pembekal yang berupaya menyediakan keperluan alat ganti yang diperlukan dengan kadar segera.
8.	Alat ganti berharga RM150,000 yang dibeli pada bulan Mac 2003 masih belum dipasang kepada jentera *Morita Turn Table Ladder* (WAT 728).	Pemasangan alat ganti tersebut tidak dapat dilakukan pada tahun 2006 sebagaimana dirancang dan akan dibuat pembaikan pada tahun 2007.
9.	3 buah *Mobile Command Post* berharga RM150,000 setiap satu mengalami kerosakan, tidak dilengkapi perkakasan yang sepatutnya dan tidak ada rekod penggunaannya.	Kerosakan yang berlaku telah dilakukan pembaikan dan siap sedia untuk digunakan.
10.	Jabatan masih belum membuat tindakan pelupusan ke atas kenderaan yang usang serta tayar yang telah mencapai tarikh luput.	Pelupusan telah dilakukan secara berperingkat dan pada tahun 2006, sebanyak 43 buah kenderaan telah dibuat pelupusan.

36.10. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

Jabatan Muzium Dan Antikuiti

Pengurusan Koleksi Artifak Dan Spesimen

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Daripada 537 artifak etnologi yang dipilih untuk pengauditan, hanya 233 yang dapat dikenal pasti pengumpulannya dibuat secara pembelian kerana Kementerian tidak merekodkan cara perolehan bagi 304 koleksi yang lain. Asas perolehan artifak bagi kebanyakan koleksi tersebut juga tidak dapat ditentukan kerana maklumat mengenai latar belakang sejarah, jenis bahan, asal dan usia koleksi tidak dinyatakan.	Jabatan Muzium Malaysia sedang mengemas kini rekod bagi 304 artifak etnologi yang tidak dapat di kenal pasti cara pengumpulannya serta maklumat mengenai latar belakang sejarah, jenis bahan, asal dan usia koleksi tersebut. Kerja mengemas kini maklumat ini mungkin akan mengambil masa panjang kerana ia melibatkan kerja-kerja penyelidikan ke atas artifak yang dimaksudkan. Dijangka kerja-kerja ini akan siap pada penghujung tahun 2007.
2.	Tiada bukti yang menunjukkan pemeriksaan dijalankan terhadap koleksi sekali dalam tempoh 2 tahun seperti mana yang dikehendaki oleh Tatacara Pengurusan Stor.	Jabatan Muzium Malaysia bercadang untuk membuat pemeriksaan terhadap keseluruhan 22,339 koleksi Jabatan mulai bulan Jun 2007. Kerja pemeriksaan ini mungkin akan mengambil masa yang agak panjang dan dijangka siap pada Jun 2008.
3.	Penyimpanan koleksi tidak dibuat dengan teratur dan nombor pendaftaran tidak dilabelkan kepada koleksi. Pemeriksaan Audit terhadap 1,242 koleksi mendapati sebanyak 250 daripadanya tidak dapat dikesan.	Repositori Jabatan yang sedia ada tidak dapat menampung keseluruhan koleksi. Untuk mengatasi masalah ini, Jabatan Muzium Malaysia telah pun menyewa sebuah bangunan industri kecil dan sederhana di Bangi, Selangor. Jabatan juga sedang berusaha untuk menyewa sebuah lagi bangunan untuk dijadikan repositori Jabatan. Jabatan Muzium Malaysia juga sedang melaksanakan Sistem *Radio Frequency Identification* bagi memudahkan koleksi dikesan dan dikenal pasti lokasinya.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
4.	Sungguhpun Sistem Bersepadu Jabatan Muzium telah dibangunkan bagi membantu pendaftaran serta pendokumentasian koleksi, hanya 6% data daripada keseluruhan jumlah koleksi berjaya dikemaskinikan ke dalam sistem tersebut.	Jabatan Muzium Malaysia sedang menyelaraskan maklumat atau data koleksi yang selebihnya secara "out-source" untuk dikemaskinikan ke dalam Sistem Bersepadu Jabatan Muzium.

36.11. KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Tenaga Manusia

Program Latihan Di Pusat Latihan Teknologi Tinggi

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	477 daripada 606 pelatih telah dipilih sungguhpun mereka tidak menepati kelayakan akademik yang ditetapkan iaitu kepujian dalam Matematik/Matematik Tambahan dan Sains/Fizik serta kelulusan dalam Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.	Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian telah melonggarkan syarat kelayakan kemasukan kursus sesi 2006. Pelatih yang memohon hanya dikehendaki lulus dalam Matematik/Matematik Tambahan, Sains/Fizik dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
2.	Pegawai penilai membuat kurang daripada 3 kali lawatan penyeliaan terhadap pelatih semasa tempoh latihan. Selain itu, laporan menyeluruh mengenai lawatan penilaian tidak disediakan serta borang penyeliaan latihan tidak diisi dan ditandatangani.	Tahap kekerapan penyeliaan terhadap pelatih mahupun mutu laporan dan rekodnya dijangka meningkat disebabkan beberapa langkah pembetulan yang telah diambil oleh Kementerian seperti peringatan yang dikeluarkan kepada pegawai penilai latihan mengenai perkara ini.
3.	Masalah keretakan serius di dinding dan lantai bangunan makmal di ADTEC Melaka dan Batu Pahat.	Peruntukan bagi memperbaiki kerosakan ini telah disediakan di bawah RMK-9 dan ini akan memperkukuhkan keselamatan bangunan makmal.
4.	Terdapat 20 peralatan pembelajaran bernilai lebih daripada RM5.85 juta tidak digunakan di ADTEC Melaka, Batu Pahat dan Kulim.	Bagi mengelakkan pembaziran, Kementerian sedang mengaturkan agihan peralatan yang tidak diperlukan itu ke institut latihan lain yang memerlukannya.
5.	Penyenggaraan pencegahan terhadap peralatan pembelajaran di ADTEC tidak dijalankan sehingga menyebabkan kerosakan peralatan kerap berlaku.	Sejumlah RM110 juta telah diperuntukkan di bawah RMK-9 bagi tujuan penyenggaraan pencegahan peralatan di semua institusi latihan teknikal di bawah Kementerian Sumber Manusia.
6.	Pusat sumber ADTEC mengalami kekurangan buku rujukan.	Bagi mengatasi masalah ini, peruntukan telah diluluskan bagi ADTEC menambah buku rujukan.
7.	Kelewatan bayaran elaun saku kepada pelatih.	Masalah ini telah pun diatasi setelah perbincangan diadakan dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan proses penyediaan baucar di ADTEC telah dipercepatkan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
8.	72 jawatan tenaga pengajar Gred J41 hingga J44 dan J29 hingga J38 di ADTEC masih kosong.	Kementerian sedang berusaha untuk mengisi kekosongan dan keutamaan diberi kepada ADTEC yang menghadapi masalah kekurangan kakitangan yang serius.
9.	53 tenaga pengajar baru iaitu di Gred J29 dan J41 di ADTEC masih belum mengikuti kursus teknik mengajar dan pembelajaran (pedagogi).	Kementerian sedang berusaha untuk menghantar mereka ke Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjut. Sekiranya tempat pengajaran terhad, pertimbangan akan diberi untuk menghantar mereka ke institusi latihan swasta yang menawarkan kursus yang sama.

36.12. KEMENTERIAN PENERANGAN

Aktiviti Siaran Iklan Televisyen

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Syarat perjanjian tidak memihak kepada Kerajaan. Bayaran komisen kepada agensi pemasaran dalam tempoh 2 minggu selepas terima inbois tetapi bayaran iklan boleh dibayar oleh agensi pengiklanan dalam tempoh 30 hari selepas invois dikeluarkan.	Kementerian masih menggunakan khidmat agensi pemasaran Marketing Solution Sdn. Bhd. (Marsol) sehingga bulan Jun 2007. Dimaklumkan perjanjian baru yang lebih adil akan disediakan apabila pelantikan agensi pemasaran yang baru.
2.	Nilai tempahan bulanan masa siaran iklan melebihi jaminan bank.	Kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi mengelak keadaan tersebut berulang seperti berikut :- i) Agensi Kerajaan yang tidak dapat membuat bayaran semasa membuat tempahan perlu menyediakan Pesanan Tempahan supaya nilai tempahan direkodkan dalam Buku Vot. ii) Agensi pemasaran (Marsol) tidak lagi dibenarkan menjadi penjamin bagi pihak agensi pengiklanan. iii) Agensi pengiklanan hanya dibenarkan membuat dua kali tempahan yang nilainya tidak melebihi jaminan bank.
3.	Kadar bayaran iklan yang digunakan masih mengikut kadar lama walaupun kadar baru telah diwartakan pada tahun 1998.	Kementerian Penerangan Malaysia telah menggunakan Kadar Harga Siaran Televisyen dan Radio mengikut Akta Telekomunikasi 1950 Peraturan-peraturan Komunikasi Pengiklanan (pindaan) 1998. Peraturan penggunaan kadar tersebut berkuat kuasa mulai 1 Mac 2007.
4.	Tawaran iklan secara pakej istimewa, tajaan dan pemberian diskaun dibuat tanpa kelulusan daripada Menteri. Garis panduan yang berkaitan juga tidak disediakan bagi mengelak penyelewengan.	Peruntukan mengenai keperluan mendapatkan kelulusan daripada Menteri akan diambil kira alam perjanjian berkenaan apabila membuat pelantikan agensi pemasaran yang baru.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
5.	Kehadiran Ketua Unit Transkripsi untuk pra-tonton digital beta bersama dengan Juruteknik Kanan adalah penting bagi menjamin kualiti output sesuatu iklan.	Kementerian telah melantik seorang pegawai kumpulan sokongan bagi menjalankan tugas tersebut.
6.	Unit Pengawasan tidak berperanan dalam menjalankan pengawasan dan pemantauan terhadap iklan yang disiarkan.	Pegawai khusus telah dilantik dan disediakan dengan sebuah peti televisyen dan peralatan lain bagi menjalankan tugas tersebut. Bagaimanapun, pemantauan semasa iklan disiarkan seperti yang dijadualkan dengan membuat rakaman siaran rancangan TV dari mula hingga akhir siaran belum lagi dilaksanakan. Pada masa ini, pemantauan hanya dilakukan terhadap iklan yang telah disiarkan berdasarkan dokumen penjadualan dan disemak dengan dokumen permohonan dan maklumat kontrak yang berkaitan.

36.13. KEMENTERIAN PERTAHANAN

36.13.1. Pengurusan Kenderaan Perisai Tempur Tentera Darat

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Semakan Audit mendapati penghantaran 13 daripada 211 unit kenderaan *Adnan ACV 300* lewat dilakukan. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh kerosakan *control box* di dalam *laser warning system.* Pada asalnya jumlah denda yang dikenakan oleh Kementerian terhadap 13 unit kenderaan tersebut ialah USD888,932.50 (anggaran RM3,377,943). Pada bulan Mei 2005, Kementerian memohon kelulusan Kementerian Kewangan untuk mengenakan denda terhadap kelewatan ini dan pengiraan denda adalah hanya berasaskan nilai 13 unit *control box* yang berjumlah USD11,640 (anggaran RM44,232). Sehingga ke tarikh pengauditan, jumlah tuntutan denda tersebut masih belum dijelaskan kerana menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan.	Denda berjumlah USD11,640 telah dijelaskan oleh pembekal pada 3 Julai 2006.
2.	Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan penghantaran alat ganti kenderaan jenis *Radpanzer Condor* dan *Sibmas* bagi Stor Ordnans Depot di Pasukan 4 Armor Di Raja dan 91 Woksyop Pusat. Kelewatan adalah antara 5 hingga 152 hari. Jumlah denda yang perlu dikenakan terhadap pembekal ialah RM24,004. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada denda tersebut telah dikenakan oleh pihak Kementerian kerana maklumat mengenainya tidak diperolehi.	Denda masih belum dikutip kerana menunggu tindakan Markas Pemerintahan Logistik menyediakan *performance report* bagi menentukan denda yang akan dibuat melalui potongan jaminan bank.
3.	Diperhatikan sebilangan besar kenderaan tempur yang berada di tahap Tidak Ekonomi Dibaiki telah mengalami kerosakan dan kecacatan. Antara bahagian kenderaan yang	Kementerian dalam proses mewujudkan kontrak pembekalan alat ganti bagi kenderaan tempur.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	mengalami kerosakan ialah *speedometer, gear box* dan w*ater pump; track pad dan clutch plate* yang telah haus; *pipe line b*rake patah dan tangki minyak bocor.	
4.	Berdasarkan kepada Penyata Kenderaan Tempur mengikut Sub Sistem yang dikeluarkan oleh pasukan berkenaan pada tahun 2005, kadar peratus kenderaan pada tahap boleh tempur adalah rendah iaitu antara 19.4% hingga 79.4%.	Hayat kenderaan berkenaan telah dipanjangkan selama 10 tahun selepas selesai dibaiki melalui kanibalisasi dan penggantian subsistem. Kontrak pembekalan alat ganti dalam proses diwujudkan.
5.	Lawatan Audit ke 6 pasukan dari bulan Mei hingga Disember 2005 mendapati Jemaah Pemeriksa Pakar Jurutera Letrik Dan Jentera telah menjalankan pemeriksaan terhadap kenderaan di 4 pasukan antara bulan Oktober 2000 hingga Julai 2005. Bagaimanapun, pemeriksaan tersebut tidak mengikut jadual yang ditetapkan kerana kekurangan anggota. Bagi 2 pasukan yang lain iaitu Pasukan 3 Armor Di Raja, Sungai Petani dan 10 Skuadron Para, Kem Sungai Buloh, maklumat mengenai pemeriksaan kenderaan tempur tidak diperolehi.	Markas Tentera Darat akan menentukan pemeriksaan ini dilaksanakan mengikut jadual.
6.	Kerja pembaikan yang melibatkan penggunaan alat ganti stor pasukan perlu disiapkan dalam jangka masa antara 12 hingga 30 hari daripada tarikh ia diserahkan untuk pembaikan. Semakan Audit di woksyop pasukan yang dilawati mendapati kerja pembaikan yang dijalankan oleh woksyop pasukan mengambil masa antara 94 hingga 932 hari. Kelewatan ini disebabkan oleh kesukaran mendapat alat ganti dan kekurangan anggota di woksyop pasukan bagi membuat kerja penyenggaraan.	Kumpulan Jurutera Letrik dan Jentera. Markas Pemerintahan Logistik telah memeriksa secara berjadual terhadap kerja pembaikan yang dijalankan oleh pasukan.
7.	Berlaku kekurangan alat ganti yang ketara bagi kenderaan tempur. Ini melibatkan alat ganti enjin kenderaan dan senjata. Sebagai contoh alat ganti berkaitan enjin adalah seperti *brake solenoid valve, switch pressure, pump assy fuel, hose compressor air, water pump, clutch disc, pump electrical, alternater belt.* Manakala alat ganti senjata adalah seperti r*ack assembly, pivot firing pin, ring unlocking pin.* Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pasukan tidak ada perancangan yang khusus terhadap keperluan alat ganti kenderaan di bawah kawalannya.	Kementerian di dalam proses mewujudkan kontrak pembekalan alat ganti bagi tujuan pembaikan kenderaan tempur yang mengalami kerosakan.
8.	Bilangan kenderaan tempur yang berada pada tahap kesiapsiagaan adalah rendah. Sebagai contoh, kenderaan jenis *Sibmas* AFSV 90mm yang sepatutnya berada pada tahap kesiapsiagaan adalah berjumlah 20 unit tetapi semasa pengauditan, didapati tidak ada kenderaan yang berada pada tahap tersebut. Ini disebabkan semua kenderaan dari jenis tersebut telah dihantar ke 91 Depot Pusat Ordnans bagi tujuan kanabalisasi.	Kenderaan berkenaan sedang dibaiki melalui proses kanabalisasi yang dilaksanakan oleh 91 Woksyop Pusat. Kontrak pembekalan alat ganti juga dalam proses diwujudkan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
9.	Kemudahan lapang sasar untuk latihan disediakan untuk mengadakan sesi latihan menembak bagi semua anggota tentera yang mengendalikan kenderaan tempur atau peralatan senjata yang berkaitan. Pihak Audit dimaklumkan Pasukan 4 Armor Di Raja, Kuching, Sarawak tidak dapat menjalankan latihan menembak menggunakan kenderaan tempur jenis *Sibmas* dan *Radpanzer Condor* kerana lapang sasar berkenaan hanya boleh digunakan bagi tembakan sejauh 600 meter sedangkan kenderaan ini memerlukan lapang sasar yang membolehkannya membuat tembakan antara 2,500 meter hingga 8,000 meter. Pihak Audit juga mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 dan tahun 2005, sungguhpun pasukan tersebut merancang mengadakan latihan menembak di lapang sasar Kota Belud, Sabah tetapi ia terpaksa dibatalkan disebabkan masalah kewangan. Bagaimanapun, pada tahun 2004, pasukan ini telah menghantar anggota Juru Meriamnya menjalani latihan di lapang sasar Asahan, Melaka.	Setiap kali, seramai 20 orang anggota dari Pasukan 4 Armor Di Raja, Kuching, Sarawak telah dihantar ke Unit Armor di Semenanjung Malaysia untuk mengadakan latihan menembak.
10.	Lawatan Audit ke Pasukan 2 Armor Di Raja, Port Dickson, Negeri Sembilan pada bulan September 2005 mendapati penempatan pam minyak yang berhampiran pejabat Kuartermaster Teknikal tidak dilengkapi bumbung. Pasukan telah memohon peruntukan daripada Cawangan Logistik, Markas Tentera Darat bagi tujuan membina bumbung, namun sehingga kini belum mendapat kelulusan. Kelewatan membina bumbung ini boleh menyebabkan pam minyak terdedah kepada persekitaran cahaya panas dan hujan yang berpanjangan.	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tentera Darat pada bulan April 2006 telah menaja kos RM50 ribu bagi pembinaan bumbung pam minyak.
11.	Lawatan Audit ke Pasukan 7 Renjer Di Raja, Mentakab, Pahang pada bulan November 2005 mendapati satu rumah keluarga telah digunakan untuk menempatkan alat ganti kenderaan tempur. Keadaan ini disebabkan pasukan tidak mempunyai bangunan yang sesuai dan ruang stor yang mencukupi untuk menempatkan alat ganti. Sekiranya perkara ini dibiarkan berpanjangan, ia boleh terdedah kepada kemungkinan alat ganti berkenaan dicuri atau rosak.	Peruntukan RM1 juta telah disediakan untuk membina garaj, pejabat dan stor penyimpanan alat ganti di 7 Renjer pada tahun 2006. Bangunan tersebut masih dalam pembinaan.
12.	Lawatan Audit ke Pasukan 12 Rejimen Askar Melayu Di Raja, Kuantan, Pahang pada bulan Julai 2005 mendapati tempat penyimpanan kenderaan tempur tidak mencukupi dan terdapat kenderaan yang ditempatkan di luar garaj seperti di bawah pokok yang terdedah kepada cahaya panas dan hujan.	Projek pembinaan Woksyop 12 Rejimen Askar Melayu Di Raja telah siap dibina.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
13.	Pemeriksaan Audit di Pasukan 2 Armor Di Raja, Port Dickson pada bulan September 2005 mendapati pagar keselamatan yang mengelilingi kem telah berlubang, usang dan reput. Selain itu, kedudukan kenderaan tempur ini boleh dilihat dari luar kawasan oleh orang awam dan mudah untuk dicerobohi. Pada bulan Ogos 2005, pasukan telah memohon peruntukan berjumlah RM550,000 daripada Markas Tentera Darat bagi mengatasi masalah ini. Sehingga kini permohonan tersebut masih belum mendapat kelulusan.	Kementerian telah memperuntukkan RM400 ribu bagi kerja mengganti dan membaiki pagar keselamatan di Pasukan 2 Armor Di Raja.
14.	Lawatan fizikal ke stor Pasukan 4 Armor Di Raja, Kuching, Sarawak pada bulan Disember 2005 mendapati sejumlah 11 d*ampler assy* dan 13 s*eal* iaitu 2 jenis alat ganti bagi kenderaan *Radpanzer Condor* bernilai RM18,139 tidak dapat dikemukakan untuk pemeriksaan Audit. Pemeriksaan Audit seterusnya terhadap kenderaan *Radpanzer Cond*or dan *Sibmas* di stor pasukan yang sama mendapati 73 kuantiti alat ganti bernilai RM26,900 yang tercatat pada kad akaun tidak sama dengan pengiraan fizikalnya iaitu sebanyak 60.	Pasukan 4 Armor Di Raja telah mengenal pasti lokasi alat ganti yang terlibat dan mengemaskinikan rekod berkaitan. Kuantiti yang tersilap dicatat juga telah diperbetulkan.
15.	Cawangan Pengurusan Teknikal dan Kor Jurutera Lektrik Dan Jentera telah mendapat peruntukan kewangan berjumlah RM15.08 juta bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 untuk tujuan penyenggaraan kenderaan tempur. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM5.22 juta telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati perbelanjaan bagi tahun 2004 dan 2005 hanya 67.8% dan 8.7% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Antara lainnya, ia adalah disebabkan oleh kelewatan membekalkan alat ganti.	Kementerian telah mewujudkan kontrak pembekalan alat ganti.

36.13.2. Pengurusan Pusat Latihan Tentera Udara Di Raja Malaysia

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Hanya sejumlah 295 daripada 563 jawatan jurulatih yang diluluskan untuk semua pusat latihan telah diisi. Kekosongan jawatan jurulatih yang ketara berlaku di Institut Latihan Tentera Udara Ipoh, Institut Teknologi Aerospace Alor Setar serta Institut Teknologi Senjata dan Bahan Letupan Butterworth.	• Jumlah jurulatih di Institut Latihan Tentera Udara Ipoh telah meningkat dari 41.1 % kepada 72.6 %. • Jumlah jurulatih di Institut Teknologi Aerospace masih kekal 33.6% kerana kursus utama iaitu latihan juruteknik telah diswastakan. Selain itu, jawatan di Institut Teknologi Aerospace telah ditempatkan di pusat latihan lain seperti Pusat Latihan Pentadbiran dan Pengurusan, Pusat Latihan Pengurusan Logistik, Sekolah Ikhtisas Tentera Udara dan Institut Teknologi Senjata dan Bahan Letupan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
2.	Beberapa pusat latihan masih menggunakan bangunan lama, mengalami kekurangan bilik kuliah, dewan makan, rumah masak, perpustakaan dan asrama.	Kos projek pembinaan rumah masak di Institut Latihan Tentera Udara Ipoh dianggarkan berjumlah RM3 juta telah diluluskan di bawah RMK-9. Projek pembinaan Markas Pengkalan, Asrama Bujang dan Stor Peluru di Institut Latihan Tentera Udara, Ipoh telah dicadangkan melalui kaedah *land swap* dengan tanah TUDM di Bertam dan keputusan masih di peringkat Kementerian Pertahanan. Selain itu, projek pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara Alor Setar telah diluluskan di bawah RMK-9 dan kos projek dibiayai dari peruntukan *private financing initiative* berjumlah RM80 juta.
3.	Beberapa pusat latihan menghadapi masalah kekurangan peralatan pembelajaran, kekurangan kemudahan khusus seperti tempat latihan amali, peralatan komunikasi yang rosak kerana melebihi 10 tahun.	Bahagian Kejuruteraan bersama Markas Pendidikan Udara akan mengkaji butir-butir lanjut tentang keperluan tempat latihan amali dan ianya bergantung kepada peruntukan kewangan. Keperluan penggantian alat komunikasi TUDM sedang diteliti dan diselaraskan oleh Jabatanarah Teknologi Maklumat TUDM – K3 sebelum dimajukan untuk proses perolehan. Kekurangan peralatan pembelajaran telah diatasi dengan perolehan baru.
4.	Kementerian terpaksa membuat bayaran tetap bulanan berjumlah RM156,390 bagi penyenggaraan Simulator *Pilatus PC-7* di Pusat Latihan Terbang 1, Alor Setar walaupun jam penggunaan tidak mencapai jam yang ditetapkan.	TUDM akan mengkaji semula jam latihan simulator yang diperlukan dan akan mencadangkan keperluan baru semasa rundingan penyambungan kontrak akan datang atau semasa pengujudan kontrak baru.

36.14. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

36.14.1. Aktiviti Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Filem

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Hasil daripada 9,227 operasi yang dijalankan, sebanyak 947,961 unit barang rampasan telah dibuat.	Sepanjang tahun 2006, sebanyak 5,251 operasi telah dijalankan dengan sebanyak 129,894 unit barang rampasan telah dibuat. Penurunan bilangan operasi dan barangan rampasan disebabkan oleh :- • Premis jualan VCD/DVD haram berkurangan dengan adanya banyak penjelasan dan penerangan oleh Bahagian Kawalan Filem kepada orang awam dalam meningkatkan tahap kesedaran mengenai kesan dari salah perlakuan ini. Penguatkuasaan terhadap arahan baru oleh pihak polis yang lebih tegas juga mengurangkan aktiviti penjualan VCD/DVD

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		haram secara terbuka • Tumpuan kepada tangkapan di pintu-pintu masuk ke Malaysia berkurangan setelah mendapat kerjasama pihak Malaysia Airport Berhad (MAB), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Bagaimanapun, pegawai penguatkuasa Bahagian Kawalan Filem masih bertugas di tempat tersebut bagi pemeriksaan bungkusan-bungkusan masuk di Bahagian Kargo, Lapangan Terbang. • Banyak kes dibicarakan. Oleh itu, masa untuk melakukan operasi terpaksa dikurangkan kerana pegawai penguatkuasa terlibat dengan kes pendakwaan.
2.	Garis panduan dan prosedur penguatkuasaan tidak dipatuhi sepenuhnya di mana aduan tidak dikumpul untuk disiasat. Manual Penguatkuasaan 2002 atau Piagam Pelanggannya perlu menetapkan tempoh masa bagi memproses setiap aduan diterima, disiasat dan dilaporkan bagi memastikan tindakan susulan telah dilakukan dengan segera.	Bahagian Kawalan Filem akan memastikan pematuhan terhadap kehendak Manual Penguatkuasaan 2006 dan *Standing Order Procedures (SOP)* yang telah pun berkuat kuasa sepenuhnya mulai tahun 2007. Manual dan *SOP* tersebut telah menetapkan supaya semua aduan yang diterima perlu direkodkan dan aduan disiasat dalam tempoh yang telah ditetapkan.
3.	Garis panduan dan prosedur penguatkuasaan tidak dipatuhi sepenuhnya di mana terdapat mereka yang melakukan kesalahan tidak ditangkap dan mereka hanya dikenakan tuduhan dengan mendaftarkan kes tersebut di mahkamah.	Ibu Pejabat Unit Penguatkuasa, Bahagian Kawalan Filem akan memastikan semua Unit Penguatkuasa di bawahnya mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Akta Penapisan Filem 2002 supaya setiap kes dibuat kes tangkap dan bukannya kes saman. Arahan penguatkuasaannya telah dikeluarkan pada 13 Julai 2006. Namun begitu, di dalam keadaan tertentu, kes-kes saman mungkin tidak dapat dielakkan disebabkan oleh perkara-perkara berikut :- • Pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR) hanya terdapat di Ibu Negeri sahaja dan proses untuk mendapat izin tentu sekali memakan masa terutamanya di kawasan-kawasan operasi berjauhan dengan Ibu Negeri berkenaan. • Kesukaran mendapatkan jaminan polis dan penggunaan lokap polis. • TPR negeri-negeri berkenaan tidak membantah kes saman dan berpendapat ia tidak salah di sisi undang-undang.
4.	Barang rampasan tidak direkod dengan sempurna dan diletakkan di stor yang kecil serta tidak ada sistem diwujudkan untuk memudahkan pergerakan dan pengeluaran barang. Seorang pegawai khusus bagi	• Barang-barang kes baru yang perlu diambil tindakan dalam tempoh 24 jam akan direkod dalam Buku Daftar Rekod Keluar Masuk Barang Rampasan dan dimasukkan ke dalam stor setelah selesai proses

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	menguruskan stor barang rampasan juga tidak diadakan.	mahkamah. Buku Daftar Rekod Keluar Masuk Barang Rampasan hanya direkodkan apabila barang tersebut perlu disimpan di dalam stor. Ibu Pejabat Unit Penguatkuasa, Bahagian Kawalan Filem akan terus memastikan dan memantau supaya semua keluar masuk barang rampasan direkodkan di dalam Buku Daftar Rekod Keluar Masuk Barang Rampasan dan memastikan Borang Serahan Rampasan (Borang 8) disahkan oleh pegawai yang terlibat. • Bangunan Wisma Sri Rampai di Taman Sri Rampai, Setapak, Kuala Lumpur telah dikenal pasti sesuai untuk dijadikan Pejabat Cawangan Unit Penguatkuasa Wilayah Persekutuan/Selangor. Ruang tersebut dijangka mencukupi untuk dijadikan stor bagi menempatkan barang kes rampasan. Dengan adanya ruang baru ini, tindakan yang sistematik dapat diambil bagi mengatasi kesesakan stor; barang-barang kes rampasan boleh disusun dengan teratur serta pergerakan dan pengeluaran barang boleh dibuat dengan lebih sistematik. Bagaimanapun, Bahagian Kawalan Filem, KHEDN masih dalam proses mengambil tindakan untuk mendapatkan kelulusan agensi-agensi yang berkenaan dalam usaha mendapatkan bangunan baru untuk dijadikan ruang pejabat. • Tempoh pelupusan terhadap barang kes rampasan telah dimasukkan ke dalam Manual Penguatkuasaan 2006 bagi mengelakkan kesesakan stor barang rampasan iaitu tidak melebihi 2 bulan dari keputusan mahkamah majistret atau setelah selesai keputusan rayuan mahkamah tinggi. • Jawatan Penyelenggara Stor untuk menguruskan stor barang rampasan di Unit Penguatkuasa telah dipohon melalui kertas cadangan penyusunan semula Bahagian Kawalan Filem kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 31 Mac 2006. Namun, sehingga kini pertambahan jawatan di Unit Penguatkuasa ini masih belum diputuskan.
5.	Bahagian Kawalan Filem hendaklah mempertingkatkan pemantauannya terhadap aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan pihak yang terlibat mematuhi garis panduan dan prosedur yang ditetapkan.	Semua cawangan telah mengadakan mesyuarat pada setiap bulan. Pemantauan mengenai aktiviti Unit Penguatkuasa dibuat melalui :- • Laporan mingguan - mana-mana cawangan yang tidak memenuhi tahap minima (6 kali seminggu) yang

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		ditetapkan akan diberi surat tunjuk sebab. • Mesyuarat bulanan - dipantau melalui minit mesyuarat. • Jawatankuasa Pemantauan Penguatkuasaan akan mengadakan naziran di setiap cawangan pada setiap 2 bulan sekali. • Operasi *flying squad* diadakan setiap bulan di setiap cawangan yang terpilih.

36.14.2. Jabatan Pendaftaran Negara
Aktiviti Pengeluaran MyKad

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Mengikut kontrak, kesemua komponen dalam Sistem Bersepadu JPN (iJPN) hendaklah beroperasi sepenuhnya pada bulan Mei 2006. Bagaimanapun, hanya 3 daripada 11 komponen sistem tersebut telah disiapkan.	Lapan daripada 11 komponen sistem iJPN telah siap sepenuhnya. Manakala kedudukan 3 komponen yang lain adalah seperti berikut :- • ***E-Debit*** dan ***EMV Payment*** – 90% siap. • **JPJ *Service Centre*** – Hanya 2 daripada 68 cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan telah beroperasi. • ***E-Services*** – *Back-end* 100% siap manakala *front-end* masih di dalam pembangunan *Service Provider.*
2.	Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sebanyak 29,345 permohonan MyKad tidak dapat diproses mengikut tempoh yang ditetapkan kerana maklumat tidak tepat, data pemohon diragui dan masalah perbandingan cap jari.	i. Sebanyak 2,767 daripada 29,345 permohonan MyKad tertangguh bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 masih belum diselesaikan. Beberapa langkah seperti berikut telah/sedang diambil oleh Jabatan untuk mengurangkan permohonan MyKad tertangguh iaitu :- • Memberi latihan mengendalikan permohonan dan cara mengambil gambar yang betul. • Mengadakan kursus cara pengambilan cap jari. • Mengadakan *Roll-Out* sistem iJPN kepada kakitangan kaunter kad pengenalan. ii. Jabatan juga telah mengambil inisiatif untuk memendekkan tempoh proses MyKad. Mulai bulan September 2006, tempoh masa yang ditetapkan bagi memproses permohonan MyKad yang tidak mempunyai masalah data atau imej cap jari serta ia lengkap adalah :- • 24 jam bagi permohonan yang pejabat kutipan di Ibu Pejabat (tidak termasuk

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		permohonan yang dibuat pada hujung minggu). • 10 hari bekerja bagi permohonan di mana-mana JPN seluruh Malaysia yang pejabat kutipan adalah di cawangan JPN Semenanjung Malaysia. • 30 hari bekerja bagi permohonan di mana-mana JPN seluruh Malaysia yang pejabat kutipan di cawangan JPN Sabah atau Sarawak. iii. Bagi permohonan yang bermasalah, tempoh kad siap adalah 6 bulan.
3.	Bahan mentah dan peralatan yang diperlukan untuk pengeluaran kad lewat dibekalkan oleh kontraktor.	Jadual penghantaran kad mentah mengikut kontrak merupakan perancangan asal berdasarkan anggaran. Bahagian Kad Pengenalan akan sentiasa memastikan stok kad mentah adalah mencukupi. Bagi alat pembaca kad mudah alih (MCAD) yang telah lewat dihantar oleh pembekal, tindakan mengenakan denda belum lagi diambil oleh Jabatan.
4.	Sebanyak 252,964 daripada 15.49 juta keping MyKad yang diproses dengan kos RM8.03 juta telah rosak kerana kesilapan data, imej kurang jelas, kerosakan pada cip dan kecacatan pada permukaan kad semasa pencetakan. Sebanyak 52,850 keping MyKad dengan kos RM1.68 juta telah dikembalikan oleh orang ramai kerana masalah yang sama.	i. Bagi kerosakan pada cip dan kecacatan pada kad, Jabatan telah/sedang mengambil tindakan seperti berikut :- a. Menghantar sampel untuk menguji ketahanan fizikal kad di SIRIM dan ketahanan cip di MIMOS Bhd, sebanyak 3 kali setahun. b. Mengkaji untuk menggunakan kad dengan struktur baru yang lebih terjamin ketahanan serta mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi. ii. Penggantian kad yang rosak oleh pembekal mengikut syarat berikut :- a. Kad rosak dalam proses (sekiranya jumlah kerosakan adalah 2.0% dan lebih daripada jumlah yang dibekalkan) b. Kad rosak yang dipulangkan oleh orang ramai untuk tempoh hayat kurang 1 tahun dari tarikh kad diterima oleh JPN. iii. Jumlah MyKad rosak bagi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2006 adalah sebanyak 30,433. Manakala MyKad yang dikembalikan oleh orang ramai kerana masalah yang sama termasuk gantian dan kad tidak dituntut adalah sebanyak 75,172 (sehingga bulan Disember 2006). Tindakan pelupusan MyKad yang rosak sedang diambil oleh Jabatan. Anggaran kos yang terlibat bagi 105,605 keping kad ini adalah RM3.35 juta.

36.15. KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

Polis DiRaja Malaysia
Aktiviti Unit Udara

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>ISU BERBANGKIT</th><th>KEDUDUKAN MASA KINI</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Penggunaan 14 kapal terbang bagi bulan Januari 2004 hingga Mac 2005 adalah antara 32.2% hingga 59.9% sahaja manakala bagi 10 helikopter adalah antara 44.7% hingga 74.6%. Antara faktor penggunaan pesawat jauh berkurangan daripada tahap yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

- 8 pesawat tidak mempunyai Perakuan Keselamatan Terbang manakala 13 pesawat pula dihantar untuk pembaikan melebihi 100 hari

- Lesen mengikut pengkelasan bagi 61 juruterbang telah tamat tempoh sah lakunya atau lewat diperbaharui.</td><td>Unit Udara Polis mengambil beberapa pendekatan untuk meningkatkan prestasi penggunaan pesawat-pesawat. Antara pendekatan yang dikenal pasti ialah seperti berikut :-

i. Mengemas kini Perakuan Keselamatan Terbang bagi pesawat-pesawat kecuali pesawat-pesawat dalam proses pembaikan/lupus supaya pesawat-pesawat sentiasa berada dalam keadaan siap sedia untuk digunakan.

ii. Merancang pembaharuan untuk memperoleh lesen mengikut pengkelasan untuk juruterbang seperti berikut bagi mengelak daripada masalah juruterbang gagal atau lewat memperbaharui lesen :-

• Memaklumkan kepada pihak Inspektorat 2 bulan sebelum tamat tempoh lesen Juruterbang
• Menambah bilangan kapten kapal terbang yang memiliki lesen untuk 2 jenis pengkelasan kepada 11 orang iaitu bagi pesawat Cessna Caravan 208 dan Pilatus Porter – PC 6 B2H4.
• Menambah bilangan kapten kapal terbang yang dikategorikan sebagai jurulatih dan memiliki lesen untuk 3 jenis pengkelasan kepada 9 orang iaitu bagi pesawat Cessna Caravan 208, Pilatus Porter – PC 6 B2H4 dan Cessa U 206 G.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Penyenggaraan dan pembaikan pesawat lewat dilaksanakan kerana kekurangan jurutera dan kesukaran mendapat komponen dan alat ganti.</td><td>• Pada bulan Februari 2007, tiada kes melibatkan alat ganti yang lewat dibekalkan oleh syarikat pembekal atau komponen yang belum dikembalikan dari syarikat yang membuat pembaikan.

• Bilangan jurutera di Unit Udara Polis seperti pada bulan Februari 2007 ialah seperti berikut :-

<table>
<tr><th>JURUTERA</th><th>BILANGAN</th></tr>
<tr><td>Mekanikal</td><td>6</td></tr>
<tr><td>Avionik</td><td>3</td></tr>
<tr><td>JUMLAH</td><td>9</td></tr>
</table>

• Kekurangan jurutera ini akan dipenuhi dengan 2 orang jurutera baru yang telah menamatkan kursus pada awal tahun 2007. Sungguhpun begitu, didapati Unit Udara Polis masih kekurangan jurutera</td></tr>
</table>

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
		berbanding dengan bilangan yang diluluskan iaitu seramai 28 orang. • Permohonan bayaran insentif bagi jurutera bertujuan menambah minat bekerja serta mengurangkan bilangan jurutera yang berhenti/bersara awal didapati masih dalam tindakan Perbendaharaan Malaysia.
3.	Kementerian telah membeli 2 buah helikopter bernilai RM117.75 juta daripada Syarikat Airod Sdn. Bhd. Bagaimanapun, kedua-dua pesawat berkenaan tidak dapat didaftarkan sebagai *civil aircraft* dengan Jabatan Penerbangan Awam kerana ciri pembuatannya tidak memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Akibatnya, kedua-dua pesawat tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia pada bulan September 2005.	Kedua-dua helikopter ini sedang digunakan oleh Unit Udara Bomba Dan Penyelamat untuk tujuan operasi dan latihan.
4.	Kementerian masih belum menerima 4 pesawat bernilai RM6 juta sungguhpun RM5.40 juta telah dibayar. Kelewatan boleh menjejaskan program latihan juruterbang.	Keempat-empat pesawat *Cessna* MH172 dijangka diterima pada bulan April 2007.

37. PELAKSANAAN AKTIVITI SYARIKAT KERAJAAN

37.1. Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Perpustakaan PNMB tidak dilengkapkan dengan buku dan risalah yang boleh dijadikan rujukan oleh kakitangan serta tidak diurus.	Perpustakaan PNMB telah pun dilengkapi dengan buku-buku serta dokumen rujukan.
2.	Sungguhpun PNMB telah menetapkan sasaran pendapatan bagi operasinya pada tahun 2002 hingga 2004, namun rancangan pemasaran, kaedah pengurusan kawalan kualiti bagi kepuasan hati pelanggan serta strategi untuk mencapai sasaran pendapatan tersebut tidak ditentukan.	PNMB telah mengambil langkah melantik jururunding (Mesiniaga) untuk membantu PNMB menentukan strategi perniagaan untuk tempoh 5 tahun (2006 – 2010). *Departmental Annual Plan* dan *Key Performance Indicators* (KPI) telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, *Strategic Plan* masih di peringkat penyediaan memandangkan terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi untuk mendapatkan persetujuan daripada Lembaga Pengarah.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
3.	PNMB tidak menyediakan *Standard Operating Procedures* bagi semua aktivitinya.	PNMB telah menyemak semula *Standard Operating Procedures* (SOP) yang digunapakai untuk penambahbaikan dan penyediaan SOP untuk bahagian *Management Information System*, *Automated Ticketing And Boarding Pass*, *Smartcard* dan *Print And Document Solutions* berada di peringkat akhir untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
4.	PNMB tidak menetapkan norma masa untuk menyelesaikan sesuatu operasinya.	PNMB menggunakan sistem *MasterPrint* bagi membantu mengendalikan dokumentasi aktiviti-aktiviti percetakan dan yang berkaitan dengannya. Ini termasuk cadangan norma masa. *MasterPrint* berupaya memaparkan anggaran bagi sesuatu proses kerja. Norma masa ini bergantung kepada kelajuan mesin atau operasi yang ditetapkan.
5.	Beberapa mesin percetakan yang tidak lagi ekonomi dibaiki belum lagi dilupuskan di Cawangan PNMB Kuching.	Tindakan pelupusan untuk mesin yang tidak mempunyai nilai ekonomi telah dilakukan. Bagi mesin yang masih boleh digunakan, beberapa alat ganti telah dipasang untuk tujuan penggunaan semula.
6.	• Tiada bahagian khusus yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras aktiviti pemasaran secara menyeluruh. • Penetapan sasaran pemasaran tidak dibuat berdasarkan asas tertentu seperti jumlah kakitangan yang terlibat dengan pemasaran, liputan kawasan pemasaran serta jumlah sumber dan peralatan yang ada.	• Kesemua aktiviti pemasaran PNMB adalah di bawah penyelarasan Pengurus Kanan Operasi. • Sasaran pemasaran adalah berasaskan 10% pertambahan ke atas sasaran tahun sebelumnya. Dalam menetapkan sasaran ini, PNMB juga mengambil kira pasaran semasa dan jumlah personel pemasaran yang ada.
7.	Daftar Aset tidak lengkap.	Bahagian Akaun telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan Daftar Aset sentiasa dikemas kini dan lengkap. Pemverifikasi aset seperti mesin cetak di peringkat Ibu Pejabat telah dijalankan oleh Unit Audit Dalam.
8.	Hutang tertunggak antara tahun 1993 hingga 1999 berjumlah RM7.8 juta terpaksa dihapus kira kerana ketiadaan dokumen sokongan, masalah *double billing* dan rekod pembayaran tidak dapat dikesan.	Kebanyakan hutang adalah daripada agensi-agensi Kerajaan. Tindakan untuk memperoleh tunggakan tersebut sedang dilaksanakan.
9.	Hukuman tatatertib tidak diuruskan dengan teratur. Sebahagian keputusan hukuman ditetapkan tanpa asas yang munasabah dan tidak setimpal.	Hukuman tatatertib telah diuruskan dengan berdasarkan prosedur yang ditetapkan iaitu Peraturan Etika Kerja, Kelakuan dan Tatatertib. Buat masa ini, PNMB sedang mengkaji semula prosedur tersebut untuk membuat pindaan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
10.	Pekerja pengeluaran tidak dibekalkan dengan alat perlindungan keselamatan. Permohonan Unit *Occupational, Safety and Health* (OSH) untuk membeli kasut keselamatan ditolak kerana tiada peruntukan. Persekitaran tidak kondusif, sempit, merbahaya dan terdedah kepada risiko kemalangan**.**	• Kasut keselamatan dan *ear plug* ada disediakan. Usaha untuk penambahbaikan ke atas persekitaran dan peralatan akan dikaji dan dilaksanakan dari masa ke semasa. • Jawatankuasa Keselamatan yang dipengerusikan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan bertanggungjawab ke atas aspek keselamatan PNMB telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dalam tahun 2006. Laporan Bulanan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sentiasa dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia.
11.	Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak berfungsi.	Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak dapat dibuat kerana PNMB mempunyai bilangan ahli Lembaga yang sedikit dan menganggotai pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa lain. Bagaimanapun, ahli Lembaga Pengarah telah membuat keputusan supaya Laporan Audit dibentangkan pada setiap Mesyuarat Lembaga Pengarah.

37.2. FELCRA Berhad

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Semakan mendapati FELCRA tidak mempunyai Manual Prosedur Kerja dan senarai tugas bagi kakitangannya juga tidak disediakan.	Manual Prosedur Kerja bagi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah disediakan. Senarai tugas bagi kakitangan telah juga disediakan.
2.	Pada umumnya, FELCRA tidak merancang atau menetapkan bilangan guna tenaga yang diperlukan oleh setiap bahagian/unit. Keperluan guna tenaga hanya dikenal pasti apabila ada bahagian/unit terlibat mengemukakan permohonan jawatan dari semasa ke semasa.	FELCRA telah menentukan keperluan norma perjawatan bagi setiap bahagian dan unit.
3.	FELCRA telah menyediakan rancangan korporat mengandungi visi, misi, polisi dan hala tuju syarikatnya. Bagaimanapun, rancangan korporat tersebut tidak menyatakan strategi perniagaan serta pelan tindakan untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Adalah diperhatikan rancangan korporat bagi subsidiari juga tidak disediakan.	Pelan Perniagaan Lima Tahun 2006 hingga 2010 telah disediakan dan strategi serta pelan tindakan sedang dilaksanakan.
4.	Proses menandatangani perjanjian pembangunan tanah antara FELCRA dengan peserta dijangka selesai pada akhir tahun 2006. Semakan Audit terhadap 178 perjanjian peserta mendapati 100 (57%) perjanjian yang telah ditandatangani lewat dimatikan setem antara 4 hingga 15 tahun.	Surat kuasa telah dikeluarkan kepada beberapa pegawai kanan FELCRA untuk menguruskan perjanjian.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
5.	Bahagian Tanah yang menguruskan perjanjian tidak mempunyai ruang simpanan yang mencukupi menyebabkan dokumen perjanjian peserta tidak disimpan dengan teratur.	Pelan lokasi baru Bahagian Tanah telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dalam tindakan penyediaan ruang.
6.	Semakan Audit mendapati FELCRA tidak mempunyai surat kuasa untuk mengendali dan menyimpan baja kimia seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 6, Peraturan Kawalan Bekalan 1974. Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan menyebabkan FELCRA boleh disabitkan kesalahan dengan dikenakan denda antara RM25,000 hingga RM50,000 dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dipenjarakan tidak melebihi tempoh 2 tahun.	Perbincangan telah diadakan dengan beberapa pihak seperti Jabatan Pertanian. FELCRA sedang merancang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.
7.	Semakan Audit mendapati tiada bukti kakitangan terdedah kepada aktiviti dan bahan berbahaya telah menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala seperti yang ditetapkan. Polisi/prosedur berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan tidak disediakan dan *Safety Officer* juga tidak dilantik.	Beberapa perbincangan telah diadakan dengan pihak Jabatan Keselamatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja.
8.	Lawatan ke Kilang Kelapa Sawit Jaya Putra, Pahang dan Sg. Melikai, Johor mendapati pelupusan bahan sisa tidak dilaksanakan dengan baik seperti mana yang disyaratkan dalam Perjanjian Pengkorporatan FELCRA serta kehendak *Environmental Quality (Dioxin dan Furan) Regulations* 2004. Bahan sisa iaitu tandan kosong yang telah diproses perlu dilupuskan dengan menggunakan sama ada *incinerator* jika kawasan pelupusan adalah terhad atau secara *land field* jika kawasan pelupusan adalah luas. Semakan Audit di kedua-dua kilang tersebut mendapati sungguhpun kawasan pelupusan adalah terhad, pelupusan secara *incinerator* tidak digunakan sebaliknya menggunakan kaedah *land field.*	Sebuah syarikat telah bersetuju untuk membeli tandan kosong untuk dilupuskan bagi menghasilkan tenaga. Dokumen kontrak sedang disediakan.
9.	Rawatan air *effluent* di Kilang Kelapa Sawit Jaya Putra, Pahang dibuat melalui sistem konvensional iaitu *'activated sludge system'*. Sehingga bulan September 2005, rawatan air *effluent* masih gagal mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 yang menetapkan takat pelepasan *Biological Oxygen Demand* yang dibenarkan adalah di bawah 100 *parts per million (ppm)*. Mengikut rekod kilang tersebut, takat pelepasan antara 46 *ppm* hingga 528 *ppm* menunjukkan rawatan air yang dilakukan masih tidak stabil. Antara sebab kejadian tersebut adalah kerana kegagalan sistem *collection of condensate oil* dan *sludge oil* di *sludge pit* serta mendapan *kaolin*. Sungguhpun pengurus kilang berkenaan telah	Kolam Pengoksidaan tersebut telah dibersihkan dan dibaiki. Kini efluen yang dilepaskan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem rawatan air *effluent* kepada pengurusan FELCRA, namun tidak ada sebarang keputusan dibuat.	
10.	Penjualan minyak sawit mentah dibuat melalui pasaran komoditi yang diuruskan oleh 3 broker atau agen yang dilantik oleh FELCRA. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sebanyak 693,163 tan metrik minyak sawit mentah bernilai RM952.67 juta telah diuruskan oleh broker/agen. Semakan Audit mendapati pelantikan broker/agen tersebut tidak teratur di mana pelantikan mereka tidak dibuat secara formal serta tiada perjanjian ditandatangani. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM347,182 telah dibayar sebagai komisen kepada broker/agen berkenaan.	Mesyuarat Pemberian Tender pada 23 Mac 2007 telah bersetuju melantik semula 3 agen terbabit. Surat perjanjian akan dikeluarkan tidak lama lagi.
11.	Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur mendapati:- - Tiada bukti yang menunjukkan bahawa lawatan dan mesyuarat tapak diadakan. Borang *Request For Inspection* juga tidak disediakan. - Faktor utama kelewatan pelaksanaan projek dan kualiti kerja yang kurang memuaskan adalah kerana kekurangan tenaga kerja di peringkat pejabat wilayah untuk merancang, menyelia dan memantau pelaksanaan projek.	Satu peraturan berkaitan pemantauan projek telah dikeluarkan oleh Bahagian Teknikal tetapi ianya masih belum diedarkan.
12.	Lawatan Audit ke Projek Ternakan Udang Harimau, Kg. Jenang, Terengganu yang dibiayai melalui pinjaman Kerajaan berjumlah RM4.40 juta mendapati hanya 5 daripada 40 kolam telah dibina dan beroperasi. Tanah seluas 40 hektar yang akan menempatkan 35 kolam masih belum dibersihkan. Semakan Audit mendapati keputusan tender bagi memilih kontraktor untuk membina 35 kolam tersebut masih belum dibuat sungguhpun ia telah dibentangkan sebanyak 3 kali dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Felcra Agro Industry Sdn. Bhd.	Kontrak telah ditawarkan kepada kontraktor Bumiputera yang merupakan seorang peserta FELCRA dan kerja pembersihan tanah telah dimulakan.
13.	Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Kg. Serucup, Tuaran, Sabah yang dibiayai melalui pinjaman Kerajaan berjumlah RM5.34 juta telah diserahkan oleh Felcra Agro Industry Sdn. Bhd. kepada Get Peng Enterprise untuk dilaksanakan. Bagaimanapun, tiada sebarang perjanjian ditandatangani antara kedua-dua pihak.	Kini, Felcra Agro sendiri menguruskan projek ini dan menjual ikan tersebut kepada Get Peng Enterprise.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
14.	Adalah diperhatikan hanya penubuhan 3 daripada 18 subsidiari mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Subsidiari-subsidiari itu ialah Felcra Agro Industry Sdn. Bhd., Felcra Balingan Plantation Sdn Bhd dan Felcra Sundar Awat-Awat Plantation Sdn. Bhd. Manakala penubuhan 15 subsidiari yang lain hanya diperakukan oleh Lembaga Pengarah FELCRA. Semakan Audit mendapati penubuhan subsidiari dibuat dari semasa ke semasa tanpa ada perancangan yang teliti dan justifikasi yang kukuh seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993. Mengikut Pekeliling ini, Lembaga Pengarah perlu memastikan setiap penubuhan subsidiari mempunyai justifikasi kukuh dan aktiviti yang dijalankan oleh subsidiari baru itu tidak boleh dilaksanakan oleh syarikat induk/subsidiari lain.	FELCRA mengambil maklum perkara ini dan akan memastikan setiap subsidiari menjalankan aktiviti utama sejajar dengan objektif penubuhannya.
15.	Pada umumnya, pemilihan kontraktor bagi aktiviti pengurusan ladang dan pembangunan infrastruktur diberikan terus kepada syarikat subsidiari untuk dilaksanakan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005, sebanyak 72% daripada kontrak yang dilaksanakan telah diberikan kepada subsidiari dan hanya 28% kepada Koperasi Peserta Rancangan dan pihak ketiga/luar. Semakan lanjut terhadap daftar kontrak subsidiari bagi tahun 2005 mendapati antara 70% hingga 90% daripada kerja kontrak yang telah diserahkan kepada subsidiari disubkontrakkan pula kepada pihak lain. Amalan ini adalah bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan yang melarang penglibatan subsidiari dalam tawaran sebut harga yang dikendalikan oleh syarikat induk.	Amalan ini masih diteruskan.
16.	Semakan terhadap baucar bayaran di Ibu Pejabat FELCRA mendapati 80% daripada baucar tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Pembayaran dibuat hanya berdasarkan kepada memo yang diluluskan oleh Ketua Bahagian yang terlibat.	FELCRA telah mengambil tindakan susulan dengan memastikan setiap baucar bayaran dilengkapi dengan dokumen sokongan.
17.	Sejumlah RM4.77 juta telah dibelanjakan untuk menjelaskan bil telefon dan sewa talian bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Semakan Audit mendapati walaupun satu garis panduan mengenai penggunaan telefon bimbit telah dikeluarkan tetapi tiada pihak memantau had penggunaannya. Semakan Audit selanjutnya terhadap 66 talian telefon bimbit yang sedang digunakan bagi tempoh bulan Januari hingga September 2005 mendapati 32 talian melebihi had maksimum yang ditetapkan dengan sejumlah RM31,469.	Surat menghadkan penggunaan telefon bimbit telah dikeluarkan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
18.	Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, sejumlah RM5.56 juta telah dibelanjakan untuk minyak kenderaan di mana peningkatan yang ketara sehingga 74% berlaku pada tahun 2005. Sejumlah RM47,600 telah dibelanjakan untuk bayaran tol bagi tempoh yang sama. Penggunaan minyak dan bayaran tol di peringkat Ibu Pejabat FELCRA tidak dipantau oleh mana-mana pihak. Semakan Audit juga mendapati tiada polisi atau peraturan yang menetapkan tatacara dan had penggunaan minyak dan tol. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada sesuatu perjalanan yang dibuat adalah atas urusan rasmi atau tidak kerana rekod berkaitan tidak diselenggarakan.	• Laporan Bulanan Penggunaan Minyak telah disediakan setiap bulan dan dipantau rapi oleh bahagian yang terlibat. • Pihak FELCRA telah mengeluarkan Arahan Kewangan Bil.1/2007 bertarikh 29 Mac 2007 berkaitan Pendahuluan/Pembelian Kad *Touch & Go* di mana tuntutan penggunaannya perlu disediakan.
19.	Perbelanjaan penyenggaraan kenderaan di Ibu Pejabat FELCRA tidak dikawal selia oleh mana-mana pihak dan Pegawai Kenderaan juga tidak dilantik. Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas kenderaan disenggarakan dan invois diterima daripada syarikat terlibat. Semakan terhadap penyenggaraan kenderaan di Ibu Pejabat FELCRA mendapati sebanyak 13 daripada 55 kenderaan terlalu kerap disenggarakan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM171,207.	Tatacara senggaraan kenderaan telah diperkemas dengan mengeluarkan surat arahan baru pada bulan September 2006.
20.	Tiada satu prosedur diwujudkan berhubung dengan pelantikan Pengarah Subsidiari FELCRA. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sejauh mana proses pencalonan Ahli Lembaga Pengarah Subsidiari telah dijalankan dengan teratur dan telus. Semakan juga mendapati Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan 23 Pegawai Pengurusan Kanan FELCRA menganggotai Lembaga Pengarah subsidiari bagi 10 subsidiari yang disemak. Tidak ada bukti menunjukkan peranan Ahli Lembaga Pengarah Induk dan subsidiari dinilai dari semasa ke semasa. Penilaian terhadap prestasi Ahli Lembaga Pengarah perlu dibuat bagi memastikan sumbangan mereka kepada syarikat adalah setimpal dengan ganjaran yang diperolehi. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2004, elaun, gaji dan ganjaran Ahli Lembaga Pengarah telah meningkat daripada RM0.53 juta kepada RM1.11 juta. FELCRA perlu menetapkan kriteria penilaian atau petunjuk tertentu/*Key Performance Indicator* untuk membolehkan penilaian dibuat dengan lebih berkesan.	*Key Performance Indicator* telah dikenal pasti dan setiap bahagian dan jabatan akan dinilai mengikut kriteria yang ditetapkan.
21	Semakan Audit di Kementerian Kewangan mendapati tidak ada satu polisi/peraturan dikeluarkan berkaitan pemberian honorarium. Mengikut FELCRA, honorarium dibayar berdasarkan kepada keuntungan yang diperolehi oleh FELCRA dan subsidiarinya.	FELCRA akan mengguna pakai *The Green Book* sebagai panduan bagi pembayaran honorarium.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
22.	Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menggariskan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu diwujudkan dengan menetapkan maksimum 5 orang di mana 2 daripada ahli tersebut perlu daripada orang luar yang tiada kaitan dengan syarikat. Pekeliling ini juga menetapkan sekurang-kurangnya seorang ahli perlu mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang audit dan perakaunan. Semakan mendapati semua ahli Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan adalah Ahli Lembaga Pengarah Induk dan tiada antara mereka mempunyai kelayakan berkaitan perakaunan seperti yang ditetapkan.	Lembaga Pengarah masih belum melantik pengarah yang berkelayakan seperti yang ditetapkan dalam pekeliling.
23.	Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan melalui Unit Audit Dalam telah mengenal pasti 5 kes salah urus yang menyebabkan kerugian kepada FELCRA berjumlah RM61.92 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2004. Tindakan penyelesaian terhadap penemuan audit ini masih belum diputuskan walaupun perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan Ketua Eksekutif perlu memastikan tindakan pembetulan diambil dalam tempoh 30 hari selepas mesyuarat Lembaga Pengarah membincangkannya.	Kesemua kes yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam telah diselesaikan dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan memastikan setiap isu yang dibangkitkan dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga dengan segera.
24.	Unit Audit Dalam FELCRA perlu menjalankan pengauditan pengurusan kewangan dan aktiviti yang melibatkan 168 pejabat kawasan, 9 pejabat wilayah, 31 unit di Ibu Pejabat dan 18 syarikat subsidiari serta 1 syarikat bersekutu. Permohonan untuk menambah seramai 33 kakitangan telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan diluluskan pada tahun 2003. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, hanya 14 jawatan telah diisi. Pada pandangan Audit, kakitangan yang secukupnya perlu diisi bagi memastikan fungsi audit dalaman dijalankan dengan cekap dan berkesan.	Sejumlah 23 daripada 33 jawatan telah diisi. Pengambilan kakitangan baru masih dijalankan.
25.	• Daftar Aset yang diselenggarakan tidak lengkap dan tidak kemas kini. Maklumat aset yang diambil daripada Sistem Maklumat Aset berbeza dengan maklumat yang dikemukakan oleh pihak pentadbiran. Maklumat aset di Daftar Aset yang disediakan oleh pihak Ibu Pejabat dengan pejabat wilayah yang dilawati juga tidak sama dan tidak dibuat penyelarasan. • Pemeriksaan aset dan stok tidak pernah dijalankan oleh FELCRA di peringkat Ibu Pejabat, pejabat wilayah dan pejabat	• Jawatankuasa Aset telah ditubuhkan pada bulan Mac 2007 dan telah bermesyuarat sebanyak 2 kali. Tatacara Pengurusan Aset juga telah disediakan. Pemeriksaan fizikal terhadap semua aset akan dijalankan antara bulan April – Jun 2007.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
	kawasan. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan oleh pihak Audit berdasarkan Sistem Maklumat Aset mendapati 85 daripada 208 aset yang diaudit bernilai RM859,652 tidak dapat disahkan kewujudannya di lokasi yang dinyatakan. • FELCRA telah membeli 3 lot rumah banglo di Sepang yang bernilai RM663,112 pada tahun 2002. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan tujuan sebenar perolehan aset ini dan sehingga kini banglo tersebut tidak diduduki mahu pun disenggarakan.	• Tujuan pembelian 3 lot banglo tersebut adalah untuk digunakan sebagai rumah istirehat pegawai dan kawasan banglo telah dibersihkan.
26.	Terma dan syarat perkhidmatan yang diluluskan menetapkan FELCRA boleh membayar wang tunai kepada kakitangan bagi faedah gantian cuti rehat tahun lepas yang tidak dapat dihabiskan tertakluk kepada maksimum 15 hari. Bagaimanapun, tiada pemeriksaan terhadap rekod cuti dijalankan dari semasa ke semasa untuk memastikan baki cuti yang direkodkan adalah betul agar pembayaran wang tunai bagi faedah gantian cuti rehat dibuat dengan tepat. Bagi tempoh tahun 2003 dan 2004, sejumlah RM3.32 juta telah dibelanjakan untuk tujuan ini.	Rekod cuti bahagian telah diselenggarakan dengan teratur.

37.3. Perbadanan Nasional Berhad

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	• Bahagian Penstrukturan Dan Pemantauan Korporat dan Jabatan Pengurusan Hartanah adalah bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memantau aktiviti utama Perbadanan Nasional Berhad (PNS). Oleh itu, jawatan Pengurus Besar dan Eksekutif perlu diisi segera. • PNS juga perlu mengkaji semula keperluan perjawatannya untuk disesuaikan dengan beban tugas bagi setiap Bahagian/Jabatan/ Unit sedia ada.	• Jawatan Pengurus Besar Bahagian Penstrukturan Dan Pemantauan Korporat (kini dinamakan Bahagian Penstrukturan dan Pengurusan Aset) telah diisi pada 1 Disember 2005. Manakala jawatan Eksekutif Jabatan Pengurusan Hartanah telah diisi pada 1 Mac 2006. • Sehingga 14 Mac 2007, PNS telah diluluskan pertambahan 27 jawatan.
2.	Bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman, usaha untuk menghantar kakitangan menghadiri latihan yang bersesuaian perlu dipertingkatkan.	Sehingga bulan Februari 2007, PNS telah menghantar lebih daripada 76 pegawai dan kakitangannya menghadiri kursus bagi mempertingkatkan kemahiran mereka.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
3.	PNS perlu menyediakan satu dokumen rancangan korporat yang formal yang antara lain mengandungi visi, misi, objektif, strategi, analisa pelan perniagaan seperti analisis persekitaran, pasaran dan industri serta pelan tindakan di samping belanjawan syarikat. Dokumen ini perlu disampaikan kepada semua kakitangan sebagai panduan bagi mencapai matlamat perniagaan syarikat.	Pihak pengurusan PNS kini mengguna pakai *Francais Blue Print* sebagai dokumen asas kepada Perancangan Korporat PNS. Pelan ini yang mengandungi agenda, prestasi serta strategi perniagaan dan pelaksanaan program PNS bagi tempoh 2006 hingga 2010 telah dibentangkan kepada Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi pada 27 Februari 2006.
4.	Bagi mempertingkatkan pengurusan aktiviti PNS, adalah dicadangkan garis panduan mengenai pengurusan kewangan, pengurusan aset dan pengurusan terhadap syarikat bermasalah diwujudkan.	PNS telah mewujudkan Jabatan Sistem Dan Kaedah yang bertindak untuk membangunkan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang menyeluruh. Mulai bulan Jun 2006, PNS telah menyediakan 22 SOP dan sedang menyiapkan 4 yang lain untuk kelulusan pihak pengurusan sebelum diguna pakai oleh setiap jabatan.
5.	• Prestasi aktiviti PNS perlu dipertingkatkan. Sasaran pendapatan yang ditetapkan perlu dikaji semula agar lebih realistik selaras dengan keupayaan sumber sedia ada dan faktor persekitaran semasa. • Sehingga bulan Disember 2004, sebanyak 112 syarikat telah diberi pembiayaan berjumlah RM580.83 juta. Bagaimanapun, hanya 21 syarikat telah menjelaskan pinjaman mereka sepenuhnya kepada PNS. Manakala baki pinjaman berjumlah RM102.55 juta telah dihapus kira sebagai hutang lapuk dan RM273.72 juta pula dijangka tidak dapat dipungut.	• Pada tahun 2006, Rancangan Perniagaan yang lebih realistik telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNS di mana sasaran pendapatan bersih dianggar meningkat sebanyak 80% sementara keuntungan sebelum cukai juga disasarkan untuk meningkat kepada RM84.2 juta. • Sehingga bulan Februari 2007, pihak pengurusan PNS telah mengambil tindakan seperti tindakan undang-undang dan penyusunan semula pembayaran terhadap 68 syarikat yang gagal membuat bayaran balik pinjaman.
6.	Jawatan Setiausaha Syarikat PNS tidak diisi mulai April 2005. Adalah penting bagi PNS mengisi jawatan ini dengan segera kerana selain terlibat dalam mengendalikan urusan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan menyediakan minit mesyuarat utama syarikat, Setiausaha Syarikat PNS turut bertindak sebagai penasihat perundangan syarikat.	Jawatan Setiausaha Syarikat telah diisi pada bulan Oktober 2005.
7.	Memandangkan Audit Dalaman merupakan salah satu mekanisme utama untuk memastikan keberkesanan kawalan dalaman PNS, tugasan ini memerlukan penglibatan pegawainya sepenuh masa dan tidak seharusnya diserahkan kepada konsultan luar. Oleh itu, PNS perlu mengisi jawatan di Unit Audit Dalaman secara tetap.	Unit Audit Dalaman telah diaktifkan semula mulai bulan September 2006 dan telah menjalankan 4 siasatan. Oleh kerana hanya 1 pegawai ditempatkan di unit ini, PNS masih lagi menggunakan khidmat Tetuan Abu Bakar Rajudin sebagai Juruaudit Dalaman dan bayaran perkhidmatan dibuat mengikut tugas yang disiapkan.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
8.	PNS perlu membuat tuntutan baki dividen berjumlah RM119.18 juta yang patut diserahkan kepadanya.	Pihak PNS sedang mengambil tindakan mahkamah dengan melantik Tetuan Shearne Delamore untuk menuntut baki dividen itu.
9.	PNS memperolehi hartanah bernilai RM569.25 juta di beberapa lokasi strategik untuk dibangunkan. Hartanah di Bangi dan Pulau Rebak Langkawi belum ditukar hak miliknya kepada PNS.	Hak milik bagi tanah di Bangi dan Pulau Rebak Langkawi dalam proses pertukaran hak milik.
10.	Mekanisme yang diwujudkan untuk memantau aktiviti PNS pada umumnya adalah memadai kecuali pemantauan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi perlu dipertingkatkan.	Pelantikan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi sebagai Ahli Lembaga Pengarah PNS telah dibuat pada bulan November 2005 bagi memantau aktiviti dan prestasi PNS. Selain itu, PNS juga mengedarkan laporan berkala kepada Kementerian berkenaan mengenai pelaburan yang berkaitan melalui Laporan Prestasi Dana-dana Usahawan seperti Program Francais Siswazah dan Program Francais Wanita.

37.4. Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
1.	Unit Audit Dalam telah diwujudkan tetapi kakitangan yang khusus masih belum dilantik bagi menjalankan fungsi Audit Dalam. Pengisian kakitangan Unit Audit Dalam adalah penting untuk mengawasi dasar dan sistem perakaunan serta kawalan dalaman pengurusan syarikat.	Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. (CTRM) telah melantik firma A.Razak & Co. untuk tugas Audit Dalaman. Draf Laporan Audit Dalaman yang pertama telah diterima pada bulan Februari 2007.
2.	Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan belum lagi ditubuhkan seperti mana yang dikehendaki mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993. Penubuhan jawatankuasa ini adalah penting bagi memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat dengan menyemak rancangan dan laporan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan diambil segera terhadap kelemahan pengurusan yang dilaporkan.	Jawatankuasa Audit di peringkat Lembaga Pengarah telah ditubuhkan sejak bulan September 2006.
3.	Bagi 4 subsidiari iaitu CTRM Composite Manufacturing Sdn. Bhd., CTRM Automotive Sdn. Bhd., Pacific Aviation Composites (Malaysia) Sdn. Bhd. dan CTRM-FACB Konsortium Sdn. Bhd., didapati kesemuanya tidak aktif sejak tahun 2000. Adalah juga didapati penubuhan CTRM-FACB Konsortium Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek pembangunan dan pembinaan adalah tidak selaras dengan objektif utama CTRM.	CTRM sedang menjalankan proses penggulungan syarikat yang tidak aktif termasuk 2 anak syarikat subsidiari dan juga syarikat CTRM- FACB Consortium Sdn. Bhd. yang mana CTRM memiliki 60% kepentingan. Proses ini dijangka akan mengambil masa lebih kurang 1 hingga 1½ tahun .

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
4.	CTRM tidak mempunyai dasar dan prosedur yang jelas tentang pengedaran maklumat mengenai dasar dan polisi syarikat yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Kementerian Kewangan untuk makluman kakitangan di Ibu Pejabat dan subsidiarinya.	Prosedur sebelum dan selepas Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diguna pakai di mana semua keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah disebarkan kepada bahagian/pegawai untuk diambil tindakan.
5.	Pengurusan risiko merupakan aspek yang penting dalam operasi perniagaan seumpama CTRM kerana produk yang dikeluarkannya terdedah kepada risiko perundangan yang tinggi. Bagaimanapun, CTRM tidak menyediakan pelan pengurusan risikonya.	Draf Prosedur Pengurusan Risiko sedang disediakan.
6.	Pada bulan Oktober 2002, CTRM telah menandatangani kontrak bernilai RM592.70 juta dengan Syarikat Airbus untuk membekalkan komponen pesawat A380 bagi tempoh 10 tahun. Semakan Audit mendapati CTRM masih belum mengambil insurans tanggungan produk, insurans am tanggungan perundangan selaras dengan kehendak kontrak.	Insurans tanggungan produk, insurans am tanggungan perundangan telah diambil dan perlindungan insurans yang terkini ialah sehingga 16 Ogos 2007.
7.	CTRM menyerahkan kerja pengeluaran komponen pesawat A380 kepada subsidiarinya iaitu CTRM Aero Composites Sdn. Bhd. yang beroperasi di Batu Berendam, Melaka. Bagaimanapun, didapati CTRM masih belum menandatangani kontrak dengan CTRM Aero Composites Sdn. Bhd.	Kontrak dengan CTRM Aero Composites Sdn Bhd telah ditandatangani pada 9 Mei 2005.
8.	CTRM juga telah menandatangani kontrak dengan BAE Systems (Operations) Limited bagi membekalkan komponen pesawat A320 dengan kontrak bernilai RM750 juta bagi tempoh tahun 2002 hingga 2010. Antara syarat kontrak tersebut ialah CTRM dikehendaki membeli insurans tanggungan produk dan insurans am tanggungan perundangan pihak ketiga dengan nilai tidak kurang daripada USD200 juta. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati CTRM masih belum membeli kedua-dua insurans yang dikehendaki oleh syarat kontrak.	Perlindungan insurans yang terkini ialah sehingga 16 Ogos 2007.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
9.	CTRM melalui CTRM Aviation Sdn. Bhd. juga terlibat dengan kerja penyenggaraan ke atas 3 pesawat *Eagle* ARV yang dimiliki Kementerian Pertahanan berdasarkan kontrak yang telah ditandatangani pada bulan Disember 2002 bernilai RM15.50 juta. Kerja penyenggaraan ini dijalankan di Pangkalan Udara Labuan. Semakan Audit mendapati sungguhpun kontrak penyenggaraan pesawat tersebut telah tamat pada bulan November 2004, namun sehingga bulan Disember 2005, CTRM Aviation Sdn. Bhd. masih terus membuat kerja penyenggaraan tanpa mengenakan bayaran.	Pihak Kerajaan telah bersetuju untuk memberi sumbangan ex gratia RM7.9 juta kepada CTRM disebabkan penamatan kontrak penyenggaraan *Eagle* ARV.
10.	Sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2004, tiada sebarang laporan analisis pemasaran CTRM dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah untuk mendapatkan pandangan dan nasihat.	CTRM telah menyediakan pelan perniagaan bagi tahun 2006 hingga 2015 yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
11.	Sistem *Enterprise Resources Planning* (ERP) yang telah dibeli pada tahun 2003 hanya digunakan sepenuhnya oleh subsidiari CTRM pada tahun 2004. Manakala Bahagian Kewangan CTRM mula menggunakan sistem ini pada tahun 2005. Kejayaan pelaksanaan sistem ERP adalah bergantung kepada keseimbangan teknologi, organisasi dan keperluan kakitangan. Semakan Audit mendapati pembelian sistem yang melibatkan beberapa modul ini tidak termasuk perisian *business intelligence*. Perisian *business intelligence* adalah diperlukan untuk tujuan mempercepatkan proses percetakan laporan. Ketiadaan perisian ini menyebabkan laporan seperti lejar am, baucar jurnal dan senarai baucar tidak dapat dijana dengan cepat dan tepat untuk tujuan rujukan dan semakan.	Perancangan untuk membeli perisian *business intelligence* dalam tahun 2005 telah ditunda ke belanjawan tahun 2007 disebabkan masalah kewangan dan keutamaan diberikan kepada perbelanjaan operasi yang lain.
12.	CTRM masih belum membuat pembayaran balik terhadap pinjaman yang diterima daripada Kerajaan sungguhpun sejumlah RM1.84 juta perlu dijelaskan mulai bulan Disember 2000. Semakan Audit mendapati CTRM juga telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk menjadualkan semula pembayaran balik pinjaman yang telah diperolehi.	Penjadualan semula bayaran balik pinjaman telah mendapat maklum balas daripada Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 10 Januari 2007. Namun begitu, proses penukaran pinjaman kepada ekuiti dan *Redeemable Cumulative Preference Shares* (RCPS) memerlukan kelulusan Parlimen.
13.	Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1995 menetapkan setiap Syarikat Kerajaan yang menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan bagi setiap perolehan yang dilakukan. Semakan Audit mendapati CTRM tidak mempunyai Jawatankuasa Tender bagi menguruskan perolehannya.	Jawatankuasa Tender telah ditubuhkan dalam tahun 2006.

BIL.	ISU BERBANGKIT	KEDUDUKAN MASA KINI
14.	Semakan terhadap 4,387 baucar bayaran dan baucar jurnal bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 mendapati sebanyak 526 baucar bayaran yang bernilai RM3.88 juta tidak mempunyai maklumat lengkap dan tiada dokumen sokongan. Manakala bagi 860 baucar bernilai RM15.25 juta, tiada bukti yang menunjukkan bahawa kelulusan telah diberi oleh pegawai yang bertanggungjawab. Adalah diperhatikan CTRM juga tidak mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi penyenggaraan kenderaan serta penggunaan petrol, perjalanan dalam dan ke luar negara serta keraian.	*Group Limit Of Authority (LOA) Manual* telah disediakan. Tarikh kuat kuasa ialah pada 16 Januari 2007.
15.	CTRM perlu mengemas kini fail peribadi pekerja serta memastikan setiap pekerja mempunyai senarai tugas yang disahkan oleh pengurusan.	*Standard Operating Prosedures* mengenai penyelenggaraan rekod kakitangan telah disediakan. Tarikh kuat kuasa ialah pada 01 Februari 2007.
16.	CTRM perlu mewujudkan polisi dan peraturan mengenai pergerakan asetnya. Setiap pergerakan aset antara syarikat induk dengan subsidiari hendaklah direkodkan dengan teratur dan kemas kini bagi tujuan kawalan.	CTRM dalam proses mengemas kini daftar pergerakan aset.

PENUTUP

PENUTUP

Seperti pada tahun-tahun yang lalu, Kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk melaksanakan pelbagai aktiviti bagi tujuan pembangunan negara dan mempertingkatkan taraf hidup rakyat. Matlamat ini hanya dapat dicapai jika setiap aktiviti tersebut dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan. Pada umumnya, Kementerian/Jabatan merancang aktiviti-aktiviti di bawah tanggungjawab mereka, namun dari segi pelaksanaan dan pemantauannya masih terdapat beberapa kelemahan yang mana jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti berkenaan. Sehubungan ini, adalah diberikan beberapa cadangan untuk menghindari kelemahan-kelemahan ini daripada berterusan berlaku :-

a. Peringkat Perancangan

i. ***Feasibility studies* (kajian kemungkinan)** yang meliputi analisis teknikal, analisis kewangan, ekonomi, sosial dan kesan kepada alam sekitar perlu dilaksanakan sebelum projek yang melibatkan kos melebihi RM100 juta diluluskan untuk pelaksanaan.

ii. Unit Perancang Ekonomi menyediakan peruntukan ***launching grant*** untuk Kementerian/jabatan/agensi melaksanakan kajian awal (*preliminary studies)* tapak projek. Ini dapat mengelakkan daripada timbulnya isu-isu yang berkaitan dengan ketidaksesuaian tapak atau lokasi projek.

iii. ***Integrated planning*** antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek-projek yang besar. Contohnya semua *stakeholders* seperti Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas.

iv. **Pengguna perlu dilibatkan** dari awal perancangan sehingga ke peringkat projek ditawarkan kepada kontraktor. Pandangan pengguna hendaklah diambil kira semasa menyediakan spesifikasi kontrak berhubung dengan kerja/kemudahan atau peralatan yang diperlukan.

v. Bagi projek-projek yang dilaksanakan secara *design and built*, syarat kontrak berkenaan juga perlu memasukkan peruntukan yang menghendaki kontraktor menjalankan kerja-kerja penyenggaraan untuk beberapa tahun dari tarikh tamat tempoh tanggungan kecacatan projek. Ini bukan sahaja memastikan peruntukan penyenggaraan yang mencukupi disediakan malah akan menggalakkan kontraktor lebih komited terhadap kerja-kerja pembinaannya.

b. Peringkat Pelaksanaan Dan Pemantauan Projek

i. *Standard Operating Procedure* (SOP) perlu diwujudkan bagi melicinkan pelaksanaan projek sama ada melalui kaedah *conventional* atau pun *design and built*. Antara lain, SOP perlu menetapkan Jawatankuasa Pemandu diwujudkan bagi membincangkan perihal projek-projek yang bernilai melebihi RM15 juta dan mesyuarat bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak Istana, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Tanah dan lain-lain diadakan untuk mendapatkan *endorsement* mereka sebelum memulakan projek.

ii. Bagi projek yang dilaksanakan secara *design and built*, **rundingan harga** perlu dilaksanakan dengan berpandukan kepada kadar harga JKR, **skop projek** hendaklah ditentukan dengan jelas dan JKR dipertanggungjawabkan untuk menjalankan ***Quality Audit*** terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.

iii. Kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu mempunyai **tenaga pakar** yang mencukupi untuk tujuan merancang, melaksana dan memantau. Bagi tujuan tersebut, beberapa perkara berikut perlu diberi perhatian:-

- Kementerian/jabatan/agensi Kerajaan perlu mempunyai **pasukan pengurusan projek dalaman sendiri (*in-house project management team*)** dan tidak boleh menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab tersebut kepada perunding sama ada yang dilantik oleh Kerajaan atau kontraktor. Bagi tujuan ini, Unit Teknikal di sesebuah Kementerian/jabatan/agensi patutlah ditambah bilangannya dan peruntukan kewangan yang mencukupi disediakan.

- Setiap pegawai patut diberi **latihan dan pengetahuan yang khusus dalam bidang perolehan** selaras dengan bidang tugas mereka supaya dapat melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan.

iv. Kementerian/jabatan/agensi pelaksana perlu memastikan kontraktor melaksanakan projek mengikut spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Jika kontraktor gagal mematuhinya, tindakan mengenakan denda atau menamatkan perkhidmatan kontrak perlu diambil ***without any fear***. Senarai kontraktor yang terlibat perlu dikemukakan kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk disenaraihitamkan. Bagi melantik kontraktor baru untuk menyiapkan projek sakit, **kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2006 berhubung dengan peraturan pelantikan kontraktor penyiap bagi projek sakit perlu dipatuhi.**

v. Ahli-ahli profesional seperti juru perunding, arkitek, jurutera dan juruukur yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cekap dan menyebabkan projek yang dilaksanakan tidak berkualiti serta mendedahkan Kerajaan kepada risiko kerugian hendaklah dikenakan penalti atau disyorkan keahlian dibatalkan oleh Lembaga Profesional yang berkenaan. Perkara ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam syarat kontrak.

vi. Bagi memantau perolehan aset dan bekalan serta perkhidmatan, **Unit Audit Dalam** perlu menyemak sama ada Kementerian/jabatan/agensi pelaksana mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan berhubung dengan perolehan yang berkaitan dari semasa ke semasa sepanjang pelaksanaannya.

vii. **Penggiliran tugas** perlu dilaksanakan di kalangan pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perolehan bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang penyalahgunaan kuasa yang boleh membawa kepada pembaziran wang awam. **Tindakan surcaj** diambil terhadap pegawai yang cuai melaksanakan tanggungjawabnya.

viii. **Perolehan peralatan hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan**. Bagi tujuan ini, jadual bekalan peralatan perlu disediakan bagi mengelakkan peralatan tidak dapat digunakan, terdedah kepada kerosakan dan kecurian serta tempoh waranti tamat sebelum digunakan.

ix. Laporan berhubung dengan pencapaian prestasi aktiviti Kementerian/jabatan/ syarikat yang berpandukan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) hendaklah disediakan dan dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan masing-masing. Laporan prestasi tersebut patutlah dimaklumkan kepada orang awam sebagai bukti wujudnya akauntabiliti dan *transparency* pengurusan wang awam.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

28 Jun 2007